
KITAB MORMON

SATU LAGI KESAKSIAN
TENTANG YESUS KRISTUS

KITAB MORMON

SATU LAGI
KESAKSIAN
TENTANG
YESUS KRISTUS

**For Non-Muslim Only
For Church Use**

**For Non-Muslim Only
For Church Use**

© 2013 oleh Intellectual Reserve, Inc.
Hak Cipta Terpelihara
Printed in the United States of America 3/2013
19962013
Translation of the Book of Mormon
Malay

KITAB MORMON

LAPORAN YANG DITULIS OLEH

TANGAN MORMON

DI ATAS KEPINGAN-KEPINGAN YANG

DIAMBIL DARI KEPINGAN-KEPINGAN NEFI

Kerana itu, ia adalah sebuah ringkasan dari catatan bangsa Nefi, dan juga bangsa Laman—Ditulis bagi Bangsa Laman, yang merupakan sisa bani Israel; dan juga bagi Bangsa Yahudi dan Bangsa Bukan Israel—Ditulis dengan cara perintah, dan juga melalui roh nubuat dan wahyu—Ditulis dan dimeteraikan, dan disembunyikan bagi Tuhan, agar tidak dihancurkan—Akan datang melalui kurnia dan kuasa Tuhan untuk penafsirannya—Dimeteraikan oleh tangan Moroni, dan disembunyikan bagi Tuhan, untuk datang pada waktu yang tepat melalui Bangsa Bukan Israel—Penafsirannya melalui kurnia Tuhan.

Sebuah ringkasan yang juga diambil dari Kitab Eter, yang merupakan sebuah catatan tentang bangsa Yared, yang dicerai-beraikan pada waktu Tuhan mengacaukan bahasa bangsa itu, ketika mereka sedang membina sebuah menara untuk mencapai syurga—Yang adalah untuk memperlihatkan kepada sisa bani Israel hal-hal besar apa yang telah Tuhan lakukan bagi nenek moyang mereka; dan agar mereka boleh mengetahui perjanjian-perjanjian Tuhan, agar mereka tidak disingkirkan untuk selamanya—Dan juga untuk meyakinkan Bangsa Yahudi dan Bangsa Bukan Israel bahawa YESUS IALAH KRISTUS, TUHAN YANG ABADI, yang menyatakan diri-Nya kepada semua bangsa—Dan sekarang, jika ada kesalahan itu adalah kesilapan manusia; kerana itu, janganlah mengecam hal-hal Tuhan, supaya kamu boleh didapati tanpa noda pada kerusi penghakiman Kristus.

Terjemahan Asli dari kepingan-kepingan emas ke dalam Bahasa Inggeris oleh Joseph Smith, Jun.

Edisi Pertama Bahasa Inggeris diterbitkan di Palmyra, New York, AS, pada tahun 1830

Diterbitkan oleh
Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir
Salt Lake City, Utah, AS

PENGENALAN

Kitab Mormon adalah sejilid tulisan suci kudus yang setanding dengan Alkitab. Ia adalah sebuah catatan tentang urusan Tuhan dengan para penduduk Benua Amerika zaman dahulu dan mengandungi seperti juga Alkitab, kegenapan Injil kekal.

Kitab ini ditulis oleh banyak nabi zaman dahulu melalui roh nubuat dan wahyu. Perkataan mereka, yang ditulis di atas kepingan-kepingan emas, telah dipetik dan diringkaskan oleh seorang nabi sejarawan bernama Mormon. Catatan itu memberi laporan tentang dua peradaban besar. Yang satu datang dari Yerusalem pada tahun 600 S.M., dan sesudahnya terpisah menjadi dua bangsa, dikenali sebagai Bangsa Nefi dan Bangsa Laman. Yang lain datang jauh lebih awal ketika Tuhan mencelarkan bahasa-bahasa di Menara Babel. Kumpulan ini dikenali sebagai Bangsa Yared. Selepas beribu-ribu tahun, semuanya dihancurkan kecuali Bangsa Laman, dan mereka berada di kalangan nenek moyang kaum asli Amerika.

Peristiwa kemuncak yang tercatat dalam Kitab Mormon adalah pelayanan peribadi Tuhan Yesus Kristus di kalangan Bangsa Nefi tidak lama selepas kebangkitan-Nya. Ia menerangkan ajaran ajaran Injil, menggariskan rencana keselamatan, dan memberitahu manusia apa yang mesti mereka lakukan untuk memperoleh kedamaian dalam kehidupan ini dan keselamatan abadi dalam kehidupan yang akan datang.

Selepas Mormon menyelesaikan tulisan-tulisannya, dia menyerahkan laporan itu kepada anak lelakinya Moroni, yang menambahkan beberapa kata miliknya sendiri dan menyembunyikan kepingan-kepingan tersebut di bukit Kumora. Pada 21 September 1823, Moroni yang sama, yang pada waktu itu makhluk yang dimuliakan, yang dibangkitkan, menampakkan diri kepada Nabi Joseph Smith dan memberinya tunjuk ajar berhubungan dengan catatan purba dan penterjemahannya yang ditakdirkan ke dalam bahasa Inggeris.

Tiba masanya kepingan-kepingan itu diserahkan kepada Joseph Smith, yang menterjemahkannya melalui kurnia dan kuasa Tuhan. Catatan tersebut sekarang diterbitkan dalam banyak bahasa sebagai suatu kesaksian baru dan tambahan bahawa Yesus Kristus adalah Putera Tuhan yang hidup dan bahawa semua orang yang mahu datang kepadanya dan mematuhi hukum dan tatacara Injil-Nya boleh diselamatkan.

Tentang catatan ini Nabi Joseph Smith berkata: " Aku telah memberitahu para saudara bahawa Kitab Mormon adalah yang paling benar dari kitab apa pun di atas bumi, dan batu kunci agama kita, dan seseorang akan menjadi lebih dekat kepada Tuhan dengan menuruti ajaran ajarannya, lebih daripada kitab lain apa pun."

Di samping Joseph Smith, Tuhan menyediakan sebelas orang yang lain untuk melihat sendiri kepingan-kepingan emas itu dan untuk menjadi saksi-saksi istimewa terhadap kebenaran dan keilahian Kitab Mormon. Kesaksian tertulis mereka disertakan di sini sebagai “Kesaksian Tiga Saksi” dan “Kesaksian Lapan Saksi.”

Kami mengajak semua orang di mana pun untuk membaca Kitab Mormon, merenungkan dalam hati mereka pesan-pesan yang terkandung di dalamnya, dan kemudian bertanya kepada Tuhan, Bapa Yang Kekal, dalam nama Kristus jika kitab ini benar. Mereka yang menuruti cara ini dan bertanya dalam iman akan memperoleh kesaksian akan kebenaran dan keilahian melalui kuasa Roh Kudus. (Lihat Moroni 10:3-5)

Mereka yang memperoleh kesaksian ilahi ini daripada Roh Kudus akan juga mengetahui melalui kuasa yang sama bahawa Yesus Kristus ialah Juruselamat dunia, bahawa Joseph Smith ialah pewahyu dan nabi-Nya pada zaman terakhir ini, dan bahawa Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir adalah kerajaan Tuhan yang sekali lagi ditegakkan di atas bumi, sebagai persiapan untuk kedatangan kedua Mesias.

KESAKSIAN TIGA SAKSI

DIMAKLUMKANLAH kepada segala bangsa, kaum, bahasa, dan khalayak, yang kepadanya pekerjaan ini akan datang: Bahawa kami, melalui kasih kurnia Tuhan Bapa, dan Tuhan kita Yesus Kristus, telah melihat kepingan-kepingan yang mengandungi catatan ini, yang merupakan catatan bangsa Nefi, dan juga Bangsa Laman, saudara-saudara mereka, dan juga Bangsa Yared, yang datang dari menara yang tentangnya telah dibicarakan. Dan kami juga mengetahui bahawa ia telah diterjemahkan melalui kurnia dan kuasa Tuhan, kerana suara-Nya telah memaklumpkannya kepada kami; kerananya kami tahu dengan suatu kepastian bahawa pekerjaan ini adalah benar. Dan kami juga bersaksi bahawa kami telah melihat ukiran yang ada di atas kepingan-kepingan itu; dan ia telah diperlihatkan kepada kami melalui kuasa dari Tuhan, dan bukan dari manusia. Dan kami memaklumkan dengan perkataan kesungguhan, bahawa seorang malaikat Tuhan turun dari syurga, dan dia membawa dan meletakkan di hadapan mata kami, sehingga kami melihat dan menyaksikan kepingan-kepingan itu, dan ukiran di atasnya; dan kami tahu bahawa melalui kasih kurnia Tuhan Bapa, dan Tuhan kita Yesus Kristuslah, kami melihat dan memberikan kesaksian bahawa hal-hal ini adalah benar. Dan ia adalah menakjubkan di mata kami. Walaupun demikian, suara Tuhan memerintahkan kami agar kami hendaknya memberikan kesaksian tentangnya; oleh itu, untuk patuh pada perintah perintah Tuhan, kami memberikan kesaksian tentang hal hal ini. Dan kami tahu bahawa jika kami setia kepada Kristus, kami akan membersihkan pakaian kami dari darah semua orang, dan didapati tanpa noda di hadapan kerusi penghakiman Kristus, dan akan tinggal bersama-Nya secara abadi di dalam syurga. Dan kehormatan adalah kepada Bapa, dan kepada Putera, dan kepada Roh Kudus, yang adalah satu Tuhan. Amin.

OLIVER COWDERY
DAVID WHITMER
MARTIN HARRIS

KESAKSIAN LAPAN SAKSI

DIPERMAKLUMKANLAH kepada segala bangsa, kaum, bahasa, dan khlayak, yang kepadanya pekerjaan ini akan datang: Bahawa Joseph Smith, Jun., penterjemah pekerjaan ini, telah memperlihatkan kepada kami kepingan-kepingan tersebut, yang rupanya seperti emas; dan sebanyak mana lembaran yang diterjemahkan oleh Smith telah kami pegang dengan tangan kami; dan kami juga melihat ukiran di atasnya, yang seluruhnya menyerupai pekerjaan purba, dan pertukangan yang rumit. Dan kesaksian ini kami berikan dengan perkataan kesungguhan, bahawa Smith tersebut telah memperlihatkan kepada kami, kerana kami telah melihat dan menimang, dan mengetahui dengan suatu kepastian bahawa Smith tersebut memiliki kepingan-kepingan yang tentangnya telah kami bicarakan. Dan kami memberikan nama kami kepada dunia, untuk bersaksi kepada dunia apa yang telah kami lihat. Dan kami tidak berdusta, Tuhan memberikan kesaksian tentangnya.

CHRISTIAN WHITMER	HIRAM PAGE
JACOB WHITMER	JOSEPH SMITH, SEN.
PETER WHITMER, JUN.	HYRUM SMITH
JOHN WHITMER	SAMUEL H. SMITH

KESAKSIAN NABI JOSEPH SMITH

Perkataan Joseph Smith sendiri tentang kedatangan Kitab Mormon adalah:

“Pada malam... dua puluh satu September [1823]...aku mencurahkan tenagaku ke dalam doa dan permohonan kepada Tuhan Yang Mahakuasa....

“Semasa aku sedang dalam tindakan memanggil kepada Tuhan, aku melihat seberkas cahaya muncul di dalam bilikku, yang semakin bertambah sehingga bilik itu lebih terang daripada waktu tengah hari, apabila tiba-tiba seseorang menampakkan diri di tepi katilku, berdiri di udara, kerana kakinya tidak menyentuh lantai.

“Dia memakai jubah longgar yang teramat sangat putihnya. Keputihannya melebihi apa pun benda duniawi yang pernah aku lihat; tidak juga aku percaya bahawa apa pun benda duniawi dapat dibuat untuk kelihatan sebegitu putih dan bergemerlapan. Tangannya terdedah, dan lengannya juga, sedikit di atas pergelangan tangan; demikian, juga, kakinya terdedah, begitu juga tungkainya, sedikit di atas pergelangan kaki. Kepala dan lehernya juga terbuka. Aku dapat melihat bahawa dia tidak mengenakan pakaian lain selain jubah ini, kerana ia terbuka, sehingga aku dapat melihat ke arah dadanya.

“Bukan saja jubahnya amat putih, tetapi seluruh perawakannya mulia melebihi gambaran, dan air mukanya benar-benar bagaikan kilat. Bilik itu amat terang, tetapi tidaklah seterang seperti betul-betul di sekitar orang tersebut. Ketika aku pertama kali memandangnya, aku berasa takut; tetapi rasa takut itu segera meninggalkanku.

“Dia memanggil namaku, dan berkata kepadaku bahawa dia ialah seorang utusan yang diutus dari hadirat Tuhan kepadaku, dan bahawa namanya adalah Moroni; bahawa Tuhan memiliki suatu pekerjaan untuk aku lakukan; dan bahawa namaku akan dikenali dengan baik dan jahat di kalangan semua bangsa, kaum, dan bahasa, atau bahawa ia akan dibicarakan secara baik mahupun jahat di kalangan semua manusia.

“Dia mengatakan ada sebuah kitab tersimpan, yang ditulis di atas kepingan-kepingan emas, yang memberikan sebuah laporan tentang penduduk benua ini yang terdahulu, dan dari mana punca datangnya mereka. Dia juga mengatakan bahawa kegenapan Injil abadi terkandung di dalamnya, sebagaimana yang disampaikan oleh Juruselamat kepada penduduk zaman dahulu;

“Juga, bahawa ada dua batu pada bingkai lengkung perak—dan batu-batu ini, diikatkan pada sebuah perisai dada, yang membentuk sesuatu yang dipanggil Urim dan Tumim—yang tersimpan bersama kepingan-kepingan tersebut; dan pemilikan dan penggunaan batu-batu ini adalah yang menjadi “pelihat-pelihat” pada zaman purba atau dahulu kala; dan bahawa Tuhan telah mempersiapkannya untuk tujuan menterjemahkan kitab itu.

* * * * *

“Sekali lagi, dia memberitahu aku, bahawa apabila aku memperoleh kepingan-kepingan yang telah dia bicarakan tentangnya — kerana waktu untuk mendapatkannya belum lagi digenapi—aku tidak harus memperlihatkannya

kepada sesiapa pun; begitu juga dengan perisai dada itu bersama Urim dan Tumim; hanya kepada mereka yang aku akan diperintahkan untuk memperlihatkannya; jika aku melakukannya aku akan dihancurkan. Sementara dia sedang bercakap-cakap denganku tentang kepingan-kepingan itu, penglihatan dibukakan pada fikiranku sehingga aku dapat melihat tempat di mana kepingan-kepingan itu tersimpan, dan ia sebegitu terang dan jelas sehingga aku mengenali tempat itu lagi apabila aku mengunjungnya.

“Selepas komunikasi ini, aku melihat cahaya di dalam bilik mulai berkumpul betul-betul di sekitar orang yang telah berbicara kepadaku, dan ia berterusan demikian, sehingga bilik itu sekali lagi menjadi gelap, kecuali hanya di persekitarannya; dengan serta-merta aku melihat, seakan-akan, suatu lorong terbuka secara langsung ke dalam syurga, dan dia naik sehingga dia menghilang sama sekali, dan bilik itu ditinggalkan seperti sebelum cahaya syurgawi ini muncul.

“Aku berbaring merenungkan keluarbiasaan kejadian itu, dan teramat takjub terhadap apa yang telah diberitahukan kepadaku oleh utusan yang luar biasa ini; ketika, di tengah-tengah tafakurku, dengan tiba-tiba aku mendapati bahawa bilikku sekali lagi diterangi, dan seakan-akan dalam sekelip mata, utusan syurgawi yang sama sekali lagi berada di tepi katilku.

“Dia bermula, dan sekali lagi mengatakan hal-hal yang sama seperti yang telah dia lakukan pada kunjungannya yang pertama, tanpa sedikit perbezaan pun; yang setelah dilakukan, dia memberitahu aku tentang penghakiman besar yang akan datang ke atas bumi, dengan kemusnahan yang besar oleh bencana kebuluran, pedang, dan wabak; dan bahawa penghakiman yang menyedihkan ini akan datang ke atas bumi pada generasi ini. Selepas mengatakan hal-hal ini, dia naik lagi seperti yang telah dia lakukan sebelumnya.

“Pada waktu ini, begitu mendalamnya kesan yang dilakukan pada fikiranku, sehinggakan keinginan tidur telah lenyap dari mataku, dan aku berbaring dikuasai kekaguman terhadap apa yang telah aku lihat dan dengar. Tetapi alangkah terkejutnya aku apabila sekali lagi aku melihat utusan yang sama di tepi katilku, dan mendengar dia menceritakan kembali atau mengulangi sekali lagi kepadaku hal-hal yang sama seperti sebelumnya; dan menambahkan suatu peringatan kepadaku, memberitahu aku bahawa Setan akan mencuba untuk menggodaku (disebabkan keadaan miskin keluarga ayahku), untuk memperoleh kepingan-kepingan itu untuk tujuan menjadi kaya. Ini dia larang aku, mengatakan bahawa aku mestilah tidak mempunyai tujuan lain dalam memperoleh kepingan-kepingan itu selain untuk memuliakan Tuhan, dan mestilah tidak dipengaruhi oleh niat lain apa pun selain untuk membangunkan kerajaan-Nya; jika tidak aku tidak akan dapat memperolehnya.

“Selepas kunjungan ketiga ini, dia sekali lagi naik ke dalam syurga seperti sebelumnya, dan aku ditinggalkan sekali lagi untuk merenungkan tentang keanehan hal yang baru saja aku alami; dan dengan serta-merta selepas utusan syurgawi itu naik dariku untuk ketiga kalinya, ayam jantan berkokok, dan aku mendapati bahawa hari siang sedang menjelang, oleh itu perbincangan kami rupa-rupanya telah memakan masa sepanjang malam itu.

“Aku bangun dari katilku tidak lama kemudian, dan, seperti biasa, pergi pada kerja yang perlu dilakukan pada hari itu; tetapi, semasa berusaha untuk bekerja seperti pada waktu-waktu yang lain, aku mendapati kekuatanku kehabisan sehingga menjadikan diriku sama sekali tidak berdaya. Ayahku, yang sedang bekerja bersamaku, mendapati bahawa ada sesuatu yang tidak kena denganku, dan menyuruh aku untuk pulang ke rumah. Aku memulakan dengan niat untuk pulang ke rumah; tetapi, sewaktu berusaha untuk memanjat pagar untuk keluar dari ladang di mana kami berada, kekuatanku gagal sama sekali, dan aku jatuh tidak berdaya di atas tanah, dan tidak sedarkan diri untuk suatu ketika.

“Perkara pertama yang dapat aku ingat kembali adalah suatu suara yang berkata kepadaku, memanggil namaku. Aku mendongak, dan melihat utusan yang sama berdiri di atas kepalaku, dikelilingi oleh cahaya seperti sebelumnya. Dia kemudian mengatakan lagi kepadaku semua yang telah dia katakan kepadaku pada malam sebelumnya, dan memerintahkanku untuk pergi kepada ayahku dan menceritakan kepadanya tentang penglihatan dan perintah-perintah yang telah aku terima.

“Aku patuh; aku kembali kepada ayahku di ladang, dan menceritakan kembali seluruh kejadian itu kepadanya. Dia menjawabku bahawa ia daripada Tuhan, dan menyuruh aku untuk pergi dan melakukan seperti yang diperintahkan oleh utusan itu. Aku meninggalkan ladang, dan pergi ke tempat di mana utusan itu telah memberitahu aku kepingan-kepingan itu tersimpan; dan disebabkan oleh kejelasan penglihatan yang telah aku peroleh tentangnya, aku mengenali tempat itu sebaik sahaja aku tiba di sana.

“Tidak jauh dari desa Manchester, Ontario County, New York, ada sebuah bukit yang cukup besar, dan yang paling tinggi di kawasan itu. Di bahagian barat bukit ini, tidak jauh dari puncaknya, di bawah sebuah batu yang cukup besar, terletaknya kepingan-kepingan itu, disimpan di dalam sebuah kotak batu. Batu ini tebal dan membulat di tengah pada bahagian atasnya, dan menipis ke bahagian tepinya, sehingga bahagian tengahnya kelihatan di atas tanah, tetapi di sekeliling bahagian tepinya ditutupi dengan tanah.

“Setelah mengalihkan tanah, aku mendapatkan sebatang pengumpul, yang aku letakkan di bawah bahagian tepi batu itu, dan dengan sedikit pengerahan tenaga dapat mengangkatnya. Aku melihat ke dalam, dan di sana sesungguhnya aku melihat kepingan-kepingan itu, Urim dan Tumim, dan perisai dada, sebagaimana yang dinyatakan oleh utusan itu. Kotak yang di dalamnya ia terletak dibentuk dengan meletakkan batu-batu bersama dalam sejenis simen. Pada dasar kotak itu diletakkan dua batu menyilangi kotak itu, dan di atas batu-batu ini terletaknya kepingan-kepingan itu dan benda-benda lain bersamanya.

“Aku cuba untuk mengeluarkannya, tetapi dilarang oleh utusan itu, dan sekali lagi diberitahu bahawa waktu untuk mengeluarkannya belumlah tiba, tidak juga akan, sehingga empat tahun selepas waktu itu; tetapi dia menyuruh aku supaya aku harus datang ke tempat itu tepat satu tahun selepas waktu itu, dan bahawa dia akan bertemu denganku di sana, dan

bahawa aku mesti terus berbuat begitu sehingga waktunya akan tiba untuk mendapatkan kepingan-kepingan itu.

“Sesuai dengan itu, sebagaimana aku telah diperintahkan, aku pergi pada setiap akhir tahun, dan pada setiap kalinya aku menemukan utusan yang sama di sana, dan menerima petunjuk dan pengetahuan daripadanya pada setiap perbincangan kami, berkenaan apa yang Tuhan akan lakukan, dan bagaimana dan dengan cara apa kerajaan-Nya mesti dikendalikan pada zaman akhir ini.

* * * * *

“Pada akhirnya waktunya tiba untuk mendapatkan kepingan-kepingan, Urim dan Tumim, dan perisai dada itu. Pada hari kedua puluh dua bulan September, seribu lapan ratus dua puluh tujuh, setelah pergi seperti biasa pada akhir tahun yang lain ke tempat di mana ia disimpan, utusan syurgawi yang sama menyerahkannya kepadaku dengan tanggungjawab ini: bahawa aku mesti bertanggungjawab atasnya; bahawa jika aku akan membiarkannya terlepas kerana cuai, atau melalui apa pun kelalaian diriku, aku akan disingkirkan; tetapi bahawa jika aku akan menggunakan segala usahaku untuk melindunginya, sehingga dia, utusan itu, akan datang mengambilnya, ia akan dilindungi.

“Tidak lama kemudian aku mengetahui sebab mengapa aku telah menerima perintah-perintah yang sangat ketat untuk menjaganya supaya selamat, dan mengapa utusan itu berkata bahawa apabila aku telah melakukan apa yang dituntut dari tanganku, dia akan datang mengambilnya. Kerana sebaik sahaja diketahui bahawa aku memilikinya, usaha-usaha yang paling dahsyat digunakan untuk merampasnya daripadaku. Setiap tipu muslihat yang dapat diciptakan digunakan untuk tujuan itu. Penganiayaan menjadi lebih pahit dan teruk daripada sebelumnya, dan orang ramai sentiasa bersedia untuk merampasnya daripadaku jika mungkin. Tetapi dengan kebijaksanaan Tuhan, ia tetap selamat dalam tanganku, sehingga aku telah menyempurnakan apa yang dituntut dari tanganku. Apabila, seperti yang telah dirancangan, utusan itu datang mengambilnya, aku menyerahkannya kepadanya; dan dia memilikinya dalam jagaannya sehingga ke hari ini, hari kedua dalam bulan Mei, seribu lapan ratus tiga puluh lapan.”

Untuk catatan yang lengkap, lihat Joseph Smith—Sejarah, dalam Mutiara yang Sangat Berharga, dan *History of The Church of Jesus Christ of Latter-day Saints* (Sejarah Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir), jilid 1, bab 1 sampai 6.

Catatan-catatan purba itu dikeluarkan dari tanah bagaikan suara sebuah bangsa yang berbicara dari debu, dan diterjemahkan ke dalam bahasa moden melalui kurnia dan kuasa Tuhan seperti yang dipersaksikan oleh pengesahan Ilahi, pertama kali diterbitkan ke dunia dalam bahasa Inggeris pada tahun 1830 sebagai THE BOOK OF MORMON.

KITAB MORMON

Kitab Mormon adalah sebuah catatan kudus tentang bangsa-bangsa di Amerika purba, dan telah diukir di atas kepingan-kepingan logam. Empat jenis kepingan logam disebutkan dalam kitab itu sendiri:

1. *Kepingan-kepingan Nefi*, yang terdiri dari dua jenis: Kepingan-kepingan Kecil dan Kepingan-kepingan Besar. Yang pertama lebih berpusat pada hal-hal kerohanian dan ajaran para nabi, manakala yang kedua pula sebahagian besarnya mengandungi sejarah duniawi tentang bangsa-bangsa yang berkaitan di dalamnya (1 Nefi 9:2–4). Dari zaman Mosia, meskipun demikian, kepingan-kepingan besar juga mengandungi hal-hal dengan kepentingan rohani yang besar.
2. *Kepingan-kepingan Mormon*, yang terdiri daripada sebuah ringkasan oleh Mormon dari Kepingan-kepingan Besar Nefi, dengan banyak ulasan. Kepingan-kepingan ini juga mengandungi sambungan sejarah oleh Mormon dan tambahan oleh anak lelakinya Moroni.
3. *Kepingan-kepingan Eter*, yang menyampaikan sejarah Bangsa Yared. Catatan ini telah diringkaskan oleh Moroni, yang memasukkan ulasannya sendiri dan menggabungkan catatan itu dengan sejarah umum di bawah tajuk “Kitab Eter.”
4. *Kepingan-kepingan Loyang* dibawa oleh orang Lehi dari Yerusalem pada tahun 600 S.M. Ia mengandungi “lima kitab Musa, ... Dan juga sebuah catatan tentang Bangsa Yahudi dari awal, ... hingga ke permulaan pemerintahan Zedekia, raja Yehuda; Dan juga nubuat-nubuat para nabi kudus” (1 Nefi 5:11–13). Banyak petikan dari kepingan-kepingan ini, memetik Yesaya dan para nabi lain dalam Alkitab dan yang bukan dalam Alkitab, dilihat di dalam Kitab Mormon.

Kitab Mormon mengandungi lima belas bahagian atau pembahagian utama, dikenali, dengan satu pengecualian, sebagai kitab, masing-masing dinamakan dengan nama penulis utamanya. Bahagian pertama (enam kitab yang pertama, berakhir dengan Omni) adalah terjemahan dari Kepingan-Kepingan Kecil Nefi. Di antara kitab Omni dan Mosia terdapat selitan yang disebut Kata-kata Mormon. Selitan ini menghubungkan catatan yang terukir di atas Kepingan-kepingan Kecil dengan ringkasan Mormon dari Kepingan-kepingan Besar.

Bahagian yang terpanjang, dari Mosia sehingga Mormon, termasuk bab 7, adalah terjemahan ringkasan Mormon dari Kepingan-kepingan Besar Nefi. Bahagian penutupan, dari Mormon, bab 8, sehingga

penghujung jilid ini, diukir oleh anak lelaki Mormon, Moroni, yang, setelah menyelesaikan catatan kehidupan ayahnya, membuat ringkasan dari catatan Bangsa Yared (sebagai Kitab Eter) dan kemudian menambahkan bahagian yang dikenali sebagai Kitab Moroni.

Pada atau kira-kira tahun 421 M., Moroni, nabi-sejarawan terakhir Bangsa Nefi, memeteraikan catatan kudus itu dan menyembunyikannya bagi Tuhan, untuk didatangkan pada zaman akhir, seperti yang diramalkan oleh suara Tuhan melalui para nabi-Nya zaman dahulu. Pada tahun 1823 M., Moroni yang sama ini, pada waktu itu merupakan orang yang dibangkitkan, mengunjungi Nabi Joseph Smith dan sesudah itu menyerahkan kepingan-kepingan berukiran itu kepadanya.


NAMA DAN URUTAN KITAB DI DALAM

KITAB MORMON

<i>Nama</i>	<i>Muka Surat</i>
Kitab Pertama Nefi	1
Kitab Kedua Nefi	64
Kitab Yakub.	142
Kitab Enos	166
Kitab Yarom	169
Kitab Omni	171
Kata-kata Mormon	174
Kitab Mosia	177
Kitab Alma	260
Kitab Helaman	482
Tiga Nefi	536
Empat Nefi	613
Kitab Mormon	618
Kitab Eter	643
Kitab Moroni	686

ILUSTRASI-ILUSTRASI

1. *Tuhan Yesus Kristus*
Lukisan oleh Heinrich Hofmann
2. *Nabi Joseph Smith*
Lukisan oleh Alvin Gittins
Lihat “Kesaksian Nabi Joseph Smith,” muka surat ix–xii
3. *Lehi menjumpai Liahona*
Lukisan oleh Arnold Friberg
Lihat 1 Nefi 16, muka surat 40–44
4. *Lehi dan orangnya tiba di negeri perjanjian*
Lukisan oleh Arnold Friberg
Lihat 1 Nefi 18, muka surat 50–53
5. *Alma sedang membaptis di Perairan Mormon*
Lukisan oleh Arnold Friberg
Lihat Mosia 18, muka surat 223–227
6. *Samuel si Bangsa Laman sedang bernubuat*
Lukisan oleh Arnold Friberg
Lihat Helaman 16, muka surat 533–536
7. *Yesus Kristus melawat Amerika*
Lukisan oleh John Scott
Lihat 3 Nefi 11, muka surat 564–568
8. *Moroni menanam catatan Bangsa Nefi*
Lukisan oleh Tom Lovell
Lihat Mormon 8, muka surat 634–638

















KITAB PERTAMA NEFI

PEMERINTAHAN DAN PELAYANANNYA

Satu laporan berkenaan Lehi dan isterinya Saria, dan keempat-empat orang anak lelakinya, yang dipanggil (bermula daripada yang sulung) Laman, Lemuel, Sam, dan Nefi. Tuhan memperingatkan Lehi untuk keluar dari negeri Yerusalem, kerana dia telah bernubuat kepada orang ramai berkenaan kederhakaan mereka dan mereka cuba mencabut nyawanya. Dia mengambil perjalanan tiga hari ke dalam padang belantara dengan keluarganya. Nefi membawa saudara-saudaranya dan kembali ke negeri Yerusalem untuk mengambil catatan-catatan bangsa Yahudi. Laporan berkenaan penderitaan mereka. Mereka memperisterikan puteri-puteri Ismael. Mereka membawa keluarga-keluarga mereka keluar ke padang belantara. Penderitaan dan kesengsaraan mereka di dalam padang belantara. Laluan perjalanan mereka. Mereka sampai ke perairan luas. Saudara-saudara Nefi memberontak terhadapnya. Dia menundukkan mereka, dan membina sebuah kapal. Mereka menamakan tempat itu Kelimpahan. Mereka menyeberangi perairan luas dan sampai ke negeri perjanjian, dan seterusnya. Ini adalah mengikut laporan oleh Nefi; atau dalam kata-kata lain, saya, Nefi, menulis laporan ini.

BAB 1

Nefi memulakan catatan tentang bangsanya—Lehi melihat dalam penglihatan suatu tiang api dan membaca dari kitab nubuat—Dia memuji Tuhan, meramalkan kedatangan Mesias, dan menubuatkan kehancuran Yerusalem—Dia dianiaya oleh bangsa Yahudi. Kira-kira 600 tahun S.M.

AKU, Nefi, telah dilahirkan dari ibubapa yang baik, oleh kerana itu aku diajar sedikit di dalam segala pembelajaran bapaku; dan kerana aku telah melihat banyak kesengsaraan dalam perjalanan hidupku, walaupun demikian, telah sangat dirahmati

oleh Tuhan di sepanjang hidupku; ya, kerana telah memiliki pengetahuan besar tentang kebaikan dan misteri-misteri Tuhan, oleh kerana itu aku membuat sebuah catatan tentang perbuatan-perbuatanku semasa hidupku.

2 Ya, aku membuat sebuah catatan dalam bahasa bapaku, yang terdiri daripada pembelajaran orang Yahudi dan bahasa orang Mesir.

3 Dan aku tahu bahawa catatan yang aku buat adalah benar; dan aku membuatnya dengan tanganku sendiri; dan aku membuatnya menurut pengetahuanku.

4 Kerana terjadilah pada permulaan tahun pertama pemerintahan

Zedekia, raja Yehuda, (bapaku, Lehi, telah tinggal di Yerusalem sepanjang hayatnya); dan pada tahun yang sama itu datanglah ramai nabi, bernubuat kepada orang ramai bahawa mereka mesti bertaubat, atau kota agung Yerusalem mesti dihancurkan.

5 Oleh kerana itu, terjadilah bahawa bapaku, Lehi, sewaktu dia pergi berdoa kepada Tuhan, ya, bahkan dengan segenap hatinya, demi kepentingan bangsanya.

6 Dan terjadilah sewaktu dia berdoa kepada Tuhan, datanglah suatu tiang api dan berduduk di atas batu di hadapannya; dan dia melihat dan mendengar banyak; dan kerana apa yang dia telah lihat dan dengar dia amat menggigil dan gementar.

7 Dan terjadilah bahawa dia kembali ke rumahnya sendiri di Yerusalem; dan dia melemparkan dirinya ke atas katilnya, kerana dikuasai oleh Roh dan perkara-perkara yang telah dia lihat.

8 Dan kerana demikian dikuasai oleh Roh, dia dibawa pergi dalam suatu penglihatan, bahkan hingga dia melihat langit terbuka, dan dia berfikir dia melihat Tuhan duduk di atas takhta-Nya, dikelilingi oleh kumpulan-kumpulan malaikat yang tak terbilang jumlahnya dalam sikap bernyanyi dan memuji Tuhan mereka.

9 Dan terjadilah bahawa dia melihat Seorang turun dari tengah langit, dan dia melihat bahawa kilauan-Nya melebihi yang dari matahari pada tengah hari.

10 Dan dia juga melihat dua belas lagi mengikuti Dia, dan terang mereka melampaui yang dari bintang-bintang di angkasa.

11 Dan mereka turun dan pergi ke atas permukaan bumi; dan yang pertama datang dan berdiri di hadapan bapaku, dan memberikan kepadanya sebuah kitab, dan memerintahkannya agar dia mesti membaca.

12 Dan terjadilah bahawa sewaktu dia membaca, dia dipenuhi dengan Roh Tuhan.

13 Dan dia membaca, mengatakan: Celakalah, celakalah, Yerusalem, kerana aku telah melihat kekejianmu! Ya, dan banyak hal yang bapaku baca berkenaan Yerusalem—bahawa ia akan dihancurkan, dan penghuninya; ramai yang akan binasa dengan pedang, dan ramai yang akan dibawa pergi tertawan ke Babilonia.

14 Dan terjadilah bahawa ketika bapaku telah membaca dan melihat banyak hal yang besar dan menakjubkan, dia menyerukan banyak hal kepada Tuhan; seperti: Besar dan menakjubkan adalah perbuatan-Mu, Ya Tuhan Raja Yang Perkasa! Takhta-Mu tinggi di langit, dan kuasa, dan kebaikan, dan belas kasihan-Mu meliputi semua penghuni bumi; dan, kerana Engkau berbelas kasihan, Engkau tidak akan membiarkan mereka yang datang kepada-Mu bahawa mereka akan binasa!

15 Dan menurut cara inilah bahasa bapaku dalam pujian bagi Tuhannya; kerana jiwanya

bersukacita, dan segenap hatinya dipenuhi, kerana hal-hal yang telah dia lihat, ya, yang telah Tuhan perlihatkan kepadanya.

16 Dan sekarang, aku, Nefi, tidak membuat laporan lengkap tentang apa yang telah bapaku tulis, kerana dia telah menulis banyak hal yang telah dia lihat dalam penglihatan dan dalam mimpi; dan dia juga telah menulis banyak hal yang telah dia nubuatkan dan ucapkan kepada anak-anaknya, yang berkenaannya aku tidak akan membuat laporan yang lengkap.

17 Tetapi aku akan membuat laporan tentang perbuatan-perbuatanku dalam hidupku. Lihatlah, aku membuat sebuah ringkasan catatan bapaku, di atas kepingan-kepingan yang telah aku buat dengan tanganku sendiri; oleh kerana itu, setelah aku meringkaskan catatan bapaku baru aku akan buat sebuah laporan tentang kehidupanku sendiri.

18 Oleh kerana itu, aku menghendaki agar kamu mengetahui, bahawa setelah Tuhan memperlihatkan sedemikian banyaknya hal yang menakjubkan kepada bapaku, Lehi, ya, berkenaan kehancuran Yerusalem, lihatlah dia pergi di kalangan orang ramai, dan mula bernubuat dan mengisytiharkan kepada mereka berkenaan apa yang telah dia lihat mahupun juga dengar.

19 Dan terjadilah bahawa orang Yahudi mengejeknya kerana hal-hal yang dia persaksikan tentang mereka; kerana dia benar-benar

bersaksi tentang kejahatan mereka dan kekejian mereka; dan dia bersaksi bahawa apa yang dia lihat dan dengar, dan juga apa yang dia baca dalam kitab itu, menunjukkan dengan jelas berkenaan kedatangan seorang Mesias, dan juga penebusan dunia.

20 Dan ketika orang Yahudi mendengar hal-hal ini mereka marah terhadapnya; ya, bahkan seperti terhadap para nabi zaman dahulu, yang telah mereka usir, dan rejam, dan bunuh; dan mereka juga cuba mencabut nyawanya, agar mereka boleh mengambalnya. Tetapi lihatlah, aku, Nefi, akan memperlihatkan kepadamu bahawa belas kasihan Tuhan yang lembut meliputi mereka semua yang telah Dia pilih, kerana iman mereka, untuk menjadikan mereka perkasa bahkan hingga kuasa pembebasan.

BAB 2

Lehi membawa keluarganya ke padang belantara bersebelahan Laut Merah—Mereka meninggalkan harta benda mereka—Lehi mempersembahkan korban kepada Tuhan dan mengajar para anak lelakinya untuk mematuhi perintah-perintah—Laman dan Lemuel merungut terhadap bapa mereka—Nefi patuh dan berdoa dalam iman; Tuhan berfirman kepadanya, dan dia dipilih untuk memerintah saudara-saudaranya. Kira-kira 600 tahun S.M.

KERANA lihatlah, terjadilah

bahawa Tuhan berfirman kepada bapaku, ya, bahkan dalam sebuah mimpi, dan berfirman kepadanya: Diberkatilah engkau Lehi, kerana hal-hal yang telah engkau lakukan; dan kerana engkau telah setia dan telah mengisytiharkan kepada bangsa ini apa yang Aku perintahkan kepadamu, lihatlah, mereka berupaya mengambil nyawamu.

2 Dan terjadilah bahawa Tuhan memerintahkan bapaku, bahkan dalam sebuah mimpi, bahawa dia mesti membawa keluarganya dan berangkat ke dalam padang belantara.

3 Dan terjadilah bahawa dia patuh pada firman Tuhan, oleh kerana itu dia melakukan seperti yang Tuhan perintahkan kepadanya.

4 Dan terjadilah bahawa dia berangkat ke dalam padang belantara. Dan dia meninggalkan rumahnya, dan tanah warisannya, dan emasnya, dan perakunya, dan benda berharganya, dan tidak membawa apa pun bersamanya, kecuali keluarganya, dan bekalan, dan khemah-khemah, dan berangkat ke dalam padang belantara.

5 Dan dia turun ke perbatasan dekat pantai Laut Merah; dan dia melakukan perjalanan di dalam padang belantara di perbatasan yang lebih dekat Laut Merah; dan dia melakukan perjalanan dalam padang belantara bersama keluarganya, yang terdiri dari ibuku, Saria, dan abang-abangku, iaitu Laman, Lemuel dan Sam.

6 Dan terjadilah bahawa ketika dia telah melakukan perjalanan tiga hari di padang belantara, dia memasang khemahnya di sebuah lembah di sisi sungai berair.

7 Dan terjadilah bahawa dia membina sebuah mazbah dari batu-batu, dan membuat suatu persembahan kepada Tuhan, dan memberi syukur kepada Tuhan kita.

8 Dan terjadilah bahawa dia memanggil nama sungai itu, Laman, dan ia mengalir ke Laut Merah; dan lembah itu berada di perbatasan dekat muaranya.

9 Dan ketika bapaku melihat bahawa air sungai itu mengalir ke sumber Laut Merah, dia berbicara kepada Laman, mengatakan: Ya, agar engkau boleh seperti sungai ini, mengalir berterus-terusan ke dalam sumber segala kebenaran!

10 Dan dia juga berbicara kepada Lemuel: Ya agar engkau boleh seperti lembah ini, teguh dan tabah, dan tak tergoyah dalam mentaati perintah-perintah Tuhan!

11 Sekarang, inilah yang dia ucapkan kerana kedegilan Laman dan Lemuel; kerana lihatlah mereka merungut dalam banyak hal terhadap bapa mereka, kerana dia orang yang cenderung mendapat penglihatan dan telah memimpin mereka keluar dari negeri Yerusalem, untuk meninggalkan tanah warisan mereka, dan emas mereka, dan perak mereka, dan benda berharga mereka, untuk binasa di padang belantara. Dan ini mereka katakan telah dia

lakukan kerana khayalan bodoh dari hatinya.

12 Dan demikianlah Laman dan Lemuel, yang tertua, merungut terhadap bapa mereka. Dan mereka merungut kerana mereka tidak mengetahui urusan-urusan Tuhan itu yang telah menciptakan mereka.

13 Tidak juga mereka percaya bahawa Yerusalem, kota besar itu, dapat dihancurkan menurut kata-kata para nabi. Dan mereka seperti bangsa Yahudi yang berada di Yerusalem, yang berupaya mengambil nyawa bapaku.

14 Dan terjadilah bahawa bapaku berbicara kepada mereka di Lembah Lemuel, dengan kuasa, kerana dipenuhi dengan Roh, sampai raga mereka menggementar di hadapannya. Dan dia menundukkan mereka, sehingga mereka tidak berani bersuara menentangnya; oleh kerana itu, mereka melakukan seperti yang dia perintahkan kepada mereka.

15 Dan bapaku berdiam di dalam sebuah khemah.

16 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, amatlah muda, walaupun besar dari segi ukuran badan dan juga memiliki hasrat yang besar untuk tahu tentang misteri Tuhan, oleh kerana itu, aku berseru kepada Tuhan; dan lihatlah Dia mengunjungiku, dan melunakkan hatiku sehingga aku mempercayai segala perkataan yang telah diucapkan oleh bapaku; oleh kerana itu, aku tidak memberontak menentangnya seperti abang-abangku.

17 Dan aku berbicara kepada

Sam, menunjukkan kepadanya hal-hal yang telah Tuhan nyatakan kepadaku melalui Roh Kudus-Nya. Dan terjadilah bahawa dia percaya kepada kata-kataku.

18 Tetapi, lihatlah, Laman dan Lemuel tidak mahu mendengar kata-kataku; dan kerana berasa pilu akibat kekerasan hati mereka, aku berseru kepada Tuhan bagi mereka.

19 Dan terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepadaku, mengatakan: Diberkatilah engkau, Nefi, kerana imanmu, kerana engkau telah mencari-Ku secara tekun, dengan kerendahan hati.

20 Dan sejauh mana kamu akan mentaati perintah-perintahKu, kamu akan makmur, dan akan dituntun ke negeri yang dijanjikan; ya, bahkan negeri yang telah Aku siapkan bagimu; ya, negeri yang terpilih, melebihi segala negeri yang lain.

21 Dan sejauh mana abang-abangmu akan memberontak terhadap engkau, mereka akan disingkirkan dari hadirat Tuhan.

22 Dan sejauh mana engkau akan mentaati perintah-perintahKu, engkau akan dijadikan pemerintah dan pengajar ke atas abang-abangmu.

23 Kerana lihatlah, pada hari mereka akan memberontak terhadap-Ku, Aku akan mengutuk mereka bahkan dengan kutukan yang parah, dan mereka tidak akan memiliki kuasa ke atas keturunanmu kecuali mereka akan memberontak terhadap-Ku juga.

24 Dan jika demikian halnya bahawa mereka memberontak

terhadap-Ku, mereka akan menjadi cambuk bagi keturunanmu, untuk menggugah mereka ke dalam jalan ingatan.

BAB 3

Putera-putera Lehi kembali ke Yerusalem untuk memperolehi kepingan-kepingan loyang—Laban enggan menyerahkan kepingan-kepingan itu—Nefi menggesa dan memberi galakan kepada saudara-saudaranya—Laban mencuri barang kepunyaan mereka dan cuba membunuh mereka—Laman dan Lemuel memukul Nefi dan Sam dengan kuat dan ditegur oleh seorang malaikat. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa saya, Nefi, kembali dari berbicara dengan Tuhan, ke khemah bapaku.

2 Dan terjadilah bahawa dia berbicara kepadaku, mengatakan: Lihatlah, aku telah memimpikan suatu mimpi, yang di dalamnya Tuhan telah memerintahkanku supaya engkau dan saudara-saudaramu patut kembali ke Yerusalem.

3 Kerana lihatlah, Laban mempunyai catatan bangsa Yahudi dan juga salasilah nenek-moyangku, dan ia diukir di atas kepingan-kepingan loyang.

4 Oleh kerana itu, Tuhan telah memerintahkanku agar engkau dan saudara-saudaramu mesti pergi masuk ke dalam rumah Laban, dan mencari catatan-catatan itu, dan membawanya ke sini ke dalam padang belantara.

5 Dan sekarang, lihatlah, saudara-saudaramu merungut, mengatakan ianya adalah suata hal sukar yang telah aku tuntutan dari mereka; tetapi ia adalah suatu perintah dari Tuhan.

6 Oleh kerana itu, pergi, anak lelakiku, dan kamu akan dirahmati oleh Tuhan, kerana kamu tidak pernah merungut.

7 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, berkata kepada bapaku: Aku akan pergi dan melaksanakan hal-hal yang telah Tuhan perintahkan, kerana aku tahu Tuhan tidak memberi perintah kepada anak-anak manusia, kecuali dia menyediakan suatu jalan untuk mereka supaya mereka dapat menyempurnakan hal itu yang Dia perintahkan kepada mereka.

8 Dan terjadilah bahawa apabila bapaku mendengar kata-kata ini, dia berasa tersangat gembira, kerana dia tahu bahawa aku telah diberkati Tuhan.

9 Dan aku, Nefi, dan saudara-saudaraku mengambil perjalanan di dalam padang belantara, dengan khemah-khemah kami, untuk pergi ke negeri Yerusalem.

10 Dan terjadilah bahawa apabila kami telah pergi ke negeri Yerusalem, aku dan saudara-saudaraku berunding dengan satu sama lain.

11 Dan kami mengundi—siapa di antara kami patut pergi masuk ke dalam rumah Laban. Dan terjadilah bahawa undian jatuh ke atas Laman; dan Laman pergi masuk

ke dalam rumah Laban, dan dia berbicara dengannya sewaktu dia ber duduk di dalam rumahnya.

12 Dan dia menginginkan dari Laban catatan-catatan yang diukir di atas kepingan-kepingan loyang, yang mengandungi salasilah bapaku.

13 Dan lihatlah, terjadilah bahawa Laban marah, dan mencampak dia keluar dari hadapannya; dan dia tidak mahu memberi Laman catatan-catatan itu. Oleh kerana itu, dia berkata kepadanya: Lihatlah, engkau seorang perompak dan aku akan membunuhmu.

14 Tetapi Laman lari keluar dari hadapannya, dan menceritakan hal-hal yang telah Laban lakukan, kepada kami. Dan kami mula berasa teramat sedih, dan saudara-saudaraku hampir mula kembali kepada bapaku di dalam padang belantara.

15 Tetapi lihatlah, aku berkata kepada mereka: Sebagaimana Tuhan hidup, dan sebagaimana kita hidup, kita tidak akan pergi kepada bapa kita di padang belantara sehingga kita telah menyempurnakan hal itu yang Tuhan telah perintahkan kepada kita.

16 Oleh kerana itu, biarlah kita setia mematuhi perintah-perintah Tuhan; oleh kerana itu biarlah kita pergi ke negeri warisan bapa kita, kerana lihatlah dia telah meninggalkan emas dan perak, dan segala jenis kekayaan. Dan semua ini telah dia laksanakan kerana perintah-perintah Tuhan.

17 Kerana dia tahu bahawa

Yerusalem mesti dihancurkan, kerana kejahatan bangsa itu.

18 Kerana lihatlah, mereka telah menolak kata-kata para nabi. Oleh kerana itu, jika bapaku tetap tinggal di negeri itu setelah dia diperintahkan untuk lari keluar dari negeri itu, lihatlah, dia juga akan binasa. Oleh kerana itu, semestinya dia lari keluar dari negeri itu.

19 Dan lihatlah, adalah kebijaksanaan Tuhan bahawa kita patut mendapat catatan-catatan itu, supaya kita boleh mengekalkan untuk anak-anak kita bahasa nenek-moyang kita.

20 Dan juga supaya kita dapat mengekalkan untuk mereka kata-kata yang telah diucapkan oleh mulut semua nabi kudus, yang telah disampaikan kepada mereka oleh Roh dan kuasa Tuhan, sejak masa dunia bermula, bahkan sampai ke masa kini.

21 Dan terjadilah bahawa menurut cara bahasa demikian telah aku meyakinkan saudara-saudaraku, supaya mereka mungkin setia dalam mentaati perintah-perintah Tuhan.

22 Dan terjadilah bahawa kami pergi ke negeri warisan kami, dan kami mengumpulkan emas kami, dan perak kami, dan barangan berharga kami.

23 Dan setelah kami telah mengumpulkan barangan ini, kami kembali sekali lagi ke rumah Laban.

24 Dan terjadilah bahawa kami pergi kepada Laban, dan menginginkan agar dia memberi kami

catatan-catatan yang diukir di atas kepingan-kepingan loyang, yang untuknya kami akan memberikan kepada dia emas kami, dan perak kami, dan semua barangan berharga kami.

25 Dan terjadilah bahawa apabila Laban nampak harta milik kami, dan ianya sangat banyak, dia bernafsu terhadapnya, sehingga dia mencampak kami keluar, dan menghantar para orang suruhannya membunuh kami, supaya dia boleh mendapat harta milik kami.

26 Dan terjadilah bahawa kami melarikan diri dari hadapan para orang suruhan Laban, dan kami terpaksa meninggalkan harta milik kami, dan ia jatuh ke dalam tangan Laban.

27 Dan terjadilah bahawa kami melarikan diri ke dalam padang belantara, dan para orang suruhan Laban tidak memintas kami, dan kami menyembunyikan diri di dalam rongga sebuah batu.

28 Dan terjadilah bahawa Laman marah terhadapku, dan juga terhadap bapaku; dan Lemuel juga, kerana dia mendengarkan kata-kata Laman. Oleh kerana itu, Laman dan Lemuel mengucapkan banyak kata-kata keras kepada kami, adik-adik mereka, dan mereka memukul kami, bahkan dengan sebatang tongkat.

29 Dan terjadilah bahawa sewaktu mereka memukul kami dengan sebatang tongkat, lihatlah, seorang malaikat Tuhan datang dan berdiri di hadapan mereka, dan dia berbicara kepada mereka,

mengatakan: Mengapakah kamu memukul adikmu dengan sebatang tongkat? Tidakkah engkau tahu bahawa Tuhan telah memilihnya untuk menjadi pemerintah ke atasmu, dan ini kerana kederrahakaan kamu? Lihatlah, engkau akan pergi lagi ke Yerusalem, dan Tuhan akan menyerahkan Laban ke dalam tanganmu.

30 Dan setelah malaikat itu bercakap dengan kami, dia pergi.

31 Dan setelah malaikat itu telah pergi, Laman dan Lemuel sekali lagi mula merungut, mengatakan: Bagaimanakah mungkin bahawa Tuhan akan menyerahkan Laban ke dalam tangan kami? Lihatlah, dia seorang yang perkasa, dan dia boleh memerintah lima puluh orang, ya, bahkan dia boleh membunuh lima puluh; maka mengapa tidak kita?

BAB 4

Nefi membunuh Laban di atas perintah Tuhan dan kemudian memperoleh kepingan-kepingan loyang melalui tipu helah—Zoram memilih untuk menyertai keluarga Lehi di dalam padang belantara. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa aku berbicara kepada saudara-saudaraku, mengatakan: Marilah kita pergi semula ke Yerusalem, dan marilah kita setia dalam mematuhi perintah-perintah Tuhan; kerana lihatlah, dia lebih perkasa daripada seluruh bumi, jadi mengapa tidak

lebih perkasa daripada Laban dan lima puluh orangnya, ya, atau bahkan lebih daripada beribu-ribuan orangnya?

2 Oleh kerana itu, marilah kita pergi; marilah kita kuat seperti Musa; kerana dia benar-benar berbicara kepada perairan Laut Merah dan ia membahagi ke sini dan ke sana, dan nenek moyang kita telah melintasinya, keluar dari tawanan, di atas tanah kering, dan tentera-tentera Firaun telah ikut dan telah lemas di dalam perairan Laut Merah.

3 Sekarang lihatlah, engkau tahu bahawa ini adalah benar; dan engkau juga tahu bahawa seorang malaikat telah bercakap kepadamu; oleh kerana itu, apa sebabnya engkau ragu? Marilah kita pergi; Tuhan dapat membebaskan kita, bahkan seperti leluhur kita, dan membinasakan Laban, bahkan seperti orang Mesir.

4 Sekarang setelah aku membicarakan kata-kata ini, mereka masih marah, dan masih terus merungut; walaupun demikian, mereka mengikut aku sehingga kami sampai di luar tembok Yerusalem.

5 Dan waktu itu malam; dan aku menyebabkan mereka menyembunyikan diri di luar tembok. Dan setelah mereka menyembunyikan diri, aku, Nefi, curi-curui masuk ke dalam kota itu dan menuju ke arah rumah Laban.

6 Dan aku dipandu oleh Roh, tidak tahu terlebih dahulu hal-hal yang aku patut laksanakan.

7 Namun begitu, aku pergi, dan

apabila aku mendekati rumah Laban aku nampak seorang lelaki, dan dia telah jatuh ke atas tanah di hadapanku, kerana dia dimabukkan oleh wain.

8 Dan apabila aku sampai kepada dia, aku mendapati bahawa ianya Laban.

9 Dan aku nampak pedangnya, dan aku menariknya keluar dari sarungnya; dan hulunya terbuat daripada emas tulen, dan kerja tangannya tersangat halus, dan aku nampak bahawa mata pedangnya diperbuat daripada keluli yang paling tinggi mutunya.

10 Dan terjadilah bahawa aku dipaksa oleh Roh supaya aku mesti membunuh Laban; tetapi aku berkata di dalam hatiku: Tidak pada apa masa jua pernah aku menumpahkan darah manusia. Dan aku berundur dan tidak mahu membunuhnya.

11 Dan Roh berkata kepada aku sekali lagi: Lihatlah, Tuhan telah menyerahkan dia ke dalam tanganmu. Ya, dan aku juga tahu bahawa dia telah cuba mencabut nyawa diriku; ya, dan dia tidak mematuhi perintah-perintah Tuhan; dan dia juga telah merampas harta milik kami.

12 Dan terjadilah bahawa Roh berkata kepada aku lagi: Bunuhlah dia, kerana Tuhan telah menyerahkan dia ke dalam tanganmu.

13 Lihatlah, Tuhan membunuh mereka yang jahat untuk menjadikan tujuan-tujuanNya yang benar. Adalah lebih baik bahawa seorang lelaki binasa daripada

sebuah negara merosot dalam ketidakpercayaan.

14 Dan sekarang, apabila aku, Nefi, telah mendengar kata-kata ini, aku teringat akan firman Tuhan yang Dia telah firmankan kepadaku di dalam padang belantara, mengatakan bahawa: Sejauh mana keturunan engkau mematuhi perintah-perintahKu, mereka akan makmur dalam negeri yang dijanjikan.

15 Ya, dan aku juga tahu bahawa mereka tidak dapat mematuhi perintah-perintah Tuhan mengikut hukum Musa, kecuali mereka mempunyai hukum itu.

16 Aku juga tahu bahawa hukum itu diukir di atas kepingan-kepingan loyang.

17 Dan lebih-lebih lagi, aku tahu bahawa Tuhan telah menyerahkan Laban ke dalam tanganku untuk tujuan ini—supaya aku boleh memperolehi catatan-catatan itu mengikut perintah-perintahNya.

18 Oleh kerana itu, aku mematuhi suara Roh, dan memegang Laban pada rambut kepala, dan aku memenggal kepalanya dengan pedangnya sendiri.

19 Dan setelah aku memenggal kepalanya dengan pedangnya sendiri, aku mengambil pakaian Laban dan memakainya pada tubuhku sendiri; ya, bahkan setiap helai; dan aku memasang baju besinya di sekeliling pinggangku.

20 Dan selepas aku telah melaksanakan ini, aku pergi ke perbendaharaan Laban. Dan sewaktu aku pergi ke arah perbendaharaan

Laban, lihatlah, aku nampak orang suruhan Laban yang memegang kunci-kunci perbendaharaan itu. Dan aku memerintahkan dia dengan suara Laban, bahawa dia mesti pergi dengan aku ke dalam perbendaharaan.

21 Dan dia menyangka bahawa aku tuannya, Laban, kerana dia nampak pakaian dan juga pedang yang dipasang di sekeliling pinggangku.

22 Dan dia berbicara kepadaku berkenaan para orang tua-tua bangsa Yahudi, kerana dia tahu bahawa tuannya, Laban pernah keluar pada waktu malam dengan mereka.

23 Dan aku berbicara kepadanya seolah-olah aku Laban.

24 Dan aku juga berbicara kepadanya bahawa aku patut membawa ukiran-ukiran itu, yang di atas kepingan-kepingan loyang, kepada abang-abangku, yang berada di luar tembok.

25 Dan aku juga memerintahkan dia bahawa dia mesti mengikutiku.

26 Dan dia, kerana menyangka bahawa aku sedang berbicara berkenaan saudara-saudara dari gereja, dan bahawa aku benar-benar Laban itu yang aku telah bunuh, oleh kerana itu dia mengikutiku.

27 Dan dia berbicara kepadaku banyak kali berkenaan para orang tua-tua bangsa Yahudi, sewaktu aku pergi kepada saudara-saudaraku, yang berada di luar tembok.

28 Dan terjadilah bahawa apabila Laman nampak aku, dia tersangat takut, dan juga Lemuel dan Sam.

Dan mereka melarikan diri dari hadapanku; kerana mereka menyangka aku adalah Laban, dan bahawa dia telah membunuhku dan berupaya mencabut nyawa mereka juga.

29 Dan terjadilah bahawa aku memanggil mereka, dan mereka mendengarku; oleh kerana itu mereka berhenti melarikan diri dari hadapanku.

30 Dan terjadilah bahawa apabila orang suruhan Laban nampak saudara-saudaraku, dia mula bergementar, dan hampir melarikan diri dari hadapanku dan kembali ke kota Yerusalem.

31 Dan sekarang aku, Nefi, kerana seorang lelaki yang besar perawakan, dan juga kerana telah menerima banyak kekuatan daripada Tuhan, oleh kerana itu aku menggenggam orang suruhan Laban, dan memegangnya, supaya dia tidak dapat melarikan diri.

32 Dan terjadilah bahawa aku berbicara dengannya, bahawa kalau dia sudi mendengar kata-kataku, sebagaimana Tuhan hidup, dan sebagaimana aku hidup, demikian jika dia sudi mendengar kata-kata kami, kami tidak akan mengambil nyawanya.

33 Dan aku berbicara kepadanya, bahkan dengan suatu sumpah, bahawa dia tidak perlu takut; bahawa dia akan menjadi orang bebas seperti kami jika dia turun ke dalam padang belantara dengan kami.

34 Dan aku juga berbicara kepadanya, mengatakan: Sudah pasti

Tuhan telah memerintah kami membuat perkara ini; dan tidak patutkah kami tekun dalam mematuhi perintah-perintah Tuhan? Oleh kerana itu, jika engkau sudi pergi ke dalam padang belantara kepada bapaku, engkau akan mempunyai tempat dengan kami.

35 Dan terjadilah bahawa Zoram menjadi berani kerana kata-kata yang telah aku ucapkan. Dan sekarang, Zoram adalah nama orang suruhan itu; dan dia berjanji bahawa dia akan pergi ke dalam padang belantara kepada bapa kami. Ya, dan dia juga membuat sumpah kepada kami bahawa dia akan tinggal bersama kami mulai dari masa itu.

36 Sekarang, kami berhasrat bahawa dia patut tinggal bersama kita kerana tujuan ini, supaya orang Yahudi tidak akan tahu berkenaan pelarian kami ke dalam padang belantara, kalau-kalau mereka akan mengejar kami dan membinasakan kami.

37 Dan terjadilah bahawa apabila Zoram telah membuat sumpah kepada kami, rasa takut kami terhadapnya pun berhenti.

38 Dan terjadilah bahawa kami mengambil kepingan-kepingan loyang dan orang suruhan Laban, dan keluar ke dalam padang belantara, dan membuat perjalanan ke khemah bapa kami.

BAB 5

Saria merungut terhadap

Lehi—Mereka berdua bersukacita atas kepulangan putera-putera mereka—Mereka mempersembahkan korban—Kepingan-kepingan loyang mengandungi tulisan-tulisan Musa dan para nabi—Kepingan-kepingan itu menunjukkan bahawa Lehi ialah keturunan Yusuf—Lehi bernubuat berkenaan keturunannya dan pemeliharaan kepingan-kepingan itu. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa setelah kami datang ke padang belantara kepada bapa kami, lihatlah, dia dipenuhi kebahagiaan, dan juga ibuku, Saria, tersangat sukacita, kerana dia telah benar-benar beresedih kerana kami.

2 Kerana dia telah berfikir bahawa kami telah binasa di dalam padang belantara; dan dia juga telah merungut terhadap bapa kami, memberitahu dia bahawa dia seorang lelaki yang cenderung berpenglihatan; mengatakan: Lihatlah, engkau telah membawa kita keluar dari negeri warisan kita, dan putera-puteraku sudah tiada lagi, dan kita binasa di dalam padang belantara.

3 Dan menurut cara bahasa demikian ibuku telah merungut terhadap bapaku.

4 Dan terjadilah bahawa bapaku berbicara kepadanya, mengatakan: Aku tahu aku seorang lelaki cenderung berpenglihatan; kerana jika aku tidak nampak hal-hal Tuhan di dalam suatu penglihatan, aku tidak akan tahu berkenaan kebaikan Tuhan, tetapi akan tetap berdiam

di Yerusalem, dan telah binasa bersama-sama saudara-saudaraku.

5 Tetapi lihatlah, aku telah memperoleh suatu negeri yang dijanjikan, yang dalam hal-hal ini aku bersukacita; ya, dan aku tahu bahawa Tuhan akan membebaskan putera-puteraku dari tangan Laban, dan membawa mereka kembali kepada kita di dalam padang belantara.

6 Dan menurut cara bahasa demikian bapaku, Lehi, telah menghibur ibuku, Saria, berkenaan kami, semasa kita membuat perjalanan di dalam padang belantara ke negeri Yerusalem, untuk memperolehi catatan-catatan bangsa Yahudi.

7 Dan setelah kami kembali ke khemah bapaku, lihatlah, kebahagiaan mereka pun penuh, dan ibuku terhibur.

8 Dan dia berbicara, mengatakan: Sekarang aku tahu dengan pasti bahawa Tuhan telah memerintahkan suamiku untuk melarikan diri ke dalam padang belantara; ya, dan aku juga tahu dengan pasti bahawa Tuhan telah melindungi putera-puteraku, dan membebaskan mereka dari tangan Laban, dan telah memberi mereka kuasa dimana mereka dapat melaksanakan perkara itu yang telah Tuhan perintahkan kepada mereka. Dan menurut cara bahasa demikian dia telah berbicara.

9 Dan terjadilah bahawa mereka sangat bersukacita, dan mempersembahkan korban dan persembahan-persembahan terbakar kepada

Tuhan; dan mereka memberi syukur kepada Tuhan Israel.

10 Dan setelah mereka memberi syukur kepada Tuhan Israel, bapaku, Lehi, mengambil catatan-catatan yang terukir di atas kepingan-kepingan loyang, dan dia menyelidikinya dari awal.

11 Dan dia nampak bahawa ia mengandungi lima kitab Musa, yang memberi laporan berkenaan penciptaan dunia, dan juga penciptaan Adam dan Hawa, iaitu ibubapa pertama kita;

12 Dan juga suatu catatan bangsa Yahudi dari awal, bahkan sampai ke permulaan pemerintahan Zedekia, raja Yehuda;

13 Dan juga nubuat-nubuat para nabi kudus, dari permulaan, bahkan sampai ke permulaan pemerintahan Zedekia; dan juga banyak nubuat yang telah diucapkan oleh mulut Yeremia.

14 Dan terjadilah bahawa bapaku, Lehi, juga terjumpa di atas kepingan-kepingan loyang itu, suatu salasilah nenek moyangnya; oleh kerana itu, dia tahu bahawa dia keturunan Yusuf; ya, bahkan Yusuf itu yang putera Yakub, yang telah dijual ke dalam Mesir, dan yang dipelihara oleh tangan Tuhan, agar dia dapat memelihara bapanya, Yakub, dan seluruh keluarganya daripada mati kebuluran.

15 Dan mereka juga dibawa keluar dari tawanan dan keluar dari negeri Mesir, oleh Tuhan yang sama itu yang telah memelihara mereka.

16 Dan demikianlah bapaku, Lehi, telah menjumpai salasilah nenek moyangnya. Dan Laban juga keturunan Yusuf, oleh kerana itu, dia dan nenek moyangnya telah memelihara catatan-catatan itu.

17 Dan sekarang, apabila bapaku nampak segala perkara ini, dia dipenuhi Roh, dan mula bernubuat berkenaan keturunannya—

18 Bahawa kepingan-kepingan loyang ini patut tersebar ke semua bangsa, kaum, bahasa, dan orang yang daripada keturunannya.

19 Oleh kerana itu, dia berkata bahawa kepingan-kepingan loyang ini langsung tidak akan musnah; juga ia tidak akan lagi disuramkan oleh masa. Dan dia bernubuat berkenaan banyak hal berkenaan keturunannya.

20 Dan terjadilah bahawa sampai sekarang aku dan bapaku telah mematuhi perintah-perintah dengan mana Tuhan telah perintahkan kepada kami.

21 Dan kami telah memperolehi catatan-catatan yang telah Tuhan perintahkan kepada kami, dan menyelidikinya dan mendapati bahawa ia adalah patut diingini; ya, bahkan sangat berharga kepada kami, supaya kami dapat memelihara perintah-perintah Tuhan untuk anak-anak kami.

22 Oleh kerana itu, adalah kebijaksanaan dalam Tuhan bahawa kami patut membawanya dengan kami, sewaktu kami membuat perjalanan di dalam padang belantara menuju ke negeri yang dijanjikan.

BAB 6

Nefi menulis berkenaan hal-hal Tuhan—Tujuan Nefi adalah untuk memujuk manusia supaya datang kepada Tuhan Abraham dan diselamatkan. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN sekarang aku, Nefi, tidak memberi salasilah leluhurku di dalam bahagian ini dalam catatanku; tidak juga pada apa masa pun akan aku berikannya selepas ini di atas kepingan-kepingan ini yang sedang aku tulis; kerana ia diberi di dalam catatan yang telah disimpan oleh bapaku; oleh kerana itu, aku tidak menuliskannya di dalam karya ini.

2 Kerana cukuplah bagiku mengatakan bahawa kami adalah keturunan Yusuf.

3 Dan bukanlah masalah bagiku bahawa aku cermat memberi laporan penuh berkenaan semua hal bapaku, kerana ia tidak dapat ditulis di atas kepingan-kepingan ini, kerana aku menginginkan ruang supaya aku dapat menulis segala hal Tuhan.

4 Kerana seluruh maksudku adalah bahawa aku dapat memujuk manusia supaya datang kepada Tuhan Abraham, dan Tuhan Isyak, dan Tuhan Yakub, dan diselamatkan.

5 Oleh kerana itu, hal-hal yang menyenangkan bagi dunia aku tidak akan tuliskan, tetapi hal-hal yang menyenangkan bagi Tuhan dan bagi mereka yang bukan dari dunia ini.

6 Oleh kerana itu, aku akan memberi perintah kepada keturunanku, bahawa mereka tidak akan mengisi kepingan-kepingan ini dengan perkara-perkara yang tidak bernilai kepada anak-anak manusia.

BAB 7

Putera-putera Lehi kembali ke Yerusalem dan menjemput Ismael dan keluarganya untuk menyertai mereka dalam perjalanan mereka—Laman dan yang lain memberontak—Nefi memujuk saudara-saudaranya supaya beriman kepada Tuhan—Mereka mengikatnya dengan tali dan merancangkan pembinasanya—Dia dibebaskan oleh kuasa iman—Saudara-saudaranya meminta ampun—Lehi dan kumpulannya mempersembahkan korban dan persembahan yang dibakar. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN sekarang aku inginkan engkau tahu bahawa selepas bapaku, Lehi, telah berhenti bernubuat berkenaan keturunannya, terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepadanya lagi, mengatakan bahawa tidak sesuai untuk dia, Lehi, membawa keluarganya ke dalam padang belantara tanpa teman; tetapi putera-puteranya patut mengambil isteri-isteri, supaya mereka dapat membangkitkan keturunan bagi Tuhan di negeri yang dijanjikan.

2 Dan terjadilah bahawa Tuhan memerintahkan dia supaya aku, Nefi, dan saudara-saudaraku,

harus kembali lagi ke negeri Yerusalem, dan membawa Ismael dan keluarganya ke padang belantara.

3 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, sekali lagi, dengan saudara-saudaraku, masuk ke dalam padang belantara untuk pergi ke Yerusalem.

4 Dan terjadilah bahawa kami pergi ke rumah Ismael, dan kami didapati berkenan pada pandangan Ismael, sehingga kami dapat berbicara kepadanya firman Tuhan.

5 Dan terjadilah bahawa Tuhan melunakkan hati Ismael, dan juga keluarganya, sehingga mereka menyertai kami dalam perjalanan ke dalam padang belantara ke khemah bapa kami.

6 Dan terjadilah bahawa semasa kami membuat perjalanan dalam padang belantara, lihatlah, Laman dan Lemuel dan dua orang puteri Ismael, dua orang putera Ismael dan keluarga-keluarga mereka, memberontak terhadap kami; ya, terhadap aku, Nefi, dan Sam, dan bapa mereka, Ismael, dan isterinya, dan tiga orang puterinya yang lain.

7 Dan terjadilah bahawa semasa pemberontakan itu, mereka ingin kembali ke negeri Yerusalem

8 Dan aku, Nefi, kerana berse-dih disebabkan kekerasan hati mereka, oleh kerana itu, aku berbicara kepada mereka, mengatakan, ya, bahkan kepada Laman dan Lemuel: Lihatlah, engkau abangku, dan mengapakah engkau begitu keras dalam hatimu, dan

begitu buta dalam penglihatanmu, sehingga engkau memerlukan bahawa aku, adikmu, mesti berbicara kepada engkau, ya, dan memberi teladan bagimu?

9 Bagaimanakah mungkin engkau telah tidak menghiraukan firman Tuhan?

10 Bagaimanakah mungkin engkau dapat melupai bahawa engkau telah nampak seorang malaikat Tuhan?

11 Ya, dan bagaimanakah mungkin engkau dapat melupai perkara-perkara besar yang Tuhan telah laksanakan untuk kami, dengan membebaskan kami dari tangan Laban, dan juga bahawa kami telah memperoleh catatan itu?

12 Ya, dan bagaimanakah mungkin engkau dapat melupai bahawa Tuhan boleh melaksanakan segala-galanya mengikut hasratnya, bagi anak-anak manusia, jikalau mereka beriman kepada Dia? Oleh kerana itu, marilah kita beriman kepada Dia.

13 Dan jika kami beriman kepada Dia, kami akan memperoleh negeri yang dijanjikan; dan engkau akan tahu pada suatu tempoh masa depan bahawa firman Tuhan akan digenapi berkenaan penghancuran Yerusalem; kerana segala hal yang Tuhan telah firmankan berkenaan penghancuran Yerusalem pasti digenapi.

14 Kerana lihatlah, Roh Tuhan akan cepat berhenti cuba mempengaruhi mereka; kerana lihatlah, mereka telah menolak para nabi, dan Yeremia telah mereka buang

ke dalam penjara. Dan mereka telah berupaya mengambil nyawa bapaku, sehingga mereka telah menghalaukan dia keluar dari negeri.

15 Sekarang lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa jika engkau kembali ke Yerusalem, engkau akan binasa dengan mereka. Dan sekarang, jika engkau berupaya memilih, pergilah ke negeri itu dan ingatlah kata-kata yang aku ucapkan kepadamu, iaitu jika engkau pergi, engkau juga akan binasa; kerana demikianlah Roh Tuhan mendesak aku berbicara.

16 Dan terjadilah bahawa apabila aku, Nefi, telah mengucapkan kata-kata ini kepada saudara-saudaraku, mereka marah terhadapku. Dan terjadilah bahawa mereka mengenakan tangan mereka padaku, kerana lihatlah, mereka tersangat marah, dan mereka mengikatku dengan tali kerana mereka ingin mengambil nyawaku, agar mereka dapat meninggalkan aku di padang belantara supaya dimakan oleh binatang-binatang buas.

17 Dan terjadilah bahawa aku berdoa kepada Tuhan, mengatakan: Ya Tuhan, menurut imanku kepadaMu, sudikah Engkau melepaskan aku dari tangan saudara-saudaraku; ya, bahkan memberi aku kekuatan agar aku dapat memutuskan ikatan ini dengan mana aku diikat.

18 Dan terjadilah bahawa setelah aku mengucapkan kata-kata ini, lihatlah, ikatan itu dilonggarkan dari tangan dan kakiku, dan aku

berdiri di hadapan saudara-saudaraku, dan aku berbicara kepada mereka lagi.

19 Dan terjadilah bahawa mereka marah dengan aku lagi, dan berupaya mengenakan tangan kepadaku; tetapi lihatlah, seorang daripada puteri-puteri Ismael, ya, dan juga ibunya, dan seorang daripada putera Ismael, telah memohon kepada saudara-saudaraku, sehingga mereka telah melunakkan hati mereka; dan mereka berhenti berupaya mengambil nyawaku.

20 Dan terjadilah bahawa mereka bersedih, kerana kejahatan mereka, sehingga mereka membongkok di hadapanku, dan memohon kepadaku agar aku mengampuni mereka bagi perkara itu yang mereka telah lakukan kepadaku.

21 Dan terjadilah bahawa aku dengan tulus ikhlas mengampunkan mereka atas segala yang telah mereka buat, dan aku menggesa mereka agar mereka patut berdoa kepada Tuhan mereka untuk memperolehi pengampunan. Dan terjadilah bahawa mereka berbuat demikian. Dan setelah mereka habis berdoa kepada Tuhan, kami sekali lagi pergi dalam perjalanan kami menuju ke arah khemah bapa kami.

22 Dan terjadilah bahawa mereka sampai ke khemah bapa kami. Dan setelah aku dan saudara-saudaraku dan seluruh keluarga Ismael telah masuk ke khemah bapaku, mereka memberi syukur kepada Tuhan mereka; dan mereka

mempersalahkan korban dan persembahan terbakar kepada Dia.

BAB 8

Lehi nampak suatu penglihatan berkenaan pohon kehidupan—Dia makan dari buah-buahnya dan ingin supaya keluarganya juga melakukan yang demikian—Dia nampak suatu batang besi, sebuah lorong sempit dan kecil, dan kabut kegelapan yang menyelubungi manusia—Saria, Nefi, dan Sam makan buah itu, tetapi Laman dan Lemuel enggan berbuat demikian. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa kami telah memungut bersama segala macam benih dari setiap jenis, baik biji-bijian dari setiap jenis, mahupun benih buah-buahan dari setiap jenis.

2 Dan terjadilah bahawa sewaktu bapaku tinggal di padang belantara, dia berbicara kepada kami, mengatakan: Lihatlah, aku telah memimpikan suatu mimpi; atau dalam kata-kata lain, aku telah nampak suatu penglihatan.

3 Dan lihatlah, oleh kerana hal yang telah aku lihat, aku mempunyai sebab untuk bersukacita dalam Tuhan kerana Nefi dan juga kerana Sam; kerana aku mempunyai sebab untuk percaya bahawa mereka, dan juga ramai daripada keturunan mereka, akan diselamatkan.

4 Tetapi lihatlah, Laman dan Lemuel, aku tersangat khuatir keranamu; kerana lihatlah, aku

fikir aku nampak dalam mimpiku, suatu padang belantara yang gelap dan suram.

5 Dan terjadilah bahawa aku nampak seorang lelaki, dan dia berpakaian jubah putih; dan dia datang dan berdiri di hadapanku.

6 Dan terjadilah bahawa dia berbicara kepadaku, dan menyuruh aku mengikutnya.

7 Dan terjadilah bahawa sewaktu aku mengikutnya, aku nampak diri aku sendiri, bahawa aku berada di suatu tempat tandus yang gelap dan suram.

8 Dan setelah aku membuat perjalanan selama banyak jam di dalam kegelapan, aku mula berdoa kepada Tuhan agar Dia berbelas kasihan kepadaku, menurut kelimpahan belas kasihan-Nya yang lembut.

9 Dan terjadilah bahawa setelah aku berdoa kepada Tuhan, aku nampak suatu padang besar dan luas.

10 Dan terjadilah bahawa aku nampak suatu pohon, yang buahnya dihasrati untuk menjadikan seseorang gembira.

11 Dan terjadilah bahawa aku pergi dan makan buahnya; dan aku nampak bahawa ianya paling manis, melebihi segala lain yang pernah aku rasai. Ya, dan aku nampak bahawa buahnya putih, melebihi segala keputihan yang pernah aku lihat.

12 Dan sewaktu aku makan buahnya, ia memenuhi jiwaku dengan kebahagiaan yang tersangat besar; oleh kerana itu, aku mulai

berhasrat bahawa keluargaku patut memakannya juga; kerana aku tahu bahawa ia dihasrati atas segala buah yang lain.

13 Dan sewaktu aku melihat-lihat dengan mataku di sekeliling, agar barangkali aku mungkin dapat menemui keluargaku juga, aku nampak sebuah sungai berair; dan ia mengalir, dan ia berada dekat pohon yang di mana aku sedang makan buah itu.

14 Dan aku memandang untuk melihat dari mana ianya datang; dan aku nampak hulunya sedikit jauh; dan di hulunya aku nampak ibumu Saria, dan Sam, dan Nefi; dan mereka berdiri seolah-olah mereka tidak tahu ke mana mereka patut pergi.

15 Dan terjadilah bahawa aku memanggil kepada mereka; dan aku juga berkata kepada mereka dengan suara yang kuat bahawa mereka patut datang kepadaku, dan makan buah itu, yang dihasrati melebihi segala buah lain.

16 Dan terjadilah bahawa mereka datang kepadaku dan makan buah itu juga.

17 Dan terjadilah bahawa aku berhasrat agar Laman dan Lemuel patut datang dan makan buah itu juga; oleh kerana itu, aku melihat-lihat dengan mataku ke arah hulu sungai itu, agar barangkali aku dapat nampak mereka.

18 Dan terjadilah bahawa aku nampak mereka, tetapi mereka enggan datang kepadaku dan makan buah itu.

19 Dan aku nampak sebatang

besi, dan ia berterusan sepanjang tebing sungai itu, dan menuntun kepada pohon di tepi mana aku berdiri.

20 Dan aku juga nampak suatu lorong sempit dan kecil, yang berterusan di samping sepanjang batang besi, bahkan sampai pohon di tepi mana aku berdiri; dan ia juga menuntu di sebelah hulu sungai itu, ke sebuah padang besar dan luas, seolah-olah ia adalah suatu dunia.

21 Dan aku nampak kumpulan-kumpulan orang yang tak terhitung jumlahnya, ramai di antara mereka sedang mara ke hadapan, agar mereka dapat mencapai lorong yang menuntun kepada pohon di tepi mana aku berdiri.

22 Dan terjadilah bahawa mereka mara ke depan, dan mula berjalan di dalam lorong yang menuntun ke pohon itu.

23 Dan terjadilah bahawa suatu kabut kegelapan muncul timbul; ya, bahkan suatu kabut kegelapan yang amat besar, sedemikian rupa sehingga mereka yang telah mula berjalan di dalam lorong itu tersesat jalan, mereka terayau-rayau dan tersesat.

24 Dan terjadilah bahawa aku nampak orang lain menekan ke hadapan, dan mereka keluar dan menangkap hujung batang besi itu; dan mereka menekan ke hadapan melalui kabut kegelapan, memegang kuat kepada batang besi itu, bahkan sehingga mereka dapat keluar dan makan buah dari pohon itu.

25 Dan setelah mereka makan buah pohon itu, mereka melihat-lihat dengan mata mereka seolah-olah mereka malu.

26 Dan aku juga melihat-lihat dengan mataku di sekitar, dan nampak di sebelah lain sungai berair itu, sebuah bangunan besar dan lapang; dan ia berdiri seakan-akan di udara, tinggi di atas bumi.

27 Dan ia dipenuhi orang, baik tua mahupun muda, baik lelaki mahupun perempuan; dan cara mereka berpakaian adalah ter-sangat halus; dan lagak mereka adalah mengejek dan menuding jari mereka terhadap mereka yang telah datang dan sedang makan buah itu.

28 Dan setelah mereka merasai buah itu, mereka malu disebabkan mereka yang sedang memperolok-olokkan mereka; dan mereka jatuh ke dalam jalan-jalan terlarang dan menjadi sesat.

29 Dan sekarang aku, Nefi, tidak mengucapkan segala perkataan bapaku.

30 Tetapi, agar ringkas dalam penulisan, lihatlah, dia nampak orang ramai yang lain menekan ke hadapan; dan mereka datang dan menangkap hujung batang besi itu; dan mereka menekan ke hadapan senantiasa memegang kuat kepada batang besi itu, sehingga mereka keluar dan jatuh dan memakan buah dari pohon itu.

31 Dan dia juga nampak orang ramai yang lain meraba-raba mencari jalan mereka ke arah bangunan besar dan lapang itu.

32 Dan terjadilah bahawa ramai lemas di dalam aliran sungai itu; dan ramai hilang dari pandangannya, merayau-rayau di jalan-jalan asing.

33 Dan ramainya orang yang masuk ke dalam bangunan aneh itu. Dan setelah mereka memasuki bangunan itu, mereka menuding jari penghinaan ke arahku dan mereka yang sedang makan buah itu juga; tetapi kami tidak meng-hiraukan mereka.

34 Inilah kata-kata bapaku: Kerana seramai yang menghiraukan mereka, telah jatuh.

35 Dan Laman dan Lemuel tidak makan buah itu, kata bapaku.

36 Dan terjadilah bahawa setelah bapaku mengucapkan semua kata dari mimpi atau penglihatannya, yang banyak bilangannya, dia berucap kepada kami, kerana hal-hal yang telah dia nampak dalam suatu penglihatan, dia amat khuatir akan Laman dan Lemuel; ya, dia khuatir mereka akan dibuang dari hadirat Tuhan.

37 Dan dia memujuk mereka dengan segala perasaan seorang ibubapa yang penyayang, agar mereka akan mendengar kata-katanya, agar barangkali Tuhan akan berbelas kasihan terhadap mereka, dan tidak membuang mereka keluar; ya, bapaku berkhutbah kepada mereka.

38 Dan setelah dia berkhutbah kepada mereka, dan juga telah ber-nubuat kepada mereka berkenaan banyak perkara, dia menyuruh mereka mematuhi perintah-perintah

Tuhan; dan dia berhenti berbicara kepada mereka.

BAB 9

Nefi membuat dua kumpulan catatan—Setiap satu dipanggil kepingan-kepingan Nefi—yang lebih besar mengandungi sejarah duniawi; yang lebih kecil menghuraikan terutamanya perkara-perkara kudus. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN segala hal ini telah bapaku lihat, dan dengar, dan berucap, sewaktu dia tinggal di dalam sebuah khemah, di dalam lembah Lemuel, dan juga tersangat banyak lagi hal, yang tidak boleh ditulis di atas ini.

2 Dan sekarang, kerana aku telah berbicara berkenaan ini, lihatlah, mereka bukan di atas mana aku membuat laporan penuh berkenaan sejarah bangsaku; kerana kepingan-kepingan di atas mana aku membuat laporan penuh berkenaan bangsaku, aku telah berikan nama Nefi; oleh kerana itu, mereka dipanggil kepingan-kepingan Nefi, menurut namaku sendiri; dan kepingan-kepingan ini juga dipanggil kepingan-kepingan Nefi.

3 Namun demikian, aku telah menerima suatu perintah dari Tuhan bahawa aku patut membuat kepingan-kepingan ini untuk tujuan istimewa iaitu patutnya ada terukir suatu laporan pelayanan bangsaku.

4 Di atas kepingan-kepingan yang lain patut diukir suatu laporan

berkenaan pemerintahan raja-raja, dan peperangan-peperangan dan pertikaian bangsaku; oleh itu, kepingan-kepingan ini adalah lebih untuk bahagian tentang pelayanan; dan kepingan-kepingan yang lain adalah lebih untuk bahagian pemerintahan raja-raja dan peperangan-peperangan dan pertikaian bangsaku.

5 Oleh kerana itu, Tuhan telah memerintahkanku membuat ini untuk tujuan yang bijaksana di dalamNya, yang mana tujuan aku tidak tahu.

6 Tetapi Tuhan mengetahui segala-galanya dari permulaan ; oleh kerana itu, Dia menyediakan suatu jalan untuk melaksanakan segala kerjanya di kalangan anak-anak manusia; kerana lihatlah, Dia mempunyai segala kuasa untuk menggenapi semua firman-Nya. Dan demikianlah halnya. Amin.

BAB 10

Lehi meramalkan bahawa bangsa Yahudi akan ditawan oleh orang Babylon—Dia memberitahu berkenaan kedatangan di kalangan bangsa Yahudi seorang Mesias, seorang Juruselamat, seorang Penebus—Lehi juga memberitahu berkenaan seorang yang akan membaptiskan Anak Domba Tuhan—Lehi menceritakan berkenaan kematian dan kebangkitan Mesias itu—Dia membandingkan pencerai-beraian dan pengumpulan Israel dengan sebatang pohon zaitun—Nefi berucap berkenaan Putera

Tuhan, berkenaan kurnia Roh Kudus, dan perlunya ada kesolehan. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN sekarang aku, Nefi, meneruskan untuk memberi suatu laporan di atas kepingan-kepingan ini berkenaan perbuatan-perbuatanku, dan pemerintahan serta pelayananku; oleh kerana itu, untuk meneruskan laporanku, aku mesti berbicara sedikit berkenaan hal-hal bapaku, dan juga berkenaan saudara-saudaraku.

2 Kerana lihatlah, terjadilah bahawa setelah bapaku mengakhiri mengucapkan kata-kata berkenaan mimpinya, dan juga berkenaan mendesak mereka kepada segala ketekunan, dia berbicara kepada mereka berkenaan bangsa Yahudi.

3 Bahawa selepas mereka harus dihancurkan, bahkan kota agung Yerusalem, dan ramai dibawa tawanan ke negara Babylon, menurut waktu Tuhan sendiri, mereka akan kembali lagi, ya, bahkan dibawa balik keluar dari tawanan; dan setelah mereka dibawa keluar dari tawanan, mereka akan memiliki lagi negeri warisan mereka.

4 Ya, bahkan enam ratus tahun dari masa bapaku meninggalkan Yerusalem, seorang nabi akan Tuhan bangkitkan daripada kalangan bangsa Yahudi—bahkan seorang Mesias, atau, dalam kata-kata lain, seorang Juruselamat dunia.

5 Dan dia juga berbicara berkenaan para nabi, bagaimana sejumlah besar telah bersaksi berkenaan

hal-hal ini, berkenaan Mesias ini, yang siapa dia telah bicarakan, atau Penebus dunia ini.

6 Oleh kerana itu, segala umat manusia adalah di dalam keadaan tersesat dan terjatuh, dan sentiasa akan begitu kecuali mereka bergantung kepada Penebus ini.

7 Dan dia juga berucap berkenaan seorang nabi yang akan datang sebelum Mesias, untuk menyediakan jalan Tuhan—

8 Ya, bahkan dia akan pergi dan menyeru di padang belantara: Sediakanlah engkau jalan Tuhan, dan jadikanlah jalan-Nya lurus; kerana ada seorang yang berdiri di antara engkau yang engkau tidak kenal; dan dia lebih perkasa daripadaku, tali kasutnya aku tidak layak membuka. Dan banyak berucap bapaku berkenaan hal ini.

9 Dan bapaku berkata bahawa dia akan membaptis di Betabara, seberang Yordan; dan dia juga berkata bahawa dia akan membaptis dengan air; bahkan bahawa dia akan membaptiskan Mesias dengan air.

10 Dan setelah dia membaptiskan Mesias dengan air, dia akan lihat dan memberi kesaksian bahawa dia telah membaptiskan Anak Domba Tuhan, yang akan mengambil pergi dosa-dosa dunia.

11 Dan terjadilah bahawa setelah bapaku mengucapkan kata-kata ini, dia berbicara kepada saudara-saudaraku berkenaan Injil yang akan dihutbahkan di kalangan bangsa Yahudi, dan juga berkenaan kemerosotan bangsa Yahudi

dalam ketidakpercayaan. Dan setelah mereka membunuh Mesias, yang akan datang, dan setelah Dia dibunuh, dia akan bangkit dari yang mati, dan akan menyatakan diri-Nya, melalui Roh Kudus, kepada orang bukan Yahudi.

12 Ya, bahkan bapaku berbicara banyak berkenaan orang bukan Yahudi, dan juga berkenaan kaum keturunan Israel, bahawa mereka patut harus dibandingkan dengan sebatang pokok zaitun, yang cabang-cabangnya akan dipatahkan dan dicerai-beraikan ke atas seluruh permukaan bumi.

13 Oleh kerana itu, dia berkata bahawa adalah perlu bahawa kami akan dituntun bersama dengan muafakat ke negeri yang dijanjikan, sehingga penggenapan firman Tuhan, bahawa kami akan dicerai-beraikan ke atas seluruh permukaan bumi.

14 Dan setelah bani Israel dicerai-beraikan, mereka akan dikumpulkan bersama kembali; atau, kesimpulannya, setelah orang bukan Yahudi telah menerima kegenapan Injil, cabang-cabang asli pokok zaitun itu, atau sisa-sisa kaum keturunan Israel akan dicantumkan ke dalam, atau datang kepada pengetahuan berkenaan Mesias yang sejati, Tuhan mereka dan Penebus mereka.

15 Dan menurut cara berbahasa ini demikianlah bapaku telah bernubuat dan berbicara kepada saudara-saudaraku, dan juga banyak lagi hal yang aku tidak menulis di dalam kitab ini; kerana

aku telah menulis sebanyak mana yang sesuai untukku di dalam kitabku yang lain.

16 Dan segala hal ini, yang telah aku bicarakan, telah dilaksanakan semasa bapaku tinggal di dalam sebuah khemah, di dalam lembah Lemuel.

17 Dan terjadilah bahawa setelah aku, Nefi, mendengar semua perkataan bapaku, berkenaan apa yang telah dia lihat di dalam suatu penglihatan, dan juga hal-hal yang dia ucapkan melalui kuasa Roh Kudus, yang kuasa telah dia terima melalui iman kepada Putera Tuhan—dan Putera Tuhan ialah Mesias yang akan datang—aku, Nefi, berhasrat juga agar aku dapat melihat, dan mendengar, dan mengetahui berkenaan hal-hal ini, melalui kuasa Roh Kudus, yang adalah kurnia Tuhan kepada semua yang tekun mencari Dia, baik pada zaman silam, mahupun pada ketika Dia akan menyatakan diri-Nya kepada anak-anak manusia.

18 Kerana Dia sama dahulu, hari ini, dan selamanya; dan jalan telah disediakan bagi semua manusia semenjak asas dunia, jika demikian halnya mereka bertaubat dan datang kepada Dia.

19 Kerana dia yang tekun mencari akan menemui; dan misteri-misteri Tuhan akan didedahkan kepada mereka, melalui kuasa Roh Kudus, baik pada zaman kini, mahupun pada zaman silam, dan baik pada zaman silam mahupun pada zaman akan datang; oleh

kerana itu, jalan Tuhan adalah satu kitaran abadi.

20 Oleh kerana itu, ingatlah, Wahai manusia, kerana segala perbuatanmu akan dibawa ke dalam penghakiman.

21 Oleh kerana itu, jika engkau telah berupaya melakukan kejahatan pada masa percubaanmu, maka engkau akan didapati tidak bersih di hadapan kerusi penghakiman Tuhan; dan tiada apa pun yang tidak bersih dapat hidup dengan Tuhan; oleh kerana itu, engkau mesti dibuang keluar selama-lamanya.

22 Dan Roh Kudus memberi wewenang agar aku mesti mengucapkan hal-hal ini, dan tidak menahannya.

BAB 11

Nefi melihat Roh Tuhan dan ditunjukkan pohon kehidupan di dalam suatu penglihatan—Dia melihat ibu Putera Tuhan dan belajar berkenaan perendahan diri Tuhan—Dia melihat pembaptisan, pelayanan, dan penyaliban Anak Domba Tuhan—Dia melihat juga panggilan dan pelayanan Dua Belas Rasul Anak Domba. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

KERANA terjadilah bahawa setelah aku berhasrat untuk mengetahui hal-hal yang bapaku telah lihat, dan percaya bahawa Tuhan dapat menjadikannya nyata kepadaku, sewaktu aku duduk berfikir mendalam di dalam hatiku, aku dibawa pergi dalam Roh Tuhan, ya,

ke sebuah gunung teramat tinggi, yang aku tidak pernah sebelumnya lihat, dan yang di atasnya aku tidak pernah menjejakkan kakiku.

2 Dan Roh berkata kepadaku: Lihatlah, apakah yang engkau hasratkan?

3 Dan aku berkata: Aku berhasrat melihat apa yang bapaku lihat.

4 Dan Roh berkata kepadaku: Percayakah engkau bahawa bapaku melihat pohon yang berkeanaannya dia telah berbicara?

5 Dan aku berkata: Ya, engkau tahu bahawa aku percaya semua perkataan bapaku.

6 Dan apabila aku telah mengucapkan kata-kata ini, Roh menyeru dengan suara yang kuat, mengatakan: Hosana kepada Tuhan, Tuhan yang mahatinggi; kerana Dia ialah Tuhan atas seluruh bumi, ya, bahkan atas segala-galanya. Dan diberkatilah engkau, Nefi, kerana engkau percaya kepada Putera Tuhan yang mahatinggi; oleh kerana itu engkau akan melihat hal-hal yang telah engkau hasratkan.

7 Dan lihatlah, hal ini akan diberikan kepadamu sebagai tanda, bahawa setelah engkau melihat pohon yang menghasilkan buah yang bapaku telah rasakan, engkau akan juga melihat seorang lelaki turun dari syurga dan Dia akan engkau saksikan; dan setelah engkau menyaksikan Dia, engkau akan memberi kesaksian bahawa Dia ialah Putera Tuhan.

8 Dan terjadilah bahawa Roh berkata kepadaku: Lihatlah! Dan

aku melihat dan nampak seponh pokok; dan ia seperti pohon yang telah bapaku lihat; dan keindahannya jauh melebihi, ya, melampaui segala keindahan; dan keputihannya melebihi keputihan salji yang berterbangan.

9 Dan terjadilah bahawa setelah aku melihat pohon itu, aku berkata kepada Roh: Aku melihat bahawa engkau telah menunjukkan kepadaku pohon yang nilainya melebihi segalanya.

10 Dan dia berkata kepadaku: Apakah yang engkau hasratkan?

11 Dan aku berkata kepadanya: Untuk mengetahui tafsirannya—kerana aku berbicara kepadanya seperti seorang manusia berbicara; kerana aku lihat bahawa dia dalam bentuk seorang manusia; walaubagaimanapun, aku tahu bahawa dia adalah Roh Tuhan; dan dia berbicara kepadaku seperti seorang manusia berbicara kepada orang yang lain.

12 Dan terjadilah bahawa dia berkata kepadaku: Lihatlah! Dan aku melihat seolah-olah memandangi kepada dia, dan aku tidak nampak dia; kerana dia telah hilang dari hadapanku.

13 Dan terjadilah bahawa aku lihat dan nampak kota agung Yerusalem, dan juga kota-kota lain. Dan aku nampak kota Nazaret; dan di dalam kota Nazaret, aku nampak seorang anak dara, dan dia teramat cantik dan putih.

14 Dan terjadilah bahawa aku nampak syurga terbuka; dan seorang malaikat turun dan berdiri

di hadapanku; dan dia berkata kepadaku: Nefi, apakah yang engkau nampak?

15 Dan aku berkata kepadanya: Seorang anak dara, paling cantik dan jelita melebihi semua anak dara lain.

16 Dan dia berkata kepadaku: Tahukah engkau perendahan diri Tuhan?

17 Dan aku berkata kepadanya: Aku tahu bahawa Dia mengasihi anak-anak-Nya; walaubagaimanapun, aku tidak tahu maksud segala hal.

18 Dan dia berkata kepadaku: Lihatlah, anak dara yang engkau nampak ialah ibu kepada Putera Tuhan, menurut keadaan dagingnya.

19 Dan terjadilah bahawa aku nampak bahawa dia dibawa pergi dalam Roh; dan setelah dia dibawa pergi dalam Roh selama suatu jangka masa, malaikat itu berucap kepadaku, mengatakan: Lihat!

20 Dan aku melihat dan nampak anak dara itu lagi, membawa seorang anak di atas lengannya.

21 Dan malaikat itu berkata kepadaku: Lihatlah Anak Domba Tuhan, ya, bahkan Putera kepada Bapa Yang Abadi! Tahukah engkau maksud pohon yang bapaku nampak?

22 Dan aku menjawabkannya, mengatakan: Ya, ia adalah kasih Tuhan, yang mencurahkan dirinya merata-rata di dalam hati anak manusia; oleh kerana itu, ia adalah paling dihasratkan melebihi segala-galanya.

23 Dan dia berucap kepadaku, mengatakan: Ya, dan yang paling membahagiakan kepada jiwa.

24 Dan setelah dia mengucapkan kata-kata ini, dia berkata kepadaku: Lihatlah! Dan aku melihat, dan aku nampak Putera Tuhan sedang pergi ke kalangan anak-anak manusia; dan aku nampak ramai jatuh pada kaki-Nya dan menyembah Dia.

25 Dan terjadilah bahawa aku nampak bahawa batang besi itu yang telah bapaku lihat adalah firman Tuhan, yang menuntun kepada sumber air hidup, atau kepada pohon kehidupan; yang airnya adalah penggambaran kasih Tuhan; dan aku juga nampak bahawa pohon kehidupan adalah penggambaran kasih Tuhan.

26 Dan malaikat itu berkata kepadaku lagi: Pandanglah dan lihatlah perendahan diri Tuhan!

27 Dan aku melihat dan nampak Penebus dunia, berkenaan siapa bapaku telah berbicara; dan aku juga nampak nabi yang akan menyediakan jalan di hadapan-Nya. Dan Anak Domba Tuhan tampil dan dibaptiskan olehnya; dan setelah Dia dibaptiskan, aku nampak langit membuka, dan Roh Kudus turun keluar dari syurga dan diam di atas diri-Nya dalam bentuk burung merpati.

28 Dan aku nampak bahawa Dia pergi melayan orang ramai, dalam kuasa dan kegemilangan agung; dan orang ramai berkumpul bersama untuk mendengarkan Dia; dan aku nampak bahawa mereka

menyingkirkan Dia dari antara mereka.

29 Dan aku juga nampak dua belas orang lain mengikut Dia. Dan terjadilah bahawa mereka dibawa pergi dalam Roh dari hadapan mukaku, dan aku tidak nampak mereka.

30 Dan terjadilah bahawa malaikat itu berucap kepadaku lagi, mengatakan: Lihatlah! Dan aku melihat, dan aku nampak langit terbuka lagi, dan aku nampak para malaikat turun ke atas anak-anak manusia; dan mereka melayani mereka.

31 Dan dia berucap kepadaku lagi, mengatakan: Lihatlah! Dan aku melihat, dan aku nampak Anak Domba Tuhan pergi ke antara anak-anak manusia. Dan aku nampak khalayak orang ramai yang sakit, dan yang menderita segala jenis penyakit dan iblis dan roh jahat; dan malaikat itu berbicara dan memperlihatkan semua perkara ini kepadaku. Dan mereka disembuhkan oleh kuasa Anak Domba Tuhan; dan para iblis dan roh jahat disingkirkan.

32 Dan terjadilah bahawa malaikat itu berucap kepadaku lagi, mengatakan: Lihatlah! Dan aku melihat dan nampak Anak Domba Tuhan, bahawa Dia ditangkap oleh orang ramai; ya, Putera Tuhan yang kekal dihakimkan oleh dunia; dan aku nampak dan memberi kesaksian.

33 Dan aku, Nefi, nampak bahawa Dia diangkat ke atas salib dan dibunuh bagi dosa-dosa dunia.

34 Dan setelah Dia dibunuh, aku nampak orang ramai di bumi, bahawa mereka dikumpulkan bersama untuk berlawan menentang para rasul Anak Domba; kerana demikianlah kedua belas itu dipanggil oleh malaikat Tuhan.

35 Dan orang ramai di bumi dikumpulkan bersama; dan aku nampak bahawa mereka berada di dalam sebuah bangunan besar dan lapang, seperti bangunan yang bapaku telah lihat. Dan malaikat Tuhan berucap kepadaku lagi, mengatakan: Lihatlah dunia dan kebijaksanaannya; ya, lihatlah bani Israel telah berkumpul bersama untuk berlawan menentang dua belas rasul Anak Domba.

36 Dan terjadilah bahawa aku nampak dan memberi kesaksian, bahawa bangunan besar dan lapang itu adalah keangkuhan dunia; dan ia roboh, dan kero-bohannya tersangat teruk. Dan malaikat Tuhan berucap kepadaku lagi, mengatakan: Demikianlah kehancuran segala bangsa, kaum, bahasa, dan orang, yang akan berlawan menentang dua belas rasul Anak Domba.

BAB 12

Nefi melihat dalam penglihatan negeri yang dijanjikan; kesolehan, penderha-kaan, dan kejatuhan penghuni-penghuninya; kedatangan Anak Domba Tuhan di kalangan mereka; bagaimana Dua Belas Pengikut dan Dua Belas

Rasul akan menghakimkan Israel; dan keadaan memuakkan dan kotor orang yang merosot dalam ketidakpercayaan. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa malaikat itu berkata kepadaku: Pandanglah, dan lihat keturunanmu, dan juga keturunan saudara-saudaramu. dan aku lihat dan nampak negeri yang dijanjikan; dan aku nampak khalayak orang ramai, ya, bahkan seakan-akan bilangan mereka sebanyak pasir laut.

2 Dan terjadilah bahawa aku nampak orang ramai berkumpul bersama untuk bertempur, satu melawan yang lain; dan aku nampak peperangan, desas-desus berkenaan peperangan, dan pembunuhan teruk dengan pedang di kalangan bangsaku.

3 Dan terjadilah bahawa aku nampak banyak generasi telah berlalu, menurut cara peperangan dan pertikaian di dalam negeri; dan aku nampak banyak kota, ya, sehingga aku tidak menghitungkannya.

4 Dan terjadilah bahawa aku nampak kabut kegelapan di atas permukaan negeri yang dijanjikan; dan aku nampak kilat, dan aku dengar guruh, dan gempa bumi, dan segala macam bunyi yang gemuruh; dan aku nampak bumi dan batu-batan, bahawa mereka terbelah; dan aku nampak gunung-ganang runtuh menjadi berkeping-kepingan; dan aku nampak dataran-dataran bumi, bahawa mereka berpecah-pecah; dan aku nampak banyak kota,

bahawa mereka terbenam; dan aku nampak banyak, bahawa mereka dibakar dengan api; dan aku nampak banyak yang terhempas ke bumi, kerana goncangannya.

5 Dan terjadilah bahawa setelah aku nampak perkara-perkara ini, aku nampak kabus kegelapan, bahawa ia berlalu dari permukaan bumi; dan lihatlah, aku nampak ramai yang tidak jatuh kerana penghakiman agung dan teruk oleh Tuhan.

6 Dan aku nampak langit membuka, dan Anak Domba Tuhan turun keluar dari syurga, dan Dia turun dan memperlihatkan diri-Nya kepada mereka.

7 Dan aku juga nampak dan memberi kesaksian bahawa Roh Kudus jatuh ke atas dua belas orang lain; dan mereka ditahbiskan oleh Tuhan, dan dipilih.

8 Dan malaikat itu berucap kepadaku, mengatakan: Lihatlah dua belas pengikut Anak Domba, yang dipilih untuk melayani keturunanmu.

9 Dan dia berkata kepadaku: Ingatkah engkau dua belas rasul Anak Domba itu? Lihatlah, mereka ialah mereka yang akan menghakimi dua belas suku Israel; oleh kerana itu, dua belas pelayan rohani keturunanmu akan dihakimi oleh mereka; kerana engkau dari bani Israel.

10 Dan dua belas orang pelayan rohani ini yang engkau nampak akan menghakimi keturunanmu. Dan lihatlah, mereka soleh selama-lamanya; kerana disebabkan

iman mereka kepada Anak Domba Tuhan, pakaian mereka dijadikan putih dalam darah-Nya.

11 Dan malaikat itu berkata kepadaku: Lihatlah! Dan aku melihat, dan nampak tiga generasi telah berlalu di dalam kesolehan; dan pakaian mereka putih, bahkan seperti Anak Domba Tuhan. Dan malaikat itu berkata kepadaku: Mereka ini dijadikan putih di dalam darah Anak Domba, kerana iman mereka kepada Dia.

12 Dan aku, Nefi, juga nampak ramai di antara generasi keempat yang berlalu dalam kesolehan.

13 Dan terjadilah bahawa aku nampak orang ramai di bumi berkumpul bersama.

14 Dan malaikat itu berkata kepadaku: Lihatlah keturunanmu, dan juga keturunan saudara-saudaramu.

15 Dan terjadilah bahawa aku melihat dan nampak bangsa keturunanku berkumpul bersama dalam khalayak ramai melawan keturunan saudara-saudaraku; dan mereka berkumpul bersama untuk bertempur.

16 Dan malaikat itu berucap kepadaku, mengatakan: Lihatlah sumber air kotor yang telah bapakau nampak, ya, bahkan sungai yang telah dibicarakan dia; dan kedalamannya adalah kedalaman neraka.

17 Dan kabut kegelapan adalah godaan-godaan iblis, yang membutakan mata, dan mengeraskan hati anak-anak manusia, dan menuntun mereka pergi ke dalam

jalan-jalan lebar, agar mereka binasa dan tersesat.

18 Dan bangunan besar dan lapang itu, yang telah bapamu lihat, adalah khayalan sombong dan keangkuhan anak-anak manusia. Dan suatu jurang besar dan menakutkan memisahkan mereka; ya bahkan firman keadilan Tuhan yang Abadi, dan Mesias yang adalah Anak Domba Tuhan, yang siapa Roh Kudus memberi kesaksian, dari awal dunia sehingga masa kini, dan bermula dari masa kini dan selamanya.

19 Dan sewaktu malaikat itu mengucapkan kata-kata ini, aku melihat dan nampak keturunan saudara-saudaraku bertikai menentang keturunanku, menurut perkataan malaikat itu; dan kerana keangkuhan keturunanku, dan godaan-godaan iblis, aku nampak bahawa keturunan saudara-saudaraku mengalahkan bangsa keturunanku.

20 Dan terjadilah bahawa aku melihat, dan nampak bangsa keturunan saudara-saudaraku, bahawa mereka telah mengalahkan keturunanku; dan mereka mara dalam khalayak ramai ke atas permukaan negeri itu.

21 Dan aku nampak mereka berkumpul bersama dalam khalayak ramai; dan aku nampak peperangan dan desas-desus berkenaan peperangan di kalangan mereka; dan dalam peperangan dan desas-desus berkenaan peperangan, aku nampak banyak generasi telah berlalu.

22 Dan malaikat itu berkata kepadaku: Lihatlah, mereka ini akan merosot dalam ketidakpercayaan.

23 Dan terjadilah bahawa aku nampak, setelah mereka merosot dalam ketidakpercayaan, mereka menjadi bangsa yang gelap, dan yang memuakkan, dan yang kotor, penuh dengan kemalasan dan segala macam kekejian.

BAB 13

Nefi nampak dalam penglihatan, gereja iblis didirikan di kalangan orang bukan Yahudi, penemuan dan penjajahan Amerika, kehilangan banyak bahagian yang jelas dan berharga dari Al-Kitab, keadaan akibat daripada kemurtadan orang bukan Yahudi, pemulihan Injil, tampilnya tulisan suci zaman akhir, dan pembangunan Sion. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa malaikat itu berucap kepadaku, mengatakan: Lihatlah! Dan aku melihat dan nampak banyak bangsa dan kerajaan.

2 Dan malaikat itu berkata kepadaku: Apakah yang engkau nampak? Dan aku berkata: Aku nampak banyak bangsa dan kerajaan.

3 Dan dia berkata kepadaku: Inilah bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan orang bukan Yahudi.

4 Dan terjadilah bahawa aku nampak di kalangan bangsa-bangsa orang bukan Yahudi, pembentukan suatu gereja yang besar.

5 Dan malaikat itu berkata

kepadaku: Lihatlah pembentukan gereja yang paling keji melebihi segala gereja lain, yang membunuh orang suci Tuhan, ya, dan menyiksa mereka dan mengikat mereka dan memasang kuk kepada mereka dengan kuk besi, dan menjatuhkan mereka ke dalam penawanan.

6 Dan terjadilah bahawa aku nampak gereja besar dan keji ini; dan aku nampak iblis, bahawa dialah pengasasnya.

7 Dan aku juga nampak emas, dan perak, dan sutera, dan kain merah cerah, dan kain linen terpintal halus, dan segala macam pakaian berharga; dan aku nampak ramai pelacur.

8 Dan malaikat itu berucap kepadaku, mengatakan: Lihatlah emas, dan perak, dan sutera, dan kain-kain merah cerah, dan kain linen terpintal halus, dan pakaian berharga, dan para pelacur, adalah hasrat-hasrat gereja besar dan keji ini.

9 Dan juga kerana pujian dunia mereka membinasakan orang suci Tuhan, dan menjatuhkan mereka ke dalam penawanan.

10 Dan terjadilah bahawa aku melihat dan nampak banyak perairan; dan mereka memisahkan orang bukan Yahudi daripada keturunan saudara-saudaraku.

11 Dan terjadilah bahawa malaikat itu berkata kepadaku: Lihatlah kemurkaan Tuhan berada di atas keturunan saudara-saudaramu.

12 Dan aku melihat dan nampak seorang lelaki di kalangan orang

bukan Yahudi, yang dipisahkan dari keturunan saudara-saudaraku oleh banyak perairan; dan aku nampak Roh Tuhan, bahawa dia turun ke bawah dan berusaha mempengaruhi lelaki itu; dan dia pergi ke atas banyak perairan, bahkan kepada keturunan saudara-saudaraku, yang berada di negeri yang dijanjikan.

13 Dan terjadilah bahawa aku nampak Roh Tuhan, bahawa dia berusaha mempengaruhi orang bukan Yahudi yang lain; dan mereka keluar dari penawanan, ke atas banyak perairan.

14 Dan terjadilah bahawa aku nampak ramai orang bukan Yahudi di atas negeri yang dijanjikan; dan aku nampak kemurkaan Tuhan, bahawa ianya berada di atas keturunan saudara-saudaraku; dan mereka dicerai-beraikan di hadapan orang bukan Yahudi dan dihukum teruk.

15 Dan aku nampak Roh Tuhan, bahawa dia berada di atas orang bukan Yahudi, dan mereka makmur dan mendapat negeri itu untuk warisan mereka; dan aku nampak bahawa mereka putih, dan teramat jelita dan cantik, seperti bangsaku sebelum mereka terbunuh.

16 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, nampak bahawa orang bukan Yahudi yang telah keluar dari penawanan telah merendahkan diri mereka di hadapan Tuhan; dan kuasa Tuhan berada bersama mereka.

17 Dan aku nampak bahawa

induk orang bukan Yahudi itu berkumpul bersama di atas perairan, dan di atas negeri itu juga, untuk bertempur melawan mereka.

18 Dan aku nampak bahawa kuasa Tuhan berada bersama mereka, dan juga kemurkaan Tuhan berada di atas semua mereka yang berkumpul bersama melawan mereka dalam pertempuran.

19 Dan aku, Nefi, nampak bahawa orang bukan Yahudi yang telah keluar dari penawanan dibebaskan oleh tangan Tuhan dari tangan semua bangsa lain.

20 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, nampak bahawa mereka makmur dalam negeri; dan aku nampak sebuah kitab, dan ia dibawa ke kalangan mereka.

21 Dan malaikat itu berkata kepadaku: Tahukah engkau maksud kitab itu?

22 Dan aku berkata kepadanya: Aku tidak tahu.

23 Dan dia berkata: Lihatlah, ia keluar dari mulut seorang Yahudi. Dan aku, Nefi, melihatnya; dan dia berkata kepadaku: Kitab yang engkau lihat itu adalah suatu catatan bangsa Yahudi, yang mengandungi perjanjian-perjanjian dari Tuhan, yang Dia telah buat kepada bani Israel; dan ia juga mengandungi banyak di antara nubuat-nubuat para nabi; dan ia adalah catatan seperti ukiran-ukiran yang di atas kepingan-kepingan loyang, tetapi bukan demikian banyak; walaupun demikian, mereka mengandungi perjanjian-perjanjian dari Tuhan, yang Dia

telah buat kepada bani Israel; oleh kerana itu, mereka adalah sangat berharga kepada orang bukan Yahudi.

24 Dan malaikat Tuhan berkata kepadaku: Engkau telah melihat kitab yang keluar dari mulut seorang Yahudi; dan apabila ia keluar dari mulut seorang Yahudi, ia mengandungi kegenapan Injil Tuhan, berkenaan siapa kedua belas rasul memberi kesaksian; dan mereka memberi kesaksian menurut kebenaran yang ada pada Anak Domba Tuhan.

25 Oleh kerana itu, hal-hal ini tampil dari bangsa Yahudi dalam kesucian kepada bangsa-bangsa bukan Yahudi, menurut kebenaran yang ada pada Tuhan.

26 Dan setelah ia ditampikan oleh tangan dua belas rasul Anak Domba, dari bangsa Yahudi kepada bangsa-bangsa bukan Yahudi, engkau melihat pembentukan gereja besar dan keji, yang adalah paling keji melebihi semua gereja lain; kerana lihatlah, mereka telah mengambil keluar dari Injil Anak Domba banyak bahagian yang jelas dan tersangat bernilai; dan juga banyak perjanjian Tuhan telah mereka ambil.

27 Dan semua ini telah mereka buat agar mereka dapat menyelewangkan jalan-jalan benar Tuhan, agar mereka boleh membutakan mata dan mengeraskan hati anak-anak manusia.

28 Oleh kerana itu, engkau lihat bahawa setelah kitab itu pergi seterusnya melalui tangan gereja

besar dan keji itu, bahawa banyak perkara yang jelas dan bernilai diambil dari kitab itu, iaitu kitab Anak Domba Tuhan.

29 Dan setelah perkara-perkara yang jelas dan berharga ini diambil keluar, ia pergi kepada semua bangsa bukan Yahudi; dan setelah ia pergi kepada semua bangsa bukan Yahudi, ya, bahkan menyeberangi banyak perairan yang telah engkau lihat, bersama bangsa-bangsa bukan Yahudi yang telah keluar dari penawanan, engkau melihat—kerana banyaknya perkara yang jelas dan berharga yang telah dikeluarkan dari kitab itu, yang jelas kepada pengertian anak-anak manusia, menurut kejelasan yang ada pada Anak Domba Tuhan—kerana perkara-perkara ini yang telah diambil dari Injil Anak Domba, teramat ramai akan tersandung, ya, sehingga Setan mempunyai kuasa besar ke atas mereka.

30 Walaupun demikian, engkau nampak bahawa orang bukan Yahudi yang telah keluar dari penawanan dan telah diangkat oleh kuasa Tuhan ke atas segala bangsa-bangsa lain, di atas permukaan negeri yang terpilih, melebihi semua negeri lain, iaitu negeri yang Tuhan telah berjanji dengan bapamu bahawa keturunannya akan memiliki negeri itu sebagai warisan mereka; oleh kerana itu, engkau melihat bahawa Tuhan tidak akan membenarkan orang bukan Yahudi membinasakan sepenuhnya campuran keturun-

anmu, yang berada di kalangan saudara-saudaramu.

31 Tidak juga akan Dia membenarkan orang bukan Yahudi membinasakan keturunan saudara-saudaramu.

32 Tidak juga akan Tuhan membiarkan orang bukan Yahudi selama-lamanya tinggal di dalam keadaan kebutaan yang dasyat itu, yang engkau nampak mereka di dalamnya, kerana bahagian-bahagian jelas dan paling berharga dari Injil Anak Domba yang telah ditahan oleh gereja yang keji itu, yang pembentukannya engkau telah nampak.

33 Oleh kerana itu, kata Anak Domba Tuhan: Aku akan berbelas kasihan kepada orang bukan Yahudi, sehingga mengunjung sisa-sisa bani Israel dalam penghakiman yang besar.

34 Dan terjadilah bahawa malaikat Tuhan berucap kepadaku, mengatakan: Lihatlah, firman Anak Domba Tuhan, setelah aku mengunjungi sisa bani Israel—dan sisa ini berkenaan siapa aku berfirman, adalah keturunan bapamu—oleh kerana itu, setelah aku mengunjungi mereka dalam penghakiman, dan menghukum mereka dengan tangan orang bukan Yahudi, dan setelah orang bukan Yahudi tersangat menyandung, kerana bahagian-bahagian yang paling jelas dan berharga dalam Injil yang telah ditahan oleh gereja keji itu, yang adalah ibu para pelacur, firman Anak Domba—Aku akan berbelas kasihan kepada

orang bukan Yahudi pada hari itu, sehingga aku akan membawa kepada mereka, dalam kuasa-Ku sendiri, banyak dari Injil-Ku, yang akan jelas dan berharga, firman Anak Domba.

35 Kerana, lihatlah, firman Anak Domba: Aku akan menampakkan diri-Ku kepada keturunanmu, agar mereka akan menulis banyak hal yang akan Aku ajarkan kepada mereka, yang jelas dan berharga; dan setelah keturunanmu dibina-sakan, dan merosot dalam ketidak-percayaan, dan juga keturunan saudara-saudaramu, lihatlah, hal-hal ini akan disembunyikan, untuk tampil kepada orang bukan Yahudi, melalui kurnia dan kuasa Anak Domba.

36 Dan di dalamnya akan ditulis Injil-Ku, firman Anak Domba, dan batu-Ku dan keselamatan-Ku.

37 Dan diberkatilah mereka yang berupaya menampilkan Sion-Ku pada hari itu, kerana mereka akan memiliki kurnia dan kuasa Roh Kudus; dan jika mereka bertahan sampai akhir, mereka akan diangkut pada hari terakhir, dan akan diselamatkan di dalam kerajaan kekal Anak Domba; dan sesiapa-pun yang mengisytiharkan kedamaian, ya, khabar kebahagiaan yang besar, betapa indahnya di atas gunung-ganang akan jadinya mereka.

38 Dan terjadilah bahawa aku nampak sisa keturunan saudara-saudaraku, dan juga kitab Anak Domba Tuhan, yang telah keluar dari mulut orang Yahudi, yang

telah tampil dari orang bukan Yahudi kepada sisa keturunan saudara-saudaraku.

39 Dan setelah ia telah tampil kepada mereka, aku nampak kitab-kitab lain, yang tampil dengan kuasa Anak Domba, dari orang bukan Yahudi kepada mereka, untuk meyakinkan orang bukan Yahudi dan sisa keturunan saudara-saudaraku, dan juga orang Yahudi yang telah dicerai-beraikan ke atas seluruh permukaan bumi, bahawa catatan-catatan para nabi dan dua belas rasul Anak Domba adalah benar.

40 Dan malaikat itu berucap kepadaku, mengatakan: Catatan-catatan terakhir ini, yang telah engkau lihat di kalangan orang bukan Yahudi, akan mengesahkan kebenaran yang pertama, yang datang dari dua belas rasul Anak Domba, dan akan menyatakan perkara yang jelas dan berharga yang telah dikeluarkan daripadanya; dan akan menyatakan kepada semua kaum, bahasa, dan bangsa, bahawa Anak Domba Tuhan ialah Putera Bapa yang Abadi, dan Juruselamat dunia; dan bahawa semua manusia mesti datang kepada Dia, atau mereka tidak boleh diselamatkan.

41 Dan mereka mesti datang menurut firman yang telah ditegakkan oleh mulut Anak Domba; dan firman Anak Domba akan ditunjukkan di dalam catatan-catatan keturunanmu, dan juga di dalam catatan-catatan dua belas rasul Anak Domba; oleh kerana itu,

kedua-duanya akan ditegakkan sebagai satu; kerana adanya seorang Tuhan dan seorang Gembala atas seluruh bumi.

42 Dan masanya akan tiba apabila Dia akan menampakkan diri-Nya kepada semua bangsa, baik kepada orang Yahudi, mahupun kepada orang bukan Yahudi; dan setelah Dia telah menampakkan diri-Nya kepada orang Yahudi dan juga kepada orang bukan Yahudi, baru Dia akan menampakkan diri-Nya kepada orang bukan Yahudi dan juga kepada orang Yahudi, dan yang terakhir akan menjadi yang pertama, dan yang pertama akan menjadi yang terakhir.

BAB 14

Seorang malaikat memberitahu Nefi berkenaan berkat-berkat dan kutukan-kutukan yang akan menimpa orang bukan Yahudi—Hanya ada dua gereja: Gereja Anak Domba Tuhan, dan gereja iblis—Orang Suci Tuhan di dalam semua negara akan diseksa oleh gereja yang besar dan keji—Rasul Yohanes akan menulis berkenaan pengakhiran dunia. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa jika orang bukan Yahudi akan mendengarkan Anak Domba Tuhan pada hari itu bila Dia akan menampakkan diri-Nya kepada mereka dalam firman, dan juga dalam kuasa, dalam kenyataan, sampai mengambil pergi batu sandungan mereka—

2 Dan tidak mengeraskan hati mereka melawan Anak Domba

Tuhan, mereka akan terbilang di kalangan keturunan bapaku; ya, mereka akan terbilang di kalangan bani Israel; dan mereka akan menjadi bangsa yang diberkati di negeri yang dijanjikan buat selama-lamanya; mereka tidak akan lagi dibawa turun ke dalam penawanan; dan bani Israel tidak akan lagi dicelarukan.

3 Dan lubang besar itu, yang telah digali untuk mereka oleh gereja yang besar dan keji, yang diasaskan oleh iblis dan anak-anaknya, agar dia boleh menuntun jiwa-jiwa manusia turun ke neraka—ya, lubang besar itu yang telah digali untuk pembinasaan manusia akan dipenuhi oleh mereka yang telah menggalikannya, sampai pembinasaan mereka yang sepenuhnya, firman Anak Domba Tuhan; bukan pembinasaan jiwa, kecuali pencampakannya ke dalam neraka itu yang tiada pengakhirannya.

4 Kerana lihatlah, ini adalah menurut penawanan iblis, dan juga menurut keadilan Tuhan, ke atas semua mereka yang akan mengerjakan kejahatan dan kekejian di hadapan Dia.

5 Dan terjadilah bahawa malaikat itu berucap kepadaku, Nefi, mengatakan: Engkau telah nampak bahawa jikalau orang bukan Yahudi bertaubat, maka baiklah keadaan mereka; dan engkau juga tahu berkenaan perjanjian-perjanjian Tuhan kepada bani Israel; dan engkau juga telah dengar bahawa sesiapa yang tidak bertaubat mesti binasa.

6 Oleh kerana itu, celakalah bagi orang bukan Yahudi jikalau mereka mengeraskan hati mereka melawan Anak Domba Tuhan.

7 Kerana waktunya akan datang, firman Anak Domba Tuhan, bahawa Aku akan mengerjakan suatu pekerjaan yang agung dan menakutkan di kalangan anak-anak manusia; suatu pekerjaan yang akan kekal selama-lamanya, sama ada yang satu atau yang lain—sama ada meyakinkan mereka kepada kedamaian dan kehidupan yang abadi, atau menyerahkan mereka kepada kekerasan hati mereka dan kebutaan fikiran mereka sampai mereka dibawa turun ke dalam penawanan, dan juga kepada pembinaan, mahupun secara duniawi ataupun secara rohani, menurut penawanan oleh iblis, berkenaan siapa telah Aku firmankan.

8 Dan terjadilah bahawa apabila malaikat itu habis mengucapkan kata-kata ini, dia berkata kepadaku: Ingatlah kamu perjanjian-perjanjian Bapa kepada bani Israel? Aku berkata kepadanya, Ya.

9 Dan terjadilah bahawa dia berkata kepadaku: Pandanglah, dan lihat gereja yang besar dan keji itu, iaitu ibu kekejian, yang pengasasnya ialah iblis.

10 Dan dia berkata kepadaku: Lihatlah, hanya ada dua gereja sahaja; satu adalah gereja Anak Domba Tuhan, dan yang satu lagi adalah gereja iblis; oleh kerana itu, sesiapa yang tidak menganggotai gereja Anak Domba Tuhan, menganggotai gereja yang besar

itu, yang adalah induk kepada kekejian; dan dia adalah pelacur seluruh dunia.

11 Dan terjadilah bahawa aku melihat dan nampak pelacur seluruh bumi, dan dia duduk di atas banyak perairan; dan dia mempunyai kekuasaan ke atas seluruh bumi, di kalangan semua bangsa, kaum, bahasa, dan orang.

12 Dan terjadilah bahawa aku nampak gereja Anak Domba Tuhan, dan bilangannya kecil, kerana kejahatan dan kekejian pelacur itu yang duduk di atas banyak perairan; walaupun demikian, aku nampak bahawa gereja Anak Domba, iaitu orang Suci Tuhan, juga berada di atas seluruh permukaan bumi; dan jajahan-jajahan mereka di atas permukaan bumi adalah kecil, kerana kejahatan pelacur itu yang aku nampak.

13 Dan terjadilah bahawa aku nampak bahawa induk yang dahsyat kepada kekejian itu mengumpulkan bersama khalayak ramai di atas permukaan seluruh bumi, di kalangan semua bangsa-bangsa bukan Yahudi, untuk melawan menentang Anak Domba Tuhan.

14 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, nampak kuasa Anak Domba Tuhan, bahawa ia turun ke atas orang suci gereja Anak Domba, dan ke atas umat perjanjian Tuhan, yang telah diceraikan-beraikan ke seluruh permukaan bumi; dan mereka disenjatai dengan kesolehan dan dengan kuasa Tuhan dalam kemuliaan yang agung.

15 Dan terjadilah bahawa aku nampak bahawa kemurkaan Tuhan dicurahkan ke atas gereja yang besar dan keji itu, sedemikian rupa sehingga adanya peperangan dan desas-desus berkenaan peperangan di kalangan semua bangsa dan kaum di bumi.

16 Dan kerana bermulanya peperangan dan desas-desus berkenaan peperangan di kalangan semua bangsa yang adalah kepunyaan induk kepada kekejian, malaikat itu berucap kepadaku, mengatakan: Lihatlah, kemurkaan Tuhan berada di atas ibu para perempuan sundal; dan lihatlah, engkau nampak semua hal ini—

17 Dan apabila sampainya hari bila kemurkaan Tuhan dicurahkan ke atas ibu para pelacur, iaitu gereja yang besar dan keji kepada seluruh dunia itu, yang pengasasnya adalah iblis, kemudian, pada hari itu, pekerjaan Bapa akan bermula, dalam menyediakan jalan untuk menggenapkan semua perjanjian-Nya, yang Dia telah buat kepada umatnya yang adalah bani Israel.

18 Dan terjadilah bahawa malaikat itu berucap kepadaku, mengatakan: Lihatlah!

19 Dan aku melihat dan nampak seorang lelaki, dan dia berpakaian jubah putih.

20 Dan malaikat itu berkata kepadaku: Lihatlah seorang daripada dua belas rasul Anak Domba.

21 Lihatlah, dia akan melihat dan menulis sisa dari perkara-perkara

ini; ya, dan juga banyak perkara yang telah terjadi.

22 Dan dia akan juga menulis berkenaan akhir dunia.

23 Oleh kerana itu, hal-hal yang dia akan tuliskan adalah tepat dan benar; dan lihatlah, ianya ditulis di dalam kitab yang engkau nampak keluar dari mulut orang Yahudi; dan semasa ianya keluar dari mulut orang Yahudi, atau, semasa kitab itu keluar dari mulut orang Yahudi, hal-hal yang telah ditulis adalah jelas dan suci, dan paling berharga dan mudah bagi pengertian semua manusia.

24 Dan lihatlah, perkara-perkara yang akan rasul Anak Domba ini tuliskan adalah banyak perkara yang telah engkau lihat; dan lihatlah, sisanya akanlah engkau lihat.

25 Tetapi perkara-perkara yang engkau akan lihat mulai sekarang, janganlah engkau tuliskan; kerana Tuhan telah mentahbiskan rasul Anak Domba Tuhan agar dia akan menuliskannya.

26 Dan juga orang lain yang telah ada, kepada mereka telah Dia menunjukkan segala perkara, dan mereka telah menuliskannya; dan ianya dimeteraikan untuk tampil dalam kemurniannya, menurut kebenaran yang ada pada Anak Domba, dalam masa Tuhan sendiri yang sesuai, kepada bani Israel.

27 Dan aku, Nefi, telah mendengar dan memberi kesaksian, bahawa nama rasul itu adalah Yohanes, menurut perkataan malaikat itu.

28 Dan lihatlah, aku, Nefi,

dilarang menulis sisa perkara-perkara yang telah aku lihat dan dengar; oleh kerana itu, perkara-perkara yang telah aku tulis mencukupi bagiku; dan aku telah menulis hanya satu bahagian kecil daripada perkara-perkara yang telah aku lihat.

29 Dan aku memberi kesaksian bahawa aku nampak perkara-perkara yang bapaku telah nampak, dan malaikat Tuhan telah menjadikannya nyata kepadaku.

30 Dan sekarang aku membuat pengakhiran pembicaraan berkenaan perkara-perkara yang telah aku lihat semasa aku dibawa pergi oleh roh; dan jika segala perkara yang telah aku lihat belum dituliskan, perkara-perkara yang telah aku tuliskan adalah benar. Dan demikianlah hakikatnya. Amin.

BAB 15

Keturunan Lehi akan menerima Injil daripada orang bukan Yahudi pada zaman akhir—Pengumpulan Israel dibandingkan dengan pokok zaitun yang cabang-cabangnya akan dicantumkan kembali—Nefi mentafsirkan penglihatan berkenaan pokok kehidupan, dan berbicara tentang keadilan Tuhan dalam memisahkan yang jahat dari yang soleh. Kira-kira 600–592 S.M.

DAN terjadilah bahawa setelah aku, Nefi, dibawa pergi dalam Roh, dan melihat semua perkara ini, aku kembali ke khemah bapaku.

2 Dan terjadilah bahawa aku nampak saudara-saudaraku, dan mereka sedang saling bertengkar berkenaan perkara-perkara yang telah bapaku bicarakan kepada mereka.

3 Kerana dia memang membiarkan banyak perkara besar kepada mereka, yang susah difahami, kecuali seseorang bertanya kepada Tuhan; dan kerana mereka keras hati, oleh kerana itu, mereka tidak melihat kepada Tuhan sebagaimana mereka patut.

4 Dan sekarang aku, Nefi, sangat sedih kerana kekerasan hati mereka, dan juga kerana perkara-perkara yang telah aku nampak, dan tahu bahawa ianya tidak dapat dielak terjadi kerana kejahatan besar anak-anak manusia.

5 Dan terjadilah bahawa aku terlanda oleh kesengsaraanku, kerana aku mengangap bahawa kesengsaraanku sangat teruk melebihi segalanya, kerana pembinasaan bangsaku, kerana aku telah nampak kejatuhan mereka.

6 Dan terjadilah bahawa setelah aku menerima kekuatan, aku berbicara kepada saudara-saudaraku, berhasrat mengetahui dari mereka sebab pertengkarannya.

7 Dan mereka berkata: Lihatlah, kami tidak dapat memahami kata-kata yang bapa kita telah berbicara berkenaan cabang-cabang asli pokok zaitun, dan juga berkenaan orang bukan Yahudi.

8 Dan aku berkata kepada mereka: Sudahkah engkau bertanya kepada Tuhan?

9 Dan mereka berkata kepadaku: Kami belum; kerana Tuhan tidak menjadikannya nyata kepada kami.

10 Lihatlah, aku berkata kepada mereka: Bagaimanakah mungkin bahawa engkau tidak mematuhi perintah-perintah Tuhan? Bagaimanakah mungkin bahawa engkau akan binasa, kerana kekerasan hatimu?

11 Tidakkah engkau ingat akan perkara-perkara yang telah Tuhan firmankan?—Jika engkau tidak mengeraskan hatimu, dan bertanya kepadaKu dengan iman, mempercayai bahawa engkau akan menerima, dengan ketekunan mematuhi perintah-perintahKu, sudah pasti perkara-perkara ini akan dinyatakan kepadamu.

12 Lihatlah, aku berkata kepadamu, bahawa bani Israel dibandingkan dengan pokok zaitun, oleh Roh Tuhan yang berada dalam bapa kita; dan lihatlah, bukankah kita dipatahkan dari bani Israel, dan bukankah kita satu cabang dari bani Israel?

13 Dan sekarang, hal yang bapa kita maksudkan berkenaan cantum cabang-cabang asli melalui kegenapan orang bukan Yahudi, adalah, pada zaman akhir, bila keturunan kita telah merosot dalam ketidakpercayaan, ya, untuk jangka masa bertahun-tahun, dan banyak angkatan setelah Mesias akan dinyatakan dalam tubuh kepada anak-anak manusia, kemudian akanlah kegenapan Injil Mesias datang kepada orang

bukan Yahudi, dan dari orang bukan Yahudi kepada sisa keturunan kita—

14 Dan pada hari itu akanlah sisa keturunan kita tahu bahawa mereka adalah dari bani Israel, dan bahawa mereka adalah umat perjanjian Tuhan; dan pada masa itu akanlah mereka tahu dan sampai kepada pengetahuan berkenaan nenek moyang mereka, dan juga kepada pengetahuan Injil Penebus mereka, yang diajarkan kepada nenek moyang mereka oleh Dia; oleh kerana itu, mereka akan sampai kepada pengetahuan berkenaan Penebus mereka dan setiap hukum terperinci ajaran-Nya, agar mereka dapat tahu bagaimana datang kepada Dia dan diselamatkan.

15 Dan kemudian, pada hari itu, tidakkah mereka akan bersukacita dan memberi pujian kepada Tuhan mereka yang kekal, batu mereka dan keselamatan mereka? Ya, pada hari itu, tidakkah mereka akan menerima kekuatan dan penyuburan dari pokok anggur yang sejati? Ya, tidakkah mereka akan datang ke kandang domba sejati Tuhan?

16 Lihatlah, aku berkata kepadamu, Ya; mereka akan diingat kembali di kalangan bani Israel; mereka akan dicantumkan, kerana mereka satu cabang asli dari pokok zaitun, kepada pokok zaitun yang sejati.

17 Dan inilah apa yang bapa kita maksudkan; dan dia maksudkan bahawa ia tidak akan terjadi sehingga setelah mereka

dicerai-beraikan oleh orang bukan Yahudi; dan dia memaksudkan bahawa ia akan datang melalui orang bukan Yahudi, agar Tuhan dapat menunjukkan kuasa-Nya kepada orang bukan Yahudi, kerana tujuan ini bahawa Dia akan ditolak oleh orang Yahudi, atau oleh bani Israel.

18 Oleh kerana itu, bapa kita tidak berbicara berkenaan keturunan kita sahaja, tetapi juga berkenaan seluruh bani Israel, menunjuk kepada perjanjian yang akan digenapi pada zaman akhir, iaitu perjanjian yang Tuhan telah buat kepada bapa kita Abraham, mengatakan: Dalam keturunanmu akanlah semua kaum di bumi diberkati.

19 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, berbicara banyak kepada mereka berkenaan hal-hal ini; ya, aku berbicara kepada mereka berkenaan pemulihan bangsa Yahudi pada zaman akhir.

20 Dan aku menceritakan kepada mereka kata-kata Yesaya, yang telah berbicara berkenaan pemulihan bangsa Yahudi, atau bani Israel; dan setelah mereka dipulihkan, mereka tidak akan lagi dicelarkan, tidak juga akanlah mereka dicerai-beraikan lagi. Dan terjadilah bahawa aku mengucapkan banyak perkataan kepada saudara-saudaraku, sehingga mereka ditenangkan dan merendahkan diri mereka di hadapan Tuhan.

21 Dan terjadilah bahawa mereka berbicara kepadaku lagi,

mengatakan: Apakah erti perkara ini yang bapa kita telah lihat dalam suatu mimpi? Apakah erti pokok yang dia nampak?

22 Dan aku berkata kepada mereka: Ia adalah penggambaran pokok kehidupan.

23 Dan mereka berkata kepadaku: Apakah maksud batang besi yang bapa kita nampak, yang menuntun kepada pokok itu?

24 Dan aku berkata kepada mereka bahawa ia adalah firman Tuhan; dan barang siapa yang mematuhi firman Tuhan, dan berpegang kuat kepadanya, mereka langsung tidak akan terbinasa; tidak juga dapatlah godaan dan anak panah berapi dari musuh mengalahkan mereka sehingga kebutaan, untuk menuntun mereka kepada penghancuran.

25 Oleh kerana itu, aku, Nefi, mendesak mereka untuk memberi perhatian kepada firman Tuhan; ya, aku mendesak mereka dengan segala tenaga jiwaku, dan dengan segala keupayaan yang aku miliki, agar mereka akan memberi perhatian kepada firman Tuhan dan ingat untuk mematuhi perintah-perintah-Nya senantiasa dalam segala hal.

26 Dan mereka berkata kepadaku: Apakah maksud sungai berair yang bapa kita nampak?

27 Dan aku berkata kepada mereka bahawa air yang bapaku nampak adalah kekotoran; dan fikirannya begitu tertelan dengan hal-hal lain sehingga dia tidak nampak kekotoran air itu.

28 Dan aku berkata kepada mereka bahawa ia adalah jurang yang mengerikan, yang memisahkan yang jahat daripada pokok kehidupan, dan juga daripada orang suci Tuhan.

29 Dan aku berkata kepada mereka bahawa ia adalah penggambaran neraka itu yang mengerikan, yang malaikat itu katakan kepadaku telah disediakan bagi yang jahat.

30 Dan aku berkata kepada mereka bahawa bapa kita juga nampak bahawa keadilan Tuhan juga memisahkan yang jahat dari yang soleh; dan kilauannya seperti kilauan api menyala-nyala, yang naik kepada Tuhan buat selamalamanya, dan tiada akhirnya.

31 Dan mereka berkata kepadaku: Adakah perkara ini bererti penyiksaan tubuh badan pada masa percubaan, atau adakah ia bererti keadaan terakhir jiwa selepas kematian tubuh badan fana, atau adakah ia berbicara berkenaan perkara-perkara yang fana?

32 Dan terjadilah bahawa aku berkata kepada mereka bahawa ia adalah penggambaran perkara-perkara yang fana dan juga rohani; kerana hari itu akan datang bila mereka akan dihakimkan menurut kerja-kerja mereka, ya, bahkan kerja-kerja yang telah dilakukan oleh tubuh badan fana mereka pada masa percubaan mereka.

33 Oleh kerana itu, jikalau mereka mati di dalam kejahatan mereka, mereka akan dibuang juga,

berkaitan dengan perkara-perkara rohani, yang berkaitan dengan kesolehan; oleh kerana itu, mereka mesti dibawa untuk berdiri di hadapan Tuhan, untuk dihakimkan menurut kerja-kerja mereka; dan jika kerja-kerja mereka adalah kekotoran, mereka mestilah kotor; dan jika mereka kotor, mestilah bahawa mereka tidak boleh hidup di dalam kerajaan Tuhan; jikalau demikian, kerajaan Tuhan mestilah juga kotor.

34 Tetapi lihatlah, aku berkata kepadamu, kerajaan Tuhan bukanlah kotor, dan tidak boleh apa-apa pun yang kotor masuk ke dalam kerajaan Tuhan; oleh kerana itu, mestilah ada suatu tempat kekotoran disediakan untuk itu yang kotor.

35 Dan ada suatu tempat tersedia, ya, bahkan neraka yang mengerikan itu yang berkenaannya telah aku bicara, dan iblis adalah penyediannya; oleh kerana itu, keadaan terakhir jiwa-jiwa manusia adalah untuk hidup di dalam kerajaan Tuhan, atau dibuang keluar kerana keadilan itu yang berkenaannya aku telah bicara.

36 Oleh kerana itu, yang jahat akan ditolak dari yang soleh, dan juga dari pokok kehidupan itu, yang buahnya paling berharga dan paling dihasrati melebihi segala buah yang lain; ya, dan ia adalah kurnia yang paling agung daripada Tuhan. Dan demikianlah aku berbicara kepada saudara-saudaraku. Amin.

BAB 16

Yang jahat menganggap kebenaran itu keras—Putera-putera Lehi mengahwini puteri-puteri Ismael—Liahona memandu perjalanan mereka di padang belantara—Pesanan-pesanan daripada Tuhan ditulis di atas Liahona dari semasa ke semasa—Ismael meninggal dunia; keluarganya merungut kerana kesengsaraan. Kira-kira 600–592 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa setelah aku, Nefi, membuat penghabisan berbicara kepada saudara-saudaraku, lihatlah, mereka berkata kepadaku: Engkau telah mengisytiharkan perkara-perkara yang sukar kepada kami, lebih daripada apa yang kami dapat tanggung.

2 Dan terjadilah bahawa aku berkata kepada mereka bahawa aku tahu aku telah mengucapkan perkara-perkara susah terhadap yang jahat, menurut kebenaran; dan yang soleh telah aku maklumkan, dan telah memberi kesaksian bahawa mereka akan diangkat pada hari terakhir; oleh kerana itu, yang bersalah menganggap kebenaran itu susah, kerana ia menyayatkan mereka sampai ke tulang sumsum.

3 Dan sekarang saudara-saudaraku, jika engkau telah soleh dan sanggup mendengarkan kebenaran, dan memberi perhatian kepadanya, agar engkau dapat berjalan tegak di hadapan Tuhan, maka engkau tidak akan merungut kerana kebenaran; dan berkata:

Engkau mengucapkan perkara-perkara keras terhadap kami.

4 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, telah mendesak saudara-saudaraku, dengan segala ketekunan, untuk mematuhi perintah-perintah Tuhan.

5 Dan terjadilah bahawa mereka telah merendahkan diri mereka di hadapan Tuhan, sedemikian rupa sehingga aku berbahagia dan berharapan tinggi untuk mereka, bahawa mereka akan berjalan dalam jalan-jalan kesolehan.

6 Dan, semua perkara ini telah dikatakan dan dilaksanakan semasa bapaku berdiam di dalam sebuah khemah di lembah yang dia panggil Lemuel.

7 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, telah mengambil seorang daripada puteri-puteri Ismael sebagai isteri; dan juga, saudara-saudaraku telah mengambil puteri-puteri Ismael sebagai isteri; dan juga Zoram telah mengambil anak perempuan sulung Ismael sebagai isteri.

8 Dan demikianlah bapaku telah menggenapkan segala perintah Tuhan yang telah diberikan kepadanya. Dan juga, aku, Nefi, telah tersangat diberkati oleh Tuhan.

9 Dan terjadilah bahawa suara Tuhan berbicara kepada bapaku pada waktu malam, dan memerintahkannya bahawa pada hari esoknya, dia mesti mengambil perjalanannya ke padang belantara.

10 Dan terjadilah bahawa bila bapaku bangun pada waktu pagi, dan mara ke pintu khemah, dia

sangat terkejut apabila dia terlihat di atas tanah sebuah bola yang terperinci kerja tangannya; dan ia dari loyang yang halus. Dan di dalam bola itu ada dua jarum; dan satu menunjukkan arah ke mana kami patut masuk ke padang belantara.

11 Dan terjadilah bahawa kami mengumpul bersama apa pun barangan yang kami patut membawa ke padang belantara, dan semua sisa bekalan yang Tuhan telah berikan kepada kami; dan kami telah mengambil segala jenis benih agar kami dapat membawa ke padang belantara.

12 Dan terjadilah bahawa kami mengambil khemah-khemah kami dan berangkat ke dalam padang belantara, menyeberangi Sungai Laman.

13 Dan terjadilah bahawa kami membuat perjalanan untuk jangka masa empat hari, hampir ke arah selatan-tenggara, dan kami mendirikan khemah-khemah kami lagi; dan kami memanggil nama tempat itu Shazer.

14 Dan terjadilah bahawa kami mengambil busur dan anak panah kami, dan pergi ke dalam padang belantara untuk membunuh binatang untuk makanan bagi keluarga-keluarga kami; dan setelah kami membunuh binatang bagi keluarga kami, kami kembali lagi kepada keluarga-keluarga kami di padang belantara, ke tempat Shazer. Dan kami pergi lagi ke padang belantara, mengikut arah yang sama, tetap di bahagian-bahagian yang paling subur di

padang belantara, yang berada di sempadan berdekatan Laut Merah.

15 Dan terjadilah bahawa kami membuat perjalanan untuk jangka masa banyak hari, membunuh binatang dalam perjalanan, dengan busur dan anak panah dan batu dan humber tali kami.

16 Dan kami mengikut arahan-arahan bola itu, yang menuntun kami dalam bahagian-bahagian lebih subur dalam padang belantara.

17 Dan setelah kami membuat perjalanan untuk jangka masa banyak hari, kami telah mendirikan khemah-khemah kami untuk suatu jangka masa, agar kami boleh lagi merehatkan diri kami dan mendapat makanan untuk keluarga-keluarga kami.

18 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, pergi membunuh binatang, lihatlah, aku telah mematahkan busurku, yang diperbuat dari keluli yang halus; dan setelah aku mematahkan busurku, lihatlah, saudara-saudaraku marah terhadapku kerana kehilangan busurku, kerana kami tidak mendapat makanan.

19 Dan terjadilah bahawa kami kembali tanpa makanan kepada keluarga-keluarga kami, dan kerana sangat letih disebabkan perjalanan mereka, mereka sangat menderita kerana kekurangan makanan.

20 Dan terjadilah bahawa Laman dan Lemuel dan putera-putera Ismael mula tersangat merungut kerana penderitaan dan kesengsaraan mereka di padang belantara;

dan juga bapaku mula merungut terhadap Tuhannya; ya, dan mereka semuanya tersangat dukacita, bahkan hingga mereka merungut terhadap Tuhan.

21 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, kerana disengsarakan oleh saudara-saudaraku kerana kehilangan busurku, dan busur-busur mereka telah kehilangan keanjalannya, mulalah menjadi tersangat susah, ya, sedemikian rupa sehingga kami tidak boleh mendapat makanan.

22 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, berbicara banyak kepada saudara-saudaraku, kerana mereka telah mengeraskan hati mereka lagi, bahkan sampai merungut terhadap Tuhan mereka.

23 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, membuat dari kayu sebuah busur, dan dari sebatang kayu lurus, sebatang anak panah; oleh kerana itu, aku mempersenjatai diriku dengan sebuah busur dan sebatang anak panah, dengan sebuah humban tali dan dengan batu-batu. Dan aku berkata kepada bapaku: Ke manakah patutku pergi untuk mendapat makanan?

24 Dan terjadilah bahawa dia bertanya kepada Tuhan, kerana mereka telah merendahkan diri disebabkan kata-kataku; kerana aku telah mengatakan banyak perkara kepada mereka dengan tenaga jiwaku.

25 Dan terjadilah bahawa suara Tuhan datang kepada bapaku; dan dia benar-benar didera kerana rungutannya terhadap Tuhan,

sedemikian rupa sehingga dia dibawa turun ke kedukacitaan yang mendalam.

26 Dan terjadilah bahawa suara Tuhan berfirman kepadanya: Pandanglah kepada bola itu, dan lihatlah perkara-perkara yang tertulis.

27 Dan terjadilah bahawa apabila bapaku melihat perkara-perkara yang tertulis di atas bola itu, dia teramat takut dan gementar, dan juga saudara-saudaraku dan para putera Ismael dan isteri-isteri kami.

28 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, melihat petunjuk-petunjuk yang ada dalam bola itu, bahawa mereka bekerja mengikut iman dan ketekunan dan perhatian yang kami berikan kepadanya.

29 Dan ada tertulis juga di atasnya suatu tulisan baru, yang jelas dibaca, yang memberi kami kefahaman berkenaan cara-cara Tuhan; dan ianya ditulis dan ditukar dari semasa ke semasa, menurut iman dan ketekunan yang kami berikan kepadanya. Dan demikianlah kita lihat bahawa melalui cara-cara kecil, Tuhan dapat mendatangkan perkara yang besar.

30 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, pergi ke atas puncak gunung, menurut arahan-arahan yang diberi di atas bola itu.

31 Dan terjadilah bahawa aku membunuh binatang liar, sedemikian rupa sehingga aku mendapat makanan untuk keluarga-keluarga kami.

32 Dan terjadilah bahawa aku

kembali ke khemah-khemah kami, membawa binatang-binatang yang telah aku bunuh; dan sekarang, bila mereka nampak bahawa aku telah mendapat makanan, betapa besar kebahagiaan mereka! Dan terjadilah bahawa mereka merendahkan diri mereka di hadapan Tuhan, dan memberi syukur kepada Dia.

33 Dan terjadilah bahawa kami menyambung perjalanan kami lagi, membuat perjalanan dalam laluan yang hampir sama dengan yang awalnya; dan setelah kami membuat perjalanan untuk jangka masa banyak hari, kami mendirikan khemah-khemah kami lagi, agar kami dapat diam untuk suatu jangka masa.

34 Dan terjadilah bahawa Ismael mati, dan dikuburkan di tempat yang dipanggil Nahom.

35 Dan terjadilah bahawa puteri-puteri Ismael teramat berduka-cita, disebabkan kehilangan bapa mereka, dan kerana kesengsaraan mereka di padang belantara; dan mereka merungut terhadap bapaku, kerana dia telah membawa mereka keluar dari negeri Yerusalem, mengatakan: Bapa kami sudah mati; ya, dan kami telah banyak mengembara di padang belantara, dan kami telah menderita banyak kesengsaraan, kelaparan, kehausan, dan keletihan; dan setelah semua penderitaan ini kami pasti akan binasa di padang belantara kerana kelaparan.

36 Dan demikianlah mereka

merungut terhadap bapaku, dan juga terhadapku; dan mereka berhasrat kembali lagi ke Yerusalem.

37 Dan Laman berkata kepada Lemuel dan juga kepada putera-putera Ismael: Lihatlah, marilah kita bunuh bapa kami, dan juga adik kami Nefi, yang telah mengambil ke atas dirinya untuk menjadi pemerintah dan pengajar kita, yang adalah abang-abangnya.

38 Sekarang, dia berkata bahawa Tuhan telah berbicara dengannya, dan juga bahawa para malaiikat telah melayaninya. Tetapi lihatlah, kita tahu bahawa dia berbohong kepada kita; dan dia memberitahu kita hal-hal ini, dan dia mengerjakan banyak perkara dengan muslihat lihainya, agar dia dapat menipu mata kita, berfikir, barangkali, bahawa dia dapat menuntun kami ke padang belantara yang asing; dan setelah dia telah menuntun kita pergi, dia berfikir untuk menjadikan dirinya seorang raja dan pemerintah ke atas kita, agar dia dapat melakukan terhadap kita menurut kehendak dan suka hatinya. Dan dengan cara ini abangku Laman memanas hati mereka sampai menjadi marah.

39 Dan terjadilah bahawa Tuhan bersama kami, ya, bahkan suara Tuhan datang dan memfirmankan banyak firman kepada mereka, dan mendera mereka dengan teruk; dan setelah mereka didera oleh suara Tuhan, mereka mengalihkan kemarahan mereka, dan bertaubat dari dosa-dosa mereka, sedemikian rupa sehingga Tuhan

memberkati kami lagi dengan makanan, jadi kami tidak binasa.

BAB 17

Nefi diperintahkan untuk membina sebuah kapal—Saudara-saudaranya menentanginya—Dia memujuk mereka dengan mengulangi sejarah urusan-urusan Tuhan dengan Israel—Nefi dipenuhi kuasa Tuhan—Saudara-saudaranya dilarang menyentuhnya, kalau-kalau mereka layu seperti men-siang kering. Kira-kira 592-591 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa kami membuat perjalanan kami semula di padang belantara; dan kami mengembara hampir ke arah timur mulai dari masa itu. dan kami mengembara dan meranduk melalui banyak kesengsaraan di padang belantara; dan kaum perempuan kami melahirkan anak-anak di padang belantara.

2 Dan begitu banyaknya berkat Tuhan ke atas kami, sehingga walaupun kami hidup kerana makan daging mentah di padang belantara, kaum perempuan kami dapat memberi banyak susu kepada anak-anak mereka, dan kuat, ya, bahkan seperti kaum lelaki; dan mereka mula menanggung pengembaraan mereka tanpa rungutan.

3 Dan demikianlah kami nampak bahawa perintah-perintah Tuhan pasti akan digenapi. Dan jika anak-anak manusia mematuhi perintah-perintah Tuhan, Dia akan

memelihara mereka, dan mengu-atkan mereka, dan menyediakan cara agar mereka dapat melaksa-nakan apa yang Dia perintahkan kepada mereka; oleh kerana itu, Dia telah menyediakan cara ke-pada kami sewaktu kami singgah di padang belantara.

4 Dan kami singgah untuk jangka masa banyak tahun, ya, bahkan lapan tahun di padang belantara.

5 Dan kami sampai ke negeri yang kami panggil Kelimpahan, kerana banyak buahnya dan juga madu liarnya; dan semua ini di-sediakan oleh Tuhan agar kami tidak binasa. Dan kami nampak laut, yang kami panggil Ireantum, yang, ditafsirkan, adalah banyak perairan.

6 Dan terjadilah bahawa kami mendirikan khemah-khemah kami di tepi laut; dan walaupun kami telah menderita banyak keseng-saraan dan banyak kesukaran, ya, bahkan demikian banyak sehingga kami tidak dapat menu-liskan semuanya, kami tersangat bersukacita bila kami sampai ke tepi laut; dan kami memanggil tempat itu Kelimpahan, kerana banyak buahnya.

7 Dan terjadilah bahawa setelah aku, Nefi, berada di negeri Kelim-pahan untuk jangka masa banyak hari, suara Tuhan datang kepa-daku, mengatakan: Bangunlah, dan pergilah engkau ke gunung. Dan terjadilah bahawa aku bangun dan pergi ke gunung itu, dan me-nyeru kepada Tuhan.

8 Dan terjadilah bahawa Tuhan

berfirman kepadaku, memfirmankan: Engkau mesti membina sebuah kapal, menurut cara yang Aku akan tunjukkan kepadamu, agar Aku dapat membawa bangsamu menyeberangi perairan ini.

9 Dan aku berkata: Tuhan, ke manakah patut aku pergi agar aku dapat mencari bijih logam untuk dilebur, agar aku dapat membuat perkakas untuk membina kapal menurut cara yang Engkau telah tunjukkan kepadaku?

10 Dan terjadilah bahawa Tuhan memberitahuku ke mana aku patut pergi untuk mencari bijih logam, agar aku dapat membuat perkakas.

11 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, membuat sebuah puputan untuk meniup api itu, dari kulit binatang; dan setelah aku membuat sebuah puputan agar aku mempunyai cara untuk meniup api itu, aku menghentam dua biji batu bersama agar aku dapat membuat api.

12 Kerana Tuhan, sampai masa kini, tidak membenarkan agar kami membuat banyak api, sewaktu kami mengembara di padang belantara; kerana Dia berfirman: Aku akan membuat makananmu menjadi manis, agar engkau tidak memasaknya.

13 Dan aku akan menjadi cahayamu di padang belantara; dan aku akan menyediakan jalan di hadapanmu, jika terjadilah bahawa engkau mematuhi perintah-perintahKu; oleh kerana itu, sejauh mana engkau mematuhi perintah-perintahKu, engkau akan dituntun

ke negeri yang dijanjikan; dan engkau akan tahu bahawa oleh Akulah engkau dituntun.

14 Ya, dan Tuhan juga berfirman bahawa: Setelah engkau sampai di negeri yang dijanjikan, engkau akan tahu bahawa Aku, Tuhan, adalah Tuhan; dan bahawa Aku, Tuhan, telah membebaskan engkau dari pembinaan; ya, bahawa Aku telah membawa engkau keluar dari negeri Yerusalem.

15 Oleh kerana itu, aku, Nefi, telah berupaya mematuhi perintah-perintah Tuhan, dan aku mendesak saudara-saudaraku kepada kesetiaan dan ketekunan.

16 Dan terjadilah bahawa aku membuat perkakas dari bijih logam yang telah aku leburkan keluar dari batu-batan.

17 Dan bila saudara-saudaraku nampak bahawa aku hampir akan membina sebuah kapal, mereka mula merungut terhadapku, mengatakan: Adik kita seorang yang bodoh, kerana dia berfikir bahawa dia boleh membina sebuah kapal; ya, dan dia juga berfikir bahawa dia boleh menyeberangi perairan besar ini.

18 Dan demikianlah saudara-saudaraku mengomel terhadapku, dan berhasrat agar mereka tidak payah berkerja, kerana mereka tidak percaya bahawa aku dapat membina sebuah kapal; juga mereka tidak percaya bahawa aku diajar oleh Tuhan.

19 Dan sekarang terjadilah bahawa aku, Nefi, tersangat dukacita kerana kekerasan hati mereka; dan

sekarang, bila mereka nampak bahawa aku mula berdukacita, mereka gembira dalam hati mereka, sedemikian rupa sehingga mereka bersukacita ke atas diriku, mengatakan: Kami tahu bahawa engkau tidak dapat membina sebuah kapal, kerana kami tahu bahawa engkau kurang dalam penilaian, oleh kerana itu, engkau tidak dapat melaksanakan pekerjaan yang begitu besar.

20 Dan engkau seperti bapa kita, dituntun oleh khayalan-khayalan bodoh dari hatinya; ya, dia telah menuntun kita keluar dari negeri Yerusalem, dan kita telah mengembara di padang belantara bertahun-tahun ini; dan kaum perempuan kita telah berkerja keras, sewaktu besar dengan kehamilan; dan mereka telah melahirkan anak di padang belantara dan menderita segalanya, kecuali kematian; dan lebih baik jika mereka telah mati sebelum keluar dari Yerusalem daripada menderita kesengsaraan ini.

21 Lihatlah, bertahun-tahun lama ini kita telah menderita di padang belantara, sedangkan pada waktu itu kita mungkin dapat menikmati harta milik kita dan negeri warisan kita; ya, dan kita mungkin dapat gembira.

22 Dan kami tahu bahawa orang yang berada di negeri Yerusalem adalah orang yang soleh; kerana mereka mematuhi peraturan dan hukum Tuhan, dan segala perintah-Nya, menurut hukum Musa; oleh kerana itu, kami tahu bahawa mereka adalah orang yang soleh;

dan bapa kita telah menghakimi mereka, dan telah menuntun kita pergi kerana kita mahu mendedengarkan kata-katanya; ya, dan adik kami seperti dia. Dan menurut cara berbahasa demikianlah saudara-saudaraku merungut dan mengomel terhadap kami.

23 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, berbicara kepada mereka, mengatakan: Percayakah kamu bahawa nenek moyang kita, yang adalah anak-anak Israel, akan dituntun keluar dari tangan orang Mesir jika mereka tidak mendedengarkan firman Tuhan?

24 Ya, dan adakah kamu mengira bahawa mereka akan dituntun keluar dari perhambaan jika Tuhan tidak memerintahkan Musa agar dia patut menuntun mereka keluar dari perhambaan?

25 Sekarang kamu tahu bahawa anak-anak Israel berada dalam perhambaan; dan kamu tahu bahawa mereka dibebankan dengan kerja keras, yang amat sukar untuk ditanggung; oleh kerana itu, kamu tahu bahawa ianya mestilah sesuatu yang baik untuk mereka, bahawa mereka dibawa keluar dari perhambaan.

26 Sekarang kamu tahu bahawa Musa telah diperintah oleh Tuhan untuk membuat pekerjaan yang agung itu; dan kamu tahu bahawa dengan katanya perairan Laut Merah telah dibahagikan ke sini dan ke sana, dan mereka telah lalu di atas tanah kering.

27 Tetapi kamu tahu bahawa orang Mesir telah lemas di dalam

Laut Merah, yang adalah tentera-tentera Firaun.

28 Dan kamu juga tahu bahawa mereka diberi makan manna di padang belantara.

29 Ya, dan kamu juga tahu bahawa Musa, dengan katanya menurut kuasa Tuhan yang ada di dalamnya, telah menghentam batu itu, dan darinya keluar air, agar anak-anak Israel dapat menghilangkan dahaga mereka.

30 Dan sekalipun mereka dituntun, Tuhan mereka, Penebus mereka, yang pergi di hadapan mereka, menuntun mereka pada siang hari dan memberi cahaya kepada mereka pada malam hari, dan melaksanakan untuk mereka segalanya yang baik untuk diterima oleh manusia, mereka mengeraskan hati mereka dan membutakan fikiran mereka, dan mencaci maki Musa dan Tuhan yang benar dan hidup.

31 Dan terjadilah bahawa menurut firman-Nya Dia telah membinasakan mereka; dan menurut firman-Nya Dia telah menuntun mereka; dan menurut firman-Nya Dia telah melaksanakan segala-galanya untuk mereka; dan tiada apa pun yang dilaksanakan kecuali menurut firman-Nya.

32 Dan setelah mereka menyeberangi Sungai Yordan, Dia telah menjadikan mereka perkasa hingga menghalau keluar anak-anak negeri itu, ya, hingga mencerai-beraikan mereka sampai pembinaan.

33 Dan sekarang, adakah kamu

mengira bahawa anak-anak negeri ini, yang berada di negeri yang dijanjikan, yang dihalau keluar oleh nenek moyang kita, adakah kamu mengira bahawa mereka soleh? Lihatlah, aku berkata kepadamu, Tidak.

34 Adakah kamu mengira bahawa nenek moyang kita adalah lebih terpilih jika mereka lebih soleh? Aku berkata kepadamu, Tidak.

35 Lihatlah, Tuhan menganggap semua daging sebagai satu; dia yang soleh dikasihi oleh Tuhan. Tetapi lihatlah, bangsa ini telah menolak setiap firman Tuhan, dan mereka matang dalam kederhaan, dan kegenapan kemurkaan Tuhan berada di atas mereka; dan Tuhan mengutuk negeri itu supaya menentang mereka, dan memberkatinya bagi nenek moyang kita; ya Dia mengutukkannya supaya menentang mereka hingga pembinaan mereka, dan Dia memberkatinya bagi nenek moyang kita hingga mereka mendapat kuasa ke atasnya.

36 Lihatlah, Tuhan telah mencipta bumi agar ia dapat diduduki; dan Dia telah mencipta anak-anak-Nya agar mereka dapat memilikinya.

37 Dan Dia membangkitkan suatu bangsa yang soleh, dan membinasakan bangsa-bangsa yang jahat.

38 Dan Dia menuntun pergi yang soleh ke negeri-negeri yang kaya, dan yang jahat Dia menghancurkan, dan mengutukkan negeri

itu supaya menentang mereka disebabkan mereka.

39 Dia memerintah tinggi di langit, kerana ianya adalah takhta-Nya, dan bumi ini adalah bangku kaki-Nya.

40 Dan Dia menyayangi mereka yang mahukan Dia menjadi Tuhan mereka. Lihatlah, Dia menyayangi nenek moyang kita, dan Dia berjanji dengan mereka, ya, bahkan Abraham, Isyak, dan Yakub; dan Dia ingat akan perjanjian-perjanjian yang telah Dia buat; oleh itu, dia telah membawa mereka keluar dari negeri Mesir.

41 Dan Dia telah menghukum mereka di padang belantara dengan tongkat-Nya; kerana mereka mengeraskan hati mereka, seperti kamu telah lakukan; dan Tuhan menghukum mereka kerana kedengkataan mereka. Dia menghantar ular-ular berapi yang berterbangan di kalangan mereka; dan setelah mereka dipatuk, Dia menyediakan cara agar mereka dapat disembuhkan; dan kerja yang mereka mesti buat adalah memandang; dan kerana mudahnya cara itu, atau senangnya cara itu, ramai yang binasa.

42 Dan mereka mengeraskan hati mereka dari semasa ke semasa, dan mereka mencaci maki Musa, dan juga Tuhan; walaubagaimanapun, kamu tahu bahawa mereka telah dituntun oleh kuasa-Nya yang tiada bandingannya ke negeri yang dijanjikan.

43 Dan sekarang, setelah segala ini, masanya telah tiba bahawa

mereka telah menjadi jahat, ya, hampir ke kematangan; dan aku tidak tahu adakah mereka pada hari ini hampir dihancurkan; kerana aku tahu bahawa hari itu mesti sampai bahawa mereka mesti dihancurkan, kecuali sebilangan kecil sahaja, yang akan dituntun ke dalam penawanan.

44 Oleh kerana itu, Tuhan telah memerintahkan bapaku agar dia mesti berangkat ke padang belantara; dan orang Yahudi juga berusaha mengambil nyawanya; ya, dan engkau juga telah berusaha mengambil nyawanya; oleh kerana itu, engkau adalah pembunuh di dalam hatimu, dan engkau seperti mereka.

45 Engkau cepat melakukan kedengkataan tetapi lambat mengingati Tuhanmu. Engkau telah nampak seorang malaikat dan dia telah berbicara kepadamu; ya, engkau telah mendengar suara-Nya dari semasa ke semasa; dan Dia telah berbicara kepadamu dengan suara tenang lembut, tetapi engkau tidak lagi berperasaan, sehingga engkau tidak dapat merasakan firman-Nya; oleh kerana itu, Dia telah berfirman kepadamu bagaikan suara guruh, yang telah mengakibatkan tanah bergoncang seolah-olah akan terbelah.

46 Dan engkau tahu bahawa dengan kuasa firman-Nya yang mahakuasa Dia dapat menyebabkan bumi tidak wujud lagi; Ya, dan engkau tahu bahawa dengan firman-Nya Dia dapat menyebabkan tempat-tempat kasar menjadi

licin, dan tempat-tempat licin akan dipecah-belahkan. Ya, maka, mengapakah engkau boleh begitu keras dalam hatimu?

47 Lihatlah, jiwaku terkoyak dengan kepedihan keranamu, dan hatiku sakit; aku takut kalau-kalau engkau dibuang keluar selamalamanya. Lihatlah, aku penuh dengan Roh Kudus, sedemikian rupa sehingga ragaku tidak bertenaga.

48 Dan sekarang terjadilah bahawa setelah aku mengucapkan kata-kata ini, mereka marah terhadapku, dan berhasrat membuangku ke pendalaman laut; dan apabila mereka mara untuk menjamahku dengan tangan mereka, aku berbicara kepada mereka, mengatakan: Demi nama Tuhan Mahakuasa, aku memerintahmu agar engkau jangan menyentuhku, kerana aku dipenuhi dengan kuasa Tuhan, bahkan sampai pemusnahan dagingku; dan barang siapapun yang menjamahku dengan tangannya akan layu, bahkan seperti mensiang kering; dan dia akan tidak bererti apa pun di hadapan kuasa Tuhan, kerana Tuhan akan menghukumnya.

49 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, berkata kepada mereka bahawa mereka patut jangan merungut lagi terhadap bapa mereka; jangan mereka juga menahan kerja mereka daripadaku, kerana Tuhan telah memerintahkanku agar aku mesti membina sebuah kapal.

50 Dan aku berkata kepada mereka: Jika Tuhan telah memerintahkanku untuk melaksanakan

segalanya, aku dapat melaksanakannya. Jika Dia memerintahkanku agar aku mesti mengatakan kepada air ini, jadilah engkau tanah, ia akan menjadi tanah; dan jika aku mengatakannya, ia akan dilaksanakan.

51 Dan sekarang, jika Tuhan memiliki kuasa yang demikian besar, dan telah mengerjakan demikian banyak mukjizat di kalangan anak-anak manusia, bagaimanakah Dia tidak dapat mengajarku, agar aku dapat membina sebuah kapal?

52 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, mengatakan banyak hal kepada saudara-saudaraku, demikian rupa sehingga mereka ditundukkan dan tidak dapat bertengkar denganku; juga mereka tidak berani menjamahku dengan tangan mereka, juga tidak menyentuhku dengan jari mereka, bahkan untuk jangka masa banyak hari. Sekarang mereka tidak berani melakukan ini kalau-kalau mereka layu di hadapanku, demikian berkuasanya Roh Tuhan; dan demikianlah Dia telah mempengaruhi mereka.

53 Dan terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepadaku: Hurlurkan tanganmu lagi kepada saudara-saudaramu, dan mereka tidak akan layu di hadapanmu, tetapi aku akan mengejutkan mereka, firman Tuhan, dan ini akan Aku lakukan, agar mereka tahu bahawa Akulah Tuhan mereka.

54 Dan terjadilah bahawa aku menghulurkan tanganku kepada saudara-saudaraku, dan mereka

tidak layu di hadapanku; tetapi Tuhan menggongcangkan mereka, bahkan menurut firman yang telah Dia firmankan.

55 Dan sekarang, mereka berkata: Kami tahu dengan kepastian bahawa Tuhan ada bersamamu, kerana kami tahu bahawa adalah kuasa Tuhan yang menggongcangkan kami. Dan mereka menjatuhkan diri di hadapanku, dan hampir menyembahku, tetapi aku tidak membenarkan mereka, mengatakan: Aku saudaramu, ya, bahkan adikmu; oleh kerana itu, sembahlah Tuhanmu, dan hormatilah bapamu dan ibumu, agar hidupmu panjang di negeri yang Tuhanmu akan berikan kepadamu.

BAB 18

Kapal itu siap—Kelahiran Yakob dan Yusuf disebutkan—Rombongan itu berangkat ke negeri yang dijanjikan—Putera-putera Ismail dan isteri-isteri mereka bersama-sama berpesta secara porak-peranda dan memberontak—Nefi diikat, dan kapal itu dipaksa berundur oleh ribut yang dahsyat—Nefi dibebaskan, dan kerana doanya, ribut itu berhenti—Mereka tiba di negeri yang dijanjikan. Kirakira 591–589 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa mereka menyembah Tuhan, dan pergi bersamaku; dan kami mengerjakan kayu-kayan dengan kerja tangan yang terperinci. Dan Tuhan menunjukkan kepadaku dari masa ke semasa menurut cara apanya aku

patut mengerjakan kayu-kayan kapal itu.

2 Sekarang aku, Nefi, tidak mengerjakan kayu-kayan itu menurut cara yang dipelajari oleh manusia, juga aku tidak membina kapal itu menurut cara manusia; tetapi aku membinakannya menurut cara yang Tuhan telah tunjukkan kepadaku; oleh kerana itu, ianya bukan menurut cara manusia.

3 Dan aku, Nefi, sering pergi ke gunung, dan aku sering berdoa kepada Tuhan; oleh kerana itu, Tuhan telah menunjukkan kepadaku banyak hal yang besar.

4 Dan terjadilah bahawa setelah aku menyiapkan kapal itu, menurut firman Tuhan, saudara-saudaraku nampak bahawa ianya baik, dan bahawa kerja tangannya sangat halus; oleh kerana itu, mereka merendahkan diri mereka lagi di hadapan Tuhan.

5 Dan terjadilah bahawa suara Tuhan datang kepada bapaku, bahawa kami patut bangun dan turun ke dalam kapal itu.

6 Dan terjadilah bahawa pada esok harinya, setelah kami menyediakan segala benda, banyak buah-buahan dan daging dari padang belantara, dan madu yang berkelimpahan, dan bekalan menurut itu yang Tuhan telah perintahkan kepada kami, kami pergi ke dalam kapal itu, dengan segala muatan dan benih kami, dan apa pun benda kami yang telah dibawa bersama kami setiap orang menurut umurnya; oleh kerana itu,

kami pun turun ke dalam kapal itu, dengan isteri dan anak-anak kami.

7 Dan sekarang, bapaku telah memperanakkan dua orang putera di padang belantara; yang lebih tua dipanggil Yakub, dan yang lebih muda Yusuf.

8 Dan terjadilah bahawa setelah kami semua turun ke dalam kapal, dan mengambil dengan kami bekalan dan barangan yang telah diperintahkan kepada kami, kami belayar keluar ke laut dan dihembus oleh angin menuju ke negeri yang dijanjikan.

9 Dan setelah kami dihembus oleh angin selama tempoh banyak hari, lihatlah, saudara-saudaraku dan putera-putera Ismael, dan juga isteri-isteri mereka mula beriang-ria, sehingga mereka mula menari, dan menyanyi, dan berbicara dengan banyak kekasaran, ya, bahkan sehingga mereka lupa dengan kuasa apanya yang mereka telah dibawa ke situ; ya, mereka terangkat ke kekasaran yang amat sangat.

10 Dan aku, Nefi, mula tersangat takut kalau-kalau Tuhan murka terhadap kami, dan mendera kami kerana kederhakaan kami, sehingga kami ditelan ke dalam pendalaman laut; oleh kerana itu, aku, Nefi, mula berbicara kepada mereka dengan penuh kesungguhan; tetapi lihatlah, mereka marah kepadaku, mengatakan: Kami tidak mahu adik kami menjadi pemerintah ke atas kami.

11 Dan terjadilah bahawa Laman dan Lemuel menangkapku dan

mengikatku dengan tali, dan mereka memperlakukanku dengan penuh kekerasan; walaupun demikian, Tuhan membenarkannya agar Dia dapat menunjukkan kuasa-Nya, hingga penggenapan firman-Nya yang telah Dia firman-kan berkenaan yang jahat.

12 Dan terjadilah bahawa setelah mereka mengikatku sehingga aku tidak dapat bergerak, kompas yang telah disediakan oleh Tuhan, berhenti bekerja.

13 Oleh kerana itu, mereka tidak tahu ke mana mereka harus mengemudikan kapal itu, sedemikian rupa sehingga bangkitnya ribut yang besar, ya, ribut yang besar dan dahsyat, dan kami dihembus balik di atas perairan untuk tempoh tiga hari; dan mereka mula menjadi tersangat takut kalau-kalau mereka lemas di laut; walaupun bagaimanapun, mereka tidak kehilanganku.

14 Dan pada hari keempat, pada masa kami dihembus balik, ribut itu mula menjadi tersangat teruk.

15 Dan terjadilah bahawa kami hampir ditelan ke dalam pendalaman laut. Dan setelah kami ditolak balik di atas perairan untuk tempoh empat hari, saudara-saudaraku mula melihat bahawa penghakiman Tuhan berada atas mereka, dan bahawa mereka akan binasa kecuali mereka bertaubat dari kederhakaan mereka; oleh kerana itu, mereka datang kepadaku, dan melonggarkan tali yang berada pada pergelangan tanganku, dan lihatlah, ia telah menjadi

tersangat bengkak; dan juga gelang kakiku sangat bengkak, dan teruk sekali kesakitannya.

16 Walaubagaimanapun, aku memandang kepada Tuhanku, dan aku memuji Dia sepanjang hari; dan aku tidak merungut terhadap-Nya kerana kesengsaraanku.

17 Sekarang bapaku, Lehi, telah mengatakan banyak perkara kepada mereka, dan juga kepada putera-putera Ismaiel, tetapi, lihatlah, mereka melafazkan banyak ancaman terhadap sesiapa pun yang bercakap bagiku; dan ibu-bapaku dilanda usia lanjut, dan kerana telah menderita banyak kepiluan disebabkan anak-anak mereka, mereka jatuh sakit, ya, bahkan di atas katil mereka kerana mereka sakit.

18 Kerana kepiluan dan kesedihan mereka yang besar, dan kederhakaan saudara-saudaraku, mereka dibawa hampir, bahkan dibawa keluar dari kehidupan ini untuk menemui Tuhan mereka; ya, uban mereka hampir dibawa turun untuk berbaring dalam debu; ya, bahkan mereka hampir dicampak dengan kesedihan ke dalam kubur berair.

19 Dan Yakub dan Yusuf juga, kerana muda, memerlukan banyak penjagaan, dijadikan pilu kerana kesengsaraan ibu mereka; dan juga isteriku dengan air mata dan doanya, dan juga anak-anakku, tidak dapat melunakkan hati saudara-saudaraku agar mereka melepaskan aku.

20 Dan tiada apa pun kecuali

kuasa Tuhan, yang mengancamkan mereka dengan penghancuran, dapat melunakkan hati mereka; oleh kerana itu, apabila mereka nampak bahawa mereka hampir akan ditelan ke dalam pendalaman laut, mereka bertaubat dari perkara yang telah mereka lakukan, sedemikian rupa sehingga mereka melepaskan aku.

21 Dan terjadilah bahawa setelah mereka melepaskanku, lihatlah, aku mengambil kompas itu, dan ia bekerja sebagaimana yang aku hasrati darinya. Dan terjadilah bahawa aku berdoa kepada Tuhan; dan setelah aku berdoa, angin pun berhenti, dan ribut pun berhenti, dan adanya ketenangan yang besar.

22 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, mengemudikan kapal itu, dan kami belayar lagi menuju ke negeri yang dijanjikan.

23 Dan terjadilah bahawa setelah kami belayar selama tempoh banyak hari, kami tiba di negeri yang dijanjikan; dan kami pergi ke dalam negeri itu, dan mendirikan khemah kami; dan kami memanggilnya negeri yang dijanjikan.

24 Dan terjadilah bahawa kami mula membajak tanah, dan kami mula menanam benih; ya, kami meletakkan semua benih kami ke dalam tanah, yang kami telah bawa dari negeri Yerusalem. Dan terjadilah bahawa ia tumbuh amat banyak; oleh kerana itu, kami diberkati secara berlimpah-limpah.

25 Dan terjadilah bahawa kami terjumpa di negeri yang dijanjikan,

semasa kami mengembara di padang belantara, bahawa adanya binatang di dalam hutan dari setiap jenis, baik lembu mahupun sapi, dan keldai dan kuda, dan kambing dan kambing liar, dan segala jenis binatang liar, yang untuk penggunaan manusia. Dan kami terjumpa segala jenis bijih, baik emas, dan perak, mahupun tembaga.

BAB 19

Nefi membuat kepingan-kepingan daripada bijih, dan mencatatkan sejarah bangsanya—Tuhan Israel akan datang enam ratus tahun dari masa Lehi meninggalkan Yerusalem—Nefi menceritakan berkenaan penderitaan dan penyaliban-Nya—Orang Yahudi akan dibenci dan dicerai-beraikan sehingga zaman akhir, apabila mereka akan kembali kepada Tuhan. Kira-kira 588–570 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa Tuhan memerintahkanku, oleh kerana itu, aku membuat kepingan-kepingan daripada bijih agar aku dapat mengukir di atasnya sejarah bangsaku. Dan di atas kepingan-kepingan yang telah aku buat, aku mengukir catatan bapaku, dan juga perjalanan kami di padang belantara, dan nubuat-nubuat bapaku; dan juga banyak daripada nubuat diriku telah aku ukir di atasnya.

2 Dan aku tidak tahu pada masa aku membuatnya bahawa aku akan diperintahkan oleh Tuhan

untuk membuat kepingan-kepingan ini; oleh kerana itu, catatan bapaku, dan salasilah nenek-moyangnya, dan bahagian terbesar segala urusan kami di padang belantara diukir di atas kepingan-kepingan pertama yang berkenaannya telah aku bicarakan; oleh kerana itu, hal-hal yang terjadi sebelum aku membuat kepingan-kepingan ini adalah, sebenarnya, lebih terperinci diberi sebutan di atas kepingan-kepingan pertama.

3 Dan setelah aku membuat kepingan-kepingan ini menurut cara perintah, aku, Nefi, menerima suatu perintah bahawa pelayanan dan nubuat-nubuat, bahagian-bahagian darinya yang lebih jelas dan berharga, patut ditulis di atas kepingan-kepingan ini; dan bahawa hal-hal yang ditulis patut disimpan untuk pengajaran bangsaku, yang akan memiliki negeri itu, dan juga untuk tujuan-tujuan lain yang bijaksana, yang tujuannya diketahui oleh Tuhan.

4 Oleh kerana itu, aku, Nefi, telah membuat suatu catatan di atas kepingan-kepingan yang lain itu, yang memberi laporan, atau yang memberi laporan yang lebih terperinci berkenaan peperangan dan perselisihan dan pembinaan bangsaku. Dan ini telah aku laksanakan, dan memerintahkan bangsaku apanya mereka patut lakukan setelah aku mati; dan bahawa kepingan-kepingan ini patut diturunkan dari satu generasi kepada yang lain, atau dari seorang nabi kepada yang lain, sehingga

perintah-perintah selanjutnya dari Tuhan.

5 Dan sebuah laporan berkenaan pembuatan kepingan-kepingan ini olehku akan diberi pada masa depan; dan kemudian, lihatlah, aku akan berterusan menurut apa yang telah aku ucapkan; dan ini aku lakukan agar hal-hal yang lebih suci dapat disimpan untuk pengetahuan bangsaku.

6 Walaubagaimanapun, aku tidak menulis apa-apapun di atas kepingan-kepingan ini kecuali yang aku fikirkan adalah suci. Dan sekarang, jikalau aku membuat kesalahan, demikian juga mereka membuat kesalahan pada masa dahulukala; bukan aku mahu memaafkan diriku kerana orang lain, sebaliknya kerana kelemahan-kelemahan yang ada pada diriku, menurut keadaan daging, aku memaafkan diriku.

7 Kerana perkara yang sesetengah orang anggap sebagai sangat berharga, baik untuk tubuh mahupun jiwa, orang lain menganggapnya sebagai tidak bernilai, dan memijak-mijaknya di bawah kaki mereka. Ya, bahkan Tuhan Israel sendiri pun orang pijakkan di bawah kaki mereka; aku berkata, memijak-mijak di bawah kaki mereka, tetapi aku akan berucap dalam kata-kata lain—mereka menganggapkan Dia sebagai tidak bernilai, dan tidak menghiraukan suara nasihat-Nya.

8 Dan lihatlah, Dia datang, menurut kata-kata malaikat, dalam enam ratus tahun dari

masa bapaku meninggalkan Yerusalem.

9 Dan dunia, kerana kederhakaan mereka, akan menghakimi Dia sebagai sesuatu yang tidak bernilai; oleh kerana itu, mereka mencambukkan Dia, dan Dia membenarkannya; dan mereka memukul Dia, dan Dia membenarkannya. Ya, mereka meludah ke atas Dia, dan Dia membenarkannya, kerana kebaikan hati-Nya yang penuh kasih, dan panjang sabar-Nya terhadap anak-anak manusia.

10 Dan Tuhan nenek-moyang kami, yang telah dituntun keluar dari Mesir, keluar dari penawanan, dan juga dijaga di padang belantara oleh Dia, ya, Tuhan Abraham dan Isyak, dan Tuhan Yakub, menyerahkan diri-Nya, menurut kata-kata malaikat, sebagai seorang manusia, ke dalam tangan manusia jahat, untuk diangkat, menurut kata-kata Zenok, dan untuk disalibkan, menurut kata-kata Neum, dan untuk dikuburkan di dalam sebuah makam, menurut kata-kata Zenos, yang dia ucapkan berkenaan tiga hari kegelapan, yang adalah tanda yang diberi berkenaan kematian-Nya kepada mereka yang akan menduduki pulau-pulau laut, lebih khusus diberi kepada mereka yang dari bani Israel.

11 Kerana demikianlah nabi berucap: Tuhan tentu akan mengunjunginya seluruh bani Israel pada hari itu, sebahagian dengan suara-Nya, kerana kesolehan mereka, untuk kebahagiaan besar

dan keselamatan mereka, dan yang lain dengan guruh dan kilat kuasa-Nya, dengan ribut, dengan api, dan dengan asap, dan kabus kegelapan, dan dengan pembukaan bumi, dan dengan gunung-ganang yang akan diangkat.

12 Dan semua ini mesti akan datang, kata nabi Zenos. Dan batu-batan bumi akan terbelah; dan kerana keluhan bumi, ramai dari para raja pulau-pulau laut akan dipengaruhi oleh Roh Tuhan, untuk berseru: Tuhan alam semula jadi menderita.

13 Dan berkenaan mereka yang berada di Yerusalem, kata nabi, mereka akan dicambuk oleh semua manusia kerana mereka menyalibkan Tuhan Israel, dan memalingkan hati mereka ke samping, menolakan tanda-tanda dan keajaiban, dan kuasa dan kemuliaan Tuhan Israel.

14 Dan kerana mereka menyelewengkan hati mereka, kata nabi, dan telah membencikan Dia Yang Kudus dari Israel, mereka akan mengembara secara daging, dan binasa, dan menjadi desisan dan olokan, dan dibenci di kalangan semua bangsa.

15 Walaubagaimanapun, apabila hari itu datang, kata nabi, bila mereka tidak lagi menyelewengkan hati mereka melawan Dia Yang Kudus dari Israel, masa itulah Dia akan mengingati perjanjian-perjanjian yang Dia telah buat kepada nenek-moyang mereka.

16 Ya, masa itulah Dia akan mengingati pulau-pulau laut; ya,

dan semua orang yang adalah dari bani Israel, akan Aku kumpulkan, firman Tuhan, menurut kata-kata nabi Zenos, dari keempat-empat sudut bumi.

17 Ya, dan seluruh bumi akan melihat keselamatan daripada Tuhan, kata nabi; setiap bangsa, kaum, bahasa dan orang akan diberkati.

18 Dan aku, Nefi, telah menuliskan perkara-perkara ini kepada bangsaku, agar aku mungkin dapat memujuk mereka agar mereka akan mengingati Tuhan, Penebus mereka.

19 Oleh kerana itu, aku berucap kepada seluruh bani Israel, jika demikian halnya bahawa mereka boleh mendapat perkara-perkara ini.

20 Kerana lihatlah, aku mempunyai perasaan rohani yang kuat, yang menjadikanku letih, bahkan bahawa semua sendiku lemah, kerana mereka yang berada di Yerusalem; kerana jika Tuhan tidak berbelas kasihan, untuk memperlihatkan kepadaku berkenaan mereka, bahkan seperti yang Dia telah memperlihatkan kepada nabi-nabi dahulukala, aku pasti telah binasa juga.

21 Dan Dia memang telah memperlihatkan kepada para nabi zaman dahulu kala segala hal berkenaan mereka; dan juga Dia telah memperlihatkan kepada ramai orang berkenaan kami; oleh kerana itu, semestinya kami tahu berkenaannya kerana ianya ditulis di atas kepingan-kepingan loyang.

22 Sekarang terjadilah bahawa aku, Nefi, mengajar saudara-saudaraku berkenaan hal-hal ini; dan terjadilah bahawa aku membaca banyak perkara kepada mereka, yang diukir di atas kepingan-kepingan loyang, agar mereka dapat tahu berkenaan perbuatan Tuhan di negeri-negeri lain, di kalangan manusia dahulukala.

23 Dan aku membaca banyak perkara kepada mereka yang ditulis di dalam kitab-kitab Musa; tetapi agar aku dapat lebih sepenuhnya memujuk mereka supaya percaya kepada Tuhan, Penebus mereka, aku membaca kepada mereka apa yang ditulis oleh nabi Yesaya; kerana aku mengibaratkan semua tulisan suci kepada kami, agar ia boleh menjadi keuntungan dan pembelajaran kepada kami.

24 Oleh kerana itu, aku berucap kepada mereka, mengatakan: Dengarkanlah kamu kepada kata-kata nabi, kamu yang adalah sisa bani Israel, satu cabang yang telah dipatahkan; dengarkanlah kamu kepada kata-kata nabi, yang telah ditulis kepada seluruh bani Israel, dan ibaratkanlahnya kepada dirimu, agar kamu boleh mempunyai harapan seperti juga saudara-saudaramu dari siapa kamu telah dipatahkan; kerana menurut cara inilah nabi telah menulis.

BAB 20

Tuhan mewahyukan tujuan-tujuan-Nya kepada Israel—Israel telah dipilih

di dalam relau kesengsaraan dan akan keluar dari Babilonia—Banding dengan Yesaya 48. Kira-kira 588–570 tahun S.M.

PERHATILAH dan dengarkan ini, Wahai bani Yakub, yang dipanggil dengan nama Israel, dan yang datang keluar dari perairan Yehuda, atau keluar dari perairan pembaptisan, yang bersumpah dalam nama Tuhan, dan menyebut tentang Tuhan Israel, namun mereka tidak bersumpah dalam kebenaran atau dalam kesolehan.

2 Walaupun demikian, mereka memanggil diri mereka dari kota suci, tetapi mereka tidak bergantung kepada Tuhan Israel, yang merupakan Tuhan Semesta Alam; ya, Tuhan Semesta Alam adalah nama Dia.

3 Lihatlah, Aku telah mengisytiharkan perkara-perkara dahulukala dari awalnya; dan ia keluar dari mulutku, dan Aku memperlihatkannya. Aku memperlihatkannya dengan tiba-tiba.

4 Dan Aku melakukannya kerana aku tahu bahawa engkau degil, dan lehermu adalah urat besi, dan dahimu loyang.

5 Dan Aku telah, bahkan dari awalnya, mengisytiharkan kepadamu; sebelum ianya terjadi, Aku telah memperlihatkannya kepadamu; dan aku memperlihatkannya kalau-kalau engkau akan berkata—Berhalaku telah melakukannya, dan patung ukir-anku, dan patung leburanku telah memerintahkannya.

6 Engkau telah melihat dan mendengar semua ini; dan tidakkah akan engkau mengisytiharkannya? Dan bahawa Aku telah memperlihatkan kepadamu perkara-perkara baru sejak masa ini, bahkan perkara-perkara yang tersembunyi, dan engkau tidak mengetahuinya.

7 Ia dicipta sekarang, dan bukan dari awal, bahkan sebelum hari itu apabila kamu tidak mendengarkannya, ia telah diisytiharkan kepadamu, kalau-kalau engkau akan berkata—Lihatlah, aku mengetahuinya.

8 Ya, dan engkau tidak mendengar; ya, engkau tidak mengetahui; ya, dari masa itu telingamu tidak dibuka; kerana Aku tahu bahawa engkau akan berurusan dengan sikap sangat berkhianat, dan dipanggil orang berdosa sejak dari rahim.

9 Walaupun demikian, demi kepentingan nama-Ku akan Aku tangguhkan kemurkaan-Ku, dan demi kepujian-Ku akan Aku menahan diri darimu, agar Aku tidak menyingkirkanmu.

10 Kerana lihatlah, Aku telah menghalusimu, Aku telah memilihmu dalam relau kesengsaraan.

11 Demi kepentingan-Ku sendiri, ya, demi kepentingan-Ku sendiri akan Ku lakukan ini, kerana Aku tidak akan membiarkan nama-Ku dikotorkan, dan Aku tidak akan memberi kemuliaan-Ku kepada yang lain.

12 Dengarkanlah Aku, Wahai Yakub, dan Israel yang terpinggil oleh-Ku, kerana Akulah Dia;

Akulah yang pertama, dan Aku juga yang terakhir.

13 Tangan-Ku telah juga meleletakkan dasar bumi, dan tangan kanan-Ku telah membentangkan langit. Aku memanggilnya dan ia berdiri bersama.

14 Kamu semua, berhimpunlah kamu bersama, dan dengar; siapakah di antara mereka telah mengisytiharkan perkara-perkara ini kepada mereka? Tuhan telah mengasihi dia; ya, dan Dia akan menggenapkan firman-Nya yang Dia telah isytiharkan melalui mereka; dan Dia akan melakukan keinginan-Nya ke atas Babilonia, dan lengan-Nya akan jatuh ke atas bangsa Kasdim.

15 Juga, firman Tuhan; Aku Tuhan, ya, Aku telah berfirman; ya, Aku telah memanggilnya untuk membuat pengisytiharaan, Aku telah membawa dia, dan dia akan menjadikan jalannya makmur.

16 Datanglah kamu mendekati-Ku; aku tidak berbicara secara rahasia; dari awalnya, dari masa ia diisytiharkan telah aku berbicara; dan Tuhan, dan Roh-Nya, telah menghantarku.

17 Dan begitulah firman Tuhan, Penebusmu, Dia Yang Kudus dari Israel; Aku telah menghantar Dia, Tuhanmu yang mengajarmu untuk mendapat keuntungan, yang menuntunmu sepanjang jalan yang engkau patut lalui, telah melakukannya.

18 Ah, jika engkau telah mematuhi perintah-perintah-Ku—maka kedamaianmu telah pun menjadi

bagaikan sebuah sungai, dan ke-solehanmu bagaikan ombak laut.

19 Keturunanmu juga telah pun menjadi bagaikan pasir; anak-anak perutmu bagaikan kerikil darinya; namanya pun tidak disingkirkan atau dibinasakan dari hadapan-Ku.

20 Pergilah engkau keluar dari Babilonia, larikanlah dirimu dari orang Kasdim, dengan suara nyanyian isytiharkanlah kamu, beritahukanlah ini, ucapkanlah kepada hujung bumi; katakanlah kamu: Tuhan telah menebuskan hamba-Nya Yakub.

21 Dan mereka tidak dahaga; Dia menuntun mereka melalui gurun-gurun; Dia menyebabkan air mengalir keluar dari batu untuk mereka; Dia membelahkan batu juga dan air menyembur keluar.

22 Dan walaupun Dia telah lakukan segala ini, dan lebih agung lagi, tiada kedamaian, firman Tuhan, untuk yang jahat.

BAB 21

Mesias akan menjadi cahaya kepada orang bukan Yahudi dan akan membebaskan orang tawanan—Israel akan dikumpul dengan kuasa pada zaman akhir—Raja-raja akan menjadi bapa pengasuh mereka—Bandingkan Yesaya 49. Kira-kira 588–570 tahun S.M.

DAN lagi: Dengarlah, Wahai kamu bani Israel, kamu semua yang dipatahkan dan dihalau keluar

kerana kejahatan para gembala bangsaku; Wahai, kamu semua yang dipatahkan, yang diceraiberaikan merata-rata, yang adalah dari umat-Ku, Wahai bani Israel. Dengarlah, Wahai pulau-pulau, kepada-Ku, dan dengarlah kamu orang yang dari jauh; Tuhan telah memanggilkmu sejak dari rahim; dari dalam ibuku telah Dia menyebut namaku.

2 Dan Dia telah menjadikan mulutku seperti sebilah pedang tajam; dalam bayangan tangan-Nya telah Dia menyembunyikanku, dan menjadikanku sebatang anak panah berkilat; di dalam tabung anak panah telah Dia menyembunyikanku;

3 Dan Dia berfirman kepadaku: Kamulah hamba-Ku, Wahai Israel, di dalammu Aku dimuliakan.

4 Kemudian aku berkata, aku telah berusaha kuat dengan sia-sia, aku telah menghabiskan kekuatanku tanpa hasil dan secara sia-sia; tentulah penghakimanku adalah bersama Tuhan, dan kerjaku bersama Tuhanku.

5 Dan sekarang, firman Tuhan—yang telah membentukkanku sejak dari rahim agar aku akan menjadi hamba-Nya, untuk membawa Yakub lagi kepada Dia—walaupun Israel tidak dikumpulkan, tetapi aku akan menjadi mulia dalam mata Tuhan, dan Tuhanku akan menjadi kekuatanku.

6 Dan Dia berfirman: Adalah perkara yang ringan bahawa kamu harus menjadi hambaKu untuk membangkitkan suku-suku

Yakub, dan untuk memulihkan sisa Israel yang telah dilindungi. Aku akan juga memberikan kamu sebagai cahaya kepada orang bukan Yahudi, agar kamu dapat menjadi keselamatan-Ku kepada hujung-hujung bumi.

7 Demikianlah firman Tuhan, Penebus Israel, Dia yang Kudus, kepada dia yang manusia bencikan, kepada dia yang bangsa-bangsa merasa luat, kepada orang suruhan para pemerintah: Raja-raja akan nampak dan bangun, para putera juga akan menyembah, kerana Tuhan yang setia.

8 Demikianlah firman Tuhan: Pada suatu masa yang sesuai telah Aku mendengarkanmu, Wahai pulau-pulau di laut, dan pada suatu hari keselamatan Aku telah menolongmu; dan Aku akan melindungimu, dan memberimu, hambaku, sebagai perjanjian kepada bangsa ini, untuk membina bumi, untuk menyebabkan mereka mewarisi pusaka yang terlantar.

9 Agar kamu boleh berkata kepada orang tawanan: Keluarlah; kepada mereka yang duduk dalam kegelapan: Perlihatkanlah dirimu. Mereka akan makan sepanjang jalan, dan padang rumput mereka akan berada di semua tempat tinggi.

10 Mereka tidak akan lapar atau dahaga, tidak juga kepanasan atau matahari menyakiti mereka; kerana Dia yang berbelas kasihan terhadap mereka akan menuntun mereka, bahkan ke tepi mata air akan Dia menuntun mereka.

11 Dan Aku akan menjadikan semua gunung-Ku suatu jalan, dan lebuah raya-Ku akan dipertingkatkan.

12 Dan kemudian, Wahai bani Israel, lihatlah, orang ini akan datang dari jauh; dan lihatlah, orang ini dari utara dan dari barat; dan orang ini dari negeri Sinim.

13 Nyanyilah, Wahai langit; dan berbahagialah, Wahai bumi; kerana kaki mereka yang berada di timur akan ditegakkan; dan bersoraklah dalam nyanyian, Wahai gunung-ganang; kerana mereka tidak akan dihukum lagi; kerana Tuhan telah menghiburkan hati umat-Nya, dan akan berbelas kasihan terhadap umat-Nya yang menderita.

14 Tetapi, lihatlah, Sion telah berkata: Tuhan telah meninggalkanku, dan Tuhanku telah melupakanku—tetapi Dia akan menunjukkan bahwa Dia tidak berbuat demikian.

15 Kerana bolehkah seorang wanita melupakan anaknya yang menyusu, sehingga dia tidak mempunyai rasa kasihan terhadap anak lelaki dari rahimnya? Ya, mereka mungkin lupa, tetapi Aku tidak akan melupakanmu, Wahai bani Israel.

16 Lihatlah, Aku telah mengukirkanmu di atas tapak tangan-Ku; tembok-tembokmu berlanjutan di hadapan-Ku.

17 Anak-anakmu akan bertindak pantas menentang pembinasapembinasamu; dan mereka yang memusnahkanmu akan pergi darimu.

18 Angkatlah matamu ke sekeliling dan lihatlah; semua ini berkumpul bersama, dan mereka akan datang kepadamu. Dan sebagaimana Aku hidup, firman Tuhan, kamu tentu akan memakai pada dirimu mereka semua, bagaikan dengan perhiasan, dan mengikatkan mereka, bahkan bagaikan seorang pengantin perempuan.

19 Kerana tempat-tempatmu yang termusnah dan terlantar, dan negeri pembinaanmu, akan, bahkan sekarang, menjadi terlalu sempit disebabkan penghuninya; dan mereka yang menelankanmu akan berada jauh.

20 Anak-anak yang kamu akan miliki, setelah kamu kehilangan yang pertama, akan lagi dalam telinga kamu berkata: Tempat ini terlalu kecil bagiku; berilah tempat kepadaku agar aku dapat berdiam.

21 Kemudian akan kamu berkata dalam hatimu: Siapakah yang telah memperanakkan kepadaku mereka ini, memandangkan aku telah kehilangan anak-anakku, dan aku mandul, seorang tawanan, dan berpindah ke sana dan ke sini? Dan siapakah yang telah membesarkan mereka ini? Lihatlah, aku ditinggalkan bersendirian; mereka ini, di manakah telah mereka berada?

22 Demikianlah firman Tuhan: Lihatlah, Aku akan mengangkat tangan-Ku kepada bangsa-bangsa bukan Yahudi, dan menegakkan panji-Ku kepada umat; dan mereka akan membawa putera-putera mereka di atas lengan mereka,

dan para puterimu akan dibawa di atas bahu mereka.

23 Dan raja-raja akan menjadi bapa pengasuhmu, dan para permaisuri mereka ibu pengasuhmu; mereka akan membongkok kepadamu dengan muka mereka menghadap tanah, dan menjilat debu kakimu; dan kamu akan tahu bahawa Aku adalah Tuhan; kerana mereka tidak akan malu yang menunggu-Ku.

24 Kerana akankah mangsa dirampas dari yang perkasa, atau para tawanan sah dibebaskan?

25 Tetapi demikianlah firman Tuhan, bahkan para tawanan kepada yang perkasa akan dirampas, dan mangsa kepada yang dahsyat akan dibebaskan; kerana Aku akan berlawan dengan dia yang berlawan denganmu, dan Aku akan menyelamatkan anak-anakmu.

26 Dan Aku akan memberi makan kepada mereka yang menindasmu, dengan daging mereka sendiri; mereka akan mabuk dengan darah mereka sendiri bagaikan dengan wain manis; dan semua daging akan tahu bahawa Aku, Tuhan, adalah Juruselamatmu dan Penebusmu, yang Perkasa dari Yakub.

BAB 22

Israel akan dicerai-beraikan di seluruh permukaan bumi—Orang bukan Yahudi akan mengasuh dan memelihara Israel dengan Injil pada zaman akhir—Israel akan dikumpulkan dan diselamatkan, dan mereka yang

jahat akan terbakar bagaikan tunggul jerami—Kerajaan iblis akan dihapuskan, dan Setan akan diikat. Kira-kira 588-570 tahun S.M.

DAN sekarang terjadilah bahawa setelah aku, Nefi, membaca hal-hal ini yang diukir di atas kepingan-kepingan loyang, saudara-saudaraku datang kepadaku dan berkata kepadaku: Apa ertinya hal-hal ini yang telah kamu baca? Lihatlah, adakah semestinya ia difahami menurut apa yang rohani, yang akan terjadi menurut roh dan bukan daging?

2 Dan aku, Nefi, berkata kepada mereka: Lihatlah, ianya diperlihatkan kepada nabi dengan suara Roh; kerana melalui Roh segala hal dinyatakan kepada nabi-nabi, yang akan datang kepada anak-anak manusia menurut keadaan daging.

3 Oleh demikian, hal-hal yang telah aku baca adalah hal yang berkaitan dengan apa yang duniawi maupun rohani; kerana nampaknya bani Israel, cepat atau lambat, akan diceraiberaikan di seluruh permukaan bumi, dan juga di kalangan semua bangsa.

4 Dan lihatlah, ada ramai yang sudah hilang dari pengetahuan mereka yang berada di Yerusalem. Ya, bahagian yang lebih besar dari semua suku-suku telah dituntun pergi; dan mereka diceraiberaikan ke sana ke mari di pulau-pulau laut; dan di mana mereka berada, tiada seorang di antara kita mengetahuinya, kecuali bahawa

kita tahu bahawa mereka telah dituntun pergi.

5 Dan sejak mereka telah dituntun pergi, hal-hal ini telah dinubuatkan berkenaan mereka, dan juga berkenaan semua mereka yang selepas ini akan diceraiberaikan dan dicelarukan, disebabkan Dia yang Kudus dari Israel; kerana terhadap Dia akan mereka mengeraskan hati mereka; oleh demikian, mereka akan diceraiberaikan di kalangan semua bangsa dan akan dibenci oleh semua manusia.

6 Namun demikian, setelah mereka diasuhkan oleh orang bukan Yahudi, dan Tuhan telah mengangkat tangan-Nya ke atas orang bukan Yahudi dan menegakkan mereka sebagai panji, dan anak-anak mereka telah dipangku dengan lengan mereka, dan puteri-puteri mereka telah diangkat di atas bahu mereka, lihatlah hal-hal ini yang berkenaannya telah dibicarakan adalah duniawi; kerana demikianlah perjanjian-perjanjian Tuhan dengan leluhur kita; dan ia bererti kita pada zaman akan datang, dan juga semua saudara kita yang adalah dari bani Israel.

7 Dan ia bererti bahawa masanya tiba bahawa setelah seluruh bani Israel diceraiberaikan dan dicelarukan, bahawa Tuhan akan membangunkan suatu bangsa yang perkasa di kalangan orang bukan Yahudi, ya, bahkan di atas permukaan negeri ini; dan oleh mereka akan keturunan kita diceraiberaikan.

8 Dan setelah keturunan kita

dicerai-beraikan, Tuhan akan meneruskan untuk melaksanakan suatu kerja yang menakjubkan di kalangan orang bukan Yahudi, yang akan menjadi sangat berharga kepada keturunan kita; oleh kerana itu, ia diibaratkan sebagai mereka dipelihara oleh orang bukan Yahudi dan dibawa di atas lengan mereka dan di atas bahu mereka.

9 Dan ia juga akan berharga kepada orang bukan Yahudi; dan bukan sahaja kepada orang bukan Yahudi tetapi kepada seluruh bani Israel, untuk menjadikan nyata perjanjian-perjanjian Bapa syurga kepada Abraham, berfirman: Melalui keturunanmu akanlah semua kaum di bumi diberkati.

10 Dan aku ingin, saudara-saudaraku, bahawa kamu patut mengetahui bahawa semua kaum di bumi tidak dapat diberkati kecuali Dia mendedahkan lengan-Nya di mata semua bangsa.

11 Oleh kerana itu, Tuhan akan terus mendedahkan lengan-Nya di mata semua bangsa, dalam mendedahkan perjanjian-perjanjian-Nya dan Injil-Nya kepada mereka yang dari bani Israel.

12 Oleh kerana itu, Dia akan membawa mereka keluar lagi dari penawanan, dan mereka akan dikumpulkan bersama ke negeri-negeri warisan mereka; dan mereka akan dibawa keluar dari keadaan tidak terkenal dan keluar dari kegelapan; dan mereka akan mengetahui bahawa Tuhan adalah Juruselamat mereka dan

Penebus mereka, Yang Perkasa dari Israel.

13 Dan darah gereja yang besar dan keji itu, yang adalah pelacur seluruh bumi, akan berpaling ke atas kepala mereka; kerana mereka akan berperang sesama mereka sendiri, dan pedang dari tangan mereka sendiri akan jatuh ke atas kepala mereka, dan mereka akan dimabukkan oleh darah mereka sendiri.

14 Dan setiap bangsa yang akan berperang melawanmu, Wahai bani Israel, akan dijadikan bermusuhan melawan satu sama lain, dan mereka akan jatuh ke dalam lubang yang telah mereka galikan untuk memerangkap umat Tuhan. Dan semua yang berlawanan menentang Sion akan dihancurkan, dan pelacur besar itu, yang telah menyelewengkan jalan-jalan benar Tuhan, ya, gereja yang besar dan keji itu, akan jatuh ke debu dan hebat jadinya kejatuhannya.

15 Kerana lihatlah, kata nabi, masanya akan cepat tiba bahawa Setan tidak akan mempunyai kuasa ke atas hati anak-anak manusia; kerana harinya akan cepat tiba apabila semua yang angkuh dan mereka yang berbuat jahat akan menjadi bagaikan tunggul jerami; dan hari itu akan datang apabila mereka mesti dibakarkan.

16 Kerana masanya akan cepat tiba apabila kegenapan kemurkaan Tuhan akan dicurahkan ke atas semua anak manusia; kerana Dia tidak akan membiarkan yang jahat membinasakan yang soleh.

17 Oleh kerana itu, Dia akan memelihara yang soleh dengan kuasa-Nya, walaupun kegenapan kemurkaan-Nya mesti datang, dan yang soleh akan dilindungi, bahkan sampai pembinasaaan musuh-musuh mereka dengan api. Oleh kerana itu, yang soleh tidak perlu takut; kerana demikianlah berbicara nabi, mereka akan diselamatkan, bahkan dengan api.

18 Lihatlah, saudara-saudaraku, aku berkata kepadamu, bahawa hal-hal ini mesti cepat tiba; ya, bahkan darah, dan api, dan wap asap mesti datang; dan ia semestinya berada di atas permukaan bumi ini; dan ia datang kepada manusia menurut keadaan daging jika demikian halnya bahawa mereka akan mengeraskan hati mereka terhadap Yang Kudus dari Israel.

19 Kerana lihatlah, yang soleh tidak akan terhapus; kerana masanya tentu akan tiba bahawa semua mereka yang berlawan menentang Sion akan disingkirkan.

20 Dan Tuhan tentu akan menyediakan suatu jalan untuk umat-Nya, hingga genaplah kata-kata Musa, yang dia ucapkan, mengatakan: Seorang nabi akan Tuhanmu bangunkan untukmu, sepertiku; dia akan kamu dengarkan dalam segala hal apa pun dia akan bicarakan kepadamu. Dan akan terjadi bahawa semua mereka yang tidak mahu mendengarkan nabi itu akan disingkirkan dari khayalak umat.

21 Dan sekarang aku, Nefi, mengisytiharkan kepadamu, bahawa nabi ini berkenaan siapa Musa

telah bicarakan adalah Yang Kudus dari Israel; oleh kerana itu, Dia akan melaksanakan penghakiman dalam kesolehan.

22 Dan yang soleh tidak perlu takut, kerana mereka adalah mereka yang tidak akan ditumpaskan. Tetapi adalah kerajaan iblis, yang akan dibangunkan di kalangan anak-anak manusia, yang mana kerajaan ditegakkan di kalangan mereka yang berada dalam daging—

23 Kerana masanya akan cepat tiba apabila semua gereja yang dibangunkan untuk mendapat keuntungan, dan semua mereka yang membina pengaruhnya untuk mendapat kuasa ke atas daging, dan mereka yang membina pengaruhnya untuk menjadi termasyhur disukai ramai di mata dunia, dan mereka yang mencari nafsu daging dan benda-benda dari dunia, dan untuk melakukan segala macam kederhakaan; ya, kesimpulannya, semua mereka yang menganggotai kerajaan iblis adalah mereka yang perlu takut, dan menggementar, dan menggigil; merekalah mereka yang mesti dijatuhkan ke debu; merekalah mereka yang mesti dibakar bagaikan tunggul jerami; dan ini adalah menurut kata-kata nabi.

24 Dan masanya cepat sampai apabila yang soleh mesti dituntun bagaikan anak-anak lembu dari kandang, dan Yang Kudus dari Israel mesti memerintah dalam kekuasaan, dan kekuatan, dan kuasa, dan kemuliaan yang agung.

25 Dan Dia mengumpulkan anak-anak-Nya dari keempat-empat sudut bumi; dan Dia menghitung domba-Nya, dan mereka mengenali Dia; dan akan ada satu kawanan dan satu gembala; dan Dia akan memberi makan kepada domba-Nya, dan di dalam Dia mereka akan menemukan padang rumput.

26 Dan kerana kesolehan umat-Nya, Setan tidak berkuasa; oleh kerana itu, dia tidak boleh dilepaskan selama bertahun-tahun; kerana dia tidak berkuasa ke atas hati manusia, kerana mereka hidup dalam kesolehan, dan Yang Kudus dari Israel memerintah.

27 Dan sekarang lihatlah, aku, Nefi, berkata kepadamu bahawa semua hal ini mesti datang menurut keadaan daging.

28 Tetapi, lihatlah, semua bangsa, kaum, bahasa, dan orang akan hidup dengan selamat dalam Yang Kudus dari Israel jika demikian

halnya bahawa mereka akan bertaubat.

29 Dan sekarang aku, Nefi, membuat pengakhiran; kerana aku tidak berani berbicara lebih lanjut pada waktu ini berkenaan hal-hal ini.

30 Oleh kerana itu, saudara-saudaraku, aku ingin agar kamu hendak ingat bahawa hal-hal yang telah ditulis di atas kepingan-kepingan kuningan adalah benar; dan ia bersaksi bahawa seorang manusia mesti patuh kepada perintah-perintah Tuhan.

31 Oleh kerana itu, kamu tidak patut menganggap bahawa aku dan bapaku adalah satu-satunya yang telah bersaksi, dan juga telah mengajarkannya. Oleh kerana itu, jika kamu akan patuh kepada perintah-perintah, dan bertahan sampai akhir, kamu akan diselamatkan pada hari terakhir. Dan demikianlah halnya. Amin.

KITAB KEDUA NEFI

Laporan berkenaan kematian Lehi. Saudara-saudara Nefi membebrontak terhadapnya. Tuhan memperingatkan Nefi untuk berangkat ke dalam padang belantara. Pengembaraannya di dalam padang belantara, dan seterusnya.

BAB 1

Lehi bernubuat berkenaan sebuah negeri kemerdekaan—Keturunannya akan diceraiberaikan dan didera jika

mereka menolak Yang Kudus dari Israel—Dia mendesak putera-puteranya untuk memakai baju zirah kesolehan. Kira-kira 588–570 tahun S.M.

DAN sekarang terjadilah bahawa setelah aku, Nefi, membuat pengakhiran mengajar saudara-saudaraku, bapa kami, Lehi, juga mengucapkan banyak hal kepada mereka, dan menceritakan kepada mereka, betapa agungnya hal-hal yang Tuhan telah laksanakan untuk mereka dalam membawa mereka keluar dari negeri Yerusalem.

2 Dan dia berbicara kepada mereka berkenaan pemberontakan mereka di atas perairan, dan belas kasihan Tuhan dalam membiarkan mereka hidup, sehingga mereka tidak tertelan ke dalam laut.

3 Dan dia juga berbicara kepada mereka berkenaan negeri yang dijanjikan, yang mereka telah dapat—betapa berbelas kasihannya Tuhan dalam memperingatkan kami agar kami mesti melarikan diri keluar dari negeri Yerusalem.

4 Kerana, lihatlah, kata dia, aku telah nampak suatu penglihatan, dalam mana aku tahu bahawa Yerusalem dihancurkan; dan sendainya kita tetap tinggal di Yerusalem, kita juga akan telah terbinasa.

5 Tetapi, kata dia, tidak kira kesengsaraan kita, kita telah dapat sebuah negeri yang dijanjikan, sebuah negeri yang adalah pilihan melebihi semua negeri lain; sebuah negeri yang telah Tuhan membuat perjanjian denganku akan menjadi sebuah negeri bagi warisan keturunanku. Ya, Tuhan telah menjanjikan negeri ini kepadaku, dan kepada anak-anakku

buat selama-lamanya, dan juga semua mereka yang akan dituntun keluar dari negara-negara lain oleh tangan Tuhan.

6 Oleh kerana itu, aku, Lehi, bernubuat menurut pengaruh Roh yang berada dalam diriku, bahawa tiada sesiapaupun yang akan datang ke negeri ini kecuali mereka dibawa oleh tangan Tuhan.

7 Oleh kerana itu, negeri ini dibaktikan kepada dia yang Dia akan bawa. Dan jika demikianlah halnya bahawa mereka akan melayani Dia menurut perintah-perintah yang Dia telah bagikan, ia akan menjadi sebuah negeri kemerdekaan kepada mereka; oleh kerana itu, mereka tidak akan lagi dibawa ke dalam tawanan; jika demikian, ia akan terjadi akibat kederhakaan; kerana jika kederhakaan akan lazim, akan terkutuklah negeri ini demi kepentingan mereka, tetapi kepada yang soleh, ia akan diberkati selama-lamanya.

8 Dan lihatlah, adalah kebijaksanaan bahawa negeri ini patut dirahsiakan pada waktu ini daripada pengetahuan bangsa-bangsa lain; kerana lihatlah, banyak bangsa akan membanjiri negeri itu, sehingga tiada tempat untuk warisan.

9 Oleh kerana itu, Aku, Lehi, telah mendapat satu janji, bahawa sejauh mana mereka yang Tuhan telah membawa keluar dari negeri Yerusalem akan mentaati perintah-perintahNya, mereka akan makmur di atas permukaan negeri ini; dan mereka akan dirahsiakan

daripada semua bangsa lain, agar mereka dapat memiliki negeri ini untuk diri mereka sendiri. Dan jika demikianlah halnya bahawa mereka akan mentaati perintah-perintah-Nya, mereka akan diberkati di atas permukaan negeri ini, dan tiada sesiapaupun yang akan mengacau mereka, atau merampas negeri warisan mereka; dan mereka akan hidup dengan selamat selama-lamanya.

10 Tetapi lihatlah, apabila waktunya tiba ketika mereka akan merosot dalam ketidakpercayaan, setelah mereka menerima berkat-berkat yang begitu besar daripada tangan Tuhan—memiliki pengetahuan penciptaan bumi, dan semua manusia, mengetahui kerja-kerja Tuhan yang agung dan menakutkan, sejak penciptaan dunia; kuasa diberikan kepada mereka untuk melaksanakan semua hal melalui iman; memiliki segala perintah sejak awalnya, dan setelah dibawa oleh kebaikan-Nya yang tanpa batas ke dalam negeri yang dijanjikan dan yang berharga ini—lihatlah, aku berkata, jikalau hari itu akan sampai apabila mereka akan menolak Yang Kudus dari Israel, Mesias yang benar, Penebus dan Tuhan mereka, lihatlah, penghakiman daripada Dia yang adil akan jatuh ke atas mereka.

11 Ya, Dia akan membawa bangsa-bangsa lain kepada mereka, dan Dia akan memberi kepada mereka kuasa, dan Dia akan mengambil daripada mereka negeri-negeri

milik mereka, dan Dia akan menyebabkan mereka dicerai-beraikan dan dihukum teruk.

12 Ya, sewaktu satu generasi bertukar kepada yang lain, akan ada pertumpahan darah, dan pengunjungan hukuman dahsyat di kalangan mereka; oleh kerana itu, putera-puteraku, aku harap agar kamu akan ingat; ya, aku harap agar kamu akan mendengar kata-kataku.

13 Ya semoga kamu akan bangun; bangun daripada tidur yang nyenyak, ya, bahkan daripada tidur neraka, dan melepaskan diri daripada rantai-rantai dahsyat yang olehnya kamu diikat, yang adalah rantai-rantai yang mengikat anak-anak manusia, sehingga mereka dibawa tertawan turun ke dalam jurang penderitaan dan kecelakaan yang abadi.

14 Bangunlah! dan bangkitlah dari debu, dan dengarlah kata-kata seorang ibubapa yang menggetar, yang anggota badannya kamu mesti segera membaringkan di dalam kubur yang sejuk dan senyap, dari mana tiada pengembara dapat kembali; beberapa hari lagi dan aku akan meninggal dunia.

15 Tetapi lihatlah, Tuhan telah menebuskan jiwaku dari neraka; aku telah melihat kemuliaan-Nya, dan aku dikelilingi secara abadi di dalam pelukan kasih-Nya.

16 Dan aku berhasrat agar kamu patut ingat mentaati peraturan dan hukum Tuhan; lihatlah, inilah yang telah menjadi keresahan jiwaku sejak awalnya.

17 Hatiku telah tertekan kerana dukacita dari masa ke masa, kerana aku telah berasa takut, kalau-kalau kerana kekerasan hatimu, Tuhanmu akan keluar dalam kegeapan kemurkaan-Nya ke atasmu, sehingga kamu disingkirkan dan dibinasakan selama-lamanya;

18 Atau, sehingga suatu kutukan akan datang ke atasmu pada jangka masa generasi yang banyak; dan kamu dihukum oleh pedang, dan oleh kebuluran, dan dibenci, dan dituntun menurut kehendak dan penawanan iblis.

19 Wahai putera-puteraku, semoga hal-hal ini tidak akan datang kepadamu, tetapi semoga kamu akan menjadi suatu bangsa yang terpilih dan terkasih oleh Tuhan. Tetapi lihatlah, kehendak-Nya terjadi; kerana jalan-Nya adalah kebenaran buat selama-lamanya

20 Dan Dia berfirman kepadaku bahawa: Sejauh mana yang kamu mentaati perintah-perintahKu, kamu akan makmur di negeri ini; tetapi sejauh mana kamu tidak mentaati perintah-perintahKu, kamu akan disingkirkan dari hadirat-Ku.

21 Dan sekarang, agar jiwaku dapat berbahagia dalammu, dan agar hatiku dapat meninggalkan dunia ini dengan kegembiraan keranamu, agar aku tidak akan dibawa turun dengan kepiluan dan dukacita ke kubur, bangkitlah dari debu, putera-puteraku, dan jadilah dewasa, dan bertekadlah dalam satu fikiran dan dalam satu hati, bersatu dalam segala hal, agar

kamu tidak akan jatuh ke dalam tawanan.

22 Agar kamu tidak akan dikutuk dengan suatu kutukan teruk; dan juga, agar kamu tidak akan mendatangkan ketidaksenangan seorang Tuhan yang adil ke atas dirimu, sehingga pembinasaan, ya, pembinasaan abadi baik jiwa mahupun tubuh badan.

23 Bangunlah, putera-puteraku; kenakanlah baju zirah kesolehan. Tanggalkanlah rantai-rantai dengan mana kamu diikat, dan tampil keluar daripada kegelapan, dan bangkitlah dari debu.

24 Jangan memberontak lagi menentang saudaramu, yang pandangannya mulia, dan yang telah mentaati perintah-perintah sejak masa kita meninggalkan Yerusalem; dan yang telah menjadi suatu alat dalam tangan Tuhan dalam membawa kita ke negeri yang dijanjikan; sebab jika bukan kerana dia, kita mesti sudah musnah akibat kelaparan di padang belantara; walaupun demikian, kamu telah cuba mengambil nyawanya; ya, dan dia telah menderita banyak dukacita keranamu.

25 Dan aku teramat takut dan menggemetar keranamu, kalau-kalau dia menderita lagi; kerana lihatlah, kamu telah menuduhnya bahawa dia mencari kuasa dan wewenang ke atasmu; tetapi aku tahu bahawa dia tidak mencari kuasa atau wewenang ke atasmu, tetapi dia telah mencari kemuliaan Tuhan, dan kesejahteraanmu yang abadi.

26 Dan kamu telah merungut kerana dia telah berterus-terang kepadamu. Kamu berkata bahawa dia telah menggunakan ketajaman; kamu berkata bahawa dia telah marah terhadapmu; tetapi lihatlah, ketajamannya adalah ketajaman daripada kuasa firman Tuhan, yang berada dalamnya; dan itu yang kamu panggil kemarahan adalah kebenaran, menurut itu yang berada dalam Tuhan, yang tidak dapat dia kawal, menyatakan secara berani berkenaan kederhakaanmu.

27 Dan semestinya bahawa kuasa Tuhan mesti berada padanya, bahkan sampai diperintahkannya kamu yang mesti kamu patuhi. Tetapi lihatlah, bukanlah dia, tetapi adalah Roh Tuhan yang ada padanya, yang membuka mulutnya untuk berucap sehingga dia tidak dapat menutupkannya.

28 Dan sekarang anakku, Laman, dan juga Lemuel dan Sam, dan juga anak-anak lelaki yang merupakan anak-anak lelaki Ismael, lihatlah, jika kamu mendengar suara Nefi, kamu tidak akan binasa. Dan jika kamu mendengarkannya, aku memberikan kepadamu suatu berkat, ya, bahkan berkatku yang pertama.

29 Tetapi jika kamu tidak mendengarkannya, aku akan mengambil berkatku yang pertama, ya, bahkan berkatku, dan ia akan singgah atasnya.

30 Dan sekarang, Zoram, aku berucap kepadamu: Lihatlah, kamu orang suruhan Laban; walaupun

demikian, kamu telah dibawa keluar dari negeri Yerusalem, dan aku tahu bahawa kamu adalah sahabat sejati kepada anakku, Nefi, selama-lamanya.

31 Oleh kerana itu, kerana kamu telah setia, keturunanmu akan diberkati bersama keturunannya, agar mereka hidup dalam kemakmuran lama di atas permukaan negeri ini; dan tiada apa pun, kecuali kederhakaan di kalangan mereka, akan membahayakan atau mengacaukan kemakmuran mereka di atas permukaan negeri ini buat selamanya.

32 Oleh kerana itu, jika kamu mentaati perintah-perintah Tuhan, Tuhan akan membaktikan negeri ini bagi keselamatan keturunanmu bersama keturunan anakku.

BAB 2

Penebusan datang melalui Mesias Kudus—Kebebasan memilih (hak pilihan) adalah perlu untuk kewujudan dan kemajuan—Adam jatuh agar manusia boleh wujud—Manusia bebas memilih kemerdekaan dan kehidupan abadi. Kira-kira 588–570 tahun S.M.

DAN sekarang, Yakub, aku berkata kepadamu: Kamulah anakku yang sulung pada masa kesukaranku di padang belantara. Dan lihatlah, pada zaman kanak-kanakmu, kamu telah menderita kesengsaraan dan banyak dukacita, disebabkan kekasaran saudara-saudaramu.

2 Walaupun demikian, Yakub,

anak sulungku di padang belantara, kamu tahu keagungan Tuhan; dan Dia akan membaktikan kesengsaraanmu demi keuntunganmu.

3 Oleh kerana itu, jiwamu akan diberkati, dan kamu akan hidup dengan selamat bersama abangmu, Nefi; dan hidupmu akan dihabiskan dalam pelayanan bagi Tuhanmu. Oleh kerana itu, aku tahu kamu ditebuskan, kerana kesolehan Penebusmu; kerana kamu telah lihat bahawa pada kegenapan masa, Dia datang untuk membawa keselamatan kepada manusia.

4 Dan kamu telah nampak pada masa beliamu kemuliaan-Nya; oleh kerana itu, kamu diberkati, bahkan seperti mereka yang akan Dia layani dalam daging; kerana Roh adalah sama, kelmarin, hari ini, dan selama-lamanya. Dan jalan disediakan sejak kejatuhan manusia, dan keselamatan adalah percuma.

5 Dan manusia diberi arahan yang mencukupi sehingga mereka tahu yang baik daripada jahat. Dan hukum diberi kepada manusia. Dan menurut hukum tiada daging yang tidak berdosa; atau, menurut hukum, manusia disingkirkan. Ya, menurut hukum duniawi mereka disingkirkan; dan juga, menurut hukum rohani, mereka binasa daripada apa yang baik, dan menjadi sengsara selama-lamanya.

6 Oleh kerana itu, penebusan datang dalam dan melalui Mesias Kudus; kerana Dia penuh dengan rahmat dan kebenaran.

7 Lihatlah, Dia mempersembahkan diri-Nya sebagai korban bagi dosa, untuk memenuhi tujuan hukum, demi mereka semua yang mempunyai hati yang hancur dan jiwa yang menyesal; dan bukan demi orang lain tujuan hukum itu dapat dipenuhi.

8 Oleh kerana itu, betapa besarnya kepentingan untuk menjadikan hal-hal ini nyata kepada penghuni-penghuni bumi, agar mereka dapat tahu bahawa tiada daging yang dapat hidup di hadirat Tuhan, kecuali melalui jasa, dan belas kasihan, dan rahmat Mesias yang Kudus, yang menyerahkan nyawa-Nya menurut keadaan daging, dan mengambilnya kembali melalui kuasa Roh, agar Dia dapat mendatangkan kebangkitan orang mati, menjadi yang pertama yang akan bangkit.

9 Oleh kerana itu, Dialah buah pertama bagi Tuhan, kerana Dia akan membuat perantaraan bagi semua anak manusia; dan mereka yang percaya kepada Dia akan diselamatkan.

10 Dan kerana perantaraan bagi semua, semua manusia datang kepada Tuhan; oleh kerana itu, mereka berdiri di hadirat-Nya, untuk dihakimi oleh Dia menurut kebenaran dan kekudusan yang ada dalam Dia. Oleh kerana itu, tujuan hukum itu yang telah Yang Kudus berikan, untuk penimpnaan hukuman yang dikaitkan, dan hukuman yang dikaitkan itu adalah bertentangan dengan kebahagiaan itu yang dikaitkan,

untuk memenuhi tujuan korban tebusan—

11 Kerana semestinya ada pertentangan dalam segala hal. Jika tidak, anak sulungku di padang belantara, kesolehan tidak dapat dijadikan, tidak juga kejahatan, tidak juga kekudusan atau penderitaan, tidak juga yang baik atau yang jahat. Oleh kerana itu, semua hal mesti digabungkan menjadi satu; oleh kerana itu, jika ianya mesti satu jasad, ia mesti tetap seperti mati, tidak memiliki kehidupan ataupun kematian, atau kereputan ataupun ketidakreputan, kebahagiaan ataupun kegetiran atau kesedaran ataupun ketidaksedaran.

12 Oleh kerana itu, ia mesti telah diciptakan sebagai sesuatu yang sia-sia; oleh kerana itu, tidak akan ada tujuan dalam penciptaannya. Oleh kerana itu, hal ini mesti akan memusnahkan kebijaksanaan Tuhan dan tujuan-tujuan abadi-Nya, dan juga kuasa, dan belas kasihan, dan keadilan Tuhan.

13 Dan jika kamu akan berkata tiada hukum, kamu juga akan berkata tiada dosa. Jika kamu akan berkata tiada dosa, kamu juga akan berkata tiada kesolehan. Dan jika tiada kesolehan, tiadalah kebahagiaan. Dan jika tiada kesolehan dan kebahagiaan, tiadalah hukuman atau kegetiran. Dan jika hal-hal ini tidak wujud, tiadalah Tuhan. Dan jika tiada Tuhan, kita tidak wujud, tidak juga bumi; kerana tidak mungkin ada penciptaan apa pun, tidak juga untuk bertindak atau

untuk ditindaki; oleh kerana itu, segalanya mestilah telah lenyap.

14 Dan sekarang, putera-puteraku, aku mengucapkan semua hal ini bagi keuntungan dan pembelajaranmu; kerana adanya Tuhan, dan Dia telah mencipta segala sesuatu, baik langit mahupun bumi, dan segala yang ada di dalamnya, baik makhluk yang bertindak mahupun makhluk yang kepadanya dikenakan tindakan.

15 Dan untuk mencapai tujuan-tujuan-Nya yang abadi bagi manusia, setelah Dia mencipta ibu-bapa pertama kita, dan binatang di padang, dan unggas di udara, dan kesimpulannya, segala yang dicipta, mestilah perlu bahawa ada suatu pertentangan; bahkan buah terlarang bertentangan dengan pokok kehidupan; yang satu manis, dan yang lain pahit.

16 Oleh kerana itu, Tuhan telah membenarkan manusia bertindak bagi dirinya sendiri. Oleh kerana itu, manusia tidak dapat bertindak bagi dirinya sendiri kecuali dia dipujuk oleh satu atau yang lain.

17 Dan aku, Lehi, menurut hal-hal yang telah aku baca, mesti menganggap bahawa seorang malaikat Tuhan, menurut apa yang telah ditulis, telah jatuh dari syurga; oleh kerana itu, dia menjadi seorang iblis, kerana telah mencari yang jahat di hadapan Tuhan.

18 Dan kerana dia telah jatuh dari syurga, dan telah menjadi sengsara selama-lamanya, dia juga cuba

mewujudkan penderitaan bagi seluruh umat manusia. Oleh kerana itu, dia berkata kepada Hawa, ya, bahkan ular tua itu, yang adalah iblis, yang adalah bapa segala kebohongan, oleh kerana itu, dia berkata: Makanlah buah terlarang, dan kamu tidak akan mati, tetapi kamu akan menjadi seperti Tuhan, mengetahui yang baik dan yang jahat.

19 Dan setelah Adam dan Hawa makan buah terlarang, mereka dihalaui dari taman Eden, untuk memugar tanah.

20 Dan mereka melahirkan anak-anak; ya, bahkan keluarga seluruh bumi.

21 Dan umur anak-anak manusia diperpanjangkan, menurut kehendak Tuhan, agar mereka dapat bertaubat semasa dalam daging; oleh kerana itu, keadaan mereka menjadi keadaan percubaan, dan hayat mereka diperpanjangkan, menurut perintah-perintah yang Tuhan telah berikan kepada anak-anak manusia. Kerana Dia memberi perintah bahawa semua manusia mesti bertaubat; kerana Dia memperlihatkan kepada semua manusia bahawa mereka tersesat, akibat pelanggaran ibu-bapa mereka.

22 Dan sekarang, lihatlah, jika Adam tidak melanggar perintah, dia tidak akan jatuh, tetapi dia akan tetap tinggal di taman Eden. Dan segala yang telah dicipta mesti tetap dalam keadaan yang sama sebagaimana wujudnya setelah ia diciptakan; dan ia mesti tetap

wujud selama-lamanya, dan tiada pengakhiran.

23 Dan mereka tidak akan ada anak; oleh kerana itu, mereka akan tetap dalam keadaan tidak berdosa, tidak mempunyai kebahagiaan, kerana mereka tidak mengenal kesengsaraan; tidak membuat baik, kerana mereka tidak mengenal dosa.

24 Tetapi lihatlah, segala hal telah dibuat dalam kebijaksanaan Dia yang mengetahui segala hal.

25 Adam jatuh agar manusia boleh wujud; dan manusia wujud agar mereka boleh berbahagia.

26 Dan Mesias datang pada kegenapan zaman, agar Dia dapat menebuskan anak-anak manusia daripada kejatuhan. Dan kerana mereka telah ditebuskan daripada kejatuhan, mereka telah menjadi bebas selama-lamanya, mengetahui yang baik daripada yang jahat; untuk bertindak bagi diri mereka sendiri dan bukan ditindaki, kecuali ianya melalui hukuman daripada hukum pada hari yang agung dan terakhir, menurut perintah-perintah yang telah Tuhan berikan.

27 Oleh kerana itu, manusia bebas menurut keadaan dagingnya; dan segalanya diberikan kepada mereka yang perlu untuk manusia. Dan mereka bebas untuk memilih kemerdekaan dan kehidupan abadi, melalui Pengantara agung bagi semua manusia, atau untuk memilih penawanan dan kematian, menurut penawanan dan kuasa iblis; kerana dia berupaya

agar semua manusia getir seperti dirinya sendiri.

28 Dan sekarang, putera-puteraku, aku menghendaki agar kamu berpaling kepada Pengantara agung itu, dan mematuhi perintah-perintah agung-Nya; dan setia kepada firman-Nya, dan memilih kehidupan abadi, menurut kehendak Rod Kudus-Nya.

29 Dan tidak memilih kematian abadi, menurut kehendak daging dan kejahatan yang ada dalamnya, yang memberikan roh iblis kuasa untuk menawan, untuk membawamu turun ke neraka, agar dia dapat memerintah atas dirimu di dalam kerajaannya.

30 Aku telah mengucapkan beberapa kata ini kepada kamu semua, putera-puteraku, pada waktu terakhir percubaanku; dan aku telah memilih bahagian yang baik, menurut kata-kata nabi. Dan aku tiada matlamat lain kecuali kesejahteraan kekal jiwa-jiwamu. Amin.

BAB 3

Yusuf di Mesir nampak bangsa Nefi dalam penglihatan—Dia bernubuat berkenaan Joseph Smith, pelihat zaman akhir; berkenaan Musa, yang akan membebaskan Israel; dan berkenaan penampilan Kitab Mormon. Kira-kira 588–570 tahun S.M.

DAN sekarang aku berucap kepadamu, Yusuf, anak bongso. Kamu dilahirkan di padang belantara semasa kesengsaraanku;

ya, pada masa dukacitaku yang terpahit telah ibumu melahirkanmu.

2 Dan semoga Tuhan membaktikan juga kepadamu negeri ini, yang adalah negeri yang sangat berharga, sebagai warisanmu dan warisan keturunanmu bersama saudara-saudaramu, demi keamananmu selama-lamanya, jika demikianlah halnya bahawa kamu akan mentaati perintah-perintah Yang Kudus dari Israel.

3 Dan sekarang, Yusuf, anak bongso, yang telah aku bawa keluar dari padang belantara penderitaanku, semoga Tuhan memberkatimu selama-lamanya, kerana keturunanmu tidak akan sama sekali dibinasakan.

4 Kerana lihatlah, kamulah buah auratku; dan aku adalah keturunan Yusuf yang telah dibawa tertawan ke Mesir. Dan agungnya perjanjian-perjanjian Tuhan yang telah Dia buat kepada Yusuf.

5 Oleh kerana itu, Yusuf benar-benar nampak zaman kita. Dan dia mendapat suatu janji daripada Tuhan, bahawa daripada buah auratnya, Tuhan akan membangkitkan suatu cabang yang soleh bagi bani Israel; bukan Mesias, tetapi satu cabang yang akan diputuskan, walaupun demikian, akan diingati dalam perjanjian-perjanjian Tuhan bahawa Mesias akan diperlihatkan kepada mereka pada zaman akhir, dalam roh kuasa, sehingga membawa mereka keluar daripada kegelapan ke dalam cahaya—ya, keluar daripada kegelapan yang

tersembunyi dan daripada tawanan kepada kebebasan.

6 Kerana Yusuf benar-benar bersaksi, mengatakan: Seorang pelihat akan Tuhanku bangkitkan, yang akan menjadi seorang pelihat pilihan bagi buah auratku.

7 Ya, Yusuf benar-benar berkata: Demikianlah firman Tuhan kepadaku: Seorang pelihat pilihan akan Aku bangkitkan daripada buah auratmu; dan dia akan disanjung tinggi di kalangan buah auratmu. Dan kepada dia akan Aku beri perintah bahawa dia akan membuat suatu pekerjaan bagi buah auratmu, saudara-saudaranya, yang akan menjadi sangat berharga kepada mereka, bahkan sehingga membawa mereka kepada pengetahuan berkenaan perjanjian-perjanjian yang telah Aku buat dengan nenek-moyangmu.

8 Dan aku akan memberikan kepadanya sebuah perintah agar dia tidak harus membuat kerja lain, kecuali kerja yang telah Aku perintahkan kepadanya. Dan aku akan menjadikan dia agung di mata-Ku; kerana dia akan melaksanakan kerja-Ku.

9 Dan dia akan perkasa seperti Musa, yang telah Kufirmankan akan Aku bangkitkan bagimu, untuk membebaskan umat-Ku, Wahai bani Israel.

10 Dan Musa akan Aku bangkitkan, untuk membebaskan bangsamu keluar dari negeri Mesir.

11 Tetapi seorang pelihat akan Aku bangkitkan daripada buah auratmu; dan kepada dia akan Aku

beri kuasa untuk menampilkan firman-Ku kepada keturunan auratmu—dan bukan untuk menampilkan firman-Ku sahaja, firman Tuhan, tetapi untuk meyakinkan mereka akan firman-Ku, yang akan telah diisytiharkan di kalangan mereka.

12 Oleh kerana itu, buah auratku akan menulis; dan buah aurat Yehuda akan menulis; dan hal itu yang akan ditulis oleh buah auratmu, dan juga hal itu yang akan ditulis oleh buah aurat Yehuda, akan bercantum, sehingga menundukkan ajaran-ajaran palsu dan mengakhiri pertengkaran-pertengkaran, dan menegakkan kedamaian di kalangan buah auratmu, dan membawa mereka kepada pengetahuan berkenaan nenek-moyang mereka pada zaman akhir, dan juga kepada pengetahuan berkenaan perjanjian-perjanjian-Ku, firman Tuhan.

13 Dan daripada kelemahan, dia akan dijadikan kuat, pada hari itu apabila kerja-Ku akan bermula di kalangan semua umat-Ku, sehingga pemulihanmu, Wahai bani Israel, firman Tuhan.

14 Dan demikianlah Yusuf ber-nubuat, mengatakan: Lihatlah, pelihat itu akan Tuhan berkati; dan mereka yang berupaya memusnahkannya akan ditumpaskan; kerana janji ini, yang telah aku dapatkan daripada Tuhan, berkenaan buah auratku, akan digenapi. Lihatlah, aku pasti akan penggenapan janji ini.

15 Dan namanya akan dipanggil

menurut aku; dan ianya menurut nama bapanya. Dan dia akan seperti aku; kerana hal itu, yang Tuhan akan tampilkan dengan tangan-Nya, melalui kuasa Tuhan akan membawa bangsaku kepada keselamatan.

16 Ya, demikianlah Yusuf bernubuat: Aku pasti berkenaan hal ini, seperti aku pasti akan janji Musa; kerana Tuhan telah berkata kepadaku, Aku akan melindungi keturunanmu buat selama-lamanya.

17 Dan Tuhan telah berfirman: Aku akan membangkitkan seorang Musa; dan Aku akan memberi kuasa kepadanya dalam sebatang tongkat; dan Aku akan memberi kebijaksanaan kepadanya dalam penulisan. Namun Aku tidak akan membebaskan lidahnya, agar dia dapat berbicara banyak, kerana Aku tidak akan menjadikan dia mahir dalam pembicaraan. Tetapi Aku akan menuliskan kepadanya hukum-Ku, dengan jari tangan-Ku sendiri; dan Aku akan melantik seorang jurucakap untuknya.

18 Dan Tuhan berfirman kepadaku juga: Aku akan membangkitkan seorang pelihat bagi buah auratmu; dan Aku akan melantikkan untuknya seorang jurucakap. Dan Aku, lihatlah, Aku akan memberikan kepadanya bahawa dia akan menuliskan tulisan daripada buah auratnya, bagi buah auratmu; dan jurucakap auratmu akan memaklumpkannya.

19 Dan kata-kata yang akan dia tuliskan adalah kata-kata yang sesuai mengikut kebijaksanaan-Ku

yang patut diisytiharkan kepada buah auratmu. Dan ianya akanlah seolah-olah buah auratmu menyeru kepada mereka dari debu; kerana Aku tahu iman mereka.

20 Dan mereka akan berseru dari debu; ya, bahkan pertaubatan kepada saudara-saudara mereka, bahkan setelah banyak generasi telah berlalu selepas mereka. Dan terjadilah bahawa seruan mereka akan didengar, bahkan menurut keserdahanaan kata-kata mereka.

21 Kerana iman mereka, kata-kata mereka akan keluar dari mulut-Ku kepada saudara-saudara mereka yang adalah buah auratmu; dan kelemahan kata-kata mereka akan Aku jadikan kuat dalam iman mereka, sehingga mengingati perjanjian-Ku yang telah Aku buat kepada nenek-moyangmu.

22 Dan sekarang, lihatlah, anakku Yusuf, menurut cara inilah telah nenek-moyangku dari zaman purbakala bernubuat.

23 Oleh kerana itu, disebabkan perjanjian ini, kamu diberkati; kerana keturunanmu tidak akan dibinasakan, kerana mereka akan mendengar kata-kata kitab itu.

24 Dan akan bangkit seorang yang perkasa di kalangan mereka, yang akan membuat banyak kebaikan, baik dalam perkataan mahupun dalam perbuatan, menjadi alat dalam tangan Tuhan, dengan iman yang luar biasa, untuk mengerjakan keajaiban-keajaiban hebat, dan melaksanakan hal itu yang agung dalam pandangan Tuhan, sehingga mendatangkan banyak pemulihan

kepada bani Israel, dan kepada keturunan saudara-saudaramu.

25 Dan sekarang, diberkatilah kamu, Yusuf. Lihatlah, kamu kecil; oleh kerana itu, dengarlah kata-kata saudaramu, Nefi, maka akan terjadi kepadamu, bahkan menurut kata-kata yang telah aku ucapkan. Ingatlah kata-kata bapamu yang hampir mati. Amin.

BAB 4

Lehi menasihati dan memberkati cucu cicitnya—Dia meninggal dunia dan dikebumikan—Nefi bermegah dalam kebaikan Tuhan—Nefi menaruh kepercayaannya kepada Tuhan selama-lamanya. Kira-kira 588–570 tahun S.M.

DAN sekarang, aku, Nefi, berbicara berkenaan nubuat-nubuat yang berkenaannya telah bapaku berbicara, tentang Yusuf, yang telah dibawa ke Mesir.

2 Kerana lihatlah, dia benar-benar bernubuat berkenaan semua keturunannya. Dan nubuat-nubuat yang telah dia tuliskan, tiada banyak yang lebih agung. Dan dia bernubuat berkenaan kita, dan generasi-generasi kita pada masa akan datang; dan ia ditulis di atas kepingan-kepingan loyang.

3 Oleh kerana itu, setelah bapaku membuat penghabisan berbicara berkenaan nubuat-nubuat Yusuf, dia memanggil anak-anak Laman, para puteranya, dan para puterinya, dan berkata kepada mereka: Lihatlah, putera-puteraku,

dan puteri-puteriku, yang adalah para putera dan puteri anak sulungku, aku berhasrat bahawa kamu akan memasang telinga kepada kata-kataku.

4 Kerana Tuhan telah berfirman: Sejauh mana kamu mentaati perintah-perintah-Ku, kamu akan makmur dalam negeri ini; dan sejauh mana kamu tidak mentaati perintah-perintah-Ku, kamu akan disingkir dari hadirat-Ku.

5 Tetapi lihatlah, para putera dan puteriku, aku tidak boleh turun ke dalam kuburku kecuali aku meninggalkan suatu berkat ke atasmu; kerana lihatlah, aku tahu bahawa jika kamu dibesarkan dalam jalan yang patut kamu ikut, kamu tidak akan menyimpang darinya.

6 Oleh kerana itu, jika kamu di-kutuk, lihatlah, aku meninggalkan berkatku di atasmu, agar kutukan itu dapat diambil darimu dan dipertanggungjawabkan ke atas kepala ibubapamu.

7 Oleh kerana itu, disebabkan berkatku, Tuhan tidak akan membiarkan bahawa kamu akan binasa; oleh kerana itu, Dia akan berbelas kasihan kepadamu dan kepada keturunanmu selama-lamanya.

8 Dan terjadilah bahawa setelah bapaku membuat penghabisan berbicara kepada para putera dan puteri Laman, dia menyebabkan para putera dan puteri Lemuel dibawa ke hadapannya.

9 Dan dia berbicara kepada mereka, mengatakan: Lihatlah, para putera dan puteriku, yang

adalah putera dan puteri anak lelakiku yang kedua; lihatlah, aku meninggalkan kepadamu berkat yang sama seperti yang telah aku tinggalkan kepada para putera dan puteri Laman; oleh kerana itu, kamu tidak akan sama sekali dibinasakan; tetapi pada akhirnya, keturunanmu akan diberkati.

10 Dan terjadilah bahawa apabila bapaku telah membuat penghabisan berbicara kepada mereka, lihatlah, dia berbicara kepada para putera Ismail, ya, dan bahkan seisi rumahnya.

11 Dan setelah dia membuat penghabisan berbicara kepada mereka, dia berbicara kepada Sam, mengatakan: Diberkatilah kamu, dan keturunanmu; kerana kamu akan mewarisi negeri ini seperti saudaramu Nefi. Dan keturunanmu akan dibilangkan bersama keturunannya; dan kamu akan menjadi seperti saudaramu, dan keturunanmu seperti keturunannya; dan kamu akan diberkati sepanjang hidupmu.

12 Dan terjadilah bahawa setelah bapaku, Lehi, berbicara kepada seisi rumahnya, menurut perasaan hatinya dan Roh Tuhan yang berada dalamnya, dia menjadi tua. Dan terjadilah bahawa dia meninggal dunia, dan dikebumikan.

13 Dan terjadilah bahawa tidak banyak hari selepas kematiannya, Laman dan Lemuel dan para putera Ismael marah terhadapku kerana teguran Tuhan.

14 Kerana aku, Nefi, telah dipaksa berbicara kepada mereka,

menurut firman-Nya; kerana aku telah membicarakan banyak hal kepada mereka, dan juga bapaku, sebelum kematiannya; banyak daripada kata-kata itu tertulis atas kepingan-kepinganku yang lain; kerana bahagian yang menandungi lebih banyak sejarah tertulis di atas kepingan-kepinganku yang lain.

15 Dan di atas ini aku menulis perkara-perkara jiwaku, dan banyak di antara tulisan-tulisan suci yang terukir di atas kepingan-kepingan loyang. Kerana jiwaku suka akan tulisan-tulisan suci, dan hatiku merenungkannya, dan menuliskannya bagi pembelajaran dan keuntungan anak-anakku.

16 Lihatlah, jiwaku suka akan perkara-perkara Tuhan; dan hatiku merenung secara terus-menerus berkenaan hal-hal yang telah aku lihat dan dengar.

17 Walaupun demikian, tidak mengira kebaikan besar Tuhan, dalam memperlihatkan kepadaku kerja-kerja Dia yang agung dan menakjubkan, hatiku berseru: Ah, alangkah malangnya manusia aku ini! Ya, hatiku berdukacita kerana dagingku; jiwaku berasa pilu kerana kederhakaanku.

18 Aku dikerumuni sepenuhnya, kerana godaan-godaan dan dosa-dosa yang begitu senang menggangguku.

19 Dan apabila aku berhasrat bersukacita, hatiku mengerang akibat dosa-dosaku; walaupun demikian, aku tahu kepada siapa aku telah percaya.

20 Tuhanku telah menjadi sokonganku; Dia telah menuntunku melalui penderitaanku dalam padang belantara; dan Dia telah melindungi di atas perairan samudera.

21 Dia telah memenuhiku dengan kasih-Nya, bahkan sehingga pemusnahan dagingku.

22 Dia telah memalukan musuh-musuhku, sehingga menyebabkan mereka menggigil di hadapanku.

23 Lihatlah, Dia telah mendengar seruanku pada siang hari, dan Dia telah memberiku pengetahuan melalui penglihatan pada malam hari.

24 Dan pada siang hari telah aku menjadi gagah dalam doa yang membara di hadapan Dia; ya, suaraku telah aku naikkan ke tempat yang tinggi; dan para malaikat turun dan melayaniku.

25 Dan di atas sayap-sayap Roh-Nya telah tubuhku dibawa pergi ke gunung-ganang yang teramat tinggi. Dan mataku telah nampak hal-hal agung, ya, bahkan terlalu agung bagi manusia; oleh kerana itu, aku diperintahkan agar aku tidak menuliskannya.

26 Ah, maka jika aku telah nampak hal-hal yang begitu agung, jika Tuhan dalam perendahan diri-Nya kepada anak-anak manusia, telah mengunjungi manusia dengan begitu banyak belas kasihan, mengapakah hatiku harus menangis, dan jiwaku berlengah-lengah dalam lembah dukacita, dan dagingku mengusang, dan kekuatanku mengendur, akibat penderitaanku?

27 Dan mengapakah aku harus

menyerah kepada dosa, akibat dagingku? Ya, mengapakah aku harus menyerah kepada godaan, agar dia yang jahat itu memiliki tempat dalam hatiku untuk menghancurkan kedamaianku dan menyengsarakan jiwaku? Mengapakah aku marah kerana musuhku?

28 Bangunlah, jiwaku! Jangan lagi layu hati kerana dosa. Bersukacitalah, Wahai hatiku, dan jangan lagi memberi tempat bagi musuh jiwaku.

29 Jangan marah lagi kerana musuh-musuhku. Jangan mengendurkan kekuatanku kerana penderitaanku.

30 Berbahagialah, Wahai hatiku, dan serulah kepada Tuhan, dan berkata: Ya Tuhan, aku akan memuji-Mu selama-lamanya; ya, jiwaku akan berbahagia dalam-Mu, Tuhanku, dan batu keselamatanku.

31 Ya Tuhan, akankah Engkau menebus jiwaku? Akankah Engkau membebaskanku daripada tangan musuh-musuhku? Akankah Engkau menjadikanku agar aku menggemetar apabila munculnya dosa?

32 Semoga pintu gerbang neraka sentiasa tertutup di hadapanku, kerana hatiku hancur dan jiwaku menyesal! Ya Tuhan, semoga Engkau tidak menutup pintu gerbang kesolehanku di hadapanku, agar aku dapat berjalan di jalan lembah yang rendah, agar aku boleh tepat benar di jalan yang datar.

33 Ya Tuhan, semoga Engkau menyelubungiku dalam jubah

kesolehan-Mu! Ya Tuhan, semoga Engkau membuatkan jalan agar aku dapat melepaskan diri dari hadapan musuh-musuhku! Semoga Engkau menjadikan jalanku lurus di hadapanku! Semoga Engkau tidak meletakkan batu sandungan dalam jalanku—tetapi semoga Engkau akan membersihkan jalanku di hadapanku, dan janganlah menghalang jalanku, melainkan jalan-jalan musuhku.

34 Ya Tuhan, aku telah percaya kepada-Mu, dan aku akan percaya kepada-Mu selama-lamanya. Aku tidak akan menaruh kepercayaanku pada lengan daging. Ya, terkutuklah dia yang menaruh kepercayaanannya pada manusia atau menjadikan lengannya daging.

35 Ya, aku tahu bahawa Tuhan akan memberi dengan murah hati kepada dia yang mohon. Ya, Tuhanku akan memberiku, jika aku memohon secara tidak salah; oleh kerana itu, aku akan mengangkat suaraku kepada-Mu; ya, aku akan menyeru kepada-Mu, Tuhanku, batu kesolehanku. Lihatlah, suaraku akan selama-lamanya naik kepada-Mu, batuku dan Tuhanku yang kekal. Amin.

BAB 5

Bangsa Nefi memisahkan diri mereka daripada bangsa Laman, taat kepada hukum Musa, dan membina sebuah bait suci—Kerana ketidakpercayaan mereka, bangsa Laman disingkirkan dari hadirat Tuhan, dikutuk, dan

menjadi cambuk kepada bangsa Nefi. Kira-kira 588–559 tahun S.M.

LIHATLAH, terjadilah bahawa aku, Nefi, banyak menyeru kepada Tuhanku, kerana kemarahan saudara-saudaraku.

2 Tetapi lihatlah, kemarahan mereka bertambah terhadapku, sedemikian rupa sehingga mereka berupaya mengambil nyawaku.

3 Ya, mereka merungut terhadapku, mengatakan: Adik kita berfikir untuk memerintah atas kita; dan kita telah mengalami banyak cubaan kerana dia; oleh kerana itu, sekarang marilah kita bunuh dia, agar kita tidak akan disengsarakan lagi kerana kata-katanya. Kerana lihatlah, kita tidak mahu dia menjadi pemerintah kita; kerana itu hak kita, yang adalah saudara-saudara yang lebih tua, untuk memerintah atas bangsa ini.

4 Sekarang aku tidak menulis di atas kepingan-kepingan ini semua perkataan yang mereka rungut terhadapku. Tetapi mencukupi bagiku untuk mengatakan bahawa mereka berupaya mengambil nyawaku.

5 Dan terjadilah bahawa Tuhan memperingatkanku, bahawa aku, Nefi, mesti pergi dari mereka dan melarikan diri ke padang belantara, dan mereka semua yang ingin pergi bersamaku.

6 Oleh kerana itu, terjadilah bahawa aku, Nefi, membawa keluargaku, dan juga Zoram dan keluarganya, dan Sam, abangku dan keluarganya, dan Yakub dan

Yusuf, adik-adikku, dan juga saudara-saudara perempuanku, dan semua mereka yang ingin pergi bersamaku. Dan mereka semua yang ingin pergi bersamaku adalah mereka yang percaya kepada peringatan dan wahyu Tuhan; oleh kerana itu, mereka dengar kepada kata-kataku.

7 Dan kami mengambil khemah-khemah kami dan apa-apapun barangan yang mungkin bagi kita, dan mengembara di padang belantara untuk jangka masa banyak hari. Dan setelah kami telah mengembara untuk jangka masa banyak hari, kami memasang khemah-khemah kami.

8 Dan kumpulanku ingin agar kami patut memanggil nama tempat itu Nefi; oleh kerana itu, kami memanggilnya Nefi.

9 Dan mereka semua yang bersamaku mengambil ke atas diri mereka untuk memanggil diri mereka bangsa Nefi.

10 Dan kami berusaha untuk mentaati penghakiman, dan peraturan, dan perintah-perintah Tuhan dalam segala hal, menurut hukum Musa.

11 Dan Tuhan berada bersama kami; dan kami amat makmur; kerana kami menabur benih, dan kami menuai kembali secara berlimpahan. Dan kami mula memelihara kawanan domba, dan kawanan ternakan, dan binatang daripada setiap jenis.

12 Dan aku, Nefi, juga membawa catatan-catatan yang terukir di atas kepingan-kepingan loyang; dan

juga bebola, atau kompas, yang telah disediakan untuk bapaku oleh tangan Tuhan, menurut itu yang tertulis.

13 Dan terjadilah bahawa kami mula menjadi amat makmur, dan beranak-cucu di negeri itu.

14 Dan aku, Nefi, mengambil pedang Laban, dan menurut cara perbuatannya, membuat banyak pedang, kalau-kalau dengan cara apa pun bangsa yang sekarang dipanggil bangsa Laman akan menyerang kami dan memusnahkan kami; kerana aku tahu kebencian mereka terhadapku dan anak-anakku, dan mereka yang dipanggil bangsaku.

15 Dan aku telah mengajar bangsaku membina bangunan-bangunan, dan mengerjakan segala jenis kayu, dan besi, dan tembaga, dan loyang, dan keluli, dan emas, dan perak, dan bijih-bijih berharga, yang amat berlimpahan.

16 Dan aku, Nefi, membina sebuah bait suci; dan aku membinakannya menurut cara bait suci Salomo, tetapi ia tidak dibina dengan begitu banyak bahan-bahan berharga; kerana bahan itu tidak terdapat di negeri ini, oleh kerana itu, ia tidak dapat dibina seperti bait suci Salomo. Tetapi cara pembinaannya menyerupai bait suci Salomo; dan kerja tangannya amat bagus.

17 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, telah menyebabkan bangsaku menjadi tekun, dan bekerja dengan tangan mereka.

18 Dan terjadilah bahawa mereka

ingin agar aku menjadi raja mereka. Tetapi aku, Nefi, berhasrat agar mereka tidak mempunyai raja; walaupun demikian, aku melaksanakan untuk mereka menurut kemampuanku.

19 Dan lihatlah, firman Tuhan telah digenapi untuk saudara-saudaraku, yang Dia telah firmankan berkenaan mereka, bahawa aku akan menjadi pemerintah dan pengajar mereka. Oleh kerana itu, aku telah menjadi pemerintah mereka dan pengajar mereka, menurut perintah-perintah Tuhan, sehingga masa mereka berusaha mengambil nyawaku.

20 Oleh kerana itu, firman Tuhan digenapi yang telah Dia ucapkan kepadaku, mengatakan bahawa: Sejauh mana mereka tidak mendengarkan kata-katamu, mereka akan disingkirkan dari hadirat Tuhan. Dan lihatlah, mereka disingkirkan dari hadirat-Nya.

21 Dan Dia telah menjadikan kutukan jatuh ke atas mereka, ya, bahkan suatu kutukan teruk, kerana kederhakaan mereka. Kerana lihatlah, mereka telah mengerasakan hati mereka terhadap Dia, sehingga mereka telah menjadi seperti batu api; oleh kerana itu, disebabkan mereka putih, dan amat cantik dan menyenangkan, agar mereka tidak menarik kepada bangsaku, Tuhan telah menyebabkan suatu kulit hitam datang ke atas mereka.

22 Dan demikianlah firman Tuhan: Aku akan menyebabkan agar mereka menjadi jijik kepada

bangsamu, kecuali mereka bertaubat daripada kederhakaan mereka.

23 Dan akan terkutuklah keturunan dia yang bercampur dengan keturunan mereka; kerana mereka akan dikutuk bahkan dengan kutukan yang sama. Dan Tuhan memfirmankannya, dan ia dilaksanakan.

24 Dan kerana kutukan mereka yang ada pada mereka, mereka menjadi bangsa yang malas, penuh dengan perbuatan jahat dan kelicikan, dan mencari dalam padang belantara untuk binatang pemangsa.

25 Dan Tuhan berfirman kepadaku: Mereka akan menjadi cambuk kepada keturunanmu, untuk merangsangkan mereka dalam ingatan akan Aku; dan sejauh mana mereka tidak akan ingat akan Aku, dan mendengar firman-Ku, mereka akan mencabukkan mereka bahkan sehingga pembinaan.

26 Dan terjadilah bahawa aku, Nefi, telah mentahbiskan Yakub dan Yusuf, agar mereka akan menjadi paderi dan pengajar di negeri bangsaku.

27 Dan terjadilah bahawa kami hidup menurut cara kegembiraan.

28 Dan tiga puluh tahun telah berlalu sejak masa kami meninggalkan Yerusalem.

29 Dan aku, Nefi, telah menyimpan catatan di atas kepingan-kepinganku, yang telah aku buat, berkenaan bangsaku sejauh ini.

30 Dan terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepadaku: Buatlah

kepingan-kepingan lain; dan kamu akan mengukirkan banyak perkara di atasnya yang baik dalam penglihatan-Ku, bagi keuntungan umat-Ku.

31 Oleh kerana itu, aku, Nefi, supaya patuh kepada perintah-perintah Tuhan, pergi dan membuat kepingan-kepingan ini yang di atasnya telah aku ukirkan perkara-perkara ini.

32 Dan aku mengukirkan itu yang menyenangkan kepada Tuhan. Dan jika bangsaku senang dengan hal-hal Tuhan, mereka akan senang dengan ukiran-ukiranku yang ada pada kepingan-kepingan ini.

33 Dan jika bangsaku berhasrat mengetahui bahagian lebih terperinci berkenaan sejarah bangsaku, mereka mesti menyelidiki kepingan-kepinganku yang lain.

34 Dan mencukupi bagiku untuk mengatakan bahawa empat puluh tahun telah berlalu, dan kami telah mengalami peperangan dan perselisihan dengan saudara-saudara kami.

BAB 6

Yakub menceritakan sejarah bangsa Yahudi: Penawanan oleh Babilonia dan kembali darinya; pelayanan dan penyaliban Yang Kudus dari Israel; pertolongan yang diterima daripada orang bukan Israel; dan pemulihan bangsa Yahudi pada zaman akhir apabila mereka percaya kepada Mesias. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

KATA-KATA Yakub, saudara Nefi,

yang dia bicarakan kepada bangsa Nefi:

2 Lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku, Yakub, setelah dipanggil oleh Tuhan, dan dilantik menurut cara pertubuhan kudus-Nya, dan setelah ditahbiskan oleh saudaraku Nefi, yang kamu anggap sebagai seorang raja atau pelindung, dan kepadanya kamu bergantung bagi keselamatan, lihatlah kamu tahu bahawa aku telah mengucapkan kepadamu amat banyak perkara.

3 Walaupun demikian, aku berucap kepadamu lagi; kerana aku menghasratkan kesejahteraan jiwa-jiwamu. Ya, kerisauanku adalah besar bagimu; dan kamu sendiri tahu bahawa ianya telah senantiasa demikian. Kerana aku telah mendesakmu dengan segala ketekunan; dan aku telah mengajarmu kata-kata bapaku; dan aku telah berbicara kepadamu berkenaan segala hal yang tertulis, sejak penciptaan dunia.

4 Dan sekarang, lihatlah, aku hendak berbicara kepadamu berkenaan hal-hal yang ada, dan yang akan datang; oleh kerana itu, aku akan membaca kepadamu kata-kata Yesaya. Dan ianya adalah kata-kata yang saudaraku telah berhasrat agar aku ucapkan kepadamu. Dan aku berbicara kepadamu bagi kepentinganmu, agar kamu akan belajar dan memuliakan nama Tuhanmu.

5 Dan sekarang, kata-kata yang akan aku baca adalah itu yang Yesaya bicarakan berkenaan

seluruh bani Israel; oleh kerana itu, ianya dipersamakan denganmu, kerana kamu adalah daripada bani Israel. Dan ada banyak hal yang telah diucapkan oleh Yesaya yang boleh dipersamakan denganmu, kerana kamu adalah daripada bani Israel.

6 Dan sekarang, inilah kata-kata itu: Demikianlah firman Tuhan: Lihatlah, Aku akan mengangkat tangan-Ku kepada bangsa-bangsa bukan Israel, dan menegakkan panji-Ku kepada umat; dan mereka akan membawa putera-puteramu di atas lengan mereka, dan para puterimu akan dibawa di atas bahu mereka.

7 Dan raja-raja akan menjadi bapa pengasuhmu, dan para permaisuri mereka ibu pengasuhmu; mereka akan membongkok kepadamu dengan muka mereka menghadap tanah, dan menjilat debu kakimu; dan kamu akan tahu bahawa Aku adalah Tuhan; kerana mereka tidak akan malu yang menunggu-Ku.

8 Dan sekarang aku, Yakub, akan berbicara sedikit sebanyak berkenaan kata-kata ini. Kerana lihatlah, Tuhan telah memperlihatkan kepadaku bahawa mereka yang berada di Yerusalem, dari mana kita datang, telah dibunuh dan dibawa pergi tertawan.

9 Walaupun demikian, Tuhan telah menunjukkan kepadaku bahawa mereka akan kembali lagi. Dan Dia juga telah menunjukkan kepadaku bahawa Tuhan, Yang Kudus dari Israel, akan

memperlihatkan diri-Nya kepada mereka dalam daging; dan setelah Dia memperlihatkan diri-Nya, mereka akan mencambukkan Dia dan menyalibkan Dia, menurut kata-kata malaikat yang membiarakannya kepadaku.

10 Dan setelah mereka mengerasakan hati mereka dan menegarkan leher mereka menentang Yang Kudus dari Israel, lihatlah, penghakiman oleh Yang Kudus dari Israel akan datang ke atas mereka. Dan hari itu akan tiba bila mereka akan didera dan disengsarakan.

11 Oleh kerana itu, setelah mereka dihalau ke sana ke mari, kerana demikianlah kata malaikat, ramai akan disengsarakan dalam daging, dan tidak akan dibiarkan mati, disebabkan doa-doa mereka yang beriman; mereka akan dice-rai-beraikan, dan didera, dan di-benci; walaupun demikian, Tuhan akan berbelas-kasihan terhadap mereka, agar bila mereka sampai pada pengetahuan akan Penebus mereka, mereka akan dikumpulkan bersama lagi ke negeri-negeri warisan mereka.

12 Dan diberkatilah orang bukan Israel, yang berkenaan mereka nabi telah tuliskan; kerana lihatlah, jika demikian halnya bahawa mereka akan bertaubat dan tidak berlawan menentang Sion, dan tidak menyatakan diri mereka kepada gereja yang besar dan keji itu, mereka akan diselamatkan; kerana Tuhan akan menunaikan perjanjian-Nya yang Dia telah buat kepada anak-anak-Nya; dan bagi tujuan inilah

nabi telah menuliskan perkara-perkara ini.

13 Oleh kerana itu, mereka yang melawan menentang Sion dan umat perjanjian Tuhan akan menjilat debu kaki mereka; dan umat Tuhan tidak akan malu. Kerana umat Tuhan adalah mereka yang menunggu Dia; kerana mereka masih menunggu kedatangan Mesias.

14 Dan lihatlah, menurut kata-kata nabi, Mesias akan menyediakan diri-Nya lagi bagi kali kedua untuk memulihkan mereka; oleh kerana itu, Dia akan memperlihatkan diri-Nya kepada mereka dalam kekuasaan dan kemuliaan agung, sehingga pembinaaan musuh-musuh mereka, apabila sampainya hari itu bila mereka akan percaya kepada Dia; dan Dia tidak akan binasakan sesiapaupun yang percaya kepada Dia.

15 Dan mereka yang tidak percaya kepada Dia akan dibinasakan, baik oleh api, dan oleh ribut taufan, dan oleh gempa bumi, dan oleh penumpahan darah, dan oleh wabak, mahupun oleh kebuluran. Dan mereka akan tahu bahawa Dia adalah Tuhan, Yang Kudus dari Israel.

16 Kerana akankah mangsa dirampas daripada yang perkasa, atau para tawanan sah dibebaskan?

17 Tetapi demikianlah firman Tuhan: Bahkan para tawanan kepada yang perkasa akan dirampas, dan mangsa kepada yang dahsyat akan dibebaskan; kerana Tuhan Perkasa akan menyelamatkan

umat perjanjian-Nya. Kerana demikianlah firman Tuhan: Aku akan berlawan dengan mereka yang berlawan denganmu—

18 Dan Aku akan memberi makan kepada mereka yang menindasmu, dengan daging mereka sendiri; dan mereka akan mabuk dengan darah mereka sendiri bagaikan dengan wain manis; dan semua daging akan tahu bahawa Aku, Tuhan, adalah Juruselamatmu dan Penebusmu, Yang Perkasa atas Yakub.

BAB 7

Yesaya berbicara seperti Mesias—Mesias akan memiliki bahasa orang terpelajar—Dia akan memberi belakang-Nya kepada para pemukul—Dia tidak akan dipermalukan—Bandingkan dengan Yesaya 50. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

YA, kerana demikianlah firman Tuhan: Telahkah Aku menceraikanmu, atau telahkah Aku menyingkirkanmu selama-lamanya? Kerana demikianlah firman Tuhan: Di manakah surat cerai ibumu? Kepada siapakah telah Aku ceraikanmu, atau kepada siapa di antara para penagih hutang-Ku telah Aku jualkanmu? Ya, kepada siapakah telah Aku jualkanmu? Lihatlah, kerana kederhakaanmu telah kamu jualkan dirimu sendiri, dan kerana pelanggaranmulah ibumu diceraikan.

2 Oleh kerana itu, ketika Aku datang, tiada orang; ketika Aku

memanggil, ya, tiada siapapun menjawab. Wahai, bani Israel, adakah tangan-Ku dipendekkan sedikitpun sehingga ia tidak dapat menebus, atautakah Aku tidak berkuasa untuk membebaskan? Lihatlah, dengan teguran-Ku Aku mengeringkan laut, Aku menjadikan sungai-sungai mereka suatu padang belantara dan ikan mereka busuk kerana airnya kering dan mereka mati kerana kedahagaan.

3 Aku menutupi langit dengan kegelapan, dan Aku menjadikan kain karung guni penutupnya.

4 Tuhan telah memberikan-Ku bahasa orang terpelajar, agar aku akan mengetahui bagaimana mengucapkan sepatah perkataan yang tepat masanya kepadamu, Wahai bani Israel. Ketika kamu letih, Dia bangun pagi demi pagi. Dia membangunkan telingaku agar mendengar seperti orang terpelajar.

5 Tuhan telah membuka telingaku, dan aku tidak membe-rontak, tidak juga berpaling ke belakang.

6 Aku memberikan belakang-Ku kepada si pemukul, dan pipi-Ku kepada mereka yang mencabut janggut-Ku. Aku tidak akan menyembunyikan muka-Ku daripada dihina dan diludahi.

7 Kerana Tuhan Raja akan menolongku, oleh kerana itu tidak akan aku dipermalukan. Oleh kerana itu telah aku mengeraskan mukaku seperti batu api, dan aku tahu bahawa aku tidak akan malu.

8 Dan Tuhan adalah dekat, dan

Dia mengisytiharkan bahawa aku tidak bersalah. Siapakah yang akan bertengkar denganku? Marilah kita berdiri bersama. Siapakah musuhku? Biarlah dia mendekati-tiku, dan aku akan memukulnya dengan kekuatan mulutku.

9 Kerana Tuhan akan menolongku. Dan mereka semua yang akan mengecamku, lihatlah, mereka semua akan menjadi usang seperti sehelai pakaian, dan gegat akan memakannya.

10 Siapakah di antaramu yang takut kepada Tuhan, yang mematuhi suara hamba-Nya, yang berjalan dalam kegelapan dan tidak memiliki cahaya?

11 Lihatlah kamu semua yang menyalakan api, yang mengelilingkan dirimu dengan percikan api, berjalan dalam cahaya apimu dan dalam percikan api yang telah kamu nyalakan. Ini akan kamu peroleh dari tangan-Ku—kamu akan berbaring dalam dukacita.

BAB 8

Pada zaman terakhir, Tuhan akan menghiburkan hati Sion dan mengumpulkan Israel—Mereka yang telah ditebus akan datang ke Sion dalam keadaan kebahagiaan yang besar—Banding dengan Yesaya 51 dan 52:1–2. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DENGARKANLAH Aku, kamu yang mengikut kesolehan. Pandanglah kepada batu daripada mana kamu dipotong, dan kepada lubang korekan dari mana kamu digali.

2 Pandanglah kepada Abraham, bapamu, dan kepada Sara, dia yang melahirkanmu; kerana Aku memanggil dia seorang diri, dan memberkatinya.

3 Kerana Tuhan akan menghiburkan Sion, Dia akan menghiburkan semua tempat-tempatnya yang tandus; dan Dia akan menjadikan padang belantaranya seperti Eden, dan gurunnya seperti taman Tuhan. Kebahagiaan dan sukacita akan terdapat di dalamnya, kesyukuran dan suara lagu.

4 Dengarlah kepada-Ku, umat-Ku; dan pasanglah telinga kepada-Ku, Wahai bangsa-Ku; kerana suatu hukum akan datang daripada-Ku, dan Aku akan menjadikan penghakiman-Ku suatu cahaya kepada umat.

5 Kesolehan-Ku adalah dekat; keselamatan-Ku telah tersebar, dan lengan-Ku akan menghakimi orang. Pulau-pulau akan berharap kepada-Ku, dan pada lengan-Ku akan mereka menaruh kepercayaan.

6 Angkatlah matamu ke langit, dan pandanglah kepada bumi di bawah; kerana langit akan lenyap seperti asap, dan bumi akan menjadi usang seperti sehelai pakaian; dan mereka yang diam di situ akan mati dalam cara yang sama. Tetapi keselamatan-Ku akan kekal selamanya, dan kesolehan-Ku tidak akan dihapuskan.

7 Dengarlah kepada-Ku, kamu yang kenal kesolehan, orang yang dalam hatinya telah Aku tuliskan hukum-Ku, janganlah takut akan

teguran manusia, juga janganlah takut akan penghinaan mereka.

8 Kerana gegat akan memakannya seperti sehelai pakaian, dan ulat akan memakannya seperti bulu domba. Tetapi kesolehan-Ku akan kekal selamanya, dan keselamatan-Ku dari generasi ke generasi.

9 Bangunlah, bangunlah! Kenakanlah kekuatan, hai lengan Tuhan; bangunlah seperti pada zaman purba. Bukankah kamu dia yang telah mengelar Rahab, dan mencederakan naga itu?

10 Bukankah kamu dia yang telah mengeringkan laut, perairan samudera; yang telah menjadikan kedalaman laut suatu jalan bagi mereka yang tertebus untuk menyeberang?

11 Oleh kerana itu, mereka yang ditebuskan oleh Tuhan akan kembali, dan datang dengan nyanyian ke Sion; dan kebahagiaan dan kesucian kekal akan berada atas kepala mereka; dan mereka akan mendapat kegembiraan dan kebahagiaan; dukacita dan nestapa akan lenyap.

12 Akulah Dia; ya, Akulah Dia yang menghiburkanmu. Lihatlah, siapakah engkau, sehingga engkau mesti takut pada manusia, yang akan mati, dan pada putera manusia, yang akan dijadikan seperti rumput?

13 Dan melupakan Tuhan penciptamu, yang telah membentangkan langit, dan meletakkan asas bumi, dan telah merasa takut berkali-kali setiap hari, kerana kebengisan si

penindas, seolah-olah dia sedia menghapuskan? Dan di manakah kebengisan si penindas itu?

14 Pelarian tertawan bergegas, agar dia dapat dilepaskan, dan agar dia tidak akan mati dalam penjara lubang, tidak juga agar rotinya akan habis.

15 Tetapi Akulah Tuan, Tuhanmu, yang ombak-Nya menderum; Tuhan Semesta Alam adalah nama-Ku.

16 Dan Aku telah meletakkan firman-Ku dalam mulutmu, dan telah menutupimu dalam banyangan tangan-Ku, agar Aku dapat menempatkan langit dan meletakkan asas bumi, dan berfirman kepada Sion: Lihatlah, engkau adalah umat-Ku.

17 Bangunlah, bangunlah, berdirilah, Wahai Yerusalem, yang telah minum di tangan Tuhan cawan kemurkaan-Nya—engkau telah meminum mendapan-mendapan yang habis terperas dalam cawan kegetaran—

18 Dan tiada sesiapa untuk menuntunnya di kalangan semua putera yang telah dia lahirkan; tiada juga yang membimbingnya dengan memegang tangannya, di antara semua putera yang telah dibesarkan.

19 Kedua putera ini telah datang kepadamu, siapakah yang akan mengasihanimu—kemusnahan dan kebinasaanmu, dan kebuluran dan pedang—dan melalui siapakah akan Aku menghiburmu?

20 Putera-puteramu telah pengsan, kecuali kedua ini; mereka

berbaring di hujung semua jalan; bagaikan seekor lembu jantan dalam jaring, mereka penuh dengan kemurkaan Tuhan, teguran Tuhanmu.

21 Oleh kerana itu, dengarlah sekarang ini, kamu yang sengsara, dan yang mabuk, dan bukan oleh wain:

22 Demikianlah firman Tuhanmu, Tuan dan Tuhanmu membela hal umat-Nya; lihatlah, Aku telah mengambil dari tanganmu cawan kegetiran, mendapan-mendapan dari cawan kemurkaan-Ku; engkau tidak akan lagi meminumnya.

23 Tetapi Aku akan meletakkannya ke dalam tangan mereka yang menyengsarakanmu; yang telah berkata kepada jiwamu: Bongkoklah, agar kami dapat melintas—dan kamu telah membaringkan tubuhmu bagaikan tanah dan bagaikan jalan bagi mereka yang melintas.

24 Bangunlah, bangunlah, kenakanlah kekuatanmu, Wahai Sion; kenakanlah pakaian indahmu, Wahai Yerusalem, kota suci; kerana mulai sekarang tiada lagi yang datang kepadamu yang tidak bersunat dan tidak bersih.

25 Kibaskanlah dirimu dari debu; bangkitlah, duduklah, Wahai Yerusalem; lepaskanlah dirimu daripada ikatan lehermu, Wahai puteri Sion yang tertawan.

BAB 9

Bangsa Yahudi akan dikumpulkan di

semua negeri yang dijanjikan kepada mereka—Korban Tebusan menebuskan manusia daripada Kejatuhan—Tubuh orang mati akan tampil dari kubur, dan roh-roh mereka dari neraka dan dari firdaus—Mereka akan dihakimkan—Korban Tebusan menyelamatkan dari kematian, neraka, iblis, dan seksaan tidak berkesudahan—Yang soleh akan diselamatkan dalam kerajaan Tuhan—Hukuman bagi dosa dinyatakan—Yang Kudus dari Israel adalah penjaga pintu gerbang. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku telah membaca perkara-perkara ini agar kamu dapat mengetahui berkenaan perjanjian-perjanjian Tuhan yang Dia telah janjikan dengan seluruh bani Israel—

2 Yang Dia telah firmankan kepada orang Yahudi, melalui mulut para nabi-Nya yang kudus, bahkan sejak dari awal, dari generasi ke generasi, sehingga waktunya tiba bahawa mereka akan dipulihkan kepada gereja dan kawan Tuhan; ketika mereka dikumpulkan kembali ke negeri-negeri warisan mereka, dan akan didirikan dalam semua negeri mereka yang dijanjikan.

3 Lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku mengucapkan hal-hal ini kepadamu agar kamu dapat berbahagia, dan mengangkat kepalamu selama-lamanya, disebabkan berkat-berkat itu yang Tuhan telah kurniakan kepada anak-anakmu.

4 Kerana aku tahu bahawa kamu telah banyak mencari, ramai di antara kamu, untuk mengetahui hal-hal yang akan datang; oleh kerana itu, aku tahu bahawa kamu tahu bahawa daging kita akan mengusang dan mati; walaupun demikian, dalam tubuh kita akan kita melihat Tuhan.

5 Ya, aku tahu bahawa kamu tahu bahawa dalam tubuh Dia akan menunjukkan diri-Nya kepada mereka di Yerusalem, dari mana kita datang; kerana adalah perlu bahawa itu mesti pergi di kalangan mereka; kerana patut bagi Pencipta agung bahawa Dia membiarkan diri-Nya tunduk kepada manusia dalam daging, dan mati untuk semua manusia, agar semua manusia akan tunduk kepada Dia.

6 Kerana sebagaimana kematian telah menjadi keadaan semua manusia, untuk menggenapi rancangan yang penuh belas kasihan daripada Pencipta agung, mestilah adanya suatu kuasa kebangkitan, dan kebangkitan itu mestilah datang kepada manusia akibat kejatuhan; dan kejatuhan itu datang akibat pelanggaran; dan kerana manusia telah menjadi terjatuh, mereka disingkirkan dari hadirat Tuhan.

7 Oleh kerana itu, mestilah adanya korban tebusan yang tidak terhingga—kecuali ianya suatu korban tebusan yang tidak terhingga, kereputan ini tidak dapat mengenakan ketidakreputan. Oleh kerana itu, hukuman pertama yang datang ke atas manusia mestilah

perlu kekal selama suatu jangka masa tanpa akhir. Dan jika demikian, daging ini mesti berbaring untuk mereput dan remuk ke dalam ibu pertiwinya, untuk tidak bangkit lagi.

8 Ya, kebijaksanaan Tuhan, belas kasihan dan rahmat-Nya! Kerana lihatlah, jika daging tidak akan bangkit lagi, roh-roh kita mesti tunduk kepada malaikat itu yang jatuh dari hadirat Tuhan yang Abadi, dan telah menjadi iblis, untuk tidak bangkit lagi.

9 Dan roh-roh kita mesti telah menjadi sepertinya, dan kita menjadi iblis, malaikat kepada seorang iblis, untuk dihalang dari hadirat Tuhan kita, dan untuk tetap tinggal bersama bapa kedustaan, dalam penderitaan, seperti dirinya; ya, kepada makhluk itu yang telah menipu ibubapa pertama kita, yang mengubahkan dirinya untuk merupai seorang malaikat cahaya, dan menghasut anak-anak manusia sampai memasuki komplot-komplot pembunuhan dan segala jenis kerja kegelapan rahsia.

10 Ya, betapa agungnya kebaikan Tuhan kita, yang telah menyediakan suatu jalan bagi pelolosan kita dari genggamannya makhluk dahsyat ini; ya, makhluk itu, kematian dan neraka, yang aku panggil kematian tubuh, dan juga kematian roh.

11 Dan kerana jalan pelolosan Tuhan kita, Yang Kudus dari Israel, kematian ini, yang berkenaanya telah aku bicarakan, iaitu yang duniawi, akan melepaskan orang

matinya; yang kematian ini adalah kubur.

12 Dan kematian ini yang telah aku bicarakan, iaitu kematian rohani, akan melepaskan orang matinya; yang kematian rohani adalah neraka; oleh kerana itu, kematian dan neraka mesti melepaskan roh-rohnya yang tertawan, dan kubur mesti melepaskan tubuh-tubuhnya yang tertawan, dan tubuh dan roh manusia akan dipulihkan satu kepada yang lain; dan ia adalah melalui kuasa kebangkitan Yang Kudus dari Israel.

13 Ya, betapa agungnya rancangan Tuhan kita! Kerana pada sebelah yang lain, firdaus Tuhan mesti melepaskan roh-roh mereka yang soleh, dan kubur melepaskan tubuh mereka yang soleh; dan roh dan tubuh dipulihkan kepada dirinya kembali, dan semua manusia menjadi tidak dapat reput, dan baqa, dan mereka adalah jiwa yang hidup, mempunyai pengetahuan sempurna seperti kita dalam daging, kecuali pengetahuan kita akan sempurna.

14 Oleh kerana itu, kita akan mempunyai pengetahuan sempurna berkenaan segala kesalahan kita, dan ketidakbersihan kita, dan ketelanjangan kita; dan yang soleh akan mempunyai pengetahuan sempurna berkenaan kesenangan mereka, dan kesolehan mereka, kerana diliputi oleh kesucian, ya, bahkan jubah kesolehan.

15 Dan akan terjadilah bahawa ketika semua manusia telah bertukar daripada kematian pertama ini

kepada kehidupan, kerana mereka telah menjadi baqa, mereka mesti hadir di hadapan kerusi penghakiman Yang Kudus dari Israel; dan pada masa itu datanglah penghakiman, dan pada masa itu mereka mesti dihakimkan menurut penghakiman kudus Tuhan.

16 Dan semestinya, sebagaimana Tuhan hidup, kerana Tuhan telah menfirmankannya, dan ia adalah firman-Nya yang abadi, yang tidak boleh luput, bahawa mereka yang soleh tetap akan soleh, dan mereka yang kotor tetap akan kotor; oleh kerana itu, mereka yang kotor adalah iblis dan para malaikatnya; dan mereka akan pergi ke dalam api yang kekal, disediakan untuk mereka; dan seksaan mereka adalah sebagai sebuah tasik api dan belerang, yang nyalanya naik ke atas selama-lamanya dan tiada akhirnya.

17 Ya, keagungan dan keadilan Tuhan kita! Kerana Dia melaksanakan segala firman-Nya, dan ianya telah keluar dari mulut-Nya, dan hukum-Nya mesti digenapi.

18 Tetapi, lihatlah, yang soleh, orang suci Yang Kudus dari Israel, mereka yang telah percaya kepada Yang Kudus dari Israel, mereka yang telah menanggung salib-salib dunia, dan membenci rasa malunya, mereka akan mewarisi kerajaan Tuhan, yang telah disediakan untuk mereka sejak asal aunia, dan kebahagiaan mereka akan penuh selama-lamanya.

19 Ya, keagungan dan belas kasihan Tuhan kita, Yang Kudus

dari Israel! Kerana Dia melepaskan orang suci-Nya dari makhluk dahsyat itu, iblis, dan kematian, dan neraka, dan tasik api dan belerang itu, iaitu seksaan tidak berkesudahan.

20 Ya, betapa agungnya kekuasaan Tuhan kita! Kerana Dia mengetahui segala hal, dan tiada apa pun kecuali Dia mengetahuinya.

21 Dan Dia datang ke dunia agar Dia dapat menyelamatkan semua manusia jika mereka akan mendengarkan suara-Nya; kerana lihatlah, Dia menderita kesakitan setiap makhluk yang hidup, baik lelaki, perempuan, mahupun kanak-kanak, yang termasuk dalam keluarga Adam.

22 Dan Dia menderita ini agar kebangkitan dapat diberi kepada semua manusia, agar semua dapat berdiri di hadapan-Nya pada hari yang agung dan penghakiman itu.

23 Dan Dia memerintahkan semua manusia agar mereka mesti bertaubat, dan dibaptiskan dalam nama-Nya, memiliki iman sempurna kepada Yang Kudus dari Israel, atau mereka tidak dapat diselamatkan dalam kerajaan Tuhan.

24 Dan jika mereka tidak bertaubat dan percaya kepada nama-Nya, dan dibaptiskan dalam nama-Nya, dan bertahan sampai akhir, mereka mesti dilaknat; kerana Tuhan, Yang Kudus dari Israel, telah memfirmankannya.

25 Oleh kerana itu, Dia telah memberi suatu hukum; dan di mana tiada hukum diberi, tiada hukuman; dan di mana tiada

hukuman, tiada penghukuman; dan di mana tiada penghukuman, belas kasihan Yang Kudus dari Israel mempunyai tuntutan ke atas mereka, akibat korban tebusan; kerana mereka dilepaskan oleh kuasa daripada Dia.

26 Kerana korban tebusan memuaskan tuntutan keadilan-Nya ke atas semua mereka yang tidak diberi hukum, agar mereka dilepaskan dari makhluk dahsyat itu, kematian dan neraka, dan iblis, dan tasik api dan belerang, iaitu seksaan tidak berkesudahan; dan mereka dipulihkan kepada Tuhan itu yang telah memberi mereka nafas, iaitu Yang Kudus dari Israel.

27 Tetapi celakalah dia yang telah diberi hukum, ya, yang mempunyai semua hukum Tuhan, seperti kita, dan yang melanggarnya, dan yang mensia-siakan waktu cubaannya, kerana teruklah keadaannya!

28 Ya, rancangan yang licik dari yang jahat itu! Ya, kesombongan, dan kelemahan dan kebodohan manusia! Apabila mereka terpelajar, mereka mengangap diri mereka bijaksana, dan mereka tidak mendengarkan nasihat Tuhan, kerana mereka mengetepikannya, mengangap bahawa mereka tahu daripada diri mereka sendiri, oleh kerana itu, kebijaksanaan mereka adalah bodoh dan tidak menguntungkan mereka. Dan mereka akan binasa.

29 Tetapi menjadi terpelajar adalah baik jika mereka mendengarkan nasihat Tuhan.

30 Tetapi celakalah mereka yang

kaya, yang kaya perihal apa yang duniawi. Kerana mereka kaya, mereka menghina yang miskin, dan mereka menganiaya yang lembut hati, dan hati mereka tertumpu kepada harta benda mereka; oleh kerana itu, harta benda mereka adalah tuhan mereka. Dan lihatlah, harta benda mereka akan binasa bersama mereka juga.

31 Dan celakalah mereka yang pekak yang enggan mendengar; kerana mereka akan binasa.

32 Celakalah mereka yang buta yang enggan melihat; kerana mereka akan binasa juga.

33 Celakalah mereka yang tak bersunat hati, kerana pengetahuan kederhakaan mereka akan membelasah mereka pada hari terakhir.

34 Celakalah si pendusta, kerana dia akan dicampak ke dalam neraka.

35 Celakalah si pembunuh yang sengaja membunuh, kerana dia akan mati.

36 Celakalah mereka yang melakukan pelacuran, kerana mereka akan dicampak ke dalam neraka.

37 Ya, celakalah mereka yang menyembah berhala, kerana iblis kepada semua iblis bersukacita akannya.

38 Dan, kesimpulannya, celakalah mereka yang mati dalam dosa-dosa mereka; kerana mereka akan kembali kepada Tuhan, dan melihat muka-Nya, dan tetap berada dalam dosa-dosa mereka.

39 Wahai, saudara-saudaraku yang dikasihi, ingatlah kedahsyatan dalam pelanggaran

menentang Tuhan yang Kudus itu, dan juga kedahsyatan menyerahkan diri kepada pujukan menarik dari dia yang licik itu. Ingatlah, berfikiran badani adalah kematian, dan berfikiran rohani adalah kehidupan abadi.

40 Hai, saudara-saudaraku yang dikasihi, pasangkanlah telinga kepada kata-kataku. Ingatlah keagungan Yang Kudus dari Israel. Jangan berkata bahawa aku telah mengucapkan hal-hal yang keras terhadapmu; kerana jika kamu berbuat demikian, kamu akan mencaci maki kebenaran; kerana akau telah mengucapkan firman Penciptamu. Aku tahu bahawa kata-kata kebenaran adalah keras terhadap segala ketidakbersihan; tetapi yang soleh tidak takut kepadanya, kerana mereka mengasihi kebenaran dan tidak tergoncang.

41 Wahai maka, saudara-saudaraku yang dikasihi, datanglah kepada Tuhan, Dia Yang Kudus. Ingatlah bahawa jalan-jalannya adalah soleh. Lihatlah, jalan bagi manusia adalah sempit, tetapi ianya berada dalam laluan yang lurus di hadapannya, dan penjaga pintu gerbang itu adalah Yang Kudus dari Israel; dan Dia tidak menggajikan orang suruhan di situ; dan tiada jalan lain kecuali melalui pintu gerbang itu; kerana Dia tidak dapat ditipu, kerana Tuhan adalah nama-Nya.

42 Dan sesiapa yang mengetuk, kepada dia akan Dia bukakan; dan yang bijaksana, dan mereka yang kaya, yang bongkak kerana

pembelajaran mereka, dan kebijaksanaan mereka, dan kekeyakinan mereka—ya, mereka adalah mereka yang Dia hinakan; dan kecuali mereka menyingkirkan hal-hal ini, dan menganggap diri mereka orang bodoh di hadapan Tuhan, dan turun ke kedalaman kerendahan hati, Dia tidak akan membukakan bagi mereka.

43 Tetapi hal-hal mereka yang bijaksana dan yang hemat akan disembunyikan dari mereka buat selama-lamanya—ya, kegembiraan itu yang disediakan untuk orang suci.

44 Wahai, saudara-saudaraku yang dikasihi, ingatlah kata-kataku. Lihatlah, aku menanggalkan pakaianku, dan aku mengibaskan mereka di hadapanmu; aku berdoa kepada Tuhan keselamatanku agar Dia memandangkanku dengan mata-Nya yang penuh penelitian; oleh kerana itu, kamu akan tahu pada hari terakhir, ketika semua manusia akan dihakimi untuk perbuatan-perbuatan mereka, bahawa Tuhan Israel telah menyaksikan bahawa aku telah mengibaskan penderhakaanmu dari jiwaku, dan bahawa aku berdiri dengan kegemilangan di hadapan Dia, dan aku dibersihkan dari darahmu.

45 Wahai, saudara-saudaraku yang dikasihi, berpalinglah dari dosa-dosamu; goncangkanlah rantai-rantai dari dia yang ingin mengikatmu erat-erat; datanglah kepada Tuhan itu yang adalah batu keselamatanmu.

46 Sediakanlah jiwa-jiwamu bagi

hari cemerlang itu ketika keadilan akan diberikan kepada yang soleh, bahkan hari penghakiman, agar kamu tidak akan mengecut dengan ketakutan dahsyat; agar kamu tidak akan mengingati kesalahamu yang dahsyat dalam kesempurnaan, dan dipaksa menyeru: Kuduslah, kuduslah penghakiman-Mu, Ya Tuhan Raja Yang Perkasa—tetapi aku tahu kesalahanku; aku telah melanggar hukum-Mu, dan pelanggaranmu adalah kepunyaanku; dan iblis telah mendapatkanku, sehingga aku adalah mangsa kepada penderitaannya yang dahsyat.

47 Tetapi lihatlah, saudara-saudaraku, adakah perlu bahawa aku mesti mengejutkan kamu kepada suatu kenyataan dahsyat berkenaan hal-hal ini? Akankah aku menyiksa jiwamu jika fikiranmu suci? Akankah aku berterus-terang kepadamu menurut kejelasan kebenaran jika kamu dibebaskan dari dosa?

48 Lihatlah, jika kamu kudus, aku akan berbicara kepadamu berkenaan kekudusan; tetapi kerana kamu tidak kudus, dan kamu menganggapku sebagai seorang pengajar, adalah sangat perlu bahawa aku mengajarkanmu akibat-akibat dosa.

49 Lihatlah, jiwaku luat terhadap dosa, dan hatiku bersukacita dalam kesolehan; dan aku akan memuji nama kudus Tuhanku.

50 Datanglah, saudara-saudaraku, setiap orang yang dahaga, datanglah kamu ke perairan; dan

dia yang tiada wang, marilah beli dan makan; ya, datanglah beli wain dan susu tanpa wang dan tanpa harga.

51 Oleh kerana itu, janganlah belanjakan wang bagi itu yang tidak berharga, tidak juga usahamu bagi itu yang tidak dapat memuaskan. Dengarlah dengan tekun kepadaku, dan ingatlah akan kata-kataku yang telah aku ucapkan; dan datanglah kepada Yang Kudus dari Israel, dan jamuilah itu yang tidak akan binasa, juga tidak boleh reput, dan biarlah jiwamu bersukacita dalam kegemukan.

52 Lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, ingatlah firman Tuhanmu; berdoalah kepada Dia berkali-kali pada siang hari, dan berilah syukur kepada nama kudus-Nya pada waktu malam. Biarlah hatimu bersukacita.

53 Dan lihatlah betapa agungnya perjanjian Tuhan, dan betapa agungnya perendahan diri-Nya kepada anak-anak manusia; dan kerana keagungan-Nya, dan rahmat dan belas kasihan-Nya, Dia telah berjanji kepada kita bahawa keturunan kita tidak akan dihapuskan semata-matanya, menurut keadaan daging, tetapi bahawa Dia akan memelihara mereka; dan dalam generasi-generasi masa depan mereka akan menjadi suatu cabang yang soleh bagi bani Israel.

54 Dan sekarang, saudara-saudaraku, aku akan berbicara lebih kepada kamu; tetapi pada esok hari, aku akan mengisytiharkan kepadamu baki kata-kataku. Amin.

BAB 10

Orang Yahudi akan menyalibkan Tuhan mereka—Mereka akan dicerai-beraikan sehingga mereka mula percaya kepada Dia—Amerika akan menjadi sebuah negeri kemerdekaan di mana tiada raja akan memerintah—Perdamaianlah dirimu dengan Tuhan dan dapatlah keselamatan melalui rahmat-Nya. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN sekarang aku, Yakub, berbicara kepada kamu lagi, saudara-saudaraku yang dikasihi, berkenaan cabang yang soleh ini yang berkenaannya telah aku bicarakan.

2 Kerana lihatlah, janji-janji yang telah kami dapat adalah janji-janji kepada kita menurut keadaan daging; oleh kerana itu, sebagaimana ia telah diperlihatkan kepadaku bahawa ramai di antara anak-anak kita akan binasa dalam daging akibat ketidakpercayaan, walau bagaimanapun, Tuhan akan berbelas kasihan kepada ramai orang; dan anak-anak kita akan dipulihkan, agar mereka dapat datang kepada itu yang akan memberi mereka pengetahuan benar berkenaan Penebus mereka.

3 Oleh kerana itu, sebagaimana aku telah katakan kepadamu, ia mestilah perlu bahawa Kristus—kerana semalam malaikat itu berbicara kepadaku bahawa ini akan menjadi nama-Nya—akan datang ke kalangan orang Yahudi, di kalangan mereka yang adalah bahagian yang lebih jahat di dunia;

dan mereka akan menyalibkan Dia—kerana demikianlah yang patut bagi Tuhan kita, dan tiada bangsa lain di atas bumi yang akan menyalib Tuhan mereka.

4 Kerana jikalau mukjizat-mukjizat agung dikerjakan di kalangan bangsa-bangsa lain, mereka akan bertaubat, dan tahu bahawa Dia adalah Tuhan mereka.

5 Tetapi disebabkan penipuan imam dan kederhakaan, mereka di Yerusalem akan menegarkan leher mereka terhadap-Nya, sehingga Dia disalibkan.

6 Oleh kerana itu, akibat penderhakaan mereka, pembinasaan, kebuluran, wabak dan penumpahan darah akan datang ke atas mereka; dan mereka yang tidak dibinasakan akan dicerai-beraikan ke antara semua bangsa.

7 Tetapi lihatlah, demikian firman Tuhan: Bila tibanya hari itu bahawa mereka akan percaya kepada-Ku, bahawa Akulah Kristus, maka telah Aku buat perjanjian dengan nenek-moyang mereka bahawa mereka akan dipulihkan dalam daging, di atas bumi, kepada negeri-negeri warisan mereka.

8 Dan akan terjadilah bahawa mereka akan dikumpulkan daripada peleraian lama mereka, dari pulau-pulau di laut, dan dari keempat bahagian bumi; dan bangsa-bangsa bukan Israel akan menjadi agung di mata-Ku, firman Tuhan, dalam membawa mereka ke negeri-negeri warisan mereka.

9 Ya, raja-raja orang bukan Israel akan menjadi bapa pengasuh

kepada mereka, dan para permaisuri mereka akan menjadi ibu pengasuh; oleh kerana itu, janji-janji Tuhan adalah agung kepada orang bukan Israel, kerana Dia telah menfirmankannya, dan siapakah boleh membantah?

10 Tetapi lihatlah, negeri ini, firman Tuhan, akan menjadi suatu negeri warisanmu, dan orang bukan Israel akan diberkati di negeri ini.

11 Dan negeri ini akan menjadi sebuah negeri kemerdekaan kepada orang bukan Israel, dan tidak akan ada raja-raja di negeri ini, yang akan bangkit di kalangan orang bukan Israel.

12 Dan Aku akan mengubukan negeri ini terhadap semua bangsa lain.

13 Dan dia yang melawan menentang Sion akan binasa, firman Tuhan.

14 Kerana dia yang mengangkat seorang raja menentang Aku akan binasa, kerana Aku, Tuhan, raja syurga, akan menjadi raja mereka, dan Aku akan menjadi suatu cahaya kepada mereka selama-lamanya, yang mendengar firman-Ku.

15 Oleh kerana itu, bagi tujuan ini, agar perjanjian-perjanjian-Ku dapat digenapi, yang telah Aku buat kepada anak-anak manusia, yang Aku akan buat kepada mereka semasa mereka dalam daging, Aku mesti menghapuskan kerja-kerja rahsia kegelapan, dan pembunuhan haram, dan kekejian.

16 Oleh kerana itu, dia yang

melawan menentang Sion, baik orang Yahudi mahupun orang bukan Israel, baik yang tertawan atau yang bebas, baik lelaki mahupun perempuan, akan binasa; kerana mereka adalah mereka yang adalah pelacur seluruh bumi; kerana mereka yang tidak berpihak kepada-Ku adalah menentang-Ku, firman Tuhan kita.

17 Kerana Aku akan menggenapi janji-janji-Ku yang telah Aku buat kepada anak-anak manusia, yang Aku akan laksanakan kepada mereka semasa mereka dalam daging.

18 Oleh kerana itu, saudara-saudaraku yang dikasihi, demikianlah firman Tuhan kita: Aku akan menyengsarakan keturunanmu dengan tangan orang bukan Israel; walaupun demikian, Aku akan melunakkan hati orang bukan Israel, agar mereka akan menjadi seperti seorang bapa kepada mereka; oleh kerana itu, orang bukan Israel akan diberkati dan dibilang di kalangan bani Israel.

19 Oleh kerana itu, Aku akan membaktikan negeri ini bagi keturunanmu, dan mereka yang akan terbilang di kalangan keturunanmu, selama-lamanya, bagi negeri warisan mereka; kerana ianya adalah sebuah negeri pilihan, berkata Tuhan kepadaku, melebihi semua negeri lain, oleh kerana itu, Aku akan menuntut semua manusia yang tinggal dalamnya agar mereka akan menyembah-Ku, firman Tuhan.

20 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, melihat

bahawa Tuhan kita yang penuh belas kasihan telah memberi kita demikian banyak pengetahuan berkenaan hal-hal ini, marilah kita mengingati Dia, dan menge-
tepikan dosa-dosa kita, dan tidak menundukkan kepala kita, kerana kita tidak tersingkir; walaupun demikian, kita telah dihalau keluar dari negeri warisan kita, tetapi kita telah dituntun ke sebuah negeri yang lebih baik, kerana Tuhan telah menjadikan laut jalan kita, dan kita berada di atas sebuah pulau di laut.

21 Tetapi agungnya janji-janji Tuhan kepada mereka yang berada di atas pulau-pulau di laut; oleh kerana ia mengatakan pulau-pulau, mestilah ada lebih daripada ini, dan ianya diduduki oleh saudara-saudara kita.

22 Kerana lihatlah, Tuhan telah menuntun pergi dari masa ke masa daripada bani Israel, menurut kehendak dan kesenangan-Nya. Dan sekarang lihatlah, Tuhan ingat akan semua mereka yang telah dipatahkan, oleh kerana itu, Dia mengingati kita juga.

23 Oleh kerana itu, hiburkanlah hatimu, dan ingatlah bahawa kamu bebas untuk bertindak bagi dirimu sendiri—untuk memilih jalan kematian kekal atau jalan kehidupan abadi.

24 Oleh kerana itu, saudara-saudaraku yang dikasihi, perdamaianlah dirimu dengan kehendak Tuhan, dan bukan dengan kehendak iblis dan daging; dan ingatlah, setelah kamu telah berdamai

dengan Tuhan, bahawa hanyalah dalam dan melalui rahmat Tuhan maka kamu diselamatkan.

25 Oleh kerana itu, semoga Tuhan membangkitkanmu daripada kematian melalui kuasa pembangkitan, dan juga daripada kematian kekal melalui kuasa korban tebusan, agar kamu boleh diterima ke dalam kerajaan abadi Tuhan, agar kamu dapat memuji Dia melalui rahmat Ilahi. Amin.

BAB 11

Yakub nampak Penebusnya—hukum Musa melambangkan Kristus dan membuktikan bahawa Dia akan datang. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN sekarang, Yakub membicarakan banyak hal kepada bangsaku pada masa itu; walaupun demikian, hanya hal-hal ini sahaja telah aku perintah supaya ditulis, kerana hal-hal yang telah aku tulis mencukupi bagiku.

2 Dan sekarang aku, Nefi, menulis lebih lagi kata-kata Yesaya, kerana jiwaku bersukacita akan kata-katanya. Kerana aku akan mengibaratkan kata-katanya kepada bangsaku, dan aku akan mengkhabarkanya kepada semua anak-anakku, kerana dia benar-benar nampak Penebusku, bahkan sebagaimana aku telah nampak Dia.

3 Dan saudaraku, Yakub, juga telah nampak Dia sebagaimana aku telah nampak Dia; oleh kerana itu, aku akan mengkhabarkan

kata-kata mereka kepada anak-anakku untuk membuktikan kepada mereka bahawa kata-kataku adalah benar. Oleh kerana itu, melalui kata-kata tiga orang, Tuhan telah berfirman, Aku akan menegakkan firman-Ku. Walaupun demikian, Tuhan menghantar lebih saksi, dan Dia membuktikan segala firman-Nya.

4 Lihatlah, jiwaku bersukacita membuktikan kepada bangsaku kebenaran berkenaan kedatangan Kristus; kerana, bagi tujuan inilah hukum Musa telah diberi; dan segala hal yang telah diberi oleh Tuhan sejak dari awal dunia, kepada manusia, adalah melambangkan Dia.

5 Dan juga jiwaku bersukacita akan perjanjian-perjanjian Tuhan yang telah Dia buat kepada nenek moyang kita; ya, jiwaku bersukacita akan rahmat-Nya, dan akan keadilan-Nya, dan kuasa, dan belas kasihan dalam rancangan yang agung dan abadi untuk pembebasan daripada kematian.

6 Dan jiwaku bersukacita membuktikan kepada bangsaku bahawa kecuali Kristus datang, semua manusia akan binasa.

7 Kerana jikalau tiada Kristus, tiadanya Tuhan; dan jikalau tiada Tuhan, kita tidak wujud, kerana tiada penciptaan. Tetapi memang ada seorang Tuhan, dan Dia adalah Kristus, dan Dia datang pada kegenapan masa-Nya sendiri.

8 Dan sekarang aku menulis beberapa daripada kata-kata Yesaya, bahawa barang siapa daripada

bangsaku yang akan melihat kata-kata ini akan mengangkat hati mereka dan berbahagia bagi semua manusia. Sekarang, inilah kata-kata itu, dan kamu boleh mengi-baratkannya kepada dirimu dan dengan semua manusia.

BAB 12

Yesaya melihat bait suci pada zaman akhir, pengumpulan Israel, dan penghakiman dan kedamaian Zaman Seribu Tahun—Mereka yang angkuh dan jahat akan dijadikan rendah pada Kedatangan Kedua—Bandingkan dengan Yesaya 2. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

FIRMAN yang Yesaya, putera Amoz, nampak berkenaan Yehuda dan Yerusalem:

2 Dan akan terjadilah bahawa pada zaman terakhir, ketika gunung bait suci akan ditegakkan di atas gunung-ganang, dan akan dimuliakan melebihi bukit-bukit, dan semua bangsa akan mengalir ke sana.

3 Dan ramai orang akan pergi dan berkata, Datanglah kamu, dan marilah kita pergi ke atas gunung Tuhan, ke bait suci Yakub; dan Dia akan mengajar kita cara-cara-Nya, dan kita akan berjalan dalam jalan-jalan-Nya; kerana dari Sion akan keluar hukum, dan firman Tuhan dari Yerusalem.

4 Dan Dia akan membuat penghakiman di kalangan bangsaban-gangsa, dan akan menegur ramai orang; dan mereka akan menempa

pedang menjadi bajak, dan tombak mereka menjadi pisau pemangkas—bangsa tidak akan mengangkat pedang menentang bangsa lain, juga mereka tidak akan belajar berperang lagi.

5 Wahai bani Yakub, datanglah kamu dan marilah kita berjalan dalam cahaya Tuhan; ya, datanglah, kerana kamu semua telah tersesat, setiap orang ke jalannya yang jahat.

6 Oleh kerana itu, Ya Tuhan, Engkau telah meninggalkan umat-Mu, bani Yakub, kerana mereka dipenuhi dari timur, dan mendengarkan ahli-ahli nujum seperti orang Filistin, dan mereka menyenangkan diri mereka dengan anak-anak orang bangsa asing.

7 Negeri mereka juga penuh dengan perak dan emas, juga tidak ada akhirnya harta benda mereka; negeri mereka juga penuh dengan kuda, juga tidak ada akhirnya kereta kuda mereka.

8 Negeri mereka juga penuh dengan berhala; mereka menyembah pekerjaan tangan mereka sendiri, iaitu yang jari-jari mereka sendiri telah buat.

9 Dan orang terhina tidak membongkokkan diri, dan orang besar tidak merendahkan diri, oleh kerana itu, janganlah ampunkannya

10 Wahai kamu yang jahat, masuklah ke dalam batu, dan sembunyikanlah diri dalam debu, kerana ketakutan akan Tuhan dan kemuliaan keagungan-Nya akan menderamu.

11 Dan akan terjadilah bahawa

pandangan tinggi hati manusia akan direndahkan, dan kesombongan manusia akan dibongkokkan, dan Tuhan sahaja yang akan dipermuliakan pada hari itu.

12 Kerana hari Tuhan Semesta Alam cepat akan datang ke atas semua bangsa, ya, ke atas setiap orang; ya, ke atas yang angkuh dan tinggi hati, dan ke atas setiap orang yang terangkat-angkat, dan dia akan dijadikan rendah.

13 Ya, dan hari Tuhan akan datang ke atas semua pokok araz di Lebanon, kerana mereka tinggi dan terangkat; dan ke atas semua pokok oak di Bashan;

14 Dan ke atas semua gunung tinggi, dan ke atas semua bukit, dan ke atas semua bangsa yang terangkat, dan ke atas setiap bangsa;

15 Dan ke atas setiap menara tinggi, dan ke atas setiap tembok berpagar;

16 Dan ke atas semua kapal di laut, dan ke atas semua kapal Tarsis, dan ke atas semua pemandangan yang menyenangkan.

17 Dan ketinggian hati manusia akan dibongkokkan, dan kesombongan manusia akan dijadikan rendah; dan Tuhan sahaja yang akan dipermuliakan pada hari itu.

18 Dan berhala-berhala akan Dia langsung hapuskan.

19 Dan mereka akan masuk ke dalam lubang-lubang batu-batan, dan ke dalam gua-gua dalam tanah, kerana ketakutan akan Tuhan akan datang ke atas mereka dan kemuliaan keagungan-Nya akan mendera mereka, ketika Dia

bangkit untuk menggoncangkan bumi dengan dahsyat.

20 Pada hari itu, seorang akan membuang berhala-berhala peraknya, dan berhala-berhala emasnya, yang telah dia buat bagi dirinya untuk disembah, kepada cencorot tanah dan kepada kelawar;

21 Untuk masuk ke dalam celah-celah batu, dan ke puncak-puncak batu bergerigi, kerana ketakutan pada Tuhan akan datang ke atas mereka dan keagungan kemuliaan-Nya akan menghentam mereka, ketika Dia bangkit untuk menggoncangkan bumi dengan dahsyat.

22 Berhentilah bergantung kepada manusia, yang bernafasdari lubang hidungnya; bagaimanakah dia lebih berharga?

BAB 13

Yudah dan Yerusalem akan dihukum kerana ketidakpatuhannya—Tuhan Yesus membela dan menghukum umat-Nya—Puteri-puteri Sion ditukut dan disiksa kerana sikap keduniawian mereka—Bandingkan dengan Yesaya 3. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

KERANA lihatlah, Tuhan, Tuhan Semesta Alam, mengambil dari Yerusalem, dan dari Yudah, perediaan dan bekalan, segala perediaan roti, dan segala bekalan air—

2 Orang yang perkasa, dan orang yang berperang, hakim, serta nabi, dan yang bijaksana, serta para tua-tua;

3 Panglima lima puluh orang, dan orang yang terhormat, dan penasihat, dan tukang sihir, dan pemidato yang fasih.

4 Dan Aku akan memberi anak-anak kepada mereka untuk menjadi pemimpin mereka, dan kanak-kanak akan memerintah atas diri mereka.

5 Dan umat akan ditindas, setiap orang oleh yang lain, dan setiap orang oleh jirannya; anak kecil akan berkelakuan angkuh terhadap para tua-tua, dan orang yang keji terhadap orang yang terhormat

6 Ketika seorang lelaki akan mencengkam saudaranya yang dari rumah bapanya, dan berkata: Engkau memiliki pakaian, jadilah engkau pemerintah kami, dan jangan biarkan pemusnahan ini datang di bawah tanganmu.

7 Pada hari itu akanlah dia ber-sumpah, mengatakan: Aku tidak akan menjadi seorang penyembuh; kerana dalam rumahku tiada roti ataupun pakaian; janganlah jadikanku seorang pemerintah ke atas bangsa ini.

8 Kerana Yerusalem sudah musnah, dan Yehudah telah runtuh, kerana lidah mereka dan perbuatan mereka telah menentang Tuhan, mengapi-apikan mata kemuliaan-Nya.

9 Rupa air muka mereka bersaksi menentang mereka, dan mengisytiharkan dosa mereka menjadi bahkan sebagai Sodom, dan mereka tidak dapat menyembunyikannya. Celakalah jiwa mereka,

kerana mereka telah mendatangkan bencana kepada diri mereka sendiri!

10 Katakanlah kepada yang soleh bahawa adalah baik-baik dengan mereka; kerana mereka akan makan buah perbuatan mereka.

11 Celakalah orang jahat, kerana mereka akan binasa; kerana ganjaran bagi tangan mereka akan berada di atas mereka!

12 Dan bangsaku, kanak-kanak adalah penindas mereka, dan kaum perempuan memerintah atas mereka. Wahai bangsaku, mereka yang memimpinmu menyebabkanmu membuat kesalahan dan menghapuskan jalan hidupmu.

13 Tuhan berdiri untuk membela, dan berdiri untuk menghakimkan umat.

14 Tuhan akan melaksanakan penghakiman dengan para tua-tua dan para pemimpin umat-Nya; kerana kamu telah memakan habis kebun anggur dan hasil rampasan daripada orang miskin di dalam rumahmu.

15 Apakah maksudmu? Engkau membelasah umat-Ku sampai bercebis-cebisan, dan mengisar muka orang miskin, firman Tuhan Semesta Alam.

16 Lebih-lebih lagi, Tuhan berfirman: Kerana para puteri Sion adalah sombong, dan berjalan dengan leher yang dijenjangkan dan mata yang jalang, berjalan dan bergaya sewaktu mereka melangkah, dan membuat suatu bunyi bergemerincing dengan kaki mereka—

17 Oleh kerana itu, Tuhan akan mendera dengan suatu kudis pada kulit kepala para puteri Sion, dan Tuhan akan menelanjangkan bahagian-bahagian mereka yang sulit.

18 Pada hari itu, Tuhan akan mengambil kegemilangan perhiasan bergemerincing mereka, dan cadar, dan jamang berupa bulan.

19 Kalung dan gelang, dan kain tudung;

20 Topi, dan hiasan kaki, dan ikat kepala, dan bekas wangian, dan subang;

21 Cincin, dan permata hidung;

22 Pakain yang diganti-gantikan, dan jubah, dan selubung kepala, dan tusuk rambut;

23 Cermin, dan kain linen yang halus, tudung kepala, dan selendang.

24 Dan akan terjadi, bukan bau wangi tetapi kebusukan; dan bukan tali pinggang, tetapi koyakan; dan bukan rambut yang rapi, tetapi kebotakan; dan bukan hiasan penutup dada, tetapi kain karung guni; tanda selar, bukan kecantikan.

25 Kaum lelaki mereka akan jatuh kerana pedang dan orang perkasamu dalam perang.

26 Dan pintu gerbangnya akan meratap dan berduka nestapa; dan dia akan terlantar, dan akan duduk di atas tanah.

BAB 14

Sion dan puteri-puterinya akan ditebus dan dibersihkan pada Zaman

Seribu Tahun—Bandingkan dengan Yesaya 4. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN pada hari itu, tujuh orang perempuan akan mencengkam seorang lelaki, mengatakan: Kami akan makan roti kami sendiri, dan memakai pakaian kami sendiri; hanya biarkan kami dipanggil dengan namamu untuk menyingkirkan aib kami.

2 Pada hari itulah akan cabang Tuhan menjadi indah dan gemilang; buah dari bumi amat bagus dan menarik kepada mereka yang terlolos dari Israel.

3 Dan akan terjadi, mereka yang tertinggal di Sion dan tetap tinggal di Yerusalem akan dipanggil kudus, setiap orang yang ditulis di kalangan orang yang hidup di Yerusalem—

4 Ketika Tuhan telah mencuci kekotoran puteri-puteri Sion, dan telah memurnikan darah Yerusalem dari tengahnya dengan roh penghakiman dan dengan roh pembakaran.

5 Dan Tuhan akan menciptakan di atas setiap tempat kediaman di gunung Sion, dan di atas pertemuan-pertemuannya, suatu awan dan asap pada siang hari dan sinaran daripada suatu api bernyala-nyala pada malam hari; kerana pada semua kemuliaan Sion akan menjadi satu pertahanan.

6 Dan akan ada suatu khemah keramat sebagai teduhan pada siang hari daripada kepanasan, dan sebagai tempat perlindungan,

dan naungan daripada ribut dan daripada hujan.

BAB 15

Kebun anggur Tuhan (Israel) akan menjadi terlantar, dan umat-Nya akan dicerai-beraikan—Kecelakaan akan datang ke atas mereka dalam keadaan mereka yang murtad dan dicerai-beraikan—Tuhan akan mengangkat panji dan mengumpulkan Israel—Bandingkan dengan Yesaya 5. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN ketika itu akan Aku nyanyikan kepada yang amat terkasih-Ku suatu lagu berkenaan yang terkasih-Ku, berkaitan dengan kebun anggurnya. Yang amat terkasihku memiliki sebidang kebun anggur di sebuah bukit yang sangat subur.

2 Dan dia memagarkannya, dan menyingkirkan batu-batan darinya, dan menanamkannya dengan pohon anggur yang unggul dan membina menara di tengah-tengahnya, dan juga membuat sebuahpemerah anggur wain di dalamnya; dan dia mengharapkan bahawa ia akan menghasilkan buah anggur, dan ia menghasilkan buah anggur liar.

3 Dan sekarang, Wahai penghuni Yerusalem, dan orang dari Yehuda, hakimilah, Aku memintamu, antara aku dan kebun anggurku.

4 Apakah lagi yang dapat dilakukan kepada kebun anggurku yang belum Aku lakukan di dalamnya? Oleh kerana itu, ketika Aku mengharapkan bahawa ia

akan menghasilkan buah anggur, ia menghasilkan buah anggur liar.

5 Dan sekarang pergilah; Aku akan memberitahumu apa yang Aku akan buat pada kebun anggur-Ku—Aku akan menyingkirkan pagarnya, dan ia akan habis dimakan; dan Aku akan merobohkan temboknya, dan ia akan dipijak-pijak;

6 Dan Aku akan menghapuskannya; ia tidak akan dipangkas ataupun digembur; tetapi akan muncul semak dan belukar berduri; Aku juga akan memerintahkan awan agar mereka tidak menurunkan hujan ke atasnya.

7 Kerana kebun anggur Tuhan Semesta Alam adalah bani Israel, dan orang dari Yehuda, tumbuhan yang digemari-Nya; dan Dia menunggu-nunggu penghakiman, dan lihatlah, penindasan; menunggu-nunggu kesolehan, tetapi lihatlah, suatu seruan.

8 Celakalah mereka yang menggabungkan rumah ke rumah, sehingga tiada tempat, agar mereka dapat ditempatkan berseorangan di tengah-tengah bumi!

9 Dalam telinga-Ku, firman Tuhan Semesta Alam, sebenarnya banyak rumah akan terlantar, dan kota-kota yang agung dan indah tanpa penghuni.

10 Ya, sepuluh hektar kebun anggur akan menghasilkan lapan liter, dan benih seratus lapan puluh liter akan menghasilkan lapan belas liter.

11 Celakalah mereka yang bangun awal-awal pagi, agar mereka

boleh mencari minuman keras, yang berterusan sehingga malam hari, dan wain memabukkan mereka!

12 Dan kecapi, gambus, rebana, dan seruling, dan wain ada dalam pesta-pesta mereka; tetapi mereka tidak mengendahkan kerja Tuhan, juga tidak memerhatikan kerja tangan-Nya.

13 Oleh kerana itu, bangsaku telah masuk ke dalam tawanan, kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan; dan orang terhormat mereka amat lapar, dan ramai orang mereka kering kerana kedahagaan.

14 Oleh kerana itu, neraka telah membesarkan dirinya, dan membuka mulutnya tanpa batas; dan kemuliaan mereka, dan keramaian mereka, dan kegemilangan mereka, dan dia yang bersukacita, akan turun ke dalamnya.

15 Dan orang bawahan akan dirobohkan, dan orang perkasa akan direndahkan, dan mata mereka yang tinggi hati akan direndahkan.

16 Tetapi Tuhan Semesta Alam akan dipermuliakan dalam penghakiman, dan Tuhan yang adalah kudus akan dipersucikan dalam kesolehan.

17 Kemudian akanlah anak-anak domba makan menurut cara mereka, dan tempat-tempat tandus kepunyaan yang gemuk akan orang asing makan.

18 Celakalah mereka yang menarik kederhakaan dengan tali-tali kesombongan, dan dosa seakan-akan dengan tali gerobak.

19 Yang berkata: Biarlah Dia mempercepatkan, mempergesakan kerja-Nya, agar kami dapat melihatnya; dan biarlah nasihat Yang Kudus dari Israel semakin dekat dan datang, agar kami dapat mengetahuinya.

20 Celakalah mereka yang memanggil kejahatan itu baik, dan kebaikan itu jahat, yang menempatkan kegelapan sebagai cahaya, dan cahaya sebagai kegelapan, yang menempatkan pahit sebagai manis, dan manis sebagai pahit!

21 Celakalah yang bijaksana pada mata mereka sendiri dan bijak pada pandangan mereka sendiri!

22 Celakalah yang gagah meminum wain, dan orang yang kuat yang mencampur minuman keras;

23 Yang melepaskan orang jahat kerana rasuah, dan mengambil kesolehan orang soleh daripadanya!

24 Oleh kerana itu, sebagaimana api melahap tunggul jerami, dan nyala api melahap sekam, akar mereka akan menjadi kereputan, dan bunga-bunga mereka akan naik bagaikan debu; kerana mereka telah membuang hukum Tuhan Semesta Alam, dan benci akan firman Yang Kudus dari Israel.

25 Oleh kerana itu, kemurkaan Tuhan dinyalakan terhadap umat-Nya, dan Dia telah menghulurkan tangan-Nya terhadap mereka, dan telah mendera mereka; dan bukit-bukau bergemetar, dan bangkai mereka terkoyak-koyak di tengah jalan. Biarpun demikian, kemurkaan-Nya tidak dipalingkan, tetapi tangan-Nya masih terhulur.

26 Dan Dia akan mengangkat suatu panji bagi bangsa-bangsa dari jauh, dan akan mendesis kepada mereka dari hujung bumi; dan lihatlah, mereka akan cepat datang dengan kepantasan; tiada yang akan letih atau tersandung di kalangan mereka.

27 Tiada seorang pun yang akan terlelap ataupun tidur; tidak juga akan tali pinggang aurat mereka dilepaskan, tidak juga tali kasut mereka diputuskan.

28 Yang anak panahnya akan tajam, dan semua busur mereka lengkung, dan kuku kuda mereka akan dianggap sebagai batu api, dan roda mereka sebagai puting beliung, ngauman mereka sebagai seekor singa.

29 Mereka akan mengaum seperti singa muda; ya, mereka akan mengaum, dan mencengkam mangsa, dan akan membawa pergi dengan selamat, dan tiada siapapun akan membebaskan.

30 Dan pada hari itu mereka akan mengaum terhadap mereka seperti derum laut; dan jika mereka memandang ke tanah, lihatlah, kegelapan dan dukacita, dan cahaya dimalapkan di langitnya.

BAB 16

Yesaya nampak Tuhan—Dosa-dosa Yesaya diampunkan—Dia dipanggil untuk bernubuat—Dia bernubuat berkenaan penolakan ajaran-ajaran Yesus oleh orang Yahudi—Sebahagian sisanya akan kembali—Bandingkan

dengan Yesaya 6. Kira-kira 559-545 tahun S.M.

PADA tahun kemangkatan raja Uzia, aku nampak juga Tuhan bersemayan di atas sebuah takhta, tinggi dan terangkat, dan hujung jubahnya memenuhi bait suci.

2 Di atasnya berdiri seraphim; masing-masing mempunyai enam sayap; dengan dua dia menutup mukanya, dan dengan dua dia menutup kakinya, dan dengan dua dia terbang.

3 Dan yang seorang berseru kepada yang lain, dan berkata: Suci, suci, sucilah Tuhan Semesta Alam; seluruh bumi adalah penuh dengan kemuliaan-Nya.

4 Dan ambang pintu bergerak kerana suara dia yang menyeru, dan Rumah itu dipenuhi asap.

5 Kemudian katalah aku: Celakalah aku! Kerana aku terhapus; kerana aku seorang berbibir kotor; dan aku diam di tengah-tengah bangsa yang berbibir kotor; kerana matakulah telah nampak Raja, Tuhan Semesta Alam.

6 Kemudian terbang seorang daripada seraphim kepadaku, dengan bara dalam tangannya, yang dia telah ambil dengan sepit dari mazbah;

7 Dan dia meletakkannya di mulutku, dan berkata: Lihatlah, ini telah menyentuh bibirmu; dan kederhakaanmu diambil pergi, dan dosamu dibersihkan.

8 Juga aku dengar suara Tuhan, berfirman: Siapakah akan Kuutus, dan siapakah akan pergi untuk

Kami? Kemudian aku berkata: Di sinilah aku; utuslah aku.

9 Dan Dia berfirman: Pergi dan beritahu umat ini—Dengarlah kamu bersungguh-sungguh, tetapi mereka tidak faham; dan lihatlah kamu bersungguh-sungguh, tetapi mereka tidak sedar.

10 Jadikanlah hati umat ini bebal, dan jadikanlah telinga mereka berat, dan tutupkanlah mata mereka—takut-takut kalau mereka melihat dengan mata mereka, dan mendengar dengan telinga mereka, dan memahami dengan hati mereka, dan bertukar hati dan disembuhkan.

11 Kemudian kataku: Tuhan, berapa lama? Dan Dia berfirman: Sehingga kota-kota musnah tanpa penghuni, dan rumah-rumah tanpa manusia, dan negeri habis sepi;

12 Dan Tuhan telah membuang-kan manusia jauh-jauh, kerana akan terjadi suatu keluaran besar di tengah-tengah negeri itu.

13 Tetapi masih akan ada sepersepuluh, dan mereka akan kembali, dan dimakan, seperti sephohon pokok linden, dan seperti pokok oak yang intinya ada dalamnya bila ia menyingkirkan daun-daunnya; agar benih suci akan menjadi intinya.

BAB 17

Efraim dan Siria berperang menentang Yehuda—Kristus akan dilahirkan oleh seorang anak dara—Bandingkan

dengan Yesaya 7. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN terjadilah pada masa Ahas putera Yotam, putera Uzia, raja Yehuda, bahawa Rezin, raja Siria, dan Pekah putera Remalya, raja Israel, pergi ke arah Yerusalem untuk berperang terhadapnya, tetapi tidak berjaya menawannya.

2 Dan diberitahukan kepada bani Daud, mengatakan: Siria adalah bersatu dengan Efraim. Dan hatinya tergerak, dan hati bangsanya, bagaikan pokok-pokok di hutan digerakkan oleh angin.

3 Kemudian firman Tuhan kepada Yesaya: Pergilah sekarang untuk bertemu dengan Ahas, kamu dan Syear Yasyub puteramu, di hujung saluran air kepada kolam atasan di jalan raya dalam dataran tempat pencuci kain tenun baru.

4 Dan katakanlah kepada dia: Berwaspadalah, dan bertenang; janganlah takut, ataupun gelisah kerana dua puntung kayu api berasap ini, kerana kemurkaan dahsyat Rezin terhadap Siria, dan kemurkaan putera Remalya.

5 Kerana Siria, Efraim, dan putera Remalya, telah berkomplot terhadapmu, mengatakan:

6 Marilah kita pergi menentang Yudah dan menyusahkannya, dan marilah kita membuat pencerobohan ke dalamnya, dan menempatkan seorang raja di tengah-tengahnya, ya, putera Tabeel.

7 Demikianlah firman Tuhan: Ia tidak akan dapat ditegakkan, tidak juga akan terjadi.

8 Kerana kepala Siria adalah Damsyik, dan kepala Damsyik, Rezin; dan dalam enam puluh dan lima tahun akan Efraim pecah sehingga ia bukan satu bangsa.

9 Dan kepala Efraim adalah Samaria, dan kepala Samaria ialah putera Remalya. Jika kamu tidak percaya, pasti kamu tidak akan ditegakkan.

10 Lagipun, Tuhan berfirman lagi kepada Ahas, memfirmankan:

11 Mintalah kamu satu tanda daripada Tuhanmu; mintanyalah mahupun di kedalaman, atau di ketinggian di atas.

12 Tetapi Ahas berkata: Beta tidak akan meminta, tidak juga akan beta menguji Tuhan.

13 Dan dia berkata: Dengarlah kamu sekarang, Wahai bani Daud; adakah ianya perkara kecil bagi tuanku melelahkan manusia, tetapi akankah tuanku melelahkan Tuhanku juga?

14 Oleh kerana itu, Tuhan sendiri akan memberi tuanku satu tanda—Lihatlah, seorang anak dara akan mengandung, dan akan melahirkan seorang putera, dan akan memanggil namanya Imanuel.

15 Dadih dan madu akan Dia makan, agar Dia dapat mengetahui untuk menolak yang jahat dan untuk memilih yang baik.

16 Kerana sebelum anak kecil itu dapat mengetahui untuk menolak yang jahat dan memilih yang baik, negeri itu yang tuanku benci akan ditinggalkan oleh kedua-dua rajanya.

17 Tuhan akan membawa ke atas tuanku, dan ke atas rakyat tuanku, dan ke atas rumah bapa tuanku, masa yang belum datang dari hari bila Efraim meninggalkan Yehuda, raja Asyur.

18 Dan akan terjadilah pada hari itu bahawa Tuhan akan bersiul untuk lalat yang berada di bahagian paling jauh di Mesir, dan untuk lebah yang berada di negeri Asyur.

19 Dan ia akan datang, dan semua akan hinggap di lembah-lembah yang terlantar, dan dalam lubang-lubang di batu-batan, dan di atas semua duri, dan di atas semua semak.

20 Pada hari yang sama itu akan Tuhan mencukur dengan sebilah pisau cukur yang disewa, dengan bantuan mereka yang di seberang sungai, dengan bantuan raja Asyur, kepala, dan rambut di kaki; dan ia juga akan habis mencukur janggut.

21 Dan akan terjadi pada hari itu, seorang lelaki akan memelihara seekor lembu muda dan dua ekor domba;

22 Dan akan terjadi, disebabkan kelimpahan susu yang akan ia bagikan, dia akan makan dadih; kerana dadih dan madu akanlah setiap orang makan yang ditinggalkan dalam negeri itu.

23 Dan akan terjadi pada hari itu, setiap tempat akan ada, di mana pernah ada seribu pokok anggur yang berharga seribu keping wang perak, yang akan ada semak dan belukar berduri.

24 Dengan anak panah dan

dengan busur akan manusia datang ke sana, kerana seluruh negeri akan menjadi semak dan belukar berduri.

25 Dan semua bukit yang akan digali dengan cangkul, tidak akan datang ke situ ketakutan terhadap semak dan belukar berduri; tetapi ia akanlah untuk penghantaran lembu, dan penginjakan binatang ternakan yang lebih kecil.

BAB 18

Kristus akan menjadi bagaikan batu sandungan dan batu singgungan—Carilah Tuhan, bukan ahli sihir yang berciap-ciap—Berpalinglah kepada hukum dan kepada kesaksian bagi bimbingan—Bandinglah dengan Yesaya 8. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

LAGIPUN, firman Tuhan mengatakan kepadaku: Ambillah kamu sebuah gulungan besar, dan tulislah di dalamnya dengan pena seorang manusia, berkenaan Maher-Syalal-Hash-Bas.

2 Dan aku mengambil bagiku para saksi yang setia untuk mencatat, Uria si imam itu, dan Zakharia putera Yeberekhya.

3 Dan aku bersetubuhan dengan nabiah; dan dia mengandung dan melahirkan seorang putera. Kemudian firman Tuhan kepadaku: Panggillah namanya, Maher-syalal-hasy-bas.

4 Kerana lihatlah, anak itu tidak akan berpengetahuan untuk menyeru, bapaku, dan ibuku, sebelum kekayaan Damsyik dan jarahan

Samaria akan diambil pergi oleh raja Asyur.

5 Tuhan berfirman juga kepadaku lagi, memfirmankan:

6 Sejauh mana bangsa ini menolak perairan Syiloah yang mengalir dengan perlahan, dan bersukacita dalam Rezin dan putera Remalya:

7 Sekarang oleh kerana itu, lihatlah, Tuhan mendatangkan ke atas diri mereka air sungai itu, kuat dan banyak, bahkan raja Asyur dan segala kemuliaanya; dan ia akan naik ke atas semua alurnya, dan membanjiri semua tebing sungainya.

8 Dan dia akan melanda Yehuda; dia akan melimpah dan merentang, dia akan mencapai bahkan ke leher; dan pembentangan sayap-sayap-Nya akan menaungi lebar negerimu, Wahai Imanuel.

9 Bersekutulah dirimu, Wahai kamu bangsa-bangsa, dan kamu akan dihancurkan menjadi cebis-cebisan; dan berilah telinga semua kamu yang dari negeri-negeri yang jauh; persiapkanlah dirimu, dan kamu akan dihancurkan berkeping-kepingan.

10 Berundinglah bersama, dan ia akan sia-sia; ucapkanlah kata, dan ia tidak akan terjadi; kerana Tuhan adalah bersama kita.

11 Kerana Tuhan berfirman demikian kepadaku dengan tangan kuat, dan memberitahuku bahawa aku tidak patut berjalan dalam jalan bangsa ini, memfirmankan:

12 Janganlah kamu berkata, Suatu gabungan, kepada semuanya

kepada siapa bangsa ini akan berkata, Suatu gabungan; jangan juga kamu takut akan apa yang ditakuti mereka, ataupun berasa takut.

13 Persucikanlah Tuhan Semesta Alam sendiri, dan biarlah Dia menjadi itu yang ditakutimu, dan biarlah Dia menjadi itu yang mengerikanmu.

14 Dan Dia akan menjadi tempat lindungan suci; tetapi menjadi batu sandungan, dan menjadi batu singgungan kepada kedua-dua bani Israel, bagaikan perangkap dan jerat bagi penghuni-penghuni Yerusalem.

15 Dan ramai di antara mereka akan tersandung dan jatuh, dan remuk, dan terperangkap, dan tertawan.

16 Ikatkanlah kesaksian, meteraikanlah hukum di kalangan pengikut-pengikutmu.

17 Dan aku akan berharap kepada Tuhan, yang menyembunyikan muka-Nya daripada bani Yakub, dan aku akan menunggukan Dia.

18 Lihatlah, aku dan anak-anak yang telah Tuhan berikan kepadaku adalah sebagai tanda dan sebagai keajaiban di Israel daripada Tuhan Semesta Alam, yang diam di Gunung Sion.

19 Dan ketika mereka akan berkata kepadamu: Carilah petunjuk daripada mereka yang memiliki arwah-arwah, dan kepada ahli sihir yang berciap-ciap dan bergumam—tidak patutkah suatu bangsa mencari petunjuk daripada

Tuhan mereka bagi yang hidup untuk mendengar daripada yang mati?

20 Kepada hukum dan kepada kesaksian; dan jika mereka berbicara tidak menurut perkataan ini, itu adalah kerana tiada cahaya di dalam mereka.

21 Dan mereka akan melaluinya dengan ditimpa kesukaran dan lapar; dan akan terjadi bahawa apabila mereka akan lapar, mereka akan merunsingkan diri mereka, dan mengutuk raja mereka dan Tuhan mereka, dan memandangkan ke atas.

22 Dan mereka akan memandangkan ke bumi dan melihat kesusahan, dan kegelapan, kesuraman kepedihan, dan akan dihalau menuju kegelapan.

BAB 19

Yesaya berbicara seperti Mesias—Orang yang berada dalam kegelapan akan melihat suatu cahaya yang sangat terang—Bagi kita seorang anak telah dilahirkan—Dia akan menjadi Putera Damai dan akan memerintah di atas takhta Daud—Bandingkan dengan Yesaya 9. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

WALAU PUN demikian, kesuraman tidak akan seperti semasa dalam kesengsaraannya, ketika pada awalnya Dia secara ringan menyiksa negeri Zebulon, dan negeri Naftali, dan selepas itu telah secara lebih teruk menyiksa sepanjang jalan ke Laut Merah di

seberang Yordan di Galilea yang berbangsa-bangsa.

2 Orang yang berjalan dalam kegelapan telah melihat cahaya yang sangat terang; mereka yang tinggal dalam negeri bayangan kematian, ke atas mereka telah cahaya itu menyinar.

3 Engkau telah melipatgandakan bangsa, dan menambahkan kebahagiaan—mereka bersukacita di hadapan-Mu menurut kebahagiaan dalam penuaian, dan sebagaimana manusia bersukacita ketika mereka membahagi-bahagikan jarahan.

4 Kerana Engkau telah mematahkan kuk bebannya, dan gandar bahunya, tongkat penindasnya.

5 Kerana setiap pertempuran pahlawan adalah dengan kebisingan huru-hara, dan pakaian berlumuran darah; tetapi ini adalah dengan pembakaran dan bahan bakar api.

6 Kerana bagi kita seorang anak dilahirkan, bagi kita seorang putera diberi; dan kerajaan akan di atas bahu-Nya; dan nama-Nya akan disebut, Mengagumkan, Penasihat, Tuhan Yang Perkasa, Bapa Yang Kekal, Putera Damai.

7 Berkenaan peningkatan kerajaan dan kedamaian tiada akhirnya, di atas takhta Daud, dan di atas kerajaan-Nya untuk menyunsungkannya, dan untuk menegakkannya dengan penghakiman dan keadilan mulai sekarang, bahkan selama-lamanya. Semangat berkobar-kobar Tuhan Semesta Alam akan melaksanakan ini.

8 Tuhan menghantar firman-Nya kepada Yakub dan ia telah datang kepada Israel.

9 Dan semua orang akan tahu, bahkan Efraim dan penghuni Samaria, yang berkata dalam keangkuhan dan ketinggian hati:

10 Batu bata telah roboh, tetapi kami akan membina dengan batu pahat; pokok-pokok ara telah ditebang, tetapi kami akan menggantikannya dengan pokok sedar.

11 Oleh kerana itu, Tuhan akan menegakkan lawan Rezin menentangNya, dan menggabungkan musuh-musuhnya bersama;

12 Bangsa Siria di hadapan dan bangsa Filistin di belakang; dan mereka akan menelan Israel dengan mulut ternganga. Walaupun berlakunya semua ini, kemurkaan-Nya tidak dipalingkan, tetapi tangan-Nya masih terhulur.

13 Kerana umat itu tidak berpaling kepada Dia yang mendera mereka, tidak juga mereka mencari Tuhan Semesta Alam.

14 Oleh kerana itu akan Tuhan memenggalkan dari Israel kepala dan ekor, cabang dan menerung dalam satu hari.

15 Yang tua-tua, dialah kepalanya; dan nabi yang mengajar dusta, dialah ekornya.

16 Kerana para ketua bangsa ini menyebabkan mereka khilaf; dan mereka yang dituntun oleh mereka akan dihapuskan.

17 Oleh kerana itu Tuhan tidak akan bersukacita dalam pemuda-pemuda mereka, tidak juga akan berbelas-kasih terhadap

anak-anak yatim dan balu-balu mereka; kerana setiap orang daripada mereka adalah munafik dan pelaku kejahatan, dan setiap mulut membicarakan kebodohan. Walaupun terjadinya semua ini, kemurkaan-Nya tidak dipalingkan, tetapi tangan-Nya masih terhulur.

18 Kerana kejahatan membakar seperti api; ia akan melahap semak dan belukar berduri, dan akan menyalakan di dalam semak-semak hutan, dan ia akan naik seperti kenaikan asap.

19 Kerana kemurkaan Tuhan Semesta Alam negeri itu digelapkan, dan orang akan menjadi seperti bahan bakar api; tiada seorangpun yang akan membiarkan saudaranya hidup.

20 Dan dia akan merenggut di sebelah kanan dan lapar; dan dia akan makan di sebelah kiri dan mereka tidak akan kenyang; mereka akan makan setiap orang daging lengannya sendiri—

21 Manasye, Efraim; dan Efraim, Manasye; mereka bersama-sama akan menentang Yehuda. Walaupun terjadinya semua ini, kemurkaan-Nya tidak dipalingkan, tetapi tangan-Nya masih terhulur.

BAB 20

Kehancuran Asyur adalah suatu contoh kehancuran yang jahat semasa Kedatangan Kedua—Sedikit sahaja orang akan tertinggal setelah Tuhan datang lagi—Sisa Yakub akan

kembali pada hari itu—Bandingkan dengan Yesaya 10. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

CELAKALAH mereka yang mengisytiharkan perintah-perintah yang tidak adil, dan yang menulis penindasan yang mereka telah tetapkan;

2 Untuk menolak yang miskin daripada keadilan, dan untuk mengambil hak daripada yang miskin di antara umat-Ku, agar balu-balu mereka boleh menjadi mangsa mereka, dan agar mereka boleh merompak anak yatim!

3 Dan apakah akan kamu buat pada hari pengunjungan, dan dalam kehancuran yang akan datang dari jauh? kepada siapa akan kamu melarikan diri untuk pertolongan? dan di manakah akan kamu tinggalkan kemuliaanmu?

4 Tanpa Aku mereka akan membongkokkan diri di bawah para tawanan, dan mereka akan jatuh ke bawah orang yang terbunuh. Walaupun terjadinya semua ini, kemurkaan-Nya tidak dipalingkan, tetapi tangan-Nya masih terhulur.

5 Wahai orang Asyur, tongkat kemurkaan-Ku, dan topang dalam tangan mereka adalah kemarahan mereka.

6 Aku akan menghantarkannya menentang suatu bangsa munafik, dan menentang orang kemurkaan-Ku akan Aku berikannya tanggungjawab untuk mengambil jarahan, dan untuk mengambil mangsa, dan untuk

menginjak-injakkan mereka seperti lumpur di jalan.

7 Walau bagaimanapun, dia tidak bertujuan demikian, tidak juga hatinya berfikir demikian; tetapi dalam hatinya adalah untuk membinasakan dan menyingkirkan bangsa-bangsa yang bukan sedikit.

8 Kerana dia berkata: Bukankah putera-putera beta semuanya raja?

9 Bukankah Kalno seperti Karkemis? Bukankah Hamat seperti Arpad? Bukankah Samaria seperti Damsyik?

10 Sebagaimana tangan beta telah mendirikan kerajaan-kerajaan berhala, dan yang patung-patung ukirannya menggungguli yang di Yerusalem dan di Samaria;

11 Tidak akankan beta, sebagaimana beta telah perlakukan kepada Samaria dan berhala-berhalanya, juga memperlakukan kepada Yerusalem dan berhala-berhalanya?

12 Oleh kerana itu akan terjadi bahawa ketika Tuhan melaksanakan segala kerja-Nya ke atas Gunung Sion dan ke atas Yerusalem, Aku akan menghukum buah daripada hati sombong raja Asyur, dan kemuliaan pandangannya yang tinggi.

13 Kerana dia berkata: Dengan kekuatan tangan beta dan dengan kebijaksanaan beta, beta telah melaksanakan hal-hal ini; kerana beta bijak; dan beta telah memindahkan sempadan-sempadan bangsa itu, dan telah merampas harta benda mereka, dan beta telah menakluk

penghuninya seperti seorang lelaki gagah perkasa;

14 Dan tangan beta telah menemui seperti sebuah sarang, kekayaan bangsa itu; dan seperti seorang mengumpul telur-telur yang tertinggal telah beta mengumpulkan seluruh bumi; dan tiada seorang pun yang menggerakkan sayap, atau membuka mulut, atau berciap.

15 Akankah kapak memegahkan dirinya terhadap dia yang menebang dengannya? Akankah gergaji membesar-besarkan dirinya terhadap dia yang menggongcangkannya? Seolah-olah belantan akan menggongcangkan dirinya terhadap mereka yang mengangkatnya, atau seolah-olah topang akan mengangkat dirinya seolah-olah ia bukan kayu!

16 Oleh kerana itu akan Tuhan, Tuhan Semesta Alam, menghantar ke kalangannya yang gemuk, kekurusan; dan di bawah kemuliaannya Dia akan menyalakan pembakaran seperti pembakaran api.

17 Dan cahaya Israel akan seperti api, dan Yang Kudus-Nya seperti nyalaan, dan akan membakar dan akan melahap semak dan belukar berdurinya dalam satu hari;

18 Dan akan menghanguskan kemuliaan hutannya, dan ladang suburnya, baik jiwa mahupun tubuh; dan mereka akan seperti ketika pembawa panji jatuh pengsan.

19 Dan sisa pokok-pokok hutannya akan sedikit, sehingga seorang budak boleh mencatatkannya.

20 Dan akan terjadi pada hari itu, bahawa sisa Israel, dan mereka yang telah melarikan diri daripada bani Yakub, tidak lagi akan bersandang pada dia yang mendera mereka, tetapi akan bersandang pada Tuhan, Yang Kudus dari Israel, dalam kebenaran.

21 Sisa akan kembali, ya, bahkan sisa Yakub, kepada Tuhan yang perkasa.

22 Kerana walaupun umatmu Israel seperti pasir di laut, tetapi sisa di antaranya akan kembali; pembinaaan yang telah difirmankan akan berlimpah dengan kesolehan.

23 Kerana Tuhan Semesta Alam akan mendatangkan pembinaaan, bahkan ditetapkan di seluruh negeri.

24 Oleh kerana itu, demikianlah firman Tuhan Semesta Alam: Wahai umat-Ku yang diam di Sion, janganlah takut akan orang Asyur; dia akan memukul kamu dengan belantan, dan akan mengangkat tongkatnya melawanmu, mengikut cara di Mesir.

25 Kerana sedikit masa lagi, dan kemarahan akan habis, dan kemurkaan-Ku dalam kebinasaan mereka.

26 Dan Tuhan Semesta Alam akan menimbulkan cambuk untuknya menurut penghapusan Midian di batu Oreb; dan sebagaimana tongkat-Nya berada di atas laut, demikian juga akan Dia mengangkatnya menurut cara di Mesir.

27 Dan akan terjadi pada hari itu

bahawa bebannya akan diambil dari bahumu, dan kuknya dari lehermu, dan kuk itu akan dihapuskan kerana pengurapan.

28 Dia telah datang ke Ayat, dia telah melintasi Migron; di Mikhmas dia telah meninggalkan pedati-pedatinya.

29 Mereka telah melintasi genting; mereka telah menginap di Geba; Rama bertakutan; Gibeon kota Saul telah melarikan diri.

30 Angkatlah suara, hai puteri Galim; jadikannya terdengar di Laisya, Wahai Anatot yang malang.

31 Madmena telah melarikan diri; penghuni-penghuni Gebim berkumpul bersama untuk melarikan diri.

32 Sekarang pun dia tetap tinggal di Nob pada hari itu; dia akan menggoncangkan tangannya terhadap gunung puteri Sion, bukit Yerusalem.

33 Lihatlah, Tuhan, Tuhan Semesta Alam akan menebang dahan dengan kegentaran; dan orang atasan yang megah akan ditebang; dan yang sombong akan direndahkan.

34 Dan Dia akan menebas semak-semak hutan dengan besi, dan Lebanon akan roboh oleh seorang yang perkasa.

BAB 21

Tunggul Isai (Kristus) akan menghakim dalam kesolehan—Pengetahuan berkenaan Tuhan akan meliputi seluruh bumi pada Zaman Seribu

Tahun—Tuhan akan menaikkan panji dan mengumpulkan Israel—Bandingkan dengan Yesaya 11. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN akan muncul tunas dari tunggul Isai, dan satu cabang akan tumbuh dari akarnya.

2 Dan Roh Tuhan akan berada di atas-Nya, roh kebijaksanaan dan kefahaman, roh ketelitian dan kekuasaan, roh pengetahuan dan rasa hormat pada Tuhan;

3 Dan akan menjadikan Dia berkefahaman tajam dalam rasa hormat pada Tuhan; dan Dia tidak akan menghakimi menurut penglihatan mata-Nya, tidak juga menegur menurut pendengaran telinga-Nya.

4 Tetapi dengan kesolehan akan Dia menghakimi yang miskin, dan menegur dengan kesaksamaan bagi pihak yang rendah hati; dan Dia akan memukul bumi dengan belantan mulut-Nya, dan dengan nafas dari bibir-Nya akan Dia membunuh yang jahat.

5 Dan kesolehan akan menjadi tali pinggang aurat-Nya, dan kesetiaan tali pinggang buah pinggang-Nya.

6 Serigala juga akan berdiam bersama anak domba, dan harimau bintang akan berbaring dengan anak kambing, dan anak lembu dan singa muda dan ternakan tambun bersama; dan seorang anak kecil akan memimpinnya.

7 Dan lembu dan beruang akan makan bersama; anak-anak mereka akan berbaring bersama; dan

singa akan makan jerami seperti lembu kasi.

8 Dan anak yang menyusu akan bermain di atas lubang ular asp, dan anak sapihan akan meletakkan tangannya di atas sarang ular berbisa.

9 Ia tidak akan meluka atau menghapus dalam segenap gunung-Ku yang suci, kerana bumi akan penuh dengan pengetahuan berkenaan Tuhan, sebagaimana perairan meliputi laut.

10 Dan pada hari itu akan ada akar Isai, yang akan berdiri sebagai panji bagi umat; kepadanya orang bukan Israel akan mencari; dan istirahat-Nya akan mulia.

11 Dan akan terjadi pada hari itu bahawa Tuhan akan menggunakan tangan-Nya lagi bagi kali kedua untuk memulihkan sisa umat-Nya yang tertinggal, dari Asyur, dan dari Mesir, dan dari Patros, dan dari Kus, dan dari Elam, dan dari Sinear, dan dari Hamat, dan dari pulau-pulau di laut.

12 Dan Dia akan mendirikan panji bagi bangsa-bangsa, dan akan menghimpunkan orang yang terbuang dari Israel, dan mengumpulkan bersama orang Yehuda yang terserak dari keempa-empat penjuru bumi.

13 Iri hati Efraim juga akan pergi, dan musuh-musuh Yehuda akan disingkirkan; Efraim tidak akan mencemburui Yehuda, dan Yehuda tidak akan menyusahi Efraim.

14 Tetapi mereka akan terbang di atas bahu orang Filistin menuju barat; mereka akan menjarahi

orang di timur bersama-sama; mereka akan mencengkam Edom dan Moab; dan anak-anak Amon akan mematuhi mereka.

15 Dan Tuhan akan sehabis-habisnya menghapuskan lidah laut Mesir; dan dengan angin-Nya yang kencang Dia akan mengibaskan tangan-Nya di atas sungai, dan akan memukulnya hingga menjadi tujuh anak sungai, dan menyebabkan manusia melintas berkasut kering

16 Dan akan ada sebuah lebuhraya bagi sisa umat-Nya yang tertinggal, dari Asyur, seperti yang terjadi kepada Israel pada hari dia keluar dari negeri Mesir.

BAB 22

Pada Zaman Seribu Tahun, semua manusia akan memuji Tuhan—Dia akan tinggal di kalangan mereka—Bandingkan dengan Yesaya 12. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN pada hari itu kamu akan berkata: Ya Tuhan, aku akan memuji Engkau; walaupun Engkau murka dengan aku kemurkaan-Mu dipalingkan, dan Engkau menghiburkanku.

2 Lihatlah, Tuhan adalah keselamatananku; aku akan mempercayai, dan tidak berasa takut; kerana Tuhan YEHOVA adalah kekuatan dan laguku; Dia juga telah menjadi keselamatananku.

3 Oleh kerana itu, dengan kebahagiaan akan Engkau menimba air dari telaga-telaga keselamatan.

4 Dan pada hari itu Engkau akan berkata: Pujilah Tuhan, panggillah nama Dia, isytiharkanlah perbuatan-perbuatan-Nya di kalangan umat, sebutkanlah bahawa nama-Nya dipermuliakan.

5 Nyanyilah kepada Tuhan; kerana Dia telah melaksanakan hal-hal cemerlang; ini diketahui di seluruh bumi.

6 Bersoraklah dan berteriak, kamu penghuni Sion; kerana agungnya Yang Kudus dari Israel di tengahmu.

BAB 23

Kebinasaaan Babilonia adalah satu contoh kebinasaaan semasa Kedatangan Kedua—Ia akan menjadi hari kemurkaan dan balas dendam—Babilonia (dunia) akan jatuh selama-lamanya—Bandingkan dengan Yesaya 13. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

BEBAN Babilonia, yang Yesaya putera Amoz telah nampak.

2 Angkatlah kamu bendera ke atas gunung tinggi, naikkanlah suara kepada mereka, kibaskan tangan, agar mereka dapat pergi ke dalam pintu-pintu gerbang orang mulia.

3 Aku telah memerintahkan umat-Ku yang disucikan, Aku juga telah memanggil umat-Ku yang perkasa, kerana kemurkaan-Ku tidak berada pada mereka yang berbahagia dalam ketinggian-Ku.

4 Kebisingan daripada khalayak ramai di gunung-ganang seperti daripada suatu bangsa agung,

kebisingan huru-hara daripada kerajaan bangsa-bangsa yang berkumpul bersama, Tuhan Semesta Alam menghimpunkan tentera-tentera pertempuran.

5 Mereka datang dari negeri yang jauh, dari hujung langit, ya, Tuhan, dan senjata-senjata kemurkaaan-Nya, untuk memusnahkan seluruh negeri itu.

6 Rataplah kamu, kerana hari Tuhan sudah dekat; ia akan datang sebagai kebinasaaan daripada Yang Maha Kuasa.

7 Oleh kerana itu akan semua tangan lemah, hati setiap manusia akan hilang semangat;

8 Dan mereka akan takut; kesakitan teruk dan dukacita akan mencengkam mereka; mereka akan saling kagum pada satu sama lain; muka-muka mereka akan bagaikan nyala api.

9 Lihatlah, hari Tuhan datang, kejam baik dengan kemurkaan mahupun kemarahan dahsyat, untuk menanduskan negeri itu; dan Dia akan menghapuskan orang berdosa keluar darinya.

10 Kerana bintang-bintang di langit dan gugusan-gugusannya tidak akan memberi cahayanya; matahari akan digelapkan pada kebangkitannya, dan bulan tidak akan menyebabkan cahayanya bersinar.

11 Dan Aku akan menghukum dunia kerana kejahatan, dan orang jahat untuk kederhakaan mereka; Aku akan menyebabkan keangkuhan orang sombong berhenti, dan akan merendahkan

kesombongan orang yang dahsyat.

12 Aku akan menjadikan seorang manusia lebih berharga daripada emas tulen; bahkan seorang manusia lebih daripada jongkong emas Ofir.

13 Oleh kerana itu, Aku akan menggoncang langit, dan bumi akan bergerak keluar dari tempatnya, dalam kemurkaan Tuhan Semesta Alam, dan pada hari kemurkaan dahsyat-Nya.

14 Dan ia akan seperti rusa yang dikejar, dan seperti domba yang tiada siapapun kumpulkan; dan mereka setiap orang akan kembali kepada bangsanya, dan setiap orang melarikan diri kepada negerinya sendiri.

15 Setiap orang yang angkuh akan ditikam; ya, dan setiap orang yang digabungkan kepada yang jahat akan jatuh kerana pedang.

16 Anak-anak mereka juga akan dihempaskan sampai berkecai-kecai di depan mata mereka; rumah-rumah mereka akan dijajah dan isteri-isteri mereka diperkosa.

17 Lihatlah, Aku akan menghasut orang Madai melawan mereka, yang tidak akan menghargai perak dan emas, tidak juga akan mereka bersukacita dalamnya.

18 Busur-busur mereka juga akan menghempaskan para pemuda sampai berkecai-kecai; dan mereka tidak akan berbelas kasihan kepada buah rahim; mata mereka tidak akan membiarkan kanak-kanak hidup.

19 Dan Babilonia, kemuliaan

kerajaan-kerajaan, keindahan daripada kegemilangan orang Kasdim, akan menjadi seperti ketika Tuhan menumpaskan Sodom dan Gomora.

20 Ia langsung tidak akan didiami manusia, tidak juga akan ia didiami dari generasi ke generasi: tidak juga akan orang Arab memasing khemah di situ; tidak juga akan para penggembala membina kandang mereka di situ.

21 Tetapi binatang-binatang liar dari padang belantara akan berbaring di situ; dan rumah-rumah mereka akan penuh dengan haiwan-haiwan yang muram; dan burung hantu akan tinggal di situ, dan hantu yang setengah kambing setengah lelaki akan menari di situ.

22 Dan binatang-binatang liar di pulau-pulau akan meratap di dalam rumah-rumah mereka yang terlantar, dan naga-naga di dalam istana-istana mereka yang menyenangkan; dan masanya akan cepat sampai, dan masanya tidak akan diperpanjangkan. Kerana Aku akan membinasakannya dengan lekas; ya, kerana Aku akan berbelas kasihan kepada umat-Ku, tetapi yang jahat akan hancur.

BAB 24

Israel akan dikumpulkan dan akan menikmati istirahat pada Zaman Seribu Tahun—Lusifer akan dibuang keluar dari syurga kerana pemberontakan—Israel akan mengalahkan Babilonia

(dunia)—*Bandingkan dengan Yesaya 14. Kira-kira 559–545 tahun S.M.*

KERANA Tuhan akan berbelas kasih atas Yakub, dan akan masih memilih Israel, dan menegakkan mereka di dalam negeri mereka sendiri; dan orang bangsa asing akan digabungkan dengan mereka, dan mereka akan menyatukan diri dengan bani Yakub.

2 Dan bangsa itu akan mengambil mereka dan membawa mereka ke tempat mereka; ya, dari jauh hingga hujung-hujung bumi; dan mereka akan kembali ke negeri-negeri mereka yang dijanjikan; dan bani Israel akan menawan mereka, dan negeri Tuhan adalah untuk para orang suruhanlelaki dan wanita; dan akan mengambil sebagai tawanan orang yang pernah menawan mereka; dan mereka akan memerintah ke atas para penindas mereka.

3 Dan akan terjadi pada hari itu bahawa Tuhan akan memberi kamu istirahat daripada dukacitamu, dan daripada ketakutanmu, dan daripada pengabdian berat di mana kamu telah dipaksa melayan.

4 Dan akan terjadi pada hari itu, bahawa kamu akan mengucapkan pepatah ini menentang raja Babilonia, dan berkata: Bagaimananya si penindas tiada lagi, kota emas tiada lagi!

5 Tuhan telah mematahkan tongkat orang jahat, cokmar para pemerintah.

6 Dia yang membelasah orang

dalam kemurkaan dengan pukulan yang berterusan, dia yang memerintah bangsa-bangsa dalam kemarahan, dianiaya, dan tiada yang akan menghalangnya.

7 Seluruh bumi berada dalam istirahat, dan adalah aman; mereka tiba-tiba menyanyi.

8 Ya, pokok fir akan berbahagia keranamu, dan juga pokok sedar di Lebanon, mengatakan: Sejak kamu dibaringkan, tiada penebang datang melawan kami.

9 Neraka dari bawah digerakkan bagi kamu untuk menemuimu semasa kedatanganmu; ia membangunkan orang mati untukmu, bahkan semua orang terutama di dunia; ia telah membangkitkan dari taktha mereka semua raja bangsa-bangsa.

10 Semua mereka akan berbicara dan berkata kepadamu: Adakah kamu juga menjadi lemah seperti kami? Adakah kamu menjadi seperti kami?

11 Kegemilanganmu dibawa ke dalam kubur; bunyi gambusmu tidak didengar; cacing disebar di bawahmu, dan cacing-cacing menyelimutimu.

12 Betapa kamu telah jatuh dari syurga, Wahai Lusifer, putera fajar! Betapa engkau ditebangkan ke tanah, yang telah melemahkan bangsa-bangsa!

13 Kerana engkau telah berkata dalam hatimu: Aku akan naik ke syurga, aku akan memuliakan takhtaku lebih tinggi daripada bintang-bintang Tuhan; aku akan duduk juga di atas gunung

jemaah, di sempadan-sempadan utara;

14 Aku akan naik melebihi ketinggian awan-awan; aku akan menjadi seperti Yang Maha Tinggi.

15 Namun engkau akan dibawa turun ke neraka, ke tepi-tepi lubang.

16 Mereka yang memandangmu akan menatapmu, dan akan menelitimu, dan berkata: Adakah ini orang yang telah menjadikan bumi menggentar, yang menggemparkan kerajaan-kerajaan?

17 Dan menjadikan dunia seperti sebuah padang belantara, dan memusnahkan kota-kota dalamnya, dan tidak membukakan rumah para tawanannya?

18 Dan para raja bangsa-bangsa, ya, semua mereka, berbaring dalam kemegahan, setiap orang daripada mereka dalam makamanya sendiri.

19 Tetapi engkau telah dibuang keluar dari kuburmu seperti cabang yang dikeji, dan sisa-sisa mereka yang terbunuh, ditikam dengan pedang, yang turun ke batu-batu dalam lubang itu; seperti bangkai dipijak di bawah kaki.

20 Engkau tidak akan disertakan dengan mereka dalam pemakaman, kerana engkau telah membinasakan negerimu dan membunuh bangsamu; keturunan daripada pelaku-pelaku kejahatan tidak akan menjadi masyhur.

21 Sediakanlah pembantaian untuk anak-anaknya bagi kederrhakaan bapa-bapa mereka, agar mereka tidak akan bangkit, tidak

juga memiliki negeri itu, atau memenuhi permukaan dunia dengan kota-kota.

22 Kerana Aku akan bangkit melawan mereka, firman Tuhan Semesta Alam, dan menyingkirkan daripada Babilonia nama, dan sisa, dan putera, dan anak buah lelaki, firman Tuhan.

23 Aku juga akan menjadikannya milik burung bangau, dan kolam-kolam air; dan Aku akan menyapukannya dengan penyapu kebinasaan, firman Tuhan Semesta Alam.

24 Tuhan Semesta Alam telah bersumpah, memfirmankan: Pastilah sebagaimana Aku telah berfikir, demikianlah akan terjadi; dan sebagaimana Aku telah maksudkan, demikianlah akan wujud—

25 Bahawa Aku akan membawa orang Asyur dalam negeri-Ku, dan di atas gunung-gunung-Ku memijak-mijak mereka; kemudian akan kuknya terlepas daripada mereka, dan bebannya terlepas daripada bahu mereka.

26 Inilah tujuan yang dirancang ke atas seluruh bumi; dan inilah tangan yang dihulurkan ke atas semua bangsa.

27 Kerana Tuhan Semesta Alam telah merancang, dan siapakah akan membatalkan? Dan tangan-Nya dihulurkan, dan siapakah yang akan menghalang?

28 Pada tahun raja Ahas mangkat ada beban ini.

29 Jangan engkau bersukacita, seluruh Palestina, kerana belantan Dia yang membelasahmu sudah

patah; kerana daripada akar ular akan muncul ular bisa, dan buahnya akan menjadi seekor ular terbang yang berapi.

30 Dan anak sulung orang miskin akan makan, dan yang melarat akan berbaring dalam keselamatan; dan Aku akan membunuh akarmu dengan kebuluran, dan dia akan membunuh sisamu.

31 Merataplah, Wahai gerbang; berserulah, Wahai kota; engkau, seluruh Palestina, dibubarkan; kerana akan datang dari utara asap, dan tiada yang akan berseorangan pada masanya yang ditetapkan.

32 Apakah jika demikian akan menjawab para utusan bangsa-bangsa? Bahawa Tuhan telah menegakkan Sion, dan yang miskin daripada umat-Mya akan percaya padanya.

BAB 25

Nefi berbahagia dalam kejelasan—nubuat-nubuat Yesaya akan difahami pada zaman akhir—Bangsa Yahudi akan kembali dari Babilonia, menyalibkan Mesias, dan dicerai-beraikan dan dicambuk—Mereka akan dipulihkan apabila mereka percaya kepada Mesias—Dia pertama kali akan datang enam ratus tahun selepas Lehi meninggalkan Yerusalem—Bangsa Nefi mengikut hukum Musa dan percaya kepada Kristus, iaitu Yang Kudus dari Israel. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

SEKARANG aku, Nefi, berbicara sedikit berkenaan kata-kata yang telah aku tuliskan, yang telah

diucapkan oleh mulut Yesaya. Kerana lihatlah, Yesaya mengucapkan banyak perkara yang susah bagi ramai di kalangan bangsaku untuk memahami; kerana mereka tidak tahu berkenaan cara bernubuat di kalangan orang Yahudi.

2 Kerana aku, Nefi, tidak mengajarnya mereka banyak hal berkenaan adat resam orang Yahudi; kerana kerja-kerja mereka adalah kerja-kerja kegelapan, dan perbuatan mereka adalah perbuatan kekejian.

3 Oleh kerana itu, aku menulis kepada bangsaku, kepada semua mereka yang akan menerima selepas ini hal-hal yang aku tuliskan, agar mereka dapat mengetahui penghakiman Tuhan, bahawa ia akan datang ke atas semua bangsa, menurut firman yang Dia telah firmankan.

4 Oleh kerana itu, dengarlah, Wahai umatku, yang adalah daripada bani Israel, dan pasanglah telinga kepada kata-kataku; kerana walaupun kata-kata Yesaya tidak jelas bagimu, namun demikian ia adalah jelas bagi semua mereka yang dipenuhi roh nubuat. Tetapi aku beri kepadamu sebuah nubuat, menurut roh yang berada dalam diriku; oleh kerana itu aku akan bernubuat menurut kejelasan yang telah berada denganku sejak dari masa aku keluar dari Yerusalem dengan bapaku; kerana lihatlah, Jiwaku senang akan kejelasan kepada umatku, agar mereka dapat belajar.

5 Ya, dan jiwaku senang akan kata-kata Yesaya, kerana aku keluar

dari Yerusalem, dan matakau telah nampak hal-hal bangsa Yahudi, dan aku tahu bahawa bangsa Yahudi memang faham hal-hal daripada para nabi, dan tiada bangsa lain yang faham hal-hal yang dibicarakan kepada orang Yahudi seperti mereka, kecuali jika mereka diajar menurut cara hal-hal berkenaan orang Yahudi.

6 Tetapi lihatlah, aku, Nefi, tidak mengajar anak-anakku menurut cara orang Yahudi; tetapi lihatlah, aku sendiri, telah hidup di Yerusalem, oleh kerana itu aku tahu berkenaan kawasan-kawasan sekeliling Yerusalem; dan aku telah menyebut kepada anak-anakku berkenaan penghakiman Tuhan, yang telah terjadi di kalangan orang Yahudi, kepada anak-anakku, menurut semua yang Yesaya telah bicarakan, dan aku tidak menulisnya.

7 Tetapi lihatlah, aku meneruskan dengan nubuatku sendiri, menurut kejelasanku; dalam mana aku tahu bahawa tiada manusia dapat salah faham; namun demikian, pada zaman apabila nubuat-nubuat Yesaya akan digenapkan, manusia akan tahu dengan kepastian, pada masa bila ia akan terjadi.

8 Oleh kerana itu, ia adalah berharga kepada anak-anak manusia, dan dia yang menganggap bahawa ia bukan, kepada mereka akan aku berbicara secara khusus, dan menghadkan kata-kata kepada bangsaku sendiri; kerana aku tahu bahawa ia akan menjadi amat berharga kepada mereka pada

zaman akhir; kerana pada masa itu akan mereka memahaminya; oleh kerana itu, bagi kebaikan mereka telah aku tuliskannya.

9 Dan sebagaimana satu generasi telah dibinasakan di kalangan bangsa Yahudi disebabkan kederhakaan, demikian juga telah mereka dibinasakan dari generasi ke generasi menurut kederhakaan mereka; dan tidak pernah ada sesiapa pun antara mereka yang dibinasakan kecuali diramalkan oleh para nabi Tuhan.

10 Oleh kerana itu, ia telah diberitahu kepada mereka berkenaan pembinasakan yang akan datang ke atas mereka, sebaik sahaja setelah bapaku meninggalkan Yerusalem; namun demikian, mereka mengeraskan hati-hati mereka; dan menurut nubuatku mereka telah dihapuskan, kecuali mereka yang telah dibawa pergi tertawan ke Babilonia.

11 Dan sekarang ini aku ucapkan kerana roh yang ada dalamku. Dan walaupun mereka telah dibawa pergi mereka akan kembali lagi, dan memiliki negeri Yerusalem; oleh kerana itu, mereka akan dipulihkan semula ke negeri warisan mereka.

12 Tetapi, lihatlah, mereka akan mengalami peperangan, dan desas-desus berkenaan peperangan; dan apabila hari itu sampai bahawa Putera Tunggal Bapa, ya, bahkan Bapa kepada langit dan kepada bumi, akan memperlihatkan diri-Nya kepada mereka dalam daging, lihatlah, mereka

akan menolak-Nya, kerana ke-derhakaan mereka, dan kekerasan hati mereka, dan ketegaran leher mereka.

13 Lihatlah, mereka akan menyalibkan Dia; dan setelah Dia diletakkan dalam sebuah makam untuk jangka masa tiga hari, Dia akan bangkit daripada kematian, dengan penyembuhan dalam sayang-Nya; dan semua mereka yang akan percaya atas nama-Nya akan diselamatkan di kerajaan Tuhan. Oleh kerana itu, jiwaku senang untuk bernubuat berkenaan Dia, kerana aku telah melihat hari-Nya, dan hatiku menyanjung nama suci-Nya.

14 Dan lihatlah, akan terjadi bahawa setelah Mesias bangkit daripada kematian, dan telah menampakkan diri-Nya kepada umat-Nya, kepada sebanyak yang akan percaya atas nama-Nya, lihatlah, Yerusalem akan dibinasakan lagi; kerana celakalah mereka yang berlawan menentang Tuhan dan umat gereja-Nya.

15 Oleh kerana itu, orang Yahudi akan dicerai-beraikan di antara semua bangsa; ya, dan juga Babilonia akan dibinasakan; oleh kerana itu, orang Yahudi akan dicerai-beraikan oleh bangsa-bangsa lain.

16 Dan setelah mereka dicerai-beraikan, dan Tuhan telah mencambukkan mereka melalui bangsa-bangsa lain pada jangka masa generasi yang banyak, ya, bahkan dari generasi ke generasi sehingga mereka dipujuk untuk percaya kepada Kristus, Putera

Tuhan, dan korban tebusan, yang tak terhingga bagi semua manusia—dan apabila hari itu akan sampai bila mereka akan percaya kepada Kristus, dan menyembah Bapa dalam nama-Nya, dengan hati suci dan tangan bersih, dan tidak menanti-nantikan lagi untuk seorang Mesias, kemudian, pada masa itu, hari itu akan sampai ketika mestinya perlu bahawa mereka patut percaya akan perkara-perkara ini.

17 Dan Tuhan akan menyediakan tangan-Nya lagi bagi kali kedua untuk memulihkan umat-Nya daripada keadaan tersesat dan terjatuh mereka. Oleh kerana itu, Dia akan terus melaksanakan suatu pekerjaan menakjubkan dan suatu keajaiban di kalangan anak-anak manusia.

18 Oleh kerana itu, Dia akan menampilkan firman-Nya kepada mereka, iaitu firman yang akan menghakimi mereka pada hari terakhir, kerana ia akan diberi kepada mereka bagi tujuan meyakinkan mereka akan Mesias yang benar, yang ditolak oleh mereka; dan untuk meyakinkan mereka bahawa mereka tidak perlu menanti-nantikan lagi bagi seorang Mesias untuk datang; kerana tiada lagi akan datang; kecuali ianya seorang Mesias palsu yang akan menipu umat itu; kerana hanya ada seorang Mesias yang disebutkan oleh para nabi, dan Mesias itu adalah Dia yang akan ditolak oleh bangsa Yahudi.

19 Kerana menurut kata-kata

para nabi, Mesias akan datang enam ratus tahun sejak masa bapaku meninggalkan Yerusalem; dan menurut kata-kata para nabi, dan juga perkataan malaikat Tuhan, nama-Nya akanlah Yesus Kristus, Putera Tuhan.

20 Dan sekarang, saudara-saudaraku, aku telah berbicara secara jelas agar kamu tidak dapat salah faham. Dan sebagaimana Tuhan hidup yang membawa Israel keluar dari negeri Mesir, dan memberi kepada Musa kuasa agar dia dapat menyembuh bangsa-bangsa itu setelah mereka dipatuk ular-ular bisa, jika mereka menumpukan mata mereka kepada ular yang dia telah angkatkan di hadapan mereka, dan juga memberikannya kuasa agar dia dapat memukul batu dan air akan keluar; ya, lihatlah aku berkata kepadamu, bahawa sebagaimana hal-hal ini adalah benar, dan sebagaimana Tuhan hidup, tiada nama lain yang diberi di bawah langit kecuali ia adalah Yesus Kristus ini, yang berkenaan telah aku bicarakan, yang melalui-Nya manusia dapat diselamatkan.

21 Oleh kerana itu, bagi tujuan ini telah Tuhan menjanjikan kepadaku bahawa perkara-perkara ini yang aku tuliskan akan disimpan dan dipelihara, dan diturunkan kepada keturunanku, dari generasi ke generasi, agar janji-Nya dapat digenapi kepada Yusuf, agar keturunannya tidak sekali-kali akan musnah selama bumi akan wujud.

22 Oleh kerana itu, hal-hal ini

akan diturunkan dari generasi ke generasi selama bumi akan wujud; dan ia akan diturunkan menurut kehendak dan kesenangan Tuhan; dan bangsa-bangsa yang memilikinya akan dihakimi olehnya menurut perkataan-perkataan yang tertulis.

23 Kerana kita bekerja tekun untuk menulis; untuk memujuk anak-anak kami, dan juga saudara-saudara kami, untuk percaya kepada Kristus, dan untuk diperdamaikan dengan Tuhan; kerana kita tahu bahawa melalui rahmat kita diselamatkan, setelah kita melaksanakan sebaik yang mampu.

24 Dan, walaupun kita percaya kepada Kristus, kita mentaati hukum Musa, dan menanti-nantikan dengan keteguhan untuk Kristus, sehingga hukum itu akan digenapi.

25 Kerana, bagi tujuan ini hukum itu diberi; oleh kerana itu, hukum telah menjadi lapuk bagi kita, dan kita dijadikan hidup dalam Kristus kerana iman kita; namun demikian, kita mentaati hukum itu kerana perintah-perintah.

26 Dan kita berbicara berkenaan Kristus, kita berbahagia dalam Kristus, kita berkhotbah berkenaan Kristus, kita bernubuat berkenaan Kristus, dan kita menulis menurut nubuat-nubuat kita, agar anak-anak kita dapat mengetahui kepada punca mana mereka dapat berpaling bagi pengampunan dosa-dosa mereka.

27 Oleh kerana itu, kita berbicara berkenaan hukum itu agar

anak-anak kita dapat mengetahui berkenaan lapuknya hukum itu; dan mereka, melalui pengetahuan akan lapuknya hukum itu, dapat menanti-nantikan kehidupan yang ada pada Kristus, dan mengetahui bagi tujuan apanya hukum itu telah diberi. Dan setelah hukum itu digenapi dalam Kristus, bahawa mereka tidak perlu mengeraskan hati mereka terhadap Dia apabila hukum itu patut dimansuhkan.

28 Dan sekarang lihatlah, umatku, kamu adalah bangsa yang tegar leher; oleh kerana itu, aku telah berbicara secara jelas kepadaku, agar kamu tidak boleh salah faham. Dan kata-kata yang aku telah bicarakan akan berdiri sebagai kesaksian menentangmu; kerana ianya mencukupi untuk mengajar siapa-siapun cara yang benar; kerana cara benar adalah percaya kepada Kristus dan tidak menyangkal-Nya; kerana dengan menyangkal-Nya kamu juga menyangkal para nabi dan hukum itu.

29 Dan sekarang lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa cara yang benar adalah percaya kepada Kristus, dan tidak menyangkal-Nya; dan Kristus adalah Yang Kudus dari Israel; oleh kerana itu kamu mesti tunduk di hadapan Dia, dan menyembah Dia dengan segala tenaga, fikiran, dan kekuatanmu, dan seluruh jiwamu; dan jika kamu melaksanakan ini kamu langsung tidak akan disingkirkan.

30 Dan, sejauh mana ianya perlu, kamu mesti melaksanakan upacara

dan tatacara Injil Tuhan sehingga hukum itu akan digenapi yang telah diberi kepada Musa.

BAB 26

Kristus akan melayan bangsa Nefi—Nefi meramalkan pembinasaan bangsanya—Mereka akan berbicara dari debu—Orang bukan Israel akan membina gereja-gereja palsu dan komplot-komplot rahsia—Tuhan melarang manusia mengerjakan penipuan imam. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN setelah Kristus bangkit daripada kematian, Dia akan memperlihatkan diri-Nya kepadamu, anak-anakku, dan saudara-saudaraku yang dikasihi; dan kata-kata yang Dia akan firmankan kepadamu akan menjadi hukum yang akan kamu lakukan.

2 Kerana lihatlah, aku bicarakan kepadamu bahawa aku telah melihat bahawa banyak generasi akan berlalu, dan akan adanya banyak peperangan dahsyat dan perbalahan di kalangan bangsaku.

3 Dan setelah Mesias akan datang, akan adanya tanda-tanda diberi kepada bangsaku berkenaan kelahiran-Nya, dan juga berkenaan kematian dan kebangkitan-Nya; dan agung dan dahsyatnya hari itu bagi yang jahat, kerana mereka akan terhapus; dan mereka terhapus kerana mereka menyingkirkan para nabi, dan orang suci, dan merejam mereka, dan membunuh mereka; oleh kerana itu seruan daripada darah orang suci akan

naik kepada Tuhan dari tanah menentang mereka.

4 Oleh kerana itu, semua mereka yang angkuh, dan yang melaksanakan kejahatan, hari yang datang akan membakar mereka, firman Tuhan Semesta Alam, kerana mereka akan menjadi bagaikan tunggul jerami.

5 Dan mereka yang membunuh para nabi, dan orang suci, pendalaman bumi akan menelan mereka, firman Tuhan Semesta Alam; dan gunung-gunung akan menutupi mereka, dan puting beliung akan membawa mereka pergi, dan bangunan-bangunan akan jatuh ke atas mereka dan menghancurkan mereka sehingga berkecai-kecai dan mengisar mereka menjadi serbuk.

6 Dan mereka akan dilawati oleh guruh, dan kilat, dan gempa bumi, dan segala jenis kebinasaan, kerana api kemurkaan Tuhan akan dinyalakan terhadap mereka, dan mereka akan menjadi bagaikan tunggul jerami, dan hari itu yang datang akan melahap mereka, firman Tuhan Semesta Alam.

7 Ah, kepedihan dan keseksaan jiwaku bagi kehilangan mereka yang terbunuh daripada bangsaku! Kerana aku, Nefi, telah melihatnya, dan ia hampir melahapku di hadapan hadirat Tuhan; tetapi aku mesti berseru kepada Tuhanku: Cara-cara-Mu adil.

8 Tetapi lihatlah, orang soleh yang mendengarkan kata-kata para nabi, dan tidak membinasakan mereka, tetapi menanti-nantikan

Kristus dengan ketabahan bagi tanda-tanda yang diberi, walaupun wujud segala penganiayaan—lihatlah, mereka adalah mereka yang tidak akan binasa.

9 Tetapi Putera Kesolehan akan memperlihatkan diri-Nya kepada mereka; dan Dia akan menyembuh mereka, dan mereka akan menikmati kedamaian dengan Dia, sehingga tiga generasi telah berlalu, dan ramai di antara generasi keempat telah berlalu dalam kesolehan.

10 Dan bila hal-hal ini telah berlalu, pembinasaan dalam masa singkat akan datang ke atas bangsaku; kerana walaupun pedihnya jiwaku, aku telah nampaknya; oleh kerana itu, aku tahu ianya akan terjadi; dan mereka menjualkan diri secara sia-sia; kerana untuk ganjaran bagi keangkuhan dan kebodohan mereka, mereka akan mengaup pembinasaan; kerana disebabkan mereka tunduk kepada iblis dan memilih kerja-kerja kegelapan dan bukannya cahaya, oleh kerana itu mereka mesti turun ke neraka.

11 Kerana Roh Tuhan tidak akan selalu berusaha mempengaruhi manusia. Dan bila Roh berhenti berusaha mempengaruhi manusia, kemudian datanglah pembinasaan dalam masa singkat, dan ini memilukan jiwaku.

12 Dan sebagaimana aku berbi-cara berkenaan keyakinan orang Yahudi, bahawa Yesus adalah Kristus sebenarnya, mestilah orang bukan Israel diyakinkan juga

bahawa Yesus adalah Kristus, Tuhan yang Abadi;

13 Dan bahawa Dia memerlukan diri-Nya kepada semua yang percaya kepada-Nya, melalui kuasa Roh Kudus; ya, kepada setiap bangsa, kaum, bahasa, dan orang, mengerjakan mukjizat-mukjizat, tanda-tanda, dan keajaiban-keajaiban agung, di kalangan anak-anak manusia menurut iman mereka.

14 Tetapi lihatlah, aku bernubuat kepadamu berkenaan zaman akhir; berkenaan masa apabila Tuhan akan menampilkan hal-hal ini kepada anak-anak manusia.

15 Setelah keturunanku dan keturunan saudara-saudaraku telah merosot dalam ketidakpercayaan, dan telah didera oleh orang bukan Israel; ya, setelah tuhan membina kubu-kubu menentang mereka; dan setelah mereka dibawa turun ke dalam debu, sehingga mereka tidak wujud, namun perkataan-perkataan orang soleh akan ditulis, doa-doa orang yang beriman akan didengar, dan mereka yang telah merosot dalam ketidakpercayaan tidak akan dilupai.

16 Kerana mereka yang akan dibinasakan akan berbicara kepada mereka dari dalam tanah, dan perbicaraan mereka akan keluar dari dalam debu, dan suara mereka akan seperti seorang yang dapat berhubung dengan arwah; kerana Tuhan Raja telah memberikannya kuasa, agar dia dapat berbisik berkenaan mereka, bahkan seakan-akan keluar dari tanah; dan

perbicaraan mereka akan berbisik keluar dari dalam debu.

17 Kerana demikianlah firman Tuhan Raja: Mereka akan menulis hal-hal yang akan dilaksanakan di kalangan mereka, dan ianya akan ditulis dan dimeteraikan dalam sebuah kitab, dan mereka yang telah merosot dalam ketidakpercayaan tidak akan memilikinya, kerana mereka berusaha menghapuskan apa yang daripada Tuhan.

18 Oleh kerana itu, kerana mereka yang telah dihapuskan telah dihapuskan dalam masa singkat; dan khalayak ramai daripada anggota-anggota mereka yang menakutkan akan menjadi seperti sekam yang lenyap—ya, demikianlah firman Tuhan Raja: Ianya akan dalam sekelip mata, tiba-tiba—

19 Dan akan terjadi, bahawa mereka yang telah merosot dalam ketidakpercayaan akan didera oleh tangan orang bukan Israel.

20 Dan orang bukan Israel diangkat dalam keangkuhan mata mereka, dan telah tersandung, kerana besarnya batu sandungan mereka, sehingga mereka telah membina banyak gereja; namun demikian, mereka menghina kuasa dan mukjizat-mukjizat daripada Tuhan, dan mengkhutbahkan kepada diri mereka kebijaksanaan dan pembelajaran diri mereka sendiri, agar mereka boleh memperoleh keuntungan dan mengisar muka orang miskin.

21 Dan adanya banyak gereja yang dibina yang menyebabkan

keirihatian, dan perbalahan, dan niat jahat.

22 Dan ada juga komplot-komplot rahsia, bahkan seperti pada zaman purba, menurut komplot-komplot iblis, kerana dialah pengasas segala hal ini; ya, pengasas pembunuhan, dan kerja-kerja kegelapan; ya, dan dia menuntun mereka di leher dengan seutas tali flaks, sehingga dia mengikat mereka dengan tali-talinya yang kuat buat selama-lamanya.

23 Kerana lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku berkata kepadamu bahawa Tuhan Raja tidak bekerja dalam kegelapan.

24 Dia tidak melaksanakan apa-apa pun kecuali bagi manfaat dunia; kerana Dia mengasihi dunia, bahkan sehingga Dia menyerahkan nyawa-Nya agar Dia dapat menarik semua manusia kepada Dia. Oleh kerana itu, Dia tidak memerintahkan sesiapa pun bahawa mereka tidak patut mengambil bahagian dalam penyelamatan-Nya.

25 Lihatlah, adakah Dia berseru kepada sesiapa pun, memfirmankan: Pergilah dari-Ku? Lihatlah, aku berkata kepadamu, Tidak; tetapi Dia berfirman: Datanglah kepada-Ku kamu semua hujung bumi, belilah susu dan madu, tanpa wang dan tanpa harga.

26 Lihatlah, adakah Dia memerintahkan sesiapa pun agar mereka mesti keluar dari saumaah-saumaah, atau keluar dari rumah-rumah ibadat? Lihatlah, aku berkata kepadamu, Tidak.

27 Adakah Dia memerintahkan

sesiapa pun bahawa mereka tidak patut mengambil bahagian dalam penyelamatan-Nya? Lihatlah aku berkata kepadamu, Tidak; tetapi Dia telah memberikannya secara percuma kepada semua manusia; dan Dia telah memerintahkan umat-Nya bahawa mereka mesti memujuk semua manusia kepada pertaubatan.

28 Lihatlah, adakah Tuhan memerintahkan sesiapa pun bahawa mereka tidak patut mengambil bahagian dalam kebaikan-Nya? Lihatlah aku berkata kepadamu, Tidak; tetapi semua manusia berhak istimewa yang seorang seperti yang lain, dan tiada yang dilarang.

29 Dia memerintahkan agar tiada penipuan imam; kerana, lihatlah, penipuan imam adalah bahawa manusia mengkhutbah dan memantapkan diri mereka sebagai cahaya kepada dunia, agar mereka dapat memperoleh keuntungan dan pujian daripada dunia; tetapi mereka tidak berusaha untuk kebajikan Sion.

30 Lihatlah, Tuhan telah melarang perkara ini; oleh kerana itu, Tuhan Raja telah memberi perintah bahawa semua manusia mesti memiliki kasih murni, yang kasih murni adalah kasih sayang. Dan kecuali mereka akan memiliki kasih murni mereka bukan apa-apa pun. Oleh kerana itu, jika mereka akan memiliki kasih murni mereka tidak akan membiarkan pekerja di Sion binasa.

31 Tetapi pekerja di Sion akan bekerja untuk Sion; kerana jika

mereka bekerja untuk wang mereka akan binasa.

32 Dan lagi, Tuhan Raja telah memerintahkan bahawa manusia tidak patut membunuh; bahawa mereka tidak patut berdusta; bahawa mereka tidak patut mencuri; bahawa mereka tidak patut menggunakan nama Tuhan Raja mereka secara sia-sia; bahawa mereka tidak patut iri hati; bahawa mereka tidak patut berniat jahat; bahawa mereka tidak patut berkelahi satu sama lain; bahawa tidak patut melakukan pelacuran; bahawa mereka tidak patut membuat mana-manapun hal-hal ini; kerana sesiapa yang melakukannya akan binasa.

33 Kerana tiada di antara kederhakaan ini datang daripada Tuhan; kerana Dia melakukannya itu yang baik di kalangan anak-anak manusia; dan Dia tidak melakukan apa-apun kecuali ianya jelas kepada anak-anak manusia; dan Dia menjemput mereka semua datang kepada Dia dan mengambil bahagian dalam kebaikan-Nya; dan Dia tidak menolak sesiapaapun yang datang kepada dia, hitam dan putih, terikat dan bebas, lelaki dan perempuan; dan Dia mengingati orang kafir; dan semua adalah sama bagi Tuhan, baik orang Yahudi mahupun orang bukan Israel.

BAB 27

Kegelapan dan kemurtadan akan

meliputi bumi pada zaman akhir—Kitab Mormon akan tampil—Tiga orang saksi akan bersaksi berkenaan kitab itu—Orang terpelajar akan berkata bahawa dia tidak boleh membaca kitab termeterai itu—Tuhan akan melaksanakan suatu kerja menakjubkan dan suatu keajaiban—Bandingkan dengan Yesaya 29. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

TETAPI, lihatlah, pada zaman akhir, atau pada zaman orang bukan Israel—ya, lihatlah semua bangsa orang bukan Israel dan juga bangsa Yahudi, baik mereka yang akan datang ke negeri ini mahupun mereka yang akan berada di negeri-negeri lain, ya, bahkan di semua negeri-negeri di bumi, lihatlah, mereka akan mabuk dengan kederhakaan dan segala jenis kekejian—

2 Dan ketika hari itu akan datang mereka akan dikunjungi oleh Tuhan Semesta Alam, dengan guruh dan dengan gempa bumi, dan dengan bunyi yang kuat, dan dengan badai, dan dengan ribut kencang, dan dengan nyala api yang melahap.

3 Dan semua bangsa yang berperang melawan Sion, dan yang memasyghulkannya, akan menjadi seperti mimpi daripada suatu penglihatan malam; ya, itu akan terjadi kepada mereka, bahkan seperti orang yang lapar yang bermimpi, dan lihatlah dia makan tetapi dia terbangun dan jiwanya kosong; atau seperti orang yang haus yang bermimpi, dan lihatlah

dia minum tetapi dia terbangun dan lihatlah dia lemah, dan jiwanya merasakan dahaga; ya, akan demikianlah pula jadinya khalayak ramai daripada semua bangsa yang berperang melawan Gunung Sion.

4 Kerana lihatlah, kamu semua yang melakukan kederhakaan, hentikanlah dirimu dan bertanyanyalah, kerana kamu akan berseru, dan berseru; ya, kamu akan mabuk tetapi bukan oleh wain, kamu akan terhuyung-hayang tetapi bukan oleh minuman keras.

5 Kerana lihatlah, Tuhan telah mencurahkan ke atas dirimu roh tidur yang nyenyak. Kerana lihatlah, kamu telah menutup matamu, dan kamu telah menolak para nabi; dan para pemerintahmu, dan para pelihat telah Dia tutupi kerana kederhakaanmu.

6 Dan akan terjadi bahawa Tuhan Raja akan menampilkan bagi kamu perkataan-perkataan daripada sebuah kitab, dan ia akan menjadi perkataan daripada mereka yang telah terlelap.

7 Dan lihatlah kitab itu akan termeterai; dan dalam kitab itu akan ada sebuah wahyu daripada Tuhan, sejak awal dunia sampai akhirnya.

8 Kerananya, kerana apa yang termeterai, apa yang termeterai tidak akan diserahkan pada masa kejahatan dan kekejian orang-orang itu. Oleh kerana itu kitab itu akan ditahan daripada mereka.

9 Tetapi kitab itu akan diserahkan kepada seorang lelaki dan dia

akan menyampaikan perkataan-perkataan kitab itu, yang adalah perkataan daripada mereka yang telah terlelap di dalam debu, dan dia akan menyampaikan perkataan-perkataan ini kepada yang lain;

10 Tetapi perkataan-perkataan yang termeterai tidak akan dia serahkan, tidak juga akan dia serahkan kitab itu. Kerana kitab itu akan dimeteraikan oleh kuasa Tuhan, dan wahyu yang dimeteraikan akan disimpan dalam kitab itu sampai waktu Tuhan sendiri yang tepat, agar ia boleh tampil; kerana lihatlah, ia mengungkapkan segala-galanya sejak asas dunia sampai akhirnya.

11 Dan masanya tiba ketika perkataan-perkataan kitab yang termeterai itu akan dibacakan di atas atap-atap rumah; dan ia akan dibacakan melalui kuasa Kristus; dan segalanya akan diungkapkan kepada anak-anak manusia yang pernah ada di kalangan anak-anak manusia, dan yang senantiasa akan ada bahkan sampai akhir bumi.

12 Oleh kerana itu, pada masa itu ketika kitab itu diserahkan kepada lelaki yang tentangnya telah aku bicarakan, kitab itu akan disembunyikan daripada mata dunia, agar tidak ada mata sesiapa pun akan melihatnya kecuali bahawa tiga orang saksi akan melihatnya, melalui kuasa Tuhan, selain dia yang kepadanya kitab itu akan diserahkan; dan mereka akan bersaksi tentang kebenaran kitab itu dan apa yang di dalamnya.

13 Dan tidak ada seorang lain

pun yang akan melihatnya, kecuali beberapa orang menurut kehendak Tuhan, untuk memberikan kesaksian tentang firman-Nya kepada anak-anak manusia; kerana Tuhan Raja telah berfirman bahawa perkataan daripada yang setia akan berbicara seolah olah dari yang telah mati.

14 Kerananya, Tuhan Raja akan terus menampilkan perkataan-perkataan kitab itu; dan melalui mulut seramai saksi seperti yang nampaknya baik bagi-Nya akanlah Dia tegakkan firman-Nya; dan celakalah bagi dia yang menolak firman Tuhan!

15 Tetapi lihatlah, akan terjadi bahawa Tuhan Raja akan berfirman kepada dia yang kepadanya Dia akan serahkan kitab itu: Ambillah perkataan-perkataan ini yang tidak termeterai dan sampaikanlah itu kepada yang lain, agar dia boleh memperlihatkannya kepada yang terpelajar, mengatakan: Bacalah ini, aku minta kepadamu. Dan yang terpelajar itu akan berkata: Bawalah kemari kitab itu, dan aku akan membacanya.

16 Dan sekarang, kerana kemuliaan dunia dan untuk memperoleh keuntungan akanlah mereka mengatakan ini, dan bukan untuk kemuliaan Tuhan.

17 Dan lelaki itu akan berkata: Aku tidak dapat membawa kitab itu, kerana ia termeterai.

18 Kemudian akanlah yang terpelajar itu berkata: Aku tidak dapat membacanya.

19 Oleh kerana itu akan terjadi,

bahawa Tuhan Raja akan menyerahkan lagi kitab itu dan perkataannya kepada dia yang tak terpelajar; dan orang yang tak terpelajar akan berkata: Aku tidak terpelajar.

20 Kemudian akanlah Tuhan Raja berfirman kepadanya: Yang terpelajar tidak akan membacanya, kerana mereka telah menolaknya, dan Aku sanggup untuk melakukan pekerjaan-Ku sendiri; kerananya engkau akan membaca perkataan yang akan Aku berikan kepadamu.

21 Janganlah menyentuh apa yang termeterai, kerana Aku akan menampilkannya pada waktu-Ku sendiri yang tepat; kerana Aku akan memperlihatkan kepada anak-anak manusia bahawa Aku sanggup untuk melakukan pekerjaan-Ku sendiri.

22 Oleh kerana itu, ketika engkau telah membaca perkataan yang telah Aku perintahkan kepadamu, dan mendapatkan para saksi yang telah Aku janjikan kepadamu, maka akanlah engkau memeteraikan kitab itu kembali, dan menyembunyikannya bagi-Ku, agar Aku boleh memelihara perkataan-perkataan yang belum engkau baca, sampai Aku akan menganggap patut menurut kebijaksanaan-Ku sendiri untuk mengungkapkan segalanya kepada anak-anak manusia.

23 Kerana lihatlah, Aku adalah Tuhan; dan Aku adalah seorang Tuhan mukjizat; dan Aku akan memperlihatkan kepada dunia

bahawa Aku adalah yang sama, kelmarin, hari ini, dan selamanya; dan Aku tidak bekerja di kalangan anak-anak manusia kecuali menurut iman mereka.

24 Dan lagi akan terjadi bahawa Tuhan akan berfirman kepada dia yang akan membaca perkataan-perkataan yang akan disampaikan kepadanya:

25 Kerana bangsa ini mendekati-Ku dengan mulut mereka, dan dengan bibir mereka menghormati-Ku, tetapi telah mengalihkan hati mereka jauh dari-Ku, dan rasa takut mereka terhadap-Ku diajarkan oleh ajaran manusia—

26 Oleh kerana itu, Aku akan terus melakukan suatu pekerjaan yang menakjubkan di kalangan bangsa ini, ya, suatu pekerjaan yang menakjubkan dan suatu keajaiban, kerana kebijaksanaan orang bijak dan terpelajar mereka akan binasa, dan pengertian orang bijaksana mereka akan disembunyikan.

27 Dan celakalah mereka yang berupaya keras untuk menyembunyikan rancangan mereka daripada Tuhan! Dan pekerjaan mereka berada dalam kegelapan; dan mereka berkata: Siapakah yang melihat kami, dan siapakah yang tahu kami? Dan mereka juga berkata: Pastilah, pemutarbalikanmu akan hal-hal itu akan dianggap sebagai tanah liat tukang periuk. Tetapi lihatlah, Aku akan memperlihatkan kepada mereka, firman Tuhan Semesta Alam, bahawa Aku tahu semua pekerjaan

mereka. Kerana akankah hasil karya itu berkata tentang dia yang menjadikannya, dia tidak menjadikanku? Atau akankah benda yang dibentuk itu berkata tentang dia yang membentuknya, dia tidak memiliki pengertian?

28 Tetapi lihatlah, firman Tuhan Semesta Alam: Aku akan memperlihatkan kepada anak-anak manusia bahawa masih sekejap lagi dan Lebanon akan diubah menjadi sebuah ladang subur; dan ladang subur itu akan dianggap sebagai sebuah hutan.

29 Dan pada hari itu akanlah yang tuli mendengar perkataan-perkataan kitab itu, dan mata orang buta akan melihat daripada keadaan kekaburan dan daripada kegelapan.

30 Dan yang lembut hati juga akan bertambah, dan kebahagiaan mereka akan berada di dalam Tuhan, dan yang miskin di kalangan manusia akan bersukacita di dalam Yang Kudus dari Israel.

31 Kerana pasti sebagaimana Tuhan hidup mereka akan melihat bahawa orang yang menakutkan dijadikan langsung tidak berkuasa, dan pencemuh dilalap api, dan semua orang yang berjaga-jaga bagi kederhakaan disingkirkan;

32 Dan mereka yang menjadikan seseorang itu pesalah kerana sepatah perkataan, dan meletakkan jerat baginya yang menegur di gerbang, dan mengesampingkan yang soleh bagaikan sesuatu yang tak bererti apa pun.

33 Oleh kerana itu, demikian

firman Tuhan, yang menebus Abraham, berkenaan bani Yakub: Yakub tidak akan sekarang malu, tidak juga akanlah mukanya sekarang menjadi pucat.

34 Tetapi ketika dia melihat anak-anaknya, pekerjaan tangan-Ku, di tengah-tengahnya, mereka akan menguduskan nama-Ku, dan menguduskan Yang Kudus dari Yakub, dan akan takut kepada Tuhan Israel.

35 Mereka juga yang khilaf secara rohani akan sampai pada pengertian, dan mereka yang merungut akan mempelajari ajaran.

BAB 28

Banyak gereja palsu akan dibangunkan pada zaman terakhir—Gereja-gereja itu akan mengajarkan ajaran palsu, sia-sia, dan bodoh—Kemurtadan akan merajalela kerana pengajar palsu—iblis akan mengamuk dalam hati manusia—Dia akan mengajarkan segala jenis ajaran palsu. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN sekarang, lihatlah, saudara-saudaraku, aku telah berbicara kepadamu, menurut sebagaimana Roh telah mendesakku; oleh kerana itu, aku tahu bahawa ia mestilah pasti terjadi.

2 Dan apa yang akan dituliskan daripada kitab itu akan amat berharga bagi anak-anak manusia, dan khususnya bagi keturunan kita, yang adalah sisa bani Israel.

3 Kerana akan terjadi pada hari itu bahawa gereja gereja yang

dibangunkan, dan bukan bagi Tuhan, ketika yang satu orang akan berkata kepada yang lain: Lihatlah, aku, aku adalah milik Tuhan; dan yang lain-lain akan berkata: Aku, aku adalah milik Tuhan; dan demikian akanlah setiap orang berkata yang telah membangunkan gereja-gereja, dan bukan bagi Tuhan—

4 Dan mereka akan saling berselisih pendapat; dan para imam mereka akan saling berselisih pendapat, dan mereka akan mengajar dengan pembelajaran mereka, dan menyangkal Roh Kudus, yang memberikan pertuturan.

5 Dan mereka menyangkal kuasa Tuhan, Yang Kudus dari Israel; dan mereka berkata kepada orang: Berilah perhatian kepada kami, dan dengarlah kamu ajaran kami; kerana lihatlah tidak ada Tuhan kini, kerana Tuhan dan Penebus telah melakukan pekerjaan-Nya, dan Dia telah memberikan kuasa-Nya kepada manusia;

6 Lihatlah, dengarlah kamu pada ajaranku; jika mereka akan berkata ada mukjizat dikerjakan oleh tangan Tuhan, janganlah mempercayainya; kerana hari ini Dia bukanlah seorang Tuhan yang mengerjakan mukjizat; Dia telah melengkapkan pekerjaan-Nya.

7 Ya, dan akan ada ramai yang akan berkata: Makanlah, minumlah, dan bersukarialah, kerana esok kita mati; dan akan baik-baik saja bagi kita.

8 Dan juga akan ada ramai yang akan berkata: Makanlah,

minumlah, dan bersukarialah; walaupun demikian, takutlah kepada Tuhan—Dia akan membenarkan untuk berbuat sedikit dosa; ya, berdustalah sedikit, pergunakanlah seseorang kerana perkataannya, galilah lubang bagi jiranmu; tidak ada bahayanya dalam hal ini; dan lakukanlah segala ini, kerana esok kita mati; dan jika demikian halnya bahawa kita bersalah, Tuhan akan memukul kita dengan beberapa lecutan, dan pada akhirnya kita akan diselamatkan di dalam kerajaan Tuhan.

9 Ya, dan akan ada ramai yang akan mengajar menurut cara ini, ajaran palsu dan sia-sia dan bodoh, dan akan menjadi bongkak dalam hati mereka, dan akan berupaya kuat untuk menyembunyikan rancangan-rancangan mereka daripada Tuhan; dan pekerjaan mereka akan berada dalam kegelapan.

10 Dan darah orang suci akan berseru dari tanah menentang mereka.

11 Ya, mereka telah semuanya keluar dari jalan; mereka telah menjadi busuk.

12 Kerana keangkuhan, dan kerana para pengajar palsu, dan ajaran palsu, gereja-gereja mereka telah menjadi tercemar, dan gereja-gereja mereka terangkat angkat; kerana keangkuhan, mereka bongkak.

13 Mereka merompak yang miskin kerana tempat tempat kudus mereka yang megah; mereka merompak yang miskin kerana pakaian mereka yang cantik; dan

mereka menganiaya yang lembut hati dan yang rendah hati, kerana dalam keangkuhan mereka, mereka bongkak.

14 Mereka mempamerkan leher tegar dan kepala terdongak; ya, dan kerana keangkuhan, dan kejahatan, dan kekejian, dan pelacuran, mereka semuanya telah tersesat kecuali sejumlah kecil, yang adalah para pengikut Kristus yang rendah hati; walaupun demikian, mereka dituntun, sehingga dalam banyak hal mereka khilaf kerana mereka diajar berdasarkan ajaran manusia.

15 Wahai yang bijak, dan yang terpelajar, dan yang kaya, yang bongkak dalam keangkuhan hati mereka, dan semua mereka yang mengkhutbahkan ajaran palsu, dan semua mereka yang melakukan pelacuran, dan menyimpangkan jalan benar Tuhan, celakalah, celakalah bagi mereka, firman Tuhan Raja Yang Perkasa, kerana mereka akan dibuang ke neraka!

16 Celakalah mereka yang mengesampingkan yang soleh bagaimana sesuatu yang tak bererti apapun dan mencaci maki apa yang baik, dan mengatakan bahawa itu tidak berharga! Kerana harinya akan tiba ketika Tuhan Raja akan lekasnya mengunjungi penghuni bumi; dan pada hari itu ketika mereka matang sepenuhnya dalam kederhakaan, mereka akan binasa.

17 Tetapi lihatlah, jika penghuni bumi akan bertaubat daripada kejahatan dan kekejian mereka,

mereka tidak akan dihancurkan, firman Tuhan Semesta Alam.

18 Tetapi lihatlah, gereja yang besar dan keji itu, pelacur seluruh bumi, mesti roboh ke tanah, dan hebatlah mestinya keruntuhannya.

19 Kerana kerajaan iblis mesti bergoncang, dan mereka yang menganggotainya mestilah perlu dirangsangkan kepada pertaubatan, atau iblis akan mencengkeram mereka dengan rantai kekalnya, dan mereka dihasut menjadi marah, dan binasa;

20 Kerana lihatlah, pada hari itu akanlah dia mengamuk dalam hati anak-anak manusia, dan menghasut mereka menjadi marah terhadap apa yang baik.

21 Dan yang lain akanlah dia tenangkan, dan lalaikan mereka ke dalam keamanan badani, sehingga mereka akan berkata: Segalanya baik di Sion; ya, Sion makmur, segalanya baik—dan demikianlah iblis mengakali jiwa mereka, dan menuntun mereka pergi dengan hati-hati turun ke neraka.

22 Dan lihatlah, yang lain dia mengangkat-angkat, dan memberitahu mereka tidak ada neraka; dan dia berkata kepada mereka: Aku bukan iblis, kerana tidak ada iblis—dan demikianlah dia berbisik dalam telinga mereka, sampai dia mencengkeram mereka dengan rantainya yang menyeramkan, dari mana tidak ada pembebasan.

23 Ya, mereka dicengkeram dengan kematian, dan neraka; dan kematian, dan neraka, dan iblis, dan semua yang telah dicengkam

olehnya mesti berdiri di hadapan takhta Tuhan, dan dihakimi menurut pekerjaan mereka, dari mana mereka mesti pergi ke tempat yang dipersiapkan bagi mereka, bahkan sebuah tasik api dan berlerang, yang adalah seksaan tidak berkesudahan.

24 Oleh kerana itu, celakalah bagi dia yang terlelah di Sion!

25 Celakalah bagi dia yang ber-seru: Segalanya baik!

26 Ya, celakalah bagi dia yang mengikut ajaran manusia, dan menyangkal kuasa Tuhan, dan kurnia Roh Kudus!

27 Ya, celakalah bagi dia yang berkata: Kami telah menerima, dan kami tidak perlu lebih!

28 Dan kesimpulannya, celakalah mereka semua yang gementar, dan marah kerana kebenaran Tuhan! Kerana lihatlah, dia yang dibangun di atas batu menerimanya dengan kegembiraan; dan dia yang dibangun di atas dasar berpasir gementar takut kalau-kalau dia akan roboh.

29 Celakalah bagi dia yang akan berkata: Kami telah menerima firman Tuhan, dan kami tidak perlu lagi firman Tuhan, kerana kami memiliki cukup!

30 Kerana lihatlah, demikianlah firman Tuhan Raja: Aku akan memberikan kepada anak-anak manusia baris demi baris, ajaran demi ajaran, di sini sedikit dan di sana sedikit; dan diberkatilah mereka yang mengikut ajaran-Ku, dan memasang telinga pada nasihat-Ku, kerana mereka akan belajar

kebijaksanaan; kerana kepada dia yang menerima, Aku akan memberikan lebih banyak; dan daripada mereka yang akan berkata, Kami memiliki cukup, daripada mereka akan diambil bahkan apa yang mereka miliki.

31 Terkutuklah dia yang menaruh kepercayaannya kepada manusia, atau menjadikan daging lengannya, atau akan mengikut ajaran manusia, kecuali ajaran mereka akan diberikan melalui kuasa Roh Kudus.

32 Celakalah bagi orang bukan Israel, firman Tuhan Raja Semesta Alam! Kerana sekalipun Aku akan memperpanjangkan lengan-Ku kepada mereka dari hari ke hari, mereka akan menyangkal-Ku; walaupun demikian, Aku akan berbelas kasihan kepada mereka, firman Tuhan Raja, jika mereka akan bertaubat dan datang kepada-Ku; kerana lengan-Ku diperpanjang sepanjang hari, firman Tuhan Raja Semesta Alam.

BAB 29

Ramai orang bukan Israel akan menolak Kitab Mormon—Mereka akan berkata, Kami tidak perlu Alkitab lain lagi—Tuhan berfirman kepada banyak bangsa—Dia akan menghakimi dunia daripada kitab kitab yang akan dituliskan. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

TETAPI lihatlah, akan ada ramai orang—pada hari itu ketika Aku akan terus melakukan suatu pekerjaan yang menakjubkan di

kalangan mereka, agar Aku boleh mengingati perjanjian perjanjian-Ku yang telah Aku buat kepada anak-anak manusia, agar Aku boleh menyiapkan tangan-Ku lagi untuk kali kedua untuk memulihkan umat-Ku, yang daripada bani Israel;

2 Dan juga, agar Aku boleh mengingati janji-janji yang telah Aku buat kepadamu, Nefi, dan juga kepada ayahmu, bahawa Aku akan mengingati keturunanmu; dan bahawa perkataan-perkataan keturunanmu akan keluar dari mulut-Ku kepada keturunanmu; dan firman-Ku akan mendesis sampai hujung-hujung bumi, sebagai suatu panji bagi umat-Ku, yang daripada bani Israel;

3 Dan kerana firman-Ku akan mendesis—banyak orang bukan Israel akan berkata: Sebuah Alkitab! Sebuah Alkitab! Kami telah memiliki sebuah Alkitab, dan tidak boleh ada Alkitab lain lagi.

4 Tetapi demikian firman Tuhan Raja: Wahai, orang bodoh, mereka akan memiliki sebuah Alkitab; dan ia akan keluar dari orang Yahudi, umat perjanjian-Ku zaman dahulu. Dan apakah terima kasih mereka terhadap orang Yahudi untuk Alkitab yang mereka terima daripada mereka? Ya, apa yang orang bukan Israel maksudkan? Adakah mereka mengingati penderitaan berat, dan kerja, dan rasa sakit orang Yahudi, dan ketekunan mereka kepada-Ku, dalam membawa keselamatan kepada orang bukan Israel?

5 Wahai kamu orang bukan

Israel, adakah kamu mengingati orang Yahudi, umat perjanjian-Ku zaman dahulu? Tidak; tetapi kamu telah mengutuk mereka, dan telah membenci mereka, dan tidak berupaya untuk memulihkan mereka. Tetapi lihatlah, Aku akan mengembalikan segala ini ke atas kepalamu sendiri; kerana Aku Tuhan tidak melupakan umat-Ku.

6 Engkau orang bodoh, yang akan berkata: Sebuah Alkitab, kami telah memiliki sebuah Alkitab, dan kami tidak perlu Alkitab lain lagi. Adakah kamu telah mendapatkan sebuah Alkitab kecuali melalui orang Yahudi?

7 Tidak tahukah kamu bahawa ada lebih banyak bangsa daripada satu? Tidak tahukah kamu bahawa Aku, Tuhan Rajamu, telah menciptakan semua orang, dan bahawa Aku mengingati mereka yang berada di atas pulau-pulau di laut; dan bahawa Aku berkuasa di langit di atas dan di bumi di bawah; dan Aku menampilkan firman-Ku kepada anak-anak manusia, ya, bahkan ke atas semua bangsa di bumi?

8 Mengapa kamu menrungut, kerana kamu akan menerima lebih banyak firman-Ku? Tidak tahukah kamu bahawa kesaksian dua bangsa adalah saksi bagimu bahawa Aku adalah Tuhan, bahawa Aku mengingati bangsa yang satu seperti yang lain? Oleh kerana itu, Aku mengucapkan firman yang sama kepada satu bangsa, sama seperti kepada bangsa yang

lain. Dan ketika kedua bangsa itu akan bergabung, kesaksian kedua bangsa itu akan bergabung juga.

9 Dan Aku melakukan ini agar Aku boleh membuktikan kepada ramai orang bahawa Aku adalah yang sama kelmarin, hari ini, dan selamanya; dan bahawa Aku menyuarakan firman-Ku menurut kesenangan-Ku sendiri. Dan kerana Aku telah memfirmankan satu firman kamu tidak perlu menganggap bahawa Aku tidak dapat memfirmankan yang lain; kerana pekerjaan-Ku belum selesai; tidak juga akanlah itu terjadi sampai akhir hayat manusia, tidak juga sejak waktu itu seterusnya dan selamanya.

10 Kerananya, kerana kamu memiliki sebuah Alkitab kamu tidak perlu mengira bahawa itu memuat seluruh firman-Ku; tidak juga kamu perlu mengira bahawa Aku tidak menyuruh lebih banyak untuk dituliskan.

11 Kerana Aku memerintah semua orang, baik di timur dan di barat, dan di utara, dan di selatan, maupun di pulau pulau di laut, supaya mereka patut menuliskan firman yang Aku firmankan kepada mereka; kerana daripada kitab kitab yang akan ditulis Aku akan menghakimi dunia, setiap orang menurut pekerjaan mereka, menurut apa yang tertulis.

12 Kerana lihatlah, Aku akan berfirman kepada Bangsa Yahudi dan mereka akan menuliskannya; dan Aku juga akan berfirman kepada Bangsa Nefi dan mereka

akan menuliskannya; dan Aku juga akan berfirman kepada suku-suku lain daripada bani Israel, yang telah Aku tuntun pergi, dan mereka akan menuliskannya; dan Aku juga akan berfirman kepada semua bangsa di bumi dan mereka akan menuliskannya.

13 Dan akan terjadi bahwa Bangsa Yahudi akan memiliki perkataan Bangsa Nefi, dan Bangsa Nefi akan memiliki perkataan Bangsa Yahudi; dan Bangsa Nefi dan Bangsa Yahudi akan memiliki perkataan daripada suku suku Israel yang hilang; dan suku-suku Israel yang hilang akan memiliki perkataan Bangsa Nefi dan Bangsa Yahudi.

14 Dan akan terjadi bahawa umat-Ku, yang daripada bani Israel, akan dikumpulkan pulang ke tanah-tanah kepemilikan mereka; dan firman-Ku juga akan dikumpulkan menjadi satu. Dan Aku akan memperlihatkan kepada mereka yang berperang melawan firman-Ku dan melawan umat-Ku, yang daripada bani Israel, bahwa Aku adalah Tuhan, dan bahawa Aku membuat perjanjian dengan Abraham bahwa Aku akan mengingat benih keturunannya selamanya.

BAB 30

Orang bukan Israel yang bertaubat akan terbilang di kalangan umat perjanjian—Ramai bangsa Laman dan orang Yahudi akan mempercayai

firman dan menjadi menyenangkan—Israel akan dipulihkan dan yang jahat dihancurkan. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN sekarang, lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku mahu berbicara kepadamu; kerana aku, Nefi, tidak mahu membiarkan bahawa kamu akan menganggap bahawa kamu lebih soleh daripada orang bukan Israel pada masa depan. Kerana lihatlah, kecuali kamu akan mentaati perintah-perintah Tuhan kamu semua juga akan binasa; dan kerana firman yang telah difirmankan kamu tidak perlu menganggap bahawa orang bukan Israel sepenuhnya dihancurkan.

2 Kerana lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa seramainya orang bukan Israel yang akan bertaubat adalah umat perjanjian Tuhan; dan seramai orang Yahudi yang tidak akan bertaubat akan disingkirkan; kerana Tuhan tidak membuat perjanjian dengan seorang pun kecuali dengan mereka yang bertaubat dan percaya kepada Putera-Nya, yang adalah Yang Kudus dari Israel.

3 Dan sekarang, aku hendak bernubuat sedikit lagi berkenaan orang Yahudi dan orang bukan Israel. Kerana setelah kitab yang berkenaannya aku telah bicarakan akan tampil, dan dituliskan bagi orang bukan Israel, dan dimeteraikan lagi bagi Tuhan, akan ada ramai yang akan mempercayai perkataan yang dituliskan; dan

mereka akan membawanya kepada sisa keturunan kita.

4 Dan pada waktu itu akanlah sisa keturunan kita tahu berkenaan kita, bagaimana kita keluar dari Yerusalem, dan bahawa mereka adalah keturunan orang Yahudi.

5 Dan Injil Yesus Kristus akan dimaklumkan di kalangan mereka; Oleh kerana itu, mereka akan dipulihkan pada pengetahuan tentang nenek moyang mereka, dan juga pada pengetahuan tentang Yesus Kristus, yang ada di kalangan nenek moyang mereka.

6 Dan pada waktu itu akanlah mereka bersukacita; kerana mereka akan mengenali bahawa itu adalah suatu berkat bagi mereka dari tangan Tuhan; dan sisik-sisik kegelapan akan mulai terkelupas dari mata mereka; dan banyak angkatan tidak akan berlalu di kalangan mereka, kecuali mereka akan menjadi suatu bangsa yang murni dan menyenangkan.

7 Dan akan terjadi bahawa orang Yahudi yang tercerai-berai juga akan mulai percaya kepada Kristus; dan mereka akan mulai berkumpul di atas permukaan tanah ini; dan sebanyak orang yang akan percaya kepada Kristus juga akan menjadi suatu bangsa yang menyenangkan.

8 Dan akan terjadi bahawa Tuhan Raja akan memulakan pekerjaan-Nya di kalangan semua negara, kaum, bahasa, dan bangsa untuk mendatangkan pemulihan umat-Nya di atas bumi.

9 Dan dengan kebenaran akanlah

Tuhan Raja menghakimi yang miskin, dan menegur dengan kesetaraan bagi yang lembut hati di bumi. Dan Dia akan menghentam bumi dengan belantan mulut-Nya; dan dengan nafas bibir-Nya akanlah Dia membunuh yang jahat.

10 Kerana waktunya cepat tiba ketika Tuhan Raja akan menyebabkan pemisahan besar di antara manusia, dan yang jahat akanlah Dia hancurkan; dan Dia akan membiarkan umat-Nya hidup, ya, bahkan jika demikian halnya bahawa Dia mesti menghancurkan yang jahat dengan api.

11 Dan kesolehan akan menjadi kain pembebat aurat-Nya, dan kesetiaan ikat pinggang-Nya.

12 Dan pada waktu itu akanlah serigala berdiam bersama anak domba; dan harimau bintang akan berbaring bersama anak kambing, dan anak sapi, dan singa muda, dan ternak tambun, bersama; dan seorang anak kecil akan memimpin mereka.

13 Dan lembu dan beruang akan makan; anak-anak mereka akan berbaring bersama; dan singa akan makan jerami seperti lembu kasi.

14 Dan anak yang menyusu akan bermain pada lubang ular bisa, dan anak sapihan akan meletakkan tangannya pada liang ular beracun.

15 Ia tidak akan meluka atau menghapus di seluruh gunung kudus-Ku; kerana bumi akan penuh dengan pengetahuan tentang Tuhan sebagaimana perairan menutupi laut.

16 Oleh kerana itu, hal-hal

tentang segala bangsa akan diungkapkan; ya, segala sesuatu akan diungkapkan kepada anak-anak manusia.

17 Tidak ada apa pun yang rahsia kecuali akan diungkapkan; tidak ada pekerjaan kegelapan kecuali akan dinyatakan dalam cahaya; dan tidak ada apa pun yang di-meteraikan di atas bumi kecuali ia akan dilepaskan.

18 Oleh kerana itu, segala sesuatu yang telah diungkapkan kepada anak-anak manusia akanlah pada masa itu diungkapkan; dan Setan tidak akan memiliki kuasa atas hati anak-anak manusia lagi, untuk suatu masa yang lama. Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku mengakhiri perkataanku.

BAB 31

Nefi memberitahu mengapa Kristus dibaptis—Manusia mesti mengikuti Kristus, dibaptis, menerima Roh Kudus, dan bertahan sampai akhir supaya diselamatkan—Pertaubatan dan pembaptisan adalah gerbang ke lorong sempit dan kecil—Kehidupan kekal datang kepada mereka yang mentaati perintah-perintah setelah pembaptisan. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN sekarang, aku, Nefi, mengakhiri penubuatanku kepadamu, saudara-saudaraku yang dikasihi. Dan aku tidak dapat menuliskan kecuali beberapa hal, yang aku tahu mestilah pasti terjadi; tidak

juga aku dapat menuliskan kecuali beberapa perkataan adikku Yakub.

2 Oleh kerana itu, apa yang telah aku tuliskan cukuplah bagiku, kecuali beberapa perkataan yang mesti aku bicarakan berkenaan ajaran Kristus; oleh kerana itu, aku akan berbicara kepadamu dengan jelas, menurut kejelasan penubuatanku.

3 Kerana jiwaku senang akan kejelasan; kerana menurut cara ini Tuhan Raja bekerja di kalangan anak-anak manusia. Kerana Tuhan Raja memberikan cahaya kepada pengertian; kerana Dia berfirman kepada manusia menurut bahasa mereka, kepada pengertian mereka.

4 Oleh kerana itu, aku menghendaki agar kamu patut ingat bahawa aku telah berfirman kepadamu berkenaan nabi itu yang Tuhan perlihatkan kepadaku, yang akan membaptis Anak Domba Tuhan, yang akan mengambil dosa-dosa dunia.

5 Dan sekarang, jika Anak Domba Tuhan, Dia yang kudus, mestilah perlu dibaptis dengan air, untuk menggenapi segala kebenaran, ya maka, betapa jauh lebih perlunya bagi kita, yang tidak kudus, untuk dibaptis, ya, bahkan dengan air!

6 Dan sekarang, aku mahu bertanya kepadamu, saudara-saudaraku yang dikasihi, dalam hal apakah Anak Domba Tuhan menggenapi segala kebenaran dengan dibaptis dengan air?

7 Tidak tahukah kamu bahawa

Dia kudus? Tetapi sekalipun Dia kudus, Dia memperlihatkan kepada anak-anak manusia bahawa, menurut keadaan daging Dia merendahkan hati-Nya di hadapan Bapa, dan bersaksi kepada Bapa bahawa Dia akan patuh kepada-Nya dalam mentaati perintah-perintah-Nya.

8 Oleh kerana itu, setelah Dia dibaptis dengan air Roh Kudus turun ke atas-Nya dalam bentuk seekor burung merpati.

9 Dan lagi, ia memperlihatkan kepada anak-anak manusia kecilnya lorong, dan sempitnya gerbang, yang melaluinya mereka patut masuk, Dia telah menunjukkan teladan di hadapan mereka.

10 Dan Dia berfirman kepada anak-anak manusia: Engkau, ikutlah Aku. Oleh kerana itu, saudara-saudaraku yang dikasihi, dapatkah kita mengikuti Yesus kecuali kita akan sedia mentaati perintah-perintah Bapa?

11 Dan Bapa berfirman: Bertaubatlah kamu, bertaubatlah kamu, dan dibaptislah dalam nama Putera Terkasih-Ku.

12 Dan juga, suara Putera datang kepadaku, memfirmankan: Dia yang dibaptis dalam nama-Ku, kepadanya akanlah Bapa berikan Roh Kudus, seperti Aku; oleh kerana itu, ikutlah Aku, dan lakukanlah apa yang telah kamu lihat Aku lakukan.

13 Oleh kerana itu, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku tahu bahawa jika kamu akan mengikuti Putera, dengan maksud

hati yang sepenuhnya, bertindak tanpa kemunafikan dan tanpa penipuan di hadapan Tuhan, tetapi dengan maksud yang ber-sungguh-sungguh, bertaubat akan dosa-dosamu, bersaksi kepada Bapa bahawa kamu bersedia untuk mengambil ke atas dirimu nama Kristus, melalui pembaptisan—ya, dengan mengikuti Tuhanmu dan Juruselamatmu turun ke dalam air, menurut firman-Nya, lihatlah, kemudian akanlah kamu menerima Roh Kudus; ya, kemudian datanglah pembaptisan dengan api dan dengan Roh Kudus; dan kemudian dapatlah kamu berbicara dengan bahasa para malaikat, dan menyorakkan puji-pujian kepada Yang Kudus dari Israel.

14 Tetapi, lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, demikianlah datang suara Putera kepadaku, memfirmankan: Setelah kamu bertaubat daripada dosa-dosamu, dan bersaksi kepada Bapa bahawa kamu bersedia untuk mentaati perintah-perintah-Ku, melalui pembaptisan dengan air, dan telah menerima pembaptisan dengan api dan dengan Roh Kudus, dan dapat berbicara dengan bahasa baru, ya, bahkan dengan bahasa para malaikat, dan setelah ini akan menyangkal-Ku, akan lebih baik bagimu bahawa kamu tidak mengenal-Ku.

15 Dan aku mendengar suara daripada Bapa, memfirmankan: Ya, firman daripada Yang Terkasih-Ku adalah benar dan dapat dipercayai. Dia yang bertahan

sampai akhir, orang yang sama akan diselamatkan.

16 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku tahu melalui ini bahawa kecuali seseorang akan bertahan sampai akhir, dalam mengikuti teladan Putera Tuhan yang hidup, dia tidak dapat diselamatkan.

17 Oleh kerana itu, lakukanlah apa yang telah aku beritahukan kepadamu telah aku lihat bahawa Tuhanmu dan Penebusmu akan lakukan; kerana, untuk sebab ini ianya telah diperlihatkan kepadaku, agar kamu boleh mengetahui gerbang yang melaluinya hendaknya kamu masuk. Kerana gerbang yang melaluinya hendaknya kamu masuk adalah pertaubatan dan pembaptisan dengan air; dan pada waktu itu datanglah pengampunan akan dosa-dosamu dengan api dan dengan Roh Kudus.

18 Dan pada waktu itu kamu berada di lorong sempit dan kecil ini yang menuntun kepada kehidupan kekal; ya, kamu telah masuk ke dalam melalui gerbang itu; kamu telah melakukan menurut perintah-perintah Bapa dan Putera; dan kamu telah menerima Roh Kudus, yang bersaksi tentang Bapa dan Putera, hingga digenapinya janji yang telah Dia buat, bahawa jika kamu masuk ke dalam melalui jalan itu kamu akan menerima.

19 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, setelah kamu memasuki lorong sempit dan kecil ini, aku hendak bertanya adakah

semuanya telah dilakukan? Lihatlah, aku berkata kepadamu: Belum; kerana kamu tidak datang sejauh ini kecuali melalui firman Kristus dengan iman yang tak tergoncang kepada-Nya, bersandar sepenuhnya pada jasa Dia yang perkasa untuk menyelamatkan.

20 Oleh kerana itu, kamu mesti maju terus dengan ketabahan di dalam Kristus, memiliki kecerahan harapan yang sempurna, dan kasih bagi Tuhan dan bagi semua manusia. Oleh kerana itu, jika kamu akan maju terus, berjamu dengan firman Kristus, dan bertahan sampai akhir, lihatlah, demikian firman Bapa: Kamu akan memperoleh kehidupan abadi.

21 Dan sekarang, lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, inilah jalannya; dan tidak ada jalan atau nama lain diberikan di kolong langit yang melaluinya manusia dapat diselamatkan di dalam kerajaan Tuhan. Dan sekarang, lihatlah, inilah ajaran Kristus, dan ajaran satu-satunya dan sejati daripada Bapa, dan daripada Putera, dan daripada Roh Kudus, yang adalah satu Tuhan, tanpa akhir. Amin.

BAB 32

Para malaikat berbicara melalui kuasa Roh Kudus—Manusia mesti berdoa dan memperoleh pengetahuan bagi diri mereka daripada Roh Kudus. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN sekarang, lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku

sangka bahawa kamu merenungkan sedikit dalam hatimu berkenaan apa yang hendaknya kamu lakukan setelah kamu masuk ke dalam melalui jalan itu. Tetapi, lihatlah, mengapa kamu merenungkan hal-hal ini dalam hatimu?

2 Tidakkah kamu ingat bahawa aku berkata kepadamu bahawa setelah kamu menerima Roh Kudus kamu dapat berbicara dengan bahasa para malaikat? Dan sekarang, bagaimana kamu dapat berbicara dengan bahasa para malaikat kecuali melalui Roh Kudus?

3 Para malaikat berbicara melalui kuasa Roh Kudus; oleh kerana itu, mereka mengucapkan firman Kristus. Oleh kerana itu, aku berkata kepadamu, jamuilah diri dengan firman Kristus; kerana lihatlah, firman Kristus akan memberitahu kamu segalanya yang kamu harus lakukan.

4 Oleh kerana itu, sekarang setelah aku mengucapkan perkataan-perkataan ini, jika kamu tidak dapat memahaminya, ia adalah kerana kamu tidak bertanya, tidak juga kamu mengetuk; oleh kerana itu, kamu tidak dibawa ke dalam cahaya, tetapi mesti binasa dalam kegelapan.

5 Kerana lihatlah, sekali lagi aku berkata kepadamu bahawa jika kamu akan masuk ke dalam melalui jalan itu, dan menerima Roh Kudus, ia akan memperlihatkan kepadamu segalanya yang kamu harus lakukan.

6 Lihatlah, inilah ajaran Kristus, dan tidak akan ada lagi ajaran

diberikan sampai setelah Dia akan menyatakan diri-Nya kepadamu dalam daging. Dan ketika Dia akan menyatakan diri-Nya kepadamu dalam daging, apa yang akan Dia firmankan kepadamu akanlah kamu usahakan keras untuk lakukan.

7 Dan sekarang, aku, Nefi, tidak dapat berkata lebih banyak; Roh menghentikan tuturanku, dan aku ditinggalkan berduka nstapa kerana ketidakpercayaan, dan kejahatan, dan kejahilan, dan ketegaran leher manusia; kerana mereka tidak mahu mencari pengetahuan, tidak juga memahami pengetahuan yang besar, ketika diberikan kepada mereka dalam kejelasan, bahkan dapat sejelasnya sepatutnya perkataan.

8 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku menyedari bahawa kamu masih merenungkan dalam hatimu; dan hal ini memilikanku bahawa aku mesti berbicara berkenaan hal ini. Kerana jika kamu akan mendengarkan Roh yang mengajar orang untuk berdoa, kamu akan mengetahui bahawa kamu mesti berdoa; kerana roh jahat tidak mengajar orang untuk berdoa, tetapi mengajarnya bahawa dia mesti tidak berdoa.

9 Tetapi lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa kamu mesti berdoa selalu, dan janganlah melemah; bahawa kamu tidak harus melakukan apa pun kepada Tuhan kecuali pertamanya kamu akan berdoa kepada Bapa dalam nama Kristus, supaya Dia akan

mempersucikan perbuatanmu bagimu, agar perbuatanmu adalah demi kesejahteraan jiwamu.

BAB 33

Perkataan-perkataan Nefi adalah benar—Ianya bersaksi tentang Kristus—Mereka yang percaya kepada Kristus akan mempercayai perkataan-perkataan Nefi, yang akan berdiri sebagai saksi di hadapan susunan penghakiman. Kira-kira 559–545 tahun S.M.

DAN sekarang, aku, Nefi, tidak dapat menuliskan segala hal yang diajarkan di kalangan bangsaku; tidak juga aku hebat dalam menulis, seperti berbicara; kerana apabila seseorang berbicara dengan kuasa Roh Kudus, kuasa Roh Kudus itu membawanya ke hati anak-anak manusia.

2 Tetapi lihatlah, ada ramai yang mengeraskan hati mereka terhadap Roh Kudus, sehingga ia tidak memiliki tempat dalam diri mereka; oleh kerana itu, mereka membuang banyak hal yang dituliskan dan menganggapnya sebagai hal-hal yang tak bererti apa pun.

3 Tetapi aku, Nefi, telah menuliskan apa yang telah aku tuliskan, dan aku menganggapnya sebagai yang amat berharga, dan khususnya bagi bangsaku. Kerana aku berdoa berterus-terusan bagi mereka pada siang hari, dan matakku mengairi bantalku pada malam hari, kerana mereka; dan aku berseru kepada Tuhanku dalam

iman, dan aku tahu bahawa Dia akan mendengar seruanaku.

4 Dan aku tahu bahawa Tuhan Raja akan mempersucikan doadoaku demi keuntungan bangsaku. Dan perkataan-perkataan yang telah aku tuliskan dalam kelemahan akan dijadikan kuat bagi mereka; kerana ianya memujuk mereka untuk melakukan yang baik; ianya menyingkapkan kepada mereka tentang nenek moyang mereka; dan ianya berbicara tentang Yesus, dan memujuk mereka untuk percaya kepada-Nya, dan untuk bertahan sampai akhir, yang adalah kehidupan yang abadi.

5 Dan ianya mengisytiharkan secara keras menentang dosa, menurut kejelasan daripada kebenaran, oleh kerana itu, tidak seorang pun akan marah akan perkataan-perkataan yang telah aku tuliskan kecuali dia akan dipengaruhi oleh roh iblis.

6 Aku bermegah dalam kejelasan; aku bermegah dalam kebenaran; aku bermegah dalam Yesusku, kerana Dia telah menebuskan jiwaku dari neraka.

7 Aku memiliki ihsan bagi bangsaku, dan iman yang besar kepada Kristus bahawa aku akan menemui banyak jiwa tanpa noda di kerusi penghakiman-Nya.

8 Aku memiliki kasih murni bagi orang Yahudi—Aku berkata orang Yahudi, kerana aku maksudkan mereka dari mana aku datang.

9 Aku juga memiliki ihsan bagi orang bukan Israel. Tetapi lihatlah,

bagi seorang pun daripada mereka ini tidak dapatlah aku berharap kecuali mereka akan diperdamikan kepada Kristus, dan masuk ke dalam gerbang yang sempit, dan berjalan di lorong yang kecil yang menuntun kepada kehidupan, dan berterusan di lorong itu sampai akhir hari percubaan.

10 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, dan juga orang Yahudi, dan kamu segenap hujung bumi, dengarlah perkataan-perkataan ini dan percayalah kepada Kristus; dan jika kamu tidak percaya pada perkataan-perkataan ini percayalah kepada Kristus. Dan jika kamu akan percaya kepada Kristus kamu akan percaya pada perkataan-perkataan ini, kerana ini adalah firman Kristus, dan Dia telah memberikannya kepadaku; dan ia mengajarkan semua orang bahawa hendaknya mereka melakukan yang baik.

11 Dan jika itu bukan firman Kristus, kamu nilailah—kerana Kristus akan memperlihatkan kepadamu, dengan kuasa dan kemuliaan besar, bahawa itu adalah firman-Nya, pada hari terakhir; dan kamu dan aku akan berdiri berhadapan muka di hadapan susuran-Nya; dan kamu akan tahu bahawa aku telah diperintahkan

oleh-Nya untuk menuliskan hal-hal ini, walaupun adanya kelemahan pada diriku.

12 Dan aku berdoa kepada Bapa dalam nama Kristus semoga ramai di antara kita, dan mudah-mudahan semua, dapat diselamatkan di dalam kerajaan-Nya pada hari yang agung dan terakhir itu.

13 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, mereka semua yang berasal daripada bani Israel, dan kamu segenap hujung bumi, aku berbicara kepadamu seperti suara orang yang berseru dari debu: Selamat berpisah sampai hari yang agung itu akan tiba.

14 Dan kamu yang tidak mahu mengambil bahagian dalam kebaikan Tuhan, dan menghormati perkataan orang Yahudi, juga perkataan-perkataanku, dan firman yang akan keluar dari mulut Anak Domba Tuhan, lihatlah, aku mengucapkan kepadamu salam perpisahan yang kekal, kerana perkataan-perkataan ini akan mengutukmu pada hari terakhir.

15 Kerana apa yang aku meteraikan di atas bumi, akan dibawa melawanmu di susuran penghakiman; kerana demikianlah telah Tuhan perintahkan kepadaku, dan aku mesti patuh. Amin.

KITAB YAKUB

SAUDARA NEFI

Kata-kata pengkhutbahannya kepada saudara-saudaranya. Dia menundukkan seorang lelaki yang berupaya menumbangkan ajaran Kristus. Beberapa patah perkataan berkenaan sejarah bangsa Nefi.

BAB 1

Yakub dan Yusuf berupaya memujuk orang untuk percaya kepada Kristus dan mentaati perintah-perintah-Nya—Nefi meninggal dunia—Kejahatan meluas di kalangan bangsa Nefi. Kira-kira 544–421 tahun S.M.

KERANA lihatlah, terjadilah bahawa lima puluh dan lima tahun telah berlalu sejak waktu Lehi meninggalkan Yerusalem; oleh kerana itu, Nefi memberiku, Yakub, sebuah perintah berkenaan kepingan-kepingan kecil, yang di atasnya hal-hal ini diukirkan.

2 Dan dia memberiku, Yakub, sebuah perintah bahawa aku hendaknya menulis di atas kepingan-kepingan ini beberapa hal yang aku anggap paling berharga; bahawa aku hendaknya tidak menyentuh, kecuali dengan sepintas, berkenaan sejarah bangsa ini yang disebut bangsa Nefi.

3 Kerana dia berkata bahawa sejarah bangsanya akan diukirkan di atas kepingan-kepingannya yang lain, dan bahawa aku mesti melindungi kepingan-kepingan ini dan menurunkannya kepada

keturunanku, dari generasi ke generasi.

4 Dan jika ada pengkhutbahannya yang kudus, atau wahyu yang penting, atau penubuatan, agar aku sepatutnya mengukirkan pokok-pokoknya di atas kepingan-kepingan ini, dan menyentuh tentangnya sebanyak mungkin, demi kepentingan Kristus, dan demi kepentingan bangsa kami.

5 Kerana iman dan kegelisahan yang hebat, ia benar-benar telah dinyatakan kepada kami berkenaan bangsa kami, hal-hal apa yang akan terjadi kepada mereka.

6 Dan kami juga memiliki banyak wahyu, dan roh yang penuh nubuat; oleh kerana itu, kami tahu tentang Kristus dan kerajaan-Nya, yang akan datang.

7 Oleh kerana itu kami bekerja dengan tekun di kalangan bangsa kami, agar kami boleh memujuk mereka untuk datang kepada Kristus, dan mengambil bahagian dalam kebaikan Tuhan, agar mereka boleh masuk ke dalam istirahat-Nya, agar jangan melalui cara apa pun Dia akan bersumpah dalam kemurkaan-Nya bahawa mereka tidak akan memasukinya,

seperti dalam kegusaran pada masa percubaan sewaktu anak-anak Israel berada di padang belantara.

8 Oleh kerana itu, kami berkehendak kepada Tuhan bahawa kami dapat memujuk semua orang supaya tidak memberontak terhadap Tuhan, menggusarkan-Nya sampai kemurkaan, tetapi bahawa semua orang akan percaya kepada Kristus, dan merenung kematian-Nya, dan menderita salib-Nya dan menanggung penghinaan daripada dunia; oleh kerana itu, aku, Yakub, mengambilnya ke atas diriku untuk memenuhi perintah dari saudaraku Nephi.

9 Sekarang, Nephi mulai menjadi tua, dan dia melihat bahawa dia mesti segera mati; oleh kerana itu, dia menyapu minyak pada seorang lelaki untuk menjadi raja dan pemerintah atas bangsanya sekarang, menurut pemerintahan para raja.

10 Orang telah amat mengasihi Nephi, kerana dia telah menjadi pelindung besar bagi mereka, telah menggunakan pedang Laban dalam pertahanan mereka, dan telah bekerja sepanjang hidupnya untuk kesejahteraan mereka—

11 Oleh kerana itu, orang ramai berhasrat untuk mengekalkan namanya dalam ingatan. Dan barang siapa yang akan memerintah sebagai penggantinya akan dipanggil oleh orang, Nephi kedua, Nephi ketiga, dan seterusnya, menurut pemerintahan para raja; dan demikianlah mereka dipanggil

oleh orang, walau apa pun nama mereka.

12 Dan terjadilah bahawa Nephi meninggal dunia.

13 Sekarang, orang yang bukan bangsa Laman adalah bangsa Nephi; walaupun demikian, mereka dipanggil bangsa Nephi, orang Yakub, orang Yusuf, orang Zoram, bangsa Laman, orang Lemuel, dan orang Ismael.

14 Tetapi aku, Yakub, setelah ini tidak akan membezakan mereka berdasarkan nama-nama ini, tetapi aku akan memanggil mereka bangsa Laman yang berupaya untuk menghancurkan bangsa Nephi, dan mereka yang mesra dengan Nephi akan aku panggil bangsa Nephi, atau bangsa Nephi, menurut pemerintahan para raja.

15 Dan sekarang, terjadilah bahawa bangsa Nephi, di bawah pemerintahan raja kedua, mulai menjadi keras dalam hati mereka, dan agak memanjakan diri mereka dalam amalan-amalan jahat, misalnya seperti Daud dahulukala yang menghasratkan ramai isteri dan gundik, dan juga Salomo, puteranya.

16 Ya, dan mereka juga mulai mencari banyak emas dan perak, dan mulai menjadi agak terangkat-angkat dalam keangkuhan.

17 Oleh kerana itu aku, Yakub, memberikan kepada mereka perkataan-perkataan ini sewaktu aku mengajar mereka di dalam bait suci, setelah lebih dahulu mendapatkan tugas suruhanku daripada Tuhan.

18 Kerana aku, Yakub, dan

adikku Yusuf telah ditahbiskan sebagai imam dan pengajar bagi umat ini, oleh tangan Nefi.

19 Dan kami mengembangkan jawatan kami bagi Tuhan, mengambil ke atas diri kami tanggungjawab, mempertanggungjawabkan dosa-dosa dari umat ini ke atas kepala kami sendiri jika kami tidak mengajarkan kepada mereka firman Tuhan dengan sepenuh ketekunan; oleh kerana itu, dengan bekerja dengan segala daya kami, darah mereka mungkin tidak datang ke atas pakaian kami; jika tidak darah mereka akan datang ke atas pakaian kami, dan kami tidak akan didapati tanpa noda pada hari terakhir.

BAB 2

Yakub mencela cinta akan kekayaan, keangkuhan, dan ketidaksucian—Orang boleh mencari kekayaan untuk menolong sesama manusia—Yakub mengecam amalan pernikahan jamak yang tidak sah—Tuhan senang akan kesucian kaum wanita. Kira-kira 544–421 tahun S.M.

PERKATAAN-PERKATAAN yang Yakub, adik Nefi, ucapkan kepada bangsa Nefi, setelah kematian Nefi:

2 Sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku, Yakub, menurut tanggungjawab aku kepada Tuhan, untuk mengembangkan jawatanku dengan kesungguhan, dan agar aku boleh menanggalkan daripada pakaianku dosa-dosamu, aku naik ke dalam bait suci hari

ini agar aku boleh memaklumkan kepadamu firman Tuhan.

3 Dan kamu sendiri tahu bahawa aku hingga kini telah tekun dalam jawatan panggilanku; tetapi aku hari ini tertekan oleh lebih banyak hasrat dan kegelisahan untuk kesejahteraan jiwamu daripada yang sebelum ini aku rasakan.

4 Kerana lihatlah, sampai saat ini, kamu telah patuh pada firman Tuhan, yang telah aku berikan kepadamu.

5 Tetapi lihatlah, dengarlah kamu kepadaku, dan ketahuilah bahawa melalui pertolongan dari Pencipta langit dan bumi yang maha berkuasa aku dapat memberitahu kamu berkenaan fikiran-fikiranmu, bagaimana kamu sedang mula mengerjakan dosa, yang dosa itu tampaknya sangat keji bagiku, ya, dan keji bagi Tuhan.

6 Ya, hal itu memilukan jiwaku dan menyebabkanku berundur kerana rasa malu di hadapan hadirat Penciptaku, bahawa aku mesti bersaksi kepadamu berkenaan kejahatan hatimu.

7 Dan juga memilukan bagiku bahawa aku mesti menggunakan demikian banyak ketajaman dalam ucapan berkenaan kamu, di hadapan isteri dan anakmu, ramai yang perasaan mereka amatlah lembut dan suci dan halus di hadapan Tuhan, yang hal itu menyenangkan bagi Tuhan;

8 Dan aku kira bahawa mereka telah datang kemari untuk mendengar firman Tuhan yang menyenangkan, ya, firman

yang menyembuhkan jiwa yang terluka.

9 Oleh kerana itu, ia membebani jiwaku bahawa aku mesti dipaksa, kerana perintah ketat yang telah aku terima daripada Tuhan, untuk menginsafkanmu menurut jenayah-jenayahmu, untuk memperbesarkan luka-luka mereka yang telah terluka, alih-alih melipur dan menyembuhkan luka mereka; dan mereka yang tidak terluka, alih-alih menjamukan diri dengan firman Tuhan yang menyenangkan telah merasakan pisau belati disusun untuk menusuk jiwa mereka dan melukai fikiran halus mereka.

10 Tetapi, walaupun besarnya tugas itu, aku mesti melakukan menurut perintah-perintah yang ketat daripada Tuhan, dan memberitahu kamu berkenaan kejahatan dan kekejianmu, di hadapan yang murni hatinya, dan hati yang hancur, dan di bawah pandangan sekilas oleh mata menusuk daripada Tuhan Yang Maha Berkuasa.

11 Oleh kerana itu, aku mesti memberitahu kamu kebenaran menurut kejelasan firman Tuhan. Kerana lihatlah, sewaktu aku bertanya kepada Tuhan, demikianlah datang firman kepadaku, memfirmankan: Yakub, pergilah engkau ke dalam bait suci esok hari, dan maklumkanlah firman yang akan Aku berikan kepadamu kepada bangsa ini.

12 Dan sekarang, lihatlah, saudara-saudaraku, inilah firman yang aku maklumkan kepadamu,

bahawa ramai di antara kamu telah mula mencari emas, dan perak, dan segala macam bijih logam berharga, di mana negeri ini, yang adalah negeri yang dijanjikan bagimu dan bagi keturunanmu, berlimpah ruah dengan teramat banyak sekali.

13 Dan tangan pemeliharaan telah tersenyum kepadamu dengan paling menyenangkan, sehingga kamu telah mendapatkan banyak kekayaan; dan kerana sebahagian daripada kamu telah mendapatkan lebih berlimpahan daripada yang dari saudara-saudaramu kamu terangkat-angkat dalam keangkuhan hatimu, dan menjenjangkan leher dan mendongakkan kepala kerana mahalanya busanamu, dan menganiaya saudara-saudaramu kerana kamu mengira bahawa kamu lebih baik daripada mereka.

14 Dan sekarang, saudara-saudaraku, adakah kamu mengira bahawa Tuhan membenarkanmu dalam hal ini? Lihatlah, aku berkata kepadamu, Tidak. Tetapi Dia menghukummu, dan jika kamu berkeras dalam hal-hal ini penghakiman-Nya mestilah selekasnya datang kepadamu.

15 Ah, semoga Dia akan memperlihatkan kepadamu bahawa Dia dapat menusukmu, dan dengan satu pandangan sekilas mata-Nya Dia dapat menghentammu ke debu!

16 Ah, semoga Dia akan membersihkanmu daripada kederhakaan dan kekejian ini. Dan, Ah, semoga kamu akan mendengarkan kepada

perkataan perintah-perintah-Nya, dan janganlah biarkan keangkuhan hatimu ini menghancurkan jiwamu!

17 Anggaphlah saudara-saudaramu seperti dirimu sendiri, dan jadilah ramah-tamah dengan semua orang dan murah hati dengan harta kekayaanmu, agar mereka boleh menjadi kaya seperti kamu.

18 Tetapi sebelum kamu mencari kekayaan, carilah kamu kerajaan Tuhan.

19 Dan setelah kamu mendapat harapan di dalam Kristus kamu akan mendapat kekayaan, jika kamu mencarinya; dan kamu akan mencarinya untuk maksud melakukan yang baik—memberi pakaian kepada yang telanjang, dan memberi makan kepada yang lapar, dan membebaskan yang tertawan, dan memberi pertolongan kepada yang sakit dan yang sengsara.

20 Dan sekarang, saudara-saudaraku, aku telah berbicara kepadamu berkenaan keangkuhan; dan mereka dari antara kamu yang telah menyengsarakan sesama sendiri, dan menganiayakannya kerana kamu angkuh dalam hatimu, tentang apa yang telah Tuhan berikan kepadamu, apa katamu berkenaan itu?

21 Tidakkah kamu mengira bahawa hal yang sebegitu adalah keji bagi Dia yang menciptakan semua daging? Dan satu makhluk adalah sama berharganya dalam pandangan-Nya seperti yang lain. Dan semua daging adalah

daripada debu; dan untuk tujuan yang sama telah Dia ciptakan mereka, agar mereka akan menaati perintah-perintah-Nya dan memuliakan-Nya selama-lamanya.

22 Dan sekarang, aku mengakhiri pembicaraan kepadamu berkenaan keangkuhan ini. Dan seandainya bukanlah bahawa aku mesti berbicara kepadamu berkenaan jenayah yang lebih teruk, hatiku akan amat bersukacita keranamu.

23 Tetapi firman Tuhan membebhaniku kerana jenayahmu yang lebih teruk. Kerana lihatlah, demikianlah firman Tuhan: Umat ini mulai menjadi-jadi dalam kederhakaan; mereka tidak memahami tulisan suci, kerana mereka berupaya untuk memaafkan diri mereka sendiri dalam berbuat pelacuran, kerana apa yang dituliskan berkenaan Daud, dan Salomo puteranya.

24 Lihatlah, Daud dan Salomo benar-benar memiliki ramai isteri dan gundik, yang hal itu adalah keji di hadapan-Ku, firman Tuhan.

25 Oleh kerana itu, demikianlah firman Tuhan, Aku telah menuntun umat ini keluar dari negeri Yerusalem, oleh kuasa lengan-Ku, agar Aku boleh membangkitkan bagi-Ku suatu cabang yang soleh daripada buah aurat Yusuf.

26 Oleh kerana itu, Aku Tuhan Raja tidak akan membiarkan bahawa umat ini melakukan seperti mereka yang dari dahulukala.

27 Oleh kerana itu, saudara-saudaraku, dengarlah aku, dan semaklah firman Tuhan: Kerana

tidak akan ada sesiapa pun di antara kamu yang memiliki lebih daripada seorang isteri; dan gundik tidak akan dia miliki seorang pun;

28 Kerana Aku, Tuhan Raja, senang akan kesucian kaum wanita. Dan pelacuran adalah suatu kekejian di hadapan-Ku; demikianlah firman Tuhan Semesta Alam.

29 Oleh kerana itu, umat ini akan mentaati perintah-perintah-Ku, firman Tuhan Semesta Alam, atau terkutuklah negeri ini kerana tindakan mereka.

30 Kerana jika Aku hendak, firman Tuhan Semesta Alam, membangkitkan keturunan bagi-Ku, Aku akan memerintahkan umat-Ku; jika tidak mereka akan menyemak hal-hal ini.

31 Kerana lihatlah, Aku, Tuhan, telah nampak dukacita, dan mendengar ratapan para puteri umat-Ku di negeri Yerusalem, ya, dan di semua negeri umat-Ku, kerana kejahatan dan kekejian para suami mereka.

32 Dan Aku tidak akan membiarkan, firman Tuhan Semesta Alam, bahawa seruan para puteri cantik daripada umat ini, yang telah Aku tuntun keluar dari negeri Yerusalem, akan naik kepada-Ku menentang kaum lelaki umat-Ku, firman Tuhan Semesta Alam.

33 Kerana mereka tidak akan menuntun pergi tertawan para puteri umat-Ku kerana kelemahan mereka, kecuali Aku akan mengunjungi mereka dengan kutukan yang parah, bahkan sampai kehancuran; kerana mereka tidak

akan melakukan pelacuran, seperti mereka yang dari dahulukala, firman Tuhan Semesta Alam.

34 Dan sekarang, lihatlah, saudara-saudaraku, kamu tahu bahawa perintah-perintah ini diberikan kepada bapa kita, Lehi; oleh kerana itu, kamu telah mengetahuinya sebelum itu; dan kamu telah sampai pada penghukuman yang hebat; kerana kamu telah melakukan hal-hal ini yang seharusnya tidak kamu lakukan.

35 Lihatlah, kamu telah melakukan kederhakaan yang lebih besar daripada bangsa Laman, saudara-saudara kita. Kamu telah menghancurkan hati isteri-isterimu yang lembut, dan kehilangan kepercayaan anak-anakmu, kerana teladan burukmu di hadapan mereka; dan sedu-sedan hati mereka naik kepada Tuhan menentangmu. Dan kerana ketatnya firman Tuhan, yang datang turun menentangmu, banyak hati yang mati, tertusuk dengan luka yang dalam.

BAB 3

Mereka yang murni hati menerima firman Tuhan yang menyenangkan—Kesolehan bangsa Laman melampaui yang daripada bangsa Nefi—Yakub memperingatkan terhadap permukahan, kegasangan, dan setiap dosa. Kira-kira 544–421 tahun S.M.

TETAPI lihatlah, aku, Yakub, hendak berbicara kepadamu yang murni hatinya. Pandanglah kepada Tuhan dengan keteguhan

fikiran, dan berdoa kepada-Nya dengan iman yang amat besar, dan Dia akan melipurmu dalam kesengsaraanmu, dan Dia akan membela hal kamu, dan menurunkan keadilan ke atas diri mereka yang mengupayakan kehancuranmu.

2 Wahai kamu semua yang murni hatinya, angkatlah kepalamu dan terimalah firman Tuhan yang menyenangkan, dan jamuilah diri dengan kasih-Nya; kerana kamu boleh, jika fikiranmu teguh, selama-lamanya.

3 Tetapi, celakalah, celakalah, bagimu yang tidak murni hatinya, yang kotor hari ini di hadapan Tuhan; kerana kecuali kamu bertaubat negeri ini terkutuk akibat tindakanmu; dan bangsa Laman, yang tidak kotor sepertimu, walaupun demikian mereka dikutuk dengan kutukan yang parah, akan mencambukmu bahkan sampai kehancuran.

4 Dan waktunya cepat tiba, bahawa kecuali kamu bertaubat mereka akan memiliki negeri warisanmu, dan Tuhan Raja akan menuntun pergi yang soleh keluar dari antara kamu.

5 Lihatlah, bangsa Laman saudara-saudaramu, yang kamu benci kerana kekotoran mereka dan kutukan yang telah datang ke atas kulit mereka, adalah lebih soleh daripada kamu; kerana mereka tidak melupakan perintah Tuhan, yang diberikan kepada bapa kita—bahawa mereka hendaknya memiliki hanya seorang isteri, dan gundik hendaknya

tidak mereka miliki seorang pun, dan hendaknya tidak ada pelacuran yang dilakukan di kalangan mereka.

6 Dan sekarang, perintah ini mereka berusaha mentaati; oleh kerana itu, kerana ketaatan ini, dalam mentaati perintah ini, Tuhan Raja tidak akan menghancurkan mereka, tetapi akan berbelas kasih kepada mereka; dan suatu hari mereka akan menjadi bangsa yang diberkati.

7 Lihatlah, para suami mereka mengasihi isteri mereka, dan para isteri mereka mengasihi suami mereka; dan para suami mereka dan para isteri mereka mengasihi anak-anak mereka; dan ketidakpercayaan mereka dan kebencian mereka terhadapmu adalah kerana kederhakaan nenek moyang mereka; oleh kerana itu, seberapa lebih baiknya kamu daripada mereka, dalam pandangan Penciptamu yang agung?

8 Wahai saudara-saudaraku, aku takut bahawa kecuali kamu akan bertaubat daripada dosadosamu maka kulit mereka akan menjadi lebih putih daripada yang dimilikimu, ketika kamu akan dibawa bersama mereka ke hadapan takhta Tuhan.

9 Oleh kerana itu, sebuah perintah aku berikan kepadamu, yang adalah firman Tuhan, bahawa kamu tidak lagi mencaci maki mereka kerana kegelapan kulit mereka; tidak juga akan kamu mencaci maki mereka kerana kekotoran mereka; tetapi kamu akan

mengingati kekotoranmu sendiri, dan ingatlah bahawa kekotoran mereka datang kerana nenek moyang mereka.

10 Oleh kerana itu, kamu akan mengingati anak-anakmu, bagaimana kamu telah memilukan hati mereka kerana teladan yang telah kamu tunjukkan di hadapan mereka; dan juga, ingatlah bahawa kamu boleh, kerana kekotoranmu, membawa anak-anakmu pada kehancuran, dan dosa-dosa mereka akan ditimpakan ke atas kepalamu pada hari terakhir.

11 Wahai saudara-saudaraku, dengarlah kata-kataku; bangkitkanlah kecakapan jiwamu; goncangkanlah dirimu agar kamu boleh terbangun daripada kelelahan kematian; dan lepaskanlah dirimu daripada rasa sakit neraka agar kamu boleh tidak menjadi malaikat bagi iblis, untuk dilemparkan ke dalam tasik api dan belerang itu yang adalah kematian kedua.

12 Dan sekarang, aku, Yakub, berbicara lebih banyak hal lagi kepada bangsa Nefi, memperingatkan mereka terhadap permukahan dan kegasangan nafsu, dan setiap jenis dosa, memberitahu mereka akibat yang menyeramkan daripadanya.

13 Dan seperseratus bahagian daripada tindakan bangsa ini, yang sekarang mulai menjadi banyak, tidak dapat dituliskan di atas kepingan-kepingan ini; tetapi banyak di antara tindakan mereka dituliskan di atas kepingan-kepingan yang lebih besar, dan

peperangan-peperangan mereka, dan perselisihan-perselisihan mereka, dan pemerintahan-pemerintahan para raja mereka.

14 Kepingan-kepingan ini dipanggil kepingan-kepingan Yakub, dan ianya dibuat oleh tangan Nefi. Dan aku mengakhiri membicarakan kata-kata ini.

BAB 4

Semua nabi menyembah Bapa dalam nama Kristus—Persembahan Abraham, iaitu Ishak, adalah dalam kemiripan dengan Tuhan dan Anak Tunggal-Nya—Manusia patut memperdamaikan diri mereka dengan Tuhan melalui Korban Tebusan—Orang Yahudi akan menolak batu asas. Kira-kira 544–421 tahun S.M.

SEKARANG, lihatlah, terjadilah bahawa aku, Yakub, setelah banyak melayani bangsaku dalam perkataan, (dan aku tidak dapat menuliskan kecuali sedikit daripada kata-kataku, kerana kesulitan mengukirkan kata-kata kami di atas kepingan-kepingan) dan kami tahu bahawa apa yang kami tuliskan di atas kepingan-kepingan mestilah tetap bertahan;

2 Tetapi apa pun yang kita tuliskan di atas apa pun kecuali di atas kepingan-kepingan mestilah musnah dan lenyap; tetapi kita dapat menuliskan beberapa patah kata di atas kepingan-kepingan, yang akan memberikan anak-anak kita, dan juga saudara-saudara kita yang dikasihi, sedikit pengetahuan

berkenaan kita, atau berkenaan nenek moyang mereka—

3 Sekarang, dalam hal ini kita bersukacita; dan kita bekerja dengan tekun untuk mengukirkan kata-kata ini di atas kepingan-kepingan, berharap bahawa saudara-saudara kita yang dikasihi dan anak-anak kita akan menerimanya dengan hati penuh kesyukuran, dan membacanya dengan teliti agar mereka boleh belajar dengan sukacita dan bukan dengan dukacita, atau dengan sikap memandang rendah, berkenaan ibubapa pertama mereka.

4 Kerana, untuk maksud inilah telah kita tuliskan hal-hal ini, agar mereka boleh tahu bahawa kita tahu tentang Kristus, dan kita memiliki suatu harapan akan kemuliaan-Nya beratus-ratus tahun sebelum kedatangan-Nya; dan bukan hanya diri kita sendiri yang memiliki harapan akan kemuliaan-Nya, tetapi juga semua nabi kudus yang ada sebelum kita.

5 Lihatlah, mereka percaya kepada Kristus dan menyembah Bapa dalam nama-Nya, dan juga kita menyembah Bapa dalam nama-Nya. Dan untuk maksud inilah kita mentaati hukum Musa, kerana ia mengarahkan jiwa kita kepada-Nya; dan untuk alasan inilah, ia dikuduskan bagi kita sebagai kesolehan, bahkan seperti ianya diperhitungkan bagi Abraham di padang belantara untuk patuh pada perintah-perintah Tuhan dalam mempersembahkan puteranya Ishak, yang adalah

kemiripan dengan Tuhan dan Putera Tunggal-Nya.

6 Oleh kerana itu, kita menyelidiki para nabi, dan kita memperoleh banyak wahyu dan roh nubuat; dan memiliki semua kesaksian ini kita mendapatkan harapan, dan iman kita menjadi tak tergoncang, sedemikian rupa sehingga kita benar-benar dapat memerintahkan dalam nama Yesus dan bahkan pokok-pokok mematuhi kita, atau gunung-ganang, atau ombak laut.

7 Walaupun demikian, Tuhan Raja memperlihatkan kepada kita kelemahan kita agar kita boleh tahu bahawa adalah melalui rahmat-Nya, dan perendahan diri-Nya yang besar bagi anak-anak manusia, bahawa kita memiliki kuasa untuk melakukan hal-hal ini.

8 Lihatlah, besar dan menakjubkannya pekerjaan Tuhan. Betapa tak terselidikinya kedalaman misteri-misteri tentang Dia; dan tidak mungkin bahawa manusia akan mengetahui semua jalan-Nya. Dan tak seorang pun tahu tentang jalan-Nya kecuali hal itu diungkapkan kepadanya; oleh kerana itu, saudara-saudara, janganlah meremehkan wahyu-wahyu daripada Tuhan.

9 Kerana lihatlah, melalui kuasa firman-Nya manusia datang ke atas muka bumi, yang bumi itu diciptakan melalui kuasa firman-Nya. Oleh kerana itu, jika Tuhan sanggup berfirman dan dunia pun terjadi, dan berfirman dan manusia pun tercipta, ya maka, mengapa tidak sanggup memerintahkan

bumi, atau hasil karya tangan-Nya di atas permukaannya, menurut kehendak dan kesenangan-Nya?

10 Oleh kerana itu, saudara-saudara, janganlah berupaya untuk menasihati Tuhan, tetapi untuk menerima nasihat dari tangan-Nya. Kerana lihatlah, dirimu sendiri tahu bahawa Dia menasihati dalam kebijaksanaan, dan dalam keadilan, dan dalam belas kasihan yang besar, atas segala pekerjaan-Nya.

11 Oleh kerana itu, saudara-saudara yang dikasihi, diperdamikanlah dengan Dia melalui korban tebusan Kristus, Putera Tunggal-Nya, dan kamu boleh mendapatkan kebangkitan, menurut kuasa kebangkitan yang ada di dalam Kristus, dan dipersembahkan sebagai buah-buah hasil pertama Kristus kepada Tuhan, memiliki iman, dan mendapatkan harapan yang baik untuk kemuliaan di dalam Dia sebelum Dia menyatakan diri-Nya dalam daging.

12 Dan sekarang, yang terkasih, janganlah tertakjub bahawa aku memberitahu kamu hal-hal ini; kerana menggapakah tidak berbicara tentang korban tebusan Kristus, dan mencapai suatu pengetahuan sempurna tentang-Nya, seperti mencapai pengetahuan tentang kebangkitan dan dunia yang akan datang?

13 Lihatlah, saudara-saudaraku, dia yang bernubuat, biarlah dia bernubuat untuk pengertian manusia; kerana Roh mengucapkan kebenaran dan tidak berdusta.

Oleh kerana itu, ia berbicara tentang hal-hal sebagaimana ianya wujud pada hakikatnya, dan tentang hal-hal sebagaimana ianya benar-benar akan terjadi; oleh kerana itu, hal-hal ini dinyatakan kepada kita dengan jelas, untuk keselamatan jiwa kita. Tetapi lihatlah, kita bukanlah para saksi tunggal dalam hal-hal ini; kerana Tuhan juga memfirmankannya kepada para nabi zaman dahulukala.

14 Tetapi lihatlah, orang Yahudi adalah bangsa yang tegar leher; dan mereka meremehkan firman kejelasan, dan membunuh para nabi, dan mencari apa yang tidak dapat mereka faham. Oleh kerana itu, akibat kebutaan mereka, yang kebutaan itu datang melalui memandang melampaui sasaran, mereka mestilah perlu jatuh; kerana Tuhan telah mengambil kejelasan-Nya daripada mereka, dan menyampaikan kepada mereka banyak hal yang tidak dapat mereka faham, kerana mereka menghasratkannya. Dan kerana mereka menghasratkannya Tuhan telah melakukannya, agar mereka boleh tersandung.

15 Dan sekarang, aku, Yakub, dituntun oleh Roh untuk bernubuat; kerana aku merasakan melalui ilham daripada Roh yang ada dalam diriku, bahawa melalui tersandungnya orang Yahudi mereka akan menolak batu itu yang di atasnya mereka boleh membangun dan memiliki dasar yang aman.

16 Tetapi lihatlah, menurut tulisan suci, batu ini akan menjadi

dasar yang besar, dan yang terakhir, dan satu-satunya yang pasti, yang di atasnya orang Yahudi dapat membangun.

17 Dan sekarang, yang terkasihku, bagaimana mungkin bahawa mereka ini, setelah menolak dasar yang pasti, dapat senantiasa membangun di atasnya, sehingga itu boleh menjadi batu penjuru utama mereka?

18 Lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku akan membentangkan misteri ini bagimu; jika aku tidak, melalui cara apa pun, menjadi tergoncang daripada keteguhanku di dalam Roh, dan tersandung kerana kegelisahanku yang berlebihan bagimu.

BAB 5

Yakub memetik kata-kata Zenos berhubungan dengan kiasan tentang pokok zaitun yang terpelihara dan yang liar—Itu adalah suatu keserupaan akan Israel dan orang bukan Yahudi—Pencerai-beraian dan pengumpulan Israel diperlambangkan sebelumnya—Kilasan dibuat bagi bangsa Neftali dan bangsa Laman dan seluruh bani Israel—Orang bukan Yahudi akan dicantumkan ke dalam Israel—Pada akhirnya ladang anggur itu akan dibakar. Kira-kira 544-421 tahun S.M.

LIHATLAH, saudara-saudaraku, tidakkah kamu ingat telah membaca kata-kata nabi Zenos, yang dia ucapkan kepada bani Israel, mengatakan:

2 Dengarlah, Wahai kamu bani Israel, dan dengarlah kata-kata daripadaku, seorang nabi Tuhan.

3 Kerana lihatlah, demikianlah firman Tuhan, Aku akan menyamakan engkau, Wahai bani Israel, seperti sebatang pokok zaitun yang terpelihara, yang seseorang telah ambil dan pelihara di ladang anggurnya; dan ia tumbuh, dan menjadi tua, dan mulai mereput.

4 Dan terjadilah bahawa tuan ladang anggur itu pergi, dan dia melihat bahawa pokok zaitunnya mulai reput; dan dia berkata: Aku akan memangkasnya, dan mencangkul di sekitarnya, dan memeliharanya, agar barangkali ia boleh bertunaskan cabang-cabang muda dan lembut, dan tidak musnah.

5 Dan terjadilah bahawa dia memangkasnya, dan mencangkul di sekitarnya, dan memeliharanya menurut perkataannya.

6 Dan terjadilah bahawa setelah sehari-hari ia mulai sedikit mengeluarkan, cabang-cabang yang muda dan lembut; tetapi lihatlah, puncak utamanya mulai mati.

7 Dan terjadilah bahawa tuan ladang anggur itu melihatnya, dan dia berkata kepada orang suruhannya: Memilukan bagiku bahawa aku akan kehilangan pokok ini; oleh kerana itu, pergi dan cabutlah cabang-cabang dari sebatang pokok zaitun liar, dan bawakannya kemari kepadaku; dan kita akan mencabut cabang-cabang utama itu yang mulai layu, dan kita akan melemparkannya ke dalam api agar ia boleh dibakar.

8 Dan lihatlah, berkatalah Tuan ladang anggur itu, aku menyingkirkan banyak daripada cabang-cabang yang muda dan lembut ini, dan aku akan mencantumkan di mana pun yang aku mahu; dan hal itu tidak penting, bahawa jika demikian halnya bahawa akar pokok ini akan musnah, aku boleh menyimpan buahnya bagi diriku sendiri; oleh kerana itu, aku akan mengambil cabang-cabang yang muda dan lembut ini, dan aku akan mencantumkan di mana pun yang aku mahu.

9 Ambillah engkau cabang-cabang pokok zaitun liar, dan cantumkan, sebagai penggantinya; dan ini yang telah aku cabut akan aku lemparkan ke dalam api dan membakarnya, agar ia boleh tidak menyampahi tanah ladang anggurku.

10 Dan terjadilah bahawa orang suruhan Tuan ladang anggur itu melakukan menurut perkataan Tuan ladang anggur itu, dan mencantumkan cabang-cabang pokok zaitun liar.

11 Dan Tuan ladang anggur itu menyuruh agar ia hendaknya dicangkul di sekitarnya, dan dipangkas, dan dipelihara, mengatakan kepada orang suruhannya: Memilukan bagiku bahawa aku akan kehilangan pokok ini; oleh kerana itu, agar barangkali aku boleh memelihara akarnya agar ia tidak musnah, agar aku boleh menyimpannya bagi diriku sendiri, aku telah melakukan hal ini.

12 Oleh kerana itu, pergilah

kembali ke jalanmu; jagalah pokok itu, dan peliharanyalah, menurut kata-kataku.

13 Dan ini akan aku tempatkan di bahagian paling jauh di ladang anggurku, di mana pun aku kehendaki, bukanlah masalah bagimu; dan aku melakukannya agar aku boleh memelihara bagi diriku sendiri cabang-cabang semula jadi pokok itu; dan juga, agar aku boleh menyimpan buahnya menghadapi musim, bagi diriku sendiri; kerana memilukan bagiku bahawa aku akan kehilangan pokok ini dan buahnya.

14 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu pergi ke jalannya, dan menyembunyikan cabang-cabang semula jadi pokok zaitun yang terpelihara di bahagian-bahagian paling jauh ladang anggur itu, beberapa cabang di satu bahagian dan beberapa cabang di bahagian yang lain, menurut kehendak dan kesenangannya.

15 Dan terjadilah bahawa suatu masa yang lama berlalu, dan Tuan ladang anggur itu berkata kepada orang suruhannya: Mari, biarlah kita pergi ke ladang anggur, agar kita boleh bekerja di ladang anggur itu.

16 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu, dan juga orang suruhan itu, pergi ke ladang anggur untuk bekerja. Dan terjadilah bahawa orang suruhan itu berkata kepada tuannya: Lihat, lihatlah ke sini; lihatlah pokok itu.

17 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu melihat dan

nampak pokok di mana cabang-cabang pokok zaitun liar telah dicantumkan; dan ia telah tumbuh dan mulai menghasilkan buah. Dan dia melihat bahawa ianya adalah baik; dan buahnya adalah seperti buah semula jadinya.

18 Dan dia berkata kepada orang suruhan itu: Lihatlah, cabang-cabang pokok liar telah mengambil kelembapan daripada akarnya, sehingga akarnya telah menghasilkan banyak kekuatan; dan kerana kekuatan besar akarnya itu cabang-cabang liar itu telah menghasilkan buah yang terpelihara. Sekarang, jika kita tidak mencantumkan cabang-cabang ini, pokoknya akan telah musnah. Dan sekarang, lihatlah, aku akan menyimpan banyak buah, yang pokoknya telah hasilkan; dan buahnya akan aku simpan menghadapi musim, bagi diriku sendiri.

19 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu berkata kepada orang suruhannya: Marilah, biarlah kita pergi ke bahagian paling jauh ladang anggur, dan melihat sama ada cabang-cabang semula jadi pokok itu tidak menghasilkan banyak buah juga, agar aku boleh menyimpan buahnya menghadapi musim, bagi diriku sendiri.

20 Dan terjadilah bahawa mereka pergi ke mana tuan itu telah menyembunyikan cabang-cabang semula jadi pokok itu, dan dia berkata kepada orang suruhan itu: Lihatlah ini; dan dia melihat yang pertama bahawa ia telah

menghasilkan banyak buah; dan dia melihat juga bahawa ianya baik. Dan dia berkata kepada orang suruhan itu: Ambillah buahnya, dan simpankannya menghadapi musim, agar aku boleh menyimpannya bagi diriku sendiri; kerana lihatlah, katanya, sepanjang waktu yang lama ini telah aku peliharakannya, dan ia telah menghasilkan banyak buah.

21 Dan terjadilah bahawa orang suruhan itu berkata kepada tuannya: Mengapa tuan datang kemari untuk menanam pokok ini, atau cabang pokok ini? Kerana lihatlah, tempat itu adalah bidang tanah yang paling gersang di seluruh tanah ladang anggurmu.

22 Dan Tuan ladang anggur itu berkata kepadanya: Janganlah menasihatiaku; Aku tahu bahawa itu adalah sebidang tanah yang gersang; oleh kerana itu, aku berkata kepadamu, aku telah memeliharanya sepanjang waktu yang lama ini, dan engkau lihat bahawa ia telah menghasilkan banyak buah.

23 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu berkata kepada orang suruhannya: Pandanglah ke sini; lihatlah aku telah menanam cabang yang lain dari pokok itu juga; dan engkau tahu bahawa bidang tanah ini lebih gersang daripada yang pertama. Tetapi, lihatlah pokok itu. Aku telah memeliharanya sepanjang waktu yang lama ini, dan ia telah menghasilkan banyak buah; oleh kerana itu, kumpulkannya,

dan simpankannya menghadapi musim, agar aku boleh menyimpannya bagi diriku sendiri.

24 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu berkata lagi kepada orang suruhannya: Pandanglah ke sini, dan lihatlah cabang yang lain juga, yang telah aku tanam; lihatlah bahawa aku telah memeliharanya juga, dan ia telah menghasilkan buah.

25 Dan dia berkata kepada orang suruhan itu: Pandanglah ke sini dan lihatlah yang terakhir. Lihatlah, ini telah aku tanam di sebidang tanah yang baik; dan aku telah memeliharanya sepanjang waktu yang lama ini, dan hanya sebahagian pokok itu telah menghasilkan buah yang terpelihara, dan bahagian lain pokok itu telah menghasilkan buah yang liar; lihatlah, Aku telah memelihara pokok ini seperti yang lain.

26 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu berkata kepada orang suruhan itu: Cabutlah cabang-cabang yang tidak menghasilkan buah yang baik, dan lemparkannya ke dalam api.

27 Tetapi lihatlah, orang suruhan itu berkata kepadanya: Marilah kita memangkasnya, dan mencangkul di sekitarnya, dan memeliharanya sedikit lama lagi, agar barangkali ia boleh menghasilkan buah yang baik bagimu, agar tuan dapat menyimpannya menghadapi musim.

28 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu dan orang suruhan Tuan ladang anggur itu

memelihara semua buah ladang anggur itu.

29 Dan terjadilah bahawa suatu masa yang lama telah berlalu, dan Tuan ladang anggur itu berkata kepada orang suruhannya: Marilah, biarlah kita pergi ke ladang anggur, agar kita boleh bekerja lagi di ladang anggur itu. Kerana lihatlah, waktunya mendekat, dan akhirnya segera tiba; oleh kerana itu, aku mesti menyimpan buah menghadapi musim, bagi diriku sendiri.

30 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu dan orang suruhan itu pergi ke ladang anggur; dan mereka tiba pada pokok yang cabang-cabang semula jadinya telah dipatahkan, dan cabang-cabang liar telah dicantumkan; dan lihatlah segala jenis buah membebani pokok itu.

31 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu mencuba rasa buah itu, setiap jenis menurut jumlahnya. Dan Tuan ladang anggur itu berkata: Lihatlah, sepanjang waktu yang lama ini telah kita pelihara pokok ini, dan aku telah menyimpan bagi diriku sendiri banyak buah menghadapi musim.

32 Tetapi lihatlah, kali ini ia telah menghasilkan banyak buah, dan tidak ada satu pun antaranya yang baik. Dan lihatlah, ada segala jenis buah yang jelik; dan ianya tidak menguntungkanku apa pun, tidak kira segala kerja kita; dan sekarang, memilukan bagiku bahawa aku akan kehilangan pokok ini.

33 Dan Tuan ladang anggur itu

berkata kepada orang suruhannya: Apakah yang akan kita lakukan dengan pokok itu, agar aku boleh menyimpan lagi buah yang baik darinya bagi diriku sendiri?

34 Dan orang suruhan itu berkata kepada tuannya: Lihatlah, kerana tuan telah mencantumkan cabang-cabang pokok zaitun liar, ia telah memelihara akarnya, sehingga hidup dan tidak musnah; oleh kerana itu tuan lihat bahawa akar itu masih baik.

35 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu berkata kepada orang suruhannya: Pokok itu tidak menguntungkanku apa pun, dan akarnya tidak menguntungkanku apa pun selama ia akan menghasilkan buah yang jelik.

36 Walaupun demikian, aku tahu bahawa akarnya baik, dan untuk tujuanku sendiri aku telah memeliharanya; dan kerana kekuatan besarnya ia telah hingga kini menghasilkan, daripada cabang-cabang liar, buah yang baik.

37 Tetapi lihatlah, cabang-cabang liar telah tumbuh dan telah menguasai akarnya; dan kerana cabang-cabang liar telah menguasai akarnya ia telah menghasilkan banyak buah yang jelik; dan kerana ia telah menghasilkan sedemikian banyaknya buah yang jelik engkau lihat bahawa ia mulai musnah; dan akan segera menjadi matang, sehingga ia boleh dilemparkan ke dalam api, kecuali kita akan melakukan sesuatu baginya untuk memeliharanya.

38 Dan terjadilah bahawa Tuan

ladang anggur itu berkata kepada orang suruhannya: Marilah kita pergi ke bahagian-bahagian yang paling jauh di ladang anggur itu, dan melihat sama ada cabang-cabang semula jadinya juga telah menghasilkan buah yang jelik.

39 Dan terjadilah bahawa mereka pergi ke bahagian-bahagian yang paling jauh di ladang anggur itu. Dan terjadilah bahawa mereka melihat bahawa buah dari cabang-cabang semula jadinya telah menjadi busuk juga; ya, yang pertama dan yang kedua dan juga yang terakhir; dan buah itu semuanya telah menjadi busuk.

40 Dan buah liar dari yang terakhir telah menguasai bahagian pokok itu yang menghasilkan buah yang baik, bahkan sampai cabangnya telah layu dan mati.

41 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu menangis, dan berkata kepada orang suruhan itu: Apa yang dapat aku lakukan lagi untuk ladang anggurku?

42 Lihatlah, aku tahu bahawa semua buah dari ladang anggur itu, kecuali yang ini, telah menjadi busuk. Dan sekarang, ini yang dahulunya telah menghasilkan buah yang baik telah juga menjadi busuk; dan sekarang, semua pokok ladang anggurku tidak baik untuk apa pun kecuali untuk ditebang dan dilemparkan ke dalam api.

43 Dan lihatlah yang terakhir ini, yang cabangnya telah layu, aku telah tanam di sebidang tanah yang baik; ya, bahkan apa yang adalah pilihan bagiku melebihi

semua bahagian lain daripada tanah ladang anggurku.

44 Dan engkau lihat bahawa aku juga menebas apa yang telah menyampahi bidang tanah ini, agar aku boleh menanam pokok ini sebagai penggantinya.

45 Dan engkau lihat bahawa sebahagiannya menghasilkan buah yang baik, dan sebahagiannya menghasilkan buah yang liar; dan kerana aku tidak mencabut cabang-cabangnya dan melemparkannya ke dalam api, lihatlah, ia telah menguasai cabang yang baik sehingga ia telah layu.

46 Dan sekarang, lihatlah, walau segala pemeliharaan yang telah kita berikan kepada ladang anggurku, pokok-pokoknya telah menjadi busuk, sehingga ia tidak menghasilkan buah yang baik; dan ini aku telah harap dapat kekalkan, untuk menyimpan buahnya menghadapi musim, bagi diriku sendiri. Tetapi, lihatlah, ia telah menjadi seperti pokok zaitun liar, dan tidak berharga selain untuk ditebang dan dilemparkan ke dalam api; dan memilukan bagiku bahawa aku akan kehilangan pokok itu.

47 Tetapi apa yang dapat aku lakukan lagi di ladang anggurku? Adakah aku telah mengendurkan tanganku, sehingga aku tidak memeliharanya? Tidak, aku telah memeliharanya, dan aku telah mencangkul di sekitarnya, dan aku telah memangkasnya, dan aku telah memupukinya; dan aku telah mengulurkan tanganku hampir sepanjang hari, dan akhir

itu semakin dekat. Dan memilukan bagiku bahawa aku mesti menebang semua pokok ladang anggurku, dan melemparkannya ke dalam api agar itu mesti dibakar. Siapakah itu yang telah membusukkan ladang anggurku?

48 Dan terjadilah bahawa orang suruhan itu berkata kepada tuannya: Bukankah ketinggian hati ladang anggurmu—bukankah cabang-cabangnya telah menguasai akar yang adalah baik? Dan kerana cabang-cabang telah menguasai akarnya, lihatlah itu tumbuh lebih cepat daripada kekuatan akarnya, mengambil kekuatan bagi dirinya sendiri. Lihatlah, aku berkata, bukankah ini penyebab bahawa pokok-pokok di ladang anggurmu telah menjadi busuk?

49 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu berkata kepada orang suruhan itu: Marilah kita pergi dan menebang pokok-pokok di ladang anggur dan melemparkannya ke dalam api, agar tidak menyampahi tanah ladang anggurku, kerana aku telah melakukannya. Apa yang dapat aku lakukan lagi untuk ladang anggurku?

50 Tetapi, lihatlah, orang suruhan itu berkata kepada Tuan ladang anggur itu: Biarkanlah ia hidup sedikit lebih lama lagi.

51 Dan Tuan itu berkata: Ya, aku akan membiarkannya hidup sedikit lebih lama lagi, kerana memilukan bagiku bahawa aku akan kehilangan pokok-pokok ladang anggurku.

52 Oleh kerana itu, marilah kita mengambil cabang-cabang dari ini yang telah aku tanamkan di bahagian-bahagian yang paling jauh di ladang anggurku, dan marilah kita mencantumkannya ke pokok dari mana ia datang; dan marilah kita mencabut dari pokok itu cabang-cabang itu yang buahnya paling pahit, dan mencantumkan cabang-cabang semula jadi pokok itu sebagai penggantinya.

53 Dan ini akan aku lakukan agar pokok itu boleh tidak musnah, agar, barangkali, aku boleh memelihara bagi diriku akarnya untuk tujuanku sendiri.

54 Dan, lihatlah, akar cabang-cabang semula jadi pokok yang aku tanam di mana pun aku kehendaki masih hidup; oleh kerana itu, agar aku boleh memeliharanya juga untuk tujuanku sendiri, aku akan mengambil dari cabang-cabang pokok ini, dan aku akan mencantumkannya padanya. Ya, aku akan mencantumkan padanya cabang-cabang dari pokok induknya, agar aku boleh memelihara akarnya juga bagi diriku sendiri, agar ketika itu akan menjadi cukup kuat barangkali boleh menghasilkan buah yang baik bagiku, dan aku boleh masih memiliki kepuasan akan buah dari ladang anggurku.

55 Dan terjadilah bahawa mereka mengambil dari pokok semula jadi yang telah menjadi liar, dan mencantumkan pada pokok-pokok semula jadi, yang juga telah menjadi liar.

56 Dan mereka juga mengambil

dari pokok-pokok semula jadi yang telah menjadi liar, dan mencantumkan pada pokok induknya.

57 Dan Tuan ladang anggur itu berkata kepada orang suruhan itu: Janganlah mencabut cabang-cabang liar dari pokok-pokok itu, kecuali itu yang paling pahit; dan di dalamnya kamu akan mencantumkan menurut apa yang telah aku katakan.

58 Dan kita akan memelihara sekali lagi pokok-pokok ladang anggur itu, dan kita akan memangkas cabang-cabangnya; dan kita akan mencabut dari pokok-pokok cabang-cabang itu yang matang, yang mesti musnah, dan melemparkannya ke dalam api.

59 Dan ini akan aku lakukan agar, barangkali, akarnya boleh mengambil kekuatan kerana kebaikannya; dan kerana pergantian cabang-cabangnya, agar yang baik boleh menguasai yang jelik.

60 Dan kerana aku telah memelihara cabang-cabang semula jadi dan akarnya, dan aku telah mencantumkan cabang-cabang semula jadi itu lagi pada pokok induknya, dan telah memelihara akar pokok induknya, agar, barangkali, pokok-pokok ladang anggurku boleh menghasilkan lagi buah yang baik; dan agar aku boleh merasakan sukacita lagi akan buah dari ladang anggurku, dan, barangkali, agar aku boleh amat bersukacita bahawa aku telah memelihara akar dan cabang dari buah yang pertama—

61 Oleh kerana itu, pergilah, dan

panggillah para orang suruhan, agar kita boleh bekerja dengan tekun dengan kekuatan kita di ladang anggur itu, agar kita boleh menyediakan jalan, agar aku boleh menghasilkan lagi buah semula jadi, yang buah semula jadi itu baik dan paling berharga melebihi semua buah yang lain.

62 Oleh kerana itu, marilah kita pergi dan bekerja dengan kekuatan kita terakhir kalinya ini, kerana lihatlah akhir itu semakin dekat, dan ini adalah untuk terakhir kalinya aku akan memangkas ladang anggurku.

63 Cantumkanlah cabang-cabang itu; mulailah dengan yang terakhir agar ianya boleh menjadi yang pertama, dan agar yang pertama boleh menjadi yang terakhir, dan cangkullah di sekitar pokok-pokok itu, baik yang tua mahupun yang muda, yang pertama mahupun yang terakhir; dan yang terakhir mahupun yang pertama, agar semuanya boleh dipelihara sekali lagi untuk kali terakhirnya.

64 Oleh kerana itu, cangkullah di sekitarnya, dan pangkasnyalah, dan bajainya sekali lagi, untuk kali terakhirnya, kerana akhir itu semakin dekat. Dan jika demikian halnya bahawa pencantuman terakhir ini akan tumbuh, dan menghasilkan buah semula jadi, maka akanlah kamu mempersiapkan cara baginya, agar ia boleh tumbuh.

65 Dan sewaktu ia mulai tumbuh kamu akan menyingkirkan cabang-cabang yang menghasilkan

buah yang pahit, menurut kekuatan yang baik dan ukurannya; dan kamu tidak akan menyingkirkan yang jelik darinya semua sekaligus, jangan-jangan akarnya akan menjadi terlalu kuat untuk pencantuman, dan pencantumannya akan musnah, dan aku kehilangan pokok-pokok ladang anggurku.

66 Kerana memilukan bagiku bahawa aku akan kehilangan pokok-pokok ladang anggurku; oleh kerana itu kamu akan menyingkirkan yang jelik menurut seperti tumbuhnya yang baik, agar akar dan puncaknya boleh setara dalam kekuatan, sampai yang baik menguasai yang jelik, dan yang jelik ditebang dan dilemparkan ke dalam api, agar ia tidak menyampahi tanah ladang anggurku; dan demikianlah akan aku sapukan bersih yang jelik keluar dari ladang anggurku.

67 Dan cabang-cabang pokok semula jadi akan aku cantumkan kembali pada pokok semula jadinya;

68 Dan cabang-cabang pokok semula jadi akan aku cantumkan pada cabang-cabang semula jadi pokok itu; dan demikianlah akan aku bawa cabang-cabang itu bersama lagi, agar menghasilkan buah semula jadi, dan ianya akan menjadi satu.

69 Dan yang jelik akan dibuang, ya, bahkan keluar dari seluruh tanah ladang anggurku; kerana lihatlah, hanya kali ini sahaja akan aku pangkas ladang anggurku.

70 Dan terjadilah bahawa Tuan ladang anggur itu mengutus orang suruhan nya; dan orang suruhan itu pergi dan melakukan seperti yang telah Tuan itu perintahkan kepadanya, dan membawa para orang suruhan lain; dan mereka sedikit sahaja.

71 Dan Tuan ladang anggur itu berkata kepada mereka: Pergilah, dan bekerjalah di ladang anggur, dengan kekuatanmu. Kerana lihatlah, ini adalah yang kali terakhirnya aku akan memelihara ladang anggurku; kerana akhir itu sudah akan sampai, dan musim itu cepat tiba; dan jika kamu bekerja dengan kekuatanmu bersamaku kamu akan merasakan sukacita akan buah yang akan aku simpan bagi diriku sendiri menghadapi waktu yang akan segera tiba.

72 Dan terjadilah bahawa para orang suruhan itu pergi dan bekerja dengan kekuatan mereka; dan Tuan ladang anggur itu bekerja juga bersama mereka; dan mereka mematuhi perintah-perintah Tuan ladang anggur itu dalam segala hal.

73 Dan mulai ada buah semula jadi lagi di ladang anggur itu; dan cabang-cabang semula jadi mulai tumbuh dan berkembang dengan amat subur; dan cabang-cabang liar mulai dicabut dan dibuang; dan mereka menjaga akar dan puncaknya setara, menurut kekuatannya.

74 Dan demikianlah mereka bekerja, dengan segenap ketekunan, menurut perintah-perintah Tuan ladang anggur itu, bahkan sampai

yang jelik telah dibuang keluar dari ladang anggur itu, dan Tuan itu telah menyimpan bagi dirinya sendiri sehingga pokok-pokok itu telah kembali menjadi buah semula jadi; dan buah-buah menjadi seperti satu kesatuan; dan buah-buahnya setara; dan Tuan ladang anggur itu telah menyimpan bagi dirinya buah semula jadi, yang adalah paling berharga baginya sejak awal.

75 Dan terjadilah bahawa ketika Tuan ladang anggur itu melihat bahawa buahnya baik, dan bahawa ladang anggurnya tidak lagi busuk, dia memanggil para orang suruhan nya, dan berkata kepada mereka: Lihatlah, untuk kali terakhirnya ini telah kita pelihara ladang anggurku; dan engkau melihat bahawa aku telah melakukan menurut kehendakku; dan aku telah mengekalkan buah semula jadi, yang adalah baik, bahkan seperti adanya pada awalnya. Dan diberkatilah engkau; kerana engkau telah tekun dalam bekerja bersamaku di ladang anggurku, dan telah mentaati perintah-perintahku, dan telah membawa kepadaku kembali buah semula jadi, sehingga ladang anggurku tidak lagi busuk, dan yang jelik dibuang, lihatlah kamu akan merasakan sukacita bersamaku kerana buah dari ladang anggurku.

76 Kerana lihatlah, tempoh masa yang lama akanlah aku simpan buah dari ladang anggurku bagi diriku sendiri menghadapi musim, yang cepat tiba; dan untuk kali

terakhirnya telah aku pelihara ladang anggurku, dan memangkasnya, dan mencangkul di sekitarnya, dan membajainya; oleh kerana itu akan aku simpan bagi diriku sendiri buah itu, untuk tempoh masa yang lama, menurut apa yang telah aku ucapkan.

77 Dan ketika waktunya tiba bahawa buah yang jelik akan kembali masuk ke dalam ladang anggurku, pada waktu itulah akan aku suruh yang baik dan yang jelik untuk dikumpulkan; dan yang baik akan aku simpan bagi diriku sendiri, dan yang buruk akan aku buang ke tempatnya sendiri. Dan kemudian tibalah musimnya dan akhirnya; dan ladang anggurku akanlah aku suruh dibakar dengan api.

BAB 6

Tuhan akan memulihkan Israel pada zaman terakhir—Dunia akan dibakar dengan api—Manusia mesti mengikut Kristus untuk menghindari tasik api dan belerang. Kira-kira 544–421 tahun S.M.

DAN sekarang, lihatlah, saudara-saudaraku, seperti yang aku katakan kepadamu bahawa aku akan bernubuat, lihatlah, inilah nubuatku—bahawa apa yang nabi Zenos ini ucapkan, berkenaan bani Israel, yang di dalamnya dia menyamakan mereka dengan sebatang pokok zaitun yang terpelihara, mestilah pasti terjadi.

2 Dan hari ketika Dia akan

mengangkat tangan-Nya lagi bagi kedua kalinya untuk memulihkan umat-Nya, adalah hari, ya, bahkan yang terakhir kalinya, ketika para hamba Tuhan akan pergi dalam kuasa-Nya, untuk memelihara dan memangkas ladang anggur-Nya; dan setelah itu akhir segera tiba.

3 Dan betapa diberkatinya mereka yang telah bekerja dengan tekun di ladang anggur-Nya; dan betapa terkutuknya mereka yang akan dicampakkan ke tempat mereka sendiri! Dan dunia akan dibakar dengan api.

4 Dan betapa penuh belas kasihannya Tuhan kita kepada kita, kerana Dia mengingati bani Israel, baik akar mahupun cabang; dan Dia menghulurkan tangan-Nya kepada mereka sepanjang hari; dan mereka adalah bangsa yang berleher tegar dan yang suka membangkang; tetapi seramai yang tidak akan mengeraskan hati mereka akan diselamatkan di dalam kerajaan Tuhan.

5 Oleh kerana itu, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku mohon daripadamu dengan kata-kata kesungguhan agar kamu mahu bertaubat, dan datang dengan maksud hati yang sepenuhnya, dan mengikatkan diri kepada Tuhan sebagaimana Dia mengikatkan diri kepadamu. Dan sewaktu lengan belas kasihan-Nya dihulurkan ke arahmu dalam terangnya siang hari, janganlah mengeraskan hatimu.

6 Ya, hari ini, jika kamu mahu mendengar suara-Nya, janganlah

mengeraskan hatimu; kerana mengapa kamu mahu mati?

7 Kerana lihatlah, setelah kamu dipelihara oleh firman yang baik daripada Tuhan sepanjang hari, akankah kamu menghasilkan buah yang jelik, sehingga kamu mesti ditebang dan dilemparkan ke dalam api?

8 Lihatlah, akankah kamu menolak kata-kata ini? Akankah kamu menolak kata-kata para nabi; dan akankah kamu menolak segala perkataan yang telah diucapkan berkenaan Kristus, setelah sedemikian banyaknya yang berbicara berkenaan-Nya; dan menyangkal firman yang baik daripada Kristus, dan kuasa Tuhan, dan kurnia Roh Kudus, dan memadamkan Roh Kudus, dan membuat suatu ejekan tentang rancangan penebusan yang agung, yang telah diwujudkan bagimu?

9 Tidak tahukah kamu bahawa jika kamu akan melakukan hal-hal ini, maka kuasa penebusan dan kebangkitan, yang ada di dalam Kristus, akan membawamu berdiri dengan rasa malu dan rasa bersalah yang menyeramkan di hadapan susuran penghakiman Tuhan?

10 Dan menurut kuasa keadilan, kerana keadilan tidak dapat ditolak, kamu mesti pergi ke dalam tasik api dan belerang itu, yang nyala apinya tidak dapat dipadamkan, dan yang asapnya naik selama-lamanya, yang tasik api dan belerang itu adalah seksaan tanpa akhir.

11 Wahai, maka, saudara-saudaraku yang dikasihi, bertaubatlah kamu, dan masuklah ke dalam di gerbang yang kecil, dan teruslah dalam jalan yang sempit, sampai kamu akan mendapatkan kehidupan kekal.

12 Ya jadilah bijak; apa yang dapat aku katakan lagi?

13 Akhirnya, aku ucapkan kepadamu selamat berpisah, sampai aku akan bertemu denganmu di hadapan susuran penghakiman Tuhan yang menyenangkan, yang susuran penghakiman itu menyering yang jahat dengan rasa ngeri dan rasa takut yang menyeramkan. Amin.

BAB 7

Serem menyangkal Kristus, berselisih pendapat dengan Yakub, menuntut suatu tanda, dan didera oleh Tuhan—Semua nabi telah berbicara tentang Kristus dan korban tebusan-Nya—Bangsa Nefi menjalani masa hidup mereka sebagai pengembara, lahir dalam kesukaran dan dibenci oleh bangsa Laman. Kira-kira 544–421 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah setelah beberapa tahun berlalu, datanglah seorang lelaki di kalangan bangsa Nefi, yang namanya adalah Syerem.

2 Dan terjadilah bahawa dia mulai berkhotbah di kalangan orang itu, dan memaklumkan kepada mereka bahawa tidak akan ada Kristus. Dan dia mengkhutbahkan

banyak hal yang mengangkat-angkat bangsa itu; dan ini dia lakukan agar dia boleh menumbangkan ajaran Kristus.

3 Dan dia bekerja dengan tekun agar dia boleh menyesatkan hati orang, sedemikian rupa sehingga dia menyesatkan banyak hati; dan dia mengetahui bahawa aku, Yakub, memiliki iman kepada Kristus yang akan datang, dia mencari banyak kesempatan agar dia boleh datang kepadaku.

4 Dan dia terpelajar, jadi dia memiliki suatu pengetahuan yang sempurna tentang bahasa orang itu; oleh kerana itu, dia dapat menggunakan banyak kata-kata yang mengangkat, dan banyak kepetahan ucapan, menurut kuasa iblis.

5 Dan dia memiliki harapan untuk menggoncangkanku daripada iman, tidak kira banyaknya wahyu dan banyaknya hal yang telah aku lihat berkenaan hal-hal ini; kerana aku benar-benar telah melihat para malaikat, dan mereka telah melayaniku. Dan juga, aku telah mendengar suara Tuhan berfirman kepadaku bahkan dalam firman pun, dari waktu ke waktu; oleh kerana itu, aku tidak dapat digoncangkan.

6 Dan terjadilah bahawa dia datang kepadaku, dan dengan cara ini dia berbicara kepadaku, mengatakan: Saudara Yakub, aku telah mencari banyak kesempatan agar aku boleh berbicara kepadamu; kerana aku telah mendengar dan juga mengetahui bahawa engkau

banyak merantau, mengkhutbahkan apa yang kamu panggil Injil, atau ajaran Kristus.

7 Dan kamu telah menyesatkan ramai di antara orang ini sehingga mereka menyimpangkan jalan Tuhan yang benar, dan tidak menaati hukum Musa yang adalah jalan yang benar; dan mengubah hukum Musa menjadi penyembahan terhadap makhluk yang kamu katakan akan datang beratus-ratus tahun dari sekarang. Dan sekarang, lihatlah, aku, Serem, memaklumkan kepadamu bahawa ini adalah kata-kata kufur; kerana tiada seorang pun mengetahui tentang hal-hal seperti itu, kerana dia tidak dapat memberitahu tentang apa yang akan datang. Dan menurut cara inilah Serem berbalah menentangku.

8 Tetapi lihatlah, Tuhan Raja mencurahkan Roh-Nya ke dalam jiwaku, sedemikian rupa sehingga aku menundukkannya dalam segala perkataannya.

9 Dan aku berkata kepadanya: Adakah engkau menyangkal Kristus yang akan datang? Dan dia berkata: Jika akan ada seorang Kristus, aku tidak akan menyangkal-Nya; tetapi aku tahu bahawa tidak ada Kristus, tidak juga pernah ada, tidak juga akan ada langsung.

10 Dan aku berkata kepadanya: Percayakah engkau pada tulisan suci? Dan dia berkata, Ya.

11 Dan aku berkata kepadanya: Jika begitu kamu tidak memahaminya; kerana ianya benar-benar dan bersaksi tentang Kristus. Lihatlah,

aku berkata kepadamu bahawa tiada seorang pun di antara para nabi telah menulis, tidak juga bernubuat, kecuali mereka telah berbicara berkenaan Kristus ini.

12 Dan ini bukanlah semuanya—ia telah dinyatakan kepadaku, kerana aku telah mendengar dan melihat; dan ia juga telah dinyatakan kepadaku oleh kuasa Roh Kudus; oleh kerana itu, aku tahu jika tidak akan ada korban tebusan dibuat seluruh umat manusia mestilah tersesat.

13 Dan terjadilah bahawa dia berkata kepadaku: Perlihatkanlah kepadaku suatu tanda melalui kuasa Roh Kudus ini, yang di dalamnya kamu tahu demikian banyak.

14 Dan aku berkata kepadanya: Apakah aku sehingga aku hendak menguji Tuhan untuk memperlihatkan kepadamu suatu tanda dalam hal yang engkau tahu adalah benar? Namun engkau akan menyangkalnya, kerana engkau adalah daripada iblis. Walaupun demikian, bukan kehendakku yang terjadi; tetapi jika Tuhan akan menderamu, biarlah itu menjadi suatu tanda bagimu bahawa Dia memiliki kuasa, baik di syurga mahupun di bumi; dan juga, bahawa Kristus akan datang. Dan kehendak-Mu, Ya Tuhan, terjadilah, dan bukan kehendakku.

15 Dan terjadilah bahawa ketika aku, Yakub, telah mengucapkan kata-kata ini, kuasa Tuhan datang ke atas dirinya, sedemikian rupa sehingga dia jatuh ke tanah. Dan

terjadilah bahawa dia dirawat untuk jangka masa sehari-hari.

16 Dan terjadilah bahawa dia berkata kepada orang ramai: Berkumpullah bersama esok hari, kerana aku akan mati; oleh kerana itu, aku berhasrat untuk berbicara kepada orang ramai sebelum aku akan mati.

17 Dan terjadilah bahawa pada keesokan hari orang ramai dikumpulkan bersama; dan dia berbicara dengan jelas kepada mereka dan menyangkal apa yang telah dia ajarkan kepada mereka, dan mengakui Kristus, dan kuasa Roh Kudus, dan pelayanan para malaikat.

18 Dan dia berbicara dengan jelas kepada mereka, bahawa dia telah ditipu oleh kuasa iblis. Dan dia berbicara tentang neraka, dan tentang keabadian, dan tentang hukuman abadi.

19 Dan dia berkata: Aku takut kalau-kalau aku telah membuat dosa yang tidak dapat dimaafkan, kerana aku telah berdusta kepada Tuhan; kerana aku menyangkal Kristus, dan berkata bahawa aku memercayai tulisan suci; dan ianya benar-benar bersaksi tentang Dia. Dan kerana aku telah demikian berdusta kepada Tuhan aku teramat takut kalau-kalau keadaanku akan menyeramkan; tetapi aku mengaku kepada Tuhan.

20 Dan terjadilah bahawa ketika dia telah mengatakan kata-kata ini dia tidak dapat berbicara lagi, dan dia menyerahkan rohnya.

21 Dan ketika orang ramai telah menyaksikan bahawa dia

mengucapkan hal-hal ini sewaktu dia hampir menyerahkan rohnya, mereka teramat hairan; sedemikian rupa sehingga kuasa Tuhan turun ke atas diri mereka, dan mereka terkuasai sehingga mereka jatuh ke tanah.

22 Sekarang, hal ini menyenangkan bagiku, Yakub, kerana aku telah memintanya daripada Bapaku yang di dalam surga; kerana Dia telah mendengar seruanku dan menjawab doaku.

23 Dan terjadilah bahawa kedamaian dan kasih Tuhan telah dipulihkan kembali di kalangan orang ramai; dan mereka menyelidiki tulisan suci, dan tidak menyemak lagi kata-kata lelaki jahat ini.

24 Dan terjadilah bahawa banyak cara dirumuskan untuk mengembalikan dan memulihkan bangsa Laman kepada pengetahuan tentang kebenaran; tetapi semuanya sia-sia, kerana mereka suka akan peperangan dan pertumpahan darah, dan mereka memiliki kebencian abadi terhadap kami, saudara mereka. Dan mereka berupaya dengan kekuatan persenjataan mereka untuk menghancurkan kami secara berlanjutan.

25 Oleh kerana itu, bangsa Nefi mengubui terhadap mereka dengan persenjataan mereka, dan dengan segenap kekuatan mereka, percaya kepada Tuhan dan batu keselamatan mereka; oleh kerana itu, mereka menjadi sampai kini, penakluk musuh mereka.

26 Dan terjadilah bahawa aku, Yakub, mulai menjadi tua; dan catatan tentang bangsa ini disimpan atas kepingan-kepingan Nefi yang lain, oleh kerana itu, aku menyudahi catatan ini, memaklumkan bahawa aku telah menulis menurut pengetahuanku yang terbaik dengan mengatakan bahawa waktu berlalu bersama kami, dan juga kehidupan kami berlalu seakan-akan bagi kami sebuah mimpi, kami adalah bangsa yang kesepian dan khusyuk, para pengembara, terbuang dari Yerusalem, dilahirkan dalam kesukaran, di suatu padang belantara, dan dibenci oleh saudara-saudara kami, yang menyebabkan peperangan dan perselisihan; oleh kerana itu, kami berduka nestapa sepanjang hidup kami.

27 Dan aku, Yakub, melihat bahawa aku mesti segera turun ke kuburku; oleh kerana itu, aku berkata kepada anak lelakiku Enos: Ambillah kepingan-kepingan ini. Dan aku memberitahu dia apa yang telah saudaraku Nefi perintahkan kepadaku, dan dia menjanjikan kepatuhan kepada perintah-perintah itu. Dan aku mengakhiri tulisanku di atas kepingan-kepingan ini, yang tulisannya singkat; dan kepada pembaca aku ucapkan selamat berpisah, berharap bahawa ramai saudara-saudaraku boleh membaca kata-kataku. Saudara-saudara, selamat tinggal.

KITAB ENOS

Enos berdoa dengan amat kuat dan memperoleh pengampunan akan dosa-dosanya—Suara Tuhan datang ke dalam fikirannya, menjanjikan keselamatan bagi bangsa Laman di suatu masa akan datang—Bangsa Nefi berupaya untuk memulihkan kembali bangsa Laman—Enos bersukacita dalam Penebusnya. Kira-kira 420 tahun S.M.

LIHATLAH, terjadilah bahawa Laku, Enos, mengenal ayahku bahawa dia adalah orang yang soleh—kerana dia mengajar aku dalam bahasanya, dan juga dalam asuhan dan nasihat Tuhan—dan terpujilah nama Tuhanku oleh kerana itu—

2 Dan aku akan menceritakan kepadamu tentang pergelutan yang aku alami di hadapan Tuhan, sebelum aku menerima pengampunan akan dosa-dosaku.

3 Lihatlah, aku pergi untuk memburu binatang di hutan; dan kata-kata yang telah sering aku dengar ayahku ucapkan berkenaan kehidupan abadi, dan sukacita para orang suci, meresap jauh ke dalam hatiku.

4 Dan jiwaku lapar; dan aku berlutut di hadapan Penciptaku, dan aku berseru kepada-Nya dalam doa yang membara dan permohonan bagi jiwaku sendiri; dan sepanjang hari itu aku berseru kepada-Nya; ya, ketika malam hari

tiba aku masih menaikkan suaraku sehingga ia mencapai syurga.

5 Dan datanglah suatu suara kepadaku, memfirmankan: Enos, dosa-dosamu diampuni bagimu, dan engkau akan diberkati.

6 Dan aku, Enos, tahu bahawa Tuhan tidak dapat berdusta; oleh kerana itu, rasa bersalahku disapu bersih.

7 Dan aku berkata: Tuhan, bagaimana itu terjadi?

8 Dan Dia berfirman kepadaku: Kerana imanmu kepada Kristus, yang sebelum ini tidak pernah engkau dengar atau lihat. Dan bertahun-tahun berlalu sebelum Dia akan menyatakan diri-Nya dalam daging; oleh kerana itu, pergilah, imanmu telah menjadikan engkau suci.

9 Sekarang, terjadilah bahawa ketika aku telah mendengar firman ini aku mulai merasakan hasrat bagi kesejahteraan saudara-saudaraku, bangsa Nefi; oleh kerana itu, aku curahkan seluruh jiwaku kepada Tuhan bagi mereka.

10 Dan sewaktu aku sedang demikian berjuang di dalam roh, lihatlah, suara Tuhan datang ke dalam fikiranku lagi, memfirmankan: Aku akan mengunjungi saudara-saudaramu menurut ketekunan mereka dalam mentaati perintah-perintah-Ku. Aku telah memberikan kepada mereka negeri ini, dan ini adalah negeri yang kudus; dan

Aku tidak mengutuknya kecuali bagi alasan kederhakaan; oleh kerana itu, Aku akan mengunjungi saudara-saudaramu menurut seperti yang telah Aku firmankan; dan pelanggaran mereka akan Aku menurunkan dengan dukacita ke atas kepala mereka sendiri.

11 Dan setelah aku, Enos, mendengar firman ini, imanku mulai menjadi tak tergoncang terhadap Tuhan; dan aku berdoa kepada-Nya dengan banyak perjuangan yang lama demi saudara-saudaraku, bangsa Laman.

12 Dan terjadilah bahawa setelah aku berdoa dan bekerja dengan segenap ketekunan, Tuhan berfirman kepadaku: Aku akan mengabulkan bagimu menurut hasratmu, kerana imanmu.

13 Dan sekarang lihatlah, inilah hasrat yang aku hasratkan daripada-Nya—bahawa jika seandainya harus demikian, bahawa bangsaku, bangsa Nefi, akan jatuh ke dalam pelanggaran, dan dengan cara apa pun dihancurkan, dan bangsa Laman tidak akan dihancurkan, agar Tuhan Raja akan memelihara sebuah catatan tentang bangsaku, bangsa Nefi; bahkan jika demikian halnya melalui kuasa lengan kudus-Nya, agar ia boleh ditampilkan pada suatu masa mendatang kepada bangsa Laman, agar, barangkali, mereka boleh dibawa kepada keselamatan—

14 Kerana pada waktu kini perjuangan kami sia-sia dalam memulihkan mereka pada iman

yang benar. Dan mereka bersumpah dalam kemurkaan mereka bahawa, jika mungkin, mereka akan menghancurkan catatan-catatan kami dan kami, dan juga segala adat resam nenek moyang kami.

15 Oleh kerana itu, aku mengetahui bahawa Tuhan Raja sanggup untuk melindungi catatan-catatan kami, aku berseru kepada-Nya secara terus-menerus, kerana Dia telah berfirman kepadaku: Apa pun yang akan kamu minta dalam iman, mempercayai bahawa kamu akan menerima dalam nama Kristus, kamu akan menerimanya.

16 Dan aku memiliki iman, dan aku berseru kepada Tuhan agar Dia akan melindungi catatan-catatan itu; dan Dia membuat perjanjian denganku bahawa Dia akan menampilkannya kepada bangsa Laman pada masa-Nya sendiri yang tepat.

17 Dan aku, Enos, tahu hal itu akan terjadi menurut perjanjian yang telah Dia buat; oleh kerana itu jiwaku tenteram.

18 Dan Tuhan berfirman kepadaku: Nenek moyangmu juga telah menghendaki daripada-Ku hal ini; dan ini akan terjadi kepada mereka menurut iman mereka; kerana iman mereka seperti imanmu.

19 Dan sekarang, terjadilah bahawa aku, Enos, merantau ke kalangan bangsa Nefi, bernubuat tentang apa yang akan datang, dan bersaksi tentang apa yang telah aku dengar dan lihat.

20 Dan aku memberikan

kesaksian bahawa bangsa Nefi berupaya dengan tekun untuk memulihkan bangsa Laman kepada iman yang benar terhadap Tuhan. Tetapi kerja kami sia-sia; kebencian mereka tetap, dan mereka dituntun oleh sifat jahat mereka sehingga mereka menjadi liar, dan garang, dan bangsa yang haus darah, penuh dengan pemujaan berhala dan kekotoran; memakan binatang pemangsa; berdiam di dalam khemah dan berkeliaran di padang belantara dengan kain kulit pendek di sekitar aurat mereka dan kepala mereka tercukur; dan kemahiran mereka adalah dalam busur, dan dalam golok, dan kapak. Dan ramai di antara mereka tidak makan apa pun kecuali daging mentah; dan mereka terus-menerus berupaya untuk menghancurkan kami.

21 Dan terjadilah bahawa bangsa Nefi mengolah tanah, dan menanam segala jenis biji-bijian, dan buah, dan memelihara kawanan ternak, dan kawanan segala macam ternak peliharaan dari setiap jenis, dan kambing, dan kambing liar, dan juga banyak kuda.

22 Dan ada amat ramai nabi di kalangan kami. Dan bangsa itu adalah bangsa yang tegar leher, susah memahami.

23 Dan tidak ada apa pun kecuali kekerasan yang amat sangat, berkhotbah dan bernubuat tentang peperangan, dan perselisihan, dan kehancuran, dan sentiasa mengingatkan mereka akan kematian, dan tempoh keabadian, dan

penghakiman dan kuasa Tuhan, dan segala hal ini—mendorong mereka terus-menerus untuk menjaga mereka dalam rasa takut akan Tuhan. Aku katakan tidak ada apa pun selain hal-hal ini, dan amat banyak kejelasan dalam perbicaraan, akan menahannya daripada turun dengan cepat menuju kehancuran. Dan menurut cara ini aku menulis berkenaan mereka.

24 Dan aku melihat peperangan antara bangsa Nefi dan bangsa Laman dalam perjalanan hidupku.

25 Dan terjadilah bahawa aku mulai menjadi tua, dan seratus tujuh puluh dan sembilan tahun telah berlalu sejak waktu bapa kami Lehi meninggalkan Yerusalem.

26 Dan aku melihat bahawa aku mesti segera turun ke kuburku, setelah digerakkan oleh kuasa Tuhan bahawa aku mesti berkhotbah dan bernubuat kepada bangsa ini, dan memaklumkan firman menurut kebenaran yang ada di dalam Kristus. Dan aku telah memaklumkannya sepanjang hidupku, dan telah bersukacita di dalamnya melebihi apa yang daripada dunia.

27 Dan aku segera pergi ke tempat peristirahatanku, yang adalah bersama Penebusku; kerana aku tahu bahawa di dalam Dia aku akan beristirahat. Dan aku bersukacita pada hari ketika tubuh fanaku akan mengenakan kebaqaan, dan akan berdiri di hadapan-Nya; pada waktu itu akanlah aku melihat muka-Nya

dengan kegembiraan, dan Dia akan berkata kepadaku: Datanglah kepada-Ku, kamu yang diberkati,

ada sebuah tempat dipersiapkan bagimu di dalam tempat tinggal Babaku. Amin.

KITAB YAROM

Bangsa Nefi mematuhi hukum Musa, menanti-nantikan kedatangan Kristus, dan makmur di negeri itu—Banyak nabi bekerja untuk mengekalkan bangsa itu di jalan kebenaran. Kira-kira 399–361 tahun S.M.

SEKARANG, lihatlah, aku, Yarom, menulis beberapa kata menurut perintah ayahku, Enos, agar salasilah kami boleh disimpan.

2 Dan kerana kepingan-kepingan ini kecil, dan kerana hal-hal ini dituliskan dengan maksud untuk manfaat saudara-saudara kami bangsa Laman, oleh kerana itu, mestilah perlu bahawa aku menulis sedikit; tetapi aku tidak akan menuliskan hal-hal tentang penubuatanku, atau tentang wahyu-wahyuku. Kerana apa yang dapat aku tuliskan lebih banyak daripada yang telah nenek moyangku tuliskan? Kerana tidakkah mereka telah mengungkapkan rancangan keselamatan? Aku berkata kepadamu, Ya; dan ini cukuplah bagiku.

3 Lihatlah, adalah perlu bahawa banyak mesti dilakukan di kalangan bangsa ini, kerana kekerasan hati mereka, dan ketulian

telinga mereka, dan kebutaan fikiran mereka, dan ketegaran leher mereka; walaupun demikian, Tuhan amat penuh belas kasihan kepada mereka, dan sampai saat ini belum menyapu mereka habis-habis dari permukaan negeri ini.

4 Dan ada ramai di antara kami yang memperoleh banyak wahyu, kerana mereka tidak semuanya tegar leher. Dan sebanyak orang yang tidak degil dan memiliki iman, memiliki persaudaraan dengan Roh Kudus, yang menyatakan kepada anak-anak manusia, menurut iman mereka.

5 Dan sekarang, lihatlah, dua ratus tahun telah berlalu, dan bangsa Nefi telah menjadi kuat di negeri ini. Mereka berusaha untuk menaati hukum Musa dan menjaga hari sabbat kudus bagi Tuhan. Dan mereka tidak mengkufur; tidak juga mereka menista. Dan hukum-hukum negeri amatlah ketat.

6 Dan mereka tercerai-berai di atas sebahagian besar permukaan negeri ini, dan bangsa Laman juga. Dan mereka jauh lebih banyak daripada mereka yang bangsa Nefi; dan mereka gemar pembunuhan dan sering meminum darah binatang.

7 Dan terjadilah bahawa mereka datang berulang kali melawan kami, bangsa Nefi, untuk bertempur. Tetapi para raja kami dan para pemimpin kami adalah lelaki yang perkasa dalam iman kepada Tuhan; dan mereka mengajar bangsa ini cara-cara Tuhan; oleh kerana itu, kami bertahan terhadap bangsa Laman dan menyapu bersih mereka keluar dari negeri kami, dan mulai mengubui kota-kota kami, atau tempat mana pun yang adalah warisan kami.

8 Dan kami bertambah banyak dengan cepat, dan menyebar ke atas permukaan negeri ini, dan menjadi amat kaya dengan emas, dan dengan perak, dan dengan benda berharga, dan dengan pengerjaan kayu yang baik, dengan bangunan, dan dengan peralatan jentera, dan juga dengan besi dan tembaga, dan loyang dan keluli, membuat segala macam perkakas dari setiap jenis untuk mengolah tanah, dan persenjataan perang—ya, anak panah berhujung tajam, dan tabung anak panah, dan damak, dan lembing, dan segala persiapan untuk perang.

9 Dan dengan demikian dipersiapkan untuk menghadapi bangsa Laman, mereka tidak berjaya melawan kami. Tetapi firman Tuhan terbukti, yang Dia firmankan kepada nenek moyang kami, memfirmankan bahawa: Sejauh mana kamu akan mematuhi perintah-perintah-Ku kamu akan makmur di negeri ini.

10 Dan terjadilah bahawa para

nabi Tuhan mengancam bangsa Nefi, menurut firman Tuhan, bahawa jika mereka tidak mematuhi perintah-perintah, tetapi akan jatuh ke dalam pelanggaran, mereka akan habis dihancurkan dari permukaan negeri ini.

11 Oleh kerana itu, para nabi, dan imam, dan pengajar, bekerja dengan tekun, mendesak bangsa itu kepada ketekunan dengan segala kepanjangsabaran; mengajarkan hukum Musa, dan maksud untuk apa ia diberikan; memujuk mereka untuk menanti-nantikan Mesias, dan percaya kepada-Nya untuk datang seakan-akan Dia telah datang. Dan menurut cara inilah mereka mengajar mereka.

12 Dan terjadilah bahawa dengan melakukan demikian mereka mencegah mereka daripada dihancurkan di atas permukaan negeri ini; kerana mereka menikam hati mereka dengan firman, sentiasa menggugah mereka kepada pertaubatan.

13 Dan terjadilah bahawa dua ratus dan tiga puluh dan lapan tahun telah berlalu—menurut cara peperangan, dan pertikaian, dan pertengkaran, untuk jangka masa yang panjang.

14 Dan aku, Yarom, tidak menulis lebih banyak, kerana kepingan-kepingan ini kecil. Tetapi lihatlah, saudara-saudaraku, kamu dapat pergi ke kepingan-kepingan Nefi yang lain; kerana lihatlah, di atasnya catatan-catatan tentang peperangan kami terukir, menurut tulisan-tulisan para raja,

atau itu yang mereka telah suruh dituliskan.

15 Dan aku menyerahkan kepingan-kepingan ini ke dalam

tangan anak lelakiku Omni, agar boleh disimpan menurut perintah-perintah nenek moyangku.

KITAB OMNI

Omni, Amaron, Kemis, Abinadom, dan Amaleki, masing-masing dalam gilirannya, menyimpan catatan—Mosia menemukan orang Zarahemla, yang datang dari Yerusalem pada zaman Zedekia—Mosia dijadikan raja atas mereka—Keturunan Mulek di Zarahemla telah menemukan Koriantumr, orang terakhir daripada bangsa Yared—raja Benyamin menggantikan Mosia—Manusia patut mempersembahkan jiwa mereka sebagai persembahan kepada Kristus. Kira-kira 323–130 tahun S.M.

LIHATLAH, terjadilah bahawa Laku, Omni, telah diperintahkan oleh ayahku, Yarom, bahawa aku mesti menulis sedikit di atas kepingan-kepingan ini, untuk memelihara salasilah kami—

2 Oleh kerana itu, pada masa hidupku, aku menghendaki agar kamu patut mengetahui bahawa aku banyak berperang dengan pedang untuk melindungi bangsaku, bangsa Nefi, daripada jatuh ke dalam tangan musuh mereka, bangsa Laman. Tetapi lihatlah, aku sendiri adalah orang yang jahat, dan aku tidak mentaati peraturan dan perintah Tuhan

sebagaimana aku seharusnya lakukan.

3 Dan terjadilah bahawa dua ratus dan tujuh puluh dan enam tahun telah berlalu, dan kami mengalami banyak musim kedamaian; dan kami mengalami banyak musim perang dan pertumpahan darah yang teruk. Ya, dan kesimpulannya, dua ratus dan lapan puluh dan dua tahun telah berlalu, dan aku telah melindungi kepingan-kepingan ini menurut perintah-perintah nenek moyangku; dan aku menganugerahkannya kepada anak lelakiku Amaron. Dan aku mengakhirinya.

4 Dan sekarang, aku, Amaron, menuliskan hal apa pun yang aku tuliskan, yang adalah sedikit, dalam kitab ayahku.

5 Lihatlah, terjadilah bahawa tiga ratus dan dua puluh tahun telah berlalu, dan bahagian yang lebih jahat di antara bangsa Nefi dihancurkan.

6 Kerana Tuhan tidak akan membiarkan, setelah Dia menuntun mereka keluar dari negeri Yerusalem dan memelihara dan melindungi mereka daripada jatuh ke dalam tangan musuh mereka, ya, Dia

tidak akan membiarkan bahawa firman itu tidak akan ditentusahkan, yang Dia ucapkan kepada nenek moyang kita, memfirmankan bahawa: Sejauh kamu tidak akan mematuhi perintah-perintah-Ku kamu tidak akan makmur di negeri ini.

7 Oleh kerana itu, Tuhan mengunjunginya mereka dengan hukuman keras, walaupun demikian, Dia membiarkan yang soleh hidup agar mereka tidak akan binasa, tetapi membebaskan mereka daripada tangan musuh mereka.

8 Dan terjadilah bahawa aku menyerahkan kepingan-kepingan kepada saudaraku, Kemis.

9 Sekarang, aku, Kemis, menuliskan beberapa hal apa pun yang aku tulis, dalam kitab yang sama dengan saudaraku; kerana lihatlah, aku melihat yang terakhir yang dia tulis, bahawa dia menulisnya dengan tangannya sendiri; dan dia menulisnya pada hari ketika dia menyerahkannya kepadaku. Dan menurut cara ini kami menjaga catatan-catatan itu, kerana demikianlah menurut perintah-perintah nenek moyang kami. Dan aku mengakhirinya.

10 Lihatlah, aku, Abinadom, adalah putera Kemis. Lihatlah, terjadilah bahawa aku melihat banyak perang dan perselisihan antara bangsaku, bangsa Nefi, dan bangsa Laman; dan aku, dengan pedangku sendiri, telah mengambil nyawa ramai bangsa Laman dalam pertahanan saudara-saudaraku.

11 Dan lihatlah, catatan tentang

bangsa ini terukir di atas kepingan-kepingan yang dimiliki oleh para raja, menurut generasi-generasinya; dan aku tidak mengetahui tentang wahyu apa pun kecuali apa yang telah dituliskan, tidak juga nubuat; oleh kerana itu, apa yang cukup telah dituliskan. Dan aku mengakhirinya.

12 Lihatlah, aku adalah Amaleki, putera Abinadom. Lihatlah, aku akan berbicara kepadamu sedikit berkenaan Mosia, yang dijadikan raja atas negeri Zarahemla; kerana lihatlah, dia diperingatkan oleh Tuhan bahawa dia hendaknya melarikan diri dari negeri Nefi, dan sebanyak yang akan menyemak suara Tuhan hendaknya juga berangkat keluar dari negeri itu bersamanya, ke padang belantara—

13 Dan terjadilah bahawa dia melakukan menurut seperti yang telah Tuhan perintahkan kepadanya. Dan mereka keluar dari negeri itu ke padang belantara, sebanyak yang akan menyemak suara Tuhan; dan mereka dituntun oleh banyak pengkhutbahan dan penubuatan. Dan mereka dinasihati sentiasa dengan firman Tuhan; dan mereka dituntun oleh kuasa lengan-Nya, melalui padang belantara sampai mereka tiba di negeri yang dipanggil negeri Zarahemla.

14 Dan mereka menemukan suatu bangsa, yang dipanggil orang Zarahemla. Sekarang, ada kesukacitaan besar di kalangan orang Zarahemla; dan juga Zarahemla amat bersukacita, kerana Tuhan

telah mengutus orang Mosia bersama kepingan-kepingan loyang yang mengandung catatan berkenaan orang Yahudi.

15 Lihatlah, terjadilah bahawa Mosia mendapat tahu bahawa orang Zarahemla datang dari Yerusalem pada waktu ketika Zedekia, raja Yehuda, dibawa pergi tertawan ke Babilonia.

16 Dan mereka melakukan perjalanan di padang belantara, dan dibawa oleh tangan Tuhan menyeberangi perairan luas, ke negeri di mana Mosia menemukan mereka; dan mereka telah berdiam di sana sejak dari waktu itu.

17 Dan pada waktu ketika Mosia menemukan mereka, mereka telah menjadi amat banyak. Walaupun demikian, mereka telah mengalami banyak perang dan perselisihan yang teruk, dan telah jatuh oleh pedang dari waktu ke waktu; dan bahasa mereka telah merosot; dan mereka tidak membawa catatan-catatan bersama mereka; dan mereka menyangkal kewujudan Pencipta mereka; dan Mosia, atau orang Mosia, dapat memahami mereka.

18 Tetapi terjadilah bahawa Mosia menyuruh agar mereka hendaknya diajar dalam bahasanya. Dan terjadilah bahawa setelah mereka diajar dalam bahasa Mosia, Zarahemla memberikan salasilah nenek moyangnya, menurut ingatannya; dan ia dituliskan, tetapi bukan di atas kepingan-kepingan ini.

19 Dan terjadilah bahawa orang Zarahemla, dan orang Mosia,

bersatu bersama; dan Mosia dilantik menjadi raja mereka.

20 Dan terjadilah bahawa pada zaman Mosia, ada sebuah batu besar dibawa kepadanya dengan ukiran di atasnya; dan dia menafsirkan ukiran itu melalui kurnia dan kuasa daripada Tuhan.

21 Dan ia memberikan laporan tentang seorang Koriantumr, dan orang yang terbunuh dari kalangan bangsanya. Dan Koriantumr ditemukan oleh orang Zarahemla; dan dia berdiam bersama mereka untuk jangka masa sembilan bulan.

22 Ia juga berbicara beberapa kata berkenaan nenek moyangnya. Dan ibubapa pertamanya keluar dari menara, pada waktu Tuhan mencelarukan bahasa orang itu; dan kekerasan Tuhan jatuh ke atas diri mereka menurut penghakiman-Nya, yang adalah adil; dan tulang-tulang mereka terbaring tercerai-berai di negeri sebelah utara.

23 Lihatlah, aku, Amaleki, lahir pada zaman Mosia; dan aku telah hidup untuk melihat kematiannya; dan Benyamin, puteranya, memerintah sebagai penggantinya.

24 Dan lihatlah, aku telah melihat, pada zaman raja Benyamin, suatu perang yang teruk dan banyak pertumpahan darah di antara bangsa Nefi dan bangsa Laman. Tetapi lihatlah, bangsa Nefi mendapatkan banyak kelebihan ke atas mereka; ya, sedemikian rupa sehingga raja Benyamin menghalau mereka keluar dari negeri Zarahemla.

25 Dan terjadilah bahawa aku mulai menjadi tua; dan, tidak memiliki keturunan, dan mengetahui bahawa raja Benyamin adalah orang yang soleh di hadapan Tuhan, oleh kerana itu, aku akan menyerahkan kepingan-kepingan ini kepadanya, mendorong semua orang untuk datang kepada Tuhan, Yang Kudus dari Israel, dan percaya pada penubuatan, dan pada wahyu, dan pada pelayanan para malaikat, dan pada kurnia berbicara dengan bahasa-bahasa, dan pada karunia menafsirkan bahasa-bahasa, dan pada segala sesuatu yang baik; kerana tidak ada apa pun yang baik kecuali ia datang dari Tuhan: dan apa yang jahat datang dari iblis.

26 Dan sekarang, saudara-saudaraku terkasih, aku menghendaki agar kamu hendaknya datang kepada Kristus, yang adalah Yang Kudus dari Israel, dan mengambil bahagian dalam penyelamatan-Nya, dan kuasa penebusan-Nya. Ya, datanglah kepada-Nya, dan persembahkanlah seluruh jiwamu sebagai persembahan kepada-Nya, dan teruslah dalam berpuasa dan berdoa, dan bertahan sampai akhir; dan sebagaimana

Tuhan hidup kamu akan diselamatkan.

27 Dan sekarang, aku hendak berbicara sedikit berkenaan sejumlah orang tertentu yang pergi ke padang belantara untuk kembali ke negeri Nepi; kerana ada sejumlah besar orang yang berhasrat untuk memiliki negeri warisan mereka.

28 Oleh kerana itu, mereka pergi ke padang belantara. Dan pemimpin mereka adalah seorang lelaki yang kuat dan perkasa, dan lelaki yang tegar leher, oleh kerana itu dia menyebabkan perselisihan di kalangan mereka; dan mereka semuanya terbunuh, kecuali lima puluh orang, di padang belantara, dan mereka kembali lagi ke negeri Zarahemla.

29 Dan terjadilah bahawa mereka juga membawa yang lain dalam jumlah yang besar, dan mengadakan perjalanan mereka lagi ke padang belantara.

30 Dan aku, Amaleki, mempunyai seorang saudara, yang juga pergi bersama mereka; dan aku sejak itu tidak tahu berkenaan mereka. Dan aku hampir akan terbaring di dalam kuburku; dan kepingan-kepingan ini penuh. Dan aku mengakhiri pembicaraanku.

KATA-KATA MORMON

Mormon meringkas kepingan-kepingan besar Nepi—Dia menempatkan kepingan-kepingan kecil bersama

kepingan-kepingan yang lain—raja Benyamin menegakkan kedamaian di tanah itu. Kira-kira 385 tahun M.

DAN sekarang, aku, Mormon, hampir menyerahkan catatan yang telah aku buat ke dalam tangan anak lelakiku Moroni, lihatlah aku telah menyaksikan hampir seluruh kehancuran bangsaku, bangsa Nefi.

2 Dan adalah beratus-ratus tahun setelah kedatangan Kristus ketika aku menyerahkan catatan-catatan ini ke dalam tangan anak lelakiku; dan aku kira bahawa dia akan menyaksikan kehancuran menyeluruh bangsaku. Tetapi semoga Tuhan mengabulkan bahawa dia boleh selamat setelah kematian mereka, agar dia boleh menulis sedikit berkenaan mereka, dan sedikit berkenaan Kristus, agar barangkali suatu hari ia boleh memanfaatkan mereka.

3 Dan sekarang, aku berbicara sedikit berkenaan apa yang telah aku tuliskan; kerana setelah aku membuat sebuah ringkasan daripada kepingan-kepingan Nefi, hingga masa pemerintahan raja Benyamin ini, tentang siapa Amaleki berbicara, aku menyelidiki di antara catatan-catatan yang telah diserahkan ke dalam tanganku, dan aku menemukan kepingan-kepingan ini, yang mengandungi laporan singkat ini tentang para nabi, dari Yakub hingga masa pemerintahan raja Benyamin ini, dan juga banyak daripada perkataan-perkataan Nefi.

4 Dan apa yang ada di atas kepingan-kepingan ini menyenangkanku, kerana nubuat-nubuat

tentang kedatangan Kristus; dan nenek moyangku mengetahui bahawa banyak daripadanya telah digenapi; ya, aku juga tahu bahawa sebanyak hal yang telah dinubuatkan berkenaan kami hingga hari ini telah digenapi, dan sebanyak yang ada selepas hari ini mestilah pasti terjadi—

5 Oleh kerana itu, aku memilih hal-hal ini, untuk menyelesaikan catatanku di atasnya, yang sisa catatanku itu akan aku ambil daripada kepingan-kepingan Nefi; dan aku tidak dapat menulis seperseratus bahagian daripada hal-hal tentang bangsaku.

6 Tetapi lihatlah, aku akan mengambil kepingan-kepingan ini, yang mengandungi penubuatan dan wahyu-wahyu ini, dan menempatkannya bersama sisa catatanku, kerana ia adalah pilihan bagiku; dan aku tahu ia akan menjadi pilihan bagi saudara-saudaraku.

7 Dan aku melakukan ini untuk suatu tujuan yang bijak; kerana demikianlah ia membisikiku, menu-rut cara kerja Roh Tuhan yang ada dalam diriku. Dan sekarang, aku tidak mengetahui segalanya; tetapi Tuhan mengetahui segalanya yang akan datang; oleh kerana itu, Dia bekerja dalam diriku untuk melakukan menurut kehendak-Nya.

8 Dan doaku kepada Tuhan adalah berkenaan saudara-saudaraku, agar mereka boleh sekali lagi sampai pada pengetahuan tentang Tuhan, ya, penebusan Kristus; agar

mereka boleh sekali lagi menjadi bangsa yang menyenangkan.

9 Dan sekarang, aku, Mormon, meneruskan untuk menyelesaikan catatanku, yang aku ambil daripada kepingan-kepingan Nefi; dan aku membuatnya menurut pengetahuan dan pemahaman yang telah Tuhan berikan kepadaku.

10 Oleh kerana itu, terjadilah bahawa setelah Amaleki menyerahkan kepingan-kepingan ini ke dalam tangan raja Benyamin, dia mengambilnya dan menempatkannya bersama kepingan-kepingan yang lain, yang mengandungi catatan-catatan yang telah diturunkan oleh para raja, dari generasi ke generasi sampai masa raja Benyamin.

11 Dan ia diturunkan dari raja Benyamin, dari generasi ke generasi sampai ia telah jatuh ke dalam tanganku. Dan aku, Mormon, berdoa kepada Tuhan agar ia boleh dilindungi mulai dari waktu ini. Dan aku tahu bahawa ia akan dilindungi; kerana ada hal-hal yang besar tertulis di atasnya, yang darinya bangsaku dan saudara-saudara mereka akan dihakimi pada hari yang agung dan terakhir, menurut firman Tuhan yang tertulis.

12 Dan sekarang, berkenaan raja Benyamin ini—dia mengalami sedikit perselisihan di kalangan rakyatnya sendiri.

13 Dan terjadilah juga bahawa tentera-tentera bangsa Laman datang dari negeri Nefi, untuk bertempur melawan rakyatnya.

Tetapi lihatlah, raja Benyamin mengumpulkan bersama tentera-tenteranya, dan dia berdiri melawan mereka; dan dia berperang dengan kekuatan lengannya sendiri, dengan pedang Laban.

14 Dan dengan kekuatan daripada Tuhan mereka berjuang melawan musuh mereka, sampai mereka telah membunuh beribu-ribu bangsa Laman. Dan terjadilah bahawa mereka berjuang melawan bangsa Laman sampai mereka telah menghalau mereka keluar dari semua negeri warisan mereka.

15 Dan terjadilah bahawa setelah ada Kristus-Kristus palsu, dan mulut mereka telah dibungkam, dan mereka dihukum menurut jenayah-jenayah mereka;

16 Dan setelah ada nabi-nabi palsu, dan para pengkhotbah dan pengajar palsu di kalangan orang ini, dan semua mereka ini setelah dihukum menurut jenayah-jenayah mereka; dan setelah ada banyak perselisihan dan banyak pembelotan berpaling kepada bangsa Laman, lihatlah, terjadilah bahawa raja Benyamin, dengan bantuan para nabi kudus yang berada di kalangan rakyatnya—

17 Kerana lihatlah, raja Benyamin adalah orang yang kudus, dan dia memerintah atas rakyatnya dalam kesolehan; dan ada banyak orang kudus di tanah itu, dan mereka mengucapkan firman Tuhan dengan kuasa dan dengan wewenang; dan mereka menggunakan banyak ketajaman kerana ketegaran leher bangsa itu—

18 Oleh kerana itu, dengan pertolongan daripada mereka, raja Benyamin, dengan bekerja dengan segala kekuatan tubuhnya dan

kecakapan seluruh jiwanya, dan juga para nabi, sekali lagi menegakkan kedamaian di tanah itu.

KITAB MOSIA

BAB 1

Raja Benyamin mengajar para puteranya bahasa dan nubuat nenek moyang mereka—Agama dan tamadun mereka telah terpelihara kerana catatan-catatan yang tersimpan atas pelbagai kepingan—Mosia dipilih sebagai raja dan diberi tugas menjaga catatan-catatan itu dan benda-benda lain. Kira-kira 130–124 tahun S.M.

DAN sekarang, tidak ada lagi perselisihan di seluruh negeri Zarahemla, di kalangan semua rakyat yang adalah kepunyaan raja Benyamin, sehingga raja Benyamin mengalami kedamaian berlanjutan sepanjang hari-harinya yang akhir.

2 Dan terjadilah bahawa dia mempunyai tiga orang putera; dan dia memanggil nama mereka Mosia, dan Helorum, dan Helaman. Dan dia menyuruh agar mereka hendaknya diajar dalam keseluruhan bahasa nenek moyangnya, agar dengan demikian mereka boleh menjadi orang yang berpengertian; dan agar mereka boleh tahu berkenaan nubuat-nubuat yang telah diucapkan oleh mulut nenek moyang mereka, yang disampaikan

kepada mereka oleh tangan Tuhan.

3 Dan dia juga mengajar mereka berkenaan catatan-catatan yang terukir di atas kepingan-kepingan loyang, mengatakan: Para puteraku, aku menghendaki agar kamu mesti ingat bahawa seandainya tidak ada kepingan-kepingan ini, yang mengandungi catatan-catatan ini dan perintah-perintah ini, kita mestilah telah menderita dalam kejahilan, bahkan pada waktu sekarang ini, tidak mengetahui misteri-misteri Tuhan.

4 Kerana tidaklah mungkin bahawa bapa kita, Lehi, dapat mengingat segala hal ini, untuk mengajarkannya kepada anak-anaknya, kecuali dengan bantuan kepingan-kepingan ini; kerana dia telah diajar dalam bahasa orang Mesir oleh kerana itu dia dapat membaca ukiran ini, dan mengajarkannya kepada anak-anaknya, agar dengan demikian mereka dapat mengajarkannya kepada anak-anak mereka, dan dengan demikian menggenapi perintah-perintah Tuhan, bahkan hingga waktu sekarang ini.

5 Aku berkata kepadamu, para

puteraku, seandainya tidak ada benda-benda ini, yang telah dipelihara dan dilindungi oleh tangan Tuhan, agar kita boleh membaca dan mengerti tentang misteri-misteri-Nya, dan memiliki perintah-perintah-Nya selalu di hadapan mata kita, bahawa bahkan nenek moyang kita akan merosot dalam ketidakpercayaan, dan kita akan menjadi seperti saudara-saudara kita, bangsa Laman, yang tidak mengetahui apa pun berkenaan hal-hal ini, atau bahkan tidak memercayainya ketika ia diajarkan kepada mereka, kerana tradisi nenek moyang mereka, yang tidak benar.

6 Wahai para puteraku, aku menghendaki agar kamu patut ingat bahawa pernyataan-pernyataan ini adalah benar, dan juga bahawa catatan-catatan ini adalah benar. Dan lihatlah, juga kepingan-kepingan Nefi, yang mengandungi catatan-catatan dan pernyataan-pernyataan nenek moyang kita sejak waktu mereka meninggalkan Yerusalem sampai sekarang, dan ia adalah benar; dan kita dapat mengetahui tentang kepastiannya kerana kita memilikinya di hadapan mata kita.

7 Dan sekarang, para puteraku, aku menghendaki agar kamu mesti ingat untuk menyelidikinya dengan tekun, agar kamu boleh mendapat keuntungan daripadanya; dan aku menghendaki agar kamu mesti mentaati perintah-perintah Tuhan, agar kamu boleh makmur di negeri ini menurut

janji-janji yang Tuhan telah buat kepada nenek moyang kita.

8 Dan banyak hal lagi raja Benyamin ajarkan kepada para puteranya, yang tidak tertulis dalam kitab ini.

9 Dan terjadilah bahawa setelah raja Benyamin mengakhiri mengajar para puteranya, bahawa dia menjadi tua, dan dia melihat bahawa dia mestilah sangat segera meninggal dunia; oleh kerana itu, dia berfikir adalah perlu bahawa dia hendaknya menganugerahkan kerajaan kepada salah seorang puteranya.

10 Oleh kerana itu, dia menyuruh Mosia dibawa ke hadapannya; dan inilah kata-kata yang dia ucapkan kepadanya, bertitah: Puteraku, aku menghendaki agar kamu mesti membuat suatu perisytiharan ke seluruh negeri ini di kalangan semua rakyat ini, atau orang Zarahemla, dan orang Mosia yang berdiam di negeri ini, agar dengan demikian mereka boleh dikumpulkan bersama; kerana esok hari aku akan mengisytiharkan kepada rakyatku daripada mulutku sendiri bahawa engkau adalah raja dan pemerintah ke atas rakyat ini, yang telah Tuhan Raja kita berikan kepada kita.

11 Dan selain itu, aku akan memberi bangsa ini sebuah nama, agar dengan demikian mereka boleh dibezakan melebihi segala bangsa yang Tuhan Raja telah bawa keluar dari negeri Yerusalem; dan ini aku lakukan kerana mereka telah menjadi bangsa yang tekun

dalam mematuhi perintah-perintah Tuhan.

12 Dan aku memberikan kepada mereka sebuah nama yang tidak akan pernah dipadamkan, kecuali melalui pelanggaran.

13 Ya, dan selain itu aku berkata kepadamu, bahawa jika umat yang sangat dirahmati Tuhan ini akan jatuh ke dalam pelanggaran, dan menjadi bangsa yang jahat dan berzina, bahawa Tuhan akan menyerahkan mereka, agar dengan demikian mereka menjadi lemah seperti saudara-saudara mereka; dan Dia tidak akan lagi melindungi mereka dengan kuasa-Nya yang tiada banding dan menakjubkan, sebagaimana Dia hingga kini telah melindungi nenek moyang kita.

14 Kerana aku berkata kepadamu, bahawa jika Dia tidak menghulurkan lengan-Nya dalam pemeliharaan atas nenek moyang kita, mereka mestilah telah jatuh ke dalam tangan bangsa Laman, dan menjadi mangsa kepada kebencian mereka.

15 Dan terjadilah bahawa setelah raja Benyamin mengakhiri kata-kata ini kepada puteranya, bahawa dia memberinya tanggungjawab berkenaan segala urusan kerajaan.

16 Dan selain itu, dia juga memberinya tanggung jawab berkenaan catatan-catatan yang diukir di atas kepingan-kepingan loyang; dan juga kepingan-kepingan Nefi; dan juga, pedang Laban, dan bola atau alat penunjuk, yang menuntun nenek moyang kami melalui

padang belantara, yang dipersiapkan oleh tangan Tuhan agar dengan demikian mereka boleh dituntun, setiap orang menurut perhatian dan ketekunan yang mereka berikan kepada-Nya.

17 Oleh kerana itu, sewaktu mereka tidak setia mereka tidak makmur atau terus mara dalam perjalanan mereka, tetapi diundurkan, dan mendatangkan ketidaksenangan Tuhan ke atas diri mereka; dan oleh kerana itu mereka didera dengan kebuluran dan kesengsaraan yang parah, untuk menggugah mereka sebagai ingatan akan kewajipan mereka.

18 Dan sekarang, terjadilah bahawa Mosia pergi dan melakukan sebagaimana ayahnya telah memerintahkannya, dan mengisytiharkan kepada semua rakyat yang berada di negeri Zarahemla agar dengan demikian mereka boleh berkumpul bersama, untuk pergi ke bait suci untuk mendengar kata-kata yang akan ayahnya ucapkan kepada mereka.

BAB 2

Raja Benyamin berucap kepada rakyatnya—Dia mengisahkan kesaksamaan, keadilan, dan kerohanian pemerintahannya—Dia menasihati mereka untuk melayani Raja Syurgawi mereka—Mereka yang memberontak melawan Tuhan akan menderita kepedihan seperti api yang tidak dapat dipadamkan. Kira-kira 124 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa setelah Mosia melakukan seperti yang telah ayahnya perintahkan kepadanya, dan telah membuat perisytiharaan di seluruh negeri, agar rakyat berkumpul bersama di seluruh negeri, agar mereka boleh pergi ke bait suci untuk mendengar kata-kata yang raja Benyamin akan ucapkan kepada mereka.

2 Dan ada suatu jumlah yang besar, bahkan sedemikian banyaknya sehingga mereka tidak menghitung mereka; kerana mereka telah bertambah banyak amat cepat dan menjadi besar jumlahnya di negeri itu.

3 Dan mereka juga membawa yang sulung daripada ternak mereka, agar mereka boleh mempersembahkan korban dan persembahan terbakar menurut hukum Musa;

4 Dan juga agar mereka boleh memberi syukur kepada Tuhan Raja mereka, yang telah membawa mereka keluar dari negeri Yerusalem, dan yang telah membebaskan mereka daripada tangan musuh mereka, dan telah menetapkan orang yang soleh untuk menjadi pengajar mereka, dan juga seorang yang soleh untuk menjadi raja mereka, yang telah menegakkan kedamaian di negeri Zarahemla, dan yang telah mengajar mereka untuk mentaati perintah-perintah Tuhan, agar mereka boleh bersukacita dan dipenuhi dengan kasih terhadap Tuhan dan semua manusia.

5 Dan terjadilah bahawa ketika

mereka datang ke bait suci, mereka mendirikan khemah-khemah mereka di sekitar bait suci, setiap lelaki menurut keluarganya, terdiri daripada isterinya, dan para puteranya, dan para puterinya, dan para putera mereka, dan para puteri mereka, dari yang sulung hingga yang bongsu, setiap keluarga terpisah satu dari yang lain.

6 Dan mereka mendirikan khemah-khemah mereka di sekitar bait suci, setiap lelaki menempatkan khemahnya dengan pintunya mengarah ke bait suci, agar dengan demikian mereka boleh tetap tinggal di dalam khemah mereka dan mendengar kata-kata yang akan raja Benyamin ucapkan kepada mereka;

7 Kerana khalayak ramai sedemikian besarnya sehingga raja Benyamin tidak dapat mengajar mereka semua di sebelah dalam tembok-tembok bait suci, oleh kerana itu dia menyuruh supaya sebuah menara didirikan, agar dengan demikian rakyatnya boleh mendengar kata-kata yang akan dia ucapkan kepada mereka.

8 Dan terjadilah bahawa dia mulai berbicara kepada rakyatnya dari menara itu; dan mereka tidak semuanya dapat mendengar kata-katanya kerana besarnya khalayak ramai; oleh kerana itu dia menyuruh agar kata-kata yang dia ucapkan hendaknya dituliskan dan diberitakan ke kalangan mereka yang tidak berada di dalam jangkauan bunyi suaranya, agar

mereka boleh juga menerima kata-katanya.

9 Dan inilah kata-kata yang dia ucapkan dan suruh dituliskan, mengatakan: Saudara-saudaraku, kamu semua yang telah berhimpun bersama, kamu yang dapat mendengar kata-kataku yang akan aku ucapkan kepadamu hari ini; kerana aku tidak memerintahkanmu datang ke mari untuk meremeh-remehkan kata-kata yang akan aku ucapkan, tetapi agar kamu hendaknya mendengarku, dan membuka telingamu agar kamu boleh mendengar, dan hatimu agar kamu boleh memahami, dan fikiranmu agar misteri-misteri Tuhan boleh dibentangkan kepada pandanganmu.

10 Aku tidak memerintahkanmu untuk datang ke mari agar kamu hendaknya takut kepadaku, atau agar kamu hendaknya berfikir bahawa aku sendiri lebih daripada orang fana.

11 Tetapi aku sama seperti dirimu sendiri, tunduk pada segala macam kelemahan dalam tubuh dan fikiran; namun aku telah dipilih oleh rakyat ini, dan ditahbiskan oleh ayahku, dan dibiarkan oleh tangan Tuhan agar aku hendaknya menjadi pemerintah dan raja atas rakyat ini; dan telah dipelihara dan dilindungi oleh kuasa-Nya yang tiada bandingnya, untuk melayanimu dengan segala daya, fikiran dan kekuatan yang telah Tuhan berikan kepadaku.

12 Aku berkata kepadamu bahawa sebagaimana aku telah

dibiarkan untuk menghabiskan masa hidupku dalam pelayan-anmu, bahkan hingga waktu ini, dan tidak mencari emas atau perak atau apa-apa jenis kekayaan pun daripadamu;

13 Tidak juga telah aku biarkan bahawa kamu hendaknya dikurungan di dalam penjara bawah tanah, atau bahawa kamu hendaknya saling memperhambakan, atau bahawa kamu hendaknya membunuh, atau menjarah, atau mencuri, atau berbuat zina; bahkan tidak pun telah aku biarkan bahawa kamu hendaknya berbuat sebarang jenis kejahatan, dan telah mengajarmu agar kamu hendaknya mentaati perintah-perintah Tuhan, dalam segala hal yang telah Dia perintahkan kepadamu—

14 Dan bahkan aku, diriku sendiri, telah bekerja dengan tanganku sendiri agar aku dapat melayanimu, dan agar kamu hendaknya tidak dibebani dengan cukai-cukai, dan agar hendaknya tidak ada apa pun datang ke atas dirimu yang memilukan untuk ditanggung—dan tentang segala hal ini yang telah aku ucapkan, kamu sendiri adalah saksi-saksi hari ini.

15 Namun, saudara-saudaraku, aku tidak melakukan hal-hal ini agar aku boleh bercakap besar, tidak juga aku beritahukan hal-hal ini agar dengan demikian aku boleh menuduhmu; tetapi aku memberitahu kamu hal-hal ini agar kamu boleh tahu bahawa aku dapat menjawab dengan hati

nurani yang jernih di hadapan Tuhan hari ini.

16 Lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa kerana aku telah berkata kepadamu bahawa aku telah menghabiskan masa hidupku dalam pelayananmu, aku tidak berhasrat untuk bercakap besar, kerana aku semata-mata telah berada dalam pelayanan Tuhan.

17 Dan lihatlah, aku memberitahu kamu hal-hal ini agar kamu boleh belajar kebijaksanaan; agar kamu boleh belajar bahawa apabila kamu berada dalam pelayanan sesamamu, kamu semata-mata dalam pelayanan Tuhanmu.

18 Lihatlah, kamu telah memanggilku rajamu; dan jika aku, yang kamu panggil rajamu, bekerja untuk melayanimu, maka bukankah seharusnya kamu bekerja untuk melayani satu sama lain?

19 Dan lihatlah juga, jika aku, yang kamu panggil rajamu, yang telah menghabiskan masa hidupnya dalam pelayananmu, dan namun telah memberi khidmat kepada Tuhan, layak menerima syukur daripadamu, Ya, betapa kamu seharusnya bersyukur kepada Raja Syurgawimu!

20 Aku berkata kepadamu, saudara-saudaraku, bahawa jika kamu akan memberikan segala syukur dan pujian yang seluruh jiwamu berkuasa miliki, kepada Tuhan itu yang telah menciptakanmu, dan telah memelihara dan melindungiimu, dan telah menyebabkan bahawa kamu hendaknya bersukacita, dan telah membiarkan

bahawa kamu hendaknya hidup dalam kedamaian antara satu sama lain—

21 Aku berkata kepadamu bahawa jika kamu akan melayani Dia yang telah menciptakanmu sejak awal, dan melindungiimu dari hari ke hari, dengan meminjamkanmu nafas, agar kamu boleh hidup dan bergerak dan melakukan menurut kehendakmu sendiri, dan bahkan mendukungmu dari satu saat ke saat yang lain—aku berkata, jika kamu akan melayani-Nya dengan segenap keseluruhan jiwamu masihlah kamu akan menjadi para hamba yang tidak menguntungkan.

22 Dan lihatlah, semua yang Dia tuntutan daripadamu adalah mentaati perintah-perintah-Nya; dan Dia telah berjanji kepadamu bahawa jika kamu akan mentaati perintah-perintah-Nya kamu akan makmur di negeri ini; dan Dia tidak pernah berubah dari apa yang telah Dia firmankan; oleh kerana itu, jika kamu mentaati perintah-perintah-Nya Dia memberkatimu dan memakmurkanmu.

23 Dan sekarang, pertama, Dia telah menciptakanmu, dan memberi kepadamu nyawamu, yang untuknya kamu berhutang kepada-Nya.

24 Dan yang kedua, Dia menuntut bahawa kamu hendaknya melakukan seperti yang telah Dia perintahkan kepadamu; yang untuknya jika kamu melakukannya, Dia dengan segera memberkatimu; dan oleh kerana itu Dia telah membayarmu. Dan kamu masih

berhutang kepada-Nya, dan masih, dan akan, selama-lamanya; oleh kerana itu, tentang apakah kamu boleh bercakap besar?

25 Dan sekarang, aku bertanya, dapatkah kamu berkata sesuatu tentang dirimu? Aku menjawab kepadamu, Tidak. Kamu tidak dapat berkata bahawa kamu bahkan seharga debu bumi; namun kamu diciptakan daripada debu bumi; tetapi lihatlah, itu kepunyaan Dia yang menciptakanmu.

26 Dan aku, bahkan aku, yang kamu panggil rajamu, tidaklah lebih baik daripada kamu sendiri; kerana aku juga daripada debu. Dan kamu lihat bahawa aku tua, dan hampir menyerahkan raga fana ini kepada ibu pertiwinya.

27 Oleh kerana itu, seperti yang aku katakan kepadamu bahawa aku telah melayanimu, berjalan dengan hati nurani yang jernih di hadapan Tuhan, demikian pula aku pada waktu ini telah menyuruh agar kamu hendaknya berhimpun bersama, agar aku boleh didapati tidak bersalah, dan agar darahmu tidak akan datang ke atas diriku, ketika aku akan berdiri untuk dihakimi oleh Tuhan akan apa yang telah Dia perintahkan kepadaku berkenaan kamu.

28 Aku berkata kepadamu bahawa aku telah menyuruh agar kamu hendaknya berhimpun bersama agar aku boleh membersihkan pakaianku daripada darahmu, pada tempoh masa ini ketika aku hampir turun ke kuburku, agar aku boleh pergi

dalam kedamaian, dan roh baqaku boleh bergabung dengan paduan suara para malaikat di atas dalam menyanyikan puji-pujian bagi seorang Tuhan yang adil.

29 Dan selain itu, aku berkata kepadamu bahawa aku telah menyuruh agar kamu hendaknya berhimpun bersama, agar aku boleh memaklumkan kepadamu bahawa aku tidak dapat lagi menjadi pengajarmu, ataupun rajamu;

30 Kerana bahkan pada waktu ini, seluruh ragaku amat gementar semasa berusaha untuk berbicara kepadamu; tetapi Tuhan Raja mendukungku, dan telah membiarkanku bahawa aku hendaknya berbicara kepadamu, dan telah memerintahkanku bahawa aku hendaknya memaklumkan kepadamu hari ini, bahawa puteraku Mosia adalah raja dan pemerintah atasmu.

31 Dan sekarang, saudara-saudaraku, aku menghendaki agar kamu patut melakukan seperti yang telah kamu lakukan hingga kini. Sebagaimana kamu telah mentaati perintah-perintahku, dan juga perintah-perintah ayahku, dan telah makmur, dan telah dilindungi daripada jatuh ke dalam tangan musuhmu, demikian pula jika kamu akan mentaati perintah-perintah puteraku, atau perintah-perintah Tuhan yang akan disampaikan kepadamu olehnya, kamu akan makmur di negeri ini, dan musuhmu tidak akan memiliki kuasa atas dirimu.

32 Tetapi, Wahai rakyatku,

berhati-hatilah agar jangan akan timbul perselisihan di antara kamu, dan kamu mahu mematuhi roh jahat, yang dibicarakan oleh ayahku Mosia.

33 Kerana lihatlah, ada suatu celaka diisytiharkankan ke atas dia yang memilih untuk mematuhi roh itu; kerana jika dia memilih untuk mematuhinya, dan tetap tinggal dan mati dalam dosa-dosanya, orang yang sama itu meminum laknat ke dalam jiwanya sendiri; kerana dia menerima untuk upahnya suatu hukuman kekal, setelah melanggar hukum Tuhan yang bertentangan dengan pengetahuannya sendiri.

34 Aku berkata kepadamu, bahawa tiada sesiapa pun di antara kamu, kecuali anak-anak kecilmu yang belum diajarkan berkenaan hal-hal ini, yang tidak mengetahui bahawa kamu secara abadi berhubung kepada Bapa syurgawimu, untuk memberikan kepada-Nya semua yang kamu miliki dan dirimu; dan juga telah diajarkan berkenaan catatan-catatan yang mengandungi nubuat-nubuat yang telah diucapkan oleh para nabi kudus, bahkan hingga waktu bapa kita, Lehi, meninggalkan Yerusalem;

35 Dan juga, semua yang telah dibicarakan oleh nenek moyang kita sampai sekarang. Dan lihatlah, juga, mereka membicarakan apa yang diperintahkan kepada mereka oleh Tuhan; oleh kerana itu, ianya adil dan benar.

36 Dan sekarang, aku berkata

kepadamu, saudara-saudaraku, bahawa setelah kamu mengetahui dan diajarkan segala hal ini, jika kamu akan melanggar dan menentang apa yang telah dibicarakan, sehingga kamu menarik dirimu dari Roh Tuhan, maka ia tidak boleh memiliki tempat dalam dirimu untuk membimbingmu di jalan kebijaksanaan agar kamu boleh diberkati, dimakmurkan, dan dilindungi—

37 Aku berkata kepadamu, bahawa orang yang melakukan ini, orang yang sama itu menyatakan diri dalam pemberontakan terbuka melawan Tuhan; oleh kerana itu dia memilih untuk mematuhi roh jahat, dan menjadi musuh terhadap segala kebenaran; oleh kerana itu, Tuhan tidak memiliki tempat dalam dirinya, kerana Dia tidak berdiam di dalam bait suci yang tidak kudus.

38 Oleh kerana itu jika orang itu tidak bertaubat, dan tetap tinggal dan mati sebagai musuh kepada Tuhan, tuntutan keadilan ilahi membangunkan jiwa baqanya kepada kesedaran yang cergas akan kesalahannya sendiri, yang menyebabkannya mengecut dari hadirat Tuhan, dan memenuhi dadanya dengan kesalahan, dan rasa sakit, dan kepedihan, yang adalah seperti api yang tidak dapat dipadamkan, yang nyalanya naik ke atas selama-lamanya.

39 Dan sekarang, aku berkata kepadamu, bahawa belas kasihan tidak memiliki tuntutan atas orang itu; oleh kerana itu nasib akhirnya

adalah menanggung seksaan yang tak akan berakhir.

40 Wahai, kamu semua orang yang tua, dan juga kamu orang yang muda, dan kamu anak-anak kecil yang dapat memahami kata-kataku, kerana aku telah berbicara dengan jelas kepadamu agar kamu boleh memahami, aku berdoa agar kamu hendaknya bangun kepada ingatan tentang keadaan dahsyat mereka yang telah jatuh ke dalam pelanggaran.

41 Dan selain itu, aku berhasrat agar kamu hendaknya mempertimbangkan keadaan diberkati dan bahagia orang yang mentaati perintah-perintah Tuhan. Kerana lihatlah, mereka diberkati dalam segala hal, baik duniawi mahupun rohani; dan jika mereka bertahan setia sampai akhir mereka diterima ke dalam syurga, agar dengan demikian mereka boleh berdiam bersama Tuhan dalam suatu keadaan kebahagiaan yang tak akan berakhir. Ya ingatlah, ingatlah bahawa hal-hal ini adalah benar; kerana Tuhan Raja telah memfirmankannya.

BAB 3

Raja Benyamin melanjutkan titah ucapannya—Tuhan Yang Maha Kuasa akan melayani di kalangan manusia dalam jasad yang diperbuat daripada tanah liat—Darah akan keluar dari setiap liang roma sewaktu Dia menebas dosa-dosa dunia—Hanya nama-Nya sahaja yang akan mendatangkan

keselamatan—Manusia dapat menanggalkan manusia alami dan menjadi Orang Suci melalui Korban Tebusan—Seksaan bagi yang jahat akan bagaikan sebuah tasik api dan belerang. Kira-kira 124 tahun S.M.

DAN lagi saudara-saudaraku, aku hendak meminta perhatianmu, kerana aku ada sedikit lagi untuk dibicarakan kepadamu; kerana lihatlah, aku memiliki hal-hal untuk diberitahukan kepadamu berkenaan apa yang akan datang.

2 Dan apa yang akan aku beritahu kepadamu disingkatkan kepadaku oleh seorang malaikat daripada Tuhan. Dan dia berkata kepadaku: Bangunlah; dan aku bangun, dan lihatlah dia berdiri di hadapanku.

3 Dan dia berkata kepadaku: Bangunlah, dan dengarlah kata-kata yang akan aku beritahumu; kerana lihatlah, aku telah datang untuk memaklumkan kepadamu khabar gembira tentang kebahagiaan yang besar.

4 Kerana Tuhan telah mendengar doa-doamu, dan telah menilai kesolehanmu, dan telah mengutusku untuk memaklumkan kepadamu bahawa engkau boleh bersukacita; dan bahawa engkau boleh memaklumkan kepada rakyatmu, agar mereka juga boleh dipenuhi dengan kebahagiaan.

5 Kerana lihatlah, waktunya mendekat, dan tidaklah terlalu jauh, ketika dengan kuasa, Tuhan Yang Maha Kuasa yang memerintah,

yang dahulu wujud, dan wujud dari segala keabadian ke segala keabadian, akan turun dari syurga ke kalangan anak-anak manusia, dan akan berdiam dalam fana, dan akan pergi ke kalangan manusia, mengerjakan mukjizat-mukjizat yang agung, seperti menyembuhkan yang sakit, menghidupkan kembali yang mati, menyebabkan yang lumpuh berjalan, yang buta menerima penglihatan mereka, dan yang tuli mendengar, dan menyembuhkan segala macam penyakit.

6 Dan Dia akan mengusir para iblis, atau roh-roh jahat yang berdiam dalam hati anak-anak manusia.

7 Dan tengoklah, Dia akan menderita cubaan, dan rasa sakit tubuh, kelaparan, kehausan, dan keletihan, bahkan lebih daripada yang dapat manusia derita, kecuali kematian; kerana lihatlah, darah keluar dari setiap liang roma, akan sedemikian dahsyat kepedihan-Nya kerana kejahatan dan kekejian umat-Nya.

8 Dan Dia akan dipanggil Yesus Kristus, Putera Tuhan, Bapa langit dan bumi, Pencipta segala-galanya sejak awal; dan ibu-Nya akan dipanggil Maria.

9 Dan tengoklah, Dia datang kepada umat-Nya, agar keselamatan boleh datang kepada anak-anak manusia bahkan melalui iman pada nama-Nya; dan bahkan setelah semuanya ini mereka akan menganggap-Nya seorang manusia, dan mengatakan

bahawa Dia dirasuk iblis, dan akan mencambuk-Nya, dan akan menyalibkan-Nya.

10 Dan Dia akan bangkit pada hari ketiga dari kematian; dan lihatlah, Dia berdiri untuk menghakimi dunia; dan lihatlah, segala hal ini dilakukan agar penghakiman yang adil boleh datang ke atas anak-anak manusia.

11 Kerana lihatlah, dan juga darah-Nya menebus dosa-dosa mereka yang telah jatuh kerana pelanggaran Adam, yang telah mati tanpa mengetahui kehendak Tuhan berkenaan mereka, atau yang telah berdosa tanpa mengetahuinya.

12 Tetapi celakalah, celakalah dia yang mengetahui bahawa dia memberontak melawan Tuhan! Kerana keselamatan tidak datang kepada yang demikian kecuali melalui pertaubatan dan iman kepada Tuhan Yesus Kristus.

13 Dan Tuhan Raja telah mengutus para nabi kudus-Nya ke kalangan semua anak manusia, untuk memaklumkan hal-hal ini kepada setiap kaum, bangsa, dan bahasa, agar dengan demikian barang siapa akan percaya bahawa Kristus akan datang, orang yang sama boleh menerima pengampunan akan dosa-dosa mereka, dan bersukacita dengan kebahagiaan yang amat besar, bahkan seakan-akan Dia telah datang di kalangan mereka.

14 Namun Tuhan Raja melihat bahawa umat-Nya adalah umat yang tegar leher, dan Dia menetapkan

bagi mereka sebuah hukum, bahkan hukum Musa.

15 Dan banyak tanda, dan keajaiban, dan perlambang, dan bayangan diperlihatkan-Nya kepada mereka, berkenaan kedatangan-Nya; dan juga para nabi kudus berbicara kepada mereka berkenaan kedatangan-Nya; namun mereka mengeraskan hati mereka, dan tidak mengerti bahawa hukum Musa tak berfaedah langsung kecuali melalui korban tebusan daripada darah-Nya.

16 Dan bahkan jika mungkin bahawa anak-anak kecil dapat berdosa mereka tidak dapat diselamatkan; tetapi aku berkata kepadamu bahawa mereka diberkati; kerana lihatlah, sebagaimana dalam Adam, atau secara tabii, mereka jatuh, demikian pula darah Kristus menebuskan dosa-dosa mereka.

17 Dan tambahan pula, aku berkata kepadamu, bahawa tidak akan ada nama lain diberikan atau jalan lain atau cara lain apa pun yang melaluinya keselamatan dapat datang kepada anak-anak manusia, hanya dalam dan melalui nama Kristus, Tuhan Yang Maha Berkuasa.

18 Kerana lihatlah Dia menghakimi, dan penghakiman-Nya adalah adil; dan bayi yang mati pada masa bayinya tidaklah binasa; tetapi manusia meminum laknat bagi jiwa mereka sendiri kecuali mereka merendahkan hati mereka dan menjadi seperti anak kecil, dan percaya bahawa penyelamatan itu

wujud dahulu, dan sekarang, dan akan datang, dalam dan melalui darah korban tebusan Kristus, Tuhan Yang Maha Berkuasa.

19 Kerana manusia alamiah adalah musuh kepada Tuhan, dan telah demikian sejak kejatuhan Adam, dan akan demikian, selamanya, kecuali dia menyerah pada pujukan Roh Kudus, dan menanggalkan manusia alamiah dan menjadi orang suci melalui korban tebusan Kristus Tuhan, dan menjadi seperti seorang anak kecil, peserah, lembut hati, rendah hati, sabar, penuh dengan kasih, rela untuk berserah pada segalanya yang Tuhan anggap patut untuk ditimpakan ke atas dirinya, bahkan seperti anak kecil berserah kepada ayahnya.

20 Dan tambahan pula, aku berkata kepadamu, bahawa waktunya akan tiba ketika pengetahuan tentang Juruselamat akan menyebar ke setiap bangsa, kaum, bahasa, dan khalayak.

21 Dan lihatlah, ketika waktu itu tiba, tak seorang pun akan didapati tanpa salah di hadapan Tuhan, kecuali anak-anak kecil, hanya melalui pertaubatan dan iman pada nama Tuhan Raja Yang Maha Kuasa.

22 Dan bahkan pada waktu ini, ketika engkau akan telah mengajar rakyatmu apa yang telah Tuhan Rajamu perintahkan kepadamu, bahkan pada waktu itu mereka tidak lagi didapati tanpa kesalahan dalam pandangan Tuhan, kecuali

menurut kata-kata yang telah aku ucapkan kepadamu.

23 Dan sekarang, aku telah mengucapkan firman yang telah Tuhan Raja perintahkan kepadaku.

24 Dan demikianlah firman Tuhan: Ia akan berdiri sebagai kesaksian yang cemerlang menentang bangsa ini, pada hari kiamat; oleh kerana itu mereka akan dihakimi, setiap orang menurut kerja-kerjaannya, sama ada ianya baik, atau sama ada ianya jahat.

25 Dan jika ianya jahat mereka diserahkan pada pemandangan yang menyeramkan akan kesalahan dan kekejian mereka sendiri, yang menyebabkan mereka mengecut daripada hadirat Tuhan ke dalam keadaan kegetiran dan seksaan tanpa akhir, yang daripadanya mereka tidak dapat lagi kembali; oleh kerana itu mereka telah meminum laknat bagi jiwa mereka sendiri.

26 Oleh kerana itu, mereka telah minum dari cawan kemurkaan Tuhan, yang keadilan tidak dapat menyangkal itu adalah patut bagi mereka, lebih daripada ia dapat menyangkal bahawa Adam akan jatuh kerana dia memakan buah terlarang; oleh kerana itu, belas kasihan tidak dapat menuntut hak atas diri mereka lagi buat selama-lamanya.

27 Dan seksaan mereka adalah bagaikan sebuah tasik api dan belerang, yang nyalanya tak dapat dipadamkan, dan yang asapnya naik ke atas selama-lamanya.

Demikianlah Tuhan telah memerintahkanku. Amin.

BAB 4

Raja Benyamin meneruskan titah ucapannya—Keselamatan datang kerana Korban Tebusan—Percayalah kepada Tuhan supaya diselamatkan—Kekalkanlah pengampunan dosa-dosamu melalui kesetiaan—Berikanlah harta kekayaanmu kepada yang miskin—Lakukanlah segala hal menurut kebijaksanaan dan ketertiban. Kira-kira 124 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa ketika raja Benyamin telah mengakhiri mengucapkan kata-kata yang telah disampaikan kepadanya oleh seorang malaikat Tuhan, bahawa dia mengarahkan matanya ke sekitar khalayak ramai, dan melihat mereka telah jatuh ke tanah, kerana rasa takut akan Tuhan telah datang ke atas diri mereka.

2 Dan mereka telah melihat diri mereka dalam keadaan badaniah mereka sendiri, bahkan lebih rendah daripada debu bumi. Dan mereka semua berseru nyaring dengan satu suara, mengatakan: Ya berbelas kasihanlah, dan kenakanlah darah korban tebusan Kristus agar kami boleh menerima pengampunan akan dosa-dosa kami, dan hati kami boleh dimurnikan; kerana kami percaya kepada Yesus Kristus, Putera Tuhan, yang menciptakan langit dan bumi, dan segala sesuatu; yang akan turun ke kalangan anak-anak manusia.

3 Dan terjadilah bahawa setelah mereka mengucapkan kata-kata ini Roh Tuhan datang ke atas diri mereka, dan mereka dipenuhi dengan kebahagiaan, setelah menerima pengampunan akan dosa-dosa mereka, dan memperoleh kedamaian hati nurani, kerana iman yang amat besar yang mereka punyai kepada Yesus Kristus yang akan datang, menurut kata-kata yang telah raja Benyamin ucapkan kepada mereka.

4 Dan raja Benyamin kembali membuka mulutnya dan mulai berbicara kepada mereka, mengatakan: Teman-temanku dan saudara-saudaraku, kaumku dan rakyatku, aku mahu lagi meminta perhatianmu, agar kamu boleh mendengar dan memahami sisa kata-kataku yang akan aku ucapkan kepadamu.

5 Kerana lihatlah, jika pengetahuan tentang kebaikan Tuhan pada waktu ini telah membangunkanmu pada suatu pemahaman akan ketidakpentinganmu, dan keadaanmu yang tak berharga dan terjatuh—

6 Aku berkata kepadamu, jika kamu telah sampai pada suatu pengetahuan tentang kebaikan Tuhan, dan kuasa-Nya yang tiada bandingnya, dan kebijaksanaan-Nya, dan kesabaran-Nya, dan kepanjangsabaran-Nya terhadap anak-anak manusia; dan juga, korban tebusan yang telah dipersiapkan sejak pengasasan dunia, agar dengan demikian keselamatan boleh datang kepada dia yang

akan menaruh kepercayaannya kepada Tuhan, dan akan tekun dalam mentaati perintah-perintah-Nya, dan berterus dalam iman bahkan sampai akhir kehidupannya, aku maksudkan kehidupan tubuh fana—

7 Aku berkata, bahawa inilah orang yang menerima penyelamatan, melalui korban tebusan yang dipersiapkan sejak pengasasan dunia bagi seluruh umat manusia, yang pernah ada sejak kejatuhan Adam, atau yang sekarang ada, atau yang akan pernah ada, bahkan sampai akhir dunia.

8 Dan inilah cara yang melaluinya keselamatan datang. Dan tidak ada keselamatan lain kecuali ini yang telah dibicarakan; tidak juga ada syarat apa pun yang melaluinya manusia dapat diselamatkan kecuali syarat-syarat yang telah aku beritahukan kepadamu.

9 Percayalah kepada Tuhan; percayalah bahawa Dia ada, dan bahawa Dia menciptakan segalanya, baik di langit mahupun di bumi; percayalah bahawa Dia memiliki segala kebijaksanaan, dan segala kuasa, baik di langit mahupun di bumi; percayalah bahawa manusia tidak memahami segala hal yang dapat Tuhan fahami.

10 Dan lagi, percayalah bahawa kamu mesti bertaubat akan dosadomu dan meninggalkannya, dan rendahkanlah hatimu di hadapan Tuhan; dan mintalah dalam ketulusan hati agar Dia akan mengampunimu; dan sekarang, jika kamu mempercayai segala

hal ini pastikanlah bahawa kamu melakukannya.

11 Dan lagi aku berkata kepadamu seperti yang telah aku katakan sebelum ini, bahawa jika kamu telah sampai pada pengetahuan tentang kemuliaan Tuhan, atau jika kamu telah mengenal tentang kebaikan-Nya dan telah merasai kasih-Nya, dan telah menerima pengampunan akan dosa-dosamu, yang menyebabkan kebahagiaan yang sedemikian besarnya dalam jiwamu, walaupun demikian aku menghendaki agar kamu patut ingat, dan selalu kekalkannya dalam ingatan, keagungan Tuhan, dan ketidakpentinganmu sendiri, dan kebaikan dan panjang sabar-Nya terhadapmu, makhluk yang tidak layak, dan merendahkan hatimu bahkan dalam kedalaman kerendahan hati, memanggil nama Tuhan setiap hari, dan berdiri dengan tabah dalam iman tentang apa yang akan datang, yang diucapkan oleh mulut malaikat.

12 Dan lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa jika kamu melakukan ini kamu akan selalu bersukacita, dan dipenuhi dengan kasih Tuhan, dan selalu mengekalkan pengampunan dosa-dosamu; dan kamu akan membesar dalam pengetahuan tentang kemuliaan Dia yang menciptakanmu, atau dalam pengetahuan tentang apa yang tepat dan benar.

13 Dan kamu tidak akan memiliki fikiran untuk saling mencederai, tetapi untuk hidup dengan damai, dan untuk memberikan kepada

setiap orang menurut apa yang adalah haknya.

14 Dan kamu tidak akan membiarkan anak-anakmu bahawa mereka lapar, atau telanjang; tidak juga akan kamu biarkan bahawa mereka melanggar hukum-hukum Tuhan, dan berkelahi dan bertengkar satu sama lain, dan melayani iblis, yang adalah sarjana dosa, atau yang adalah roh jahat yang telah dibicarakan oleh nenek moyang kita, dia yang adalah musuh kepada segala kebenaran.

15 Tetapi kamu akan mengajar mereka untuk berjalan di jalan kebenaran dan kesungguhan; kamu akan mengajar mereka untuk saling mengasihi, dan untuk saling melayani.

16 Dan juga, kamu sendiri akan menyokong mereka yang memerlukan bantuanmu; kamu akan memberikan harta kekayaanmu kepada dia yang memerlukan bantuan; dan kamu tidak akan membiarkan bahawa pengemis membuat permohonan kepadamu dengan sia-sia, dan mengusirnya untuk binasa.

17 Barangkali engkau akan berkata: Orang itu telah membawa ke atas dirinya sendiri kegetirannya; oleh kerana itu aku akan menahan tanganku, dan tidak akan memberi kepadanya daripada makananku, tidak juga memberikan kepadanya daripada harta kekayaanku agar dia boleh tidak menderita, kerana hukumannya adalah adil—

18 Tetapi aku berkata kepadamu, Wahai manusia, barang

siapa melakukan ini orang yang sama itu mempunyai alasan besar untuk bertaubat; dan kecuali dia bertaubat akan apa yang telah dia lakukan dia binasa selamanya, dan tidak mempunyai bahagian di dalam kerajaan Tuhan.

19 Kerana lihatlah, bukankah kita semua pengemis? Tidakkah kita semua bergantung kepada Makhluk yang sama, bahkan Tuhan, untuk semua harta kekayaan yang kita miliki, untuk makanan mahupun pakaian, dan untuk emas, dan untuk perak, dan untuk semua kekayaan yang kita miliki daripada setiap jenis?

20 Dan lihatlah, bahkan pada waktu ini, kamu telah memanggil nama-Nya, dan merayu memohon pengampunan akan dosa-dosamu. Dan adakah Dia membiarkan bahawa kamu memohon dengan sia-sia? Tidak; Dia telah mencurahkan Roh-Nya ke atas dirimu, dan telah menyebabkan bahawa hatimu akan dipenuhi dengan kebahagiaan, dan telah menyebabkan bahawa mulutmu akan terkatup sehingga kamu tidak dapat bercakap, sedemikian amat besarnya kebahagiaanmu.

21 Dan sekarang, jika Tuhan, yang telah menciptakanmu, yang kepada-Nya kamu bergantung untuk kehidupanmu dan untuk segala yang kamu miliki dan dirimu, memberikan kepadamu apa pun yang kamu minta yang benar, dalam iman, percaya bahawa kamu akan menerima, Ya maka, betapa kamu seharusnya memberikan

harta kekayaan yang kamu miliki seorang kepada yang lain.

22 Dan jika kamu menghakimi orang yang membuat permohonan kepadamu untuk harta kekayaanmu agar dia tidak binasa, dan mengutuknya, seberapa lebih adil akan jadinya kutukanmu kerana menahan harta kekayaanmu, yang bukan kepunyaanmu tetapi kepunyaan Tuhan, yang oleh-Nya hidupmu dimiliki; namun kamu tidak membuat permohonan, atau bertaubat akan apa yang telah engkau lakukan.

23 Aku berkata kepadamu, celakalah bagi orang itu, kerana harta kekayaannya akan musnah bersamanya; dan sekarang, aku mengatakan hal-hal ini kepada mereka yang kaya berkaitan dengan apa yang daripada dunia ini.

24 Dan lagi, aku berkata kepada yang miskin, kamu yang tidak memiliki namun memiliki cukup, sehingga kamu tetap dari hari ke hari; aku maksudkan kamu semua yang menolak pengemis, kerana kamu tidak memiliki; aku menghendaki bahawa kamu berkata dalam hatimu bahawa: Aku tidak memberi kerana aku tidak memiliki, tetapi jika aku memiliki aku akan memberi.

25 Dan sekarang, jika kamu mengatakan ini dalam hatimu kamu tetap tak bersalah, jika tidak kamu akan dihukum; dan penghukumanmu adalah adil kerana kamu mendambakan apa yang tidak kamu terima.

26 Dan sekarang, demi

kepentingan hal-hal ini yang telah aku ucapkan kepadamu—iaitu, demi mengekalkan pengampunan dosa-dosamu dari hari ke hari, agar kamu boleh berjalan tak bersalah di hadapan Tuhan—aku menghendaki agar kamu patut memberikan harta kekayaanmu kepada yang miskin, setiap orang menurut apa yang dia miliki, seperti memberi makan kepada yang lapar, memberi pakaian kepada yang telanjang, mengunjungi yang sakit dan memberi bantuan bagi kelegaannya mereka, baik secara rohani mahupun secara duniawi, menurut kemahuan mereka.

27 Dan pastikanlah bahawa segala hal ini dilakukan menurut kebijaksanaan dan ketertiban; kerana tidaklah perlu bahawa seseorang hendaknya berlari lebih cepat daripada kekuatan yang dia miliki. Dan lagi, adalah perlu bahawa dia hendaknya tekun, agar dengan demikian dia boleh memenangkannya; oleh kerana itu, segala hal mestilah dilakukan menurut tertib.

28 Dan aku menghendaki agar kamu mesti ingat, bahawa barang siapa di antara kamu meminjam daripada jirannya mestilah dia mengembalikan apa yang dia pinjam, menurut seperti yang dia setuju, kalau tidak engkau akan berbuat dosa; dan barangkali engkau akan menyebabkan jiranmu berbuat dosa juga.

29 Dan akhirnya, aku tidak dapat memberitahu kamu segalanya yang dengannya kamu boleh

berbuat dosa; kerana ada pelbagai jalan dan cara, bahkan sedemikian banyaknya sehingga aku tidak dapat menghitungnya.

30 Tetapi sebanyak ini aku dapat memberitahu kamu, bahawa jika kamu tidak menjaga dirimu, dan fikiranmu, dan perkataan-perkataanmu, dan perbuatanmu, dan mematuhi perintah-perintah Tuhan, dan berterusan dalam iman tentang apa yang telah kamu dengar berkenaan kedatangan Tuhan kita, bahkan sampai akhir hidupmu, kamu mestilah binasa. Dan sekarang, wahai manusia, ingatlah, dan janganlah binasa.

BAB 5

Orang Suci menjadi putera-puteri Kristus melalui iman—Ketika itu, mereka dipanggil dengan nama Kristus—raja Benyamin menggesa mereka untuk tabah dan tak tergoaya dalam kerja-kerja baik. Kira-kira 124 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa ketika raja Benyamin telah berbicara demikian kepada rakyatnya, dia mengutus ke kalangan mereka, berhasrat untuk mengetahui daripada rakyatnya adakah mereka mempercayai kata-kata yang telah dia ucapkan kepada mereka.

2 Dan mereka semua berseru dengan satu suara, mengatakan: Ya, kami mempercayai segala kata-kata yang telah kamu ucapkan kepada kami; dan juga, kami mengetahui akan kepastian dan

kebenarannya, kerana Roh Tuhan Yang Maha Kuasa, yang telah mengerjakan perubahan yang hebat dalam diri kami, atau dalam hati kami, sehingga kami tidak memiliki lagi kecenderungan untuk melakukan yang jahat, tetapi sentiasa melakukan yang baik.

3 Dan kami, diri kami sendiri, juga, melalui kebaikan Tuhan yang tidak terhingga, dan pernyataan Roh-Nya, memiliki pemandangan yang mustahak tentang apa yang akan datang; dan seandainya wajar, kami dapat bernubuat tentang segala hal.

4 Dan adalah iman yang telah kami miliki berkenaan apa yang telah raja kami ucapkan kepada kami yang telah membawa kami pada pengetahuan yang mustahak ini, yang dengannya kami bersukacita dengan kebahagiaan yang demikian amat besarnya.

5 Dan kami bersedia untuk masuk ke dalam suatu perjanjian dengan Tuhan kami untuk melakukan kehendak-Nya, dan untuk patuh pada perintah-perintah-Nya dalam segala hal yang Dia akan perintahkan kepada kami, bermula dari saat ini, agar mungkin kami tidak membawa ke atas diri kami suatu seksaan yang tiada akhirnya, seperti yang telah diucapkan oleh malaikat, agar kami mungkin tidak minum daripada cawan kemurkaan Tuhan.

6 Dan sekarang, inilah kata-kata yang raja Benyamin hasratkan daripada mereka; dan oleh kerana itu dia berkata kepada mereka:

Kamu telah mengucapkan perkataan yang aku hasratkan; dan perjanjian yang telah kamu buat adalah sebuah perjanjian yang benar.

7 Dan sekarang, kerana perjanjian yang telah kamu buat, kamu akan disebut anak-anak Kristus, para putera-Nya, dan para puteri-Nya; kerana lihatlah, hari ini Dia telah secara rohani memperanakanmu; kerana kamu berkata bahawa hatimu diubah melalui iman pada nama-Nya; oleh kerana itu, kamu dilahirkan daripada-Nya dan telah menjadi para putera-Nya dan para puteri-Nya.

8 Dan di bawah gelaran ini kamu dijadikan bebas, dan tidak ada gelaran lain yang dengannya kamu dapat dijadikan bebas. Tidak ada nama lain diberikan yang melaluinya keselamatan datang; oleh kerana itu, aku menghendaki agar kamu patut mengambil ke atas dirimu nama Kristus, kamu semua yang telah masuk ke dalam perjanjian dengan Tuhan bahawa kamu harus patuh sampai akhir hidupmu.

9 Dan akan terjadi bahawa barang siapa melakukan ini akan didapati pada sisi kanan Tuhan, kerana dia akan mengetahui nama yang dengannya dia dipanggil; kerana dia akan dipanggil dengan nama Kristus.

10 Dan sekarang, akan terjadi, bahawa barang siapa tidak akan mengambil ke atas dirinya nama Kristus mesti dipanggil dengan nama lain; oleh kerana itu, dia

mendapati dirinya pada tangan kiri Tuhan.

11 Dan aku menghendaki agar kamu patut ingat juga, bahawa inilah nama yang telah aku katakan akan aku berikan kepadamu yang tidak akan dipadamkan, kecuali melalui pelanggaran; oleh kerana itu, berjagalah agar kamu tidak melanggar, agar nama itu tidak dipadamkan daripada hatimu.

12 Aku berkata kepadamu, aku menghendaki agar kamu patut ingat untuk mengekalkan nama itu tertulis selalu dalam hatimu, agar kamu tidak didapati pada tangan kiri Tuhan, tetapi agar kamu mendengar dan mengenal suara yang dengannya kamu akan dipanggil dan juga, nama yang dengannya Dia akan memanggilmu.

13 Kerana bagaimanakah seseorang mengenal tuan yang tidak dia layani, dan yang adalah orang asing baginya, dan berada jauh dari fikiran dan maksud hatinya?

14 Dan lagi, adakah seseorang mengambil seekor keldai yang adalah kepunyaan jirannya, dan menahannya? Aku berkata kepadamu, Tidak; dia bahkan tidak akan membiarkan bahawa ia akan makan di kalangan kawanannya, tetapi akan menghalaunya pergi, dan mengusirnya keluar. Aku berkata kepadamu, bahawa demikian pula akan terjadi di kalangan kamu jika kamu tidak mengetahui nama yang dengannya kamu dipanggil.

15 Oleh kerana itu, aku menghendaki agar kamu patut tabah

dan tak tergoyah, selalu berlimpah ruah dengan kerja-kerja baik, agar Kristus, Tuhan Raja Yang Maha Kuasa, boleh memeteraikanmu sebagai milik-Nya, agar kamu boleh dibawa ke syurga, agar kamu boleh memperoleh keselamatan kekal dan kehidupan abadi, melalui kebijaksanaan, dan kuasa, dan keadilan, dan belas kasihan Dia yang menciptakan segalanya di langit dan di bumi, yang adalah Tuhan yang melebihi segalanya. Amin.

BAB 6

Raja Benyamin mencatat nama-nama rakyat dan melantik imam-imam untuk mengajar mereka—Mosia memerintah sebagai raja yang soleh. Kira-kira 124–121 tahun S.M.

DAN sekarang, raja Benyamin berfikir adalah wajar, setelah selesai berbicara kepada rakyat, bahawa dia patut mencatat nama-nama mereka semua yang telah masuk ke dalam sebuah perjanjian dengan Tuhan untuk mentaati perintah-perintah-Nya.

2 Dan terjadilah bahawa tidak ada satu jiwa pun, kecuali anak-anak kecil, yang tidak masuk ke dalam perjanjian itu dan telah mengambil ke atas diri mereka nama Kristus.

3 Dan lagi, terjadilah bahawa ketika raja Benyamin telah mengakhiri segala hal ini, dan telah mentahbiskan puteranya Mosia untuk menjadi pemerintah dan raja

atas rakyatnya, dan telah memberikannya segala tanggungjawab berkenaan kerajaan, dan juga telah melantik imam-imam untuk mengajar rakyat, agar dengan demikian mereka boleh mendengar dan mengetahui perintah-perintah Tuhan, dan untuk menggugah mereka sebagai ingatan akan sumpah yang telah mereka buat, dia membubarkan khalayak ramai, dan mereka kembali, setiap orang, menurut keluarga mereka, ke rumah mereka sendiri.

4 Dan Mosia mula memerintah sebagai pengganti ayahnya. Dan dia mula memerintah pada tahun ketiga puluh dalam usianya, yang berjumlah secara keseluruhan, kira-kira empat ratus dan tujuh puluh enam tahun sejak waktu Lehi meninggalkan Yerusalem.

5 Dan raja Benyamin hidup tiga tahun dan dia mangkat.

6 Dan terjadilah bahawa raja Mosia berjalan di jalan-jalan Tuhan, dan mentaati penghakiman-Nya dan peraturan-Nya, dan mentaati perintah-Nya dalam segala hal pun yang Dia perintahkan kepadanya.

7 Dan raja Mosia menyuruh rakyatnya agar mereka hendaknya mengolah tanah. Dan dia juga, dirinya sendiri, mengolah tanah, agar dengan demikian dia tidak menjadi beban bagi rakyatnya, agar dia boleh melakukan menurut apa yang telah ayahnya lakukan dalam segala hal. Dan tidak ada perselisihan di kalangan semua rakyatnya untuk jangka masa tiga tahun.

BAB 7

Amon menemukan negeri Lehi-Nefi, di mana Limhi adalah raja—Rakyat Limhi berada dalam perhambaan kepada bangsa Laman—Limhi mengisahkan kembali sejarah mereka—Seorang nabi (Abinadi) telah bersaksi bahawa Kristus adalah Tuhan dan Bapa segala sesuatu—Mereka yang menabur kekotoran menuai puting beliung, dan mereka yang menaruh kepercayaan mereka kepada Tuhan akan dibebaskan. Kira-kira 121 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa setelah raja Mosia mengalami kedamaian berterusan untuk jangka masa tiga tahun, dia berhasrat untuk mengetahui berkenaan orang yang pergi untuk berdiam di negeri Lehi-Nefi, atau di Kota Lehi-Nefi; kerana rakyatnya tidak mendengar apa pun daripada mereka sejak waktu mereka meninggalkan negeri Zarahemla; oleh kerana itu, mereka melelahkannya dengan gangguan mereka.

2 Dan terjadilah bahawa raja Mosia mengabulkan bahawa enam belas orang lelaki mereka yang kuat boleh pergi ke negeri Lehi-Nefi, untuk menyiasat berkenaan saudara-saudara mereka.

3 Dan terjadilah bahawa pada kesokan harinya mereka mula pergi, mempunyai bersama mereka seorang bernama Amon, dia itu seorang lelaki yang kuat dan perkasa, dan keturunan Zarahemla; dan dia juga pemimpin mereka.

4 Dan sekarang, mereka tidak

mengetahui laluan yang patut mereka tempuh di padang belantara untuk pergi ke negeri Lehi-Nefi; oleh kerana itu mereka mengembara sehari-hari di padang belantara, bahkan empat puluh hari mereka mengembara.

5 Dan ketika mereka telah mengembara empat puluh hari mereka tiba di sebuah bukit, yang terletak ke utara dari negeri Silom, dan di sana mereka mendirikan khemah-khemah mereka.

6 Dan Amon membawa tiga orang saudaranya, dan nama mereka adalah Amaleki, Helem, dan Hem, dan mereka pergi turun ke negeri Nefi.

7 Dan lihatlah, mereka menemui raja kepada orang yang berada di negeri Nefi, dan di negeri Silom; dan mereka dikepung oleh pengawal raja, dan ditangkap, dan diikat, dan dimasukkan ke penjara.

8 Dan terjadilah ketika mereka telah berada di dalam penjara dua hari mereka dibawa lagi ke hadapan raja, dan ikatan mereka dilepaskan; dan mereka berdiri di hadapan raja, dan diizinkan, atau lebih tepat diperintahkan, agar mereka mesti menjawab soalan-soalan yang akan dia tanyakan kepada mereka.

9 Dan dia berkata kepada mereka: Lihatlah, aku adalah Limhi, putera Nuh, yang adalah putera Zenif, yang datang dari negeri Zarahemla untuk mewarisi negeri ini, yang adalah negeri nenek moyang mereka, yang dijadikan raja oleh suara rakyat.

10 Dan sekarang, aku berhasrat untuk mengetahui alasan yang dengannya kamu sedemikian beraninya sehingga datang mendekati tembok-tembok kota, ketika aku, diriku sendiri, berada bersama para pengawalku di luar gerbang?

11 Dan sekarang, kerana alasan ini telah aku biarkan agar kamu mesti dilindungi, agar aku boleh bertanya kepadamu, kalau tidak aku telah menyuruh agar para pengawalku mesti menghukummu mati. Kamu diizinkan untuk berbicara.

12 Dan sekarang, ketika Amon melihat bahawa dia diizinkan untuk berbicara, dia mara dan membongkokkan dirinya di hadapan raja; dan membangkit kembali dia berkata: Wahai raja, aku sangat bersyukur di hadapan Tuhan hari ini kerana aku masih hidup, dan diizinkan untuk berbicara; dan aku akan berikhtiar untuk berbicara dengan keberanian;

13 Kerana aku yakin bahawa jika kamu telah mengenaliku kamu tidak akan membiarkan bahawa aku mesti mengenakan ikatan ini. Kerana aku adalah Amon, dan adalah keturunan Zarahemla, dan telah datang dari negeri Zarahemla untuk menyiasat berkenaan saudara-saudara kami, yang Zenif bawa keluar dari negeri itu.

14 Dan sekarang, terjadilah bahawa setelah Limhi mendengar perkataan Amon, dia amat gembira, dan berkata: Sekarang, aku tahu dengan suatu kepastian bahawa saudara-saudaraku yang

berada di negeri Zarahemla masih hidup. Dan sekarang, aku akan bersukacita; dan esok hari aku akan menyebabkan agar rakyatku akan bersukacita juga.

15 Kerana lihatlah, kami berada dalam perhambaan kepada bangsa Laman, dan dikenakan cukai yang amat berat untuk ditanggung. Dan sekarang, lihatlah, saudara-saudara kami akan membebaskan kami keluar daripada perhambaan kami, atau keluar daripada tangan bangsa Laman, dan kami akan menjadi abdi mereka; kerana adalah lebih baik bahawa kami menjadi abdi kepada bangsa Nefi daripada membayar ufti kepada raja bangsa Laman.

16 Dan sekarang, raja Limhi memerintahkan para pengawalnya agar mereka hendaknya tidak lagi mengikat Amon atau saudara-saudaranya, tetapi menyuruh agar mereka hendaknya pergi ke bukit yang berada di utara Silom, dan membawa saudara-saudara mereka ke dalam kota, agar dengan demikian mereka boleh makan, dan minum, dan mengistirahatkan diri mereka daripada kerja-kerja di perjalanan mereka; kerana mereka telah menderita banyak hal; mereka telah menderita kelaparan, kehausan, dan keletihan.

17 Dan sekarang, terjadilah kesesakan harinya raja Limhi mengirinkan suatu perisytiharan ke kalangan semua rakyatnya, agar dengan demikian mereka boleh berkumpul bersama ke bait suci, untuk mendengar kata-kata

yang akan dia ucapkan kepada mereka.

18 Dan terjadilah bahawa ketika mereka telah berkumpul bersama maka dia berbicara kepada mereka dengan cara ini, mengatakan: Wahai kamu, rakyatku, angkatlah kepalamu dan terhiburlah; kerana lihatlah, waktunya cepat sampai, atau tidaklah terlalu jauh, ketika kita tidak akan lagi berada dalam ketundukan kepada musuh kita, tidak kira banyaknya perjuangan kita, yang telah sia-sia; namun aku percaya tetap ada suatu perjuangan yang berkesan untuk dibuat.

19 Oleh kerana itu, angkatlah kepalamu, dan bersukacitalah, dan taruhlah kepercayaanmu kepada Tuhan, kepada Tuhan itu yang adalah Tuhan Abraham, dan Ishak, dan Yakub; dan juga, Tuhan itu yang membawa anak-anak Israel keluar dari negeri Mesir, dan menyebabkan bahawa mereka hendaknya berjalan melalui Laut Merah di atas tanah kering, dan memberi mereka makan manna agar mereka boleh tidak binasa di padang belantara; dan banyak hal lagi Dia lakukan bagi mereka.

20 Dan lagi, Tuhan yang sama itu telah membawa nenek moyang kita keluar dari negeri Yerusalem, dan telah memelihara dan melindungi umat-Nya bahkan sampai sekarang; dan lihatlah, kerana kederhakaan dan kekejian kitalah Dia telah membawa kita ke dalam perhambaan.

21 Dan kamu semua adalah saksi hari ini, bahawa Zenif, yang

dijadikan raja atas bangsa ini, dia itu terlalu bersemangat untuk mewarisi negeri nenek moyangnya, oleh kerana itu ditipu oleh kelicikan dan kelicinan raja Laman, yang setelah masuk ke dalam suatu persetiaan dengan raja Zenif, dan setelah menyerahkan ke dalam tangannya pemilikan atas sebahagian daripada negeri itu, atau bahkan Kota Lehi-Nefi, dan Kota Silom; dan negeri di sekitarnya—

22 Dan semua ini dia lakukan, hanya untuk tujuan membawa rakyat ini ke dalam ketundukan atau ke dalam perhambaan. Dan lihatlah, kita pada waktu ini membayar ufti kepada raja bangsa Laman, dengan jumlah setengah daripada jagung kita, dan barli kita, dan bahkan semua biji-bijian kita daripada setiap jenis, dan setengah daripada pertambahan kawanan domba kita dan kawanan ternak kita; dan bahkan setengah daripada segalanya yang kita punyai atau miliki, raja bangsa Laman tuntutan daripada kita, atau nyawa kita.

23 Dan sekarang, tidakkah ini amat berat untuk ditanggung? Dan tidakkah ini, kesengsaraan kita, hebat? Sekarang lihatlah, betapa besar alasan yang kita miliki untuk berduka nestapa.

24 Ya, aku berkata kepadamu, besarlah alasan yang kita miliki untuk berduka nestapa; kerana lihatlah berapa banyak daripada saudara-saudara kita telah dibunuh, dan darah mereka telah ditumpahkan dengan sia-sia, dan semuanya kerana kederhakaan.

25 Kerana jika bangsa ini tidak terjatuh ke dalam pelanggaran Tuhan tidak akan membiarkan bahawa kejahatan besar ini datang ke atas diri mereka. Tetapi lihatlah, mereka tidak mahu mendengar firman-Nya; tetapi timbul perselisihan di kalangan mereka, bahkan sedemikian teruknya sehingga mereka menumpahkan darah di kalangan mereka sendiri.

26 Dan seorang nabi Tuhan telah mereka bunuh; ya, orang terpilih oleh Tuhan, yang memberitahu mereka tentang kejahatan dan kekejian mereka, dan bernubuat tentang banyak hal yang akan datang, ya, bahkan kedatangan Kristus.

27 Dan kerana dia berkata kepada mereka bahawa Kristus adalah Tuhan, Bapa kepada segalanya, dan berkata bahawa Dia akan mengambil ke atas diri-Nya rupa manusia, dan ia akan menjadi rupa yang menurutnya manusia diciptakan pada awalnya; atau dengan kata-kata lain, dia berkata bahawa manusia diciptakan menurut rupa Tuhan, dan bahawa Tuhan akan turun ke kalangan anak-anak manusia, dan mengambil ke atas diri-Nya daging dan darah, dan pergi ke atas permukaan bumi—

28 Dan sekarang, kerana dia mengatakan ini, mereka menjalankan hukuman mati ke atasnya; dan banyak lagi hal yang mereka lakukan yang membawa kemurkaan Tuhan ke atas diri mereka. Oleh kerana itu, siapakah yang hairan bahawa mereka berada dalam

perhambaan, dan bahawa mereka didera dengan kesengsaraan yang parah?

29 Kerana lihatlah, Tuhan telah berfirman: Aku tidak akan menyokong umat-Ku pada hari pelanggaran mereka; tetapi Aku akan menghalangi jalan mereka sehingga mereka tidak makmur; dan perbuatan mereka akan menjadi seperti batu sandungan di hadapan mereka.

30 Dan lagi, Dia berfirman: Jika umat-Ku akan menabur kekotoran, mereka akan menuai sekamnya dalam puting beliung; dan akibatnya adalah racun.

31 Dan lagi Dia berfirman: Jika umat-Ku akan menabur kekotoran, mereka akan menuai angin timur, yang membawa kehancuran serta-merta.

32 Dan sekarang, lihatlah, janji Tuhan digenapi, dan kamu didera dan disengsarakan.

33 Tetapi jika kamu akan berpaling kepada Tuhan dengan maksud hati yang sepenuhnya, dan menaruh kepercayaanmu kepada-Nya, dan melayani-Nya dengan segenap ketekunan fikiran, jika kamu melakukan ini, Dia akan, menurut kehendak dan kesenangan-Nya sendiri, membebaskanmu keluar daripada perhambaan.

BAB 8

Amon mengajar rakyat Limhi—Dia mendapat tahu tentang dua puluh empat kepingan orang Yared

itu—Catatan-catatan kuno dapat diterjemahkan oleh para pelihat—Tiada kurnia yang lebih besar daripada menjadi seorang pelihat. Kira-kira 121 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa setelah raja Limhi mengakhiri berucap kepada rakyatnya, kerana dia mengucapkan banyak hal kepada mereka dan hanya sedikit daripadanya telah aku tuliskan dalam kitab ini, dia memberitahu rakyatnya segala hal berkenaan saudara-saudara mereka yang berada di negeri Zarahemla.

2 Dan dia menyuruh agar Amon hendaknya berdiri di hadapan khalayak ramai, dan menceritakan kembali kepada mereka segala yang telah terjadi kepada saudara-saudara mereka sejak waktu Zenif keluar dari negeri itu bahkan sampai waktu dia sendiri keluar dari negeri itu.

3 Dan dia juga menceritakan kembali kepada mereka perkataan-perkataan terakhir yang telah raja Benyamin ajarkan kepada mereka, dan menjelaskannya kepada rakyat raja Limhi, supaya mereka boleh memahami segala perkataan yang dia ucapkan.

4 Dan terjadilah bahawa setelah dia melakukan semua ini, maka raja Limhi membubarkan khalayak ramai, dan menyuruh agar mereka hendaknya kembali setiap orang ke rumahnya sendiri.

5 Dan terjadilah bahawa dia menyuruh agar kepingan-kepingan yang mempunyai catatan

tentang bangsanya sejak waktu mereka meninggalkan negeri Zarahemla, hendaknya dibawa ke hadapan Amon, agar dia boleh membacanya.

6 Sekarang, segera setelah Amon membaca catatan itu, raja bertanya kepadanya untuk mengetahui adakah dia dapat mentafsirkan bahasa-bahasa, dan Amon memberitahunya bahawa dia tidak dapat.

7 Dan raja bersabda kepadanya: Dipilukan oleh kesengsaraan rakyatku, aku menyuruh agar empat puluh dan tiga orangku hendaknya mengadakan perjalanan ke padang belantara, agar dengan demikian mereka boleh menemukan negeri Zarahemla, agar kami boleh memohon kepada saudara-saudara kami untuk membebaskan kami keluar daripada perhambaan.

8 Dan mereka tersesat di padang belantara untuk jangka masa berhari-hari, namun mereka tekun, dan tidak menemukan negeri Zarahemla tetapi kembali ke negeri ini, setelah melakukan perjalanan di suatu negeri di tengah-tengah banyak perairan, setelah menemukan negeri yang diliputi dengan tulang-tulang daripada manusia, dan daripada binatang, dan juga diliputi dengan reruntuhan bangunan daripada setiap jenis, setelah menemukan negeri yang telah didiami oleh suatu bangsa yang sebanyak khalayak Israel.

9 Dan sebagai kesaksian bahawa apa yang telah mereka katakan adalah benar mereka telah membawa dua puluh empat kepingan

yang diisi dengan ukiran, dan ianya adalah daripada emas tulen.

10 Dan lihatlah, juga, mereka telah membawa perisai-perisai dada, yang adalah besar, dan ianya adalah daripada loyang dan daripada tembaga, dan dalam keadaan sempurna.

11 Dan lagi, mereka telah membawa pedang-pedang, yang hulunya telah musnah, dan mata pedangnya dikakis oleh karat; dan tidak ada seorang pun di negeri itu yang boleh mentafsirkan bahasa atau ukiran yang ada di atas kepingan-kepingan itu. Oleh kerana itu aku berkata kepadamu: Dapatkah engkau menterjemah?

12 Dan aku berkata kepadamu lagi: Kenalkah engkau sesiapa pun yang dapat menterjemah? Kerana aku berhasrat agar catatan-catatan ini hendaknya diterjemahkan ke dalam bahasa kami; kerana, barangkali, ianya akan memberi kami suatu pengetahuan tentang sisa bangsa itu yang telah dihancurkan, dari mana catatan-catatan ini datang; atau, barangkali, ianya akan memberikan kami suatu pengetahuan tentang bahkan bangsa ini yang telah dihancurkan; dan aku berhasrat untuk mengetahui sebab penghancuran mereka.

13 Sekarang, Amon berkata kepadanya: Aku dapat dengan pasti memberitahu kamu, wahai raja, tentang seseorang yang dapat menterjemahkan catatan-catatan ini; kerana dia memiliki sesuatu yang dengannya dia dapat melihat, dan menterjemahkan semua

catatan yang berasal dari zaman kuno; dan hal ini adalah kurnia daripada Tuhan. Dan benda-benda itu dipanggil alat-alat tafsir, dan tiada seorang pun dapat melihat ke dalamnya kecuali dia diperintahkan, jangan-jangan dia akan mencari itu yang seharusnya dia tidak cari dan dia akan binasa. Dan barang siapa diperintahkan untuk melihat ke dalamnya, orang yang sama dipanggil pelihat.

14 Dan lihatlah, raja bangsa itu yang berada di negeri Zarahemla adalah lelaki yang diperintahkan untuk melakukan hal-hal ini, dan yang memiliki kurnia yang tinggi ini daripada Tuhan.

15 Dan raja itu berkata bahawa seorang pelihat adalah lebih besar daripada seorang nabi.

16 Dan Amon berkata bahawa seorang pelihat adalah seorang pewahyu dan seorang nabi juga; dan kurnia yang lebih besar tiada seorang pun dapat miliki, kecuali dia akan memiliki kuasa daripada Tuhan, yang tiada seorang pun dapat; namun seorang manusia boleh memiliki kuasa yang besar diberikan kepadanya daripada Tuhan.

17 Tetapi seorang pelihat dapat mengetahui tentang hal yang telah berlalu, dan juga tentang hal yang akan datang, dan oleh dia akanlah segalanya diungkapkan, atau, lebih tepat, akanlah hal-hal yang rahsia dijadikan nyata, dan apa yang tersembunyi akan datang ke dalam cahaya, apa yang tidak diketahui akan disingkapkan oleh

dia, dan juga hal-hal akan disingkapkan oleh dia yang dengan cara lain tidak dapat diketahui.

18 Demikianlah Tuhan telah menyediakan suatu cara agar manusia, melalui iman, boleh mengerjakan mukjizat-mukjizat menakjubkan; oleh kerana itu dia menjadi manfaat yang besar bagi sesama manusianya.

19 Dan sekarang, ketika Amon telah mengakhiri mengucapkan kata-kata ini raja amat bersukacita, dan bersyukur kepada Tuhan, mengatakan: Pasti suatu rahsia besar terkandung dalam kepingan-kepingan ini, dan alat-alat tafsir ini sudah pasti dipersiapkan untuk tujuan membukakan segala rahsia seperti itu kepada anak-anak manusia.

20 Ya betapa menakjubkannya kerja-kerja Tuhan, dan betapa lamanya Dia tahan dengan umat-Nya; ya, dan betapa buta dan tidak dapat ditembusnya pengertian anak-anak manusia; kerana mereka tidak mahu mencari kebijaksanaan, tidak juga mereka berhasrat bahawa ia akan berkuasa atas diri mereka!

21 Ya, mereka bagaikan sekawan ternak liar yang melarikan diri dari gembalanya, dan terceraibera, dan dihalau, dan dilahap oleh binatang dari hutan.

Catatan Zenif—Sebuah laporan berkenaan bangsanya, sejak waktu mereka meninggalkan negeri Zarahemla sampai waktu mereka

dibebaskan dari tangan bangsa Laman.

Meliputi bab 9 hingga 22.

BAB 9

Zenif memimpin sebuah rombongan dari Zarahemla untuk menguasai negeri Lehi-Nefi—Raja bangsa Laman mengizinkan mereka mewarisi negeri itu—Ada perang di antara bangsa Laman dan rakyat Zenif. Kira-kira 200–187 tahun S.M.

Aku, Zenif, telah diajar dalam keseluruhan bahasa bangsa Nefi, dan telah memiliki suatu pengetahuan tentang negeri Nefi, atau tentang negeri warisan yang pertama nenek moyang kami, dan telah diutus sebagai seorang pengintip ke kalangan bangsa Laman agar aku boleh mengintip angkatan-angkatan mereka, agar tentara kami boleh menyerang mereka dan menghancurkan mereka—tetapi ketika aku melihat apa yang baik di kalangan mereka aku berhasrat agar mereka patutnya tidak dihancurkan.

2 Oleh kerana itu, aku berselisih pendapat dengan saudara-saudaraku di padang belantara, kerana aku menghendaki bahawa pemerintah kami patut membuat persetujuan dengan mereka; tetapi dia, kerana adalah orang yang keras dan haus darah, memerintahkan agar aku mesti dibunuh; tetapi aku diselamatkan melalui pertumpahan banyak darah, kerana

ayah bertarung melawan ayah, dan saudara melawan saudara, sampai sebahagian besar tentera kami hancur di padang belantara; dan kami kembali, mereka di antara kami yang dibiarkan hidup, ke negeri Zarahemla, untuk menuturkan kisah itu kepada isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka.

3 Namun, aku, kerana terlalu bersemangat untuk mewarisi negeri nenek moyang kami, mengumpulkan sebanyak yang berhasrat untuk pergi menguasai negeri itu, dan memulakan lagi perjalanan kami ke padang belantara untuk pergi ke negeri itu; tetapi kami didera dengan kebuluran dan kesengsaraan yang parah; kerana kami lambat mengingati Tuhan Raja kami.

4 Walaupun demikian, setelah pengembaraan berhari-hari di padang belantara, kami mendirikan khemah-khemah kami di tempat di mana saudara-saudara kami terbunuh, yang dekat dengan negeri nenek moyang kami.

5 Dan terjadilah bahawa aku pergi lagi bersama empat orang askarku ke dalam kota, menghadap raja, agar aku boleh mengetahui tentang sikap raja, dan agar aku boleh mengetahui adakah aku boleh masuk bersama askarku dan menguasai negeri itu secara aman.

6 Dan aku pergi menghadap raja, dan dia membuat perjanjian denganku bahawa aku boleh menguasai negeri Lehi-Nefi, dan negeri Silom.

7 Dan dia juga memerintahkan agar rakyatnya hendaknya keluar dari negeri itu, dan aku dan orangku masuk ke negeri itu agar kami boleh menguasainya.

8 Dan kami mula membangunkan bangunan-bangunan, dan memperbaiki tembok-tembok kota, ya, bahkan tembok Kota Lehi-Nefi, dan Kota Silom.

9 Dan kami mulai mengolah tanah, ya, bahkan dengan segala macam benih, dengan benih jagung, dan gandum, dan barli dan dengan neas, dan dengan seum, dan dengan benih dari segala macam buah; dan kami mula bertambah banyak dan makmur di negeri itu.

10 Sekarang, adalah kelicikan dan kelicinan raja Laman, untuk membawa bangsaku ke dalam perhambaan, sebab itu dia menyerahkan negeri itu agar kami boleh menguasainya.

11 Oleh kerana itu terjadilah, bahawa setelah kami berdiam di negeri itu untuk jangka masa dua belas tahun maka raja Laman mulai menjadi gelisah, jangan-jangan melalui cara apa pun bangsaku akan menjadi kuat di negeri itu, dan sehingga mereka tidak dapat menguasai mereka dan membawa mereka ke dalam perhambaan.

12 Sekarang, mereka adalah bangsa yang malas dan pemuja berhala; oleh kerana itu mereka berhasrat untuk membawa kami ke dalam perhambaan, agar mereka boleh melahapkan diri mereka dengan kerja tangan kami; ya,

agar mereka boleh menjamukan diri mereka dengan kawanan ternak dari ladang kami.

13 Oleh kerana itu terjadilah bahawa raja Laman mula menghasut rakyatnya agar mereka hendaknya berselisih dengan bangsaku; oleh kerana itu mulailah terjadi peperangan dan perselisihan di negeri itu.

14 Kerana, pada tahun ketiga belas semasa pemerintahanku di negeri Nefi, jauh ke selatan negeri Silom, ketika bangsaku sedang memberi minum dan memberi makan kawanan ternak mereka, dan mengolah tanah mereka, sepasukan tentera besar bangsa Laman menyerang mereka dan mula membunuh mereka, dan mengambil kawanan ternak mereka, dan jagung dari ladang mereka.

15 Ya, terjadilah bahawa mereka melarikan diri, semuanya yang tidak terkejar, bahkan ke dalam Kota Nefi, dan meminta kepadaku untuk perlindungan.

16 Dan terjadilah bahawa aku mempersenjatakan mereka dengan busur, dan dengan anak panah, dengan pedang, dan dengan golok, dan dengan gada, dan dengan umban, dan dengan segala macam senjata yang dapat kami ciptakan, dan aku dan bangsaku pergi menentang bangsa Laman untuk bertempur.

17 Ya, dalam kekuatan Tuhan kami pergi untuk bertempur melawan bangsa Laman; kerana aku dan bangsaku berseru dengan amat kuat kepada Tuhan agar Dia

akan membebaskan kami keluar daripada tangan musuh kami, kerana kami dibangunkan pada ingatan akan pembebasan nenek moyang kami.

18 Dan Tuhan mendengar seruan kami dan menjawab doa-doa kami; dan kami pergi dalam kekuatan-Nya; ya, kami pergi melawan bangsa Laman, dan dalam satu hari dan satu malam kami membunuh tiga ribu dan empat puluh tiga orang; kami membunuh mereka bahkan sampai kami telah menghalau mereka keluar dari negeri kami.

19 Dan aku, diriku sendiri, dengan tanganku sendiri, menolong menguburkan orang mati mereka. Dan lihatlah, menjadi dukacita dan ratapan kami yang besar, dua ratus dan tujuh puluh sembilan daripada saudara kami terbunuh.

BAB 10

Raja Laman mangkat—Rakyatnya liar dan garang dan percaya pada adat resam palsu—Zenif dan rakyatnya berjaya melawan mereka. Kira-kira 187–160 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa kami sekali lagi mula menegakkan kerajaan dan kami sekali lagi mula menguasai negeri itu secara damai. Dan aku menyuruh agar hendaknya ada senjata perang dibuat daripada setiap jenis, agar dengan demikian aku boleh memiliki senjata bagi rakyatku pada waktu bangsa

Laman akan datang kembali untuk berperang melawan rakyatku.

2 Dan aku menempatkan para penjaga di sekitar negeri itu, agar bangsa Laman tidak boleh menyerang kami lagi tanpa diketahui dan menghancurkan kami; dan demikianlah aku menjaga rakyatku dan kawanannya, dan mencegah mereka daripada jatuh ke dalam tangan musuh kami.

3 Dan terjadilah bahawa kami mewarisi negeri nenek moyang kami untuk bertahun-tahun, ya, untuk jangka masa dua puluh dan dua tahun.

4 Dan aku menyuruh agar kaum lelaki hendaknya mengolah tanah, dan menumbuhkan segala macam biji-bijian dan segala macam buah dari setiap jenis.

5 Dan aku menyuruh agar para wanita mesti memintal, dan membanting tulang, dan bekerja, dan mengerjakan segala macam kain linen yang halus, ya, dan kain daripada setiap jenis, agar kami boleh menyelimuti ketelanjangan kami; dan demikianlah kami makmur di negeri itu—demikianlah kami mengalami kedamaian berterusan di negeri itu untuk jangka masa dua puluh dan dua tahun.

6 Dan terjadilah bahawa raja Laman mangkat, dan puteranya mula memerintah sebagai penggantinya. Dan dia mula menghasut rakyatnya kepada pemberontakan melawan rakyatku; oleh kerana itu mereka mula bersiap untuk perang, dan untuk datang bertempur melawan rakyatku.

7 Tetapi aku telah mengutus pengintip-pengintipku ke sekitar negeri Semlon, agar aku boleh mengetahui persiapan mereka, agar aku boleh berjaga-jaga terhadap mereka, agar mereka tidak boleh menyerang rakyatku dan menghancurkan mereka.

8 Dan terjadilah bahawa mereka datang dari utara negeri Silom, bersama bala tentara mereka yang banyak, lelaki-lelaki yang dipersejajati dengan busur, dan dengan anak panah, dan dengan pedang, dan dengan golok, dan dengan batu, dan dengan umban; dan mereka menyebabkan kepala mereka dicukur sehingga botak; dan mereka diikat dengan ikat pinggang kulit di sekitar aurat mereka.

9 Dan terjadilah bahawa aku menyuruh agar kaum wanita dan anak-anak rakyatku hendaknya disembunyikan di padang belantara; dan aku juga menyuruh agar semua orangku yang tua yang dapat membawa senjata, dan juga semua orangku yang muda yang sanggup membawa senjata, hendaknya berkumpul bersama untuk pergi bertempur melawan bangsa Laman; dan aku menempatkan mereka dalam barisan mereka, setiap orang menurut usianya.

10 Dan terjadilah bahawa kami pergi bertempur melawan bangsa Laman; dan aku, bahkan aku, pada usia tuaku, pergi bertempur melawan bangsa Laman. Dan terjadilah bahawa kami pergi dalam kekuatan Tuhan untuk bertempur.

11 Sekarang, bangsa Laman tidak

mengetahui apa pun berkenaan Tuhan, atau kekuatan Tuhan, oleh kerana itu mereka bergantung pada kekuatan mereka sendiri. Namun mereka adalah bangsa yang kuat, menurut kekuatan manusia.

12 Mereka adalah bangsa yang liar, dan garang, dan haus darah, percaya pada adat-adat resam nenek moyang mereka, yang adalah ini—Percaya bahawa mereka dihalau keluar dari negeri Yerusalem kerana kederhakaan nenek moyang mereka, dan bahawa mereka diperlakukan tidak adil di padang belantara oleh saudara-saudara mereka, dan mereka juga diperlakukan tidak adil semasa menyeberangi laut;

13 Dan lagi, bahawa mereka diperlakukan tidak adil semasa di negeri warisan mereka yang pertama, setelah mereka menyeberangi laut, dan semua ini kerana Nefi lebih setia dalam mentaati perintah-perintah Tuhan—oleh kerana itu dia dirahmati oleh Tuhan, kerana Tuhan mendengar doa-doanya dan menjawabnya, dan dia mengetuai perjalanan mereka di padang belantara.

14 Dan saudara-saudaranya geram terhadapnya kerana mereka tidak memahami urusan Tuhan; mereka juga geram terhadapnya di atas perairan kerana mereka mengeraskan hati mereka terhadap Tuhan.

15 Dan lagi, mereka geram terhadapnya ketika mereka telah tiba di negeri yang dijanjikan, kerana mereka berkata bahawa

dia telah mengambil pemerintahan atas orang itu dari tangan mereka; dan mereka berupaya untuk membunuhnya.

16 Dan lagi, mereka geram terhadapnya kerana dia berangkat ke padang belantara seperti yang telah Tuhan perintahkan kepadanya, dan membawa catatan-catatan yang terukir di atas kepingan-kepingan loyang, kerana mereka berkata bahawa dia merompak mereka.

17 Dan demikianlah mereka telah mengajar anak-anak mereka bahawa mereka hendaknya membenci mereka, dan bahawa mereka hendaknya membunuh mereka, dan bahawa mereka hendaknya merompak dan menjarah mereka, dan berusaha sedaya upaya menghancurkan mereka; oleh kerana itu mereka memiliki kebencian kekal terhadap anak-anak Nefi.

18 Kerana alasan yang inilah raja Laman telah, dengan kelicikannya, dan kelicinan dusta, dan janji-janjinya yang kosong, menipuku, sehingga aku membawa rakyatku ini ke negeri ini, agar mereka boleh menghancurkan mereka; ya, dan kami telah menderita bertahun-tahun ini di negeri ini.

19 Dan sekarang, aku, Zenif, setelah menceritakan segala hal ini kepada rakyatku berkenaan bangsa Laman, aku membangkitkan semangat mereka untuk pergi bertempur dengan kekuatan mereka, menaruh kepercayaan mereka kepada Tuhan; oleh kerana

itu, kami berjuang melawan mereka, berhadapan muka.

20 Dan terjadilah bahawa kami menghalau mereka sekali lagi keluar dari negeri kami; dan kami membunuh mereka dengan pembantaian besar, bahkan sedemikian banyaknya sehingga kami tidak menghitung mereka.

21 Dan terjadilah bahawa kami kembali lagi ke negeri kami sendiri, dan rakyatku sekali lagi mula mengembalakan kawanan ternak mereka, dan mengolah tanah mereka.

22 Dan sekarang, aku, kerana sudah tua, menganugerahkan kerajaan kepada salah seorang puteraku; oleh kerana itu, aku tidak berkata-kata lagi. Dan semoga Tuhan memberkati rakyatku. Amin.

BAB 11

Raja Nuh memerintah dalam kejahatan—Dia amat gemar dengan kehidupan hura-hura bersama para isteri dan gundiknya—Abinadi bernubuat bahawa bangsa itu akan dibawa ke dalam perhambaan—raja Nuh ingin mengambil nyawanya. Kira-kira 160–150 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa Zenif menganugerahkan kerajaan itu kepada Nuh, salah seorang puteranya; oleh kerana itu Nuh mulai memerintah sebagai pengantinya; dan dia tidak berjalan di jalan-jalan ayahnya.

2 Kerana lihatlah, dia tidak

mentaati perintah-perintah Tuhan, tetapi dia berjalan menurut hasrat hatinya sendiri. Dan dia memiliki ramai isteri dan gundik. Dan dia menyebabkan rakyatnya melakukan dosa, dan melakukan apa yang keji dalam pandangan Tuhan. Ya, dan mereka melakukan pelacuran dan segala macam kejahatan.

3 Dan dia memungut cukai yang adalah seperlima bahagian daripada semua yang mereka miliki, seperlima bahagian daripada emas mereka dan daripada perak mereka, seperlima bahagian daripada ziff mereka, dan daripada tembaga mereka, dan daripada loyang mereka dan besi mereka; dan seperlima bahagian daripada ternak tambun mereka, dan juga seperlima bahagian daripada segala biji-bijian mereka.

4 Dan semua ini dia ambil untuk menyokong dirinya sendiri, dan para isterinya dan gundik-gundiknya; dan juga para imamnya, dan para isteri mereka dan gundik-gundik mereka; demikianlah dia telah mengubah urusan kerajaan.

5 Kerana dia memecat semua imam yang telah ditahbiskan oleh ayahnya, dan menahbiskan yang baru sebagai pengganti mereka, mereka yang terangkat-angkat dalam keangkuhan hati mereka.

6 Ya, dan demikianlah mereka disokong dalam kemalasan mereka, dan dalam pemujaan berhala mereka, dan dalam pelacuran mereka, dengan cukai yang telah raja Nuh bebankan ke atas

rakyatnya; demikianlah rakyat bekerja amat keras untuk menyokong kederhakaan.

7 Ya, dan mereka juga menjadi pemuja berhala, kerana mereka ditipu oleh perkataan-perkataan sia-sia dan mengangkat-angkat daripada raja dan para imam; kerana mereka mengucapkan apa yang mengangkat-angkat kepada mereka.

8 Dan terjadilah bahawa raja Nuh membina banyak bangunan yang anggun dan lapang; dan dia menghiasinya dengan hasil karya kayu yang bagus, dan daripada segala macam benda berharga, daripada emas, dan daripada perak, dan daripada besi, dan daripada loyang, dan daripada ziff, dan daripada tembaga;

9 Dan dia juga membina bagi dirinya sebuah istana yang lapang, dan sebuah takhta di tengahnya, yang semuanya daripada kayu yang bagus dan dihiasi dengan emas dan perak dan dengan benda berharga.

10 Dan dia juga menyuruh agar para pekerjanya hendaknya mengerjakan segala macam hasil karya yang bagus di sebelah dalam tembok-tembok bait suci, daripada kayu yang bagus, dan daripada tembaga, dan daripada loyang.

11 Dan kerusi-kerusi yang ditetapkan untuk para imam tinggi yang terletak lebih tinggi dari semua kerusi lain, dia hiasi dengan emas tulen; dan dia menyuruh sebuah selusur dibina di hadapan mereka, agar mereka

boleh meletakkan tubuh mereka dan lengan mereka di atasnya semasa mereka mengucapkan kata-kata dusta dan sia-sia kepada rakyatnya.

12 Dan terjadilah bahawa dia membina sebuah menara dekat bait suci; ya, sebuah menara yang sangat tinggi, bahkan sedemikian tingginya sehingga dia dapat berdiri di puncaknya dan memandangi ke bawah ke negeri Silom, dan juga negeri Semlon, yang dikuasai oleh bangsa Laman; dan dia bahkan dapat memandangi ke seluruh negeri sekitarnya.

13 Dan terjadilah bahawa dia menyuruh banyak bangunan dibina di negeri Silom; dan dia menyuruh sebuah menara besar dibina di atas bukit ke utara negeri Silom, yang telah menjadi tempat perlindungan bagi anak-anak Nefi pada waktu mereka melarikan diri keluar dari negeri itu; dan demikianlah dia melakukannya dengan kekayaan yang dia dapat melalui pencukaian rakyatnya.

14 Dan terjadilah bahawa dia menaruh hatinya pada kekayaannya, dan dia menghabiskan waktunya dalam kehidupan hura-hura bersama para isterinya dan gundiknya; dan demikian juga para imamnya menghabiskan waktu mereka dengan pelacur-pelacur.

15 Dan terjadilah bahawa dia menanam ladang-ladang anggur di sekitar negeri itu; dan dia membina pemerah-pemerah anggur wain, dan membuat wain sampai berlimpahan; dan oleh kerana itu

dia menjadi pemabuk, dan juga rakyatnya.

16 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman mula datang menyerang rakyatnya, kepada kelompok-kelompok kecil, dan membunuh mereka di ladang-ladang mereka, dan semasa mereka sedang menggembalakan kawanan ternak mereka.

17 Dan raja Nuh mengirimkan para pengawal ke sekitar negeri itu untuk mencegah mereka daripada mendekati; tetapi dia tidak mengirimkan jumlah yang cukup, dan bangsa Laman menyerang mereka dan membunuh mereka, dan menghalau banyak daripada kawanan ternak mereka keluar dari negeri itu; demikianlah bangsa Laman mula menghancurkan mereka, dan menumpukan kebencian mereka terhadap mereka.

18 Dan terjadilah bahawa raja Nuh mengirimkan tentera-tenteranya melawan mereka, dan mereka dihalau mundur, atau mereka menghalau mereka mundur untuk suatu jangka masa; oleh kerana itu, mereka kembali bersukacita akan jarahan mereka.

19 Dan sekarang, kerana kemenangan besar ini mereka terangkat-angkat dalam kesombongan hati mereka; mereka bercakap besar akan kekuatan mereka sendiri, mengatakan bahawa lima puluh orang mereka dapat berdiri melawan ribuan bangsa Laman; dan demikianlah mereka bercakap besar, dan gemar akan darah, dan penumpahan darah saudara-saudara

mereka, dan ini kerana kejahatan raja dan para imam mereka.

20 Dan terjadilah bahawa ada seorang lelaki di kalangan mereka yang namanya Abinadi; dan dia pergi ke kalangan mereka, dan mulai bernubuat, mengatakan: Lihatlah, demikianlah firman Tuhan, dan demikianlah telah Dia perintahkan kepadaku, memfirmankan, Pergilah, dan katakanlah kepada bangsa ini, demikianlah firman Tuhan—Celakalah bagi bangsa ini, kerana Aku telah melihat kekejian mereka, dan kejahatan mereka, dan pelacuran mereka; dan kecuali mereka bertaubat Aku akan mengunjungi mereka dalam kemurkaan-Ku.

21 Dan kecuali mereka bertaubat dan berpaling kepada Tuhan Raja mereka, lihatlah, Aku akan menyerahkan mereka ke dalam tangan musuh mereka; ya, dan mereka akan dibawa ke dalam perhambaan; dan mereka akan disengsarakan oleh tangan musuh-musuh mereka.

22 Dan akan terjadi bahawa mereka akan mengetahui bahawa Aku adalah Tuhan Raja mereka, dan adalah seorang Tuhan yang cemburu, membalas kederhakaan umat-Ku dengan hukuman.

23 Dan akan terjadi bahawa kecuali bangsa ini bertaubat dan berpaling kepada Tuhan Raja mereka, mereka akan dibawa ke dalam perhambaan; dan tiada seorang pun akan membebaskan mereka, kecuali ia adalah Tuhan Raja Yang Perkasa.

24 Ya, dan akan terjadi bahawa ketika mereka akan berseru kepada-Ku, Aku akan lambat mendengar seruan mereka; ya, dan Aku akan membiarkan mereka sehingga mereka didera oleh musuh mereka.

25 Dan kecuali mereka bertaubat dalam pakaian berkabung dan abu, dan berseru dengan amat kuat kepada Tuhan Raja mereka, Aku tidak akan mendengar doa-doa mereka, tidak juga akan Aku bebaskan mereka dari kesengsaraan mereka; dan demikianlah firman Tuhan, dan demikianlah telah Dia perintahkan kepadaku.

26 Sekarang, terjadilah bahawa ketika Abinadi telah mengucapkan perkataan ini kepada mereka, mereka geram terhadapnya, dan berupaya untuk mengambil nyawanya; tetapi Tuhan membebaskannya dari tangan mereka.

27 Sekarang, ketika raja Nuh telah mendengar kata-kata yang telah Abinadi ucapkan kepada orang ramai, dia juga geram; dan dia berkata: Siapakah Abinadi, sehingga aku dan rakyatku akan dihakimi olehnya, atau siapakah Tuhan, yang akan membawa ke atas rakyatku kesengsaraan yang sedemikian besarnya?

28 Aku perintahkan kamu untuk membawa Abinadi ke mari, agar aku boleh membunuhnya, kerana dia telah mengatakan hal-hal ini agar dia boleh menghasut rakyatku untuk marah akan satu sama lain, dan untuk membangkitkan perselisihan di kalangan

rakyatku; oleh kerana itu aku akan membunuhnya.

29 Sekarang, mata bangsa ini dibutakan; oleh kerana itu mereka mengeraskan hati mereka terhadap kata-kata Abinadi, dan mereka berupaya sejak waktu itu dan seterusnya untuk menangkapnya. Dan raja Nuh mengeraskan hatinya terhadap firman Tuhan, dan dia tidak bertaubat akan perbuatan-perbuatan jahatnya.

BAB 12

*Abinadi dipenjarakan kerana menu-
buatkan kehancuran bangsa itu dan
kematian raja Nuh—Para imam palsu
mengutip tulisan suci dan berpura-
pura mentaati hukum Musa—Abinadi
mula mengajar mereka Sepuluh
Perintah. Kira-kira 148 tahun S.M.*

DAN terjadilah bahawa setelah jangka masa dua tahun bahawa Abinadi datang ke kalangan mereka dalam penyamaran, sehingga mereka tidak mengenalinya, dan mulai bernubuat di kalangan mereka, mengatakan: Demikianlah Tuhan telah memerintahkanku, memfirmankan—Abinadi, pergi dan bernubuatlah kepada umat-Ku ini, kerana mereka telah mengeraskan hati mereka terhadap firman-Ku; mereka tidak bertaubat akan perbuatan jahat mereka; oleh kerana itu, Aku akan mengunjungi mereka dalam kemurkaan-Ku, ya, dalam kemurkaan dahsyat-Ku akan Aku kunjungi mereka dalam kederhakaan dan kekejian mereka.

2 Ya, celakalah bagi generasi ini! Dan Tuhan berfirman kepadaku: Hurlurkan tanganmu dan bernubuatlah, mengatakan: Demikianlah firman Tuhan, akan terjadi bahawa generasi ini, kerana kederhakaan mereka, akan dibawa ke dalam perhambaan, dan akan ditampar pipinya; ya, dan akan dihalau oleh orang, dan akan dibunuh; dan burung hering di udara, dan anjing, ya, dan binatang buas, akan melahap daging mereka.

3 Dan akan terjadi bahawa nyawa raja Nuh akan dinilai bahkan bagaikan sehelai pakaian dalam relau panas; kerana dia akan tahu bahawa Aku adalah Tuhan.

4 Dan akan terjadi bahawa Aku akan mendera umat-Ku ini dengan kesengsaraan yang parah, ya, dengan kebuluran dan dengan wabak; dan Aku akan menyebabkan bahawa mereka akan meraung-raung sepanjang hari.

125 Ya, dan Aku akan menyebabkan bahawa beban akan diikatkan pada belakang mereka; dan mereka akan dihalau ke depan seperti keldai bisu.

6 Dan akan terjadi bahawa Aku akan mengirinkan hujan batu ke kalangan mereka, dan ia akan mendera mereka; dan mereka akan juga didera dengan angin timur; dan serangga akan mengganggu negeri mereka juga, dan melahap biji-bijian mereka.

7 Dan mereka akan didera dengan wabak yang teruk—dan semua ini akan Aku lakukan kerana kederhakaan dan kekejian mereka.

8 Dan akan terjadi bahawa kecuali mereka bertaubat Aku akan sama sekali menghancurkan mereka dari muka bumi; namun mereka akan meninggalkan sebuah catatan setelah mereka, dan Aku akan menyimpannya untuk bangsa-bangsa lain yang akan menguasai negeri ini; ya, bahkan ini akan Aku lakukan agar Aku boleh mendedahkan kekejian bangsa ini kepada bangsa-bangsa lain. Dan banyak hal yang Abinadi nubuatkan menentang bangsa ini.

9 Dan terjadilah bahawa mereka marah terhadapnya; dan mereka menangkapnya dan membawanya terikat ke hadapan raja, dan berkata kepada raja: Lihatlah, kami telah membawa seorang lelaki ke hadapan kamu yang telah bernubuat yang jahat berkenaan rakyat kamu, dan berkata bahawa Tuhan akan menghancurkan mereka.

10 Dan dia juga bernubuat yang jahat berkenaan kehidupanmu, dan berkata bahawa nyawamu akan bagaikan sehelai pakaian dalam relau api.

11 Dan lagi, dia berkata bahawa kamu akan bagaikan sebatang tangkai, bahkan bagaikan tangkai kering di padang, yang dilindas oleh binatang-binatang dan diinjak-injak di bawah kaki.

12 Dan lagi, dia berkata kamu akan bagaikan bunga-bunga dari tumbuhan tisel, yang, ketika ia sepenuhnya matang, jika angin bertiup, ia terhembus ke depan di atas permukaan negeri ini. Dan dia berpura-pura Tuhan

telah memfirmankannya. Dan dia berkata semuanya ini akan datang ke atas dirimu kecuali kamu bertaubat, dan ini kerana kederhakaan kamu.

13 Dan sekarang, Wahai raja, kejahatan besar apakah yang telah kamu lakukan, atau dosa-dosa besar apakah yang telah rakyat kamu buat, sehingga kita mesti dihukum oleh Tuhan atau dihakimi oleh lelaki ini?

14 Dan sekarang, Wahai raja, lihatlah, kita tak bersalah, dan kamu, Wahai raja, tidaklah berdosa; oleh kerana itu, lelaki ini telah berdusta berkenaan kamu, dan dia telah bernubuat dengan sia-sia.

15 Dan lihatlah, kita kuat, kita tidak akan jatuh ke dalam perhambaan, atau dibawa tertawan oleh musuh kita; ya, dan kamu telah makmur di tanah ini, dan kamu juga akan tetap makmur.

16 Lihatlah, inilah lelaki itu, kami menyerahkannya ke dalam tangan kamu; kamu boleh melakukan terhadapnya seperti yang tampaknya baik bagi kamu.

17 Dan terjadilah bahawa raja Nuh menyuruh agar Abinadi hendaknya dilemparkan ke dalam penjara; dan dia memerintahkan agar para imam hendaknya berkumpul bersama agar dia boleh mengadakan sidang bersama mereka berkenaan apa yang hendaknya dia lakukan terhadapnya.

18 Dan terjadilah bahawa mereka berkata kepada raja: Bawalah dia kemari agar kami boleh

mempersoalkannya; dan raja memerintahkan bahawa dia hendaknya dibawa ke hadapan mereka.

19 Dan mereka mulai mempersoalkannya, agar mereka boleh membingungkannya, agar dengan demikian mereka boleh memiliki itu yang dengannya mereka dapat menuduhnya; tetapi dia menjawab mereka dengan berani, dan bertahan terhadap semua soalan mereka, ya, yang membuat mereka tercengang, kerana dia bertahan terhadap mereka dalam semua soalan mereka, dan menundukkan mereka dalam segala perkataan mereka.

20 Dan terjadilah bahawa salah seorang daripada mereka berkata kepadanya: Apa erti kata-kata yang tertulis, dan yang telah diajarkan oleh nenek moyang kita, mengatakan:

21 Betapa indahnya di atas gunung-gunung adalah kaki dia yang membawa khabar baik; yang memberitakan kedamaian; yang membawa khabar baik tentang kebaikan; yang memberitakan keselamatan; yang berkata kepada Sion, Tuhanmu memerintah;

22 Para penjagamu akan mengangkat suara; dengan suara bersama akanlah mereka bernyanyi; kerana mereka akan melihat dengan mata sendiri ketika Tuhan akan membawa kembali Sion;

23 Bersoraklah dalam kebahagiaan; bernyanyilah bersama kamu tempat-tempat tandus di Yerusalem; kerana Tuhan telah

menghibur umat-Nya, Dia telah menebus Yerusalem;

24 Tuhan telah mendedahkan lengan kudus-Nya di mata segala bangsa, dan semua hujung bumi akan melihat penyelamatan daripada Tuhan kita?

25 Dan sekarang, Abinadi berkata kepada mereka: Adakah kamu imam, dan berpura-pura mengajar bangsa ini, dan memahami roh bernubuat, namun berhasrat untuk mengetahui daripadaku apanya erti hal-hal ini?

26 Aku berkata kepadamu, celakalah bagi kamu kerana menyimpangkan jalan Tuhan! Kerana jika kamu memahami hal-hal ini kamu tidak mengajarkannya; oleh kerana itu, kamu telah menyimpangkan jalan Tuhan.

27 Kamu telah tidak menumpukan hatimu pada pengertian; oleh kerana itu, kamu telah tidak bijak. Oleh kerana itu, apakah yang kamu ajarkan kepada bangsa ini?

28 Dan mereka berkata: Kami mengajarkan hukum Musa.

29 Dan dia berkata lagi kepada mereka: Jika kamu mengajarkan hukum Musa mengapa kamu tidak mentaatinya? Mengapa kamu menaruh hatimu pada kekayaan? Mengapa kamu berbuat pelacuran dan menghabiskan kekuatanmu bersama perempuan sundal, ya, dan menyebabkan bangsa ini berbuat dosa, sehingga Tuhan memiliki alasan mengutusku untuk bernubuat menentang bangsa ini, ya, bahkan suatu kejahatan yang besar menentang bangsa ini?

30 Tidakkah kamu tahu bahawa aku mengucapkan kebenaran? Ya, kamu tahu bahawa aku mengucapkan kebenaran; dan kamu seharusnya bergementar di hadapan Tuhan.

31 Dan akan terjadi bahawa kamu akan didera kerana kederhakaanmu, kerana kamu telah berkata bahawa kamu mengajarkan hukum Musa. Dan apa yang kamu ketahui berkenaan hukum Musa? Adakah keselamatan datang melalui hukum Musa? Apakah yang kamu katakan?

32 Dan mereka menjawab dan berkata bahawa keselamatan datang melalui hukum Musa.

33 Tetapi sekarang, Abinadi berkata kepada mereka: Aku tahu jika kamu mentaati perintah-perintah Tuhan kamu akan diselamatkan; ya, jika kamu mentaati perintah-perintah yang Tuhan sampaikan kepada Musa di Gunung Sinai, memfirmankan:

34 Aku adalah Tuhan Rajamu, yang telah membawa kamu keluar dari negeri Mesir, keluar dari rumah perhambaan.

35 Jangan kamu memiliki Tuhan lain di hadapan-Ku.

36 Jangan kamu membuat bagi dirimu patung ukiran apa-apapun, atau keserupaan apa pun daripada benda apa pun di langit di atas, atau benda-benda yang ada di bumi di bawah.

37 Sekarang, Abinadi berkata kepada mereka, Adakah kamu telah melakukan semua ini? Aku berkata kepadamu, Tidak, kamu

tidak melakukannya. Dan adakah kamu telah mengajar bangsa ini bahawa mereka hendaknya melakukan segala hal ini? Aku berkata kepadamu, Tidak, kamu tidak melakukannya.

BAB 13

Abinadi dilindungi oleh kuasa Ilahi—Dia mengajarkan Sepuluh Perintah—Keselamatan tidak datang melalui hukum Musa sahaja—Tuhan sendiri akan membuat suatu korban tebusan dan menebus umat-Nya. Kira-kira 148 tahun S.M.

DAN sekarang, ketika raja telah mendengar perkataan ini, dia berkata kepada para imamnya: Bawalah pergi lelaki ini, dan bunuh dia; kerana apa urusan kita dengannya, kerana dia gila.

2 Dan mereka berdiri dan berusaha untuk menyambarnya; tetapi dia menahan mereka, dan berkata kepada mereka:

3 Janganlah menyentuhku, kerana Tuhan akan menderamu jika kamu menyambarku, kerana aku belum menyampaikan pesan yang Tuhan utuskan aku untuk sampaikan; tidak juga telah aku beritahu kamu apa yang kamu minta agar hendaknya aku beritahukan; oleh kerana itu, Tuhan tidak akan membiarkan bahawa aku akan dihancurkan pada waktu ini.

4 Tetapi aku mesti menggenapi perintah yang dengannya Tuhan telah perintahkan aku; dan kerana aku telah memberitahu kamu

kebenaran kamu marah terhadapku. Dan lagi, kerana aku telah mengucapkan firman Tuhan kamu telah menghakimiku bahawa aku gila.

5 Sekarang, terjadilah setelah Abinadi mengucapkan perkataan-perkataan ini bahawa rakyat raja Nuh tidak berani menyambarnya, kerana Roh Tuhan berada di atas dirinya; dan mukanya bersinar dengan kilauan yang luar biasa, bahkan seperti muka Musa semasa berada di Gunung Sinai, sewaktu berbicara dengan Tuhan.

6 Dan dia berbicara dengan kuasa dan wewenang daripada Tuhan; dan dia meneruskan kata-katanya, mengatakan:

7 Kamu lihat bahawa kamu tidak memiliki kuasa untuk membunuhku, oleh kerana itu aku selesaikan pesanku. Ya, dan aku merasa bahawa ia menyayatmu ke hatimu kerana aku memberitahu kamu kebenaran berkenaan kederhakaanmu.

8 Ya, dan kata-kataku memenuhimu dengan rasa takjub dan kekaguman, dan dengan kemarahan.

9 Tetapi aku selesaikan pesanku; dan kemudian bukanlah masalah ke mana aku pergi, jika demikian halnya bahawa aku diselamatkan.

10 Tetapi sebanyak ini aku beritahu kamu, apa yang kamu lakukan terhadapku, selepas ini, akan menjadi seperti contoh dan bayangan akan apa yang akan datang.

11 Dan sekarang, aku membacakan kepadamu perintah-perintah

Tuhan yang selebihnya, kerana aku merasa bahawa ia tidak tertulis dalam hatimu; aku merasa bahawa kamu telah mempelajari dan mengajarkan kederhakaan sebahagian besar daripada kehidupanmu.

12 Dan sekarang, kamu ingat bahawa aku berkata kepadamu: Janganlah engkau membuat bagi dirimu patung ukiran apa pun, atau keserupaan apa pun dari benda-benda yang ada di langit di atas, atau yang ada di bumi di bawah, atau yang ada dalam air di bawah tanah.

13 Dan lagi: Janganlah engkau membongkokkan dirimu kepadanya, atau melayaninya; kerana Aku Tuhan Rajamu adalah seorang Tuhan yang cemburu, mengunjungi kederhakaan nenek moyang ke atas anak-anaknya, hingga generasi ketiga dan keempat dari mereka yang bencikan Aku;

14 Dan memperlihatkan belas kasihan kepada ribuan daripada mereka yang mengasihi-Ku dan mentaati perintah-perintah-Ku.

15 Janganlah kamu menggunakan nama Tuhan Rajamu dengan sia-sia; kerana Tuhan tidak akan menganggap tak bersalah dia yang menggunakan nama-Nya dengan sia-sia.

16 Ingatlah hari sabat, untuk menjaga agar ianya kudus.

17 Enam hari hendaknya kamu bekerja, dan melakukan segala pekerjaanmu;

18 Tetapi hari ketujuh, sabat Tuhan Rajamu, janganlah kamu melakukan pekerjaan apa pun,

kamu, tidak juga anak lelakimu, tidak juga anak perempuanmu, orang suruhan lelakimu, tidak juga orang suruhan perempuanmu, tidak juga ternakanmu, tidak juga orang asing yang berada di dalam gerbang-gerbangmu;

19 Kerana dalam enam hari Tuhan menjadikan langit dan bumi, dan laut, dan semua yang ada di dalamnya; oleh kerana itu Tuhan memberkati hari Sabat, dan menyucikannya.

20 Hormatilah bapamu dan ibumu, agar masa hidupmu boleh panjang di negeri yang Tuhan Rajamu berikan kepadamu.

21 Janganlah kamu membunuh.

22 Janganlah kamu berbuat zina. Janganlah kamu mencuri.

23 Janganlah kamu memberikan kesaksian palsu terhadap jiranmu.

24 Janganlah kamu mendambakan rumah jiranmu, janganlah kamu mendambakan isteri jiranmu, tidak juga orang suruhan lelakinya, tidak juga orang suruhan perempuannya, tidak juga lembunya, tidak juga keledainya, atau apa pun yang adalah milik jiranmu.

25 Dan terjadilah bahawa setelah Abinadi mengakhiri kata-kata ini maka dia berkata kepada mereka: Adakah kamu telah mengajar bangsa ini bahawa mereka hendaknya berusaha melakukan segala hal ini untuk mentaati perintah-perintah ini?

26 Aku berkata kepadamu, Tidak; kerana jika kamu telah melakukannya, Tuhan tidak akan

menyuruhku untuk tampil dan bernubuat yang jahat berkenaan bangsa ini.

27 Dan sekarang, kamu telah berkata bahawa keselamatan datang melalui hukum Musa. Aku berkata kepadamu bahawa adalah perlu bahawa kamu hendaknya mentaati hukum Musa pada masa ini; tetapi aku berkata kepadamu, bahawa waktunya akan tiba ketika tidak akan perlu lagi untuk mentaati hukum Musa.

28 Dan selain itu, aku berkata kepadamu, bahawa keselamatan tidak datang melalui hukum itu saja; dan seandainya bukan kerana korban tebusan, yang akan Tuhan sendiri buat untuk dosa dan kederhakaan umat-Nya, bahawa mereka mestilah tidak dapat mengelakkan pembinasaan, tidak kira hukum Musa.

29 Dan sekarang, aku berkata kepadamu bahawa adalah perlu bahawa hendaknya ada sebuah hukum yang diberikan kepada anak-anak Israel, ya, bahkan hukum yang sangat ketat; kerana mereka adalah bangsa yang tegar leher, cepat untuk melakukan kederhakaan, dan lambat untuk mengingat Tuhan Raja mereka;

30 Oleh kerana itu ada sebuah hukum yang diberikan kepada mereka, ya, hukum tentang pelaksanaan dan tentang tatacara, hukum yang mesti mereka taati dengan ketat dari hari ke hari, untuk menjaga mereka dalam ingatan akan Tuhan dan kewajipan mereka terhadap-Nya.

31 Tetapi lihatlah, aku berkata kepadamu, bahawa segala hal ini adalah contoh-contoh apa yang akan datang.

32 Dan sekarang, adakah mereka memahami hukum itu? Aku berkata kepadamu, Tidak, mereka tidak semuanya memahami hukum itu; dan ini kerana kekerasan hati mereka; kerana mereka tidak memahami bahawa tidak dapat sesiapa pun diselamatkan kecuali melalui penebusan Tuhan.

33 Kerana lihatlah, tidakkah Musa bernubuat kepada mereka berkenaan kedatangan Mesias, dan bahawa Tuhan akan menebus umat-Nya? Ya, dan bahkan semua nabi yang telah bernubuat sejak dunia bermula—tidakkah mereka telah berbicara lebih kurang berkenaan hal-hal ini?

34 Tidakkah mereka telah berkata bahawa Tuhan sendiri akan turun ke kalangan anak-anak manusia, dan mengambil ke atas diri-Nya bentuk manusia, dan pergi dalam kuasa hebat di atas muka bumi?

35 Ya, dan tidakkah mereka telah berkata juga bahawa Dia akan mendatangkan kebangkitan orang mati, dan bahawa Dia, diri-Nya sendiri, akan ditindas dan disengsarakan?

BAB 14

Yesaya berbicara berkenaan Mesias—Penghinaan dan penderitaan Mesias dinyatakan—Dia menjadikan jiwanya suatu persembahan untuk dosa dan

membuat perantaraan bagi para pelanggar—Bandingkan dengan Yesaya 53. Kira-kira 148 tahun S.M.

YA, bahkan tidakkah Yesaya berkata: Siapakah telah mempercayai laporan kita, dan kepada siapakah lungan Tuhan diungkapkan?

2 Kerana dia akan tumbuh di hadapan-Nya sebagai tumbuhan yang lembut, dan sebagai akar dari tanah kering; Dia tidak memiliki perawakan atau ketampanan; dan ketika kita akan melihatnya tidakkah ada kecantikan sehingga kita akan menghasratkan-Nya.

3 Dia dihina dan ditolak oleh manusia; seorang lelaki yang penuh dengan dukacita, dan kenal akan kepiluan; dan kita seakan-akan menyembunyikan muka kita dari-Nya; dia dihina, dan kita tidak menghormati-Nya.

4 Pastilah dia telah menanggung kepiluan kita, dan memikul dukacita kita; namun kita menganggapnya ditimpa malang, didera oleh Tuhan, dan disengsarakan.

5 Tetapi dia terluka untuk pelanggaran kita, dia dimemar untuk kederhakaan kita; hukuman untuk kedamaian kita berada di atasnya; dan dengan bilur-bilur-Nya kita disembuhkan.

6 Kita semua, seperti domba, telah tersesat; kita telah berpaling setiap orang kepada jalannya sendiri; dan Tuhan telah meletakkan ke atas diri-Nya kederhakaan kita semua.

7 Dia ditindas, dan dia disengsarakan, namun Dia tidak membuka

mulut-Nya; Dia dibawa bagaikan seekor anak domba ke pembantaian, dan bagaikan seekor domba di hadapan pencukurnya adalah bisu, demikianlah Dia tidak membuka mulut-Nya.

8 Dia diambil dari penjara dan daripada keadilan; dan siapakah yang akan memaklumkan keturunan-Nya? Kerana Dia disingkirkan dari negeri orang hidup; untuk pelanggaran bangsaku Dia ditimpa malang.

9 Dan Dia dikuburkan bersama yang jahat, dan bersama yang kaya dalam kematian-Nya; kerana Dia tidak melakukan kejahatan, tidak juga ada tipuan di mulut-Nya.

10 Namun adalah menyenangkan Tuhan untuk melukai-Nya; Dia telah menyengsarakan-Nya; ketika Engkau akan menjadikan jiwa-Nya suatu persembahan untuk dosa Dia akan melihat keturunan-Nya, Dia akan memanjangkan masa hidupnya, dan kesenangan Tuhan akan makmur dalam tangan-Nya.

11 Dia akan melihat penderitaan berat jiwa-Nya, dan akan puas hati; melalui pengetahuan-Nya akanlah hamba-Ku yang soleh melepaskan ramai orang; kerana Dia akan menanggung kederhakaan mereka.

12 Oleh kerana itu akanlah Aku membahagi kepada-Nya sebahagian bersama yang agung, dan Dia akan membahagikan jarahan dengan yang kuat; kerana Dia telah mencurahkan jiwa-Nya sampai kematian; dan dia terbilang di antara para pelanggar; dan dia menanggung dosa banyak orang,

dan membuat perantaraan bagi pelanggar.

BAB 15

Bagaimana Kristus adalah Bapa mahupun juga Putera—Dia akan membuat perantaraan dan menanggung pelanggaran umat-Nya—Mereka dan semua nabi kudus adalah keturunan-Nya—Dia mendatangkan Kebangkitan—Anak-anak kecil memiliki kehidupan abadi. Kira-kira 148 tahun S.M.

DAN sekarang, Abinadi berkata kepada mereka: Aku menghendaki agar kamu hendaknya memahami bahawa Tuhan sendiri akan turun ke kalangan anak-anak manusia, dan akan menebus umat-Nya.

2 Dan kerana Dia berdiam dalam daging Dia akan dipanggil Putera Tuhan, dan kerana telah menundukkan daging kepada kehendak Bapa, adalah Bapa dan Putera—

3 Bapa, kerana Dia dijadikan oleh kuasa Tuhan; dan Putera, kerana daging; dengan demikian menjadi Bapa dan Putera—

4 Dan Mereka adalah satu Tuhan, ya, bahkan Bapa Yang Abadi kepada langit dan kepada bumi.

5 Dan demikianlah daging menjadi tunduk kepada Roh, atau Putera kepada Bapa, yang adalah satu Tuhan, menderita godaan, dan tidak menyerah pada godaan, tetapi membiarkan diri-Nya diperolok-olokkan, dan dicambuk, dan dicampak keluar, dan dimungkir oleh umat-Nya.

6 Dan setelah semuanya ini, setelah mengerjakan banyak mukjizat yang agung di kalangan anak-anak manusia, Dia akan digiring, ya, bahkan seperti yang Yesaya katakan, bagaikan seekor domba di hadapan pencukur adalah bisu, oleh demikian Dia tidak membuka mulut-Nya.

7 Ya, demikian pula Dia akan digiring, disalib, dan dibunuh, daging menjadi tunduk bahkan pada kematian, kehendak Putera ditelan dalam kehendak Bapa.

8 Dan demikianlah Tuhan memutuskan ikatan kematian, setelah memperoleh kemenangan atas kematian; memberikan kepada Putera kuasa untuk membuat perantaraan bagi anak-anak manusia—

9 Setelah naik ke dalam syurga, memiliki sanubari belas kasihan; dipenuhi dengan rasa kasihan terhadap anak-anak manusia; berdiri di antara mereka dan keadilan; setelah memutuskan ikatan kematian, mengambil ke atas diri-Nya kederhakaan mereka dan pelanggaran mereka, setelah menebus mereka, dan memuaskan tuntutan keadilan.

10 Dan sekarang, aku berkata kepadamu, siapakah yang akan memaklumkan keturunan-Nya? Lihatlah, aku berkata kepadamu, bahawa ketika jiwa-Nya telah dijadikan suatu persembahan untuk dosa Dia akan melihat keturunan-Nya. Dan sekarang, apa yang kamu katakan? Dan siapakah yang akan menjadi keturunan-Nya?

11 Lihatlah aku berkata kepa-

damu, bahawa barang siapa telah mendengar kata-kata para nabi, ya, semua nabi kudus yang telah bernubuat berkenaan kedatangan Tuhan—aku berkata kepadamu, bahawa mereka semua yang telah mendengar kata-kata mereka, dan percaya bahawa Tuhan akan menebus umat-Nya, dan telah menanti-nantikan hari itu untuk pengampunan dosa-dosa mereka, aku berkata kepadamu, bahawa mereka ini adalah keturunan-Nya, atau mereka adalah waris kerajaan Tuhan.

12 Kerana ini adalah mereka yang dosa-dosanya telah Dia tanggung; ini adalah mereka yang untuknya Dia telah mati, untuk menebus mereka dari pelanggaran mereka. Dan sekarang, bukankah mereka keturunan-Nya?

13 Ya, dan bukankah para nabi, setiap orang yang telah membuka mulutnya untuk bernubuat, yang tidak jatuh ke dalam pelanggaran, aku maksudkan semua nabi kudus sejak dunia bermula? Aku berkata kepadamu bahawa mereka adalah keturunan-Nya.

14 Dan inilah mereka yang telah memberitakan kedamaian, yang telah membawa khabar baik tentang kebaikan, yang telah memberitakan keselamatan; dan berkata kepada Sion: Tuhanmu memerintah!

15 Dan Ah, betapa indahnyanya di atas gunung-gunung adalah kaki mereka!

16 Dan lagi, betapa indahnyanya di atas gunung-gunung adalah kaki

mereka yang masih memberitakan kedamaian!

17 Dan lagi, betapa indahnyanya di atas gunung-gunung adalah kaki mereka yang akan setelah ini memberitakan kedamaian, ya, mulai waktu ini seterusnya dan selamanya!

18 Dan lihatlah, aku berkata kepadamu, ini bukanlah semuanya. Kerana, Ah, betapa indahnyanya di atas gunung-gunung adalah kaki Dia yang membawa khabar baik, yang adalah pengasas kedamaian, ya, bahkan Tuhan, yang telah menebus umat-Nya; ya, Dia yang telah memberi keselamatan kepada umat-Nya;

19 Kerana seandainya bukan kerana penebusan yang telah Dia buat bagi umat-Nya, yang dipersiapkan sejak pengasasan dunia, aku berkata kepadamu, seandainya bukan kerana ini, seluruh umat manusia mestilah telah binasa.

20 Tetapi lihatlah, ikatan kematian akan diputuskan, dan Putera memerintah, dan memiliki kuasa atas yang mati; oleh kerana itu, Dia mendatangkan kebangkitan orang mati.

21 Dan datanglah suatu kebangkitan, bahkan kebangkitan pertama; ya, bahkan kebangkitan bagi mereka yang pernah wujud, dan yang sekarang wujud, dan yang akan wujud, bahkan sampai kebangkitan Kristus—kerana demikianlah Dia akan dipanggil.

22 Dan sekarang, kebangkitan semua nabi, dan mereka semua yang telah percaya pada

perkataan-perkataan mereka, atau mereka semua yang telah mentaati perintah-perintah Tuhan, akan tampil dalam kebangkitan pertama; oleh kerana itu, mereka adalah kebangkitan pertama.

23 Mereka dibangkitkan untuk hidup bersama Tuhan yang telah menebus mereka; demikianlah mereka memperoleh kehidupan abadi melalui Kristus, yang telah memutuskan ikatan kematian.

24 Dan ini adalah mereka yang memperoleh bahagian dalam kebangkitan pertama; dan ini adalah mereka yang telah mati sebelum Kristus datang, dalam kejahilan mereka, kerana tidak mengalami keselamatan dimaklumkan kepada mereka. Dan demikianlah Tuhan mendatangkan pemulihan mereka ini; dan mereka memperoleh bahagian dalam kebangkitan pertama, atau memperoleh kehidupan abadi, ditebus oleh Tuhan.

25 Dan anak-anak kecil juga memperoleh kehidupan abadi.

26 Tetapi lihatlah, dan takutlah, dan gementarlah di hadapan Tuhan, kerana kamu seharusnya gementar; kerana Tuhan tidak menebus orang sedemikian yang memberontak melawan-Nya dan mati dalam dosa-dosa mereka; ya, bahkan mereka semua yang telah binasa dalam dosa-dosa mereka sejak dunia bermula, yang telah dengan sengaja memberontak melawan Tuhan, yang telah mengetahui perintah-perintah Tuhan, dan tidak mahu mentaatinya; ini adalah mereka yang tidak

memperoleh bahagian dalam kebangkitan pertama.

27 Oleh kerana itu tidakkah seharusnya kamu gementar? Kerana keselamatan tidak datang kepada yang sedemikian; kerana Tuhan tidak menebus yang sedemikian; ya, tidak juga Tuhan dapat menebus yang sedemikian; kerana Dia tidak dapat menyangkal diri-Nya sendiri; kerana Dia tidak dapat menyangkal keadilan apabila ia memiliki tuntutanNya.

28 Dan sekarang, aku berkata kepadamu bahawa waktunya akan tiba ketika penyelamatan daripada Tuhan akan dimaklumkan kepada setiap bangsa, kaum, bahasa, dan orang.

29 Ya, Tuhan, para penjagamu akan mengangkat suara mereka; dengan suara bersama akanlah mereka menyanyi; kerana mereka akan melihat dengan mata sendiri, ketika Tuhan akan membawa kembali Sion.

30 Bersorak-sorailah dalam kebahagiaan, bernyanyilah bersama, kamu tempat-tempat tandus di Yerusalem; kerana Tuhan telah menghibur umat-Nya, Dia telah menebus Yerusalem.

31 Tuhan telah mendedahkan lengan kudus-Nya di mata segala bangsa; dan segenap hujung bumi akan melihat penyelamatan daripada Tuhan kita.

mereka yang tersesat dan terjatuh— Mereka yang bersifat badaniah tetap seakan-akan tidak ada penebusan— Kristus mendatangkan suatu kebangkitan pada kehidupan tanpa akhir atau pada laknat tanpa akhir. Kira-kira 148 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa setelah Abinadi mengucapkan perkataan-perkataan ini dia menghulurkan tangannya dan berkata: Waktunya akan tiba ketika semua orang akan melihat penyelamatan daripada Tuhan; ketika setiap bangsa, kaum, bahasa, dan orang akan melihat dengan mata sendiri dan akan mengaku di hadapan Tuhan bahawa penghakiman-Nya adalah adil.

2 Dan kemudian akanlah yang jahat dicampak keluar, dan mereka akan memiliki alasan untuk meraung-raung, dan menangis, dan meratap, dan mengertakkan gigi mereka; dan ini kerana mereka tidak mahu mendengar suara Tuhan; oleh kerana itu Tuhan tidak menebus mereka.

3 Kerana mereka bersifat badaniah dan seperti iblis, dan iblis memiliki kuasa atas diri mereka; ya, bahkan ular tua itu yang telah memperdaya ibu bapa kita yang pertama, yang adalah sebab kejatuhan mereka; yang adalah sebab seluruh umat manusia menjadi bersifat badaniah, berhawa nafsu, seperti iblis, mengetahui yang jahat daripada yang baik, menundukkan diri mereka kepada iblis.

4 Demikianlah seluruh umat

BAB 16

Tuhan menebus manusia dari keadaan

manusia tersesat; dan lihatlah, mereka akan selamanya tersesat seandainya Tuhan tidak menebus umat-Nya daripada keadaan mereka yang tersesat dan terjatuh.

5 Tetapi ingatlah bahawa dia yang tetap dalam sifat badaniahnya sendiri, dan berterusan dalam jalan dosa dan pemberontakan melawan Tuhan, tetap dalam keadaannya yang terjatuh dan iblis memiliki segala kuasa atas dirinya. Oleh kerana itu dia seakan-akan tidak ada penebusan dibuat, sebagai musuh kepada Tuhan; dan juga iblis adalah musuh kepada Tuhan.

6 Dan sekarang, jika Kristus tidak datang ke dunia, berbicara tentang apa yang akan datang seakan-akan ia telah datang, tidak dapatlah ada penebusan.

7 Dan jika Kristus tidak bangkit dari yang mati, atau telah memususkan ikatan kematian sehingga kubur tidak akan memperoleh kemenangan, dan sehingga kematian tidak akan memiliki sengat, tidak dapatlah ada kebangkitan.

8 Tetapi ada suatu kebangkitan, oleh kerana itu kubur tidak memperoleh kemenangan, dan sengat kematian ditelan di dalam Kristus.

9 Dia adalah cahaya dan kehidupan dunia; ya, cahaya yang tanpa akhir, yang tidak akan dapat digelapkan; ya, dan juga kehidupan yang tanpa akhir, sehingga tidak dapat ada lagi kematian.

10 Bahkan yang fana ini akan mengenakan kebaqaan, dan ke-reputan ini akan mengenakan ketidakreputan, dan akan dibawa

untuk berdiri di hadapan susur penghakiman Tuhan, untuk dihakimi oleh-Nya menurut kerja-kerja mereka sama ada ia adalah baik atau sama ada ia adalah jahat—

11 Jika ia adalah baik, menuju kebangkitan kepada kehidupan dan kebahagiaan tanpa akhir; dan jika ia adalah jahat, menuju kebangkitan laknat tanpa akhir, kerana diserahkan kepada iblis, yang telah menundukkan mereka, iaitu laknat—

12 Kerana telah pergi menurut kehendak dan hasrat badaniah mereka sendiri; kerana tidak pernah meminta kepada Tuhan sewaktu lengan belas kasihan-Nya diuh-lurkan terhadap mereka; kerana lengan belas kasihan dihulurkan terhadap mereka, dan mereka tidak mahu; mereka diperingatkan akan kederhakaan mereka namun mereka tidak mahu meninggalkannya; dan mereka diperintahkan untuk bertaubat namun mereka tidak mahu bertaubat.

13 Dan sekarang, tidakkah seharusnya kamu gementar dan bertaubat akan dosa-dosamu, dan mengingat bahawa hanya dalam dan melalui Kristus kamu dapat diselamatkan?

14 Oleh kerana itu, jika kamu mengajarkan hukum Musa, juga ajarkanlah bahawa ianya adalah bayangan hal-hal yang akan datang itu—

15 Ajarlah mereka bahawa penebusan datang melalui Kristus Tuhan, yang adalah bahkan Bapa Yang Abadi. Amin.

BAB 17

Alma memercayai dan menuliskan perkataan-perkataan Abinadi—Abinadi menderita kematian oleh api—Dia menubuatkan penyakit dan kematian oleh api ke atas para pembunuhnya. Kira-kira 148 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa ketika Abinadi telah menyelesaikan pernyataan-pernyataan ini, bahawa raja memerintahkan bahawa para imam hendak menangkapnya dan menyuruh agar dia mesti dihukum mati.

2 Tetapi ada satu di antara mereka yang namanya adalah Alma, dia juga seorang keturunan Nefi. Dan dia adalah seorang pemuda, dan dia mempercayai perkataan-perkataan yang telah Abinadi ucapkan, kerana dia tahu berkenaan kederhakaan yang telah Abinadi persaksikan menentang mereka; oleh kerana itu dia mula memohon kepada raja agar dia tidak marah terhadap Abinadi, tetapi membiarkan agar dia boleh pergi dalam kedamaian.

3 Tetapi raja lebih geram, dan menyuruh agar Alma hendaknya diusir dari kalangan mereka, dan mengutus para orang suruhannya menyusulinya agar mereka boleh membunuhnya.

4 Tetapi dia melarikan diri dari hadapan mereka dan menyembunyikan dirinya agar mereka tidak menemukannya. Dan dia, kerana bersembunyi selama sehari-hari, dapat menuliskan segala

perkataan yang telah Abinadi ucapkan.

5 Dan terjadilah bahawa raja menyuruh agar para pengawalnya hendaknya mengepung Abinadi dan menangkapnya; dan mereka mengikatnya dan melemparkannya ke dalam penjara.

6 Dan selepas tiga hari, setelah berunding dengan para imamnya, dia menyuruh agar dia hendaknya sekali lagi dibawa ke hadapannya.

7 Dan dia berkata kepadanya: Abinadi, kami telah menemukan tuduhan terhadapmu, dan engkau patut dihukum mati.

8 Kerana engkau telah berkata bahawa Tuhan sendiri akan turun ke kalangan anak-anak manusia; dan sekarang, untuk alasan ini engkau akan dihukum mati kecuali engkau akan menarik kembali segala perkataan yang telah engkau ucapkan yang jahat berkenaan aku dan rakyat aku.

9 Sekarang, Abinadi berkata kepadanya: Aku berkata kepada kamu, aku tidak akan menarik kembali perkataan-perkataan yang telah aku ucapkan kepada kamu berkenaan bangsa ini, kerana ianya adalah benar; dan agar kamu boleh mengetahui tentang kepastiannya aku telah membiarkan diriku sehingga aku telah jatuh ke dalam tangan kamu.

10 Ya, dan aku akan menderita bahkan sampai kematian, dan aku tidak akan menarik kembali perkataan-perkataanku, dan ia akan berdiri sebagai suatu kesaksian menentang kamu. Dan jika

kamu membunuhku kamu akan menumpahkan darah tak berdosa, dan ini juga akan berdiri sebagai suatu kesaksian menentang kamu pada hari terakhir.

11 Dan sekarang, raja Nuh hampir membebaskannya, kerana dia takut akan perkataannya; kerana dia takut bahawa penghakiman Tuhan akan datang ke atas dirinya.

12 Tetapi para imam mengangkat suara mereka menentangnya, dan mula menuduhnya, mengatakan: Dia telah mencaci maki raja. Oleh kerana itu raja terhasut dalam kemurkaan terhadapnya, dan dia menyerahkannya agar dia boleh dibunuh.

13 Dan terjadilah bahawa mereka menangkapnya dan mengikatnya, dan mencambuk kulitnya dengan seikat kayu, ya, bahkan sampai kematian.

14 Dan sekarang, ketika nyalaan api mula menghanguskannya, dia berseru kepada mereka, mengatakan:

15 Lihatlah, bahkan sebagaimana telah kamu lakukan kepadaku, demikianlah akan terjadi bahawa keturunanmu akan menyebabkan banyak orang menderita rasa sakit yang aku derita, bahkan rasa sakit kematian oleh api; dan ini kerana mereka percaya pada penyelamatan oleh Tuhan Raja mereka.

16 Dan akan terjadi bahawa kamu akan disengsarakan dengan segala macam penyakit kerana kederhakaanmu.

17 Ya, dan kamu akan didera pada setiap sisi, dan akan dihalau

dan dicerai-beraikan ke sana ke mari, bahkan bagaikan kawan ternakan liar dihalau oleh binatang liar dan garang.

18 Dan pada masa itu kamu akan diburu, dan kamu akan ditangkap oleh tangan musuhmu, kemudian kamu akan menderita, sebagaimana aku menderita, rasa-rasa sakit kematian oleh api.

19 Demikianlah Tuhan melaksanakan pembalasan ke atas diri mereka yang menghancurkan umat-Nya. Ya Tuhan, terimalah jiwaku.

20 Dan sekarang, ketika Abinadi telah mengatakan perkataan-perkataan ini, dia jatuh, setelah menderita kematian oleh api; ya, kerana telah dihukum mati disebabkan dia tidak mahu menyangkal perintah-perintah Tuhan, memeteraikan kebenaran perkataan-perkataannya melalui kematiannya.

BAB 18

Alma berkhotbah secara diam-diam—Dia menyatakan perjanjian pembaptisan dan membaptis di Perairan Mormon—Dia menubuhkan Gereja Kristus dan menahbiskan para imam—Mereka menunjang diri mereka sendiri dan mengajar orang—Alma dan umatnya melarikan diri dari raja Nuh ke padang belantara. Kira-kira 147–145 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa Alma, yang telah melarikan diri daripada para orang suruhan raja

Nuh, bertaubat akan dosa-dosa dan kederhakaannya, dan berkelana secara diam-diam ke kalangan rakyat, dan mula mengajarkan kata-kata Abinadi—

2 Ya, berkenaan apa yang akan datang, dan juga berkenaan kebangkitan orang mati, dan penebusan orang, yang akan terlaksana melalui kuasa, penderitaan, dan kematian Kristus, dan kebangkitan dan penaikan-Nya ke dalam syurga.

3 Dan sebanyak yang mahu mendengar perkataannya dia pun ajar. Dan dia mengajar mereka secara diam-diam, agar tidak boleh sampai pada pengetahuan raja. Dan banyak yang mempercayai perkataan-perkataannya.

4 Dan terjadilah bahawa sebanyak yang mempercayainya pergi ke suatu tempat yang disebut Mormon, menerima namanya daripada raja, yang berada di perbatasan negeri yang diremut, pada waktu atau pada masa tertentu, oleh binatang liar.

5 Sekarang, ada di Mormon suatu sumber air tulen, dan Alma pergi berlindung ke sana, di sana dekat perairan itu ada rumpun pokok-pokok kecil, di mana dia menyembunyikan dirinya pada waktu siang hari daripada pengeledahan raja.

6 Dan terjadilah bahawa sebanyak yang mempercayainya pergi ke sana untuk mendengar kata-katanya.

7 Dan terjadilah setelah berhari-hari ada sejumlah besar orang

berkumpul bersama di tempat Mormon, untuk mendengar perkataan-perkataan Alma. Ya, semua orang berkumpul bersama yang percaya pada perkataannya, untuk mendengar dia. Dan dia mengajar mereka, dan mengkhutbahkan kepada mereka pertaubatan, dan penebusan, dan iman kepada Tuhan.

8 Dan terjadilah bahawa dia berkata kepada mereka: Lihatlah, di sinilah Perairan Mormon (kerana demikianlah ia dipanggil) dan sekarang, kerana kamu berhasrat untuk datang ke dalam kawan Tuhan, dan untuk dipanggil umat-Nya, dan bersedia untuk menanggung beban satu sama lain, agar ianya boleh menjadi ringan;

9 Ya, dan bersedia untuk berduka nestapa bersama mereka yang berduka nestapa; ya, dan menghibur mereka yang memerlukan penghiburan, dan untuk berdiri sebagai saksi bagi Tuhan di segala waktu dan dalam segala hal, dan di segala tempat di mana kamu boleh berada, bahkan sampai kematian, agar kamu boleh ditebus oleh Tuhan, dan terbilang dengan mereka dalam kebangkitan pertama, agar kamu boleh memperoleh kehidupan abadi—

10 Sekarang, aku berkata kepadamu, jika ini adalah hasrat hatimu, apa yang menghalangmu untuk dibaptis dalam nama Tuhan, sebagai suatu kesaksian di hadapan-Nya bahawa kamu telah masuk ke dalam sebuah perjanjian dengan-Nya, bahawa kamu akan

melayani-Nya dan mentaati perintah-perintah-Nya, agar Dia boleh mencurahkan Roh-Nya dengan lebih berlimpah ke atas dirimu?

11 Dan sekarang, ketika orang telah mendengar perkataan-perkataan ini, mereka bertepuk tangan kerana sukacita, dan berseru: Inilah hasrat hati kami.

12 Dan sekarang, terjadilah bahawa Alma membawa Helam, dia yang adalah salah seorang daripada yang pertama, dan pergi dan berdiri di dalam air, dan berseru, mengatakan: Ya Tuhan, curahkanlah Roh-Mu ke atas hamba-Mu, agar dia boleh melakukan pekerjaan ini dengan kekudusan hati.

13 Dan ketika dia telah mengatakan perkataan ini, Roh Tuhan berada di atas dirinya, dan dia berkata: Helam, aku membaptiskanmu, kerana memiliki wewenang daripada Tuhan Yang Perkasa, sebagai suatu kesaksian bahawa kamu telah masuk ke dalam sebuah perjanjian untuk melayani-Nya sampai kamu mati berhubungan dengan tubuh fana; dan semoga Roh Tuhan dicurahkan ke atas dirimu; dan semoga Dia memberikan kepadamu kehidupan abadi, melalui penebusan Kristus, yang telah Dia persiapkan sejak pengasasan dunia.

14 Dan setelah Alma mengucapkan perkataan-perkataan ini, kedua-dua Alma dan Helam dikuburkan di dalam air; dan mereka bangkit dan muncul dari air bersukacita, kerana dipenuhi dengan Roh.

15 Dan lagi, Alma membawa yang lain, dan pergi bagi kedua kalinya ke dalam air, dan membaptisnya menurut yang pertama, kecuali dia tidak membenamkan dirinya lagi ke dalam air.

16 Dan menurut cara inilah dia membaptis setiap orang yang pergi ke tempat Mormon; dan mereka berjumlah kira-kira dua ratus dan empat jiwa; ya, dan mereka dibaptis di Perairan Mormon, dan dipenuhi dengan rahmat Tuhan.

17 Dan mereka dipanggil gereja Tuhan, atau gereja Kristus, sejak waktu itu dan seterusnya. Dan terjadilah bahawa barang siapa dibaptis dengan kuasa dan wewenang daripada Tuhan ditambahkan pada gereja-Nya.

18 Dan terjadilah bahawa Alma, memiliki wewenang daripada Tuhan, menahbiskan para imam; bahkan satu imam untuk setiap lima puluh orang daripada jumlah mereka dia tahbiskan untuk berkhotbah kepada mereka, dan untuk mengajar mereka berkenaan apa yang berkaitan dengan kerajaan Tuhan.

19 Dan dia memerintahkan mereka bahawa mereka hendaknya tidak mengajarkan apa pun kecuali apa yang telah dia ajarkan, dan yang telah diucapkan oleh mulut para nabi kudus.

20 Ya, bahkan dia memerintahkan mereka agar mereka hendaknya tidak mengkhutbahkan apa pun kecuali pertaubatan dan iman kepada Tuhan, yang telah menebus umat-Nya.

21 Dan dia memerintahkan mereka bahawa hendaknya tidak ada perselisihan satu sama lain, tetapi agar mereka hendaknya menanti-nantikan dengan satu mata, memiliki satu iman dan satu pembaptisan, menjadikan hati mereka terkait bersama dalam perpaduan dan dalam kasih terhadap satu sama lain.

22 Dan demikianlah dia memerintahkan mereka untuk berkhutbah. Dan demikianlah mereka menjadi anak-anak Tuhan.

23 Dan dia memerintahkan mereka agar mereka hendaknya merayakan hari sabat, dan menjaga agar ianya kudus, dan juga setiap hari mereka hendaknya bersyukur kepada Tuhan Raja mereka.

24 Dan dia juga memerintahkan mereka agar para imam yang telah dia tahbiskan hendaknya bekerja dengan tangan mereka sendiri untuk tunjangan mereka.

25 Dan ada satu hari dalam setiap minggu yang ditetapkan agar mereka hendaknya berkumpul bersama untuk mengajar umat, dan untuk menyembah Tuhan Raja mereka, dan juga, sekerap yang ada dalam kuasa mereka, untuk berhimpun bersama.

26 Dan para imam seharusnya tidak bergantung pada umat untuk tunjangan mereka; tetapi untuk kerja mereka, mereka akan menerima rahmat Tuhan, agar mereka menjadi kuat di dalam Roh, memiliki pengetahuan tentang Tuhan, agar mereka boleh

mengajar dengan kuasa dan wewenang daripada Tuhan.

27 Dan lagi Alma memerintahkan agar umat gereja hendaknya memberikan harta kekayaan mereka, setiap orang menurut apa yang dia miliki; jika dia memiliki lebih berlimpahan dia hendaknya memberikan lebih berlimpahan; dan daripada dia yang memiliki hanya sedikit, hanya sedikit hendaknya dituntut; dan kepada dia yang tidak memiliki, hendaknya diberi.

28 Dan demikianlah mereka hendaknya memberikan harta kekayaan mereka dengan kehendak sendiri dan hasrat baik mereka terhadap Tuhan, dan kepada para imam itu yang memerlukan, ya, dan kepada setiap jiwa yang kekurangan, yang telanjang.

29 Dan ini dia katakan kepada mereka, setelah diperintahkan oleh Tuhan; dan mereka berjalan dengan lurus di hadapan Tuhan, saling memberi baik secara duniawi mahupun secara rohani menurut keperluan mereka dan keinginan mereka.

30 Dan sekarang, terjadilah bahawa semua ini dilakukan di Mormon, ya, di tepi Perairan Mormon, di hutan yang berada dekat Perairan Mormon; ya, tempat Mormon, Perairan Mormon, hutan Mormon, betapa indahnya ia pada pandangan mereka yang sampai pada pengetahuan tentang Penebus mereka; ya, dan betapa diberkatinya mereka, kerana mereka akan bernyanyi untuk pujian-Nya selamanya.

31 Dan hal-hal ini dilakukan di perbatasan negeri itu, agar ianya tidak boleh sampai pada pengetahuan raja.

32 Tetapi lihatlah, terjadilah bahawa raja, setelah menemukan pergerakan di kalangan rakyat, mengutus para orang suruhannya untuk mengawasi mereka. Oleh kerana itu pada hari ketika mereka sedang berhimpun bersama untuk mendengar firman Tuhan, mereka ditemukan oleh raja.

33 Dan sekarang, raja berkata bahawa Alma sedang menghasut rakyat pada pemberontakan melawannya; oleh kerana itu dia menghantar tenteranya untuk menghancurkan mereka.

34 Dan terjadilah bahawa Alma dan umat Tuhan diberitahu tentang kedatangan tentera raja; oleh kerana itu mereka membawa khemah mereka dan keluarga mereka dan pergi ke padang belantara.

35 Dan mereka berjumlah kira-kira empat ratus dan lima puluh jiwa.

BAB 19

Gideon berusaha untuk membunuh raja Nuh—Bangsa Laman menyerbu negeri itu—raja Nuh menderita kematian oleh api—Limhi memerintah sebagai raja pembayar ufti. Kira-kira 145–121 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa tentera raja kembali, setelah mencari dengan sia-sia umat Tuhan.

2 Dan sekarang, lihatlah, pasukan-pasukan tentera raja adalah kecil, kerana telah berkurang, dan mula ada perpecahan di kalangan rakyat yang masih ada.

3 Dan bahagian yang lebih kecil mula menghembuskan ancaman terhadap raja, dan mula ada persepilihan hebat di kalangan mereka.

4 Dan sekarang, ada seorang lelaki di kalangan mereka yang namanya adalah Gideon, dan dia adalah lelaki yang kuat dan musuh kepada raja, oleh kerana itu dia menghunus pedangnya, dan bersumpah dalam kemurkaannya bahawa dia akan membunuh raja.

5 Dan terjadilah bahawa dia bertarung dengan raja; dan ketika raja melihat bahawa dia hampir akan mengalahkannya, dia melarikan diri dan berlari dan menaiki menara yang berada dekat bait suci.

6 Dan Gideon mengejanya dan hampir mahu menaiki menara itu untuk membunuh raja, dan raja mengarahkan matanya ke sekitar arah negeri Semlon, dan lihatlah, tentera bangsa Laman berada di dalam sempadan negeri itu.

7 Dan sekarang, raja berseru dengan kepedihan jiwanya, mengatakan: Gideon, biarkanlah aku hidup, kerana bangsa Laman sedang menuju ke arah kita, dan mereka akan menghancurkan kita; ya, mereka akan menghancurkan rakyatku.

8 Dan sekarang, raja tidak sedemikian peduli akan rakyatnya sebagaimana dia peduli akan nyawanya sendiri; walaupun

demikian, Gideon membiarkan-nya hidup.

9 Dan raja memerintahkan rakyat agar mereka hendaknya melarikan diri dari hadapan bangsa Laman, dan dia sendiri pergi dahulu di hadapan mereka, dan mereka melarikan diri ke padang belantara, bersama kaum wanita mereka dan anak-anak mereka.

10 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman mengejar mereka, dan memintas mereka, dan mula membunuh mereka.

11 Sekarang, terjadilah bahawa raja memerintahkan mereka agar semua lelaki hendaknya meninggalkan isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka, dan melarikan diri dari hadapan bangsa Laman.

12 Sekarang, ada ramai yang tidak mahu meninggalkan mereka, tetapi lebih rela tinggal dan binasa bersama mereka. Dan selebihnya meninggalkan isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka dan melarikan diri.

13 Dan terjadilah bahawa mereka yang tinggal bersama isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka menyuruh agar para puteri mereka yang cantik hendaknya mara ke depan dan memohon kepada bangsa Laman agar mereka tidak akan membunuh mereka.

14 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman berasa kasihan pada mereka, kerana mereka terpicat dengan kecantikan kaum wanita mereka.

15 Oleh kerana itu bangsa Laman membiarkan mereka hidup, dan

membawa mereka tertawan dan membawa mereka kembali ke negeri Nefi, dan mengabdikan bagi mereka bahawa mereka boleh menguasai negeri itu, dengan syarat bahawa mereka akan menyerahkan raja Nuh ke dalam tangan bangsa Laman, dan menyerahkan harta milik mereka, bahkan setengah daripada segala yang mereka miliki, setengah daripada emas mereka, dan perak mereka, dan segala benda berharga mereka, dan demikianlah mereka mesti membayar ufti kepada raja bangsa Laman dari tahun ke tahun.

16 Dan sekarang, ada salah seorang putera raja di antara mereka yang dibawa tertawan, yang namanya adalah Limhi.

17 Dan sekarang, Limhi berhasrat agar ayahnya hendaknya tidak dihancurkan; walaupun demikian, Limhi bukannya tidak tahu tentang kederhakaan ayahnya, kerana dia sendiri adalah orang yang soleh.

18 Dan terjadilah bahawa Gideon mengutus orang ke padang belantara secara rahsia, untuk mencari raja dan mereka yang berada bersamanya. Dan terjadilah bahawa mereka bertemu dengan orang itu di padang belantara, semuanya kecuali raja dan para imamnya.

19 Sekarang, mereka telah bersumpah dalam hati mereka bahawa mereka akan kembali ke negeri Nefi, dan jika isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka terbunuh, dan juga mereka yang telah tetap tinggal bersama mereka,

maka mereka akan menuntut bela, dan juga binasa bersama mereka.

20 Dan raja memerintahkan mereka agar mereka hendaknya tidak kembali; dan mereka marah terhadap raja, dan menyebabkan bahawa dia mesti menderita, bahkan sampai kematian oleh api.

21 Dan mereka hampir mahu menangkap para imam juga dan menghukum mereka sampai mati, dan mereka melarikan diri dari hadapan mereka.

22 Dan terjadilah bahawa mereka hampir kembali ke negeri Nefi, dan mereka bertemu dengan askar-askar Gideon. Dan askar-askar Gideon ini memberitahu mereka tentang semua yang telah terjadi kepada isteri mereka dan anak mereka; dan bahawa bangsa Laman telah mengabdikan bagi mereka bahawa mereka boleh menguasai negeri itu dengan membayar ufti kepada bangsa Laman setengah daripada segala yang mereka miliki.

23 Dan orang itu memberitahu askar-askar Gideon bahawa mereka telah membunuh raja, dan para imamnya telah melarikan diri dari mereka lebih jauh ke dalam padang belantara.

24 Dan terjadilah bahawa setelah mereka mengakhiri upacara itu, maka mereka kembali ke negeri Nefi, bersukacita, kerana isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka tidak dibunuh; dan mereka memberitahu Gideon apa yang telah mereka lakukan terhadap raja.

25 Dan terjadilah bahawa raja

bangsa Laman membuat sumpah kepada mereka, bahawa rakyatnya tidak akan membunuh mereka.

26 Dan juga Limhi, sebagai putera raja, setelah kerajaan dianugerahkan ke atas dirinya oleh rakyat, membuat sumpah kepada raja bangsa Laman bahawa rakyatnya akan membayar ufti kepadanya, bahkan setengah daripada segala yang mereka miliki.

27 Dan terjadilah bahawa Limhi mulai menegakkan kerajaan dan menegakkan kedamaian di kalangan rakyatnya.

28 Dan raja bangsa Laman menempatkan para pengawal di sekitar negeri itu, agar dia boleh menahan rakyat Limhi di negeri itu, agar mereka tidak boleh pergi ke padang belantara; dan dia menunjang para pengawalnya dari ufti yang dia terima daripada bangsa Nefi.

29 Dan sekarang, raja Limhi memperoleh kedamaian berte-rusan di dalam kerajaannya untuk jangka masa dua tahun, kerana bangsa Laman tidak mengacau mereka atau berusaha untuk menghancurkan mereka.

BAB 20

Beberapa orang puteri bangsa Laman diculik oleh para imam Nuh—Bangsa Laman mencetuskan perang melawan Limhi dan rakyatnya—Bala tentera bangsa Laman ditangkis dan ditenangkan. Kira-kira 145–123 tahun S.M.

SEKARANG, ada suatu tempat di

Semlon di mana para puteri bangsa Laman berkumpul bersama untuk bernyanyi, dan untuk menari, dan untuk bersuka ria.

2 Dan terjadilah bahawa pada suatu hari ada sejumlah kecil daripada mereka berkumpul bersama untuk bernyanyi dan untuk menari.

3 Dan sekarang, para imam raja Nuh, kerana berasa malu untuk kembali ke kota Nefi, ya, dan juga berasa takut bahawa rakyat akan membunuh mereka, oleh kerana itu mereka tidak berani kembali kepada isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka.

4 Dan setelah tinggal di padang belantara, dan setelah menemukan para puteri bangsa Laman, mereka bertiarap dan mengawasi mereka;

5 Dan ketika hanya ada beberapa orang daripada mereka berkumpul bersama untuk menari, mereka muncul dari tempat persembunyian mereka dan menangkap mereka dan membawa mereka ke dalam padang belantara; ya, dua puluh dan empat orang puteri bangsa Laman mereka bawa ke dalam padang belantara.

6 Dan terjadilah bahawa ketika bangsa Laman mendapati bahawa para puteri mereka telah hilang, mereka marah terhadap rakyat Limhi, kerana mereka berfikir itu adalah rakyat Limhi.

7 Oleh kerana itu mereka menghantar tentera-tentera mereka; ya, bahkan raja sendiri pergi di hadapan rakyatnya; dan mereka

pergi ke negeri Nefi untuk menghancurkan rakyat Limhi.

8 Dan sekarang, Limhi telah nampak mereka dari menara, bahkan segala persiapan mereka untuk perang dia nampak; oleh kerana itu dia mengumpulkan rakyatnya bersama, dan menghendap untuk menyerang mereka di ladang dan di hutan.

9 Dan terjadilah bahawa ketika bangsa Laman telah muncul, maka rakyat Limhi mula menyerang mereka dari tempat penantian mereka, dan mula membunuh mereka.

10 Dan terjadilah bahawa pertempuran itu menjadi amat parah, kerana mereka bertarung seperti singa demi mangsa mereka.

11 Dan terjadilah bahawa rakyat Limhi mula menghalau bangsa Laman di hadapan mereka; meski mereka tidak sampai setengah banyaknya berbanding dengan bangsa Laman. Tetapi mereka berperang demi nyawa mereka, dan demi isteri-isteri mereka, dan demi anak-anak mereka; oleh kerana itu mereka berusaha kuat dan seperti naga mereka berperang.

12 Dan terjadilah bahawa mereka menemukan raja bangsa Laman di antara bilangan orang mati mereka; namun dia tidak mati, kerana telah terluka dan ditinggalkan di atas tanah, sedemikian lekasnya pelarian rakyatnya.

13 Dan mereka membawanya dan membalut lukanya, dan membawanya ke hadapan Limhi, dan berkata: Lihatlah, di sini adalah

raja bangsa Laman; dia setelah mengalami luka telah jatuh di kalangan orang mati mereka, dan mereka telah meninggalkannya; dan lihatlah, kami telah membawanya ke hadapanmu; dan sekarang, marilah kita bunuh dia.

14 Tetapi Limhi berkata kepada mereka: Janganlah kamu membunuhnya, tetapi bawalah dia ke mari agar aku boleh melihatnya. Dan mereka membawanya. Dan Limhi berkata kepadanya: Apakah alasanmu untuk datang berperang melawan rakyatku? Lihatlah, rakyatku tidak memungkir sumpah yang telah aku buat kepadamu; oleh kerana itu, mengapa kamu mesti memungkir sumpah yang kamu buat kepada rakyatku?

15 Dan sekarang, raja itu berkata: Aku telah melanggar sumpah kerana rakyatmu membawa pergi para puteri rakyatku; oleh kerana itu, dalam kemurkaanku aku menyuruh rakyatku datang berperang melawan rakyatmu.

16 Dan sekarang, Limhi sebelum itu tidak mendengar apa pun berkenaan masalah ini; oleh kerana itu dia berkata: Aku akan menyoal siasat di kalangan rakyatku dan barang siapa yang telah melakukan hal ini akan binasa. Oleh kerana itu dia menyuruh suatu siasatan dibuat di kalangan rakyatnya.

17 Sekarang, ketika Gideon telah mendengar hal-hal ini, dia yang adalah panglima raja, dia mara ke depan dan berkata kepada raja: Aku meminta kamu menahan diri, dan janganlah menyoal siasat

rakyat ini, dan janganlah menanggung hal ini kepada mereka.

18 Kerana, tidakkah kamu ingat para imam ayahmu, yang rakyat ini berusaha menghancurkan? Dan bukankah mereka berada di padang belantara? Dan bukankah mereka orang yang telah mencuri para puteri bangsa Laman?

19 Dan sekarang, lihatlah, dan beritahulah raja itu tentang hal-hal ini, agar dia boleh memberitahu rakyatnya agar mereka boleh ditenangkan terhadap kita; kerana lihatlah mereka telah bersiap untuk datang melawan kita; dan lihatlah juga bahawa kita hanya beberapa orang.

20 Dan lihatlah, mereka datang dengan bala tentara mereka yang banyak; dan kecuali raja itu menenangkan mereka terhadap kita, kita mestilah binasa.

21 Kerana bukankah kata-kata Abinadi digenapi, yang dia nubuatkan terhadap kita—dan semua ini kerana kita tidak mahu mendengar firman Tuhan, dan berpaling daripada kederhakaan kita?

22 Dan sekarang, marilah kita menenangkan raja itu, dan kita memenuhi sumpah yang telah kita buat kepadanya; kerana adalah lebih baik bahawa kita akan berada dalam perhambaan daripada kita akan kehilangan nyawa kita; oleh kerana itu, marilah kita hentikan pertumpahan sedemikian banyak darah.

23 Dan sekarang, Limhi memberitahu raja itu segala hal berkenaan ayahnya, dan para imam yang

telah melarikan diri ke padang belantara, dan mempertanggungjawabkan pembawaan pergi para puteri mereka kepada mereka.

24 Dan terjadilah bahawa raja itu ditenangkan terhadap rakyatnya; dan dia berkata kepada mereka: Marilah kita pergi menemui rakyatku, tanpa senjata; dan aku bersumpah kepadamu dengan sebuah sumpah bahawa rakyatku tidak akan membunuh rakyatmu.

25 Dan terjadilah bahawa mereka mengikut raja itu, dan pergi tanpa senjata untuk menemui bangsa Laman. Dan terjadilah bahawa mereka menemui bangsa Laman; dan raja bangsa Laman membongkokkan dirinya di hadapan mereka, dan memohon demi kepentingan rakyat Limhi.

26 Dan ketika bangsa Laman melihat rakyat Limhi, bahawa mereka tanpa senjata, mereka berasa kasihan terhadap mereka dan ditenangkan terhadap mereka, dan kembali bersama raja mereka dalam kedamaian ke negeri mereka sendiri.

BAB 21

Rakyat Limhi didera dan dikalahkan oleh bangsa Laman—Rakyat Limhi bertemu Amon dan diinsafkan—Mereka memberitahu Amon tentang dua puluh empat kepingan orang Yared. Kira-kira 122–121 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa Limhi dan rakyatnya kembali ke Kota Nefi,

dan mula berdiam di negeri itu lagi dalam kedamaian.

2 Dan terjadilah bahawa setelah berhari-hari bangsa Laman mula lagi terhasut dalam kemarahan terhadap bangsa Nefi, dan mereka mula datang ke sempadan negeri di sekitarnya.

3 Sekarang, mereka tidak berani membunuh mereka, kerana sumpah yang telah raja mereka buat kepada Limhi; tetapi mereka menampar pipi mereka, dan menguasai mereka; dan mula menaruh beban berat ke atas belakang mereka, dan menghalau mereka seperti mereka menghalau keldai bisu—

4 Ya, semuanya ini terjadi agar firman Tuhan boleh digenapkan.

5 Dan sekarang, kesengsaraan bangsa Nefi adalah teruk, dan tidak ada cara mereka dapat membebaskan diri mereka daripada tangan mereka, kerana bangsa Laman telah mengepung mereka pada setiap sisi.

6 Dan terjadilah bahawa rakyat mula merungut terhadap raja kerana kesengsaraan mereka; dan mereka mula berhasrat pergi melawan mereka untuk bertempur. Dan mereka menyengsarakan raja dengan teruk dengan aduan mereka; oleh kerana itu dia mengabulkan bagi mereka bahawa mereka hendaknya melakukan menurut hasrat mereka.

7 Dan mereka berkumpul bersama lagi, dan mengenakan baju zirah mereka, dan pergi melawan bangsa Laman untuk menghalau

mereka keluar dari negeri mereka.

8 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman mengalahkan mereka, dan menangkis mereka, dan membunuh ramai daripada mereka.

9 Dan sekarang, ada duka nestapa dan ratapan yang teruk di kalangan rakyat Limhi, balu berduka nestapa untuk suaminya, anak-anak lelaki dan perempuan berduka nestapa untuk ayah mereka, dan para saudara lelaki untuk para saudara lelaki mereka.

10 Sekarang, ada amat ramai balu di negeri itu, dan mereka meraung-raung dengan amat kuat dari hari ke hari, kerana rasa takut yang teruk terhadap bangsa Laman telah datang ke atas diri mereka.

11 Dan terjadilah bahawa rancangan mereka yang berterusan mendorong rakyat Limhi yang selebihnya pada kemarahan terhadap bangsa Laman; dan mereka pergi lagi bertempur, tetapi mereka ditangkis lagi, menanggung kehilangan banyak nyawa.

12 Ya, mereka pergi lagi bahkan yang kali ketiganya, dan menderita dalam cara yang sama; dan mereka yang tidak terbunuh kembali lagi ke Kota Nefi.

13 Dan mereka merendahkan hati mereka bahkan sampai ke debu, menundukkan diri mereka pada kuk perhambaan, menyerahkan diri mereka untuk didera, dan untuk dihalau ke sana ke mari, dan dibebani, menurut hasrat musuh mereka.

14 Dan mereka merendahkan hati

mereka bahkan di kedalaman kerendahan hati; dan mereka berseru dengan amat kuat kepada Tuhan; ya, bahkan sepanjang hari mereka berseru kepada Tuhan mereka agar Dia akan membebaskan mereka daripada kesengsaraan mereka.

15 Dan sekarang, Tuhan lambat mendengar seruan mereka kerana kederhakaan mereka; walaupun demikian Tuhan mendengar seruan mereka, dan mula melunakkan hati bangsa Laman agar mereka mula meringankan beban mereka; namun Tuhan tidak menganggap patut untuk membebaskan mereka daripada perhambaan.

16 Dan terjadilah bahawa mereka mula makmur secara beransur-ansur di negeri itu, dan mula menumbuh biji-bijian dengan lebih berlimpahan, dan memelihara kawanan domba, dan kawanan ternakan, agar mereka tidak menderita kerana kelaparan.

17 Sekarang, ada sejumlah besar wanita, lebih banyak daripada lelaki; oleh kerana itu raja Limhi memerintahkan bahawa setiap lelaki hendaknya memberi untuk tunjangan para balu dan anak-anak mereka, agar mereka tidak akan binasa kerana kelaparan; dan ini mereka lakukan kerana besarnya jumlah mereka yang telah terbunuh.

18 Sekarang, rakyat Limhi tetap bersama-sama dalam suatu kelompok sebanyak yang mungkin, dan menjaga biji-bijian mereka dan kawanan ternakan mereka;

19 Dan raja sendiri tidak

mempercayai dirinya berada di luar tembok kota, kecuali dia membawa para pengawalnya bersamanya, jangan-jangan dia akan dengan sesuatu cara jatuh ke dalam tangan bangsa Laman.

20 Dan dia menyuruh agar rakyatnya hendaknya menjaga negeri di sekitarnya, agar dengan sesuatu cara mereka boleh menangkap para imam itu yang melarikan diri ke padang belantara, yang telah mencuri para puteri bangsa Laman, dan yang telah menyebabkan kehancuran yang sedemikian teruknya datang ke atas diri mereka.

21 Kerana mereka berhasrat untuk menangkap mereka agar mereka boleh menghukum mereka; kerana mereka telah datang ke negeri Nefi pada malam hari, dan membawa lari biji-bijian mereka dan banyak benda berharga mereka; oleh kerana itu mereka menunggu untuk menghendap mereka.

22 Dan terjadilah bahawa tidak ada lagi gangguan antara bangsa Laman dan rakyat Limhi, bahkan sampai waktu ketika Amon dan saudara-saudaranya datang ke negeri itu.

23 Dan raja kerana sedang berada di luar gerbang kota bersama para pengawalnya, menemukan Amon dan saudara-saudaranya; dan menyangka mereka adalah imam Nuh oleh kerana itu dia memerintahkan agar mereka hendaknya ditangkap, dan diikat, dan dilemparkan ke dalam penjara. Dan seandainya

mereka adalah imam Nuh dia akan memerintahkan agar mereka mesti dihukum mati.

24 Tetapi ketika dia mendapat tahu bahawa mereka bukan, tetapi bahawa mereka adalah saudara-saudaranya, dan telah datang dari negeri Zarahemla, dia dipenuhi dengan kebahagiaan yang amat besar.

25 Sekarang, raja Limhi telah mengutus, sebelum kedatangan Amon, sejumlah kecil lelaki untuk mencari negeri Zarahemla; tetapi mereka tidak dapat menemukannya, dan mereka tersesat di padang belantara.

26 Walaupun demikian, mereka menemukan sebuah negeri yang pernah didiami; ya, negeri yang diliputi dengan tulang-tulang kering; ya, negeri yang pernah didiami dan yang telah dihancurkan; dan mereka, kerana menyangkaiannya adalah negeri Zarahemla, kembali ke negeri Nefi, telah tiba di sempadan negeri tidak banyak hari sebelum kedatangan Amon.

27 Dan mereka membawa sebuah catatan bersama mereka, bahkan sebuah catatan tentang orang yang tulang-tulangnyanya telah mereka temukan; dan ianya terukir di atas kepingan-kepingan bijih logam.

28 Dan sekarang, Limhi kembali dipenuhi dengan kebahagiaan kerana mendapat tahu daripada mulut Amon bahawa raja Mosia memiliki kurnia daripada Tuhan, yang melaluinya dia dapat menafsirkan ukiran seperti itu; ya, dan Amon juga bersukacita.

29 Namun Amon dan saudara-saudaranya dipenuhi dengan dukacita kerana sedemikian banyaknya saudara mereka telah terbunuh;

30 Dan juga bahawa raja Nuh dan para imamnya telah menyebabkan rakyat berbuat sedemikian banyaknya dosa dan kederhakaan terhadap Tuhan; dan mereka juga berduka nestapa kerana kematian Abinadi; dan juga kerana kepergian Alma dan orang yang pergi bersamanya, yang telah membentuk gereja Tuhan melalui kekuatan dan kuasa Tuhan, dan iman pada kata-kata yang telah diucapkan oleh Abinadi.

31 Ya, mereka berduka nestapa kerana kepergian mereka, kerana mereka tidak tahu ke mana mereka telah melarikan diri. Sekarang, mereka akan dengan gembira bergabung dengan mereka, kerana mereka sendiri telah masuk ke dalam perjanjian dengan Tuhan untuk melayani-Nya dan mentaati perintah-perintah-Nya.

32 Dan sekarang, sejak kedatangan Amon, raja Limhi juga telah masuk ke dalam perjanjian dengan Tuhan, dan juga ramai daripada rakyatnya, untuk melayani-Nya dan mentaati perintah-perintah-Nya.

33 Dan terjadilah bahawa raja Limhi dan ramai daripada rakyatnya berhasrat untuk dibaptis; tetapi tidak ada seorang pun di negeri itu yang memiliki wewenang daripada Tuhan. Dan Amon enggan melakukan hal

ini, menganggap dirinya seorang orang suruhan yang tidak layak.

34 Oleh kerana itu mereka pada waktu itu tidak menyusunkan diri mereka menjadi sebuah gereja, menunggu Roh Tuhan. Sekarang, mereka berhasrat untuk menjadi bahkan seperti Alma dan saudara-saudaranya, yang telah melarikan diri ke padang belantara.

35 Mereka berhasrat untuk dibaptis sebagai saksi dan kesaksian bahawa mereka bersedia untuk melayan Tuhan dengan segenap hati mereka; walaupun demikian mereka menanggunghkan waktunya; dan sebuah laporan tentang pembaptisan mereka akan diberikan setelah ini.

36 Dan sekarang, segala pene-laahan Amon dan orangnya, dan raja Limhi dan rakyatnya, adalah untuk membebaskan diri mereka dari tangan bangsa Laman dan dari perhambaan.

BAB 22

Rancangan dibuat bagi orang untuk melepaskan diri daripada perhambaan oleh bangsa Laman—Bangsa Laman dijadikan mabuk—Orang itu melarikan diri, kembali ke Zarahemla, dan menjadi warga raja Mosia. Kira-kira 121–120 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa Amon dan raja Limhi mula berunding dengan orang bagaimana mereka akan membebaskan diri mereka daripada perhambaan;

dan bahkan mereka menyuruh agar semua orang hendaknya berkumpul bersama; dan ini mereka lakukan agar mereka boleh mengetahui suara rakyat berkenaan masalah ini.

2 Dan terjadilah bahawa mereka tidak dapat menemukan cara untuk membebaskan diri mereka daripada perhambaan, kecuali membawa kaum wanita dan anak-anak mereka, dan kawanan domba mereka, dan kawanan ternak mereka, dan khemah-khemah mereka, dan pergi ke padang belantara; kerana bangsa Laman sedemikian banyaknya, tidak mungkin bagi rakyat Limhi untuk melawan mereka, berfikir untuk membebaskan diri mereka daripada perhambaan oleh pedang.

3 Sekarang, terjadilah bahawa Gideon mara ke depan dan berdiri di hadapan raja, dan berkata kepadanya: Sekarang, Wahai raja, kamu telah hingga kini mendengar perkataan-perkataanku berulang kali ketika kita telah berjuang melawan saudara-saudara kita, bangsa Laman.

4 Dan sekarang, Wahai raja, jika kamu tidak mendapati aku sebagai seorang orang suruhan yang tidak menguntungkan, atau jika kamu telah hingga kini mendengarkan perkataan-perkataanku sedikit pun, dan ianya telah berguna bagi kamu, demikian pula aku berhasrat bahawa kamu akan mendengarkan perkataan-perkataanku pada waktu ini, dan aku akan menjadi orang suruhanmu

dan membebaskan rakyat ini daripada perhambaan.

5 Dan raja mengabulkan baginya bahawa dia boleh berbicara. Dan Gideon berkata kepadanya:

6 Lihatlah jalan belakang, melalui tembok belakang, di bahagian belakang kota. Bangsa Laman, atau para pengawal bangsa Laman, pada malam hari mabuk; oleh kerana itu marilah kita hantarkan suatu perisytiharan ke kalangan semua rakyat ini agar mereka mengumpulkan bersama kawanan domba dan kawanan ternak mereka, agar mereka boleh mengha-laukannya ke padang belantara pada malam hari.

7 Dan aku akan pergi menurut perintah kamu dan membayar ufti terakhir wain kepada bangsa Laman, dan mereka akan mabuk; dan kita akan melalui jalan rahsia di sisi kiri perkhemahan mereka ketika mereka mabuk dan tertidur.

8 Demikianlah kita akan pergi bersama kaum wanita dan anak-anak kita, kawanan domba kita, dan kawanan ternak kita ke padang belantara; dan kita akan melakukan perjalanan mengelilingi negeri Silom.

9 Dan terjadilah bahawa raja mendengar perkataan-perkataan Gideon.

10 Dan raja Limhi menyuruh agar rakyatnya hendaknya mengumpulkan kawanan ternak mereka bersama; dan dia menghantar ufti wain kepada bangsa Laman; dan dia juga menghantarkan lebih banyak wain, sebagai hadiah

bagi mereka; dan mereka minum dengan sepuasnya wain yang raja Limhi hantarkan kepada mereka.

11 Dan terjadilah bahawa rakyat raja Limhi berangkat pada malam hari ke padang belantara bersama kawan domba mereka dan kawan ternak mereka, dan mereka pergi mengelilingi negeri Silom di padang belantara, dan membelokkan laluan mereka ke arah negeri Zarahemla, dipimpin oleh Amon dan saudara-saudaranya.

12 Dan mereka telah membawa semua emas, dan perak mereka, dan benda berharga mereka, yang dapat mereka bawa, dan juga bekalan mereka bersama mereka, ke padang belantara; dan mereka meneruskan perjalanan mereka.

13 Dan setelah berhari-hari di padang belantara mereka tiba di negeri Zarahemla, dan bergabung dengan rakyat Mosia, dan menjadi warganya.

14 Dan terjadilah bahawa Mosia menerima mereka dengan kebajikan; dan dia juga menerima catatan-catatan mereka, dan juga catatan-catatan yang telah ditemukan oleh rakyat Limhi.

15 Dan sekarang, terjadilah ketika bangsa Laman telah mendapati bahawa rakyat Limhi telah keluar dari negeri itu pada malam hari, maka mereka menghantarkan sepasukan tentera ke padang belantara untuk mengejar mereka;

16 Dan setelah mereka mengejar mereka selama dua hari, mereka tidak dapat lagi mengikut jejak

mereka; oleh kerana itu mereka tersesat di padang belantara.

Sebuah laporan tentang Alma dan umat Tuhan, yang dihalau ke padang belantara oleh rakyat raja Nuh.

Meliputi bab 23 dan 24.

BAB 23

Alma enggan menjadi raja—Dia melayan sebagai imam tinggi—Tuhan mendera umat-Nya, dan bangsa Laman menakluk negeri Helam—Amulon, pemimpin para imam raja Nuh yang jahat, memerintah di bawah raja bangsa Laman. Kira-kira 145–121 tahun S.M.

SEKARANG, Alma, setelah diperingatkan oleh Tuhan bahawa bala tentera raja Nuh akan memintas mereka, dan setelah menyingkapkannya kepada rakyatnya, oleh kerana itu mereka mengumpulkan bersama kawan ternak mereka, dan membawa biji-bijian mereka, dan pergi ke padang belantara mendahului bala tentera raja Nuh.

2 Dan Tuhan menguatkan mereka, sehingga rakyat raja Nuh tidak dapat memintas mereka untuk menghancurkan mereka.

3 Dan mereka melarikan diri sejauh lapan hari perjalanan ke padang belantara.

4 Dan mereka datang ke suatu negeri, ya, bahkan negeri yang sangat indah dan menyenangkan, negeri dengan air yang tulen.

5 Dan mereka mendirikan khemah-khemah mereka, dan mula mengolah tanah, dan mula membina bangunan-bangunan; ya, mereka rajin, dan bekerja amat keras.

6 Dan bangsa itu berhasrat agar Alma hendaknya menjadi raja mereka, kerana dia dikasihi oleh bangsanya.

7 Tetapi dia berkata kepada mereka: Lihatlah, tidaklah arif bahawa kita mesti mempunyai raja; kerana demikianlah firman Tuhan: Janganlah kamu menganggap satu daging melebihi yang lain, atau janganlah satu orang menganggap dirinya melebihi yang lain; oleh kerana itu aku berkata kepadamu tidaklah arif bahawa kamu mesti mempunyai raja.

8 Walaupun demikian, jika mungkin bahawa kamu dapat selalu mempunyai lelaki-lelaki yang soleh untuk menjadi rajamu, akanlah baik bagimu untuk mempunyai raja.

9 Tetapi ingatlah kederhakaan raja Nuh dan para imamnya; dan aku sendiri tertangkap dalam suatu jerat, dan melakukan banyak hal yang keji dalam pandangan Tuhan, yang menyebabkanku melakukan pertaubatan yang parah;

10 Walaupun demikian, setelah banyak kesukaran, Tuhan mendengar seruanku, dan menjawab doaku, dan telah menjadikan alat dalam tangan-Nya dalam membawa sedemikian banyaknya orang daripadamu kepada suatu pengetahuan tentang kebenaran-Nya.

11 Walaupun demikian, dalam ini aku tidak bermegah, kerana aku tidak layak untuk bermegah akan diriku sendiri.

12 Dan sekarang, aku berkata kepadamu, kamu telah ditindas oleh raja Nuh, dan telah berada dalam perhambaan kepada dia dan para imamnya, dan telah dibawa ke dalam kederhakaan oleh mereka; oleh kerana itu kamu terikat dengan ikatan kederhakaan.

13 Dan sekarang, sebagaimana kamu telah dibebaskan oleh kuasa Tuhan daripada ikatan ini; ya, bahkan daripada tangan raja Nuh dan rakyatnya, dan juga daripada ikatan kederhakaan, demikian pula aku berhasrat bahawa kamu hendaknya berdiri teguh dalam kemerdekaan ini yang dengannya kamu telah dijadikan bebas, dan agar kamu tidak mempercayai seorang pun untuk menjadi raja atas dirimu.

14 Dan juga janganlah mempercayai seorang pun untuk menjadi pengajarmu atau pelayan rohani-ahmu, kecuali dia adalah orang yang melakukan kehendak Tuhan, berjalan di jalan-Nya dan mentaati perintah-perintah-Nya.

15 Demikianlah Alma mengajar umatnya, bahawa setiap orang hendaknya mengasihi jirannya seperti dirinya sendiri, bahawa hendaknya tidak ada perselisihan di kalangan mereka.

16 Dan sekarang, Alma adalah imam tinggi mereka, dia adalah pengasas gereja mereka.

17 Dan terjadilah bahawa tiada

seorang pun menerima wewenang untuk berkhotbah atau untuk mengajar kecuali ia adalah oleh dia daripada Tuhan. Oleh kerana itu dia menahbiskan semua imam mereka dan semua pengajar mereka; dan tiada seorang pun ditahbiskan kecuali mereka adalah lelaki yang soleh.

18 Oleh kerana itu mereka mengawasi orang mereka, dan memelihara mereka dengan apa yang berkaitan dengan kebenaran.

19 Dan terjadilah bahawa mereka mula menjadi amat makmur di negeri itu; dan mereka memanggil negeri itu Helam.

20 Dan terjadilah bahawa mereka bertambah banyak dan menjadi amat makmur di negeri Helam; dan mereka membina sebuah kota, yang mereka panggil Kota Helam.

21 Walaupun demikian Tuhan menganggap patut untuk mendera umat-Nya; ya, Dia menguji kesabaran mereka dan iman mereka.

22 Walaupun demikian—barang siapa menaruh kepercayaannya kepada-Nya orang yang sama akan diangkat pada hari terakhir. Ya, dan demikianlah terjadi dengan bangsa ini.

23 Kerana lihatlah, aku akan memperlihatkan kepadamu bahawa mereka dibawa ke dalam perhambaan, dan tiada seorang pun dapat membebaskan mereka selain Tuhan Raja mereka, ya, bahkan Tuhan Abraham dan Ishak dan Yakub.

24 Dan terjadilah bahawa Dia membebaskan mereka, dan Dia

memperlihatkan kuasa agung-Nya kepada mereka, dan besarlah kegirangan mereka.

25 Kerana lihatlah, terjadilah bahawa sewaktu mereka berada di negeri Helam, ya, di Kota Helam, semasa sedang mengolah negeri di sekitarnya, lihatlah suatu pasukan tentera bangsa Laman berada di sempadan negeri.

26 Sekarang, terjadilah bahawa saudara-saudara Alma melarikan diri dari ladang-ladang mereka, dan berkumpul bersama di Kota Helam; dan mereka penuh ketakutan kerana kemunculan bangsa Laman.

27 Tetapi Alma mara dan berdiri di kalangan mereka, dan mendorong mereka bahawa mereka hendaknya tidak ketakutan, tetapi bahawa mereka hendaknya mengingat Tuhan Raja mereka dan Dia akan membebaskan mereka.

28 Oleh kerana itu mereka mendiamkan rasa takut mereka, dan mula berseru kepada Tuhan agar Dia akan melembutkan hati bangsa Laman, agar mereka akan membiarkan mereka, dan para isteri mereka, dan anak-anak mereka hidup.

29 Dan terjadilah bahawa Tuhan melembutkan hati bangsa Laman. Dan Alma dan saudara-saudaranya mara dan menyerahkan diri ke dalam tangan mereka; dan bangsa Laman mengambil penguasaan atas negeri Helam.

30 Sekarang, bala tentera bangsa Laman, yang telah menyusuli rakyat raja Limhi, telah

tersesat di padang belantara selama sehari-hari.

31 Dan lihatlah, mereka telah menemukan para imam raja Nuh itu, di suatu tempat yang mereka sebut Amulon; dan mereka telah mula menguasai negeri Amulon dan telah mulai mengolah tanah.

32 Sekarang, nama pemimpin para imam itu adalah Amulon.

33 Dan terjadilah bahawa Amulon memohon kepada bangsa Laman; dan dia juga mengutus para isteri mereka, yang adalah para puteri bangsa Laman, untuk merayu kepada saudara-saudara mereka, bahawa mereka hendaknya tidak menghancurkan para suami mereka.

34 Dan bangsa Laman berasa kasihan atas diri Amulon dan saudara-saudaranya, dan tidak menghancurkan mereka, disebabkan para isteri mereka.

35 Dan Amulon dan saudara-saudaranya menyertai bangsa Laman, dan mereka sedang melakukan perjalanan di padang belantara mencari negeri Nefi ketika mereka menemukan negeri Helam, yang dikuasai oleh Alma dan saudara-saudaranya.

36 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman berjanji kepada Alma dan saudara-saudaranya, bahawa jika mereka akan menunjukkan kepada mereka jalan yang menuju ke negeri Nefi maka mereka akan memberikan kepada mereka nyawa mereka dan kemerdekaan mereka.

37 Tetapi setelah Alma menun-

jukkan kepada mereka jalan yang menuju ke negeri Nefi bangsa Laman tidak mahu memegang janji mereka; tetapi mereka menem- patkan para pengawal di sekitar negeri Helam, atas diri Alma dan saudara-saudaranya.

38 Dan selebihnya daripada mereka pergi ke negeri Nefi; dan sebahagian daripada mereka kembali ke negeri Helam, dan juga membawa bersama mereka para isteri dan anak-anak para pengawal yang telah ditinggalkan di negeri itu.

39 Dan raja bangsa Laman telah mengabulkan bagi Amulon bahawa dia hendaknya menjadi raja dan pemerintah atas bangsanya, yang berada di negeri Helam; walaupun demikian dia tidak akan memiliki kuasa untuk melakukan apa pun yang bertentangan dengan kehendak raja bangsa Laman.

BAB 24

Amulon menganiaya Alma dan umatnya—Mereka akan dihukum mati jika mereka berdoa—Tuhan menjadikan beban mereka tampak ringan—Dia membebaskan mereka daripada perhambaan, dan mereka kembali ke Zarahemla. Kira-kira 145–120 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa Amulon berkenan pada mata raja bangsa Laman; oleh kerana itu, raja bangsa Laman mengabulkan kepada dia dan saudara-saudaranya bahawa mereka akan dilantik sebagai

pengajar-pengajar atas rakyatnya, ya, bahkan atas rakyat yang berada di negeri Semlon, dan di negeri Silom, dan di negeri Amulon.

2 Kerana bangsa Laman telah mengambil penguasaan atas semua negeri ini; oleh kerana itu, raja bangsa Laman telah melantik para raja atas semua negeri ini.

3 Dan sekarang, nama raja bangsa Laman adalah Laman, dipanggil menurut nama ayahnya; dan oleh kerana itu dia dipanggil raja Laman. Dan dia adalah raja atas sejumlah besar orang.

4 Dan dia melantik sebagai pengajar-pengajar daripada kalangan saudara-saudara Amulon di setiap negeri yang dikuasai oleh rakyatnya; dan demikianlah bahasa Nefi mula diajarkan di kalangan semua bangsa Laman.

5 Dan mereka adalah bangsa yang ramah satu sama lain; walaupun demikian mereka tidak mengenal Tuhan; tidak juga saudara-saudara Amulon mengajar mereka apa pun berkenaan Tuhan Raja mereka, tidak juga hukum Musa; tidak juga mereka mengajar mereka perkataan-perkataan Abinadi;

6 Tetapi mereka mengajar mereka bahawa mereka hendaknya menyimpan catatan mereka, dan agar mereka boleh menulis kepada satu sama lain.

7 Dan demikianlah bangsa Laman mula bertambah kaya, dan mula berdagang dengan satu sama lain dan menjadi kuat, dan mula menjadi bangsa yang

licik dan yang bijak, berkaitan dengan kebijaksanaan dunia, ya, bangsa yang sangat licik, senang akan segala macam kejahatan dan jarahan, kecuali di kalangan saudara-saudara mereka sendiri.

8 Dan sekarang, terjadilah bahawa Amulon mula menguasai Alma dan saudara-saudaranya, dan mula menganiayainya, dan memerintah agar anak-anaknya hendaknya menganiaya anak-anak mereka.

9 Kerana Amulon kenal akan Alma, bahawa dia pernah menjadi salah seorang imam raja, dan bahawa dialah yang mempercayai perkataan-perkataan Abinadi dan diusir keluar dari hadapan raja, dan oleh kerana itu dia geram terhadapnya; kerana dia tunduk kepada raja Laman, namun dia menguasai mereka, dan menaruh tugas-tugas ke atas diri mereka, dan menempatkan para pengawas atas diri mereka.

10 Dan terjadilah bahawa sedemikian parahnya kesengsaraan mereka sehingga mereka mula berseru dengan amat kuat kepada Tuhan.

11 Dan Amulon memerintahkan mereka bahawa mereka hendaknya menghentikan seruan mereka; dan dia menempatkan para pengawal ke atas mereka untuk mengawasi mereka, agar barang siapa ditemukan sedang memanggil kepada Tuhan akan dihukum mati.

12 Dan Alma dan umatnya tidak mengangkat suara mereka kepada

Tuhan Raja mereka, tetapi mencurahkan hati mereka kepada-Nya; dan Dia mengetahui fikiran dalam hati mereka.

13 Dan terjadilah bahawa suara Tuhan datang kepada mereka dalam kesengsaraan mereka, memfirmankan: Angkatlah kepalamu dan terhiburlah, kerana Aku tahu tentang perjanjian yang telah kamu buat kepada-Ku; dan Aku akan membuat perjanjian dengan umat-Ku dan membebaskan mereka daripada perhambaan.

14 Dan Aku akan juga meringankan beban yang ditaruh di atas bahumu, sehingga bahkan kamu tidak dapat merasakannya di atas belakangmu, bahkan sewaktu kamu berada dalam perhambaan; dan ini akan Aku lakukan agar kamu boleh berdiri sebagai saksi bagi-Ku setelah ini, dan agar kamu boleh tahu dengan suatu kepastian bahawa Aku, Tuhan Raja, mengunjungi umat-Ku dalam kesengsaraan mereka.

15 Dan sekarang, terjadilah bahawa beban yang diletakkan ke atas diri Alma dan saudara-saudaranya dijadikan ringan; ya, Tuhan menguatkan mereka agar mereka dapat menanggung beban mereka dengan mudah, dan mereka tunduk dengan riang dan dengan kesabaran pada segala kehendak Tuhan.

16 Dan terjadilah bahawa sedemikian besarnya iman mereka dan kesabaran mereka sehingga suara Tuhan datang kepada mereka lagi, memfirmankan: Terhiburlah,

kerana pada esok hari Aku akan membebaskanmu daripada perhambaan.

17 Dan Dia berfirman kepada Alma: Engkau akan pergi mendahului umat ini, dan Aku akan pergi bersamamu dan membebaskan umat ini daripada perhambaan.

18 Sekarang, terjadilah bahawa Alma dan umatnya pada waktu malam mengumpulkan kawanan ternak mereka bersama, dan juga biji-bijian mereka; ya, bahkan sepanjang waktu malam mereka mengumpulkan kawanan ternak mereka bersama.

19 Dan pada waktu pagi Tuhan menyebabkan tidur yang nyenyak datang ke atas bangsa Laman, ya, dan semua pengawas mereka berada dalam tidur yang lelap.

20 Dan Alma dan umatnya berangkat ke padang belantara; dan ketika mereka telah berjalan sepanjang hari mereka mendirikan khemah-khemah mereka di suatu lembah, dan mereka memanggil lembah itu Alma, kerana dia memimpin jalan mereka di padang belantara.

21 Ya, dan di Lembah Alma mereka mencurahkan syukur mereka kepada Tuhan kerana Dia telah penuh belas kasihan kepada mereka, dan meringankan beban mereka, dan telah membebaskan mereka daripada perhambaan; kerana mereka berada dalam perhambaan, dan tiada seorang pun dapat membebaskan mereka kecuali Tuhan Raja mereka.

22 Dan mereka memberi syukur

kepada Tuhan, ya, semua kaum lelaki mereka dan semua kaum perempuan mereka dan semua anak mereka yang dapat berbicara mengangkat suara mereka dalam puji-pujian kepada Tuhan mereka.

23 Dan sekarang, Tuhan berfirman kepada Alma: Bergegaslah engkau dan pergilah engkau dan umat ini keluar dari negeri ini, kerana bangsa Laman telah bangun dan mengejarmu; oleh kerana itu pergilah engkau keluar dari negeri ini, dan Aku akan menghentikan bangsa Laman di lembah ini agar mereka tidak datang lebih jauh dalam pengejaran terhadap umat ini.

24 Dan terjadilah bahawa mereka meninggalkan lembah itu, dan melakukan perjalanan mereka ke padang belantara.

25 Dan setelah mereka berada di padang belantara dua belas hari mereka tiba di negeri Zarahemla; dan raja Mosia juga menerima mereka dengan bahagia.

BAB 25

Keturunan Mulek di Zarahemla menjadi bangsa Nefi—Mereka belajar tentang orang Alma dan orang Zenif—Alma membaptis Limhi dan seluruh rakyatnya—Mosia memberikan Alma wewenang untuk menyusun Gereja Tuhan. Kira-kira 120 tahun S.M.

DAN sekarang, raja Mosia menyuruh agar semua rakyat hendaknya dikumpulkan bersama.

2 Sekarang, tidak ada demikian

banyak anak-anak Nefi, atau demikian banyak daripada mereka yang adalah keturunan Nefi, seperti adanya orang Zarahemla, yang adalah keturunan Mulek, dan mereka yang datang bersamanya ke padang belantara.

3 Dan tidak ada demikian banyak bangsa Nefi dan orang Zarahemla seperti adanya bangsa Laman; ya, mereka tidak ada sampai setengah banyaknya.

4 Dan sekarang, semua bangsa Nefi berkumpul bersama, dan juga semua orang Zarahemla, dan mereka berkumpul bersama dalam dua kelompok.

5 Dan terjadilah bahawa Mosia membaca, dan menyuruh dibacakan, catatan-catatan Zenif kepada rakyatnya; ya, dia membacakan catatan-catatan tentang orang Zenif, sejak waktu mereka meninggalkan negeri Zarahemla sampai mereka kembali lagi.

6 Dan dia juga membacakan laporan tentang Alma dan saudara-saudaranya, dan segala kesengsaraan mereka, sejak waktu mereka meninggalkan negeri Zarahemla sampai waktu mereka kembali lagi.

7 Dan sekarang, ketika Mosia telah mengakhiri membacakan catatan-catatan itu, rakyatnya yang tinggal di negeri itu terpegun oleh ketakjuban dan kekaguman.

8 Kerana mereka tidak tahu apa yang harus difikirkan; kerana ketika mereka melihat mereka yang telah dibebaskan keluar daripada perhambaan mereka dipenuhi

dengan kebahagiaan yang amat besar.

9 Dan lagi, ketika mereka berfikir tentang saudara-saudara mereka yang telah dibunuh oleh bangsa Laman mereka dipenuhi dengan dukacita, dan bahkan mencurukan banyak air mata dukacita.

10 Dan lagi, ketika mereka berfikir tentang kebaikan Tuhan yang langsung, dan kuasa-Nya dalam membebaskan Alma dan saudara-saudaranya daripada tangan bangsa Laman dan daripada perhambaan, mereka mengangkat suara mereka dan bersyukur kepada Tuhan.

11 Dan lagi, ketika mereka berfikir tentang bangsa Laman, yang adalah saudara-saudara mereka, tentang keadaan mereka yang penuh dosa dan tercemar, mereka dipenuhi dengan rasa sakit dan kepedihan bagi kesejahteraan jiwa mereka.

12 Dan terjadilah bahawa mereka yang adalah anak-anak Amulon dan saudara-saudaranya, yang telah mengambil menjadi isteri para puteri bangsa Laman, tidak senang dengan tingkah laku bapa-bapa mereka, dan mereka tidak mahu lagi dipanggil dengan nama bapa-bapa mereka, oleh kerana itu mereka mengambil ke atas diri mereka nama Nefi, agar mereka boleh dipanggil anak-anak Nefi dan terbilang di kalangan mereka yang dipanggil bangsa Nefi.

13 Dan sekarang, semua orang Zarahemla terbilang bersama bangsa Nefi, dan ini kerana

kerajaan tidak pernah dianugerahkan kepada sesiapa pun selain mereka yang adalah keturunan Nefi.

14 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika Mosia telah mengakhiri berbicara dan membaca kepada rakyat, dia berhasrat bahawa Alma hendaknya juga berbicara kepada rakyat.

15 Dan Alma berbicara kepada mereka, ketika mereka berhimpun bersama dalam kelompok-kelompok besar, dan dia pergi dari satu kelompok ke kelompok yang lain, mengkhutbahkan kepada rakyat pertaubatan dan iman kepada Tuhan.

16 Dan dia mendorong rakyat Limhi dan saudara-saudaranya, mereka semua yang telah dibebaskan daripada perhambaan, bahawa mereka hendaknya ingat bahawa Tuhanlah yang telah membebaskan mereka.

17 Dan terjadilah bahawa setelah Alma mengajar rakyat banyak hal, dan telah mengakhiri berbicara kepada mereka, maka raja Limhi berhasrat agar dia boleh dibaptis; dan semua rakyatnya berhasrat agar mereka boleh dibaptis juga.

18 Oleh kerana itu, Alma pergi ke dalam air dan membaptis mereka; ya, dia membaptis mereka menurut cara dia membaptis saudara-saudaranya di Perairan Mormon; ya, dan sebanyak orang yang dia baptis termasuk dalam gereja Tuhan; dan ini kerana kepercayaan mereka akan perkataan-perkataan Alma.

19 Dan terjadilah bahawa raja Mosia mengabulkan kepada Alma bahawa dia boleh menyusunkan jemaah-jemaah di seluruh negeri Zarahemla; dan memberinya kuasa untuk mentahbiskan imam dan pengajar atas setiap jemaah.

20 Sekarang, ini dilakukan kerana ada demikian banyak orang sehingga mereka tidak dapat semuanya diawasi oleh seorang pengajar; tidak juga mereka semua dapat mendengar firman Tuhan dalam satu pertemuan;

21 Oleh kerana itu mereka berhimpun bersama dalam kelompok-kelompok berbeza, dipanggil jemaah-jemaah; setiap jemaah memiliki imam-imam mereka dan pengajar-pengajar mereka, dan setiap imam mengkhutbahkan firman menurut seperti yang disampaikan kepadanya oleh mulut Alma.

22 Dan demikianlah, sekalipun ada banyak jemaah, ia semuanya satu gereja, ya, bahkan gereja Tuhan; kerana tidak ada apa pun dikhutbahkan di semua jemaah kecuali ianya adalah pertaubatan dan iman kepada Tuhan.

23 Dan sekarang, ada tujuh jemaah di negeri Zarahemla. Dan terjadilah bahawa barang siapa berhasrat mengambil ke atas diri mereka nama Kristus, atau nama Tuhan, mereka menyertai jemaah Tuhan;

24 Dan mereka dipanggil umat Tuhan. Dan Tuhan mencurahkan Roh-Nya ke atas mereka, dan

mereka diberkati, dan menjadi makmur di negeri itu.

BAB 26

Banyak anggota Gereja dituntun ke dalam dosa oleh orang kafur—Alma dijanjikan kehidupan abadi—Mereka yang bertaubat dan dibaptis memperoleh pengampunan—Para anggota Gereja dalam dosa yang bertaubat dan mengaku kepada Alma dan kepada Tuhan akan diampuni; jika tidak, mereka tidak akan terbilang di kalangan umat Gereja. Kira-kira 120–100 tahun S.M.

SEKARANG, terjadilah bahawa ada banyak daripada generasi muda yang tidak dapat memahami perkataan-perkataan raja Benyamin, kerana masih anak-anak kecil pada waktu dia berbicara kepada rakyatnya; dan mereka tidak mempercayai adat resam nenek moyang mereka.

2 Mereka tidak percaya apa yang telah dikatakan berkenaan kebangkitan orang mati, tidak juga mereka percaya berkenaan kedatangan Kristus.

3 Dan sekarang, kerana ketidakpercayaan mereka, mereka tidak dapat mengerti firman Tuhan; dan hati mereka menjadi keras.

4 Dan mereka tidak mahu dibaptis; tidak juga mereka mahu menyertai gereja. Dan mereka adalah umat yang terpisah berkaitan dengan iman mereka, dan tetap demikian senantiasa buat selamanya, bahkan dalam keadaan

mereka yang badaniah dan penuh dosa; kerana mereka tidak mahu memohon kepada Tuhan Raja mereka.

5 Dan sekarang, pada zaman pemerintahan Mosia mereka tidak sampai setengah ramainya berbanding dengan umat Tuhan; tetapi kerana pertengkaran di kalangan saudara-saudara, mereka menjadi lebih ramai.

6 Kerana terjadilah bahawa mereka menipu ramai orang dengan perkataan-perkataan mereka yang mengangkat-angkat, orang yang ada di dalam gereja, dan menyebabkan mereka berbuat banyak dosa; oleh kerana itu menjadi perlu bahawa mereka yang berbuat dosa, yang ada di dalam gereja, hendaknya diperingatkan oleh gereja.

7 Dan terjadilah bahawa mereka dibawa ke hadapan para imam, dan diserahkan kepada para imam oleh pengajar-pengajar; dan imam membawa mereka ke hadapan Alma, yang adalah imam tinggi.

8 Sekarang, raja Mosia telah memberikan Alma wewenang ke atas gereja.

9 Dan terjadilah bahawa Alma tidak tahu berkenaan mereka; tetapi ada banyak saksi menentang mereka; ya, orang berdiri dan bersaksi tentang kederhakaan mereka yang berlimpahan.

10 Sekarang, belum pernah hal yang demikian terjadi sebelumnya di dalam gereja; oleh kerana itu Alma berasa gelisah di dalam rohnya, dan dia menyuruh agar

mereka hendaknya dibawa ke hadapan raja.

11 Dan dia berkata kepada raja: Lihatlah, di sini ada ramai orang yang telah kami bawa ke hadapan kamu, yang dituduh oleh saudara-saudara mereka; ya, dan mereka telah didapati dalam berbagai-bagai kederhakaan. Dan mereka tidak bertaubat akan kederhakaan mereka; oleh kerana itu kami telah membawa mereka ke hadapan kamu, agar kamu boleh menghakimi mereka menurut jenayah-jenayah mereka.

12 Tetapi raja Mosia berkata kepada Alma: Lihatlah, aku tidak menghakimi mereka; oleh kerana itu aku menyerahkan mereka ke dalam tanganmu untuk dihakimi.

13 Dan sekarang, roh Alma kembali berasa gelisah; dan dia pergi dan bertanya kepada Tuhan apa yang hendaknya dia lakukan berkenaan masalah ini, kerana dia takut bahawa dia akan melakukan ketidakadilan dalam pandangan Tuhan.

14 Dan terjadilah bahawa setelah dia mencurahkan seluruh jiwanya kepada Tuhan, suara Tuhan datang kepadanya, memfirmankan:

15 Diberkatilah engkau, Alma, dan diberkatilah mereka yang dibaptis di Perairan Mormon. Engkau diberkati kerana imanmu yang amat besar pada perkataan-perkataan semata-mata daripada hamba-Ku Abinadi.

16 Dan diberkatilah mereka kerana iman mereka yang amat besar pada perkataan-perkataan

semata-mata yang telah engkau ucapkan kepada mereka.

17 Dan diberkatilah engkau kerana engkau telah menegakkan sebuah jemaah di kalangan umat ini; dan mereka akan ditegakkan, dan mereka akan menjadi umat-Ku.

18 Ya, diberkatilah umat ini yang bersedia untuk menyandang nama-Ku; kerana dalam nama-Ku akanlah mereka dipanggil; dan mereka adalah milik-Ku.

19 Dan kerana engkau telah bertanya kepada-Ku berkenaan si pelanggar, engkau diberkati.

20 Engkau adalah hamba-Ku; dan Aku membuat perjanjian denganmu bahawa engkau akan memperoleh kehidupan abadi; dan engkau akan melayani-Ku dan maju dalam nama-Ku, dan akan mengumpulkan bersama domba-domba-Ku.

21 Dan dia yang mahu mendengar suara-Ku akan menjadi domba-Ku; dan dia akan kamu terima ke dalam gereja, dan dia akan Aku terima juga.

22 Kerana lihatlah, ini adalah gereja-Ku; barang siapa dibaptis akan dibaptis untuk pertaubatan. Dan sesiapa pun yang kamu terima akan percaya pada nama-Ku; dan dia dengan murah hati akan Aku ampuni.

23 Kerana Akulah yang mengambil ke atas diri-Ku dosa-dosa dunia; kerana Akulah yang telah menciptakan mereka; dan Akulah yang memberikan kepada dia yang percaya sampai akhir sebuah tempat di sisi kanan-Ku.

24 Kerana lihatlah, dalam nama-Ku mereka dipanggil; dan jika mereka mengenal-Ku mereka akan tampil, dan akan memperoleh sebuah tempat secara abadi di sisi kanan-Ku.

25 Dan akan terjadi bahawa ketika sangkakala kedua akan berbunyi pada waktu itu akanlah mereka yang tidak pernah mengenal-Ku tampil dan akan berdiri di hadapan-Ku.

26 Dan pada waktu itu akanlah mereka tahu bahawa Akulah Tuhan Raja mereka, bahawa Akulah Penebus mereka; tetapi mereka tidak mahu ditebus.

27 Dan pada waktu itu Aku akan mengaku kepada mereka bahawa Aku tidak pernah mengenal mereka; dan mereka akan pergi ke dalam api kekal yang dipersiapkan bagi iblis dan para malaikatnya.

28 Oleh kerana itu Aku berfirman kepadamu, bahawa dia yang tidak mahu mendengar suara-Ku, orang yang sama itu janganlah kamu terima ke dalam gereja-Ku, kerana dia tidak akan Aku terima pada hari terakhir.

29 Oleh kerana itu Aku berfirman kepadamu, Pergilah; dan barang siapa melanggar hukum-Ku, dia akan kamu hakimi menurut dosa-dosa yang telah dia buat; dan jika dia mengakui dosa-dosanya di hadapanmu dan Aku, dan bertaubat dalam ketulusan hatinya, dia hendaknya kamu ampuni, dan Aku akan mengampuninya juga.

30 Ya, dan sekerap umat-Ku bertaubat akanlah Aku ampuni

mereka bagi pelanggaran mereka terhadap-Ku.

31 Dan kamu juga akan saling mengampuni pelanggaranmu; kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, dia yang tidak mengampuni pelanggaran jirannya apabila dia berkata bahawa dia bertaubat, orang yang sama telah membawa dirinya sendiri ke bawah penghukuman.

32 Sekarang, Aku berfirman kepadamu, Pergilah; dan barang siapa tidak akan bertaubat akan dosa-dosanya orang yang sama itu tidak akan terbilang di kalangan umat-Ku; dan ini hendaknya dipatuhi mulai waktu ini dan seterusnya.

33 Dan terjadilah bahawa ketika Alma telah mendengar firman ini dia menuliskannya agar dia boleh memilikinya, dan agar dia boleh menghakimi umat gereja itu menurut perintah-perintah Tuhan.

34 Dan terjadilah bahawa Alma pergi dan menghakimi mereka yang telah didapati dalam kederhakaan, menurut firman Tuhan.

35 Dan barang siapa bertaubat akan dosa-dosa mereka dan mengakuinya, merekalah dia bilangkan di kalangan umat gereja;

36 Dan mereka yang tidak mengakui dosa-dosa mereka dan bertaubat akan kederhakaan mereka, orang yang sama itu tidak terbilang di kalangan umat gereja, dan nama mereka dipadamkan.

37 Dan terjadilah bahawa Alma mengatur semua urusan gereja; dan mereka mula lagi mengalami

kedamaian dan menjadi amat makmur dalam urusan gereja, berjalan dengan hati-hati di hadapan Tuhan, menerima ramai, dan membaptis ramai.

38 Dan sekarang, semua hal ini Alma dan para rakan pekerjanya lakukan, yang berkuasa atas gereja, berjalan dalam segenap ketekunan, mengajarkan firman Tuhan dalam segala hal, menderita segala macam kesengsaraan, dianiaya oleh semua mereka yang bukan ahli gereja Tuhan.

39 Dan mereka menasihati saudara-saudara mereka; dan mereka juga dinasihati, setiap orang oleh firman Tuhan, menurut dosa-dosanya, atau menurut dosa-dosa yang telah dia buat, diperintahkan oleh Tuhan untuk berdoa tidak henti-henti, dan untuk memberi syukur dalam segala hal.

BAB 27

Mosia melarang penganiayaan dan menitahkan kesetaraan—Alma yang muda dan keempat-empat putera Mosia berusaha untuk menghancurkan Gereja—Seorang malaikat menampakkan diri dan memerintahkan mereka untuk menghentikan kelakuan mereka yang jahat—Alma diserang kebisuan—Seluruh umat manusia mesti dilahirkan kembali untuk memperoleh keselamatan—Alma dan para putera Mosia mengisytiharkan khabar gembira. Kira-kira 100–92 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa penganiayaan yang dikenakan

pada gereja oleh orang kufur menjadi sedemikian besarnya sehingga jemaah mulai merungut, dan mengeluh kepada para pemimpin mereka berkenaan masalah itu; dan mereka mengeluh kepada Alma. Dan Alma menyampaikan perkara itu ke hadapan raja mereka, Mosia. Dan Mosia berunding dengan para imamnya.

2 Dan terjadilah bahawa raja Mosia mengirimkan suatu perisytiharan ke seluruh negeri sekitarnya bahawa hendaknya tidak ada sesiapa pun yang kufur menganiaya siapa pun di antara mereka yang menganggotai gereja Tuhan.

3 Dan ada suatu perintah yang ketat kepada semua jemaah bahawa hendaknya tidak ada penganiayaan di kalangan mereka, bahawa hendaknya ada kesetaraan di kalangan semua manusia;

4 Bahawa mereka hendaknya tidak membiarkan keangkuhan atau kesombongan mengganggu kedamaian mereka; bahawa setiap orang hendaknya menghormati jirannya seperti dirinya sendiri, bekerja dengan tangan mereka sendiri untuk tunjangan mereka.

5 Ya, dan semua imam dan pengajar mereka hendaknya bekerja dengan tangan mereka sendiri untuk tunjangan mereka, dalam segala perkara kecuali dalam keadaan sakit, atau dalam keadaan amat kekurangan; dan melakukan hal-hal ini, mereka berlimpah ruah dalam rahmat Tuhan.

6 Dan mula ada banyak kedamaian lagi di negeri itu; dan

bangsa itu mula menjadi sangat banyak, dan mula bercerai-berai secara luas di atas muka bumi, ya, di utara dan di selatan, di timur dan di barat, membina kota-kota besar dan desa-desa di semua penjuru negeri.

7 Dan Tuhan mengunjungi mereka dan memakmurkan mereka, dan mereka menjadi bangsa yang besar dan kaya.

8 Sekarang, para putera Mosia terbilang di antara orang kufur; dan juga salah seorang putera Alma terbilang di antara mereka, dia yang dipanggil Alma, menurut nama ayahnya; walaupun demikian, dia menjadi seorang yang sangat jahat dan seorang pemuja berhala. Dan dia adalah seorang lelaki yang banyak berbicara, dan mengucapkan banyak kata yang mengangkat kepada orang; oleh kerana itu dia memimpin banyak orang untuk melakukan menurut cara kederhakaannya.

9 Dan dia menjadi rintangan besar bagi kemakmuran gereja Tuhan; mencuri hati orang; menyebabkan banyak pertengkaran di kalangan umat; memberi kesempatan bagi musuh Tuhan untuk menjalankan kuasanya atas diri mereka.

10 Dan sekarang, terjadilah bahawa sewaktu dia berkelana untuk menghancurkan gereja Tuhan, kerana dia berkelana secara rahsia bersama para putera Mosia berusaha untuk menghancurkan gereja, dan untuk menyesatkan umat Tuhan, bertentangan dengan

perintah-perintah Tuhan, atau bahkan raja—

11 Dan seperti yang aku katakan kepadamu, sewaktu mereka berkelana memberontak melawan Tuhan, lihatlah, malaikat Tuhan menampakkan diri kepada mereka; dan dia turun seakan-akan dalam awan; dan dia berbicara seakan-akan dengan suara guruh, yang menyebabkan bumi bergoncang yang di atasnya mereka berdiri.

12 Dan sedemikian besarnya kekaguman mereka, sehingga mereka jatuh ke bumi, dan tidak memahami kata-kata yang dia ucapkan kepada mereka.

13 Walaupun demikian dia berseru lagi, mengatakan: Alma, bangkit dan mara, kerana mengapa engkau menganiaya gereja Tuhan? Kerana Tuhan telah berfirman: Inilah gereja-Ku, dan Aku akan menegakkannya; dan tidak ada apa pun yang akan menumbangkannya, kecuali pelanggaran umat-Ku.

14 Dan lagi, malaikat itu berkata: Lihatlah, Tuhan telah mendengar doa-doa umat-Nya, dan juga doa-doa hamba-Nya, Alma, yang adalah ayahmu; kerana dia telah berdoa dengan banyak iman berkenaan engkau agar engkau boleh dibawa pada pengetahuan tentang kebenaran; oleh kerana itu, untuk tujuan ini aku telah datang untuk meyakinkan engkau tentang kuasa dan wewenang Tuhan, agar doa-doa para hamba-Nya boleh disempurnakan menurut iman mereka.

15 Dan sekarang, lihatlah, dapatkah kamu meragui kuasa Tuhan? Kerana lihatlah, bukankah suaraku menggoncangkan bumi? Dan tidak dapatkah juga engkau melihatku di hadapanmu? Dan aku diutus dari Tuhan.

16 Sekarang, aku berkata kepadamu: Pergilah, dan ingatlah penawanan nenek moyangmu di negeri Helam, dan di negeri Nefi; dan ingatlah betapa besar hal-hal yang telah Dia lakukan bagi mereka; kerana mereka berada dalam perhambaan, dan Dia telah membebaskan mereka. Dan sekarang, aku berkata kepadamu, Alma, pergilah pada jalanmu, dan janganlah berupaya untuk menghancurkan gereja lagi, agar doa-doa mereka boleh disempurnakan, dan ini bahkan jika engkau mahu dirimu sendiri disingkirkan.

17 Dan sekarang, terjadilah bahawa ini adalah perkataan-perkataan terakhir yang malaikat ucapkan kepada Alma, dan dia pergi.

18 Dan sekarang, Alma dan mereka yang berada bersamanya jatuh lagi ke bumi, kerana besarlah kekaguman mereka; kerana dengan mata mereka sendiri mereka telah melihat seorang malaikat Tuhan; dan suaranya bagaikan guruh, yang menggoncangkan bumi; dan mereka tahu bahawa tidak ada apa pun kecuali kuasa Tuhan yang dapat menggoncangkan bumi dan menyebabkannya bergegar seolah-olah akan terbelah berkecai.

19 Dan sekarang, kekaguman Alma sedemikian besarnya sehingga dia menjadi bisu, hingga dia tidak dapat membuka mulutnya; ya, dan dia menjadi lemah, bahkan hingga dia tidak dapat menggerakkan tangannya; oleh kerana itu dia dibawa oleh mereka yang berada bersamanya, dan diangkat tak berdaya, bahkan sampai dia dibaringkan di hadapan ayahnya.

20 Dan mereka menceritakan kembali kepada ayahnya segala yang telah terjadi kepada mereka; dan ayahnya bersukacita, kerana dia tahu bahawa ia adalah kuasa Tuhan.

21 Dan dia menyuruh agar orang ramai hendaknya dikumpulkan bersama agar mereka boleh menyaksikan apa yang telah Tuhan lakukan untuk puteranya, dan juga untuk mereka yang berada bersamanya.

22 Dan dia menyuruh agar para imam hendaknya berhimpun bersama; dan mereka mula berpuasa, dan berdoa kepada Tuhan Raja mereka agar Dia akan membuka mulut Alma, agar dia boleh berbicara, dan juga agar anggota tubuhnya boleh menerima kekuatannya—agar mata orang boleh dibukakan untuk melihat dan mengetahui akan kebaikan dan kemuliaan Tuhan.

23 Dan terjadilah setelah mereka berpuasa dan berdoa untuk jangka waktu dua hari dan dua malam, anggota tubuh Alma menerima kekuatannya, dan dia berdiri dan

mula berbicara kepada mereka, menyuruh mereka untuk menjadi terhibur:

24 Kerana, katanya, aku telah bertaubat akan dosa-dosaku, dan telah ditebus oleh Tuhan; lihatlah aku dilahirkan melalui Roh.

25 Dan Tuhan berfirman kepadaku: Janganlah takjub bahawa seluruh umat manusia, ya, lelaki dan wanita, semua bangsa, kaum, bahasa dan orang, mesti dilahirkan kembali; ya, dilahirkan oleh Tuhan, diubah daripada keadaan mereka yang badaniah dan terjatuh, ke keadaan kesolehan, ditebus oleh Tuhan, menjadi putera dan puteri-Nya;

26 Dan demikianlah mereka menjadi makhluk baru; dan kecuali mereka melakukan ini, mereka sama sekali tidak dapat mewarisi kerajaan Tuhan.

27 Aku berkata kepadamu, kecuali ini keadaannya, mereka mesti disingkirkan; dan ini aku tahu, kerana aku nyaris-nyaris disingkirkan.

28 Walaupun demikian, setelah menempuh banyak kesukaran, bertaubat sampai hampir mati, Tuhan dalam belas kasihan telah menganggap patut untuk merengkuhku dari pembakaran kekal, dan aku dilahirkan oleh Tuhan.

29 Jiwaku telah ditebus dari hempedu kepahitan dan ikatan kederhakaan. Aku berada dalam ngarai yang paling gelap; tetapi sekarang aku melihat cahaya Tuhan yang menakjubkan. Jiwaku terseksa oleh seksaan abadi; tetapi

aku direngkuh, dan jiwaku tidak disakiti lagi.

30 Aku menolak Penebusku, dan menyangkal apa yang telah diucapkan oleh nenek moyang kita; tetapi sekarang agar mereka boleh melihat sebelumnya bahawa Dia akan datang, dan bahawa Dia mengingati setiap makhluk ciptaan-Nya, Dia akan menyatakan diri-Nya kepada semua manusia.

31 Ya, setiap lutut akan bertekuk, dan setiap lidah mengaku di hadapan-Nya. Ya, bahkan pada hari terakhir, ketika semua manusia akan berdiri untuk dihakimi oleh-Nya, pada waktu itu akanlah mereka mengaku bahawa Dialah Tuhan; pada waktu itu akanlah mereka mengaku, yang hidup tanpa Tuhan di dunia, bahawa penghakiman hukuman kekal adalah adil ke atas diri mereka; dan mereka akan bergoncang, dan gementar, dan mengecut di bawah pandangan sekilas oleh mata-Nya yang penuh penelitian.

32 Dan sekarang, terjadilah bahawa Alma bermula dari waktu ini dan seterusnya mengajar umat itu, dan mereka yang berada bersama Alma pada waktu malaikat menampakkan diri kepada mereka, mengembara ke sekitar seluruh negeri, memberitakan kepada semua orang apa yang telah mereka dengar dan lihat, dan mengkhutbahkan firman Tuhan dengan banyak kesukaran, dianiaya dengan teruk oleh mereka yang adalah orang kufur, didera oleh ramai daripada mereka.

33 Tetapi tidak kira semuanya ini, mereka memberikan banyak ketenangan jiwa kepada gereja, mengukuhkan iman mereka, dan mendesak mereka dengan panjang sabar dan banyak penderitaan berat untuk mentaati perintah-perintah Tuhan.

34 Dan empat orang daripada mereka adalah para putera Mosia; dan nama mereka adalah Amon, dan Harun, dan Omner, dan Himni; inilah nama para putera Mosia.

35 Dan mereka mengembara ke seluruh negeri Zarahemla, dan ke kalangan semua rakyat yang berada di bawah pemerintahan raja Mosia, dengan bersemangat berjuang untuk memperbaiki segala kerosakan yang telah mereka lakukan terhadap gereja, mengakui segala dosa mereka, dan memberitakan segala sesuatu yang telah mereka lihat, dan menjelaskan nubuat dan tulisan suci kepada semua yang berhasrat mendengar mereka.

36 Dan demikianlah mereka adalah alat dalam tangan Tuhan dalam membawa ramai orang pada pengetahuan tentang kebenaran, ya, pada pengetahuan tentang Penebus mereka.

37 Dan betapa diberkatinya mereka! Kerana mereka memberitakan kedamaian; mereka memberitakan khabar baik tentang kebaikan; dan mereka memaklumkan kepada umat itu bahawa Tuhan memerintah.

BAB 28

Para putera Mosia pergi berkhotbah kepada bangsa Laman—Meggunakan dua batu pelihat, Mosia menterjemahkan kepingan-kepingan bangsa Yared. Kira-kira 92 tahun S.M.

SEKARANG, terjadilah bahawa setelah para putera Mosia melakukan segala hal ini, mereka membawa sejumlah kecil orang bersama mereka dan kembali kepada ayah mereka, si raja, dan menghasratkan daripadanya bahawa dia akan mengabdikan bagi mereka agar mereka boleh, bersama orang ini yang telah mereka pilih, pergi ke negeri Nefi agar mereka boleh mengkhutbahkan apa yang telah mereka dengar, dan agar mereka boleh memberikan firman Tuhan kepada saudara-saudara mereka, bangsa Laman—

2 Agar barangkali mereka boleh membawa mereka pada pengetahuan tentang Tuhan Raja mereka, dan meyakinkan mereka tentang kederhakaan nenek moyang mereka; dan agar barangkali mereka boleh menyembuhkan mereka daripada kebencian mereka terhadap bangsa Nefi, agar mereka boleh juga dibawa untuk bersukacita di dalam Tuhan Raja mereka, agar mereka boleh menjadi ramah terhadap satu sama lain, dan agar hendaknya tidak ada lagi perselisihan di seluruh negeri yang telah Tuhan Raja mereka berikan kepada mereka.

3 Sekarang, mereka berhasrat

agar keselamatan hendaknya dimaklumkan kepada setiap makhluk, kerana mereka tidak dapat tahan bahawa jiwa manusia mana pun akan binasa; ya, bahkan fikiran sahaja bahawa jiwa siapa pun akan menanggung seksaan tanpa akhir menyebabkan mereka bergoncang dan gementar.

4 Dan demikianlah Roh Tuhan mempengaruhi mereka, kerana mereka dahulu adalah yang paling keji di antara para pendosa. Dan Tuhan menganggap patut dalam belas kasihan-Nya yang tidak terhingga untuk membiarkan mereka hidup; walaupun demikian mereka menderita banyak kepedihan jiwa kerana kederhakaan mereka, menderita banyak dan merasa takut bahawa mereka akan disingkirkan selamanya.

5 Dan terjadilah bahawa mereka merayu kepada ayah mereka sehari-hari agar mereka boleh pergi ke negeri Nefi.

6 Dan raja Mosia pergi dan bertanya kepada Tuhan sama ada dia mesti membiarkan para puteranya pergi ke kalangan bangsa Laman untuk mengkhutbahkan firman.

7 Dan Tuhan berfirman kepada Mosia: Biarlah mereka pergi, kerana ramai orang akan percaya pada perkataan-perkataan mereka, dan mereka akan memperoleh kehidupan abadi; dan Aku akan membebaskan para puteramu daripada tangan bangsa Laman.

8 Dan terjadilah bahawa Mosia mengabdikan bahawa mereka

boleh pergi dan melakukan menurut permintaan mereka.

9 Dan mereka mengadakan perjalanan mereka ke padang belantara untuk pergi mengkhutbahkan firman ke kalangan bangsa Laman; dan aku akan memberikan sebuah laporan tentang urusan-urusan mereka selepas ini.

10 Sekarang, raja Mosia tiada seorang pun kepada siapa dia dapat menganugerahkan kerajaan, kerana tiada seorang pun daripada para puteranya yang mahu menerima kerajaan itu.

11 Oleh kerana itu dia mengambil catatan-catatan yang terukir di atas kepingan-kepingan loyang, dan juga kepingan-kepingan Nefi, dan segala sesuatu yang telah dia simpan dan pelihara menurut perintah-perintah Tuhan, setelah menterjemahkan dan menyuruh dituliskan catatan-catatan yang ada di atas kepingan-kepingan emas yang telah ditemukan oleh rakyat Limhi, yang telah diserahkan kepadanya oleh tangan Limhi;

12 Dan ini dia lakukan kerana kegelisahan besar rakyatnya; kerana mereka berhasrat teramat sangat untuk mengetahui berkenaan bangsa itu yang telah dihancurkan.

13 Dan sekarang, dia menterjemahkannya melalui sarana dua biji batu itu yang diikatkan ke dalam dua pinggiran sebuah bingkai.

14 Sekarang, benda-benda ini dipersiapkan sejak awal, dan diturunkan dari generasi ke generasi, untuk tujuan mentafsirkan bahasa-bahasa;

15 Dan ia telah dipelihara dan dilindungi oleh tangan Tuhan, agar Dia akan menyingkapkan kepada setiap makhluk yang akan menguasai negeri ini, kederhakaan dan kekejian umat-Nya;

16 Dan barang siapa memiliki benda-benda ini disebut pelihat, menurut cara zaman kuno.

17 Sekarang, setelah Mosia selesai menterjemahkan catatan-catatan ini, lihatlah, ianya memberikan sebuah laporan tentang bangsa yang dihancurkan, sejak waktu ketika mereka dihancurkan balik sampai pembinaan menara besar itu, pada waktu Tuhan mencekarkan bahasa orang itu dan mereka tercerai-berai secara luas ke atas permukaan seluruh bumi, ya, bahkan sejak waktu itu balik sampai penciptaan Adam.

18 Sekarang, laporan ini menyebabkan rakyat Mosia amat berduka nestapa, ya, mereka dipenuhi dengan dukacita; walaupun demikian ia memberikan mereka banyak pengetahuan, yang di dalamnya mereka bersukacita.

19 Dan laporan ini akan dituliskan selepas ini; kerana lihatlah, adalah arif bahawa semua orang hendaknya mengetahui apa yang dituliskan dalam laporan ini.

20 Dan sekarang, seperti yang aku katakan kepadamu, bahawa setelah raja Mosia melakukan hal-hal ini, dia mengambil kepingan-kepingan loyang, dan semua benda yang telah dia simpan, dan menganugerahkannya kepada Alma, yang adalah anak lelaki

Alma; ya, semua catatan, dan juga alat-alat tafsir, dan menganugerahkannya kepadanya, dan memerintahkan dia agar dia hendaknya memelihara dan melindunginya, dan juga menyimpan sebuah catatan tentang bangsa itu, menurunkannya dari satu generasi ke yang lain, bahkan sebagaimana telah diturunkan sejak waktu Lehi meninggalkan Yerusalem.

BAB 29

Mosia mencadangkan agar hakim-hakim dipilih sebagai pengganti seorang raja—Raja-raja yang tidak soleh memimpin rakyat mereka ke dalam dosa—Alma yang Muda dipilih sebagai hakim utama oleh suara rakyat—Dia juga adalah imam tinggi atas Gereja—Alma yang Tua dan Mosia mangkat. Kira-kira 92–91 tahun S.M.

SEKARANG, ketika Mosia telah melakukan ini dia mengisytiharkan ke seluruh negeri, ke kalangan semua rakyat, berhasrat untuk mengetahui kehendak mereka berkenaan siapa yang patut menjadi raja mereka.

2 Dan terjadilah bahawa suara rakyat datang, mengatakan: Kami berhasrat bahawa Harun puteramu patut menjadi raja kami dan pemerintah kami.

3 Sekarang, Harun telah pergi ke negeri Nefi, oleh kerana itu raja tidak dapat menganugerahkan kerajaan kepadanya; juga Harun tidak mahu mengambil ke atas dirinya kerajaan itu; juga tidak

seorang pun daripada para putera Mosia sudi mengambil ke atas diri mereka kerajaan itu.

4 Oleh kerana itu raja Mosia mengisytiharkan lagi ke kalangan rakyat; ya, bahkan suatu perkataan tertulis dikirimkannya ke kalangan rakyat. Dan inilah perkataan-perkataan yang tertulis, mengatakan:

5 Lihatlah, Wahai kamu rakyatku, atau saudara-saudaraku, kerana aku menganggapmu demikian, aku berhasrat bahawa kamu hendaknya mempertimbangkan perkara yang kamu dipanggil untuk pertimbangkan—kerana kamu berhasrat memiliki seorang raja.

6 Sekarang, aku maklumkan kepadamu bahawa dia yang adalah pemilik sah kerajaan ini telah menolak, dan tidak berhasrat mengambil ke atas dirinya kerajaan ini.

7 Dan sekarang, jika akan ada orang lain ditetapkan sebagai penggantinya, lihatlah aku takut akan timbul perselisihan di kalangan kamu. Dan siapa tahu bahawa mungkin puteraku, yang adalah pemilik kerajaan ini, akan menjadi marah dan menarik sebahagian daripada rakyat ini kepadanya, yang akan menyebabkan peperangan dan perselisihan di kalanganmu, yang akan menjadi sebab pertumpahan banyak darah dan penyimpangan jalan Tuhan, ya, dan menghancurkan jiwa ramai orang.

8 Sekarang, aku bertitah kepadamu marilah kita menjadi bijak dan mempertimbangkan hal-hal ini, kerana kita tidak memiliki hak

untuk menghancurkan puteraku, tidak patut juga kita memiliki hak untuk menghancurkan yang lain jika dia akan dilantik sebagai penggantinya.

9 Dan jika puteraku akan berpaling lagi pada keangkuhannya dan apa yang sia-sia dia akan menarik kembali apa yang telah dia katakan, dan menuntut haknya atas kerajaan, yang akan menyebabkan dia dan juga rakyat ini melakukan banyak dosa.

10 Dan sekarang, marilah kita menjadi bijak dan menanti-nantikan hal-hal ini, dan melakukan apa yang akan menjamin kedamaian bagi rakyat ini.

11 Oleh kerana itu aku akan menjadi rajamu bagi penghabisan hidupku walaupun demikian, marilah kita melantik para hakim, untuk menghakimi rakyat ini menurut hukum kita; dan kita akan mengatur dengan cara baru urusan rakyat ini, kerana kita akan melantik para lelaki yang bijak untuk menjadi hakim, yang akan menghakimi rakyat ini menurut perintah-perintah Tuhan.

12 Sekarang, adalah lebih baik bahawa seseorang akan dihakimi oleh Tuhan daripada oleh manusia, kerana penghakiman Tuhan selalu adil, tetapi penghakiman manusia tidaklah selalu adil.

13 Oleh kerana itu, jika mungkin bahawa kamu dapat mempunyai lelaki yang soleh untuk menjadi rajamu, yang akan menegakkan hukum-hukum Tuhan, dan menghakimi rakyat ini menurut

perintah-perintah-Nya, ya, jika kamu dapat mempunyai para lelaki sebagai raja-rajamu yang akan melakukan bahkan seperti ayahku Benyamin lakukan untuk rakyat ini—aku berkata kepadamu, jika ini dapat selalu demikian halnya maka akanlah arif bahawa kamu hendaknya selalu mempunyai raja untuk memerintah atas dirimu.

14 Dan bahkan diriku sendiri telah bekerja dengan segenap kemampuan dan kecekapan yang telah aku miliki, untuk mengajarmu perintah-perintah Tuhan, dan untuk menegakkan kedamaian di seluruh negeri ini, agar tidak akan ada peperangan atau perselisihan, tidak ada pencurian, atau penjarahan, atau pembunuhan, atau kederhakaan apa macam pun;

15 Dan barang siapa telah berbuat kederhakaan, dia telah aku hukum menurut jenayah yang telah dia lakukan, menurut hukum yang telah diberikan kepada kita oleh nenek moyang kita.

16 Sekarang, aku berkata kepadamu, bahawa kerana semua orang tidak soleh, tidaklah arif bahawa kamu akan mempunyai seorang raja atau raja-raja untuk memerintah atas dirimu.

17 Kerana lihatlah, betapa banyaknya kederhakaan yang disebabkan oleh seorang raja yang jahat untuk dilakukan, ya, dan alangkah besarnya kehancuran!

18 Ya, ingatlah raja Nuh, kejahatanannya dan kekejiannya, dan juga kejahatan dan kekejian rakyatnya. Lihatlah alangkah besarnya

kehancuran yang datang ke atas diri mereka; dan juga kerana kederhakaan mereka, mereka dibawa ke dalam perhambaan.

19 Dan jika bukan kerana campur tangan oleh Pencipta mereka yang maha bijak, dan ini kerana pertaubatan mereka yang ikhlas, mereka mestilah tak terelak tetap dalam perhambaan sampai sekarang.

20 Tetapi lihatlah, Dia membebaskan mereka kerana mereka merendahkan hati mereka di hadapan-Nya; dan kerana mereka berseru dengan amat kuat kepada-Nya Dia membebaskan mereka daripada perhambaan; dan demikianlah Tuhan bekerja dengan kuasa-Nya dalam segala hal di kalangan anak-anak manusia, menghulurkan lengan belas kasihan terhadap mereka yang menaruh kepercayaan mereka kepada-Nya.

21 Dan lihatlah, sekarang, aku berkata kepadamu, kamu tidak dapat menggulingkan seorang raja yang derhaka kecuali melalui banyak perselisihan, dan pertumpahan banyak darah.

22 Kerana lihatlah, dia memiliki teman-temannya dalam kederhakaan, dan dia menempatkan para pengawalnya di sekitarnya; dan dia mencarik-carikkan hukum-hukum mereka yang telah memerintah dalam kesolehan sebelum dia; dan dia memijak-mijak di bawah kakinya perintah-perintah Tuhan;

23 Dan dia menggubal hukum-hukum, dan mengisytiharkannya ke kalangan rakyatnya, ya,

hukum-hukum menurut cara kejahatannya sendiri; dan barang siapa tidak mematuhi hukum-hukumnya dia perintah dihancurkan; dan barang siapa memberontak melawannya dia akan menghantar tenteranya melawan mereka untuk berperang, dan jika dia boleh dia akan menghancurkan mereka; dan demikianlah seorang raja yang tidak soleh menyimpangkan jalan segala kebenaran.

24 Dan sekarang, lihatlah aku berkata kepadamu, tidaklah arif bahawa kekejian seperti itu akan datang ke atas dirimu.

25 Oleh kerana itu, pilihlah kamu melalui suara rakyat ini, hakim-hakim, agar kamu boleh dihakimi menurut hukum-hukum yang telah diberikan kepadamu oleh nenek moyang kita, yang adalah benar, dan yang diberikan kepada mereka oleh tangan Tuhan.

26 Sekarang, tidaklah biasa bahawa suara rakyat menghasratkan apa pun yang bertentangan dengan itu yang benar; tetapi adalah biasa bagi sebahagian kecil daripada rakyat untuk menghasratkan apa yang tidak benar; oleh kerana itu ini akanlah kamu patuhi dan menjadikannya hukummu—untuk melakukan urusanmu menurut suara rakyat.

27 Dan jika waktunya tiba bahawa suara rakyat memilih kederhakaan, itulah waktunya apabila penghakiman Tuhan akan datang ke atas dirimu; ya, pada waktu itulah Dia akan mengunjungimu dengan kehancuran dahsyat bahkan

seperti yang telah Dia sebelumnya timpakan ke atas negeri ini.

28 Dan sekarang, jika kamu mempunyai hakim-hakim, dan mereka tidak menghakimimu menurut hukum yang telah diberikan, kamu dapat menyuruh agar mereka boleh dihakimi oleh seorang hakim yang lebih tinggi.

29 Jika para hakimmu yang lebih tinggi tidak menghakimi dengan penghakiman yang soleh, kamu akan menyuruh bahawa sejumlah kecil daripada para hakimmu yang lebih rendah hendaknya berkumpul bersama, dan mereka akan menghakimi para hakimmu yang lebih tinggi, menurut suara rakyat.

30 Dan aku memerintahkanmu untuk melakukan hal-hal ini dalam rasa takut akan Tuhan; dan aku memerintahkanmu untuk melakukan hal-hal ini, dan agar kamu tidak memiliki raja; agar jika orang ini berbuat dosa dan kederhakaan, ianya akan dipertanggungjawabkan ke atas kepala mereka sendiri.

31 Kerana lihatlah aku berkata kepadamu, dosa ramai orang telah disebabkan oleh kederhakaan para raja mereka; oleh kerana itu kederhakaan mereka dipertanggungjawabkan ke atas kepala raja-raja mereka.

32 Dan sekarang, aku berhasrat bahawa ketidaksetaraan ini hendaknya tidak ada lagi di negeri ini, khususnya di kalangan rakyatku ini; tetapi aku berhasrat bahawa negeri ini menjadi sebuah negeri kemerdekaan, dan setiap orang

boleh menikmati hak-hak dan hak-hak istimewanya secara setara, selama Tuhan menganggap patut bahawa kita boleh hidup dan mewarisi negeri ini, ya, bahkan selama sesiapa pun di antara anak cucu kita tinggal di atas permukaan negeri ini.

33 Dan banyak hal lagi yang raja Mosia tuliskan kepada mereka, menyingkapkan kepada mereka segala pencubaan dan kesusahan seorang raja yang soleh, ya, segala penderitaan jiwa yang berat bagi rakyat mereka, dan juga segala rungutan rakyat kepada raja mereka; dan dia menjelaskan semuanya kepada mereka.

34 Dan dia memberitahu mereka bahawa hal-hal ini seharusnya tidak terjadi; tetapi bahawa beban itu mesti datang ke atas semua rakyat, agar setiap orang boleh menanggung bahagiannya.

35 Dan dia juga menyingkapkan kepada mereka segala kerugian yang mereka alami, dengan mempunyai seorang raja yang tidak soleh memerintah atas diri mereka;

36 Ya, segala kederhakaan dan kekejiannya, dan semua perang, dan perselisihan, dan pertumpahan darah, dan pencurian, dan penjarahan, dan perbuatan pelacuran, dan segala macam kederhakaan yang tidak dapat dihitungkan—memberitahu mereka bahawa hal-hal ini seharusnya tidak terjadi, bahawa ianya secara nyata bertentangan dengan perintah-perintah Tuhan.

37 Dan sekarang terjadilah,

setelah raja Mosia mengisytiharkan hal-hal ini ke kalangan rakyat, mereka diyakinkan akan kebenaran kata-katanya.

38 Oleh kerana itu mereka melepaskan hasrat mereka untuk seorang raja, dan menjadi amat berminat bahawa setiap orang hendaknya memiliki peluang yang setara di seluruh negeri; ya, dan setiap orang melafazkan kerelaan untuk bertanggungjawab atas dosa-dosanya sendiri.

39 Oleh kerana itu, terjadilah bahawa mereka berhimpun bersama dalam kelompok-kelompok di seluruh negeri, untuk menyuarakan kehendak mereka berkenaan siapa yang patut menjadi para hakim mereka, untuk menghakimi mereka menurut hukum yang telah diberikan kepada mereka; dan mereka amat bersukacita kerana kemerdekaan yang telah diberikan kepada mereka.

40 Dan mereka menjadi kuat dalam kasih terhadap Mosia; ya, mereka menjunjung tinggi dia lebih daripada sesiapa pun; kerana mereka tidak memandangnya sebagai penzalim yang sedang mencari keuntungan, ya, untuk wang itu yang membusukkan jiwa; kerana dia tidak menuntut kekayaan dari mereka, tidak juga dia senang akan pertumpahan darah; tetapi dia telah menegakkan kedamaian di negeri itu, dan dia telah memberikan kepada rakyatnya bahawa mereka hendaknya dibebaskan daripada segala macam perhambaan; oleh kerana itu

mereka menjunjung tinggi dia, ya, amat sangat, tidak terhingga.

41 Dan terjadilah bahawa mereka melantik para hakim untuk memerintah atas diri mereka, atau untuk menghakimi mereka menurut hukum; dan ini mereka lakukan di seluruh negeri.

42 Dan terjadilah bahawa Alma dilantik untuk menjadi hakim utama yang pertama, dia yang adalah juga imam tinggi, ayahnya telah menganugerahkan jawatan itu ke atas dirinya, dan telah memberinya tanggungjawab berkenaan segala urusan gereja.

43 Dan sekarang terjadilah bahawa Alma berjalan di jalan Tuhan, dan dia mentaati perintah-perintah-Nya, dan dia menghakimi dengan penghakiman yang soleh; dan ada kedamaian yang berterusan di seluruh negeri.

44 Dan demikianlah bermulanya pemerintahan hakim-hakim di seluruh negeri Zarahemla, di kalangan semua orang yang dipanggil bangsa Nefi; dan Alma adalah hakim yang pertama dan hakim utama.

45 Dan sekarang, terjadilah bahawa ayahnya meninggal, semasa berumur lapan puluh dan dua tahun, setelah hidup untuk memenuhi perintah-perintah Tuhan.

46 Dan terjadilah bahawa Mosia mangkat juga, pada tahun ketiga puluh dan tiga dari masa pemerintahannya, semasa berumur enam puluh dan tiga tahun; menjadikan secara keseluruhan, lima ratus dan

sembilan tahun sejak waktu Lehi meninggalkan Yerusalem.

47 Dan demikianlah berakhir zaman pemerintahan raja-raja

atas bangsa Nefi; dan demikianlah berakhir kehidupan Alma, yang adalah pengasas gereja mereka.

KITAB ALMA

ANAK LELAKI ALMA

Laporan Alma, yang adalah anak lelaki Alma, hakim yang pertama dan hakim utama atas bangsa Nefi, dan juga imam tinggi atas Gereja. Sebuah laporan tentang zaman pemerintahan hakim-hakim, dan peperangan dan perselisihan di kalangan rakyat. Dan juga sebuah laporan tentang peperangan antara bangsa Nefi dan bangsa Laman, menurut catatan Alma, hakim yang pertama dan hakim utama.

BAB 1

Nehor mengajarkan ajaran-ajaran palsu, menegakkan sebuah gereja, memperkenalkan penipuan imam, dan membunuh Gideon—Nehor dihukum mati untuk jenayah-jenayahnya—Penipuan imam dan penganiayaan menyebar ke kalangan rakyat—Para imam menunjang diri mereka sendiri, rakyat memelihara orang miskin, dan Gereja makmur. Kira-kira 91–88 tahun S.M.

SEKARANG, terjadilah bahawa pada tahun pertama zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi, sejak waktu ini dan seterusnya, raja Mosia telah meninggal dunia, telah berperang dalam peperangan yang baik, berjalan dengan tegak di hadapan Tuhan, tidak meninggalkan

seorang pun untuk memerintah sebagai penggantinya; walaupun demikian dia telah menegakkan hukum-hukum, dan ini diiktirafkan oleh rakyat; oleh itu mereka diwajibkan mematuhi hukum-hukum yang telah dia buat.

2 Dan terjadilah bahawa pada tahun pertama pemerintahan Alma di kerusi penghakiman, ada seorang lelaki dibawa ke hadapannya untuk dihakimi, lelaki yang besar, dan terkemuka kerana kekuatannya yang besar.

3 Dan dia telah berkelana di kalangan orang itu, mengkhutbahkan kepada mereka apa yang dia istilahkan sebagai firman Tuhan, menekan menentang gereja; memaklumkan kepada rakyat bahawa setiap imam dan pengajar seharusnya menjadi terkenal; dan mereka seharusnya tidak bekerja

dengan tangan mereka, tetapi bahawa mereka seharusnya ditunjang oleh rakyat.

4 Dan dia juga bersaksi kepada rakyat bahawa semua manusia akan diselamatkan pada hari terakhir, dan bahawa mereka tidak perlu takut tidak juga gemetar, tetapi bahawa mereka boleh mengangkat kepala mereka dan bersukacita; kerana Tuhan telah menciptakan semua manusia, dan juga telah menebus semua manusia; dan, pada akhirnya, semua manusia akan memperoleh kehidupan abadi.

5 Dan terjadilah bahawa dia mengajarkan hal-hal ini sedemikian banyaknya sehingga banyak orang percaya pada kata-katanya, bahkan sedemikian banyaknya sehingga mereka mula menunggangnya dan memberinya wang.

6 Dan dia mula terangkat-angkat dalam keangkuhan hatinya, dan mengenakan pakaian yang sangat mahal, ya, dan bahkan mula menegakkan sebuah gereja menurut cara pengkhutbahannya.

7 Dan terjadilah sewaktu dia pergi, untuk berkhotbah kepada mereka yang percaya pada kata-katanya, dia bertemu seorang lelaki yang adalah anggota gereja Tuhan, ya, bahkan salah seorang pengajar mereka; dan dia mula berselisih pendapat dengannya dengan tajam, agar dia boleh menuntun pergi umat gereja; tetapi lelaki itu bertahan terhadapnya, menegurnya dengan firman Tuhan.

8 Sekarang, nama lelaki itu adalah Gideon; dan dialah yang menjadi alat dalam tangan Tuhan dalam membebaskan rakyat Limhi daripada perhambaan.

9 Sekarang, kerana Gideon bertahan terhadapnya dengan firman Tuhan dia berang terhadap Gideon, dan menghunus pedangnya dan mula menyeringnya. Sekarang, Gideon sudah dimakan umur, oleh itu dia tidak terdaya menahan pukulan-pukulannya, oleh itu dia terbunuh oleh pedang.

10 Dan lelaki yang membunuhnya ditangkap oleh umat gereja, dan dibawa ke hadapan Alma, untuk dihakimi menurut jenayah yang telah dia lakukan.

11 Dan terjadilah bahawa dia berdiri di hadapan Alma dan membela dirinya dengan penuh keberanian.

12 Tetapi Alma berkata kepadanya: Lihatlah, inilah pertama kali penipuan imam telah diperkenalkan di kalangan umat ini. Dan lihatlah, engkau bukan hanya bersalah atas penipuan imam, tetapi telah berikhtiar untuk memaksakannya dengan pedang; dan seandainya penipuan imam dipaksakan di kalangan umat ini ia akan mengakibatkan kehancuran mereka secara menyeluruh.

13 Dan engkau telah menumpahkan darah seorang lelaki yang soleh, ya, lelaki yang telah melakukan banyak kebaikan di kalangan rakyat ini; dan seandainya kami membiarkan engkau hidup

darahnya akan datang ke atas diri kami untuk pembalasan.

14 Oleh itu engkau dihukum mati, menurut hukum yang telah diberikan kepada kami oleh Mosia, raja terakhir kami; dan ini telah diiktirafkan oleh rakyat ini; oleh itu rakyat ini mesti mematuhi hukum itu.

15 Dan terjadilah bahawa mereka menangkapnya; dan namanya adalah Nehor; dan mereka membawanya ke puncak Bukit Manti, dan di sana dia disuruh, atau lebih tepat mengakui, antara langit dan bumi, bahawa apa yang telah dia ajarkan kepada rakyat itu bertentangan dengan firman Tuhan; dan di sana dia menderita kematian yang mengaibkan.

16 Walaupun demikian, ini tidak mengakhirkkan penyebaran penipuan imam di seluruh negeri; kerana ada banyak yang mencintai apa yang sia-sia dalam dunia, dan mereka pergi mengkhutbahkan ajaran-ajaran palsu; dan ini mereka lakukan demi kekayaan dan kehormatan.

17 Walaupun demikian, mereka tidak berani berdusta, jika diketahu, kerana takut akan hukum, kerana pendusta dihukum; oleh itu mereka berpura-pura berkhutbah menurut kepercayaan mereka; dan sekarang, hukum tidak memiliki kuasa atas sesiapa pun kerana kepercayaannya.

18 Dan mereka tidak berani mencuri, kerana takut akan hukum, kerana orang yang demikian dihukum; tidak juga mereka berani

merompak, atau membunuh, kerana dia yang membunuh dihukum hingga mati.

19 Tetapi terjadilah bahawa barang siapa yang tidak menganggotai gereja Tuhan mula menganiaya mereka yang menganggotai gereja Tuhan, dan telah mengambil ke atas diri mereka nama Kristus.

20 Ya, mereka menganiaya mereka, dan menyengsarakan mereka dengan segala macam perkataan, dan ini kerana kerendahan hati mereka; kerana mereka tidak angkuh di mata mereka sendiri, dan kerana mereka menyampaikan firman Tuhan, satu sama lain, tanpa wang dan tanpa harga.

21 Sekarang, ada sebuah hukum yang ketat di kalangan umat gereja, bahawa hendaknya tidak ada sesiapa pun, yang menganggotai gereja, bangkit dan menganiaya mereka yang tidak menganggotai gereja, dan bahawa hendaknya tidak ada penganiayaan di kalangan mereka sendiri.

22 Walaupun demikian, ada banyak di kalangan mereka yang mula menjadi angkuh, dan mula berselisih pendapat secara hangatnya dengan lawan mereka, bahkan dengan pukulan; ya, mereka akan pukul-memukul dengan buku lima mereka.

23 Sekarang, ini terjadi pada tahun kedua masa pemerintahan Alma, dan ini adalah sebab banyak kesengsaraan bagi gereja; ya, itu adalah sebab banyak cubaan terhadap gereja.

24 Kerana hati banyak orang

dikeraskan, dan nama mereka dipadamkan, sehingga mereka tidak diingati lagi di kalangan umat Tuhan. Dan juga banyak yang menarik diri mereka dari kalangan mereka.

25 Sekarang, ini adalah cubaan besar bagi mereka yang berdiri teguh dalam iman; walaupun demikian, mereka tabah dan tak tergoyah dalam mentaati perintah-perintah Tuhan, dan mereka menanggung dengan kesabaran penganiayaan yang ditimpakan ke atas diri mereka.

26 Dan apabila para imam meninggalkan kerja mereka untuk menyampaikan firman Tuhan kepada rakyat, rakyat juga meninggalkan kerja mereka untuk mendengar firman Tuhan. Dan apabila imam telah menyampaikan kepada mereka firman Tuhan mereka semua kembali lagi dengan tekun kepada kerja mereka; dan imam, tidak menganggap dirinya lebih daripada pendengarnya, kerana pengkhotbah tidak lebih baik daripada pendengar, tidak juga pengajar sedikit pun lebih baik daripada pelajar; dan demikianlah mereka semuanya setara, dan mereka semuanya bekerja, setiap orang menurut kekuatannya.

27 Dan mereka memberikan harta kekayaan mereka, setiap orang menurut apa yang dia miliki, kepada yang miskin, dan yang memerlukan, dan yang sakit, dan yang sengsara; dan mereka tidak mengenakan pakaian mahal, namun mereka rapi dan menarik.

28 Dan demikianlah mereka menegakkan urusan gereja; dan demikianlah mereka mula mengalami kedamaian berterusan lagi, tidak mengira segala penganiayaan mereka.

29 Dan sekarang, kerana kukuhkan gereja, mereka mula menjadi amat kaya, memiliki kelimpahan segala sesuatu apapun yang mereka perlukan—kelimpahan kawanan domba dan kawanan ternak, dan ternak tambun daripada setiap jenis, dan juga kelimpahan biji-bijian, dan emas, dan perak, dan benda berharga, dan kelimpahan sutera dan kain linen yang terpintal halus, dan segala macam kain sederhana yang baik.

30 Dan demikianlah, dalam keadaan mereka yang makmur, mereka tidak menyuruh pergi sesiapa pun yang telanjang, atau yang lapar, atau yang dahaga, atau yang sakit, atau yang tidak diberi makan; dan mereka tidak menaruh hati mereka pada kekayaan; oleh itu mereka murah hati kepada semua orang, baik tua mahupun muda, baik tertawan mahupun bebas, baik lelaki mahupun perempuan, sama ada di luar gereja ataupun di dalam gereja, tidak menunjukkan rasa pilih kasih berkaitan dengan mereka yang memerlukan.

31 Dan demikianlah mereka menjadi makmur dan menjadi jauh lebih kaya daripada mereka yang tidak menganggotai gereja mereka.

32 Kerana mereka yang tidak menganggotai gereja mereka memuaskan diri mereka dalam ilmu sihir, dan pemujaan berhala atau kemalasan, dan dalam percakapan yang sia-sia, dan dalam keirihatian dan pertikaian; mengenakan pakaian mahal; terangkat-angkat dalam keangkuhan pada mata mereka sendiri; menganiaya, berdusta, mencuri, merompak, melakukakan pelacuran, dan membunuh, dan segala macam kejahatan; walaupun demikian, hukum dikuatkuasakan ke atas semua mereka yang melanggarnya, sejauh yang mungkin.

33 Dan terjadilah bahawa dengan demikian mengenakan hukum ke atas diri mereka, setiap orang menderita menurut apa yang telah dia lakukan, mereka menjadi lebih tenang, dan tidak berani melakukan kejahatan apa pun jika diketahui; oleh itu, ada banyak kedamaian di kalangan bangsa Nefi sampai tahun kelima zaman pemerintahan hakim-hakim.

BAB 2

Amlisi berusaha menjadi raja dan ditolak oleh suara rakyat—Para pengikutnya menjadikannya raja—Orang Amlisi melancarkan peperangan terhadap bangsa Nefi dan dikalahkan—Bangsa Laman dan orang Amlisi bergabung dan dikalahkan—Alma membunuh Amlisi. Kira-kira 87 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa pada

permulaan tahun kelima masa pemerintahan mereka mulalah ada perselisihan di kalangan rakyat; kerana seorang lelaki tertentu, yang bernama Amlisi, dia adalah lelaki yang sangat licik, ya, lelaki yang bijak berkaitan dengan kebijaksanaan dunia, dia adalah pengikut agama orang itu yang membunuh Gideon dengan pedang, yang dihukum mati menurut hukum—

2 Sekarang, Amlisi ini telah, dengan kelicikannya, menarik banyak orang kepadanya; bahkan sedemikian banyaknya sehingga mereka mula menjadi sangat kuat; dan mereka mula berikhtiar untuk menetapkan Amlisi menjadi raja atas rakyat.

3 Sekarang, ini menggentarkan umat gereja, dan juga semua mereka yang tidak tertarik terhadap pujukan Amlisi; kerana mereka tahu bahawa menurut hukum mereka hal-hal seperti itu mesti ditentukan melalui suara rakyat.

4 Oleh itu, jika mungkin bahawa Amlisi akan memperoleh suara rakyat, dia, yang adalah orang yang jahat, akan merampas dari mereka hak dan hak istimewa mereka dalam gereja; kerana adalah niatnya untuk menghancurkan gereja Tuhan.

5 Dan terjadilah bahawa orang berhimpun bersama di seluruh negeri, setiap orang menurut fikirannya, sama ada untuk menyokong atau menentang Amlisi, dalam kelompok-kelompok terpisah,

mengalami banyak perbantahan dan perselisihan yang mengagumkan di antara satu sama lain.

6 Dan demikianlah mereka berhimpun bersama untuk menyuarakan kehendak mereka berkenaan masalah ini; dan ianya disampaikan ke hadapan para hakim.

7 Dan terjadilah bahawa suara rakyat keluar menentang Amlisi, sehingga dia tidak dijadikan raja atas rakyat.

8 Sekarang, ini menyebabkan banyak sukacita dalam hati mereka yang menentanginya; tetapi Amlisi menghasut mereka yang menyokongnya hingga kemarahan terhadap mereka yang tidak menyokongnya.

9 Dan terjadilah bahawa mereka berkumpul bersama, dan menahbiskan Amlisi menjadi raja mereka.

10 Sekarang, ketika Amlisi dijadikan raja atas mereka dia memerintahkan mereka agar mereka hendaknya mengangkat senjata melawan saudara-saudara mereka; dan ini dia lakukan agar dia boleh menundukkan mereka kepadanya.

11 Sekarang, orang Amlisi dibezakan dengan nama Amlisi, digelar orang Amlisi; dan sisanya digelar bangsa Nefi, atau umat Tuhan.

12 Oleh itu bangsa Nefi sedar akan niat bangsa Amlisi, dan oleh itu mereka bersiap untuk menghadapi mereka; ya, mereka mempersenjatai diri mereka dengan pedang, dan dengan golok, dan dengan busur, dan dengan

anak panah, dan dengan batu, dan dengan umpan, dan dengan segala macam senjata peperangan, daripada setiap jenis.

13 Dan demikianlah mereka siap untuk menghadapi orang Amlisi pada waktu kedatangan mereka. Dan dilantik panglima, dan panglima yang lebih tinggi, dan panglima utama, menurut jumlah mereka.

14 Dan terjadilah bahawa Amlisi mempersenjatakan askar-askarnya dengan segala macam senjata peperangan daripada setiap jenis; dan dia juga melantik para pemerintah dan pemimpin atas bangsanya, untuk memimpin mereka berperang melawan saudara-saudara mereka.

15 Dan terjadilah bahawa orang Amlisi naik ke atas Bukit Amnihu, yang berada di timur Sungai Sidon, yang mengalir dekat negeri Zarahemla, dan di sana mereka mula melancarkan peperangan melawan bangsa Nefi.

16 Sekarang, Alma, yang adalah hakim utama dan pentadbir bangsa Nefi, oleh itu dia pergi bersama bangsanya, ya, bersama para panglimanya, dan para panglima utama, ya, di depan tenteranya menghadapi orang Amlisi untuk bertempur.

17 Dan mereka mula membunuh orang Amlisi di atas bukit di timur Sidon. Dan orang Amlisi berjuang melawan bangsa Nefi dengan kekuatan besar, sedemikian rupa sehingga banyak bangsa Nefi jatuh di hadapan bangsa Amlisi.

18 Walaupun demikian Tuhan menguatkan tangan bangsa Nepi, sehingga mereka membunuh bangsa Amlisi dengan pembantaian yang hebat, sehingga mereka mula melarikan diri dari hadapan mereka.

19 Dan terjadilah bahawa bangsa Nepi mengejar bangsa Amlisi sepanjang hari itu, dan membunuh mereka dengan pembantaian yang hebat, sedemikian rupa sehingga yang terbunuh daripada orang Amlisi dua belas ribu lima ratus tiga puluh dan dua jiwa; dan yang terbunuh daripada bangsa Nepi enam ribu lima ratus enam puluh dan dua jiwa.

20 Dan terjadilah bahawa ketika Alma tidak dapat lagi mengejar bangsa Amlisi dia menyuruh agar orangnya hendaknya memasang khemah-khemah mereka di Lembah Gideon, lembah yang dipanggil menurut nama Gideon itu yang telah dibunuh oleh tangan Nehor dengan pedang; dan di lembah ini bangsa Nepi memasang khemah-khemah mereka untuk malam itu.

21 Dan Alma mengutus pengintip-pengintip untuk mengikuti sisa bangsa Amlisi, agar dia boleh tahu tentang rancangan mereka dan komplot mereka, yang dengan itu dia boleh menjaga dirinya terhadap mereka, agar dia boleh melindungi bangsanya daripada dihancurkan.

22 Sekarang, mereka yang telah dia utus untuk mengawasi perkhemahan bangsa Amlisi bernama Zeram, dan Amnor, dan Manti, dan

Limher; ini adalah mereka yang pergi bersama askar-askar mereka untuk mengawasi perkhemahan bangsa Amlisi.

23 Dan terjadilah bahawa pada keesokan harinya mereka kembali ke perkhemahan bangsa Nepi dengan amat bergesa-gesa, amat tercengang, dan diserang dengan banyak ketakutan, mengatakan:

24 Lihatlah, kami mengikuti perkhemahan bangsa Amlisi, dan yang membuat kami amat tercengang, di negeri Minon, di atas negeri Zarahemla, di jalan ke negeri Nepi, kami melihat sejumlah besar bala tentara bangsa Laman; dan lihatlah, bangsa Amlisi telah bergabung dengan mereka;

25 Dan mereka menyerang saudara-saudara kita di negeri itu; dan mereka sedang melarikan diri dari hadapan mereka bersama kawanan ternak mereka, dan isteri-isteri mereka, dan anak-anak mereka, menuju kota kita; dan kecuali kita bergegas mereka memperoleh penguasaan atas kota kita, dan bapa-bapa kita, dan isteri-isteri kita, dan anak-anak kita dibunuh.

26 Dan terjadilah bahawa bangsa Nepi membawa khemah-khemah mereka, dan pergi keluar dari lembah Gideon menuju kota mereka, iaitu kota Zarahemla.

27 Dan lihatlah, sewaktu mereka menyeberangi Sungai Sidon, bangsa Laman dan bangsa Amlisi, hampir sebanyak, seakan-akan, pasir laut, menyerang mereka untuk menghancurkan mereka.

28 Walaupun demikian, bangsa

Nefi dikuatkan oleh tangan Tuhan, kerana telah berdoa dengan amat kuat kepada-Nya agar Dia akan membebaskan mereka daripada tangan musuh mereka, oleh itu Tuhan mendengar seruan mereka, dan menguatkan mereka, dan bangsa Laman dan bangsa Amlisi jatuh di hadapan mereka.

29 Dan terjadilah bahawa Alma bertarung dengan Amlisi dengan pedang, berhadapan muka; dan mereka berjuang dengan perkasa, dengan satu sama lain.

30 Dan terjadilah bahawa Alma, yang adalah hamba Tuhan, yang digerakkan dengan banyak iman, berseru, mengatakan: Ya Tuhan, berbelas kasihanlah dan biarkanlah aku hidup, agar aku boleh menjadi alat dalam tangan-Mu untuk menyelamatkan dan melindungi bangsa ini.

31 Sekarang, ketika Alma telah mengatakan perkataan-perkataan ini dia berjuang lagi melawan Amlisi; dan dia dikuatkan, sedemikian rupa sehingga dia membunuh Amlisi dengan pedang.

32 Dan dia juga berjuang melawan raja bangsa Laman; tetapi raja bangsa Laman melarikan diri berundur dari hadapan Alma dan menghantar para pengawalnya untuk berjuang melawan Alma.

33 Tetapi Alma, bersama para pengawalnya, berjuang melawan para pengawal raja bangsa Laman sampai dia membunuh dan mengundurkan mereka.

34 Dan demikianlah dia mem-

tebing sungai, yang berada di barat Sungai Sidon, melemparkan mayat bangsa Laman yang telah terbunuh ke dalam Perairan Sidon, agar dengan demikian rakyatnya boleh ada ruang untuk menyeberang dan berjuang melawan bangsa Laman dan orang Amlisi di sebelah barat Sungai Sidon.

35 Dan terjadilah bahawa ketika mereka semuanya telah menyeberangi Sungai Sidon maka bangsa Laman dan orang Amlisi mula melarikan diri dari hadapan mereka, tidak kira mereka sedemikian banyaknya sehingga mereka tidak dapat dihitung.

36 Dan mereka melarikan diri dari hadapan bangsa Nefi menuju padang belantara yang berada di barat dan utara, jauh di seberang sempadan negeri; dan bangsa Nefi mengejar mereka dengan kekuatan mereka, dan membunuh mereka.

37 Ya, mereka dihadapi dari setiap arah, dan dibunuh dan dihalau, sampai mereka terce-rai-berai ke barat, dan ke utara, sampai mereka telah mencapai padang belantara, yang dipanggil Hermons; dan itu adalah bahagian padang belantara yang diremuti oleh binatang yang buas dan rakus.

38 Dan terjadilah bahawa banyak yang mati di padang belantara kerana luka-luka mereka, dan dilahap oleh binatang-binatang itu dan juga oleh burung-burung hering di udara; dan tulang-tulang mereka telah ditemukan, dan telah tertimbun di atas bumi.

BAB 3

Bangsa Amlisi telah menandai diri mereka menurut kata nubuat—Bangsa Laman telah dikutuk kerana pemberontakan mereka—Manusia membawa kutukan mereka sendiri ke atas diri mereka—Bangsa Nefi mengalahkan sebuah lagi tentera bangsa Laman. Kira-kira 87-86 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa bangsa Nefi yang tidak terbunuh oleh senjata peperangan, setelah menenguburkan mereka yang telah terbunuh—sekarang, jumlah yang terbunuh itu tidak terbilang, kerana banyaknya jumlah mereka—setelah mereka selesai menguburkan orang mati mereka, mereka semua kembali ke negeri mereka, dan ke rumah-rumah mereka, dan isteri-isteri mereka, dan anak-anak mereka.

2 Sekarang, banyak wanita dan kanak-kanak telah terbunuh oleh pedang, dan juga banyak daripada kawanan domba mereka dan kawanan ternak mereka; dan juga banyak daripada ladang biji-bijian mereka dihancurkan, kerana diinjak-injak oleh sejumlah besar orang.

3 Dan sekarang, sebanyak bangsa Laman dan bangsa Amlisi yang telah terbunuh di tepi Sungai Sidon dilemparkan ke dalam Perairan Sidon; dan lihatlah tulang-tulang mereka berada di kedalaman laut, dan banyaknya.

4 Dan bangsa Amlisi dibezakan daripada bangsa Nefi, kerana

mereka telah menandai diri mereka dengan warna merah di dahi mereka menurut cara bangsa Laman; walaupun demikian mereka tidak mencukur kepala mereka seperti bangsa Laman.

5 Sekarang, kepala bangsa Laman dicukur; dan mereka telanjang, kecuali kulit yang diikatkan di sekitar aurat mereka, dan juga baju zirah mereka, yang diikatkan di sekitar mereka, dan busur mereka, anak panah mereka, dan batu mereka, dan umban mereka, dan sebagainya.

6 Dan kulit bangsa Laman gelap, menurut tanda yang telah dikenakan pada nenek moyang mereka, yang adalah kutukan atas diri mereka kerana pelanggaran mereka dan pemberontakan mereka terhadap saudara-saudara mereka, yang terdiri daripada Nefi, Yakub, dan Yusuf, dan Sam, yang adalah para lelaki yang soleh dan kudus.

7 Dan saudara-saudara mereka berupaya menghancurkan mereka, oleh itu mereka dikutuk; dan Tuhan Raja mengenakan tanda pada diri mereka, ya, pada diri Laman dan Lemuel, dan juga para anak lelaki Ismael, dan kaum wanita orang Ismael.

8 Dan ini dilakukan agar keturunan mereka boleh dibezakan daripada keturunan saudara-saudara mereka, agar dengan demikian Tuhan Raja boleh melindungi umat-Nya, agar mereka tidak akan bercampur dan percaya pada adat resam yang tidak benar yang

akan mengakibatkan kehancuran mereka.

9 Dan terjadilah bahawa barang siapa membaurkan keturunannya dengan yang daripada bangsa Laman membawa kutukan yang sama ke atas keturunannya.

10 Oleh itu, barang siapa membiarkan dirinya disesatkan oleh bangsa Laman dipanggil di bawah nama itu, dan ada tanda dikenakan pada dirinya.

11 Dan terjadilah bahawa barang siapa tidak mahu percaya pada adat resam bangsa Laman, tetapi mempercayai catatan-catatan itu yang dibawa dari negeri Yerusalem, dan juga pada adat resam nenek moyang mereka, yang adalah betul, yang percaya pada perintah-perintah Tuhan dan mentaatinya, disebut bangsa Nefi, atau bangsa Nefi, sejak waktu itu dan seterusnya—

12 Dan merekalah yang telah menyimpan catatan-catatan yang adalah benar tentang bangsa mereka, dan juga tentang bangsa Laman.

13 Sekarang, kita akan kembali lagi kepada orang Amlisi, kerana mereka juga memiliki tanda dikenakan pada diri mereka; ya, mereka mengenakan tanda pada diri mereka, ya, bahkan tanda merah pada dahi mereka.

14 Demikianlah firman Tuhan digenapi, kerana inilah firman yang Dia firmankan kepada Nefi: Lihatlah, bangsa Laman telah Aku kutuk, dan Aku akan mengenakan tanda pada diri mereka agar mereka dan keturunan mereka

boleh dipisahkan darimu dan keturunanmu, sejak waktu ini dan seterusnya dan selamanya, kecuali mereka bertaubat akan kejahatan mereka dan berpaling kepada-Ku agar Aku boleh berbelas kasihan ke atas diri mereka.

15 Dan lagi: Aku akan mengenakan tanda pada dia yang membaurkan keturunannya dengan saudara-saudaramu, agar mereka boleh dikutuk juga.

16 Dan lagi: Aku akan mengenakan tanda pada dia yang berperang melawanmu dan keturunanmu.

17 Dan lagi, Aku berfirman bahawa dia yang pergi darimu tidak akan lagi dipanggil keturunanmu; dan Aku akan memberkatimu, dan sesiapa pun yang akan dipanggil keturunanmu, mulai sekarang dan selamanya; dan inilah janji-janji Tuhan kepada Nefi dan kepada keturunannya.

18 Sekarang, bangsa Amlisi tidak tahu bahawa mereka sedang menggenapi firman Tuhan ketika mereka mula menandai diri mereka pada dahi mereka; walaupun demikian mereka telah menyatakan diri dalam pemberontakan terbuka melawan Tuhan; oleh itu adalah perlu bahawa kutukan hendaknya jatuh ke atas mereka.

19 Sekarang, aku menghendaki agar kamu hendaknya melihat bahawa mereka membawa ke atas diri mereka kutukan itu; dan demikian pula setiap orang yang terkutuk membawa ke atas dirinya pengutukannya sendiri.

20 Sekarang, terjadilah bahawa

tidak sampai banyak hari setelah pertempuran yang terjadi di negeri Zarahemla, oleh bangsa Laman dan bangsa Amlisi, maka ada pasukan tentera lain bangsa Laman yang datang menyerang bangsa Nefi, di tempat yang sama di mana pasukan tentera pertama menghadapi bangsa Amlisi.

21 Dan terjadilah bahawa ada pasukan tentera dihantar untuk menghalau mereka keluar dari negeri mereka.

22 Sekarang, Alma sendiri akibat disengsarakan oleh luka tidak pergi untuk bertempur waktu ini melawan bangsa Laman;

23 Tetapi dia menghantarkan pasukan tentera berjumlah besar melawan mereka; dan mereka pergi dan membunuh banyak daripada bangsa Laman, dan menghalau yang selebihnya daripada mereka keluar dari sempadan negeri mereka.

24 Dan kemudian mereka kembali lagi dan mula menegakkan kedamaian di negeri itu, tidak disusahkan lagi untuk sementara oleh musuh mereka.

25 Sekarang, segala sesuatu ini dilakukan, ya, semua peperangan dan perselisihan ini dimulai dan diakhiri pada tahun kelima zaman pemerintahan para hakim.

26 Dan dalam satu tahun beribu-ribu dan berpuluh-puluh ribu jiwa dihantar ke dunia abadi, agar mereka boleh menuai pahala mereka menurut pekerjaan mereka, sama ada ianya baik atau sama ada ianya buruk, untuk menuai

kebahagiaan abadi atau kegetiran abadi, menurut roh yang mereka ingin mematuhi, sama ada ia roh yang baik atau yang jahat.

27 Kerana setiap orang menerima upah daripada dia yang dia ingin mematuhi, dan ini menurut perkataan-perkataan roh nubuat; oleh itu biarlah terjadi menurut kebenaran. Dan demikianlah berakhir tahun kelima zaman pemerintahan para hakim.

BAB 4

Alma membaptis ribuan orang yang insaf—Kederhakaan memasuki Gereja, dan kemajuan Gereja terbatas—Nefi ditetapkan sebagai hakim utama—Alma, sebagai imam tinggi, membaktikan dirinya pada pelayanan. Kira-kira 86–83 tahun S.M.

SEKARANG, terjadilah bahawa pada tahun keenam zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi, tidak ada perselisihan atau peperangan di negeri Zarahemla;

2 Tetapi rakyat sengsara, ya, teramat sengsara kerana kehilangan saudara-saudara mereka, dan juga kerana kehilangan kawan-kawan ternak mereka, dan juga kerana kehilangan ladang biji-bijian mereka, yang diinjak-injak di bawah kaki dan dihancurkan oleh bangsa Laman.

3 Dan sedemikian besarnya kesengsaraan mereka sehingga setiap jiwa memiliki alasan untuk berduka nestapa; dan mereka percaya bahawa itu adalah penghakiman

Tuhan yang dikirim ke atas diri mereka kerana kejahatan mereka dan kekejian mereka; oleh itu mereka dibangunkan terhadap ingatan akan kewajipan mereka.

4 Dan mereka mula menegakkan gereja dengan lebih sepenuhnya; ya, dan banyak yang dibaptis di Perairan Sidon dan digabungkan dengan gereja Tuhan; ya, mereka dibaptis oleh tangan Alma, yang telah ditahbiskan sebagai imam tinggi atas umat gereja, oleh tangan ayahnya, Alma.

5 Dan terjadilah pada tahun ketujuh zaman pemerintahan hakim-hakim ada kira-kira tiga ribu lima ratus jiwa yang menyatukan diri mereka dengan gereja Tuhan dan dibaptis. Dan demikianlah berakhir tahun ketujuh zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi; dan ada kedamaian berterusan sepanjang waktu itu.

6 Dan terjadilah pada tahun kelapan zaman pemerintahan hakim-hakim, bahawa umat gereja mula menjadi angkuh, kerana kekayaan mereka yang amat banyak, dan sutera mereka yang halus, dan kain linen mereka yang terpinjal halus, dan kerana banyaknya kawan domba dan kawan ternak mereka, dan emas mereka dan perak mereka, dan segala macam benda berharga, yang telah mereka dapatkan melalui kerajinan mereka; dan dalam segala hal ini mereka terangkat-angkat dalam keangkuhan pada mata mereka sendiri, kerana mereka mula memakai pakaian yang sangat mahal.

7 Sekarang, ini adalah sebab banyak kesengsaraan bagi Alma, ya, dan bagi banyak orang yang telah Alma tahbiskan untuk menjadi pengajar, dan imam, dan tua-tua atas gereja; ya, banyak daripada mereka amat dipilukan kerana kejahatan yang mereka lihat telah mula ada di kalangan bangsa mereka.

8 Kerana mereka menyaksi dan melihat dengan dukacita besar bahawa umat gereja mula terangkat-angkat dalam keangkuhan pada mata mereka sendiri, dan menaruh hati mereka pada kekayaan dan pada apa yang sia-sia daripada dunia, sehingga mereka mula mencemuh, satu terhadap yang lain, dan mereka mula menganiaya mereka yang tidak percaya menurut kehendak dan kesenangan mereka sendiri.

9 Dan demikianlah, pada tahun kelapan zaman pemerintahan hakim-hakim, mula ada perselisihan hebat di kalangan umat gereja; ya, ada keirihatian, dan pertikaian, dan niat jahat, dan penganiayaan, dan keangkuhan, bahkan melebihi keangkuhan mereka yang tidak menganggotai gereja Tuhan.

10 Dan demikianlah berakhir tahun kelapan zaman pemerintahan hakim-hakim; dan kejahatan gereja adalah batu sandungan besar bagi mereka yang tidak menganggotai gereja; dan demikianlah gereja mula gagal dalam kemajuannya.

11 Dan terjadilah pada permulaan tahun kesembilan, Alma melihat kejahatan gereja, dan dia melihat

juga bahawa contoh daripada gereja mula menuntun mereka yang merupakan orang kufur dari satu kederhakaan ke kederhakaan yang lain, dengan demikian menyebabkan kehancuran bangsa itu.

12 Ya, dia melihat ketidaksetaraan yang besar di kalangan bangsa itu, sebahagian mengangkat-angkat diri mereka dengan keangkuhan mereka, meremehkan yang lain, memalingkan belakang mereka terhadap yang memerlukan dan yang telanjang dan mereka yang lapar, dan mereka yang dahaga, dan mereka yang sakit dan sengsara.

13 Sekarang, ini adalah sebab yang besar untuk ratapan di kalangan orang, sementara yang lain merendahkan diri mereka, menyokong mereka yang memerlukan sokongan mereka, seperti memberikan harta kekayaan mereka kepada yang miskin dan yang memerlukan, memberi makan kepada yang lapar, dan menderita segala macam kesengsaraan, demi Kristus, yang akan datang menurut roh nubuat;

14 Menanti-nantikan hari itu, dengan demikian mengekalkan pengampunan akan dosa-dosa mereka; dipenuhi dengan kebahagiaan yang besar kerana kebangkitan orang mati, menurut kehendak dan kuasa dan kebebasan oleh Yesus Kristus daripada ikatan kematian.

15 Dan sekarang, terjadilah bahawa Alma, setelah melihat kesengsaraan para pengikut Tuhan

yang rendah hati, dan penganiayaan yang ditimpakan ke atas diri mereka oleh yang selebihnya daripada bangsanya, dan melihat segala ketidaksetaraan mereka, mula menjadi sangat berdukacita; walaupun demikian Roh Tuhan tidak meninggalkannya.

16 Dan dia memilih seorang lelaki bijak yang ada di antara para tua-tua gereja, dan memberinya kuasa menurut suara rakyat, agar dia boleh memiliki kuasa untuk menggubal hukum menurut hukum yang telah diberikan, dan untuk menguatkuasakannya menurut kejahatan dan jenayah-jenayah rakyat.

17 Sekarang, nama lelaki ini adalah Nefiha, dan dia dilantik sebagai hakim utama; dan dia duduk di kerusi kehakiman untuk menghakimi dan untuk mentadbir bangsa itu.

18 Sekarang, Alma tidak memberikan kepadanya jawatan sebagai imam tinggi atas gereja, tetapi dia terus memegang jabatan imam tinggi bagi dirinya sendiri; tetapi dia menyerahkan kerusi penghakiman kepada Nefiha.

19 Dan ini dia lakukan agar dia sendiri boleh pergi ke kalangan bangsanya, atau ke kalangan bangsa Nefi, agar dia boleh mengkhutbahkan firman Tuhan kepada mereka, untuk mendorong mereka dalam ingatan akan kewajipan mereka, dan agar dia boleh meruntuhkan, dengan firman Tuhan, segala keangkuhan dan kelicikan dan segala perselisihan yang

terjadi di kalangan bangsanya, kerana melihat tidak ada jalan bagaimana dia boleh memulihkan mereka kecuali dengan menekan kesaksian semata-mata terhadap mereka.

20 Dan demikianlah pada permulaan tahun kesembilan zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi, Alma menyerahkan kerusi penghakiman kepada Nefiha, dan mengabdikan dirinya seutuhnya pada imamat agung yang sebahagian tarekat kudus Tuhan, pada kesaksian tentang firman, menurut roh wahyu dan nubuat.

Perkataan yang Alma, seorang Imam Tinggi menurut tarekat kudus Tuhan, telah sampaikan kepada rakyat di kota dan desa-desa di seluruh negeri itu.

Meliputi bab 5.

BAB 5

Untuk memperoleh keselamatan, manusia mesti bertaubat dan mentaati perintah-perintah, dilahirkan kembali, membersihkan pakaian mereka melalui darah Kristus, menjadi rendah hati dan melucuti diri mereka daripada keangkuhan dan rasa iri hati, dan melakukan kerja-kerja kesolehan—Gembala Yang Baik memanggil umat-Nya—Mereka yang melakukan pekerjaan jahat adalah anak-anak iblis—Alma bersaksi tentang kebenaran ajarannya dan memerintahkan manusia agar

bertaubat—Nama orang yang soleh akan ditulis dalam kitab kehidupan. Kira-kira 83 tahun S.M.

SEKARANG, terjadilah bahawa Alma mula menyampaikan firman Tuhan kepada umat itu, pertama di negeri Zarahemla, dan dari sana ke seluruh negeri.

2 Dan inilah perkataan-perkataan yang dia ucapkan kepada umat di gereja yang ditegakkan di kota Zarahemla, menurut catatannya sendiri, mengatakan:

3 Aku, Alma, setelah ditahbiskan oleh ayahku, Alma, untuk menjadi imam tinggi atas gereja Tuhan, dia memiliki kuasa dan wewenang daripada Tuhan untuk melakukan hal-hal ini, lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa dia mula menegakkan sebuah gereja di negeri yang berada di sempadan Nefi; ya, negeri yang dipanggil negeri Mormon, ya, dan dia membaptis saudara-saudaranya di Perairan Mormon.

4 Dan lihatlah, aku berkata kepadamu, mereka dibebaskan daripada tangan rakyat raja Nuh, oleh belas kasihan dan kuasa Tuhan.

5 Dan lihatlah, setelah itu, mereka dibawa ke dalam perhambaan oleh tangan bangsa Laman di padang belantara; ya, aku berkata kepadamu, mereka berada dalam penawanan, dan sekali lagi Tuhan membebaskan mereka daripada perhambaan oleh kuasa firman-Nya; dan kita dibawa ke negeri ini, dan di sini kita mula menegakkan

gereja Tuhan di seluruh negeri ini juga.

6 Dan sekarang, lihatlah, aku berkata kepadamu, saudara-saudaraku, kamu yang menganggotai gereja ini, adakah kamu telah cukup menyimpan dalam ingatan penawanan nenek moyangmu? Ya, dan adakah kamu telah cukup menyimpan dalam ingatan belas kasihan dan panjang sabar-Nya terhadap mereka? Dan di samping itu, sudahkah kamu cukup menyimpan dalam ingatan bahwa Dia telah membebaskan jiwa mereka dari neraka?

7 Lihatlah, Dia mengubah hati mereka; ya, Dia membangunkan mereka dari tidur yang nyenyak, dan mereka terbangun kepada Tuhan. Lihatlah, mereka berada di tengah-tengah kegelapan; walaupun demikian, jiwa mereka diterangi oleh cahaya firman yang berkekalan; ya, mereka dikelilingi oleh ikatan kematian, dan rantai neraka, dan kehancuran yang berkekalan menunggu mereka.

8 Dan sekarang, aku bertanya kepadamu, saudara-saudaraku, adakah mereka dihancurkan? Lihatlah, aku berkata kepadamu, Tidak, mereka tidak dihancurkan.

9 Dan lagi aku bertanya, adakah ikatan kematian diputuskan, dan rantai neraka yang mengelilingi mereka, adakah ia dilepaskan? Aku berkata kepadamu, Ya, ia dilepaskan, dan jiwa mereka mengembang, dan mereka menyanyikan kasih penebusan. Dan aku

berkata kepadamu bahwa mereka diselamatkan.

10 Dan sekarang, aku bertanya kepadamu dengan syarat apakah mereka diselamatkan? Ya, atas dasar apakah mereka harus berharap untuk penyelamatan? Apakah sebabnya mereka dilepaskan daripada ikatan kematian, ya, dan juga rantai neraka?

11 Lihatlah, aku dapat memberitahu kamu—bukankah ayahku Alma percaya kepada kata-kata yang disampaikan oleh mulut Abinadi? Dan bukankah dia seorang nabi kudus? Tidakkah dia mengucapkan firman Tuhan, dan ayahku Alma mempercayainya?

12 Dan menurut imannya ada perubahan yang hebat ditempa dalam hatinya. Lihatlah aku berkata kepadamu bahwa ini semuanya benar.

13 Dan lihatlah, dia mengkhutbahkan firman itu kepada nenek moyangmu, dan perubahan yang hebat juga ditempa dalam hati mereka, dan mereka merendahkan hati mereka dan menaruh kepercayaan mereka kepada Tuhan yang sejati dan hidup. Dan lihatlah, mereka setia sampai akhir; oleh itu mereka diselamatkan.

14 Dan sekarang, lihatlah, aku bertanya kepadamu, saudara-saudaraku di dalam gereja, adakah kamu secara rohani telah dilahirkan daripada Tuhan? Adakah kamu telah menerima rupa-Nya pada air mukamu? Adakah kamu telah mengalami perubahan yang hebat ini dalam hatimu?

15 Adakah kamu menjalankan iman pada penebusan daripada Dia yang menciptakanmu? Adakah kamu menanti-nantikan dengan mata iman, dan memandang tubuh fana ini dibangkitkan dalam kebaqaan, dan kereputan ini dibangkitkan dalam ketidakreputan, untuk berdiri di hadapan Tuhan untuk dihakimi menurut perbuatan yang telah dilakukan dalam tubuh fana?

16 Aku berkata kepadamu, dapatkah kamu membayangkan kepada dirimu sendiri bahawa kamu mendengar suara Tuhan, memfirmankan kepadamu, pada hari itu: Datanglah kepada-Ku kamu yang diberkati, kerana lihatlah, pekerjaanmu adalah pekerjaan kesolehan di atas muka bumi?

17 Atau adakah kamu membayangkan kepada dirimu sendiri bahawa kamu dapat berdusta kepada Tuhan pada hari itu, dan berkata—Tuhan, pekerjaan kami adalah pekerjaan kesolehan di atas muka bumi—dan bahawa Dia akan menyelamatkanmu?

18 Atau jika tidak, dapatkah kamu membayangkan dirimu dibawa ke hadapan kerusi pengadilan Tuhan dengan jiwamu dipenuhi dengan rasa bersalah dan penyesalan, memiliki ingatan akan segala kesalahanmu, ya, ingatan yang sempurna akan segala kejahatanmu, ya, ingatan bahawa kamu telah menentang perintah-perintah Tuhan?

19 Aku berkata kepadamu, dapatkah kamu memandang kepada

Tuhan pada hari itu dengan hati yang murni dan tangan yang bersih? Aku berkata kepadamu, dapatkah kamu memandang ke atas, memiliki rupa Tuhan terukir pada wajahmu?

20 Aku berkata kepadamu, dapatkah kamu berfikir untuk diselamatkan ketika kamu telah menyerahkan dirimu untuk menjadi tunduk kepada iblis?

21 Aku berkata kepadamu, kamu akan mengetahui pada hari itu bahawa kamu tidak dapat diselamatkan; kerana tidak ada seorang pun dapat diselamatkan kecuali pakaiannya dibasuh hingga putih; ya, pakaiannya mesti dimurnikan sampai dibersihkan daripada segala noda, melalui darah Dia yang telah dibicarakan oleh nenek moyang kita, yang akan datang untuk menebus umat-Nya daripada dosa-dosa mereka.

22 Dan sekarang, aku bertanya kepadamu, saudara-saudaraku, bagaimana perasaan siapa pun di antara kamu, jika kamu akan berdiri di hadapan susur penghakiman Tuhan, dengan pakaianmu dinodai dengan darah dan segala macam kekotoran? Lihatlah, apa yang akan hal-hal ini persaksikan menentangmu?

23 Lihatlah tidak akankah ia bersaksi bahawa kamu adalah pembunuh, ya, dan juga bahawa kamu bersalah atas segala macam kejahatan?

24 Lihatlah, saudara-saudaraku, adakah kamu mengira bahawa orang yang demikian dapat

memperoleh tempat untuk duduk di dalam kerajaan Tuhan, bersama Abraham, bersama Ishak, dan bersama Yakub, dan juga semua nabi kudus, yang pakaiannya dibersihkan dan tanpa noda, murni dan putih?

25 Aku berkata kepadamu, Tidak; kecuali kamu menjadikan Pencipta kita pendusta sejak awal, atau membayangkan bahawa Dia adalah pendusta sejak awal, kamu tidak dapat membayangkan bahawa orang yang demikian dapat memperoleh tempat di dalam kerajaan syurga; tetapi mereka akan dicampak keluar kerana mereka adalah anak-anak kerajaan iblis.

26 Dan sekarang, lihatlah, aku berkata kepadamu, saudara-saudaraku, jika kamu telah mengalami suatu perubahan hati, dan jika kamu telah merasakan untuk menyanyikan nyanyian kasih penebusan, aku mahu bertanya, dapatkah kamu merasakan demikian sekarang?

27 Adakah kamu telah berjalan, menjaga dirimu tanpa salah di hadapan Tuhan? Dapatkah kamu berkata, jika kamu dipanggil untuk mati pada waktu ini, di dalam dirimu sendiri, bahawa kamu telah cukup rendah hati? Bahawa pakaianmu telah dibersihkan dan dijadikan putih melalui darah Kristus, yang akan datang untuk menebus umat-Nya daripada dosa-dosa mereka?

28 Lihatlah, adakah kamu telah dilucuti keangkuhan? Aku berkata kepadamu, jika kamu belum kamu

tidak siap untuk bertemu Tuhan. Lihatlah kamu mesti bersiap dengan cepat; kerana kerajaan syurga segera tiba, dan orang yang demikian tidak memiliki kehidupan abadi.

29 Lihatlah, aku berkata, adakah seseorang di antara kamu yang tidak dilucuti rasa iri hati? Aku berkata kepadamu bahawa orang yang demikian belumlah siap; dan aku menghendaki agar dia hendaknya bersiap dengan cepat, kerana waktunya dekat di depan mata, dan dia tidak tahu bila masanya akan datang; kerana orang yang demikian tidak didapati tak bersalah.

30 Dan lagi aku berkata kepadamu, adakah seseorang di antara kamu yang menjadikan saudaranya sasaran ejekan, atau yang menimpakan ke atas dirinya penganiayaan?

31 Celakalah orang yang demikian, kerana dia belum siap, dan waktunya di depan mata bahawa dia mesti bertaubat atau dia tidak dapat diselamatkan!

32 Ya, bahkan celakalah kamu semua pekerja kederhakaan; bertaubatlah, bertaubatlah, kerana Tuhan Raja telah memfirmankannya!

33 Lihatlah, Dia mengirimkan ajakan kepada semua orang, kerana lengan belas kasihan dihulurkan kepada mereka, dan Dia berfirman: Bertaubatlah, dan Aku akan menerimamu.

34 Ya, Dia berfirman: Datanglah kepada-Ku dan kamu akan makan buah dari pokok kehidupan; ya,

kamu akan makan dan minum, roti dan air kehidupan dengan bebas;

35 Ya, datanglah kepada-Ku dan hasilkan pekerjaan kesolehan, dan kamu tidak akan ditebang dan dilemparkan ke dalam api—

36 Kerana lihatlah, waktunya di depan mata bahawa barang siapa menghasilkan buah yang tidak baik, atau barang siapa tidak melakukan pekerjaan kesolehan, orang yang sama memiliki alasan untuk meratap dan berduka nestapa.

37 Wahai kamu pekerja kederha-kaan; kamu yang bongkak dalam apa yang sia-sia daripada dunia, kamu yang telah mendakwa mengetahui jalan kebenaran tetapi telah tersesat, bagaikan domba yang tanpa gembala, sekalipun seorang gembala telah memanggil kepadamu dan masih memanggil kepadamu, tetapi kamu tidak mahu mendengar suara-Nya!

38 Lihatlah, aku berkata kepadamu, bahawa gembala yang baik memanggilmu; ya, dan dalam nama-Nya sendiri Dia memanggilmu, yang adalah nama Kristus; dan jika kamu tidak mahu mendengar suara gembala yang baik, kepada nama yang dengannya kamu dipanggil, lihatlah, kamu bukanlah domba gembala yang baik.

39 Dan sekarang, jika kamu bukan domba gembala yang baik itu, dari kawan manakah kamu? Lihatlah, aku berkata kepadamu, bahawa iblis adalah gembalamu, dan kamu adalah dari kawanannya;

dan sekarang, siapakah yang dapat menyangkal ini? Lihatlah, aku berkata kepadamu, barang siapa menyangkal ini adalah pendusta dan anak iblis.

40 Kerana aku berkata kepadamu bahawa apa pun yang baik datang daripada Tuhan, dan apa pun yang jahat datang daripada iblis.

41 Oleh itu, jika seseorang menghasilkan pekerjaan yang baik dia mendengar suara gembala yang baik, dan dia mengikuti-Nya; tetapi barang siapa menghasilkan pekerjaan yang jahat, orang yang sama menjadi anak iblis, kerana dia mendengar suaranya, dan mengikutinya.

42 Dan barang siapa melakukan ini mestilah menerima upahnya dari dia; oleh itu, sebagai upahnya dia menerima kematian, berkaitan dengan apa yang berhubungan dengan kebenaran, kerana mati berhubungan semua pekerjaan yang baik.

43 Dan sekarang, saudara-saudaraku, aku menghendaki agar kamu hendaknya mendengarku, kerana aku berbicara dalam tenaga jiwaku; kerana lihatlah, aku telah berbicara kepadamu dengan jelas agar kamu tidak dapat khilaf, atau telah berbicara menurut perintah-perintah Tuhan.

44 Kerana aku dipanggil untuk berbicara menurut cara ini, menurut tarekat kudus Tuhan, yang ada pada Kristus Yesus; ya, aku diperintahkan untuk berdiri dan bersaksi kepada umat ini apa yang telah diucapkan oleh nenek

moyang kita berkenaan apa yang akan datang.

45 Dan ini bukanlah kesemuanya. Tidakkah kamu mengira bahawa aku mengetahui hal-hal ini diriku sendiri? Lihatlah, aku bersaksi kepadamu bahawa aku tahu bahawa hal-hal ini yang berkenaannya telah aku ucapkan adalah benar. Dan bagaimanakah kamu mengira bahawa aku mengetahui akan kepastiannya?

46 Lihatlah, aku berkata kepadamu itu disingkapkan kepadaku oleh Roh Kudus Tuhan. Lihatlah, aku telah berpuasa dan berdoa sehari-hari agar aku boleh mengetahui hal-hal ini bagi diriku sendiri. Dan sekarang, aku tahu bagi diriku sendiri bahawa itu adalah benar; kerana Tuhan Raja telah menyatakannya kepadaku oleh Roh Kudus-Nya; dan ini adalah roh wahyu yang ada dalam diriku.

47 Dan lebih-lebih lagi, aku berkata kepadamu bahawa itu telah demikian diungkapkan kepadaku, bahawa perkataan-perkataan yang telah diucapkan oleh nenek moyang kita adalah benar, bahkan demikian menurut roh nubuat yang ada dalam diriku, yang adalah juga melalui pernyataan Roh Tuhan.

48 Aku berkata kepadamu, bahawa aku tahu bagi diriku sendiri bahawa apa pun yang akan aku katakan kepadamu, berkenaan apa yang akan datang, adalah benar; dan aku berkata kepadamu, bahawa aku tahu bahawa Yesus Kristus akan datang, ya,

Putera, Anak Tunggal Bapa, penuh rahmat, dan belas kasihan, dan kebenaran. Dan lihatlah, adalah Dia yang datang untuk mengambil pergi dosa-dosa dunia, ya, dosa-dosa setiap orang yang dengan tabah percaya pada nama-Nya.

49 Dan sekarang, aku berkata kepadamu bahawa ini adalah imamat yang menurutnya aku dipanggil, ya, untuk berkhotbah kepada saudara-saudaraku yang dikasihi, ya, dan setiap orang yang berdiam di negeri ini; ya, untuk berkhotbah kepada semua orang, baik tua mahupun muda, baik tertawan mahupun bebas; ya, aku berkata kepadamu yang lanjut usia, dan juga yang pertengahan umur, dan generasi yang meningkat dewasa; ya, untuk berseru kepada mereka bahawa mereka mesti bertaubat dan dilahirkan kembali.

50 Ya, demikianlah firman Roh: Bertaubatlah, kamu segenap hujung bumi, kerana kerajaan syurga segera tiba; ya, Putera Tuhan datang dalam kemuliaan-Nya, dalam kekuatan, keagungan, kuasa, dan kekuasaan-Nya. Ya, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku berkata kepadamu, bahawa Roh berfirman: Lihatlah kemuliaan Raja seluruh bumi; dan juga Raja syurga akan sangat segera bersinar di kalangan semua anak manusia.

51 Dan juga Roh berfirman kepadaku, ya, berseru kepadaku dengan suara yang amat kuat, berfirman: Pergi dan katakanlah kepada bangsa ini—Bertaubatlah, kerana kecuali kamu bertaubat

kamu sama sekali tidak dapat mewarisi kerajaan syurga.

52 Dan lagi aku berkata kepadamu, Roh berfirman: Lihatlah, kapak telah diletakkan pada akar pohon; oleh itu setiap pohon yang tidak menghasilkan buah yang baik akan ditebang dan dilemparkan ke dalam api, ya, api yang tidak dapat dimusnahkan, bahkan api yang tidak dapat dipadamkan. Lihatlah, dan ingatlah, Yang Kudus telah memfirmankannya

53 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku berkata kepadamu, dapatkah kamu bertahan terhadap pernyataan-pernyataan ini; ya, dapatkah kamu mengesampingkan hal-hal ini, dan memijak-mijak Yang Kudus di bawah kakimu; ya, dapatkah kamu bongkakan dalam keangkuhan hatimu; ya, akankah kamu masih berkeras dalam mengenakan pakaian mahal dan menaruh hatimu pada apa yang sia-sia daripada dunia, pada kekayaanmu?

54 Ya, akankah kamu berkeras dalam mengira bahawa kamu orang yang lebih baik daripada yang lain; ya, akankah kamu berkeras dalam penganiayaan terhadap saudara-saudaramu, yang merendahkan hati mereka dan berjalan menurut tarekat kudus Tuhan, yang dengannya mereka telah dibawa ke dalam gereja ini, setelah dikuduskan oleh Roh Kudus, dan mereka menghasilkan pekerjaan yang sesuai untuk pertaubatan—

55 Ya, dan akankah kamu berkeras dalam memalingkan

belakangmu kepada yang miskin, dan yang memerlukan, dan dalam menahan harta kekayaanmu daripada mereka?

56 Dan akhirnya, kamu semua yang akan berkeras dalam kejahatanmu, aku berkata kepadamu bahawa inilah mereka yang akan ditebang dan dilemparkan ke dalam api kecuali mereka lekas bertaubat.

57 Dan sekarang, aku berkata kepadamu, kamu semua yang berhasrat untuk mengikuti suara Gembala yang baik, keluarlah kamu daripada yang jahat, dan asingkanlah dirimu, dan janganlah menyentuh benda mereka yang tidak bersih; dan lihatlah, nama mereka akan dipadamkan, sehingga nama orang yang jahat tidak akan terbilang di antara nama orang yang soleh, agar firman Tuhan boleh digenapi, yang mengatakan: Nama orang yang jahat tidak akan berbaur dengan nama umat-Ku;

58 Kerana nama orang yang soleh akan ditulis dalam kitab kehidupan, dan kepada mereka-lah akan Aku berikan warisan di sisi kanan-Ku. Dan sekarang, saudara-saudaraku, apa yang akan kamu katakan menentang ini? Aku berkata kepadamu, jika kamu berbicara menentanginya, tidaklah masalah, kerana firman Tuhan mesti digenapi.

59 Kerana gembala manakah yang ada di kalanganmu yang memiliki banyak domba tidak mengawasi mereka, agar serigala

tidak masuk dan melahap kawanan dombanya? Dan lihatlah, jika seekor serigala memasuki kawanan dombanya tidakkah dia menghalaunya keluar? Ya, dan pada akhirnya, jika dia boleh, dia akan menghancurkannya.

60 Dan sekarang, aku berkata kepadamu bahawa Gembala yang baik memanggil kepadamu; dan jika kamu akan mendengar suara-Nya Dia akan membawamu ke kawanan-Nya, dan kamu adalah domba-domba-Nya; dan Dia memerintahkanmu agar kamu tidak membiarkan serigala yang rakus masuk di kalanganmu, agar kamu boleh tidak dihancurkan.

61 Dan sekarang, aku, Alma, memerintahkanmu dalam bahasa Dia yang telah memerintahkanku, agar kamu berusaha kuat untuk melakukan perkataan-perkataan yang telah aku ucapkan kepadamu.

62 Aku berucap secara perintah kepadamu yang menganggotai gereja; dan kepada mereka yang tidak menganggotai gereja aku berucap secara jemputan, mengatakan: Datanglah dan dibaptislah untuk pertaubatan, agar kamu juga boleh menjadi pemakan buah pokok kehidupan.

BAB 6

Gereja di Zarahemla dibersihkan dan teratur—Alma pergi ke Gideon untuk berkhotbah. Kira-kira 83 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa setelah Alma mengakhiri bicaranya

kepada umat gereja, yang ditenggakkan di kota Zarahemla, dia mentahbiskan para imam dan penatua, dengan meletakkan tangannya menurut imamat Tuhan, untuk mengetuai dan mengawasi gereja.

2 Dan terjadilah bahawa barang siapa tidak termasuk dalam gereja yang bertaubat daripada dosa-dosa mereka, dibaptis untuk pertaubatan, dan diterima ke dalam gereja.

3 Dan juga terjadilah bahawa barang siapa yang menganggotai gereja yang tidak bertaubat daripada kejahatan mereka dan merendahkan hati mereka di hadapan Tuhan—aku maksudkan mereka yang terangkat-angkat dalam keangkuhan hati mereka—orang yang sama itu ditolak, dan nama mereka dipadamkan, sehingga nama mereka tidak terbilang di kalangan mereka yang soleh.

4 Dan demikianlah mereka mula menegakkan tatatertib gereja di kota Zarahemla.

5 Sekarang, aku menghendaki agar kamu hendaknya mengerti bahawa firman Tuhan adalah bebas bagi semua orang, agar tiada seorang pun dirampas daripadanya hak istimewa untuk berhimpun bersama untuk mendengar firman Tuhan.

6 Walaupun demikian anak-anak Tuhan diperintahkan agar mereka hendaknya sering berkumpul bersama, dan bergabung dalam puasa dan doa yang membara demi kepentingan kesejahteraan

jiwa mereka yang tidak mengenal Tuhan.

7 Dan sekarang, terjadilah bahaya ketika Alma telah membuat peraturan-peraturan ini dia pergi dari mereka, ya, dari jemaah yang berada di kota Zarahemla, dan melintas ke timur Sungai Sidon, ke Lembah Gideon, di sana telah ada sebuah kota yang terbina, yang dipanggil kota Gideon, yang berada di lembah yang dipanggil Gideon, dipanggil menurut nama lelaki yang telah dibunuh oleh tangan Nehor dengan pedang.

8 Dan Alma pergi dan mula memaklumkan firman Tuhan kepada jemaah yang ditegakkan di Lembah Gideon, menurut wahyu kebenaran perkataan yang telah diucapkan oleh nenek moyangnya, dan menurut roh nubuat yang ada dalam dirinya, menurut kesaksian tentang Yesus Kristus, Putera Tuhan, yang akan datang untuk menebus umat-Nya daripada dosa-dosa mereka, dan tarekat kudus yang melaluinya dia dipanggil. Dan demikianlah dituliskan. Amin

Perkataan-perkataan Alma yang dia sampaikan kepada orang di Gideon, menurut catatannya sendiri.

Meliputi bab 7.

BAB 7

*Kristus akan dilahirkan oleh Maria—
Dia akan melepaskan ikatan kematian*

dan menanggung dosa-dosa umat-Nya—Mereka yang bertaubat, dibaptis, dan mentaati perintah-perintah akan memperoleh kehidupan abadi—Kekotoran tidak dapat mewarisi kerajaan Tuhan—Kerendahan hati, iman, harapan, dan ihsan diperlukan. Kira-kira 83 tahun S.M.

LIHATLAH saudara-saudaraku yang dikasihi, melihat bahawa aku telah diizinkan untuk datang kepadamu, oleh itu aku berusaha untuk berucap kepadamu dalam bahasaku; ya, dengan mulutku sendiri, melihat bahawa ini adalah pertama kali aku telah berbicara kepadamu dengan perkataan mulutku, kerana aku telah sepenuhnya terbatas pada kerusi penghakiman, kerana telah ada banyak urusan sehingga aku tidak dapat datang kepadamu.

2 Dan bahkan aku tidak dapat datang sekarang pada waktu ini seandainya kerusi penghakiman tidak diberikan kepada yang lain, untuk memerintah sebagai penggantiku; dan Tuhan dalam banyak belas kasihan telah mengebalkan agar aku hendaknya datang kepadamu.

3 Dan lihatlah, aku telah datang memiliki harapan yang besar dan banyak hasrat agar aku akan mendapati bahawa kamu telah merendahkan hatimu di hadapan Tuhan, dan bahawa kamu telah berterusan dalam permohonan akan rahmat-Nya, bahawa aku akan mendapati bahawa kamu tidak bersalah di hadapan-Nya,

bahawa aku akan mendapati bahawa kamu tidak berada dalam keadaan serba salah yang dahsyat yang saudara-saudara kita alami di Zarahemla.

4 Tetapi terpujilah nama Tuhan, kerana Dia telah memberitahu aku, ya, telah memberikan kepadaku kebahagiaan yang amat besar kerana mengetahui bahawa mereka ditegakkan kembali pada jalan kebenaran-Nya.

5 Dan aku percaya, menurut Roh Tuhan yang ada dalam diriku, bahawa aku juga akan merasakan kebahagiaan terhadap dirimu; walaupun demikian aku tidak berhasrat bahawa kebahagiaan terhadap dirimu sepatutnya datang melalui sedemikian banyaknya kesengsaraan dan dukacita yang telah aku alami bagi saudara-saudara di Zarahemla, kerana lihatlah, kebahagiaanku datang terhadap diri mereka setelah menempuh banyak kesengsaraan dan dukacita.

6 Tetapi lihatlah, aku percaya bahawa kamu tidak berada dalam keadaan sedemikian banyaknya ketidakpercayaan yang besar seperti saudara-saudaramu; aku percaya bahawa kamu tidak terangkat-angkat dalam keangkuhan hatimu; ya, aku percaya bahawa kamu tidak menaruh hatimu pada kekayaan dan perkara yang sia-sia di dunia; ya, aku percaya bahawa kamu tidak menyembah berhala-berhala, tetapi bahawa kamu menyembah Tuhan yang sejati dan yang hidup, dan bahawa kamu menanti-nantikan untuk

pengampunan akan dosa-dosamu, dengan iman yang abadi, yang akan datang.

7 Kerana lihatlah, aku berkata kepadamu ada banyak hal yang akan datang; dan lihatlah, ada satu hal yang lebih penting daripada semuanya—kerana lihatlah, waktunya tidaklah terlalu jauh ketika Penebus hidup dan datang di kalangan umat-Nya.

8 Lihatlah, aku tidak berkata bahawa Dia akan datang ke kalangan kita pada waktu Dia berdiam di dalam tubuh fana-Nya; kerana lihatlah, Roh tidak berfirman kepadaku bahawa inilah keadaannya. Sekarang, berhubung dengan hal ini aku tidak tahu; tetapi sebanyak ini yang aku tahu, bahawa Tuhan Raja memiliki kuasa untuk melakukan segala sesuatu yang menurut firman-Nya.

9 Tetapi lihatlah, Roh telah berfirman sebanyak ini kepadaku, memfirmankan: Berserulah kepada umat ini, mengatakan—Bertaubatlah kamu, dan persiapkanlah jalan Tuhan, dan berjalanlah di jalan-jalan-Nya, yang adalah lurus; kerana lihatlah, kerajaan syurga ada di depan mata, dan Putera Tuhan datang ke atas muka bumi.

10 Dan lihatlah, Dia akan dilahirkan oleh Maria, di Yerusalem yang merupakan negeri nenek moyang kita, dia seorang perawan, bejana yang berharga dan terpilih, yang akan dinaungi oleh dan hamil melalui kuasa Roh Kudus, dan melahirkan seorang putera, ya, bahkan Putera Tuhan.

11 Dan Dia akan pergi, menderita kesakitan dan kesengsaraan dan cubaan daripada setiap jenis; dan ini agar firman boleh digenapi yang mengatakan Dia akan mengambil ke atas diri-Nya kesakitan dan penyakit umat-Nya.

12 Dan Dia akan mengambil ke atas diri-Nya kematian, agar Dia boleh melepaskan ikatan kematian yang mengikat umat-Nya; dan Dia akan mengambil ke atas diri-Nya kelemahan mereka, agar sanubari-Nya boleh dipenuhi dengan belas kasihan, menurut keadaan daging, agar Dia boleh mengetahui menurut keadaan daging bagaimana menyokong umat-Nya menurut kelemahan mereka.

13 Sekarang, Roh mengetahui segala sesuatu; walaupun demikian Putera Tuhan menderita menurut keadaan daging agar Dia boleh mengambil ke atas diri-Nya dosa-dosa umat-Nya, agar Dia boleh memadamkan pelanggaran mereka menurut kuasa pembebasan-Nya; dan sekarang, lihatlah, inilah kesaksian yang ada dalam diriku.

14 Sekarang, aku berkata kepadamu bahawa kamu mesti bertaubat, dan dilahirkan kembali; kerana Roh berfirman jika kamu tidak dilahirkan kembali kamu tidak dapat mewarisi kerajaan syurga; oleh itu datanglah dan dibaptislah untuk pertaubatan, agar kamu boleh dibasuh daripada dosa-dosamu, agar kamu boleh memiliki iman kepada Anak Domba Tuhan, yang mengambil

dosa-dosa dunia, yang perkasa untuk menyelamatkan dan untuk membersihkan daripada segala ketidaksalehan.

15 Ya, aku berkata kepadamu datanglah dan janganlah takut, dan tinggalkanlah setiap dosa, yang dengan mudah menghantuimu, yang mengikatmu hingga jatuh sampai kehancuran, ya, marilah dan lakukanlah, dan perlihatkanlah kepada Tuhanmu bahawa kamu bersedia untuk bertaubat daripada dosa-dosamu dan masuk ke dalam perjanjian dengan-Nya untuk mentaati perintah-perintah-Nya, dan mempersaksikannya kepada-Nya hari ini dengan pergi ke dalam air pembaptisan.

16 Dan barang siapa melakukan ini, dan mentaati perintah-perintah Tuhan sejak waktu itu, orang yang sama itu akan ingat bahawa aku berkata kepadanya, ya, dia akan ingat bahawa aku telah berkata kepadanya, dia akan memperoleh kehidupan abadi, menurut kesaksian Roh Kudus, yang bersaksi dalam diriku.

17 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, adakah kamu mempercayai hal-hal ini? Lihatlah, aku berkata kepadamu, ya, aku tahu bahawa kamu mempercayainya; dan cara aku tahu bahawa kamu mempercayainya adalah melalui pernyataan Roh yang berada dalam diriku. Dan sekarang, kerana imanmu kuat berkenaan itu, ya, berkenaan apa yang telah aku ucapkan, besarlah kebahagiaanmu.

18 Kerana seperti yang aku katakan kepadamu sejak awal, bahawa aku memiliki banyak hasrat agar kamu tidak berada dalam keadaan serba salah seperti saudara-saudaramu, demikian pula aku telah mendapati bahawa hasratku telah dipuaskan.

19 Kerana aku merasakan bahawa kamu berada di jalan kesolehan; aku merasa bahawa kamu berada di jalan yang menuntun ke kerajaan Tuhan; ya, aku merasa bahawa kamu sedang menjadikan jalan-Nya lurus.

20 Aku merasa bahawa ia telah disingsingkan kepadamu, melalui kesaksian firman-Nya, bahawa Dia tidak dapat berjalan di atas jalan yang berliku-liku; tidak juga Dia berubah dari apa yang Dia telah firmankan; tidak juga Dia telah sedikit pun berpaling dari kanan ke kiri, atau dari apa yang benar ke apa yang salah; oleh itu, jalan-Nya adalah satu kitaran abadi.

21 Dan dia tidak berdiam di dalam bait suci yang tidak kudus; tidak juga dapat kekotoran atau apa pun yang tidak bersih diterima ke dalam kerajaan Tuhan; oleh itu aku berkata kepadamu waktunya akan tiba, ya, dan akan terjadi pada hari terakhir, ketika dia yang kotor akan tetap berada dalam kekotorannya.

22 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku telah mengatakan hal-hal ini kepadamu agar aku boleh membangunkanmu pada kesedaran akan kewajipannya kepada Tuhan, agar kamu

boleh berjalan secara tidak bersalah di hadapan-Nya, agar kamu boleh berjalan menurut tarekat kudus Tuhan, yang menurutnya kamu telah diterima.

23 Dan sekarang, aku menghendaki agar kamu sepatutnya rendah hati, dan bersifat peserah dan lemah lembut; ramah tamah; penuh dengan kesabaran dan panjang sabar; bersederhana dalam segala hal; tekun dalam mentaati perintah-perintah Tuhan pada seluruh masa; meminta untuk apa pun yang sedang kamu perlukan, baik rohani mahupun duniawi; selalu kembali bersyukur kepada Tuhan untuk apa pun yang kamu terima.

24 Dan pastikanlah bahawa kamu memiliki iman, harapan, dan ihsan, dan jika begitu kamu akan selalu berlimpah ruah dalam pekerjaan yang baik.

25 Dan semoga Tuhan memberkatimu, dan menjaga pakaianmu tanpa noda, agar kamu boleh pada akhirnya dibawa untuk duduk bersama Abraham, Ishak, dan Yakub, dan para nabi kudus yang telah senantiasa ada sejak dunia bermula, memastikan pakaianmu tanpa noda bahkan sebagaimana pakaian mereka adalah tanpa noda, di dalam kerajaan syurga untuk tidak lagi keluar.

26 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku telah mengucapkan perkataan-perkataan ini kepadamu menurut Roh yang bersaksi dalam diriku; dan jiwaku amat bersukacita, kerana ketekunan dan perhatian yang

besar yang telah kamu berikan pada perkataanku.

27 Dan sekarang, semoga kedamaian Tuhan berdiam ke atas dirimu, dan ke atas rumah dan tanahmu, dan ke atas kawanan domba dan kawanan ternakmu, dan segala yang kamu miliki, kaum wanitamu dan anak-anakmu, menurut imanmu dan pekerjaan baikmu, mulai waktu ini dan selamanya. Dan demikianlah aku telah berbicara. Amin.

BAB 8

Alma berkhotbah dan membaptis di Melek—Dia ditolak di Amonihah dan pergi dari situ—Seorang malaikat memerintahkannya agar kembali dan menyerukan pertaubatan kepada umat itu—Dia diterima oleh Amulek, dan mereka berdua berkhotbah di Amonihah. Kira-kira 82 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa Alma kembali dari negeri Gideon, setelah mengajar orang Gideon banyak hal yang tidak dapat dituliskan, setelah menegakkan tata tertib gereja, menurut seperti yang telah dia sebelumnya lakukan di negeri Zarahemla, ya, dia kembali ke rumahnya sendiri di Zarahemla untuk mengistirahatkan dirinya daripada kerja yang telah dia laksanakan.

2 Dan demikianlah berakhir tahun kesembilan pemerintahan para hakim atas bangsa Nefi.

3 Dan terjadilah pada permulaan tahun kesepuluh pemerintahan

para hakim atas bangsa Nefi, bahawa Alma berangkat dari sana dan mengadakan perjalanannya ke negeri Melek, di barat Sungai Sidon, di barat dekat perbatasan padang belantara.

4 Dan dia mula mengajar orang di negeri Melek menurut tarekat kudus Tuhan, yang melaluinya dia telah dipanggil; dan dia mula mengajar orang di seluruh negeri Melek.

5 Dan terjadilah bahawa orang datang kepadanya dari semua sempadan negeri yang berada di dekat tepi padang belantara. Dan mereka dibaptis di seluruh negeri;

6 Jadi apabila dia telah menyelesaikan pekerjaannya di Melek dia berangkat dari sana, dan melakukan tiga hari perjalanan di utara negeri Melek; dan dia datang ke sebuah kota yang dipanggil Amonihah.

7 Sekarang, adalah kebiasaan bangsa Nefi untuk menamakan negeri-negeri mereka, dan kota-kota mereka, dan desa-desa mereka, ya, bahkan semua desa kecil mereka, menurut nama dia yang pertama kali menguasainya; dan demikianlah halnya dengan negeri Amonihah.

8 Dan terjadilah bahawa ketika Alma telah tiba di kota Amonihah dia mula mengkhutbahkan firman Tuhan kepada mereka.

9 Sekarang, Setan telah memiliki pengaruh yang besar atas hati orang di kota Amonihah; oleh itu mereka tidak mahu mendengar perkataan-perkataan Alma.

10 Walaupun demikian Alma banyak bekerja di dalam roh, bergelut dengan Tuhan dalam doa yang membara, agar Dia akan mencurahkan Roh-Nya ke atas orang yang berada di kota itu; agar Dia akan juga mengabulkan bahawa dia boleh membaptis mereka untuk pertaubatan.

11 Walaupun demikian, mereka mengeraskan hati mereka, mengatakan kepadanya: Lihatlah, kami tahu bahawa engkau adalah Alma; dan kami tahu bahawa engkau adalah imam tinggi atas gereja yang telah engkau tegakkan di banyak bahagian di negeri ini, menurut adatmu; dan kami bukanlah daripada gerejamu, dan kami tidak percaya pada adat bodoh seperti itu.

12 Dan sekarang, kami tahu bahawa kerana kami bukanlah daripada gerejamu, kami tahu bahawa engkau tidak memiliki kuasa atas kami; dan engkau telah menyerahkan kerusi penghakiman kepada Nefiha; oleh itu engkau bukanlah hakim utama atas kami.

13 Sekarang, ketika orang itu telah mengatakan ini, dan menahan segala perkataannya, dan mencaci makinya, dan meludahinya, dan memerintahkan agar dia hendaknya diusir dari kota mereka, dia pergi dari sana dan membuat perjalanannya menuju kota yang dipanggil Harun.

14 Dan terjadilah bahawa semasa dia sedang melakukan perjalanan ke sana, tertekan oleh dukacita,

menempuh banyak kesukaran dan kepedihan jiwa, kerana kejahatan orang yang berada di kota Amoniha, terjadilah semasa Alma sedemikian tertekannya oleh dukacita, lihatlah seorang malaikat Tuhan menampakkan diri kepadanya, mengatakan:

15 Diberkatilah engkau, Alma; oleh itu, angkatlah kepalamu dan bersukacitalah, kerana engkau mempunyai alasan yang besar untuk bersukacita; kerana engkau telah setia dalam mentaati perintah-perintah Tuhan sejak waktu engkau menerima pesan pertamamu dari-Nya. Lihatlah, aku adalah dia yang menyampai-kannya kepadamu.

16 Dan lihatlah, aku diutus untuk memerintahkan engkau agar engkau kembali ke kota Amoniha, dan berkhotbah sekali lagi kepada orang di kota itu; ya, berkhotbahlah kepada mereka. Ya, katakanlah kepada mereka, kecuali mereka bertaubat Tuhan Raja akan menghancurkan mereka.

17 Kerana lihatlah, mereka merancang pada waktu ini agar mereka boleh menghancurkan kemerdekaan bangsamu, (kerana demikianlah firman Tuhan) yang bertentangan dengan peraturan, dan penghakiman, dan perintah yang telah Dia berikan kepada umat-Nya.

18 Sekarang, terjadilah bahawa setelah Alma menerima pesannya daripada malaikat Tuhan, dia cepat kembali ke negeri Amoniha. Dan dia memasuki

kota melalui jalan lain, ya, melalui jalan yang berada di selatan kota Amoniha.

19 Dan sewaktu dia memasuki kota dia lapar, dan dia berkata kepada seorang lelaki: Akankah kamu memberikan kepada aku seorang hamba Tuhan yang rendah hati sesuatu untuk makan?

20 Dan lelaki itu berkata kepadanya: Aku bangsa Nefi, dan aku tahu bahawa engkau adalah seorang nabi kudus Tuhan, kerana engkau adalah lelaki yang seorang malaikat katakan dalam suatu penglihatan: Engkau hendaknya terima. Oleh itu, pergilah bersamaku ke dalam rumahku dan aku akan memberi kepadamu makananku; dan aku tahu bahawa engkau akan menjadi berkat bagiku dan seisi rumahku.

21 Dan terjadilah bahawa lelaki itu menerimanya ke dalam rumahnya; dan lelaki itu bernama Amulek; dan dia membawa roti dan daging dan meletakkannya di hadapan Alma.

22 Dan terjadilah bahawa Alma memakan roti dan dikenyangkan; dan dia memberkati Amulek dan seisi rumahnya, dan dia bersyukur kepada Tuhan.

23 Dan setelah dia makan dan dikenyangkan dia berkata kepada Amulek: Aku adalah Alma, dan aku imam tinggi atas gereja Tuhan di seluruh negeri.

24 Dan lihatlah, aku telah dipanggil untuk mengkhutbahkan firman Tuhan di kalangan seluruh bangsa ini, menurut roh wahyu

dan nubuat; dan aku berada di negeri ini dan mereka tidak mahu menerimaku, tetapi mereka mengusirku dan aku hampir memalingkan belakangku terhadap negeri ini selamanya.

25 Tetapi lihatlah, aku telah diperintahkan agar aku hendaknya kembali lagi dan bernubuat kepada bangsa ini, ya, dan untuk bersaksi menentang mereka berkenaan kederhakaan mereka.

26 Dan sekarang, Amulek, kerana engkau telah memberiku makan dan mengizinkanmu menginap, engkau diberkati; kerana aku lapar, kerana aku telah berpuasa sehari-hari.

27 Dan Alma tinggal banyak hari bersama Amulek sebelum dia mula berkhutbah kepada bangsa itu.

28 Dan terjadilah bahawa bangsa itu menjadi lebih teruk dalam kederhakaan mereka.

29 Dan firman datang kepada Alma, mengatakan: Pergilah; dan juga katakanlah kepada hamba-Ku Amulek, pergi dan bernubuatlah kepada bangsa ini, mengatakan—Bertaubatlah kamu, kerana demikianlah firman Tuhan, kecuali kamu bertaubat Aku akan mengunjungi bangsa ini dalam kemurkaan-Ku; ya, dan Aku tidak akan memalingkan kemurkaan dahsyat-Ku.

30 Dan Alma pergi, dan juga Amulek, di kalangan bangsa itu, untuk memaklumkan firman Tuhan kepada mereka; dan mereka dipenuhi dengan Roh Kudus.

31 Dan kuasa telah diberikan

kepada mereka, sedemikian rupa sehingga mereka tidak dapat dikurungkan di dalam penjara bawah tanah; tidak juga adalah mungkin bahawa sesiapa pun dapat membunuh mereka; walaupun demikian mereka tidak menggunakan kuasa mereka sampai mereka diikat dalam ikatan dan dilemparkan ke dalam penjara. Sekarang, ini terjadi agar Tuhan boleh memperlihatkan kuasa-Nya dalam mereka.

32 Dan terjadilah bahawa mereka pergi dan mula berkhotbah dan untuk bernubuat kepada bangsa itu, menurut roh dan kuasa yang telah Tuhan berikan kepada mereka.

Perkataan-perkataan Alma, dan juga perkataan-perkataan Amulek, yang dimaklumkan kepada orang yang berada di negeri Amonihah. Dan juga mereka dilemparkan ke dalam penjara, dan dibebaskan oleh kuasa ajaib Tuhan yang ada dalam mereka, menurut catatan Alma.

Meliputi bab 9 hingga bab 14.

BAB 9

Alma memerintahkan orang di Amonihah agar bertaubat—Tuhan akan penuh belas kasihan kepada bangsa Laman pada zaman terakhir—Jika bangsa Nefi meninggalkan cahaya, mereka akan dihancurkan oleh bangsa Laman—Putera Tuhan akan

segera datang—Dia akan menebus mereka yang bertaubat, dibaptis, dan beriman pada nama-Nya. Kira-kira 82 tahun S.M.

DAN lagi, aku, Alma, setelah diperintahkan oleh Tuhan agar aku hendaknya membawa Amulek dan pergi dan berkhotbah lagi kepada orang ini, atau orang yang berada di kota Amonihah, terjadilah sewaktu aku mula berkhotbah kepada mereka, mereka mula berselisih pendapat denganku, mengatakan:

2 Siapakah engkau? Kamu kira bahawa kami akan mempercayai kesaksian daripada satu orang, walaupun dia akan berkhotbah kepada kami bahawa bumi mungkin lenyap?

3 Sekarang, mereka tidak memahami perkataan-perkataan yang mereka ucapkan; kerana mereka tidak mengetahui bahawa bumi akan lenyap.

4 Dan mereka berkata juga: Kami tidak akan percaya perkataan-perkataanmu jika engkau akan bernubuat bahawa kota yang besar ini akan dihancurkan dalam satu hari.

5 Sekarang, mereka tidak mengetahui bahawa Tuhan dapat melakukan pekerjaan yang menakutkan seperti itu, kerana mereka adalah bangsa yang keras hati dan yang tegar leher.

6 Dan mereka berkata: Siapakah Tuhan, yang tidak mengutus wewenang yang lain selain daripada seorang lelaki ke kalangan bangsa

ini, untuk memaklumkan kepada mereka kebenaran tentang hal-hal yang sedemikian besar dan menakjubkan?

7 Dan mereka mara ke depan untuk meletakkan tangan mereka padaku; tetapi lihatlah, mereka tidak melakukannya. Dan aku berdiri dengan keberanian untuk memaklumkan kepada mereka, ya, aku dengan berani bersaksi kepada mereka, mengatakan:

8 Lihatlah, Wahai kamu generasi yang jahat dan suka melawan, bagaimananya kamu telah melupakan adat resam nenek moyangmu; ya, betapa cepatnya kamu telah melupakan perintah-perintah Tuhan.

9 Tidakkah kamu ingat bahawa bapa kita, Lehi, telah dibawa keluar dari Yerusalem oleh tangan Tuhan? Tidakkah kamu ingat bahawa mereka semuanya dituntun oleh-Nya melalui padang belantara?

10 Dan adakah kamu telah melupakan sedemikian cepatnya berapa kali Dia membebaskan nenek moyang kita daripada tangan musuh mereka, dan melindungi mereka daripada dihancurkan, bahkan oleh tangan saudara-saudara mereka sendiri?

11 Ya, dan jika bukan kerana kuasa-Nya yang tiada bandingnya, dan belas kasihan-Nya, dan panjang sabar-Nya terhadap kita, kita tidak akan dapat mengelak daripada disingkirkan dari muka bumi jauh sebelum jangka masa ini, dan barangkali telah diserahkan

ke dalam keadaan kegetiran dan celaka tanpa akhir.

12 Lihatlah, sekarang, aku berkata kepadamu bahawa Dia memerintahkanmu untuk bertaubat; dan kecuali kamu bertaubat, kamu sekali-kali tidak dapat mewarisi kerajaan Tuhan. Tetapi lihatlah, ini bukanlah semuanya—Dia telah memerintahkanmu untuk bertaubat, atau Dia akan sama sekali menghancurkanmu dari seluruh muka bumi; ya, Dia akan menjungimu dalam kemurkaan-Nya, dan dalam kemurkaan dahsyat-Nya Dia tidak akan berpaling.

13 Lihatlah, tidakkah kamu ingat firman yang Dia ucapkan kepada Lehi, memfirmankan bahawa: Sejauh mana kamu akan mentaati perintah-perintah-Ku, kamu akan makmur di negeri ini? Dan lagi difirmankan bahawa: Sejauh mana kamu tidak akan mentaati perintah-perintah-Ku kamu akan disingkirkan dari hadirat Tuhan.

14 Sekarang, aku menghendaki agar kamu mestilah ingat, bahawa kerana bangsa Laman tidak mentaati perintah-perintah Tuhan, mereka telah disingkirkan dari hadirat Tuhan. Sekarang, kita melihat bahawa firman Tuhan telah terbukti dalam hal ini, dan bangsa Laman telah disingkirkan dari hadirat-Nya, sejak awal pelanggaran mereka di negeri ini.

15 Walaupun demikian aku berkata kepadamu, bahawa akan lebih senang dapat ditanggung bagi mereka pada hari penghakiman daripada bagimu, jika kamu tetap

tinggal dalam dosa-dosamu, ya, dan bahkan lebih senang dapat ditanggung bagi mereka dalam kehidupan ini daripada bagimu, kecuali kamu bertaubat.

16 Kerana ada banyak janji yang dihulurkan kepada bangsa Laman; sebab adalah kerana adat resam nenek moyang mereka yang menyebabkan mereka tetap tinggal dalam keadaan kejahilan mereka; oleh itu Tuhan akan penuh belas kasihan kepada mereka dan memanjangkan kewujudan mereka di negeri ini.

17 Dan pada suatu jangka masa mereka akan dibawa untuk percaya pada firman-Nya, dan untuk tahu akan ketidakbenaran adat resam nenek moyang mereka; dan banyak daripada mereka akan diselamatkan, kerana Tuhan akan penuh belas kasihan kepada semua yang memanggil nama-Nya.

18 Tetapi lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa jika kamu tetap dalam kejahatanmu maka masa hidupmu tidak akan dipanjangkan di negeri ini, kerana bangsa Laman akan dihantar ke atas dirimu; dan jika kamu tidak bertaubat mereka akan datang pada suatu masa ketika kamu tidak tahu, dan kamu akan dikunjungi dengan penghancuran sepenuhnya; dan itu akan terjadi menurut kemurkaan dahsyat Tuhan.

19 Kerana Dia tidak akan membiarkanmu agar kamu akan hidup dalam kederhakaanmu, untuk menghancurkan umat-Nya. Aku berkata kepadamu, Tidak; Dia

lebih rela membiarkan agar bangsa Laman boleh menghancurkan seluruh umat-Nya yang dipanggil bangsa Nefi, jika mungkin bahawa mereka dapat jatuh ke dalam dosa dan pelanggaran, setelah memperoleh sedemikian banyak cahaya dan sedemikian banyak pengetahuan yang diberikan kepada mereka oleh Tuhan Raja mereka;

20 Ya, setelah menjadi umat yang begitu berkenan bagi Tuhan; ya, setelah berkenan melebihi setiap bangsa, kaum, bahasa, atau orang yang lain; setelah memiliki segala sesuatu disingkapkan kepada mereka, menurut hasrat mereka, dan iman mereka, dan doa-doa, tentang apa yang telah ada, dan yang ada sekarang, dan yang akan datang;

21 Setelah dikunjungi oleh Roh Tuhan; setelah bercakap-cakap dengan para malaikat, dan setelah ditegur oleh suara Tuhan; dan memiliki roh nubuat, dan roh wahyu, dan juga banyak kurnia, kurnia berbicara dengan bahasa-bahasa, dan kurnia berkhotbah, dan kurnia Roh Kudus, dan kurnia penterjemahan;

22 Ya, dan setelah dibebaskan oleh Tuhan dari negeri Yerusalem, oleh tangan Tuhan; setelah diselamatkan daripada bencana kelaparan, dan daripada kesakitan, dan segala macam penyakit daripada setiap jenis; dan mereka telah menjadi kuat dalam pertempuran, agar mereka boleh tidak dihancurkan; setelah dibawa keluar daripada perhambaan kali demi kali, dan

setelah dipelihara dan dilindungi sampai sekarang; dan mereka telah dimakmurkan sampai mereka kaya dalam segala macam benda—

23 Dan sekarang, lihatlah aku berkata kepadamu, bahawa jika bangsa ini, yang telah menerima sedemikian banyaknya berkat daripada tangan Tuhan, akan melanggar bertentangan dengan cahaya dan pengetahuan yang mereka miliki, aku berkata kepadamu bahawa jika ini keadaannya, bahawa jika mereka akan jatuh ke dalam pelanggaran, akan jauh lebih senang dapat ditanggung bagi bangsa Laman daripada bagi mereka.

24 Kerana lihatlah, janji-janji Tuhan disampaikan kepada bangsa Laman, tetapi itu tidak kepadamu jika kamu melanggar hukum; kerana bukankah Tuhan telah secara jelas berjanji dan secara tegas mengisytiharkan, bahawa jika kamu akan memberontak terhadap-Nya maka kamu akan sama sekali dihancurkan dari seluruh muka bumi?

25 Dan sekarang, kerana alasan ini, agar kamu tidak akan dihancurkan, Tuhan telah mengutus malaikat-Nya untuk mengunjungi banyak daripada umat-Nya, memaklumkan kepada mereka bahawa mereka mesti pergi dan berseru dengan amat kuat kepada orang ini, mengatakan: Bertaubatlah kamu, kerana kerajaan syurga sudah cepat akan tiba;

26 Dan tidak banyak hari lagi dari sekarang Putera Tuhan akan

datang dalam kemuliaan-Nya; dan kemuliaan-Nya akan menjadi kemuliaan Anak Tunggal Bapa, penuh dengan rahmat, kesetaraan, dan kebenaran, penuh dengan kesabaran, belas kasihan, dan panjang sabar, cepat untuk mendengar seruan umat-Nya dan untuk menjawab doa-doa mereka.

27 Dan lihatlah, Dia datang untuk menebus mereka yang akan dibaptis untuk pertaubatan, melalui iman pada nama-Nya.

28 Oleh itu, persiapkanlah kamu jalan Tuhan, kerana waktunya cepat tiba ketika semua manusia akan menuai pahala daripada pekerjaan mereka, menurut apa yang telah ada—jika ia adalah benar, mereka akan menuai keselamatan jiwa mereka, menurut kuasa dan pembebasan daripada Yesus Kristus; dan jika ia adalah jahat mereka akan menuai laknat bagi jiwa mereka, menurut kuasa dan penawanan iblis.

29 Sekarang, lihatlah, inilah suara malaikat, berseru kepada bangsa itu.

30 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, kerana kamu adalah saudara-saudaraku, dan kamu seharusnya dikasihi, dan kamu seharusnya menghasilkan pekerjaan yang sesuai untuk pertaubatan, memandangkan hatimu dengan teruknya dikeraskan terhadap firman Tuhan, dan memandangkan kamu adalah bangsa yang tersesat dan yang terjatuh.

31 Sekarang, terjadilah bahawa ketika aku, Alma, telah

mengucapkan perkataan-perkataan ini, lihatlah, orang berang terhadapku kerana aku berkata kepada mereka bahawa mereka adalah bangsa yang keras hati dan yang tegar leher.

32 Dan juga kerana aku berkata kepada mereka bahawa mereka adalah bangsa yang tersesat dan yang terjatuh mereka marah terhadapku, dan berusaha untuk meletakkan tangan mereka padaku, agar mereka boleh melemparkanku ke dalam penjara.

33 Tetapi terjadilah bahawa Tuhan tidak membiarkan mereka bahawa mereka akan menangkapku pada waktu itu dan melemparkanku ke dalam penjara.

34 Dan terjadilah bahawa Amulek pergi dan mara ke depan, dan mula berkhotbah kepada mereka juga. Dan sekarang, perkataan-perkataan Amulek tidak semuanya dituliskan, walaupun demikian sebahagian daripada perkataan-perkataannya dituliskan dalam kitab ini.

BAB 10

Lehi adalah dari keturunan Manasye—Amulek menuturkan kembali perintah malaikat agar dia menjaga Alma—Doa-doa orang soleh menyebabkan bangsa itu dibiarkan hidup—Para peguam dan hakim yang tidak soleh meletakkan asas kehancuran bangsa. Kira-kira 82 tahun S.M.

SEKARANG, inilah perkataan-

perkataan yang Amulek khutbahkan kepada orang yang berada di negeri Amoniha, mengatakan:

2 Aku adalah Amulek; aku adalah anak lelaki Gidona, yang adalah anak lelaki Ismael, yang adalah keturunan Aminadi; dan dia ini ialah Aminadi yang sama yang telah mentafsirkan tulisan yang ada pada tembok bait suci, yang ditulis oleh jari Tuhan.

3 Dan Aminadi adalah keturunan Nefi, yang adalah anak lelaki Lehi, yang datang dari negeri Yerusalem, yang adalah keturunan Manasye, yang adalah anak lelaki Yusuf yang dijual ke Mesir oleh tangan saudara-saudaranya.

4 Dan lihatlah, aku juga seorang lelaki yang tidak kurang kedudukannya di kalangan mereka semua yang mengenalku; ya, dan lihatlah, aku memiliki banyak kerabat dan teman, dan aku juga telah memperolehi banyak kekayaan dengan tangan kerajinanku.

5 Walaupun demikian, setelah semua ini, aku tidak pernah mengetahui banyak tentang jalan Tuhan, dan rahsia-rahsia dan kuasa-Nya yang menakutkan. Aku berkata aku tidak pernah mengetahui banyak tentang hal-hal ini; tetapi lihatlah, aku silap, kerana aku telah melihat banyak daripada rahsia-rahsia-Nya dan kuasa-Nya yang menakutkan; ya, bahkan dalam pemeliharaan nyawa bangsa ini.

6 Walaupun demikian, aku mengeraskan hatiku, kerana aku dipanggil berulang kali dan aku

tidak mahu mendengar; oleh itu aku tahu berkenaan hal-hal ini, namun aku tidak mahu tahu; oleh itu aku terus memberontak melawan Tuhan, dalam kejahatan hatiku, bahkan sampai hari keempat dalam bulan ketujuh ini, yang dalam tahun kesepuluh zaman pemerintahan para hakim.

7 Sewaktu aku melakukan perjalanan untuk mengunjungi seorang kerabat yang sangat dekat, lihatlah seorang malaikat Tuhan menampakkkan diri kepadaku dan berkata: Amulek, kembalilah ke rumahmu sendiri, kerana engkau akan memberi makan seorang nabi Tuhan; ya, orang yang kudus, yang adalah orang terpilih oleh Tuhan; kerana dia telah berpuasa berhari-hari kerana dosa bangsa ini, dan dia lapar, dan engkau hendaknya menerimanya ke dalam rumahmu dan memberinya makan, dan dia akan memberkatimu dan seisi rumahmu; dan berkat Tuhan akan berdiam atas dirimu dan seisi rumahmu.

8 Dan terjadilah bahawa aku mematuhi suara malaikat itu, dan kembali menuju rumahku. Dan sewaktu aku sedang pergi ke sana aku menemui lelaki yang malaikat katakan kepadaku: Engkau hendaknya terima ke dalam rumahmu—dan lihatlah dia adalah lelaki yang sama yang telah berbicara kepadamu berkenaan apa yang daripada Tuhan.

9 Dan malaikat berkata kepadaku dia adalah orang yang kudus; oleh itu aku tahu dia adalah orang yang

kudus kerana telah dikatakan oleh seorang malaikat Tuhan.

10 Dan lagi, aku tahu bahawa apa yang dia telah bersaksikan adalah benar; kerana lihatlah aku berkata kepadamu, bahawa sebagaimana Tuhan hidup, demikian pun Dia telah mengutus malaikat-Nya untuk menyatakan hal-hal ini kepadaku; dan hal ini telah Dia lakukan semasa Alma ini telah berdiam di rumahku.

11 Kerana lihatlah, dia telah memberkati seisi rumahku, dia telah memberkatiku, dan kaum wanitaku, dan anak-anakku, dan ayahku dan sanak saudaraku; ya, bahkan semua kerabatku telah dia berkati, dan berkat Tuhan telah berdiam atas diri kami menurut perkataan-perkataan yang dia ucapkan.

12 Dan sekarang, ketika Amulek telah mengucapkan perkataan-perkataan ini orang banyak mula tercengang, memandangkan ada lebih daripada seorang saksi yang bersaksi tentang apa yang mereka dituduhkan, dan juga tentang apa yang akan datang, menurut roh nubuat yang ada dalam diri mereka.

13 Walaupun demikian, ada beberapa di kalangan mereka yang berfikir untuk menanyai mereka, agar melalui muslihat licik mereka, mereka boleh menangkap mereka dalam perkataan-perkataan mereka, agar mereka boleh menemukan saksi menentang mereka, agar mereka boleh menyerahkan mereka kepada para

hakim mereka agar mereka boleh dihakimi menurut hukum, dan agar mereka boleh dibunuh atau dilemparkan ke dalam penjara, menurut jenayah yang mereka dapat tampakkan atau persaksikan menentang mereka.

14 Sekarang, lelaki-lelaki itu yang berusaha untuk menghancurkan mereka, yang merupakan para peguam, yang diupah atau dilantik oleh orang banyak untuk melaksanakan hukum pada waktu perbicaraan mereka, atau dalam perbicaraan untuk jenayah-jenayah orang banyak di hadapan para hakim.

15 Sekarang, para peguam ini terpelajar dalam segala ilmu penipuan dan kelicikan bangsa itu; dan ini adalah untuk memungkinkan mereka agar mereka boleh menjadi cekap dalam pekerjaan mereka.

16 Dan terjadilah bahawa mereka mula menyoal Amulek, agar dengan demikian mereka boleh membuat dia melawan perkataan-perkataannya, atau menyanggah perkataan-perkataan yang akan dia ucapkan.

17 Sekarang, mereka tidak tahu bahawa Amulek dapat mengetahui tentang rancangan mereka. Tetapi terjadilah semasa mereka mula menyoalkannya, dia menanggapi fikiran mereka, dan dia berkata kepada mereka: Wahai kamu generasi yang jahat dan suka melawan, kamu para peguam dan orang munafik, kerana kamu sedang meletakkan asas-asas iblis; kerana kamu sedang meletakkan

perangkap dan jerat untuk menangkap orang kudus Tuhan.

18 Kamu membuat rancangan untuk menyimpangkan jalan orang soleh, dan untuk membawa kemurkaan Tuhan ke atas kepalamu, bahkan pada kehancuran sepenuhnya bangsa ini.

19 Ya, benarlah yang Mosia katakan, yang adalah raja terakhir kita, ketika dia hampir menyerahkan kerajaan, tanpa memiliki seorang pun untuk menganugerahkannya kepadanya, akibatnya rakyat ini mesti diperintah oleh suara mereka sendiri—ya, benarlah yang dia katakan bahawa jika waktunya akan tiba ketika suara rakyat ini akan memilih kederhakaan, iaitu, jika waktunya akan tiba ketika rakyat ini akan jatuh ke dalam pelanggaran, mereka akan matang untuk kehancuran.

20 Dan sekarang, aku berkata kepadamu bahawa benarlah Tuhan menghakimi kederhakaanmu; benarlah Dia berseru kepada orang ini, melalui suara para malaikat-Nya: Bertaubatlah kamu, bertaubatlah, kerana kerajaan syurga cepat tiba.

21 Ya, benarlah Dia berseru, melalui suara para malaikat-Nya bahawa: Aku akan turun ke kalangan umat-Ku, dengan kesetaraan dan keadilan dalam tangan-Ku.

22 Ya, dan aku berkata kepadamu bahawa jika bukan kerana doa-doa orang yang soleh, yang sekarang berada di negeri ini, maka kamu akan bahkan sekarang dikunjungi dengan kehancuran sepenuhnya;

namun tidak akan dengan air bah, seperti orang pada masa Nuh, tetapi akan dengan kebuluran, dan dengan wabak, dan pedang.

23 Tetapi adalah kerana doa-doa daripada yang soleh maka kamu dibiarkan hidup; sekarang, oleh itu, jika kamu akan mengusir yang soleh dari kalanganmu maka tidak akanlah Tuhan menahan tangan-Nya; tetapi dalam kemurkaan dahsyat-Nya Dia akan keluar menentangmu; maka kamu akan didera dengan kebuluran, dan dengan wabak, dan dengan pedang; dan waktu itu segera tiba kecuali kamu bertaubat.

24 Dan sekarang, terjadilah bahawa orang lebih marah terhadap Amulek, dan mereka berseru, mengatakan: Orang ini mencaci maki hukum kita yang adil, dan para ahli peguam kita yang bijak yang telah kita pilih.

25 Tetapi Amulek menghulurkan tangannya, dan berseru lebih kuat kepada mereka, mengatakan: Wahai kamu generasi yang jahat dan suka melawan, mengapakah Setan telah memiliki cengkaman sedemikian besarnya atas hatimu? Mengapakah kamu akan menyerahkan dirimu kepadanya sehingga dia boleh memiliki kuasa atas dirimu, untuk membutakan matamu, sehingga kamu tidak mahu mengerti perkataan yang diucapkan, menurut kebenarannya?

26 Kerana lihatlah, adakah aku telah bersaksi menentang hukummu? Kamu tidak mengerti;

kamu berkata bahawa aku telah berbicara menentang hukummu; tetapi aku tidak melakukan itu, sebaliknya aku telah berbicara berpihak pada hukummu, untuk penghukumanmu.

27 Dan sekarang, lihatlah, aku berkata kepadamu, bahawa asas kehancuran bangsa ini sudah mula diletakkan oleh ketidaksolehan para peguammu dan para hakimmu.

28 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika Amulek telah mengucapkan perkataan-perkataan ini, orang berseru menentanginya, mengatakan: Sekarang kita tahu bahawa orang ini adalah anak iblis, kerana dia telah berdusta kepada kita; kerana dia telah berbicara menentang hukum kita. Dan sekarang dia berkata bahawa dia tidak berbicara menentanginya.

29 Dan lagi, dia telah mencaci maki para peguam kita, dan para hakim kita.

30 Dan terjadilah bahawa para peguam menaruhnya ke dalam hati mereka bahawa mereka mestinya mengingati hal-hal ini menentanginya.

31 Dan ada seorang di kalangan mereka yang namanya adalah Zezrom. Sekarang, dia adalah yang terutama menuduh Amulek dan Alma, dia adalah salah seorang yang paling cerdik di kalangan mereka, kerana menjalankan banyak perniagaan di kalangan rakyat.

32 Sekarang, tujuan para peguam ini adalah untuk memperolehi keuntungan; dan mereka

memperoleh keuntungan menurut kerja mereka.

BAB 11

Sistem mata wang bangsa Nefi dinyatakan—Amulek berselisih pendapat dengan Zezrom—Kristus tidak akan menyelamatkan orang dalam dosa-dosa mereka—Hanya mereka yang mewarisi kerajaan syurga diselamatkan—Semua orang akan bangkit dalam kebaqaan—Tidak ada kematian setelah Kebangkitan. Kira-kira 82 tahun S.M.

SEKARANG, adalah dalam hukum Mosia bahawa setiap orang yang adalah seorang hakim berkenaan hukum, atau mereka yang dilantik untuk menjadi hakim, akan menerima upah menurut waktu mereka bekerja dalam menghakimi mereka yang dibawa ke hadapan mereka untuk dihakimi.

2 Sekarang, jika seseorang berhutang kepada yang lain, dan dia tidak mahu membayar apa yang dia hutangkan, dia diadukan kepada hakim; dan hakim menjalankan wewenang, dan mengutus para pegawai agar orang itu hendaknya dibawa ke hadapannya; dan dia menghakimi orang itu menurut hukum dan bukti yang dibawa menentanginya, dan demikianlah orang itu dipaksa untuk membayar apa yang dia hutangkan, atau disita, atau diusir dari kalangan orang banyak sebagai seorang pencuri dan perompak.

3 Dan hakim menerima untuk

upahnya menurut masanya—satu senin emas untuk satu hari, atau satu senum perak, yang setara dengan satu senin emas; dan ini menurut hukum yang diberikan.

4 Sekarang, inilah nama keping-keping emas mereka, dan perak mereka yang berbeza-beza, menurut nilainya. Dan nama itu diberikan oleh bangsa Nefi, kerana mereka tidak menghitung menurut cara orang Yahudi yang berada di Yerusalem; mereka juga tidak mengukur menurut cara orang Yahudi; tetapi mereka mengubah perhitungan mereka dan ukuran mereka, menurut fikiran dan keadaan bangsa itu, dalam setiap generasi, sampai zaman pemerintahan para hakim, ianya telah ditegakkan oleh raja Mosia.

5 Sekarang, perhitungannya adalah demikian—satu senin emas, satu seon emas, satu syum emas, dan satu limna emas.

6 Satu senum perak, satu amnor perak, satu ezrom perak, dan satu onti perak.

7 Satu senum perak adalah setara dengan satu senin emas, dan untuk satu sukatan barli, atau pun juga untuk satu sukatan setiap jenis biji-bijian.

8 Sekarang, jumlah satu seon emas adalah dua kali nilai satu senin.

9 Dan satu syum emas adalah dua kali nilai satu seon.

10 Dan satu limna emas adalah nilai kesemuanya.

11 Dan satu amnor perak sama nilainya dengan dua senum.

12 Dan satu ezrom perak sama nilainya dengan empat senum.

13 Dan satu onti sama nilainya dengan kesemuanya.

14 Sekarang, inilah nilai nombor-nombor yang lebih kecil dalam perhitungan mereka—

15 Satu syiblon adalah setengah senum; oleh itu, satu syiblon untuk setengah sukatan barli.

16 Dan satu syiblum adalah setengah satu siblon.

17 Dan satu lea adalah setengah satu siblum.

18 Sekarang, inilah nombor-nombor mereka, menurut perhitungan mereka.

19 Sekarang, satu antion emas adalah setara dengan tiga syiblon.

20 Sekarang, adalah bagi tujuan tunggal untuk memperoleh keuntungan, kerana mereka menerima upah mereka menurut kerja mereka, oleh itu, mereka menghasut orang pada kerusuhan, dan segala macam gangguan dan kejahatan, agar mereka boleh memperoleh lebih banyak kerja, agar mereka boleh memperoleh wang menurut guaman yang dibawa ke hadapan mereka; oleh itu mereka menghasut orang menentang Alma dan Amulek.

21 Dan Zezrom ini mula menyoal Amulek, mengatakan: Akankah kamu menjawabku beberapa pertanyaan yang akan aku tanyakan kepadamu? Sekarang, Zezrom adalah seorang yang pakar dalam muslihat iblis, sehingga dia boleh menghancurkan apa yang baik; oleh itu, dia berkata kepada

Amulek: Akankah kamu menjawab pertanyaan-pertanyaan yang akan aku kemukakan kepadamu?

22 Dan Amulek berkata kepadanya: Ya, jika ianya menurut Roh Tuhan, yang ada dalam diriku; kerana aku tidak akan berkata apa pun yang bertentangan dengan Roh Tuhan. Dan Zezrom berkata kepadanya: Lihatlah, di sini ada enam onti perak, dan semuanya ini akan aku berikan kepadamu jika engkau akan menyangkal kewujudan seorang Makhhluk Yang Maha Agung.

23 Sekarang, Amulek berkata: Wahai engkau anak neraka, mengapakah kamu menggodaku? Tahukah engkau bahawa yang soleh tidak menyerah pada godaan seperti itu?

24 Percayakah engkau bahawa tidak ada Tuhan? Aku berkata kepadamu, Tidak, engkau tahu bahawa ada seorang Tuhan, tetapi engkau mencintai wang itu lebih daripada Dia.

25 Dan sekarang, engkau telah berdusta di hadapan Tuhan kepadaku. Engkau berkata kepadaku—Lihatlah enam onti ini, yang bernilai besar, aku akan berikan kepadamu—ketika engkau ada rancangan dalam hatimu untuk menahannya dariku; dan hanyalah hasratmu agar aku akan menyangkal Tuhan yang sejati dan hidup, agar engkau boleh memiliki alasan untuk menghancurkanku. Dan sekarang, lihatlah, untuk kejahatan besar ini engkau akan memperoleh ganjaranmu.

26 Dan Zezrom berkata kepadanya: Engkau berkata ada seorang Tuhan yang sejati dan hidup?

27 Dan Amulek berkata: Ya, ada seorang Tuhan yang sejati dan hidup.

28 Sekarang, Zezrom berkata: Adakah lebih daripada satu Tuhan?

29 Dan dia menjawab, Tidak.

30 Sekarang, Zezrom berkata kepadanya lagi: Bagaimanakah engkau mengetahui hal-hal ini?

31 Dan dia berkata: Seorang malaikat telah menyingkapkannya kepadaku.

32 Dan Zezrom berkata lagi: Siapakah dia yang akan datang? Adakah dia Putera Tuhan?

33 Dan dia berkata kepadanya, Ya.

34 Dan Zezrom berkata lagi: Akankah Dia menyelamatkan umat-Nya dalam dosa-dosa mereka? Dan Amulek menjawab dan berkata kepadanya: Aku berkata kepadamu bahawa Dia tidak akan, kerana mustahil bagi-Nya untuk menyangkal firman-Nya.

35 Sekarang, Zezrom berkata kepada orang banyak: Pastikanlah bahawa kamu mengingati hal-hal ini; kerana dia berkata hanya ada satu Tuhan; namun dia berkata bahawa Putera Tuhan akan datang, tetapi Dia tidak akan menyelamatkan umat-Nya—seakan-akan dia memiliki wewenang untuk memerintah Tuhan.

36 Sekarang, Amulek berkata lagi kepadanya: Lihatlah engkau telah berdusta, kerana engkau berkata

bahawa aku berbicara seakan-akan aku memiliki wewenang untuk memerintah Tuhan kerana aku berkata Dia tidak akan menyelamatkan umat-Nya dalam dosa-dosa mereka.

37 Dan aku berkata kepadamu lagi bahawa Dia tidak dapat menyelamatkan mereka dalam dosa-dosa mereka; kerana aku tidak dapat menyangkal firman-Nya, dan Dia telah berfirman bahawa tiada apa pun yang tidak bersih dapat mewarisi kerajaan syurga; oleh itu, bagaimanakah kamu dapat diselamatkan, kecuali kamu mewarisi kerajaan syurga? Oleh itu, kamu tidak dapat diselamatkan dalam dosa-dosamu.

38 Sekarang, Zezrom berkata lagi kepadanya: Adakah Putera Tuhan sememangnya Bapa Yang Abadi?

39 Dan Amulek berkata kepadanya: Ya, Dia sememangnya Bapa Yang Abadi kepada langit dan kepada bumi, dan segala sesuatu yang ada di dalamnya; Dia adalah yang awal dan yang akhir, yang pertama dan yang terakhir;

40 Dan Dia akan datang ke dunia untuk menebus umat-Nya; dan Dia akan mengambil ke atas diri-Nya pelanggaran mereka yang percaya pada nama-Nya; dan inilah mereka yang akan memperoleh kehidupan abadi, dan penyelamatan tidak datang kepada sesiapa pun yang lain.

41 Oleh itu yang jahat tetap seakan-akan penebusan belum dikerjakan, kecuali pelepasan daripada ikatan kematian; kerana

lihatlah, harinya akan tiba ketika semua akan bangkit daripada kematian dan berdiri di hadapan Tuhan, dan dihakimi menurut kerja-kerja mereka.

42 Sekarang, ada suatu kematian yang disebut kematian duniawi; dan kematian Kristus akan melepaskan ikatan kematian duniawi ini, sehingga semua akan dibangkitkan dari kematian duniawi ini.

43 Roh dan tubuh akan disatukan kembali dalam bentuknya yang sempurna; baik anggota tubuh mahupun tulang sendi akan dipulihkan pada rangkanya yang semula jadi, bahkan seperti kita sekarang ada pada waktu ini; dan kita akan dibawa untuk berdiri di hadapan Tuhan, mengetahui bahkan seperti kita mengetahui sekarang, dan memiliki ingatan kembali yang terang tentang segala kesalahan kita.

44 Sekarang, pemulihan ini akan datang kepada semua orang, baik tua mahupun muda, baik tertawan mahupun bebas, baik lelaki mahupun perempuan, baik yang jahat mahupun yang soleh; dan bahkan tidak akan ada meskipun sehelai rambut di kepala mereka yang hilang; tetapi segalanya akan dipulihkan pada rangkanya yang sempurna, seperti adanya sekarang, atau dalam tubuh, dan akan dibawa dan dihadapkan ke hadapan susur penghakiman Kristus Sang Putera, dan Tuhan Bapa, dan Roh Kudus, yang adalah satu Tuhan Yang Abadi, untuk dihakimi menurut pekerjaan mereka,

sama ada ianya baik atau sama ada ianya jahat.

45 Sekarang, lihatlah, aku telah berbicara kepadamu berkenaan kematian tubuh fana, dan juga berkenaan kebangkitan tubuh fana. Aku berkata kepadamu bahawa tubuh fana ini dibangkitkan kepada tubuh baqa, iaitu dari kematian, bahkan dari kematian pertama kepada kehidupan, sehingga mereka tidak dapat mati lagi; roh-roh mereka bersatu dengan tubuh mereka, tidak lagi akan dipisahkan; dengan demikian seluruhnya menjadi rohani dan baqa, sehingga mereka tidak dapat lagi mengalami kereputan.

46 Sekarang, ketika Amulek telah menyelesaikan perkataan-perkataan ini orang banyak mula lagi tercengang, dan juga Zezrom mulai gementar. Demikianlah berakhir perkataan-perkataan Amulek, atau inilah semua yang telah aku tuliskan.

BAB 12

Alma berbahas dengan Zezrom—Rahsia-rahsia Tuhan dapat diberikan hanya kepada yang setia—Manusia dihakimi menurut fikiran, kepercayaan, perkataan, dan pekerjaan mereka—Yang jahat akan menderita kematian rohani—Kehidupan fana ini adalah suatu keadaan percubaan—Rancangan penebusan mendatangkan Kebangkitan dan, melalui iman, pengampunan dosa-dosa—Orang yang bertaubat memiliki hak atas

belas kasihan melalui Putera Tunggal. Kira-kira 82 tahun S.M.

SEKARANG, Alma, melihat bahawa perkataan-perkataan Amulek telah menutupkan mulut Zezrom, kerana dia melihat bahawa Amulek telah menangkapnya dalam dusta dan tipu dayanya untuk menghancurkannya, dan melihatkan bahawa dia mula gementar di bawah kesedaran tentang kesalahannya, dia membuka mulutnya dan mula berucap kepadanya, dan untuk mengesahkan perkataan-perkataan Amulek, dan untuk menjelaskan hal-hal lebih lagi, atau membentangkan tulisan suci lebih lagi daripada apa yang telah Amulek lakukan.

2 Sekarang, perkataan-perkataan yang Alma ucapkan kepada Zezrom didengari oleh orang di sekitarnya; kerana khalayak ramai itu besar, dan dia berucap dalam cara ini:

3 Sekarang, Zezrom, memandangkan bahawa engkau telah didapati dalam dusta dan kelicikanmu, kerana engkau tidak berdusta kepada manusia saja tetapi engkau telah berdusta kepada Tuhan; kerana lihatlah, Dia mengetahui segala fikiranmu, dan engkau melihat bahawa fikiranmu didedahkan kepada kami oleh Roh-Nya;

4 Dan engkau melihat bahawa kami tahu bahawa rancanganmu adalah rancangan yang sangat licik, berkaitan dengan kelicikan iblis, untuk mendustai dan menipu

orang ini agar engkau boleh menyebabkan mereka menentang kami, untuk mencaci maki kami dan untuk mengusir kami—

5 Sekarang, ini adalah suatu rancangan oleh musuhmu, dan dia telah menjalankan kuasanya dalam dirimu. Sekarang, aku menghendaki agar kamu ingat bahawa apa yang aku katakan kepadamu aku katakan kepada semua.

6 Dan lihatlah aku berkata kepada kamu semua bahawa ini adalah jerat musuh, yang telah dia pasangkan untuk menangkap orang ini, agar dia boleh membawamu ke dalam kekuasaan kepadanya, agar dia boleh mengelilingimu dengan rantainya, agar dia boleh merantaikanmu hingga pada kehancuran abadi, menurut kuasa penawanannya.

7 Sekarang, ketika Alma telah mengucapkan kata-kata ini, Zezrom mula gementar dengan lebih kuat, kerana dia semakin lama semakin diyakinkan akan kuasa Tuhan; dan dia juga diyakinkan bahawa Alma dan Amulek memiliki suatu pengetahuan tentangnya, kerana dia diyakinkan bahawa mereka mengetahui fikiran dan maksud hatinya; kerana kuasa diberikan kepada mereka agar mereka boleh mengetahui tentang hal-hal ini menurut roh nubuat.

8 Dan Zezrom mula menyoal mereka dengan tekun, agar dia boleh mengetahui lebih banyak berkenaan kerajaan Tuhan. Dan dia berkata kepada Alma: Apakah maknanya ini yang telah Amulek

ucapkan berkenaan kebangkitan orang mati, bahawa semua orang akan bangkit daripada yang mati, baik yang soleh mahupun yang tidak soleh, dan dibawa untuk berdiri di hadapan Tuhan untuk dihakimi menurut kerja-kerja mereka?

9 Dan sekarang, Alma mula menghuraikan hal-hal ini kepadanya, mengatakan: Diberikanlah kepada banyak orang untuk mengetahui rahsia-rahsia Tuhan; walaupun demikian mereka diberikan perintah yang ketat bahawa mereka tidak akan memberi kecuali menurut bahagian firman-Nya yang Dia berikan kepada anak-anak manusia, menurut perhatian dan ketekunan yang mereka berikan kepada-Nya.

10 Dan oleh itu, dia yang akan mengeraskan hatinya, orang yang sama itu menerima bahagian yang lebih kecil daripada firman itu; dan dia yang tidak akan mengeraskan hatinya, kepadanya diberikan bahagian yang lebih besar daripada firman itu, sampai diberikanlah kepadanya untuk mengetahui rahsia-rahsia Tuhan sampai dia mengetahuinya secara sepenuhnya.

11 Dan mereka yang akan mengeraskan hati mereka, kepada mereka diberikan bahagian yang lebih kecil daripada firman itu sampai mereka tidak mengetahui apa-apapun berkenaan rahsia-rahsia-Nya; dan kemudian mereka dibawa tertawan oleh iblis, dan dituntun oleh kehendaknya hingga

kehancuran. Sekarang, inilah yang dimaksud dengan rantai neraka.

12 Dan Amulek telah berbicara dengan jelas berkenaan kematian, dan dibangkitkan daripada kefaanaan ini ke keadaan kebaqaan, dan dibawa ke hadapan susur penghakiman Tuhan, untuk dihakimi menurut kerja-kerja kita.

13 Maka jika hati kita telah dikeraskan, ya, jika kita telah mengeraskan hati kita terhadap firman itu, sedemikian rupa sehingga ia tidak didapati dalam diri kita, maka akanlah keadaan kita menyeramkan, kerana jika demikian kita akan dihukum.

14 Kerana perkataan-perkataan kita akan menghukum kita, ya, segala pekerjaan kita akan menghukum kita; kita tidak akan didapati tanpa noda; dan fikiran kita juga akan menghukum kita; dan dalam keadaan yang menyeramkan ini kita tidak akan berani memandang kepada Tuhan kita; dan kita akan jadi gembira jika kita dapat memerintahkan batu-batan dan gunung untuk jatuh ke atas diri kita untuk menyembunyikan kita daripada hadirat-Nya.

15 Tetapi ini tidak dapat terjadi; kita mesti tampil dan berdiri di hadapan-Nya dalam kemuliaan-Nya, dan dalam kuasa-Nya, dan dalam kekuatan, keagungan, dan kuasa-Nya, dan mengakui rasa malu kita yang abadi bahawa segala penghakiman-Nya adalah adil; bahawa Dia adil dalam segala pekerjaan-Nya, dan bahawa Dia penuh belas kasihan kepada

anak-anak manusia, dan bahawa Dia memiliki segala kuasa untuk menyelamatkan setiap orang yang percaya pada nama-Nya dan menghasilkan buah yang sesuai bagi pertaubatan.

16 Dan sekarang, lihatlah, aku berkata kepadamu pada waktu itu datanglah suatu kematian, bahkan kematian kedua, yang adalah kematian rohani; pada waktu itulah barang siapa mati dalam dosa-dosanya, berkaitan dengan kematian duniawi, akan juga mati kematian rohani; ya, dia akan mati berkaitan dengan apa yang berhubung dengan kesolehan.

17 Pada waktu itulah seksaan mereka akan menjadi bagaikan sebuah tasik api dan belerang, yang nyalanya naik ke atas selama-lamanya; dan pada waktu itulah mereka akan dirantai hingga kehancuran abadi, menurut kuasa dan penawanan Setan, setelah dia menundukkan mereka menurut kehendaknya.

18 Maka, aku berkata kepadamu, mereka akan seakan-akan tidak ada penebusan telah dibuat; kerana mereka tidak dapat ditebus menurut keadilan Tuhan; dan mereka tidak dapat mati, memandang tidak ada lagi kereputan.

19 Sekarang, terjadilah bahawa ketika Alma telah mengakhiri mengucapkan perkataan-perkataan ini, orang banyak menjadi lebih tercengang;

20 Tetapi ada seorang Antiona, yang adalah seorang pemerintah utama di kalangan mereka, tampil

dan berkata kepadanya: Apakah ini yang telah engkau katakan, bahawa manusia akan bangkit daripada yang mati dan diubah daripada keadaan fana ini ke keadaan baqa, bahawa jiwa langsung tidak dapat mati?

21 Apakah erti ayat suci, yang mengatakan bahawa Tuhan menempatkan kerub-kerub dan sebilah pedang bernyala di timur Taman Eden, kalau-kalau ibu bapa kita yang pertama akan masuk dan makan daripada buah pohon kehidupan, dan hidup selamanya? Dan demikianlah kita lihat bahawa tidak ada peluang yang mungkin bahawa mereka akan hidup selamanya.

22 Sekarang, Alma berkata kepadanya: Inilah apa yang aku hampir jelaskan. Sekarang, kita lihat bahawa Adam jatuh kerana makan buah terlarang, menurut firman Tuhan; dan demikianlah kita lihat, bahawa kerana kejatuhannya, seluruh umat manusia menjadi umat yang tersesat dan terjatuh.

23 Dan sekarang lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa jika mungkin bagi Adam untuk makan daripada buah pohon kehidupan pada waktu itu, tidak akan ada kematian, dan firman itu akan batal, menjadikan Tuhan seorang pendusta, kerana Dia berfirman: Jika engkau makan engkau pasti-lah akan mati.

24 Dan kita lihat bahawa kematian datang ke atas umat manusia, ya, kematian yang telah

dibicarakan oleh Amulek, yang adalah kematian duniawi; walaupun demikian ada suatu masa yang diberikan kepada manusia tatkala dia boleh bertaubat; oleh itu kehidupan ini menjadi suatu keadaan percubaan; masa untuk bersiap menemui Tuhan; masa untuk bersiap bagi keadaan tanpa akhir itu yang telah dibicarakan oleh kita, yang adalah setelah kebangkitan orang mati.

25 Sekarang, tanpa rancangan penebusan, yang ditetapkan sejak pengasasan dunia, tidak dapat ada kebangkitan orang mati; tetapi ada suatu rancangan penebusan yang ditetapkan, yang akan mendatangkan kebangkitan orang mati, yang berkeñaannya telah dibicarakan.

26 Dan sekarang, lihatlah, jika mungkin bahawa ibu bapa kita yang pertama dapat pergi dan makan dari pohon kehidupan mereka akan selamanya sengsara, tanpa memiliki keadaan persiapan; dan demikianlah rancangan penebusan akan gagal, dan firman Tuhan akan batal, tanpa memiliki kesan.

27 Tetapi lihatlah, tidaklah demikian halnya; tetapi telah ditetapkan bagi manusia bahawa mereka mesti mati; dan setelah kematian, mereka mesti datang kepada penghakiman, bahkan penghakiman yang sama itu yang berkeñaannya telah kita bicarakan, yang adalah akhirnya.

28 Dan setelah Tuhan menetapkan bahawa hal-hal ini akan datang kepada manusia, lihatlah, kemudian Dia melihat bahawa

adalah arif bahawa manusia hendaknya tahu berkenaan apa yang telah Dia tetapkan bagi mereka;

29 Oleh itu Dia mengutus para malaikat untuk bercakap-cakap dengan mereka, yang menyebabkan manusia melihat kemuliaan-Nya.

30 Dan mereka mula sejak waktu itu memanggil nama-Nya; oleh itu Tuhan bercakap-cakap dengan manusia, dan menyingkapkan kepada mereka rancangan penebusan, yang telah dipersiapkan sejak pengasasan dunia; dan ini Dia singkapkan kepada mereka menurut iman dan pertaubatan mereka dan pekerjaan-pekerjaan kudus mereka.

31 Oleh itu, Dia memberikan perintah-perintah kepada manusia, setelah mereka mula-mula melanggar perintah-perintah pertama berkaitan dengan apa yang duniawi, dan menjadi seperti tuhan-tuhan, mengetahui yang baik daripada yang jahat, menempatkan diri mereka dalam suatu keadaan untuk bertindak, atau ditempatkan dalam suatu keadaan untuk bertindak menurut kehendak dan kesenangan mereka, sama ada untuk melakukan yang jahat atau untuk melakukan yang baik—

32 Oleh itu Tuhan memberi kepada mereka perintah-perintah, setelah menyingkapkan kepada mereka rancangan penebusan, agar mereka hendaknya tidak melakukan yang jahat, yang hukumannya adalah kematian kedua, yang adalah kematian abadi berkaitan dengan apa yang berhubung

dengan kesolehan; kerana atas yang demikian rancangan penebusan tidak dapat mempunyai kuasa, kerana pekerjaan keadilan tidak dapat dihancurkan, menurut kebaikan maha agung Tuhan.

33 Tetapi Tuhan telah meminta manusia, dalam nama Putera-Nya, (ini adalah rancangan penebusan yang ditetapkan) memfirmankan: Jika kamu akan bertaubat dan tidak mengeraskan hatimu, maka akanlah Aku berbelas kasihan ke atas dirimu, melalui Putera Tunggal-Ku;

34 Oleh itu, barang siapa bertaubat, dan tidak mengeraskan hatinya, dia akan memiliki tuntutan hak atas belas kasihan melalui Putera Tunggal-Ku, untuk pengampunan akan dosa-dosanya; dan mereka ini akan masuk ke dalam peristirahatan-Ku.

35 Dan barang siapa akan mengeraskan hatinya dan akan melakukan kedherhakaan, lihatlah, Aku bersumpah dalam kemurkaan-Ku bahawa dia tidak akan masuk ke dalam peristirahatan-Ku.

36 Dan sekarang, saudara-saudaraku, lihatlah aku berkata kepadamu, bahawa jika kamu akan mengeraskan hatimu kamu tidak akan masuk ke dalam peristirahatan Tuhan; oleh itu kedherhakaanmu menggusarkan-Nya sehingga Dia menurunkan kemurkaan-Nya ke atas dirimu seperti dalam kegusaran yang pertama, ya, menurut firman-Nya dalam kegusaran yang terakhir seperti juga yang pertama, menuju kehancuran

abadi jiwamu; oleh itu, menurut firman-Nya, ke kematian terakhir, seperti juga yang pertama.

37 Dan sekarang, saudara-saudaraku, memandangkan kita tahu hal-hal ini, dan ia adalah benar, marilah kita bertaubat, dan jangan mengeraskan hati kita, agar kita tidak menggusarkan Tuhan Raja kita untuk menurunkan kemurkaan-Nya ke atas diri kita dalam perintah-perintah kedua-Nya ini yang telah Dia berikan kepada kita; tetapi marilah kita masuk ke dalam peristirahatan Tuhan, yang diperiapkan menurut firman-Nya.

BAB 13

Kaum lelaki dipanggil sebagai imam-imam tinggi kerana iman yang amat besar dan kerja-kerja baik mereka—Mereka mesti mengajarkan perintah-perintah—Melalui kesolehan mereka dikuduskan dan masuk ke dalam peristirahatan Tuhan—Melkisedek adalah salah seorang daripada mereka ini—Para malaikat memaklumkan khabar gembira ke seluruh negeri—Mereka akan mengungkapkan kedatangan Kristus yang sebenarnya. Kira-kira 82 tahun S.M.

DAN lagi, saudara-saudaraku, aku mahu mengarahkan fikiranmu ke depan ke waktu ketika Tuhan Raja memberikan perintah-perintah ini kepada anak-anak-Nya; dan aku menghendaki agar kamu mestilah ingat bahawa Tuhan Raja mentahbiskan para imam, menurut tarekat kudus-Nya, yang adalah menurut

tarekat Putera-Nya, untuk mengajarkan hal-hal ini kepada umat.

2 Dan para imam itu ditahbiskan menurut tarekat Putera-Nya, dengan cara di mana umat itu boleh tahu dengan cara apa nanti-nantikan Putera-Nya untuk penebusan.

3 Dan inilah cara yang menurutnya mereka ditahbiskan—dipanggil dan dipersiapkan sejak pengasasan dunia menurut prapengetahuan Tuhan, kerana iman yang amat besar dan kerja-kerja baik mereka; pertamanya ditinggalkan untuk memilih yang baik atau yang jahat; oleh itu mereka setelah memilih yang baik, dan menjalankan iman yang amat besar, dipanggil dengan panggilan yang kudus, ya, dengan panggilan yang kudus itu yang dipersiapkan dengan, dan menurut, suatu penebusan persiapan untuk orang yang demikian.

4 Dan demikianlah mereka telah dipanggil pada panggilan yang kudus ini kerana iman mereka, sementara yang lain mahu menolak Roh Tuhan kerana kekerasan hati mereka dan kebutaan fikiran mereka, sementara, jika bukan kerana ini mereka mungkin boleh memiliki hak istimewa sebesar saudara-saudara mereka.

5 Atau kesimpulannya, pertamanya mereka berada pada kedudukan yang sama dengan saudara-saudara mereka; demikianlah panggilan yang kudus ini dipersiapkan sejak pengasasan dunia bagi mereka yang tidak

akan mengeraskan hati mereka, dalam dan melalui korban tebusan Putera Tunggal, yang telah dipersiapkan—

6 Dan sedemikian dipanggil melalui panggilan yang kudus ini, dan ditahbiskan pada imamat tinggi dalam tarekat kudus Tuhan, untuk mengajarkan perintah-perintah-Nya kepada anak-anak manusia, agar mereka juga boleh masuk ke dalam peristirahatan-Nya—

7 Imamat tinggi ini adalah menurut tarekat Putera-Nya, yang tarekat itu ada sejak pengasasan dunia; atau dengan perkataan lain, tanpa permulaan hari atau pengakhiran tahun, dipersiapkan dari keabadian ke seluruh keabadian menurut prapengetahuan-Nya tentang segala sesuatu—

8 Sekarang, mereka ditahbiskan menurut cara ini—dipanggil dengan panggilan yang kudus, dan ditahbiskan dengan tatacara kudus, dan mengambil ke atas diri mereka imamat dalam tarekat yang kudus, yang panggilan, dan tatacara, dan imamat tingginya, adalah tanpa permulaan atau pengakhiran—

9 Demikianlah mereka menjadi para imam tinggi selamanya, menurut tarekat Putera, Anak Tunggal Bapa, yang adalah tanpa permulaan hari atau pengakhiran tahun, yang penuh dengan rahmat, kesetaraan, dan kebenaran. Dan demikianlah halnya. Amin.

10 Sekarang, seperti yang aku katakan berkenaan tarekat kudus, atau imamat tinggi ini, ada banyak

yang ditahbiskan dan menjadi para imam tinggi Tuhan; dan ini kerana iman yang amat besar dan pertaubatan mereka, dan kesolehan mereka di hadapan Tuhan, mereka memilih untuk bertaubat dan mengerjakan kebenaran dan bukannya untuk terbinasa;

11 Oleh itu mereka dipanggil menurut tarekat kudus ini, dan disucikan, dan pakaian mereka dibasuh hingga putih oleh darah Anak Domba.

12 Sekarang, mereka, setelah disucikan melalui Roh Kudus, setelah pakaian mereka dijadikan putih, mereka menjadi murni dan tanpa noda di hadapan Tuhan, tidak dapat memandang pada dosa kecuali dengan kebencian; dan ada banyak, amat sangat banyak, yang dijadikan murni dan masuk ke dalam peristirahatan Tuhan Raja mereka.

13 Dan sekarang, saudara-saudaraku, aku menghendaki agar kamu sepatutnya merendahkan hatimu di hadapan Tuhan, dan menghasilkan buah yang sesuai untuk pertaubatan, agar kamu boleh juga masuk ke dalam peristirahatan itu.

14 Ya, rendahkanlah hatimu bahkan seperti orang pada masa Melkisedek, yang adalah juga seorang imam tinggi menurut tarekat yang sama ini yang telah aku bicarakan, yang juga mengambil ke atas dirinya imamat tinggi selamanya.

15 Dan adalah Melkisedek yang sama ini yang kepadanya Abraham

membayar persepuluhan; ya, bahkan bapa kita Abraham membayar persepuluhan iaitu sepersepuluh bahagian daripada semua yang dia miliki.

16 Sekarang, tatacara-tatacara ini diberikan menurut cara ini, agar dengan demikian orang boleh menanti-nantikan Putera Tuhan, kerana itu ialah suatu lambang tarekat-Nya, atau itu ialah tarekat-Nya, dan ini agar mereka boleh menanti-nantikan-Nya untuk pengampunan dosa-dosa mereka, agar mereka boleh masuk ke dalam peristirahatan Tuhan.

17 Sekarang, Melkisedek ini adalah raja atas negeri Salem; dan rakyatnya telah menjadi dahsyat dalam kederhakaan dan kekejian; ya, mereka telah semuanya tersebat; mereka penuh dengan segala macam kejahatan;

18 Tetapi Melkisedek setelah menjalankan iman yang amat kuat, dan menerima jawatan imamat tinggi menurut tarekat kudus Tuhan, mengkhutbahkan pertaubatan kepada rakyatnya. Dan lihatlah, mereka bertaubat; dan Melkisedek menegakkan kedamaian di negeri itu pada masa hidupnya; oleh itu dia digelar putera kedamaian, kerana dia adalah raja Salem; dan dia memerintah di bawah ayahnya.

19 Sekarang, ada banyak sebelum dia, dan juga ada banyak sesudahnya, tetapi tiada seorang pun yang lebih agung; oleh itu, tentangnya mereka telah secara lebih khusus menyebutkannya.

20 Sekarang, aku tidak perlu menceritakan kembali hal ini; apa yang telah aku katakan boleh mencukupi. Lihatlah, tulisan suci ada di hadapanmu; jika kamu akan memutarbelitkannya, itu akan menjadi kehancuranmu sendiri.

21 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika Alma telah mengatakan perkataan-perkataan ini kepada mereka, dia menghulurkan tangannya kepada mereka dan berseru dengan suara yang amat kuat, mengatakan: Sekarang adalah waktu untuk bertaubat, kerana hari penyelamatan semakin dekat;

22 Ya, dan suara Tuhan, melalui mulut para malaikat, memaklulkannya kepada semua bangsa; ya, memaklulkannya, agar mereka boleh memperoleh khabar gembira tentang kebahagiaan yang besar; ya, dan Dia menyuarakan khabar gembira ini ke kalangan seluruh umat-Nya, ya, bahkan kepada mereka yang tercerai-berai secara luas di atas muka bumi; oleh itu, khabar gembira itu telah datang kepada kita.

23 Dan ia disingkapkan kepada kita dalam kata-kata yang jelas, agar kita boleh memahami, agar kita tidak dapat khilaf; dan ini kerana kita adalah pengembara di sebuah negeri asing; oleh itu, kita demikian sangat dirahmati kerana khabar gembira ini telah dimaklumkan kepada kita di semua bahagian ladang anggur kita.

24 Kerana lihatlah, para malaikat memaklulkannya kepada banyak orang pada waktu ini di negeri

kita; dan ini adalah bagi tujuan mempersiapkan hati anak-anak manusia untuk menerima firman-Nya pada waktu kedatangan-Nya dalam kemuliaan-Nya.

25 Dan sekarang, kita hanya menunggu untuk mendengar berita penuh kebahagiaan itu dimaklumkan kepada kita oleh mulut para malaikat, tentang kedatangan-Nya; kerana waktunya semakin hampir, kita tidak tahu seberapa segera. Aku sungguh-sungguh berhasrat pada Tuhan bahawa itu boleh terjadi pada masa hidupku; tetapi biarlah itu terjadi lebih cepat atau lebih lambat, di dalamnya aku akan bersukacita.

26 Dan akan disingkapkan kepada orang yang soleh dan kudus, oleh mulut para malaikat, pada waktu kedatangan-Nya, agar perkataan-perkataan nenek moyang kita boleh digenapi, menurut apa yang telah mereka ucapkan berkenaan-Nya, yang adalah menurut roh nubuat yang ada dalam mereka.

27 Dan sekarang, saudara-saudaraku, aku berkeinginan dari lubuk hatiku, ya, dengan kegelisahan besar bahkan hingga terasa sakit, bahawa kamu akan mendengar perkataan-perkataanku, dan mengenyahkan dosa-dosamu, dan tidak menangguhkan hari pertaubatanmu;

28 Tetapi bahawa kamu akan merendahkan hatimu di hadapan Tuhan, dan memanggil nama kudus-Nya, dan berjaga dan berdoa secara berterusan, agar kamu

tidak digoda melebihi apa yang dapat kamu tanggung, dan dengan demikian dituntun oleh Roh Kudus, menjadi rendah hati, lembut hati, peserah, sabar, penuh dengan kasih dan segala panjang sabar;

29 Memiliki iman kepada Tuhan; mempunyai harapan bahawa kamu akan menerima kehidupan abadi; memiliki kasih Tuhan selalu dalam hatimu, agar kamu boleh diangkat pada hari terakhir dan masuk ke dalam peristirahatan-Nya.

30 Dan semoga Tuhan memberikan kepadamu pertaubatan, agar kamu tidak akan menurunkan kemurkaan-Nya ke atas dirimu, agar kamu tidak akan diikat oleh rantai neraka, agar kamu tidak menderita kematian kedua.

31 Dan Alma mengucapkan lebih banyak lagi perkataan kepada umat itu, yang tidak tertulis dalam kitab ini.

BAB 14

Alma dan Amulek ditahan dan didera—Para penganut dan tulisan suci mereka yang kudus dibakar dengan api—Orang yang mati syahid ini diterima oleh Tuhan dalam kemuliaan—Tembok-tembok tahanan terkoyak dan roboh—Alma dan Amulek dibebaskan, dan para penganiaya mereka terbunuh. Kira-kira 82–81 tahun S.M.

DAN terjadilah setelah dia mengakhiri ucapan kepada umat itu, banyak daripada mereka percaya

pada perkataan-perkataannya, dan mula bertaubat, dan menyelidiki tulisan suci.

2 Tetapi bahagian yang lebih besar daripada mereka berhasrat agar mereka boleh menghancurkan Alma dan Amulek; kerana mereka marah terhadap Alma, kerana keterusterangan perkataan-perkataannya kepada Zezrom; dan mereka juga berkata bahawa Amulek telah berdusta kepada mereka, dan telah mencaci maki hukum mereka dan juga para peguam dan hakim mereka.

3 Dan mereka juga marah terhadap Alma dan Amulek; dan kerana mereka telah bersaksi dengan sedemikian terus-terangnya menentang kejahatan mereka, mereka berupaya menyingkirkan mereka secara rahsia.

4 Tetapi terjadilah bahawa mereka tidak melakukannya; sebaliknya mereka menangkap mereka dan mengikat mereka dengan tali yang kuat, dan membawa mereka ke hadapan hakim utama negeri itu.

5 Dan orang datang dan bersaksi menentang mereka—bersaksi bahawa mereka telah mencaci maki hukum, dan para peguam dan hakim mereka yang atas negeri itu, dan juga yang atas semua orang yang berada di negeri itu; dan juga bersaksi bahawa hanya ada satu Tuhan, dan bahawa Dia akan mengutus Putera-Nya ke kalangan umat itu, tetapi Dia tidak akan menyelamatkan mereka; dan banyak hal seperti itu umat

itu persaksikan menentang Alma dan Amulek. Sekarang, ini dilakukan di hadapan hakim utama negeri itu.

6 Dan terjadilah bahawa Zezrom tercengang akan perkataan-perkataan yang telah diucapkan; dan dia juga tahu berkenaan kebutaan fikiran, yang telah dia sebabkan di kalangan orang dengan perkataan-perkataan dustanya; dan jiwanya mula amat tertekan di bawah kesedaran akan kesalahannya sendiri; ya, dia mula dikelilingi oleh rasa sakit neraka.

7 Dan terjadilah bahawa dia mula berseru kepada umat itu, mengatakan: Lihatlah, aku bersalah, dan para lelaki ini tanpa noda di hadapan Tuhan. Dan dia mula merayu bagi mereka mulai waktu itu; tetapi mereka mencaci makinya, mengatakan: Adakah engkau juga dirasuk oleh iblis? Dan mereka meludahinya, dan mengusirnya dari kalangan mereka, dan juga mereka semua yang percaya pada perkataan-perkataan yang telah diucapkan oleh Alma dan Amulek; dan mereka mengusir mereka, dan mengutus orang untuk melemparkan batu-batu padanya.

8 Dan mereka membawa para isteri dan anak-anak mereka bersama, dan barang siapa percaya kepada firman Tuhan mereka menyuruh agar mereka hendaknya dilemparkan ke dalam api; dan mereka juga membawa catatan-catatan mereka yang mengandungi

tulisan suci yang kudus, dan melemparkannya ke dalam api juga, agar ia boleh dibakar dan dihancurkan dengan api.

9 Dan terjadilah bahawa mereka mengambil Alma dan Amulek, dan membawa mereka ke tempat kesyahidan, agar mereka boleh menyaksikan penghancuran mereka yang dilalap oleh api.

10 Dan ketika Amulek melihat rasa sakit kaum wanita dan kanak-kanak yang dilalap dalam api, dia juga terasa sakit; dan dia berkata kepada Alma: Bagaimana dapat kita menyaksikan kejadian menyeramkan ini? Oleh itu marilah kita menghulurkan tangan kita, dan menggunakan kuasa Tuhan yang ada dalam diri kita, dan menyelamatkan mereka daripada nyalaan api.

11 Tetapi Alma berkata kepadanya: Roh mendesakku bahawa aku mesti jangan menghulurkan tanganku; kerana lihatlah Tuhan menerima mereka kepada diri-Nya, dalam kemuliaan; dan Dia membiarkan bahawa mereka boleh melakukan hal ini, atau bahawa orang ini boleh melakukan hal ini kepada mereka, menurut kekerasan hati mereka, agar penghakiman yang akan Dia jalankan ke atas diri mereka dalam kemurkaan-Nya bolehlah adil; dan darah orang yang tak berdosa akan berdiri sebagai suatu kesaksian menentang mereka, ya, dan berseru dengan amat kuat menentang mereka pada hari terakhir.

12 Sekarang, Amulek berkata

kepada Alma: Lihatlah, barangkali mereka akan membakar kita juga.

13 Dan Alma berkata: Biarlah terjadi menurut kehendak Tuhan. Tetapi, lihatlah, pekerjaan kita belum selesai; oleh itu mereka tidak membakar kita.

14 Sekarang, terjadilah bahawa ketika tubuh badan mereka yang telah dilemparkan ke dalam api itu terlalap, dan juga catatan-catatan yang dilemparkan bersama mereka, hakim utama negeri datang dan berdiri di hadapan Alma dan Amulek, sementara mereka terikat; dan dia menampar pipi mereka dengan tangannya, dan berkata kepada mereka: Setelah apa yang kamu lihat, akankah kamu berkhotbah lagi kepada orang ini, agar mereka akan dilemparkan ke dalam suatu tasik api dan belerang?

15 Lihatlah, kamu lihat bahawa kamu tidak memiliki kuasa untuk menyelamatkan mereka yang telah dilemparkan ke dalam api; tidak juga Tuhan telah menyelamatkan mereka kerana mereka daripada kepercayaanmu. Dan hakim itu menampar pipi mereka lagi, dan bertanya: Apakah yang kamu katakan untuk dirimu sendiri?

16 Sekarang, hakim ini adalah menurut tarekat dan kepercayaan Nehor, yang membunuh Gideon.

17 Dan terjadilah bahawa Alma dan Amulek tidak memberi apa-apa jawapan pun kepadanya; dan dia memukul mereka lagi, dan menyerahkan mereka kepada para

pegawai untuk dilemparkan ke dalam penjara.

18 Dan ketika mereka telah dilemparkan ke dalam penjara selama tiga hari, datanglah banyak peguam, dan hakim, dan imam, dan pengajar, yang adalah seagama dengan Nehor; dan mereka datang ke dalam penjara untuk menemui mereka, dan mereka menyoalkan mereka tentang banyak kata ajaran; tetapi mereka tidak memberi apa-apa jawapan pun kepada para penyual.

19 Dan terjadilah bahawa hakim berdiri di hadapan mereka, dan berkata: Mengapakah kamu tidak menjawab soalan-soalan orang ini? Tidak tahukah kamu bahawa aku memiliki kuasa untuk menyerahkan kamu ke dalam nyala api? Dan dia memerintahkan mereka untuk bercakap; tetapi mereka tidak memberi apa-apa jawapan pun.

20 Dan terjadilah bahawa mereka berangkat dan pergi pada jalan mereka, tetapi datang lagi pada keesokan harinya; dan hakim juga menampar pipi mereka lagi. Dan banyak yang maju ke depan juga, dan memukul mereka, mengatakan: Akankah kamu berdiri lagi dan menghakimi orang ini, dan mengecam hukum kami? Jika kamu memiliki kuasa yang demikian besar, mengapakah kamu tidak membebaskan dirimu sendiri?

21 Dan banyak hal seperti itu mereka katakan kepada mereka, sambil mengertakkan gigi mereka terhadap mereka, dan meludahi

mereka, dan mengatakan: Bagaimanakah rupa kami ketika kami dilaknat?

22 Dan banyak hal seperti itu, ya, segala macam hal seperti itu mereka katakan kepada mereka; dan demikianlah mereka memperolok-olokkan mereka selama sehari-hari. Dan mereka menahan makanan daripada mereka agar mereka akan lapar, dan air agar mereka akan haus; dan mereka juga mengambil daripada mereka pakaian mereka sehingga mereka telanjang; dan demikianlah mereka diikat dengan tali yang kuat, dan diringkukkan di dalam tahanan.

23 Dan terjadilah setelah mereka demikian menderita selama sehari-hari, (dan ianya pada hari kedua belas, dalam bulan kesepuluh, pada tahun kesepuluh pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi) maka hakim utama atas negeri Amoniha dan banyak daripada para pengajar mereka dan para peguam mereka masuk ke dalam penjara di mana Alma dan Amulek diikat dengan tali.

24 Dan hakim utama berdiri di hadapan mereka, dan memukul mereka lagi, dan berkata kepada mereka: Jika kamu memiliki kuasa Tuhan bebaskanlah dirimu daripada ikatan ini, dan kemudian kami akan percaya bahawa Tuhan akan menghancurkan orang ini menurut perkataan-perkataanmu.

25 Dan terjadilah bahawa mereka semua mara ke depan dan memukul mereka, mengatakan perkataan-perkataan yang sama,

bahkan sampai orang terakhir; dan ketika yang terakhir telah berucap kepada mereka kuasa Tuhan berada di atas diri Alma dan Amulek, dan mereka bangkit dan berdiri atas kaki mereka.

26 Dan Alma berseru, mengatakan: Berapa lamakah kami akan menderita kesengsaraan yang dahsyat ini, Ya Tuhan? Ya Tuhan, berilah kami kekuatan menurut iman kami yang adalah pada Kristus, bahkan sampai pembebasan. Dan mereka memutuskan tali yang dengannya mereka diikat; dan ketika orang melihat ini, mereka mula melarikan diri, kerana ketakutan akan kehancuran telah datang ke atas diri mereka.

27 Dan terjadilah bahawa sedemikian besarnya ketakutan mereka sehingga mereka jatuh ke tanah, dan tidak mencapai pintu luar penjara; dan bumi bergoncang dengan amat kuat, dan tembok-tembok penjara terbelah menjadi dua, sehingga roboh ke tanah; dan hakim utama, dan para peguam, dan imam, dan pengajar, yang memukul Alma dan Amulek, terbunuh oleh kerobohan itu.

28 Dan Alma dan Amulek keluar dari penjara, dan mereka tidak terluka; kerana Tuhan telah memberikan kepada mereka kuasa, menurut iman mereka yang adalah pada Kristus. Dan mereka dengan segera keluar dari tahanan; dan mereka dilepaskan daripada ikatan mereka; dan penjara itu telah roboh ke tanah, dan setiap jiwa di dalam tembok-temboknya, kecuali

Alma dan Amulek, terbunuh; dan mereka dengan segera masuk ke dalam kota.

29 Sekarang, setelah orang ramai mendengar bunyi yang kuat, datang berlarian bersama dalam khalayak besar untuk mengetahui sebabnya; dan ketika mereka melihat Alma dan Amulek datang keluar dari penjara, dan tembok-temboknya telah roboh ke tanah, mereka diserang oleh rasa takut yang dahsyat, dan melarikan diri dari hadapan Alma dan Amulek bahkan bagaikan seekor kambing melarikan diri bersama anak-anaknya daripada dua ekor singa; dan demikianlah mereka melarikan diri dari hadapan Alma dan Amulek.

BAB 15

Alma dan Amulek pergi ke Sidom dan menegakkan gereja—Alma menyembuhkan Zezrom, yang menyertai Gereja—Banyak yang dibaptis, dan Gereja menjadi makmur—Alma dan Amulek pergi ke Zarahemla. Kira-kira 81 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa Alma dan Amulek diperintahkan untuk meninggalkan kota itu; dan mereka meninggalkannya, dan tiba bahkan di negeri Sidom; dan lihatlah, di sana mereka menemukan semua orang yang telah pergi dari negeri Amoniha, yang telah diusir dan direjam, kerana mereka percaya pada kata-kata Alma.

2 Dan mereka menceritakan

kepada mereka semua yang telah terjadi kepada para isteri dan anak mereka, dan juga berkenaan diri mereka sendiri, dan tentang kuasa pembebasan mereka.

3 Dan juga Zezrom terbaring sakit di Sidom, dengan demam yang membakar, yang disebabkan oleh kesusahan teruk dalam fikirannya akibat kejahatannya, kerana dia mengira bahawa Alma dan Amulek tidak ada lagi; dan dia mengira bahawa mereka telah dibunuh kerana kederhakaannya. Dan dosa besar ini, dan banyak dosanya yang lain, amat menekan fikirannya sampai ia menjadi amat terseksa, tanpa pembebasan; oleh itu dia mulai dihanguskan oleh kepanasan yang membakar.

4 Sekarang, ketika dia mendengar bahawa Alma dan Amulek berada di negeri Sidom, hatinya mulai bersemangat; dan dia mengirimkan sebuah pesan dengan segera kepada mereka, menghasratkan mereka datang kepadanya.

5 Dan terjadilah bahawa mereka pergi dengan segera, mematuhi pesan yang telah dia kirimkan kepada mereka; dan mereka masuk ke rumah dan pergi kepada Zezrom; dan mereka mendapatinya terbaring di atas katilnya, sakit, sangat lemah dengan demam yang membakar; dan fikirannya juga amat terseksa kerana kederhakaannya; dan ketika dia melihat mereka dia menghulurkan tangannya, dan memohon mereka agar mereka akan menyembuhkannya.

6 Dan terjadilah bahawa Alma berkata kepadanya, menggenggam tangannya: Percayakah kamu pada kuasa Kristus yang membawa keselamatan?

7 Dan dia menjawab dan berkata: Ya, aku percaya segala perkataan yang telah kamu ajarkan.

8 Dan Alma berkata: Jika kamu percaya pada penebusan Kristus kamu dapat disembuhkan.

9 Dan dia berkata: Ya, aku percaya menurut kata-katamu.

10 Dan kemudian Alma berseru kepada Tuhan, mengatakan: Ya Tuhan Raja kami, berbelas kasihanlah pada lelaki ini, dan sembuhkanlah dia menurut imannya yang ada pada Kristus.

11 Dan ketika Alma telah mengucapkan kata-kata ini, Zezrom melompat dan berdiri, dan mula berjalan; dan ini terjadi yang membuat semua orang amat tercengang; dan pengetahuan tentang ini menyebar luas ke seluruh negeri Sidom.

12 Dan Alma membaptis Zezrom bagi Tuhan; dan dia bermula dari masa itu berkhotbah kepada bangsa itu.

13 Dan Alma menegakkan sebuah jemaah gereja di negeri Sidom, dan mentahbiskan para imam dan pengajar di negeri itu, untuk membaptis bagi Tuhan sesiapaupun yang berhasrat untuk dibaptiskan.

14 Dan terjadilah bahawa mereka banyak; kerana mereka datang berduyun-duyun dari seluruh daerah di sekitar Sidom, dan dibaptiskan.

15 Tetapi berkenaan orang yang berada di negeri Amoniha, mereka masih tetap orang yang keras hati dan tegar leher; dan mereka tidak bertaubat akan dosa-dosa mereka, menganggap segala kuasa Alma dan Amulek berasal daripada iblis; kerana mereka adalah seagama dengan Nehor, dan tidak percaya pada pertaubatan akan dosa-dosa mereka.

16 Dan terjadilah bahawa Alma dan Amulek, Amulek setelah meninggalkan segala emasnya, dan perak, dan barang berharganya, yang ada di negeri Amoniha, demi firman Tuhan, dia ditolak oleh mereka yang dahulunya adalah teman-temannya dan juga oleh ayahnya dan kaum kerabatnya;

17 Oleh itu, setelah Alma menegakkan jemaah gereja di Sidom, melihat pengawalan diri yang besar, ya, melihat bahawa orang itu terkawal sehubungan dengan keangkuhan hati mereka, dan mula merendahkan hati mereka di hadapan Tuhan, dan mula berhimpun bersama di tempat-tempat kudus mereka untuk menyembah Tuhan di hadapan altar, berjaga dan berdoa secara berterusan, agar mereka boleh dibebaskan daripada Setan, dan daripada kematian, dan daripada kehancuran—

18 Sekarang, seperti yang aku katakan, Alma setelah melihat segala sesuatu ini, oleh itu dia membawa Amulek dan datang ke negeri Zarahemla, dan membawanya ke rumahnya sendiri, dan melayaninya dalam kesengsaraannya,

dan menguatkan imannya dalam Tuhan.

19 Dan demikianlah berakhir tahun kesepuluh pemerintahan para hakim atas bangsa Nefi.

BAB 16

Bangsa Laman menghancurkan orang Amoniha—Zoram memimpin bangsa Nefi kepada kemenangan atas bangsa Laman—Alma dan Amulek dan banyak yang lain mengkhutbahkan firman—Mereka mengajar bahawa setelah kebangkitan-Nya, Kristus akan menampakkan diri kepada bangsa Nefi. Kira-kira 81–77 tahun S.M.

DAN terjadilah pada tahun kesebelas pemerintahan para hakim atas bangsa Nefi, pada hari kelima bulan kedua, setelah ada banyak kedamaian di negeri Zarahemla, setelah tidak ada peperangan, tidak juga perselisihan selama sejumlah tahun tertentu, bahkan sampai hari kelima bulan kedua dalam tahun kesebelas, ada seruan peperangan terdengar di seluruh negeri.

2 Kerana lihatlah, tentera bangsa Laman telah masuk dari sebelah padang belantara, ke dalam sempadan negeri, bahkan ke dalam kota Amoniha, dan mula membunuh rakyat dan menghancurkan kota.

3 Dan sekarang, terjadilah, sebelum bangsa Nefi dapat mengumpulkan tentera yang cukup untuk menghalau mereka keluar dari negeri itu, mereka telah

menghancurkan orang yang berada di kota Amoniha, dan juga sejumlah yang di sekitar sempadan Nuh, dan membawa yang lain tertawan ke dalam padang belantara.

4 Sekarang, terjadilah bahawa bangsa Nefi berhasrat untuk mendapatkan mereka yang telah dibawa pergi tertawan ke dalam padang belantara.

5 Oleh itu, dia yang telah ditetapkan sebagai panglima utama tentera bangsa Nefi, (dan namanya adalah Zoram, dan dia memiliki dua orang putera, Lehi dan Aha)—sekarang, Zoram dan kedua orang puteranya, tahu bahawa Alma adalah imam tinggi gereja, dan kerana telah mendengar bahawa dia memiliki roh nubuat, oleh itu mereka pergi kepadanya dan menghasratkan daripadanya untuk mengetahui ke mana Tuhan menghendaki mereka pergi dalam padang belantara untuk mencari saudara-saudara mereka, yang telah dibawa tertawan oleh bangsa Laman.

6 Dan terjadilah bahawa Alma bertanya kepada Tuhan berkenaan masalah itu. Dan Alma kembali dan berkata kepada mereka: Lihatlah, bangsa Laman akan menyeberangi Sungai Sidon di padang belantara selatan, jauh melampaui sempadan negeri Manti. Dan lihatlah di sana kamu akan menemui mereka, di timur Sungai Sidon, dan di sana Tuhan akan menyerahkan kepadamu saudara-saudaramu yang telah dibawa tertawan oleh bangsa Laman.

7 Dan terjadilah bahawa Zoram dan para puteranya menyeberangi Sungai Sidon, bersama tentera-tentera mereka, dan berkawat pergi melampaui sempadan Manti ke padang belantara selatan, yang berada di sebelah timur Sungai Sidon.

8 Dan mereka menyerang tentera-tentera bangsa Laman, dan bangsa Laman tercerai-berai dan dihalau ke padang belantara; dan mereka membawa saudara-saudara mereka yang telah dibawa tertawan oleh bangsa Laman, dan tidak ada satu jiwa pun di antara mereka telah hilang yang dibawa tertawan. Dan mereka dibawa oleh saudara-saudara mereka untuk menguasai negeri mereka sendiri.

9 Dan demikianlah berakhir tahun kesebelas para hakim, bangsa Laman telah dihalau keluar dari negeri itu, dan orang Amoniha dihancurkan; ya, setiap jiwa orang Amoniha yang hidup telah dihancurkan, dan juga kota besar mereka, yang mereka katakan tidak dapat Tuhan hancurkan, kerana kebesarannya.

10 Tetapi lihatlah, dalam satu hari ia ditinggalkan terlantar; dan mayat-mayat dikoyak oleh anjing dan binatang buas di padang belantara.

11 Walaupun demikian, setelah berhari-hari mayat-mayat mereka ditimbun di atas permukaan bumi, dan ditutup dengan penutup yang nipis. Dan sekarang, begitu teruk baunya sehingga orang tidak masuk untuk memiliki negeri

Amoniha selama bertahun-tahun. Dan ia dipanggil Kemusnahan Kaum Nehor; kerana mereka adalah penganut agama Nehor, yang dibunuh; dan negeri mereka tetap terlantar.

12 Dan bangsa Laman tidak datang lagi untuk berperang melawan bangsa Nefi sampai tahun keempat belas pemerintahan para hakim atas bangsa Nefi. Dan demikianlah selama tiga tahun bangsa Nefi mengalami kedamaian berterusan di seluruh negeri.

13 Dan Alma dan Amulek pergi mengkhutbahkan pertaubatan kepada orang di bait suci mereka, dan di tempat kudus mereka, dan juga di saumaah mereka, yang dibina menurut cara orang Yahudi.

14 Dan sebanyak yang mahu mendengar kata-kata mereka, kepada orang ini, mereka berikan firman Tuhan, langsung tanpa memilih kasih, secara berterusan.

15 Dan demikianlah Alma dan Amulek pergi, dan juga banyak lagi yang telah dipilih untuk pekerjaan itu, untuk mengkhutbahkan firman ke seluruh negeri. Dan penegakan gereja menjadi umum di seluruh negeri, dan di seluruh daerah sekitarnya, di kalangan semua bangsa Nefi.

16 Dan tidak ada ketidaksetaraan di kalangan mereka; Tuhan mencurahkan Roh-Nya ke atas seluruh permukaan negeri untuk menyediakan fikiran anak-anak manusia, atau untuk menyediakan hati mereka untuk menerima firman yang akan diajarkan di

kalangan mereka pada waktu kedatangan-Nya—

17 Agar mereka tidak bersikap keras terhadap firman, agar mereka tidak menjadi tidak percaya, dan berterusan sampai kehancuran, tetapi agar mereka boleh menerima firman dengan sukacita, dan bagaikan suatu cabang dicantumkan pada pokok yang sejati, agar mereka boleh masuk ke dalam peristirahatan Tuhan Raja mereka.

18 Sekarang, para imam itu yang pergi ke kalangan orang itu berkhutbah menentang segala dusta, dan penipuan, dan keirihatian, dan pertikaian, dan niat jahat, dan pencacimakian, dan pencurian, perompakan, penjarahan, pembunuhan, perbuatan zina, dan segala macam kegasangan, menyerukan bahawa hal-hal ini seharusnya tidak demikian adanya—

19 Mengumumkan hal-hal yang mesti cepat datang; ya, mengumumkan kedatangan Putera Tuhan, penderitaan dan kematian-Nya, dan juga kebangkitan orang mati.

20 Dan banyak daripada orang itu bertanya berkenaan tempat di mana Putera Tuhan akan datang; dan mereka diajarkan bahawa Dia akan menampakkan diri kepada mereka setelah kebangkitan-Nya; dan hal ini orang dengar dengan kebahagiaan dan kegembiraan yang besar.

21 Dan sekarang, setelah gereja ditegakkan di seluruh negeri—setelah memperoleh kemenangan

atas iblis, dan firman Tuhan di-khutbahkan dalam kemurniannya di seluruh negeri, dan Tuhan mencurahkan berkat-berkat-Nya ke atas bangsa itu—demikianlah berakhir tahun keempat belas pemerintahan para hakim atas bangsa Nefi.

Sebuah laporan tentang para putera Mosia, yang telah menolak hak-hak mereka terhadap kerajaan demi firman Tuhan, dan telah pergi ke negeri Nefi untuk berkhutbah kepada Bangsa Laman; pengorbanan-pengorbanan dan pembebasan mereka—menurut catatan-catatan Alma.

Meliputi bab 17 hingga bab 27.

BAB 17

Para putera Mosia memiliki roh nubuat dan wahyu—Mereka pergi ke berbagai jalan mereka untuk memaklumkan firman kepada bangsa Laman—Amon pergi ke negeri Ismael dan menjadi orang suruhan raja Lamoni—Amon menyelamatkan kawanan ternak raja dan membunuh musuhnya di Perairan Sebus. Ayat 1–3, kira-kira 77 tahun S.M.; ayat 4, kira-kira 91–77 tahun S.M.; dan ayat 5–39, kira-kira 91 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa sewaktu Alma sedang melakukan perjalanan dari negeri Gideon ke arah selatan, jauh ke negeri Manti, lihatlah, yang membuatnya

tercengang, dia bertemu dengan para putera Mosia yang melakukan perjalanan menuju ke negeri Zarahemla.

2 Sekarang, para putera Mosia ini berada bersama Alma pada waktu malaikat pertama kali menampakkan diri kepadanya; oleh itu Alma amat bersukacita melihat saudara-saudaranya; dan yang lebih menambah sukacitanya, mereka masihlah saudara-saudaranya di dalam Tuhan; ya, dan mereka telah menjadi kuat dalam pengetahuan tentang kebenaran; kerana mereka adalah lelaki yang berpemahaman kukuh dan mereka telah menyelidiki tulisan suci dengan tekun, agar mereka boleh mengetahui firman Tuhan.

3 Tetapi ini belumlah semuanya; mereka telah banyak berdoa, dan berpuasa; oleh itu mereka memiliki roh nubuat, dan roh wahyu, dan apabila mereka mengajar, mereka mengajar dengan kuasa dan wewenang daripada Tuhan.

4 Dan mereka telah mengajarkan firman Tuhan untuk jangka masa empat belas tahun di kalangan bangsa Laman, telah mengalami banyak kejayaan dalam membawa banyak orang kepada pengetahuan tentang kebenaran; ya, oleh kuasa perkataan mereka, banyak dibawa ke hadapan altar Tuhan, untuk memanggil nama-Nya dan mengakui dosa-dosa mereka di hadapan-Nya.

5 Sekarang, inilah keadaan yang menyertai mereka dalam perjalanan mereka, kerana mereka

mengalami banyak kesengsaraan; mereka banyak menderita, baik dalam tubuh mahupun dalam fikiran, seperti kelaparan, kehausan dan keletihan, dan juga banyak dugaan rohani.

6 Sekarang, inilah perjalanan mereka: Setelah memohon diri dari ayah mereka, Mosia, pada tahun pertama para hakim; setelah menolak kerajaan yang ayah mereka berhasrat untuk anugerahkan ke atas diri mereka, dan juga ini adalah fikiran rakyat;

7 Walaupun demikian mereka meninggalkan negeri Zarahemla, dan membawa pedang mereka, dan tombak mereka, dan busur mereka, dan anak panah mereka, dan umban mereka; dan ini mereka lakukan agar mereka boleh menyediakan makanan bagi diri mereka semasa di padang belantara.

8 Dan demikianlah mereka berangkat ke padang belantara dengan sejumlah orang mereka yang telah mereka pilih, untuk pergi ke negeri Nefi, untuk mengkhutbahkan firman Tuhan kepada bangsa Laman.

9 Dan terjadilah bahawa mereka melakukan perjalanan berhari-hari di padang belantara, dan mereka banyak berpuasa dan banyak berdoa agar Tuhan akan memberikan kepada mereka sebahagian daripada Roh-Nya untuk pergi bersama mereka, dan tinggal bersama mereka, agar mereka boleh menjadi alat dalam tangan Tuhan untuk membawa, jika mungkin, saudara-saudara mereka, bangsa

Laman, kepada pengetahuan tentang kebenaran, kepada pengetahuan tentang kedurjanaan adat resam nenek moyang mereka, yang tidaklah benar.

10 Dan terjadilah bahawa Tuhan mengunjungi mereka dengan Roh-Nya, dan berfirman kepada mereka: Terhiburlah. Dan mereka terhibur.

11 Dan Tuhan berfirman kepada mereka juga: Pergilah ke kalangan bangsa Laman, saudara-saudaramu, dan tegakkanlah firman-Ku; namun kamu akan sabar dalam panjang sabar dan kesengsaraan, agar kamu boleh memperlihatkan contoh yang baik kepada mereka bersama-Ku, dan Aku akan menjadikanmu alat dalam tangan-Ku untuk penyelamatan banyak jiwa.

12 Dan terjadilah bahawa hati para putera Mosia, dan juga mereka yang bersama mereka, memberanikan diri untuk pergi kepada bangsa Laman untuk memaklumkan kepada mereka firman Tuhan.

13 Dan terjadilah ketika mereka telah tiba di sempadan negeri bangsa Laman, bahawa mereka bersurai dan pergi yang satu dari yang lain, percaya kepada Tuhan bahawa mereka akan bertemu kembali pada akhir penuaian mereka; kerana mereka percaya bahawa besarlah pekerjaan yang telah mereka tugaskan pada diri mereka.

14 Dan pastilah ianya berat, kerana mereka telah menugaskan diri mereka untuk mengkhutbahkan firman Tuhan kepada suatu bangsa

yang liar dan yang keras hati dan yang ganas; bangsa yang gemar membunuh bangsa Nefi, dan merompak dan menjarah mereka; dan hati mereka ditaruh pada kekayaan, atau pada emas dan perak, dan batu permata; namun mereka berusaha mendapatkan benda-benda ini dengan membunuh dan menjarah, agar mereka tidak payah bekerja untuknya dengan tangan mereka sendiri.

15 Demikianlah mereka adalah bangsa yang sangat malas, banyak daripada mereka menyembah berhala, dan kutukan Tuhan telah jatuh ke atas diri mereka kerana adat resam nenek moyang mereka; tidak kira janji-janji Tuhan yang dihulurkan kepada mereka dengan syarat pertaubatan.

16 Oleh itu, inilah sebab mengapa para putera Mosia telah menugaskan pada diri mereka pekerjaan itu, bahawa barangkali mereka boleh membawa bangsa itu kepada pertaubatan; bahawa barangkali mereka boleh membawa bangsa itu untuk mengetahui tentang rancangan penebusan.

17 Oleh itu mereka bersurai yang satu dari yang lain, dan pergi ke kalangan bangsa itu, setiap orang bersendirian, menurut firman dan kuasa Tuhan yang diberikan kepadanya.

18 Sekarang, Amon yang adalah ketua mereka, atau lebih tepat dia yang melayani mereka, dan dia meninggalkan mereka, setelah memberkati mereka menurut pelbagai jawatan mereka, setelah

memberikan firman Tuhan kepada mereka, atau melayani mereka sebelum pemergiannya; dan demikianlah mereka melakukan pelbagai perjalanan mereka ke seluruh negeri.

19 Dan Amon pergi ke negeri Ismael, negeri yang dinamakan menurut para anak lelaki Ismael, yang juga menjadi bangsa Laman.

20 Dan sewaktu Amon memasuki negeri Ismael, bangsa Laman menangkapnya dan mengikatnya, sebagaimana kebiasaan mereka untuk mengikat semua bangsa Nefi yang jatuh ke dalam tangan mereka, dan membawa mereka ke hadapan raja; dan demikianlah terserah kepada keinginan raja untuk membunuh mereka, atau untuk menahan mereka dalam penawanan, atau untuk melepaskan mereka ke dalam penjara, atau untuk mengusir mereka keluar dari negerinya, menurut kehendak dan hasratnya.

21 Dan demikianlah Amon dibawa ke hadapan raja yang berkuasa atas negeri Ismael; dan namanya adalah Lamoni; dan dia adalah keturunan Ismael.

22 Dan raja bertanya kepada Amon jika dia berhasrat untuk hidup di negeri itu di kalangan bangsa Laman, atau di kalangan rakyatnya.

23 Dan Amon berkata kepadanya: Ya, aku berhasrat untuk hidup di kalangan rakyat ini untuk suatu jangka masa; ya, dan barangkali sampai harinya aku mati.

24 Dan terjadilah bahawa raja

Lamoni amat puas hati dengan Amon, dan menyuruh agar ikatannya hendaknya dilepaskan; dan dia menghendaki agar Amon memperisteri salah seorang puterinya.

25 Tetapi Amon berkata kepadanya: Tidak, tetapi aku akan menjadi orang suruhan tuan. Oleh itu Amon menjadi orang suruhan kepada raja Lamoni. Dan terjadilah bahawa dia ditempatkan di kalangan para orang suruhan yang lain untuk menjaga kawanan ternak Lamoni, menurut kebiasaan bangsa Laman.

26 Dan setelah dia berada dalam pelayanan raja selama tiga hari, sewaktu dia bersama para orang suruhan berbangsa Laman pergi bersama kawanan ternak mereka ke tempat air, yang dipanggil Perairan Sebus, dan semua bangsa Laman menggiring kawanan ternak mereka ke sini, agar ia boleh memperoleh air—

27 Oleh itu, sewaktu Amon dan para orang suruhan raja sedang menggiring kawanan ternak mereka ke tempat air ini, lihatlah, sejumlah bangsa Laman tertentu, yang telah berada bersama kawanan ternak mereka untuk memberinya air, berdiri dan menceraikan kawanan ternak Amon dan para orang suruhan raja, dan mereka menceraikan sedemikian rupa sehingga melarikan diri ke banyak arah.

28 Sekarang, para orang suruhan raja mulai merungut, mengatakan: Sekarang raja akan

membunuh kita, seperti dia telah bunuh saudara-saudara kita kerana kawan ternak mereka dicerai-beraikan kerana kejahatan orang ini. Dan mereka mula menangis tersangat kuat, mengatakan: Lihatlah, kawan ternak kita sudah bercerai-berai.

29 Sekarang, mereka menangis kerana takut dibunuh. Sekarang, ketika Amon melihat ini hatinya bergembung di dalamnya dengan kebahagiaan; kerana, katanya, aku akan memperlihatkan kebolehan kepada mereka ini para orang suruhan sesamaku, atau kekuatan yang ada dalam diriku, dalam mengembalikan kawan ternak ini kepada raja, agar aku boleh memenangi hati mereka ini para orang suruhan sesamaku, agar aku boleh menuntun mereka untuk percaya pada kata-kataku.

30 Dan sekarang, ini adalah fikiran Amon, ketika dia melihat kesengsaraan mereka yang dia istilahkan sebagai saudara-saudaranya.

31 Dan terjadilah bahawa dia memujuk mereka dengan kata-katanya, mengatakan: Saudara-saudaraku, cerialah dan marilah kita pergi mencari kawan ternak itu, dan kita akan mengumpulkannya dan membawanya kembali ke tempat air; dan dengan demikian kita akan melindungi kawan ternak bagi raja dan dia tidak akan membunuh kita.

32 Dan terjadilah bahawa mereka pergi mencari kawan ternak itu, dan mereka mengikut Amon, dan

mereka bergegas dengan pantas dan memintas kawan ternak raja, dan mengumpulkannya kembali ke tempat air.

33 Dan orang itu kembali berdiri untuk menceraikan kawan ternak mereka; tetapi Amon berkata kepada saudara-saudaranya: Kelilingi kawan ternak itu agar ia tidak melarikan diri; dan aku pergi dan melawan orang ini yang menceraikan kawan ternak kita.

34 Oleh itu, mereka melakukan seperti yang Amon perintahkan kepada mereka, dan dia pergi dan berdiri untuk melawan mereka yang berdiri di dekat Perairan Sebus; dan mereka dalam jumlah yang tidak sedikit.

35 Oleh itu mereka tidak takut kepada Amon, kerana mereka mengira bahawa salah satu daripada orang mereka dapat membunuhnya menurut hasrat mereka, kerana mereka tidak tahu bahawa Tuhan telah berjanji kepada Mosia bahawa Dia akan membebaskan para puteranya daripada tangan mereka; tidak juga mereka tahu apa pun berkenaan Tuhan; oleh itu mereka gemar akan kehancuran saudara-saudara mereka; dan kerana sebab ini mereka berdiri untuk menceraikan kawan ternak raja.

36 Tetapi Amon mara ke depan dan mula melontar batu ke arah mereka dengan umbannya; ya, dengan kekuatan yang hebat dia menghamburkan batu-batu ke kalangan mereka; dan demikianlah

dia membunuh sejumlah tertentu daripada mereka sedemikian rupa sehingga mereka mula tercengang atas kekuatannya; walaupun demikian mereka marah kerana saudara-saudara mereka yang terbunuh, dan mereka bertekad bahawa dia akan jatuh; oleh itu, memandangkan bahawa mereka tidak dapat mengenainya dengan batu-batu mereka, mereka tampil dengan gada untuk membunuhnya.

37 Tetapi lihatlah, setiap orang yang mengangkat gadanya untuk menghentam Amon, dia memenggal lengan mereka dengan pedangnya; kerana dia dapat tahan pukulan-pukulan mereka dengan menghentam lengan mereka dengan mata pedangnya, sedemikian rupa sehingga mereka mula tercengang, dan mula melarikan diri dari hadapannya; ya, dan mereka tidak sedikit jumlahnya; dan dia menyebabkan mereka melarikan diri kerana kekuatan lengannya.

38 Sekarang, enam orang daripada mereka telah dijatuhkan oleh umban, tetapi dia tidak membunuh seorang pun kecuali pemimpin mereka dengan pedangnya; dan dia memenggal sebanyak lengan mereka yang diangkat melawannya, dan ianya tidaklah sedikit.

39 Dan ketika dia telah menghalau mereka jauh-jauh, dia kembali dan mereka memberi air kepada kawanan ternak mereka dan mengembalikannya ke padang rumput raja, dan kemudian masuk menghadap raja, dengan

membawa lengan-lengan yang telah dipenggal oleh pedang Amon, dari mereka yang berusaha untuk membunuhnya; dan ianya dibawa masuk ke hadapan raja sebagai suatu kesaksian akan apa yang telah mereka lakukan.

BAB 18

Raja Lamoni mengira bahawa Amon adalah Roh Agung—Amon mengajar raja tentang Penciptaan, urusan Tuhan dengan manusia, dan penebusan yang datang melalui Kristus—Lamoni percaya dan jatuh ke atas bumi seolah-olah mati. Kira-kira 90 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa raja Lamoni menyuruh agar para orang suruhannya hendaknya mara dan bersaksi terhadap segala sesuatu yang telah mereka lihat berkenaan masalah itu.

2 Dan ketika mereka semua telah bersaksi tentang apa yang telah mereka lihat, dan dia telah mendapat tahu tentang kesetiaan Amon dalam melindungi kawanan ternaknya, dan juga tentang kekuatannya yang hebat dalam berjuang melawan mereka yang berupaya untuk membunuhnya, dia amat tercengang, dan berkata: Pastilah, ini lebih daripada seorang manusia. Lihatlah, bukankah ini Roh Agung yang menurunkan hukuman yang demikian besar ke atas orang ini, kerana pembunuhan-pembunuhan mereka?

3 Dan mereka menjawab kepada

raja, dan berkata: Sama ada dia adalah Roh Agung atau seorang manusia, aku tidak tahu; tetapi sebanyak ini yang aku ketahui, bahawa dia tidak dapat dibunuh oleh musuh raja; tidak juga mereka dapat menceraikan kawanan ternak raja ketika dia bersama kami, kerana kemahirannya dan kekuatan hebatnya; oleh itu, kami tahu bahawa dia adalah sahabat kepada raja. Dan sekarang, Wahai raja, aku tidak percaya bahawa seorang manusia memiliki kebolehan demikian besar, kerana aku tahu dia tidak dapat dibunuh.

4 Dan sekarang, ketika raja mendengar kata-kata ini, dia berkata kepada mereka: Sekarang aku tahu bahawa itulah Roh Agung; dan Dia telah turun pada waktu ini untuk melindungi nyawamu, agar aku tidak membunuhmu seperti yang aku lakukan terhadap saudara-saudaramu. Sekarang, inilah Roh Agung yang berkenaannya nenek moyang kita telah bercerita.

5 Sekarang, inilah adat Lamoni, yang telah dia terima daripada ayahnya, bahawa ada seorang Roh Agung. Sekalipun mereka percaya kepada seorang Roh Agung, mereka mengira bahawa apa pun yang mereka lakukan adalah benar; walaupun demikian, Lamoni mula amat takut, berasa takut bahawa dia telah melakukan ketidakadilan dalam membunuh para orang suruhannya;

6 Kerana dia telah membunuh banyak daripada mereka kerana saudara-saudara mereka telah

menceraikan kawanan ternak mereka di tempat air; dan demikianlah, kerana kawanan ternak mereka telah diceraikan mereka dibunuh.

7 Sekarang, adalah amalan bangsa Laman ini untuk berdiri di pinggir Perairan Sebus untuk menceraikan kawanan ternak orang itu, agar dengan demikian mereka boleh menghalau banyak ternak yang tercerai-berai ke negeri mereka sendiri, yang adalah amalan menjarah di kalangan mereka.

8 Dan terjadilah bahawa raja Lamoni bertanya kepada para orang suruhannya, mengatakan: Di manakah lelaki ini yang memiliki kuasa demikian hebat?

9 Dan mereka berkata kepadanya: Lihatlah, dia sedang memberi makan kuda-kuda tuanku. Sekarang, raja telah memerintahkan para orang suruhannya, sebelum waktu pemberian air kepada kawanan ternak mereka, bahawa mereka hendaknya mempersiapkan kuda dan kereta kudanya, dan memandunya pergi ke negeri Nefi; kerana ada perayaan besar ditetapkan di negeri Nefi, oleh ayah Lamoni, yang adalah raja atas seluruh negeri.

10 Sekarang, ketika raja Lamoni mendengar bahawa Amon sedang mempersiapkan kuda-kudanya dan kereta-kereta kudanya dia makin tercengang, kerana kesetiaan Amon, mengatakan: Pastinya tidak pernah ada seorang orang suruhan pun di kalangan semua orang

suruhanku yang telah sedemikian setianya seperti lelaki ini; kerana dia bahkan ingat semua perintahku untuk melaksanakannya.

11 Sekarang, aku pastilah tahu bahawa inilah Roh Agung, dan aku menghasratkannya agar dia datang masuk kepadaku, tetapi aku tidak berani.

12 Dan terjadilah bahawa ketika Amon telah mempersiapkan kuda-kuda dan kereta-kereta kuda untuk raja dan para orang suruhannya, dia masuk menghadap raja, dan dia melihat bahawa air muka raja telah berubah; oleh itu dia hampir keluar meninggalkan hadiratnya.

13 Dan salah seorang orang suruhan raja berkata kepadanya, Rabana, iaitu, ditafsirkan, raja yang penuh kuasa atau yang agung, menganggap raja-raja mereka penuh kuasa; dan demikianlah dia berkata kepadanya: Rabana, raja menghasratkan agar tuan jangan pergi.

14 Oleh itu Amon memalingkan dirinya menghadap raja, dan berkata kepadanya: Apa yang kamu kehendaki agar aku hendaknya lakukan bagi kamu, Wahai raja? Dan raja tidak menjawabnya untuk jangka masa satu jam, menurut kiraan masa mereka, kerana dia tidak tahu apa yang sepatutnya dia katakan kepadanya.

15 Dan terjadilah bahawa Amon berkata kepadanya lagi: Apakah yang kamu hasratkan daripada aku? Tetapi raja tidak menjawabnya.

16 Dan terjadilah bahawa Amon,

dipenuhi dengan Roh Tuhan, oleh itu dia menanggapi fikiran raja. Dan dia berkata kepadanya: Adakah kerana kamu telah mendengar bahawa Aku membela para orang suruhan kamu dan kawanan ternak kamu, dan membunuh tujuh orang daripada saudara-saudara mereka dengan umban dan dengan pedang, dan memenggal lengan yang lain, untuk membela kawanan ternak dan para orang suruhan kamu; lihatlah, inilah yang menyebabkan ketakjuban kamu?

17 Aku berkata kepadamu, apakah sebabnya ketakjuban kamu demikian besar? Lihatlah, aku adalah seorang manusia, dan adalah orang suruhan kamu; oleh itu, apa pun yang kamu hasratkan yang adalah benar, itu akan aku lakukan.

18 Sekarang, ketika raja telah mendengar kata-kata ini, dia takjub kembali, kerana dia melihat bahawa Amon dapat menanggapi fikirannya; tetapi walau bagaimanapun, raja Lamoni membuka mulutnya, dan berkata kepadanya: Siapakah engkau? Adakah engkau Roh Agung itu, yang mengetahui segala sesuatu?

19 Amon menjawab dan berkata kepadanya: aku Bukan aku.

20 Dan raja berkata: Bagaimana engkau tahu fikiran hati aku? Engkau boleh berbicara dengan berani, dan memberitahu aku berkenaan hal-hal ini, dan juga memberitahu aku dengan kekuatan apanya engkau membunuh dan memenggal

lengan saudara-saudara aku yang menyelerakkan kawanan ternak aku—

21 Dan sekarang, jika engkau akan memberitahu aku berkenaan hal-hal ini, apa pun yang engkau hasratkan akan aku berikan kepadamu; dan jika perlu, aku akan melindungi engkau dengan tentera aku; tetapi aku tahu bahawa engkau lebih kuat daripada mereka semua; walaupun demikian, apa pun yang engkau hasratkan daripada aku akan aku berikannya kepadamu.

22 Sekarang, Amon yang adalah bijak, namun tak berbahaya, dia berkata kepada Lamoni: Akankah kamu mendengar kata-kata Aku, jika Aku memberitahu kamu dengan kuasa apanya Aku melakukan hal-hal ini? Dan inilah yang Aku hasratkan daripada kamu.

23 Dan raja menjawabnya, dan berkata: Ya, aku akan percaya segala perkataanmu. Dan demikianlah dia tertangkap dengan kepintarannya.

24 Dan Amon mula berbicara kepadanya dengan keberanian, dan berkata kepadanya: Percayakah kamu bahawa ada seorang Tuhan?

25 Dan dia menjawab, dan berkata kepadanya: Aku tidak tahu apa maknanya itu.

26 Dan kemudian Amon berkata: Percayakah kamu bahawa ada seorang Roh Agung?

27 Dan dia berkata, Ya.

28 Dan Amon berkata: Inilah Tuhan. Dan Amon berkata kepadanya lagi: Percayakah kamu bahawa

Roh Agung ini, yang adalah Tuhan, menciptakan segala sesuatu yang ada di syurga dan di bumi?

29 Dan dia berkata: Ya, aku percaya bahawa Dia menciptakan segala sesuatu yang ada di bumi; tetapi aku tidak mengenal syurga.

30 Dan Amon berkata kepadanya: Syurga adalah suatu tempat kediaman Tuhan dan semua malaikat kudus-Nya.

31 Dan raja Lamoni berkata: Adakah ia di atas bumi?

32 Dan Amon berkata: Ya, dan Dia memandang ke bawah ke atas semua anak manusia; dan Dia mengetahui segala fikiran dan maksud hati; kerana dengan tangan-Nya mereka semua diciptakan sejak awal.

33 Dan raja Lamoni berkata: Aku percaya segala hal ini yang telah engkau ucapkan. Apakah engkau diutus daripada Tuhan?

34 Amon berkata kepadanya: Aku adalah seorang manusia; dan manusia pada awalnya diciptakan menurut rupa Tuhan, dan aku dipanggil oleh Roh Kudus-Nya untuk mengajarkan hal-hal ini kepada bangsa ini, agar mereka boleh dibawa kepada suatu pengetahuan tentang apa yang tepat dan benar;

35 Dan sebahagian daripada Roh itu hidup dalam diri aku, yang memberi aku pengetahuan, dan juga kekuatan menurut iman dan hasrat aku yang ada pada Tuhan.

36 Sekarang, ketika Amon telah mengucapkan kata-kata ini, dia mula dengan penciptaan dunia, dan juga penciptaan Adam, dan

menceritakan kepadanya segala hal berkenaan kejatuhan manusia, dan menceritakan kembali dan memaparkan di hadapannya catatan-catatan dan tulisan suci yang kudus bangsa itu, yang telah dibicarakan oleh para nabi, bahkan hingga masa ketika bapa mereka, Lehi, meninggalkan Yerusalem.

37 Dan dia juga menceritakan kembali kepada mereka (kerana ia ditunjukkan kepada raja dan kepada para orang suruhannya) segala pengembaraan nenek moyang mereka di padang belantara, dan segala penderitaan mereka dengan kelaparan dan kehausan, dan penderitaan berat mereka, dan seterusnya.

38 Dan dia juga menceritakan kembali kepada mereka berkenaan pemberontakan Laman dan Lemuel, dan para anak lelaki Ismael, ya, segala pemberontakan mereka dia tuturkan kepada mereka; dan dia huraikan kepada mereka semua catatan dan tulisan suci sejak waktu ketika Lehi meninggalkan Yerusalem sampai pada waktu sekarang ini.

39 Tetapi ini belumlah semuanya; kerana dia menghuraikan kepada mereka rancangan penebusan, yang dipersiapkan sejak pengasasan dunia; dan dia juga menyingkapkan kepada mereka berkenaan kedatangan Kristus, dan segala pekerjaan Tuhan dia singkapkan kepada mereka.

40 Dan terjadilah bahawa setelah dia mengatakan segala hal ini, dan menghuraikannya kepada

raja, maka raja percaya segala perkataannya.

41 Dan dia mula berseru kepada Tuhan, mengatakan: Ya Tuhan, tunjukkanlah belas kasihan; menurut belas kasihan-Mu yang berlimpah-limpah yang telah Engkau tunjukkan kepada bangsa Nefi, tunjukkan kepada diriku, dan rakyatku.

42 Dan sekarang, ketika dia telah mengatakan ini, dia terjatuh di atas bumi, seolah-olah dia mati.

43 Dan terjadilah bahawa para orang suruhannya mengangkatnya dan membawanya kepada isterinya, dan membaringkannya di atas katil; dan dia berbaring seolah-olah dia mati untuk jangka masa dua hari dan dua malam; dan isterinya, dan para puteranya, dan para puterinya berduka nestapa atas dirinya, menurut cara bangsa Laman, amat meratapi kematiannya.

BAB 19

Lamoni menerima cahaya kehidupan kekal dan melihat Penebus—Seisi rumahnya dikuasai oleh kebahagian dan banyak yang nampak para malaikat—Amon dilindungi secara ajaib—Dia membaptis banyak orang dan menubuhkan sebuah jemaah gereja di kalangan mereka. Kira-kira 90 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa setelah dua hari dan dua malam mereka hampir membawa tubuhnya dan membaringkannya di dalam

makam, yang telah mereka bina untuk tujuan menguburkan orang mati mereka.

2 Sekarang, permaisuri telah mendengar tentang kemasyhuran Amon, oleh itu dia mengutus dan berhasrat agar dia datang kepadanya.

3 Dan terjadilah bahawa Amon melakukan seperti yang diperintahkan kepadanya, dan masuk menghadap permaisuri, dan berhasrat untuk mengetahui apa yang permaisuri inginkan dia lakukan.

4 Dan dia berkata kepadanya: Para orang suruhan suami aku telah menyingkapkan kepada aku bahawa kamu adalah nabi daripada seorang Tuhan yang kudus, dan bahawa kamu memiliki kebolehan untuk melakukan banyak perbuatan hebat dalam nama-Nya;

5 Oleh itu, jika ini keadaannya, aku menghendaki agar kamu hendaknya masuk dan melihat suami aku, kerana dia telah dibaringkan di atas katilnya untuk jangka masa dua hari dan dua malam; dan ada orang berkata bahawa dia belum mangkat, tetapi yang lain berkata bahawa dia sudah mangkat dan bahawa dia berbau busuk, dan bahawa dia seharusnya ditempatkan di dalam makam; tetapi bagi diri aku sendiri, bagi aku dia tidak berbau busuk.

6 Sekarang, inilah yang Amon hasratkan, kerana dia tahu bahawa raja Lamoni berada di bawah kuasa Tuhan; dia tahu bahawa tirai gelap ketidakpercayaan sedang

dibuang daripada fikirannya, dan cahaya yang menerangi fikirannya, yang adalah cahaya kemuliaan Tuhan, yang adalah cahaya yang menakjubkan daripada kebaikan-Nya—ya, cahaya ini telah menanamkan kebahagiaan yang demikian ke dalam jiwanya, setelah awan kegelapan dihilangkan, dan bahawa cahaya kehidupan kekal dinyalakan dalam jiwanya, ya, dia tahu bahawa ini telah menguasai raga alamiahnya, dan dia dibawa pergi dalam Tuhan—

7 Oleh itu, apa yang permaisuri hasratkan daripada dirinya adalah hasratnya sendiri yang tunggal. Oleh itu, dia masuk untuk melihat raja seperti yang telah permaisuri hasratkan daripadanya; dan dia melihat raja; dan dia tahu bahawa raja tidak mangkat.

8 Dan dia berkata kepada permaisuri: Dia tidaklah mangkat, tetapi dia tidur di dalam Tuhan, dan esok hari dia akan bangun kembali; oleh itu janganlah menguburkannya.

9 Dan Amon berkata kepadanya: Percayakah kamu tentang ini? Dan permaisuri berkata kepadanya: Aku tidak memiliki kesaksian lain kecuali perkataanmu, dan perkataan para orang suruhan; walaupun demikian aku percaya bahawa akan terjadi seperti yang telah kamu katakan.

10 Dan Amon berkata kepadanya: Diberkatilah kamu kerana iman kamu yang amat besar; Aku berkata kepada kamu, permaisuri, tidak pernah ada iman

yang demikian besar di kalangan seluruh bangsa Nefi.

11 Dan terjadilah bahawa dia menjaga tidur suaminya, sejak waktu itu bahkan sampai waktu keesokan harinya itu yang telah Amon tetapkan bahawa raja akan bangun.

12 Dan terjadilah bahawa dia bangun, menurut kata-kata Amon; dan sewaktu dia bangun, dia menghulurkan tangannya kepada wanita itu, dan berkata: Terpujilah nama Tuhan, dan diberkatilah kamu.

13 Kerana sepasti kamu hidup, lihatlah, aku telah melihat Penebusku; dan Dia akan tampil, dan dilahirkan daripada seorang wanita, dan Dia akan menebus seluruh umat manusia yang percaya pada nama-Nya. Sekarang, ketika dia telah mengatakan perkataan ini, hatinya bergembung di dalam dirinya, dan dia jatuh pingsan lagi dengan kebahagiaan; dan permaisuri juga jatuh pingsan, dikuasai oleh Roh.

14 Sekarang, Amon melihat Roh Tuhan dicurahkan menurut doanya ke atas bangsa Laman, saudara-saudaranya, yang telah menjadi sebab sedemikian banyaknya duka nestapa di kalangan bangsa Nefi, atau di kalangan seluruh umat Tuhan kerana kederhakaan mereka dan adat resam mereka, dia jatuh berlutut, dan mula mencurahkan jiwanya dalam doa dan ungkapan kesyukuran kepada Tuhan atas apa yang telah Dia lakukan bagi saudara-saudaranya;

dan dia juga dikuasai oleh kebahagiaan; dan demikianlah mereka bertiga telah jatuh pingsan ke atas bumi.

15 Sekarang, ketika para orang suruhan raja telah melihat bahawa mereka telah terjatuh, mereka juga mula berseru kepada Tuhan, kerana ketakutan akan Tuhan telah melanda diri mereka juga, kerana merekalah yang telah berdiri di hadapan raja dan bersaksi kepadanya berkenaan kebolehan hebat Amon.

16 Dan terjadilah bahawa mereka memanggil nama Tuhan, dengan segala kekuatan mereka, bahkan sampai mereka semuanya telah jatuh ke atas bumi, kecuali salah seorang wanita Laman, yang namanya adalah Abis, dia telah berpaling kepada Tuhan selama bertahun-tahun, kerana suatu penglihatan luar biasa ayahnya—

17 Demikianlah, setelah berpaling kepada Tuhan, dan tidak pernah menyingkapkannya, oleh itu, ketika dia melihat bahawa semua orang suruhan Lamoni telah jatuh ke bumi, dan juga majikan wanitanya, si permaisuri, dan raja, dan Amon terbaring tertelungkup di atas bumi, dia tahu bahawa itu adalah kuasa Tuhan; dan mengira bahawa kesempatan ini, dengan menyingkapkan kepada orang apa yang telah terjadi di kalangan mereka, agar dengan melihat kejadian ini, itu akan menyebabkan mereka percaya pada kuasa Tuhan, oleh itu dia lari dari rumah ke rumah, menyingkapkannya kepada orang.

18 Dan mereka mula berhimpun bersama di rumah raja. Dan datanglah orang ramai, dan yang membuat mereka tercengang, mereka melihat raja, dan permaisuri, dan para orang suruhan mereka tertelungkup di atas bumi, dan mereka semuanya terbaring di sana seakan-akan mereka sudah mati; dan mereka juga melihat Amon, dan lihatlah, dia adalah bangsa Nefi.

19 Dan sekarang, orang mula merungut sesama sendiri; sebahagian berkata bahawa adalah suatu nahas besar yang telah menimpa diri mereka, atau diri raja dan seisi rumahnya, kerana dia telah membiarkan bangsa Nefi itu hidup di negeri itu.

20 Tetapi yang lain menegur mereka, mengatakan: raja telah membawa kecelakaan ini ke atas seisi rumahnya, kerana dia membunuh para orang suruhannya kerana kawanan ternak mereka dicerai-beraikan di perairan Sebus.

21 Dan mereka juga ditegur oleh para lelaki itu yang telah berdiri di perairan Sebus dan menceraiberaikan kawanan ternak yang adalah kepunyaan raja, kerana mereka marah terhadap Amon kerana sejumlah orang yang telah dia bunuh di antara saudara-saudara mereka di perairan Sebus, semasa membela kawanan ternak raja.

22 Sekarang, salah seorang daripada mereka, yang saudaranya telah terbunuh oleh pedang Amon, yang amat marah terhadap Amon, menghunus pedangnya dan mara

ke depan agar dia boleh menikam Amon, untuk membunuhnya; dan sewaktu dia mengangkat pedangnya untuk menyerangnya, lihatlah, dia jatuh mati.

23 Sekarang, kita lihat bahawa Amon tidak dapat dibunuh, kerana Tuhan telah berfirman kepada Mosia, ayahnya: Aku akan membiarkannya hidup, dan akan terjadi kepadanya menurut imanmu—oleh itu, Mosia mengamanahkannya kepada Tuhan.

24 Dan terjadilah bahawa ketika orang ramai melihat bahawa lelaki itu telah jatuh mati, yang mengangkat pedang untuk membunuh Amon, ketakutan melanda diri mereka semua, dan mereka tidak berani menghulurkan tangan mereka untuk menyentuhnya atau sesiapa pun daripada mereka yang telah jatuh; dan mereka mula berasa takjub lagi di kalangan diri mereka sendiri tentang apa yang mungkin menjadi sebab kuasa besar ini, atau apakah segala hal ini.

25 Dan terjadilah bahawa ada banyak di antara mereka yang berkata bahawa Amon adalah Roh Agung, dan yang lain berkata dia diutus oleh Roh Agung;

26 Tetapi yang lain menegur mereka semua, mengatakan bahawa dia adalah makhluk mengerikan, yang telah diutus daripada bangsa Nefi untuk menyeksa mereka.

27 Dan ada orang yang berkata bahawa Amon diutus oleh Roh Agung untuk menyengsarakan mereka kerana kederhakaan mereka; dan bahawa Roh Agunglah

yang telah selalu menyertai bangsa Nefi, yang telah senantiasa membebaskan mereka daripada tangan mereka; dan mereka berkata bahawa Roh Agung inilah yang telah menghancurkan sedemikian banyak saudara-saudara mereka, bangsa Laman.

28 Dan demikianlah perselisihan itu mula menjadi amat tajam di antara mereka. Dan sewaktu mereka sedang demikian berselisih, orang suruhan perempuan yang telah menyebabkan orang ramai datang berkumpul bersama, dan ketika dia melihat perselisihan yang terjadi di kalangan orang ramai dia amatlah penuh dukacita, bahkan sampai berlinang air mata.

29 Dan terjadilah bahawa dia pun memegang permaisuri pada tangannya, agar barangkali dia boleh mengangkatnya dari tanah; dan sebaik saja dia menyentuh tangannya dia terbangun dan berdiri atas kakinya, dan berseru dengan suara nyaring, mengatakan: Ya terpujilah Yesus, yang telah menyelamatkan aku dari neraka yang menyeramkan! Ya terpujilah Tuhan, berbelas kasihanlah pada bangsa ini!

30 Dan ketika dia telah mengatakan ini, dia menggenggam tangannya, dipenuhi dengan kebahagiaan, mengucapkan banyak perkataan yang tidak difahami; dan ketika dia telah melakukan ini, dia memegang raja, Lamoni, pada tangannya, dan lihatlah dia terbangun dan berdiri atas kakinya.

31 Dan dia, dengan segera,

melihat perselisihan di kalangan rakyatnya, mara dan mula menegur mereka, dan mengajar mereka kata-kata yang telah dia dengar dari mulut Amon; dan sebanyak yang mendengar kata-katanya percaya, dan berpaling kepada Tuhan.

32 Tetapi ada banyak di antara mereka yang tidak mahu mendengar kata-katanya; oleh itu mereka pergi dari situ.

33 Dan terjadilah bahawa ketika Amon terbangun dia juga melayani mereka, dan juga semua orang suruhan Lamoni; dan mereka semua memaklumkan kepada rakyat itu hal yang sama—bahawa hati mereka telah diubah; bahawa mereka tidak lagi berhasrat untuk melakukan yang jahat.

34 Dan lihatlah, banyak yang memaklumkan kepada rakyat itu bahawa mereka telah melihat para malaikat dan telah bercakap-cakap dengan mereka; dan demikianlah mereka telah memberitahu mereka apa yang daripada Tuhan, dan tentang kesolehan-Nya.

35 Dan terjadilah bahawa ada banyak yang percaya pada kata-kata mereka; dan seberapa banyak yang percaya dibaptis; dan mereka menjadi umat yang soleh, dan mereka menegakkan sebuah jemaah gereja di kalangan mereka.

36 Dan demikianlah pekerjaan Tuhan bermula di kalangan bangsa Laman; demikianlah Tuhan mula mencurahkan Roh-Nya ke atas diri mereka; dan kita melihat bahawa lengan-Nya dihulurkan kepada

semua orang yang akan bertaubat dan percaya pada nama-Nya.

BAB 20

Tuhan mengutus Amon ke Midoni untuk membebaskan saudara-saudaranya yang ditahan—Amon dan Lamoni bertemu ayah Lamoni, yang adalah raja seluruh negeri—Amon memaksa raja tua itu untuk bersetuju membebaskan saudara-saudaranya. Kira-kira 90 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa ketika mereka telah menegakkan sebuah jemaah gereja di negeri itu, bahawa raja Lamoni berhasrat agar Amon hendaknya pergi bersamanya ke negeri Nefi, agar dia boleh diperlihatkannya kepada ayahnya.

2 Dan suara Tuhan datang kepada Amon, memfirmankan: Janganlah kamu pergi ke negeri Nefi, kerana lihatlah, raja akan cuba mencabut nyawamu; tetapi kamu hendaknya pergi ke negeri Midoni; kerana lihatlah, saudaramu Harun, dan juga Muloki dan Ama berada di dalam penjara.

3 Sekarang, terjadilah bahawa ketika Amon telah mendengar ini, dia berkata kepada Lamoni: Lihatlah, saudara lelaki dan saudara-saudaraku berada dalam penjara di Midoni, dan aku pergi agar aku boleh membebaskan mereka.

4 Sekarang, Lamoni berkata kepada Amon: Aku tahu, dengan kekuatan Tuhan kamu dapat melakukannya segala sesuatu. Tetapi lihatlah, aku akan pergi bersamamu ke

negeri Midoni; kerana raja negeri Midoni, yang namanya Antiomno, adalah sahabat bagiku; oleh itu aku pergi ke negeri Midoni, agar aku boleh memuji-muji raja negeri itu, dan dia akan melepaskan saudara-saudaramu dari penjara. Sekarang, Lamoni berkata kepadanya: Siapakah yang memberitahu engkau bahawa saudara-saudaramu berada dalam penjara?

5 Dan Amon berkata kepadanya: Tidak seorang pun telah memberitahu aku, kecuali Tuhan; dan Dia berfirman kepada aku—Pergi dan bebaskanlah saudara-saudaramu, kerana mereka berada dalam penjara di negeri Midoni.

6 Sekarang, ketika Lamoni telah mendengar ini dia menyuruh agar para orang suruhannya hendaknya mempersiapkan kuda-kudanya dan kereta kudanya.

7 Dan dia berkata kepada Amon: Mari, aku akan pergi bersamamu ke negeri Midoni, dan di sana aku akan memohon kepada raja agar dia akan melepaskan saudara-saudaramu dari penjara.

8 Dan terjadilah bahawa sewaktu Amon dan Lamoni sedang melakukannya perjalanan ke sana, mereka bertemu dengan ayah Lamoni, yang adalah raja atas seluruh negeri.

9 Dan lihatlah, ayah Lamoni berkata kepadanya: Mengapakah kamu tidak datang ke perayaan pada hari besar itu ketika aku membuat perayaan bagi para puteraku, dan bagi rakyatku?

10 Dan dia juga berkata: Ke

manakah kamu pergi bersama bangsa Nefi ini, yang adalah salah seorang anak pendusta?

11 Dan terjadilah bahawa Lamoni menceritakan kembali kepadanya ke mana dia akan pergi, kerana dia takut menyinggungnya.

12 Dan dia juga menceritakan kepadanya semua sebab dia tetap tinggal di kerajaannya sendiri, sehingga dia tidak pergi kepada ayahnya ke perayaan yang telah dia persiapkan.

13 Dan sekarang, ketika Lamoni telah menceritakan kembali kepadanya segala hal ini, lihatlah, yang membuatnya tercengang, ayahnya marah terhadapnya, dan berkata: Lamoni, engkau akan membebaskan bangsa Nefi ini, yang adalah anak-anak lelaki seorang pendusta. Lihatlah, dia merompak nenek moyang kita; dan sekarang anak-anaknya juga datang ke kalangan kita agar mereka boleh, dengan kelicikan mereka dan dusta mereka, menipu kita, agar mereka boleh kembali merompak harta milik kita.

14 Sekarang, ayah Lamoni memerintahkannya agar dia hendaknya membunuh Amon dengan pedang. Dan dia juga memerintahkannya agar dia hendaknya tidak pergi ke negeri Midoni, tetapi agar dia hendaknya kembali bersamanya ke negeri Ismael.

15 Tetapi Lamoni berkata kepadanya: Aku tidak akan membunuh Amon, tidak juga akan aku kembali ke negeri Ismael, tetapi aku pergi ke negeri Midoni agar

aku boleh membebaskan saudara-saudara Amon, kerana aku tahu bahawa mereka adalah orang soleh dan nabi kudus daripada Tuhan yang sejati.

16 Sekarang, ketika ayahnya telah mendengar kata-kata ini, dia marah terhadapnya, dan dia menghunus pedangnya agar dia boleh menghentamnya sampai jatuh ke bumi.

17 Tetapi Amon mara dan berkata kepadanya: Lihatlah, janganlah kamu membunuh putera kamu; walaupun demikian, adalah lebih baik bahawa dia akan jatuh daripada kamu, kerana lihatlah, dia telah bertaubat akan segala dosanya; tetapi jika kamu jatuh pada waktu ini, dalam kemurkaan kamu, jiwa kamu tidak dapat diselamatkan.

18 Dan lagi, adalah arif bahawa kamu hendaknya menahan diri; kerana jika kamu akan membunuh putera kamu, dia yang adalah orang tak berdosa, darahnya akan berseru dari tanah kepada Tuhan Rajanya, agar pembalasan melanda diri kamu; dan barangkali kamu akan kehilangan jiwa kamu.

19 Sekarang, ketika Amon telah mengucapkan kata-kata ini kepadanya, dia menjawabnya, mengatakan: Aku tahu bahawa jika aku membunuh putera aku, maka aku akan menumpahkan darah tak berdosa; kerana engkaulah yang telah berupaya untuk menghancurkannya.

20 Dan dia menghulurkan tangannya untuk membunuh Amon. Tetapi Amon menahan

pukulan-pukulannya, dan juga menghentam lengannya sehingga dia tidak dapat menggunakannya.

21 Sekarang, ketika raja melihat bahawa Amon dapat membunuhnya, dia mula merayu kepada Amon agar dia membiarkannya hidup.

22 Tetapi Amon mengangkat pedangnya, dan berkata kepadanya: Lihatlah, aku akan menyerang kamu kecuali kamu mengabdikan bagi aku agar saudara-saudara Aku boleh dilepaskan dari penjara.

23 Sekarang, raja itu, kerana berasa takut dia akan kehilangan nyawanya, berkata: Jika engkau membiarkan aku hidup aku akan mengabdikan bagimu apa pun yang akan engkau minta, bahkan sampai setengah daripada kerajaan.

24 Sekarang, ketika Amon melihat bahawa dia telah dapat mempengaruhi raja tua itu menurut hasratnya, dia berkata kepadanya: Jika kamu akan mengabdikan bahawa saudara-saudara aku boleh dilepaskan dari penjara, dan juga bahawa Lamoni boleh terus memerintah kerajaan dia, dan bahawa kamu tidak benci terhadapnya, tetapi mengabdikan bahawa dia boleh melakukan menurut hasrat dia sendiri dalam hal apa pun yang dia fikirkan, maka aku akan membiarkan kamu hidup; jika tidak aku akan menghentam kamu sampai jatuh ke bumi.

25 Sekarang, ketika Amon telah mengucapkan kata-kata ini, raja mula bersukacita atas nyawanya.

26 Dan ketika dia melihat bahawa Amon tidak memiliki hasrat untuk menghancurkannya, dan ketika dia juga melihat kasih besar yang dia miliki bagi puteranya Lamoni, dia amat tercengang, dan berkata: Kerana ini sahaja yang telah engkau hasratkan, agar aku akan membebaskan saudara-saudaramu, dan membiarkan agar puteraku Lamoni hendaknya terus memerintah kerajaannya, lihatlah, aku akan mengabdikan bagimu bahawa putera aku boleh terus memerintah kerajaannya mula waktu ini dan selamanya; dan aku tidak akan mengawalnya lagi—

27 Dan aku akan juga mengabdikan bagimu bahawa saudara-saudaramu boleh dilepaskan dari penjara, dan engkau dan saudara-saudaramu boleh datang kepada aku, ke dalam kerajaan aku; kerana aku akan amat berhasrat untuk bertemu denganmu. Kerana raja amatlah tercengang akan kata-kata yang telah dia ucapkan, dan juga akan kata-kata yang telah diucapkan oleh puteranya Lamoni, oleh itu dia berhasrat untuk mempelajarinya.

28 Dan terjadilah bahawa Amon dan Lamoni meneruskan perjalanan mereka menuju ke negeri Midoni. Dan Lamoni berkenan di mata raja negeri itu; oleh itu saudara-saudara Amon dibawa keluar dari penjara.

29 Dan ketika Amon bertemu dengan mereka dia amat berdukacita, kerana lihatlah mereka telanjang, dan kulit mereka amat terkelupas

kerana diikat dengan tali yang kuat. Dan mereka juga telah menderita kelaparan, kehausan, dan segala jenis kesengsaraan; walaupun demikian mereka sabar dalam segala penderitaan mereka.

30 Dan, kebetulannya, adalah nasib mereka untuk jatuh ke dalam tangan orang yang lebih keras dan yang lebih berleher tegar, oleh itu mereka tidak mahu mendengar perkataan mereka, dan mereka telah mengusir mereka, dan telah mendera mereka, dan telah menghalau mereka dari rumah ke rumah, dan dari tempat ke tempat, bahkan sampai mereka telah tiba di negeri Midoni; dan di sana mereka ditangkap dan dilemparkan ke dalam penjara, dan diikat dengan tali yang kuat, dan ditahan di dalam penjara selama banyak hari, dan dibebaskan oleh Lamoni dan Amon.

Sebuah laporan tentang pengkhutbahan Harun dan Muloki dan saudara-saudara mereka, kepada bangsa Laman.

Meliputi bab 21 hingga bab 26.

BAB 21

Harun mengajar bangsa Amaleki tentang Kristus dan korban tebusan—Harun dan saudara-saudaranya dipenjarakan di Midoni—Setelah pembebasan mereka, mereka mengajar di dalam saumaah-saumaah dan menukarkan hati banyak orang—Lamoni

memberikan kebebasan keagamaan kepada orang di negeri Ismael. Kira-kira 90–77 tahun S.M.

SEKARANG, ketika Amon dan saudara-saudaranya berpisah di sempadan negeri bangsa Laman, lihatlah Harun membuat perjalanannya menuju negeri yang dipanggil oleh bangsa Laman, Yerusalem, menamakannya menurut negeri kelahiran nenek moyang mereka; dan ia berada jauh bersempadan dengan Mormon.

2 Sekarang, bangsa Laman dan bangsa Amaleki dan orang Amulon telah membina sebuah kota yang agung, yang dipanggil Yerusalem.

3 Sekarang, bangsa Laman sendiri cukup keras, tetapi bangsa Amaleki dan orang Amulon lebih keras lagi; oleh itu mereka menyebabkan bangsa Laman agar mereka hendaknya mengeraskan hati mereka, agar mereka hendaknya menjadi kuat dalam kejahatan dan kekejian mereka.

4 Dan terjadilah bahawa Harun datang ke kota Yerusalem, dan pertamanya mula berkhutbah kepada bangsa Amaleki. Dan dia mula berkhutbah kepada mereka di dalam saumaah-saumaah mereka, kerana mereka telah membina saumaah menurut tarekat kaum Nehor; kerana banyak daripada bangsa Amaleki dan bangsa Amulon adalah menurut tarekat kaum Nehor.

5 Oleh itu, sewaktu Harun masuk ke dalam salah sebuah saumaah mereka untuk berkhutbah kepada

orang, dan sewaktu dia sedang berbicara kepada mereka, lihatlah bangkitnya se bangsa Amaleki dan mula berbahas dengannya, mengatakan: Apakah itu yang telah engkau persaksikan? Adakah engkau telah melihat malaikat? Mengapakah para malaikat tidak menampakkan diri kepada kami? Lihatlah tidakkah bangsa ini sebaik bangsamu?

6 Engkau juga mengatakan, kecuali kami bertaubat kami akan binasa. Bagaimanakah engkau tahu fikiran dan maksud hati kami? Bagaimana engkau tahu bahawa kami mempunyai sebab untuk bertaubat? Bagaimana engkau tahu bahawa kami bukan suatu bangsa yang soleh? Lihatlah, kami telah membina tempat-tempat kudus, dan kami berhimpun bersama untuk menyembah Tuhan. Kami percaya bahawa Tuhan akan menyelamatkan semua orang.

7 Sekarang, Harun berkata kepadanya: Percayakah kamu bahawa Putera Tuhan akan datang untuk menebus umat manusia daripada dosa-dosa mereka?

8 Dan lelaki itu berkata kepadanya: Kami tidak percaya bahawa engkau mengetahui apa pun seperti itu. Kami tidak percaya pada adat resam bodoh ini. Kami tidak percaya bahawa engkau tahu tentang apa yang akan datang, tidak juga kami percaya bahawa nenek moyangmu dan juga bahawa nenek moyang kami tahu berkenaan apa yang mereka ucapkan, tentang apa yang akan datang.

9 Sekarang, Harun mula membacakan tulisan suci kepada mereka berkenaan kedatangan Kristus, dan juga berkenaan kebangkitan orang mati, dan bahawa tidak dapat ada penebusan bagi umat manusia kecuali melalui kematian dan penderitaan Kristus, dan korban tebusan darah-Nya.

10 Dan terjadilah sewaktu dia mula menerangkan hal-hal ini kepada mereka, mereka marah terhadapnya, dan mula mengejeknya; dan mereka tidak mahu mendengar kata-kata yang dia ucapkan.

11 Oleh itu, ketika dia melihat bahawa mereka tidak mahu mendengar kata-katanya, dia keluar dari saumaah mereka, dan datang ke sebuah desa yang dipanggil Ani-Anti, dan di sana dia mendapati Muloki sedang mengkhutbahkan firman kepada mereka; demikian juga Ama dan saudara-saudaranya. Dan mereka berbahas dengan banyak orang tentang firman.

12 Dan terjadilah bahawa mereka melihat bahawa orang itu akan mengeraskan hati mereka, oleh itu mereka berangkat dan datang ke negeri Midoni. Dan mereka mengkhutbahkan firman kepada banyak orang, dan sedikit yang percaya pada kata-kata yang mereka ajarkan.

13 Walaupun demikian, Harun dan sejumlah tertentu daripada saudara-saudaranya ditangkap dan dilemparkan ke dalam penjara, dan yang tertinggal di antara mereka melarikan diri keluar dari

negeri Midoni ke daerah-daerah sekitarnya.

14 Dan mereka yang dilemparkan ke dalam penjara menderita banyak kesengsaraan, dan mereka dibebaskan oleh tangan Lamoni dan Amon, dan mereka diberi makanan dan pakaian.

15 Dan mereka pergi lagi untuk memaklumkan firman, dan demikianlah mereka dibebaskan untuk pertama kalinya dari penjara; dan demikianlah mereka telah menderita.

16 Dan mereka pergi ke mana pun mereka dituntun oleh Roh Tuhan, mengkhutbahkan firman Tuhan di dalam setiap saumaah orang Amaleki, atau di dalam setiap pertemuan bangsa Laman di mana mereka dapat diterima masuk.

17 Dan terjadilah bahawa Tuhan mula memberkati mereka, sedemikian rupa sehingga mereka membawa banyak orang pada pengetahuan tentang kebenaran; ya, mereka meyakinkan banyak orang tentang dosa-dosa mereka, dan tentang adat resam nenek moyang mereka, yang tidaklah benar.

18 Dan terjadilah bahawa Amon dan Lamoni kembali dari negeri Midoni ke negeri Ismael, yang adalah negeri warisan mereka.

19 Dan raja Lamoni enggan membiarkan bahawa Amon akan melayaninya, atau menjadi orang suruhannya.

20 Tetapi dia menyuruh agar hendaknya saumaah-saumaah dibina di negeri Ismael; dan dia

menyuruh agar rakyatnya, atau orang yang berada di bawah pemerintahannya, hendaknya berhimpun bersama.

21 Dan dia bersukacita atas diri mereka, dan dia mengajar mereka banyak hal. Dan dia juga memaklumkan kepada mereka bahawa mereka adalah bangsa yang di bawah pemerintahannya, dan bahawa mereka adalah suatu bangsa yang bebas, bahawa mereka bebas daripada penindasan raja, ayahnya; kerana ayahnya telah mengabdikan baginya bahawa dia boleh memerintah atas rakyat yang berada di negeri Ismael, dan di seluruh negeri sekitarnya.

22 Dan dia juga memaklumkan kepada mereka bahawa mereka boleh memiliki kemerdekaan untuk menyembah Tuhan Raja mereka menurut hasrat mereka, di tempat mana pun mereka berada, selagi itu berada di negeri yang di bawah pemerintahan raja Lamoni.

23 Dan Amon berkhutbah kepada rakyat raja Lamoni; dan terjadilah bahawa dia mengajar mereka segala sesuatu berkenaan apa yang berkaitan dengan kebenaran. Dan dia mendorong mereka setiap hari, dengan sepenuh ketekunan; dan mereka mengendahkan kata-katanya, dan mereka bersemangat untuk mentaati perintah-perintah Tuhan.

BAB 22

Harun mengajar ayah Lamoni tentang

Penciptaan, kejatuhan Adam, dan rancangan penebusan melalui Kristus—Raja dan seisi rumahnya bertukar hati—Pembahagian negeri antara bangsa Nefi dan bangsa Laman dijelaskan. Kira-kira 90–77 tahun S.M.

SEKARANG, sewaktu Amon sedang demikian mengajar orang Lamoni secara berterusan, kami akan kembali pada laporan tentang Harun dan saudara-saudaranya; kerana setelah dia keluar dari negeri Midoni, dia dituntun oleh Roh ke negeri Nefi, bahkan ke rumah raja yang berkuasa atas seluruh negeri kecuali negeri Ismael; dan dia ayah Lamoni.

2 Dan terjadilah bahawa dia masuk menghadapnya dalam istana raja, bersama saudara-saudaranya, dan menundukkan dirinya di hadapan raja, dan berkata kepadanya: Lihatlah, Wahai raja, Aku adalah saudara-saudara Amon, yang telah kamu bebaskan dari penjara.

3 Dan sekarang, Wahai raja, jika kamu akan membiarkan kami hidup, kami akan menjadi orang suruhan kamu. Dan raja berkata kepada mereka: Bangkitlah, kerana aku akan mengabdikan bagimu hidupmu, dan aku tidak akan membiarkan bahawa kamu akan menjadi orang suruhan aku; tetapi aku akan berkeras bahawa kamu akan melayani aku; kerana aku telah sedikit-sebanyak bersusah hati dalam fikiran kerana kemurahan hati dan keagungan perkataan-perkataan saudaramu Amon; dan

aku berhasrat untuk tahu sebab mengapa dia tidak datang dari Midoni bersamamu.

4 Dan Harun berkata kepada raja: Lihatlah, Roh Tuhan telah memanggilnya ke jalan lain; dia telah pergi ke negeri Ismael, untuk mengajar orang Lamoni.

5 Sekarang, raja berkata kepada mereka: Apakah ini yang telah kamu katakan berkenaan Roh Tuhan? Lihatlah, inilah hal yang menggelisahkan aku.

6 Dan juga, apakah ini yang Amon katakan—Jika kamu akan bertaubat kamu akan diselamatkan, dan jika kamu tidak akan bertaubat, kamu akan disingkirkan pada hari terakhir?

7 Dan Harun menjawabnya dan berkata kepadanya: Percayakah kamu bahawa ada seorang Tuhan? Dan raja berkata: Aku tahu bahawa bangsa Amaleki berkata bahawa ada seorang Tuhan, dan aku telah mengabdikan bagi mereka bahawa mereka hendaknya membina tempat-tempat kudus, agar mereka boleh berhimpun bersama untuk menyembah-Nya. Dan jika sekarang kamu berkata bahawa ada seorang Tuhan, lihatlah aku akan percaya.

8 Dan sekarang, ketika Harun mendengar ini, hatinya mula ber-sukacita, dan dia berkata: Lihatlah, sepasti kamu hidup, Wahai raja, adanya seorang Tuhan.

9 Dan raja berkata: Adakah Tuhan ini Roh Agung itu yang membawa nenek moyang kita keluar dari negeri Yerusalem?

10 Dan Harun berkata kepadanya: Ya, Dia adalah Roh Agung itu, dan Dia menciptakan segala sesuatu baik di langit mahupun di bumi. Percayakah kamu akan ini?

11 Dan dia berkata: Ya, aku percaya bahawa Roh Agung menciptakan segala sesuatu, dan aku berhasrat bahawa kamu hendaknya memberitahu aku berkenaan segala hal ini, dan aku akan mempercayai perkataan-perkataanmu.

12 Dan terjadilah bahawa ketika Harun melihat bahawa raja akan percaya pada kata-katanya, dia bermula daripada penciptaan Adam, membacakan tulisan suci kepada raja—bagaimana Tuhan menciptakan manusia menurut rupa-Nya sendiri, dan bahawa Tuhan memberinya perintah-perintah, dan bahawa kerana pelanggaran, manusia telah jatuh.

13 Dan Harun menghuraikan kepadanya tulisan-tulisan suci sejak penciptaan Adam, memaparkan kejatuhan manusia di hadapannya, dan keadaan badaniah mereka dan juga rancangan penebusan, yang telah dipersiapkan sejak pengasasan dunia, melalui Kristus, bagi setiap orang, sesiapaupun yang akan percaya pada nama-Nya.

14 Dan kerana manusia telah jatuh dia tidak layak menerima apa pun atas usaha dirinya sendiri; tetapi penderitaan dan kematian Kristus menebuskan dosa-dosa mereka, melalui iman dan pertaubatan, dan seterusnya; dan bahawa Dia memutuskan ikatan kematian, sehingga kubur tidak

akan memperoleh kemenangan, dan agar sengat kematian akan ditelan dalam harapan akan kemuliaan; dan Harun menerangkan segala hal ini kepada raja.

15 Dan terjadilah bahawa setelah Harun menghuraikan hal-hal ini kepadanya, raja berkata: Apakah yang hendaknya aku lakukan agar aku boleh memperoleh kehidupan abadi ini yang tentangnya telah engkau bicarakan? Ya, apa yang hendaknya aku lakukan agar aku boleh dilahirkan dari Tuhan, dengan roh jahat ini dibasmi dari dada aku, dan menerima Roh-Nya, agar aku boleh dipenuhi dengan kebahagiaan, agar aku tidak disingkirkan pada hari terakhir? Lihatlah, katanya, aku akan meninggalkan segala yang aku miliki, ya, aku akan meninggalkan kerajaan aku, agar aku boleh menerima sukacita yang besar ini.

16 Tetapi Harun berkata kepadanya: Jika kamu menghasratkan hal ini, jika kamu akan menundukkan diri di hadapan Tuhan, ya, jika kamu akan bertaubat akan segala dosa kamu, dan akan menundukkan diri di hadapan Tuhan, dan memanggil nama-Nya dalam iman, percaya bahawa kamu akan menerima, maka akanlah kamu menerima harapan yang kamu hasratkan.

17 Dan terjadilah bahawa ketika Harun telah mengucapkan kata-kata ini, raja menundukkan diri di hadapan Tuhan, di atas lututnya; ya, bahkan dia menelungkupkan

dirinya di atas tanah, dan berseru dengan amat kuat, mengatakan:

18 Ya Tuhan, Harun telah memberitahu aku bahawa adanya seorang Tuhan; dan jika adanya seorang Tuhan, dan jika Engkau adalah Tuhan, tolong singkapkan diri-Mu kepada aku, dan aku akan melepaskan segala dosa Aku untuk mengenal Engkau, dan agar aku boleh dibangkitkan daripada yang mati, dan diselamatkan pada hari terakhir. Dan sekarang, ketika raja telah mengucapkan perkataan-perkataan ini, dia terjatuh seolah-olah dia mati.

19 Dan terjadilah bahawa para orang suruhannya lari dan memberitahu permaisuri segala yang telah terjadi kepada raja. Dan dia datang kepada raja; dan ketika dia melihatnya terbaring seolah-olah dia mati, dan juga Harun dan saudara-saudaranya berdiri seakan-akan mereka adalah sebab kejatuhannya, dia murka terhadap mereka, dan memerintahkan agar para orang suruhannya, atau para orang suruhan raja, hendaknya menangkap mereka dan membunuh mereka.

20 Sekarang, orang suruhan itu telah melihat sebab kejatuhan raja, oleh itu mereka tidak berani mengenakan tangan mereka pada Harun dan saudara-saudaranya; dan mereka merayu kepada permaisuri mengatakan: Mengapakah kamu memerintahkan agar kami hendaknya membunuh lelaki-lelaki ini, sedangkan salah seorang daripada mereka lebih

perkasa daripada kami semua? Oleh itu kami akan jatuh di hadapan mereka.

21 Sekarang, ketika permaisuri melihat ketakutan para orang suruhannya dia juga mula berasa amat takut, jangan-jangan ada nahas datang ke atas dirinya. Dan dia memerintahkan para orang suruhannya agar mereka hendaknya pergi dan memanggil rakyat, agar mereka boleh membunuh Harun dan saudara-saudaranya.

22 Sekarang, ketika Harun melihat keazaman permaisuri, dia, juga kerana mengetahui kekerasan hati bangsa itu, berasa takut bahawa orang ramai akan berhimpun bersama, dan akan terjadi persepilihan yang hebat dan gangguan di kalangan mereka; oleh itu dia menghulurkan tangannya dan mengangkat raja dari bumi, dan berkata kepadanya: Berdirilah. Dan dia berdiri atas kakinya, menerima kekuatannya.

23 Sekarang, ini dilakukan di hadapan permaisuri dan banyak daripada orang suruhan itu. Dan ketika mereka melihatnya mereka amat takjub, dan mula berasa takut. Dan raja tampil, dan mula melayani mereka. Dan dia melayani mereka, sedemikian rupa sehingga seluruh isi rumahnya berpaling kepada Tuhan.

24 Sekarang, terdapat orang ramai berkumpul bersama kerana perintah permaisuri, dan mula ada rungutan yang hebat di kalangan mereka kerana Harun dan saudara-saudaranya.

25 Tetapi raja tampil ke tengah-tengah mereka dan melayani mereka. Dan mereka ditenangkan terhadap Harun dan mereka yang berada bersamanya.

26 Dan terjadilah bahawa ketika raja melihat bahawa rakyat ditenangkan, dia menyuruh agar Harun dan saudara-saudaranya hendaknya mara ke tengah-tengah khalayak ramai, dan bahawa mereka hendaknya mengkhutbahkan firman kepada mereka.

27 Dan terjadilah bahawa raja megutuskan suatu perisytiharan ke seluruh negeri, di kalangan semua rakyatnya yang berada di seluruh negerinya, yang berada di semua daerah sekitarnya, yang bersempadanan bahkan dengan laut, di timur dan di barat, dan yang dipisahkan dari negeri Zarahemla oleh sejalur sempit padang belantara, yang terbentang dari laut timur bahkan ke laut barat, dan ke sekitar di sempadan pantai, dan sempadan padang belantara yang berada di utara bersebelahan negeri Zarahemla, melalui sempadan Manti, bersebelahan hulu sungai Sidon, terbentang dari timur menuju barat—dan demikianlah bangsa Laman dan bangsa Nefi dipisahkan.

28 Sekarang, bahagian bangsa Laman yang lebih malas hidup di padang belantara, dan diam di dalam khemah; dan mereka tersebar di seluruh padang belantara di barat, di negeri Nefi; ya, dan juga di barat negeri Zarahemla, di sempadan bersebelahan pantai, dan

di barat di negeri Nefi, di tempat warisan pertama nenek moyang mereka, dan dengan demikian bersempadan sepanjang pantai.

29 Dan juga ada banyak bangsa Laman di timur dekat tepi laut, ke mana bangsa Nefi telah menghalau mereka. Dan demikianlah bangsa Nefi hampir dikepung oleh bangsa Laman; walaupun demikian bangsa Nefi telah menguasai semua bahagian utara negeri yang menyempadani padang belantara, di hulu Sungai Sidon, dari timur ke barat, di sekitar pinggiran padang belantara; di utara, bahkan sampai mereka datang ke negeri yang mereka panggil Kelimpahan.

30 Dan ia menyempadani negeri yang mereka panggil Kemusnahan, ia demikian jauh ke utara sehingga sampai ke negeri yang pernah didiami dan telah dihancurkan, yang tulang-tulangnya telah kami bicarakan, yang ditemukan oleh orang Zarahemla, kerana ia adalah tempat pendaratan pertama mereka.

31 Dan mereka datang dari sana ke padang belantara selatan. Demikianlah negeri di sebelah utara dipanggil Kemusnahan, dan negeri yang di sebelah selatan dipanggil Kelimpahan, yang adalah padang belantara yang dipenuhi dengan segala macam haiwan liar daripada setiap jenis, yang sebahagian daripadanya telah datang dari negeri sebelah utara untuk mencari makanan.

32 Dan sekarang, ia hanya jarak perjalanan satu setengah hari

bagi seorang bangsa Nefi, pada sempadan antara Kelimpahan dan negeri Kemusnahan, dari laut timur ke barat; dan demikianlah negeri Nefi dan negeri Zarahemla hampir dikelilingi oleh air, yang di sana ada sejalur tanah kecil antara negeri sebelah utara dan negeri sebelah selatan.

33 Dan terjadilah bahawa bangsa Nefi telah mendiami negeri Kelimpahan, bahkan dari laut timur sampai laut barat, dan demikianlah bangsa Nefi dalam kebijaksanaan mereka, dengan para pengawal mereka dan tentera mereka, telah mengepung bangsa Laman di selatan, agar dengan demikian mereka tidak akan memiliki jajahan di utara, agar mereka tidak boleh menakluk negeri yang di sebelah utara.

34 Oleh itu bangsa Laman tidak dapat memiliki jajahan kecuali di negeri Nefi, dan di padang belantara sekitarnya. Sekarang, inilah kebijaksanaan dalam bangsa Nefi—memandangkan bangsa Laman adalah musuh kepada mereka, mereka enggan menerima penyengsaraan daripada mereka dari setiap arah, dan juga agar mereka boleh memiliki sebuah wilayah ke mana mereka boleh melarikan diri, menurut hasrat mereka.

35 Dan sekarang, aku, setelah mengatakan ini, kembali lagi ke laporan tentang Amon dan Harun, Omner dan Himni, dan saudara-saudara mereka.

BAB 23

Kebebasan keagamaan diisytiharkan—Bangsa Laman di tujuh buah negeri dan kota bertukar hati—Mereka memanggil diri mereka orang Anti-Nefi-Lehi dan dibebaskan daripada kutukan—Bangsa Amaleki dan bangsa Amulon menolak kebenaran. Kira-kira 90–77 tahun S.M.

LIHATLAH, sekarang, terjadilah bahawa raja bangsa Laman mengutuskan suatu perisytiharan ke kalangan semua rakyatnya, bahawa mereka hendaknya tidak menjamah Amon, atau Harun, atau Omner, atau Himni, tidak juga salah satu daripada saudara-saudara mereka yang akan pergi mengkhutbahkan firman Tuhan, di mana-mana tempat pun mereka akan berada, di mana-mana baha-gian pun dalam negeri mereka.

2 Ya, dia mengutuskan titah di kalangan mereka, bahawa mereka hendaknya tidak menjamah mereka untuk mengikat mereka, atau melemparkan mereka ke dalam penjara; tidak juga mereka hendaknya meludahi mereka, tidak juga memukul mereka, tidak juga mengusir mereka dari saumaah mereka, tidak juga mencambuk mereka; tidak juga mereka patut melempar mereka dengan batu, tetapi agar mereka dapat memasuki rumah-rumah mereka tanpa halangan, dan juga bait-bait suci mereka, dan tempat-tempat kudus mereka.

3 Dan demikianlah mereka boleh

pergi dan mengkhutbahkan firman menurut hasrat mereka, kerana raja telah berpaling hati kepada Tuhan, dan seluruh isi rumahnya; oleh itu dia mengutuskan perisytiharannya ke seluruh negeri kepada rakyatnya, agar firman Tuhan tidak akan mengalami halangan, tetapi agar ia boleh disebarluaskan ke seluruh negeri, agar rakyatnya boleh diyakinkan berkenaan adat resam jahat nenek moyang mereka, dan agar mereka boleh diyakinkan bahawa mereka semua adalah saudara, dan bahawa mereka seharusnya tidak membunuh, tidak juga menjarah, tidak juga mencuri, tidak juga berbuat zina, tidak juga berbuat kejahatan apa macam pun.

4 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika raja telah mengutuskan perisytiharan ini, maka Harun dan saudara-saudaranya pergi dari kota ke kota, dan dari sebuah rumah ibadat ke yang lain, menubuhkan jemaah-jemaah gereja, dan menahbiskan para imam dan pengajar di seluruh negeri di kalangan bangsa Laman, untuk mengkhutbahkan dan untuk mengajarkan firman Tuhan di kalangan mereka; dan demikianlah mereka mula mengalami banyak kejayaan.

5 Dan ribuan dibawa pada pengetahuan tentang Tuhan, ya, ribuan dibawa untuk percaya pada adat resam bangsa Nefi; dan mereka diajar catatan dan nubuat yang diturunkan bahkan sampai waktu sekarang.

6 Dan sepastinya Tuhan hidup, sedemikian pastinya sebanyak yang percaya, atau sebanyak yang dibawa pada pengetahuan tentang kebenaran, melalui pengkhutbahan Amon dan saudara-saudaranya, menurut roh wahyu dan nubuat, dan kuasa Tuhan yang mengerjakan mukjizat dalam diri mereka—ya, aku berkata kepadamu, sebagaimana Tuhan hidup, sebanyak bangsa Laman yang percaya pada pengkhutbahan mereka, dan berpaling kepada Tuhan, tidaklah pernah jatuh.

7 Kerana mereka menjadi suatu bangsa yang soleh; mereka meletakkan senjata pemberontakan mereka, sehingga mereka tidak berperang melawan Tuhan lagi, tidak juga melawan siapa pun di antara saudara-saudara mereka.

8 Sekarang, inilah mereka yang berpaling kepada Tuhan:

9 Bangsa Laman yang berada di negeri Ismael;

10 Dan juga bangsa Laman yang berada di negeri Midoni;

11 Dan juga bangsa Laman yang berada di kota Nefi;

12 Dan juga bangsa Laman yang berada di negeri Silom, dan yang berada di negeri Semlon, dan di kota Lemuel, dan di kota Simnilom.

13 Dan ini adalah nama-nama kota bangsa Laman yang berpaling kepada Tuhan; dan ini adalah mereka yang meletakkan senjata pemberontakan mereka, ya, semua

senjata peperangan mereka; dan mereka semuanya bangsa Laman.

14 Dan bangsa Amaleki tidak bertukar hati, kecuali hanya satu; tidak juga sesiapa pun daripada bangsa Amulon; tetapi mereka mengeraskan hati mereka, dan juga hati bangsa Laman di bahagian negeri itu di mana pun mereka hidup, ya, dan semua desa mereka dan semua kota mereka.

15 Oleh itu, kami telah menamakan semua kota bangsa Laman di mana mereka bertaubat dan sampai pada pengetahuan tentang kebenaran, dan bertukar hati.

16 Dan sekarang, terjadilah bahawa raja dan mereka yang bertukar hati berhasrat agar mereka boleh memperoleh sebuah nama, agar dengan demikian mereka boleh dibezakan daripada saudara-saudara mereka; oleh itu raja berunding dengan Harun dan banyak daripada para imam mereka, berkenaan nama yang mereka hendaknya ambil ke atas diri mereka, agar mereka boleh dibezakan.

17 Dan terjadilah bahawa mereka menamakan diri mereka orang Anti-Nefi-Lehi; dan mereka dipanggil dengan nama ini dan tidak lagi dipanggil bangsa Laman.

18 Dan mereka mula menjadi bangsa yang sangat rajin; ya, dan mereka ramah terhadap bangsa Nefi; oleh itu, mereka menjalin persahabatan dengan mereka, dan kutukan Tuhan tidak lagi menyertai mereka.

BAB 24

Bangsa Laman datang melawan umat Tuhan—Orang Anti-Nefi-Lehi bersukacita di dalam Kristus dan dikunjungi para malaikat—Mereka memilih untuk menderita kematian daripada membela diri mereka—Lebih banyak bangsa Laman bertukar hati. Kira-kira 90–77 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa bangsa Amaleki dan bangsa Amulon dan bangsa Laman yang berada di negeri Amulon, dan juga di negeri Helam, dan yang berada di negeri Yerusalem, dan kesimpulannya, di seluruh negeri sekitarnya, yang tidak bertukar hati dan tidak mengambil ke atas diri mereka nama Anti-Nefi-Lehi, dihasut oleh orang Amaleki dan oleh bangsa Amulon sampai marah terhadap saudara-saudara mereka.

2 Dan kebencian mereka menjadi amat kuat terhadap mereka, bahkan sedemikian rupa sehingga mereka mula memberontak terhadap raja mereka, sedemikian rupa sehingga mereka tidak menghendaki bahawa dia menjadi raja mereka; oleh itu, mereka mengangkat senjata melawan orang Anti-Nefi-Lehi.

3 Sekarang, raja menganugerahkan kerajaan kepada puteranya, dan dia menamakan dia Anti-Nefi-Lehi.

4 Dan raja mangkat pada tahun yang sama itu ketika bangsa Laman mula membuat persiapan untuk peperangan melawan umat Tuhan.

5 Sekarang, ketika Amon dan saudara-saudaranya dan mereka semua yang telah datang bersamanya melihat persiapan bangsa Laman untuk menghancurkan saudara-saudara mereka, mereka datang ke negeri Midian, dan di sana Amon menemui semua saudaranya; dan dari sana mereka datang ke negeri Ismael agar mereka boleh mengadakan suatu persidangan dengan Lamoni dan juga dengan saudaranya Anti-Nefi-Lehi, apa yang patutnya mereka lakukan untuk mempertahankan diri mereka terhadap bangsa Laman.

6 Sekarang, tidak ada satu jiwa pun di kalangan semua orang yang telah berpaling kepada Tuhan yang akan mengangkat senjata melawan saudara-saudara mereka; tidak, mereka tidak mahu bahkan membuat persiapan apa pun untuk peperangan; ya, juga raja mereka telah memerintahkan mereka agar mereka tidak patut melakukannya.

7 Sekarang, inilah perkataan-perkataan yang dia titahkan kepada rakyat berkenaan masalah ini: Aku bersyukur kepada Tuhan aku, rakyat aku yang terkasih, bahawa Tuhan kita yang agung dalam kebaikan telah mengutus mereka ini, saudara-saudara kita, bangsa Nefi, kepada kita untuk berkhotbah kepada kita, dan untuk meyakinkan kita tentang adat resam nenek moyang kita yang jahat.

8 Dan lihatlah, aku bersyukur kepada Tuhan aku yang agung bahawa Dia telah memberikan

kepada kita sebahagian daripada Roh-Nya untuk melunakkan hati kita, sehingga kita telah menjalin persahabatan dengan saudara-saudara ini, bangsa Nefi.

9 Dan lihatlah, aku juga bersyukur kepada Tuhan aku, bahawa dengan menjalin persahabatan ini kita telah diyakinkan akan dosa-dosa kita, dan akan banyaknya pembunuhan yang telah kita lakukan.

10 Dan aku juga bersyukur kepada Tuhan aku, ya, Tuhan aku yang agung, bahawa Dia telah mengabulkan bagi kita bahawa kita boleh bertaubat akan hal-hal ini, dan juga bahawa Dia telah mengampuni kita akan banyak dosa dan pembunuhan kita itu, yang telah kita lakukan, dan mengambil kesalahan daripada hati kita, melalui jasa Putera-Nya.

11 Dan sekarang, lihatlah, saudara-saudaraku, kerana setelah segala yang dapat kita lakukan (kerana kita adalah yang paling sesat di kalangan seluruh umat manusia) untuk bertaubat akan segala dosa kita dan banyak pembunuhan yang telah kita lakukan, dan untuk memujuk Tuhan untuk mengambilnya daripada hati kita, kerana itu sahaja yang dapat kita lakukan untuk bertaubat dengan cukup di hadapan Tuhan agar Dia akan menanggalkan noda kita—

12 Sekarang, saudara-saudaraku yang terbaik yang dikasihi, kerana Tuhan telah menanggalkan noda kita, dan pedang kita telah menjadi berkilauan, maka marilah kita

tidak menodai pedang kita lagi dengan darah saudara-saudara kita.

13 Lihatlah, aku berkata kepadamu, Tidak, marilah kita menahan pedang kita agar tidak dinodai dengan darah saudara-saudara kita; kerana barangkali, jika kita menodai pedang kita lagi, ia tidak dapat lagi dibasuh hingga berkilauan melalui darah Putera kepada Tuhan agung kita, yang akan ditumpahkan untuk korban tebusan dosa-dosa kita.

14 Dan Tuhan yang agung telah berbelas kasihan kepada kita, dan menyingkapkan hal-hal ini kepada kita agar kita tidak akan binasa; ya, dan Dia telah menyingkapkan hal-hal ini kepada kita sebelumnya, kerana Dia mengasihi jiwa kita seperti juga Dia mengasihi anak-anak kita; oleh itu, dalam belas kasihan-Nya Dia mengunjung kita melalui para malaikat-Nya, agar rancangan keselamatan boleh disingkapkan kepada kita seperti juga kepada generasi-generasi akan datang.

15 Ya, betapa penuh belas kasihannya Tuhan kita! Dan sekarang, lihatlah, kerana telah berusaha sedita upaya untuk menanggalkan noda-noda kita dari diri kita, dan pedang kita dijadikan berkilauan, marilah kita menyembunyikannya agar boleh tetap berkilauan, sebagai kesaksian kepada Tuhan kita pada hari terakhir, atau pada hari ketika kita akan dibawa berdiri di hadapan-Nya untuk dihakimi, bahawa kita telah tidak menodai pedang kita dengan darah

saudara-saudara kita sejak Dia memberikan firman-Nya kepada kita dan telah menjadikan kita bersih melaluinya.

16 Dan sekarang, saudara-saudaraku, jika saudara-saudara kita berupaya untuk menghancurkan kita, lihatlah, kita akan menyembunyikan pedang kita, ya, bahkan kita akan menguburkannya jauh di dalam bumi, agar ia boleh tetap berkilauan, sebagai kesaksian bahawa kita tidak pernah menggunakannya, pada hari terakhir; dan jika saudara-saudara kita menghancurkan kita, lihatlah, kita akan pergi kepada Tuhan kita dan akan diselamatkan.

17 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika raja telah mengakhiri ucapan ini, dan semua rakyat berkumpul bersama, mereka mengambil pedang mereka, dan segala senjata yang digunakan untuk penumpahan darah manusia, dan mereka menguburkannya jauh di dalam bumi.

18 Dan ini mereka lakukan, kerana dalam pandangan mereka, itu merupakan suatu kesaksian kepada Tuhan, dan juga kepada manusia, bahawa mereka langsung tidak akan menggunakan senjata lagi untuk penumpahan darah manusia; dan ini mereka lakukan, memberi jaminan dan membuat perjanjian dengan Tuhan, bahawa daripada menumpahkan darah saudara-saudara mereka, mereka akan menyerahkan nyawa mereka sendiri; dan daripada mengambil daripada seorang saudara, mereka

akan memberi kepadanya; dan daripada menghabiskan kehidupan mereka dalam kemalasan, mereka akan bekerja secara berlimpahan dengan tangan mereka.

19 Dan demikianlah kita melihat bahawa, setelah bangsa Laman ini dibawa sampai percaya dan sampai mengetahui kebenaran, mereka teguh, dan rela menderita bahkan sampai kematian daripada berbuat dosa; dan demikianlah kita melihat bahawa mereka menguburkan senjata kedamaian mereka, atau mereka menanamkan senjata peperangan, demi kedamaian.

20 Dan terjadilah bahawa saudara-saudara mereka, bangsa Laman, membuat persiapan untuk peperangan, dan datang ke negeri Nefi untuk tujuan menghancurkan raja, dan untuk menempatkan yang lain sebagai penggantinya, dan juga untuk menghancurkan orang Anti-Nefi-Lehi sampai lenyap dari negeri itu.

21 Sekarang, ketika rakyat itu melihat bahawa mereka datang melawan mereka, mereka keluar untuk menemui mereka, dan menelungkupkan diri mereka di hadapan mereka atas bumi, dan mula memanggil nama Tuhan; dan demikianlah mereka berada dalam sikap ini ketika orang Laman mula menyerang mereka, dan mula membunuh mereka dengan pedang.

22 Dan demikianlah tanpa menemui perlawanan apa pun, mereka membunuh seribu dan lima orang daripada mereka; dan kita tahu

bahawa mereka diberkati, kerana mereka telah pergi untuk hidup bersama Tuhan mereka.

23 Sekarang, ketika bangsa Laman melihat bahawa saudara-saudara mereka tidak akan melarikan diri dari pedang, tidak juga akan berpaling ke samping ke kanan atau ke kiri, tetapi bahawa mereka akan berbaring dan binasa, dan memuji Tuhan bahkan semasa dibinasakan dengan pedang—

24 Sekarang, ketika bangsa Laman melihat ini mereka menahan diri daripada membunuh mereka; dan ada banyak yang hatinya telah menggembung dalam diri mereka kerana saudara-saudara mereka yang telah jatuh di bawah pedang, kerana mereka bertaubat akan apa yang telah mereka lakukan.

25 Dan terjadilah bahawa mereka membuang senjata peperangan mereka ke tanah, dan mereka tidak mahu mengambilnya kembali, kerana mereka pedih disebabkan pembunuhan yang telah mereka lakukan; dan mereka jatuh bahkan sama seperti saudara-saudara mereka, berharap pada belas kasihan daripada mereka yang lengannya terangkat untuk membunuh mereka.

26 Dan terjadilah bahawa umat Tuhan disertai pada hari itu, lebih banyak daripada jumlah yang telah terbunuh; dan mereka yang telah terbunuh adalah orang yang soleh, oleh itu kita tidak memiliki alasan untuk meragui bahawa mereka diselamatkan.

27 Dan tidak ada satu orang jahat pun yang terbunuh di kalangan mereka; tetapi lebih daripada seribu orang dibawa kepada pengetahuan tentang kebenaran; demikianlah kita melihat bahawa Tuhan bekerja dalam banyak cara untuk keselamatan umat-Nya.

28 Sekarang, jumlah terbesar di antara mereka yang adalah bangsa Laman yang membunuh sedemikian banyaknya saudara mereka adalah bangsa Amaleki dan bangsa Amulon, jumlah terbesar daripada yang menurut tarekat Nehor.

29 Sekarang, di kalangan mereka yang bergabung dengan umat Tuhan, tidak seorang pun yang adalah bangsa Amaleki atau bangsa Amulon, atau yang adalah dari tarekat Nehor, tetapi mereka adalah keturunan Laman dan Lemuel yang sebenarnya.

30 Dan demikianlah kita dapat melihat dengan jelas, bahawa setelah suatu bangsa diterangi oleh Roh Tuhan, dan telah memperoleh pengetahuan luas tentang apa yang berkaitan dengan kebenaran, dan kemudian telah jatuh ke dalam dosa dan pelanggaran, mereka menjadi lebih keras, dan demikianlah keadaan mereka menjadi lebih buruk daripada seandainya mereka tidak pernah mengetahui hal-hal ini.

BAB 25

Serangan-serangan bangsa Laman menyebarkan—Keturunan para imam

Nuh binasa seperti yang Abinadi nubuatkan—Banyak bangsa Laman insaf dan bergabung dengan orang Anti-Nefi-Lehi—Mereka percaya kepada Kristus dan mentaati hukum Musa. Kira-kira 90–77 tahun S.M.

DAN lihatlah, sekarang terjadilah bahawa bangsa Laman itu lebih marah kerana mereka telah membunuh saudara-saudara mereka; oleh itu mereka bersumpah untuk membalas dendam ke atas bangsa Nefi; dan mereka tidak lagi cuba membunuh orang Anti-Nefi-Lehi pada waktu itu.

2 Tetapi mereka membawa tentera mereka dan pergi melintas ke dalam sempadan negeri Zarahemla, dan menyerang orang yang berada di negeri Amonihah dan menghancurkan mereka.

3 Dan setelah itu, mereka melancarkan banyak pertempuran melawan bangsa Nefi, di mana mereka dihalau dan dibunuh.

4 Dan di kalangan bangsa Laman yang terbunuh hampir semuanya keturunan Amulon dan saudara-saudaranya, yang adalah para imam Nuh, dan mereka dibunuh oleh tangan bangsa Nefi;

5 Dan yang tertinggal, setelah melarikan diri ke padang belantara timur, dan setelah merebut kuasa dan wewenang atas bangsa Laman, menyebabkan bahawa banyak daripada bangsa Laman dibinasakan oleh api kerana kepercayaan mereka—

6 Kerana banyak daripada mereka, setelah menderita banyak

kehilangan dan sedemikian banyaknya kesengsaraan, mula tergugah dalam ingatan akan kata-kata yang telah Harun dan saudara-saudaranya khutbahkan kepada mereka di negeri mereka; oleh itu mereka mula tidak mempercayai adat resam nenek moyang mereka, dan percaya kepada Tuhan, dan bahawa Dia memberikan kekuatan besar kepada bangsa Nefi; dan demikianlah banyak daripada mereka bertukar hati di padang belantara.

7 Dan terjadilah bahawa para pemerintah itu yang adalah saki-baki daripada anak-anak Amulon, menyuruh agar mereka hendaknya dihukum mati, ya, mereka semua yang percaya pada hal-hal ini.

8 Sekarang, kesyahidan ini menyebabkan bahawa banyak daripada saudara-saudara mereka dihasut sampai menjadi marah; dan mulalah ada perselisihan di padang belantara; dan bangsa Laman mula memburu keturunan Amulon dan saudara-saudaranya dan mula membunuh mereka; dan mereka melarikan diri ke padang belantara timur.

9 Dan lihatlah mereka diburu pada hari ini oleh bangsa Laman. Demikianlah terlaksana kata-kata Abinadi, yang dia katakan berkenaan keturunan para imam yang menyebabkan bahawa dia menderita kematian oleh api.

10 Kerana dia berkata kepada mereka: Apa yang akan kamu lakukan kepadaku akan menjadi suatu contoh hal-hal yang akan datang.

11 Dan sekarang, Abinadi adalah yang pertama yang menderita kematian oleh api kerana kepercayaan kepada Tuhan; sekarang, inilah yang dia maksudkan, bahawa banyak yang akan menderita kematian oleh api, seperti yang telah dideritakannya.

12 Dan dia berkata kepada para imam Nuh bahawa keturunan mereka akan menyebabkan banyak dihukum mati, dengan cara seperti yang dideritakannya, dan bahawa mereka akan dicerai-beraikan dan dibunuh, bahkan seperti seekor domba yang tidak mempunyai gembala dihalau dan dibunuh oleh binatang buas; dan sekarang, lihatlah, kata-kata ini terbukti, kerana mereka dihalau oleh bangsa Laman, dan mereka diburu, dan mereka didera.

13 Dan terjadilah bahawa ketika bangsa Laman melihat bahawa mereka tidak dapat mengalahkan bangsa Nefi mereka kembali lagi ke negeri mereka sendiri; dan banyak daripada mereka datang untuk hidup di negeri Ismael dan negeri Nefi, dan menggabungkan diri mereka dengan umat Tuhan, yang adalah orang Anti-Nefi-Lehi.

14 Dan mereka juga menanamkan senjata peperangan mereka, seperti yang telah saudara-saudara mereka lakukan, dan mereka mula menjadi umat yang soleh; dan mereka berjalan di jalan Tuhan, dan berusaha mentaati perintah-Nya dan peraturan-Nya.

15 Ya, dan mereka mentaati hukum Musa; kerana adalah perlu

bahawa mereka hendaknya mentaati hukum Musa pada masa ini, kerana belum semuanya digenapi. Tetapi tidak mengira hukum Musa, mereka menanti-nantikan kedatangan Kristus, menganggap bahawa hukum Musa adalah suatu contoh kedatangan-Nya, dan mempercayai bahawa mereka mesti mentaati pelaksanaan lahiriah itu sampai waktu ketika Dia akan diungkapkan kepada mereka.

16 Sekarang, mereka tidak menyangka bahawa keselamatan datang melalui hukum Musa; tetapi hukum Musa bermanfaat untuk menguatkan iman mereka kepada Kristus; dan demikianlah mereka mengekalkan suatu harapan melalui iman, pada keselamatan abadi, bersandar pada roh nubuat, yang berucap tentang hal-hal yang akan datang itu.

17 Dan sekarang, lihatlah, Amon, dan Harun, dan Omner, dan Himni, dan saudara-saudara mereka amat bersukacita, kerana kejayaan yang telah mereka alami di kalangan bangsa Laman, memandangkan bahawa Tuhan telah mengabulkan kepada mereka menurut doa-doa mereka, dan bahawa Dia telah juga membuktikan firman-Nya kepada mereka dalam setiap hal.

BAB 26

Amon bermegah di dalam Tuhan—Yang setia dikuatkan oleh Tuhan dan diberi pengetahuan—Melalui iman

manusia boleh membawa ribuan jiwa kepada pertaubatan—Tuhan memiliki segala kuasa dan memahami segala hal. Kira-kira 90–77 tahun S.M.

DAN sekarang, inilah perkataan-perkataan Amon kepada saudara-saudaranya, yang berbunyi demikian: Saudara-saudara kandungku dan saudara-saudaraku, lihatlah aku berkata kepadamu, betapa besarnya alasan yang kita miliki untuk bersukacita, kerana dapatkah kita menyangka ketika kita mula mengembara dari negeri Zarahemla bahawa Tuhan akan memberikan kepada kita berkat-berkat yang demikian besar?

2 Dan sekarang, aku bertanya, berkat-berkat besar apakah yang telah Dia kurniakan pada diri kita? Dapatkah kamu jawab?

3 Lihatlah, aku menjawab bagimu; kerana saudara-saudara kita, bangsa Laman, berada dalam kegelapan, ya, bahkan di dalam ngarai yang paling gelap, tetapi lihatlah, betapa banyaknya mereka yang telah dibawa untuk melihat cahaya Tuhan yang menakjubkan! Dan inilah berkat yang telah dikurniakan ke atas diri kita, bahawa kita telah dijadikan alat dalam tangan Tuhan untuk mendatangkan pekerjaan yang agung ini.

4 Lihatlah, ribuan daripada mereka bersukacita, dan telah dibawa ke dalam kawanannya Tuhan.

5 Lihatlah, ladang telah matang, dan diberkatilah kamu, kerana kamu telah mengayunkan sabit, dan menuai dengan segala

kekuatanmu, ya, sepanjang hari kamu bekerja; dan lihatlah jumlah berkasmu! Dan ia akan dikumpulkan ke dalam jelapang, agar tidak disia-siakan.

6 Ya, ia tidak akan direbahkan oleh ribut pada hari terakhir; ya, ia tidak juga akan dilambung terselerak oleh puting beliung; tetapi ketika ribut datang ia akan dikumpulkan di tempatnya, agar ribut itu tidak dapat menerobosnya; ya, ia tidak juga akan dihalau oleh angin kencang ke mana pun musuh ingin membawanya.

7 Tetapi lihatlah, ia berada dalam tangan Tuhan empunya tuaian, dan adalah milik-Nya; dan Dia akan membangkitkan mereka pada hari terakhir.

8 Terpujilah nama Tuhan kita; marilah kita bernyanyi untuk pujian-Nya, ya, marilah kita bersyukur pada nama kudus-Nya, kerana Dia mengerjakan kebenaran selamanya.

9 Kerana jika kita tidak keluar dari negeri Zarahemla, saudara-saudara kita yang teramat dikasihi ini, yang demikian mengasihi kita, akan masih terseksa oleh kebencian terhadap kita, ya, dan mereka akan juga menjadi jahil berkenaan Tuhan.

10 Dan terjadilah bahawa ketika Amon telah mengatakan perka-taan-perkataan ini, saudaranya Harun menegurnya, mengatakan: Amon, aku takut bahawa kebahagiaanmu menyebabkanmu bercakap besar.

11 Tetapi Amon berkata kepada-

nya: Aku tidak berbangga dalam kekuatanku sendiri, tidak juga dalam kebijaksanaanku sendiri; tetapi lihatlah, kebahagiaanku penuh, ya, hatiku dipenuhi dengan kebahagiaan, dan aku akan bersukacita di dalam Tuhanku.

12 Ya, aku tahu bahawa aku bukan apa-apa; berkaitan dengan kekuatanku aku lemah; oleh itu aku tidak akan bercakap besar akan diriku sendiri, tetapi aku akan berbangga akan Tuhanku, kerana dalam kekuatan-Nya aku dapat melakukan segala sesuatu; ya, lihatlah, banyak mukjizat dahsyat telah kita kerjakan di negeri ini, yang untuknya kita akan memuji nama-Nya selamanya.

13 Lihatlah, berapa ribu daripada saudara-saudara kita telah Dia lepaskan daripada kesakitan neraka; dan mereka dibawa untuk menyanyikan kasih penebusan, dan ini kerana kuasa firman-Nya yang ada dalam diri kita, oleh itu tidakkah kita memiliki alasan besar untuk bersukacita?

14 Ya, kita memiliki alasan untuk memuji-Nya selama-lamanya, kerana Dia adalah Tuhan Yang Maha Tinggi, dan telah melepaskan saudara-saudara kita daripada rantai neraka.

15 Ya, mereka dikelilingi oleh kegelapan dan kehancuran kekal; tetapi lihatlah, Dia telah membawa mereka ke dalam cahaya kekal-Nya, ya, ke dalam keselamatan kekal; dan mereka dikelilingi oleh kelimpahan kasih-Nya yang tiada bandingnya; ya, dan kita telah

menjadi alat dalam tangan-Nya untuk mengerjakan pekerjaan yang besar dan menakjubkan ini.

16 Oleh itu, marilah kita bermegah, ya, kita akan bermegah di dalam Tuhan; ya, kita akan bersukacita, kerana kebahagiaan kita penuh; ya, kita akan memuji Tuhan kita selama-lamanya. Lihatlah, siapakah yang dapat terlalu banyak bermegah di dalam Tuhan? Ya, siapakah yang dapat berkata terlalu banyak tentang kuasa-Nya yang besar, dan tentang belas kasih-Nya, dan tentang panjang sabar-Nya terhadap anak-anak manusia? Lihatlah aku berkata kepadamu, aku tidak dapat mengatakan bahagian terkecil yang aku rasai.

17 Siapakah yang dapat mengira bahawa Tuhan kita akan sedemikian penuh belas kasihannya sehingga merengkuh kita dari keadaan kita yang menyeramkan, penuh dosa, dan tercemar?

18 Lihatlah, kita maju bahkan dalam kemarahan, dengan ancaman yang hebat untuk menghancurkan gereja-Nya.

19 Hai, jadi, mengapa Dia tidak menyerahkan kita pada kehancuran yang menyeramkan, ya, mengapa Dia tidak membiarkan pedang keadilan-Nya jatuh ke atas diri kita, dan menghukum kita pada keputusan kekal?

20 Hai, jiwaku, hampir seakan-akan menghilang kerana fikiran itu. Lihatlah, Dia tidak menjalankan keadilan-Nya ke atas diri kita, tetapi dalam belas kasih-Nya

yang besar telah membawa kita menyeberangi jurang kematian dan kegetiran yang kekal itu, bahkan pada penyelamatan jiwa kita.

21 Dan sekarang, lihatlah, saudara-saudaraku, manusia alamiah manakah yang mengetahui hal-hal ini? Aku berkata kepadamu, tidak ada seorang pun yang mengetahui hal-hal ini, kecuali yang menyesal.

22 Ya, dia yang bertaubat dan menjalankan iman, dan menghasilkan pekerjaan baik, dan berdoa secara berlanjutan tanpa henti—kepada yang demikian diizinkan untuk mengetahui rahsia-rahsia Tuhan; ya, kepada yang demikian akan diizinkan untuk mengungkapkan apa yang belum pernah diungkapkan; ya, dan akan diizinkan kepada yang demikian untuk membawa ribuan jiwa pada pertaubatan, bahkan seperti telah diizinkan kepada kita untuk membawa saudara-saudara kita ini pada pertaubatan.

23 Sekarang, ingatkah kamu, saudara-saudaraku, bahawa kita berkata kepada saudara-saudara kita di negeri Zarahemla, kita pergi ke negeri Nefi, untuk berkhotbah kepada saudara-saudara kita, bangsa Laman, dan mereka mengetawakan kita untuk mencemuh?

24 Kerana mereka berkata kepada kita: Adakah kamu mengira bahawa kamu dapat membawa bangsa Laman pada pengetahuan tentang kebenaran? Adakah kamu mengira bahawa kamu dapat meyakinkan bangsa Laman akan ketidakbenaran adat resam nenek

moyang mereka, setegar leher bangsa mereka; yang hatinya suka akan penumpahan darah; yang masa hidupnya telah dihabiskan dalam kederhakaan yang paling buruk; yang cara-caranya adalah cara-cara seorang pelanggar sejak awal? Sekarang, saudara-saudaraku, kamu ingat bahawa inilah cara berbahasa mereka.

25 Dan selain itu mereka berkata: Marilah kita mengangkat senjata melawan mereka, agar kita menghancurkan mereka dan kederhakaan mereka sampai lenyap dari negeri ini, agar jangan mereka menguasai kita dan menghancurkan kita.

26 Tetapi lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, kita masuk ke padang belantara bukan dengan maksud untuk menghancurkan saudara-saudara kita, tetapi dengan maksud bahawa barangkali kita boleh menyelamatkan beberapa jiwa di antara mereka.

27 Sekarang, ketika hati kita tertekan, dan kita hampir berpatah balik, lihatlah, Tuhan menghibur kita, dan berfirman: Pergilah ke kalangan saudara-saudaramu, bangsa Laman, dan tanggunglah dengan kesabaran kesengsaraanmu, dan aku akan memberi kepadamu kejayaan.

28 Dan sekarang, lihatlah, kita telah datang, dan telah berada di kalangan mereka; dan kita telah sabar dalam penderitaan kita, dan kita telah menderita setiap kekurangan; ya, kita telah berjalan dari rumah ke rumah, bergantung

pada belas kasihan dunia—bukan pada belas kasihan dunia sahaja tetapi pada belas kasihan Tuhan.

29 Dan kita telah masuk ke dalam rumah-rumah mereka dan mengajar mereka, dan kita telah mengajar mereka di jalan raya mereka; ya, dan kita telah mengajar mereka di atas bukit-bukit mereka; dan kita telah juga masuk ke dalam bait suci mereka dan saumaah mereka dan mengajar mereka; dan kita telah diusir, dan diejek, dan diludahi, dan ditampar pipi kita; dan kita telah direjam, dan ditangkap dan diikat dengan tali yang kuat, dan dilemparkan ke dalam penjara; dan melalui kuasa dan kebijaksanaan Tuhan kita telah dibebaskan kembali.

30 Dan kita telah menderita segala macam kesengsaraan, dan semuanya ini, agar barangkali kita boleh menjadi sarana untuk menyelamatkan satu jiwa; dan kita mengira bahawa kebahagiaan kita akan penuh jika barangkali kita dapat menjadi sarana untuk menyelamatkan beberapa jiwa.

31 Sekarang, lihatlah, kita dapat menanti-nantikan dan melihat buah hasil daripada kerja kita; dan adakah itu sedikit? Aku berkata kepadamu, Tidak, ia adalah banyak; ya, dan kita dapat bersaksi tentang keikhlasan mereka, kerana kasih mereka terhadap saudara-saudara mereka dan juga terhadap kita.

32 Kerana lihatlah, mereka lebih suka mengorbankan nyawa mereka daripada bahkan mengambil nyawa musuh mereka; dan

mereka telah menanamkan senjata peperangan mereka jauh di dalam tanah, kerana kasih mereka terhadap saudara-saudara mereka.

33 Dan sekarang, lihatlah aku berkata kepadamu, pernahkah ada kasih yang demikian besar di seluruh negeri? Lihatlah, aku berkata kepadamu, Tidak, tidak pernah ada, bahkan di kalangan bangsa Nefi.

34 Kerana lihatlah, mereka akan mengangkat senjata melawan saudara-saudara mereka; mereka tidak akan membiarkan diri mereka dibunuh. Tetapi lihatlah berapa banyak daripada orang ini telah menyerahkan nyawa mereka; dan kita tahu bahawa mereka telah pergi kepada Tuhan mereka, kerana kasih mereka dan kebencian mereka terhadap dosa.

35 Sekarang, tidakkah kita memiliki alasan untuk bersukacita? Ya, aku berkata kepadamu, belum pernah ada orang yang memiliki alasan sedemikian besarnya untuk bersukacita seperti kita, sejak dunia bermula; ya, dan kebahagiaanku berlimpah-limpah, bahkan sampai bermegah dalam Tuhanku; kerana Dia memiliki segala kuasa, segala kebijaksanaan, dan segala pengertian; Dia memahami segala hal, dan Dia adalah Makhluk yang penuh belas kasihan, bahkan sampai penyelamatan, kepada mereka yang akan bertaubat dan percaya pada nama-Nya.

36 Sekarang, jika ini adalah bercakap besar, demikian pula akanlah aku bercakap besar; kerana inilah

kehidupanku dan cahayaku, kebahagiaanku dan keselamatanku, dan penebusanku daripada kecelakaan kekal. Ya, terpujilah nama Tuhanku, yang telah mengambil berat terhadap bangsa ini, yang adalah suatu cabang daripada pokok Israel, dan telah hilang daripada tubuhnya di negeri asing; ya, aku berkata, terpujilah nama Tuhanku, yang telah mengambil berat terhadap kita, para pengembara di negeri asing.

37 Sekarang, saudara-saudaraku, kita melihat bahawa Tuhan mengambil berat terhadap setiap bangsa, di negeri mana pun mereka mungkin berada; ya, Dia menghitung umat-Nya, dan sanubari belas kasihan-Nya berada di atas seluruh bumi. Sekarang, inilah kebahagiaanku, dan ungkapan kesyukuranku yang besar; ya, dan aku akan bersyukur kepada Tuhanku buat selama-lamanya. Amin.

BAB 27

Tuhan memerintahkan Amon untuk memimpin orang Anti-Nefi-Lehi kepada keselamatan—Saat bertemu Alma, sukacita Amon menyusut kekuatannya—Bangsa Nefi memberikan orang Anti-Nefi-Lehi negeri Yerson—Mereka dipanggil orang Amon. Kira-kira 90–77 tahun S.M.

SEKARANG, terjadilah bahawa ketika bangsa Laman itu yang telah pergi untuk berperang melawan bangsa Nefi telah mendapati,

setelah banyak perjuangan mereka untuk menghancurkan mereka, bahawa adalah sia-sia untuk mengupayakan kehancuran mereka, mereka kembali lagi ke negeri Nefi.

2 Dan terjadilah bahawa bangsa Amaleki, kerana kekalahan mereka, tersangatlah marah. Dan ketika mereka melihat bahawa mereka tidak dapat memperoleh balas dendam daripada bangsa Nefi, mereka mula menghasut rakyat menjadi marah terhadap saudara-saudara mereka, orang Anti-Nefi-Lehi; oleh itu mereka mula lagi menghancurkan mereka.

3 Sekarang, orang ini sekali lagi enggan mengangkat senjata mereka, dan mereka membiarkan diri mereka dibunuh menurut hasrat musuh mereka.

4 Sekarang, ketika Amon dan saudara-saudaranya melihat pekerjaan penghancuran ini di kalangan mereka yang mereka begitu mengasihi, dan di kalangan mereka yang telah begitu mengasihi mereka—kerana mereka diperlakukan seakan-akan mereka para malaikat yang diutus daripada Tuhan untuk menyelamatkan mereka daripada kehancuran kekal—oleh itu, ketika Amon dan saudara-saudaranya melihat pekerjaan penghancuran yang besar ini, mereka dilanda oleh rasa kasihan, dan mereka berkata kepada raja:

5 Marilah kita mengumpulkan bersama umat Tuhan ini, dan marilah kita pergi ke negeri Zarahemla kepada saudara-saudara kita

bangsa Nefi, dan melarikan diri daripada tangan musuh kita, agar kita tidak dihancurkan.

6 Tetapi raja berkata kepada mereka: Lihatlah, bangsa Nefi akan menghancurkan kita, kerana banyaknya pembunuhan dan dosa yang telah kita lakukan terhadap mereka.

7 Dan Amon berkata: Aku akan pergi dan bertanya kepada Tuhan, dan jika Dia berfirman kepada kita, pergilah kepada saudara-saudara kita, akankah kamu pergi?

8 Dan raja berkata kepadanya: Ya, jika Tuhan berfirman kepada kita untuk pergi, kita akan pergi kepada saudara-saudara kita, dan kita akan menjadi hamba abdi mereka sampai kita memampas mereka bagi banyaknya pembunuhan dan dosa yang telah kita lakukan terhadap mereka.

9 Tetapi Amon berkata kepadanya: Ini melawan hukum saudara-saudara kita, yang ditetapkan oleh ayahku, bahawa ada hamba abdi siapa pun di kalangan mereka; oleh itu marilah kita pergi dan bersandar pada belas kasihan saudara-saudara kita.

10 Tetapi raja berkata kepadanya: Tanyakanlah kepada Tuhan, dan jika Dia berfirman kepada kita untuk pergi, kita akan pergi; jika tidak kita akan binasa di negeri ini.

11 Dan terjadilah bahawa Amon pergi dan bertanya kepada Tuhan, dan Tuhan berfirman kepadanya:

12 Keluarkanlah orang ini dari negeri ini, agar mereka tidak binasa; kerana Setan memiliki

pengaruh yang besar atas hati orang Amaleki, yang menghasut bangsa Laman menjadi marah terhadap saudara-saudara mereka sampai membunuh mereka; oleh itu keluarlah engkau dari negeri ini; dan diberkatilah orang ini dalam generasi ini, kerana Aku akan melindungi mereka.

13 Dan sekarang, terjadilah bahawa Amon pergi dan memberitahu raja segala firman yang telah Tuhan firmankan kepadanya.

14 Dan mereka mengumpulkan bersama semua umat mereka, ya, seluruh umat Tuhan, dan mengumpulkan bersama semua kawanan domba dan kawanan ternak mereka, dan keluar dari negeri itu, dan masuk ke padang belantara yang memisahkan negeri Nefi dari negeri Zarahemla, dan tiba dekat sempadan negeri.

15 Dan terjadilah bahawa Amon berkata kepada mereka: Lihatlah, aku dan saudara-saudaraku akan pergi ke negeri Zarahemla, dan kamu akan tetap tinggal di sini sampai kami kembali; dan kami akan menguji hati saudara-saudara kami, adakah mereka mahu bahawa kamu akan masuk ke negeri mereka.

16 Dan terjadilah bahawa sewaktu Amon sedang pergi ke negeri itu, bahawa dia dan saudara-saudaranya menemui Alma, di tempat yang tentangnya telah dibicarakan; dan lihatlah, ini suatu pertemuan yang penuh sukacita.

17 Sekarang, kebahagiaan Amon sedemikian besarnya bahkan

hingga dia penuh; ya, dia tertelan dalam kebahagiaan Tuhannya, bahkan sampai tersusut kekuatannya; dan dia jatuh lagi ke bumi.

18 Sekarang, bukankah ini kebahagiaan yang tersangat besar? Lihatlah, inilah kebahagiaan yang sesiapa pun tidak memperolehi kecuali dia pencari kebahagiaan yang benar-benar menyesal dan yang rendah hati.

19 Sekarang, sukacita Alma dalam menemui saudara-saudaranya benar-benar besar, dan juga sukacita Harun, Omner, dan Himni; tetapi lihatlah sukacita mereka tidaklah yang melampaui kekuatan mereka.

20 Dan sekarang, terjadilah bahawa Alma menuntun saudara-saudaranya kembali ke negeri Zarahemla; bahkan ke rumahnya sendiri. Dan mereka pergi dan menceritakan kepada hakim utama segala sesuatu yang telah terjadi kepada mereka di negeri Nefi, di kalangan saudara-saudara mereka, bangsa Laman.

21 Dan terjadilah bahawa hakim utama mengirinkan suatu perisytiharan ke seluruh negeri, menghasratkan suara rakyat berkenaan penerimaan saudara-saudara mereka, yang adalah orang Anti-Nefi-Lehi.

22 Dan terjadilah bahawa suara rakyat datang, mengatakan: Lihatlah, kita akan menyerahkan negeri Yerson, yang berada di timur dekat laut, yang bersebelahan dengan negeri Kelimpahan, yang berada di selatan negeri Kelimpahan;

dan negeri Yerson inilah negeri yang akan kita berikan kepada saudara-saudara kita sebagai warisan.

23 Dan lihatlah, kita akan menempatkan tentera kita di antara negeri Yerson dan negeri Nefi, agar kita boleh melindungi saudara-saudara kita di negeri Yerson; dan ini kita lakukan untuk saudara-saudara kita, kerana ketakutan mereka terhadap mengangkat senjata melawan saudara-saudara mereka, jangan-jangan mereka akan berbuat dosa; dan ketakutan mereka yang besar ini datang kerana pertaubatan mereka yang hebat yang telah mereka alami, kerana pembunuhan mereka yang banyak dan kejahatan mereka yang menyeramkan.

24 Dan sekarang, lihatlah, inilah yang akan kita lakukan bagi saudara-saudara kita, agar mereka boleh mewarisi negeri Yerson; dan kita akan menjaga mereka daripada musuh mereka dengan tentera kita, dengan syarat bahawa mereka akan memberikan kepada kita sebahagian daripada harta kekayaan mereka untuk membantu kita agar kita boleh menyara tentera kita.

25 Sekarang, terjadilah bahawa ketika Amon telah mendengar ini, dia kembali kepada orang Anti-Nefi-Lehi, dan juga Alma bersamanya, ke padang belantara, di mana mereka telah mendirikan khemah-khemah mereka, dan menyingkapkan kepada mereka segala hal ini. Dan Alma juga menceritakan

kepada mereka penukaran hatinya, bersama Amon dan Harun, dan saudara-saudaranya.

26 Dan terjadilah bahawa itu telah menyebabkan kebahagiaan yang besar di kalangan mereka. Dan mereka pergi ke negeri Yerson, dan mengambil penguasaan atas negeri Yerson; dan mereka dipanggil oleh bangsa Nefi, orang Amon; oleh itu mereka dibezakan dengan nama itu buat selama-lamanya.

27 Dan mereka berada di kalangan bangsa Nefi, dan juga terbilang di kalangan umat yang daripada gereja Tuhan. Dan mereka juga dibezakan kerana semangat mereka terhadap Tuhan, dan juga terhadap manusia; kerana mereka secara sempurna jujur dan lurus dalam segala hal; dan mereka teguh dalam iman kepada Kristus, bahkan sampai akhir.

28 Dan mereka memandang penumpahan darah saudara-saudara mereka dengan kemualan terbesar; dan mereka langsung tidak pernah dapat diyakinkan untuk mengangkat senjata melawan saudara-saudara mereka; dan mereka tidak pernah memandang kematian dengan kengerian sedikit pun, kerana harapan dan pandangan mereka tentang Kristus dan kebangkitan; oleh itu, kematian tertelan bagi mereka dengan kemenangan Kristus atasnya.

29 Oleh itu, mereka akan menderita kematian dengan cara yang paling parah dan pedih yang dapat ditimpakan oleh saudara-saudara mereka, sebelum mereka akan

mengambil pedang atau golok untuk menghentam mereka.

30 Dan demikianlah mereka itu sebuah bangsa yang bersemangat dan dikasihi, suatu umat yang sangat berkenan pada Tuhan.

BAB 28

Bangsa Laman dikalahkan dalam suatu pertempuran yang hebat—Berpuluh-puluh ribu terbunuh—Yang jahat diserahkan pada suatu keadaan celaka tanpa akhir; yang soleh mencapai suatu kebahagiaan yang tidak akan berakhir. Kira-kira 77–76 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa setelah orang Amon menetap di negeri Yerson, dan sebuah jemaah juga ditegakkan di negeri Yerson, dan tentera bangsa Nefi ditempatkan di sekitar negeri Yerson, ya, di seluruh sempadan sekitar negeri Zarahemla; lihatlah tentera bangsa Laman telah mengikut saudara-saudara mereka ke padang belantara.

2 Dan oleh demikianlah adanya suatu pertempuran yang hebat; ya, bahkan yang sedemikian seperti yang belum pernah dikenal di kalangan semua orang di negeri itu sejak waktu Lehi meninggalkan Yerusalem; ya, dan berpuluh-puluh ribu bangsa Laman terbunuh dan tercerai-berai secara meluas.

3 Ya, dan juga ada suatu pembantaian yang hebat di kalangan bangsa Nefi; walaupun demikian, bangsa Laman dihalau dan

dicerai-beraikan, dan bangsa Nefi kembali lagi ke negeri mereka.

4 Dan sekarang, ini suatu masa ketika ada duka nestapa dan ratapan hebat yang terdengar di seluruh negeri, di kalangan semua bangsa Nefi—

5 Ya, raungan balu berduka nestapa kerana suami mereka, juga bapa berduka nestapa kerana putera mereka, dan puteri kerana saudara lelaki, ya, saudara lelaki kerana bapa; dan oleh demikian raungan duka nestapa terdengar di kalangan mereka semua, berduka nestapa kerana kaum kerabat mereka yang telah terbunuh.

6 Dan sekarang, sememangnya ini suatu masa penuh duka nestapa; ya, masa kekhusyukan, dan masa untuk banyak puasa dan doa.

7 Dan demikianlah berakhir tahun kelima belas zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi;

8 Dan inilah laporan tentang Amon dan saudara-saudaranya, perjalanan mereka di negeri Nefi, penderitaan mereka di negeri itu, dukacita mereka, dan kesengsaraan mereka, dan sukacita mereka yang tak difahami, dan penerimaan dan keselamatan saudara-saudara di negeri Yerson. Dan sekarang, semoga Tuhan, Penebus semua manusia, memberkati jiwa mereka selama-lamanya.

9 Dan inilah laporan tentang peperangan dan perselisihan di antara bangsa Nefi, dan juga peperangan antara bangsa Nefi dan bangsa Laman; dan tahun kelima

belas zaman pemerintahan hakim-hakim berakhir.

10 Dan sejak tahun pertama sampai tahun kelima belas telah mendatangkan kehancuran beribu-ribu nyawa; ya, masa itu telah mendatangkan suatu pemandangan pertumpahan darah yang menyeramkan.

11 Dan tubuh badan beribu-ribu orang dikebumikan di dalam tanah, sementara tubuh badan beribu-ribu orang mereput dalam timbunan di atas permukaan bumi; ya, dan beribu-ribu orang berduka nestapa kerana kehilangan kaum kerabat mereka, kerana mereka memiliki sebab untuk berasa takut, menurut janji-janji Tuhan, bahawa mereka diserahkan pada suatu keadaan sengsara tanpa akhir.

12 Sementara beribu-ribu orang yang lain benar-benar berduka nestapa kerana kehilangan kaum kerabat mereka, namun mereka bersukacita dan bergirang hati dalam harapan, dan bahkan mengetahui, menurut janji-janji Tuhan, bahawa mereka dibangkitkan untuk hidup di sisi kanan Tuhan, dalam suatu keadaan kebahagiaan yang tidak akan berakhir.

13 Dan demikianlah kita melihat betapa besarnya ketidaksetaraan manusia kerana dosa dan pelanggaran, dan kuasa iblis, yang datang melalui rancangan-rancangan licik yang telah dia rancangkan untuk menjerat hati manusia.

14 Dan demikianlah kita lihat panggilan bersungguh-sungguh untuk manusia tekun bekerja di

ladang anggur Tuhan; dan demikianlah kita lihat sebab yang besar untuk kedukaan, dan juga untuk bersukacita—kedukaan kerana kematian dan kehancuran di kalangan manusia, dan kebahagiaan kerana cahaya Kristus yang membawa kehidupan.

BAB 29

Alma berhasrat untuk menyerukan pertaubatan dengan semangat malaikat—Tuhan memberikan para pengajar bagi semua bangsa—Alma bermegah dalam pekerjaan Tuhan dan dalam kejayaan Amon dan saudara-saudaranya. Kira-kira 76 tahun S.M.

AH, moga-moga aku seorang malaikat, dan dapat mengecapi keinginan hatiku, agar aku boleh pergi dan berucap menggunakan sangkakala Tuhan, dengan suara yang menggoncangkan bumi, dan menyerukan pertaubatan kepada setiap bangsa!

2 Ya, aku akan memaklumkan kepada setiap jiwa, bagaikan dengan suara guruh, pertaubatan dan rancangan penebusan, bahawa mereka mesti bertaubat dan datang kepada Tuhan kita, agar tidak akan ada lebih banyak kedukaan di atas seluruh permukaan bumi.

3 Tetapi lihatlah, aku seorang manusia, dan berdosa dalam keinginanku; kerana aku seharusnya puas hati dengan apa yang telah Tuhan peruntukkan bagiku.

4 Aku seharusnya tidak mengikut dalam hasratku perintah

tegas daripada seorang Tuhan yang adil, kerana aku tahu bahawa Dia mengabdikan kepada manusia menurut hasrat mereka, sama ada ia menuju kematian atau menuju kehidupan; ya, aku tahu bahawa Dia peruntukkan bagi manusia, ya, mengisytiharkan kepada mereka perintah-perintah yang tidak terubah, menurut kehendak mereka, sama ada ia menuju keselamatan atau menuju kehancuran.

5 Ya, dan aku tahu bahawa yang baik dan yang jahat telah tiba di hadapan semua manusia; dia yang tidak mengetahui yang baik daripada yang jahat tidak bersalah; tetapi dia yang mengetahui yang baik dan yang jahat, kepadanya diberikan menurut hasratnya, sama ada dia menghasratkan yang baik atau yang jahat, kehidupan atau kematian, kebahagiaan atau penyesalan hati nurani.

6 Sekarang, melihat bahawa aku mengetahui hal-hal ini, mengapakah aku mesti menghasratkan lebih daripada melaksanakan pekerjaan yang padanya aku telah dipanggil?

7 Mengapakah aku mesti berhasrat bahawa aku seorang malaikat, agar aku dapat berucap kepada segenap hujung bumi?

8 Kerana lihatlah, Tuhan membiarkan segala bangsa, daripada bangsa dan bahasa mereka sendiri, untuk mengajarkan firman-Nya, ya, dalam kebijaksanaan, semua yang Dia anggap patut bahawa mereka hendaknya miliki; oleh itu kita lihat bahawa Tuhan

menasihati dengan kebijaksanaan, menurut apa yang tepat dan benar.

9 Aku tahu apa yang telah Tuhan perintahkan kepadaku, dan aku bermegah di dalamnya. Aku tidak bermegah akan diriku sendiri, tetapi aku bermegah dalam apa yang telah Tuhan perintahkan kepadaku; ya, dan inilah kemeegahanku, agar barangkali aku boleh menjadi alat dalam tangan Tuhan untuk membawa satu jiwa pada pertaubatan, dan inilah kebahagiaanku.

10 Dan lihatlah, ketika aku nampak banyak daripada saudara-saudaraku benar-benar menyesal, dan datang kepada Tuhan Raja mereka, pada waktu itu jiwaku dipenuhi dengan sukacita; pada waktu itu aku ingat apa yang telah Tuhan lakukan bagiku, ya, bahkan bahawa Dia telah mendengar doaku; ya, pada waktu itu aku ingat lengan penuh belas kasihan-Nya yang Dia hulkan kepadaku.

11 Ya, dan aku juga ingat penawanan nenek moyangku; kerana aku pastilah tahu bahawa Tuhan membebaskan mereka daripada perhambaan, dan melalui ini menegakkan gereja-Nya; ya, Tuhan Raja, Tuhan Abraham, Tuhan Ishak, dan Tuhan Yakub, membebaskan mereka daripada perhambaan.

12 Ya, aku selalu ingat penawanan nenek moyangku; dan Tuhan yang sama itu yang membebaskan mereka daripada tangan orang Mesir, membebaskan mereka daripada pengabdian.

13 Ya, dan Tuhan yang sama itu juga menegakkan gereja-Nya di antara mereka; ya, dan Tuhan yang sama itu telah memanggilku melalui suatu pemanggilan yang kudus, untuk mengkhutbahkan firman kepada bangsa ini, dan telah memberiku banyak kejayaan, yang di dalamnya sukacitaku penuh.

14 Tetapi aku tidak bersukacita dalam kejayaanku sahaja, tetapi sukacitaku lebih penuh kerana kejayaan saudara-saudaraku, yang telah pergi ke negeri Nefi.

15 Lihatlah, mereka telah bekerja amat keras, dan telah menghasilkan banyak buah; dan betapa besar akan jadinya pahala mereka!

16 Sekarang, ketika aku berfikir tentang kejayaan saudara-saudaraku ini jiwaku terhanyut, bahkan sampai seakan-akan pemisahannya dari tubuh, demikian besarnya sukacitaku.

17 Dan sekarang, semoga Tuhan mengabulkan bagi mereka ini, saudara-saudaraku, bahawa mereka boleh duduk di dalam kerajaan Tuhan; ya, dan juga mereka semua yang merupai buah hasil kerja mereka bahawa mereka tidak akan lagi keluar, tetapi bahawa mereka boleh memuji Dia selama-lamanya. Dan semoga Tuhan mengabulkan agar hal ini boleh terjadi menurut kata-kataku, bahkan seperti yang telah aku ucapkan. Amin.

Kristus, Korban Tebusan, dan roh nu-buat—Dia mengajar bahawa tidak ada Tuhan, tidak ada kejatuhan manusia, tidak ada hukuman bagi dosa, dan tidak ada Kristus—Alma bersaksi bahawa Kristus akan datang dan bahawa segala sesuatu menunjukkan ada seorang Tuhan—Korihor menuntut sebuah tanda dan terserang kebisuan—ib-lis telah menampakkan diri kepada Korihor sebagai seorang malaikat dan mengajari dia apa yang mesti dikata-kan—Korihor diinjak-injak dan mati. Kira-kira 76–74 tahun S.M.

LIHATLAH, sekarang terjadilah bahawa setelah orang Amon menetap di negeri Yerson, ya, dan juga setelah bangsa Laman dihalau keluar dari negeri itu, dan orang mati mereka dikuburkan oleh rakyat negeri itu—

2 Sekarang, orang mati mereka tidak terbilang kerana besarnya jumlah mereka; tidak juga yang mati daripada bangsa Nefi ter-bilang—tetapi terjadilah setelah mereka menguburkan orang mati mereka, dan juga setelah hari-hari puasa, dan duka nestapa, dan doa, (dan itu pada tahun keenam belas zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi) mulai ada kedamaian berterusan di seluruh negeri.

3 Ya, dan bangsa itu berusaha untuk mentaati perintah-perintah Tuhan; dan mereka ketat dalam mentaati tatacara-tatacara Tuhan, menurut hukum Musa; kerana mereka diajar untuk mentaati hukum Musa sampai digenapi.

BAB 30

Korihor, si anti-Kristus, mengolok-olok

4 Dan oleh demikian bangsa itu tidak mengalami gangguan di sepanjang tahun keenam belas zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi.

5 Dan terjadilah bahawa pada permulaan tahun ketujuh belas zaman pemerintahan hakim-hakim, ada kedamaian yang berterusan.

6 Tetapi terjadilah bahawa pada penghujung tahun ketujuh belas, datanglah seorang lelaki ke negeri Zarahemla, dan dia seorang Anti-Kristus, kerana dia mula berkhotbah kepada umat itu menentang nubuat-nubuat yang telah diucapkan oleh para nabi, berkenaan kedatangan Kristus.

7 Sekarang, tidak ada hukum yang melarang kepercayaan seseorang; kerana itu sama sekali bertentangan dengan perintah-perintah Tuhan bahawa adanya sebuah hukum yang akan menjadikan manusia tidak setaraf.

8 Kerana demikianlah kata tulisan suci: Pilihlah kamu hari ini, siapa yang akan kamu layani.

9 Sekarang, jika seseorang berhasrat untuk melayani Tuhan, itu ialah hak istimewanya; atau lebih tepat, jika dia percaya kepada Tuhan, itu ialah hak istimewanya untuk melayani-Nya; tetapi jika dia tidak percaya kepada-Nya tidak ada hukum untuk menghukumnya.

10 Tetapi jika dia membunuh dia dihukum hingga mati; dan jika dia merompak dia juga dihukum; dan jika dia mencuri dia juga dihukum; dan jika dia berzina dia juga dihukum; ya,

untuk segala kejahatan ini mereka dihukum.

11 Kerana ada sebuah hukum bahawa manusia hendaknya dihakimi menurut jenayah-jenayah mereka. Walaupun demikian, tidak ada hukum yang melarang kepercayaan seseorang; oleh itu, seseorang dihukum hanya untuk tindakan kejahatan yang telah dia lakukan; oleh itu semua orang setaraf.

12 Dan Anti-Kristus ini, yang namanya Korihor, (dan hukum tidak dapat memiliki pengaruh atas dirinya) mula berkhotbah kepada orang bahawa tidak akan ada Kristus. Dan menurut cara ini dia berkhotbah, mengatakan:

13 Wahai kamu yang terikat di bawah suatu harapan yang bodoh dan yang sia-sia, mengapakah kamu memasang kuk pada dirimu sendiri dengan hal-hal yang sedemikian bodohnya? Mengapakah kamu menanti-nantikan seorang Kristus? Kerana tiada seorang pun dapat tahu tentang apa-apapun yang akan datang.

14 Lihatlah, hal-hal ini yang kamu panggil nubuat, yang kamu katakan diturunkan oleh para nabi kudus, lihatlah, itu adat resam bodoh nenek moyangmu.

15 Bagaimana kamu mengetahui tentang kepastiannya? Lihatlah, kamu tidak dapat tahu tentang apa yang kamu tidak nampak; oleh itu kamu tidak dapat tahu bahawa akan adanya seorang Kristus.

16 Kamu berharap dan berkata bahawa kamu melihat suatu

pengampunan akan dosa-dosamu. Tetapi lihatlah, hal itu ialah kesan fikiran yang gila-gila; dan kekalutan fikiranmu ini datang kerana adat resam nenek moyangmu, yang menyesatkanmu ke dalam suatu kepercayaan tentang apa yang bukanlah hakikat.

17 Dan banyak lagi hal-hal seperti itu dia katakan kepada mereka, memberitahu mereka bahawa tidak dapat ada korban tebusan yang dibuat untuk dosa-dosa manusia, tetapi setiap orang berkeadaan dalam kehidupan ini menurut pengurusan dirinya sendiri; oleh itu setiap orang makmur menurut bakatnya, dan bahawa setiap orang berjaya menurut kekuatannya; dan apa pun yang seseorang lakukan bukanlah jenayah.

18 Dan demikianlah dia berkhotbah kepada mereka, menyesatkan hati ramai orang, menyebabkan mereka mengangkat kepala mereka dalam kejahatan mereka, ya, menyesatkan ramai wanita, dan juga lelaki, untuk melakukan pelacuran—memberitahu mereka bahawa ketika seseorang mati, itulah pengakhirannya.

19 Sekarang, lelaki ini pergi ke negeri Yerson juga, untuk mengkhutbahkan hal-hal ini di kalangan orang Amon, yang dahulunya bangsa Laman.

20 Tetapi lihatlah mereka lebih bijak daripada ramai di antara bangsa Nefi; kerana mereka menangkapnya, dan mengikatnya, dan membawanya ke hadapan

Amon, iaitu seorang imam tinggi atas umat itu.

21 Dan terjadilah bahawa dia menyuruh agar dia hendaknya dibawa keluar dari negeri itu. Dan dia pergi ke negeri Gideon, dan mula berkhotbah kepada mereka juga; dan di sini dia tidak mengalami banyak kejayaan, kerana dia ditangkap dan diikat dan dibawa ke hadapan imam tinggi, dan juga hakim utama atas negeri itu.

22 Dan terjadilah bahawa imam tinggi berkata kepadanya: Mengapakah kamu berkelana untuk menyimpangkan jalan Tuhan? Mengapakah kamu mengajar orang ini bahawa tidak akan ada Kristus, untuk mencela kegembiraan merekakah? Mengapakah kamu berbicara menentang segala nubuat para nabi kudus?

23 Sekarang, nama imam tinggi itu ialah Gidona. Dan Korihor berkata kepadanya: Kerana aku tidak mengajarkan adat resam bodoh nenek moyangmu, dan kerana aku tidak mengajar orang ini untuk mengikat diri mereka di bawah tatacara dan pelaksanaan yang bodoh yang ditegakkan oleh para imam zaman dahulu, untuk merebut kekuasaan dan wewenang atas diri mereka, untuk mengekalkan mereka dalam kejahilan, agar mereka tidak dapat mengangkat kepala mereka, tetapi dijatuhkan menurut kata-katamu.

24 Kamu berkata bahawa orang ini orang bebas. Lihatlah, aku berkata mereka dalam perhambaan. Kamu berkata bahawa

nubuat-nubuat kuno itu benar. Lihatlah, aku berkata bahawa kamu tidak tahu bahawa ianya benar.

25 Kamu berkata bahawa orang ini orang yang bersalah dan yang terjatuh, kerana pelanggaran seorang ibu bapa. Lihatlah, aku berkata bahawa seorang anak tidak bersalah kerana ibu bapanya.

26 Dan kamu juga berkata bahawa Kristus akan datang. Tetapi lihatlah, aku berkata bahawa kamu tidak tahu bahawa akan ada seorang Kristus. Dan kamu berkata juga bahawa Dia akan dibunuh bagi dosa-dosa dunia—

27 Dan demikianlah kamu menyesatkan orang ini menurut adat resam bodoh nenek moyangmu, dan menurut hasratmu sendiri; dan kamu menindas mereka, bahkan seakan-akan dalam perhambaan, agar kamu boleh mempermewah dirimu dengan pekerjaan tangan mereka, agar mereka tidak berani memandang ke atas dengan keberanian, dan agar mereka tidak berani menikmati hak dan hak istimewa mereka.

28 Ya, mereka tidak berani menggunakan apa yang adalah milik mereka takut kalau-kalau mereka menyinggung para imam mereka, yang memasangkan kuk kepada mereka menurut hasrat mereka, dan telah membawa mereka untuk percaya, dengan adat resam mereka dan mimpi mereka dan karenah mereka dan penglihatan mereka dan rahsia mereka yang adalah rekaan, bahawa mereka

akan, jika mereka tidak melakukan menurut kata-kata mereka, menyinggung makhluk yang tidak dikenali, yang mereka katakan ialah Tuhan—makhluk yang tidak pernah dilihat atau dikenal, yang tidak pernah wujud, tidak juga pernah akan wujud.

29 Sekarang, ketika imam tinggi dan hakim utama melihat kekeerasan hatinya, ya, ketika mereka melihat bahawa dia akan mencaci maki bahkan Tuhan, mereka tidak mahu memberi jawapan apa pun berkenaan perkataan-perkataannya; tetapi mereka menyuruh agar dia hendaknya diikat; dan mereka menyerahkannya ke dalam tangan para pegawai, dan menghantarkannya ke negeri Zarahemla, agar dia boleh dibawa ke hadapan Alma, dan hakim utama yang merupakan pentadbir di seluruh negeri.

30 Dan terjadilah bahawa ketika dia dibawa ke hadapan Alma dan hakim utama, dia meneruskan dengan cara yang sama seperti yang dia lakukan di negeri Gideon; ya, dia terus menista.

31 Dan dia bangkit dan meluahkan perkataan-perkataan yang berkobar-kobar di hadapan Alma, dan mencaci maki para imam dan pengajar, menuduh mereka menyesatkan orang menurut adat resam nenek moyang mereka yang karut, demi kepentingan untuk mempermewah diri dengan usaha umat itu.

32 Sekarang, Alma berkata kepadanya: Engkau tahu bahawa kami

tidak mempermewah diri kami dengan usaha umat ini; kerana lihatlah aku telah bekerja bahkan sejak permulaan zaman pemerintahan hakim-hakim sampai sekarang, dengan tanganku sendiri untuk tunjanganku, walaupun banyaknya pengembaraanku di sekitar negeri untuk memaklumkan firman Tuhan kepada bangsaku.

33 Dan walaupun banyaknya kerja yang telah aku laksanakan di dalam gereja, aku tidak pernah menerima sebanyak bahkan satu senin pun untuk kerjaku; tidak juga sesiapa pun di antara saudara-saudaraku, kecuali di kerusi kehakiman; dan dalam hal itu kami telah menerima hanya menurut hukum untuk waktu kami.

34 Dan sekarang, jika kami tidak menerima apa pun untuk kerja kami di dalam gereja, apakah untungnya kami bekerja di dalam gereja kecuali untuk memaklumkan kebenaran, agar kami boleh merasakan kesukacitaan dalam kebahagiaan saudara-saudara kami?

35 Maka, mengapakah engkau berkata bahawa kami berkhotbah kepada orang ini untuk memperoleh keuntungan, bila engkau, dirimu sendiri, tahu bahawa kami tidak menerima keuntungan? Dan sekarang, percayakah engkau bahawa kami menipu orang ini, yang menyebabkan kebahagiaan seperti itu dalam hati mereka?

36 Dan Korihor menjawab dia, Ya.

37 Dan kemudian Alma berkata

kepadanya: Percayakah engkau bahawa ada seorang Tuhan?

38 Dan dia menjawab, Tidak.

39 Sekarang, Alma berkata kepadanya: Akankah kamu menyangkal lagi bahawa ada seorang Tuhan, dan juga menyangkal Kristus? Kerana lihatlah, aku berkata kepadamu, aku tahu ada seorang Tuhan, dan juga bahawa Kristus akan datang.

40 Dan sekarang, bukti apakah yang kamu miliki bahawa tidak ada Tuhan, atau bahawa Kristus tidak datang? Aku berkata kepadamu bahawa engkau tidak memiliki apa pun, kecuali perkaatannya saja.

41 Tetapi, lihatlah, aku memiliki segala sesuatu sebagai kesaksian bahawa hal-hal ini benar; dan kamu juga memiliki segala sesuatu sebagai kesaksian bagimu bahawa ianya benar; dan akankah kamu menyangkalnya? Percayakah engkau bahawa hal-hal ini benar?

42 Lihatlah, aku tahu bahawa engkau percaya, tetapi engkau dikuasai roh dusta, dan kamu telah menanggalkan Roh Tuhan sehingga Dia tidak boleh memiliki tempat dalam dirimu; tetapi iblis memiliki kuasa atas dirimu, dan dia membawamu ke sana ke mari, mengerjakan muslihat agar dia boleh menghancurkan anak-anak Tuhan.

43 Dan sekarang, Korihor berkata kepada Alma: Jika engkau akan memperlihatkan kepadaku sebuah tanda, agar aku boleh diyakinkan bahawa ada seorang Tuhan, ya,

perlihatkanlah kepadaku bahawa Dia memiliki kuasa, dan kemudian akanlah aku diyakinkan pada kebenaran kata-katamu.

44 Tetapi Alma berkata kepadanya: Engkau telah memperoleh cukup tanda; akankah kamu menguji Tuhanmu? Akankah kamu berkata, Perlihatkanlah kepadaku sebuah tanda, bila kamu memiliki kesaksian semua saudaramu ini, dan juga semua nabi kudus? Tulisan suci terbentang di hadapanmu, ya, dan segala sesuatu menunjukkan adanya seorang Tuhan; ya, bahkan bumi, dan segala sesuatu yang berada di atas permukaannya, ya, dan pergerakannya, ya, dan juga semua cakerawala yang bergerak dalam laluan yang biasa menyaksikan bahawa ada seorang Pencipta Yang Maha Agung.

45 Namun tetaplah kamu berkelana, menyesatkan hati umat ini, bersaksi kepada mereka tidak ada Tuhan? Namun akankah kamu menyangkal Tuhan menentang semua saksi ini? Dan dia berkata: Ya, aku akan menyangkal, kecuali kamu akan memperlihatkan kepadaku sebuah tanda.

46 Dan sekarang terjadilah bahawa Alma berkata kepadanya: Lihatlah, aku pilu kerana kekerasan hatimu, ya, bahawa kamu akan masih menampik roh kebenaran, sehingga jiwamu dihancurkan.

47 Tetapi lihatlah, lebih baik bahawa jiwamu akan hilang, daripada bahawa engkau akan menjadi sarana untuk membawa banyak jiwa kepada kehancuran, melalui

dustamu dan melalui perkataan-perkataanmu yang mengangkat-angkat; oleh itu jika engkau akan menyangkal lagi, lihatlah, Tuhan akan menghentammu, sehingga engkau menjadi bisu, agar engkau tidak akan membuka mulutmu lagi, agar engkau tidak akan menipu umat ini lagi.

48 Sekarang, Korihor berkata kepadanya: Aku tidak menyangkal kewujudan seorang Tuhan, tetapi aku tidak percaya bahawa adanya seorang Tuhan; dan aku berkata juga, bahawa kamu tidak tahu bahawa ada seorang Tuhan; dan kecuali kamu memperlihatkan kepadaku sebuah tanda, aku tidak akan percaya.

49 Sekarang, Alma berkata kepadanya: Ini akan aku berikan kepadamu sebagai sebuah tanda, bahawa engkau akan terserang kebisuan, menurut perkataan-perkataanku; dan aku berkata, bahawa demi nama Tuhan, kamu akan terserang kebisuan, agar kamu tidak akan lagi memiliki pertuturan.

50 Sekarang, ketika Alma telah mengatakan perkataan-perkataan ini, Korihor terserang kebisuan, sehingga dia tidak dapat memiliki pertuturan, menurut perkataan-perkataan Alma.

51 Dan sekarang, ketika hakim utama nampak ini, dia menghulurkan tangannya dan menulis kepada Korihor, mengatakan: Adakah engkau diyakinkan akan kuasa Tuhan? Kepada siapakah kamu berhasrat agar Alma akan

memperlihatkan tandanya? Mahukah kamu bahawa Dia menyensasikan yang lain, untuk memperlihatkan kepadamu sebuah tanda? Lihatlah, Dia telah memperlihatkan kepadamu sebuah tanda; dan sekarang akankah kamu berhujah lagi?

52 Dan Korihor menghulurkan tangannya dan menulis, mengatakan: Aku tahu bahawa aku bisu, kerana aku tidak dapat bercakap; dan aku tahu bahawa tidak ada apa pun kecuali kuasa Tuhan yang dapat membawa ini kepada diriku; ya, dan aku selalu mengetahui bahawa ada seorang Tuhan.

53 Tetapi lihatlah, iblis telah menipuku; kerana dia menampakkan diri kepadaku dalam bentuk seorang malaikat, dan berkata kepadaku: Pergi dan pulihkanlah orang ini, kerana mereka semuanya telah tersesat mengikut seorang Tuhan yang tidak dikenali. Dan dia berkata kepadaku: Tidak ada Tuhan; ya, dan dia mengajarku apa yang hendaknya aku katakan. Dan aku telah mengajarkan perkataan-perkataannya; dan aku mengajarkannya kerana itu menyenangkan bagi fikiran badaniah; dan aku mengajarkannya, bahkan sampai aku mengalami banyak kejayaan, sedemikian rupa sehingga aku sungguh percaya bahawa itu benar; dan kerana alasan ini aku menentang kebenaran, bahkan sampai aku telah mendatangkan kutukan besar ini kepada diriku.

54 Sekarang, ketika dia telah mengatakan ini, dia memohon agar

Alma hendaknya berdoa kepada Tuhan, agar kutukan itu boleh diambil darinya.

55 Tetapi Alma berkata kepadanya: Jika kutukan ini diambil darimu engkau akan kembali menyesatkan hati orang ini; oleh itu, akan terjadi kepadamu bahkan seperti yang Tuhan kehendaki.

56 Dan terjadilah bahawa kutukan itu tidak diambil dari Korihor; tetapi dia diusir, dan berkelana dari rumah ke rumah mengemis untuk makanannya.

57 Sekarang, pengetahuan tentang apa yang telah terjadi kepada Korihor dengan segera diberitakan ke seluruh negeri; ya, perisytiharan itu disebarkan oleh hakim utama kepada semua orang di negeri itu, memaklumkan kepada mereka yang telah percaya pada perkataan-perkataan Korihor bahawa mereka mesti lekas bertaubat, jangan-jangan penghakiman yang sama datang pada mereka.

58 Dan terjadilah bahawa mereka semua diyakinkan akan kejahatan Korihor; oleh itu mereka semua bertukar hati kembali kepada Tuhan; dan ini mengakhiri kederhakaan menurut cara Korihor. Dan Korihor berkelana dari rumah ke rumah, mengemis makanan untuk tunjangannya.

59 Dan terjadilah bahawa sewaktu dia pergi ke kalangan rakyat, ya, ke kalangan suatu bangsa yang telah memisahkan diri mereka daripada bangsa Nefi dan memanggil diri mereka orang Zoram, dipimpin oleh seorang

lelaki yang namanya Zoram—dan sewaktu dia pergi ke kalangan mereka, lihatlah, dia terlindas dan terinjak-injak, bahkan sampai dia mati.

60 Dan demikianlah kita melihat akibat kepada dia yang menyimpangkan jalan Tuhan; dan demikianlah kita melihat bahawa iblis tidak akan menyokong anak-anaknya pada hari terakhir, tetapi selekasnya menyeret mereka turun ke neraka.

BAB 31

Alma mengetuai sebuah misi untuk memulihkan orang Zoram yang murtad—Orang Zoram menyangkal Kristus, percaya pada suatu konsep pemilihan yang salah, dan beribadat dengan doa-doa yang ditetapkan—Para mubaligh dipenuhi dengan Roh Kudus—Kesengsaraan mereka tertelan dalam kebahagiaan Kristus. Kira-kira 74 tahun S.M.

SEKARANG, terjadilah bahawa setelah kematian Korihor, Alma telah menerima khabar bahawa orang Zoram menyimpangkan jalan Tuhan, dan bahawa Zoram, iaitu pemimpin mereka, sedang menuntun hati orang untuk menunduk pada berhala-berhala bisu, hatinya sekali lagi mula menjadi sakit kerana kederhakaan bangsa itu.

2 Kerana adalah sebab kedukaan yang hebat bagi Alma mengetahui tentang kederhakaan kalangan bangsanya; oleh itu hatinya menjadi amat berdukacita kerana

perpisahan orang Zoram daripada bangsa Nefi.

3 Sekarang, orang Zoram telah berkumpul bersama di sebuah negeri yang mereka panggil Antionum, yang berada ke timur negeri Zarahemla, yang terletak hampir bersempadan dengan tepi laut, yang berada ke selatan negeri Yerson, yang juga bersempadan dengan padang belantara selatan, yang padang belantara itu penuh dengan bangsa Laman.

4 Sekarang, bangsa Nefi berasa teramat takut bahawa orang Zoram akan menjalin persahabatan dengan bangsa Laman, dan bahawa itu akan menjadi cara kerugian besar pada pihak bangsa Nefi.

5 Dan sekarang, sebagaimana kerana pengkhutbahan firman mempunyai kecenderungan besar untuk menuntun umat itu untuk melakukan apa yang adil—ya, itu telah mempunyai kesan yang lebih kuat pada fikiran orang daripada pedang, atau apa-apapun yang lain, yang telah terjadi kepada mereka—oleh itu Alma berfikir adalah arif bahawa mereka patut menguji kuasa firman Tuhan.

6 Oleh itu dia membawa Amon, dan Harun, dan Omner; dan Himni dia tinggalkan di jemaah di Zarahemla; tetapi tiga orang yang terdahulu itu dia bawa bersamanya, dan juga Amulek dan Zezrom, yang berada di Melek; dan dia juga membawa dua orang puteranya.

7 Sekarang, yang sulung di antara para puteranya tidak dia

bawa bersamanya, dan namanya Helaman; tetapi nama-nama mereka yang dia bawa bersamanya ialah Siblon dan Korianton; dan inilah nama-nama mereka yang pergi bersamanya ke dalam kalangan orang Zoram, untuk mengkhutbahkan kepada mereka firman.

8 Sekarang, orang Zoram itu pembelot daripada bangsa Nefi; oleh itu firman Tuhan telah pun dikhutbahkan kepada mereka.

9 Tetapi mereka telah jatuh ke dalam kekhilafan besar, kerana mereka enggan berusaha mentaati perintah-perintah Tuhan, dan peraturan-peraturan-Nya, menurut hukum Musa.

10 Tidak juga mereka berusaha melaksanakan kerja-kerja gereja, untuk berterusan dalam doa dan permohonan kepada Tuhan setiap hari, agar mereka tidak akan jatuh ke dalam godaan.

11 Ya, kesimpulannya, mereka menyimpangkan jalan Tuhan dalam amat banyak hal; oleh itu, kerana alasan ini, Alma dan saudara-saudaranya pergi ke negeri itu untuk mengkhutbahkan firman kepada mereka.

12 Sekarang, ketika mereka telah memasuki negeri itu, lihatlah, yang membuat mereka tercengang, mereka mendapati bahawa bangsa Zoram telah membina saumaah-saumaah, dan bahawa mereka berkumpul bersama pada satu hari dalam seminggu, yang hari itu mereka panggil hari Tuhan; dan mereka beribadat menurut suatu

cara yang belum pernah Alma dan saudara-saudaranya lihat;

13 Kerana mereka telah membina sebuah tempat di tengah-tengah saumaah mereka, sebuah tempat untuk berdiri, yang tinggi melebihi kepala; dan bahagian atasnya hanya akan menampung satu orang.

14 Oleh itu, barang siapa berhasrat untuk beribadat mesti mara dan berdiri pada bahagian atasnya, dan menghulurkan tangannya ke arah langit, dan berseru dengan suara nyaring, mengatakan:

15 Tuhan yang kudus, yang kudus; kami percaya bahawa Engkaulah Tuhan, dan kami percaya bahawa Engkau kudus, dan bahawa Engkau dahulu ialah roh, dan bahawa Engkau sekarang roh, dan bahawa Engkau akan menjadi roh selama-lamanya.

16 Tuhan yang kudus, kami percaya bahawa Engkau telah memisahkan kami dari saudara-saudara kami; dan kami tidak percaya pada adat resam saudara-saudara kami, yang diturunkan kepada mereka melalui sifat kekanak-kanakan nenek moyang mereka; tetapi kami percaya bahawa Engkau telah memilih kami untuk menjadi anak-anak kudus-Mu; dan juga Engkau telah menyingkapkannya kepada kami bahawa tidak akan ada Kristus.

17 Tetapi Engkau adalah sama kelmarin, hari ini, dan selama-lamanya; dan Engkau telah memilih kami agar kami akan diselamatkan, sedangkan semua yang di sekitar kami dipilih untuk dilempar

oleh kemurkaan-Mu turun ke neraka; untuk kekudusan yang ini, Ya Tuhan, kami bersyukur kepada-Mu; dan kami juga bersyukur kepada-Mu kerana Engkau telah memilih kami, agar kami tidak akan disesatkan menurut adat resam bodoh saudara-saudara kami, yang mengikat mereka pada suatu kepercayaan kepada Kristus, yang menuntun hati mereka mengembara jauh dari Engkau, Tuhan kami.

18 Dan lagi kami bersyukur kepada-Mu, Ya Tuhan, bahawa kami suatu bangsa yang terpilih dan yang kudus. Amin.

19 Sekarang, terjadilah bahawa setelah Alma dan saudara-saudaranya dan putera-puteranya telah mendengar doa ini, rasa hairan mereka tidak terhingga.

20 Kerana lihatlah, setiap orang mara dan mempersembahkan doa yang sama ini.

21 Sekarang, tempat itu dipanggil oleh mereka Rameumtom, yang, ditafsirkan, ialah mimbar kudus.

22 Sekarang, dari mimbar ini mereka mempersembahkan, setiap orang, doa yang sama kepada Tuhan, bersyukur kepada Tuhan mereka kerana mereka dipilih oleh-Nya, dan kerana Dia tidak menyesatkan mereka menurut adat resam saudara-saudara mereka, dan kerana hati mereka tidak terperdaya untuk mempercayai apa yang akan datang, yang mereka tidak tahu apa-apapun tentangnya.

23 Sekarang, setelah orang

semuanya mempersembahkan syukur menurut cara ini, mereka kembali ke rumah mereka, langsung tidak bercakap tentang Tuhan mereka lagi sampai mereka berkumpul bersama kembali di mimbar kudus, untuk mempersembahkan syukur menurut cara mereka.

24 Sekarang, ketika Alma melihat ini hatinya pilu; kerana dia melihat bahawa mereka bangsa yang jahat dan yang suka melawan; ya, dia melihat hati mereka ditumpukan pada emas, dan pada perak, dan pada segala macam barang yang bagus-bagus.

25 Ya, dan dia juga melihat bahawa hati mereka terangkat-angkat hingga bercakap besar, dalam keangkuhan mereka.

26 Dan dia mengangkat suaranya ke syurga, dan berseru, mengatakan: Ah, berapa lama, Ya Tuhan, akan Engkau biarkan bahawa para hamba-Mu tinggal di bawah sini dalam daging, untuk melihat kejahatan yang sedemikian buruknya di kalangan anak-anak manusia?

27 Lihatlah, Ya Tuhan, mereka berseru kepada-Mu, namun hati mereka tertelan dalam kesombongan mereka. Lihatlah, Ya Tuhan, mereka berseru kepada-Mu dengan mulut mereka, sementara mereka bongkak, bahkan sampai terlampau, dengan apa yang sia-sia di dunia.

28 Lihatlah, Ya Tuhanku, busana mahal mereka, dan cincin mereka, dan gelang mereka, dan perhiasan emas mereka, dan segala

benda berharga mereka yang dengannya mereka dihiasi; dan lihatlah, hati mereka ditumpukan padanya, namun mereka berseru kepada-Mu dan berkata—Kami bersyukur kepada-Mu, Ya Tuhan, kerana kami bangsa yang terpilih bagi-Mu, sementara yang lain akan binasa.

29 Ya, dan mereka berkata bahawa Engkau telah menyingkapkannya kepada mereka bahawa tidak akan ada Kristus.

30 Ya Tuhan Raja, berapa lamakah akan Engkau biarkan bahawa kejahatan dan ketidaksetiaan seperti itu akan ada di kalangan umat ini? Ya Tuhan, tolonglah Engkau berikan kekuatan, agar aku boleh menanggung kelemahan-kelemahanku. Kerana aku lemah, dan kejahatan seperti itu di kalangan umat ini menyakitkan jiwaku.

31 Ya Tuhan, hatiku amat penuh kedukaan; mahukah Engkau menghibur jiwaku di dalam Kristus. Ya Tuhan, tolonglah Engkau kabulkan bagiku agar aku boleh memiliki kekuatan, agar aku boleh menderita dengan kesabaran kesengsaraan ini yang akan datang ke atas diriku, kerana kederhakaan umat ini.

32 Ya Tuhan, tolonglah Engkau hiburkan jiwaku, dan berikan kejayaan, dan juga para rakan sekerjaku yang berada bersamaku—ya, Amon, dan Harun, dan Omner, dan juga Amulek dan Zezrom, dan juga kedua puteraku—ya, bahkan semua orang ini tolonglah Engkau hiburkan, Ya Tuhan. Ya, tolonglah

Engkau hiburkan jiwa mereka di dalam Kristus.

33 Tolonglah Engkau kabulkan bagi mereka agar mereka boleh memiliki kekuatan, agar mereka dapat menanggung kesengsaraan mereka yang akan datang pada diri mereka kerana kederhakaan umat ini.

34 Ya Tuhan, tolong kabulkan bagi kami agar kami boleh memperoleh kejayaan dalam membawa mereka kembali kepada-Mu di dalam Kristus.

35 Lihatlah, Ya Tuhan, jiwa-jiwa mereka berharga, dan banyak di antara mereka itu saudara-saudara kami; oleh itu, berikanlah kepada kami, Ya Tuhan, kekuatan dan kebijaksanaan agar kami boleh membawa umat ini, saudara-saudara kami, kembali kepada-Mu.

36 Sekarang, terjadilah bahawa ketika Alma telah mengucapkan perkataan-perkataan ini, bahawa dia menepukkan tangannya pada diri mereka semua yang berada bersamanya. Dan lihatlah, sewaktu dia menepukkan tangannya pada diri mereka, mereka dipenuhi Roh Kudus.

37 Dan setelah itu mereka bersurai, tanpa memikirkan bagi diri mereka apanya yang akan mereka makan, atau apanya yang akan mereka minum, atau apanya yang akan mereka pakai.

38 Dan Tuhan menyediakan bagi mereka agar mereka tidak akan lapar, tidak juga mereka akan haus; ya, dan Dia juga memberi mereka kekuatan, agar mereka tidak akan

menderita bermacam-macam kesengsaraan, kecuali ia tertelan dalam kebahagiaan Kristus. Sekarang, ini menurut doa Alma; dan ini kerana dia berdoa dalam iman.

BAB 32

Alma mengajar orang miskin yang kesengsaraannya telah merendahkan hati mereka—Iman ialah harapan akan apa yang tidak terlihat yang adalah benar—Alma bersaksi bahawa para malaikat melayani kaum lelaki, wanita, dan kanak-kanak—Alma membandingkan firman dengan biji benih—Benih itu mesti ditanam dan dipelihara—Kemudian benih itu tumbuh menjadi pokok yang darinya buah kehidupan abadi dipetik. Kira-kira 74 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa mereka pun pergi, dan mula mengkhutbahkan firman Tuhan kepada bangsa itu, memasuki saumaah-saumaah mereka, dan ke dalam rumah-rumah mereka; ya, dan bahkan mereka mengkhutbahkan firman di jalan-jalan raya mereka.

2 Dan terjadilah bahawa setelah banyak kerja di kalangan mereka, mereka mula memperoleh kejayaan di kalangan golongan yang miskin; kerana lihatlah, mereka diusir dari saumaah-saumaah kerana kasarnya pakaian mereka—

3 Oleh itu mereka tidak diizinkan masuk ke dalam saumaah-saumaah mereka untuk menyembah Tuhan, dianggap sebagai

kekotoran; oleh itu mereka miskin; ya, mereka dianggap oleh saudara-saudara mereka sebagai sampah; oleh itu mereka miskin berkaitan dengan apa yang di dunia; dan juga mereka rendah hati.

4 Sekarang, sewaktu Alma sedang mengajar dan berucap kepada bangsa itu di atas Bukit Onida, datanglah sekumpulan orang ramai kepadanya, iaitu mereka tentang siapa telah kami bicarakan, yang rendah hati, kerana kemiskinan mereka berkaitan dengan apa yang di dunia.

5 Dan mereka datang kepada Alma; dan orang yang terkemuka di kalangan mereka berkata kepadanya: Lihatlah, apa yang akan saudara-saudaraku ini lakukan, kerana mereka diremehkan oleh semua orang akibat kemiskinan mereka, ya, dan lebih khusus lagi oleh para imam kami; kerana mereka telah mengusir kami dari saumaah-saumaah kami yang telah kami berusaha dengan keras untuk membinanya dengan tangan kami sendiri; dan mereka telah mengusir kami kerana kemiskinan kami yang teramat sangat; dan kami tidak memiliki tempat untuk menyembah Tuhan kami; dan lihatlah, apakah yang akan kami buat?

6 Dan sekarang, ketika Alma mendengar ini, dia memalingkan dirinya, mukanya secara langsung menghadapinya, dan dia melihat dengan sukacita yang besar; kerana dia melihat bahawa kesengsaraan mereka telah benar-benar

merendahkan hati mereka, dan bahawa mereka berada dalam keadaan sedia untuk mendengar firman.

7 Oleh itu dia tidak berkata apa-apa lagi kepada orang ramai yang lain itu; tetapi dia menghulurkan tangannya, dan berseru kepada mereka yang dia lihat, yang benar-benar menyesal, dan berkata kepada mereka:

8 Aku melihat bahawa kamu rendah hati; dan jika demikian, diberkatilah kamu.

9 Lihatlah saudaramu telah berkata, Apakah yang akan kami buat?—kerana kami diusir dari saumaah-saumaah kami, sehingga kami tidak dapat menyembah Tuhan kami.

10 Lihatlah aku berkata kepadamu, adakah kamu mengira bahawa kamu tidak dapat menyembah Tuhan kecuali di dalam saumaah-saumaah kamu sahaja?

11 Dan selain itu, aku mahu bertanya, adakah kamu mengira bahawa kamu tidak patut menyembah Tuhan kecuali sekali dalam seminggu?

12 Aku berkata kepadamu, adakah baik bahawa kamu diusir dari saumaah-saumaahmu, agar kamu boleh menjadi rendah hati, dan agar kamu boleh belajar kebijaksanaan; kerana perlu bahawa kamu sepatutnya belajar kebijaksanaan; sebab kerana kamu diusir, bahawa kamu telah diremehkan oleh saudara-saudaramu kerana kemiskinanmu yang teramat sangat, maka kamu dibawa pada kerendahan

hati; kerana kamu perlu dijadikan rendah hati.

13 Dan sekarang, kerana kamu dipaksa untuk menjadi rendah hati diberkatilah kamu; kerana seseorang kadang-kadang, jika dia dipaksa untuk menjadi rendah hati, mengupayakan pertaubatan; dan sekarang pastilah, barang siapa bertaubat akan menemukan belas kasihan; dan dia yang menemukan belas kasihan dan bertahan sampai akhir orang itu akan diselamatkan.

14 Dan sekarang, seperti yang aku katakan kepadamu, bahawa kerana kamu dipaksa untuk menjadi rendah hati kamu diberkati, tidakkah kamu mengira bahawa mereka lebih diberkati yang benar-benar merendahkan hati mereka akibat firman?

15 Ya, dia yang benar-benar merendahkan hatinya, dan bertaubat dari dosa-dosanya, dan bertahan sampai akhir, orang itu akan diberkati—ya, jauh lebih diberkati daripada mereka yang dipaksa untuk menjadi rendah hati akibat kemiskinan mereka yang teramat sangat.

16 Oleh itu, diberkatilah mereka yang merendahkan hati mereka tanpa dipaksa untuk menjadi rendah hati; atau lebih tepat, dalam kata-kata lain, diberkatilah dia yang percaya pada firman Tuhan, dan dibaptis tanpa sikap keras hati, ya, tanpa dibawa untuk mengetahui firman, atau bahkan dipaksa untuk mengetahui, sebelum mereka akan percaya.

17 Ya, ramai yang berkata: Jika engkau akan memperlihatkan kepada kami sebuah tanda dari surga, barulah kami akan mengetahui dengan suatu kepastian; barulah kami akan percaya.

18 Sekarang, aku bertanya, adakah ini iman? Lihatlah, aku berkata kepadamu, Bukan; kerana jika seseorang mengetahui suatu hal dia tidak memiliki alasan untuk percaya, kerana dia mengetahuinya.

19 Dan sekarang, berapa lebih terukutunya dia yang mengetahui kehendak Tuhan dan tidak melakukannya, daripada dia yang hanya percaya, atau hanya memiliki alasan untuk percaya, dan jatuh ke dalam pelanggaran?

20 Sekarang, tentang hal ini kamu mesti menilai. Lihatlah, aku berkata kepadamu, bahawa itu dari satu segi bahkan seperti dari segi yang lain; dan akan terjadi kepada setiap manusia menurut perbuatannya.

21 Dan sekarang, seperti yang aku katakan berkenaan iman—iman bukanlah memiliki suatu pengetahuan yang sempurna tentang segala sesuatu; oleh itu jika kamu memiliki iman kamu berharap untuk hal-hal yang tidak terlihat, yang adalah benar.

22 Dan sekarang, lihatlah, aku berkata kepadamu, dan aku menghendaki agar kamu hendaknya ingat, bahawa Tuhan penuh belas kasihan kepada semua yang percaya pada nama-Nya; oleh itu Dia menghasratkan, pertama-tamanya, bahawa kamu

hendaknya percaya, ya, bahkan pada firman-Nya.

23 Dan sekarang, Dia memberikan firman-Nya melalui para malaikat kepada manusia, ya, bukan hanya lelaki tetapi wanita juga. Sekarang, ini bukanlah kesemuanya; anak-anak kecil telah diberikan perkataan-perkataan kepada mereka berulang kali, yang menundukkan yang bijak dan yang terpelajar.

24 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, seperti kamu telah hasratkan untuk mengetahui daripadaku apa yang patut kamu lakukan kerana kamu disengsarakan dan diusir—sekarang, aku tidak menghasratkan bahawa kamu akan mengira bahawa aku bermaksud untuk menghakimimu hanya menurut apa yang benar—

25 Kerana aku tidak bermaksud bahawa kamu semua telah dipaksa untuk merendahkan hatimu; kerana aku benar-benar percaya bahawa ada sebahagian di antara kamu yang akan merendahkan hati mereka, tidak kira apa pun keadaan mereka.

26 Sekarang, seperti yang aku katakan berkenaan iman—bahawa itu bukanlah suatu pengetahuan yang sempurna—demikian pula adanya dengan kata-kataku. Kamu tidak dapat tahu tentang kepastiannya pada mulanya, sampai kesempurnaan, sama seperti iman itu bukanlah suatu pengetahuan yang sempurna.

27 Tetapi lihatlah, jika kamu mahu membangkitkan dan menggugah

kecekanmu, bahkan untuk suatu percobaan terhadap kata-kataku, dan menjalankan segelintir iman, ya, bahkan jika kamu tidak dapat membuat lebih daripada berhasrat untuk percaya, biarlah hasrat ini bekerja dalam dirimu, bahkan sampai kamu percaya dalam cara di mana kamu dapat memberi tempat untuk sebahagian daripada kata-kataku.

28 Sekarang, kita akan membandingkan firman dengan sebiji benih. Sekarang, jika kamu memberi tempat, agar sebiji benih boleh ditanam dalam hatimu, lihatlah, jika ia sebiji benih yang sejati, atau benih yang baik, jika kamu tidak menyingkirkannya akibat ketidakpercayaanmu, sehingga kamu akan menentang Roh Tuhan, lihatlah, ia akan mula menggem-bung di dalam dadamu; dan ketika kamu merasakan gerakan pengembangan ini, kamu akan mula berkata dalam dirimu—Semestinya ini benih yang baik, atau bahawa firman itu baik, kerana ia mula memperbesar jiwaku; ya, ia mula menerangi pengertianku, ya, ia mula menjadi lazat bagiku.

29 Sekarang, lihatlah, tidakkah akan ini meningkatkan imanmu? Aku berkata kepadamu, Ya; walaupun demikian ia belum tumbuh menjadi suatu pengetahuan yang sempurna.

30 Tetapi lihatlah, sewaktu benih itu menggem-bung, dan bertunas, dan mula tumbuh, maka kamu semestinya perlu mengatakan bahawa benih itu baik; kerana

lihatlah ia menggem-bung, dan bertunas, dan mula tumbuh. Dan sekarang, lihatlah, tidakkah ini akan menguatkan imanmu? Ya, ini akan menguatkan imanmu: kerana kamu akan berkata aku tahu bahawa ini benih yang baik; kerana lihatlah benih itu bertunas dan mula tumbuh.

31 Dan sekarang, lihatlah, adakah kamu yakin bahawa ini benih yang baik? Aku berkata kepadamu, Ya; kerana setiap benih menghasilkan pada keserupaannya sendiri.

32 Oleh itu, jika sebiji benih tumbuh, benih itu baik, tetapi jika benih itu tidak tumbuh, lihatlah benih itu tidakkah baik, oleh itu, benih itu dibuang.

33 Dan sekarang, lihatlah, kerana kamu telah mencuba percobaan itu, dan menanam benih itu, dan benih itu menggem-bung dan bertunas, dan mula tumbuh, kamu mesti tahu bahawa benih itu baik.

34 Dan sekarang, lihatlah, adakah pengetahuanmu sempurna? Ya, pengetahuanmu sempurna dalam hal itu, dan imanmu pendam; dan ini kerana kamu tahu, kerana kamu tahu bahawa firman itu telah menggem-bungkan jiwamu, dan kamu juga tahu bahawa ia telah bertunas, sehingga pengertianmu mula diterangi, dan fikiranmu mula meluas.

35 Ya maka, bukankah ini nyata? Aku berkata kepadamu, Ya, kerana itu cahaya; dan apa pun yang cahaya, adalah baik, kerana itu dapat dikenali, oleh itu kamu mesti tahu bahawa itu baik; dan sekarang,

lihatlah, setelah kamu mengecapi cahaya ini adakah pengetahuanmu sempurna?

36 Lihatlah aku berkata kepadamu, Tidak; tidak juga kamu mesti mengesampingkan imanmu, kerana kamu hanya menjalankan imanmu untuk menanam benih agar kamu boleh mencuba percubaan itu untuk mengetahui adakah benih itu baik.

37 Dan lihatlah, sewaktu pokok itu mula tumbuh, kamu akan berkata: Marilah kita memeliharanya dengan penjagaan yang rapi, agar pokok itu boleh berakar, agar ia boleh tumbuh, dan menghasilkan buah bagi kita. Dan sekarang, lihatlah, jika kamu memeliharanya dengan rapi, pokok itu akan berakar, dan tumbuh, dan menghasilkan buah.

38 Tetapi jika kamu mengabaikan pokok itu, dan tidak mengambil berat akan pemeliharannya, lihatlah pokok itu langsung tidak akan berakar; dan ketika panas matahari datang dan menghanguskannya, kerana pokok itu tidak memiliki akar, ia akan layu, dan kamu mencabutnya dan membuangnya.

39 Sekarang, ini bukanlah kerana benih itu tidak baik, tidak juga kerana buahnya tidak dihasrati; tetapi itu kerana negerimu gersang, dan kamu tidak mahu memelihara pokok itu, oleh itu kamu tidak dapat memiliki buahnya.

40 Dan demikianlah, jika kamu tidak mahu memelihara firman, menanti-nantikan dengan mata iman pada buahnya, kamu langsung

tidak akan dapat memetik buah dari pohon kehidupan.

41 Tetapi jika kamu akan memelihara firman, ya, memelihara pokok itu sewaktu pokok itu mula tumbuh, melalui imanmu dengan ketekunan yang besar, dan dengan kesabaran, menanti-nantikan buahnya, pokok itu akan berakar; dan lihatlah ia akan menjadi pokok yang tumbuh menuju kehidupan kekal.

42 Dan kerana ketekunanmu dan imanmu dan kesabaranmu dengan firman dalam memeliharanya, agar pokok itu boleh berakar dalam dirimu, lihatlah, dalam masa yang singkat kamu akan memetik buahnya, yang paling berharga, yang manis melebihi segala yang manis, dan yang putih melebihi segala yang putih, ya, dan murni melebihi segala yang murni; dan kamu akan menjamukan diri dengan buah ini bahkan sampai kamu kenyang, sehingga kamu tidak lapar, tidak juga akan kamu haus.

43 Pada waktu itu, saudara-saudaraku, kamu akan menuai pahala imanmu, dan ketekunan, dan kesabaran, dan panjang sabarmu, menunggu pokok itu menghasilkan buah bagimu.

BAB 33

Zenos mengajarkan bahawa manusia hendaknya berdoa dan beribadat di segala tempat, dan bahawa penghakiman dipalingkan kerana Sang Putera—Zenok mengajar bahawa

belas kasihan dikurniakan kerana Sang Putera—Musa telah mengangkat di padang belantara sebuah lambang Putera Tuhan. Kira-kira 74 tahun S.M.

SEKARANG, setelah Alma mengucapkan perkataan-perkataan ini, mereka mengirim utusan kepadanya berhasrat untuk mengetahui sama ada mereka hendaknya percaya kepada satu Tuhan, agar mereka boleh mendapatkan buah ini yang berkenaannya telah dia bicarakan, atau bagaimana mereka patut menanam benih itu, atau firman yang berkenaannya telah dia bicarakan, yang dia katakan mesti ditanamkan dalam hati mereka; atau dengan cara apa mereka hendaknya mula menjalankan iman mereka.

2 Dan Alma berkata kepada mereka: Lihatlah, kamu telah berkata bahawa kamu tidak dapat menyembah Tuhanmu kerana kamu diusir dari saumaah-saumaahmu. Tetapi lihatlah, aku berkata kepadamu, jika kamu mengira bahawa kamu tidak dapat menyembah Tuhan, kamu teramat khilaf, dan kamu seharusnya menyelidiki tulisan-tulisan suci; jika kamu mengira bahawa tulisan-tulisan suci telah mengajarkanmu ini, kamu tidak memahaminya.

3 Adakah kamu ingat bahawa kamu telah membaca apa yang Zenos, nabi zaman dahulu, telah katakan berkenaan doa atau ibadat?

4 Kerana dia berkata: Engkau penuh belas kasihan, Ya Tuhan,

kerana Engkau telah mendengar doaku, bahkan ketika aku berada di padang belantara; ya, Engkau penuh belas kasihan ketika aku berdoa berkenaan mereka yang menjadi musuhku, dan Engkau memalingkan mereka kepadaku.

5 Ya, Ya Tuhan, dan Engkau penuh belas kasihan kepadaku ketika aku berseru kepada-Mu di ladangku; ketika aku berseru kepada-Mu dalam doaku, dan Engkau mendengarku.

6 Dan lagi, Ya Tuhan, ketika aku balik ke rumahku Engkau mendengarku dalam doaku.

7 Dan ketika aku balik ke bilikku, Ya Tuhan, dan berdoa kepada-Mu, Engkau mendengarku.

8 Ya, Engkau penuh belas kasihan kepada anak-anak-Mu ketika mereka berseru kepada-Mu, untuk didengar oleh-Mu dan bukan oleh manusia, dan Engkau akan mendengar mereka.

9 Ya, Ya Tuhan, Engkau telah penuh belas kasihan kepadaku, dan mendengar seruanku di tengah-tengah jemaah-jemaah-Mu.

10 Ya, dan Engkau telah juga mendengarku ketika aku telah diusir dan telah diremehkan oleh musuhku; ya, Engkau mendengar seruanku, dan murka terhadap musuhku, dan Engkau mengunjungi mereka dalam kemurkaan-Mu dengan kehancuran dalam masa yang singkat.

11 Dan Engkau mendengarku kerana kesengsaraanku dan ketulusanku; dan kerana Putera-Mulah maka Engkau telah sedemikian

penuh belas kasihannya kepadaku, oleh itu aku akan berseru kepada-Mu dalam segala kesengsaraanmu, kerana dalam Engkaulah kebahagiaanmu; kerana Engkau telah memalingkan penghakiman-Mu dariku, kerana Putera-Mu.

12 Dan sekarang, Alma berkata kepada mereka: Adakah kamu mempercayai tulisan-tulisan suci itu yang telah ditulis oleh mereka yang dari dahulu kala?

13 Lihatlah, jika ya, kamu mesti percaya apa yang Zenos katakan; kerana, lihatlah dia berkata: Engkau telah memalingkan penghakiman-Mu kerana Putera-Mu.

14 Sekarang lihatlah, saudara-saudaraku, aku mahu bertanya adakah kamu telah membaca tulisan-tulisan suci? Jika sudah, bagaimanakah kamu boleh tidak percaya kepada Putera Tuhan?

15 Kerana tidaklah tertulis bahawa Zenos seorang sahaja yang berbicara tentang hal-hal ini, tetapi Zenok juga berbicara tentang hal-hal ini—

16 Kerana lihatlah, dia berkata: Engkau murka, Ya Tuhan, terhadap orang ini, kerana mereka tidak mahu memahami belas kasihan-Mu yang telah Engkau kurniakan pada diri mereka kerana Putera-Mu.

17 Dan sekarang, saudara-saudaraku, kamu lihat bahawa seorang nabi kedua dari zaman dahulu telah bersaksi tentang Putera Tuhan, dan kerana bangsa itu tidak mahu memahami perkataannya mereka merajamnya sampai mati.

18 Tetapi lihatlah, ini belumlah semuanya; mereka ini bukanlah satu-satunya yang telah berbicara berkenaan Putera Tuhan.

19 Lihatlah, Dia telah dibicarakan oleh Musa; ya, dan lihatlah, suatu lambang telah dinaikkan di padang belantara, agar barang siapa yang akan memandangnya boleh hidup. Dan ramai yang memandangi dan hidup.

20 Tetapi tidak ramai yang memahami erti hal-hal itu, dan ini kerana kekerasan hati mereka. Tetapi ada ramai yang bersikap begitu keras sehingga mereka tidak mahu memandangi, oleh itu mereka binasa. Sekarang, alasan mereka tidak mahu memandangi adalah kerana mereka tidak percaya bahawa itu akan menyembuhkan mereka.

21 Wahai saudara-saudaraku, jika kamu dapat disembuhkan dengan cuma melihat dengan matamu agar kamu boleh disembuhkan, tidakkah kamu akan melihat dengan cepat, atautah kamu lebih suka mengeraskan hatimu dalam ketidakpercayaan, dan menjadi malas, menyebabkan kamu tidak mahu melihat dengan matamu, menyebabkan kamu binasa?

22 Jika demikian, celaka akan datang ke atas dirimu; tetapi jika bukan demikian, maka lihatlah dengan matamu dan mulalah percaya kepada Putera Tuhan, bahawa Dia akan datang untuk menebus umat-Nya, dan bahawa Dia akan menderita dan mati untuk menebuskan dosa-dosa mereka; dan bahawa Dia akan bangkit lagi

dari yang mati, yang akan mendatangkan kebangkitan, agar semua orang akan berdiri di hadapan-Nya, untuk dihakimi pada hari terakhir dan hari penghakiman menurut perbuatan mereka.

23 Dan sekarang, saudara-saudaraku, aku berhasrat agar kamu akan menanamkan firman ini dalam hatimu, dan sewaktu itu mula menggembung demikian pula peliharalahnya dengan imanmu. Dan lihatlah, firman itu akan menjadi pokok, tumbuh dalam dirimu menuju kehidupan kekal. Dan pada waktu itu semoga Tuhan mengabulkan bagimu agar bebanmu boleh menjadi ringan, melalui kebahagiaan Putera-Nya. Dan bahkan semuanya ini dapat kamu lakukan jika kamu mahu. Amin.

BAB 34

Amulek bersaksi bahawa firman ada di dalam Kristus yang mendatangkan keselamatan—Kecuali suatu korban tebusan dibuat, seluruh umat manusia mesti binasa—Seluruh hukum Musa menunjuk pada pengorbanan Putera Tuhan—Rancangan penebusan abadi berdasarkan pada iman dan pertaubatan—Berdoalah untuk berkat-berkat duniawi dan rohani—Kehidupan ini waktu bagi manusia untuk bersedia bertemu dengan Tuhan—Usahakanlah keselamatanmu dengan rasa takut di hadapan Tuhan. Kira-kira 74 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa

setelah Alma mengucapkan perkataan-perkataan ini kepada mereka dia duduk di atas tanah, dan Amulek bangkit dan mula mengajar mereka, mengatakan:

2 Saudara-saudaraku, aku fikir tidak mungkin bahawa kamu tidak tahu tentang apa yang telah dibicarakan berkenaan kedatangan Kristus, yang diajarkan oleh kami ialah Putera Tuhan; ya, aku tahu bahawa hal-hal ini diajarkan kepadamu secara berlimpah-limpah sebelum pembelotanmu daripada antara kami.

3 Dan seperti yang telah kamu hasratkan daripada saudara terkasihku agar dia hendaknya menyingkapkan kepadamu apa yang patutnya kamu lakukan, kerana kesengsaraanmu; dan dia telah berucap sedikit kepadamu untuk menyediakan fikiranmu; ya, dan dia telah mendesakmu menuju iman dan pada kesabaran—

4 Ya, bahkan agar kamu akan memiliki sedemikian besarnya iman bahkan untuk menanamkan firman itu dalam hatimu, agar kamu boleh mencuba percubaan akan kebajikannya.

5 Dan kami telah melihat bahawa soalan besar yang ada dalam fikiranmu ialah sama ada firman itu berada dalam Putera Tuhan, ataupun sama ada tidak akan ada Kristus.

6 Dan kamu juga melihat bahawa saudaraku telah membuktikan kepadamu, dalam banyak hal, bahawa firman itu berada di

dalam Kristus yang mendatangkan penyelamatan.

7 Saudaraku telah merujuk pada kata-kata Zenos, bahawa penebusan datang melalui Putera Tuhan, dan juga pada kata-kata Zenok; dan juga dia telah merujuk kepada Musa, untuk membuktikan bahawa hal-hal ini benar.

8 Dan sekarang, lihatlah, aku akan bersaksi kepadamu diriku sendiri bahawa hal-hal ini benar. Lihatlah, aku berkata kepadamu, bahawa aku tahu bahawa Kristus akan datang di kalangan anak-anak manusia, untuk mengambil pada diri-Nya pelanggaran umat-Nya, dan bahawa Dia akan menebuskan dosa-dosa dunia; kerana Tuhan Raja telah memfirmankannya.

9 Kerana perlu bahawa suatu korban tebusan hendaknya dibuat; kerana menurut rancangan agung Tuhan Yang Abadi mestilah ada suatu korban tebusan dibuat, jika-lau tidak, seluruh umat manusia tidak dapat mengelakkan kebinaasaan; ya, semuanya bersikap keras; ya, semuanya terjatuh dan tersesat, dan mesti binasa kecuali melalui korban tebusan yang perlu dibuat.

10 Kerana perlu bahawa hendaknya ada suatu korban yang agung dan terakhir; ya, bukan korban manusia, tidak juga korban binatang, tidak juga jenis unggas yang lain; kerana ia bukan merupakan korban manusia; tetapi ia mestilah korban yang tidak terhingga dan abadi.

11 Sekarang, tidak ada seorang manusia pun yang dapat

mengorbankan darahnya sendiri yang akan menebuskan dosa-dosa orang lain. Sekarang, jika seorang manusia membunuh, lihatlah akankah hukum kita, yang adil, mengambil nyawa saudaranya? Aku berkata kepadamu, Tidak.

12 Tetapi hukum menuntut nyawa daripada dia yang telah membunuh; oleh itu tidak dapat ada sesuatu pun yang kurang daripada suatu korban tebusan yang tidak terhingga yang akan cukup untuk dosa-dosa dunia.

13 Oleh itu, perlu bahawa hendaknya ada suatu korban yang agung dan terakhir, dan kerana itu akan ada, atau perlu hendaknya ada, suatu penghentian penumpahan darah; barulah hukum Musa akan digenapi; ya, kesemuanya akan digenapi, setiap titik dan tanda huruf, dan tidak ada yang akan lenyap.

14 Dan lihatlah, inilah seluruh erti hukum itu, setiap butir menunjuk kepada korban yang agung dan terakhir itu; dan korban yang agung dan terakhir itu ialah Putera Tuhan, ya, tidak terhingga dan abadi.

15 Dan demikianlah Dia akan membawa keselamatan kepada semua mereka yang akan percaya pada nama-Nya; inilah maksud korban yang terakhir ini, untuk mendatangkan sanubari belas kasihan, yang mengalahkan keadilan, dan mendatangkan cara bagi manusia agar mereka boleh memiliki iman menuju pertaubatan.

16 Dan demikianlah belas kasihan

dapat memuaskan tuntutan keadilan, dan mengelilingi mereka dalam lengan penyelamatan, sementara dia yang tidak menjalankan iman menuju pertaubatan terdedah kepada seluruh hukum tuntutan keadilan; oleh itu hanya kepada dia yang memiliki iman menuju pertaubatan didatangkan rancangan penebusan yang agung dan abadi.

17 Oleh itu semoga Tuhan mengabulkan kepadamu, saudara-saudaraku, bahawa kamu boleh mula menjalankan imanmu menuju pertaubatan, hingga kamu mula memanggil nama kudus-Nya, agar Dia berbelas kasihan pada dirimu;

18 Ya, berserulah kepada-Nya untuk belas kasihan; kerana Dia perkasa untuk menyelamatkan.

19 Ya, rendahkanlah hatimu, dan teruslah dalam doa kepada-Nya.

20 Berserulah kepada-Nya ketika kamu berada di ladangmu, ya, atas semua kawanan ternakmu.

21 Berserulah kepada-Nya di dalam rumahmu, ya, atas seluruh isi rumahmu, baik pagi, tengah hari, mahupun malam.

22 Ya, berserulah kepada-Nya melawan kekuatan musuhmu.

23 Ya, berserulah kepada-Nya melawan iblis, iaitu musuh kepada segala kesolehan.

24 Berserulah kepada-Nya berkenaan tanaman ladangmu, agar kamu boleh makmur kerananya.

25 Berserulah berkenaan kawanan ternak di ladangmu, agar boleh bertambah.

26 Tetapi ini bukanlah semuanya; kamu mesti mencurahkan jiwamu dalam bilikmu, dan tempat-tempat rahsiamu, dan di padang belantaramu.

27 Ya, dan apabila kamu tidak berseru kepada Tuhan, biarlah hatimu penuh, tercurah dalam doa kepada-Nya secara berterusan demi kesejahteraanmu, dan juga demi kesejahteraan mereka yang berada di sekitarmu.

28 Dan sekarang, lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku berkata kepadamu, janganlah mengira bahawa ini kesemuanya; kerana setelah kamu melakukan segala hal ini, jika kamu menolak orang yang memerlukan, dan yang telanjang, dan tidak mengunjungi yang sakit dan yang sengsara, dan memberikan harta kekayaanmu, jika kamu miliknya, kepada mereka yang memerlukan—aku berkata kepadamu, jika kamu tidak melakukan apa pun daripada hal-hal ini, lihatlah, doamu sia-sia, dan tidak berfaedah apa pun bagimu, dan kamu seperti orang munafik yang menyangkal iman.

29 Oleh itu, jika kamu tidak ingat untuk berkasih ihsan, kamu seperti sampah, yang dibuang oleh para perajin, (kerana itu tidak berharga) dan diinjak-injak di bawah kaki orang.

30 Dan sekarang, saudara-saudaraku, aku menghendaki bahawa, setelah kamu menerima sedemikian banyaknya kesaksian, melihat bahawa tulisan-tulisan suci yang kudus bersaksi tentang hal-hal ini,

kamu tampil dan membawa buah yang menghasilkan pertaubatan.

31 Ya, aku menghendaki agar kamu akan tampil dan tidak mengeraskan hatimu lebih lama lagi; kerana lihatlah, sekaranglah waktu dan masa penyelamatanmu; dan oleh itu, jika kamu bertaubat dan tidak mengeraskan hatimu, dengan serta-merta akanlah rancangan penebusan yang agung itu dibawa kepadamu.

32 Kerana lihatlah, kehidupan inilah waktu bagi manusia berse-dia untuk bertemu dengan Tuhan; ya, lihatlah masa kehidupan inilah masa bagi manusia untuk melaksanakan kerja mereka.

33 Dan sekarang, seperti yang aku katakan kepadamu sebelumnya, kerana kamu telah memiliki demikian banyaknya kesaksian, oleh itu, aku memohon daripadamu agar kamu tidak menanggung hari pertaubatanmu sampai akhir; kerana setelah masa kehidupan ini, yang diberikan kepada kita untuk bersiap bagi keabadian, lihatlah, jika kita tidak memanfaatkan waktu kita semasa dalam kehidupan ini, kemudian datanglah malam kegelapan di mana tidak ada kerja yang dapat dilaksanakan.

34 Kamu tidak dapat berkata, ketika kamu dibawa pada kegentingan yang menyeramkan itu, bahawa aku akan bertaubat, bahawa aku akan kembali kepada Tuhanku. Tidak, kamu tidak dapat mengatakan ini; kerana roh yang sama itu yang menguasai tubuhmu

pada waktu ketika kamu keluar dari kehidupan ini, roh yang sama itu akan memiliki kuasa untuk menguasai tubuhmu di dunia abadi itu.

35 Kerana lihatlah, jika kamu telah menanggung hari pertaubatanmu bahkan sampai kematian, lihatlah, kamu telah menjadi tunduk kepada roh iblis, dan dia memeteraikanmu sebagai miliknya; oleh itu, Roh Tuhan telah menarik diri darimu, dan tidak memiliki tempat dalam dirimu, dan iblis memiliki segala kuasa atas dirimu; dan inilah keadaan akhir orang yang jahat.

36 Dan ini aku tahu, kerana Tuhan telah berfirman Dia tidak hidup di dalam bait suci yang tidak kudus, tetapi dalam hati orang soleh Dia hidup; ya, dan Dia telah juga berfirman bahawa yang soleh akan duduk di dalam kerajaan-Nya, untuk tidak keluar lagi; tetapi pakaian mereka akan dijadikan putih melalui darah Anak Domba.

37 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku berhasrat bahawa kamu hendaknya mengingati hal-hal ini, dan bahawa kamu hendaknya mengerjakan keselamatanmu dengan rasa takut di hadapan Tuhan, dan bahawa kamu hendaknya tidak lagi menyangkal kedatangan Kristus;

38 Agar kamu tidak berselisih lagi melawan Roh Kudus, tetapi agar kamu menerima-Nya, dan mengambil ke atas dirimu nama Kristus; agar kamu merendahkan

hatimu bahkan ke debu, dan menyembah Tuhan, di tempat mana pun kamu boleh berada, dalam roh dan dalam kebenaran; dan agar kamu hidup dalam kesyukuran setiap hari, disebabkan banyaknya belas kasihan dan berkat yang Dia limpahkan ke atas dirimu.

39 Ya, dan aku juga mendesakmu, saudara-saudaraku, agar kamu waspada supaya dapat berdoa secara berterusan, agar kamu tidak akan disesatkan oleh godaan iblis, agar dia tidak akan menguasaimu, agar kamu tidak menjadi taklukannya pada hari terakhir; kerana lihatlah, dia memberi ganjaran kepadamu itu yang tidak baik.

40 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku mahu mendesakmu untuk memiliki kesabaran, dan agar kamu menanggung segala macam kesengsaraan; agar kamu tidak mencaci maki mereka yang mengusirmu kerana kemiskinanmu yang teramat sangat, agar jangan kamu menjadi pendosa seperti mereka;

41 Tetapi agar kamu memiliki kesabaran, dan menanggung kesengsaraan itu, dengan harapan yang teguh bahawa kamu akan suatu hari beristirahat daripada segala kesengsaraanmu.

BAB 35

Pengkhutbahan firman menghancurkan penipuan orang Zoram—Mereka memaksa keluar orang yang bertukar hati, yang kemudian bergabung

dengan orang Amon di Yerson—Alma berdukacita kerana kejahatan umat itu. Kira-kira 74 tahun S.M.

SEKARANG, terjadilah bahawa setelah Amulek mengakhiri perkataan-perkataan ini, mereka menarik diri dari orang ramai itu dan datang ke negeri Yerson.

2 Ya, dan saudara-saudara yang tertinggal itu, setelah mereka mengkhutbahkan firman kepada orang Zoram, juga datang ke negeri Yerson.

3 Dan terjadilah bahawa setelah bahagian yang lebih terbilang di antara orang Zoram berunding bersama berkenaan perkataan-perkataan yang telah dikhutbahkan kepada mereka, mereka marah kerana firman itu, kerana firman itu menghancurkan penipuan mereka; oleh itu mereka tidak mahu mendengar perkataan-perkataan itu.

4 Dan mereka mengutus dan mengumpulkan bersama di seluruh negeri semua orang, dan berunding dengan mereka berkenaan perkataan-perkataan yang telah diucapkan.

5 Sekarang, para pemerintah mereka dan para imam mereka dan para pengajar mereka tidak membiarkan rakyat tahu berkenaan hasrat mereka; oleh itu mereka mendapat tahu secara rahsia fikiran semua orang.

6 Dan terjadilah bahawa setelah mereka mendapat tahu fikiran semua orang, mereka yang berpihak pada perkataan-perkataan yang telah diucapkan oleh Alma

dan saudara-saudaranya diusir dari negeri itu; dan mereka ramai; dan mereka datang juga ke negeri Yerson.

7 Dan terjadilah bahawa Alma dan saudara-saudaranya melayani mereka.

8 Sekarang, orang Zoram marah terhadap orang Amon yang berada di Yerson, dan pemerintah utama orang Zoram, kerana dia seorang lelaki yang sangat jahat, menyampaikan utusan kepada orang Amon menghasratkan mereka bahawa mereka hendaknya mengusir dari negeri mereka, semua yang datang daripada orang Zoram ke negeri mereka.

9 Dan dia mengeluarkan banyak ancaman terhadap mereka. Dan sekarang, orang Amon tidak takut pada perkataan-perkataan mereka; oleh itu mereka tidak mengusir mereka, tetapi mereka menerima semua yang miskin daripada orang Zoram yang datang kepada mereka; dan mereka merawat mereka, dan mengenakan kepada mereka pakaian, dan memberikan kepada mereka negeri untuk warisan mereka; dan mereka melayani mereka menurut keinginan mereka.

10 Sekarang, ini menggugah orang Zoram menjadi marah terhadap orang Amon, dan mereka mula bergaul dengan bangsa Laman dan menghasut mereka juga menjadi marah terhadap mereka.

11 Dan demikianlah orang Zoram dan bangsa Laman mula membuat

persiapan untuk peperangan melawan orang Amon, dan juga melawan bangsa Nefi.

12 Dan demikianlah berakhirnya tahun ketujuh belas zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi.

13 Dan orang Amon pergi dari negeri Yerson, dan datang ke negeri Melek, dan memberikan tempat di negeri Yerson untuk pasukan bangsa Nefi, agar mereka boleh bertempur melawan pasukan bangsa Laman dan pasukan orang Zoram; dan demikianlah dimulai suatu perang antara bangsa Laman dan bangsa Nefi, pada tahun kedelapan belas masa pemerintahan para hakim; dan sebuah laporan akan diberikan tentang peperangan mereka setelah ini.

14 Dan Alma, dan Amon, dan saudara-saudara mereka, dan juga kedua putera Alma kembali ke negeri Zarahemla, setelah menjadi alat dalam tangan Tuhan untuk membawa ramai daripada orang Zoram pada pertaubatan; dan seramai yang dibawa pada pertaubatan dihalau keluar dari negeri mereka; tetapi mereka memperoleh negeri-negeri untuk warisan mereka di negeri Yerson, dan mereka telah mengangkat senjata untuk mempertahankan diri mereka, dan isteri-isteri, dan anak-anak mereka, dan negeri-negeri mereka.

15 Sekarang Alma, berasa pilu kerana kederhakaan bangsanya, ya, kerana peperangan, dan pertumpahan darah, dan perselisihan

yang terjadi di kalangan mereka; dan setelah memaklumkan firman, atau diutus untuk memaklumkan firman, di kalangan semua orang di setiap kota; dan melihat bahawa hati orang mula menjadi keras, dan bahawa mereka mula tersinggung kerana ketatnya firman, hatinya amat penuh dukacita.

16 Oleh itu, dia menyuruh agar para puteranya hendaknya berkumpul bersama, agar dia boleh memberikan kepada mereka setiap orang tanggung jawabnya, secara perseorangan, berkenaan apa yang berkaitan dengan kebenaran. Dan kami memiliki sebuah laporan tentang perintah-perintahnya, yang dia berikan kepada mereka menurut catatannya sendiri.

Perintah-perintah Alma kepada anak lelakinya, Helaman.

Meliputi bab 36 dan 37.

BAB 36

Alma bersaksi kepada Helaman tentang penukaran hatinya setelah melihat seorang malaikat—Dia menderita rasa sakit daripada jiwa yang terlaknat; dia memanggil nama Yesus, dan kemudian dilahirkan dari Tuhan—Kebahagiaan yang manis memenuhi jiwanya—Dia melihat kumpulan-kumpulan malaikat sedang memuji Tuhan—Ramai yang bertukar hati telah mengecapi dan melihat sebagaimana dia telah mengecapi dan melihat. Kira-kira 74 tahun S.M.

ANAKKU, pasanglah telinga terhadap perkataan-perkataanku; kerana aku bersumpah kepadamu, bahawa sejauh kamu mentaati perintah-perintah Tuhan kamu akan makmur di negeri ini.

2 Aku menghendaki agar kamu hendaknya melakukan seperti yang telah aku lakukan, dalam mengingati penawanan nenek moyang kita; kerana mereka dalam perhambaan, dan tiada seorang pun dapat membebaskan mereka kecuali Tuhan Abraham, dan Tuhan Ishak, dan Tuhan Yakub; dan Dia memang telah membebaskan mereka dalam kesengsaraan mereka.

3 Dan sekarang, Wahai anakku Helaman, lihatlah, kamu berada dalam masa mudamu, dan oleh itu, aku mohon daripadamu agar kamu mahu mendengar perkataan-perkataanku dan belajar daripadaku; kerana aku tahu bahawa barang siapa akan menaruh kepercayaannya kepada Tuhan akan didukung dalam percubaan mereka, dan kesusahan mereka, dan kesengsaraan mereka, dan akan diangkat pada hari terakhir.

4 Dan aku tidak mahu bahawa kamu berfikir bahawa aku mengetahui daripada diriku sendiri—bukan daripada yang duniawi tetapi daripada yang rohani, bukan daripada fikiran badani tetapi daripada Tuhan.

5 Sekarang, lihatlah, aku berkata kepadamu, jika aku tidak dilahirkan dari Tuhan aku tidak akan mengetahui hal-hal ini; tetapi

Tuhan telah, melalui mulut malaikat kudus-Nya, menyingkapkan hal-hal ini kepadaku, bukan kerana kelayakan apa pun daripada diriku;

6 Kerana aku berkelana bersama para putera Mosia, berupaya menghancurkan gereja Tuhan; tetapi lihatlah, Tuhan mengutus malaikat kudus-Nya untuk menghentikan kami dalam perjalanan.

7 Dan lihatlah, dia berucap kepada kami, seakan-akan suara guruh, dan seluruh negeri bergetar di bawah kaki kami; dan kami semuanya jatuh ke tanah, kerana rasa takut akan Tuhan datang pada diri kami.

8 Tetapi lihatlah, suara itu berkata kepadaku: Bangkitlah. Dan aku pun bangkit dan berdiri, dan nampak malaikat itu.

9 Dan dia berkata kepadaku: Jika pun engkau mahu dirimu sendiri dihancurkan, janganlah lagi berupaya untuk menghancurkan gereja Tuhan.

10 Dan terjadilah bahawa aku jatuh ke tanah; dan selama jangka waktu tiga hari dan tiga malam aku tidak dapat membuka mulutku, tidak juga dapat aku menggunakan anggota tubuhku.

11 Dan malaikat itu mengucapkan lebih banyak hal lagi kepadaku, yang didengar oleh saudara-saudaraku, tetapi aku tidak mendengarnya; kerana ketika aku mendengar perkataan-perkataan itu—Jika pun engkau mahu dihancurkan bagi dirimu sendiri, janganlah lagi berupaya

untuk menghancurkan gereja Tuhan—aku diserang dengan ketakutan dan kekaguman sedemikian besarnya, kalau-kalau barangkali aku akan dihancurkan, sehingga aku jatuh ke tanah dan aku tidak mendengar apa-apa lagi.

12 Tetapi aku terseksa oleh seksaan abadi, kerana jiwaku amat tertekan dalam cara terhebat dan terseksa oleh segala dosaku.

13 Ya, aku ingat segala dosa dan kederhakaanku, yang oleh itu aku terseksa oleh kesakitan neraka; ya, aku melihat bahawa aku telah memberontak melawan Tuhanku, dan bahawa aku telah tidak menaati perintah-perintah-Nya yang kudus.

14 Ya, dan aku telah membunuh ramai anak-Nya, atau lebih tepat menyesatkan mereka menuju kehancuran; ya, dan kesimpulannya sedemikian besarnya kederhakaanku, sehingga fikiran sahaja nyata memasuki hadirat Tuhanku dapat menyeksa jiwaku dengan kengerian yang tidak dapat diungkapkan.

15 Ah, fikirku, andaikata aku dapat diusir keluar dan lenyap baik jiwa mahupun tubuh, agar aku tidak dibawa untuk berdiri di hadirat Tuhanku, untuk dihakimi menurut perbuatanku.

16 Dan sekarang, selama tiga hari dan selama tiga malam aku terseksa, bahkan oleh rasa sakit jiwa yang terlaknat.

17 Dan terjadilah bahawa sewaktu aku sedemikian terseksanya oleh seksaan, semasa aku

amat tertekan oleh ingatan akan banyaknya dosaku, lihatlah, aku ingat juga telah mendengar ayahku bernubuat kepada orang berkenaan kedatangan seorang Yesus Kristus, seorang Putera Tuhan, untuk menebuskan dosa-dosa dunia.

18 Sekarang, sewaktu fikiranku menangkap fikiran ini, aku berseru di dalam hatiku: Ya Yesus, Engkau Putera Tuhan, berbelas kasihanlah padaku, yang berada dalam hempedu kepahitan, dan dikelilingi oleh rantai kematian kekal.

19 Dan sekarang, lihatlah, ketika aku memikirkan ini, aku tidak dapat mengingat rasa sakitku lagi; ya, aku tidaklah amat tertekan oleh ingatan akan dosa-dosaku lagi.

20 Dan ya, betapa bahagiaku, dan betapa menakjubkannya cahaya yang aku lihat; ya, jiwaku dipenuhi dengan kebahagiaan yang sama besarnya seperti rasa sakitku!

21 Ya, aku berkata kepadamu, anakku, bahawa tidak ada apa pun yang sedemikian hebatnya dan sedemikian pahitnya seperti rasa sakitku. Ya, dan lagi aku berkata kepadamu, anakku, bahawa sebaliknya, tidak ada apa pun yang sedemikian hebat dan manisnya seperti kebahagiaanku.

22 Ya, aku fikir aku nampak, bahkan seperti bapa kita Lehi nampak, Tuhan sedang duduk di atas takhta-Nya, dikelilingi oleh kumpulan-kumpulan malaikat yang tak terbilang jumlahnya, dalam sikap menyanyi dan memuji Tuhan mereka; ya, dan

jiwaku ingin sekali untuk berada di sana.

23 Tetapi lihatlah, anggota tubuhku menerima kekuatannya kembali, dan aku berdiri atas kakiku, dan menyatakan kepada orang bahawa aku telah dilahirkan dari Tuhan.

24 Ya, dan sejak waktu itu bahkan sampai sekarang, aku telah bekerja tanpa henti, agar aku boleh membawa jiwa-jiwa kepada pertaubatan; agar aku boleh membawa mereka untuk mengecapi kebahagiaan yang besar yang telah aku kecapai; agar mereka boleh juga dilahirkan dari Tuhan, dan dipenuhi dengan Roh Kudus.

25 Ya, dan sekarang lihatlah, Wahai anakku, Tuhan memberiku sukacita yang amat besar dalam buah hasil kerjaku;

26 Kerana firman yang telah Dia berikan kepadaku, lihatlah, ramai yang telah dilahirkan dari Tuhan, dan telah mengecapi seperti yang aku telah mengecapinya, dan telah melihat dengan mata sendiri seperti yang telah aku lihat; oleh itu mereka mengetahui tentang hal-hal ini yang berkenaannya telah aku bicarakan, seperti yang aku ketahui; dan pengetahuan yang aku miliki adalah daripada Tuhan.

27 Dan aku telah didukung selama percubaan dan kesusahan daripada setiap jenis; ya, dan dalam segala macam kesengsaraan; ya, Tuhan telah membebaskanku dari tahanan, dan dari ikatan, dan dari kematian; ya, dan aku menaruh kepercayaanku

kepada-Nya, dan Dia masih akan membebaskanku.

28 Dan aku tahu bahawa Dia akan membangkitkanku pada hari terakhir, untuk hidup bersama-Nya dalam kemuliaan; ya, dan aku akan memuji-Nya selama-lamanya, kerana Dia telah membawa nenek moyang kita keluar dari Mesir, dan Dia telah menelan orang Mesir di Laut Merah; dan Dia menuntun mereka dengan kuasa-Nya ke negeri yang dijanjikan; ya, dan Dia telah membebaskan mereka dari perhambaan dan penawanan dari waktu ke waktu.

29 Ya, dan Dia juga telah membawa nenek moyang kita keluar dari negeri Yerusalem; dan Dia juga telah, dengan kuasa kekal-Nya, membebaskan mereka dari perhambaan dan penawanan, dari waktu ke waktu bahkan hingga zaman sekarang; dan aku telah selalu menyimpan dalam ingatan penawanan mereka; ya, dan kamu juga seharusnya menyimpan dalam ingatan, seperti yang telah aku lakukan, penawanan mereka.

30 Tetapi lihatlah, anakku, ini bukanlah semuanya; kerana kamu seharusnya tahu seperti aku tahu, bahawa sejauh kamu akan mentaati perintah-perintah Tuhan kamu akan makmur di negeri ini; dan kamu seharusnya tahu juga, bahawa sejauh kamu tidak akan mentaati perintah-perintah Tuhan kamu akan disingkirkan dari hadirat-Nya. Sekarang, ini menurut firman-Nya.

BAB 37

Kepingan-kepingan loyang dan tulisan-tulisan suci yang lain dilindungi untuk membawa jiwa-jiwa pada keselamatan—Orang Yared dihancurkan kerana kejahatan mereka—Sumpah dan perjanjian rahsia mereka mesti dijaga dari orang—Berundinglah dengan Tuhan dalam segala perbuatanmu—Sebagaimana Liahona membimbing bangsa Nefi, demikian juga firman Kristus menuntun manusia ke kehidupan abadi. Kira-kira 74 tahun S.M.

DAN sekarang, anakku Helaman, aku memerintahkanmu agar kamu mengambil catatan-catatan yang telah diamanahkan kepadaku;

2 Dan aku juga memerintahkanmu agar kamu menyimpan sebuah catatan tentang bangsa ini, seperti yang telah aku lakukan, di atas kepingan-kepingan Nefi, dan jagalah agar semua benda ini suci yang telah aku simpan, bahkan seperti aku telah menyimpannya; kerana untuk suatu tujuan yang bijaklah benda-benda itu disimpan.

3 Dan kepingan-kepingan loyang ini, yang mengandungi ukiran-ukiran ini, yang ada catatan-catatan daripada tulisan suci yang kudus di atasnya, yang memiliki salasilah nenek moyang kita, bahkan sejak awal—

4 Lihatlah, telah dinubuatkan oleh nenek moyang kita, bahawa kepingan-kepingan loyang itu akan disimpan dan diturunkan dari satu generasi kepada yang

lain, dan dipelihara dan dilindungi oleh tangan Tuhan sampai itu akan disebarluaskan ke setiap negara, kaum, bahasa, dan bangsa, agar mereka akan tahu tentang rahsia-rahsia yang terkandung dalamnya.

5 Dan sekarang, lihatlah, jika kepingan-kepingan itu disimpan, itu mesti mengekalkan kegemilangannya; ya, dan kepingan-kepingan itu akan mengekalkan kegemilangannya; ya, dan juga semua kepingan yang mengandungi hal-hal yang merupakan tulisan kudus.

6 Sekarang, kamu boleh mengira bahawa ini kebodohan dalam diriku; tetapi lihatlah aku berkata kepadamu, bahawa melalui hal-hal yang kecil dan sederhana hal-hal besar didatangkan; dan cara-cara yang kecil dalam banyak perkara memalukan yang bijak.

7 Dan Tuhan Raja bekerja dengan cara-cara untuk mendatangkan tujuan-Nya yang besar dan abadi; dan dengan cara-cara yang sangat kecil Tuhan memalukan yang bijak dan mendatangkan penyelamatan banyak jiwa.

8 Dan sekarang, telah hingga kini menjadi kebijaksanaan di dalam Tuhan bahawa benda-benda ini hendaknya dilindungi; kerana lihatlah, benda-benda ini telah memperluas ingatan bangsa ini, ya, dan meyakinkan banyak orang tentang kekhilafan jalan mereka, dan membawa mereka pada pengetahuan tentang Tuhan mereka untuk keselamatan jiwa mereka.

9 Ya, aku berkata kepadamu,

seandainya bukan kerana hal-hal ini yang terkandung dalam catatan-catatan ini, yang ada pada kepingan-kepingan ini, Amon dan saudara-saudaranya tidak dapat meyakinkan sedemikian banyak ribuan bangsa Laman akan adat resam yang tidak benar daripada nenek moyang mereka; ya, catatan-catatan ini dan perkataan-perkataannya membawa mereka pada pertaubatan, iaitu, ini membawa mereka pada pengetahuan tentang Tuhan Raja mereka, dan untuk bersukacita dalam Yesus Kristus Penebus mereka.

10 Dan siapa tahu bahawa mungkin benda-benda ini akan menjadi sarana dalam membawa ribuan daripada mereka, ya, dan juga ribuan saudara kita yang berleher tegar, bangsa Nefi, yang sekarang sedang mengeraskan hati mereka dalam dosa dan kederhakaan, pada pengetahuan tentang Penebus mereka?

11 Sekarang, rahsia-rahsia ini belumlah sepenuhnya disingkapkan kepadaku; oleh itu aku akan menahan diri.

12 Dan mungkin cukup jika aku hanya berkata bahawa benda-benda ini dilindungi untuk suatu tujuan yang bijak, yang tujuan itu diketahui oleh Tuhan; kerana Dia menasihati dalam kebijaksanaan atas segala pekerjaan-Nya, dan lorong-Nya lurus, dan jalan-Nya satu kitaran abadi.

13 Ya, ingatlah, ingatlah, anakku Helaman, betapa ketatnya perintah-perintah Tuhan. Dan Dia

berfirman: Jika kamu akan mentaati perintah-perintah-Ku kamu akan makmur di negeri ini—tetapi jika kamu tidak mentaati perintah-perintah-Nya kamu akan disingkirkan dari hadirat-Nya.

14 Dan sekarang, ingatlah, anakku, bahawa Tuhan telah mengamanahkan kepadamu benda-benda ini, yang suci, yang telah Dia jaga suci, dan juga yang akan Dia pelihara dan lindungi untuk suatu tujuan yang bijak di dalam Dia, agar Dia boleh memperlihatkan kuasa-Nya kepada generasi-generasi mendatang.

15 Dan sekarang, lihatlah, aku memberitahu kamu dengan roh nubuat, bahawa jika kamu melanggar perintah-perintah Tuhan, lihatlah, benda-benda ini yang suci akan diambil darimu oleh kuasa Tuhan, dan kamu akan diserahkan kepada Setan, agar dia boleh mengayakmu bagaikan sekam di hadapan angin.

16 Tetapi jika kamu mentaati perintah-perintah Tuhan, dan memperlakukan benda-benda ini yang suci menurut apa yang Tuhan perintahkan kepadamu, (kerana kamu mesti memohon kepada Tuhan untuk segala apa pun yang kamu mesti lakukan terhadapnya) lihatlah, tiada kuasa bumi atau neraka yang dapat mengambilnya darimu, kerana Tuhan penuh kuasa menggenapi segala firman-Nya.

17 Kerana Dia akan menggenapi segala janji-Nya yang akan Dia buat kepadamu, kerana Dia telah

menggenapi janji-janji-Nya yang telah Dia buat kepada nenek moyang kita.

18 Kerana Dia berjanji kepada mereka bahawa Dia akan melindungi benda-benda ini untuk suatu tujuan yang bijak di dalam Dia, agar Dia boleh memperlihatkan kuasa-Nya kepada generasi-generasi mendatang.

19 Dan sekarang, lihatlah, satu tujuan telah Dia penuhi, bahkan sampai pemulihan ribuan bangsa Laman pada pengetahuan tentang kebenaran; dan Dia telah memperlihatkan kuasa-Nya di dalamnya, dan Dia akan juga masih memperlihatkan kuasa-Nya di dalamnya sampai generasi-generasi mendatang; oleh itu, mereka akan dilindungi.

20 Oleh itu aku memerintahkanmu, anakku Helaman, agar kamu tekun dalam menggenapi segala perkataanku, dan agar kamu tekun dalam mentaati perintah-perintah Tuhan sebagaimana tertulis.

21 Dan sekarang, aku akan berbicara kepadamu berkenaan dua puluh empat kepingan itu, agar kamu menyimpannya, agar rahsia dan perbuatan kegelapan, dan perbuatan rahsia mereka, atau perbuatan rahsia orang itu yang telah dihancurkan, boleh dinyatakan kepada bangsa ini; ya, semua pembunuhan mereka, dan perompakan, dan penjarahan mereka, dan segala kejahatan dan kekejian mereka, boleh dinyatakan kepada bangsa ini; ya, dan

agar kamu melindungi alat-alat tafsir ini.

22 Kerana lihatlah, Tuhan melihat bahawa umat-Nya mulai bekerja dalam kegelapan, ya, mengerjakan pembunuhan rahsia dan kekejian; oleh itu Tuhan berfirman, jika mereka tidak bertaubat mereka akan dihancurkan dari muka bumi.

23 Dan Tuhan berfirman: Aku akan mempersiapkan bagi hamba-Ku Gazelem, sebuah batu, yang akan bersinar dalam kegelapan membawa cahaya, agar Aku boleh menyingkapkan kepada umat-Ku yang melayani-Ku, agar Aku boleh menyingkapkan kepada mereka perbuatan saudara-saudara mereka, ya, perbuatan rahsia mereka, perbuatan kegelapan mereka, dan kejahatan dan kekejian mereka.

24 Dan sekarang, anakku, alat-alat tafsir ini dipersiapkan agar firman Tuhan boleh digenapi, yang Dia firmankan, memfirmankan:

25 Aku akan menampilkan keluar daripada kegelapan ke dalam cahaya segala perbuatan rahsia mereka dan kekejian mereka; dan kecuali mereka bertaubat Aku akan menghancurkan mereka dari muka bumi; dan Aku akan membawa ke dalam cahaya segala perbuatan rahsia dan kekejian mereka, kepada setiap bangsa yang akan setelah ini memiliki negeri ini.

26 Dan sekarang, anakku, kita lihat bahawa mereka tidak bertaubat; oleh itu mereka telah dihancurkan, dan sejauh ini firman Tuhan telah digenapi; ya, kekejian

rahsia mereka telah dibawa keluar daripada kegelapan dan disingkapkan kepada kita.

27 Dan sekarang, anakku, aku memerintahkanmu agar kamu menyimpan semua sumpah mereka, dan perjanjian mereka, dan kesepakatan mereka dalam kekejian rahsia mereka; ya, dan semua tanda mereka dan keajaiban mereka akan kamu jaga dari bangsa ini, agar mereka tidak mengetahuinya, agar jangan barangkali mereka akan jatuh ke dalam kegelapan juga dan dihancurkan.

28 Kerana lihatlah, terdapat suatu kutukan pada seluruh negeri ini, bahawa kehancuran akan datang pada semua pekerja kegelapan itu, menurut kuasa Tuhan, ketika mereka matang sepenuhnya; oleh itu aku berhasrat agar bangsa ini tidak akan dihancurkan.

29 Oleh itu kamu akan menjaga rancangan-rancangan rahsia sumpah mereka ini dan perjanjian-perjanjian mereka daripada bangsa ini, dan hanya kejahatan mereka dan pembunuhan mereka dan kekejian mereka akan kamu singkapkan kepada mereka; dan kamu akan mengajar mereka untuk amat membenci kejahatan dan kekejian dan pembunuhan seperti itu; dan kamu juga akan mengajar mereka bahawa orang ini dihancurkan kerana kejahatan dan kekejian mereka dan pembunuhan mereka.

30 Kerana lihatlah, mereka membunuh semua nabi Tuhan yang datang ke kalangan mereka untuk memaklumkan kepada mereka

berkenaan kederhakaan mereka; dan darah dari orang yang mereka bunuh berseru kepada Tuhan Raja mereka untuk pembalasan ke atas orang yang menjadi pembunuh mereka; dan demikianlah penghakiman Tuhan datang ke atas pekerja-pekerja kegelapan dan komplot-komplot rahsia ini.

31 Ya, dan terkutuklah jadinya negeri ini selama-lamanya bagi para pekerja kegelapan dan komplot-komplot rahsia itu, bahkan sampai kehancuran, kecuali mereka bertaubat sebelum mereka matang sepenuhnya.

32 Dan sekarang, anakku, ingatlah perkataan-perkataan yang telah aku ucapkan kepadamu; janganlah mengamanahkan rancangan-rancangan rahsia itu kepada bangsa ini, tetapi ajarkanlah mereka suatu kebencian kekal terhadap dosa dan kederhakaan.

33 Khutbahkanlah kepada mereka pertaubatan, dan iman kepada Tuhan Yesus Kristus; ajarlah mereka untuk merendahkan hati mereka dan untuk menjadi lembut hati dan rendah hati; ajarlah mereka untuk menahan setiap godaan iblis, dengan iman mereka kepada Tuhan Yesus Kristus.

34 Ajarlah mereka agar jangan sekali-kali lelah akan perbuatan-perbuatan baik, tetapi untuk menjadi lembut hati dan rendah hati; kerana orang yang demikian akan menemukan peristirahatan bagi jiwa mereka.

35 Ya, ingatlah, anakku, dan belajarlah kebijaksanaan pada masa

mudamu; ya, belajarlah pada masa mudamu untuk mentaati perintah-perintah Tuhan.

36 Ya, dan berserulah kepada Tuhan untuk segala tunjanganmu; ya, biarlah semua perbuatanmu bagi Tuhan, dan ke mana pun kamu pergi biarlah itu di dalam Tuhan; ya, biarlah semua fikiranmu diarahkan kepada Tuhan; ya, biarlah kasih sayang hatimu ditujukan kepada Tuhan selama-selamanya.

37 Berundinglah dengan Tuhan dalam segala perbuatanmu, dan Dia akan mengarahkan kamu demi kebaikan; ya, ketika kamu berbaring pada malam hari berbaringlah bagi Tuhan, agar Dia boleh mengawasimu dalam tidurmu; dan ketika kamu bangun pada waktu pagi biarlah hatimu penuh dengan kesyukuran kepada Tuhan; dan jika kamu melakukan hal-hal ini, kamu akan diangkat pada hari terakhir.

38 Dan sekarang, anakku, aku ada sedikit untuk dikatakan berkenaan benda yang nenek moyang kita panggil bebola, atau alat penunjuk—atau nenek moyang kita memanggilnya Liahona, iaitu, ditafsirkan, sebuah kompas; dan Tuhan menyediakannya.

39 Dan lihatlah, tidak ada seorang pun yang dapat menghasilkan kerja tangan sedemikian terperinci. Dan lihatlah, disediakan untuk memperlihatkan kepada nenek moyang kita laluan yang hendaknya mereka ambil di padang belantara.

40 Dan itu bekerja bagi mereka menurut iman mereka kepada Tuhan; oleh itu, jika mereka memiliki iman untuk percaya bahawa Tuhan dapat menyebabkan jarum itu menunjuk ke arah mereka hendaknya pergi, lihatlah, itu terjadi; oleh itu mereka memperoleh mukjizat ini, dan juga banyak mukjizat lain yang dikerjakan melalui kuasa Tuhan, hari demi hari.

41 Walaupun demikian, kerana mukjizat itu dikerjakan dengan cara yang kecil, itu memperlihatkan kepada mereka kerja-kerja yang menakjubkan. Seandainya mereka malas, dan lupa untuk menjalankan iman dan ketekunan mereka maka kerja-kerja yang menakjubkan itu berhenti, dan mereka tidak maju dalam perjalanan mereka;

42 Oleh itu, mereka tinggal di padang belantara, atau tidak melakukan perjalanan dengan suatu laluan yang terus, dan disengsarakan dengan kelaparan dan kehausan, kerana pelanggaran mereka.

43 Dan sekarang, anakku, aku menghendaki agar kamu hendaknya mengerti bahawa hal-hal ini bukanlah tanpa suatu bayangan; kerana sewaktu nenek moyang kita malas untuk mengendahkan kompas ini (sekarang, hal-hal ini duniawi) mereka tidak makmur; demikian pula dengan hal-hal yang rohani.

44 Kerana lihatlah, sama mudahnya untuk mengendahkan firman Kristus, yang akan menunjuk kepadamu suatu laluan yang lurus

sampai kepada kebahagiaan abadi, seperti halnya bagi nenek moyang kita untuk mengendahkan kompas ini, yang akan menunjukkan kepada mereka suatu laluan yang lurus ke negeri yang dijanjikan.

45 Dan sekarang, aku berkata, bukankah ada suatu lambang dalam hal ini? Kerana tepat seperti alat penunjuk ini membawa nenek moyang kita, dengan mengikuti jalannya, ke negeri yang dijanjikan, firman Kristus akan, jika kita ikut jalannya, membawa kita melampaui lembah dukacita ini ke sebuah negeri yang dijanjikan yang jauh lebih baik.

46 Wahai anakku, janganlah kita menjadi malas kerana kemudahan caranya; kerana demikianlah itu dengan nenek moyang kita; kerana demikianlah itu dipersiapkan bagi mereka, bahawa jika mereka akan memandang mereka boleh hidup; demikian pula itu dengan kita. Jalan disediakan, dan jika kita akan memandang kita boleh hidup selama-lamanya.

47 Dan sekarang, anakku, pastikanlah bahawa kamu menjaga benda-benda suci ini, ya, pastikanlah bahawa kamu memandang kepada Tuhan dan hidup. Pergilah kepada bangsa ini dan maklumkanlah firman, dan ber-sungguh-sungguhlah. Anakku, selamat berpisah.

Perintah-perintah Alma kepada anak lelakinya, Siblön.

Meliputi bab 38.

BAB 38

*Siblon dianiaya demi kebenaran—
Keselamatan ada di dalam Kristus,
iaitu kehidupan dan cahaya dunia—
Kekanglah segala nafsumu. Kira-kira
74 tahun S.M.*

ANAKKU, pasanglah telinga terhadap perkataan-perkataanku, kerana aku berkata kepadamu, bahkan seperti yang aku katakan kepada Helaman, bahawa sejauh mana kamu akan mentaati perintah-perintah Tuhan kamu akan makmur di negeri ini; dan sejauh kamu tidak akan mentaati perintah-perintah Tuhan kamu akan disingkirkan dari hadirat-Nya.

2 Dan sekarang, anakku, aku percaya bahawa aku akan sangat bersukacita keranamu, kerana kekukuhanmu dan kesetiaanmu kepada Tuhan; kerana seperti yang telah kamu bermula pada masa mudamu untuk memandang kepada Tuhan Rajamu, demikian pula aku berharap bahawa kamu akan terus mentaati perintah-perintah-Nya; kerana diberkatilah dia yang bertahan sampai akhir.

3 Aku berkata kepadamu, anakku, bahawa aku telah amat bersukacita keranamu, kerana kesetiaanmu dan ketekunanmu, dan kesabaranmu dan panjang sabarmu di kalangan orang Zoram.

4 Kerana aku tahu bahawa kamu berada dalam ikatan; ya, dan aku juga tahu bahawa kamu dilempari batu demi firman; dan kamu telah menanggung segala sesuatu ini

dengan kesabaran kerana Tuhan menemanimu; dan sekarang, kamu tahu bahawa Tuhan membebaskan kamu.

5 Dan sekarang, anakku, Siblon aku menghendaki agar kamu hendaknya ingat, bahawa sebanyak kamu akan menaruh kepercayaanmu kepada Tuhan bahkan sedemikian banyaknya kamu akan dibebaskan dari percubaanmu, dan kesusahanmu, dan kesengsaraanmu, dan kamu akan diangkat pada hari terakhir.

6 Sekarang, anakku, aku tidak mahu bahawa kamu berfikir bahawa aku tahu hal-hal ini daripada diriku sendiri, tetapi Roh Tuhan yang berada dalam dirikulah yang menyingkapkan hal-hal ini kepadaku; kerana jika aku tidak dilahirkan dari Tuhan aku tidak akan mengetahui hal-hal ini.

7 Tetapi lihatlah, Tuhan dalam belas kasihan-Nya yang besar mengutus malaikat-Nya untuk memaklumkan kepadaku bahawa aku mesti menghentikan pekerjaan penghancuran di kalangan umat-Nya; ya, dan aku telah melihat seorang malaikat berhadapan muka, dan dia berbicara denganku, dan suaranya bagaikan guruh, dan ia menggoncangkan seluruh negeri.

8 Dan terjadilah bahawa aku tiga hari dan tiga malam berada dalam kesakitan dan kepedihan jiwa yang paling pahit; dan tidak sama sekali, sampai aku berseru kepada Tuhan Yesus Kristus untuk belas kasihan, aku menerima pengampunan akan dosa-dosaku. Tetapi lihatlah, aku

berseru kepada-Nya dan aku menemukan kedamaian bagi jiwaku.

9 Dan sekarang, anakku, aku telah memberitahu kamu ini agar kamu boleh belajar kebijaksanaan, agar kamu boleh belajar daripada daku bahawa tidak ada jalan atau cara lain yang melaluinya manusia dapat diselamatkan, kecuali di dalam dan melalui Kristus. Lihatlah, Dia ialah kehidupan dan cahaya dunia. Lihatlah, Dia ialah firman kebenaran dan kesolehan.

10 Dan sekarang, sebagaimana kamu telah mula mengajarkan firman demikian pula aku menghendaki agar kamu hendaknya terus mengajar, dan aku menghendaki agar kamu akan tekun dan bersederhana dalam segala hal.

11 Pastikanlah bahawa kamu tidak terangkat-angkat pada keangkuhan; ya, pastikanlah bahawa kamu tidak bercakap besar dalam kebijaksanaanmu sendiri, tidak juga dalam kekuatanmu yang besar.

12 Gunakanlah keberanian, tetapi bukan dengan keterlaluan; dan juga pastikanlah bahawa kamu mengekang segala nafsumu, agar kamu boleh dipenuhi dengan kasih; pastikanlah bahawa kamu menjauhkan diri daripada kemalasan.

13 Janganlah berdoa seperti yang bangsa Zoram lakukan, kerana kamu telah melihat bahawa mereka berdoa untuk didengar oleh orang, dan untuk dipuji kerana kebijaksanaan mereka.

14 Janganlah berkata: Ya Tuhan,

aku bersyukur kepada-Mu bahawa kami lebih baik daripada saudara-saudara kami; tetapi sebaliknya berkatalah: Ya Tuhan, ampunilah ketidaklayakanku, dan ingatlah saudara-saudaraku dalam belas kasihan—ya, akuilah ketidaklayakanmu di hadapan Tuhan di segala waktu.

15 Dan semoga Tuhan memberkati jiwamu, dan menerimamu pada hari terakhir ke dalam kerajaan-Nya, untuk duduk dalam kedamaian. Sekarang pergilah, anakku, dan ajarkanlah firman kepada bangsa ini. Bersungguhsungguhlah. Anakku, selamat berpisah.

Perintah-perintah Alma kepada anak lelakinya, Korianon.

Meliputi bab 39 hingga bab 42.

BAB 39

Dosa syahwat adalah suatu kekejian—Dosa Korianon menahan orang Zoram daripada menerima firman—Penebusan Kristus dihitung kembali dari dahulu dalam menyelamatkan yang setia yang mendahuluinya. Kira-kira 74 tahun S.M.

DAN sekarang, anakku, aku ada sedikit lebih untuk dikatakan kepadamu daripada yang aku katakan kepada saudaramu; kerana lihatlah, tidakkah kamu telah mengamati kekukuhan saudaramu, kesetiannya, dan ketekunannya dalam mentaati perintah-perintah

Tuhan? Lihatlah, tidakkah dia menunjukkan teladan yang baik bagimu?

2 Kerana kamu tidak sedemikian banyak mengendahkan perkataan-perkataanku seperti saudaramu, di kalangan orang Zoram. Sekarang, inilah hal-hal dalammu yang aku menentang kamu terus bercakap besar tentang kekuatanmu dan kebijaksanaanmu.

3 Dan ini bukanlah kesemuanya, anakku. Kamu melakukan apa yang memilukan bagiku; kerana kamu meninggalkan pelayanan, dan pergi ke negeri Siron di antara sempadan-sempadan bangsa Laman, mengikut si pelacur Isabel.

4 Ya, dia mencuri hati ramai orang; tetapi ini bukan alasan bagimu, anakku. Kamu semestinya telah mengurus pelayanan yang telah diamankan kepadamu.

5 Tidak tahukah kamu, anakku, bahawa hal-hal ini kekejian dalam pandangan Tuhan; ya, yang paling keji melebihi segala dosa kecuali penumpahan darah tak berdosa atau penyangkalan Roh Kudus?

6 Kerana lihatlah, jika kamu menyangkal Roh Kudus ketika Dia dahulunya pernah memiliki tempat dalam dirimu, dan kamu tahu bahawa kamu menyangkalnya, lihatlah, ini merupakan dosa yang tak dapat dimaafkan; ya, dan barang siapa membunuh menentang cahaya dan pengetahuan Tuhan, tidaklah mudah baginya untuk mendapat pengampunan; ya, aku berkata kepadamu, anakku,

bahawa tidaklah mudah baginya untuk mendapat pengampunan.

7 Dan sekarang, anakku, aku berkehendak kepada Tuhan agar kamu tidak bersalah dalam suatu jenayah yang demikian besar. Aku tidak akan mengungkit-ungkit jenayah-jenayahmu, untuk menekan jiwamu, jika bukan demi kebaikanmu.

8 Tetapi lihatlah, kamu tidak dapat menyembunyikan jenayah-jenayah dari Tuhan; dan kecuali kamu bertaubat ianya akan menjadi kesaksian menentangmu pada hari terakhir.

9 Sekarang, anakku, aku menghendaki agar kamu hendaknya bertaubat dan meninggalkan dosadosamu, dan jangan lagi mengikut nafsu matamu, tetapi jauhi dirimu dalam segala hal ini; kerana kecuali kamu melakukan ini kamu sama sekali tidak dapat mewarisi kerajaan Tuhan. Ya, ingatlah, dan terimalah tanggungjawabmu, dan jauhi dirimu dalam hal-hal ini.

10 Dan aku memerintahkanmu untuk menerima tanggungjawabmu untuk berunding dengan abang-abangmu dalam kegiatan-kegiatanmu; kerana lihatlah, kamu sedang dalam masa mudamu, dan kamu berada dalam keperluan untuk dipelihara oleh saudara-saudaramu. Dan endahkanlah nasihat mereka.

11 Janganlah biarkan dirimu disesatkan oleh apa pun yang sia-sia atau bodoh; janganlah biarkan iblis menyesatkan hatimu lagi mengikut para pelacur yang jahat

itu. Lihatlah, Wahai anakku, betapa besarnya kederhakaan yang kamu datangkan ke atas orang Zoram; kerana ketika mereka melihat tingkah lakumu mereka tidak percaya pada perkataan-perkataanku.

12 Dan sekarang, Roh Tuhan berfirman kepadaku: Perintahkanlah anak-anakmu untuk melakukan yang baik, agar jangan mereka menyesatkan hati ramai orang pada kehancuran; oleh itu aku memerintahkanmu, anakku, dalam rasa takut akan Tuhan, agar kamu menahan diri daripada kederhakaanmu;

13 Agar kamu berpaling kepada Tuhan dengan segenap fikiran, daya, dan kekuatanmu; agar kamu tidak lagi menyesatkan hati orang untuk melakukan kejahatan, tetapi sebaliknya kembalilah kepada mereka, dan akuilah kesilapan-kesilapanmu dan kesalahan itu yang telah kamu lakukan.

14 Janganlah mencari kekayaan tidak juga apa yang sia-sia dari dunia ini; kerana lihatlah, kamu tidak dapat membawanya bersamamu.

15 Dan sekarang, anakku, aku mahu berkata sedikit kepadamu berkenaan kedatangan Kristus. Lihatlah, aku berkata kepadamu, bahawa Dialah yang pasti akan datang untuk mengambil dosa-dosa dunia; ya, Dia datang untuk memaklumkan khabar gembira tentang penyelamatan kepada umat-Nya.

16 Dan sekarang, anakku, inilah pelayanan yang kepadanya kamu dipanggil, untuk memaklumkan

khabar gembira ini kepada orang ini, untuk menyediakan fikiran mereka; atau lebih tepat agar penyelamatan boleh datang kepada mereka, agar mereka boleh menyediakan fikiran anak-anak mereka untuk mendengar firman pada waktu kedatangan-Nya.

17 Dan sekarang, aku akan meringankan fikiranmu sedikit tentang perkara ini. Lihatlah, kamu takjub mengapa hal-hal ini diketahui demikian lama sebelumnya. Lihatlah, aku berkata kepadamu, bukankah satu jiwa pada waktu ini sama berharganya bagi Tuhan seperti satu jiwa pada waktu kedatangan-Nya?

18 Bukankah sama perlunya bahawa rancangan penebusan hendaknya disingkapkan kepada bangsa ini seperti juga kepada anak-anak mereka?

19 Bukankah sama mudahnya pada waktu ini bagi Tuhan untuk mengutus malaikat-Nya untuk memaklumkan khabar gembira ini kepada kita seperti kepada anak-anak kita, atau seperti setelah waktu kedatangan-Nya?

BAB 40

Kristus mendatangkan kebangkitan semua orang—Orang mati yang soleh pergi ke firdaus dan yang jahat ke kegelapan luar untuk menunggu hari kebangkitan mereka—Segala sesuatu akan dipulihkan pada rangkanya yang semula jadi dan sempurna dalam Kebangkitan. Kira-kira 74 tahun S.M.

SEKARANG, anakku, inilah sedikit

lagi yang hendak aku katakan kepadamu; kerana aku berasa bahawa fikiranmu runsing berkenaan kebangkitan orang mati.

2 Lihatlah, aku berkata kepadamu, bahawa tidak ada kebangkitan—atau, aku hendak katakan, dengan perkataan-perkataan lain, bahawa yang fana ini tidak mengenakan kebaqaan, kereputan ini tidak mengenakan ketidakreputan—sampai selepas kedatangan Kristus.

3 Lihatlah, Dia mendatangkan kebangkitan orang mati. Tetapi lihatlah, anakku, kebangkitan belumlah ada. Sekarang, aku membentangkan kepadamu suatu rahsia; walaupun demikian, ada banyak rahsia yang disimpan, agar tiada seorang pun mengetahuinya kecuali Tuhan sendiri. Tetapi aku memperlihatkan kepadamu satu hal yang telah aku tanyakan dengan tekun kepada Tuhan agar aku boleh tahu—iaitu berkenaan kebangkitan.

4 Lihatlah, ada waktu yang ditetapkan bahawa semua akan tampil dari yang mati. Sekarang, bila waktu ini datang tiada seorang pun tahu; tetapi Tuhan mengetahui waktu yang ditetapkan.

5 Sekarang, sama ada akan adanya satu waktu, atau waktu yang kedua, atau waktu yang ketiga, ketika manusia akan tampil dari yang mati, tidaklah penting; kerana Tuhan mengetahui segala hal ini; dan cukuplah bagiku untuk mengetahui bahawa inilah keadaannya—bahawa ada waktu yang

ditetapkan apabila semua akan bangkit dari yang mati.

6 Sekarang, mestilah perlu ada suatu tempoh antara waktu kematian dan waktu kebangkitan.

7 Dan sekarang, aku mahu bertanya apakah yang terjadi kepada jiwa-jiwa manusia dari waktu kematian ini sampai waktu yang ditetapkan untuk kebangkitan?

8 Sekarang, sama ada terdapat lebih daripada satu waktu yang ditetapkan bagi manusia untuk bangkit tidaklah penting; kerana semua tidaklah mati pada waktu yang sama, dan ini tidaklah penting; semuanya itu bagaikan satu hari bagi Tuhan, dan waktu hanyalah diukurkan kepada manusia.

9 Oleh itu, ada waktu yang ditetapkan bagi manusia ketika mereka akan bangkit dari yang mati; dan ada suatu tempoh antara waktu kematian dan kebangkitan. Dan sekarang, berkenaan tempoh ini, apa yang terjadi dengan jiwa-jiwa manusia itulah apa yang telah aku tanyakan dengan tekun kepada Tuhan untuk tahu; dan inilah apa yang aku tahu.

10 Dan ketika waktunya tiba ketika semua akan bangkit, pada waktu itu akan mereka tahu bahawa Tuhan mengetahui segala waktu yang ditetapkan bagi manusia.

11 Sekarang, berkenaan keadaan jiwa antara kematian dan kebangkitan—Lihatlah, telah disingkapkan kepadaku oleh seorang malaikat, bahawa roh semua orang, sebaik sahaja mereka pergi

dari tubuh fana ini, ya, roh semua orang, sama ada mereka baik atau jahat, dibawa pulang kepada Tuhan itu yang memberi mereka kehidupan.

12 Dan pada waktu itu akan terjadi, bahawa roh-roh mereka yang soleh diterima ke dalam keadaan kebahagiaan, yang dipanggil firdaus, suatu keadaan istirahat, suatu keadaan kedamaian, di mana mereka akan beristirahat daripada segala kesusahan mereka dan daripada segala kekhuatiran, dan dukacita.

13 Dan pada waktu itu akan terjadi, bahawa roh-roh orang jahat, ya, yang jahat—kerana lihatlah, mereka tidak memiliki tempat tidak juga bahagian daripada Roh Tuhan; kerana lihatlah, mereka memilih perbuatan-perbuatan yang jahat daripada yang baik; oleh itu roh iblis masuk ke dalam diri mereka, dan mengambil penguasaan atas rumah mereka—dan mereka ini akan dicampakkan ke dalam kegelapan luar; di sana akan ada tangisan, dan ratapan, dan kertakan gigi, dan ini kerana kederhakaan mereka sendiri, yang dituntun tertawan oleh kehendak iblis.

14 Sekarang, inilah keadaan jiwa orang yang jahat, ya, dalam kegelapan, dan suatu keadaan yang menyeramkan, berketakutan menantikan keberangan berapi-api kemurkaan Tuhan atas diri mereka; demikianlah mereka tetap tinggal dalam keadaan ini, seperti juga yang soleh di dalam

firdaus, sampai waktu kebangkitan mereka.

15 Sekarang, ada yang telah faham bahawa keadaan kebahagiaan ini dan keadaan kegetiran jiwa ini, sebelum kebangkitan, merupakan kebangkitan pertama. Ya, aku akui itu boleh diistilahkan suatu kebangkitan, dibangkitkannya roh atau jiwa dan penyerahan mereka pada kebahagiaan atau kegetiran, menurut perkataan-perkataan yang telah diucapkan.

16 Dan lihatlah, lagi telah dikatakan, bahawa ada kebangkitan pertama, suatu kebangkitan mereka semua yang pernah wujud, atau yang wujud, atau yang akan wujud, hingga kebangkitan Kristus dari yang mati.

17 Sekarang, kita tidak mengagak bahawa kebangkitan pertama ini, yang dibicarakan dengan cara ini, dapat menjadi kebangkitan jiwa dan penyerahan mereka pada kebahagiaan atau kegetiran. Kamu tidak dapat mengagak bahawa inilah ertinya.

18 Lihatlah, aku berkata kepadamu, Tidak; tetapi ertinya ialah penyatuan kembali jiwa dengan tubuh mereka yang wujud sejak masa Adam hingga kebangkitan Kristus.

19 Sekarang, sama ada jiwa dan tubuh mereka yang tentangnya telah dibicarakan akan semuanya disatukan kembali pada waktu yang sama, yang jahat seperti juga yang soleh, tidak aku katakan; biarlah cukup, bahawa aku berkata bahawa mereka semua tampil;

atau dengan perkataan-perkataan lain, kebangkitan mereka terjadi sebelum kebangkitan mereka yang mati selepas kebangkitan Kristus.

20 Sekarang, anakku, aku tidak berkata bahawa kebangkitan mereka datang semasa kebangkitan Kristus; tetapi lihatlah, aku memberikannya sebagai pendapatku, bahawa jiwa dan tubuh disatukan kembali, mereka yang soleh, semasa kebangkitan Kristus, dan kenaikan-Nya ke syurga.

21 Tetapi sama ada itu terjadi semasa kebangkitan-Nya atau selepas itu, tidak aku katakan; tetapi sebanyak ini aku katakan, bahawa ada suatu tempoh antara kematian dan kebangkitan tubuh, dan suatu keadaan jiwa dalam kebahagiaan atau dalam kegetiran sampai waktu yang ditetapkan oleh Tuhan ketika yang mati akan tampil, dan disatukan kembali, baik jiwa mahupun tubuh, dan dibawa untuk berdiri di hadapan Tuhan, dan dihakimi menurut perbuatan-perbuatan mereka.

22 Ya, ini mendatangkan pemulihan hal-hal itu yang berkenanya telah disabdakan melalui mulut para nabi.

23 Jiwa akan dipulihkan pada tubuh, dan tubuh pada jiwa; ya, dan setiap anggota tubuh dan tulang sendi akan dipulihkan pada tubuhnya; ya, bahkan sehelai rambut pun dari kepala tidak akan hilang; tetapi segala sesuatu akan dipulihkan pada rangkanya yang semula jadi dan sempurna.

24 Dan sekarang, anakku, inilah

pemulihan yang berkenanya telah disabdakan melalui mulut para nabi—

25 Dan pada waktu itu orang yang soleh akan bersinar di dalam kerajaan Tuhan.

26 Tetapi lihatlah, suatu kematian yang menyeramkan datang pada orang yang jahat; kerana mereka mati berhubungan dengan hal-hal yang berkaitan dengan hal-hal kesolehan; kerana mereka tidak bersih, dan tidak ada sesuatupun yang tidak bersih dapat mewarisi kerajaan Tuhan; tetapi mereka dicampakkan, dan diserahkan untuk makan buah hasil kerja mereka atau perbuatan mereka, yang jahat; dan mereka minum mendapan dari cawan yang pahit.

BAB 41

Semasa Kebangkitan, manusia tampil ke suatu keadaan kebahagiaan tanpa akhir atau kegetiran tanpa akhir—Kejahatan tidak pernah merupakan kebahagiaan—Manusia badaniah berada tanpa Tuhan di dunia ini—Setiap orang menerima kembali semasa pemulihan ciri-ciri dan sifat-sifat yang diperoleh dalam kefanaan. Kira-kira 74 tahun S.M.

DAN sekarang, anakku, aku ada sedikit untuk dikatakan berkenaan pemulihan yang telah dibicarakan; kerana lihatlah, sebahagian telah memutarbelitkan tulisan-tulisan suci, dan telah jauh tersesat kerana hal ini. dan aku merasa bahawa fikiranmu telah dicemaskan juga

berkenaan hal ini. Tetapi lihatlah, aku akan menjelaskannya kepadamu.

2 Aku berkata kepadamu, anakku, bahawa rancangan pemulihan dituntut oleh keadilan Tuhan; kerana dituntut bahawa segala sesuatu hendaknya dipulihkan pada susunannya yang tepat. Lihatlah, memanglah dituntut dan adil, menurut kuasa dan kebangkitan Kristus, bahawa jiwa manusia hendaknya dipulihkan pada tubuhnya, dan bahawa setiap bahagian tubuh hendaknya dipulihkan pada bentuknya sendiri.

3 Dan memanglah dituntut oleh keadilan Tuhan bahawa manusia hendaknya dihakimi menurut perbuatan mereka; dan jika perbuatan mereka baik dalam kehidupan ini, dan hasrat hati mereka baik, maka mereka hendaknya juga, pada hari terakhir, dipulihkan pada apa yang baik.

4 Dan jika perbuatan mereka jahat, perbuatan itu akan dipulihkan kepada mereka untuk kejahatan. Oleh itu, segala sesuatu akan dipulihkan pada susunannya yang sewajarnya, segala sesuatu pada bentuk semulajadinya—kefanaan dibangkitkan pada kebaqaan, kereputan pada ketidakreputan—dibangkitkan pada kebahagiaan tanpa akhir untuk mewarisi kerajaan Tuhan, atau pada kegetiran tanpa akhir untuk mewarisi kerajaan iblis, yang satu pada satu pihak, yang lain pada yang lainnya—

5 Yang satu dibangkitkan pada

kebahagiaan menurut hasratnya akan kebahagiaan, atau kebaikan menurut hasratnya akan kebaikan; dan yang lain pada kejahatan menurut hasratnya akan kejahatan; kerana sebagaimana dia telah berhasrat untuk melakukan kejahatan sepanjang hari demikian pula akan dia memperoleh imbalannya akan kejahatan ketika malam tiba.

6 Dan demikianlah sebaliknya. Jika dia telah bertaubat akan dosa-dosanya, dan menghasratkan kesolehan sampai akhir masa hidupnya, demikian pula dia akan diberi pahala kesolehan.

7 Inilah mereka yang ditebus oleh Tuhan; ya, inilah mereka yang dikeluarkan, yang dibebaskan daripada malam kegelapan tanpa akhir itu; dan demikianlah mereka berdiri atau terjatuh; kerana lihatlah, mereka hakim diri mereka sendiri, sama ada untuk melakukan yang baik atau melakukan yang jahat.

8 Sekarang, perintah-perintah Tuhan tidak dapat diubahkan; oleh itu, jalan dipersiapkan agar barang siapa menghendaknya boleh berjalan di dalamnya dan diselamatkan.

9 Dan sekarang, lihatlah, anakku, janganlah mengambil risiko melakukan satu lagi kesalahan menentang Tuhanmu atas pokok-pokok ajaran itu, yang telah kamu hingga kini ambil risikonya dengan berbuat dosa.

10 Janganlah mengira, kerana telah dibicarakan berkenaan pemulihan, bahawa kamu akan

dipulihkan daripada dosa pada kebahagiaan. Lihatlah, aku berkata kepadamu, kejahatan tidak pernah merupakan kebahagiaan.

11 Dan sekarang, anakku, semua orang yang berada dalam keadaan alamiah, atau aku mahu katakan, dalam keadaan badaniah, berada dalam hempedu kepahitan dan dalam ikatan kederhakaan; mereka berada tanpa Tuhan di dunia, dan mereka telah bertentangan dengan sifat Tuhan; oleh itu, mereka berada dalam suatu keadaan bertentangan dengan intipati kebahagiaan.

12 Dan sekarang, lihatlah, adakah erti perkataan pemulihan mengambil sesuatu dari suatu keadaan alami dan menempatkannya dalam suatu keadaan yang tidak alami, atautah menempatkannya dalam suatu keadaan bertentangan dengan intipatinya?

13 Wahai, anakku, bukan ini keadaannya; tetapi erti perkataan pemulihan itu adalah membawa kembali yang jahat pada yang jahat, atau yang badaniah pada yang badaniah, atau yang seperti iblis pada yang seperti iblis—yang baik untuk apa yang baik; yang soleh pada yang soleh; yang adil untuk apa yang adil; yang penuh belas kasihan untuk apa yang penuh belas kasihan.

14 Oleh itu, anakku, pastikanlah bahawa kamu penuh belas kasihan kepada saudara-saudaramu; berurusanlah dengan adil, hakimilah dengan benar, dan lakukanlah kebaikan secara berterusan; dan

jika kamu melakukan segala hal ini maka kamu akan menerima pahalamu; ya, belas kasihan akan dipulihkan kepadamu kembali; keadilan akan dipulihkan kepadamu kembali; penghakiman yang benar akan dipulihkan kepadamu kembali; dan kebaikan akan dipahalkan kepadamu kembali.

15 Kerana apa yang kamu hasilkan akan kembali kepadamu lagi, dan dipulihkan; oleh itu, perkataan pemulihan lebih sepenuhnya menghukum si pendosa, dan tidak melepaskannya sama sekali.

BAB 42

Kefanaan itu suatu masa percubaan untuk membolehkan manusia bertaubat dan melayani Tuhan—Kejatuhan membawa kematian duniawi dan rohani pada seluruh umat manusia—Penebusan datang melalui pertaubatan—Tuhan sendiri menebuskan dosa-dosa dunia—Belas kasihan adalah untuk mereka yang bertaubat—Semua orang yang lain tunduk pada keadilan Tuhan—Belas kasihan datang kerana Korban Tebusan—Hanya mereka yang benar-benar bertaubat diselamatkan. Kira-kira 74 tahun S.M.

DAN sekarang, anakku, aku merasa ada sedikit lagi yang mencemaskan fikiranmu, yang tidak dapat kamu fahami—yang berkenaan keadilan Tuhan dalam hukuman bagi pendosa; kerana kamu cuba untuk mengira bahawa adalah ketidakadilan bahawa pendosa akan

diserahkan pada suatu keadaan kegetiran.

2 Sekarang, lihatlah, anakku, aku akan menjelaskan hal ini kepadamu. Kerana lihatlah, setelah Tuhan Raja menghantar ibubapa pertama kita keluar dari Taman Eden, untuk mengolah tanah, dari mana mereka diambil—ya, Dia mengusir manusia, dan Dia menempatkan mereka di hujung timur Taman Eden, kerubin, dan sebilah pedang yang menyala yang berputar ke setiap arah, untuk menjaga pokok kehidupan—

3 Sekarang, kita lihat bahawa manusia telah menjadi seperti Tuhan, mengetahui yang baik dan yang jahat; dan agar dia tidak menghulurkan tangannya, dan mengambil juga dari pokok kehidupan, dan makan dan hidup selama-lamanya, Tuhan Raja menempatkan kerubin dan pedang yang menyala, agar dia jangan makan buah itu—

4 Dan demikianlah kita lihat, bahawa ada suatu masa diberikan kepada manusia untuk bertaubat, ya, suatu masa percubaan, suatu masa untuk bertaubat dan melayani Tuhan.

5 Kerana lihatlah, jika Adam telah menghulurkan tangannya dengan serta-merta, dan makan dari pokok kehidupan, dia akan hidup selama-lamanya, menurut firman Tuhan, tidak memiliki waktu untuk pertaubatan; ya, dan juga firman Tuhan akan batal, dan rancangan keselamatan yang agung itu akan gagal.

6 Tetapi lihatlah, ditetapkanlah

bagi manusia untuk mati—oleh itu, sewaktu mereka dipisahkan dari pokok kehidupan mereka akan disingkirkan dari muka bumi—dan manusia menjadi tersesat selamanya, ya, mereka menjadi manusia yang terjatuh.

7 Dan sekarang, kamu lihat melalui ini bahawa ibubapa pertama kita disingkirkan baik secara duniawi mahupun secara rohani dari hadirat Tuhan; dan demikianlah kita lihat mereka menjadi tertakluk oleh kehendak mereka sendiri.

8 Sekarang, lihatlah, tidaklah wajar bahawa manusia patut dituntut kembali daripada kematian duniawi ini, kerana itu akan menghancurkan rancangan kebahagiaan yang besar.

9 Oleh itu, kerana jiwa sama sekali tidak dapat mati, dan kejahatan telah mendatangkan pada seluruh umat manusia suatu kematian rohani seperti juga yang duniawi, iaitu, mereka disingkirkan dari hadirat Tuhan, memanglah wajar bahawa umat manusia akan dituntut kembali daripada kematian rohani ini.

10 Oleh itu, kerana mereka telah menjadi badani, berhawa nafsu, dan seperti iblis, secara tabii, keadaan percubaan ini menjadi suatu keadaan bagi mereka untuk bersiap-sedia; itu menjadi suatu keadaan persiapan.

11 Dan sekarang, ingatlah, anakku, jika bukan kerana rancangan penebusan, (mengesampingkan hal itu) sesegera mereka

mati jiwa mereka sengsara, tersingkir dari hadirat Tuhan.

12 Dan sekarang, tidak ada cara untuk menuntut kembali manusia daripada keadaan terjatuh ini, yang manusia telah datangkan ke atas dirinya kerana ketidakpatuhannya sendiri;

13 Oleh itu, menurut keadilan, rancangan penebusan tidak dapat dilaksanakan, kecuali dengan syarat pertaubatan manusia dalam keadaan percubaan ini, ya, keadaan persiapan ini; kerana jika tidak adanya syarat-syarat ini, belas kasihan tidak dapat berlaku tanpa menghancurkan kerja keadilan. Sekarang, kerja keadilan tidak dapat dihancurkan; jika demikian, Tuhan akan berhenti menjadi Tuhan.

14 Dan demikianlah kita lihat bahawa seluruh umat manusia terjatuh, dan mereka berada dalam genggamannya keadilan; ya, keadilan Tuhan, yang menyerahkan mereka selama-lamanya untuk disingkirkan dari hadirat-Nya.

15 Dan sekarang, rancangan belas kasihan tidak dapat dilaksanakan kecuali suatu korban tebusan akan dibuat; oleh itu Tuhan sendiri menebuskan dosa-dosa dunia, untuk mendatangkan rancangan belas kasihan, untuk memenuhi tuntutan keadilan, agar Tuhan boleh menjadi seorang Tuhan yang sempurna, yang adil, dan seorang Tuhan yang penuh belas kasihan juga.

16 Sekarang, pertaubatan tidak dapat datang kepada manusia

kecuali ada hukuman, yang juga abadi seperti kehidupan jiwa hendaknya, dikaitkan bertentangan dengan rancangan kebahagiaan, yang juga seabadi kehidupan jiwa.

17 Sekarang, bagaimanakah seseorang dapat bertaubat kecuali dia berdosa? Bagaimanakah dia dapat berdosa jika tidak ada hukum? Bagaimanakah boleh ada hukum kecuali adanya hukuman?

18 Sekarang, ada hukuman dikaitkan, dan hukum yang adil diberikan, yang membawa penyesalan suara hati pada manusia.

19 Sekarang, jika tidak ada hukum diberikan—jika seseorang membunuh dia akan mati—akanakah dia takut dia akan mati jika dia membunuh?

20 Dan juga, jika tidak ada hukum diberikan terhadap dosa, manusia tidak akan takut berdosa.

21 Dan jika tidak ada hukum diberikan, jika manusia berdosa apakah yang dapat keadilan lakukan, atau belas kasihan juga, kerana itu tidak memiliki tuntutan atas makhluk itu?

22 Tetapi ada hukum diberikan, dan hukuman dikaitkan, dan pertaubatan dikabulkan; yang pertaubatan itu, belas kasihan menuntut; jika tidak, keadilan menuntut makhluk itu dan melaksanakan hukum, dan hukum menjatuhkan hukuman; jika bukan demikian, kerja keadilan akan dihancurkan, dan Tuhan akan berhenti menjadi Tuhan.

23 Tetapi Tuhan tidak berhenti

menjadi Tuhan, dan belas kasihan menuntut hak atas yang bertaubat, dan belas kasihan datang kerana korban tebusan; dan korban tebusan mendatangkan kebangkitan orang mati; dan kebangkitan orang mati membawa kembali manusia ke hadirat Tuhan; dan demikianlah mereka dipulihkan ke hadirat-Nya, untuk dihakimi menurut kerja-kerja mereka, menurut hukum dan keadilan.

24 Kerana lihatlah, keadilan menjalankan semua tuntutanNya, dan juga belas kasihan menuntut semua yang adalah miliknya; dan demikianlah, tidak seorang pun kecuali yang benar-benar bertaubat yang diselamatkan.

25 Apa, adakah kamu mengira bahawa belas kasihan dapat merampas keadilan? Aku berkata kepadamu, Tidak; tidak satu bahagian yang kecil pun. Jika demikian, Tuhan akan berhenti menjadi Tuhan.

26 Dan demikianlah Tuhan melaksanakan tujuan-Nya yang agung dan abadi, yang dipersiapkan sejak pengasasan dunia. Dan demikianlah terjadi penyelamatan dan penebusan manusia, dan juga kehancuran dan kegetiran mereka.

27 Oleh itu, Wahai anakku, barang siapa mahu datang boleh datang dan minum dari air kehidupan dengan bebas; dan barang siapa tidak mahu datang orang yang sama itu tidak dipaksa untuk datang; tetapi pada hari terakhir akan dipulihkan kepadanya menurut perbuatannya.

28 Jika dia telah berhasrat untuk melakukan yang jahat, dan tidak bertaubat pada masa hidupnya, lihatlah, nahas akan terjadi kepadanya, menurut pemulihan daripada Tuhan.

29 Dan sekarang, anakku, aku berhasrat agar kamu hendaknya tidak membiarkan hal-hal ini menyusahkanmu lagi, dan hanya biarlah dosa-dosamu menyusahkanmu, dengan kesusahan itu yang akan merendahkanmu sampai pada pertaubatan.

30 Wahai anakku, aku berhasrat agar kamu hendaknya tidak menyangkal keadilan Tuhan lagi. Janganlah berikhtiar memaafkan dirimu sedikit pun kerana dosa-dosamu, dengan menyangkal keadilan Tuhan; tetapi biarkanlah keadilan Tuhan, dan belas kasihan-Nya, dan panjangsabar-Nya memiliki pengaruh penuh dalam hatimu; dan biarlah itu merendahmu hingga ke debu dalam kerendahan hati.

31 Dan sekarang, Wahai anakku, kamu dipanggil oleh Tuhan untuk mengkhutbahkan firman kepada orang ini. Dan sekarang, anakku, pergilah pada jalanmu, maklumkanlah firman dengan kebenaran dan kesungguhan, agar engkau boleh membawa jiwa-jiwa pada pertaubatan, agar rancangan belas kasihan yang besar boleh memiliki tuntutan hak atas diri mereka. Dan semoga Tuhan mengabulkan kepadamu bahkan menurut perkataan-perkataanku. Amin.

BAB 43

Alma dan para puteranya mengkhutbahkan firman—Orang Zoram dan para pembelot bangsa Nefi yang lain menjadi bangsa Laman—Bangsa Laman datang melawan bangsa Nefi dalam perang—Moroni mempersenjatai bangsa Nefi dengan baju zirah pertahanan—Tuhan mengungkapkan kepada Alma rancangan peperangan bangsa Laman—Bangsa Nefi mempertahankan rumah, kemerdekaan, keluarga, dan agama mereka—Tentera Moroni dan Lehi mengepung bangsa Laman. Kira-kira 74 tahun S.M.

AN sekarang, terjadilah bahawa para putera Alma pergi ke kalangan bangsa itu, untuk memaklumkan firman kepada mereka. dan Alma, juga, dia sendiri, tidak dapat beristirahat, dan dia juga pergi.

2 Sekarang, kami tidak akan berkata lagi berkenaan pengkhutbahannya mereka, kecuali bahawa mereka mengkhutbahkan firman, dan kebenaran, menurut roh nubuat dan wahyu; dan mereka berkhutbah menurut tarekat kudus Tuhan yang melaluinya mereka dipanggil.

3 Dan sekarang, aku kembali pada sebuah laporan tentang peperangan antara bangsa Nefi dan bangsa Laman, pada tahun kelapan belas zaman pemerintahan hakim-hakim.

4 Kerana lihatlah, terjadilah bahawa orang Zoram menjadi bangsa Laman; oleh itu, pada permulaan

tahun kelapan belas, bangsa Nefi melihat bahawa bangsa Laman menyerang mereka; oleh itu mereka membuat persiapan untuk perang; ya, mereka mengumpulkan bersama tentera-tentera mereka di negeri Yerson.

5 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman datang dengan ribuan orang mereka; dan mereka datang ke negeri Antionum, yang merupakan negeri bangsa Zoram; dan seorang lelaki dengan nama Zerahemna ialah pemimpin mereka.

6 Dan sekarang, kerana bangsa Amaleki memiliki pembawaan yang lebih jahat dan gemar membunuh daripada yang dimiliki bangsa Laman, dalam dan dari diri mereka sendiri, oleh itu, Zerahemna melantik para panglima utama atas bangsa Laman, dan mereka semuanya orang Amaleki dan orang Zoram.

7 Sekarang, ini dia lakukan agar dia boleh mengekalkan kebencian mereka terhadap bangsa Nefi, agar dia boleh membawa mereka ke dalam penaklukan untuk penyempurnaan rancangannya.

8 Kerana lihatlah, rancangannya adalah untuk menghasut bangsa Laman menjadi marah terhadap bangsa Nefi; ini dia lakukan agar dia boleh merebut kekuasaan yang hebat atas diri mereka, dan juga agar dia boleh memperoleh kekuasaan atas bangsa Nefi dengan membawa mereka ke dalam perhambaan.

9 Dan sekarang, rancangan

bangsa Nefi adalah untuk menjaga tanah-tanah mereka, dan rumah-rumah mereka, dan isteri-isteri mereka, dan anak-anak mereka, agar mereka boleh melindungi mereka daripada tangan musuh mereka; dan juga agar mereka boleh melindungi hak mereka dan hak istimewa mereka, ya, dan juga kemerdekaan mereka, agar mereka boleh menyembah Tuhan menurut hasrat mereka.

10 Kerana mereka tahu bahawa jika mereka jatuh ke dalam tangan bangsa Laman, bahawa barang siapa menyembah Tuhan dalam roh dan dalam kebenaran, Tuhan yang sejati dan yang hidup, akan bangsa Laman hancurkan.

11 Ya, dan mereka juga tahu kebencian bangsa Laman yang berketerlaluan terhadap saudara-saudara mereka, yang merupakan orang Anti-Nefi-Lehi, yang dipanggil orang Amon—dan mereka tidak mahu mengangkat senjata, ya, mereka telah masuk ke dalam sebuah perjanjian dan mereka tidak mahu melanggarnya—oleh itu, jika mereka jatuh ke dalam tangan bangsa Laman mereka akan dihancurkan.

12 Dan bangsa Nefi tidak akan membiarkan bahawa mereka akan dihancurkan; oleh itu mereka memberi mereka wilayah-wilayah sebagai warisan mereka.

13 Dan orang Amon memberi kepada bangsa Nefi bahagian yang besar daripada harta kekayaan mereka untuk menunjang tentera-tentera mereka; dan demikianlah

bangsa Nefi terpaksa, sendirian, bertahan melawan bangsa Laman, yang merupakan gabungan keturunan Laman dan Lemuel, dan para putera Ismael, dan mereka semua yang telah membelot daripada bangsa Nefi, iaitu orang Amaleki dan orang Zoram, dan keturunan para imam Nuh.

14 Sekarang, keturunan itu ada sebanyak, hampir, seperti bangsa Nefi; dan demikianlah bangsa Nefi diwajibkan untuk berjuang melawan saudara-saudara mereka, bahkan sampai pertumpahan darah.

15 Dan terjadilah kerana tentera-tentera bangsa Laman telah berkumpul bersama di negeri Antionum, lihatlah, tentera-tentera bangsa Nefi siap untuk menghadapi mereka di negeri Yerson.

16 Sekarang, pemimpin bangsa Nefi, atau lelaki yang telah dilantik untuk menjadi panglima utama atas bangsa Nefi—sekarang, panglima utama menguasai semua tentera bangsa Nefi—dan namanya Moroni;

17 Dan Moroni menguasai segalanya, dan mengatur peperangan-peperangan mereka. Dan dia baru berumur dua puluh dan lima tahun ketika dia dilantik sebagai panglima utama atas tentera-tentera bangsa Nefi.

18 Dan terjadilah bahawa dia menghadapi bangsa Laman di sempadan-sempadan Yerson, dan orangnya dipersenjatai dengan pedang, dan dengan golok, dan segala macam senjata perang.

19 Dan ketika tentera-tentera bangsa Laman melihat bahawa bangsa Nefi, atau bahawa Moroni, telah mempersiapkan orangnya dengan perisai dada dan dengan perisai lengan, ya, dan juga perisai untuk melindungi kepala mereka, dan juga mereka berpakaian dengan pakaian tebal—

20 Sekarang, tentera-tentera Zerahemna tidak dipersiapkan dengan benda apa pun seperti itu; mereka hanya memiliki pedang mereka dan golok mereka, busur mereka dan anak panah mereka, batu mereka dan umban mereka; dan mereka telanjang, kecuali sepotong kulit yang diikatkan sekitar aurat mereka; ya, semuanya telanjang, kecuali orang Zoram dan orang Amaleki;

21 Tetapi mereka tidak dipersenjatai dengan perisai dada, tidak juga perisai—oleh itu, mereka amat takut terhadap tentera-tentera bangsa Nefi kerana baju zirah mereka, sekalipun jumlah mereka demikian jauh lebih besar daripada bangsa Nefi.

22 Lihatlah, sekarang, terjadilah bahawa mereka tidak berani datang melawan bangsa Nefi di sempadan-sempadan Yerson; oleh itu mereka pergi dari negeri Antionum ke padang belantara, dan mengadakan perjalanan di sekeliling padang belantara, jauh dekat hulu Sungai Sidon, agar mereka dapat masuk ke negeri Manti dan mengambil penguasaan atas negeri itu; kerana mereka tidak mengira bahawa tentera-tentera

Moroni akan mengetahui ke mana mereka telah pergi.

23 Tetapi terjadilah, sebaik sahaja mereka telah berangkat ke padang belantara, Moroni mengutus mata-mata ke padang belantara untuk mengawasi perkhemahan mereka; dan Moroni, juga, mengetahui tentang nubuat-nubuat Alma, mengutus orang tertentu kepadanya, menghasratkan agar dia hendaknya bertanya kepada Tuhan ke mana tentera-tentera bangsa Nefi hendaknya pergi untuk mempertahankan diri mereka daripada bangsa Laman.

24 Dan terjadilah bahawa firman Tuhan datang kepada Alma, dan Alma memberitahu para utusan Moroni, bahawa tentera-tentera bangsa Laman sedang berkawat di sekeliling padang belantara, agar mereka boleh datang ke negeri Manti, agar mereka boleh memulakan serangan atas bahagian yang lebih lemah bangsa itu. Dan para utusan itu pergi dan menyampaikan pesan itu kepada Moroni.

25 Sekarang, Moroni, meninggalkan sebahagian tentera-tenteranya di negeri Yerson, agar jangan dengan cara apa pun sebahagian bangsa Laman masuk ke negeri itu dan mengambil penguasaan atas kota itu, membawa bahagian yang tertinggal daripada tentera-tenteranya dan berkawat ke negeri Manti.

26 Dan dia menyuruh agar semua orang di penjuru negeri itu hendaknya berkumpul bersama untuk bertempur melawan bangsa

Laman, untuk mempertahankan tanah-tanah mereka dan negeri mereka, hak mereka dan kemerdekaan mereka; oleh itu mereka sedia menghadapi waktu kedatangan bangsa Laman.

27 Dan terjadilah bahawa Moroni menyuruh agar tentera-tenteranya hendaknya bersembunyi di lembah yang berada dekat tepi sungai Sidon, yang berada di barat sungai Sidon di padang belantara.

28 Dan Moroni menempatkan mata-mata di sekitarnya, agar dia boleh mengetahui ketika perkhemahan tentera bangsa Laman akan datang.

29 Dan sekarang, kerana Moroni mengetahui maksud bangsa Laman, bahawa memanglah maksud mereka untuk menghancurkan saudara-saudara mereka, atau untuk menundukkan mereka dan membawa mereka ke dalam perhambaan agar mereka boleh menegakkan sebuah kerajaan bagi diri mereka sendiri atas seluruh negeri;

30 Dan dia juga mengetahui bahawa memanglah satu-satunya hasrat bangsa Nefi untuk melindungi tanah-tanah mereka, dan kemerdekaan mereka, dan gereja mereka, oleh itu dia berfikir bukanlah dosa bahawa dia membela mereka dengan tipu muslihat; oleh itu, dia mendapat tahu melalui mata-matanya laluan mana yang akan bangsa Laman ikut.

31 Oleh itu, dia membahagikan tentera-tenteranya dan membawa sebahagian menyeberang

ke lembah, dan menyembunyikan mereka di timur, dan di selatan bukit Ripla;

32 Dan bakinya dia sembunyikan di lembah barat, di barat Sungai Sidon, dan seterusnya hingga ke sempadan-sempadan negeri Manti.

33 Dan demikianlah setelah menempatkan tentera-tenteranya menurut hasratnya, dia sedia untuk menghadapi mereka.

34 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman muncul di utara bukit itu, di mana sebahagian tentera-tentera Moroni bersembunyi.

35 Dan sewaktu bangsa Laman telah melewati bukit Ripla, dan tiba di lembah, dan mula menyeberangi sungai Sidon, tentera-tentera yang bersembunyi di selatan bukit, yang dipimpin oleh seorang lelaki yang namanya Lehi, dan dia memimpin tentera-tenteranya maju dan mengepung bangsa Laman di timur di belakang mereka.

36 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman, ketika mereka melihat bangsa Nefi menyerang mereka di belakang mereka, berbaliklah mereka dan mula bertempur melawan tentera-tentera Lehi.

37 Dan kerja kematian bermula di kedua-dua pihak, tetapi lebih mengerikan di pihak bangsa Laman, kerana ketelanjangan mereka terbuka terhadap pukulan berat bangsa Nefi dengan pedang mereka dan golok mereka, yang membawa kematian hampir dengan setiap pukulan.

38 Sementara sebaliknya,

adakalanya seseorang jatuh di kalangan bangsa Nefi, oleh pedang mereka dan kehilangan darah, kerana mereka terlindung di bahagian tubuh yang lebih penting, atau bahagian tubuh yang lebih penting terlindung daripada pukulan bangsa Laman, oleh perisai dada mereka, dan perisai lengan mereka, dan ketopong besi mereka; dan demikianlah bangsa Nefi meneruskan kerja kematian di kalangan bangsa Laman.

39 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman menjadi takut, kerana penghancuran yang dahsyat di kalangan mereka, bahkan sampai mereka mula melarikan diri menuju sungai Sidon.

40 Dan mereka dikejar oleh Lehi dan orangnya; dan mereka dihalau oleh Lehi ke perairan Sidon, dan mereka menyeberangi perairan Sidon. Dan Lehi menahan tentera-tenteranya di tepi sungai Sidon agar mereka tidak menyeberang.

41 Dan terjadilah bahawa Moroni dan tentera-tenteranya menghadap bangsa Laman di lembah, di tepi lain sungai Sidon, dan mula menyerang mereka dan membunuh mereka.

42 Dan bangsa Laman melarikan diri lagi dari hadapan mereka, menuju negeri Manti; dan mereka dihadapi kembali oleh tentera-tentera Moroni.

43 Sekarang, dalam keadaan ini bangsa Laman berperang dengan amat hebatnya; ya, tidak pernah bangsa Laman diketahui berperang dengan kekuatan dan

keberanian yang sedemikian hebatnya, tidak, bahkan tidak sejak awal.

44 Dan mereka dirangsangkan oleh orang Zoram dan orang Amaleki, iaitu panglima utama dan pemimpin mereka, dan oleh Zerahemna, iaitu panglima utama mereka, atau pemimpin dan ketua mereka; ya, mereka berperang bagaikan naga, dan banyak bangsa Nefi terbunuh oleh tangan mereka, ya, kerana mereka membelahkan banyak ketopong besi mereka, dan mereka menusuk banyak perisai dada mereka, dan mereka menggagal banyak lengan mereka; dan demikianlah bangsa Laman menghentam dengan kemarahan dahsyat mereka.

45 Walaupun demikian, bangsa Nefi diilhami oleh suatu alasan perjuangan yang lebih baik, kerana mereka tidak berperang demi kerajaan tidak juga kekuasaan tetapi mereka sedang berperang demi rumah-rumah mereka dan kemerdekaan mereka, isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka, dan semua milik mereka, ya, demi upacara-upacara ibadat mereka dan gereja mereka.

46 Dan mereka sedang melakukan apa yang mereka rasa memanglah tugas yang wajib mereka tunaikan kepada Tuhan mereka; kerana Tuhan telah berfirman kepada mereka, dan juga kepada nenek moyang mereka, bahawa: Sejauh mana kamu tidak bersalah akan kesalahan yang pertama, tidak juga yang kedua, janganlah

kamu membiarkan dirimu dibunuh oleh tangan musuhmu.

47 Dan lagi, Tuhan telah berfirman bahawa: Kamu akan mempertahankan keluargamu bahkan sampai pertumpahan darah. Oleh itu, disebabkan alasan ini bangsa Nefi bertempur melawan bangsa Laman, untuk mempertahankan diri mereka, dan keluarga mereka, dan tanah mereka, negeri mereka, dan hak mereka, dan agama mereka.

48 Dan terjadilah bahawa ketika askar-askar Moroni melihat keganasan dan kemarahan bangsa Laman, mereka hampir berundur dan melarikan diri dari mereka. Dan Moroni, mengetahui maksud mereka,ewartakan dan mengilhami hati mereka dengan fikiran-fikiran ini—ya, fikiran tentang tanah-tanah mereka, kemerdekaan mereka, ya, kebebasan mereka daripada perhambaan.

49 Dan terjadilah bahawa mereka berbalik melawan bangsa Laman, dan mereka berseru dengan satu suara kepada Tuhan Raja mereka, demi kemerdekaan mereka dan kebebasan mereka daripada perhambaan.

50 Dan mereka mula berdiri melawan bangsa Laman dengan kekuatan; dan pada jam yang sama ketika mereka berseru kepada Tuhan demi kebebasan mereka, bangsa Laman mula melarikan diri dari hadapan mereka; dan mereka melarikan diri bahkan ke perairan Sidon.

51 Sekarang, bangsa Laman lebih

banyak, ya, ada lebih daripada dua kali jumlahnya bangsa Nefi; walaupun demikian, mereka dihalau sedemikian rupa sehingga mereka terkumpul bersama dalam satu kelompok di lembah, atas tebing di tepi sungai Sidon.

52 Oleh itu tentera-tentera Moroni mengepung mereka, ya, bahkan di kedua tepi sungai, kerana lihatlah, di timur adanya askar-askar Lehi.

53 Oleh itu ketika Zerahemna melihat askar-askar Lehi di timur sungai Sidon, dan tentera-tentera Moroni di barat sungai Sidon, bahawa mereka dikepung oleh bangsa Nefi, mereka diserang kegentaran.

54 Sekarang, Moroni, ketika dia melihat kegentaran mereka, memerintahkan askar-askarnya agar mereka hendaknya berhenti menumpahkan darah mereka.

BAB 44

Moroni memerintahkan bangsa Laman untuk membuat sebuah perjanjian perdamaian atau dihancurkan—Zerahemna menolak tawaran itu, dan pertempuran bermula lagi—Tentera-tentera Moroni mengalahkan bangsa Laman. Kira-kira 74–73 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa mereka berhenti dan menarik diri selangkah dari mereka. Dan Moroni berkata kepada Zerahemna: Lihatlah, Zerahemna, bahawa kami tidak berhasrat untuk menjadi manusia yang haus darah. Kamu

tahu bahawa kamu berada dalam tangan kami, namun kami tidak berhasrat untuk membunuhmu.

2 Lihatlah, kami tidak datang untuk bertempur melawanmu agar kami boleh menumpahkan darahmu demi kekuasaan; tidak juga kami berhasrat membawa siapa pun pada kuk perhambaan. Tetapi inilah alasan mengapa kamu telah datang melawan kami; ya, dan kamu marah terhadap kami kerana agama kami.

3 Tetapi sekarang, kamu melihat bahawa Tuhan bersama kami; dan kamu melihat bahawa Dia telah menyerahkanmu ke dalam tangan kami. Dan sekarang, aku menghendaki agar kamu hendaknya mengerti bahawa ini terjadi kepada kami kerana agama kami dan iman kami kepada Kristus. Dan sekarang, kamu lihat bahawa kamu tidak dapat menghancurkan iman kami ini.

4 Sekarang, kamu lihat bahawa inilah ajaran sejati daripada Tuhan; ya, kamu lihat bahawa Tuhan akan menyokong, dan menjaga, dan melindungi kami, selama kami setia kepada-Nya, dan pada iman kami, dan agama kami; dan Tuhan langsung tidak akan membiarkan bahawa kami akan dihancurkan kecuali kami jatuh ke dalam pelanggaran dan menyangkal iman kami.

5 Dan sekarang, Zerahemna, aku memerintahkanmu, dalam nama Tuhan yang maha berkuasa itu, yang telah menguatkan lengan kami sehingga kami memperoleh

kekuasaan atas dirimu, dengan iman kami, dengan agama kami, dan dengan upacara-upacara ibadat kami, dan dengan gereja kami, dan dengan penyaraan suci yang wajib kami berikan kepada isteri-isteri kami dan anak-anak kami, dengan kemerdekaan itu yang mengikat kami pada tanah-tanah kami dan negeri kami; ya, dan juga dengan pemeliharaan firman Tuhan yang suci, yang padanya kami berhutang segala kebahagiaan kami; dan dengan segala yang paling tersayang bagi kami—

6 Ya, dan ini bukanlah semuanya; aku memerintahkanmu demi segala hasrat yang kamu miliki untuk kehidupan, agar kamu menyerahkan senjata perangmu kepada kami, dan kami tidak akan menumpahkan darahmu, tetapi kami akan membiarkanmu hidup, jika kamu akan pergi pada jalanmu dan tidak datang kembali untuk berperang melawan kami.

7 Dan sekarang, jika kamu tidak melakukan ini, lihatlah, kamu berada dalam tangan kami, dan aku akan memerintahkan askar-askarku agar mereka akan menyerangmu, dan mengenakan luka-luka kematian pada tubuhmu, agar kamu boleh habis dibunuh; dan pada waktu itu kita akan melihat siapa yang akan memiliki kekuasaan atas bangsa ini; ya, kita akan lihat siapa yang akan dibawa ke dalam perhambaan.

8 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika Zerahemna telah

mendengar pernyataan-pernyataan ini dia maju ke depan dan menyerahkan pedangnya dan goloknya, dan busurnya ke dalam tangan Moroni, dan berkata kepadanya: Lihatlah, inilah senjata perang kami; kami akan menyerahkannya kepadamu, tetapi kami tidak akan membiarkan diri kami mengangkat sumpah denganmu, yang kami tahu bahawa akan kami langgar, dan juga anak-anak kami; tetapi ambillah senjata perang kami, dan biarkanlah agar kami boleh pergi ke padang belantara; jika tidak, kami akan menyimpan pedang kami, dan kami akan binasa atau menang.

9 Lihatlah, kami bukan daripada kepercayaanmu; kami tidak percaya bahawa Tuhanlah yang telah menyerahkan kami ke dalam tanganmu; tetapi kami percaya bahawa kelicikan kamulah yang telah melindungimu daripada pedang kami. Lihatlah, perisai dada kamulah dan perisai kamulah yang telah melindungimu.

10 Dan sekarang, ketika Zerahemna telah mengakhiri mengucapkan kata-kata ini, Moroni mengembalikan pedang dan senjata perang, yang telah dia terima, kepada Zerahemna, mengatakan: Lihatlah, kita akan mengakhiri perselisihan ini.

11 Sekarang, aku tidak dapat menarik kembali perkataan-perkataan yang telah aku ucapkan, oleh itu, sebagaimana Tuhan hidup, kamu tidak akan pergi kecuali kamu pergi dengan sebuah

sumpah bahawa kamu tidak akan kembali lagi melawan kami untuk berperang. Sekarang, kerana kamu berada dalam tangan kami, kami akan menumpahkan darahmu ke atas tanah, atau kamu akan tunduk pada syarat yang telah aku kemukakan.

12 Dan sekarang, ketika Moroni telah mengatakan kata-kata ini, Zerahemna mengambil pedangnya, dan dia marah terhadap Moroni, dan dia menerjang ke depan agar dia boleh membunuh Moroni; tetapi sewaktu dia mengangkat pedangnya, lihatlah, salah seorang askar Moroni memukulnya bahkan ke bumi, dan pedang itu patah dekat pangkalnya; dan dia juga memukul Zerahemna sehingga dia mengelupaskan kulit kepalanya dan ia jatuh ke bumi. Dan Zerahemna menarik diri dari hadapan mereka ke tengah-tengah para askarnya.

13 Dan terjadilah bahawa askar yang berdiri berdekatan, yang mengelupaskan kulit kepala Zerahemna, mengangkat kulit kepala itu dari tanah pada rambutnya, dan meletakkannya pada hujung pedangnya, dan menghurlkannya kepada mereka, mengatakan kepada mereka dengan suara yang kuat:

14 Bahkan seperti kulit kepala ini telah jatuh ke bumi, iaitu kulit kepala pemimpinmu, demikian juga akanlah kamu jatuh ke bumi kecuali kamu menyerahkan senjata perangmu dan pergi dengan sebuah perjanjian perdamaian.

15 Sekarang, ada banyak, ketika mereka mendengar kata-kata ini dan melihat kulit kepala yang berada di atas pedang, yang diserang ketakutan; dan banyak yang maju ke depan dan melemparkan senjata perang mereka di kaki Moroni, dan masuk ke dalam sebuah perjanjian perdamaian. Dan sebanyak yang masuk ke dalam perjanjian, mereka biarkan bertolak ke padang belantara.

16 Sekarang, terjadilah bahawa Zerahemna teramat geram, dan dia menghasut para askarnya yang tertinggal supaya menjadi marah, supaya bertempur dengan lebih kuat melawan bangsa Nefi.

17 Dan sekarang, Moroni marah, kerana sikap degil bangsa Laman; oleh itu dia perintahkan orangnya agar mereka hendaknya menyerang mereka dan membunuh mereka. Dan terjadilah bahawa mereka mula membunuh mereka; ya, dan bangsa Laman bertempur dengan pedang mereka dan kekuatan mereka.

18 Tetapi lihatlah, kulit mereka yang telanjang dan kepala mereka yang terdedah itu tersingkap terhadap pedang tajam bangsa Nefi; ya, lihatlah mereka ditusuk dan dihentam, ya, dan jatuh dengan amat cepat di hadapan pedang bangsa Nefi; dan mereka mula dihapuskan, bahkan seperti telah askar Moroni itu nubuatkan.

19 Sekarang, Zerahemna, ketika dia melihat bahawa mereka semua hampir dihancurkan, berseru dengan amat kuat kepada Moroni,

berjanji bahawa dia akan membuat perjanjian dan juga orangnya dengan mereka, jika mereka akan membiarkan sesiapa yang tertinggal untuk hidup, maka mereka langsung tidak akan datang untuk berperang lagi melawan mereka.

20 Dan terjadilah bahawa Moroni menyuruh agar kerja kematian hendaknya berhenti lagi di kalangan orang itu. Dan dia mengambil senjata perang dari bangsa Laman; dan setelah mereka masuk ke dalam sebuah perjanjian perdamaian dengannya, mereka dibiarkan bertolak ke padang belantara.

21 Sekarang, jumlah orang mati mereka tak terbilang kerana besarnya jumlah itu; ya, jumlah orang mati mereka teramat besar, baik pada pihak bangsa Nefi mahupun pada pihak bangsa Laman.

22 Dan terjadilah bahawa mereka melemparkan orang mati mereka ke dalam perairan Sidon, dan mereka telah hanyut dan terkubur di kedalaman laut.

23 Dan tentera-tentera bangsa Nefi, atau Moroni, kembali dan tiba di rumah-rumah mereka dan negeri-negeri mereka.

24 Dan demikianlah berakhir tahun kelapan belas zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi. Dan demikianlah berakhirnya catatan Alma, yang ditulis di atas kepingan-kepingan Nefi.

Laporan tentang bangsa Nefi, dan peperangan dan pembelotan mereka, pada masa hidup Helaman,

menurut catatan Helaman, yang dia simpan pada masa hidupnya.

Meliputi bab 45 hingga bab 62.

BAB 45

Helaman mempercayai perkataan-perkataan Alma—Alma menubuatkan kehancuran bangsa Nefi—Dia memberkati dan mengutuk negeri itu—Alma mungkin telah diangkat oleh Roh, bahkan seperti Musa—Per-tenggaran bertambah di dalam Gereja. Kira-kira 73 tahun S.M.

LIHATLAH, sekarang, terjadilah bahawa bangsa Nefi amat bersukacita, kerana Tuhan sekali lagi telah membebaskan mereka daripada tangan musuh mereka; oleh itu mereka bersyukur kepada Tuhan Raja mereka; ya, dan mereka banyak berpuasa dan banyak berdoa, dan mereka menyembah Tuhan dengan kebahagiaan yang amat besar.

2 Dan terjadilah pada tahun kesembilan belas zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi, bahawa Alma datang kepada puteranya, Helaman dan berkata kepadanya: Percayakah kamu perkataan-perkataan yang telah aku ucapkan kepadamu berkenaan catatan-catatan yang telah disimpan itu?

3 Dan Helaman berkata kepadanya: Ya, aku percaya.

4 Dan Alma berkata lagi: Percayakah kamu kepada Yesus Kristus, yang akan datang?

5 Dan dia berkata: Ya, aku mempercayai segala perkataan yang telah kamu ucapkan.

6 Dan Alma berkata kepadanya lagi: Akankah kamu mentaati perintah-perintahku?

7 Dan dia berkata: Ya, aku akan mentaati perintah-perintahmu dengan segenap hatiku.

8 Kemudian Alma berkata kepadanya: Diberkatilah kamu; dan Tuhan akan memakmurkan kamu di negeri ini.

9 Tetapi lihatlah, aku memiliki sedikit untuk dinubuatkan kepadamu; tetapi apa yang aku nubuatkan kepadamu janganlah kamu singkapkan; ya, apa yang aku nubuatkan kepadamu janganlah disingkapkan, bahkan sampai nubuat ini digenapi; oleh itu tuliskanlah perkataan-perkataan yang akan aku katakan.

10 Dan inilah perkataan-perkataan itu: Lihatlah, aku merasa bahawa bangsa inilah, iaitu bangsa Nefi, menurut roh wahyu yang ada dalam diriku, dalam empat ratus tahun dari waktu ketika Yesus Kristus akan menyatakan diri-Nya kepada mereka, akan merosot dalam ketidakpercayaan.

11 Ya, dan pada waktu itu mereka akan melihat peperangan dan wabak, ya, kebuluran dan pertumpahan darah, bahkan sampai bangsa Nefi akan menjadi pupus—

12 Ya, dan ini kerana mereka akan merosot dalam ketidakpercayaan dan jatuh ke dalam kerja-kerja kegelapan, dan kegasangan, dan segala macam kederhakaan; ya,

aku berkata kepadamu, bahawa kerana mereka akan berdosa menentang cahaya dan pengetahuan yang demikian besar, ya, aku berkata kepadamu, bahawa dari hari itu, bahkan generasi keempat tidak akan semuanya berlalu sebelum kederhakaan besar ini akan datang.

13 Dan ketika hari yang agung itu tiba, lihatlah, waktunya sangat cepat tiba bahawa mereka yang sekarang, atau keturunan daripada mereka yang sekarang terbilang di kalangan bangsa Nefi, tidak akan terbilang lagi di kalangan bangsa Nefi.

14 Tetapi barang siapa yang tertinggal, dan tidak dihancurkan pada hari yang agung dan mengerikan itu, akan terbilang di kalangan bangsa Laman, dan akan menjadi seperti mereka, semuanya, kecuali beberapa yang akan digelar para pengikut Tuhan; dan mereka akanlah bangsa Laman kejar bahkan sampai mereka dibunuh. Dan sekarang, kerana kederhakaan, nubuat ini akan digenapi.

15 Dan sekarang, terjadilah bahawa setelah Alma telah mengatakan hal-hal ini kepada Helaman, dia memberkatinya, dan juga para puteranya yang lain; dan dia juga memberkati bumi demi kepentingan orang soleh.

16 Dan dia berkata: Demikianlah firman Tuhan Raja—Terkutuklah akan jadinya negeri ini, ya, negeri ini, bagi setiap negeri, kaum, bahasa, dan bangsa, pada kehancuran, yang melakukan

kejahatan, ketika mereka matang sepenuhnya; dan seperti yang telah aku katakan demikianlah itu akan terjadi; kerana inilah kutukan dan berkat daripada Tuhan ke atas negeri ini, kerana Tuhan tidak dapat memandang dosa walau dengan sedikit keizinan pun.

17 Dan sekarang, ketika Alma telah mengucapkan perkataan-perkataan ini dia memberkati gereja, ya, mereka semua yang akan berdiri teguh dalam iman mulai dari waktu itu.

18 Dan ketika Alma telah melakukan ini dia meninggalkan negeri Zarahemla, seolah-olah pergi ke negeri Melek. Dan terjadilah bahawa berkenaan dia tidaklah pernah terdengar lagi; sehubungan dengan kematian atau penguburannya kami tidak tahu berkenaannya.

19 Lihatlah, ini yang kami tahu, bahawa dia lelaki yang soleh; dan pernyataan tersebar luas di dalam gereja bahawa dia telah diangkat oleh Roh, atau dikebunkan oleh tangan Tuhan, bahkan seperti Musa. Tetapi lihatlah, tulisan-tulisan suci mengatakan Tuhan mengambil Musa kepada diri-Nya sendiri; dan kami kira bahawa Dia juga telah menerima Alma di dalam roh, kepada diri-Nya sendiri; oleh itu, disebabkan alasan ini kami tidak tahu apa pun berkenaan kematian dan pengebumiannya.

20 Dan sekarang, terjadilah pada permulaan tahun kesembilan belas zaman pemerintahan

hakim-hakim atas bangsa Nefi, bahawa Helaman pergi ke kalangan umat untuk memaklumkan firman kepada mereka.

21 Kerana lihatlah, kerana pepengajaran mereka melawan bangsa Laman dan banyaknya pertengkaran dan gangguan yang telah terjadi di kalangan umat itu, telah menjadi perlu bahawa firman Tuhan hendaknya dimaklumkan di kalangan mereka, ya, dan bahawa sebuah peraturan hendaknya dibuat di seluruh gereja.

22 Oleh itu, Helaman dan saudara-saudaranya pergi untuk menegakkan gereja kembali di seluruh negeri, ya, di setiap kota di seluruh negeri yang dikuasai oleh bangsa Nefi. Dan terjadilah bahawa mereka melantik para imam dan pengajar di seluruh negeri, atas semua jemaah.

23 Dan sekarang, terjadilah bahawa setelah Helaman dan saudara-saudaranya telah melantik para imam dan pengajar atas jemaah-jemaah bahawa timbullah suatu pertengkaran di kalangan mereka, dan mereka tidak mahu mengendahkan kata-kata Helaman dan saudara-saudaranya;

24 Tetapi mereka menjadi angkuh, terangkat-angkat dalam hati mereka, kerana kekayaan mereka yang amat besar; oleh itu mereka menjadi kaya di mata diri mereka sendiri, dan tidak mahu mengendahkan kata-kata mereka, untuk berjalan dengan tegak lurus di hadapan Tuhan.

BAB 46

Amalikia berkomplot untuk menjadi raja—Moroni mengangkat panji kemerdekaan—Dia memberi semangat kepada umat itu untuk mempertahankan agama mereka—Orang yang benar-benar percaya digelar orang Kristian—Sisa bani Yusufakan dilindungi—Amalikia dan para pembelot melarikan diri ke negeri Nefi—Mereka yang tidak mahu menyokong perjuangan kebebasan dihukum mati. Kira-kira 73–72 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa sebanyak yang tidak mahu mendengar kata-kata Helaman dan saudara-saudaranya berkumpul bersama menentang saudara-saudara mereka.

2 Dan sekarang, lihatlah, mereka amat berang, sedemikian rupa sehingga mereka bertekad untuk membunuh mereka.

3 Sekarang, pemimpin orang yang berang terhadap saudara-saudara mereka ialah seorang lelaki yang besar dan yang kuat; dan namanya Amalikia.

4 Dan Amalikia berhasrat untuk menjadi seorang raja; dan orang yang berang itu juga berhasrat agar dia hendaknya menjadi raja mereka; dan mereka, bahagian yang lebih banyak daripada mereka merupakan hakim-hakim yang lebih rendah di negeri itu, dan mereka sedang mencari kekuasaan.

5 Dan mereka telah dipengaruhi oleh kata-kata Amalikia yang mengangkat, bahawa jika mereka

akan menyokongnya dan menetakannya sebagai raja mereka maka dia akan menjadikan mereka penguasa atas bangsa itu.

6 Demikianlah mereka disesatkan oleh Amalikia kepada pembelotan, tidak mengira pengkhutbahan Helaman dan saudara-saudaranya, ya, tidak mengira penjagaan mereka yang amat banyak atas gereja, kerana mereka itu para imam tinggi atas gereja.

7 Dan ada banyak di gereja yang percaya pada kata-kata Amalikia yang mengangkat, oleh itu mereka membelot bahkan daripada gereja; dan demikianlah urusan bangsa Nefi amat genting dan berbahaya, tidak mengira kemenangan besar mereka yang telah mereka peroleh atas bangsa Laman, dan kesukacitaan besar mereka yang telah mereka peroleh kerana pembebasan mereka oleh tangan Tuhan.

8 Demikianlah kita melihat betapa cepatnya anak-anak manusia melupakan Tuhan Raja mereka, ya, betapa cepatnya untuk melakukan kederhakaan, dan untuk disesatkan oleh si jahat.

9 Ya, dan kita juga melihat kejahatan besar yang satu orang yang sangat jahat dapat sebabkan terjadi di kalangan anak-anak manusia.

10 Ya, kita melihat bahawa Amalikia, kerana dia orang yang penuh muslihat yang licik dan orang yang mengucapkan banyak kata-kata yang mengangkat, sehingga dia menyesatkan hati banyak orang untuk melakukan

kejahatan; ya, dan berupaya untuk menghancurkan gereja Tuhan, dan untuk menghancurkan asas kemerdekaan yang telah Tuhan berikan kepada mereka, atau berkat itu yang telah Tuhan hantarkan ke atas permukaan negeri itu demi kepentingan orang soleh.

11 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika Moroni, yang merupakan ketua utama tentera-tentera bangsa Nefi, telah mendengar tentang pembelotan-pembelotan ini, dia marah terhadap Amalikia.

12 Dan terjadilah bahawa dia mengoyakkan jubahnya; dan dia mengambil secebis darinya, dan menulis di atasnya—Sebagai ingatan akan Tuhan kita, agama kita, dan kebebasan, dan kedamaian kita, isteri-isteri kita, dan anak-anak kita—dan dia mengikatkannya pada hujung sebatang galah.

13 Dan dia mengikatkan ketopong besinya, dan perisai dadanya, dan perisainya, dan mengikatkan baju zirahnya di sekitar auratnya; dan dia mengambil galah itu, yang ada pada hujungnya jubahnya yang koyak, (dan dia menggellarnya panji kemerdekaan) dan dia membongkokkan dirinya ke tanah, dan dia berdoa dengan amat kuat kepada Tuhannya agar berkat-berkat kemerdekaan singgah atas saudara-saudaranya, selama adanya sekelompok orang Kristian yang tetap menguasai negeri itu—

14 Kerana demikianlah semua orang yang benar-benar percaya kepada Kristus, yang termasuk

dalam gereja Tuhan, digelar oleh mereka yang tidak termasuk dalam gereja.

15 Dan mereka yang menganggotai gereja adalah setia; ya, mereka semua yang merupakan orang yang benar-benar percaya kepada Kristus mengambil ke atas diri mereka, dengan gembira, nama Kristus, atau orang Kristian sebagaimana mereka digelar, kerana kepercayaan mereka kepada Kristus yang akan datang.

16 Dan oleh itu, pada waktu ini, Moroni berdoa agar perjuangan orang Kristian, dan kebebasan negeri akan disokong.

17 Dan terjadilah bahawa ketika dia telah mencurahkan jiwanya kepada Tuhan, dia menamakan seluruh negeri yang berada di selatan negeri Kemusnahan, ya, dan kesimpulannya, seluruh negeri itu, baik di utara mahupun di selatan—Sebuah negeri terpilih, dan negeri kemerdekaan.

18 Dan dia berkata: Pastilah Tuhan tidak akan membiarkan bahawa kita, yang diremehkan kerana kita mengambil ke atas diri kita nama Kristus, akan diinjak-injak dan dihancurkan, sampai kita mendatangkannya ke atas diri kita kerana pelanggaran kita sendiri.

19 Dan ketika Moroni telah mengucapkan perkataan-perkataan ini, dia pergi ke kalangan orang, melambaikan bahagian yang terkoyak dari pakaiannya di udara, agar semua boleh melihat tulisan yang telah dia tuliskan di atas bahagian yang terkoyak itu, dan

berseru dengan suara yang kuat, mengatakan:

20 Lihatlah, barang siapa yang mahu mempertahankan panji ini di atas negeri ini, biarlah mereka tampil dalam kekuatan Tuhan, dan masuk ke dalam sebuah perjanjian bahawa mereka akan mempertahankan hak mereka, dan agama mereka, agar Tuhan Raja boleh memberkati mereka.

21 Dan terjadilah bahawa ketika Moroni telah mengisytiharkan perkataan-perkataan ini, lihatlah, orang datang berlarian bersama baju zirah mereka terikat di sekitar aurat mereka, mengoyakkan pakaian mereka sebagai lambang, atau sebagai sebuah perjanjian, bahawa mereka tidak akan meninggalkan Tuhan Raja mereka; atau, dengan kata-kata lain, jika mereka melanggar perintah-perintah Tuhan, atau jatuh ke dalam pelanggaran, dan malu mengambil pada diri mereka nama Kristus, Tuhan akan mengoyakkan mereka bahkan seperti mereka telah mengoyak pakaian mereka.

22 Sekarang, inilah perjanjian yang mereka buat, dan mereka melemparkan pakaian mereka ke kaki Moroni, mengatakan: Kami membuat perjanjian dengan Tuhan kami, bahawa kami akan dihancurkan, bahkan seperti saudara-saudara kami di negeri sebelah utara, jika kami jatuh ke dalam pelanggaran; ya, Dia boleh melemparkan kami ke kaki musuh kami, bahkan sebagaimana kami telah melemparkan pakaian kami

ke kakimu untuk diinjak-injak di bawah kaki, jika kami jatuh ke dalam pelanggaran.

23 Moroni berkata kepada mereka: Lihatlah, kita sisa keturunan Yakub, ya, kita sisa keturunan Yusuf, yang jubahnya dikoyak-koyakkan oleh saudara-saudaranya menjadi banyak cabik; ya, dan sekarang lihatlah, marilah kita ingat untuk mentaati perintah-perintah Tuhan, atau pakaian kita akan dikoyak-koyak oleh saudara-saudara kita, dan kita dilemparkan ke dalam penjara, atau dijual, atau dibunuh.

24 Ya, marilah kita memelihara kemerdekaan kita sebagai sisa bani Yusuf; ya, marilah kita mengingat perkataan-perkataan Yakub, sebelum kematiannya, kerana lihatlah, dia melihat bahawa sebahagian sisa jubah Yusuf telah dipelihara dan tidak reput. Dan dia berkata—Bahkan sebagaimana sisa pakaian anak lelakiku ini telah dipelihara, demikian juga akanlah sisa keturunan anak lelakiku dipelihara oleh tangan Tuhan, dan diambil bagi diri-Nya sendiri, sementara sisa keturunan Yusuf akan binasa, bahkan seperti sisa pakaiannya.

25 Sekarang, lihatlah, ini memberi jiwaku dukacita; walaupun demikian, jiwaku merasakan sukacita dalam diri anak lelakiku, kerana bahagian itu daripada keturunannya yang akan dibawa kepada Tuhan.

26 Sekarang, lihatlah, inilah cara berbahasa Yakub.

27 Dan sekarang, entahlah jika

mungkin sisa keturunan Yusuf, yang akan binasa seperti pakaiannya, adalah mereka yang telah membelot daripada kita? Ya, dan bahkan diri kita sendiri juga jika kita tidak berdiri teguh dalam iman kepada Kristus.

28 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika Moroni telah mengucapkan perkataan-perkataan ini dia pergi, dan juga mengutus ke semua bahagian negeri di mana ada pembelotan, dan mengumpulkan bersama semua orang yang berhasrat untuk mempertahankan kemerdekaan mereka, untuk berdiri melawan Amalikia dan mereka yang telah membelot, yang dipanggil orang Amalikia.

29 Dan terjadilah bahawa ketika Amalikia melihat bahawa orang Moroni lebih banyak jumlahnya daripada orang Amalikia—dan dia juga melihat bahawa orangnya penuh ragu berkenaan kebenaran perjuangan itu yang telah mereka upayakan—oleh itu, takut bahawa dia tidak akan mencapai sasaran, dia membawa mereka yang mahu ikut daripada orangnya dan pergi ke negeri Nefi.

30 Sekarang, Moroni berfikir tidaklah wajar bahawa bangsa Laman akan memperoleh lebih banyak kekuatan lagi; oleh itu dia berfikir untuk memotong jalan orang Amalikia, atau untuk menangkap mereka dan membawa mereka kembali, dan menghukum mati Amalikia; ya, kerana dia tahu bahawa dia akan menghasut bangsa Laman menjadi marah

terhadap mereka, dan menyebabkan mereka datang untuk bertempur melawan mereka; dan ini dia tahu bahawa Amalikia akan melakukannya agar dia boleh mencapai tujuannya.

31 Oleh itu Moroni berfikir adalah wajar bahawa dia patut membawa tentera-tenteranya, yang telah berkumpul bersama, dan mempersenjatai diri mereka, dan masuk ke dalam sebuah perjanjian untuk menjaga perdamaian—dan terjadilah bahawa dia membawa tentera-tenteranya dan berkawat keluar bersama khemah-khemahnya ke padang belantara, untuk memotong laluan Amalikia di padang belantara.

32 Dan terjadilah bahawa dia melakukan menurut hasratnya, dan berkawat pergi ke padang belantara, dan memintas tentera Amalikia.

33 Dan terjadilah bahawa Amalikia melarikan diri dengan sejumlah kecil orangnya, dan yang tertinggal diserahkan ke dalam tangan Moroni dan dibawa kembali ke negeri Zarahemla.

34 Sekarang, Moroni kerana dialah lelaki yang dilantik oleh para hakim utama dan suara rakyat, oleh itu dia memiliki kuasa menurut kehendaknya terhadap tentera-tentera bangsa Nefi, untuk menegakkan wewenang dan untuk mengenakan pada diri mereka.

35 Dan terjadilah bahawa siapa pun di antara orang Amalikia yang tidak mahu masuk ke dalam sebuah perjanjian untuk menyokong

perjuangan kebebasan, agar mereka boleh mempertahankan sebuah pemerintahan yang bebas, dia suruh dihukum mati; dan hanya ada sedikit yang menolak perjanjian kebebasan.

36 Dan terjadilah juga, bahawa dia menyuruh supaya panji kemerdekaan dikibarkan di atas setiap menara yang ada di seluruh negeri, yang dimiliki oleh bangsa Nefi; dan demikianlah Moroni memasang panji kemerdekaan di kalangan bangsa Nefi.

37 Dan mereka mula mengalami kedamaian lagi di negeri itu; dan demikianlah mereka memelihara mempertahankan kedamaian di negeri itu sampai hampir akhir tahun kesembilan belas zaman pemerintahan hakim-hakim.

38 Dan Helaman dan para imam tinggi juga memelihara ketertiban di dalam gereja; ya, bahkan untuk tempoh masa empat tahun mereka mengalami banyak kedamaian dan kesukacitaan dalam gereja.

39 Dan terjadilah bahawa ada banyak yang mati, dengan teguh mempercayai bahawa jiwa mereka ditebus oleh Tuhan Yesus Kristus; demikianlah mereka pergi meninggalkan dunia dengan bersukacita.

40 Dan ada beberapa yang mati akibat demam, yang pada musim tertentu dalam tahun itu terjadi sangat kerap di negeri itu—tetapi tidak begitu banyak yang demikian akibat demam, kerana mutu yang unggul yang ada pada banyak tumbuhan dan akar yang telah Tuhan persiapkan untuk

membasmi sebab penyakit, yang menguasai manusia akibat sifat iklim—

41 Tetapi ada banyak yang mati kerana usia tua; dan mereka yang mati dalam iman kepada Kristus berbahagia di dalam Dia, seperti yang mesti perlu kita kira.

BAB 47

Amalikia menggunakan pengkhianatan, pembunuhan, dan komplot untuk menjadi raja bangsa Laman— Para pembelot bangsa Nefi lebih jahat dan garang daripada bangsa Laman. Kira-kira 72 tahun S.M.

SEKARANG, kami akan kembali dalam catatan kami ini kepada Amalikia dan mereka yang telah melarikan diri bersamanya ke padang belantara; kerana, lihatlah, dia telah membawa mereka yang pergi bersamanya, dan pergi ke negeri Nefi di kalangan bangsa Laman, dan menghasut bangsa Laman menjadi marah terhadap bangsa Nefi, sedemikian rupa sehingga raja bangsa Laman menghantarkan suatu perisytiharan ke seluruh negeri, ke kalangan semua rakyatnya, agar mereka hendaknya berkumpul bersama lagi untuk pergi bertempur melawan bangsa Nefi.

2 Dan terjadilah bahawa ketika perisytiharan itu telah tersebar luas di kalangan mereka, mereka amat takut; ya, mereka takut untuk membuat raja murka, dan mereka juga takut untuk pergi bertempur

melawan bangsa Nefi kalau-kalau mereka akan kehilangan nyawa mereka. Dan terjadilah bahawa mereka tidak mahu, atau bahagian yang lebih besar di antara mereka tidak mahu, mematuhi perintah-perintah raja.

3 Dan sekarang, terjadilah bahawa raja murka kerana ketidakpatuhan mereka; oleh itu dia memberikan Amalikia penguasaan atas bahagian itu daripada tenteranya yang patuh pada perintah-perintahnya, dan memerintahkannya agar dia hendaknya pergi dan memaksa mereka untuk mengangkat senjata.

4 Sekarang, lihatlah, inilah hasrat Amalikia; kerana dia seorang lelaki yang sangat cerdik untuk melakukan kejahatan, oleh itu dia mengatur rancangan dalam hatinya untuk menggulingkan raja bangsa Laman.

5 Dan sekarang, dia telah memperoleh penguasaan atas bahagian itu di antara bangsa Laman yang berpihak kepada raja; dan dia berupaya untuk memenangi hati mereka yang tidak patuh; oleh itu dia pergi ke tempat yang dipanggil Onida, kerana ke sanalah semua bangsa Laman telah melarikan diri; kerana mereka melihat tentera itu datang, mengira bahawa mereka datang untuk menghancurkan mereka, oleh itu mereka melarikan diri ke Onida, ke tempat persenjataan.

6 Dan mereka telah melantik seorang lelaki untuk menjadi raja dan pemimpin atas diri mereka,

bersitegang dalam fikiran mereka dengan suatu keputusan tegas bahawa mereka tidak akan ditundukkan untuk pergi melawan bangsa Nefi.

7 Dan terjadilah bahawa mereka telah berkumpul bersama di atas puncak gunung yang dipanggil Antipas, dalam persiapan untuk bertempur.

8 Sekarang, bukanlah maksud Amalikia untuk melibatkan mereka dalam pertempuran seperti yang diperintahkan raja; tetapi lihatlah, memanglah maksudnya untuk memenangi hati tentera-tentera bangsa Laman, agar dia boleh menempatkan dirinya sebagai ketua mereka dan menggulingkan raja dan mengambil penguasaan atas kerajaan.

9 Dan lihatlah, terjadilah bahawa dia menyuruh tenteranya mendirikan khemah-khemah mereka di lembah yang dekat dengan gunung Antipas.

10 Dan terjadilah bahawa ketika sudah malam dia menghantar seorang duta rahsia ke gunung Antipas, berhasrat agar pemimpin mereka yang berada di atas gunung, yang namanya ialah Lehonti, agar dia hendaknya turun ke kaki gunung, kerana dia berhasrat untuk berbicara dengannya.

11 Dan terjadilah bahawa ketika Lehonti menerima pesanan itu dia tidak berani turun ke kaki gunung. Dan terjadilah bahawa Amalikia menghantar lagi untuk kali keduanya, menghasratkan dia untuk turun. Dan terjadilah

bahawa Lehonti tidak mahu; dan dia menghantar lagi untuk kali ketiganya.

12 Dan terjadilah bahawa ketika Amalikia mendapati bahawa dia tidak dapat membuat Lehonti turun dari gunung, dia naik ke gunung, hampir ke perkhemahan Lehonti; dan dia menghantar lagi kali keempat pesannya kepada Lehonti, berhasrat agar dia turun, dan agar dia membawa para pengawalnya bersamanya.

13 Dan terjadilah bahawa ketika Lehonti telah turun bersama para pengawalnya kepada Amalikia, maka Amalikia menghasratkan dia untuk turun bersama tenteranya pada waktu malam, dan mengepung orang itu di perkhemahan mereka, yang atasnya raja telah memberinya penguasaan, dan bahawa dia akan menyerahkan mereka ke dalam tangan Lehonti, jika dia akan menjadikan dia (Amalikia) seorang pemimpin kedua atas seluruh tentera itu.

14 Dan terjadilah bahawa Lehonti turun bersama orangnya dan mengepung orang Amalikia, sehingga sebelum mereka bangun pada fajar hari mereka dikepung oleh tentera-tentera Lehonti.

15 Dan terjadilah bahawa ketika mereka melihat bahawa mereka dikepung, mereka memohon kepada Amalikia agar dia membiarkan mereka bergabung dengan saudara-saudara mereka, agar mereka tidak dihancurkan. Sekarang, inilah sebenarnya apa yang Amalikia hasratkan.

16 Dan terjadilah bahawa dia menyerahkan orangnya, bertentangan dengan perintah raja. Sekarang, inilah apa yang Amalikia hasratkan, agar dia boleh mencapai rancangannya dalam memakzulkan raja.

17 Sekarang, merupakan kebiasaan di kalangan bangsa Laman, jika pemimpin utama mereka terbunuh, untuk melantik pemimpin yang kedua menjadi pemimpin utama mereka.

18 Dan terjadilah bahawa Amalikia menyuruh agar salah seorang orang suruhannya hendaknya memberikan racun secara beransur-ansur kepada Lehonti, sehingga dia mati.

19 Sekarang, ketika Lehonti mati, bangsa Laman melantik Amalikia untuk menjadi pemimpin mereka dan ketua utama mereka.

20 Dan terjadilah bahawa Amalikia berkawat bersama tentera-tenteranya (kerana dia telah mencapai hasratnya) ke negeri Nefi, ke kota Nefi, iaitu kota utama.

21 Dan raja keluar untuk menemuinya bersama para pengawalnya, kerana dia mengira bahawa Amalikia telah memenuhi perintahnya, dan bahawa Amalikia telah mengumpulkan bersama demikian besar tentera untuk pergi melawan bangsa Nefi untuk bertempur.

22 Tetapi lihatlah, sewaktu raja keluar untuk menemuinya Amalikia menyuruh agar para orang suruhannya hendaknya

pergi untuk menemui raja. Dan mereka maju dan membongkokkan diri mereka di hadapan raja, seolah-olah menghormatinya kerana kebesarannya.

23 Dan terjadilah bahawa raja menghulurkan tangannya untuk membangunkan mereka, sebagaimana kebiasaan bangsa Laman, sebagai suatu lambang perdamaian, yang kebiasaan itu telah mereka ambil daripada bangsa Nefi.

24 Dan terjadilah bahawa ketika dia telah membangunkan yang pertama daripada tanah, lihatlah dia menikam raja di jantungnya; dan dia jatuh ke tanah.

25 Sekarang, para orang suruhan raja melarikan diri; dan para orang suruhan Amalikia melaungkan seruan, mengatakan:

26 Lihatlah, para orang suruhan raja telah menikamnya di jantungnya, dan dia telah jatuh dan mereka telah melarikan diri; lihatlah, datang dan saksikanlah.

27 Dan terjadilah bahawa Amalikia memerintahkan agar tentera-tenteranya hendaknya bergerak ke depan dan melihat apa yang telah terjadi pada raja; dan ketika mereka telah datang ke tempat itu, dan mendapati raja terlantar dalam darahnya sendiri, Amalikia berpura-pura berang, dan berkata: Barang siapa mengasihi raja, biarlah dia maju, dan mengejar para orang suruhannya agar mereka boleh dibunuh.

28 Dan terjadilah bahawa mereka semua yang mengasihi raja, ketika mereka mendengar kata-kata ini,

maju ke depan dan mengejar para orang suruhan raja.

29 Sekarang, ketika para orang suruhan raja melihat sepasukan tentera mengejar mereka, mereka ketakutan lagi, dan melarikan diri ke padang belantara, dan tiba di negeri Zarahemla dan bergabung dengan orang Amon.

30 Dan tentera yang mengejar mereka kembali, setelah mengejar mereka dengan sia-sia; dan demikianlah Amalikia, dengan penipuannya, merebut hati rakyat.

31 Dan terjadilah pada keesokan harinya dia memasuki kota Nefi bersama tenteranya, dan mengambil penguasaan atas kota itu.

32 Dan sekarang, terjadilah bahawa ratu, ketika dia telah mendengar bahawa raja terbunuh—kerana Amalikia telah mengutus seorang duta kepada ratu memberitahu dia bahawa raja telah dibunuh oleh para orang suruhannya, bahawa dia telah mengejar mereka bersama tenteranya, tetapi itu sia-sia, dan mereka telah membuat pelolosan diri mereka—

33 Oleh itu, ketika permaisuri telah menerima pesanan ini dia menghantar utusan kepada Amalikia, menghasratkannya agar dia hendaknya membiarkan orang di kota itu hidup; dan dia juga menghasratkannya agar dia hendaknya datang kepadanya; dan dia juga menghasratkannya agar dia hendaknya membawa para saksi bersamanya untuk bersaksi berkenaan kematian raja.

34 Dan terjadilah bahawa

Amalikia membawa orang suruhan yang sama yang membunuh raja, dan mereka semua yang berada bersamanya, dan datang kepada permaisuri, ke tempat di mana dia duduk; dan mereka semua bersaksi kepadanya bahawa raja dibunuh oleh para orang suruhannya sendiri; dan mereka berkata juga: Mereka telah melarikan diri; bukankah ini bersaksi menentang mereka? Dan demikianlah mereka memuaskan permaisuri berkenaan kematian raja.

35 Dan terjadilah bahawa Amalikia berupaya untuk memenangi hati ratu, dan mengambil dia bagi dirinya menjadi isteri; dan demikianlah dengan penipuannya, dan dengan bantuan para orang suruhannya yang licik, dia mendapatkan kerajaan; ya, dia diakui sebagai raja atas seluruh negeri, di kalangan semua bangsa Laman, yang terdiri daripada bangsa Laman dan orang Lemuel dan orang Ismael, dan semua pembelot daripada bangsa Nefi, dari masa pemerintahan Nefi hingga waktu sekarang.

36 Sekarang, para pembelot ini, mempunyai petunjuk yang sama dan maklumat yang sama daripada bangsa Nefi, ya, setelah diberi petunjuk dengan pengetahuan yang sama tentang Tuhan, walaupun demikian, adalah aneh untuk menuturkan, tidak lama selepas pembelotan mereka, mereka menjadi lebih keras dan tanpa rasa sesal, dan lebih liar, jahat dan garang daripada bangsa

Laman—meneguk habis adat resam bangsa Laman; mengalah pada kemalasan, dan segala macam kegasangan; ya, sama sekali melupakan Tuhan Raja mereka.

BAB 48

Amalikia menghasut bangsa Laman melawan bangsa Nefi—Moroni menyediakan bangsanya untuk membela perjuangan orang Kristian—Dia bersukacita dalam kemerdekaan dan kebebasan, dan dia pesuruh perkasa Tuhan. Kira-kira 72 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa, sebaik sahaja Amalikia telah mendapatkan kerajaan dia mula merangsangkan hati bangsa Laman menentang bangsa Nefi; ya, dia melantik orang lelaki untuk berbicara kepada bangsa Laman dari menara-menara mereka, menentang bangsa Nefi.

2 Dan demikianlah dia merangsangkan hati mereka menentang bangsa Nefi, sedemikian rupa sehingga pada penghujung tahun kesembilan belas zaman pemerintahan hakim-hakim, kerana dia telah mencapai rancangannya sejauh ini, ya, telah dijadikan raja atas bangsa Laman, dia berupaya juga untuk memerintah seluruh negeri, ya, dan semua orang yang berada di negeri itu, bangsa Nefi dan juga bangsa Laman.

3 Oleh itu dia telah mencapai rancangannya, kerana dia telah mengeraskan hati bangsa Laman dan membutakan fikiran mereka,

dan menghasut mereka menjadi marah, sedemikian rupa sehingga dia telah mengumpulkan bersama sejumlah besar bala tentera untuk pergi bertempur melawan bangsa Nefi.

4 Kerana dia bertekad, kerana besarnya jumlah orangnya, untuk mengalahkan bangsa Nefi dan membawa mereka ke dalam perhambaan.

5 Dan demikianlah dia melantik para panglima utama daripada orang Zoram, mereka yang paling mengenali kekuatan bangsa Nefi, dan tempat-tempat perlindungan mereka, dan bahagian-bahagian yang paling lemah di kota-kota mereka; oleh itu dia melantik mereka untuk menjadi panglima utama atas tenteranya.

6 Dan terjadilah bahawa mereka membawa perkhemahan mereka, dan bergerak maju menuju negeri Zarahemla di padang belantara.

7 Sekarang, terjadilah bahawa sementara Amalikia telah demikian mendapatkan kekuasaan dengan penipuan dan perdayaan, Moroni, sebaliknya, telah menyediakan fikiran bangsa itu untuk setia kepada Tuhan Raja mereka.

8 Ya, dia telah memperkuatkan tentera-tentera bangsa Nefi, dan mendirikan kubu-kubu kecil, atau tempat-tempat perlindungan; membangunkan benteng-benteng tanah di sekitarnya untuk mengurungkan tenteranya, dan juga membangunkan tembok-tembok batu untuk mengelilingi mereka, di sekitar kota-kota mereka dan

sempadan-sempadan negeri mereka; ya, sekitar seluruh negeri itu.

9 Dan di kubu-kubu pertahanan mereka yang paling lemah dia tempatkan jumlah orang yang lebih banyak; dan demikianlah dia mengubui dan memperkuat negeri yang dikuasai oleh bangsa Nefi.

10 Dan demikianlah dia bersiap untuk mempertahankan kemerdekaan mereka, negeri mereka, isteri-isteri mereka, dan anak-anak mereka, dan kedamaian mereka, dan agar mereka boleh hidup demi Tuhan Raja mereka, dan agar mereka boleh mempertahankan apa yang dipanggil oleh musuh mereka perjuangan orang Kristian.

11 Dan Moroni seorang lelaki yang kuat dan perkasa; dia seorang lelaki yang memiliki pengertian yang sempurna; ya, lelaki yang tidak gemar akan pertumpahan darah; lelaki yang jiwanya bersukacita dalam kemerdekaan dan kebebasan negerinya, dan saudara-saudaranya daripada penewanan dan perhambaan;

12 Ya, seorang lelaki yang hatinya menggembung dengan kesyukuran kepada Tuhannya, untuk banyaknya hak istimewa dan berkat yang Dia limpahkan ke atas umat-Nya; seorang lelaki yang bekerja dengan amat keras demi kesejahteraan dan keselamatan bangsanya.

13 Ya, dan dia seorang lelaki yang teguh dalam iman kepada Kristus, dan dia telah bersumpah dengan sebuah sumpah untuk membela bangsanya, haknya, dan negerinya,

dan agamanya, bahkan sampai hilangnya darahnya.

14 Sekarang, bangsa Nefi diajar untuk mempertahankan diri mereka terhadap musuh mereka, bahkan sampai pertumpahan darah jika perlu; ya, dan mereka juga diajar untuk langsung tidak melakukan serangan ya, dan untuk jangan sekali-kali mengangkat pedang kecuali untuk melawan musuh, kecuali untuk melindungi nyawa mereka.

15 Dan inilah iman mereka, bahawa dengan melakukan demikian Tuhan akan memakmurkan mereka di negeri itu, atau dengan kata-kata lain, jika mereka setia dalam mentaati perintah-perintah Tuhan maka Dia akan memakmurkan mereka di negeri itu; ya, memperingatkan mereka untuk melarikan diri, atau untuk bersiap untuk perang, menurut bahaya mereka;

16 Dan juga, bahawa Tuhan akan menyingkapkan kepada mereka ke mana hendaknya mereka pergi untuk mempertahankan diri mereka melawan musuh mereka, dan dengan melakukan demikian, Tuhan akan membebaskan mereka; dan inilah iman Moroni, dan hatinya bermegah di dalamnya; bukan dalam pertumpahan darah tetapi dalam melakukan yang baik, dalam melindungi bangsanya, ya, dalam mentaati perintah-perintah Tuhan, ya, dan melawan kederhakaan.

17 Ya, sesungguhnya-sungguhnya aku berkata kepadamu, jika semua orang dahulu, dan sekarang, dan

senantiasa, menyerupai Moroni, lihatlah, kekuatan neraka pun akan tergoncang selama-lamanya; ya, iblis sama sekali tidak akan memiliki kuasa atas hati anak-anak manusia.

18 Lihatlah, dia seorang lelaki seperti Amon, putera Mosia, ya, dan bahkan para putera Mosia yang lain, ya, dan juga Alma dan para puteranya, kerana mereka semua hamba Tuhan.

19 Sekarang, lihatlah, Helaman dan saudara-saudaranya tidak kurang bergunanya bagi umat daripada Moroni; kerana mereka mengkhutbahkan firman Tuhan, dan mereka membaptis untuk pertaubatan semua orang barang siapa akan mendengar perkataan-perkataan mereka.

20 Dan demikianlah mereka pergi, dan orang merendahkan hati mereka kerana perkataan-perkataan mereka, sedemikian rupa sehingga mereka sangat berkenan kepada Tuhan, dan demikianlah mereka bebas daripada peperangan dan perselisihan di kalangan mereka sendiri, ya, bahkan untuk tempoh masa empat tahun.

21 Tetapi, seperti yang telah aku katakan, pada penghujung tahun kesembilan belas, ya, tidak mengira kedamaian mereka di kalangan mereka sendiri, mereka terpaksa dengan keengganan bertempur melawan saudara-saudara mereka, bangsa Laman.

22 Ya, dan kesimpulannya, peperangan mereka tidak pernah berhenti untuk tempoh masa

bertahun-tahun lamanya melawan bangsa Laman, tidak mengira keengganan mereka yang besar.

23 Sekarang, mereka menyesal mengangkat senjata melawan bangsa Laman, kerana mereka tidak senang akan pertumpahan darah; ya, dan ini bukanlah semuanya—mereka menyesal menjadi sarana dalam menghantar sedemikian banyaknya saudara mereka keluar dari dunia ini ke suatu dunia abadi, tidak bersedia untuk menemui Tuhan mereka.

24 Walaupun demikian, mereka tidak dapat membiarkan penyerahan nyawa mereka, sehingga isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka akan dibunuh beramai-ramai oleh kekejaman gasar mereka yang dahulunya saudara-saudara mereka, ya, dan telah membelot daripada gereja mereka, dan telah meninggalkan mereka dan telah berniat untuk menghancurkan mereka dengan bergabung dengan bangsa Laman.

25 Ya, mereka tidak tahan bahawa saudara-saudara mereka akan bersukacita atas darah bangsa Nefi, selagi ada sesiapa pun yang akan mentaati perintah-perintah Tuhan, kerana janji Tuhan adalah, jika mereka akan mentaati perintah-perintah-Nya, mereka akan makmur di negeri itu.

BAB 49

Penceroboh-penceroboh bangsa Laman tidak dapat menakluk kota

Amoniha dan kota Nuh yang dikubui—Amalikia mengutuk Tuhan dan bersumpah untuk meminum darah Moroni—Helaman dan saudara-saudaranya terus menguatkan Gereja. Kira-kira 72 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa dalam bulan kesebelas tahun kesembilan belas, pada hari kesepuluh bulan itu, tentera-tentera bangsa Laman terlihat sedang mendekati negeri Amoniha.

2 Dan lihatlah, kota telah dibina kembali, dan Moroni telah menempatkan sepasukan tentera dekat sempadan-sempadan kota, dan mereka telah menimbunkan tanah di sekitarnya untuk melindungi mereka daripada anak panah dan batu bangsa Laman; kerana lihatlah, mereka bertempur dengan batu dan dengan anak panah.

3 Lihatlah, aku berkata bahawa Kota Amoniha telah dibina semula. Aku berkata kepadamu, ya, bahawa sebahagian daripadanya dibina semula; dan kerana bangsa Laman telah menghancurkannya sekali akibat kederhakaan bangsa itu, mereka mengira bahawa kota itu mudah menjadi mangsa mereka lagi.

4 Tetapi lihatlah, betapa besar kekecewaan mereka; kerana lihatlah, bangsa Nefi telah menggali permatang tanah di sekeliling mereka, yang begitu tingginya sehingga bangsa Laman tidak dapat melemparkan batu mereka dan anak panah mereka ke arah mereka agar itu memberi kesan, tidak juga

mereka dapat menyerang mereka kecuali melalui tempat jalan masuk mereka.

5 Sekarang, pada waktu ini para panglima utama bangsa Laman amat tercengang, kerana kebijaksanaan bangsa Nefi dalam mempersiapkan tempat-tempat perlindungan mereka.

6 Sekarang, para pemimpin bangsa Laman telah mengira, kerana besarnya jumlah mereka, ya, mereka mengira bahawa mereka akan mendapat kesempatan istimewa untuk menyerang mereka sebagaimana telah mereka lakukan sebelumnya; ya, dan mereka telah juga mempersiapkan diri mereka dengan perisai, dan dengan perisai dada; dan mereka telah juga mempersiapkan diri mereka dengan pakaian kulit, ya, pakaian yang sangat tebal untuk menutupi ketelanjangan mereka.

7 Dan dengan sedemikian bersiap sedia mereka mengira bahawa mereka akan dengan mudah mengalahkan dan menundukkan saudara-saudara mereka pada kuk perhambaan, atau menghapus dan membunuh mereka beramai-ramai dengan kejam menurut kesenangan mereka.

8 Tetapi lihatlah, yang membuat mereka benar-benar tercengang, mereka sedia melawan mereka, dengan suatu cara yang belum pernah diketahui di kalangan anak-anak Lehi. Sekarang, mereka sedia melawan bangsa Laman, untuk bertempur menurut cara petunjuk daripada Moroni.

9 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman, atau orang Amalikia, amat tercengang akan cara persiapan perang mereka.

10 Sekarang, jika raja Amalikia telah datang dari negeri Nefi, di depan tenteranya, barangkali dia akan menyuruh bangsa Laman untuk menyerang bangsa Nefi di kota Amonihah; kerana lihatlah, dia tidak peduli akan penumpahan darah bangsanya.

11 Tetapi lihatlah, Amalikia sendiri tidak datang untuk bertempur. Dan lihatlah, para panglima utamanya tidak berani menyerang bangsa Nefi di kota Amonihah, kerana Moroni telah mengubah cara pengelolaan urusan di kalangan bangsa Nefi, sedemikian rupa sehingga bangsa Laman kecewa dengan tempat-tempat perlindungan bangsa Nefi dan bangsa Laman tidak dapat menyerang mereka.

12 Oleh itu mereka mundur ke padang belantara, dan membawa perkhemahan mereka dan bergerak menuju negeri Nuh, mengira tempat itu merupakan tempat kedua terbaiknya bagi mereka untuk menyerang bangsa Nefi.

13 Kerana mereka tidak tahu bahawa Moroni telah mengubui, atau telah membina kubu-kubu perlindungan, untuk setiap kota di seluruh negeri sekitarnya; oleh itu, mereka bergerak menuju negeri Nuh dengan suatu tekad yang teguh; ya, para panglima utama mereka tampil ke depan dan mengambil sebuah sumpah

bahawa mereka akan menghancurkan rakyat kota itu.

14 Tetapi lihatlah, yang mengagumkan mereka, kota Nuh, yang sebelumnya telah merupakan sebuah tempat yang lemah, sekarang telah, disebabkan Moroni, menjadi kuat, ya, bahkan melampaui kekuatan kota Amonihah.

15 Dan sekarang, lihatlah, inilah kebijaksanaan menurut Moroni; kerana dia telah mengira bahawa mereka akan takut akan kota Amonihah; dan kerana kota Nuh sebelumnya telah merupakan bahagian yang paling lemah di negeri itu, oleh itu mereka akan berkawat ke sana untuk bertempur; dan demikianlah terjadi menurut hasratnya.

16 Dan lihatlah, Moroni telah melantik Lehi untuk menjadi panglima utama atas rakyat di kota itu; dan dia itu Lehi yang sama itu yang berperang melawan bangsa Laman di lembah sebelah timur sungai Sidon.

17 Dan sekarang, lihatlah terjadilah, bahawa ketika bangsa Laman telah mendapati bahawa Lehi mengetuai kota itu mereka kecewa lagi, kerana mereka amat takut akan Lehi; walaupun demikian para panglima utama mereka telah bersumpah dengan sebuah sumpah untuk menyerang kota itu; oleh itu, mereka membawa tentera mereka ke situ.

18 Sekarang lihatlah, bangsa Laman tidak dapat masuk ke dalam kubu-kubu perlindungan mereka melalui mana-mana jalan

lain pun kecuali melalui jalan masuk, kerana tingginya benteng yang telah ditimbunkan, dan kedalaman parit yang telah digali di sekitarnya, kecuali melalui jalan masuk.

19 Dan demikianlah bangsa Nefi bersiap sedia untuk menghancurkan mereka semua yang akan berusaha untuk memanjat memasuki kubu itu melalui mana-mana jalan lain pun, dengan melemparkan batu dan anak panah ke arah mereka.

20 Demikianlah mereka bersiap sedia, ya, sekelompok lelaki mereka yang paling kuat, dengan pedang mereka dan umban mereka, untuk menghantam jatuh semua orang yang akan berusaha masuk ke dalam tempat perlindungan mereka melalui tempat jalan masuk; dan demikianlah mereka bersiap sedia untuk mempertahankan diri mereka terhadap bangsa Laman.

21 Dan terjadilah bahawa para panglima bangsa Laman membawa tentera-tentera mereka ke hadapan tempat jalan masuk, dan mula melawan bangsa Nefi, untuk masuk ke dalam tempat perlindungan mereka; tetapi lihatlah, mereka dihalau mundur dari waktu ke waktu, sedemikian rupa sehingga mereka terbunuh dengan suatu pembantaian yang hebat.

22 Sekarang, ketika mereka mendapati bahawa mereka tidak dapat menguasai bangsa Nefi melalui laluan itu, mereka mula menggali benteng-benteng tanah mereka agar mereka boleh mendapatkan

suatu laluan bagi tentera-tentera mereka, agar mereka boleh dapat peluang yang setara untuk berperang; tetapi lihatlah, dalam usaha ini mereka tersapu habis oleh batu dan anak panah yang dilemparkan pada mereka, dan daripada mengisi parit-parit mereka dengan meruntuhkan benteng-benteng tanah, sebaliknya itu terisi sedikit sebanyak dengan mayat-mayat dan tubuh badan mereka yang tercedera.

23 Demikianlah bangsa Nefi memiliki segala kekuasaan atas musuh mereka; dan demikianlah bangsa Laman berusaha menghancurkan bangsa Nefi sampai para panglima utama mereka semuanya terbunuh; ya, dan lebih daripada seribu bangsa Laman terbunuh, sementara, sebaliknya, tidak ada satu jiwa pun di antara bangsa Nefi yang terbunuh.

24 Ada kira-kira lima puluh orang yang tercedera, yang telah terdedah pada anak panah bangsa Laman melalui laluan itu, tetapi mereka terlindung oleh perisai mereka, dan perisai dada mereka, dan ketopong besi mereka, sedemikian rupa sehingga luka-luka mereka berada pada tungkai kaki mereka, yang banyaknya sangat parah.

25 Dan terjadilah, bahawa ketika bangsa Laman melihat bahawa para panglima utama mereka semuanya terbunuh mereka melarikan diri ke padang belantara. Dan terjadilah bahawa mereka kembali ke negeri Nefi, untuk memberitahu raja mereka, Amalikia, yang

adalah bangsa Nefi berdasarkan kelahiran, berkenaan kekalahan mereka yang besar.

26 Dan terjadilah bahawa dia amatlah marah terhadap orangnya, kerana dia tidak mencapai hasratnya atas bangsa Nefi; dia tidak menundukkan mereka pada kuk perhambaan.

27 Ya, dia amat berang, dan dia mengutuk Tuhan, dan juga Moroni, bersumpah dengan sebuah sumpah bahawa dia akan meminum darahnya; dan ini kerana Moroni telah mentaati perintah-perintah Tuhan dalam persiapan menjaga keselamatan bangsanya.

28 Dan terjadilah, bahawa sebaliknya, bangsa Nefi bersyukur kepada Tuhan Raja mereka, kerana kuasa-Nya yang tiada bandingnya dalam membebaskan mereka daripada tangan musuh mereka.

29 Dan demikianlah berakhir tahun kesembilan belas zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi.

30 Ya, dan ada kedamaian berterusan di kalangan mereka, dan kemakmuran yang amat besar di dalam gereja kerana perhatian dan ketekunan mereka yang mereka tujukan pada firman Tuhan, yang dimaklumkan kepada mereka oleh Helaman, dan Siblon, dan Korianton, dan Amon dan saudara-saudaranya, ya, dan oleh mereka semua yang telah ditahbiskan melalui tarekat kudus Tuhan, dibaptis untuk pertaubatan, dan diutus untuk berkhotbah di kalangan bangsa itu.

BAB 50

Moroni mengubui wilayah-wilayah bangsa Nefi—Mereka membina banyak kota baru—Peperangan dan kehancuran menimpa bangsa Nefi pada masa kejahatan dan kekejian mereka—Morianton dan para pembelotnya dikalahkan oleh Teankum—Nefihati, dan puteranya Pahoran mengisi kerusi penghakiman. Kira-kira 72–67 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa Moroni tidak berhenti membuat persiapan untuk berperang, atau untuk mempertahankan bangsanya daripada bangsa Laman; kerana dia menyuruh agar tentera-tenteranya hendaknya bermula pada permulaan tahun kedua puluh zaman pemerintahan hakim-hakim, agar mereka hendaknya mula menggali untuk membina timbunan-timbunan tanah di sekitar setiap kota, di seluruh negeri yang dikuasai oleh bangsa Nefi.

2 Dan di atas puncak permatang-permatang tanah ini dia menyuruh agar hendaknya ada kayu balak, ya, binaan-binaan kayu balak dibina hingga ketinggian seorang lelaki, di sekitar kota-kota itu.

3 Dan dia menyuruh agar di atas binaan-binaan kayu balak itu hendaknya ada sebuah rangka pancang-pancang tajam dibina di atas kayu balak itu di sekitarnya; dan itu kuat dan tinggi.

4 Dan dia menyuruh agar menara-menara didirikan yang menghadap bangunan-bangunan

berpancang tajam, dan dia menyuruh tempat-tempat perlindungan dibina di atas menara-menara itu, agar batu dan anak panah bangsa Laman tidak dapat mencederakan mereka.

5 Dan itu disiap sediakan agar mereka dapat melemparkan batu dari puncaknya, menurut kesenangan mereka dan kekuatan mereka, dan membunuh dia yang akan berusaha untuk menghampiri tembok-tembok kota.

6 Demikianlah Moroni menyediakan kubu-kubu pertahanan menghadapi kedatangan musuh mereka, di sekitar setiap kota di seluruh negeri.

7 Dan terjadilah bahawa Moroni menyuruh agar tentera-tenteranya hendaknya pergi ke padang belantara timur; ya, dan mereka pergi dan menghalau semua bangsa Laman yang berada di padang belantara timur ke dalam wilayah-wilayah mereka sendiri, yang berada di selatan negeri Zarahemla.

8 Dan negeri Nefi terbentang pada suatu lintasan lurus dari laut timur ke barat.

9 Dan terjadilah bahawa ketika Moroni telah menghalau semua bangsa Laman keluar dari padang belantara timur, yang berada di utara dari negeri-negeri pemilikan mereka sendiri, dia menyuruh agar penghuni yang berada di negeri Zarahemla dan di wilayah sekitarnya hendaknya pergi ke padang belantara timur, bahkan sampai perbatasan di tepi pantai, dan menguasai negeri itu.

10 Dan dia juga menempatkan tentera-tentera di selatan, di sempadan-sempadan wilayah-wilayah mereka, dan menyuruh mereka untuk mendirikan kubu-kubu pertahanan agar mereka boleh melindungi tentera-tentera mereka dan bangsa mereka daripada tangan musuh mereka.

11 Dan demikianlah dia menyingkirkan semua kubu pertahanan bangsa Laman di padang belantara timur, ya, dan juga di barat, menggubai sempadan antara bangsa Nefi dan bangsa Laman, antara negeri Zarahemla dan negeri Nefi, dari laut barat, menyusuri hulu sungai Sidon—bangsa Nefi menguasai seluruh wilayah sebelah utara, ya, bahkan seluruh wilayah yang berada sebelah utara negeri Kelimpahan, menurut kesenangan mereka.

12 Demikianlah Moroni, bersama tentera-tenteranya, yang bertambah besar setiap hari kerana jaminan perlindungan yang dibawa oleh kerja-kerjanya bagi mereka, berupaya untuk menyingkirkan kekuatan dan kekuasaan bangsa Laman dari negeri-negeri pemilikan mereka, agar mereka hendaknya tidak berkuasa atas negeri-negeri pemilikan mereka.

13 Dan terjadilah bahawa bangsa Nefi memulakan penubuhan sebuah kota, dan mereka menggelar nama kota itu Moroni; dan kota itu berada dekat laut timur; dan kota itu berada di selatan dekat sempadan wilayah-wilayah pemilikan bangsa Laman.

14 Dan mereka juga memulakan asas bagi sebuah kota antara kota Moroni dan kota Harun, menggabungkan sempadan-sempadan Harun dan Moroni; dan mereka memanggil nama kota itu, atau negeri itu, Nefiha.

15 Dan mereka juga mula pada tahun yang sama itu membina banyak kota di utara, satu dengan suatu cara khusus yang mereka namakan Lehi, yang terletak di utara dekat perbatasan tepi pantai.

16 Dan demikianlah berakhir tahun kedua puluh.

17 Dan dalam keadaan makmur ini beradanya bangsa Nefi pada permulaan tahun kedua puluh dan satu zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi.

18 Dan mereka amat makmur, dan menjadi amat kaya; ya, mereka bertambah banyak dan menjadi kuat di negeri itu.

19 Dan demikianlah kita lihat betapa penuh belas kasihan dan adilnya segala urusan Tuhan, hingga digenapinya semua firman-Nya kepada anak-anak manusia; ya, kita dapat melihat bahawa firman-Nya terbukti, bahkan pada waktu ini, yang Dia firmankan kepada Lehi, memfirmankan:

20 Diberkatilah kamu dan anak-anakmu; dan mereka akan diberkati, sejauh mereka akan mentaati perintah-perintah-Ku mereka akan makmur di negeri ini. Tetapi ingatlah, sejauh mana mereka tidak akan mentaati perintah-perintah-Ku mereka akan disingkirkan dari hadirat Tuhan.

21 Dan kita lihat bahawa janji-janji ini telah dibuktikan kepada bangsa Nefi; kerana adalah pertengkaran mereka dan perselisihan mereka, ya, pembunuhan mereka, dan penjarahan mereka, pemujaan berhala mereka, dan pelacuran mereka, dan kekejian mereka, yang ada di kalangan mereka sendiri, yang mendatangkan kepada diri mereka peperangan-peperangan mereka dan kehancuran mereka.

22 Dan mereka yang setia dalam mentaati perintah-perintah Tuhan dibebaskan setiap kali, sedangkan ribuan saudara mereka yang jahat telah diserahkan pada perhambaan, atau untuk dibinasakan oleh pedang, atau untuk merosot dalam ketidakpercayaan, dan bergaul dengan bangsa Laman.

23 Tetapi lihatlah tidak pernah ada masa yang lebih bahagia di kalangan bangsa Nefi, sejak masa hidup Nefi, daripada masa hidup Moroni, ya, iaitu pada waktu ini, pada tahun kedua puluh dan satu zaman pemerintahan hakim-hakim.

24 Dan terjadilah bahawa tahun kedua puluh dan dua zaman pemerintahan hakim-hakim juga berakhir dalam kedamaian; ya, dan juga tahun kedua puluh dan tiga.

25 Dan terjadilah bahawa pada permulaan tahun kedua puluh dan empat zaman pemerintahan hakim-hakim, akan ada juga kedamaian di kalangan bangsa Nefi jika tidak berlakunya suatu perselisihan yang terjadi di kalangan mereka berkenaan negeri Lehi,

dan negeri Morianton, yang menyentuh sempadan Lehi; yang keduanya berada di perbatasan berdekatan tepi laut.

26 Kerana lihatlah, orang yang menguasai negeri Morianton menuntut sebahagian daripada negeri Lehi; oleh itu mulalah terjadi suatu perselisihan yang hangat di antara mereka, sedemikian rupa sehingga orang Morianton mengangkat senjata melawan saudara-saudara mereka, dan mereka bertekad dengan pedang untuk membunuh mereka.

27 Tetapi lihatlah, orang yang menguasai negeri Lehi melarikan diri ke perkhemahan Moroni, dan memohon kepadanya untuk bantuan; kerana lihatlah mereka tidak bersalah.

28 Dan terjadilah bahawa ketika orang Morianton, yang dipimpin oleh seorang lelaki yang bernama Morianton, mendapati bahawa orang Lehi telah melarikan diri ke perkhemahan Moroni, mereka amat takut jangan-jangan tentera Moroni akan menyerang mereka dan menghancurkan mereka.

29 Oleh itu, Morianton menaruhnya ke dalam hati mereka bahawa mereka hendaknya melarikan diri ke negeri yang berada di sebelah utara, yang diliputi oleh kawasan-kawasan perairan yang besar, dan mengambil penguasaan atas negeri yang berada di sebelah utara.

30 Dan lihatlah, mereka akan menjalankan rancangan ini, (yang akan menjadi suatu sebab untuk dikesali) tetapi lihatlah, Morianton

seorang lelaki yang panas hati, oleh itu dia marah terhadap salah seorang orang suruhan perempuannya, dia menyerangnya dan memukulnya berulang kali.

31 Dan terjadilah bahawa dia melarikan diri, dan datang ke perkhemahan Moroni, dan memberitahu Moroni segala sesuatu berkenaan masalah itu, dan juga berkenaan maksud mereka untuk melarikan diri ke negeri di sebelah utara.

32 Sekarang, lihatlah, orang yang berada di negeri Kelimpahan, atau lebih tepatnya negeri Moroni, berasa takut bahawa mereka akan mendengar perkataan-perkataan Morianton dan bersatu dengan orangnya, dan demikianlah dia akan memperoleh penguasaan atas bahagian-bahagian negeri itu, yang akan meletakkan suatu asas bagi akibat yang teruk di kalangan bangsa Nefi, ya, yang akibat itu akan menuntun kepada kejatuhan kemerdekaan mereka.

33 Oleh itu Moroni menghantar sepasukan tentera, bersama perkhemahan mereka, untuk memintas orang Morianton, untuk menghentikan pelarian mereka ke negeri di sebelah utara.

34 Dan terjadilah bahawa mereka tidak memintas mereka sampai mereka telah datang ke sempadan negeri Kemusnahan; dan di sana mereka memintas mereka, dekat laluan sempit yang menuju ke laut ke negeri di sebelah utara, ya, dekat laut, di barat dan di timur.

35 Dan terjadilah bahawa tentera yang dihantar oleh Moroni, yang

dipimpin oleh seorang lelaki yang bernama Teankum, menghadapi orang Morianton; dan sedemikian degilnya orang Morianton, dirangsangkan oleh kejahatannya dan kata-katanya yang mengangakat sehingga suatu pertempuran bermula antara mereka, yang di dalamnya Teankum membunuh Morianton dan mengalahkan tenteranya, dan menjadikan mereka orang tawanan, dan kembali ke perkhemahan Moroni. Dan demikianlah berakhir tahun kedua puluh dan empat zaman pemerintahan hamik-hakim atas bangsa Nefi.

36 Dan demikianlah orang Morianton dibawa pulang. Dan setelah pengikatan perjanjian mereka untuk memelihara perdamaian, mereka dikembalikan ke negeri Morianton, dan sebuah penyatuan terjadi antara mereka dan orang Lehi; dan mereka juga dikembalikan ke negeri-negeri mereka.

37 Dan terjadilah bahawa pada tahun yang sama ketika kedamaian telah dipulihkan kepada bangsa Nefi, bahawa Nefiha, hakim utama yang kedua, mati, setelah mengisi kerusi penghakiman dengan kelurusan hati yang sempurna di hadapan Tuhan.

38 Walaupun demikian, dia telah menolak permintaan Alma dan enggan mengambil tanggungjawab penjagaan catatan-catatan itu dan benda-benda itu yang dianggap oleh Alma dan nenek moyangnya sebagai yang paling

suci; oleh itu Alma telah menu-runkannya kepada puteranya, Helaman.

39 Lihatlah, terjadilah bahawa anak lelaki Nefiha dilantik untuk mengisi kerusi penghakiman, sebagai pengganti ayahnya; ya, dia dilantik sebagai hakim utama dan pentadbir atas rakyat, dengan sebuah sumpah dan tatacara suci untuk menghakimi dengan benar, dan untuk memelihara kedamaian dan kebebasan rakyat, dan memberikan kepada mereka hak istimewa suci mereka untuk menyembah Tuhan Raja mereka, ya, untuk menyokong dan memelihara perjuangan Tuhan sepanjang hidupnya, dan membawa yang jahat pada keadilan menurut jenayah mereka.

40 Sekarang, lihatlah, namanya Pahoran. Dan Pahoran mengisi kerusi ayahnya, dan memulakan pemerintahannya pada akhir tahun kedua puluh dan empat, atas bangsa Nefi.

BAB 51

Para penyokong raja berupaya mengubah hukum dan menempatkan seorang raja—Pahoran dan para penyokong kebebasan disokong oleh suara rakyat—Moroni memaksa para penyokong raja mempertahankan negeri mereka atau dihukum mati—Amalikia dan bangsa Laman merebut banyak kota yang dikubui—Teankum menangkis pencerobohan bangsa Laman dan membunuh Amalikia di

dalam khemahnya. Kira-kira 67-66 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah pada permulaan tahun kedua puluh dan lima zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi, mereka telah menegakkan perdamaian antara orang Lehi dan orang Morianton berkaitan dengan negeri-negeri mereka, dan telah memulakan tahun kedua puluh dan lima dalam kedamaian;

2 Walaupun demikian, mereka tidak lama mempertahankan kedamaian sepenuhnya di negeri itu, kerana mula terjadi suatu perselisihan di kalangan rakyat berkenaan hakim utama Pahoran; kerana lihatlah, ada sebahagian daripada rakyat yang berhasrat agar beberapa pokok tertentu dalam hukum hendaknya diubah.

3 Tetapi lihatlah, Pahoran tidak mahu mengubah atau membiarkan hukum diubah; oleh itu, dia tidak mendengar mereka yang telah menghantarkan suara mereka bersama permintaan tertulis berkenaan perubahan hukum.

4 Oleh itu, mereka yang berhasrat agar hukum hendaknya diubah marah terhadapnya, dan berhasrat agar dia hendaknya tidak lagi menjadi hakim utama atas negeri itu; oleh itu timbullah suatu perbantahan yang hangat berkenaan masalah itu, tetapi tidak sampai pada pertumpahan darah.

5 Dan terjadilah bahawa mereka yang berhasrat agar Pahoran hendaknya diturunkan dari kerusi

penghakiman digelar para penyokong raja, kerana mereka berhasrat agar hukum hendaknya diubah dengan suatu cara untuk menggulingkan kerajaan yang bebas dan untuk menetapkan seorang raja atas negeri itu.

6 Dan mereka yang berhasrat agar Pahoran hendaknya tetap sebagai hakim utama atas negeri itu mengambil pada diri mereka nama para penyokong kebebasan; dan demikianlah terjadi perpecahan di kalangan mereka, kerana para penyokong kebebasan telah bersumpah atau membuat perjanjian untuk mempertahankan hak mereka dan hak istimewa agama mereka melalui suatu pemerintahan yang bebas.

7 Dan terjadilah bahawa masalah perselisihan mereka ini diselesaikan melalui suara rakyat. Dan terjadilah bahawa suara rakyat berpihak kepada para penyokong kebebasan, dan Pahoran mempertahankan kerusi penghakiman, yang menyebabkan kesukacitaan yang besar di kalangan saudara-saudara Pahoran dan juga banyak daripada orang yang menyokong kemerdekaan, yang juga membungkam para penyokong raja, sehingga mereka tidak berani menentang tetapi terpaksa menyokong perjuangan kebebasan.

8 Sekarang, mereka yang berpihak kepada raja-raja merupakan mereka yang daripada kaum bangsawan, dan mereka berupaya untuk menjadi raja; dan mereka disokong oleh mereka

yang mengupayakan kekuasaan dan wewenang atas rakyat.

9 Tetapi lihatlah, ini masa yang genting bagi perselisihan seperti itu di kalangan bangsa Nefi; kerana lihatlah, Amalikia telah kembali menghasut hati bangsa Laman melawan bangsa Nefi, dan dia sedang mengumpulkan bersama para askar dari semua bahagian negerinya, dan mempersenjatai mereka, dan bersiap sedia untuk peperangan dengan segenap ketekunan; kerana dia telah bersumpah untuk meminum darah Moroni.

10 Tetapi lihatlah, kita akan lihat bahawa janjinya yang dia buat itu tergopoh-gopoh; walaupun demikian, dia mempersiapkan dirinya dan tentera-tenteranya untuk datang bertempur melawan bangsa Nefi.

11 Sekarang, tenteranya tidaklah demikian banyak seperti dahulu, kerana beribu-ribu orang yang telah dibunuh oleh tangan bangsa Nefi; tetapi tidak mengira kekalahan mereka yang besar, Amalikia telah mengumpulkan bersama tentera yang luar biasa besarnya, sedemikian rupa sehingga dia tidak merasa takut untuk pergi ke negeri Zarahemla.

12 Ya, bahkan Amalikia sendiri pergi, di depan bangsa Laman. Dan hal itu berlaku pada tahun kedua puluh dan lima zaman pemerintahan hakim-hakim; dan itu pada waktu yang sama ketika mereka telah mula menyelesaikan urusan perselisihan mereka berkenaan hakim utama, Pahoran.

13 Dan terjadilah bahawa ketika mereka yang disebut para penyokong raja telah mendengar bahawa bangsa Laman sedang datang untuk bertempur melawan mereka, mereka gembira dalam hati mereka; dan mereka enggan mengangkat senjata, kerana mereka demikian berang terhadap hakim utama, dan juga terhadap penyokong-penyokong kemerdekaan, sehingga mereka tidak mahu mengangkat senjata untuk mempertahankan negeri mereka.

14 Dan terjadilah bahawa ketika Moroni melihat ini, dan juga melihat bahawa bangsa Laman sedang datang ke sempadan negeri, dia amat berang kerana kedegilan bangsa itu yang telah dia layani dengan demikian penuh ketekunan untuk melindungi mereka; ya, dia amat berang; jiwanya dipenuhi kemarahan terhadap mereka.

15 Dan terjadilah bahawa dia mengirim suatu permintaan tertulis, dengan suara rakyat, kepada pentadbir negeri, menghasratkan agar dia hendaknya membacanya, dan memberi dia (Moroni) kuasa untuk memaksa para pembelot itu untuk mempertahankan negeri mereka atau untuk menghukum mati mereka.

16 Kerana kepentingannya yang pertama ialah untuk mengakhiri perselisihan dan pembelotan seperti itu di kalangan rakyat; kerana lihatlah, ini telah hingga kini menjadi suatu sebab keseluruhan kehancuran mereka. Dan terjadilah

bahawa hal itu dikabulkan menurut suara rakyat.

17 Dan terjadilah bahawa Moroni memerintahkan agar tenteranya hendaknya pergi melawan para penyokong raja itu, untuk menumpaskan keangkuhan mereka dan kebangsawanan mereka dan meratakan mereka sampai ke tanah, atau mereka hendaknya mengangkat senjata dan menyokong perjuangan kemerdekaan.

18 Dan terjadilah bahawa tentera itu berkawat pergi melawan mereka; dan mereka merobohkan keangkuhan mereka dan kebangsawanan mereka, sedemikian rupa sehingga sewaktu mereka mengangkat senjata peperangan mereka untuk berperang melawan orangnya Moroni mereka ditebang dan diratakan sampai ke tanah.

19 Dan terjadilah bahawa ada empat ribu daripada para pembelot itu yang ditebas dengan pedang; dan mereka daripada para pemimpin mereka yang tidak terbunuh dalam pertempuran ditangkap dan dilemparkan ke dalam penjara, kerana tidak ada masa untuk pengadilan mereka pada tempoh masa ini.

20 Dan sisa daripada para pembelot itu, daripada dihentam jatuh ke tanah dengan pedang, menyerah pada panji kemerdekaan, dan dipaksa mengibarkan panji kemerdekaan di atas menara-menara mereka, dan di kota-kota mereka, dan mengangkat senjata untuk pertahanan negeri mereka.

21 Dan demikianlah Moroni

menghapuskan para penyokong raja itu, sehingga tidak ada seorang pun yang dikenal dengan gelaran para penyokong raja; dan demikianlah dia menghapuskan kedegilan dan keangkuhan orang itu yang mengaku berdarah bangsawan; tetapi mereka dibawa turun untuk merendahkan hati mereka seperti saudara-saudara mereka, dan untuk bertempur dengan gagah berani demi kebebasan mereka daripada perhambaan.

22 Lihatlah, terjadilah bahawa sementara Moroni sedang demikian menumpas peperangan dan perselisihan di kalangan bangsanya sendiri, dan menundukkan mereka pada kedamaian dan peradaban, dan membuat peraturan-peraturan untuk bersiap sedia untuk peperangan melawan bangsa Laman, lihatlah, bangsa Laman telah datang ke negeri Moroni, yang berada di perbatasan di tepi pantai.

23 Dan terjadilah bahawa bangsa Nefi tidaklah cukup kuat di kota Moroni; oleh itu Amalikia menghalau mereka, membunuh banyak orang. Dan terjadilah bahawa Amalikia mengambil penguasaan atas kota itu, ya, penguasaan atas semua perkubuan mereka.

24 Dan mereka yang melarikan diri dari kota Moroni datang ke kota Nefi; dan juga penduduk kota Lehi juga berkumpul bersama, dan membuat persiapan dan sedia menghadap bangsa Laman untuk bertempur.

25 Tetapi terjadilah bahawa Amalikia tidak membiarkan

bangsa Laman pergi menuju kota Nefiha untuk bertempur, tetapi menahan mereka dekat tepi laut, meninggalkan orang di setiap kota untuk menjaga dan mempertahannya.

26 Dan demikianlah dia berterusan, menguasai banyak kota, kota Nefiha, dan kota Lehi, dan kota Morianton, dan kota Omner, dan kota Gid, dan kota Mulek, yang semuanya berada di perbatasan timur dekat tepi laut.

27 Dan demikianlah telah bangsa Laman memperoleh, melalui kelicikan Amalikia, demikian banyak kota, dengan bala tentara mereka yang tak terbilang jumlahnya, yang semuanya dengan kuat dikubui menurut cara perkubuan Moroni; yang semuanya menyediakan kubu-kubu pertahanan bagi bangsa Laman.

28 Dan terjadilah bahawa mereka berkawat ke sempadan negeri Kelimpahan, menghalau bangsa Nefi di hadapan mereka dan membunuh banyak orang.

29 Tetapi terjadilah bahawa mereka dihadapi oleh Teankum, yang telah membunuh Morianton dan telah memintas orangnya dalam pelariannya.

30 Dan terjadilah bahawa dia memintas Amalikia juga, sewaktu dia sedang berbaris maju bersama tenteranya yang banyak agar dia boleh mengambil penguasaan atas negeri Kelimpahan, dan juga negeri di sebelah utara.

31 Tetapi lihatlah dia menemui kekecewaan kerana ditangkis oleh

Teankum dan orangnya, kerana mereka pejuang hebat; kerana setiap orang Teankum melebihi bangsa Laman dalam kekuatan mereka dan dalam kemahiran berperang mereka, sedemikian rupa sehingga mereka mendapat kelebihan atas bangsa Laman.

32 Dan terjadilah bahawa mereka mengacaukan mereka, sedemikian rupa sehingga mereka membunuh mereka bahkan sampai hari sudah gelap. Dan terjadilah bahawa Teankum dan orangnya mendirikan khemah-khemah mereka di perbatasan negeri Kelimpahan; dan Amalikia mendirikan khemah-khemahnya di perbatasan di pantai dekat tepi laut, dan menurut cara ini mereka dihalau.

33 Dan terjadilah bahawa ketika waktu malam telah tiba, Teankum dan orang suruhannya menyelinap dan pergi keluar pada waktu malam, dan pergi ke dalam perkhemahan Amalikia; dan lihatlah, tidur telah menguasai mereka kerana keletihan mereka yang hebat, yang disebabkan oleh kerja dan kepanasan hari itu.

34 Dan terjadilah bahawa Teankum menyelinap secara rahsia ke dalam khemah raja, dan menikamkan sebatang lembing ke jantungnya; dan dia menyebabkan kematian raja dengan segera sehingga dia tidak membangunkan para orang suruhannya.

35 Dan dia kembali lagi secara rahsia ke perkhemahannya sendiri, dan lihatlah, orangnya sedang tidur, dan dia membangunkan

mereka dan memberitahu mereka segala sesuatu yang telah dia lakukan.

36 Dan dia menyuruh agar tenteranya hendaknya berada dalam kesiapsediaan, jangan-jangan bangsa Laman telah bangun dan akan menyerang mereka.

37 Dan demikianlah berakhirnya tahun kedua puluh dan lima zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi; dan demikianlah berakhir masa hidup Amalikia.

BAB 52

Amoron menggantikan Amalikia sebagai raja bangsa Laman—Moroni, Teankum, dan Lehi memimpin bangsa Nefi dalam suatu peperangan yang berjaya melawan bangsa Laman—Kota Mulek direbut kembali, dan Yakub si orang Zoram terbunuh. Kira-kira 66–64 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah pada tahun kedua puluh dan enam zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi, lihatlah, ketika bangsa Laman bangun pada pagi pertama bulan pertama, lihatlah, mereka mendapati Amalikia mati di dalam khemahnya sendiri; dan mereka juga melihat bahawa Teankum sedia untuk bertempur melawan mereka pada hari itu.

2 Dan sekarang, ketika bangsa Laman melihat ini mereka ketakutan; dan mereka meninggalkan rancangan mereka untuk berangkat ke negeri di sebelah utara, dan mundur bersama seluruh

tentera mereka ke kota Mulek, dan mencari perlindungan dalam perkubuan mereka.

3 Dan terjadilah bahawa saudara Amalikia dilantik sebagai raja atas bangsa itu; dan namanya Amoron; demikianlah raja Amoron, saudara raja Amalikia, dilantik untuk memerintah sebagai penggantinya.

4 Dan terjadilah bahawa dia memerintahkan agar rakyatnya mengawal kota-kota itu, yang telah mereka rebut melalui pertumpahan darah; kerana mereka tidak merebut kota mana pun kecuali mereka telah kehilangan banyak darah.

5 Dan sekarang, Teankum melihat bahawa bangsa Laman berazam untuk mengawal kota-kota itu yang telah mereka rebut, dan bahagian-bahagian negeri itu yang telah mereka dapat kuasai; dan juga melihat betapa besarnya jumlah mereka, Teankum berfikir tidaklah wajar bahawa dia berusaha untuk menyerang mereka di dalam kubu-kubu mereka.

6 Tetapi dia menempatkan orangnya di sekitarnya, seolah-olah sedang membuat persiapan untuk peperangan; ya, dan sebenarnya dia sedang bersiap sedia untuk mempertahankan dirinya terhadap mereka, dengan membina tembok-tembok di sekitarnya dan mempersiapkan tempat-tempat perlindungan.

7 Dan terjadilah bahawa dia tetap demikian bersiap sedia untuk peperangan sampai Moroni telah menghantarkan sejumlah

besar orang untuk menguatkan tenteranya.

8 Dan Moroni juga mengirinkan perintah kepadanya bahawa dia hendaknya menahan semua orang tawanan yang jatuh ke dalam tangannya; kerana sebagaimana bangsa Laman telah menangkap banyak orang tawanan, maka dia hendaknya menahan semua orang tawanan bangsa Laman sebagai tebusan bagi mereka yang telah ditangkap oleh bangsa Laman.

9 Dan dia juga menghantar perintah kepadanya bahawa dia hendaknya mengubui negeri Kelimpahan, dan mempertahankan laluan sempit yang menuju ke negeri di sebelah utara, agar bangsa Laman tidak akan memperolehi tempat itu dan berkebolehan mengacau mereka dari setiap sisi.

10 Dan Moroni juga menghantar kepadanya, menghasratkannya agar dia akan setia dalam mempertahankan penjuru negeri itu, dan agar dia akan mencari setiap kesempatan untuk mencambuk bangsa Laman di penjuru itu, sebanyak yang mampu, agar barangkali dia boleh merebut kembali dengan tipu muslihat atau suatu cara lain kota-kota itu yang telah direbut daripada tangan mereka; dan agar dia juga akan mengubui dan memperkuatkan kota-kota di sekitarnya, yang belum jatuh ke dalam tangan bangsa Laman.

11 Dan dia juga berkata kepadanya, aku mahu datang kepadamu, tetapi lihatlah, bangsa Laman menyerang kami di sempadan negeri

dekat laut barat; dan lihatlah, aku pergi melawan mereka, oleh itu aku tidak dapat datang kepadamu.

12 Sekarang, raja (Amoron) telah berangkat dari negeri Zarahemla, dan telah menyingkapkan kepada permaisuri berkenaan kematian saudaranya, dan telah mengumpulkan bersama sejumlah besar orang, dan telah berkawat pergi melawan bangsa Nefi di sempadan dekat laut barat.

13 Dan demikianlah dia berikhtiar untuk mengacaukan bangsa Nefi, dan untuk menarik sebahagian daripada tentera mereka ke bahagian negeri itu, sementara dia telah memerintahkan mereka yang telah dia tinggalkan untuk menguasai kota-kota yang telah dia rebut, bahawa mereka hendaknya juga mengacaukan bangsa Nefi di sempadan dekat laut timur, dan hendaknya mengambil penguasaan atas wilayah-wilayah mereka sebanyak yang mampu, menurut kekuatan tentera-tentera mereka.

14 Dan demikian beradanya bangsa Nefi dalam keadaan yang berbahaya itu pada akhir tahun kedua puluh dan enam zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi.

15 Tetapi lihatlah, terjadilah pada tahun kedua puluh dan tujuh zaman pemerintahan hakim-hakim, bahawa Teankum, atas perintah Moroni—yang telah menegakkan tentera-tentera untuk melindungi sempadan-sempadan selatan dan barat negeri itu, dan telah mula berkawat menuju

negeri Kelimpahan, agar dia dapat membantu Teankum bersama orangnya dalam merebut kembali kota-kota yang telah hilang daripada mereka—

16 Dan terjadilah bahawa Teankum telah menerima perintah untuk menjalankan serangan ke atas Kota Mulek, dan merebutnya kembali jika mungkin.

17 Dan terjadilah bahawa Teankum membuat persiapan untuk menjalankan serangan ke atas Kota Mulek, dan berkawat pergi bersama tenteranya melawan bangsa Laman; tetapi dia melihat bahawa tidaklah mungkin bahawa dia dapat mengalahkan mereka selagi mereka berada di dalam perkubuan mereka; oleh itu dia menghentikan rancangannya dan kembali lagi ke kota Kelimpahan, untuk menunggu kedatangan Moroni, agar dia boleh menerima kekuatan bagi tenteranya.

18 Dan terjadilah bahawa Moroni tiba bersama tenteranya di negeri Kelimpahan, pada penghujung tahun kedua puluh dan tujuh zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi.

19 Dan pada permulaan tahun kedua puluh dan lapan, Moroni dan Teankum dan banyak daripada para panglima utama mengadakan suatu dewan peperangan—apa yang hendaknya mereka lakukan untuk menyebabkan bangsa Laman keluar untuk bertempur melawan mereka; atau agar mereka boleh dengan sesuatu cara memujuk mereka keluar dari

kubu-kubu pertahanan mereka, agar mereka boleh mendapat kelebihan atas mereka dan merebut kembali kota Mulek.

20 Dan terjadilah mereka menghantar para duta kepada tentera bangsa Laman, yang mempertahankan kota Mulek, kepada pemimpin mereka, yang bernama Yakub, berhasrat agar dia akan keluar bersama tenteranya untuk menghadapi mereka di atas dataran antara kedua kota itu. Tetapi lihatlah, Yakub, yang adalah orang Zoram, tidak mahu keluar bersama tenteranya untuk menghadapi mereka di atas dataran itu.

21 Dan terjadilah bahawa Moroni, kerana tidak memiliki harapan untuk menghadapi mereka dalam keadaan yang saksama, oleh itu, dia memutuskan sebuah rancangan agar dia boleh memancing bangsa Laman keluar dari kubu-kubu pertahanan mereka.

22 Oleh itu dia menyuruh agar Teankum membawa sejumlah kecil orangnya dan berkawat turun dekat tepi laut; dan Moroni dan tenteranya, pada malam hari, berkawat di padang belantara, di barat kota Mulek; dan demikianlah, pada keesokan harinya, ketika para pengawal bangsa Laman telah menemukan Teankum, mereka lari dan memberitahukannya kepada Yakub, pemimpin mereka.

23 Dan terjadilah bahawa tentera tentera bangsa Laman berkawat pergi melawan Teankum, mengira dengan jumlah mereka dapat mengalahkan Teankum kerana

kecilnya jumlah orangnya. Dan apabila Teankum melihat tentera bangsa Laman keluar melawannya dia mula berundur turun dekat tepi laut, di sebelah utara.

24 Dan terjadilah bahawa ketika bangsa Laman melihat bahawa dia mula melarikan diri, mereka menjadi berani dan mengejar mereka dengan bersemangat. Dan sementara Teankum demikian menuntun bangsa Laman yang sedang mengejar mereka dengan sia-sia, lihatlah, Moroni memerintahkan agar sebahagian daripada tenteranya yang berada bersamanya hendaknya berkawat pergi ke dalam kota, dan mengambil penguasaan atasnya.

25 Dan demikianlah mereka lakukan, dan membunuh mereka semua yang telah ditinggalkan untuk melindungi kota itu, ya, mereka semua yang tidak mahu menyerahkan senjata peperangan mereka.

26 Dan demikianlah Moroni telah menguasai kota Mulek dengan sebahagian daripada tenteranya, sementara dia berkawat bersama yang tertinggal untuk menghadapi bangsa Laman ketika mereka kembali daripada mengejar Teankum.

27 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman mengejar Teankum sampai mereka tiba dekat kota Kelimpahan, dan kemudian mereka dihadapi oleh Lehi dan sebuah tentera kecil, yang telah ditinggalkan untuk melindungi kota Kelimpahan.

28 Dan sekarang, lihatlah, ketika

para panglima utama bangsa Laman telah melihat Lehi bersama tenteranya datang melawan mereka, mereka melarikan diri dalam keadaan sangat kelamkabut, takut kalau-kalau mereka tidak akan mencapai kota Mulek sebelum Lehi akan memintas mereka; kerana mereka lelah kerana berkawat, dan orang Lehi segar.

29 Sekarang, bangsa Laman tidak tahu bahawa Moroni telah berada di belakang mereka bersama tenteranya; dan yang mereka takuti hanyalah Lehi bersama orangnya.

30 Sekarang, Lehi tidak berhasrat untuk memintas mereka sehingga mereka menghadapi Moroni dan tenteranya.

31 Dan terjadilah bahawa sebelum bangsa Laman telah berundur jauh mereka dikepung oleh bangsa Nefi, oleh orang Moroni dari satu arah, dan orang Lehi dari arah yang lain, yang semuanya segar dan penuh kekuatan; tetapi bangsa Laman lelah kerana telah berkawat jauh.

32 Dan Moroni memerintahkan orangnya agar mereka hendaknya menyerang mereka sampai mereka menyerahkan senjata perang mereka.

33 Dan terjadilah bahawa Yakub, sebagai pemimpin mereka, yang juga orang Zoram, dan memiliki semangat yang tidak dapat ditaklukkan, dia memimpin bangsa Laman maju untuk bertempur dengan keberangan yang amat sangat melawan Moroni.

34 Moroni berada pada laluan

berkawat mereka, oleh itu Yakub berazam untuk membunuh mereka dan memotong laluan mereka hingga ke kota Mulek. Tetapi lihatlah, Moroni dan orangnya lebih kuat; oleh itu mereka tidak menyerah kalah kepada bangsa Laman.

35 Dan terjadilah bahawa mereka bertempur di kedua belah pihak dengan keberangan yang amat sangat; dan ada banyak yang terbunuh di kedua belah pihak; ya, dan Moroni terluka dan Yakub terbunuh.

36 Dan Lehi melancarkan serangan hebat di bahagian belakang mereka dengan keberangan yang sedemikian besar bersama orang kuatnya, sehingga bangsa Laman yang berada di bahagian belakang menyerahkan senjata peperangan mereka; dan mereka yang tertinggal, yang kelim-kabut, tidak tahu ke mana harus pergi atau menyerang.

37 Sekarang, Moroni melihat kelim-kabut mereka, dia berkata kepada mereka: Jika kamu akan membawa ke sini senjata peperanganmu dan menyerahkannya, lihatlah kami akan menahan diri daripada menumpahkan darahmu.

38 Dan terjadilah bahawa ketika bangsa Laman telah mendengar perkataan-perkataan ini, para panglima utama mereka, mereka semua yang tidak terbunuh, maju ke depan dan melemparkan senjata peperangan mereka ke kaki Moroni, dan juga memerintahkan orang mereka agar

mereka hendaknya melakukan sedemikian.

39 Tetapi lihatlah, ada banyak yang tidak mahu; dan mereka yang tidak mahu menyerahkan pedang mereka ditangkap dan diikat, dan senjata peperangan mereka diambil dari mereka, dan mereka dipaksa untuk berkawat pergi bersama saudara-saudara mereka ke negeri Kelimpahan.

40 Dan sekarang, jumlah orang tawanan yang ditangkap melampaui lebih daripada jumlah mereka yang telah terbunuh, ya, lebih banyak daripada mereka yang telah terbunuh di kedua belah pihak.

BAB 53

Para tawanan bangsa Laman digunakan untuk mengubui kota Kelimpahan—Pembelotan di kalangan bangsa Nefi mendatangkan kemenangan bagi bangsa Laman—Helaman memimpin dua ribu putera teruna orang Amon. Kira-kira 64–63 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa mereka menempatkan pengawal atas para tawanan bangsa Laman, dan memaksa mereka untuk pergi dan mengebumikan orang mati mereka, ya, dan juga yang mati daripada bangsa Nefi yang terbunuh; dan Moroni menugaskan orang atas diri mereka untuk mengawal mereka sementara mereka melaksanakan kerja mereka.

2 Dan Moroni pergi ke kota Mulek bersama Lehi, dan menguasai

kota itu dan memberikannya kepada Lehi. Sekarang, lihatlah, Lehi ini seorang lelaki yang telah berada bersama Moroni dalam kebanyakan daripada kesemua pertempurannya; dan dia lelaki yang seperti Moroni, dan mereka bersukacita dalam keselamatan satu sama lain; ya, mereka dikasihi oleh satu sama lain, dan juga dikasihi oleh semua bangsa Nefi.

3 Dan terjadilah bahawa setelah bangsa Laman habis mengebumikan orang mati mereka dan juga yang mati daripada bangsa Nefi, mereka dibawa kembali ke negeri Kelimpahan; dan Teankum, atas perintah Moroni, menyuruh agar mereka hendaknya mula bekerja menggali sebuah parit mengitari negeri, atau kota, Kelimpahan.

4 Dan dia menyuruh agar mereka hendaknya membina tembok daripada kayu balak di atas tebing parit yang dekat kota; dan mereka menimbunkan tanah dari parit pada tembok kayu itu; dan demikianlah mereka menyuruh bangsa Laman bekerja sampai mereka telah mengelilingi kota Kelimpahan di sekitarnya dengan sebuah tembok kuat daripada kayu balak dan tanah, sampai suatu ketinggian yang amat sangat.

5 Dan kota ini menjadi sebuah kubu pertahanan yang amat kuat buat selama-lamanya; dan di dalam kota ini mereka menjaga para tawanan bangsa Laman; ya, bahkan di sebelah dalam tembok yang telah mereka suruh mereka bina dengan tangan mereka

sendiri. Sekarang, Moroni terpaksa menyuruh bangsa Laman bekerja, kerana mudah untuk menjaga mereka semasa dalam kerja mereka; dan dia berhasrat bahawa semua pasukan tenteranya akan bersama dengannya ketika dia menjalankan serangan ke atas bangsa Laman.

6 Dan terjadilah bahawa Moroni telah demikian memperoleh suatu kemenangan atas salah satu tentera terbesar bangsa Laman, dan telah memperoleh kekuasaan atas kota Mulek, iaitu salah sebuah kubu terkuat bangsa Laman di negeri Nefi; dan demikianlah dia juga telah membangun sebuah kubu pertahanan untuk menahan para tawanannya.

7 Dan terjadilah bahawa dia tidak lagi mengusahakan pertempuran melawan bangsa Laman pada tahun itu, tetapi dia menggunakan orangnya untuk bersedia untuk peperangan, ya, dan dalam membuat perkubuan untuk berjaga-jaga terhadap bangsa Laman, ya, dan juga membebaskan kaum wanita mereka dan anak-anak mereka daripada kebuluran dan kesengsaraan, dan menyediakan makanan bagi tentera-tentera mereka.

8 Dan sekarang, terjadilah bahawa tentera-tentera bangsa Laman, di laut barat, selatan, semasa ketiadaan Moroni kerana suatu komplot di kalangan bangsa Nefi, yang menyebabkan pembelotan di kalangan mereka, telah memperolehi kelebihan atas bangsa Nefi, ya, sedemikian rupa sehingga mereka telah menguasai

sejumlah beberapa kota mereka di bahagian itu di negeri itu.

9 Dan demikianlah kerana ke-derhakaan di kalangan mereka sendiri, ya, kerana pembelotan dan komplot di kalangan mereka sendiri mereka ditempatkan dalam keadaan yang paling berbahaya.

10 Dan sekarang, lihatlah, aku ada sedikit untuk dikatakan berkenaan orang Amon, yang, pada awalnya bangsa Laman; tetapi melalui Amon dan saudara-saudaranya, atau lebih tepat melalui kuasa dan firman Tuhan, mereka telah berpaling kepada Tuhan; dan mereka telah dibawa ke negeri Zarahemla, dan telah sejak masa itu dilindungi oleh bangsa Nefi.

11 Dan kerana sumpah mereka, mereka telah ditahan daripada mengangkat senjata melawan saudara-saudara mereka; kerana mereka telah mengambil sebuah sumpah bahawa mereka langsung tidak akan menumpahkan darah lagi; dan menurut sumpah mereka, mereka akan binasa; ya, mereka akan membiarkan diri mereka jatuh ke dalam tangan saudara-saudara mereka, jika bukan kerana rasa kasihan dan kasih yang besar yang telah Amon dan saudara-saudaranya rasakan terhadap mereka.

12 Dan atas alasan ini mereka dibawa ke negeri Zarahemla; dan mereka telah sejak masa itu dilindungi oleh bangsa Nefi.

13 Tetapi terjadilah bahawa ketika mereka melihat bahaya itu, dan banyaknya kesengsaraan dan kesukaran yang bangsa Nefi

tanggung bagi mereka, mereka terharu oleh rasa kasihan dan berhasrat mengangkat senjata untuk mempertahankan negeri mereka.

14 Tetapi lihatlah, sewaktu mereka hampir mengangkat senjata peperangan mereka, mereka dikalahkan oleh pujukan Helaman dan saudara-saudaranya, kerana mereka hampir melanggar sumpah yang telah mereka ambil.

15 Dan Helaman takut bahawa dengan melakukan demikian mereka akan kehilangan jiwa mereka; oleh itu mereka semua yang telah masuk ke dalam perjanjian ini dipaksa untuk melihat saudara-saudara mereka menempuh kesengsaraan mereka, dalam keadaan mereka yang berbahaya pada waktu ini.

16 Tetapi lihatlah, terjadilah bahawa mereka memiliki banyak anak lelaki, yang tidak masuk ke dalam perjanjian bahawa mereka tidak akan mengangkat senjata peperangan mereka untuk mempertahankan diri mereka terhadap musuh mereka; oleh itu mereka berhimpun bersama pada waktu ini, sebanyak yang mampu mengangkat senjata, dan mereka yang memanggil diri mereka bangsa Nefi.

17 Dan mereka masuk ke dalam sebuah perjanjian untuk berperang demi kemerdekaan bangsa Nefi, ya, untuk melindungi negeri itu sampai penyerahan nyawa mereka; ya, bahkan mereka membuat perjanjian bahawa mereka langsung tidak akan menyerahkan

kemerdekaan mereka, tetapi mereka akan berperang dalam segala keadaan untuk melindungi bangsa Nefi dan diri mereka sendiri daripada perhambaan.

18 Sekarang, lihatlah, ada dua ribu orang pemuda itu, yang masuk ke dalam perjanjian ini dan mengangkat senjata peperangan mereka untuk mempertahankan negeri mereka.

19 Dan sekarang, lihatlah, sebagaimana mereka tidak pernah hingga kini menjadi hambatan bagi bangsa Nefi, mereka menjadi sekarang pada tempoh waktu ini sokongan yang besar juga; kerana mereka mengangkat senjata peperangan mereka, dan mereka menghendaki agar Helaman menjadi pemimpin mereka.

20 Dan mereka semuanya pemuda, dan mereka amat gagah berkaitan dengan keberanian, dan juga berkaitan dengan kekuatan dan kegiatan; tetapi lihatlah, ini bukanlah semuanya—mereka lelaki yang jujur pada setiap masa dalam hal apa pun yang dipercayakan kepada mereka.

21 Ya, mereka lelaki yang bersifat benar dan sungguh, kerana mereka telah diajar untuk mentaati perintah-perintah Tuhan dan untuk berjalan dengan lurus di hadapan-Nya.

22 Dan sekarang, terjadilah bahawa Helaman berkawat di hadapan dua ribu askar terunanya, untuk menyokong orang di sempadan negeri di selatan dekat laut barat.

23 Dan demikianlah berakhirnya tahun kedua puluh dan lapan zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi.

BAB 54

Amoron dan Moroni berunding untuk pertukaran orang tawanan—Moroni menuntut agar bangsa Laman menarik diri dan menghentikan serangan-serangan mereka yang bersifat membunuh—Amoron menuntut agar bangsa Nefi meletakkan senjata mereka dan tunduk kepada bangsa Laman. Kira-kira 63 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah pada permulaan tahun kedua puluh dan sembilan zaman pemerintahan hakim-hakim, bahawa Amoron mengutus kepada Moroni menghasratkan agar dia akan bertukar-tukar orang tawanan.

2 Dan terjadilah bahawa Moroni berasa amat bersukacita atas permintaan ini, kerana dia menghasratkan bekalan yang diberikan untuk tunjangan para tawanan bangsa Laman untuk tunjangan bangsanya sendiri; dan dia juga menghasratkan bangsanya sendiri untuk memperkuat tenteranya.

3 Sekarang, bangsa Laman telah menangkap banyak wanita dan anak, dan tidak ada wanita tidak juga anak di kalangan para tawanan Moroni, atau para tawanan yang telah Moroni tangkap; oleh itu Moroni memutuskan suatu tipu muslihat untuk mendapatkan sebanyak tawanan bangsa

Nefi dari bangsa Laman yang mungkin.

4 Oleh itu dia menulis sepucuk surat, dan mengirimbkannya melalui orang suruhan Amoron, orang yang sama yang telah membawa sepucuk surat kepada Moroni. Sekarang, inilah perkataan-perkataan yang dia tulis kepada Amoron, berbunyi:

5 Lihatlah, Amoron, aku telah menulis kepadamu sedikit berkenaan peperangan ini yang telah kamu cetuskan melawan bangsaku, atau lebih tepat yang saudaramu telah cetuskan melawan mereka, dan yang kamu masih bertekad untuk teruskan setelah kematiannya.

6 Lihatlah, aku mahu memberitahu kamu sedikit berkenaan keadilan Tuhan, dan pedang kemurkaan maha kuasa-Nya, yang mengancam dirimu kecuali kamu bertaubat dan menarik balik tentera-tenteramu ke negerimu sendiri, atau negeri penguasaanmu, iaitu negeri Nefi.

7 Ya, aku akan memberitahu kamu hal-hal ini jika kamu mampu mendengarnya; ya, aku akan memberitahu kamu berkenaan neraka yang menyeramkan itu yang menunggu untuk menerima para pembunuh seperti engkau dan saudaramu, kecuali kamu bertaubat dan menarik balik maksudmu yang bersifat membunuh, dan kembali bersama tentera-tenteramu ke negerimu sendiri.

8 Tetapi kerana engkau pernah satu kali menolak hal-hal ini, dan

telah berperang melawan umat Tuhan, bahkan demikian pula aku boleh menyangka bahawa engkau akan melakukannya lagi.

9 Dan sekarang, lihatlah, kami sedia untuk menyambutmu; ya, dan kecuali engkau menarik balik maksudmu, lihatlah, engkau akan menjatuhkan kemurkaan daripada Tuhan itu yang telah engkau tolak, pada dirimu, bahkan sehingga kehancuranmu sepenuhnya.

10 Tetapi, sebagaimana Tuhan hidup, tentera-tentera kami akan menyerangmu kecuali kamu menarik diri, dan kamu akan segera dikunjungi oleh kematian, kerana kami akan mempertahankan kota-kota kami dan wilayah-wilayah kami; ya, dan kami akan mempertahankan agama kami dan perjuangan Tuhan kami.

11 Tetapi lihatlah, aku kira bahawa aku berbicara kepadamu berkenaan hal-hal ini dengan sia-sia; atau aku kira bahawa engkau anak neraka; oleh itu aku akan menutup suratku dengan memberitahu engkau bahawa aku tidak akan bertukar-tukar orang tawanan, kecuali dengan syarat bahawa kamu akan menyerahkan seorang lelaki dan isterinya dan anak-anaknya, untuk seorang tawanan; jika ini keadaannya bahawa kamu akan melakukannya, aku akan membuat pertukaran.

12 Dan lihatlah, jika engkau tidak melakukan ini, aku akan datang melawanmu bersama tentera-tenteraku; ya, bahkan aku akan mempersenjатаi para

wanitaku dan anakku, dan aku akan datang melawanmu, dan aku akan mengikutimu bahkan ke negerimu sendiri, iaitu negeri warisan kami yang pertama; ya, dan akan terjadi darah ganti darah, ya, nyawa ganti nyawa; dan aku akan memerangimu bahkan sampai engkau dihancurkan dari muka bumi.

13 Lihatlah, aku berasa marah, dan juga bangsaku; engkau telah berupaya untuk membunuh kami, dan kami hanya berupaya untuk mempertahankan diri kami sendiri. Tetapi lihatlah, jika engkau berupaya untuk menghancurkan kami lagi kami akan berupaya untuk menghancurkanmu; ya, dan kami akan berusaha memperoleh negeri kami, negeri warisan kami yang pertama.

14 Sekarang, aku menutup suratku. Aku Moroni; aku pemimpin bangsa Nefi.

15 Sekarang, terjadilah bahawa Amoron, ketika dia telah menerima surat ini, berasa marah; dan dia menuliskan sepucuk surat lagi kepada Moroni, dan inilah kata-kata yang dia tuliskan, mengatakan:

16 Aku Amoron, raja bangsa Laman; aku saudara Amalikia yang telah engkau bunuh. Lihatlah, aku akan membalas darahnya ke atas dirimu, ya, dan aku akan menyerangmu bersama tentera-tenteraku kerana aku tidak takut akan ancamanmu.

17 Kerana lihatlah, nenek moyangmu berbuat tidak adil

terhadap saudara-saudara mereka, sedemikian rupa sehingga mereka merampas daripada mereka hak mereka untuk memerintah padahal hak itu secara sah hak kepunyaan mereka.

18 Dan sekarang, lihatlah, jika engkau akan meletakkan senjata-mu, dan menundukkan dirimu untuk diperintah oleh mereka yang merupakan pemerintah yang sah kerajaan ini, maka akanlah aku menyuruh agar rakyatku akan meletakkan senjata mereka dan tidak akan berperang lagi.

19 Lihatlah, engkau telah menghembuskan banyak ancaman terhadapku dan rakyatku; tetapi lihatlah, kami tidak takut akan ancamanmu.

20 Walaupun demikian, aku akan mengabdikan untuk bertukar-tukar orang tawanan menurut permintaanmu, dengan gembira, agar aku boleh menyimpan makananku bagi orangku yang berperang; dan kita akan mencetuskan perang yang akan abadi, sama ada sampai ditundukkannya bangsa Nefi pada wewenang kami atau sampai kepupusan abadi mereka.

21 Dan berkenaan Tuhan itu yang kamu katakan telah kami tolak, lihatlah, kami tidak kenal makhluk seperti itu; engkau juga tidak; tetapi jika demikian halnya bahawa ada makhluk seperti itu, kami tidak tahu sama ada Dia telah menjadikan kami seperti juga engkau.

22 Dan jika demikian halnya ada iblis dan neraka, lihatlah

tidakkah Dia akan menghantarmu ke sana untuk berdiam bersama saudaraku yang telah engkau bunuh, yang telah engkau ngilatkan ngilatkan bahawa dia telah pergi ke sebuah tempat seperti itu? Tetapi lihatlah hal-hal ini tidaklah penting.

23 Aku Amoron, dan keturunan Zoram, yang nenek moyangmu desak dan bawa keluar dari Yerusalem.

24 Dan lihatlah sekarang, aku bangsa Laman yang berani; lihatlah, peperangan ini telah dicetuskan untuk menuntut bela terhadap ketidakadilan yang dikenakan pada mereka, dan untuk mempertahankan dan untuk mendapatkan hak-hak mereka untuk memerintah; dan aku menutup suratku kepada Moroni.

BAB 55

Moroni enggan bertukar orang tawanan—Para pengawal bangsa Laman diumpun untuk menjadi mabuk, dan para tawanan bangsa Nefi dibebaskan—kota Gid direbut tanpa pertumpahan darah. Kira-kira 63–62 tahun S.M.

SEKARANG, terjadilah bahawa ketika Moroni telah menerima surat ini dia lebih marah, kerana dia tahu bahawa Amoron memiliki suatu pengetahuan yang sempurna tentang penipuannya; ya, dia tahu bahawa Amoron tahu bahawa bukanlah suatu perkara yang adil yang telah menyebabkannya

mencetuskan peperangan melawan bangsa Nefi.

2 Dan dia berkata: Lihatlah, aku tidak akan bertukar orang tawanan dengan Amoron kecuali dia menarik balik maksudnya, seperti yang telah aku nyatakan dalam suratku; kerana aku tidak akan mengabulkan baginya bahawa dia akan memiliki lebih banyak kekuatan apa pun daripada yang telah dia miliki.

3 Lihatlah, aku tahu tempat di mana bangsa Laman mengawal orangku yang telah mereka tangkap sebagai tawanan; dan kerana Amoron tidak mahu mengabulkan bagiku suratku itu, lihatlah, aku akan memberi kepadanya menurut perkataan-perkataanku; ya, aku akan mengupayakan kematian di kalangan mereka sampai mereka merayu untuk perdamaian.

4 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika Moroni telah mengatakan perkataan-perkataan ini, dia menyuruh agar suatu pencarian hendaknya diadakan di kalangan orangnya, agar barangkali dia boleh menemukan seorang lelaki yang berketurunan Laman di kalangan mereka.

5 Dan terjadilah bahawa mereka menemukan satu orang, yang namanya Laman; dan dia salah seorang orang suruhan raja itu yang dibunuh oleh Amalikia.

6 Sekarang, Moroni menyuruh agar Laman dan sejumlah kecil orangnya hendaknya pergi kepada para pengawal yang menjaga bangsa Nefi.

7 Sekarang, bangsa Nefi ditahan di dalam kota Gid; oleh itu Moroni melantik Laman dan menyuruh agar sejumlah kecil orang hendaknya pergi bersamanya.

8 Dan pada malam hari Laman pergi kepada para pengawal yang menjaga bangsa Nefi, dan lihatlah, mereka melihatnya datang dan mereka berseru kepadanya; tetapi dia berkata kepada mereka: Janganlah takut; lihatlah, aku bangsa Laman. Lihatlah, kami telah melarikan diri daripada bangsa Nefi, dan mereka tidur; dan lihatlah kami telah mengambil wain mereka dan membawanya bersama kami.

9 Sekarang, ketika bangsa Laman mendengar kata-kata ini mereka menyambutnya dengan sukacita; dan mereka berkata kepadanya: Berilah kami wainmu, agar kami boleh minum; kami gembira bahawa kamu telah demikian membawa wain bersamamu kerana kami lelah.

10 Tetapi Laman berkata kepada mereka: Marilah kita simpan wain kita sampai kita pergi melawan bangsa Nefi untuk bertempur. Tetapi perkataannya ini hanya membuat mereka lebih berhasrat untuk minum wain itu;

11 Kerana, kata mereka: Kami lelah, oleh itu marilah kita minum wain, dan sedikit demi sedikit kita akan menerima wain untuk catuan kita, yang akan memperkuat kita untuk pergi melawan bangsa Nefi.

12 Dan Laman berkata kepada

mereka: Kamu boleh melakukan menurut hasratmu.

13 Dan terjadilah bahawa mereka banyak-banyak meminum wain itu; dan itu menyenangkan bagi cita rasa mereka, oleh itu mereka lebih banyak lagi meminumnya; dan wain itu keras, kerana disediakan sedemikian kekuatannya.

14 Dan terjadilah mereka minum dan bersukaria, dan sedikit demi sedikit mereka semuanya mabuk.

15 Dan sekarang, ketika Laman dan orangnya melihat bahawa mereka semuanya mabuk, dan sedang tidur nyenyak, mereka kembali kepada Moroni dan memberitahu dia segala sesuatu yang telah terjadi.

16 Dan sekarang, ini menurut rancangan Moroni. Dan Moroni telah mempersiapkan orangnya dengan senjata peperangan; dan dia pergi ke kota Gid, sementara bangsa Laman sedang tidur nyenyak dan mabuk, dan melamparkan senjata peperangan kepada para tawanan, sedemikian rupa sehingga mereka semuanya dipersenjatai;

17 Ya, bahkan kepada kaum wanita mereka, dan mereka semua yang anak mereka, sebanyak yang mampu menggunakan senjata peperangan, ketika Moroni telah mempersenjatai semua tawanan itu; dan segala sesuatu itu dilakukan dalam senyap sunyi.

18 Tetapi seandainya mereka membangunkan bangsa Laman, lihatlah mereka mabuk dan bangsa Nefi dapat membunuh mereka.

19 Tetapi lihatlah, ini bukanlah hasrat Moroni; dia tidak senang akan pembunuhan atau pertumpahan darah, tetapi dia senang akan penyelamatan bangsanya daripada kehancuran; dan kerana alasan ini dia tidak mahu mendatangkan ke atas dirinya ketidakadilan, dia tidak mahu menyerang bangsa Laman dan menghancurkan mereka dalam kemabukan mereka.

20 Tetapi dia telah mencapai hasratnya; kerana dia telah mempersenjatai para tawanan bangsa Nefi itu yang berada di sebelah dalam tembok kota, dan telah memberi mereka kekuatan untuk menguasai bahagian-bahagian itu yang berada di sebelah dalam tembok.

21 Dan kemudian dia menyuruh orang yang berada bersamanya untuk menarik diri selangkah dari mereka, dan mengepung tentera-tentera bangsa Laman.

22 Sekarang, lihatlah ini dilakukan pada waktu malam, sehingga ketika bangsa Laman terbangun pada pagi hari mereka melihat bahawa mereka dikepung oleh bangsa Nefi di luar, dan bahawa para tawanan mereka dipersenjatai di sebelah dalam.

23 Dan demikianlah mereka melihat bahawa bangsa Nefi menguasai diri mereka; dan dalam keadaan ini mereka mendapati bahawa tidaklah bijak untuk mereka berperang melawan bangsa Nefi; oleh itu para panglima utama mereka menuntut senjata peperangan mereka, dan mereka membawanya

dan melemparkannya ke kaki bangsa Nefi, memohon belas kasihan.

24 Sekarang, lihatlah, inilah hasrat Moroni. Dia menangkap mereka sebagai tawanan peperangan, dan mengambil penguasaan atas kota itu, dan menyuruh agar semua tawanan hendaknya dibebaskan, yang adalah bangsa Nefi; dan mereka bergabung dengan tentera Moroni, dan merupakan kekuatan yang besar bagi tenteranya.

25 Dan terjadilah bahawa dia menyuruh bangsa Laman, yang telah dia tangkap sebagai tawanan, agar mereka hendaknya memulakan kerja dalam memperkuat perkubuan yang di sekitar kota Gid.

26 Dan terjadilah bahawa ketika dia telah mengubui kota Gid, menurut hasratnya, dia menyuruh agar para tawanannya hendaknya dibawa ke kota Kelimpahan; dan dia juga mengawal kota itu dengan pasukan tentera yang amat kuat.

27 Dan terjadilah bahawa mereka, tidak mengira segala komplot bangsa Laman, menahan dan melindungi semua tawanan yang telah mereka tangkap, dan juga mempertahankan seluruh negeri dan kelebihan yang telah mereka rebut kembali.

28 Dan terjadilah bahawa bangsa Nefi mula lagi menang, dan mengambil kembali hak mereka dan hak istimewa mereka.

29 Berulang kali bangsa Laman berusaha untuk mengepung mereka pada malam hari, tetapi

dalam usaha-usaha ini mereka kehilangan banyak tawanan.

30 Dan berulang kali mereka berusaha untuk memberikan wain mereka kepada bangsa Nefi, agar mereka boleh menghancurkan mereka dengan racun atau dengan kemabukan.

31 Tetapi lihatlah, bangsa Nefi tidak lambat untuk mengingati Tuhan Raja mereka pada waktu kesengsaraan mereka ini. Mereka tidak dapat ditangkap dalam jerat mereka; ya, mereka tidak mahu minum wain mereka, kecuali mereka telah terlebih dahulu memberikannya kepada beberapa tawanan bangsa Laman.

32 Dan demikianlah mereka waspada agar tidak ada racun akan diberikan di kalangan mereka; kerana jika wain mereka akan meracuni bangsa Laman itu akan juga meracuni bangsa Nefi; dan demikianlah mereka menguji segala minuman keras mereka.

33 Dan sekarang, terjadilah bahawa perlu bagi Moroni untuk membuat persiapan hendak menyerang kota Morianton; kerana lihatlah, bangsa Laman telah, melalui kerja mereka, mengubui kota Morianton sampai kota itu telah menjadi sebuah kubu pertahanan yang amat kuat.

34 Dan mereka secara berterusan membawa pasukan-pasukan askar baru ke dalam kota itu, dan juga peruntukan bekalan yang baru.

35 Dan demikianlah berakhirnya tahun kedua puluh dan sembilan

zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi.

BAB 56

Helaman mengirim sepucuk surat kepada Moroni, menceritakan tentang keadaan peperangan melawan bangsa Laman—Antipus dan Helaman memperoleh kemenangan besar atas bangsa Laman—Dua ribu putera teruna Helaman berperang dengan kekuatan yang ajaib, dan tiada seorang pun daripada mereka terbunuh. Ayat 1, kira-kira 62 tahun S.M.; ayat 2–19, kira-kira 66 tahun S.M.; dan ayat 20–57, kira-kira 65–64 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah pada permulaan tahun ketiga puluh zaman pemerintahan hakim-hakim, pada hari kedua dalam bulan pertama, Moroni menerima sepucuk surat dari Helaman, menyatakan urusan rakyat di penjuru negeri itu.

2 Dan inilah kata-kata yang dia tulis, berbunyi: Saudaraku yang dikasihi, Moroni, baik dalam Tuhan mahupun dalam kesukaran peperangan kita; lihatlah, saudaraku yang dikasihi, aku memiliki sedikit untuk diceritakan kepadamu berkenaan peperangan kita di bahagian negeri ini.

3 Lihatlah, dua ribu putera daripada orang itu yang telah Amon bawa keluar dari negeri Nefi—sekarang kamu telah tahu bahawa mereka ini keturunan Laman, iaitu putera sulung kepada bapa kita Lehi;

4 Sekarang, aku tidak perlu

menceritakan kepadamu berkenaan adat resam mereka atau ketidakpercayaan mereka, kerana kamu tahu berkenaan segala hal ini—

5 Oleh itu cukuplah bagiku bahawa aku menceritakan kepadamu bahawa dua ribu daripada pemuda-pemuda ini telah mengangkat senjata peperangan mereka, dan menghendaki agar aku hendaknya menjadi pemimpin mereka, dan kami telah tampil untuk mempertahankan negeri kami.

6 Dan sekarang, kamu juga tahu berkenaan perjanjian yang nenek moyang mereka buat, bahawa mereka tidak akan mengangkat senjata peperangan mereka melawan saudara-saudara mereka untuk menumpahkan darah.

7 Tetapi pada tahun kedua puluh dan enam, ketika mereka melihat kesengsaraan kami dan kesukaran kami bagi mereka, mereka hampir melanggar perjanjian yang telah mereka buat dan mengangkat senjata peperangan mereka untuk pertahanan kami.

8 Tetapi aku tidak membiarkan mereka bahawa mereka akan melanggar perjanjian ini yang telah mereka buat, percaya bahawa Tuhan akan menguatkan kita, sedemikian rupa sehingga kita tidak akan menderita lebih banyak kerana dipenuhinya sumpah yang telah mereka buat.

9 Tetapi lihatlah, inilah satu hal yang di dalamnya kita boleh merasakan sukacita yang besar. Kerana lihatlah, pada tahun kedua puluh

dan enam, aku, Helaman, berkwat di depan dua ribu pemuda ini ke kota Yudea, untuk membantu Antipus, yang telah kamu lantik sebagai pemimpin atas orang di bahagian negeri itu.

10 Dan aku menggabungkan dua ribu orang anakku, (kerana mereka layak untuk dipanggil anak) kepada tentera Antipus, yang di dalam kekuatan itu Antipus amat bersukacita; kerana lihatlah, tenteranya telah dikurangkan oleh bangsa Laman kerana pasukan-pasukan tentera mereka telah membunuh sejumlah besar orang kita, yang untuk alasan itu kita harus berduka nestapa.

11 Walaupun demikian, kita boleh menghiburkan hati diri kita dalam hal ini, bahawa mereka telah mati dalam perjuangan negeri mereka dan Tuhan mereka, ya, dan mereka berbahagia.

12 Dan bangsa Laman juga telah menahan banyak tawanan, yang semuanya panglima utama, kerana tiada seorang pun yang lain telah mereka biarkan hidup. Dan kami kira bahawa mereka berada sekarang pada waktu ini di negeri Nefi; demikianlah halnya jika mereka tidak terbunuh.

13 Dan sekarang, inilah kota-kota yang telah bangsa Laman kuasai melalui penumpahan darah dari demikian banyak lelaki kita yang gagah berani:

14 Negeri Manti, atau kota Manti, dan kota Zezrom, dan kota Kumeni, dan kota Antipara.

15 Dan inilah kota-kota yang

mereka kuasai ketika aku tiba di kota Yudea; dan aku mendapati Antipus dan orangnya sedang membanting tulang dengan kekuatan mereka untuk mengubui kota itu.

16 Ya, dan mereka tertekan dalam tubuh seperti juga dalam roh, kerana mereka telah berperang dengan gagah berani pada siang hari dan membanting tulang pada malam hari untuk mempertahankan kota-kota mereka; dan demikianlah mereka telah menderita kesengsaraan hebat daripada setiap jenis.

17 Dan sekarang, mereka berazam untuk berjaya di tempat ini atau mati; oleh itu kamu boleh bayangkan dengan tepat bahawa pasukan kecil ini yang aku bawa bersamaku, ya, para puteraku itu, memberi mereka harapan yang besar dan banyak sukacita.

18 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika bangsa Laman melihat bahawa Antipus telah menerima kekuatan yang lebih besar untuk tenteranya, mereka dipaksa oleh perintah Amoron untuk tidak menyerang kota Yudea, atau melawan kami, untuk bertempur.

19 Dan demikianlah kami berkekan kepada Tuhan; kerana apabila mereka menyerang kami dalam kelemahan kami ini mereka mungkin barangkali menghancurkan tentera kecil kami; tetapi demikianlah kami dilindungi.

20 Mereka diperintah oleh Amoron untuk mempertahankan kota-kota itu yang telah mereka

rebut. Dan demikianlah berakhirnya tahun kedua puluh dan enam. Dan pada permulaan tahun kedua puluh dan tujuh kami telah mempersiapkan kota kami dan diri kami untuk pertahanan.

21 Sekarang, kami berhasrat agar bangsa Laman hendaknya menyerang kami; kerana kami tidak berhasrat untuk melancarkan serangan ke atas diri mereka di dalam kubu-kubu pertahanan mereka.

22 Dan terjadilah bahawa kami menempatkan pengintip-pengintip di sekitarnya, untuk mengawasi pergerakan bangsa Laman, agar mereka tidak boleh melewati kami pada malam hari tidak juga pada siang hari untuk melancarkan serangan ke atas kota-kota kami yang lain yang berada di sebelah utara.

23 Kerana kami tahu di kota-kota itu mereka tidak cukup kuat untuk menghadapi mereka; oleh itu kami berhasrat, jika mereka akan melewati kami, untuk menyerang mereka di belakang mereka, dan dengan demikian menghadapi mereka di bahagian belakang pada waktu yang sama mereka dihadapi di bahagian depan. Kami mengira bahawa kami dapat mengalahkan mereka; tetapi lihatlah, kami kecewa dalam hasrat kami ini.

24 Mereka tidak berani melewati kami bersama seluruh tentera mereka, tidak juga mereka berani bersama sebahagian daripadanya, kerana takut kalau-kalau mereka

akan tidak cukup kuat dan mereka akan jatuh.

25 Tidak juga mereka berani berkawat turun menuju kota Zarahemla; tidak juga mereka berani menyeberangi hulu Sidon, menyeberang ke kota Nefiha.

26 Dan demikianlah, bersama pasukan tentera mereka, mereka bertekad untuk mempertahankan kota-kota itu yang telah mereka rebut.

27 Dan sekarang, terjadilah pada bulan kedua tahun ini, dibawa kepada kami banyak bekalan daripada ayah-ayah dua ribu puteraku itu.

28 Dan juga dihantarkan dua ribu orang kepada kami dari negeri Zarahemla. Dan demikianlah kami siap sedia dengan sepuluh ribu orang, dan bekalan untuk mereka, dan juga untuk isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka.

29 Dan bangsa Laman, kerana melihat pasukan-pasukan tentera kami bertambah setiap hari, dan bekalan tiba untuk tunjangan kami, mereka mula menjadi penuh ketakutan, dan mula menyerang dengan tiba-tiba, agar, jika mungkin, mereka dapat menghentikan kami menerima bekalan dan kekuatan.

30 Sekarang, ketika kami melihat bahawa bangsa Laman mula menjadi gelisah dengan cara ini, kami berhasrat untuk menjalankan suatu tipu muslihat ke atas diri mereka; oleh itu Antipus memerintahkan agar aku hendaknya bergerak maju bersama para putera mudaku

ke kota bersebelahan, seolah-olah kami sedang membawa bekalan ke kota bersebelahan.

31 Dan kami akan berkawat dekat kota Antipara, seolah-olah kami sedang pergi ke kota seberang, di perbatasan di tepi laut.

32 Dan terjadilah bahawa kami berkawat maju, seolah-olah dengan bekalan kami, untuk pergi ke kota itu.

33 Dan terjadilah bahawa Antipus berkawat maju bersama sebahagian daripada tenteranya, meninggalkan yang bakinya untuk mempertahankan kota itu. Tetapi dia tidak berkawat maju sehingga aku telah pergi bersama tentera mudaku, dan tiba dekat kota Antipara.

34 Dan sekarang, di kota Antipara ditempatkan tentera bangsa Laman yang paling kuat; ya, yang paling besar jumlahnya.

35 Dan terjadilah bahawa ketika mereka telah diberitahu oleh pengintip-pengintip mereka, mereka keluar bersama tentera mereka dan berkawat melawan kami.

36 Dan terjadilah bahawa kami melarikan diri dari hadapan mereka, ke arah utara. Dan demikianlah kami menyesatkan tentera bangsa Laman yang paling kuat;

37 Ya, bahkan sampai jarak yang cukup jauh, sedemikian rupa sehingga ketika mereka melihat tentera Antipus sedang mengejar mereka, dengan kekuatan mereka, mereka tidak berbelok ke kanan tidak juga ke kiri, tetapi mereka terus berkawat dalam haluan lurus mengejar kami; dan, seperti kami

kira, memanglah maksud mereka untuk membunuh kami sebelum Antipus memintas mereka, dan ini agar mereka tidak akan dikepung oleh orang kami.

38 Dan sekarang, Antipus, melihat bahaya kami, mencepatkan pergerakan tenteranya Tetapi lihatlah, masa itu sudah malam; oleh itu mereka tidak memintas kami, tidak juga Antipus memintas mereka; oleh itu kami berkhemah untuk malam itu.

39 Dan terjadilah bahawa sebelum fajar pagi itu, lihatlah, bangsa Laman mengejar kami. Sekarang, kami tidak cukup kuat untuk bertempur melawan mereka; ya, aku tidak akan membiarkan bahawa para putera mudaku jatuh ke dalam tangan mereka; oleh itu kami terus berkawat, dan kami terus berkawat ke dalam padang belantara.

40 Sekarang mereka tidak berani berbelok ke kanan tidak juga ke kiri kerana takut kalau-kalau mereka akan terkepung; tidak juga akanlah aku berbelok ke kanan tidak juga ke kiri kerana takut kalau-kalau mereka akan memintasku, dan kami tidak dapat bertahan melawan mereka, tetapi dibunuh, dan mereka akan melepaskan diri; dan demikianlah kami melarikan diri sepanjang hari itu ke padang belantara, bahkan sampai hari gelap.

41 Dan terjadilah bahawa sekali lagi, ketika cahaya pagi datang kami melihat bangsa Laman sudah menghampiri kami, dan

kami melarikan diri dari hadapan mereka.

42 Tetapi terjadilah bahawa mereka tidak mengejar kami jauh sebelum mereka berhenti; dan itu pada pagi hari ketiga bulan ketujuh.

43 Dan sekarang, sama ada mereka dipintas oleh Antipus kami tidak tahu, tetapi aku berkata kepada orangku: Lihatlah, kita tidak tahu sama ada mereka telah berhenti untuk maksud agar kita hendaknya datang melawan mereka, sehingga mereka boleh menangkap kita dalam jerat mereka;

44 Oleh itu apa katamu, para puteraku, mahukah kamu melawan mereka untuk bertempur?

45 Dan sekarang, aku berkata kepadamu, saudaraku Moroni yang dikasihi, bahawa belum pernah aku melihat keberanian yang demikian besar, tidak, tidak di kalangan semua bangsa Nefi.

46 Kerana sebagaimana aku pernah memanggil mereka para puteraku (kerana mereka semuanya sangat muda) bahkan demikianlah mereka berkata kepadaku: Bapa, lihatlah Tuhan kita beserta kita, dan Dia tidak akan membiarkan bahawa kita akan jatuh; maka marilah kita pergi; kita tidak akan membunuh saudara-saudara kita jika mereka tidak akan mengganggu kita; oleh itu marilah kita pergi, agar mereka tidak mengalahkan tentera Antipus.

47 Sekarang, mereka belum pernah berperang, namun mereka tidak takut akan kematian; dan

mereka lebih mementingkan kemerdekaan bapa-bapa mereka daripada mereka mementingkan nyawa diri mereka; ya, mereka telah diajar oleh ibu-ibu mereka, bahawa jika mereka tidak ragu, Tuhan akan membebaskan mereka.

48 Dan mereka menceritakan kembali kepadaku perkataan-perkataan para ibu mereka, mengatakan: Kami tidak ragu ibu-ibu kami mengetahuinya.

49 Dan terjadilah bahawa aku kembali bersama dua ribuku melawan bangsa Laman ini yang telah mengejar kami. Dan sekarang, lihatlah, pasukan Antipus telah memintas mereka, dan suatu pertempuran yang dahsyat telah bermula.

50 Tentera Antipus yang lelah, kerana mereka telah berkawat jauh dalam jangka waktu yang sedemikian singkatnya, hampir jatuh ke dalam tangan bangsa Laman; dan jika aku tidak kembali bersama dua ribuku mereka telahpun mencapai tujuan mereka.

51 Kerana Antipus telah jatuh oleh pedang, dan banyak daripada para pemimpinnya, kerana kelelahan mereka, yang disebabkan kepantasan pergerakan mereka—oleh itu orang Antipus, kelim-kabut kerana jatuhnya para pemimpin mereka, mula berundur dari hadapan bangsa Laman.

52 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman memberanikan diri, dan mula mengejar mereka; dan demikianlah bangsa Laman mengejar mereka dengan semangat yang

besar ketika Helaman menyerang mereka dari arah belakang bersama dua ribunya, dan mula membunuh mereka dengan hebatnya, sedemikian rupa sehingga seluruh tentera bangsa Laman berhenti dan berpatah balik melawan Helaman.

53 Sekarang, ketika orang Antipus melihat bahawa bangsa Laman telah berpatah balik, mereka mengumpulkan bersama orang mereka dan menyerang bangsa Laman dari arah belakang.

54 Dan sekarang, terjadilah bahawa kami, bangsa Nefi, orang Antipus, dan aku bersama dua ribuku, mengepung bangsa Laman, dan membunuh mereka; ya, sedemikian rupa sehingga mereka dipaksa untuk menyerahkan senjata peperangan mereka dan juga diri mereka sebagai tawanan peperangan.

55 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika mereka telah menyerahkan diri kepada kami, lihatlah, aku menghitung para pemuda itu yang telah berperang bersamaku, takut kalau-kalau ada banyak daripada mereka yang terbunuh.

56 Tetapi lihatlah, betapa besar sukacitaku, tidak ada satu jiwa pun daripada mereka telah jatuh ke bumi; ya, dan mereka telah berperang seolah-olah dengan kekuatan Tuhan; ya, belum pernah diketahui ada orang yang telah berperang dengan kekuatan yang sedemikian ajaibnya; dan dengan kekuatan yang sedemikian perkasanya mereka menyerang bangsa Laman, sehingga mereka menakutkan

mereka; dan disebabkan ini bangsa Laman menyerahkan diri mereka sebagai tawanan peperangan.

57 Dan kerana kami tidak memiliki tempat untuk para tawanan kami, agar kami dapat mengawal mereka untuk melindungi mereka dari tentera bangsa Laman, oleh itu kami menghantar mereka ke negeri Zarahemla, dan sebahagian daripada orang itu yang tidak terbunuh oleh Antipus, bersama mereka; dan bakinya aku bawa dan gabungkan mereka dengan para teruna orang Amonku, dan kami berkawat kembali ke kota Yudea.

BAB 57

Helaman menceritakan tentang penawanan Antipara dan penyerahan dan kemudian, pertahanan Kumeni—Para teruna orang Amonnya berperang dengan gagah berani; semuanya terluka, tetapi tiada seorang pun terbunuh—Gid melaporkan pembunuhan dan pelarian diri para tawanan bangsa Laman. Kira-kira 63 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa aku menerima sepucuk surat daripada Amoron, si raja, menyatakan bahawa jika aku akan menyerahkan para tawanan peperangan yang telah kami tangkap maka dia akan menyerahkan kota Antipara kepada kami.

2 Tetapi aku mengiriskan sepucuk surat kepada raja, bahawa kami yakin pasukan-pasukan tentera kami cukup kuat untuk menguasai kota Antipara dengan

kekuatan kami; dan dengan menyerahkan para tawanan demi kota itu kami kira diri kami tidak bijak, dan bahawa kami hanya akan menyerahkan para tawanan kami dengan pertukaran.

3 Dan Amoron menolak suratku, kerana dia tidak mahu bertukar tawanan; oleh itu kami mula membuat persiapan untuk pergi melawan kota Antipara.

4 Tetapi orang Antipara meninggalkan kota itu, dan melarikan diri ke kota-kota mereka yang lain, yang telah mereka kuasai, untuk mengubuihnya; dan demikianlah kota Antipara jatuh ke dalam tangan kami.

5 Dan demikianlah berakhirnya tahun kedua puluh dan lapan zaman pemerintahan hakim-hakim.

6 Dan terjadilah bahawa pada permulaan tahun kedua puluh dan sembilan, kami menerima peruntukan bekalan, dan juga tambahan kepada tentera kami, dari negeri Zarahemla, dan dari wilayah sekitarnya, dengan jumlah enam ribu orang, selain daripada enam puluh putera orang Amon yang telah datang untuk bergabung dengan saudara-saudara mereka, kelompok kecilku yang dua ribu itu. Dan sekarang, lihatlah, kami kuat, ya, dan banyak bekalan juga telah dibawa kepada kami.

7 Dan terjadilah bahawa memanglah hasrat kami untuk menyetuskan pertempuran melawan pasukan yang ditempatkan untuk melindungi Kota Kumeni.

8 Dan sekarang, lihatlah, aku

akan memperlihatkan kepadamu bahawa kami segera mencapai hasrat kami; ya, bersama pasukan tentera kami yang kuat, atau bersama sebahagian daripada pasukan tentera kami yang kuat, kami mengepung, pada malam hari, kota Kumeni, sekejap sebelum mereka akan menerima peruntukan bekalan.

9 Dan terjadilah bahawa kami berkhemah di sekitar kota itu selama bermalam-malam; tetapi kami tidur dekat pedang kami, dan menempatkan para pengawal, agar bangsa Laman tidak dapat menyerang kami pada malam hari dan membunuh kami, yang mereka usahakan berulang kali; tetapi berkali-kali mereka berusaha melakukan ini, darah mereka ditumpahkan.

10 Akhirnya bekalan mereka tiba, dan mereka hampir memasuki kota pada malam hari. Dan kami bangsa Nefi, bukan bangsa Laman; oleh itu, kami menangkap mereka dan bekalan mereka.

11 Dan sekalipun bangsa Laman terputus dari tunjangan mereka menurut cara ini, mereka masih bertekad untuk mempertahankan kota itu; oleh itu menjadi perlu bahawa kami hendaknya mengambil bekalan itu dan menghantarkannya ke Yudea, dan para tawanan kami ke negeri Zarahemla.

12 Dan terjadilah bahawa tidak banyak hari berlalu sebelum bangsa Laman mula kehilangan segala harapan akan bantuan; oleh itu mereka menyerahkan kota itu

ke tangan kami; dan demikianlah kami telah mencapai rancangan kami dalam mendapatkan kota Kumeni.

13 Tetapi terjadilah bahawa para tawanan kami sedemikian banyaknya sehingga, tidak mengira betapa besarnya jumlah kami, kami diwajibkan untuk menggunakan seluruh tentera kami untuk mengawal mereka, atau untuk menghukum mati mereka.

14 Kerana lihatlah, mereka melepaskan diri dalam jumlah besar, dan berlawan menggunakan batu, dan dengan gada, atau dengan benda apa pun yang dapat mereka peroleh ke dalam tangan mereka, sedemikian rupa sehingga kami membunuh lebih daripada dua ribu di antara mereka setelah mereka menyerahkan diri sebagai tawanan peperangan.

15 Oleh itu menjadi perlu bagi kami, bahawa kami hendaknya menamatkan nyawa mereka, atau mengawal mereka, pedang di tangan, sampai ke negeri Zarahemla; dan juga bekalan kami tidak lebih daripada mencukupi untuk orang kami sendiri, tidak mengira apa yang telah kami ambil daripada bangsa Laman.

16 Dan sekarang, dalam keadaan genting itu, menjadi masalah yang sangat tenat untuk memutuskan berkenaan para tawanan peperangan ini; walaupun demikian, kami memutuskan untuk menghantar mereka ke negeri Zarahemla; oleh itu kami memilih sebahagian daripada orang kami,

dan memberi mereka tanggungjawab atas para tawanan kami untuk pergi ke negeri Zarahemla.

17 Tetapi terjadilah bahawa pada keesokan harinya mereka kembali. Dan sekarang, lihatlah, kami tidak bertanya kepada mereka berkenaan para tawanan itu; kerana lihatlah, bangsa Laman sedang menyerang kami, dan mereka kembali pada masanya untuk menyelamatkan kami daripada jatuh ke dalam tangan mereka. Kerana lihatlah, Amoron telah menghantar untuk tunjangan mereka peruntukan bekalan yang baru dan juga suatu tentera lelaki yang berjumlah besar.

18 Dan terjadilah bahawa orang itu yang kami hantarkan bersama para tawanan tiba pada saat tepat untuk menghentikan mereka, sewaktu mereka hampir mengalahkan kami.

19 Tetapi lihatlah, kelompok kecilku yang dua ribu dan enam puluh orang itu berperang paling sengit; ya, mereka teguh di hadapan bangsa Laman, dan menyebabkan kematian pada semua orang yang melawan mereka.

20 Dan sewaktu baki tentera kami hampir mundur dari hadapan bangsa Laman, lihatlah, kedua ribu dan enam puluh orang itu teguh dan tak gementar.

21 Ya, dan mereka mematuhi dan berusaha keras untuk melaksanakan setiap kata perintah dengan ketepatan; ya, dan bahkan menurut iman mereka, itu terjadilah bagi mereka; dan aku ingat kata-kata

yang mereka katakan kepadaku yang telah ibu-ibu mereka ajarkan kepada mereka.

22 Dan sekarang, lihatlah, para puteraku inilah, dan orang itu yang telah dipilih untuk menghantar para tawanan, yang kepadanya kami berhutang bagi kemenangan besar ini; kerana merekalah yang mengalahkan bangsa Laman; oleh itu mereka dihalau kembali ke kota Manti.

23 Dan kami mempertahankan Kumeni kota kami, dan tidak semuanya dihancurkan oleh pedang; walaupun demikian, kami telah menderita kerugian yang besar.

24 Dan terjadilah bahawa setelah bangsa Laman melarikan diri, aku dengan segera memberi perintah agar orangku yang telah terluka hendaknya diambil dari antara yang mati, dan menyuruh agar luka-luka mereka hendaknya dicuci dan dibalut.

25 Dan terjadilah bahawa ada dua ratus, daripada dua ribu dan enam puluh orangku, yang telah jatuh pengsan kerana kehilangan darah; walaupun demikian, menurut kebaikan Tuhan, dan yang membuat kami amat tercengang, dan juga seluruh tentera kami bersukacita, tidak ada satu jiwa pun di antara mereka yang binasa; ya, dan tidak juga ada satu jiwa pun di antara mereka yang tidak mengalami banyak luka.

26 Dan sekarang, pemeliharaan mereka itu mengagumkan bagi seluruh tentera kami, ya, bahawa mereka dibiarkan hidup

sementara ada seribu daripada saudara-saudara kami yang terbunuh. Dan kami dengan tepat mengaitkannya kepada kuasa mukjizat daripada Tuhan, kerana iman mereka yang besar pada apa yang telah diajarkan untuk mereka percaya—bahawa ada seorang Tuhan yang adil, dan barang siapa tidak ragu, bahawa mereka akan dipelihara melalui kuasa-Nya yang menakjubkan.

27 Sekarang, inilah iman mereka ini yang telah aku bicarakan; mereka muda, dan fikiran mereka teguh, dan mereka menaruh kepercayaan mereka kepada Tuhan secara berterusan.

28 Dan sekarang, terjadilah bahawa setelah kami demikian menjaga orang kami yang terluka, dan telah mengubumikan orang kami yang mati dan juga yang mati daripada bangsa Laman, yang banyak, lihatlah, kami bertanya kepada Gid berkenaan para tawanan yang telah mereka mula membawa ke negeri Zarahemla bersamanya.

29 Sekarang, Gid ialah panglima utama atas kelompok yang ditetapkan untuk mengawal mereka hingga ke negeri itu.

30 Dan sekarang, inilah perkaataan-perkataan yang Gid katakan kepadaku: Lihatlah, kami mula pergi ke negeri Zarahemla bersama para tawanan kami. Dan terjadilah bahawa kami bertemu para pengintip tentera-tentera kami, yang telah diutus untuk mengawasi perkhemahan bangsa Laman.

31 Dan mereka berseru kepada

kami, mengatakan—Lihatlah, pasukan bangsa Laman sedang berkawat menuju kota Kumeni; dan lihatlah, mereka akan menyerang mereka, ya, dan akan menghancurkan rakyat kita.

32 Dan terjadilah bahawa para tawanan kami mendengar seruan mereka, yang menyebabkan mereka memberanikan diri dan mereka bangkit dalam pemberontakan melawan kami.

33 Dan terjadilah kerana pemberontakan mereka kami menyebabkan bahawa pedang kami hendaknya menyerang mereka. Dan terjadilah bahawa mereka dalam suatu kelompok berlari sampai terkena pedang kami, yang di dalamnya, kebanyakan mereka terbunuh; dan baki di antara mereka merempuh dan melarikan diri dari kami.

34 Dan lihatlah, ketika mereka telah melarikan diri dan kami tidak dapat memintas mereka, kami berkawat dengan selekasnya menuju kota Kumeni; dan lihatlah, kami tiba di mana kami boleh membantu saudara-saudara kami dalam memelihara kota itu.

35 Dan lihatlah, kami lagi dibebaskan daripada tangan musuh kami. Dan terpujilah nama Tuhan kita; kerana lihatlah, Dialah yang telah membebaskan kami; ya, yang telah melakukan hal yang besar ini bagi kami.

36 Sekarang, terjadilah bahawa ketika aku, Helaman, telah mendengar perkataan-perkataan Gid ini, aku dipenuhi dengan sukacita

yang besar kerana kebaikan Tuhan dalam memelihara kami, sehingga kami tidak semuanya binasa; ya, dan aku percaya bahawa jiwa mereka yang telah terbunuh telah masuk ke dalam peristirahatan Tuhan mereka.

BAB 58

Helaman, Gid, dan Teomner menawan Kota Manti melalui tipu muslihat—Bangsa Laman menarik diri—Para putera orang Amon dipelihara sewaktu mereka berdiri teguh mempertahankan kemerdekaan dan iman mereka. Kira-kira 63–62 tahun S.M.

DAN lihatlah, sekarang terjadilah bahawa sasaran kami yang berikutnya adalah untuk mendapatkan kota Manti; tetapi lihatlah, tidak ada cara agar kami dapat menuntun mereka keluar dari kota itu dengan kelompok-kelompok kecil kami. Kerana lihatlah, mereka ingat apa yang dahulunya telah kami lakukan; oleh itu kami tidak dapat memancing mereka keluar dari kubu-kubu pertahanan mereka.

2 Dan mereka demikian jauh lebih banyak daripada tentera kami sehingga kami tidak berani pergi dan menyerang mereka di dalam kubu-kubu pertahanan mereka.

3 Ya, dan menjadi perlu bahawa kami hendaknya menggunakan orang kami untuk pengawalan bahagian-bahagian negeri itu yang telah kami peroleh kembali yang merupakan wilayah-wilayah kami; oleh itu menjadi perlu bahawa

kami hendaknya menunggu, agar kami boleh menerima lebih banyak kekuatan dari negeri Zarahemla dan juga peruntukan bekalan yang baru.

4 Dan terjadilah bahawa demikianlah aku mengutus seorang duta kepada pentadbir atas negeri kita, untuk memberitahu dia berkenaan urusan orang kami. Dan terjadilah bahawa kami menunggu untuk menerima bekalan dan kekuatan dari negeri Zarahemla.

5 Tetapi lihatlah, ini menguntungkan kami hanya sedikit; kerana bangsa Laman juga menerima kekuatan yang besar dari hari ke hari, dan juga banyak bekalan; dan demikianlah keadaan kami pada tempoh waktu ini.

6 Dan bangsa Laman menyerang kami dengan tiba-tiba dari waktu ke waktu, memutuskan dengan tipu muslihat untuk menghancurkan kami; walaupun demikian kami tidak dapat datang untuk bertempur dengan mereka, kerana pertahanan mereka dan kubu pertahanan mereka.

7 Dan terjadilah bahawa kami menunggu dalam keadaan yang sukar ini untuk tempoh waktu berbulan-bulan, bahkan sampai kami hampir binasa kerana kekurangan makanan.

8 Tetapi terjadilah bahawa kami menerima makanan, yang dibawa terkawal kepada kami oleh sebuah tentera dua ribu orang untuk bantuan kami; dan inilah seluruh bantuan yang kami terima, untuk mempertahankan diri kami dan negeri

kami daripada jatuh ke dalam tangan musuh kami, ya, untuk bertempur melawan musuh yang tak terhitung banyaknya.

9 Dan sekarang, sebab keadaan rumit kami ini, atau sebab mengapa mereka tidak menghantar lagi kekuatan kepada kami, kami tidak tahu; oleh itu kami pilu dan juga dipenuhi dengan rasa takut, jangan-jangan dengan cara apa pun penghakiman Tuhan akan datang ke atas negeri kami, untuk penumbangan dan kehancuran kami sepenuhnya.

10 Oleh itu kami mencurahkan jiwa kami dalam doa kepada Tuhan, agar Dia akan menguatkan kami dan membebaskan kami daripada tangan musuh kami, ya, dan juga memberi kami kekuatan agar kami boleh mengekalkan kota kami, dan wilayah-wilayah kami, dan harta milik kami, untuk tunjangan orang kami.

11 Ya, dan terjadilah bahawa Tuhan Raja kami mengunjungi kami dengan kepastian bahawa Dia akan membebaskan kami; ya, sedemikian rupa sehingga Dia memfirmankan kedamaian pada jiwa kami, dan memberikan kepada kami iman yang besar, dan menyuruh kami agar kami hendaknya berharap demi pembebasan kami di dalam Dia.

12 Dan kami memberanikan diri kerana pasukan tentera kecil kami yang telah kami terima, dan bertekad dengan suatu keazaman untuk menakluk musuh kami, dan untuk mempertahankan wilayah-wilayah

kami, dan harta milik kami, dan isteri-isteri kami, dan anak-anak kami, dan perjuangan kemerdekaan kami.

13 Dan demikianlah kami pergi dengan segala kekuatan kami melawan bangsa Laman, yang berada di kota Manti; dan kami mendirikan khemah-khemah kami di tepi padang belantara, yang dekat dengan kota itu.

14 Dan terjadilah bahawa pada keesokan harinya, bahawa ketika bangsa Laman melihat bahawa kami berada di perbatasan dekat padang belantara yang berada dekat kota, maka mereka mengutus pengintip-pengintip mereka ke sekitar kami agar mereka boleh mengetahui jumlah dan kekuatan pasukan kami.

15 Dan terjadilah bahawa ketika mereka melihat bahawa kami tidak kuat, menurut jumlah kami, dan takut bahawa kami akan memutuskan mereka dari tunjangan mereka kecuali mereka akan keluar untuk bertempur melawan kami dan membunuh kami, dan juga mengira bahawa mereka dapat dengan mudah menghancurkan kami dengan bala tentara mereka yang berjumlah besar, oleh itu mereka mula membuat persiapan untuk keluar melawan kami untuk bertempur.

16 Dan ketika kami melihat bahawa mereka sedang membuat persiapan untuk keluar melawan kami, lihatlah, aku menyuruh agar Gid, bersama sejumlah kecil orang, hendaknya menyembunyikan

dirinya di padang belantara, dan juga agar Teomner dan sejumlah kecil orang hendaknya menyembunyikan diri mereka juga di padang belantara.

17 Sekarang, Gid bersama orangnya berada di kanan dan yang lain di kiri; dan ketika mereka telah demikian menyembunyikan diri mereka, lihatlah, aku tetap tinggal, bersama baki tenteraku, di tempat yang sama itu di mana kami telah mula-mula mendirikan khemah-khemah kami menantikan waktu ketika bangsa Laman akan keluar untuk bertempur.

18 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman keluar bersama tentera mereka yang berjumlah besar melawan kami. Dan ketika mereka telah datang dan hampir menyerang kami dengan pedang, aku menyuruh agar orangku, mereka yang berada bersamaku, hendaknya berundur ke padang belantara.

19 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman mengikut kami dengan kelajuan yang kencang, kerana mereka amat berhasrat untuk memintas kami agar mereka boleh membunuh kami; oleh itu mereka mengikut kami ke padang belantara; dan kami lalu antara Gid dan Teomner, sedemikian rupa sehingga mereka tidak ditemukan oleh bangsa Laman.

20 Dan terjadilah bahawa ketika bangsa Laman telah lalu, atau ketika tentera itu telah lalu, Gid dan Teomner muncul dari tempat-tempat persembunyian mereka, dan mengasingkan

pengintip-pengintip bangsa Laman agar mereka tidak dapat kembali ke kota.

21 Dan terjadilah bahawa ketika mereka telah mengasingkan mereka, mereka lari ke kota dan menyerang para pengawal yang ditinggalkan untuk menjaga kota, sedemikian rupa sehingga mereka menghancurkan mereka dan mengambil penguasaan atas kota itu.

22 Sekarang, ini dilakukan kerana bangsa Laman membiarkan seluruh tentera mereka, kecuali beberapa orang pengawal saja, untuk dituntun pergi ke padang belantara.

23 Dan terjadilah bahawa Gid dan Teomner dengan cara ini telah menguasai kubu-kubu pertahanan mereka. Dan terjadilah bahawa kami mengadakan perjalanan kami, setelah banyak melakukan perjalanan di padang belantara, menuju negeri Zarahemla.

24 Dan ketika bangsa Laman melihat bahawa mereka sedang berkawat menuju negeri Zarahemla, mereka amatlah takut, bahawa ada suatu rancangan disusun untuk menuntun mereka pada kehancuran; oleh itu mereka mula mundur ke padang belantara lagi, ya, bahkan kembali melalui jalan yang sama yang melaluinya mereka datang.

25 Dan lihatlah, masa itu malam dan mereka mendirikan khemah-khemah mereka, kerana para panglima utama bangsa Laman telah mengira bahawa bangsa Nefi lelah

kerana berkawat; dan mengira bahawa mereka telah menghalau seluruh tentera mereka, oleh itu mereka tidak berfikir berkenaan kota Manti.

26 Sekarang, terjadilah bahawa ketika sudah malam, aku menyuruh agar orangku jangan tidur, tetapi agar mereka hendaknya berkawat maju melalui jalan lain menuju negeri Manti.

27 Dan kerana kami berkawat pada waktu malam, lihatlah, kesesakan harinya kami melampaui bangsa Laman, sedemikian rupa sehingga kami tiba sebelum mereka di kota Manti.

28 Dan demikianlah terjadi, bahawa dengan tipu muslihat ini kami mengambil penguasaan atas kota Manti tanpa pertumpahan darah.

29 Dan terjadilah bahawa ketika tentera-tentera bangsa Laman tiba dekat kota, dan melihat bahawa kami sedia untuk menghadapi mereka, mereka amat tercengang dan diserang ketakutan besar, sedemikian rupa sehingga mereka melarikan diri ke padang belantara.

30 Ya, dan terjadilah bahawa tentera-tentera bangsa Laman melarikan diri keluar dari semua penjuru negeri itu. Tetapi lihatlah, mereka telah membawa bersama mereka banyak wanita dan anak keluar dari negeri itu.

31 Dan kota-kota itu yang telah ditawan oleh bangsa Laman, semuanya pada tempoh waktu ini berada dalam penguasaan kami;

dan ayah-ayah kami dan kaum wanita kami dan anak-anak kami kembali ke rumah-rumah mereka, semuanya kecuali mereka yang telah dibawa sebagai tawanan dan dibawa lari oleh bangsa Laman.

32 Tetapi lihatlah, tentera-tentera kami kecil untuk mempertahankan sedemikian banyaknya kota dan sedemikian banyaknya wilayah-wilayah pemilikan.

33 Tetapi lihatlah, kami percaya kepada Tuhan kami yang telah memberi kami kemenangan atas wilayah-wilayah itu, sedemikian rupa sehingga kami telah mendapatkan kota-kota itu dan wilayah-wilayah itu, yang adalah milik kami.

34 Sekarang, kami tidak tahu sebab mengapa kerajaan tidak memberi kami lebih banyak kekuatan; tidak juga orang yang datang kepada kami tahu mengapa kami belum menerima kekuatan yang lebih besar.

35 Lihatlah, kami tidak tahu sama ada kamu tidak berhasil, dan kamu telah menarik pasukan-pasukan tentera ke penjuru itu di negeri itu; jika demikian, kami tidak berhasrat untuk merungut.

36 Dan jika bukan demikian, lihatlah, kami takut bahawa ada sedikit perpecahan dalam pemerintahan, sehingga mereka tidak menghantar lebih banyak orang untuk bantuan kami; kerana kami tahu bahawa mereka lebih banyak daripada apa yang telah mereka hantarkan.

37 Tetapi, lihatlah, itu tidak

penting—kami percaya Tuhan akan membebaskan kami, tidak mengira kelemahan tentera-tentera kami, ya, dan membebaskan kami daripada tangan musuh kami.

38 Lihatlah, ini tahun kedua puluh dan sembilan, di penghujungnya, dan kami menguasai wilayah-wilayah kami; dan bangsa Laman telah melarikan diri ke negeri Nefi.

39 Dan para putera orang Amon itu, yang tentangnya aku telah demikian memuji, berada bersama-maku di kota Manti; dan Tuhan telah mendukung mereka, ya, dan melindungi mereka daripada jatuh oleh pedang, sedemikian rupa sehingga satu jiwa pun tidak terbunuh.

40 Tetapi lihatlah, mereka telah menerima banyak luka; walaupun demikian mereka berdiri teguh dalam kemerdekaan itu yang dengannya Tuhan telah menjadikan mereka bebas; dan mereka tekun mengingati Tuhan Raja mereka dari hari ke hari; ya, mereka berusaha keras untuk mentaati peraturan-Nya, dan hukum-Nya, dan perintah-Nya secara berterusan; dan iman mereka kuat dalam nubuat berkenaan apa yang akan datang.

41 Dan sekarang, saudaraku Moroni yang dikasihi, semoga Tuhan Raja kita, yang telah menebus kita dan menjadikan kita bebas, melindungimu secara berterusan di hadirat-Nya; ya, dan semoga Dia berkenan kepada bangsa ini, bahkan agar kamu

boleh mengalami kejayaan dalam mendapatkan penguasaan atas apa yang telah bangsa Laman rampas daripada kita, yang merupakan tunjangan kita. Dan sekarang, lihatlah, aku menutup suratku. Aku Helaman, putera Alma.

BAB 59

Moroni meminta Pahoran untuk memperkuat pasukan-pasukan tentera Helaman—Bangsa Laman menawan Kota Nefiha—Moroni marah terhadap kerajaan. Kira-kira 62 tahun S.M.

SEKARANG, terjadilah pada tahun ketiga puluh zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi, setelah Moroni menerima dan membaca surat Helaman, dia amat bersukacita kerana kesejahteraan, ya, kejayaan yang sangat besar yang telah dicapai oleh Helaman, dalam mendapatkan wilayah-wilayah itu yang hilang.

2 Ya, dan dia menyingkapkannya kepada semua orangnya, di seluruh negeri sekitarnya di bahagian itu di mana dia berada, agar mereka boleh bersukacita juga.

3 Dan terjadilah bahawa dia dengan segera mengirimi surat kepada Pahoran, berhasrat agar dia hendaknya menyuruh orang berkumpul bersama untuk memperkuat Helaman, atau tentera-tentera Helaman, sedemikian rupa sehingga dia dapat dengan mudah mempertahankan bahagian negeri itu yang telah dia

secara sedemikian ajaibnya berjaya memperoleh kembali.

4 Dan terjadilah setelah Moroni mengirim surat ini ke negeri Zarahemla, dia mula lagi menyusun suatu rancangan agar dia boleh mendapatkan baki wilayah-wilayah pemilikan dan kota-kota itu yang telah bangsa Laman rebut dari mereka.

5 Dan terjadilah bahawa sementara Moroni sedang demikian membuat persiapan untuk pergi melawan bangsa Laman, lihatlah, bangsa Nefiha, yang berkumpul bersama dari kota Moroni dan kota Lehi dan kota Morianton, diserang oleh bangsa Laman.

6 Ya, bahkan mereka yang telah dipaksa untuk melarikan diri dari negeri Manti, dan dari wilayah sekitarnya, telah tiba dan bergabung dengan bangsa Laman di bahagian negeri ini.

7 Dan demikianlah kerana mereka berjumlah amat banyak, ya, dan menerima kekuatan dari hari ke hari, melalui perintah Amoron mereka maju melawan bangsa Nefiha, dan mereka mula membunuh mereka dengan pembantaian yang amat hebat.

8 Dan tentera-tentera mereka sedemikian banyaknya sehingga baki bangsa Nefiha terpaksa melarikan diri dari hadapan mereka; dan mereka datang sesungguhnya dan bergabung dengan tentera Moroni.

9 Dan sekarang, kerana Moroni telah mengira bahawa hendaknya ada orang yang dihantar ke

kota Nefiha, untuk bantuan bagi orang untuk mempertahankan kota itu, dan mengetahui bahawa lebih mudah untuk mempertahankan kota agar tidak jatuh ke dalam tangan bangsa Laman daripada untuk merebutnya kembali dari mereka, dia mengira bahawa mereka akan dengan mudah mempertahankan kota itu.

10 Oleh itu dia menahan seluruh pasukan tenteranya untuk mempertahankan tempat-tempat itu yang telah dia dapatkan kembali.

11 Dan sekarang, ketika Moroni melihat bahawa kota Nefiha jatuh, dia amat penuh dukacita, dan mula ragu-ragu, kerana kejahatan bangsa itu, sama ada mereka tidak akan jatuh ke dalam tangan saudara-saudara mereka.

12 Sekarang, inilah keadaannya dengan semua panglima utamanya. Mereka ragu-ragu dan hairan juga kerana kejahatan bangsa itu, dan ini kerana kejayaan bangsa Laman atas diri mereka.

13 Dan terjadilah bahawa Moroni marah terhadap kerajaan kerana sikap tidak peduli mereka berkenaan kebebasan negeri mereka.

BAB 60

Moroni membuat aduan kepada Pahoran tentang sifat tidak peduli kerajaan terhadap tentera-tentera—Tuhan membiarkan yang soleh dibunuh—Bangsa Nefi mesti menggunakan seluruh kekuatan dan sumber mereka untuk membebaskan

diri mereka daripada musuh mereka—Moroni mengancam untuk berperang melawan kerajaan kecuali bantuan diberi kepada tenteranya. Kira-kira 62 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa dia menulis lagi kepada pentadbir negeri, iaitu Pahoran, dan inilah perkataan-perkataan yang dia tulis, berbunyi: Lihatlah, aku tujukan suratku kepada Pahoran, di kota Zarahemla, iaitu hakim utama dan pentadbir atas negeri, dan juga kepada mereka semua yang telah dipilih oleh rakyat ini untuk mentadbir dan mengelola urusan peperangan ini.

2 Kerana lihatlah, aku memiliki sedikit untuk dikatakan kepada mereka dengan cara kecaman; kerana lihatlah, kamu sendiri tahu bahawa kamu telah dilantik untuk mengumpulkan bersama kaum lelaki, dan mempersenjatai mereka dengan pedang, dan dengan golok, dan segala macam senjata peperangan daripada setiap jenis, dan menghantar untuk melawan bangsa Laman, di bahagian-bahagian mana pun mereka akan masuk ke dalam negeri kita.

3 Dan sekarang lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa aku sendiri, dan juga orangku, dan juga Helaman dan orangnya, telah menderita penderitaan yang amat hebat; ya, bahkan kelaparan, kehausan, dan keletihan, dan segala macam kesengsaraan daripada setiap jenis.

4 Tetapi lihatlah, seandainya ini

segalanya yang telah kami derita kami tidak akan merungut tidak juga mengeluh.

5 Tetapi lihatlah, hebatnya pembantaian yang telah terjadi di kalangan bangsa kita; ya, ribuan telah jatuh oleh pedang, padahal keadaan ini mungkin berbeza jika kamu telah memberikan kepada tentera kami cukup kekuatan dan bantuan bagi mereka. Ya, besarlah pengabaianmu terhadap kami.

6 Dan sekarang, lihatlah, kami berhasrat untuk mengetahui alasan bagi pengabaian yang amat besar ini; ya, kami berhasrat untuk mengetahui alasan bagi keadaan ketidakpedulianmu.

7 Dapatkah kamu berfikir untuk duduk di atas takhtamu dalam suatu keadaan tidak sedar kerana tidak peduli, sementara musuhmu sedang menyebarkan pekerjaan kematian di sekitarmu? Ya, sementara mereka sedang membunuh ribuan saudaramu—

8 Ya, bahkan mereka yang telah memandang kepadamu untuk perlindungan ya, telah menempatkanmu dalam suatu keadaan di mana kamu dapat membantu mereka, ya, kamu dapat menghantar tentera-tentera kepada mereka, untuk memperkuat mereka, dan menyelamatkan ribuan di antara mereka daripada jatuh oleh pedang.

9 Tetapi lihatlah, ini bukanlah semuanya—kamu telah menahan belakamu dari mereka, sedemikian rupa sehingga banyak yang telah berperang dan menumpahkan

darah mereka kerana hasrat mereka yang besar yang mereka miliki demi kesejahteraan bangsa ini; ya, dan ini telah mereka lakukan ketika mereka hampir binasa kerana kelaparan, kerana pengabaianmu yang amat besar terhadap mereka.

10 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi—kerana kamu seharusnya dikasihi; ya, dan kamu seharusnya telah menggugah dirimu dengan lebih tekun demi kesejahteraan dan kebebasan bangsa ini; tetapi lihatlah, kamu telah mengabaikan mereka sedemikian rupa sehingga darah ribuan orang akan datang ke atas kepalamu untuk pembalasan dendam; ya, kerana diketahui Tuhan semua seruan mereka, dan segala penderitaan mereka—

11 Lihatlah, dapatkah kamu mengira bahawa kamu dapat duduk di atas takhtamu, dan kerana kebaikan besar Tuhan kamu dapat tidak melakukan apa pun dan Dia akan membebaskanmu? Lihatlah, jika kamu telah mengira ini kamu telah mengira dengan sia-sia.

12 Adakah kamu mengira bahawa, kerana sedemikian banyaknya daripada saudaramu telah terbunuh hal itu disebabkan oleh kejahatan mereka? Aku berkata kepadamu, jika kamu telah mengira ini kamu telah mengira dengan sia-sia; kerana aku berkata kepadamu, ada banyak yang telah jatuh oleh pedang; dan lihatlah hal itu mengakibatkan hukumanmu;

13 Kerana Tuhan membiarkan

yang soleh dibunuh agar keadilan dan penghakiman-Nya boleh datang ke atas yang jahat; oleh itu kamu tidak perlu mengira bahawa yang soleh hilang kerana mereka terbunuh; tetapi lihatlah, mereka masuk ke dalam peristirahatan Tuhan Raja mereka.

14 Dan sekarang, lihatlah, aku berkata kepadamu, aku berasa amat takut bahawa penghakiman Tuhan akan datang ke atas bangsa ini, kerana kemalasan mereka yang amat sangat, ya, bahkan kemalasan kerajaan kita, dan pengabaian mereka yang amat besar terhadap saudara-saudara mereka, ya, terhadap mereka yang telah terbunuh.

15 Kerana seandainya bukan kerana kejahatan yang pada awalnya bermula daripada ketua-ketua kita, kita mungkin dapat menahan musuh kita sehingga mereka tidak dapat menguasai diri kita.

16 Ya, jika bukan kerana peperangan yang tercetus di kalangan kita sendiri; ya, seandainya bukan kerana para penyokong raja ini, yang menyebabkan sedemikian banyaknya pertumpahan darah di kalangan kita sendiri; ya, pada waktu kita berselisihan di kalangan kita sendiri, jika kita telah menyatukan kekuatan kita seperti hingga kini telah kita lakukan; ya, jika bukan kerana hasrat akan kekuasaan dan wewenang yang para penyokong raja miliki atas diri kita; seandainya mereka setia pada perjuangan kebebasan kita, dan bersatu dengan kita, dan pergi melawan musuh kita, dan tidak

mengangkat pedang mereka melawan kita, yang menjadi sebab sedemikian banyaknya pertumpahan darah di kalangan kita sendiri; ya, jika kita telah pergi melawan mereka dalam kekuatan Tuhan, kita semestinya telah menyelerakkan musuh kita, kerana hal itu akan terjadi, menurut penggenapan firman-Nya.

17 Tetapi lihatlah, sekarang bangsa Laman menyerang kita, menguasai wilayah-wilayah kita, dan mereka membunuh rakyat kita dengan pedang, ya, kaum wanita kita dan anak-anak kita, dan juga membawa mereka pergi tertawan, menyebabkan mereka menderita segala macam kesengsaraan, dan ini kerana kejahatan besar mereka yang mengupayakan kekuasaan dan wewenang, ya, bahkan para penyokong raja itu.

18 Tetapi mengapa aku mesti berkata banyak berkenaan masalah ini? Kerana kami tidak tahu, barangkali kamu sendiri sedang mengupayakan wewenang. Kami tidak tahu, barangkali kamu juga pengkhianat terhadap negerimu.

19 Atau adakah kamu telah mengabaikan kami kerana kamu berada di tengah-tengah negeri kita dan kamu dikelilingi oleh keamanan, sehingga kamu tidak menyuruh supaya makanan dihantarkan kepada kami, dan juga orang untuk memperkuat tentera kami?

20 Adakah kamu telah melupakan perintah-perintah Tuhan Rajamu? Ya, adakah kamu telah

melupakan penawanan nenek moyang kita? Adakah kamu telah melupakan bahawa kita telah dibebaskan daripada tangan musuh kita berulang kalinya?

21 Atau adakah kamu mengira bahawa Tuhan masih akan membebaskan kita, sementara kita duduk di atas takhta kita dan tidak menggunakan sarana yang telah Tuhan sediakan bagi kita?

22 Ya, akankah kamu duduk dalam kemalasan sementara kamu dikelilingi oleh beribu-ribu daripada mereka, ya, dan berpuluh-puluh ribu, yang juga duduk dalam kemalasan, sementara ada beribu-ribu di sekitarnya di sempadan-sempadan negeri yang sedang jatuh oleh pedang, ya, terluka dan berdarah?

23 Adakah kamu mengira bahawa Tuhan akan memandangi sebagai tak bersalah sementara kamu duduk berdiam sahaja dan melihat hal-hal ini? Lihatlah aku berkata kepadamu, Tidak. Sekarang, aku menghendaki agar kamu hendaknya ingat bahawa Tuhan telah berfirman bahawa bahagian dalam bejana akan dibersihkan terlebih dahulu, dan kemudian akanlah bahagian luar bejana dibersihkan juga.

24 Dan sekarang, kecuali kamu bertaubat akan apa yang telah kamu lakukan, dan mula bangkit dan bergiat dan menghantar makanan dan orang kepada kami, dan juga kepada Helaman, agar dia boleh mendukung bahagian-bahagian itu di negeri kita yang

telah dia peroleh kembali, dan agar kita juga boleh mendapatkan kembali sisa wilayah-wilayah kita di bahagian-bahagian ini, lihatlah akanlah wajar bahawa kita jangan bertempur lagi melawan bangsa Laman sebelum kita telah terlebih dahulu membersihkan bahagian dalam bejana kita, ya, bahkan ketua utama kerajaan kita.

25 Dan kecuali kamu mengabulkan permintaan dalam suratku, dan keluar dan memperlihatkan kepadaku semangat kebebasan yang sejati, dan berusaha untuk memperkuat dan mengubui tentera kami, dan memberi mereka makanan untuk tunjangan mereka, lihatlah aku akan meninggalkan sebahagian daripada bangsa penyokong kebebasan untuk mempertahankan bahagian ini di negeri kita, dan aku akan meninggalkan kekuatan dan berkat-berkat Tuhan ke atas diri mereka, agar tiada kekuatan lain dapat bekerja melawan mereka—

26 Dan ini kerana iman mereka yang besar, dan kesabaran mereka dalam kesengsaraan mereka—

27 Dan aku akan datang kepadamu, dan jika ada seorang pun di antara kamu yang berhasrat untuk kebebasan, ya, jika ada bahkan sepercik kebebasan yang tertinggal, lihatlah aku akan membangkitkan pembelotan di kalangan kamu, bahkan sampai mereka yang memiliki hasrat untuk merebut kekuasaan dan wewenang akan menjadi pupus.

28 Ya, lihatlah aku tidak takut

akan kekuasaanmu atau wewenangmu, tetapi Tuhankulah yang aku takuti; dan menurut perintah-perintah-Nyalah maka aku mengangkat pedangku untuk membela perjuangan negeriku, dan disebabkan kederhakaanmu maka kami telah menderita sedemikian banyaknya kekalahan.

29 Lihatlah inilah waktunya, ya, waktunya sekarang di depan mata, bahawa kecuali kamu menggugah dirimu dalam pembelaan negerimu dan anak-anak kecilmu, pedang keadilan mengancam dirimu; ya, dan pedang akan jatuh ke atas dirimu dan mengunjungimu bahkan pada kehancuranmu sepenuhnya.

30 Lihatlah, aku menunggu pertolongan daripadamu; dan, kecuali kamu memberikan pertolongan untuk membantu kami, lihatlah, aku datang kepadamu, bahkan di negeri Zarahemla, dan menghentammu dengan pedang, sedemikian rupa sehingga kamu tidak dapat memiliki kekuasaan lagi untuk menghalang kemajuan bangsa ini dalam perjuangan kebebasan kita.

31 Kerana lihatlah, Tuhan tidak akan membiarkan bahawa kamu akan hidup dan menjadi kuat dalam kederhakaanmu untuk menghancurkan umat-Nya yang soleh.

32 Lihatlah, dapatkah kamu mengira bahawa Tuhan akan membiarkanmu hidup dan menjalankan penghakiman terhadap bangsa Laman, ketika adalah adat

resam nenek moyang mereka yang telah menyebabkan kebencian mereka, ya, dan perasaan itu telah dilipatgandakan oleh mereka yang telah membelot dari kita, sementara kederhakaanmu disebabkan cintamu akan kemuliaan dan apa yang sia-sia di dunia?

33 Kamu tahu bahawa kamu melanggar hukum-hukum Tuhan, dan kamu tahu bahawa kamu memijak-mijaknya di bawah kakimu. Lihatlah, Tuhan berfirman kepadaku: Jika mereka yang telah kamu lantik sebagai pentadbir-pentadbirmu tidak bertaubat akan dosa dan kederhakaan mereka, kamu akan pergi bertempur melawan mereka.

34 Dan sekarang, lihatlah, aku, Moroni, didesak, menurut perjanjian yang telah aku buat untuk mentaati perintah-perintah Tuhanku; oleh itu aku menghendaki agar kamu hendaknya berpegang pada firman Tuhan, dan menghantar selekasnya kepadaku sebahagian daripada bekalanmu dan sebahagian daripada orangmu, dan juga kepada Helaman.

35 Dan lihatlah, jika kamu tidak akan melakukan ini aku datang kepadamu dengan segera; kerana lihatlah, Tuhan tidak akan membiarkan bahawa kami akan binasa akibat kelaparan; oleh itu Dia akan memberikan kepada kami daripada makananmu, bahkan jika itu mesti dengan pedang. Sekarang, pastikanlah agar kamu menggenapi firman Tuhan.

36 Lihatlah, aku Moroni, panglima utamamu. Aku tidak mengupayakan kekuasaan, tetapi untuk meruntuhkannya. Aku tidak mengupayakan kehormatan dunia, tetapi kemuliaan Tuhanku, dan kebebasan dan kesejahteraan negeriku. Dan demikianlah aku menutup suratku.

BAB 61

Pahoran memberitahu Moroni tentang pembelotan dan pemberontakan melawan kerajaan—Para penyokong raja menawan Zarahemla dan bersekutu dengan bangsa Laman—Pahoran meminta bantuan ketenteraan melawan para pemberontak. Kira-kira 62 tahun S.M.

LIHATLAH, sekarang, terjadilah bahawa tidak lama selepas Moroni mengirimkan suratnya kepada pentadbir utama, dia menerima sepucuk surat dari Pahoran, si pentadbir utama. dan inilah kata-kata yang dia terima:

2 Aku, Pahoran, iaitu pentadbir utama negeri ini, mengirimkan kata-kata ini kepada Moroni, panglima utama atas tentera. Lihatlah, aku berkata kepadamu, Moroni, bahawa aku tidak bersukacita dalam kesengsaraanmu yang teruk, ya, itu memilukan jiwaku.

3 Tetapi lihatlah, ada yang bersukacita dalam kesengsaraanmu, ya, sedemikian rupa sehingga mereka telah bangkit dalam pemberontakan melawanku, dan juga mereka daripada orangku yang

merupakan para penyokong kebebasan, ya, dan mereka yang telah bangkit amatlah banyak.

4 Dan merekalah yang berupaya mengambil kerusi penghakiman dariku yang telah menjadi sebab kederhakaan yang besar ini; kerana mereka telah menggunakan kata-kata mengangkat yang hebat, dan mereka telah menyesatkan hati banyak orang, yang akan menjadi sebab kesengsaraan yang teruk di kalangan kita; mereka telah menahan bekalan kita, dan telah menggertak para penyokong kebebasan kami sehingga mereka tidak datang kepadamu.

5 Dan lihatlah, mereka telah menghalauku dari hadapan mereka, dan aku telah melarikan diri ke negeri Gideon, bersama sebanyak orang yang mungkin yang dapat aku peroleh.

6 Dan lihatlah, aku telah mengutuskan suatu perisytiharan ke seluruh bahagian negeri ini; dan lihatlah, mereka datang berduyunduyun ke arah kami setiap hari, mengangkat persenjataan mereka, dalam pembelaan negeri mereka dan kebebasan mereka, dan untuk membalas ketidakadilan telah dilakukan terhadap kami.

7 Dan mereka telah datang kepada kami, sedemikian rupa sehingga mereka itu yang telah bangkit dalam pemberontakan melawan kami ditentang, ya, sedemikian rupa sehingga mereka takut kepada kami dan tidak berani keluar melawan kami untuk bertempur.

8 Mereka telah menguasai negeri ini, atau kota Zarahemla; mereka telah melantik seorang raja atas diri mereka, dan dia telah menulis kepada raja bangsa Laman, yang di dalamnya dia telah mengikat suatu persekutuan dengannya; yang dalam persekutuan itu dia telah sepakat untuk mempertahankan kota Zarahemla, yang pertahanannya dia kira akan memungkinkan bangsa Laman untuk menaklukkan baki negeri itu, dan dia akan ditempatkan sebagai raja atas bangsa ini ketika mereka akan ditaklukkan di bawah bangsa Laman.

9 Dan sekarang, dalam suratmu kamu telah mengecamku, tetapi itu tidaklah penting; aku tidak marah, tetapi bersukacita dalam kebesaran hatimu. Aku, Pahoran, tidak mengupayakan kekuasaan, kecuali hanya untuk mempertahankan kerusi penghakimanku agar aku boleh memelihara hak-hak dan kemerdekaan bangsaku. Jiwaku berdiri teguh dalam kemerdekaan itu yang di dalamnya Tuhan telah menjadikan kita bebas.

10 Dan sekarang, lihatlah, kita akan melawan kejahatan bahkan sampai pertumpahan darah. Kita tidak akan menumpahkan darah bangsa Laman jika mereka akan tinggal di negeri mereka sendiri.

11 Kita tidak akan menumpahkan darah saudara-saudara kita jika mereka tidak akan bangkit dalam pemberontakan dan mengangkat pedang melawan kita.

12 Kita akan menjadikan diri kita tunduk pada kuk perhambaan jika

diperlukan oleh keadilan Tuhan, atau jika Dia akan memerintahkan kita untuk melakukan demikian.

13 Tetapi lihatlah Dia tidak memerintahkan kita agar kita akan menjadikan diri kita tunduk kepada musuh kita, tetapi agar kita hendaknya menaruh kepercayaan kita kepada-Nya, dan Dia akan membebaskan kita.

14 Oleh itu, saudaraku Moroni yang dikasihi, marilah kita melawan kejahatan, dan kejahatan apa pun yang tidak dapat kita lawan dengan perkataan-perkataan kita, ya, seperti pemberontakan dan pembelotan, marilah kita melawannya dengan pedang kita, agar kita boleh mempertahankan kebebasan kita, agar kita boleh bersukacita dalam hak istimewa yang besar iaitu mempunyai gereja kita, dan dalam perjuangan Penebus kita dan Tuhan kita.

15 Oleh itu, datanglah kepadaku dengan cepat bersama beberapa orangmu, dan tinggalkanlah yang bakinya di bawah tanggungjawab Lehi dan Teankum; berikanlah kepada mereka kekuasaan untuk memimpin peperangan di bahagian negeri itu, menurut Roh Tuhan, yang juga roh kebebasan yang berada dalam diri mereka.

16 Lihatlah aku telah menghantar sedikit bekalan kepada mereka, agar mereka tidak akan binasa sampai kamu dapat datang kepadaku.

17 Kumpulkanlah bersama pasukan tentera apa pun yang kamu mampu semasa kamu berkawat ke

sini, dan kita akan pergi dengan cepat melawan para pembelot itu, dalam kekuatan Tuhan kita menurut iman yang ada dalam diri kita.

18 Dan kita akan mengambil penguasaan atas kota Zarahemla, agar kita boleh mendapatkan lebih banyak makanan untuk dihantarkan kepada Lehi dan Teankum; ya, kita akan pergi melawan mereka dalam kekuatan Tuhan, dan kita akan mengakhiri kederhakaan yang besar ini.

19 Dan sekarang, Moroni, aku bersukacita dalam menerima suratmu, kerana aku sedikit cemas berkenaan apa yang hendaknya kami lakukan, sama ada adakah adil bagi kami pergi melawan saudara-saudara kita.

20 Tetapi kamu telah berkata, kecuali mereka bertaubat, Tuhan telah memerintahkanmu bahawa kamu hendaknya pergi melawan mereka.

21 Pastikanlah bahawa kamu memperkuatkan Lehi dan Teankum di dalam Tuhan; beritahulah mereka untuk jangan takut, kerana Tuhan akan membebaskan mereka, ya, dan juga mereka semua yang berdiri teguh dalam kemerdekaan itu yang dengannya Tuhan telah menjadikan mereka bebas. Dan sekarang aku menutup suratku kepada saudaraku yang dikasihi, Moroni.

BAB 62

Moroni berkawat pergi untuk memberi

bantuan kepada Pahoran di negeri Gideon—Para penyokong raja yang enggan membela negeri mereka dihukum mati—Pahoran dan Moroni merebut kembali Nefiha—Banyak bangsa Laman bergabung dengan orang Amon—Teankum membunuh Amoron dan selepas itu dia terbunuh—Bangsa Laman dihalau dari negeri itu, dan kedamaian ditegakkan—Helaman kembali pada pelayanan dan membangun Gereja. Kira-kira 62-57 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa ketika Moroni telah menerima surat ini hatinya mulai bersemangat, dan dipenuhi dengan sukacita yang amat besar kerana kesetiaan Pahoran, bahawa dia bukan juga pengkhianat terhadap kebebasan dan perjuangan negerinya.

2 Tetapi dia juga amat berduka nestapa kerana kederhakaan mereka yang telah menghalau Pahoran dari kerusi penghakiman, ya, kesimpulannya kerana mereka yang telah memberontak terhadap negeri mereka dan juga Tuhan mereka.

3 Dan terjadilah bahawa Moroni membawa sejumlah kecil orang, menurut hasrat Pahoran, dan memberi Lehi dan Teankum penguasaan atas baki tenteranya, dan berkawat menuju negeri Gideon.

4 Dan dia mengangkat panji kemerdekaan di tempat mana pun yang dia masuki, dan memperoleh pasukan tentera apa pun yang dapat dia peroleh di sepanjang

gerakan kawatnya menuju negeri Gideon.

5 Dan terjadilah bahawa ribuan orang berduyun-duyun menuju panjinya, dan mengangkat pedang mereka dalam pembelaan kebebasan mereka, agar mereka tidak akan jatuh ke dalam perhambaan.

6 Dan demikianlah, ketika Moroni telah mengumpulkan bersama orang siapa pun yang dapat dia kumpulkan di sepanjang gerakan kawatnya, dia tiba di negeri Gideon; dan menyatukan pasukan-pasukan tenteranya dengan mereka yang daripada Pahoran, mereka menjadi amat kuat, bahkan lebih kuat daripada orang Pakus, iaitu raja atas para pembelot itu yang telah menghalau para penyokong kebebasan dari negeri Zarahemla dan telah mengambil penguasaan atas negeri itu.

7 Dan terjadilah bahawa Moroni dan Pahoran pergi bersama tentera-tentera mereka ke negeri Zarahemla, dan pergi melawan kota itu, dan menghadapi orang Pakus, sedemikian rupa sehingga mereka datang untuk bertempur.

8 Dan lihatlah, Pakus terbunuh dan orangnya dibawa sebagai tawanan, dan Pahoran dikembalikan ke kerusi penghakimannya.

9 Dan orang Pakus menerima perbicaraan mereka, menurut hukum, dan juga para penyokong raja itu yang telah ditangkap dan dilemparkan ke dalam penjara; dan mereka dihukum mati menurut hukum; ya, orang Pakus itu dan para penyokong raja itu,

barang siapa yang tidak mahu mengangkat senjata dalam pertahanan negeri mereka, tetapi akan berperang melawannya, dihukum mati.

10 Dan demikianlah menjadi perlu bahawa hukum ini hendaknya dengan ketat ditaati demi keamanan negeri mereka; ya, dan barang siapa didapati menyangkal kebebasan mereka dengan cepat dihukum mati menurut hukum.

11 Dan demikianlah berakhirnya tahun ketiga puluh zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi; Moroni dan Pahoran telah memulihkan kedamaian di negeri Zarahemla, di kalangan bangsa mereka sendiri, setelah menimpakan kematian ke atas diri mereka semua yang tidak setia pada perjuangan kebebasan.

12 Dan terjadilah pada permulaan tahun ketiga puluh dan satu zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi, Moroni dengan serta-merta menyuruh agar bekalan hendaknya dihantar, dan juga sebuah tentera enam ribu orang hendaknya dihantar kepada Helaman, untuk membantunya dalam melindungi bahagian negeri itu.

13 Dan dia juga menyuruh agar tentera enam ribu orang, dengan sejumlah makanan yang cukup, hendaknya dihantar kepada tentera-tentera Lehi dan Teankum. Dan terjadilah bahawa ini dilakukan untuk mengubui negeri terhadap bangsa Laman.

14 Dan terjadilah bahawa Moroni

dan Pahoran, meninggalkan sekelompok besar orang di negeri Zarahemla, melakukan gerakan kawat mereka bersama sekelompok besar lelaki menuju negeri Nefiha, bertekad untuk menumbangkan bangsa Laman di kota itu.

15 Dan terjadilah bahawa sewaktu mereka sedang berkawat menuju negeri itu, mereka menangkap sekelompok besar bangsa Laman, dan membunuh banyak daripada mereka, dan mengambil bekalan mereka dan senjata peperangan mereka.

16 Dan terjadilah setelah mereka menangkap mereka, mereka menyuruh mereka masuk ke dalam sebuah perjanjian bahawa mereka tidak akan lagi mengangkat senjata peperangan melawan bangsa Nefi.

17 Dan ketika mereka telah masuk ke dalam perjanjian ini mereka menghantar mereka untuk diam bersama orang Amon, dan mereka berjumlah kira-kira empat ribu orang yang tidak dibunuh.

18 Dan terjadilah bahawa ketika mereka telah menghantar mereka pergi mereka meneruskan gerakan kawat mereka menuju negeri Nefiha. Dan terjadilah bahawa ketika mereka telah tiba di kota Nefiha, mereka mendirikan khemah-khemah mereka di dataran Nefiha, yang berada dekat kota Nefiha.

19 Sekarang, Moroni berhasrat agar bangsa Laman hendaknya keluar untuk bertempur melawan mereka, di atas dataran itu; tetapi bangsa Laman, tahu akan

keberanian mereka yang amat besar, dan melihat besarnya jumlah mereka, oleh itu mereka tidak berani keluar melawan mereka; oleh itu mereka tidak datang untuk bertempur pada hari itu.

20 Dan ketika malam hari tiba, Moroni keluar dalam kegelapan malam, dan datang ke atas tembok untuk mengintip di bahagian mana kota itu bangsa Laman telah berkhemah bersama tentera mereka.

21 Dan terjadilah bahawa mereka berada di timur, dekat jalan masuk; dan mereka semuanya tertidur. Dan sekarang, Moroni kembali ke tenteranya, dan menyuruh agar mereka hendaknya mempersiapkan dengan bergegas tali yang kuat dan tangga, untuk diturunkan dari atas tembok ke bahagian dalam tembok itu.

22 Dan terjadilah bahawa Moroni menyuruh agar orangnya hendaknya berkawat dan memanjat ke atas tembok, dan menurunkan diri mereka ke dalam bahagian kota itu, ya, bahkan di barat, di mana bangsa Laman tidak berkhemah bersama tentera-tentera mereka.

23 Dan terjadilah bahawa mereka semuanya diturunkan ke dalam kota pada malam hari, dengan menggunakan tali mereka yang kuat dan tangga mereka; demikianlah ketika pagi tiba mereka semua berada di sebelah dalam tembok kota.

24 Dan sekarang, ketika bangsa Laman bangun dan melihat bahawa tentera Moroni berada di

sebelah dalam tembok, mereka amat ketakutan, sedemikian rupa sehingga mereka melarikan diri melalui laluan.

25 Dan sekarang, ketika Moroni melihat bahawa mereka melarikan diri di hadapannya, dia menyuruh agar orangnya berkawat pergi melawan mereka, dan membunuh banyak orang, dan mengepung banyak yang lain, dan membawa mereka sebagai tawanan; dan baki daripada mereka melarikan diri ke negeri Moroni, yang berada di sempadan dekat tepi laut.

26 Demikianlah Moroni dan Pahoran telah memperoleh penguasaan atas kota Nefiha tanpa kehilangan satu jiwa pun; dan ada banyak daripada bangsa Laman yang terbunuh.

27 Sekarang, terjadilah bahawa banyak daripada bangsa Laman yang menjadi tawanan berhasrat untuk bergabung dengan orang Amon dan menjadi suatu bangsa yang bebas.

28 Dan terjadilah bahawa sebanyak yang berhasrat, kepada mereka dikabulkan menurut hasrat mereka.

29 Oleh itu, semua tawanan bangsa Laman bergabung dengan orang Amon, dan mula bekerja amat keras, mengolah tanah, menumbuhkan segala macam biji-bijian, dan memelihara kawanan domba dan kawanan ternak daripada setiap jenis; dan demikianlah bangsa Nefi dibebaskan daripada beban yang berat; ya, sedemikian rupa sehingga mereka dibebaskan

daripada semua tawanan bangsa Laman.

30 Sekarang, terjadilah bahawa Moroni, setelah dia menguasai kota Nefiha, setelah menangkap banyak tawanan, yang menyusutkan tentera bangsa Laman dengan amat banyak, dan setelah memperoleh kembali banyak daripada bangsa Nefi yang telah dibawa sebagai tawanan, yang amat memperkuat tentera Moroni; oleh itu Moroni pergi dari negeri Nefiha ke negeri Lehi.

31 Dan terjadilah bahawa ketika bangsa Laman melihat bahawa Moroni datang melawan mereka, mereka ketakutan sekali lagi dan melarikan diri dari hadapan tentera Moroni.

32 Dan terjadilah bahawa Moroni dan tenteranya mengejar mereka dari kota ke kota, sampai mereka dihadapi oleh Lehi dan Teankum; dan bangsa Laman melarikan diri dari Lehi dan Teankum, bahkan hingga ke sempadan dekat tepi laut, sampai mereka tiba di negeri Moroni.

33 Dan tentera bangsa Laman semuanya berkumpul bersama, sedemikian rupa sehingga mereka semua berada dalam satu kelompok di negeri Moroni. Sekarang, Amoron, raja bangsa Laman, juga berada bersama mereka.

34 Dan terjadilah bahawa Moroni dan Lehi dan Teankum berkhemah bersama tentera-tentera mereka di sekitar sempadan negeri Moroni, sedemikian rupa sehingga bangsa Laman terkepung di sempadan

dekat padang belantara di selatan, dan di sempadan dekat padang belantara di timur.

35 Dan demikianlah mereka berkhemah untuk malam itu. Kerana lihatlah, bangsa Nefi dan bangsa Laman juga lelah kerana jauhnya gerakan kawatnya; oleh itu mereka tidak memutuskan tipu muslihat apa pun pada waktu malam, kecuali Teankum; kerana dia amat marah terhadap Amoron, sedemikian rupa sehingga dia menganggap bahawa Amoron, dan Amalikia saudaranya, telah menjadi sebab peperangan yang besar dan berpanjangan antara mereka dan bangsa Laman, yang telah menjadi sebab sedemikian banyaknya peperangan dan pertumpahan darah, ya, dan sedemikian banyaknya kebuluran.

36 Dan terjadilah bahawa Teankum dalam kemarahannya pergi ke dalam perkhemahan bangsa Laman, dan menurunkan dirinya menyeberangi tembok kota. Dan dia pergi dengan seutas tali, dari tempat ke tempat, sedemikian rupa sehingga dia menemui raja; dan dia melemparkan sebuah lembing ke arahnya, yang menusuknya dekat jantung. Tetapi lihatlah, raja membangunkan para orang suruhannya sebelum dia mati, sedemikian rupa sehingga mereka mengejar Teankum, dan membunuhnya.

37 Sekarang, terjadilah bahawa ketika Lehi dan Moroni tahu bahawa Teankum telah mati, mereka amat penuh dukacita; kerana

lihatlah, dia seorang yang telah berperang dengan gagah berani untuk negerinya, ya, seorang teman sejati bagi kemerdekaan; dan dia telah menderita amat sangat banyak kesengsaraan yang teruk. Tetapi lihatlah, dia telah mati, dan telah meninggal dunia.

38 Sekarang, terjadilah bahawa Moroni berkawat maju pada kesokan harinya, dan menyerang bangsa Laman, sedemikian rupa sehingga mereka membunuh mereka dengan pembantaian yang hebat; dan mereka menghalau mereka keluar dari negeri itu; dan mereka melarikan diri, bahkan sehingga mereka tidak kembali pada waktu itu melawan bangsa Nefi.

39 Dan demikianlah berakhir tahun ketiga puluh dan satu zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi; dan demikianlah mereka telah mengalami peperangan, dan pertumpahan darah, dan kebuluran, dan kesengsaraan, untuk tempoh waktu bertahun-tahun.

40 Dan telah terjadi pembunuhan, dan perselisihan, dan pembelotan, dan segala macam kederhakaan di kalangan bangsa Nefi; walaupun demikian demi kepentingan orang soleh, ya, kerana doa-doa orang soleh, mereka dibiarkan hidup.

41 Tetapi lihatlah, kerana amat sangat lamanya peperangan antara bangsa Nefi dan bangsa Laman banyak yang telah menjadi keras, kerana amat sangat lamanya peperangan; dan banyak yang dilunakkan kerana kesengsaraan

mereka, sedemikian rupa sehingga mereka merendahkan hati mereka di hadapan Tuhan, bahkan dalam kerendahan hati yang mendalam.

42 Dan terjadilah bahawa setelah Moroni mengubui bahagian-bahagian negeri itu yang paling terdedah kepada bangsa Laman, sampai bahagian itu cukup kuat, dia kembali ke kota Zarahemla; dan juga Helaman kembali ke tempat warisannya; dan sekali lagi ada kedamaian ditegakkan di kalangan bangsa Nefi.

43 Dan Moroni menyerahkan penguasaan atas tentera-tenteranya ke dalam tangan puteranya, yang namanya Moroniha; dan dia mengundurkan diri ke rumahnya sendiri agar dia boleh menghabiskan hari-hari akhirnya dalam kedamaian.

44 Dan Pahoran kembali ke kerusi penghakimannya; dan Helaman mengambil ke atas dirinya lagi untuk mengkhutbahkan kepada orang firman Tuhan; kerana disebabkan sedemikian banyaknya peperangan dan perselisihan telah menjadi perlu bahawa suatu peraturan hendaknya dibuat lagi di dalam gereja.

45 Oleh itu, Helaman dan saudara-saudaranya pergi, dan memaklumkan firman Tuhan dengan banyak kekuatan yang meyakinkan banyak orang akan kejahatan mereka, yang menyebabkan mereka bertaubat akan dosa-dosa mereka dan dibaptis kepada Tuhan Raja mereka.

46 Dan terjadilah bahawa mereka

menegakkan kembali gereja Tuhan, di seluruh negeri.

47 Ya, dan peraturan-peraturan dibuat berkenaan hukum. Dan para hakim mereka, dan para hakim utama mereka dipilih.

48 Dan bangsa Nefi mula makmur kembali di negeri itu, dan mula bertambah banyak dan menjadi amat kuat kembali di negeri itu. Dan mereka mula menjadi amat kaya.

49 Tetapi tidak mengira kekayaan mereka, atau kekuatan mereka, atau kemakmuran mereka, mereka tidak terangkat-angkat dalam keangkuhan di mata mereka; tidak juga mereka lambat untuk mengingat Tuhan Raja mereka; tetapi mereka merendahkan hati mereka dengan amat dalam di hadapan-Nya.

50 Ya, mereka mengingati betapa besar hal-hal yang telah Tuhan lakukan bagi mereka, bahawa Dia telah membebaskan mereka daripada kematian, dan daripada ikatan, dan daripada penjara, dan daripada segala macam kesengsaraan, dan Dia telah membebaskan mereka daripada tangan musuh mereka.

51 Dan mereka berdoa kepada Tuhan Raja mereka secara berterusan, sedemikian rupa sehingga Tuhan memberkati mereka, menurut firman-Nya, sehingga mereka menjadi kuat dan makmur di negeri itu.

52 Dan terjadilah bahawa segala sesuatu ini telah terjadi. Dan Helaman mati, pada tahun ketiga

puluh dan lima zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi.

BAB 63

Siblon dan selepas itu, Helaman, mengambil tanggungjawab penjagaan catatan-catatan suci—Banyak bangsa Nefi pergi ke negeri di sebelah utara—Hagot membina kapal-kapal, yang berlayar di laut barat—Moroniha mengalahkan bangsa Laman dalam pertempuran. Kira-kira 56–52 tahun S.M.

DAN terjadilah pada permulaan tahun ketiga puluh dan enam zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi, bahawa Siblon mengambil tanggungjawab penjagaan benda-benda suci itu yang telah diserahkan kepada Helaman oleh Alma.

2 Dan dia seorang lelaki yang soleh, dan dia berjalan dengan tegak lurus di hadapan Tuhan; dan dia berusaha keras untuk melakukan kebaikan secara berterusan, untuk mentaati perintah-perintah Tuhan Rajanya; dan juga saudaranya.

3 Dan terjadilah bahawa Moroni mati juga. Dan demikianlah berakhirnya tahun ketiga puluh dan enam zaman pemerintahan hakim-hakim.

4 Dan terjadilah bahawa pada tahun ketiga puluh dan tujuh zaman pemerintahan hakim-hakim, ada serombongan besar lelaki, bahkan berjumlah lima ribu dan empat ratus orang, bersama isteri-isteri

dan anak-anak mereka, berangkat dari negeri Zarahemla ke negeri yang berada di sebelah utara.

5 Dan terjadilah bahawa Hagot, dia seorang lelaki yang amat ingin tahu, oleh itu dia pergi dan membina bagi dirinya sebuah kapal yang amat besar, di sempadan negeri Kelimpahan, dekat negeri Kemusnahan, dan melancarkannya ke laut barat, dekat genting yang menuju ke negeri di sebelah utara.

6 Dan lihatlah, ada banyak daripada bangsa Nefi yang masuk ke dalamnya dan belayar dengan banyak bekalan, dan juga banyak wanita dan anak-anak; dan mereka mengarahkan perjalanan mereka ke sebelah utara. Dan demikianlah berakhirnya tahun ketiga puluh dan tujuh.

7 Dan pada tahun ketiga puluh dan lapan, lelaki ini membina kapal-kapal yang lain. Dan kapal yang pertama juga kembali, dan banyak lagi orang yang masuk ke dalamnya; dan mereka juga membawa banyak bekalan, dan berangkat lagi ke negeri di sebelah utara.

8 Dan terjadilah bahawa tidak lagi terdengar khabar daripada mereka. Dan kami mengira bahawa mereka tenggelam di kedalaman laut. Dan terjadilah bahawa sebuah kapal yang lain juga berlayar; dan ke mana ianya pergi kami tidak tahu.

9 Dan terjadilah bahawa pada tahun ini ada banyak orang yang pergi ke negeri di sebelah utara.

Dan demikianlah berakhirnya tahun ketiga puluh dan lapan.

10 Dan terjadilah pada tahun ketiga puluh dan sembilan zaman pemerintahan hakim-hakim, Siblon mati juga, dan Korianton telah pergi ke negeri di sebelah utara di dalam sebuah kapal, untuk membawa bekalan kepada orang yang telah pergi ke negeri itu.

11 Oleh itu menjadi perlu bagi Siblon untuk menurunkan benda-benda suci itu, sebelum kematiannya, kepada putera Helaman, yang bernama Helaman, dinamakan menurut nama ayahnya.

12 Sekarang, lihatlah, semua ukiran itu yang ada dalam pemilikan Helaman ditulis dan dihantar ke kalangan anak-anak manusia di seluruh negeri, kecuali ke bahagian-bahagian yang telah diperintahkan oleh Alma hendaknya tidak disebarluaskan.

13 Walaupun demikian, benda-benda ini mesti dilindungi kesuciannya, dan diturunkan dari satu generasi kepada yang lain; oleh itu, pada tahun ini, benda-benda itu diturunkan kepada Helaman, sebelum kematian Siblon.

14 Dan terjadilah juga pada tahun ini bahawa ada beberapa orang pembelot yang telah pergi kepada bangsa Laman; dan mereka dihasut lagi menjadi marah terhadap bangsa Nefi.

15 Dan juga pada tahun yang sama ini mereka datang dengan sebuah tentera berjumlah besar untuk berperang melawan orang

Moroniha, atau melawan tentera Moroniha, yang di dalamnya mereka dikalahkan dan dihalau kembali lagi ke negeri mereka sendiri, mengalami banyak kehilangan nyawa.

16 Dan demikianlah berakhirnya

tahun ketiga puluh dan sembilan zaman pemerintahan hakim-hakim atas bangsa Nefi.

17 Dan demikianlah berakhirnya laporan Alma, dan Helaman puteranya, dan juga Siblon, iaitu puteranya.

KITAB HELAMAN

Sebuah laporan tentang bangsa Nefi. Peperangan dan pertikaian mereka, dan pembelotan mereka. Dan juga banyak nubuat daripada para nabi suci, sebelum kedatangan Kristus, menurut catatan-catatan Helaman, yang merupakan anak lelaki Helaman, dan juga menurut catatan anak-anak lelakinya, sehinggalah kepada kedatangan Kristus. Dan juga banyak bangsa Laman yang telah bertukar hati. Sebuah laporan tentang penukaran hati mereka. Sebuah laporan tentang kesolehan Bangsa Laman, dan kejahatan dan kekejian Bangsa Nefi, menurut catatan Helaman dan anak-anak lelakinya, sehinggalah kepada kedatangan Kristus, yang dipanggil Kitab Helaman, dan seterusnya.

BAB 1

Pahoran yang kedua telah menjadi hakim utama dan telah dibunuh oleh Kiskumen—Pakumeni mengisi kerusi penghakiman—Koriantumr mengentuai para tentera Bangsa Laman, menawan Zarahemla, dan membunuh Pakumeni—Moroniha mengalahkan Bangsa Laman dan menawan semula Zarahemla, dan Koriantumr dibunuh. Kira-kira 52–50 tahun S.M.

DAN sekarang lihatlah, terjadilah bahawa pada permulaan tahun keempat puluh dalam zaman pemerintahan para hakim terhadap bangsa Nefi, maka

bermulanya suatu masalah yang serius di kalangan Bangsa Nefi.

2 Dan lihatlah, Pahoran telah meninggal dunia; oleh itu, maka bermulanya satu perbalahan yang serius tentang siapa yang harus mengisi kerusi penghakiman di kalangan adik-beradik tersebut, yang merupakan anak-anak Pahoran.

3 Maka ini adalah nama-nama mereka yang berebutkan kerusi penghakiman tersebut, mereka juga telah menyebabkan rakyat berbalah: Pahoran, Paanki, dan Pakumeni.

4 Sekarang bukan mereka sahaja anak-anak Pahoran (kerana dia mempunyai ramai anak), tetapi ini

adalah mereka yang berebutkan kerusi penghakiman; oleh kerana itu, mereka telah menyebabkan perpecahan kepada tiga bahagian di kalangan rakyat.

5 Meskipun demikian, maka terjadilah bahawa Pahoran telah dilantik oleh suara rakyat untuk menjadi hakim utama dan juga pentadbir bagi bangsa Nefi.

6 Maka terjadilah bahawa Pakumeni, apabila dia melihat bahawa dia tidak boleh mendapatkan kerusi penghakiman itu, dia pun bersatu dengan suara rakyat.

7 Tetapi lihatlah, Paanki dan sebahagian daripada rakyat yang menginginkan dia menjadi pentadbir mereka, telah menjadi sangat marah; oleh kerana itu, dia hampir-hampir menghasut mereka untuk bangun memberontak terhadap saudara-saudara mereka.

8 Dan terjadilah semasa dia hampir melakukan ini, lihatlah, dia ditangkap, dan diadili menurut suara rakyat, dan dihukum mati; kerana dia telah bangun memberontak dan cuba menghancurkan kemerdekaan rakyat.

9 Sekarang apabila orang-orang yang menginginkan dia untuk menjadi pentadbir mereka melihat bahawa dia telah dihukum mati, oleh itu mereka menjadi marah, dan lihatlah, mereka telah menghantar seorang bernama Kiskumen, bahkan sampai ke kerusi penghakiman Pahoran, dan membunuh Pahoran semasa dia duduk di atas kerusi penghakiman.

10 Dan dia telah dikejar oleh para

orang suruhan Pahoran; tetapi lihatlah, begitu pantas Kiskumen berlari sehinggakan tidak seorang pun yang mampu mendahuluinya.

11 Dan dia telah pergi kepada mereka yang mengutusnyanya, dan mereka semua masuk ke dalam sebuah perjanjian, ya, dan bersumpah ke atas Pencipta kekal mereka, bahawa mereka tidak akan memberitahu sesiapa pun bahawa Kiskumen telah membunuh Pahoran.

12 Oleh kerana itu, Kiskumen tidak dikenali di kalangan bangsa Nefi, kerana dia telah menyamar semasa dia membunuh Pahoran. Dan Kiskumen serta kumpulan-nya, mereka yang telah berjanji dengannya, telah bercampur gaul di kalangan rakyat, dalam cara yang menyebabkan mereka tidak dapat ditemui; akan tetapi sebanyak mana yang ditemui telah dihukum mati.

13 Dan sekarang lihatlah, Pakumeni telah dilantik, menurut suara rakyat, untuk menjadi hakim utama dan pentadbir ke atas mereka, untuk memerintah menggantikan saudaranya Pahoran; dan ini juga menurut haknya. Dan semuanya ini telah dilakukan dalam tahun keempat puluh pemerintahan para hakim; dan telah berakhir.

14 Dan terjadilah bahawa di dalam tahun keempat puluh satu pemerintahan para hakim, bangsa Laman telah mengumpulkan bala tentera yang tak terhingga banyaknya, dan melengkapkan mereka

dengan pedang, dan dengan golok dan dengan busur, dan dengan anak panah, dan dengan topi besi, dan dengan perisai dada, dan dengan semua jenis perisai.

15 Dan mereka datang lagi supaya mereka dapat bertempur dengan Bangsa Nefi. Dan mereka telah diketuai oleh seorang lelaki yang bernama Koriantumr; dan dia merupakan keturunan Zarahemla; dan dia merupakan seorang pembelot dari kalangan Bangsa Nefi; dan dia merupakan seorang lelaki yang besar dan perkasa.

16 Oleh kerana itu, raja Bangsa Laman, yang bernama Tubalot, yang merupakan anak lelaki kepada Amoron, mengharapkan bahawa Koriantumr, sebagai seorang lelaki perkasa, mampu menentang Bangsa Nefi, dengan kekuatan dan juga kebijaksanaannya, sehingga dia menghantarnya agar dia dapat menguasai Bangsa Nefi.

17 Oleh kerana itu, dia telah menghasut mereka menjadi marah, dan dia telah mengumpulkan bersama bala tenteranya, dan dia telah melantik Koriantumr untuk menjadi ketua mereka, dan telah menyuruh mereka bergerak turun ke negeri Zarahemla untuk bertempur melawan Bangsa Nefi.

18 Dan terjadilah bahawa disebabkan begitu banyak pertikaian dan kesulitan di dalam kerajaan, mereka tidak menempatkan para pengawal yang mencukupi di dalam negeri Zarahemla; kerana mereka menyangka bahawa Bangsa Laman tidak akan datang untuk

menyerang pusat negeri-negeri mereka untuk menyerang kota Zarahemla yang besar itu.

19 Tetapi terjadilah bahawa Koriantumr telah bergerak maju di hadapan bala tenteranya yang besar, dan menyerang para penduduk kota tersebut, dan mereka bergerak dengan pantas sehingga Bangsa Nefi tidak sempat untuk mengumpulkan bala tentera mereka.

20 Oleh kerana itu, Koriantumr telah mengalahkan pengawal di pintu masuk kota tersebut, dan telah bergerak maju dengan seluruh bala tenteranya ke dalam kota, dan mereka telah membunuh setiap orang yang menentang mereka, sedemikian rupa sehingga mereka telah menawan seluruh kota tersebut.

21 Dan terjadilah bahawa Pakumeni, yang merupakan hakim utama, telah melarikan diri daripada Koriantumr, bahkan sehingga ke dinding tembok kota tersebut. Dan terjadilah bahawa Koriantumr telah menghentamnya ke atas dinding tembok kota, sedemikian rupa sehingga dia mati. Dengan demikian berakhirlah riwayat Pakumeni.

22 Dan sekarang apabila Koriantumr melihat bahawa dia telah menawan Kota Zarahemla, dan melihat bahawa Bangsa Nefi telah melarikan diri daripada mereka, dan telah dibunuh, dan ditangkap, dan dimasukkan ke dalam penjara, dan bahawa dia telah dapat menawan tempat pertahanan yang terkuat di seluruh

negeri itu, hatinya menjadi berani sehinggakan dia ingin menyerang seluruh kawasan negeri itu.

23 Dan sekarang dia tidak tinggal di negeri Zarahemla, tetapi dia telah bergerak maju dengan sebuah bala tentera yang besar, bahkan menuju ke Kota Kelimpahan; kerana ini merupakan keinginannya untuk maju dan membuka jalan dengan pedang, agar dia dapat menawan bahagian-bahagian utara di negeri tersebut.

24 Dan, menganggap bahawa kekuatan terbesar mereka terletak pada pusat negeri itu, maka dia bergerak maju, tanpa memberi kesempatan kepada mereka untuk berkumpul bersama kecuali di dalam kumpulan-kumpulan kecil; dan dalam cara ini mereka telah diserang dan dihentam ke atas tanah.

25 Tetapi lihatlah, pergerakan Koriantumr melalui pusat negeri itu telah memberi Moroniha peluang yang besar ke atas mereka, sekali pun begitu besar jumlah Bangsa Nefi yang telah dibunuh.

26 Kerana lihatlah, Moroniha telah menyangka bahawa Bangsa Laman tidak akan menyerang pusat negeri itu, tetapi mereka akan menyerang kota-kota yang berada di sekeliling sempadan seperti yang mereka pernah lakukan; oleh itu Moroniha telah menyuruh bala tentera yang kuat untuk mempertahankan kawasan-kawasan sekeliling sempadan tersebut.

27 Tetapi lihatlah, Bangsa Laman tidak gentar seperti yang

diingininya, tetapi mereka telah datang ke pusat negeri itu, dan telah menawan ibu kota iaitu Kota Zarahemla, dan telah bergerak melalui kawasan-kawasan penting negeri itu, membunuh para penduduk secara besar-besaran, biarpun lelaki, wanita, dan kanak-kanak, menawan banyak kota dan benteng pertahanan.

28 Tetapi apabila Moroniha telah mengetahui hal ini, dia dengan serta-merta menghantar Lehi dengan sebuah bala tentera ke sekeliling untuk mendahului mereka sebelum mereka sampai ke negeri Kelimpahan.

29 Dan dengan demikian dia telah melakukannya; dia telah mendahului mereka sebelum mereka sampai ke negeri Kelimpahan, dan bertempur dengan mereka, sehinggalah mereka mulai berundur kembali ke arah negeri Zarahemla.

30 Dan terjadilah bahawa Moroniha telah mendahului mereka semasa mereka sedang berundur, dan telah bertempur dengan mereka, sedemikian rupa sehingga terjadi pertempuran darah yang besar; ya, ramai yang terbunuh, dan di kalangan jumlah mereka yang terbunuh Koriantumr juga ditemui.

31 Dan sekarang, lihatlah, Bangsa Laman tidak dapat berundur ke arah mana pun, walau ke utara, atau ke selatan, atau ke timur, atau ke barat, kerana mereka telah dikepung dari semua arah oleh Bangsa Nefi.

32 Dan dengan demikianlah Koriantumr telah menjerumuskan Bangsa Laman ke tengah-tengah Bangsa Nefi, sehingga mereka berada di dalam kekuasaan Bangsa Nefi, dan dia sendiri terbunuh, dan Bangsa Laman telah menyerahkan diri mereka ke dalam tangan Bangsa Nefi.

33 Dan terjadilah bahawa Moroniha telah menawan kembali kota Zarahemla, dan telah menyebabkan Bangsa Laman yang telah ditangkap untuk pergi dari negeri itu dengan damai.

34 Dan dengan demikian berakhirilah tahun keempat puluh satu pemerintahan para hakim.

BAB 2

Helaman, anak lelaki Helaman, menjadi hakim utama—Gadianton memimpin gerombolan Kiskumen—Orang suruhan Helaman membunuh Kiskumen, dan gerombolan Gadianton melarikan diri ke padang belantara. Kira-kira 50-49 tahun S.M.

DAN terjadilah pada tahun keempat puluh dua zaman pemerintahan para hakim, setelah Moroniha menegakkan kembali perdamaian antara bangsa Nefi dan bangsa Laman, lihatlah tidak ada seorang pun mengisi kerusi penghakiman; oleh kerana itu bermulalah suatu pertikaian lagi di antara rakyat tentang siapa yang seharusnya mengisi kerusi penghakiman.

2 Dan terjadilah bahawa

Helaman, yang merupakan anak lelaki Helaman, telah dilantik untuk mengisi kerusi penghakiman, oleh suara rakyat.

3 Tetapi lihatlah, Kiskumen, yang telah membunuh Pahoran, menunggu kesempatan untuk menghancurkan Helaman juga; dan dia disokong oleh gerombolannya, yang telah masuk ke dalam sebuah perjanjian agar tidak seorang pun harus mengetahui kejahatannya.

4 Kerana ada seorang Gadianton, yang amat mahir dalam banyak perkataan, dan juga dalam kelicikannya, untuk melaksanakan pekerjaan pembunuhan dan rompakan secara rahsia; oleh kerana itu dia menjadi pemimpin gerombolan Kiskumen.

5 Oleh kerana itu dia mengangkat-angkat mereka, dan juga Kiskumen, bahawa jika mereka akan menempatkannya di atas kerusi penghakiman dia akan mengabdikan bagi mereka yang termasuk dalam gerombolannya bahawa mereka akan ditempatkan ke dalam kekuasaan dan wewenang di kalangan rakyat; oleh kerana itu Kiskumen berikhtiar untuk menghancurkan Helaman.

6 Dan terjadilah sewaktu dia pergi menuju ke kerusi penghakiman untuk menghancurkan Helaman, lihatlah salah seorang orang suruhan Helaman, yang pernah keluar pada malam hari, dan telah mendapatkan, melalui penyamaran, suatu pengetahuan tentang rancangan-rancangan

yang telah disusun oleh gerombolan ini untuk menghancurkan Helaman—

7 Dan terjadilah bahawa dia menemui Kiskumen, dan dia memberi kepadanya suatu tanda; oleh kerana itu Kiskumen telah mendedahkan kepadanya sasaran keinginannya, menginginkan agar dia akan membawanya ke kerusi penghakiman supaya dia dapat membunuh Helaman.

8 Dan apabila orang suruhan Helaman telah mengetahui segala isi hati Kiskumen, dan bahawa sasarannya adalah untuk membunuh, dan juga bahawa sasaran mereka semua yang termasuk dalam gerombolannya adalah untuk membunuh, dan untuk merompak, dan untuk memperoleh kekuasaan, (dan inilah rancangan rahsia mereka, dan komplot mereka) orang suruhan Helaman berkata kepada Kiskumen: Marilah kita pergi ke kerusi penghakiman.

9 Sekarang, ini amat menyenangkan Kiskumen, kerana dia menyangka bahawa dia akan melaksanakan rancangannya; tetapi lihatlah, orang suruhan Helaman, sewaktu mereka sedang maju ke kerusi penghakiman, telah menikam Kiskumen bahkan pada jantungnya, sehingga dia jatuh mati tanpa rintihan. Dan dia telah berlari dan memberitahu Helaman segala yang telah dia lihat, dan dengar, dan lakukan.

10 Dan terjadilah bahawa Helaman telah menghantar untuk menangkap gerombolan perompak

dan pembunuh-pembunuh rahsia ini, agar mereka boleh dihukum menurut hukum.

11 Tetapi lihatlah, ketika Gadianton telah mendapati bahawa Kiskumen tidak kembali dia berasa takut bahawa dia akan dihancurkan; oleh kerana itu dia menyuruh agar gerombolannya untuk mengikutinya. Dan mereka melarikan diri dari negeri itu, melalui suatu jalan rahsia, ke dalam padang belantara; dan demikianlah ketika Helaman menghantar untuk menangkap mereka, mereka tidak dapat ditemui di mana-mana pun.

12 Dan lebih banyak tentang Gadianton ini akan diperkatakan selepas ini. Dan demikianlah berakhirnya tahun keempat puluh dua zaman pemerintahan para hakim ke atas bangsa Nefi.

13 Dan lihatlah, pada penghujung kitab ini kamu akan melihat bahawa Gadianton ini membuktikan penggulingan, ya, kehancuran hampir seluruh bangsa Nefi.

14 Lihatlah aku tidak bermaksudkan penghujung kitab Helaman, tetapi aku bermaksudkan penghujung kitab Nefi, yang mana darinya telah aku ambil seluruh laporan yang telah aku tuliskan.

BAB 3

Banyak bangsa Nefi berpindah ke negeri sebelah utara—Mereka membina rumah-rumah simen dan menyimpan banyak catatan—Berpuluh ribu orang

telah bertukar hati dan dibaptiskan—Firman Tuhan menuntun manusia pada keselamatan—Nefi anak lelaki Helaman mengisi kerusi penghakiman. Kira-kira 49-39 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah pada tahun keempat puluh tiga zaman pemerintahan para hakim, tidak ada pertikaian di antara bangsa Nefi kecuali sedikit keangkuhan yang ada di dalam gereja, yang menyebabkan beberapa pembelotan kecil di antara orang-orang tersebut, yang mana hal itu diselesaikan pada akhir tahun keempat puluh tiga.

2 Dan tidak ada pertikaian di antara orang-orang tersebut pada tahun keempat puluh empat; tidak juga ada banyak pertikaian pada tahun keempat puluh lima.

3 Dan terjadilah pada tahun keempat puluh enam, ya, ada banyak pertikaian dan banyak pembelotan; dimana terdapat sangat ramai yang keluar meninggalkan negeri Zarahemla, dan pergi ke negeri sebelah utara untuk mewarisi negeri itu.

4 Dan mereka melakukan perjalanan ke suatu jarak yang amat jauh, sedemikian rupa sehingga mereka tiba di kumpulan perairan yang luas dan banyak sungai.

5 Ya, dan bahkan mereka berkembang ke seluruh bahagian negeri tersebut, ke bahagian-bahagian yang tidak gersang dan tanpa kayu-kayan, disebabkan oleh banyak penduduk yang pernah mewarisi negeri itu sebelum ini.

6 Dan sekarang, tidak ada bahagian dari negeri itu yang gersang, kecuali kayu-kayan; tetapi kerana besarnya kehancuran orang-orang yang menduduki negeri itu sebelumnya, negeri itu dipanggil gersang.

7 Dan ada hanya sedikit kayu-kayan di atas permukaan tanah itu, walaupun demikian orang-orang yang pergi ke sana telah menjadi amat mahir dalam mengerjakan simen; oleh kerana itu, mereka membina rumah-rumah simen, yang mana di dalamnya mereka tinggal.

8 Dan terjadilah bahawa mereka bertambah banyak dan berkembang, dan pergi dari negeri sebelah selatan ke negeri sebelah utara, dan telah berkembang sedemikian rupa sehingga mereka mulai menutupi seluruh muka bumi, dari laut selatan ke laut utara, dari laut barat ke laut timur.

9 Dan orang-orang yang berada di negeri sebelah utara tinggal di dalam khemah-khemah, dan di dalam rumah-rumah simen, dan mereka membiarkan apa-apa pokok pun untuk tumbuh di atas permukaan tanah agar membesar, supaya nanti mereka boleh mendapatkan kayu untuk membina rumah-rumah mereka, ya, kota-kota mereka, dan bait-bait suci mereka, dan rumah-rumah ibadat mereka, dan tempat-tempat kudus mereka, dan segala jenis bangunan mereka.

10 Dan terjadilah kerana kayu amat kurang di negeri sebelah utara, mereka telah menghantar-

nya dengan banyak melalui cara perkapalan.

11 Dan demikianlah mereka membolehkan orang-orang di negeri sebelah utara agar mereka dapat membina banyak kota, baik dari kayu ataupun dari simen.

12 Dan terjadilah bahawa terdapat ramai dari orang Amon, yang merupakan bangsa Laman berdasarkan kelahiran, juga pergi ke negeri ini.

13 Dan sekarang ada banyak catatan yang disimpan tentang kegiatan orang-orang ini, kebanyakannya oleh mereka sendiri, yang terperinci dan sangat banyak, tentang mereka.

14 Tetapi lihatlah, seperatus bahagian daripada kegiatan orang-orang ini, ya, laporan tentang bangsa Laman dan tentang bangsa Nefi, dan peperangan mereka, dan pertikaian, dan pembelotan mereka, dan pengkhutbahan mereka, dan nubuat-nubuat mereka, dan perkapalan mereka dan pembinaan kapal-kapal mereka, dan pembinaan bait-bait suci mereka, dan rumah-rumah ibadat dan tempat-tempat kudus mereka, dan kesolehan mereka, dan kejahatan mereka, dan pembunuhan mereka, dan rompakan mereka, dan penjarahan mereka, dan segala jenis kekejian dan pelacuran, tidak dapat dimuatkan dalam karya tulis ini.

15 Tetapi lihatlah, ada banyak buku dan banyak catatan dari setiap jenis, dan itu telah disimpan terutamanya oleh bangsa Nefi.

16 Dan telah diturunkan dari

satu keturunan kepada yang lain oleh Bangsa Nefi, bahkan sehingga mereka telah jatuh ke dalam pelanggaran dan telah dibunuh, dijajah, dan diburu, dan dihalau, dan ditewaskan, dan diceraiberaikan di atas muka bumi, dan bercampur dengan bangsa Laman sehingga mereka tidak lagi disebut bangsa Nefi, menjadi jahat, dan liar, dan ganas, ya, bahkan menjadi bangsa Laman.

17 Dan sekarang aku kembali lagi pada laporanku; oleh kerana itu, apa yang telah aku katakan telah berlalu selepas terdapatnya pertikaian, dan gangguan, dan peperangan, dan pembelotan yang hebat, di antara bangsa Nefi.

18 Tahun keempat puluh enam zaman pemerintahan para hakim berakhir;

19 Dan terjadilah bahawa masih ada pertikaian yang hebat di negeri itu, ya, bahkan dalam tahun keempat puluh tujuh, dan juga dalam tahun keempat puluh lapan.

20 Walaupun demikian Helaman mengisi kerusi penghakiman dengan keadilan dan kesaksamaan; ya, dia berusaha untuk mentaati peraturan, dan keputusan, dan perintah-perintah Tuhan; dan dia melakukan apa yang benar dalam pandangan Tuhan secara bertepatan; dan dia berjalan menurut jejak langkah ayahnya, sedemikian rupa sehingga dia makmur di dalam negeri itu.

21 Dan terjadilah bahawa dia memiliki dua orang anak lelaki. Dia memberikan kepada yang sulung

nama Nefi, dan kepada yang bongsu, nama Lehi. Dan mereka mulai membesar di dalam Tuhan.

22 Dan terjadilah bahawa peperangan dan pertikaian mulai berhenti, dalam suatu kadar yang kecil, di antara bangsa Nefi, pada penghujung tahun keempat puluh lapan zaman pemerintahan para hakim ke atas bangsa Nefi.

23 Dan terjadilah pada tahun keempat puluh sembilan zaman pemerintahan para hakim, terdapat kedamaian yang berterusan ditubuhkan di dalam negeri itu, semuanya kecuali komplot-komplot rahsia yang telah ditubuhkan oleh Gadianton si perompak itu di bahagian-bahagian negeri yang lebih banyak didiami, yang pada waktu itu tidak diketahui oleh mereka yang berada di dalam ketua kerajaan; oleh kerana itu mereka tidak dihancurkan dari negeri itu.

24 Dan terjadilah bahawa pada tahun yang sama ini terdapat kemakmuran yang besar di dalam gereja, sedemikian rupa sehingga ada ribuan yang menggabungkan diri mereka dengan gereja dan dibaptiskan kepada pertaubatan.

25 Dan sedemikian besarnya kemakmuran gereja, dan begitu banyak berkat yang dicurahkan ke atas rakyat, sehingga bahkan para imam tinggi dan pengajar sendiri pun terpegun melebihi batas ukuran.

26 Dan terjadilah bahawa pekerjaan Tuhan berkembang kepada pembaptisan dan penyatuan di

dalam gereja Tuhan, banyak jiwa, ya, bahkan berpuluh-puluh ribu.

27 Demikianlah kita boleh melihat bahawa Tuhan penuh berbelas kasihan kepada semua yang mahu, dalam ketulusan hati mereka, memanggil nama kudus-Nya.

28 Ya, demikianlah kita melihat bahawa pintu gerbang syurga terbuka kepada semua orang, bahkan kepada mereka yang akan percaya kepada nama Yesus Kristus, yang merupakan Putera Tuhan.

29 Ya, kita melihat bahawa sesiapa pun yang mahu berpegang kepada firman Tuhan, yang hidup dan penuh kuasa, yang akan memecah-belahkan segala kelicikan dan jerat dan tipu muslihat iblis, dan menuntun orang Kristus pada jalan yang kecil dan sempit menyeberangi jurang kegetiran yang abadi itu yang disediakan untuk menelan yang jahat—

30 Dan mendaratkan jiwa mereka, ya, jiwa baqa mereka, di sebelah tangan kanan Tuhan di dalam kerajaan syurga, untuk duduk bersama Abraham, dan Ishak, dan bersama Yakub, dan bersama semua moyang kita yang kudus, untuk tidak keluar lagi.

31 Dan pada tahun ini ada kegembiraan yang berterusan di negeri Zarahemla, dan di seluruh wilayah sekitarnya, bahkan di seluruh negeri yang dikuasai oleh bangsa Nefi.

32 Dan terjadilah bahawa ada kedamaian dan kebahagiaan yang amat besar dalam baki tahun keempat puluh sembilan; ya, dan

juga ada kedamaian berterusan dan kebahagiaan yang besar dalam tahun kelima puluh zaman pemerintahan para hakim.

33 Dan pada tahun kelima puluh satu zaman pemerintahan para hakim terdapat kedamaian juga, kecuali keangkuhan yang mulai masuk ke dalam gereja—bukan ke dalam gereja Tuhan, tetapi ke dalam hati orang-orang yang mengaku dirinya termasuk dalam gereja Tuhan—

34 Dan mereka terangkat-angkat dalam keangkuhan, bahkan kepada penganiayaan terhadap banyak saudara mereka. Sekarang ini adalah suatu kejahatan besar, yang menyebabkan golongan rakyat yang lebih rendah hati menderita penganiayaan yang besar, dan menempuh banyak kesengsaraan.

35 Walaupun demikian mereka sering berpuasa dan berdoa, dan menjadi semakin kuat dan kuat dalam kerendahan hati mereka, dan semakin teguh dan teguh dalam iman kepada Kristus, sehingga memenuhkan jiwa mereka dengan kebahagiaan dan kesenangan hati, ya, bahkan kepada pemurnian dan pengudusan hati mereka, yang mana pengudusan itu datang kerana penyerahan hati mereka kepada Tuhan.

36 Dan terjadilah bahawa tahun kelima puluh dua berakhir dalam kedamaian juga, kecuali keangkuhan yang amat besar yang telah masuk ke dalam hati rakyat; dan ini disebabkan kekayaan mereka yang amat besar dan kemakmuran

mereka di negeri itu; dan ia bertumbuh ke atas diri mereka hari demi hari.

37 Dan terjadilah pada tahun kelima puluh tiga zaman pemerintahan para hakim, Helaman telah mati, dan anak lelaki sulungnya Nepi mulai memerintah sebagai penggantinya. Dan terjadilah bahawa dia mengisi kerusi penghakiman dengan keadilan dan kesaksamaan; ya, dia menaati perintah-perintah Tuhan, dan berjalan dalam jejak langkah ayahnya.

BAB 4

Para pembelot bangsa Nepi dan bangsa Laman bergabung tenaga dan menawan negeri Zarahemla—Kekalahan bangsa Nepi datang kerana kejahatan mereka—Gereja merosot, dan rakyat menjadi lemah seperti bangsa Laman. Kira-kira 38–30 tahun S.M.

DAN terjadilah pada tahun kelima puluh empat ada banyak pembelotan di dalam gereja, dan juga ada suatu pertikaian di antara rakyat, sedemikian rupa sehingga ada banyak pertumpahan darah.

2 Dan mereka yang memberontak dibunuh dan dihalau keluar dari negeri itu, dan mereka telah pergi kepada raja bangsa Laman.

3 Dan terjadilah bahawa mereka berusaha untuk menghasut bangsa Laman untuk berperang melawan bangsa Nepi; tetapi lihatlah, bangsa Laman amat takut, sedemikian rupa sehingga mereka tidak mahu

mendengar kata-kata para pembelot tersebut.

4 Tetapi terjadilah pada tahun kelima puluh enam zaman pemerintahan para hakim, ada para pembelot yang pergi daripada bangsa Nefi kepada bangsa Laman; dan mereka berjaya bersama yang lain dalam menghasut mereka menjadi marah terhadap bangsa Nefi; dan sepanjang tahun itu mereka bersedia untuk peperangan.

5 Dan pada tahun kelima puluh tujuh mereka telah datang kepada bangsa Nefi untuk bertempur, dan mereka memulakan pekerjaan kematian; ya, sedemikian rupa sehingga pada tahun kelima puluh lapan zaman pemerintahan para hakim mereka berjaya dalam mendapatkan pemilikan ke atas negeri Zarahemla; ya, dan juga semua negeri, bahkan sehingga negeri yang berdekatan dengan negeri Kelimpahan.

6 Dan bangsa Nefi dan para tentera Moroniha telah dihalau bahkan ke dalam negeri Kelimpahan;

7 Dan di sana mereka mengubui diri terhadap bangsa Laman, dari laut barat, bahkan ke timur; itu adalah perjalanan sehari bagi seorang bangsa Nefi, merupakan garis sempadan yang telah mereka kubui dan tempatkan para tentera mereka untuk mempertahankan negara utara mereka.

8 Dan demikianlah para pembelot bangsa Nefi itu, dengan pertolongan sejumlah besar tentera bangsa Laman, telah mendapatkan seluruh pemilikan bangsa Nefi

yang berada di negeri sebelah selatan. Dan semuanya ini terjadi pada tahun kelima puluh lapan dan sembilan zaman pemerintahan para hakim.

9 Dan terjadilah pada tahun keenam puluh zaman pemerintahan para hakim, Moroniha berjaya bersama para tenteranya dalam mendapatkan banyak bahagian dari negeri itu; ya, mereka mendapatkan kembali banyak kota yang telah jatuh ke dalam tangan bangsa Laman.

10 Dan terjadilah pada tahun keenam puluh satu zaman pemerintahan para hakim mereka berjaya dalam mendapatkan kembali bahkan setengah dari seluruh pemilikan mereka.

11 Sekarang kehilangan besar bangsa Nefi ini, dan pembunuhan hebat di antara mereka, tidak akan terjadi jika bukan kerana kejahatan mereka dan kekejian mereka yang ada di antara mereka; ya, dan ianya ada di antara mereka yang mengakui dirinya termasuk dalam gereja Tuhan.

12 Dan ianya adalah kerana keangkuhan hati mereka, kerana kekayaan mereka yang banyak, ya, ianya adalah kerana penindasan mereka terhadap yang miskin, menahan makanan mereka dari yang lapar, menahan pakaian mereka dari yang telanjang, dan menampar pipi saudara-saudara mereka yang rendah hati, membuat ejekan akan apa yang kudus, menyangkal roh nubuat dan wahyu, membunuh, menjarah,

berdusta, mencuri, berbuat zina, bangkit dalam pertikaian yang hebat, dan keluar pergi ke negeri Nefi, di antara bangsa Laman—

13 Dan kerana kejahatan mereka yang besar ini, dan kemegahan mereka dalam kekuatan mereka sendiri, mereka dibiarkan dalam kekuatan mereka sendiri; oleh kerana itu mereka tidak makmur, tetapi sengsara dan diserang, dan dihalau dari hadapan bangsa Laman, sehingga mereka telah kehilangan pemilikan ke atas hampir seluruh negeri mereka.

14 Tetapi lihatlah, Moroniha mengkhutbahkan banyak hal kepada mereka kerana kederhakaan mereka, dan juga Nefi dan Lehi, yang merupakan anak-anak lelaki Helaman, mengkhutbahkan banyak hal kepada mereka, ya, dan menubuatkan banyak hal kepada mereka tentang kederhakaan mereka, dan apa yang akan datang kepada mereka jika mereka tidak bertaubat dari dosa-dosa mereka.

15 Dan terjadilah bahawa mereka bertaubat, dan oleh sebab mereka telah bertaubat mereka mulai makmur.

16 Kerana apabila Moroniha melihat bahawa mereka telah bertaubat dia berani mencuba untuk memimpin mereka dari suatu tempat ke suatu tempat, dan dari kota ke kota, bahkan sehingga mereka telah mendapatkan kembali setengah daripada harta mereka dan setengah daripada seluruh negeri mereka.

17 Dan demikianlah berakhir

tahun keenam puluh satu zaman pemerintahan para hakim.

18 Dan terjadilah pada tahun keenam puluh dua zaman pemerintahan para hakim, bahawa Moroniha tidak lagi dapat memperoleh lebih pemilikan ke atas bangsa Laman.

19 Oleh kerana itu mereka meninggalkan rancangan mereka untuk mendapatkan negeri-negeri mereka yang selebihnya, kerana begitu banyaknya bangsa Laman sehingga ianya menjadi mustahil bagi Bangsa Nefi untuk mendapatkan kekuasaan yang lebih besar ke atas mereka; oleh kerana itu Moroniha mengerahkan seluruh tenteranya untuk mempertahankan bahagian-bahagian yang telah diambilnya.

20 Dan terjadilah, kerana besarnya jumlah bangsa Laman, bangsa Nefi berada dalam ketakutan yang besar, jangan sampai mereka dikalahkan, dan diinjak-injak, dan dibunuh, dan dihancurkan.

21 Ya, mereka mulai mengingati nubuat-nubuat Alma, dan juga kata-kata Mosia; dan mereka melihat bahawa mereka telah menjadi orang-orang yang degil, dan bahawa mereka telah meniasiaikan perintah-perintah Tuhan;

22 Dan bahawa mereka telah mengubah dan memijak-mijak di bawah kaki mereka hukum-hukum Mosia, atau perkara yang Tuhan perintahkan kepada dia untuk diberikan kepada mereka; dan mereka melihat bahawa hukum-hukum mereka telah menjadi

cemar, dan bahawa mereka telah menjadi orang-orang yang jahat, sedemikian rupa sehingga kejahatan mereka bahkan seperti bangsa Laman.

23 Dan kerana kederhakaan mereka gereja telah mulai merosot; dan mereka mulai tidak percaya di dalam roh nubuat dan di dalam roh wahyu; dan penghakiman Tuhan telah menatap tajam pada muka mereka.

24 Dan mereka melihat bahawa mereka telah menjadi lemah, seperti saudara-saudara mereka, bangsa Laman, dan bahawa Roh Tuhan tidak lagi memelihara mereka; ya, ia telah menarik diri daripada mereka kerana Roh Tuhan tidak berdiam di dalam bait suci yang tidak kudus—

25 Oleh kerana itu Tuhan telah berhenti untuk memelihara mereka dengan kuasa-Nya yang ajaib dan tiada bandingan, kerana mereka telah jatuh ke dalam suatu keadaan ketidakpercayaan dan kejahatan yang dahsyat; dan mereka melihat bahawa bangsa Laman jauh lebih banyak daripada mereka, dan kecuali mereka harus kembali setia kepada Tuhan mereka, mereka mestilah tidak dapat mengelak dari kebinasaan.

26 Kerana lihatlah, mereka melihat bahawa kekuatan bangsa Laman adalah sebesar kekuatan mereka, bahkan dalam satu lawan satu. Dan demikianlah mereka telah jatuh ke dalam pelanggaran yang besar ini; ya, demikianlah mereka telah menjadi lemah,

kerana pelanggaran mereka, dalam tempoh waktu tidak sampai bertahun-tahun.

BAB 5

Nefi dan Lehi mengabdikan diri mereka pada pengkhutbahan—Nama mereka mengundang mereka untuk mencorakkan kehidupan mereka menurut nenek moyang mereka—Kristus menebus mereka yang bertaubat—Nefi dan Lehi menjadikan banyak orang bertukar hati dan telah dipenjarakan, dan api melingkari mereka—Awan kegelapan membayangi tiga ratus orang—Tanah bergegar, dan satu suara memerintahkan orang-orang untuk bertaubat—Nefi dan Lehi berbicara dengan para malaikat, dan orang ramai dilingkari oleh api. Kira-kira 30 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa dalam tahun yang sama, lihatlah, Nefi menyerahkan kerusi penghakiman kepada seorang lelaki yang namanya adalah Sezoram.

2 Kerana sebagaimana hukum-hukum mereka dan pemerintahan mereka ditubuhkan oleh suara rakyat, dan mereka yang memilih kejahatan lebih banyak daripada mereka yang memilih kebaikan, oleh kerana itu mereka sedang matang untuk kehancuran, kerana hukum-hukum tersebut telah menjadi cemar.

3 Ya, dan ini belumlah semuanya; mereka adalah suatu bangsa yang degil, sedemikian rupa sehingga mereka tidak dapat diperintah oleh

hukum dan juga keadilan, kecuali kepada kehancuran mereka.

4 Dan terjadilah bahawa Nefi telah menjadi letih kerana kederhakaan mereka; dan dia menyerahkan kerusi penghakiman, dan mengambil ke atas dirinya untuk mengkhutbahkan firman Tuhan sepanjang sisa hidupnya, dan adiknya Lehi juga, sepanjang sisa hidupnya;

5 Kerana mereka mengingati perkataan yang ayah mereka Helaman ucapkan kepada mereka. Dan inilah kata-kata yang dia ucapkan:

6 Lihatlah, anak-anakku, aku berhasrat agar kamu harus ingat untuk mentaati perintah-perintah Tuhan; dan aku menghendaki agar kamu harus memaklumkan kepada rakyat tentang perkataan ini. Lihatlah, aku telah memberi kepadamu nama orang tua kita yang pertama yang telah keluar dari negeri Yerusalem; dan ini telah aku lakukan agar apabila kamu mengingati nama-namamu kamu boleh mengingati mereka; dan apabila kamu mengingati mereka kamu boleh mengingati pekerjaan mereka; dan apabila kamu mengingati pekerjaan mereka kamu boleh mengetahui bagaimana ianya dikatakan, dan juga dituliskan, bahawa mereka baik.

7 Oleh kerana itu, anak-anakku, aku menghendaki agar kamu harus melakukan apa yang baik, agar boleh dikatakan tentangmu, dan juga dituliskan, bahkan seperti yang telah dikatakan dan dituliskan tentang mereka.

8 Dan sekarang anak-anakku, lihatlah aku ada sedikit lagi yang aku hasratkan daripadamu, hasrat itu adalah, agar kamu tidak melakukan hal-hal ini supaya kamu boleh bermegah, tetapi agar kamu melakukan hal-hal ini untuk menyimpan bagi dirimu sendiri harta di dalam syurga, ya, yang adalah kekal, dan yang tidak pudar; ya, agar kamu boleh memperoleh kurnia kehidupan kekal yang berharga itu, yang mana kita mempunyai sebab untuk menjangka telah diberikan kepada nenek moyang kita.

9 Ya ingatlah, ingatlah, anak-anakku, perkataan yang raja Benyamin ucapkan kepada rakyatnya; ya, ingatlah bahawa tidak ada jalan atau cara lain yang dengannya manusia dapat diselamatkan, hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus, yang akan datang; ya, ingatlah bahawa Dia datang untuk menebus dunia.

10 Dan ingatlah juga perkataan yang Amulek ucapkan kepada Zezrom, di Kota Amoniha; kerana dia berkata kepadanya bahawa Tuhan pasti akan datang untuk menebus umat-Nya, tetapi bahawa Dia tidak akan datang untuk menebus mereka dalam dosa-dosa mereka, tetapi untuk menebus mereka dari dosa-dosa mereka.

11 Dan Dia telah diberikan kuasa kepada-Nya daripada Bapa untuk menebus mereka dari dosa-dosa mereka kerana pertaubatan; oleh kerana itu, Dia telah mengutus para malaikat-Nya untuk

memaklumkan khabar tentang syarat-syarat pertaubatan, yang membawa kepada kuasa Penebus, sehingga kepada keselamatan jiwa mereka.

12 Dan sekarang, anak-anakku, ingatlah, ingatlah bahawa adalah di atas batu Penebus kita, iaitu Kristus, Putera Tuhan, bahawa kamu mesti membina landasanmu; agar ketika iblis akan menghantarkan anginnya yang kuat, ya, panahan petirnya dalam puting beliung, ya, ketika semua hujan batunya dan badainya yang kuat akan melanda ke atas dirimu, ia tidak akan berkuasa ke atas dirimu untuk menyeretmu turun ke dalam jurang kegetiran dan kecelakaan tanpa akhir, kerana di atas batu yang kamu dibangunkan, yang merupakan suatu landasan yang kukuh, landasan yang mana jika manusia dibangunkan di atasnya mereka tidak dapat jatuh.

13 Dan terjadilah bahawa inilah perkataan yang Helaman ajarkan kepada anak-anak lelakinya; ya, dia telah mengajarkan mereka banyak hal yang tidak dituliskan, dan juga banyak hal yang telah dituliskan.

14 Dan mereka mengingati perkataannya; dan oleh kerana itu mereka pergi, mentaati perintah-perintah Tuhan, untuk mengajarkan firman Tuhan di kalangan semua bangsa Nefi, bermula di Kota Kelimpahan;

15 Dan dari situ ke Kota Gid; dan dari Kota Gid ke Kota Mulek;

16 Dan bahkan dari satu kota ke

kota yang lain, sehingga mereka telah pergi di kalangan semua bangsa Nefi yang berada di negeri sebelah selatan; dan dari sana ke negeri Zarahemla, di antara bangsa Laman.

17 Dan terjadilah bahawa mereka berkhotbah dengan kuasa yang besar, sedemikian rupa sehingga mereka menundukkan kebanyakan daripada para pembelot itu yang telah pergi dari bangsa Nefi, sedemikian rupa sehingga mereka datang dan mengakui dosa-dosa mereka dan telah dibaptiskan kepada pertaubatan, dan dengan segera kembali kepada bangsa Nefi untuk berusaha memperbaiki bagi mereka segala kesalahan yang telah mereka lakukan.

18 Dan terjadilah bahawa Nefi dan Lehi berkhotbah kepada bangsa Laman dengan kekuasaan dan wewenang yang begitu besar, kerana mereka memiliki kuasa dan wewenang diberikan kepada mereka agar mereka boleh berbicara, dan mereka juga memiliki apa yang hendak mereka ucapkan diberikan kepada mereka—

19 Oleh kerana itu mereka berbicara sehingga membuatkan bangsa Laman amat terpegun, sehingga meyakinkan mereka, sedemikian rupa terdapat lapan ribu bangsa Laman yang berada di negeri Zarahemla dan sekitarnya telah dibaptiskan kepada pertaubatan, dan diyakinkan tentang kejahatan adat resam nenek moyang mereka.

20 Dan terjadilah bahawa Nefi

dan Lehi meneruskan dari sana untuk pergi ke negeri Nefi.

21 Dan terjadilah bahawa mereka ditangkap oleh sepasukan tentera bangsa Laman dan dilemparkan ke dalam penjara; ya, bahkan di dalam penjara yang sama di mana Amon dan adik-beradiknya dilemparkan oleh para orang suruhan Limhi.

22 Dan setelah mereka dilemparkan ke dalam penjara berhari-hari tanpa makanan, lihatlah, mereka pergi ke dalam penjara untuk mengambil mereka agar mereka boleh membunuh mereka.

23 Dan terjadilah bahawa Nefi dan Lehi dikelilingi seolah-olah oleh api, bahkan sedemikian rupa sehingga mereka tidak berani meletakkan tangan mereka kerana takut bahawa mereka akan terbakar. Walaupun demikian, Nefi dan Lehi tidak terbakar; dan mereka seperti sedang berdiri di pertengahan api dan tidak terbakar.

24 Dan ketika mereka melihat bahawa mereka dikelilingi oleh suatu tiang api, dan bahawa ia tidak membakar mereka, hati mereka memperoleh keberanian.

25 Kerana mereka melihat bahawa bangsa Laman tidak berani meletakkan tangan mereka ke atas mereka; tidak juga mereka berani mendekati mereka, tetapi berdiri seolah-olah mereka diserang kebisan dengan kehairanan.

26 Dan terjadilah bahawa Nefi dan Lehi berdiri dan mulai berbicara kepada mereka, mengatakan: Janganlah takut, kerana

lihatlah, Tuhanlah yang telah memperlihatkan kepadamu hal yang menakjubkan ini, yang mana di dalamnya diperlihatkan kepadamu bahawa kamu tidak dapat meletakkan tangan-tangan kamu untuk membunuh kami.

27 Dan lihatlah, ketika mereka telah mengatakan perkataan ini, tanah bergegar dengan kuat sekali, dan dinding-dinding penjara bergegar seolah-olah hampir roboh ke tanah; tetapi lihatlah, dinding-dinding itu tidak roboh. Dan lihatlah, mereka yang berada di dalam penjara itu adalah bangsa Laman dan bangsa Nefi yang merupakan para pembelot.

28 Dan terjadilah bahawa mereka dibayangi oleh awan kegelapan, dan rasa takut khusyuk yang dahsyat datang ke atas diri mereka.

29 Dan terjadilah bahawa datanglah suatu suara seolah-olah berada di atas awan kegelapan, memfirmankan: Bertaubatlah kamu, bertaubatlah kamu, dan jangan lagi berikhtiar untuk menghancurkan hamba-hamba-Ku yang telah Aku utuskan kepadamu untuk memaklumkan khabar gembira.

30 Dan terjadilah bahawa ketika mereka mendengar suara ini, dan melihat bahawa itu bukanlah suara guruh, bukan juga suara yang sangat gamat bunyinya, tetapi lihatlah, ianya adalah suara yang tenang dengan kelembutan yang sempurna, seolah-olah adalah suatu bisikan, dan ia menusuk bahkan terus ke dalam jiwa—

31 Dan walaupun suara itu

lembut, lihatlah tanah bergetar dengan kuat sekali, dan dinding-dinding penjara bergetar lagi, seolah-olah hampir roboh ke tanah; dan lihatlah awan kegelapan, yang telah membayangi mereka, tidak menghilang—

32 Dan lihatlah suara itu datang lagi, memfirmankan: Bertaubatlah kamu, bertaubatlah kamu, kerana kerajaan syurga berada di depan mata; dan jangan lagi berikhtiar untuk menghancurkan hamba-hamba-Ku. Dan terjadilah bahawa tanah bergetar lagi, dan dinding-dinding pun bergetar.

33 Dan juga sekali lagi untuk ketiga kalinya suara itu datang, dan memfirmankan kepada mereka firman yang menakjubkan yang tidak dapat dituturkan oleh manusia; dan dinding-dinding bergetar kembali, dan tanah bergetar seolah-olah hampir terpecah-belah.

34 Dan terjadilah bahawa Bangsa Laman tidak dapat melarikan diri kerana awan kegelapan yang membayangi mereka; ya, dan juga mereka tak dapat bergerak kerana rasa takut yang telah datang ke atas diri mereka.

35 Sekarang, ada salah seorang di antara mereka yang merupakan bangsa Nefi berdasarkan kelahiran, yang dahulunya termasuk dalam gereja Tuhan tetapi telah membelot daripada mereka.

36 Dan terjadilah bahawa dia berpaling, dan lihatlah, dia melihat melalui awan kegelapan muka Nefi dan Lehi; dan lihatlah, muka mereka sangat bersinar, bahkan

seperti muka para malaikat. Dan dia melihat bahawa mereka mengangkat mata mereka ke langit; dan mereka berada dalam sikap seolah-olah sedang berbicara atau mengangkat suara mereka kepada makhluk yang mereka lihat.

37 Dan terjadilah bahawa lelaki ini berseru kepada orang ramai, agar mereka boleh berpaling dan melihat. Dan lihatlah, ada kekuatan yang diberikan kepada mereka sehingga mereka berpaling dan melihat; dan mereka melihat muka Nefi dan Lehi.

38 Dan mereka berkata kepada lelaki itu: Lihatlah, apakah erti semua hal ini, dan dengan siapakah para lelaki ini berbicara?

39 Sekarang, nama lelaki itu adalah Aminadab. Dan Aminadab berkata kepada mereka: Mereka berbicara dengan para malaikat Tuhan.

40 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman berkata kepadanya: Apakah yang harus kita lakukan, agar awan kegelapan ini boleh dialihkan daripada membayangi kita?

41 Dan Aminadab berkata kepada mereka: Kamu mesti bertaubat, dan berseru kepada suara itu, bahkan sehingga kamu akan memiliki iman kepada Kristus, yang telah diajarkan kepadamu oleh Alma, dan Amulek, dan Zezrom; dan apabila kamu akan melakukan ini, awan kegelapan akan dialihkan daripada membayangimu.

42 Dan terjadilah bahawa mereka semua mulai berseru kepada suara Dia yang telah menggegarkan

tanah; ya, mereka berseru bahkan sehingga awan kegelapan itu menghilang.

43 Dan terjadilah bahawa ketika mereka mengarahkan mata mereka ke sekeliling, dan melihat bahawa awan kegelapan menghilang daripada membayangi mereka, lihatlah, mereka melihat bahawa mereka dikelilingi, ya setiap jiwa, oleh suatu tiang api.

44 Dan Nefi dan Lehi berada di tengah-tengah mereka; ya, mereka dikelilingi; ya, mereka seolah-olah berada di pertengahan api yang menyala-nyala, namun tidak mencederakan mereka, tidak juga mengenai dinding-dinding penjara itu; dan mereka dipenuhi dengan kebahagiaan yang tak terkata dan penuh dengan kemuliaan.

45 Dan lihatlah, Roh Kudus Tuhan turun dari syurga, dan masuk ke dalam hati mereka, dan mereka dipenuhi seolah-olah dengan api, dan mereka dapat mengucapkan perkataan yang menakjubkan.

46 Dan terjadilah bahawa datanglah suatu suara kepada mereka, ya, suara yang menyenangkan, seolah-olah suatu bisikan, mengatakan:

47 Damai, damai bersertamu, kerana imanmu kepada Yang Sangat Terkasih-Ku, yang ada sejak pengasasan dunia.

48 Dan sekarang, ketika mereka mendengar ini mereka mengarahkan mata mereka ke atas seolah-olah untuk melihat dari mana suara itu datang; dan lihatlah, mereka melihat langit terbuka; dan

para malaikat turun dari syurga dan melayani mereka.

49 Dan terdapat kira-kira tiga ratus jiwa yang melihat dan mendengar hal-hal ini; dan mereka diminta untuk datang dan tidak takjub, tidak juga seharusnya mereka ragu.

50 Dan terjadilah bahawa mereka pergi, dan melayani orang-orang tersebut, memaklumkan ke seluruh wilayah sekitarnya tentang segala hal yang telah mereka dengar dan lihat, sedemikian rupa sehingga lebih banyak daripada bangsa Laman yakin dengan mereka, kerana hebatnya bukti-bukti yang telah mereka terima.

51 Dan sebanyak mana yang telah diyakinkan telah meletakkan senjata-senjata perang mereka, dan juga kebencian mereka dan adat resam nenek moyang mereka.

52 Dan terjadilah bahawa mereka telah menyerahkan kepada bangsa Nefi negeri-negeri milik mereka.

BAB 6

Bangsa Laman yang soleh berkhutbah kepada bangsa Nefi yang jahat—Kedua-dua bangsa makmur sepanjang suatu era kedamaian dan kelimpahan—Lusifer, si pengarang dosa, menghasut hati orang-orang jahat dan para perompak Gadianton dalam pembunuhan dan kejahatan—Para perompak tersebut mengambil alih pemerintahan bangsa Nefi. Kira-kira 29–23 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa apabila

tahun keenam puluh dua zaman pemerintahan para hakim telah berakhir, semua hal ini telah terjadi dan bangsa Laman telah menjadi, sebahagian yang lebih besar daripada mereka, suatu bangsa yang soleh, sedemikian rupa sehingga kesolehan mereka melebihi kesolehan bangsa Nefi, kerana keteguhan mereka dan kekukuhan mereka dalam iman.

2 Kerana lihatlah, terdapat ramai daripada bangsa Nefi yang telah menjadi keras hati dan tidak menyesal dan terlalu jahat, sedemikian rupa sehingga mereka menolak firman Tuhan dan semua pengkhutbahan dan penubuatan yang datang di kalangan mereka.

3 Walaupun demikian, umat gereja merasakan kebahagiaan yang besar kerana pertukaran hati bangsa Laman, ya, kerana gereja Tuhan, yang telah ditubuhkan di kalangan mereka. Dan mereka bersahabat antara satu sama lain, dan bergembira antara satu sama lain, dan mempunyai kebahagiaan yang besar.

4 Dan terjadilah bahawa kebanyakan daripada bangsa Laman telah turun ke negeri Zarahemla, dan memaklumkan kepada bangsa Nefi cara pertukaran hati mereka, dan mendorong mereka kepada iman dan pertaubatan.

5 Ya, dan banyak yang berkhutbah dengan kuasa dan wewenang yang amat besar, dalam membawa banyak daripada mereka ke dalam dasar kerendahan hati, untuk

menjadi para pengikut Tuhan dan Anak Domba yang rendah hati.

6 Dan terjadilah bahawa banyak daripada bangsa Laman telah pergi ke negeri sebelah utara; dan juga Nefi dan Lehi pergi ke negeri sebelah utara, untuk berkhutbah kepada orang-orang di sana. Dan demikianlah berakhirnya tahun keenam puluh tiga.

7 Dan lihatlah, terdapat kedamaian di dalam semua negeri itu, sedemikian rupa sehingga bangsa Nefi pergi ke mana-mana bahagian negeri pun yang mereka kehendaki, sama ada di antara bangsa Nefi atau bangsa Laman.

8 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman juga telah pergi ke mana-mana pun yang mereka kehendaki, sama ada di antara bangsa Laman atau di antara bangsa Nefi; dan demikianlah mereka memiliki perhubungan bebas di antara satu sama lain, untuk membeli dan untuk menjual, dan untuk memperoleh keuntungan, menurut keinginan mereka.

9 Dan terjadilah bahawa mereka menjadi sangat kaya, baik bangsa Laman mahupun bangsa Nefi; dan mereka memiliki begitu banyak emas, dan perak, dan segala jenis logam-logam berharga, baik di negeri selatan mahupun di negeri utara.

10 Sekarang negeri selatan disebut Lehi, dan negeri utara disebut Mulek, iaitu sempena anak lelaki Zedekia; kerana Tuhan telah membawa Mulek ke negeri utara, dan Lehi ke negeri selatan.

11 Dan lihatlah, terdapat bermacam-macam emas di kedua-dua negeri ini, dan perak, dan segala jenis bijih logam yang berharga dari setiap jenis; dan ada juga para tukang yang teliti, yang mengerjakan segala jenis bijih logam dan memperhaluskannya; dan demikianlah mereka menjadi kaya.

12 Mereka telah menanam biji-bijian dengan banyak sekali, baik di utara mahupun di selatan; dan tumbuh dengan amat subur, baik di utara mahupun di selatan. Dan mereka bertambah banyak dan menjadi sangat kuat di negeri itu. Dan mereka memelihara banyak kawanan domba dan kawanan ternakan, ya, banyak ternakan yang besar berisi.

13 Lihatlah kaum wanita mereka membanting tulang dan memintal, dan membuat bermacam-macam kain, dari kain linen yang terpinjal halus dan kain dari setiap jenis, untuk menutupi ketelanjangan mereka. Dan demikianlah tahun keenam puluh empat telah berlalu dalam kedamaian.

14 Dan pada tahun keenam puluh lima mereka juga merasakan kebahagiaan dan kedamaian yang besar, ya, banyak pengkhutbahan dan banyak nubuat tentang hal yang akan datang. Dan demikianlah berlalunya tahun keenam puluh lima.

15 Dan terjadilah bahawa pada tahun keenam puluh enam zaman pemerintahan para hakim, lihatlah, Sezoram telah dibunuh oleh tangan seseorang yang tidak

dikenali sewaktu dia duduk di atas kerusi penghakiman. Dan terjadilah bahawa pada tahun yang sama, bahawa anak lelakinya, yang telah dilantik oleh rakyat sebagai penggantinya, juga dibunuh. Dan demikianlah berakhirnya tahun keenam puluh enam.

16 Dan pada permulaan tahun keenam puluh tujuh rakyat mulai menjadi sangat jahat lagi.

17 Kerana lihatlah, Tuhan telah memberkati mereka begitu lamanya dengan kekayaan dunia agar mereka tidak dihasut pada kemarahan, pada peperangan, juga pada pertumpahan darah; oleh itu mereka mulai meletakkan hati mereka pada kekayaan mereka; ya, mereka mulai berusaha untuk memperoleh keuntungan supaya mereka boleh diangkat mengatasi satu sama lain; oleh itu mereka mulai melakukan pembunuhan-pembunuhan rahsia, dan merompak dan menjarah, agar mereka boleh memperoleh keuntungan.

18 Dan sekarang lihatlah, para pembunuh dan penjarah itu adalah gerombolan yang telah dibentuk oleh Kiskumen dan Gadianton. Dan sekarang telah terjadilah bahawa terdapat banyak, bahkan di antara bangsa Nefi, adalah dari gerombolan Gadianton. Tetapi lihatlah, sejumlah besar mereka kebanyakannya terdiri daripada kalangan bangsa Laman yang lebih jahat. Dan mereka dipanggil para perompak dan pembunuh Gadianton.

19 Dan merekalah yang telah

membunuh hakim utama Sezoram, dan anak lelakinya, semasa berada di kerusi penghakiman; dan lihatlah, mereka tidak ditemui.

20 Dan sekarang terjadilah bahawa ketika bangsa Laman mendapati bahawa terdapat para perompak di kalangan mereka, mereka amat sedih ; dan mereka menggunakan setiap cara dalam kekuasaan mereka untuk menghancurkan mereka dari permukaan bumi.

21 Tetapi lihatlah, Setan telah menghasut hati kebanyakan daripada bangsa Nefi, sedemikian rupa sehingga mereka bersatu dengan gerombolan perompak itu, dan masuk ke dalam perjanjian mereka dan sumpah mereka, agar mereka akan melindungi dan memelihara satu sama lain dalam apa juga keadaan sukar sekali pun mereka akan ditempatkan, agar mereka tidak akan menderita kerana pembunuhan mereka, dan penjarahan mereka, dan pencurian mereka.

22 Dan terjadilah bahawa mereka memiliki tanda-tanda mereka, ya, tanda-tanda rahsia mereka, dan kata-kata rahsia mereka; dan ini agar mereka boleh membezakan seorang saudara yang telah masuk ke dalam perjanjian, agar apa pun kejahatan yang saudaranya akan lakukan dia tidak akan dcederakan oleh saudaranya, atau oleh mereka yang termasuk dalam gerombolannya, yang telah mengikat perjanjian ini.

23 Dan demikianlah mereka

boleh membunuh, dan menjarah, dan mencuri, dan melakukan pelacuran dan bermacam-macam kejahatan, bertentangan dengan hukum negara mereka dan juga perintah-perintah Tuhan mereka.

24 Dan sesiapa pun daripada mereka yang termasuk di dalam gerombolan mereka akan mendedahkan kepada dunia tentang kejahatan mereka dan kekejian mereka, akan diadili, bukan menurut hukum-hukum negeri mereka, tetapi menurut hukum-hukum kejahatan mereka, yang telah diberikan oleh Gadianton dan Kiskumen.

25 Sekarang lihatlah, sumpah dan perjanjian rahsia inilah yang Alma perintahkan kepada anak lelakinya yang tidak harus datang ke dalam dunia, kalau-kalau ia menjadi sebuah cara untuk membawa orang-orang tersebut pada kehancuran.

26 Sekarang lihatlah, sumpah dan perjanjian rahsia itu tidak datang kepada Gadianton dari catatan-catatan yang diserahkan kepada Helaman; tetapi lihatlah, ia diletakkan ke dalam hati Gadianton oleh makhluk yang sama yang telah memujuk orang tua pertama kita untuk memakan buah terlarang—

27 Ya, makhluk yang sama itu yang telah berkomplot dengan Kain, bahawa jika dia membunuh adiknya Habel hal itu tidak akan diketahui oleh dunia. Dan dia berkomplot dengan Kain dan para pengikutnya sejak waktu itu.

28 Dan juga makhluk yang sama itulah yang meletakkan ke dalam

hati manusia untuk membina sebuah menara yang cukup tinggi agar mereka boleh sampai ke syurga. Dan merupakan makhluk yang sama yang telah menuntun orang-orang yang datang dari menara itu ke negeri ini; yang menyebarkan pekerjaan kegelapan dan kekejian di atas seluruh permukaan negeri itu, sehingga dia menyeret orang-orang itu kepada kehancuran yang menyeluruh, dan kepada neraka yang abadi.

29 Ya, makhluk yang sama itulah yang meletakkan ke dalam hati Gadianton untuk masih meneruskan pekerjaan kegelapan, dan pembunuhan rahsia; dan dia telah membawanya sejak permulaan manusia bahkan sehingga waktu ini.

30 Dan lihatlah, dialah yang merupakan pengarang segala dosa. Dan lihatlah, dia meneruskan pekerjaan kegelapan dan pembunuhan rahsianya, dan menurunkan rancangan rahsia mereka, dan sumpah mereka, dan perjanjian mereka, dan rancangan kejahatan mereka yang dahsyat, dari keturunan ke keturunan menurut hati anak-anak manusia yang dapat dia kuasai.

31 Dan sekarang lihatlah, dia telah memiliki pengaruh yang kuat ke atas hati bangsa Nefi; ya, sedemikian rupa sehingga mereka telah menjadi sangat jahat; ya, sebahagian besar daripada mereka telah berpaling dari jalan kesolehan, dan memijak-mijak di bawah kaki mereka perintah-perintah Tuhan, dan

berpaling ke jalan-jalan mereka sendiri, dan membina bagi diri mereka berhala-berhala daripada emas mereka dan perak mereka.

32 Dan terjadilah bahawa segala kederhakaan ini datang kepada mereka dalam tempoh waktu tidak sampai bertahun-tahun, sedemikian rupa sehingga sebahagian besar darinya telah datang kepada mereka dalam tahun keenam puluh tujuh zaman pemerintahan para hakim ke atas bangsa Nefi.

33 Dan mereka membesar di dalam kederhakaan mereka di dalam tahun keenam puluh lapan juga, menyebabkan kesedihan yang besar dan ratapan daripada orang-orang yang soleh.

34 Dan demikianlah kita melihat bahawa Bangsa Nefi mulai merosot dalam ketidakpercayaan, dan membesar di dalam kejahatan dan kekejian, sementara Bangsa Laman mulai berkembang dengan cepat dalam pengetahuan tentang Tuhan mereka; ya, mereka mulai mentaati peraturan dan perintah-perintah-Nya, dan berjalan dalam kebenaran dan kelurusan hati di hadapan-Nya.

35 Dan demikianlah kita melihat bahawa Roh Tuhan mulai menarik diri daripada bangsa Nefi, kerana kejahatan dan kekerasan hati mereka.

36 Dan demikianlah kita melihat bahawa Tuhan mulai mencurahkan Roh-Nya ke atas bangsa Laman, kerana kesenangan dan kerelaan mereka untuk percaya dalam firman-Nya.

37 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman memburu gerombolan perompak Gadianton; dan mereka mengkhutbahkan firman Tuhan di kalangan mereka yang lebih jahat, sedemikian rupa sehingga gerombolan perompak ini dihan-curkan sepenuhnya dari kalangan bangsa Laman.

38 Dan terjadilah di sebaliknya, bangsa Nefi telah membangunkan mereka dan menyokong mereka, bermula dengan mereka yang lebih jahat, sehingga mereka telah tersebar ke seluruh negeri bangsa Nefi, dan telah menggoda sebahagian besar daripada mereka yang soleh sehingga mereka telah tunduk untuk percaya kepada pekerjaan mereka dan mengambil barangan rompakan mereka, dan untuk bergabung dengan mereka dalam pembunuhan dan komplot-komplot rahsia mereka.

39 Dan demikianlah mereka telah mendapatkan pengurusan tunggal ke atas pemerintahan, sedemikian rupa sehingga mereka memijak-mijak di bawah kaki mereka dan memukul dan memecah-belahkan dan membelakangkan mereka yang miskin dan yang lembut hati, dan para pengikut Tuhan yang rendah hati.

40 Dan demikianlah kita melihat bahawa mereka berada dalam suatu keadaan yang dahsyat, dan sedang menjadi matang untuk kehancuran yang abadi.

41 Dan terjadilah bahawa demikianlah berakhirnya tahun keenam

puluh lapan zaman pemerintahan para hakim ke atas bangsa Nefi.

NUBUAT NEFI, ANAK LELAKI HELAMAN—Tuhan mengancam bangsa Nefi bahawa Dia akan mengunjungi mereka dalam kemurkaan-Nya, sehingga kepada kehancuran mereka yang sepenuhnya kecuali mereka bertaubat daripada kejahatan mereka. Tuhan menghukum bangsa Nefi dengan wabak penyakit; mereka bertaubat dan berpaling kepada-Nya. Samuel, seorang bangsa Laman, bernubuat kepada bangsa Nefi.

Meliputi bab 7 sehingga 16.

BAB 7

Nefi ditolak di utara dan kembali ke Zarahemla—Dia berdoa di atas menara tamannya dan kemudian meminta orang-orang itu untuk bertaubat atau binasa. Kira-kira 23-21 tahun S.M.

LIHATLAH, sekarang terjadilah pada tahun keenam puluh sembilan zaman pemerintahan para hakim ke atas bangsa Nefi, bahawa Nefi, anak lelaki Helaman, telah kembali ke negeri Zarahemla dari negeri sebelah utara.

2 Kerana dia telah pergi di kalangan orang-orang yang berada di negeri sebelah utara, dan telah mengkhutbahkan firman Tuhan kepada mereka, dan menubuatkan banyak hal kepada mereka;

3 Dan mereka menolak segala perkataannya, sedemikian rupa sehingga dia tidak dapat tinggal di kalangan mereka, tetapi kembali semula ke negeri kelahirannya.

4 Dan melihatkan orang-orang tersebut di dalam keadaan kejahatan yang dahsyat, dan para perompak Gadianton tersebut mengisi kerusi-kerusi penghakiman—setelah merebut kekuasaan dan wewenang dari negeri itu; mengenyahkan perintah-perintah Tuhan, dan tidak sedikit pun soleh di hadapan-Nya; tidak melakukan keadilan kepada anak-anak manusia;

5 Menghukum yang soleh kerana kesolehan mereka; membiarkan yang bersalah dan yang jahat tidak dihukum kerana wang mereka; dan tambahan pula tetap memegang jawatan pada pucuk pemerintahan, untuk memerintah dan melakukan menurut keinginan mereka, agar mereka boleh memperoleh keuntungan dan kemuliaan dunia, dan tambahan pula, agar mereka dengan lebih mudah dapat berbuat zina, dan mencuri, dan membunuh, dan melakukan menurut kehendak-kehendak mereka sendiri—

6 Sekarang kederhakaan besar ini telah datang ke atas bangsa Nefi, dalam tempoh waktu tidak sampai bertahun-tahun; dan apabila Nefi melihat hal ini, hatinya dipenuhi dengan kesedihan di dalam dadanya; dan dia telah berseru di dalam keperitan jiwanya:

7 Oh, seandainya aku dapat

menjalani hidupku semasa bapakku Nefi pertama kali keluar dari negeri Yerusalem, agar aku dapat berbahagia bersamanya di dalam negeri yang dijanjikan; pada waktu itu orang-orangnya mudah diajar, teguh dalam mentaati perintah-perintah Tuhan, dan perlahan untuk dituntun melakukan kederhakaan; dan mereka cepat untuk mendedengarkan firman-firman Tuhan—

8 Ya, jika masa hidupku dapat berada pada masa itu, maka jiwaku akan merasakan kebahagiaan di dalam kesolehan saudara-saudaraku.

9 Tetapi lihatlah, aku ditetapkan bahawa inilah masa hidupku, dan bahawa jiwaku akan dipenuhi dengan kesedihan kerana kejahatan saudara-saudaraku ini.

10 Dan lihatlah, sekarang terjadilah bahawa di atas sebuah menara, yang berada di dalam taman Nefi, yang berada di sebelah jalan besar yang menuju ke pasar utama, yang ada di Kota Zarahemla; oleh itu, Nefi telah menundukkan dirinya di atas menara yang berada di dalam tamannya, menara itu juga berdekatan dengan pintu gerbang taman yang menuju ke jalan besar.

11 Dan terjadilah bahawa terdapat orang-orang tertentu yang melalui dan melihat Nefi semasa dia mencurahkan jiwanya kepada Tuhan di atas menara itu; dan mereka berlari dan memberitahu orang lain apa yang telah mereka lihat, dan orang-orang itu datang bersama beramai-ramai agar mereka dapat mengetahui

punca kedukaan yang begitu besar kerana kejahatan orang-orang tersebut.

12 Dan sekarang, apabila Nefi bangun dia melihat sekumpulan orang ramai yang telah berkumpul bersama.

13 Dan terjadilah bahawa dia membuka mulutnya dan berkata kepada mereka: Lihatlah, mengapakah kamu telah berkumpul bersama? Agar aku boleh memberitahu kamu tentang kederhakaanmu?

14 Ya, kerana aku telah menaiki menaraku agar aku boleh mencurahkan jiwaku kepada Tuhanku, kerana hatiku yang sangat sedih, yang disebabkan oleh kederhakaanmu!

15 Dan kerana kedukaan dan ratapanku kamu telah berkumpul bersama, dan berasa takjub; ya, kamu sangat perlu untuk berasa takjub; ya, kamu seharusnya berasa takjub kerana kamu menyerah sehingga iblis telah memiliki genggaman yang kuat ke atas hatimu.

16 Ya, bagaimanakah kamu dapat menyerah kepada pujukan daripada dia yang sedang berusaha untuk melontarkan jiwamu ke dalam kegetiran abadi dan kecelakaan tanpa akhir?

17 Ya bertaubatlah kamu, bertaubatlah kamu! Mengapakah kamu mahu mati? Berpalinglah kamu, berpalinglah kamu kepada Tuhan Rajamu. Mengapakah Dia telah meninggalkanmu?

18 Ini disebabkan kamu telah mengeraskan hatimu; ya, kamu tidak

mahu mendengar kepada suara Gembala yang baik; ya, kamu telah membangkitkan kemarahan-Nya terhadapmu.

19 Dan lihatlah, selain daripada mengumpulmu, kecuali kamu akan bertaubat, lihatlah, Dia akan menceraikanmu sehingga kamu akan menjadi makanan bagi anjing-anjing dan binatang buas.

20 Ah, bagaimanakah kamu dapat melupakan Tuhanmu dalam saat-saat Dia telah membebaskanmu?

21 Tetapi lihatlah, ia adalah untuk memperoleh keuntungan, untuk dipuji oleh manusia, ya, dan agar kamu boleh memperoleh emas dan perak. Dan kamu telah meletakkan hatimu pada kekayaan dan hal-hal yang sia-sia dari dunia ini, yang mana untuknya kamu membunuh, dan menjarah, dan mencuri, dan memberikan kesaksian palsu terhadap sesamamu, dan melakukan bermacam-macam jenis kederhakaan.

22 Dan disebabkan ini kecelakaan akan datang kepadamu kecuali kamu akan bertaubat. Kerana jika kamu tidak mahu bertaubat, lihatlah, kota besar ini, dan juga semua kota besar yang berada di sekitarnya, yang berada di dalam tanah pemilikan kita, akan diambil pergi sehingga kamu tidak akan memiliki tempat di dalamnya; kerana lihatlah, Tuhan tidak akan memberi kepadamu kekuatan, seperti yang telah Dia lakukan sehingga kini, untuk berhadapan dengan musuh-musuhmu.

23 Kerana lihatlah, demikianlah

firman Tuhan: Aku tidak akan memperlihatkan kepada yang jahat kekuatan-Ku, kepada yang satu lebih daripada yang lain, kecuali kepada mereka yang bertaubat akan dosa-dosa mereka, dan mendengar firman-firmanKu. Sekarang, oleh itu, aku menginginkan agar kamu harus melihat, saudara-saudaraku, bahawa adalah lebih baik bagi bangsa Laman daripada kamu kecuali kamu akan bertaubat.

24 Kerana lihatlah, mereka lebih soleh daripada kamu, kerana mereka tidak berdosa terhadap pengetahuan besar yang telah kamu terima; oleh itu Tuhan akan penuh berbelas kasihan kepada mereka; ya, Dia akan memanjangkan masa hidup mereka dan menambahkan benih keturunan mereka, bahkan apabila kamu akan dihancurkan sepenuhnya kecuali kamu akan bertaubat.

25 Ya, celakalah bagimu kerana kekejian yang besar itu yang telah datang di kalangan kamu; dan kamu telah menyatukan dirimu kepadanya, ya, kepada gerombolan rahsia itu yang ditubuhkan oleh Gadianton!

26 Ya, kecelakaan akan datang kepadamu kerana keangkuhan itu yang telah kamu biarkan untuk memasuki hatimu, yang telah mengangkatmu melebihi dari hal yang baik kerana kekayaanmu yang amat besar!

27 Ya, celakalah bagimu kerana kejahatan serta kekejianmu!

28 Dan kecuali kamu bertaubat

kamu akan binasa; ya, bahkan negeri-negerimu akan diambil daripadamu, dan kamu akan dihancurkan dari permukaan bumi.

29 Lihatlah sekarang, aku tidak mengatakan bahawa hal-hal ini akan terjadi, dari diriku sendiri, kerana bukanlah dari diriku sendiri aku mengetahui hal-hal ini; tetapi lihatlah, aku tahu bahawa hal-hal ini adalah benar kerana Tuhan Raja telah memberitahunya kepadaku, oleh itu aku bersaksi bahawa hal-hal itu akan terjadi.

BAB 8

Para hakim yang busuk berusaha untuk menghasut orang-orang menentang Nefi—Abraham, Musa, Zenos, Zenok, Ezias, Yesaya, Yeremia, Lehi, dan Nefi semuanya bersaksi tentang Kristus—Melalui ilham Nefi mengumumkan pembunuhan hakim utama. Kira-kira 23–21 tahun S.M.

DAN sekarang terjadilah bahawa apabila Nefi telah mengatakan kata-kata ini, lihatlah, terdapat orang-orang yang merupakan para hakim, yang juga termasuk di dalam gerombolan rahsia Gadianton, dan mereka marah, dan mereka berseru menentanginya, mengatakan kepada orang-orang tersebut: Mengapakah kamu tidak menangkap lelaki ini dan membawanya ke mari, agar dia boleh dihukum menurut jenayah yang telah dia lakukan?

2 Mengapakah kamu melihat lelaki ini, dan mendengar dia

mencaci terhadap orang-orang ini dan terhadap hukum kita?

3 Kerana lihatlah, Nefi telah berbicara kepada mereka tentang ketaksaksamaan hukum mereka; ya, banyak hal yang telah Nefi katakan yang tidak dapat dituliskan; dan tidak ada apa pun yang dia katakan adalah bertentangan dengan perintah-perintah Tuhan.

4 Dan para hakim itu marah terhadapnya kerana dia berbicara dengan jelas kepada mereka tentang rahsia pekerjaan kegelapan mereka; walaupun demikian, mereka tidak berani menyentuhnya dengan tangan mereka sendiri, kerana mereka takut orang-orang itu akan berseru menentang mereka.

5 Oleh itu mereka berseru kepada orang-orang itu, mengatakan: Mengapakah kamu membiarkan lelaki ini mencaci kita? Kerana lihatlah dia mengutuk semua orang ini, bahkan kepada kehancuran; ya, dan juga bahawa kota-kota besar kita ini akan diambil daripada kita, sehingga kita tidak memiliki tempat di dalamnya.

6 Dan sekarang kita tahu bahawa ini adalah mustahil, kerana lihatlah, kita sangat kuat, dan kota-kota kita besar, oleh itu musuh-musuh kita tidak dapat menguasai diri kita.

7 Dan terjadilah bahawa demikianlah mereka menghasut orang-orang itu menjadi marah menentang Nefi, dan membangkitkan pertikaian di antara mereka; kerana ada beberapa orang yang berseru: Biarkanlah lelaki ini

sendirian, kerana dia adalah seorang lelaki yang baik, dan hal-hal yang dia telah katakan itu pasti akan terjadi kecuali kita bertaubat;

8 Ya, lihatlah, semua penghakiman akan datang ke atas diri kita seperti yang telah dia persaksikan kepada kita; kerana kita tahu bahawa dia telah bersaksi dengan benar kepada kita tentang kederhakaan kita. Dan lihatlah ianya begitu banyak, dan dia juga tahu segala hal yang akan menimpa kita seperti dia mengetahui kederhakaan kita;

9 Ya, dan lihatlah, jika dia bukan seorang nabi dia tidak akan dapat bersaksi tentang hal-hal itu.

10 Dan terjadilah bahawa orang-orang yang berusaha untuk menghancurkan Nefi terpaksa kerana rasa takut mereka, untuk tidak meletakkan tangan mereka ke atasnya; oleh itu dia mulai lagi berbicara kepada mereka, kerana melihat bahawa dia telah mendapat sokongan di mata beberapa orang itu, sedemikian rupa sehingga mereka yang selebihnya berasa takut.

11 Oleh itu dia terdesak untuk berbicara lebih banyak kepada mereka mengatakan: Lihatlah, saudara-saudaraku, tidakkah kamu terbaca bahawa Tuhan memberikan kuasa kepada satu orang, bahkan Musa, untuk menghentam perairan Laut Merah, dan ia terbelah ke sini dan ke sana, sedemikian rupa sehingga bangsa Israel, yang merupakan nenek moyang kita, melaluinya di atas tanah kering,

dan perairan itu menutupi bala tentera orang Mesir dan menelan mereka?

12 Dan sekarang lihatlah, jika Tuhan memberikan kepada lelaki ini kuasa seperti itu, maka mengapakah kamu mesti berselisih di antara sesama sendiri, dan mengatakan bahawa Dia tidak memberikan kepadaku kuasa yang dengannya aku dapat mengetahui tentang penghakiman yang akan datang ke atas dirimu kecuali kamu bertaubat?

13 Tetapi, lihatlah, kamu bukan sahaja menyangkal perkataanku, tetapi kamu juga menyangkal segala perkataan yang telah diucapkan oleh nenek moyang kita, dan juga perkataan yang diucapkan oleh lelaki ini, Musa, yang memiliki kuasa yang besar seperti itu diberikan kepadanya, ya, perkataan yang telah dia katakan tentang kedatangan Mesias.

14 Ya, tidakkah dia memberikan kesaksian bahawa Putera Tuhan akan datang? Dan seperti dia mengangkat ular tembaga di padang belantara, demikian jugalah Dia yang akan datang itu akan diangkat.

15 Dan seberapa banyak yang akan memandang pada ular itu akan hidup, demikian jugalah seberapa banyak yang akan memandang Putera Tuhan dengan iman, memiliki roh yang menyesal, akan hidup, bahkan sehingga kepada kehidupan yang abadi itu.

16 Dan sekarang lihatlah, bukan hanya Musa yang bersaksi tentang

hal-hal ini, tetapi juga semua nabi kudus, sejak dari masa kehidupannya bahkan sehingga masa kehidupan Abraham.

17 Ya, dan lihatlah, Abraham melihat kedatangan-Nya, dan dipenuhi dengan kegirangan dan bergembira.

18 Ya, dan lihatlah aku berkata kepadamu, bahawa bukan hanya Abraham yang mengetahui hal-hal ini, tetapi terdapat ramai sebelum masa kehidupan Abraham yang telah dipanggil melalui tarekat kudus Tuhan; ya, bahkan menurut tarekat kudus Putera-Nya; dan ini seharusnya diperlihatkan kepada semua orang, beribu-ribu tahun sebelum kedatangan-Nya, bahawa penebusan akan datang kepada mereka.

19 Dan sekarang, aku mahu agar kamu harus tahu, bahawa bahkan sejak zaman Abraham terdapat banyak nabi yang telah mempersaksikan hal-hal ini; ya, lihatlah, Nabi Zenos telah bersaksi dengan berani; dan kerananya dia telah dibunuh.

20 Dan lihatlah, juga Zenok, dan juga Ezias, dan juga Yesaya, dan Yeremia, (Yeremia merupakan nabi yang sama yang bersaksi tentang kehancuran Yerusalem) dan sekarang, kita tahu bahawa Yerusalem telah dihancurkan menurut kata-kata Yeremia. Ya maka, mengapa tidak Putera Tuhan datang, menurut nubuatnya?

21 Dan sekarang, adakah kamu mempersoalkan bahawa Yerusalem telah dihancurkan?

Adakah kamu akan mengatakan bahawa anak-anak lelaki Zedekia tidak dibunuh, semuanya kecuali Mulek? Ya, dan tidakkah kamu melihat bahawa benih keturunan Zedekia berada bersama dengan kita, dan mereka telah dihalau dari negeri Yerusalem? Tetapi lihatlah, ini belumlah semuanya—

22 Bapa kita Lehi dihalau dari Yerusalem kerana dia bersaksi tentang hal-hal ini. Nefi juga bersaksi tentang hal-hal ini, dan juga hampir semua nenek moyang kita, bahkan sehingga waktu ini; ya, mereka telah bersaksi tentang kedatangan Kristus, dan telah menanti-nantikan, dan telah bergembira di dalam masa-Nya yang akan datang.

23 Dan lihatlah, Dia ialah Tuhan, dan Dia beserta mereka, dan Dia telah menyatakan diri-Nya kepada mereka, bahawa mereka telah ditebus oleh-Nya; dan mereka memberikan kepada-Nya kemuliaan, kerana hal yang akan datang itu.

24 Dan sekarang, perhatikan kamu mengetahui hal-hal ini dan tidak dapat menyangkalnya kecuali kamu berdusta, oleh itu di dalam hal ini kamu telah berdosa, kerana kamu telah menolak semua hal ini, walaupun banyak bukti yang telah kamu terima; ya, bahkan kamu telah menerima segala hal, baik hal-hal di dalam syurga, mahupun segala sesuatu yang ada di dalam bumi, sebagai suatu kesaksian bahawa ianya adalah benar.

25 Tetapi lihatlah, kamu telah

menolak kebenaran, dan membe-rontak melawan Tuhanmu yang kudus; dan bahkan pada waktu ini, daripada menyimpan bagi dirimu harta di syurga, di mana tidak ada apa pun yang akan rosak, dan di mana tidak ada apa-apapun yang tidak bersih dapat datang, ya kamu menimbunkan kemur-kaan terhadap dirimu pada hari penghakiman.

26 Ya, bahkan pada waktu ini kamu sedang menjadi matang, kerana pembunuhanmu dan per-mukahan dan kejahatanmu, untuk kehancuran abadi; ya, dan kecuali kamu bertaubat ianya akan datang kepadamu tidak lama lagi.

27 Ya, lihatlah ianya sekarang berada bahkan di depan pintu-pintumu; ya, pergilah kamu ke kerusi penghakiman, dan per-riksalah; dan lihatlah, hakimmu telah dibunuh, dan dia terbaring di dalam darahnya; dan dia telah dibunuh oleh saudaranya, yang berusaha untuk duduk di dalam kerusi penghakiman.

28 Dan lihatlah, mereka kedua-duanya termasuk di dalam gerombolan rahsiamu, yang pengasasnya merupakan Gadianton dan si jahat yang berusaha untuk menghan-curkan jiwa manusia.

BAB 9

Para utusan mendapati hakim utama mati di kerusi penghakiman—Mereka dipenjarakan dan kemudian dibebaskan—Melalui ilham Nefi mengenal

pasti Seantum sebagai pembunuh—Nefi diterima oleh sebahagian orang sebagai nabi. Kira-kira 23-21 tahun S.M.

LIHATLAH, sekarang terjadilah bahawa ketika Nefi telah mengucapkan perkataan ini, beberapa orang yang berada di kalangan mereka lari ke kerusi penghakiman; ya, bahkan terdapat lima orang yang pergi, dan mereka berkata sesama mereka sendiri, sambil mereka pergi:

2 Lihatlah, sekarang kita akan tahu dengan suatu kepastian sama ada lelaki ini adalah seorang nabi dan Tuhan telah memerintahkannya untuk menubuatkan hal-hal yang begitu menakjubkan kepada kita. Lihatlah, kita tidak percaya bahawa Dia telah melakukannya; ya, kita tidak percaya bahawa dia ialah seorang nabi; walaupun demikian, jika apa yang telah dia katakan tentang hakim utama adalah benar, bahawa dia telah mati, maka kita akan percaya bahawa perkataan lain yang telah dia ucapkan adalah benar.

3 Dan terjadilah bahawa mereka berlari sedaya upaya mereka, dan tiba di kerusi penghakiman; dan lihatlah, hakim utama tersebut telah jatuh ke atas tanah, dan terbaring di dalam darahnya.

4 Dan sekarang lihatlah, apabila mereka melihat ini mereka amat terpegun, sedemikian rupa sehingga mereka terjatuh ke atas tanah; kerana mereka tidak mempercayai perkataan yang telah Nefi

ucapkan tentang hakim utama tersebut.

5 Tetapi sekarang, apabila mereka melihat mereka telah percaya, dan rasa takut datang ke atas diri mereka bahawa semua penghakiman yang telah Nefi ucapkan akan datang ke atas orang-orang itu; oleh itu mereka menggeletar, dan telah jatuh ke atas tanah.

6 Sekarang, sejurus apabila hakim telah dibunuh—dia yang ditikam oleh saudaranya sambil mengenakan pakaian rahsia, dan dia melarikan diri, dan para orang suruhan berlari dan memberitahu rakyat, menyerukan teriakan pembunuhan di kalangan mereka;

7 Dan lihatlah rakyat berkumpul bersama di tempat kerusi penghakiman—dan lihatlah, mereka terpegun melihat kelima-lima orang lelaki itu yang telah jatuh ke atas tanah.

8 Dan sekarang lihatlah, orang-orang itu tidak tahu apa-apapun tentang orang ramai yang telah berkumpul bersama di taman Nefi; oleh itu mereka berkata sesama mereka sendiri: lelaki-lelaki ini ialah orang yang telah membunuh hakim itu, dan Tuhan telah menghentam mereka sehingga mereka tidak dapat melarikan diri daripada kita.

9 Dan terjadilah bahawa mereka menggenggam mereka, dan mengikat mereka dan melemparkan mereka ke dalam penjara. Dan terdapat suatu perisytiharan yang dihantar ke seluruh negeri bahawa hakim telah dibunuh, dan bahawa

para pembunuhnya telah ditangkap dan dilemparkan ke dalam penjara.

10 Dan terjadilah bahawa pada keesokan harinya rakyat berhimpun bersama untuk berkabung dan untuk berpuasa, di tempat pengebumian hakim utama agung yang telah dibunuh itu.

11 Dan demikian juga para hakim yang berada di taman Nefi itu, dan mendengar perkataannya, juga berkumpul bersama di pengebumian itu.

12 Dan terjadilah bahawa mereka bertanya di kalangan orang-orang itu, mengatakan: Di manakah lima orang yang telah diutuskan untuk bertanya tentang hakim utama jika dia telah mati? Dan mereka menjawab dan berkata: Tentang lima orang yang kamu katakan telah kamu utuskan, kami tidak tahu; tetapi ada lima orang yang merupakan pembunuh, yang telah kami lemparkan ke dalam penjara.

13 Dan terjadilah bahawa para hakim berhasrat agar mereka harus dibawa; dan mereka dibawa, dan lihatlah mereka ialah lima orang yang telah diutuskan itu; dan lihatlah para hakim bertanya kepada mereka untuk mengetahui tentang hal itu, dan mereka memberitahu mereka segala yang telah mereka lakukan, mengatakan:

14 Kami berlari dan tiba di tempat kerusi penghakiman, dan ketika kami melihat semua hal bahkan seperti yang telah Nefi saksikan, kami terpegun sedemikian rupa sehingga kami jatuh ke

atas tanah; dan apabila kami pulih dari kepegunan kami, lihatlah mereka melemparkan kami ke dalam penjara.

15 Sekarang, tentang pembunuhan lelaki ini, kami tidak tahu siapa yang telah melakukannya; dan hanya sebanyak ini yang kami tahu, kami berlari dan tiba seperti yang kamu inginkan, dan lihatlah dia sudah mati, menurut perkataan Nefi.

16 Dan sekarang terjadilah bahawa para hakim menjelaskan masalah itu kepada rakyat, dan berseru menentang Nefi, mengatakan: Lihatlah, kami tahu bahawa Nefi ini mesti telah bersepakat dengan seseorang untuk membunuh hakim, dan kemudian dia boleh memaklumpkannya kepada kita, agar dia boleh menukarkan hati kita kepada kepercayaannya, agar dia boleh mengangkat dirinya sendiri menjadi seorang yang hebat, dipilih oleh Tuhan, dan seorang nabi.

17 Dan sekarang lihatlah, kita akan mengesan lelaki ini, dan dia akan mengakui kesalahannya dan mendedahkan kepada kita pembunuh sebenar hakim ini.

18 Dan terjadilah bahawa kelima-lima orang itu dibebaskan pada hari pengebumian itu. Walaupun demikian, mereka telah menegur para hakim tentang perkataan yang telah mereka ucapkan menentang Nefi, dan bertikai dengan mereka satu demi satu, sedemikian rupa sehingga mereka menundukkan mereka.

19 Walaupun demikian, mereka menyuruh agar Nefi harus ditangkap dan diikat dan dibawa ke hadapan khalayak ramai, dan mereka mulai menyoalnya dalam pelbagai cara agar mereka boleh memerangkapnya, agar mereka boleh menuduhnya pada kematian—

20 Mengatakan kepadanya: Engkau bersubahat; siapakah lelaki yang telah melakukan pembunuhan ini? Sekarang beritahu kami, dan akuilah kesalahanmu; mengatakan, Lihatlah di sini ada wang; dan juga kami akan memberikan kepadamu nyawamu jika engkau akan memberitahu kami, dan mengakui pakatan yang telah engkau buat dengannya.

21 Tetapi Nefi berkata kepada mereka: Wahai kamu orang-orang bodoh, kamu yang tidak bersunat di hati, kamu yang buta, dan kamu orang-orang yang degil, tahukah kamu berapa lamakah Tuhan Rajamu akan membiarkan kamu untuk terus berada di dalam jalan dosamu ini?

22 Ya, kamu seharusnya mulai meraung dan berkabung, kerana kehancuran besar yang pada waktu ini sedang menunggumu, kecuali kamu akan bertaubat.

23 Lihatlah kamu berkata bahawa aku telah bersepakat dengan seseorang agar dia membunuh Sezoram, hakim utama kita. Tetapi lihatlah, aku berkata kepadamu, bahawa ini adalah kerana aku telah bersaksi kepadamu agar kamu boleh mengetahui tentang hal ini; ya,

bahkan untuk sebuah kesaksian bagimu, bahawa aku tahu tentang kejahatan dan kekejian yang ada di kalangan kamu.

24 Dan kerana aku telah melakukan ini, kamu berkata bahawa aku telah bersepakat dengan seseorang agar dia melakukan hal ini; ya, kerana aku telah memperlihatkan kepadamu tanda ini kamu marah terhadapku, dan berusaha untuk menghancurkan hidupku.

25 Dan sekarang lihatlah, aku akan memperlihatkan kepadamu satu tanda yang lain, dan lihatlah jika dalam hal ini kamu akan berusaha untuk menghancurkan aku.

26 Lihatlah aku berkata kepadamu: Pergilah ke rumah Seantum, yang merupakan saudara Sezoram, dan katakanlah kepadanya—

27 Adakah Nefi, nabi yang berpura-pura itu, yang telah bernubuat tentang begitu banyak kejahatan orang-orang ini, bersepakat denganmu, yang mana kamu telah membunuh Sezoram, iaitu saudaramu?

28 Dan lihatlah, dia akan berkata kepadamu, Tidak.

29 Dan kamu akan berkata kepadanya: Adakah kamu telah membunuh saudaramu?

30 Dan dia akan berdiri dengan ketakutan, dan tidak tahu apa yang harus dikatakan. Dan lihatlah, dia akan menafikannya; dan dia akan membuat seolah-olah dia terpegun; walaupun demikian, dia akan memaklumkan kepadamu bahawa dia tak bersalah.

31 Tetapi lihatlah, kamu harus

memeriksanya, dan kamu akan mendapati darah pada bahagian bawah jubahnya.

32 Dan apabila kamu telah melihat ini, kamu harus berkata: Dari mana datangnya darah ini? Apakah kami tidak tahu bahawa ini adalah darah saudaramu?

33 Dan kemudian dia akan menggeletar, dan akan kelihatan pucat, bahkan seolah-olah kematian telah datang ke atas dirinya.

34 Dan kemudian kamu harus berkata: Kerana ketakutan ini dan kepuatan ini yang telah datang pada mukamu, lihatlah, kami tahu bahawa engkau bersalah.

35 Dan kemudian ketakutan yang lebih besar akan datang ke atas dirinya; dan kemudian dia akan mengaku kepadamu, dan tidak menafikan lagi bahawa dia telah melakukan pembunuhan ini.

36 Dan kemudian dia akan berkata kepadamu, bahawa aku, Nefi, tidak tahu apa-apapun tentang hal itu melainkan diberikan kepadaku melalui kuasa Tuhan. Dan kemudian kamu akan mengetahui bahawa aku ialah seorang yang jujur, dan bahawa aku telah diutuskan kepadamu daripada Tuhan.

37 Dan terjadilah bahawa mereka pergi dan melakukan, bahkan seperti yang telah Nefi katakan kepada mereka. Dan lihatlah, perkataan yang telah dia katakan adalah benar; kerana menurut perkataan itu dia telah menafikan; dan juga menurut perkataan itu dia telah mengaku.

38 Dan dia dibawa untuk

membuktikan bahawa dirinya sendiri ialah pembunuh sebenarnya, sedemikian rupa sehingga lima orang itu dibebaskan, dan juga Nefi.

39 Dan ada sebahagian daripada bangsa Nefi yang mempercayai kata-kata Nefi; dan ada sebahagian juga, yang percaya kerana kesaksian lima orang itu, kerana hati mereka telah bertukar semasa mereka berada di dalam penjara.

40 Dan sekarang terdapat sebahagian daripada kalangan orang-orang itu, yang mengatakan bahawa Nefi ialah seorang nabi.

41 Dan ada yang lain mengatakan: Lihatlah, dia ialah seorang Tuhan, kerana kecuali dia ialah seorang Tuhan dia tidak akan dapat mengetahui segala hal. Kerana lihatlah, dia telah memberitahu kita fikiran hati kita, dan juga telah memberitahu kita banyak hal; dan bahkan dia telah membawa pembunuh hakim utama kita yang sebenarnya kepada pengetahuan kita.

BAB 10

Tuhan memberi Nefi kuasa pemeteraian—Dia diberi kuasa untuk mengikat dan melepaskan di atas bumi dan di dalam syurga—Dia memerintahkan orang-orang untuk bertaubat atau binasa—Roh membawanya dari khalayak ramai ke khalayak ramai. Kira-kira 21–20 tahun S.M.

DAN terjadilah bahawa timbul perpecahan di antara orang-orang

itu, sedemikian rupa sehingga mereka berpecah ke sana sini dan pergi ke haluan masing-masing, meninggalkan Nefi seorang diri, sewaktu dia berdiri di tengah-tengah mereka.

2 Dan terjadilah bahawa Nefi pergi ke haluannya menuju rumahnya sendiri, merenungkan hal-hal yang telah Tuhan perlihatkan kepadanya.

3 Dan terjadilah sewaktu dia sedang merenung—dan berasa amat sedih disebabkan kejahatan orang Bangsa Nefi, pekerjaan-pekerjaan kegelapan rahsia mereka, dan pembunuhan mereka, dan penjarahan mereka, dan pelbagai jenis kederhakaan—dan terjadilah sewaktu dia sedang merenung dalam hatinya, lihatlah, suatu suara datang kepadanya mengatakan:

4 Diberkatilah engkau, Nefi, untuk hal-hal yang telah engkau lakukan itu; kerana Aku telah melihat bagaimana engkau dengan tanpa mengenal penat lelah memaklumkan firman, yang telah Aku berikan kepadamu, kepada orang-orang ini. Dan engkau tidak takut kepada mereka, dan tidak mengutamakan nyawamu sendiri, tetapi telah mengutamakan kehendak-Ku, dan untuk mentaati perintah-perintah-Ku.

5 Dan sekarang, kerana engkau telah melakukan ini dengan tanpa mengenal penat lelah, lihatlah, Aku akan memberkati engkau selamanya; dan Aku akan menjadikan engkau perkasa di dalam perkataan dan dalam perbuatan,

dalam iman dan dalam pekerjaan; ya, bahkan sehingga semua hal akan terjadi kepadamu menurut perkataanmu, kerana engkau tidak akan meminta hal yang bertentangan dengan kehendak-Ku.

6 Lihatlah, engkau adalah Nefi, dan Aku adalah Tuhan. Lihatlah, Aku memaklukkannya kepadamu di hadapan para malaikat-Ku, bahawa engkau akan memiliki kuasa ke atas orang-orang ini, dan akan menghentam bumi dengan kebuluran, dan dengan wabak penyakit, dan kehancuran, menurut kejahatan orang-orang ini.

7 Lihatlah, Aku memberikan kepadamu kuasa, bahawa apa pun yang akan kamu meteraikan di atas bumi akan dimeteraikan di dalam syurga; dan apa pun yang akan kamu lepaskan di atas bumi akan dilepaskan di dalam syurga; dan demikianlah kamu akan memiliki kuasa di kalangan orang-orang ini.

8 Dan demikianlah, jika kamu akan berkata pada bait suci ini untuk terbelah menjadi dua, itu akan terjadi.

9 Dan jika kamu berkata pada gunung ini, Runtuhlah engkau dan menjadi rata, itu akan terjadi.

10 Dan lihatlah, jika kamu akan berkata bahawa Tuhan akan menghentam orang-orang ini, itu akan terjadi.

11 Dan sekarang lihatlah, Aku memerintahmu, bahawa kamu akan pergi dan memaklumkan kepada orang-orang ini, bahawa demikianlah firman Tuhan Raja,

iaitu Yang Perkasa: Kecuali kamu bertaubat kamu akan dihentam, bahkan kepada kehancuran.

12 Dan lihatlah, sekarang terjadilah bahawa apabila Tuhan telah mengucapkan firman ini kepada Nefi, dia berhenti dan tidak pergi ke rumahnya sendiri, tetapi kembali kepada orang ramai yang berada di merata permukaan negeri itu, dan mulai memaklumkan kepada mereka firman Tuhan yang telah diucapkan kepadanya, tentang kehancuran mereka jika mereka tidak bertaubat.

13 Sekarang lihatlah, walaupun mukjizat besar yang telah Nefi lakukan itu dalam memberitahu mereka tentang kematian hakim utama, mereka telah mengeraskan hati mereka dan tidak mendengarkan firman Tuhan.

14 Oleh itu Nefi memaklumkan kepada mereka firman Tuhan, mengatakan: Kecuali kamu bertaubat, demikianlah firman Tuhan, kamu akan dihentam bahkan kepada kehancuran.

15 Dan terjadilah bahawa apabila Nefi telah memaklumkan kepada mereka firman itu, lihatlah, mereka masih mengeraskan hati mereka dan tidak mahu mendengar perkataannya; oleh itu mereka mencaci makinya, dan berusaha untuk meletakkan tangan mereka ke atasnya agar mereka dapat melemparkannya ke dalam penjara.

16 Tetapi lihatlah, kuasa Tuhan berada bersamanya, dan mereka tidak dapat menangkapnya untuk

melemparkannya ke dalam penjara, kerana dia dibawa oleh Roh dan diangkat pergi dari tengah-tengah mereka.

17 Dan terjadilah bahawa sedemikianlah dia pergi di dalam Roh, dari khalayak ramai ke khalayak ramai, memaklumkan firman Tuhan, bahkan sehingga dia telah memaklumpkannya kepada mereka semua, atau mengutuskannya di kalangan orang-orang itu.

18 Dan terjadilah bahawa mereka tidak mahu mendengar perkataannya; dan pertikaian bermula, sedemikian rupa sehingga mereka terbahagi di antara sesama sendiri dan mulai saling membunuh dengan pedang.

19 Dan demikianlah berakhirnya tahun ketujuh puluh satu zaman pemerintahan para hakim ke atas bangsa Nefi.

BAB 11

Nefi memujuk Tuhan untuk menggantikan peperangan mereka dengan kebuluran—Banyak orang binasa—Mereka bertaubat, dan Nefi memohon kepada Tuhan dengan segenap hati untuk hujan—Nefi dan Lehi menerima banyak wahyu—Para perompak Gadianton mengubui diri mereka di dalam negeri itu. Kira-kira 20–6 tahun S.M.

DAN sekarang terjadilah dalam tahun ketujuh puluh dua zaman pemerintahan para hakim bahawa pertikaian bertambah, sedemikian rupa sehingga terjadinya

peperangan di seluruh negeri itu di kalangan bangsa Nefi.

2 Dan gerombolan rahsia pe-rompak inilah yang meneruskan pekerjaan penghancuran dan kejahatan ini. Dan peperangan ini berterusan sepanjang tahun itu; dan juga berterusan pada tahun ketujuh puluh tiga.

3 Dan terjadilah bahawa pada tahun ini Nefi berseru kepada Tuhan, mengatakan:

4 Ya Tuhan, janganlah biarkan bahawa orang-orang ini akan dihancurkan oleh pedang; tetapi Ya Tuhan, sebaliknya biarlah ada suatu kebuluran di dalam negeri ini, untuk menyedarkan mereka ke dalam peringatan terhadap Tuhan Raja mereka, dan berharap mereka akan bertaubat dan berpaling kepada-Mu.

5 Dan demikianlah itu dilakukan, menurut perkataan Nefi. Dan terdapat suatu kebuluran yang hebat di atas negeri itu, di kalangan semua bangsa Nefi. Dan demikianlah pada tahun ketujuh puluh empat bencana kelaparan berlanjutan, dan pekerjaan kehancuran oleh pedang telah berhenti tetapi menjadi parah kerana kebuluran.

6 Dan pekerjaan kehancuran ini juga berlanjutan dalam tahun ketujuh puluh lima. Kerana bumi dihentam sehingga kering, dan tidak menghasilkan biji-bijian pada musim biji-bijian; dan seluruh bumi dihentam, bahkan di kalangan bangsa Laman dan juga di kalangan bangsa Nefi, supaya mereka dihentam sehingga

beribu-ribu jumlah mereka yang berada di bahagian-bahagian negeri yang lebih jahat telah binasa.

7 Dan terjadilah bahawa orang-orang itu melihat bahawa mereka hampir binasa kerana kebuluran, dan mereka mulai mengingati Tuhan Raja mereka; dan mereka mulai mengingati perkataan Nefi.

8 Dan orang-orang itu mulai merayu kepada para hakim utama mereka dan para pemimpin mereka, agar mereka akan berkata kepada Nefi: Lihatlah, kami tahu bahawa engkau adalah hamba Tuhan, dan oleh kerana itu berserulah kepada Tuhan Raja kita agar Dia menghindarkan kita dari kebuluran ini, agar jangan sampai semua perkataan yang telah engkau ucapkan tentang kehancuran kami digenapi.

9 Dan terjadilah bahawa para hakim itu berkata kepada Nefi, menurut perkataan yang telah dihasratkan. Dan terjadilah bahawa ketika Nefi melihat bahawa orang-orang itu telah bertaubat dan merendahkan hati mereka di dalam kain guni, dia berseru lagi kepada Tuhan, mengatakan:

10 Ya Tuhan, lihatlah orang-orang ini telah bertaubat; dan mereka telah menyingkirkan gerombolan Gadianton dari kalangan mereka sedemikian rupa sehingga mereka telah menjadi pupus, dan mereka telah menyembunyikan rancangan rahsia mereka di dalam tanah.

11 Sekarang, Ya Tuhan, kerana kerendahan hati mereka ini mahukah Engkau memalingkan

kemurkaan-Mu, dan biarlah kemurkaan-Mu diredakan dengan kehancuran orang-orang jahat yang telah Engkau hancurkan itu.

12 Ya Tuhan, mahukah Engkau memalingkan kemurkaan-Mu, ya, kemurkaan dahsyat-Mu, dan menyebabkan agar kebuluran ini dapat dihentikan di atas negeri ini.

13 Ya Tuhan, mahukah Engkau mendengarkan aku, dan menyebabkan agar ianya boleh terjadi menurut perkataanku, dan menurunkan hujan ke atas muka bumi, agar ia boleh menghasilkan buahnya, dan biji-bijian pada musim biji-bijian.

14 Ya Tuhan, Engkau telah mendengar perkataanku ketika aku berkata, Biarlah ada suatu kebuluran, agar wabak peperangan dengan pedang boleh berhenti; dan aku tahu bahawa Engkau akan, bahkan pada waktu ini, mendengar perkataanku, kerana Engkau berfirman bahawa: Jika orang-orang ini bertaubat Aku akan membiarkan mereka hidup.

15 Ya, Ya Tuhan, dan Engkau melihat bahawa mereka telah bertaubat, kerana kebuluran dan wabak penyakit dan kehancuran yang telah datang kepada mereka.

16 Dan sekarang, Ya Tuhan, mahukah Engkau memalingkan kemurkaanMu, dan menguji lagi jika mereka akan melayani Engkau? Dan jika demikian, ya Tuhan, Engkau dapat memberkati mereka menurut firman-Mu yang telah Engkau firmankan.

17 Dan terjadilah bahawa pada

tahun ketujuh puluh enam Tuhan telah memalingkan kemurkaan-Nya daripada orang-orang itu, dan menyebabkan agar hujan turun ke atas bumi, sedemikian rupa sehingga menghasilkan buahnya pada musim buahnya. Dan terjadilah bahawa ia menghasilkan biji-bijiannya pada musim biji-bijiannya.

18 Dan lihatlah, orang-orang itu bergembira dan memuliakan Tuhan, dan seluruh permukaan negeri dipenuhi dengan kegembiraan; dan mereka tidak lagi berusaha untuk menghancurkan Nefi, tetapi mereka memandang tinggi terhadap dirinya sebagai seorang nabi yang hebat, dan seorang hamba Tuhan, memiliki kuasa dan wewenang besar yang diberikan kepadanya daripada Tuhan.

19 Dan lihatlah, Lehi, adiknya, tidak sedikit pun ketinggalan daripadanya berhubung dengan hal-hal yang berkaitan dengan kesolehan.

20 Dan demikian terjadilah bahawa bangsa Nefi mulai makmur kembali di negeri itu, dan mulai membangunkan tempat-tempat mereka yang tandus, dan mulai bertambah banyak dan berkembang, bahkan sehingga mereka menutupi seluruh permukaan negeri itu, baik di sebelah utara mahupun di sebelah selatan, dari laut barat ke laut timur.

21 Dan terjadilah bahawa tahun ketujuh puluh enam berakhir dalam kedamaian. Dan tahun

ketujuh puluh tujuh bermula dalam kedamaian; dan gereja telah berkembang ke seluruh permukaan negeri itu; dan kebanyakan daripada orang-orang itu, baik bangsa Nefi mahupun bangsa Laman, termasuk di dalam gereja; dan mereka memiliki kedamaian yang amat besar di negeri itu; dan demikianlah berakhirnya tahun ketujuh puluh tujuh.

22 Dan juga mereka memiliki kedamaian pada tahun ketujuh puluh lapan, kecuali terdapat beberapa pertikaian tentang pokok-pokok ajaran yang telah dikemukakan oleh para nabi.

23 Dan pada tahun ketujuh puluh sembilan bermulalah banyak persengketaan. Tetapi terjadilah bahawa Nefi dan Lehi, dan banyak saudara mereka yang tahu tentang pokok-pokok ajaran yang benar, yang memperoleh banyak wahyu setiap hari, oleh kerana itu mereka berkhotbah kepada orang-orang itu, sedemikian rupa sehingga mereka mengakhiri persengketaan mereka dalam tahun yang sama itu.

24 Dan terjadilah bahawa pada tahun ke lapan puluh zaman pemerintahan para hakim ke atas bangsa Nefi, terdapat sejumlah pembelot tertentu daripada bangsa Nefi, yang beberapa tahun sebelumnya telah pergi kepada bangsa Laman, dan telah mengambil ke atas diri mereka nama bangsa Laman, dan juga sejumlah tertentu yang merupakan keturunan bangsa Laman yang sebenarnya,

yang telah dihasut menjadi marah oleh mereka, atau oleh para pembelot itu, oleh kerana itu mereka memulakan peperangan untuk melawan saudara-saudara mereka.

25 Dan mereka telah melakukan pembunuhan dan penjarahan; dan kemudian mereka akan berundur kembali ke gunung-ganang, dan ke padang belantara dan tempat-tempat rahsia, menyembunyikan diri mereka agar mereka tidak dapat ditemui, menerima penambahan kepada jumlah mereka setiap hari, sedemikian rupa kerana terdapat para pembelot yang pergi kepada mereka.

26 Dan demikianlah tiba waktunya, ya, bahkan di dalam tempoh waktu tidak sampai bertahun-tahun, mereka menjadi suatu gerombolan perompak yang amat besar; dan mereka menyelidiki segala rancangan rahsia Gadianton; dan demikianlah mereka menjadi para perompak Gadianton.

27 Sekarang lihatlah, para perompak ini telah membuat kemusnahan yang hebat, ya, bahkan kehancuran yang besar di kalangan bangsa Nefi, dan juga di kalangan orang Bangsa Laman.

28 Dan terjadilah bahawa adalah perlu seharusnya terdapat penghentian terhadap pekerjaan kehancuran ini; oleh kerana itu mereka menghantar sekumpulan orang-orang yang kuat ke padang belantara dan ke atas gunung-ganang untuk mencari gerombolan perompak ini, dan untuk menghancurkan mereka.

29 Tetapi lihatlah, terjadilah bahawa pada tahun yang sama itu mereka dihalau bahkan sehingga ke negeri-negeri mereka sendiri. Dan demikianlah berakhirnya tahun ke lapan puluh zaman pemerintahan para hakim ke atas bangsa Nefi.

30 Dan terjadilah pada permulaan tahun ke lapan puluh satu mereka pergi lagi melawan gerombolan perompak ini, dan menghancurkan banyak orang; dan mereka juga dikunjungi oleh banyak kehancuran.

31 Dan mereka sekali lagi terpaksa kembali keluar dari padang belantara dan keluar dari gunung-ganang ke negeri-negeri mereka sendiri, kerana begitu besarnya jumlah para perompak itu yang meremuti gunung-ganang dan padang belantara.

32 Dan terjadilah bahawa demikianlah berakhirnya tahun ini. Dan para perompak tersebut masih bertambah dan menjadi kuat, sedemikian rupa sehingga mereka menentang seluruh tentera bangsa Nefi, dan juga bangsa Laman; dan mereka telah menyebabkan ketakutan yang besar datang kepada orang-orang itu di seluruh permukaan negeri tersebut.

33 Ya, kerana mereka mengunjungi banyak bahagian negeri itu, dan melakukan kehancuran yang besar kepada mereka; ya, membunuh banyak orang, dan menangkap yang lain dalam tawanan ke padang belantara, ya, terutamanya wanita dan anak-anak mereka.

34 Sekarang, kejahatan besar ini, yang datang kepada orang-orang itu kerana kederhakaan mereka, menyedarkan mereka kembali ke dalam peringatan terhadap Tuhan Raja mereka.

35 Dan demikianlah berakhirnya tahun ke lapan puluh satu zaman pemerintahan para hakim.

36 Dan pada tahun ke lapan puluh dua mereka mulai lagi melupakan Tuhan Raja mereka. Dan pada tahun ke lapan puluh tiga mereka mulai menjadi kuat di dalam kederhakaan. Dan pada tahun ke lapan puluh empat mereka tidak memperbaiki cara-cara mereka.

37 Dan terjadilah pada tahun ke lapan puluh lima mereka menjadi semakin kuat dan kuat dalam keangkuhan mereka, dan dalam kejahatan mereka; dan demikianlah mereka sekali lagi sedang matang untuk kehancuran.

38 Dan demikianlah berakhirnya tahun ke lapan puluh lima.

BAB 12

Manusia tidak stabil dan bodoh dan cepat untuk melakukan yang jahat—Tuhan menghukum umatNya—Ketidakberertian manusia dibandingkan dengan kuasa Tuhan—Pada hari penghakiman, manusia akan memperoleh kehidupan abadi atau kelaknatan abadi. Kira-kira 6 tahun S.M.

DAN demikianlah kita dapat melihat betapa palsunya, dan juga ketidakstabilan hati anak-anak

manusia; ya, kita dapat melihat bahawa Tuhan di dalam kebaikan-Nya yang tak terbatas memberkati dan memakmurkan mereka yang meletakkan kepercayaan mereka kepadaNya.

2 Ya, dan kita dapat melihat pada saat ketika Dia memakmurkan umatNya, ya, di dalam peningkatan ladang mereka, kawan-kawan domba mereka dan kawan-kawan ternakan mereka, dan di dalam emas, dan di dalam perak, dan di dalam pelbagai benda berharga dari setiap jenis dan kesenian; membiarkan mereka hidup, dan membebaskan mereka daripada tangan musuh mereka; melembutkan hati musuh mereka agar mereka tidak mengisytiharkan peperangan terhadap mereka; ya, dan kesimpulannya, melakukan segala hal demi kesejahteraan dan kebahagiaan umatNya; ya, dan pada waktu itulah saatnya mereka mengeraskan hati mereka, dan melupakan Tuhan Raja mereka, dan memijak-mijak di bawah kaki mereka si Yang Kudus—ya, dan ini disebabkan oleh kesenangan mereka, dan kemakmuran mereka yang sangat besar.

3 Dan demikianlah kita melihat bahawa kecuali Tuhan menghukum umatNya dengan banyak kesengsaraan, ya, kecuali Dia mengunjungi mereka dengan kematian dan dengan kengerian, dan dengan kebuluran dan dengan pelbagai jenis wabak penyakit, mereka tidak akan mengingati-Nya.

4 Ah, betapa bodohnya, dan

betapa sombongnya, dan betapa jahatnya, dan seperti iblisnya, dan betapa cepatnya untuk melakukan kederhakaan, dan betapa perlahannya untuk melakukan kebaikan, anak-anak manusia ini; ya, betapa cepatnya untuk mendengar perkataan si jahat, dan untuk meletakkan hati mereka ke atas hal-hal dunia yang sia-sia!

5 Ya, betapa cepatnya untuk terangkat di dalam keangkuhan; ya, betapa cepatnya untuk bermegah, dan melakukan pelbagai perkara yang merupakan kederhakaan; dan betapa perlahannya mereka untuk mengingati Tuhan Raja mereka, dan untuk memasang telinga kepada nasihat-nasihatNya, ya, betapa perlahannya untuk berjalan di dalam jalan kebijaksanaan!

6 Lihatlah, mereka tidak berhasrat agar Tuhan Raja mereka, yang telah menciptakan mereka, seharusnya berkuasa dan memerintah ke atas diri mereka; walaupun kebaikan dan belas kasihanNya yang besar terhadap mereka, mereka mensia-siakan nasihat-nasihatNya, dan mereka tidak menginginkan agar Dia seharusnya menjadi pembimbing mereka.

7 Ah, betapa besarnya ketidakberertian anak-anak manusia; ya, bahkan mereka lebih rendah daripada debu bumi.

8 Kerana lihatlah, debu bumi bergerak ke sana dan ke mari, sehingga terpisah-pisah, di atas perintah Tuhan kita yang agung dan abadi.

9 Ya, lihatlah kerana pada

suara-Nya bukit dan gunung-ganang bergegar dan bergoncang.

10 Dan melalui kuasa suara-Nya bukit dan gunung terpecah-belah, dan menjadi rata, ya, bahkan seperti sebuah lembah.

11 Ya, melalui kuasa suara-Nya seluruh bumi bergoncang;

12 Ya, melalui kuasa suara-Nya, landasan bergoncang, bahkan sehingga pada pusatnya.

13 Ya, dan jika Dia berfirman kepada bumi—Bergeraklah—ia digerakkan.

14 Ya, jika Dia berfirman kepada bumi—Engkau akan berundur, agar ia memanjangkan hari untuk berjam-jam—ia akan terjadi;

15 Dan demikianlah, menurut firman-Nya bumi berundur, dan kelihatannya bagi manusia bahawa matahari tetap tidak bergerak; ya, dan lihatlah, begitulah jadinya; kerana sememangnya bumilah yang bergerak dan bukannya matahari.

16 Dan lihatlah, juga, jika Dia berfirman pada perairan-perairan yang sangat dalam—Keringlah engkau—maka ia terjadi.

17 Lihatlah, jika Dia berfirman pada gunung ini—Terangkatlah engkau, dan datanglah ke mari dan jatuhlah ke atas kota itu, agar ia terkubur—lihatlah maka ia terjadi.

18 Dan lihatlah, jika seseorang menyembunyikan harta benda di dalam tanah, dan Tuhan akan berfirman—Biarlah ia dikutuk, kerana kederhakaan dia yang telah menyembunyikannya—lihatlah, ia akan dikutuk.

19 Dan jika Tuhan akan

berfirman—Dikutuklah engkau, agar tidak seorang pun akan menemui engkau sejak dari waktu ini dan selamanya—lihatlah, tidak seorang pun akan mendapatkannya sekarang dan selamanya.

20 Dan lihatlah, jika Tuhan akan berfirman kepada seseorang—Kerana kederhakaanmu, engkau akan dikutuk selamanya—maka ia akan terjadi.

21 Dan jika Tuhan akan berfirman—Kerana kederhakaanmu engkau akan disingkirkan daripada hadirat-Ku—Dia akan memastikan agar itu terjadi.

22 Dan celakalah dia yang kepadanya akan Dia firmankan sebegini, kerana ia akan terjadi kepada dia yang akan melakukan kederhakaan, dan dia tidak dapat diselamatkan; oleh kerana itu, untuk sebab ini, supaya manusia boleh diselamatkan, pertaubatan telah dimaklumkan.

23 Oleh kerana itu, diberkatilah mereka yang akan bertaubat dan mendengar kepada suara Tuhan Raja mereka; kerana mereka inilah yang akan diselamatkan.

24 Dan semoga Tuhan mengagulkan, dalam kegenapan-Nya yang besar, agar manusia boleh dibawa kepada pertaubatan dan pekerjaan yang baik, agar mereka dapat dipulihkan pada rahmat untuk rahmat, menurut pekerjaan mereka.

25 Dan aku menginginkan agar semua orang dapat diselamatkan. Tetapi kita terbaca bahawa pada hari yang besar dan terakhir itu

terdapat beberapa yang akan diusir, ya, yang akan disingkirkan daripada hadirat Tuhan;

26 Ya, mereka yang akan dimasukkan ke dalam suatu keadaan kegetiran tanpa akhir, menggenapi firman-firman yang mengatakan: Mereka yang telah melakukan kebaikan akan memperoleh kehidupan abadi; dan mereka yang telah melakukan kejahatan akan memperoleh kelaknatan abadi. Dan demikianlah halnya. Amin.

Nubuat Samuel, si bangsa Laman, kepada bangsa Nefi.

Meliputi bab 13 sehingga 15.

BAB 13

Samuel si bangsa Laman menubuatkan kehancuran bangsa Nefi melainkan mereka bertaubat—Mereka dan kekayaan mereka dikutuk—Mereka menolak dan merejam para nabi, dikelilingi oleh roh-roh jahat, dan mencari kebahagiaan dengan melakukan kederhakaan. Kira-kira 6 tahun S.M.

DAN sekarang terjadilah pada tahun ke lapan puluh enam, bangsa Nefi masih tetap berada dalam kejahatan, ya, dalam kejahatan yang besar, sementara bangsa Laman berusaha untuk mentaati dengan ketat perintah-perintah Tuhan, menurut hukum Musa.

2 Dan terjadilah bahawa pada tahun ini terdapat seorang Samuel, seorang bangsa Laman, datang ke

negeri Zarahemla, dan mulai berkhutbah kepada orang-orang itu. Dan terjadilah bahawa dia mengkhutbahkan, berhari-hari, tentang pertaubatan kepada orang-orang itu, dan mereka telah mengusirnya, dan dia hampir kembali ke negerinya sendiri.

3 Tetapi lihatlah, suara Tuhan datang kepadanya, bahawa dia seharusnya kembali lagi, dan bernubuat kepada orang-orang itu apa pun hal-hal yang akan masuk ke dalam hatinya.

4 Dan terjadilah bahawa mereka tidak mahu membiarkan dia masuk ke dalam kota; oleh kerana itu dia pergi dan memanjat ke atas tembok dindingnya, dan merentangkan tangannya dan berseru dengan suara yang kuat, dan bernubuat kepada orang-orang itu apa pun hal-hal yang Tuhan letakkan ke dalam hatinya.

5 Dan dia berkata kepada mereka: Lihatlah, aku, Samuel, seorang bangsa Laman, mengucapkan firman Tuhan yang Dia letakkan ke dalam hatiku; dan lihatlah Dia telah meletakkannya ke dalam hatiku untuk berkata kepada orang-orang ini bahawa pedang keadilan sedang tergantung di atas bangsa ini; dan empat ratus tahun tidak akan berlalu kecuali pedang keadilan jatuh ke atas bangsa ini.

6 Ya, kehancuran yang hebat menunggu orang-orang ini, dan ia pasti akan datang kepada bangsa ini, dan tidak ada apa pun yang dapat menyelamatkan bangsa ini kecuali pertaubatan dan iman

kepada Tuhan Yesus Kristus, yang pasti akan datang ke dunia, dan akan menderita banyak hal dan akan dibunuh demi umat-Nya.

7 Dan lihatlah, seorang malaikat Tuhan telah memaklumpkannya kepadaku, dan dia telah membawa khabar gembira kepada jiwaku. Dan lihatlah, aku telah diutus kepadamu untuk memaklumpkannya kepadamu juga, agar kamu boleh memperoleh khabar gembira; tetapi lihatlah kamu tidak mahu menerimaku.

8 Oleh kerana itu, demikianlah firman Tuhan: Kerana kekerasan hati orang Bangsa Nefi, kecuali mereka bertaubat Aku akan mengambil firman-Ku daripada mereka, dan Aku akan menarik Roh-Ku daripada mereka, dan Aku tidak akan membiarkan mereka lebih lama, dan Aku akan memalingkan hati saudara-saudara mereka untuk menentang mereka.

9 Dan empat ratus tahun tidak akan berlalu sebelum Aku akan menyebabkan agar mereka dihentam; ya, aku akan mengunjungi mereka dengan pedang dan dengan kebuluran dan dengan wabak penyakit.

10 Ya, aku akan mengunjungi mereka dalam kemurkaan dahsyatKu, dan akan terdapat mereka daripada keturunan keempat yang akan hidup, daripada musuh-musuhmu, untuk melihat kehancuranmu sepenuhnya; dan ini pasti akan datang kecuali kamu bertaubat, firman Tuhan; dan mereka daripada keturunan

keempat itu akan mengunjungi kehancuranmu.

11 Tetapi jika kamu akan bertaubat dan kembali kepada Tuhan Rajamu Aku akan memalingkan kemurkaan-Ku, firman Tuhan; ya, demikianlah firman Tuhan, diberkatilah mereka yang akan bertaubat dan berpaling kepada-Ku, tetapi celakalah dia yang tidak bertaubat.

12 Ya, celakalah Kota Zarahemla yang besar ini; kerana lihatlah, adalah disebabkan mereka yang soleh kota ini telah diselamatkan; ya, celakalah kota yang besar ini, kerana Aku melihat, Tuhan berfirman, bahawa ada banyak, ya, bahkan kebanyakan orang dari kota yang besar ini, yang akan mengeraskan hati mereka terhadap-Ku, firman Tuhan.

13 Tetapi diberkatilah mereka yang akan bertaubat, kerana mereka akan Aku biarkan hidup. Tetapi lihatlah, jika bukan kerana orang-orang soleh yang berada di dalam kota yang besar ini, lihatlah, Aku akan menyebabkan api untuk turun dari langit dan menghancurkannya.

14 Tetapi lihatlah, adalah demi kepentingan orang-orang soleh bahawa ia dibiarkan selamat. Tetapi lihatlah, waktunya tiba, firman Tuhan, bahawa ketika kamu akan mengusir yang soleh dari kalangan kamu, pada waktu itulah kamu akan menjadi matang untuk kehancuran; ya, celakalah kota yang besar ini, kerana kejahatan dan kekejian yang ada di dalamnya.

15 Ya, dan celakalah Kota Gideon, kerana kejahatan dan kekejian yang ada di dalamnya.

16 Ya, dan celakalah semua kota yang berada di tanah sekitarnya, yang dikuasai oleh bangsa Nefi, kerana kejahatan dan kekejian yang ada di dalamnya.

17 Dan lihatlah, suatu kutukan akan datang ke atas negeri itu, firman Tuhan Semesta Alam, kerana demi orang-orang yang berada di atas negeri itu, ya, kerana kejahatan mereka dan kekejian mereka.

18 Dan akan terjadilah, firman Tuhan Semesta Alam, ya, Tuhan kita yang agung dan sejati, bahawa sesiapa yang akan menyembunyikan harta bendanya di dalam tanah tidak akan menemuinya lagi, kerana kutukan besar ke atas negeri ini, melainkan dia ialah seorang yang soleh dan akan menyembunyikannya bagi Tuhan.

19 Kerana Aku menginginkan, Tuhan berfirman, agar mereka akan menyembunyikan harta benda mereka bagiKu; dan terkutuklah mereka yang tidak menyembunyikan harta benda mereka bagiKu; kerana tidak seorang pun menyembunyikan harta bendanya bagiKu kecuali yang soleh; dan dia yang tidak menyembunyikan harta bendanya bagiKu, terkutuklah dia, dan juga harta benda itu, dan tidak seorang pun akan menebusnya kerana kutukan ke atas negeri ini.

20 Dan harinya akan datang bahawa mereka akan menyembunyikan harta benda mereka, kerana

mereka telah meletakkan hati mereka pada kekayaan; dan kerana mereka telah meletakkan hati mereka pada kekayaan mereka, dan akan menyembunyikan harta benda mereka apabila mereka akan melarikan diri dari hadapan musuh mereka; disebabkan mereka tidak akan menyembunyikannya bagiKu, terkutuklah mereka dan juga harta benda mereka; dan pada hari itu mereka akan dihentam, firman Tuhan.

21 Lihatlah kamu, orang-orang dari kota yang besar ini, dan dengarkanlah kepada perkataanku; ya, dengarlah firman yang Tuhan firmankan; kerana lihatlah, Dia berfirman bahawa kamu dikutuk kerana kekayaanmu, dan juga kekayaanmu dikutuk kerana kamu telah meletakkan hatimu padanya, dan tidak mendengar firman-firman daripada Dia yang telah memberikannya kepadamu.

22 Kamu tidak mengingati Tuhan Rajamu dalam hal-hal yang telah Dia berkatimu dengannya, tetapi kamu selalu mengingati kekayaanmu, bukan untuk berterima kasih kepada Tuhan Rajamu kerananya; ya, hatimu tidak dicurahkan kepada Tuhan, tetapi menggembung dengan keangkuhan yang besar, sehingga bermegah, dan sehingga kemarahan besar yang meluap-luap, kedengkian, persengketaan, niat jahat, penganiayaan, dan pembunuhan, dan segala jenis kederhakaan.

23 Disebabkan ini Tuhan Raja telah menyebabkan agar suatu

kutukan harus datang ke atas negeri ini, dan juga ke atas kekayaanmu, dan ini adalah kerana kederhakaanmu.

24 Ya, celakalah orang-orang ini, kerana waktu ini yang telah tiba, bahawa kamu telah mengusir para nabi, dan mengejek mereka, dan merejam mereka dengan batu, dan membunuh mereka, dan melakukan pelbagai jenis kederhakaan kepada mereka, bahkan seperti yang mereka telah lakukan pada zaman dahulu.

25 Dan sekarang apabila kamu berbicara, kamu berkata: Jika masa kehidupan kami berada pada masa kehidupan nenek moyang kami dahulu, kami tidak akan membunuh para nabi; kami tidak akan merejam mereka dengan batu, dan mengusir mereka.

26 Lihatlah kamu lebih teruk daripada mereka; kerana selagi Tuhan hidup, jika seorang nabi datang di kalangan kamu dan memaklumkan kepadamu firman Tuhan, yang bersaksi tentang dosa-dosa dan kederhakaanmu, kamu marah terhadapnya, dan mengusirnya dan mencari pelbagai cara untuk menghancurkannya; ya, kamu akan berkata bahawa dia ialah seorang nabi palsu, dan bahawa dia adalah pendosa, dan berasal daripada iblis, kerana dia bersaksi bahawa perbuatan-perbuatanmu adalah jahat.

27 Tetapi lihatlah, jika seseorang akan datang di kalangan kamu dan akan berkata: Lakukanlah ini, dan tidak ada kederhakaan;

lakukanlah itu dan kamu tidak akan menderita; ya, dia akan berkata: Berjalanlah menurut keangkuhan hatimu sendiri; ya, berjalanlah menurut keangkuhan matamu, dan lakukanlah apa pun yang hatimu hasratkan—dan jika seseorang akan datang ke antara kamu dan mengatakan ini, kamu akan menerimanya, dan berkata bahawa dia ialah seorang nabi.

28 Ya, kamu akan menyanjungnya, dan kamu akan memberi kepadanya harta kekayaanmu; kamu akan memberi kepadanya emasmu, dan perakmu, dan kamu akan memakaikannya pakaian yang mahal; dan kerana dia mengucapkan perkataan yang mengangkat-angkat kamu, dan dia berkata bahawa semuanya baik, maka kamu tidak akan mencari kesalahan terhadap dirinya.

29 Wahai kamu generasi yang jahat dan suka membantah; kamu bangsa yang keras hati dan degil, berapa lamakah kamu menganggap bahawa Tuhan akan membiarkan kamu? Ya, berapa lamakah kamu akan membiarkan dirimu dituntun oleh para pembimbing yang bodoh dan buta? Ya, berapa lamakah kamu akan memilih kegelapan daripada cahaya?

30 Ya, lihatlah, kemurkaan Tuhan telah dinyalakan terhadapmu; lihatlah, Dia telah mengutuk negeri ini kerana kederhakaanmu.

31 Dan lihatlah, bahawa tiba masanya Dia mengutuk kekayaanmu, sehingga ia menjadi licin, sehingga kamu tidak dapat

memegangnya; dan pada hari-hari kemiskinanmu kamu tidak dapat menahannya.

32 Dan pada hari-hari kemiskinanmu kamu akan berseru kepada Tuhan; dan dengan sia-sia kamu akan berseru, kerana kemusnah-anmu telah datang ke atas dirimu, dan kehancuranmu telah dipas-tikan; dan kemudian kamu akan menangis dan meraung pada masa itu, firman Tuhan Semesta Alam. Dan pada waktu itu kamu akan meratap, dan berkata:

33 Ah, sekiranya aku telah bertaubat, dan tidak membunuh para nabi, dan merejam mereka dengan batu, dan mengusir mereka. Ya, pada masa itu kamu akan berkata: Ah, sekiranya kita telah mengi-ngati Tuhan Raja kita pada hari Dia memberikan kepada kita kekayaan kita, maka ia tidak akan menjadi licin sehingga kita kehilangannya; kerana lihatlah, kekayaan kita lenyap daripada kita.

34 Lihatlah, kita meletakkan sebuah alat di sini dan pada ke-esokan harinya ia lenyap; dan lihatlah, pedang kita diambil daripada kita pada hari kita men-carinya untuk pertempuran.

35 Ya, kita telah menyembunyi-kan harta benda kita dan ia telah terlepas daripada kita, kerana kutukan ke atas negeri ini.

36 Ah, sekiranya kita telah bertaubat pada hari firman Tuhan datang kepada kita; kerana lihatlah negeri ini dikutuk, dan semua benda telah menjadi licin, dan kita tidak dapat memegangnya.

37 Lihatlah, kita dikepung oleh roh-roh jahat, ya, kita dikelilingi oleh para malaikat daripada dia yang telah berusaha untuk meng-hancurkan jiwa kita. Lihatlah, besarnya kederhakaan kita. Ya Tuhan, tidak dapatkah Engkau memalingkan kemurkaan-Mu daripada kami? Dan ini akan menjadi cara bahasamu pada hari-hari itu.

38 Tetapi lihatlah, masa percubaanmu telah berlalu; kamu telah menanggung hari penyelamat-anmu sehingga sudah terlambat untuk selamanya, dan kehancuranmu dijadikan pasti; ya, kerana kamu telah mengejar sepanjang kehidupanmu untuk hal yang tidak dapat kamu peroleh; dan kamu telah mencari kebahagiaan dengan melakukan kederhakaan, yang mana hal itu bertentangan dengan sifat kebenaran yang berada di dalam Ketua Kekal dan agung kita.

39 Wahai kamu orang-orang negeri ini, seandainya kamu mahu mendengar perkataanku! Dan aku berdoa bahawa kemurkaan Tuhan dipalingkan daripadamu, dan agar kamu akan bertaubat dan diselamatkan.

BAB 14

Samuel meramalkan keterangan sepanjang malam dan sebuah bintang baru semasa kelahiran Kristus— Kristus menebus manusia daripada kematian duniawi dan rohani—Tanda-tanda kematian-Nya termasuklah tiga

hari kegelapan, pemecahan batu-batan, dan pergolakan alam yang dahsyat. Kira-kira 6 tahun S.M.

DAN sekarang terjadilah bahawa Samuel, si bangsa Laman, telah bernubuat lebih banyak hal lagi yang tidak dapat dituliskan.

2 Dan lihatlah, dia berkata kepada mereka: Lihatlah, aku memberi kepadamu suatu tanda; kerana lima tahun lagi akan datang, dan lihatlah, kemudian datanglah Putera Tuhan untuk menebus mereka semua yang akan percaya kepada nama-Nya.

3 Dan lihatlah, ini akan aku berikan kepadamu untuk suatu tanda pada waktu kedatangan-Nya; kerana lihatlah, akan terdapatlah keterangan yang benderang di langit, sedemikian rupa sehingga pada malam sebelum Dia datang tidak akan ada kegelapan, sedemikian rupa sehingga akan muncul kepada manusia seolah-olah ia adalah hari siang.

4 Oleh kerana itu, akan ada satu siang dan satu malam dan satu siang, seolah-olah adalah dalam satu hari dan tidak ada malam; dan ini akan menjadi suatu tanda bagimu; kerana kamu akan mengetahui terbitnya matahari dan juga terbenamnya; oleh kerana itu mereka akan mengetahui dengan suatu kepastian bahawa akan ada dua siang dan satu malam; walaupun demikian malam itu tidak akan digelapkan; dan itu akan menjadi malam sebelum Dia dilahirkan.

5 Dan lihatlah, akan muncul sebuah bintang baru, seperti yang belum pernah kamu lihat; dan ini juga akan menjadi suatu tanda bagimu.

6 Dan lihatlah ini belumlah semuanya, akan terdapat banyak tanda dan keajaiban di langit.

7 Dan akan terjadilah bahawa kamu semua akan kagum, dan terpegun, sedemikian rupa sehingga kamu akan jatuh ke atas tanah.

8 Dan akan terjadilah bahawa sesiapa yang akan percaya kepada Putera Tuhan, merekalah yang akan memperoleh kehidupan abadi.

9 Dan lihatlah, demikianlah Tuhan telah memerintahkan aku, melalui malaikat-Nya, agar aku harus datang dan memberitahukan hal ini kepadamu; ya, Dia telah memerintahkan agar aku harus menubuatkan hal-hal ini kepadamu; ya, Dia telah berfirman kepadaku: Berserulah kepada orang-orang ini, bertaubatlah dan persiapkanlah jalan Tuhan.

10 Dan sekarang, kerana aku adalah seorang bangsa Laman, dan telah mengucapkan kepadamu firman-firman yang telah Tuhan perintahkan kepadaku, dan kerana ia keras menentangmu, kamu marah terhadapku dan berusaha untuk menghancurkan aku, dan telah mengusirku dari kalanganmu.

11 Dan kamu akan mendengar perkataanku, kerana, untuk tujuan inilah aku telah naik ke atas

tembok dinding kota ini, agar kamu boleh mendengar dan mengetahui tentang penghakiman Tuhan yang sedang menunggumu kerana kederhakaanmu, dan juga agar kamu boleh mengetahui syarat-syarat pertaubatan;

12 Dan juga agar kamu boleh mengetahui tentang kedatangan Yesus Kristus, Putera Tuhan, Bapa segala langit dan bumi, Pencipta segala sesuatu sejak dari permulaan; dan agar kamu boleh mengetahui tentang tanda-tanda kedatangan-Nya, untuk tujuan agar kamu boleh percaya kepada nama-Nya.

13 Dan jika kamu percaya kepada nama-Nya kamu akan bertaubat atas segala dosamu, agar dengan demikian kamu boleh memperoleh suatu pengampunan daripadanya melalui jasa-Nya.

14 Dan lihatlah, sekali lagi, satu tanda yang lain aku berikan kepadamu, ya, suatu tanda tentang kematian-Nya.

15 Kerana lihatlah, Dia pastinya harus mati agar keselamatan dapat datang; ya, adalah perlu bagi-Nya dan penting bahawa Dia mati, untuk mendatangkan kebangkitan orang mati, agar dengan demikian manusia dapat dibawa ke dalam hadirat Tuhan.

16 Ya, lihatlah, kematian ini mendatangkan kebangkitan, dan menebus seluruh umat manusia dari kematian pertama—kematian rohani itu; kerana seluruh umat manusia, melalui kejatuhan Adam disingkirkan daripada hadirat

Tuhan, dianggap bagaikan mati, baik dalam hal-hal duniawi mahupun hal-hal rohani.

17 Tetapi lihatlah, kebangkitan Kristus menebus umat manusia, ya, bahkan seluruh umat manusia, dan membawa mereka kembali ke dalam hadirat Tuhan.

18 Ya, dan ia mendatangkan syarat pertaubatan, agar sesiapa yang bertaubat mereka tidak ditebang dan dilemparkan ke dalam api; tetapi sesiapa yang tidak bertaubat ditebang dan dilemparkan ke dalam api; dan datanglah ke atas diri mereka lagi suatu kematian rohani, ya, kematian kedua, kerana mereka disingkirkan lagi dari hal-hal yang berkaitan dengan kebenaran.

19 Oleh kerana itu bertaubatlah kamu, bertaubatlah kamu, kalau-kalau dengan mengetahui hal-hal ini dan tidak melakukannya kamu akan membiarkan dirimu datang ke bawah penghukuman, dan kamu dibawa turun pada kematian kedua ini.

20 Tetapi lihatlah, seperti yang aku katakan kepadamu tentang satu tanda lain, suatu tanda tentang kematian-Nya, lihatlah, pada hari itu ketika Dia akan menderita kematian matahari akan digelapkan dan enggan untuk memberikan cahayanya kepadamu; dan juga bulan dan bintang-bintang; dan tidak akan ada cahaya di atas permukaan tanah ini, bahkan dari saat Dia akan menderita kematian, dalam tempoh waktu tiga hari, sehinggalah pada saat Dia akan

bangkit kembali dari yang telah mati.

21 Ya, pada saat Dia akan menyerahkan roh akan terdapatlah petir dan kilat untuk tempoh waktu berjam-jam, dan tanah akan bergoncang dan bergegar; dan batu-batan yang berada di atas permukaan bumi ini, yang terdapat di atas tanah mahupun di bawahnya, yang kamu ketahui pada waktu ini adalah padat, atau sebahagian besar darinya adalah satu kepejalan yang padat, akan terpecah belah;

22 Ya, batu-batan itu akan terbelah menjadi dua, dan akan sentiasa buat selamanya ditemui dalam lapisan dan dalam retakan, dan dalam serpihan-serpihan yang terpecah belah di atas permukaan seluruh bumi, ya, baik di atas tanah mahupun di bawahnya.

23 Dan lihatlah, akan terjadilah angin ribut yang dahsyat, dan akan terdapat banyak gunung direndahkan, menjadi seperti sebuah lembah, dan akan terdapat banyak tempat yang sekarang ini disebut lembah yang akan menjadi gunung-ganang, yang begitu tinggi ketinggianya.

24 Dan banyak jalan-jalan besar akan terpecah belah, dan banyak kota akan menjadi terbiar.

25 Dan banyak kuburan akan terbuka, dan akan menyerahkan banyak orang matinya; dan banyak orang suci akan muncul kepada banyak orang.

26 Dan lihatlah, demikianlah malaikat telah berbicara kepadaku;

kerana dia berkata kepadaku bahawa akan terdapat petir dan kilat untuk tempoh waktu berjam-jam.

27 Dan dia berkata kepadaku bahawa semasa petir dan kilat berlangsung, dan angin ribut, bahawa hal-hal ini harus terjadi, dan bahawa kegelapan akan menutupi permukaan seluruh bumi untuk tempoh waktu tiga hari.

28 Dan malaikat berkata kepadaku bahawa banyak yang akan melihat hal-hal yang lebih hebat daripada ini, untuk tujuan agar mereka boleh percaya bahawa tanda-tanda ini dan keajaiban ini akan terjadi di atas seluruh permukaan negeri ini, untuk tujuan agar tidak akan ada alasan untuk ketidakpercayaan di kalangan anak-anak manusia—

29 Dan ini untuk tujuan agar sesiapa yang akan percaya boleh diselamatkan, dan bahawa sesiapa yang tidak akan percaya, suatu penghakiman yang benar akan datang ke atas diri mereka; dan juga jika mereka dihukum merekalah yang mendatangkan penghukuman ke atas diri mereka sendiri.

30 Dan sekarang ingatlah, ingatlah, saudara-saudaraku, bahawa sesiapa pun yang binasa, binasa bagi dirinya sendiri; dan sesiapa pun yang melakukan kederhaakaan, melakukannya terhadap dirinya sendiri; kerana lihatlah, kamu bebas; kamu diizinkan untuk bertindak bagi dirimu sendiri; kerana lihatlah, Tuhan telah memberi kepadamu suatu pengetahuan

dan Dia telah menjadikanmu bebas.

31 Dia telah memberikan kepadamu agar kamu boleh mengetahui yang baik dari yang jahat, dan Dia telah memberikan kepadamu agar kamu boleh memilih kehidupan atau kematian; dan kamu boleh melakukan yang baik dan dipulihkan kepada yang baik, atau memperoleh apa yang baik dipulihkan kepadamu; atau kamu boleh melakukan yang jahat, dan memperoleh apa yang jahat dipulihkan kepadamu.

BAB 15

Tuhan menghukum bangsa Nefi kerana Dia mengasihi mereka— Bangsa Laman yang sudah bertukar hati adalah teguh dan tabah dalam iman—Tuhan akan penuh berbelas kasihan kepada bangsa Laman pada zaman akhir. Kira-kira 6 tahun S.M.

DAN sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, lihatlah, aku memaklumkan kepadamu bahawa kecuali kamu akan bertaubat rumah-rumahmu akan ditinggalkan terbiar kepadamu.

2 Ya, kecuali kamu bertaubat, para wanitamu akan memiliki sebab yang besar untuk berduka pada masa mereka akan menyusui; kerana kamu akan berusaha untuk melarikan diri dan tidak akan ada tempat untuk perlindungan; ya, dan celakalah mereka yang berbadan dua, kerana mereka akan menjadi sarat dan tidak dapat

melarikan diri; oleh kerana itu, mereka akan dipijak-pijak dan akan ditinggalkan untuk binasa.

3 Ya, celakalah bangsa ini yang disebut bangsa Nefi kecuali mereka akan bertaubat, apabila mereka akan melihat semua tanda dan keajaiban ini yang akan diperlihatkan kepada mereka; kerana lihatlah, mereka telah menjadi umat Tuhan yang terpilih; ya, bangsa Nefi yang telah Dia kasihi, dan juga telah Dia hukumi mereka; ya, pada hari-hari kederhakaan mereka telah Dia hukumi mereka kerana Dia mengasihi mereka.

4 Tetapi lihatlah saudara-saudaraku, bangsa Laman telah Dia benci kerana perbuatan mereka sentiasa jahat secara berterusan, dan ini kerana kederhakaan adat resam nenek moyang mereka. Tetapi lihatlah, keselamatan telah datang kepada mereka melalui pengkhotbahannya bangsa Nefi; dan untuk tujuan inilah telah Tuhan memanjangkan masa hidup mereka.

5 Dan aku menginginkan agar kamu seharusnya melihat bahawa sebahagian besar daripada mereka berada di dalam jalan kewajipan mereka, dan mereka berjalan dengan hati-hati di hadapan Tuhan, dan mereka berusaha keras untuk mentaati perintah-perintah-Nya dan peraturan-Nya dan keputusan-Nya menurut hukum Musa.

6 Ya, aku berkata kepadamu, bahawa sebahagian besar daripada mereka melakukan ini, dan mereka berusaha dengan ketekunan yang

tidak mengenal penat lelah agar mereka boleh membawa saudara-saudara mereka yang lainnya kepada pengetahuan tentang kebenaran; oleh kerana itu terdapat banyak yang menambahkan jumlah mereka setiap hari.

7 Dan lihatlah, kamu mengetahuinya sendiri, kerana kamu telah menyaksikannya, bahawa seberapa banyak mereka yang dibawa kepada pengetahuan tentang kebenaran, dan untuk mengetahui tentang kejahatan dan kekejian adat resam nenek moyang mereka, dan dituntun untuk mempercayai tulisan suci yang kudus, ya, nubuat-nubuat para nabi kudus, yang dituliskan, yang menuntun mereka pada iman kepada Tuhan, dan pada pertaubatan, yang mana iman dan pertaubatan itu membawa suatu perubahan hati kepada mereka—

8 Oleh kerana itu, seberapa banyak yang telah sampai pada hal ini, kamu mengetahui kamu sendiri adalah teguh dan tabah dalam iman, dan di dalam hal yang telah menjadikan mereka bebas.

9 Dan kamu juga mengetahui bahawa mereka telah menguburkan senjata-senjata peperangan mereka, dan mereka takut untuk mengangkatnya agar jangan dengan cara apa pun mereka akan berdosa; ya, kamu dapat melihat bahawa mereka takut untuk berdosa—kerana lihatlah mereka akan membiarkan diri mereka supaya mereka dipijak-pijak dan dibunuh oleh musuh-musuh mereka, dan

tidak akan mengangkat pedang-pedang mereka untuk melawan mereka, dan ini disebabkan iman mereka kepada Kristus.

10 Dan sekarang, kerana ketabahan mereka apabila mereka percaya di dalam hal tersebut yang mereka percayai, kerana keteguhan mereka apabila sekali sahaja mereka disedarkan, lihatlah, Tuhan akan memberkati mereka dan memanjangkan masa hidup mereka, meskipun kederhakaan mereka dahulu—

11 Ya, bahkan jika mereka akan merosot dalam ketidakpercayaan Tuhan akan memanjangkan masa hidup mereka, sehingga waktunya yang akan datang seperti yang telah dibicarakan oleh nenek moyang kita, dan juga oleh Nabi Zenos, dan banyak nabi lain, tentang pemulihan saudara-saudara kita, bangsa Laman, untuk kembali kepada pengetahuan tentang kebenaran—

12 Ya, aku berkata kepadamu, bahawa pada zaman akhir janji-janji Tuhan telah dihulurkan kepada saudara-saudara kita, bangsa Laman; dan walaupun banyak kesengsaraan yang akan mereka alami, dan walaupun mereka akan dihalau ke sana dan ke mari di atas permukaan bumi, dan diburu, dan akan dihentam dan diceraikan-beraikan ke serata tempat, tanpa memiliki tempat untuk berlindung, Tuhan akan penuh berbelas kasihan kepada mereka.

13 Dan ini adalah menurut

nubuat, bahawa mereka akan dibawa kembali kepada pengetahuan yang benar, yang merupakan pengetahuan tentang Penebus mereka, dan gembala mereka yang agung dan benar, dan terbilang di kalangan domba-dombaNya.

14 Oleh kerana itu aku berkata kepadamu, maka lebih baik bagi mereka daripada kamu kecuali kamu bertaubat.

15 Kerana lihatlah, jikalauh pekerjaan-pekerjaan hebat itu diperlihatkan kepada mereka seperti yang telah diperlihatkan kepadamu, ya, kepada mereka yang telah merosot dalam ketidakpercayaan kerana adat resam nenek moyang mereka, kamu dapat melihat bagi dirimu sendiri bahawa mereka tidak akan pernah merosot lagi dalam ketidakpercayaan.

16 Oleh kerana itu, Tuhan berfirman: Aku tidak akan menghancurkan mereka sepenuhnya, tetapi Aku akan menyebabkan bahawa pada masa kebijaksanaan-Ku mereka akan kembali lagi kepada-Ku, firman Tuhan.

17 Dan sekarang lihatlah, Tuhan berfirman, tentang Bangsa Nefi: Jika mereka tidak akan bertaubat, dan berusaha keras untuk melakukan kehendak-Ku, Aku akan menghancurkan mereka sepenuhnya, Tuhan berfirman, kerana ketidakpercayaan mereka walaupun banyak pekerjaan-pekerjaan hebat yang telah Aku lakukan di kalangan mereka; dan selagi Tuhan hidup dengan pastinya hal-hal ini akan terjadi, Tuhan berfirman.

BAB 16

Bangsa Nefi yang mempercayai Samuel telah dibaptiskan oleh Nefi—Samuel tidak dapat dibunuh dengan anak panah dan batu-batu dari bangsa Nefi yang tidak bertaubat—Ada beberapa yang mengeraskan hati mereka, dan yang lain melihat para malaikat—mereka yang kufur mengatakan adalah tidak masuk akal untuk percaya kepada Kristus dan kedatangan-Nya di Yerusalem. Kira-kira 6–1 tahun S.M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa terdapat banyak yang mendengarkan perkataan Samuel, si bangsa Laman, yang dia ucapkan di atas tembok dinding kota. Dan seberapa banyak yang percaya kepada perkataannya pergi dan mencari Nefi; dan apabila mereka telah pergi dan menemuinya mereka mengakui kepadanya dosa-dosa mereka dan tidak menafikannya, berhasrat agar mereka boleh dibaptiskan kepada Tuhan.

2 Tetapi seberapa banyak yang tidak percaya kepada perkataan Samuel marah terhadapnya; dan mereka membaling batu ke arahnya di atas tembok dinding, dan juga banyak yang melepaskan anak panah ke arahnya sewaktu dia berdiri di atas tembok dinding; tetapi Roh Tuhan berada bersamanya, sedemikian rupa sehingga mereka tidak dapat mengenainya dengan batu mereka begitu juga dengan anak panah mereka.

3 Sekarang ketika mereka melihat bahawa mereka tidak dapat

mengenalinya, terdapat lebih banyak lagi yang percaya kepada perkataannya, sedemikian rupa sehingga mereka pergi kepada Nefi untuk dibaptiskan.

4 Kerana lihatlah, Nefi membaptiskan, dan bernubuat, dan berkhotbah, menyerukan pertaubatan kepada orang-orang itu, memperlihatkan tanda-tanda dan keajaiban, mengerjakan mukjizat-mukjizat di kalangan orang-orang itu, agar mereka boleh mengetahui bahawa Kristus akan datang tidak lama lagi—

5 Memberitahu mereka tentang hal-hal yang akan datang tidak lama lagi, agar mereka boleh mengetahui dan mengingati pada waktu kedatangannya bahawa mereka sudah diberitahu sebelum ini, untuk tujuan agar mereka boleh percaya; oleh kerana itu seberapa banyak yang percaya kepada perkataan Samuel telah pergi kepadanya untuk dibaptiskan, kerana mereka datang dengan bertaubat dan mengakui dosa-dosa mereka.

6 Tetapi sebahagian besar daripada mereka tidak percaya kepada perkataan Samuel; oleh kerana itu apabila mereka melihat bahawa mereka tidak dapat mengenalinya dengan batu mereka dan anak panah mereka, mereka berseru kepada para panglima mereka, mengatakan: Tangkaplah lelaki ini dan ikatlah dia, kerana lihatlah dia telah dirasuk iblis; dan kerana kuasa iblis yang ada dalam dirinya kami tidak dapat mengenalinya dengan batu kami dan anak panah

kami; oleh kerana itu tangkaplah dia dan ikatlah dia, dan usirlah dia.

7 Dan sewaktu mereka datang untuk meletakkan tangan mereka ke atasnya, lihatlah, dia melompat turun dari tembok dinding itu, dan melarikan diri keluar dari negeri mereka, ya, bahkan ke negaranya sendiri, dan mulai berkhotbah dan bernubuat di kalangan bangsanya sendiri.

8 Dan lihatlah, dia tidak pernah lagi didengari di kalangan bangsa Nefi; dan demikianlah urusan orang-orang itu.

9 Dan demikianlah berakhir tahun ke lapan puluh enam zaman pemerintahan para hakim ke atas bangsa Nefi.

10 Dan demikianlah berakhir juga tahun ke lapan puluh tujuh zaman pemerintahan para hakim, sebahagian besar daripada orang-orang itu tetap berada dalam keangkuhan dan kejahatan mereka, dan sebahagian kecil daripada mereka berjalan dengan penuh waspada di hadapan Tuhan.

11 Dan inilah juga keadaannya, pada tahun ke lapan puluh lapan zaman pemerintahan para hakim.

12 Dan hanya terdapat perubahan kecil di dalam hal ehwal orang-orang itu, kecuali orang-orang itu mulai menjadi lebih keras di dalam kederhakaan, dan melakukan semakin banyak dan banyak hal yang bertentangan dengan perintah-perintah Tuhan, di dalam tahun ke lapan puluh sembilan zaman pemerintahan para hakim.

13 Tetapi terjadilah pada tahun ke sembilan puluh zaman pemerintahan para hakim, terdapat tanda-tanda hebat yang diberikan kepada orang-orang itu, dan keajaiban; dan perkataan para nabi mulai digenapi.

14 Dan para malaikat telah muncul kepada manusia, orang-orang bijak, dan memaklumkan kepada mereka khabar gembira tentang kebahagiaan yang besar; demikianlah dalam tahun ini tulisan suci mulai digenapi.

15 Walaupun demikian, orang-orang itu mulai mengeraskan hati mereka, semuanya kecuali sebahagian besar daripada mereka yang percaya, baik bangsa Nefi mahupun bangsa Laman, dan mulai bergantung kepada kekuatan mereka sendiri dan kepada kebijaksanaan mereka sendiri, mengatakan:

16 Ada beberapa hal yang mereka telah meneka dengan benar, di antara banyak hal yang lain; tetapi lihatlah, kita tahu bahawa semua pekerjaan yang besar dan menakjubkan ini tidak dapat terjadi, seperti yang telah diucapkan.

17 Dan mereka mulai memberi alasan dan bertikai di antara sesama sendiri, mengatakan:

18 Bahawa tidaklah masuk akal bahawa makhluk seperti Kristus itu akan datang; jika demikian, dan Dia adalah Putera Tuhan, Bapa segala langit dan bumi, seperti yang telah dikatakan, mengapa Dia tidak akan memperlihatkan diri-Nya kepada kita seperti juga

kepada mereka yang akan berada di Yerusalem?

19 Ya, mengapa Dia tidak akan memperlihatkan diri-Nya di negeri ini seperti juga di negeri Yerusalem?

20 Tetapi lihatlah, kita tahu bahawa ini adalah suatu adat resam yang jahat, yang telah diturunkan kepada kita oleh nenek moyang kita, agar kita seharusnya percaya di dalam beberapa hal yang besar dan menakjubkan yang akan terjadi, tetapi bukan di kalangan kita, tetapi di sebuah negeri yang amat jauh, sebuah negeri yang tidak kita ketahui; oleh kerana itu mereka dapat menempatkan kita di dalam kejahilan, kerana kita tidak dapat menyaksikan dengan mata kita sendiri bahawa itu adalah benar.

21 Dan mereka akan, dengan kelicikan dan kemahiran rahsia daripada si jahat itu, untuk mengerjakan beberapa rahsia besar yang tidak dapat kita fahami, yang akan menundukkan kita menjadi para orang suruhan kepada perkataan mereka, dan juga para orang suruhan mereka, kerana kita bergantung kepada mereka untuk mengajarkan firman kepada kita; dan demikianlah mereka akan menempatkan kita di dalam kejahilan jika kita akan menyerahkan diri kita kepada mereka, sepanjang kehidupan kita.

22 Dan banyak lagi hal yang orang-orang itu bayangkan di dalam hati mereka, yang adalah bodoh dan sia-sia; dan mereka amat terganggu, kerana Setan

telah menghasut mereka untuk melakukan kederhakaan secara berterusan; ya, dia telah pergi ke merata tempat untuk menyebarkan desas-desus dan pertikaian di atas seluruh permukaan tanah itu, agar dia boleh mengeraskan hati orang-orang itu untuk menentang apa yang baik dan menentang apa yang akan datang.

23 Dan walaupun tanda-tanda dan keajaiban telah dilakukan di kalangan umat Tuhan, dan

begitu banyak mukjizat yang telah mereka lakukan, Setan memiliki genggamannya yang kuat ke atas hati orang-orang di atas seluruh permukaan tanah itu.

24 Dan demikianlah berakhir tahun ke sembilan puluh zaman pemerintahan para hakim ke atas bangsa Nefi.

25 Dan demikianlah berakhirnya kitab Helaman, menurut catatan Helaman dan anak-anak lelaki.

TIGA NEFI KITAB NEFI

ANAK LELAKI NEFI IAITU ANAK LELAKI HELAMAN

Dan Helaman merupakan anak lelaki Helaman, iaitu anak lelaki Alma, iaitu anak lelaki Alma, seorang keturunan Nefi iaitu anak lelaki Lehi, yang telah keluar dari Yerusalem pada tahun pertama pemerintahan Zedekia, raja Yehuda.

BAB 1

Nefi, anak lelaki Helaman, meninggalkan negeri itu, dan anak lelakinya Nefi menyimpan catatan-catatan—Walaupun banyak tanda dan keajaiban, yang jahat merancang untuk membunuh yang soleh—Malam kelahiran Kristus tiba—Tanda diberikan, dan sebuah bintang baru muncul—Kedustaan dan penipuan meningkat, dan para perompak Gadianton membunuh banyak orang. Kira-kira 1–4 tahun M.

SEKARANG, terjadilah bahawa tahun kesembilan puluh satu telah berlalu dan merupakan enam ratus tahun sejak waktu Lehi meninggalkan Yerusalem; dan merupakan tahun ketika Lakoneus adalah hakim utama dan pentadbir atas negeri itu.

2 Dan Nefi, anak lelaki Helaman, telah meninggalkan negeri Zarahemla, memberikan tanggungjawab kepada anak lelakinya Nefi, yang merupakan anak lelaki sulungnya, tentang

kepingan-kepingan loyang, dan semua catatan yang telah disimpan, dan semua benda yang telah dipelihara kekudusannya sejak keberangkatan Lehi keluar dari Yerusalem.

3 Kemudian dia meninggalkan negeri itu, dan ke mana dia pergi, tidak seorang pun yang tahu; dan anak lelakinya, Nefi, menyimpan catatan-catatan itu sebagai penggantinya, ya, catatan tentang bangsa ini.

4 Dan terjadilah bahawa pada permulaan tahun kesembilan puluh dua, lihatlah, nubuat-nubuat para nabi mula digenapi dengan lebih lengkap; kerana mulailah terdapat tanda-tanda yang lebih hebat dan mukjizat-mukjizat yang lebih besar yang dilakukan di kalangan bangsa itu.

5 Tetapi terdapat beberapa orang yang mula berkata bahawa waktunya telah berlalu bagi perkataan itu untuk digenapi, yang telah diucapkan oleh Samuel, si bangsa Laman.

6 Dan mereka mulai bergembira tentang saudara-saudara mereka, mengatakan: Lihatlah waktunya telah berlalu, dan perkataan Samuel tidak digenapi; oleh itu, kebahagiaanmu dan imanmu tentang hal ini adalah sia-sia.

7 Dan terjadilah bahawa mereka membuat suatu kekecohan yang besar di seluruh negeri itu; dan orang yang percaya mula menjadi sangat penuh kedukaan, kalau-kalau dengan cara apa pun hal-hal

yang telah diucapkan itu mungkin tidak terjadi.

8 Tetapi lihatlah, mereka menunggu dengan tabah untuk siang dan malam dan siang itu yang akan menjadi seperti satu hari seolah-olah tidak ada malam, agar mereka dapat mengetahui bahawa iman mereka tidak sia-sia.

9 Sekarang, terjadilah bahawa terdapat satu hari yang ditentukan oleh mereka yang kufur, bahawa mereka semua yang percaya kepada adat-adat resam itu akan dihukum mati kecuali tanda itu akan terjadi, yang telah diberikan oleh nabi Samuel.

10 Sekarang, terjadilah bahawa ketika Nefi, iaitu anak lelaki Nefi, melihat kejahatan bangsanya ini, hatinya amat penuh kedukaan.

11 Dan terjadilah bahawa dia keluar dan membongkokkan dirinya di atas tanah, dan berseru dengan amat kuat kepada Tuhannya bagi pihak bangsanya, ya, mereka yang hampir-hampir akan dihancurkan kerana iman mereka kepada adat resam nenek moyang mereka.

12 Dan terjadilah bahawa dia berseru dengan amat kuat kepada Tuhan sepanjang hari itu; dan lihatlah, suara Tuhan datang kepadanya, memfirmankan:

13 Angkatlah kepalamu dan cerialah; kerana lihatlah, waktunya ada di depan mata, dan pada malam ini tanda itu akan diberikan, dan pada keesokan hari datanglah Aku ke dalam dunia, untuk memperlihatkan kepada dunia bahawa Aku akan menggenapi segala yang

telah Aku suruh untuk diucapkan melalui mulut para nabi kudus-Ku.

14 Lihatlah, Aku datang kepada umat milik-Ku, untuk menggenapi segala hal yang telah Aku dedahkan kepada anak-anak manusia sejak pengasasan dunia, dan untuk melakukan kehendak, baik daripada Bapa mahupun daripada Putera—daripada Bapa kerana Aku, dan daripada Putera kerana daging-Ku. Dan lihatlah, waktunya ada di depan mata, dan malam ini tanda itu akan diberikan.

15 Dan terjadilah bahawa firman yang datang kepada Nefi itu digenapi, seperti yang telah difirmankan; kerana lihatlah, pada saat terbenamnya matahari tidak ada kegelapan; dan orang ramai mulai tercengang kerana tidak ada kegelapan apabila malam tiba.

16 Dan terdapat ramai, yang tidak mempercayai perkataan para nabi, yang jatuh ke atas tanah dan menjadi seolah-olah mereka telah mati, kerana mereka tahu bahawa rancangan kehancuran besar yang telah mereka rancang untuk mereka yang percaya kepada perkataan para nabi telah gagal; kerana tanda yang telah diberikan telah ada di depan mata.

17 Dan mereka mulai mengetahui bahawa Putera Tuhan haruslah muncul tidak lama lagi; ya, kesimpulannya, semua orang di atas permukaan seluruh bumi dari barat ke timur, baik di negeri utara mahupun di negeri selatan, begitu terpegun sehingga mereka jatuh ke atas tanah.

18 Kerana mereka mengetahui bahawa para nabi telah bersaksi tentang hal-hal ini selama bertahun-tahun, dan bahawa tanda yang telah diberikan telah berada di depan mata; dan mereka mulai berasa takut kerana kederhakaan mereka dan ketidakpercayaan mereka.

19 Dan terjadilah bahawa tidak ada kegelapan sepanjang malam itu, tetapi keterangannya seakan-akan waktu tengah hari. Dan terjadilah bahawa matahari terbit lagi pada pagi harinya, seperti aturan yang sepatutnya; dan mereka tahu bahawa itu adalah hari Tuhan akan dilahirkan, kerana tanda yang telah diberikan.

20 Dan telah terjadilah, ya, segala hal, setiap butir yang kecil, menurut perkataan para nabi.

21 Dan terjadilah juga bahawa sebuah bintang baru telah muncul, menurut perkataan itu.

22 Dan terjadilah bahawa sejak waktu ini mulailah terdapatnya kedustaan yang disebarikan di kalangan bangsa itu, oleh Setan, untuk mengeraskan hati mereka, untuk tujuan agar mereka tidak akan mempercayai tanda dan keajaiban yang telah mereka lihat itu; tetapi walau bagaimanapun kedustaan dan penipuan ini kebanyakan orang itu percaya, dan berpaling kepada Tuhan.

23 Dan terjadilah bahawa Nefi telah pergi di kalangan bangsa itu, dan juga banyak lagi yang lain, membaptiskan kepada pertaubatan, yang di dalamnya terdapat

pengampunan dosa-dosa yang besar. Dan demikianlah bangsa itu mula lagi mempunyai kedamaian di dalam negeri itu.

24 Dan tidak ada pertikaian, kecuali terdapat segelintir orang yang mulai berkhutbah, yang berusaha untuk membuktikan dengan tulisan suci bahawa tidaklah lagi perlu untuk mentaati hukum Musa. Sekarang, di dalam hal ini mereka keliru, kerana tidak memahami tulisan suci.

25 Tetapi terjadilah bahawa mereka segera bertukar hati, dan diyakinkan akan kesilapan yang mereka alami, kerana telah didehakan kepada mereka bahawa hukum itu belumlah digenapi, dan bahawa ia mesti digenapi dalam setiap butir; ya, firman itu datang kepada mereka bahawa ia mesti digenapi; ya, bahawa satu titik ataupun noktah tidak akan berlalu sehingga semuanya akan digenapi; oleh itu pada tahun yang sama ini mereka dibawa pada suatu pengetahuan akan kesilapan mereka dan telah mengakui kesalahan mereka.

26 Dan demikianlah tahun kesembilan puluh dua berlalu, membawa khabar gembira kepada bangsa itu kerana tanda-tanda yang telah terjadi, menurut perkataan nubuat daripada semua nabi kudus.

27 Dan terjadilah bahawa tahun kesembilan puluh tiga juga berlalu dalam kedamaian, kecuali disebabkan oleh para perompak Gadianton, yang tinggal di atas gunung-gunung, yang meremut

di negeri itu; kerana sedemikian kuatnya kubu-kubu mereka dan tempat-tempat rahsia mereka sehingga bangsa itu tidak dapat mengatasi mereka; oleh itu mereka melakukan banyak pembunuhan, dan melakukan banyak pembantaian di kalangan bangsa itu.

28 Dan terjadilah bahawa pada tahun kesembilan puluh empat mereka mulai bertambah pada kadar yang besar, kerana ada banyak pembelot dari bangsa Nefi yang melarikan diri kepada mereka, yang menyebabkan kedukaan yang besar bagi bangsa Nefi yang tetap tinggal di negeri itu.

29 Dan juga ada suatu sebab kedukaan yang besar di kalangan bangsa Laman; kerana lihatlah, mereka memiliki banyak anak yang sudah membesar dan mulai menjadi dewasa, sehingga mereka mula bertindak mengikut kemahuan sendiri, dan telah disesatkan oleh beberapa orang yang adalah bangsa Zoram, melalui kedustaan mereka dan perkataan mereka yang mengangkat-angkat, untuk bergabung dengan para perompak Gadianton itu.

30 Dan demikianlah bangsa Laman juga sengsara, dan mulai berkurang di dalam iman dan kesolehan mereka, kerana kejahatan generasi yang sedang meningkat dewasa itu.

BAB 2

Kejahatan dan kekejian meningkat di

kalangan bangsa itu—Bangsa Nefi dan bangsa Laman bersatu untuk mempertahankan diri mereka menentang para perompak Gadianton—Bangsa Laman yang telah bertukar hati menjadi putih dan dipanggil bangsa Nefi. Kira-kira 5-16 tahun M.

DAN terjadilah bahawa demikianlah berlalunya tahun kesembilan puluh lima juga, dan bangsa itu mula melupai tanda dan keajaiban yang telah mereka dengar itu, dan mula semakin lama semakin kurang terpegun terhadap tanda atau keajaiban dari langit, sedemikian rupa sehingga mereka mula menjadi keras di dalam hati mereka, dan buta di dalam fikiran mereka, dan mula tidak mempercayai semua yang telah mereka dengar dan lihat—

2 Membayangkan hal yang sia-sia di dalam hati mereka, bahawa ianya dilakukan oleh manusia dan oleh kuasa iblis, untuk menyesatkan dan menipu hati bangsa itu; dan demikianlah Setan mempunyai penguasaan ke atas hati bangsa itu lagi, sedemikian rupa sehingga dia membutakan mata mereka dan menyesatkan mereka untuk percaya bahawa ajaran Kristus adalah suatu hal yang bodoh dan sia-sia.

3 Dan terjadilah bahawa bangsa itu mula bertambah kuat di dalam kejahatan dan kekejian; dan mereka tidak percaya bahawa akan ada lagi tanda-tanda dan keajaiban yang akan diberikan; dan Setan pergi ke merata tempat,

menyesatkan hati bangsa itu, menggoda mereka dan menyuruh mereka agar mereka seharusnya melakukan kejahatan yang besar di negeri itu.

4 Dan demikianlah berlalunya tahun kesembilan puluh enam; dan juga tahun kesembilan puluh tujuh; dan juga tahun kesembilan puluh lapan; dan juga tahun kesembilan puluh sembilan;

5 Dan juga seratus tahun telah berlalu sejak zaman Mosia, iaitu raja atas bangsa Nefi.

6 Dan enam ratus sembilan tahun telah berlalu sejak Lehi meninggalkan Yerusalem.

7 Dan sembilan tahun telah berlalu sejak dari waktu tanda itu diberikan, yang telah diucapkan tentangnya oleh para nabi, bahawa Kristus akan datang ke dunia.

8 Sekarang, bangsa Nefi mulai menghitung masa mereka sejak tempoh waktu tanda itu diberikan, atau sejak kedatangan Kristus; oleh itu, sembilan tahun telah berlalu.

9 Dan Nefi, yang merupakan ayah Nefi, yang bertanggungjawab ke atas catatan-catatan itu, tidak kembali ke negeri Zarahemla, dan tidak dapat ditemui di mana-mana pun di seluruh negeri itu.

10 Dan terjadilah bahawa bangsa itu masih tetap berada dalam kejahatan, walaupun banyak pengkhutbahan dan penubuatan yang disebarkan di kalangan mereka; dan demikianlah berlalunya tahun kesepuluh juga; dan tahun kesebelas juga berlalu dalam kederhakaan.

11 Dan terjadilah pada tahun ketiga belas mulailah terdapat peperangan dan pertikaian di seluruh negeri itu; kerana para perompak Gadianton telah menjadi sangat banyak, dan telah membunuh sangat banyak orang itu, dan telah menghancurkan begitu banyak kota, dan telah menyebarkan begitu banyak kematian dan pembunuhan beramai-ramai di seluruh negeri itu, sehingga menjadi perlunya bahawa semua orang itu, baik bangsa Nefi maupun bangsa Laman, harus mengangkat senjata untuk melawan mereka.

12 Oleh itu, semua bangsa Laman yang telah berpaling kepada Tuhan bersatu dengan saudara-saudara mereka, bangsa Nefi, dan terpaksa, demi keselamatan nyawa mereka dan wanita mereka dan anak-anak mereka, untuk mengangkat senjata melawan para perompak Gadianton itu, ya, dan juga untuk mempertahankan hak mereka, dan hak istimewa bagi gereja mereka dan bagi penyembahan mereka, dan kebebasan mereka dan kemerdekaan mereka.

13 Dan terjadilah bahawa sebelum tahun ketiga belas ini berlalu bangsa Nefi terancam dengan kehancuran sepenuhnya disebabkan peperangan ini, yang telah menjadi amat teruk.

14 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman yang telah bersatu dengan bangsa Nefi dihitung di kalangan bangsa Nefi;

15 Dan kutukan mereka telah

diambil daripada mereka, dan kulit mereka menjadi putih seperti bangsa Nefi;

16 Dan para pemuda mereka dan anak-anak perempuan mereka menjadi amat cantik dan mereka dihitung di antara bangsa Nefi, dan dipanggil bangsa Nefi. Dan demikianlah berakhir tahun ketiga belas.

17 Dan terjadilah pada permulaan tahun keempat belas, peperangan di antara para perompak dan bangsa Nefi berlanjutan dan menjadi amat teruk; walaupun demikian, bangsa Nefi mendapat beberapa kelebihan ke atas para perompak itu, sedemikian rupa sehingga mereka telah menghalau mereka keluar dari negeri mereka ke gunung-ganang dan ke tempat-tempat rahsia mereka.

18 Dan demikianlah berakhirnya tahun keempat belas. Dan pada tahun kelima belas mereka datang menentang bangsa Nefi; dan kerana kejahatan bangsa Nefi, dan pertikaian dan pembelotan mereka yang banyak, para perompak Gadianton telah mendapat banyak kelebihan ke atas diri mereka.

19 Dan demikianlah berakhirnya tahun kelima belas, dan demikianlah bangsa itu berada dalam suatu keadaan penuh kesengsaraan; dan pedang kehancuran mengancam diri mereka, sedemikian rupa sehingga mereka hampir dihentam olehnya, dan ini disebabkan oleh kederhakaan mereka.

BAB 3

Gidianhi, iaitu pemimpin Gadianton, menuntut agar Lakoneus dan bangsa Nefi menyerahkan diri mereka dan negeri mereka—Lakoneus melantik Gidgidoni sebagai panglima utama ke atas bala tentera—Bangsa Nefi berhimpun di Zarahemla dan Kelimpahan untuk mempertahankan diri mereka. Kira-kira 16–18 tahun M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa pada tahun keenam belas sejak kedatangan Kristus, Lakoneus, pentadbir negeri itu, menerima sepucuk surat daripada pemimpin dan pentadbir gerombolan perompak ini; dan inilah kata-kata yang dituliskan, mengatakan:

2 Lakoneus, yang mulia dan pentadbir utama negeri ini, lihatlah, aku menulis surat ini kepadamu, dan memberi kepadamu pujian yang amat besar kerana keteguhanmu, dan juga keteguhan rakyatmu, dalam mempertahankan apa yang kamu anggap menjadi hak dan kemerdekaanmu; ya, kamu bertahan dengan baik, seolah-olah kamu disokong oleh tangan seorang tuhan, dalam pertahanan kemerdekaanmu, dan harta milikmu, dan negaramu, atau seperti yang kamu sebutkan.

3 Dan kelihatan sayangnya bagiku, Lakoneus yang mulia, bahawa kamu akan sebegitu bodoh dan bongkak sehingga menganggap bahawa kamu dapat bertahan melawan begitu banyak orang berani yang berada di bawah

arahanku, yang sekarang pada waktu ini berdiri dengan senjata mereka, dan menunggu dengan ketidaksabaran yang besar untuk arahan itu—Pergilah kepada bangsa Nefi dan hancurkanlah mereka.

4 Dan aku, mengetahui tentang semangat mereka yang tidak dapat ditakluki, kerana telah menguji mereka di medan pertempuran, dan mengetahui tentang kebencian abadi mereka terhadapmu kerana banyak ketidakadilan yang telah kamu lakukan terhadap mereka, oleh itu jika mereka akan datang melawanmu mereka akan mengunjungimu dengan kehancuran sepenuhnya.

5 Oleh itu aku telah menulis surat ini, memeteraikannya dengan tanganku sendiri, mengambil berat terhadap kesejahteraanmu, kerana keteguhanmu di dalam apa yang kamu percaya adalah benar, dan semangatmu yang mulia di medan pertempuran.

6 Oleh itu aku menuliskan kepadamu, berhasrat agar kamu akan menyerahkan kepada bangsaku ini, kota-kotamu, negeri-negerimu, dan segala pemilikanmu, daripada mereka akan mengunjungimu dengan pedang dan bahawa kehancuran akan datang kepada dirimu.

7 Atau dengan perkataan lain, serahkanlah dirimu kepada kami, dan bersatulah dengan kami dan mengenali pekerjaan-pekerjaan rahsia kami, dan menjadi saudara-saudara kami agar kamu boleh menjadi seperti kami—bukan

hamba-hamba kami, tetapi saudara dan rakan kami atas segala harta kekayaan kami.

8 Dan lihatlah, aku bersumpah kepadamu, jika kamu akan melakukan ini, dengan sebuah sumpah, kamu tidak akan dihancurkan; tetapi jika kamu tidak akan melakukan ini, aku bersumpah kepadamu dengan sebuah sumpah, bahawa pada bulan depan aku akan memerintahkan agar bala tenteraku akan datang menentangmu, dan mereka tidak akan menahan tangan mereka dan tidak akan membiarkan kamu hidup, tetapi akan membunuhmu, dan akan membiarkan pedang jatuh ke atas dirimu bahkan sehingga kamu akan menjadi pupus.

9 Dan lihatlah, aku adalah Gidianhi; dan aku pentadbir kumpulan rahsia Gadianton ini; yang mana kumpulan dan pekerjaannya itu aku ketahui adalah baik; dan ia adalah dari zaman purbakala dan telah diturunkan kepada kami.

10 Dan aku menulis surat ini kepadamu, Lakoneus, dan aku berharap bahawa kamu akan menyerahkan negeri-negerimu dan pemilikanmu, tanpa pertumpahan darah, agar bangsaku ini boleh mendapatkan kembali hak-hak dan kerajaan mereka, yang telah membelot daripadamu kerana kejahatanmu dalam menghalang mereka daripada hak-hak mereka ke atas kerajaan, dan kecuali kamu melakukan ini, aku akan membalas dendam ketidakadilan ke atas diri mereka. Aku adalah Gidianhi.

11 Dan sekarang, terjadilah ketika Lakoneus menerima surat ini dia amat terpegun, disebabkan keberanian Gidianhi menuntut pemilikan ke atas negeri bangsa Nefi, dan juga mengancam rakyat dan membalas dendam ketidakadilan bagi pihak mereka yang tidak pernah menerima ketidakadilan, kecuali mereka sendirilah yang telah melakukan ketidakadilan atas diri mereka sendiri dengan membelot dan pergi kepada para perompak yang jahat dan keji itu.

12 Sekarang, lihatlah, Lakoneus ini, iaitu pentadbir, ialah seorang lelaki yang adil, dan tidak dapat ditakutkan oleh tuntutan dan ancaman daripada seorang perompak; oleh itu dia tidak mepedulikan surat Gidianhi, pentadbir para perompak itu, tetapi dia telah menyuruh agar rakyatnya harus berseru kepada Tuhan untuk kekuatan sementara menunggu masa para perompak itu akan datang menentang mereka.

13 Ya, dia menghantar suatu perisytiharan di kalangan semua orang itu, agar mereka haruslah mengumpulkan wanita mereka, dan anak mereka, kawanan domba mereka dan kawanan ternak mereka bersama, dan segala harta kekayaan mereka, kecuali negeri mereka, di dalam sebuah tempat.

14 Dan dia menyuruh agar kubukubu haruslah dibina mengelilingi mereka, dan kekuatannya haruslah sangat kuat. Dan dia menyuruh agar bala tentera, baik daripada bangsa Nefi mahupun daripada

bangsa Laman, atau mereka semua yang terbilang di kalangan bangsa Nefi, haruslah ditempatkan sebagai penjaga di sekeliling untuk mengawasi mereka, dan untuk menjaga mereka daripada para perompak siang dan malam.

15 Ya, dia berkata kepada mereka: Sebagaimana Tuhan hidup, kecuali kamu bertaubat daripada segala kederhakaanmu, dan berseru kepada Tuhan, kamu tidak akan sekali-kali dibebaskan daripada tangan para perompak Gadianton itu.

16 Dan sedemikian besar dan menakutkan perkataan dan nubuat Lakoneus sehingga menyebabkan rasa takut datang kepada semua orang itu; dan mereka mengerahkan diri dengan daya kekuatan mereka untuk melakukan menurut perkataan Lakoneus.

17 Dan terjadilah bahawa Lakoneus telah melantik panglima-panglima utama ke atas seluruh tentera bangsa Nefi, untuk mengarah mereka pada waktu para perompak akan datang dari padang belantara untuk menentang mereka.

18 Sekarang, yang tertinggi di antara semua panglima utama dan ketua tertinggi ke atas seluruh bala tentera bangsa Nefi telah dilantik, dan namanya ialah Gidgidoni.

19 Sekarang, telah menjadi kebiasaan di kalangan seluruh bangsa Nefi untuk melantik sebagai panglima-panglima utama tertinggi mereka, (kecuali pada masa kejahatan mereka), seseorang yang memiliki

roh wahyu dan juga nubuat; oleh itu, Gidgidoni ini ialah seorang nabi yang agung di antara mereka, seperti juga hakim utama.

20 Sekarang, orang ramai berkata kepada Gidgidoni: Berdoalah kepada Tuhan, dan marilah kita pergi ke atas gunung-gunung dan ke padang belantara, agar kita boleh menyerang para perompak itu dan menghancurkan mereka di dalam negeri mereka sendiri.

21 Tetapi Gidgidoni berkata kepada mereka: Tuhan melarang; kerana jika kita pergi menentang mereka Tuhan akan menyerahkan kita ke dalam tangan mereka; oleh itu kita akan mempersiapkan diri di tengah-tengah negeri kita, dan kita akan mengumpulkan seluruh bala tentera bersama, dan kita tidak akan pergi menentang mereka, tetapi kita akan menunggu sehingga mereka akan datang menentang kita; oleh itu sebagaimana Tuhan hidup, jika kita melakukan ini Dia akan menyerahkan mereka ke dalam tangan kita.

22 Dan terjadilah pada tahun ketujuh belas, pada penghujung tahun itu, perisytiharan Lakoneus telah disebarluaskan ke seluruh permukaan negeri, dan mereka telah membawa kuda mereka, dan kereta kuda mereka, dan ternakan mereka, dan semua kawanan domba mereka, dan kawanan ternak mereka, dan biji-bijian mereka, dan seluruh harta kekayaan mereka, dan berjalan maju dalam kumpulan beribu-ribu dan dalam berpuluh ribu, sehingga mereka

semuanya telah pergi ke tempat yang telah ditetapkan untuk mereka berkumpul bersama, untuk mempertahankan diri menentang musuh-musuh mereka.

23 Dan negeri yang ditetapkan adalah negeri Zarahemla, dan negeri yang berada di antara negeri Zarahemla dan negeri Kelimpahan, ya, pada garis sempadan yang berada di antara negeri Kelimpahan dan negeri Kemusnahan.

24 Dan terdapat ribuan orang yang banyak yang disebut bangsa Nefi, yang berkumpul bersama di atas negeri ini. Sekarang, Lakoneus telah menyuruh agar mereka seharusnya berkumpul bersama di negeri sebelah selatan, kerana kutukan besar yang berada di atas negeri sebelah utara.

25 Dan mereka mengubui diri mereka menentang musuh-musuh mereka; dan mereka tinggal di atas sebuah negeri, dan dalam satu kumpulan, dan mereka merasa takut akan perkataan yang telah diucapkan oleh Lakoneus, sedemikian rupa sehingga mereka bertaubat dari segala dosa mereka; dan mereka telah memanjatkan doa-doa mereka kepada Tuhan Raja mereka, agar Dia akan membebaskan mereka pada waktu musuh mereka akan datang ke atas mereka untuk bertempur.

26 Dan mereka amat penuh kedukaan kerana musuh-musuh mereka. Dan Gidgidoni telah menyuruh agar mereka haruslah membuat senjata-senjata perang dari setiap jenis, dan mereka akan

diperkuatkan dengan baju-baju zirah, dan dengan perisai, dan dengan perisai kecil, menurut arahnya.

BAB 4

Bala tentera bangsa Nefi mengalahkan para perompak Gadianton—Gidianhi telah dibunuh, dan penggantinya, Zemnariha, telah digantung—Bangsa Nefi memuji Tuhan untuk kemenangan mereka. Kira-kira 19–22 tahun M.

DAN terjadilah bahawa pada penghujung tahun kelapan belas pasukan perompak itu telah bersiap untuk pertempuran, dan mulai turun dan mara dari bukit-bukit, dan keluar dari gunung-ganang, dan padang belantara, dan kubukubu pertahanan mereka, dan tempat-tempat rahsia mereka, dan mula mengambil penguasaan ke atas negeri-negeri itu, baik yang berada di negeri selatan mahupun yang berada di negeri utara, dan mula mengambil penguasaan ke atas seluruh negeri yang telah ditinggalkan oleh bangsa Nefi, dan kota-kota yang telah ditinggalkan terbiar.

2 Tetapi lihatlah, tidak ada binatang-binatang liar serta buruan di negeri-negeri itu yang telah ditinggalkan oleh bangsa Nefi, dan tidak ada binatang buruan bagi para perompak kecuali di dalam padang belantara.

3 Dan para perompak tidak dapat hidup kecuali di dalam padang belantara, kerana memerlukan

makanan; kerana bangsa Nefi telah meninggalkan negeri mereka terbiar, dan telah mengumpulkan kawanan domba mereka dan kawanan ternakan mereka dan semua harta kekayaan mereka, dan mereka berada dalam satu kumpulan.

4 Oleh itu, tidak ada peluang bagi para perompak untuk menjarah dan untuk mendapatkan makanan, kecuali pergi bertempur secara terbuka menentang bangsa Nefi; dan bangsa Nefi berada dalam satu kumpulan, dan mempunyai jumlah yang sangat besar, dan telah menyimpan untuk diri mereka bekalan, dan kuda-kuda dan ternakan, dan kawanan ternakan dari setiap jenis, agar mereka boleh meneruskan kehidupan untuk tempoh tujuh tahun, yang mana dalam tempoh waktu itu mereka berharap untuk menghancurkan para perompak itu dari permukaan negeri; dan demikianlah tahun kelapan belas telah berlalu.

5 Dan terjadilah bahawa pada tahun kesembilan belas Gidianhi mendapati bahawa adalah penting bahawa dia harus pergi untuk bertempur melawan bangsa Nefi, kerana tidak ada cara untuk mereka dapat meneruskan kehidupan kecuali dengan menjarah dan merompak dan membunuh.

6 Dan mereka tidak berani menyebarkan diri mereka di atas permukaan negeri sedemikian rupa agar mereka dapat menanam biji-bijian, kalau-kalau bangsa Nefi akan menyerang mereka

dan membunuh mereka; oleh itu Gidianhi memberi perintah kepada bala tenteranya agar pada tahun ini mereka harus pergi untuk bertempur melawan bangsa Nefi.

7 Dan terjadilah bahawa mereka pergi untuk bertempur; dan ianya adalah dalam bulan keenam; dan lihatlah, begitu hebat dan dahsyatnya hari ketika mereka datang untuk bertempur; dan mereka berpakaian seperti cara para perompak; dan mereka memakai kulit domba sekeliling aurat mereka, dan mereka dicat dengan darah, dan kepala mereka dicukur, dan mereka mengenakan ketopong besi pada diri mereka; dan begitu besar dan dashyatnya penampilan bala tentera Gidianhi, kerana baju zirah mereka, dan kerana mereka dicat dengan darah.

8 Dan terjadilah bahawa bala tentera bangsa Nefi, apabila mereka melihat penampilan bala tentera Gidianhi, semuanya telah rebah ke tanah, dan mengangkat seruan mereka kepada Tuhan Raja mereka, agar Dia akan membiarkan mereka hidup dan membebaskan mereka daripada tangan musuh-musuh mereka.

9 Dan terjadilah bahawa apabila bala tentera Gidianhi melihat ini mereka mulai berteriak dengan suara yang kuat, kerana kebahagiaan mereka, kerana mereka menyangka bahawa bangsa Nefi telah rebah ketakutan disebabkan kengerian bala tentera mereka.

10 Tetapi di dalam hal ini mereka telah dikecewakan, kerana bangsa

Nefi tidak takut kepada mereka; tetapi mereka takut kepada Tuhan mereka dan memohon kepada-Nya untuk perlindungan; oleh itu, apabila bala tentera Gidianhi menyerbu mereka, mereka telah bersedia untuk menghadapi mereka; ya, di dalam kekuatan Tuhan mereka menyambut mereka.

11 Dan pertempuran bermula di dalam bulan keenam ini; dan begitu besar dan dahsyatnya pertempuran itu, ya, begitu besar dan dahsyatnya pembunuhan itu, sedemikian rupa sehingga tidak pernah terjadinya suatu pembunuhan yang sebesar itu di kalangan semua orang Lehi sejak dia meninggalkan Yerusalem.

12 Dan walau bagaimanapun ancaman-ancaman dan sumpah yang telah dibuat oleh Gidianhi, lihatlah, bangsa Nefi telah mengalahkan mereka, sedemikian rupa sehingga mereka berundur dari hadapan mereka.

13 Dan terjadilah bahawa Gidgidoni mengarahkan agar bala tenteranya harus mengejar mereka sejauh sempadan-sempadan di padang belantara, dan bahawa mereka tidak harus membiarkan sesiapa yang jatuh ke dalam tangan mereka sepanjang perjalanan itu untuk hidup; dan demikianlah mereka mengejar mereka dan membunuh mereka, sehingga di sempadan-sempadan padang belantara, bahkan sehingga mereka telah memenuhi arahan Gidgidoni.

14 Dan terjadilah bahawa Gidianhi, yang telah berdiri dan

berlawan dengan keberanian, telah dikejar sewaktu dia melarikan diri; dan kerana penat disebabkan dia banyak berlawan, dia telah didahului dan dibunuh. Dan demikianlah pengakhiran bagi Gidianhi si perompak itu.

15 Dan terjadilah bahawa bala tentera bangsa Nefi telah kembali lagi ke tempat perlindungan mereka. Dan terjadilah bahawa tahun kesembilan belas ini telah berlalu, dan para perompak tidak datang lagi untuk bertempur; tidak juga mereka datang lagi pada tahun kedua puluh.

16 Dan pada tahun kedua puluh satu mereka tidak datang untuk bertempur, tetapi mereka datang dari setiap arah untuk mengepung bangsa Nefi; kerana mereka menyangka bahawa jika mereka akan memisahkan bangsa Nefi dari negeri-negeri mereka, dan akan mengurung mereka pada setiap arah, dan jika mereka memisahkan mereka daripada kegiatan-kegiatan mereka di luar, maka mereka dapat menyuruh mereka untuk menyerahkan diri menurut keinginan mereka.

17 Sekarang, mereka telah melantik bagi mereka seorang pemimpin lain, yang bernama Zemnariha; oleh itu Zemnarihalah yang telah menyuruh agar pengepungan ini harus terjadi.

18 Tetapi lihatlah, ini merupakan suatu kesempatan bagi bangsa Nefi; kerana adalah mustahil bagi para perompak itu untuk mengepung dengan cukup lama untuk

mendatangkan sebarang kesan ke atas bangsa Nefi, disebabkan bekalan mereka yang banyak yang telah mereka sediakan,

19 Dan kerana bekalan yang sedikit di kalangan para perompak itu; dan lihatlah, mereka tidak mempunyai apa pun kecuali daging untuk menanggung hidup mereka, yang mana daging itu mereka perolehi di dalam padang belantara;

20 Dan terjadilah bahawa buruan liar menjadi kurang di dalam padang belantara sedemikian rupa sehingga para perompak hampir binasa dengan kelaparan.

21 Dan bangsa Nefi berterusan untuk berjalan maju pada siang hari dan pada malam hari, dan menyerang bala tentera mereka, dan menghapuskan mereka dalam beribu-ribu dan dalam berpuluh-puluh ribu.

22 Dan demikianlah telah menjadi hasrat orang Zemnariha untuk menarik diri dari rancangan mereka, kerana kehancuran hebat yang datang ke atas diri mereka pada malam hari dan pada siang hari.

23 Dan terjadilah bahawa Zemnariha telah memberi arahan kepada orangnya agar mereka harus menarik diri dari pengepungan itu, dan berjalan ke bahagian negeri sebelah utara yang paling jauh.

24 Dan sekarang, Gidgidoni sedar akan rancangan mereka, dan mengetahui kelemahan mereka kerana kekurangan makanan, dan pembunuhan hebat yang telah

dilakukan di kalangan mereka, oleh itu dia telah menghantar bala tenteranya pada waktu malam, dan memintas jalan pengunduran mereka, dan telah menempatkan bala tenteranya di jalan pengunduran mereka.

25 Dan mereka melakukan ini pada malam hari, dan membuat perjalanan mereka mendahului para perompak itu, supaya pada keesokan harinya, apabila para perompak itu memulakan perjalanan mereka, mereka akan bertemu bala tentera bangsa Nefi di kedua-dua bahagian depan dan belakang mereka.

26 Dan para perompak yang berada di selatan juga dipintas di tempat-tempat pengunduran mereka. Dan semua hal ini dilakukan di atas arahan Gidgidoni.

27 Dan terdapat beribu-ribu yang telah menyerahkan diri mereka sebagai tahanan kepada bangsa Nefi, dan yang selebihnya telah terbunuh.

28 Dan pemimpin mereka, Zemnariha, ditangkap dan digantung di atas sebatang pokok, ya, bahkan pada puncaknya sehingga dia telah mati. Dan ketika mereka telah menggantungnya sehingga mati mereka menebang pokok itu ke atas tanah, dan berseru dengan suara kuat, mengatakan:

29 Semoga Tuhan melindungi umat-Nya dalam kesolehan dan dalam kekudusan hati, agar mereka boleh menyebabkan kejatuhan ke atas tanah kepada semua yang akan berusaha untuk membunuh

mereka kerana kekuasaan dan komplot-komplot rahsia, bahkan seperti lelaki ini telah dijatuhkan ke atas tanah.

30 Dan mereka bergembira dan berseru lagi dengan satu suara, mengatakan: Semoga Tuhan Abraham, dan Tuhan Ishak, dan Tuhan Yakub, melindungi bangsa ini dalam kesolehan, selama mereka akan memanggil nama Tuhan mereka untuk perlindungan.

31 Dan terjadilah bahawa mereka bersorak-sorai, semuanya bagaikan satu, dalam nyanyian, dan memuji Tuhan mereka untuk hal yang besar itu yang telah Dia lakukan untuk mereka, dalam melindungi mereka daripada jatuh ke dalam tangan musuh-musuh mereka.

32 Ya, mereka berseru: Hosana kepada Tuhan Yang Maha Tinggi. Dan mereka berseru: Terpujilah nama Tuhan Raja Yang Perkasa, Tuhan Yang Maha Tinggi.

33 Dan hati mereka dipenuhi dengan kebahagiaan, sehingga bercucurannya banyak air mata, kerana kebaikan Tuhan yang besar dalam membebaskan mereka daripada tangan musuh-musuh mereka; dan mereka tahu bahawa adalah disebabkan pertaubatan mereka dan kerendahan hati mereka sehingga mereka telah dibebaskan daripada kehancuran abadi.

galkan dosa-dosa mereka—Mormon menuliskan sejarah bangsanya dan memaklumkan firman kekal kepada mereka—Israel akan dikumpulkan setelah lama dicerai-beraikan. Kira-kira 22–26 tahun M.

DAN sekarang, lihatlah, tidak ada satu jiwa yang hidup di kalangan semua bangsa Nefi yang meragui sedikit pun perkataan semua nabi kudus yang telah berbicara; kerana mereka tahu bahawa mestilah perlu bahawa ianya mesti digenapi.

2 Dan mereka tahu bahawa amatlah perlu bahawa Kristus telah datang, kerana banyaknya tanda yang telah diberikan, menurut perkataan para nabi; dan kerana hal-hal yang sudah terjadi mereka tahu bahawa semua hal haruslah terjadi seperti yang telah dikatakan.

3 Oleh itu mereka telah meninggalkan segala dosa mereka, dan kekejian mereka, dan pelacuran mereka, dan melayani Tuhan siang dan malam dengan penuh ketekunan.

4 Dan sekarang, terjadilah bahawa apabila mereka telah menangkap semua perompak sebagai tahanan, sedemikian rupa sehingga tidak seorang pun yang terlepas yang tidak dibunuh, mereka melemparkan tahanan mereka ke dalam penjara, dan menyuruh agar firman Tuhan dihutbahkan kepada mereka; dan seberapa banyak yang mahu bertaubat akan dosa-dosa mereka dan masuk ke

BAB 5

Bangsa Nefi bertaubat dan mening-

dalam perjanjian bahwa mereka tidak akan membunuh lagi telah diberikan kebebasan.

5 Tetapi seberapa banyak yang tidak masuk ke dalam perjanjian, dan yang masih terus memiliki pembunuhan-pembunuhan rahsia itu di dalam hati mereka, ya, seberapa banyak yang didapati melafazkan ancaman terhadap saudara-saudara mereka didapati bersalah dan dihukum menurut hukum.

6 Dan demikianlah mereka mengakhiri semua komplot yang jahat, dan rahsia, dan keji itu, yang mana di dalamnya terdapat begitu banyak kejahatan, dan begitu banyak pembunuhan yang telah dilakukan.

7 Dan demikianlah tahun kedua puluh dua berlalu, dan tahun kedua puluh tiga juga, dan kedua puluh empat, dan kedua puluh lima; dan demikianlah dua puluh lima tahun telah berlalu.

8 Dan banyak hal yang telah terjadi yang mana, di mata beberapa orang, adalah hebat dan menakjubkan; walaupun demikian, semua itu tidak dapat dituliskan di dalam kitab ini; ya, kitab ini tidak dapat memuatkan bahkan seperatus bahagian daripada perkara yang telah dilakukan di kalangan begitu banyak orang dalam tempoh waktu dua puluh lima tahun;

9 Tetapi lihatlah terdapat catatan-catatan yang memuatkan segala kegiatan bangsa ini; dan sebuah laporan yang lebih singkat tetapi benar telah diberikan oleh Nefi.

10 Oleh itu aku telah membuat catatanku tentang hal-hal ini menurut catatan Nefi, yang diukir di atas kepingan-kepingan yang disebut kepingan-kepingan Nefi.

11 Dan lihatlah, aku membuat catatan di atas kepingan-kepingan yang telah aku buat dengan tanganku sendiri.

12 Dan lihatlah, aku dipanggil Mormon, dipanggil sempena negeri Mormon, negeri tempat Alma menubuhkan gereja di kalangan bangsa itu, ya, gereja pertama yang ditubuhkan di kalangan mereka setelah pelanggaran mereka.

13 Lihatlah, aku adalah pengikut Yesus Kristus, Putera Tuhan. Aku telah dipanggil oleh-Nya untuk memaklumkan firman-Nya di kalangan umat-Nya, agar mereka dapat memperoleh kehidupan kekal.

14 Dan telah menjadi amat perlu bahawa aku, menurut kehendak Tuhan, agar doa-doa mereka yang telah meninggalkan kehidupan ini, iaitu orang yang kudus, harus digenapi menurut iman mereka, harus membuat sebuah catatan tentang hal-hal yang telah terjadi ini—

15 Ya, sebuah catatan kecil tentang hal yang telah terjadi sejak waktu Lehi meninggalkan Yerusalem, bahkan sehingga sekarang.

16 Oleh itu aku membuat catatanku dari laporan-laporan yang telah diberikan oleh mereka yang ada sebelum aku, sehingga permulaan kehidupanku;

17 Dan kemudian aku membuat sebuah catatan tentang hal-hal yang telah aku lihat dengan mataku sendiri.

18 Dan aku tahu catatan yang aku buat adalah sebuah catatan yang tepat dan yang benar; walaupun demikian terdapat banyak hal yang, menurut bahasa kami, tidak dapat kami tuliskan.

19 Dan sekarang, aku mengakhiri percakapanku, yang berkenaan diriku sendiri, dan meneruskan untuk memberikan laporanku tentang hal-hal yang telah berlaku sebelum aku ada.

20 Aku adalah Mormon, dan merupakan keturunan kandung daripada Lehi. Aku mempunyai sebab untuk memuji Tuhanku dan Juruselamatku Yesus Kristus, kerana Dia telah membawa nenek moyang kami keluar dari negeri Yerusalem, (dan tidak seorang pun mengetahuinya kecuali Dia sendiri dan mereka yang Dia bawa keluar dari negeri itu) dan bahawa Dia telah memberiku dan bangsaku begitu banyak pengetahuan untuk keselamatan jiwa kami.

21 Sudah pastinya Dia telah memberkati bani Yakub, dan sentiasa penuh belas kasihan kepada keturunan Yusuf.

22 Dan kerana anak-anak Lehi telah mentaati perintah-perintah-Nya Dia telah memberkati mereka dan memakmurkan mereka menurut firman-Nya.

23 Ya, dan sudah pastinya Dia akan membawa lagi sisa keturunan

Yusuf kepada pengetahuan tentang Tuhan Raja mereka.

24 Dan sebagaimana Tuhan itu hidup, Dia akan mengumpulkan dari keempat-empat penjuru bumi semua sisa keturunan Yakub, yang telah dicerai-beraikan merata di atas seluruh permukaan bumi.

25 Dan sebagaimana Dia telah membuat perjanjian dengan seluruh bani Yakub, demikian juga perjanjian yang telah Dia lakukan dengan bani Yakub akan digenapi dalam waktu-Nya sendiri, sehingga pemulihan seluruh bani Yakub kepada pengetahuan tentang perjanjian yang telah Dia lakukan dengan mereka.

26 Dan kemudian mereka akan mengenali Penebus mereka, iaitu Yesus Kristus, Putera Tuhan; dan kemudian mereka akan dikumpulkan dari keempat-empat penjuru bumi ke negeri-negeri mereka sendiri, dari mana mereka telah dicerai-beraikan; ya, sebagaimana Tuhan itu hidup demikianlah yang akan terjadi. Amin.

BAB 6

Bangsa Nefi makmur—Keangkuhan, kekayaan, dan perbezaan darjat timbul—Gereja dipecah-belahkan oleh pembelotan—Setan memimpin bangsa itu dalam pemberontakan terbuka—Banyak nabi menyerukan pertaubatan dan dibunuh—Para pembunuh mereka bersubahat untuk mengambil alih pemerintahan. Kira-kira 26–30 tahun M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa bangsa Nefi semuanya kembali ke negeri-negeri mereka sendiri pada tahun kedua puluh enam, setiap lelaki, bersama keluarganya, kawanan dombanya dan kawanan ternakannya, kuda-kuda dan lembunya, dan segala benda apa pun yang merupakan kepunyaan mereka.

2 Dan terjadilah bahawa mereka tidak melahap seluruh bekalan mereka; oleh itu mereka membawa bersama mereka segala yang tidak mereka lahap, dari segala biji-bijian mereka dari setiap jenis, dan emas mereka, dan perak mereka, dan segala benda berharga mereka, dan mereka kembali ke negeri-negeri mereka sendiri dan harta benda mereka, baik di utara mahupun di selatan, baik di negeri sebelah utara mahupun di negeri sebelah selatan.

3 Dan mereka memberikan kepada para perompak itu yang telah masuk ke dalam perjanjian untuk memelihara kedamaian negeri itu, yang ingin kekal menjadi bangsa Laman, negeri-negeri, menurut jumlah mereka, agar mereka boleh mempunyai, dengan usaha mereka, sesuatu untuk meneruskan hidup; dan demikianlah mereka menegakkan kedamaian di seluruh negeri itu.

4 Dan mereka mulai menjadi makmur lagi dan bertambah kuat; dan tahun kedua puluh enam dan tujuh berlalu, dan terdapat keter-tiban yang besar di dalam negeri itu; dan mereka telah membentuk

hukum-hukum mereka menurut kesaksamaan dan keadilan.

5 Dan sekarang, tidak ada apa pun di dalam seluruh negeri itu yang menghalang orang itu daripada menjadi makmur secara berterusan, melainkan mereka jatuh ke dalam pelanggaran.

6 Dan sekarang, Gidgidoni-lah, dan hakim tersebut, iaitu Lakoneus, dan mereka yang telah dilantik sebagai para pemimpin, yang telah menegakkan kedamaian yang besar ini di dalam negeri itu.

7 Dan terjadilah bahawa banyak kota yang baru telah dibina, dan banyak kota yang lama telah dibaiki.

8 Dan banyak jalan-jalan utama dibangunkan, dan banyak jalan dibuat, yang menghubungkan dari kota ke kota, dan dari negeri ke negeri, dan dari suatu tempat ke suatu tempat.

9 Dan demikianlah berlalunya tahun kedua puluh lapan, dan orang itu mempunyai kedamaian yang berlanjutan.

10 Tetapi terjadilah pada tahun kedua puluh sembilan mulai terdapat beberapa perselisihan di kalangan orang itu; dan beberapa orang terangkat-angkat di dalam keangkuhan dan kemegahan disebabkan kekayaan mereka yang sangat banyak, ya, bahkan sehingga penganiayaan yang besar;

11 Kerana ada banyak pedagang di dalam negeri itu, dan juga banyak peguam, dan banyak pegawai.

12 Dan orang ramai mulai dibezakan menurut kedudukan, menurut kekayaan mereka dan peluang pembelajaran mereka; ya, terdapat beberapa yang tidak berpengetahuan kerana kemiskinan mereka, dan yang lain menerima pembelajaran yang tinggi kerana kekayaan mereka.

13 Beberapa orang terangkat-angkat di dalam keangkuhan, dan yang lainnya amat rendah hati; beberapa yang membalas cacian dengan cacian, sementara yang lain akan menerima cacian dan penganiayaan dan segala jenis kesengsaraan, dan tidak mahu membalas dan mencaci kembali, tetapi begitu rendah hati dan menyesal di hadapan Tuhan.

14 Dan demikianlah terdapat ketidaksaksamaan yang besar di seluruh negeri itu, sedemikian rupa sehingga gereja mulai terpecah-belah; ya, sedemikian rupa sehingga pada tahun ketiga puluh gereja telah terpecah-belah di seluruh negeri kecuali di kalangan sedikit bangsa Laman yang berpaling kepada kepercayaan yang benar; dan mereka tidak akan meninggalkannya, kerana mereka teguh, dan tabah, dan tak tergoyahkan, rela dengan seluruh ketekunan untuk mentaati perintah-perintah Tuhan.

15 Sekarang, penyebab kederhakaan orang ini adalah ini—Setan memiliki kuasa yang besar, untuk menghasut orang ramai untuk melakukan bermacam-macam kederhakaan, dan untuk

mengembungkan mereka dengan keangkuhan, menggoda mereka untuk mencari kekuasaan, dan wewenang, dan kekayaan, dan hal-hal yang sia-sia dari dunia ini.

16 Dan demikianlah Setan menyesatkan hati orang itu untuk melakukan bermacam-macam kederhakaan; oleh itu mereka telah menikmati kedamaian hanya selama beberapa tahun.

17 Dan demikianlah, pada permulaan tahun ketiga puluh—setelah bangsa itu telah diserahkan untuk tempoh waktu yang lama untuk dibawa oleh godaan iblis ke mana-mana pun yang dia ingin membawa mereka, dan untuk melakukan apa-apapun kederhakaan yang dia ingin mereka lakukan—dan demikianlah pada permulaan ini, tahun ketiga puluh, mereka berada dalam keadaan kejahatan yang dahsyat.

18 Sekarang, mereka bukannya berdosa secara tidak sedar, kerana mereka mengetahui kehendak Tuhan terhadap mereka, kerana ianya telah diajarkan kepada mereka; oleh itu mereka dengan relanya memberontak melawan Tuhan.

19 Dan sekarang, hal ini terjadi pada masa Lakoneus, anak lelaki Lakoneus, kerana Lakoneus mengisi kerusi ayahnya dan memerintah bangsa itu pada tahun tersebut.

20 Dan mulai terdapat lelaki-lelaki yang diilhami dari syurga dan diutus, berdiri di kalangan orang ramai di seluruh negeri itu, berkhotbah dan bersaksi

dengan berani tentang dosa dan kedherhakaan bangsa itu, dan bersaksi kepada mereka tentang penebusan yang Tuhan akan lakukan untuk umat-Nya, atau dengan perkataan lain, kebangkitan Kristus; dan mereka bersaksi dengan berani tentang kematian dan penderitaan-Nya.

21 Sekarang, terdapat banyak daripada orang ramai yang amat marah disebabkan oleh mereka yang bersaksi tentang hal-hal ini; dan mereka yang marah terutamanya merupakan para hakim utama, dan mereka yang telah menjadi imam tinggi dan peguam; ya, mereka semua yang merupakan peguam marah terhadap mereka yang bersaksi tentang hal-hal ini.

22 Sekarang, tidak ada seorang peguam atau hakim atau imam tinggi yang dapat mempunyai kuasa untuk menghukum mati sesiapa pun kecuali hukuman mereka itu ditandatangani oleh pentadbir negeri itu.

23 Sekarang, terdapat banyak daripada mereka yang bersaksi tentang hal-hal yang berkaitan dengan Kristus yang bersaksi dengan berani, yang ditangkap dan dihukum mati secara rahsia oleh para hakim tersebut, dan pengetahuan tentang kematian mereka tidak disampaikan kepada pentadbir negeri itu sehinggalah selepas kematian mereka.

24 Sekarang, lihatlah, ini bertentangan dengan hukum-hukum negeri itu, bahawa sesiapa pun harus dihukum mati kecuali

hakim-hakim itu mendapat kuasa daripada pentadbir negeri—

25 Oleh itu aduan sampai ke negeri Zarahemla, kepada pentadbir negeri itu, yang menentang para hakim ini yang telah menghukum mati para nabi Tuhan, tanpa menurut hukum.

26 Sekarang, terjadilah bahawa mereka ditangkap dan dibawa ke hadapan hakim, untuk dihakimi di atas jenayah yang telah mereka lakukan, menurut hukum yang telah diberikan oleh rakyat.

27 Sekarang, terjadilah bahawa para hakim itu mempunyai ramai teman dan kerabat; dan yang selebihnya, ya, bahkan hampir semua peguam dan imam tinggi, telah berkumpul bersama, dan bersatu dengan kerabat para hakim itu yang akan diadili menurut hukum.

28 Dan mereka masuk ke dalam perjanjian di antara satu sama lain, ya, bahkan ke dalam perjanjian yang diberikan oleh mereka sejak dahulu kala, yang mana perjanjian itu diberikan dan dijalankan oleh iblis, untuk bergabung melawan segala kesolehan.

29 Oleh itu mereka bergabung melawan umat Tuhan, dan masuk ke dalam sebuah perjanjian untuk menghancurkan mereka, dan untuk membebaskan mereka yang bersalah dalam pembunuhan dari genggamannya keadilan, yang tidak lama lagi akan dijalankan menurut hukum.

30 Dan mereka menentang hukum dan hak-hak negara mereka; dan mereka membuat perjanjian

di antara satu sama lain untuk menghancurkan pentadbir itu, dan untuk menabalkan seorang raja di atas negeri itu, agar negeri itu tidak lagi berada di dalam kemerdekaan tetapi harus tunduk kepada raja-raja.

BAB 7

Hakim utama telah dibunuh, kerajaan dihancurkan, dan bangsa itu terbahagi kepada suku-suku—Yakub, seorang anti-Kristus, menjadi raja kepada sebuah komplot rahsia—Nefi mengkhutbahkan pertaubatan dan iman kepada Kristus—Para malaikat melayaninya setiap hari, dan dia menghidupkan kembali saudara lelakinya dari yang mati—Banyak yang bertaubat dan dibaptis. Kira-kira 30-33 tahun M.

SEKARANG, lihatlah, aku akan menunjukkan kepadamu bahawa mereka tidak menabalkan seorang raja atas negeri itu; tetapi pada tahun yang sama ini, ya, tahun ketiga puluh, mereka telah menghancurkan di atas kerusi penghakiman, ya, telah membunuh hakim utama negeri tersebut.

2 Dan bangsa itu berpecah menentang satu sama lain; dan mereka telah memisahkan satu dari yang lain menjadi suku-suku, setiap orang menurut keluarganya dan saudaranya dan teman-temannya; dan demikianlah mereka menghancurkan kerajaan negeri tersebut.

3 Dan setiap suku melantik seorang ketua atau pemimpin ke

atas diri mereka; dan demikianlah mereka menjadi suku-suku dan para pemimpin suku.

4 Sekarang, lihatlah, tidak ada seorang pun di antara mereka yang tidak memiliki keluarga yang ramai dan banyak saudara dan teman; oleh itu suku-suku mereka menjadi sangat besar.

5 Sekarang, semuanya ini terjadi, dan belum ada peperangan lagi di antara mereka; dan semua kederhakaan ini telah datang kepada bangsa itu kerana mereka menyerahkan diri kepada kuasa Setan.

6 Dan peraturan-peraturan kerajaan telah dihancurkan, disebabkan oleh komplot-komplot rahsia teman-teman dan saudara-saudara mereka yang telah membunuh para nabi.

7 Dan mereka menyebabkan pertikaian yang besar di dalam negeri itu, sedemikian rupa sehingga sebahagian besar orang yang lebih soleh itu telah hampir kesemuanya menjadi jahat; ya, hanya ada sedikit yang soleh di kalangan mereka.

8 Dan demikianlah belum enam tahun berlalu sejak sebahagian besar daripada bangsa itu telah berpaling daripada kesolehan mereka, seperti anjing kembali pada muntahnya, atau seperti babi betina yang kembali berguling ke kubang lumpurnya.

9 Sekarang, komplot-komplot rahsia ini, yang telah membawa begitu besar kederhakaan ke atas bangsa itu, berkumpul bersama, dan menempatkan sebagai ketua

mereka seorang lelaki yang mereka panggil Yakub;

10 Dan mereka memanggilnya raja mereka; oleh itu dia menjadi raja ke atas gerombolan jahat ini; dan dia adalah salah seorang yang paling utama yang telah menyuarakan pendapatnya menentang para nabi yang bersaksi tentang Yesus.

11 Dan terjadilah bahawa jumlah mereka tidaklah begitu besar seperti suku-suku dalam bangsa itu, yang disatukan bersama kecuali para pemimpin mereka menegakkan hukum-hukum mereka, setiap orang menurut sukunya; walaupun demikian mereka bermusuhan; walaupun mereka bukanlah orang yang soleh, namun mereka bersatu di dalam kebencian terhadap mereka yang telah masuk ke dalam sebuah perjanjian untuk menghancurkan kerajaan.

12 Oleh itu, Yakub melihat bahawa musuh mereka adalah lebih banyak daripada mereka, kerana dialah yang menjadi raja gerombolan itu, oleh itu, dia memerintahkan rakyatnya agar mereka harus melarikan diri mereka ke bahagian negeri yang paling utara, dan di sana membangunkan sebuah kerajaan untuk diri mereka sendiri, sehingga mereka digabungkan oleh para pembelot, (kerana dia mengangkat-angkat mereka agar akan terdapat banyak pembelot) dan mereka menjadi cukup kuat untuk berjuang melawan suku-suku orang itu; dan demikianlah mereka lakukan.

13 Dan begitu pantas perjalanannya mereka sehingga tidak dapat dihalangi sampai mereka telah keluar dari jangkauan semua orang itu. Dan demikianlah berakhirnya tahun ketiga puluh; dan demikianlah hal ehwal bangsa Nefi.

14 Dan terjadilah pada tahun ketiga puluh satu bahawa mereka terbahagi ke dalam suku-suku, setiap orang menurut keluarga, saudara dan teman-temannya; walaupun demikian mereka telah mencapai persetujuan bahawa mereka tidak akan pergi berperang antara satu sama lain; tetapi mereka tidak bersatu dalam hukum mereka, dan cara pemerintahan mereka, kerana ianya ditubuhkan mengikut fikiran orang yang merupakan ketua mereka dan para pemimpin mereka. Tetapi mereka menegakkan hukum-hukum yang sangat ketat bahawa tidak ada satu suku pun yang harus melanggar hukum suku yang lain, sedemikian rupa sehingga, sedikit sebanyak, mereka memperoleh kedamaian di dalam negeri itu; walaupun demikian hati mereka dipalingkan daripada Tuhan Raja mereka, dan mereka merejam para nabi dan mengusir mereka daripada kalangan mereka.

15 Dan terjadilah bahawa Nefi—kerana dikunjungi oleh malaikat dan juga suara Tuhan, oleh itu melihat para malaikat, dan menjadi saksi mata, dan kerana memiliki kuasa yang diberikan kepadanya supaya dia boleh mengetahui tentang pelayanan Kristus, dan juga menjadi saksi mata kepada

kepantasan mereka untuk kembali daripada kesolehan kepada kejahatan dan kekejian mereka;

16 Oleh sebab itu, kerana dipilukan oleh kekerasan hati mereka dan kebutaan fikiran mereka—pergi ke antara mereka pada tahun yang sama itu, dan mulai bersaksi, dengan berani, tentang pertaubatan dan pengampunan akan dosa-dosa melalui iman kepada Tuhan Yesus Kristus.

17 Dan dia telah melayani banyak hal kepada mereka; dan semuanya tidak dapat dituliskan, dan sebahagian darinya tidak akan cukup, oleh itu, ianya tidak dituliskan di dalam kitab ini. Dan Nefi melayani dengan kuasa dan dengan wewenang yang besar.

18 Dan terjadilah bahawa mereka marah terhadapnya, kerana dia memiliki kuasa yang lebih besar daripada mereka, kerana mustahil bagi mereka untuk tidak mempercayai perkataannya, kerana begitu besar imannya kepada Tuhan Yesus Kristus sehingga para malaikat melayaninya setiap hari.

19 Dan di dalam nama Yesus dia mengusir iblis dan roh-roh jahat; dan bahkan saudara lelakinya dia hidupkan kembali daripada yang mati, setelah dia direjam dan menderita kematian oleh orang ramai.

20 Dan bangsa itu melihatnya, dan bersaksi tentangnya, dan marah terhadapnya kerana kuasanya; dan dia juga melakukan lebih banyak lagi mukjizat, di depan mata bangsa itu, dalam nama Yesus.

21 Dan terjadilah bahawa tahun

ketiga puluh satu berlalu, dan hanya ada sedikit yang telah berpaling kepada Tuhan; tetapi seberapa banyak yang bertukar hati benar-benar telah menunjukkan kepada bangsa itu bahawa mereka telah dikunjungi oleh kuasa dan Roh Tuhan, yang berada di dalam Yesus Kristus, yang kepada-Nya mereka percaya.

22 Dan seberapa banyak yang telah diusir keluar iblisnya daripada mereka, dan telah disembuhkan daripada penyakit mereka dan kelemahan mereka, benar-benar menyatakan kepada bangsa itu bahawa mereka telah dipengaruhi oleh Roh Tuhan, dan telah disembuhkan; dan mereka juga menunjukkan tanda-tanda dan melakukan beberapa mukjizat di kalangan bangsa itu.

23 Demikianlah juga berlalunya tahun ketiga puluh dua. Dan Nefi berseru kepada bangsa itu pada permulaan tahun ketiga puluh tiga; dan dia mengkhutbahkan kepada mereka tentang pertaubatan dan pengampunan akan dosa-dosa.

24 Sekarang, aku mahu juga kamu mengingati, bahawa tidak ada seorang pun yang dibawa kepada pertaubatan yang tidak dibaptiskan dengan air.

25 Oleh itu, ada orang yang ditahbiskan oleh Nefi, para lelaki untuk pelayanan ini, agar mereka semua yang akan datang kepada mereka harus dibaptis dengan air, dan ini sebagai saksi dan kesaksian di hadapan Tuhan, dan kepada bangsa

itu, bahawa mereka telah bertaubat dan menerima pengampunan akan dosa-dosa mereka.

26 Dan pada permulaan tahun ini terdapat ramai yang telah dibaptiskan kepada pertaubatan; dan demikianlah sebahagian besar dari tahun itu telah pun berlalu.

BAB 8

Angin ribut, gempa bumi, kebakaran, puting beliung, dan bencana alam membuktikan penyaliban Kristus—Banyak orang dihancurkan—Kege-lapan menyelubungi negeri itu selama tiga hari—Mereka yang tetap tinggal meratapi nasib mereka. Kira-kira 33–34 tahun M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa menurut catatan kami, dan kami tahu catatan kami benar, kerana lihatlah, seorang lelaki yang soleh yang telah menyimpan catatan itu—kerana dia benar-benar telah melakukan banyak mukjizat di dalam nama Yesus; dan tidak ada seorang pun yang dapat melakukan mukjizat dalam nama Yesus kecuali dia telah dibersihkan dari setiap bahagian kecil kederhakaannya—

2 Dan sekarang, terjadilah, jika tidak ada kesilapan yang dibuat oleh lelaki ini dalam perhitungan waktu kami, tahun ketiga puluh tiga telah berlalu;

3 Dan bangsa itu mula menanti-nantikan dengan kesungguhan yang besar untuk tanda yang telah diberikan oleh Nabi Samuel,

si bangsa Laman, ya, untuk saat apabila terdapatnya kegelapan untuk tempoh waktu tiga hari di atas permukaan negeri itu.

4 Dan mula ada keraguan dan perselisihan yang besar di kalangan bangsa itu, walaupun begitu banyak tanda yang telah diberikan.

5 Dan terjadilah pada tahun ketiga puluh empat, dalam bulan pertama, pada hari keempat bulan itu, timbullah angin kencang yang dahsyat, seperti yang belum pernah diketahui di seluruh negeri itu.

6 Dan terjadilah juga angin ribut yang dahsyat dan menakutkan; dan terdapat petir yang menakutkan, sedemikian rupa sehingga menggegarkan seluruh bumi seolah-olah hampir terbelah.

7 Dan terdapat kilat yang amat tajam, seperti yang belum pernah diketahui di seluruh negeri itu.

8 Dan Kota Zarahemla telah terbakar.

9 Dan Kota Moroni telah tenggelam ke dasar laut, dan para penghuninya lemas.

10 Dan tanah terangkat ke atas Kota Moroniha, sehingga di tempat kota itu telah muncul menjadi sebuah gunung yang besar.

11 Dan terdapat kehancuran yang dahsyat dan menakutkan di negeri sebelah selatan.

12 Tetapi lihatlah, terdapat kehancuran yang lebih dahsyat dan menakutkan di negeri sebelah utara; kerana lihatlah, seluruh permukaan negeri berubah, kerana angin ribut dan puting beliung, dan petir dan kilat, dan

gegaran seluruh bumi yang amat dahsyat;

13 Dan jalan-jalan utama terpecah-belah, dan jalan-jalan rata telah rosak, dan banyak tempat yang datar menjadi lekak-lekuk.

14 Dan banyak kota yang besar dan terkenal telah tenggelam, dan banyak yang terbakar, dan banyak yang digegarkan sehingga bangunan-bangunannya telah roboh ke atas tanah, dan para penghuninya terbunuh, dan tempat-tempat itu ditinggalkan terbiar.

15 Dan ada beberapa kota yang masih tertinggal; tetapi kerosakannya amatlah besar, dan terdapat banyak orang di dalamnya yang telah terbunuh.

16 Dan terdapat segelintir yang telah dibawa pergi ke dalam puting beliung dan ke mana mereka pergi tidak seorang pun yang tahu, mereka hanya tahu bahawa mereka telah dibawa pergi.

17 Dan demikianlah permukaan seluruh bumi telah berubah bentuk, kerana angin ribut, dan petir, dan kilat, dan gempa bumi.

18 Dan lihatlah, batu-batan terbelah menjadi dua; ianya terpecah-belah di atas permukaan seluruh bumi, sedemikian rupa sehingga ditemui di dalam pecahan serpihan, dan di dalam lapisan dan dalam retakan, di atas seluruh permukaan negeri itu.

19 Dan terjadilah bahawa apabila petir, dan kilat, dan angin kencang, dan angin ribut, dan gempa pada bumi telah berhenti—kerana lihatlah, ianya berlangsung kira-kira

dalam tempoh waktu tiga jam; dan telah dikatakan oleh segelintir orang bahawa waktunya lebih lama; walaupun demikian, semua hal yang dahsyat dan menakutkan ini telah terjadi di dalam tempoh waktu kira-kira tiga jam—dan kemudian lihatlah, terdapat kegelapan di atas permukaan negeri itu.

20 Dan terjadilah bahawa terdapat kegelapan yang pekat di atas seluruh permukaan negeri, sedemikian rupa sehingga para penghuninya yang tidak terbunuh dapat merasakan kabut kegelapan itu;

21 Dan tidak dapat adanya cahaya, disebabkan kegelapan itu, atau lilin, atau obor; dan juga api tidak dapat dinyalakan dengan kayu mereka yang elok dan amat kering, supaya tidak terdapatnya cahaya sedikit pun;

22 Dan cahaya sedikit pun tidak terlihat, atau api, atau kerdipan cahaya, atau matahari, atau bulan, atau bintang, kerana begitu pekatnya kabut kegelapan yang terdapat di atas permukaan negeri itu.

23 Dan terjadilah bahawa hal itu berlangsung untuk tempoh waktu tiga hari di mana tidak ada cahaya yang terlihat; dan terdapat perkabungan dan raungan dan tangisan yang besar di kalangan semua orang itu secara berlanjutan; ya, besarnya rintihan bangsa itu, disebabkan kegelapan dan kehancuran hebat yang telah datang kepada diri mereka.

24 Dan di satu tempat kedengarannya mereka berseru,

mengatakan: Ah, sekiranya kita telah bertaubat sebelum hari yang dahsyat dan menakutkan ini, maka saudara-saudara kita akan dibiarkan hidup, dan mereka tidak akan terbakar di dalam Kota Zarahemla yang besar itu.

25 Dan di tempat yang lain kedengarannya mereka berseru dan berkabung, mengatakan: Ah, sekiranya kita telah bertaubat sebelum hari yang besar dan menakutkan ini, dan tidak membunuh dan merejam para nabi, dan mengusir mereka; maka ibu kita dan anak-anak perempuan kita yang rupawan, dan anak-anak kita akan dibiarkan hidup, dan tidak akan terkubur di dalam Kota Moroniha yang besar itu. Dan demikianlah raungan orang ramai yang hebat dan menakutkan.

BAB 9

Di dalam kegelapan, suara Kristus mengisytiharkan kehancuran banyak orang dan kota kerana kejahatan mereka—Dia juga mengisytiharkan keilahian-Nya, mengumumkan bahawa hukum Musa telah digenapi, dan mengajak manusia untuk datang kepada-Nya dan diselamatkan. Kirakira 34 tahun M.

DAN terjadilah bahawa terdapat suatu suara yang didengari di kalangan seluruh penghuni bumi, di atas seluruh permukaan negeri ini, menyerukan:

2 Celakalah, celakalah, celakalah orang ini; celakalah kepada para

penghuni seluruh bumi kecuali mereka akan bertaubat; kerana iblis tertawa, dan para malaikatnya bergembira, kerana terbunuhnya anak-anak lelaki dan perempuan umat-Ku yang rupawan; dan disebabkan kederhakaan dan kekejian merekalah maka mereka telah terbunuh!

3 Lihatlah, Kota Zarahemla yang besar itu telah Aku bakar dengan api, dan para penghuni di dalamnya.

4 Dan lihatlah, Aku telah menyebabkan Kota Moroni yang besar itu untuk ditenggelamkan ke dasar laut, dan para penghuninya untuk dilemaskan.

5 Dan lihatlah, Kota Moroniha yang besar itu telah Aku timbus dengan tanah, dan para penghuni di dalamnya, untuk menyembunyikan kederhakaan mereka dan kekejian mereka dari hadapan muka-Ku, agar darah para nabi dan orang suci tidak akan datang lagi kepada-Ku untuk menentang mereka.

6 Dan lihatlah, Aku telah menyebabkan Kota Gilgal untuk ditenggelamkan, dan para penghuni di dalamnya untuk dikubur di dalam tanah;

7 Ya, dan Kota Oniha dan para penghuninya, dan Kota Mokum, dan para penghuninya, dan Kota Yerusalem dan para penghuninya; dan aku telah menyebabkan air untuk datang melimpah, untuk menyembunyikan kejahatan dan kekejian mereka dari hadapan muka-Ku, agar darah para nabi

dan orang suci tidak akan datang kepada-Ku lagi untuk menentang mereka.

8 Dan lihatlah, Kota Gadiandi, dan Kota Gadiomna, dan Kota Yakub, dan Kota Gimgimno, Aku telah menyebabkan semua ini untuk ditenggelamkan, dan membuat bukit dan lembah di tempatnya; dan para penghuninya telah Aku kuburkan di dalam tanah, untuk menyembunyikan kejahatan dan kekejian mereka dari hadapan muka-Ku, agar darah para nabi dan orang suci tidak akan datang lagi kepada-Ku untuk menentang mereka.

9 Dan lihatlah, Kota Yakobugat yang besar itu, yang telah dihuni oleh rakyat raja Yakub, telah Aku sebabkan untuk dibakar dengan api kerana dosa-dosa mereka dan kejahatan mereka, yang melebihi segala kejahatan di seluruh bumi, kerana pembunuhan dan komplot-komplot rahsia mereka; kerana merekalah yang telah menghancurkan kedamaian umat-Ku dan pemerintahan negeri itu; oleh itu Aku menyebabkan mereka dibakar, untuk menghancurkan mereka dari hadapan muka-Ku, agar darah para nabi dan orang suci tidak akan datang lagi kepada-Ku untuk menentang mereka.

10 Dan lihatlah, Kota Laman, dan Kota Yos, dan Kota Gad, dan Kota Kiskumen, telah Aku sebabkan untuk dibakar dengan api, dan para penghuninya, kerana kejahatan mereka dalam mengusir para nabi, dan merejam mereka

yang telah Aku utuskan untuk memaklumkan kepada mereka tentang kejahatan mereka dan kekejian mereka.

11 Dan kerana mereka telah mengusir mereka semua, sehingga tidak ada seorang pun yang soleh di kalangan mereka, Aku menurunkan api dan menghancurkan mereka, agar kejahatan dan kekejian mereka boleh disembunyikan dari hadapan muka-Ku, agar darah para nabi dan orang suci yang telah Aku utuskan di kalangan mereka tidak akan berseru kepada-Ku dari dalam tanah untuk menentang mereka.

12 Dan banyak kehancuran besar yang telah Aku sebabkan untuk datang pada negeri ini, dan kepada bangsa ini, kerana kejahatan mereka dan kekejian mereka.

13 Wahai kamu semua yang telah dibiarkan hidup kerana kamu lebih soleh daripada mereka, tidakkah kamu akan kembali kepada-Ku sekarang, dan bertaubat dari dosadodamu, dan bertukar hati, agar Aku boleh menyembuhkanmu?

14 Ya, sesungguhnya Aku berkata kepadamu, jika kamu akan datang kepada-Ku kamu akan memperoleh kehidupan kekal. Lihatlah, tangan belas kasihan-Ku dihulurkan kepadamu, dan sesiapa yang akan datang, dia akan Aku terima; dan diberkatilah mereka yang datang kepada-Ku.

15 Lihatlah, Akulah Yesus Kristus Putera Tuhan. Aku menciptakan langit dan bumi, dan segala sesuatu yang ada di dalamnya. Aku

berada bersama Bapa sejak dari permulaan. Aku berada di dalam Bapa, dan Bapa di dalam Aku; dan di dalam Akulah Bapa telah memuliakan nama-Nya.

16 Aku datang kepada umat milik-Ku, dan umat milik-Ku tidak menerima-Ku. Dan tulisan suci tentang kedatangan-Ku sudah digenapi.

17 Dan seberapa banyak yang telah menerima Aku, kepada merekalah telah Aku benarkan untuk menjadi anak-anak Tuhan; dan bahkan demikianlah juga akan Aku benarkan kepada seberapa banyak yang akan percaya kepada nama-Ku, kerana lihatlah, melalui Aku penebusan datang, dan di dalam Aku hukum Musa telah digenapi.

18 Akulah cahaya dan hidup dunia ini. Akulah Alfa dan Omega, yang awal dan yang akhir.

19 Dan kamu akan mempersembahkan kepada-Ku bukan lagi penumpahan darah; ya, korban-korbanmu dan korban pembakaranmu akan ditamatkan, kerana Aku tidak akan menerima korban-korbanmu dan korban pembakaranmu.

20 Dan kamu akan mempersembahkan sebagai korban kepada-Ku sebuah hati yang hancur dan roh yang menyesal. Dan sesiapa yang datang kepada-Ku dengan sebuah hati yang hancur dan roh yang menyesal, dialah akan Aku baptiskan dengan api dan dengan Roh Kudus, bahkan seperti bangsa Laman, kerana iman mereka kepada-Ku

pada waktu pertukaran hati mereka, telah dibaptiskan dengan api dan dengan Roh Kudus, dan mereka tidak mengetahuinya.

21 Lihatlah, Aku telah datang ke dunia ini untuk mendatangkan penebusan kepada dunia, untuk menyelamatkan dunia dari dosa.

22 Oleh itu, sesiapa yang bertaubat dan datang kepada-Ku seperti seorang anak kecil, dialah yang akan Aku terima, kerana demikianlah kerajaan Tuhan. Lihatlah, untuk yang demikianlah telah Aku serahkan nyawa-Ku, dan telah mengambilnya kembali; oleh itu bertaubatlah, dan datanglah kepada-Ku kamu di seluruh penghujung bumi ini, dan diselamatkanlah.

BAB 10

Terdapat kesunyian di negeri itu selama berjam-jam—Suara Kristus berjanji untuk mengumpulkan umat-Nya seperti ayam betina yang mengumpulkan anak-anaknya—Golongan orang yang lebih soleh telah dilindungi. Kira-kira 34–35 tahun M.

DAN sekarang, lihatlah, terjadilah bahawa semua orang di negeri itu telah mendengar perkataan ini, dan bersaksi tentangnya. Dan selepas perkataan ini terdapat kesunyian di negeri itu untuk tempoh waktu berjam-jam;

2 Kerana begitu besarnya kepegunatan orang ramai sehingga mereka berhenti meratap dan meraung kerana kehilangan saudara

mereka yang telah terbunuh; oleh itu terdapat kesunyian di seluruh negeri itu selama berjam-jam.

3 Dan terjadilah bahawa datang lagi sebuah suara kepada orang ramai, dan semua orang mendengar, dan bersaksi tentangnya, mengatakan:

4 Wahai kamu orang dari kota-kota besar ini yang telah roboh, yang merupakan keturunan Yakub, ya, iaitu dari bani Israel, betapa seringnya Aku telah mengumpulkan kamu seperti ayam betina mengumpulkan anak-anaknya di bawah sayapnya, dan telah memelihara kamu.

5 Dan lagi, betapa seringnya Aku akan mengumpulkan kamu seperti ayam betina mengumpulkan anak-anaknya di bawah sayapnya, ya, Wahai kamu orang bani Israel, yang telah terbunuh; ya, Wahai kamu orang bani Israel, kamu yang tinggal di Yerusalem, juga seperti kamu yang telah terbunuh; ya, betapa seringnya Aku akan mengumpulkan kamu seperti ayam betina mengumpulkan anak-anaknya, dan kamu tidak mahu.

6 Wahai kamu bani Israel yang telah Aku biarkan hidup, betapa seringnya Aku akan mengumpulkan kamu seperti ayam betina mengumpulkan anak-anaknya di bawah sayapnya, jika kamu mahu bertaubat dan kembali kepada-Ku dengan sepenuh hatimu.

7 Tetapi jika tidak, Wahai bani Israel, tempat-tempat kediamanmu akan menjadi terbiar sehingga tiba

waktu apabila perjanjian dengan nenek moyangmu digenapi.

8 Dan sekarang, terjadilah bahawa setelah orang ramai mendengar perkataan ini, lihatlah, mereka mula menangis dan meraung lagi kerana kehilangan saudara dan teman-teman mereka.

9 Dan terjadilah bahawa demikianlah tiga hari itu berlalu. Dan terjadilah pada waktu pagi, dan kegelapan menghilang dari permukaan negeri itu, dan bumi berhenti bergegar, dan batu-batan berhenti terbelah, dan rintihan yang mengerikan telah berhenti, dan semua bunyi yang gamat telah berlalu.

10 Dan tanah bumi bersatu kembali, dan teguh; dan perkabungan, dan tangisan, dan ratapan orang yang dibiarkan hidup itu berhenti; dan perkabungan mereka bertukar menjadi kebahagiaan, dan ratapan mereka menjadi pujian dan kesyukuran kepada Tuhan Yesus Kristus, Penebus mereka.

11 Dan sejauh inilah tulisan suci telah digenapi seperti yang telah diucapkan oleh para nabi.

12 Dan golongan orang yang lebih soleh inilah yang diselamatkan, dan merekalah yang menerima para nabi dan tidak merejam mereka; dan merekalah yang tidak menumpahkan darah para orang suci, yang telah dibiarkan hidup—

13 Dan mereka dibiarkan hidup dan tidak tenggelam dan terkubur di dalam tanah; dan mereka tidak lemas di dasar laut; dan mereka tidak terbakar oleh api, tidak juga

mereka ditimbus dan dihancurkan sehingga mati; dan mereka tidak dibawa pergi ke dalam puting beliung; tidak juga mereka dikuasai oleh kabut asap dan kegelapan.

14 Dan sekarang, sesiapa yang membaca, biarlah dia memahami; dia yang memiliki tulisan suci, biarlah dia menyelidikinya, dan menyaksikan dan melihat jikalau semua kematian dan kehancuran oleh api, dan oleh asap, dan oleh angin ribut, dan oleh puting beliung, dan oleh pembelahan tanah untuk menerima mereka ini, dan segala hal ini bukanlah untuk menggenapi nubuat-nubuat daripada banyak nabi kudus.

15 Lihatlah, aku berkata kepadamu, Ya, banyak yang telah bersaksi tentang hal-hal ini pada kedatangan Kristus, dan telah dibunuh kerana mereka bersaksi tentang hal-hal ini.

16 Ya, Nabi Zenos bersaksi tentang hal-hal ini, dan juga Zenok berbicara tentang hal-hal ini, kerana mereka bersaksi secara khususnya tentang kami, yang merupakan sisa keturunan mereka.

17 Lihatlah, bapa kita Yakub juga bersaksi tentang sisa keturunan Yusuf. Dan lihatlah, bukankah kita merupakan sisa keturunan Yusuf? Dan hal-hal ini yang bersaksi tentang kita, tidakkah ianya tertulis di atas kepingan-kepingan loyang yang dibawa oleh bapa kita Lehi dari Yerusalem?

18 Dan terjadilah bahawa pada akhir tahun ketiga puluh empat, lihatlah, aku akan memperlihatkan

kepadamu bahawa bangsa Nefi yang dibiarkan hidup itu, dan juga mereka yang dipanggil bangsa Laman, yang telah dibiarkan hidup, telah ditunjukkan kepada mereka kemurahan hati yang besar, dan berkat-berkat yang besar dicurahkan ke atas kepala mereka, sedemikian rupa sehingga tidak lama selepas kenaikan Kristus ke syurga Dia benar-benar telah menyatakan diri-Nya kepada mereka—

19 Memperlihatkan tubuh-Nya kepada mereka, dan melayani mereka; dan sebuah laporan tentang pelayanan-Nya akan diberikan selepas ini. Oleh itu buat sementara waktu ini aku mengakhiri perkataanku.

Yesus Kristus telah menunjukkan diri-Nya kepada Bangsa Nefi, sesama orang ramai itu berkumpul di tanah Kelimpahan, dan telah melayani mereka; dalam cara ini dia menunjukkan diri-Nya kepada mereka.

Meliputi bab 11 sehingga 26.

BAB 11

Bapa bersaksi tentang Putera yang Dikasihi-Nya—Kristus menampakkan diri dan mengisytiharkan korban tebusan-Nya—Orang ramai meraba tanda luka pada tangan dan kaki dan sisi-Nya—Mereka berseru Hosana—Dia menyatakan aturan dan cara pembaptisan—Semangat pertikaian

adalah daripada iblis—Ajaran Kristus adalah bahawa manusia hendaklah percaya dan dibaptiskan dan menerima Roh Kudus. Kira-kira 34 tahun M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa terdapat ramai orang berkumpul bersama, iaitu bangsa Nefi, di sekitar bait suci yang berada di negeri Kelimpahan; dan mereka takjub dan tertanya-tanya di antara satu sama lain, dan menunjukkan antara satu sama lain perubahan besar dan menakjubkan yang telah terjadi.

2 Dan mereka juga bercakap-cakap tentang Yesus Kristus ini, iaitu tentang-Nya tanda telah diberikan berkaitan dengan kematian-Nya.

3 Dan terjadilah bahawa sedang mereka bercakap-cakap antara satu sama lain, mereka mendengar suatu suara yang seolah-olahnya datang dari langit; dan mereka mengarahkan mata mereka ke sekeliling, kerana mereka tidak memahami suara yang mereka dengar; dan ia bukanlah suara yang kasar, bukan juga suara yang kuat; walau bagaimanapun, meskipun ianya adalah suara yang kecil ia menusuk mereka yang mendengar ke lubuk hati, sedemikian rupa sehingga tidak ada sebahagian pun daripada raga mereka yang tidak menggeletar disebabkan; ya, ia menusuk mereka sehingga ke dalam jiwa, dan menyebabkan hati mereka membara.

4 Dan terjadilah bahawa sekali lagi mereka mendengar suara itu, dan mereka tidak memahaminya.

5 Dan sekali lagi pada ketiga kalinya mereka mendengar suara itu, dan membuka telinga mereka untuk mendengarnya; dan mata mereka diarahkan pada suara itu; dan mereka memandang dengan tabah ke langit, dari mana arah suara itu datang.

6 Dan lihatlah, pada kali ketiga mereka memahami suara yang mereka dengar itu; dan ia berkata kepada mereka:

7 Lihatlah Puteraku yang Kuka-sihi, kepada-Nyalah Aku sangat berkenan, di dalam-Nyalah Aku telah memuliakan nama-Ku—dengarkanlah Dia.

8 Dan terjadilah, apabila mereka memahami mereka mengarahkan mata mereka ke langit sekali lagi; dan lihatlah, mereka melihat seorang Lelaki turun dari langit; dan Dia berpakaian jubah putih; dan Dia turun dan berdiri di tengah-tengah mereka; dan mata semua orang ramai ditumpukan kepada-Nya, dan mereka tidak berani membuka mulut mereka, bahkan di antara satu sama lain, dan tidak mengetahui apakah maksudnya itu, kerana mereka menyangka seorang malaikatlah yang telah menampakkan diri kepada mereka.

9 Dan terjadilah bahawa Dia menghulurkan tangan-Nya dan berfirman kepada orang ramai, memfirmankan:

10 Lihatlah, Akulah Yesus Kristus, yang telah para nabi bersaksi akan datang ke dunia.

11 Dan lihatlah, Akulah cahaya

dan kehidupan dunia; dan Aku telah minum dari cawan pahit yang telah Bapa berikan kepada-Ku, dan telah memuliakan Bapa dengan mengambil ke atas diri-Ku dosa-dosa dunia, yang mana di dalamnya Aku telah menurut kehendak Bapa dalam segala hal sejak dari permulaan.

12 Dan terjadilah bahawa ketika Yesus telah memfirmankan firman ini semua orang ramai tersebut jatuh ke atas tanah; kerana mereka teringat bahawa telah dinubuatkan di kalangan mereka bahawa Kristus akan memperlihatkan diri-Nya kepada mereka setelah kenaikan-Nya ke syurga.

13 Dan terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepada mereka memfirmankan:

14 Bangunlah dan datanglah kepada-Ku, agar kamu boleh meletakkan tanganmu ke sisi-Ku, dan juga agar kamu boleh merasakan bekas paku pada tangan-Ku dan pada kaki-Ku, agar kamu boleh tahu bahawa Akulah Tuhan Israel, dan Tuhan seluruh bumi, dan telah dibunuh demi dosa-dosa dunia.

15 Dan terjadilah bahawa orang ramai itu maju, dan meletakkan tangan mereka pada sisi-Nya dan merasakan bekas paku pada tangan-Nya dan pada kaki-Nya; dan inilah yang mereka telah lakukan, datang satu demi satu sehingga mereka semua telah datang ke hadapan, dan melihat dengan mata mereka dan merasakan dengan tangan mereka, dan mengetahui dengan suatu kepastian dan

memberikan kesaksian, bahawa itulah Dia, yang tentangnya telah ditulis oleh para nabi, yang akan datang.

16 Dan apabila mereka semua telah datang ke hadapan dan telah menyaksikannya bagi diri mereka sendiri, mereka berseru dengan serentak, mengatakan:

17 Hosana! Terpujilah nama Tuhan Yang Maha Tinggi! Dan mereka merebahkan diri pada kaki Yesus, dan menyembah-Nya.

18 Dan terjadilah bahawa Dia berbicara kepada Nefi (kerana Nefi berada di antara orang ramai tersebut) dan Dia memerintahkannya agar dia harus tampil ke hadapan.

19 Dan Nefi bangun dan tampil ke hadapan, dan membongkokkan dirinya di hadapan Tuhan dan mencium kaki-Nya.

20 Dan Tuhan memerintahkannya agar dia harus bangun. Dan dia bangun dan berdiri di hadapan-Nya.

21 Dan Tuhan berfirman kepadanya: Aku memberikan kepadamu kuasa agar kamu akan membaptiskan orang ini apabila Aku naik ke syurga lagi.

22 Dan lagi Tuhan memanggil yang lain, dan berfirman kepada mereka yang sama juga; dan Dia memberikan kepada mereka kuasa untuk membaptis. Dan Dia berfirman kepada mereka: Dengan cara inilah kamu harus membaptis, dan tidak harus ada perselisihan di antara kamu.

23 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa sesiapa yang

bertaubat di atas dosa-dosanya melalui perkataanmu, dan berhasrat untuk dibaptiskan di dalam nama-Ku, dengan cara inilah kamu harus membaptiskan mereka—Lihatlah, kamu akan turun dan berdiri di dalam air, dan di dalam nama-Ku kamu harus membaptiskan mereka.

24 Dan sekarang lihatlah, inilah perkataan yang harus kamu katakan, memanggil nama mereka, mengatakan:

25 Dengan wewenang yang diberikan kepadaku oleh Yesus Kristus, aku membaptiskan engkau di dalam nama Bapa, dan Putera, dan Roh Kudus. Amin.

26 Dan kemudian kamu haruslah mencelupkan mereka ke dalam air, dan keluar semula dari dalam air.

27 Dan menurut cara ini kamu harus membaptis di dalam nama-Ku; kerana lihatlah, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa Bapa, dan Putera, dan Roh Kudus ialah satu; dan Aku berada di dalam Bapa, dan Bapa di dalam Aku, dan Bapa dan Aku ialah satu.

28 Dan seperti yang telah Aku perintahkan kepadamu demikianlah kamu akan membaptis. Dan tidak akan ada perselisihan di antara kamu, seperti yang sudah ada sehingga sekarang; jangan juga ada perselisihan di antara kamu tentang pokok-pokok ajaran-Ku, seperti yang sudah ada sehingga sekarang.

29 Kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, dia yang memiliki semangat pertikaian

bukanlah daripada-Ku, tetapi daripada iblis, yang merupakan bapa pertikaian, dan dia menghasut hati manusia untuk bertikai dengan kemarahan, antara satu sama lain.

30 Lihatlah, ini bukanlah ajaran-Ku, untuk menghasut hati manusia dengan kemarahan, antara satu sama lain; tetapi inilah ajaran-Ku, bahawa hal-hal seperti itu haruslah dihentikan.

31 Lihatlah, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Aku akan memaklumkan kepadamu ajaran-Ku.

32 Dan inilah ajaran-Ku, dan inilah ajaran yang telah Bapa berikan kepada-Ku; dan Aku memberikan kesaksian tentang Bapa, dan Bapa memberikan kesaksian tentang Aku, dan Roh Kudus memberikan kesaksian tentang Bapa dan Aku; dan Aku memberikan kesaksian bahawa Bapa memerintahkan semua manusia, di mana-mana pun, untuk bertaubat dan percaya kepada-Ku.

33 Dan sesiapa yang percaya kepada-Ku, dan dibaptiskan, merekalah yang akan diselamatkan; dan merekalah orang yang akan mewarisi kerajaan Tuhan.

34 Dan sesiapa yang tidak percaya kepada-Ku, dan tidak dibaptiskan, akan dilaknati.

35 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa ini adalah ajaran-Ku, dan Aku memberikan kesaksian tentangnya daripada Bapa; dan sesiapa yang percaya kepada-Ku percaya kepada Bapa juga; dan kepadanya

Bapa akan memberikan kesaksian tentang Aku, kerana Dia akan mengunjunginya dengan api dan dengan Roh Kudus.

36 Dan demikianlah Bapa akan memberikan kesaksian tentang Aku, dan Roh Kudus akan memberikan kesaksian kepadanya tentang Bapa dan Aku; kerana Bapa, dan Aku, dan Roh Kudus ialah satu.

37 Dan lagi Aku berkata kepadamu, kamu mesti bertaubat, dan menjadi seperti anak kecil, dan dibaptiskan dalam nama-Ku, atau kamu tidak akan sekali-kali dapat menerima semuanya ini.

38 Dan lagi Aku berfirman kepadamu, kamu mesti bertaubat, dan dibaptiskan di dalam nama-Ku, dan menjadi seperti anak kecil, atau kamu tidak akan sekali-kali dapat mewarisi kerajaan Tuhan.

39 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa inilah ajaran-Ku, dan sesiapa yang membangun di atasnya membangun di atas batu-Ku, dan pintu-pintu gerbang neraka tidak akan berjaya menentang mereka.

40 Dan sesiapa yang akan memaklumkan lebih atau kurang daripada ini, dan menegakkannya sebagai ajaran-Ku, merekalah yang berasal daripada iblis, dan tidak dibangunkan di atas batu-Ku; tetapi dia membangun di atas landasan pasir, dan pintu-pintu gerbang neraka tegak terbuka untuk menerima orang yang sedemikian apabila banjir datang dan angin melanda mereka.

41 Oleh itu, pergilah kepada bangsa ini, dan maklumkanlah firman yang telah Aku firmankan, ke setiap hujung bumi.

BAB 12

Yesus memanggil dan memberi wewenang kepada Dua Belas—Dia menyampaikan kepada bangsa Nefi khutbah yang serupa dengan Khutbah di Bukit—Dia memfirmankan Ucapan Bahagia—Ajaran-ajaran-Nya mengatasi dan lebih utama daripada hukum Musa—Manusia diperintahkan untuk menjadi sempurna bahkan seperti Dia dan Bapa-Nya adalah sempurna—Bandingkan dengan Matius 5. Kira-kira 34 tahun M.

DAN terjadilah bahawa apabila Yesus telah memfirmankan perkataan ini kepada Nefi, dan kepada mereka yang telah dipanggil, (sekarang, jumlah mereka yang telah dipanggil, dan menerima kuasa dan wewenang untuk membaptis, adalah dua belas) dan lihatlah, Dia menghulurkan tangan-Nya kepada orang ramai, dan berseru kepada mereka, memfirmankan: Diberkatilah kamu jika kamu akan mendengarkan perkataan daripada dua belas orang ini yang telah Aku pilih dari kalangan kamu untuk melayanimu, dan untuk menjadi orang suruhanmu; dan kepada mereka telah Aku berikan kuasa agar mereka boleh membaptiskanmu dengan air; dan setelah kamu dibaptiskan dengan air, lihatlah, Aku akan

membaptiskanmu dengan api dan dengan Roh Kudus; oleh itu diberkatilah kamu jika kamu akan percaya kepada-Ku dan dibaptiskan, setelah kamu melihat-Ku dan tahu bahawa Aku ada.

2 Dan lagi, lebih diberkatilah mereka yang akan percaya pada perkataanmu kerana kamu akan bersaksi bahawa kamu telah melihat-Ku, dan bahawa kamu tahu bahawa Aku ada. Ya, diberkatilah mereka yang akan percaya pada perkataanmu, dan turun ke dalam dasar kerendahan hati dan dibaptiskan, kerana mereka akan dikunjungi dengan api dan dengan Roh Kudus, dan akan menerima pengampunan akan dosa-dosa mereka.

3 Ya, diberkatilah yang miskin di dalam roh yang datang kepada-Ku, kerana milik merekalah kerajaan Syurga.

4 Dan lagi, diberkatilah mereka semua yang berkabung, kerana mereka akan dihiburkan.

5 Dan diberkatilah yang lembut hati, kerana mereka akan mewarisi bumi.

6 Dan diberkatilah mereka semua yang lapar dan haus terhadap kesolehan, kerana mereka akan dipenuhi dengan Roh Kudus.

7 Dan diberkatilah mereka yang penuh belas kasihan, kerana mereka akan mendapatkan belas kasihan.

8 Dan diberkatilah semua yang suci hatinya, kerana mereka akan melihat Tuhan.

9 Dan diberkatilah semua

pendamai, kerana mereka akan dipanggil anak-anak Tuhan.

10 Dan diberkatilah mereka semua yang dianiaya demi kepentingan nama-Ku, kerana milik merekalah kerajaan syurga.

11 Dan diberkatilah kamu apabila orang akan mencaci kamu dan menganiaya, dan akan mengatakan bermacam-macam kejahatan palsu terhadapmu, demi kepentingan-Ku;

12 Kerana kamu akan merasakan kebahagiaan yang besar dan menjadi amat gembira, kerana besarlah ganjaranmu di syurga; kerana begitu juga mereka menganiaya para nabi yang ada sebelum kamu.

13 Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Aku memerintahkanmu untuk menjadi garam bagi bumi; tetapi jika garam itu akan kehilangan rasanya dengan apakah bumi akan digarami? Maka garam itu tidak lagi berguna untuk apa pun, kecuali untuk dibuang dan untuk dipijak-pijak di bawah kaki manusia.

14 Sesungguh-sungguhnya, Aku berkata kepadamu, Aku memerintahkanmu untuk menjadi cahaya kepada bangsa ini. Sebuah kota yang terletak di atas bukit tidak dapat disembunyikan.

15 Lihatlah, adakah orang menyalakan lilin dan meletakkannya di bawah gantang? Tidak, tetapi di atas kaki lilin, dan ia menerangi semua yang ada di dalam rumah itu;

16 Oleh itu biarlah cahayamu bersinar sedemikian di hadapan bangsa ini, agar mereka boleh

melihat pekerjaan baikmu dan memuliakan Bapamu yang berada di dalam syurga.

17 Janganlah berfikir bahawa Aku datang untuk menghancurkan hukum atau para nabi. Aku tidak datang untuk menghancurkan tetapi untuk menggenapi;

18 Kerana sesungguhnya Aku berkata kepadamu, satu titik atau satu noktah pun tidak berlalu dari hukum itu, tetapi di dalam Aku semuanya telah digenapi.

19 Dan lihatlah, Aku telah memberikan kepadamu hukum dan perintah-perintah Bapa-Ku, agar kamu akan percaya kepada-Ku, dan agar kamu akan bertaubat dari dosa-dosamu, dan datang kepada-Ku dengan hati yang hancur dan roh yang menyesal. Lihatlah, kamu memiliki perintah-perintah di hadapanmu, dan hukum itu telah digenapi.

20 Oleh itu datanglah kepada-Ku dan diselamatkanlah kamu; kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa kecuali kamu akan mentaati perintah-perintah-Ku, yang telah Aku perintahkan kepadamu pada waktu ini, kamu sama sekali tidak akan masuk ke dalam kerajaan syurga.

21 Kamu telah mendengar bahawa telah dikatakan oleh mereka pada zaman dahulu, dan juga tertulis di hadapanmu, bahawa janganlah engkau membunuh, dan sesiapa yang membunuh akan berada dalam bahaya penghakiman Tuhan;

22 Tetapi Aku berfirman kepa-

damu, bahawa sesiapa yang marah terhadap saudaranya akan berada dalam bahaya penghakiman-Nya. Dan sesiapa yang berkata kepada saudaranya, Jahil, akan berada dalam bahaya dari majlis agama; dan sesiapa yang berkata, Engkau bodoh, akan berada dalam bahaya api neraka.

23 Oleh itu, jika kamu akan datang kepada-Ku, atau berhasrat untuk datang kepada-Ku, dan mengingati bahawa saudaramu mempunyai tentangan terhadapmu—

24 Pergilah kepada saudaramu, dan terlebih dahulu berdamailah dengan saudaramu, dan kemudian datanglah kepada-Ku dengan niat hati yang sepenuhnya, dan Aku akan menerimamu.

25 Berdamailah dengan lawanmu secepatnya semasa kamu berada di jalan bersama dengannya, agar jangan pada bila-bila masa dia akan mendapatkanmu, dan engkau akan dilemparkan ke dalam penjara.

26 Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, engkau dengan cara apa pun tidak akan keluar dari sana sehingga engkau telah membayar senain terakhir. Dan selama kamu berada di dalam penjara dapatkah kamu membayar bahkan satu senain? Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Tidak.

27 Lihatlah, telah dituliskan oleh mereka dari zaman dahulu, bahawa janganlah engkau berbuat zina;

28 Tetapi Aku berfirman kepadamu, bahawa sesiapa yang memandang seorang wanita, untuk bernafsu terhadapnya, telah berbuat zina dalam hatinya.

29 Lihatlah, Aku memberi kepadamu sebuah perintah, agar kamu jangan membiarkan satu pun hal-hal ini masuk ke dalam hatimu;

30 Kerana adalah lebih baik bahawa kamu harus menjauhi hal-hal ini daripada dirimu, dengan demikian kamu akan memikul salibmu, daripada kamu dilemparkan ke dalam neraka.

31 Telah tertulis, bahawa sesiapa yang akan menceraikan isterinya, biarlah dia memberinya surat perceraian.

32 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa sesiapa yang akan menceraikan isterinya, kecuali atas sebab permukaan, menyebabkan isterinya berbuat zina; dan sesiapa yang menahwininya yang telah bercerai itu juga berbuat zina.

33 Dan lagi tertulis, janganlah engkau bersumpah palsu bagi dirimu, tetapi laksanakanlah kepada Tuhan sumpah-sumpahmu;

34 Tetapi sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, janganlah bersumpah sama sekali; jangan juga demi syurga, kerana ia adalah takhta Tuhan;

35 Mahupun demi bumi, kerana ia adalah bangku kaki-Nya;

36 Jangan juga engkau bersumpah demi kepalamu, kerana engkau tidak dapat menjadikan

sehelai rambut menjadi hitam atau putih;

37 Tetapi biarlah perkataanmu Ya, ya; Tidak, tidak; kerana apa pun yang lebih daripada ini adalah jahat.

38 Dan lihatlah, ianya tertulis, mata ganti mata, dan gigi ganti gigi;

39 Tetapi Aku berfirman kepadamu, bahawa janganlah kamu melawan yang jahat, tetapi sesiapa akan menampar pipi kananmu, palingkanlah kepadanya yang sebelah juga;

40 Dan jika sesiapa pun akan mendakwa engkau menurut hukum dan mengambil bajumu, biarlah dia memiliki jubahmu juga;

41 Dan sesiapa yang akan memaksa engkau untuk pergi sejauh satu batu, pergilah bersamanya dua batu.

42 Berilah kepada dia yang meminta kepadamu, dan dia yang hendak meminjam daripadamu janganlah engkau berpaling daripadanya.

43 Dan lihatlah ada tertulis juga, bahawa engkau haruslah mengasihinya sesamamu dan membenci musuhmu;

44 Tetapi lihatlah Aku berfirman kepadamu, kasihilah musuh-musuhmu, berkatilah mereka yang mengutukmu, berbuat baiklah kepada mereka yang membencimu, dan berdoalah bagi mereka yang mempergunakanmu dan menganiayaimu;

45 Agar kamu boleh menjadi anak-anak Bapamu yang berada di

dalam syurga; kerana Dia menjadikan matahari-Nya terbit kepada yang jahat dan kepada yang baik.

46 Oleh itu hal-hal dari zaman dahulu itu, yang berada di bawah hukum tersebut, di dalam Aku semuanya telah digenapi.

47 Hal-hal yang lama telah diakhiri, dan semua hal telah menjadi baru.

48 Oleh itu Aku menghendaki agar kamu haruslah menjadi sempurna bahkan seperti Aku, atau Bapamu yang berada di dalam syurga yang sempurna.

BAB 13

Yesus mengajarkan bangsa Nefi Doa Tuhan—Mereka harus menyimpan harta di syurga—Dua Belas diperintahkan untuk tidak memikirkan hal-hal duniawi dalam pelayanan mereka—Bandingkan dengan Matius 6. Kira-kira 34 tahun M.

SESUNGGUH-SUNGGUHNYA, Aku berfirman bahawa Aku menginginkan agar kamu harus memberikan sedekah kepada yang miskin; tetapi berjaga-jagalah agar kamu tidak melakukan sedekahmu di hadapan orang untuk dilihat oleh mereka; jika tidak kamu tidak memperoleh ganjaran daripada Bapamu yang berada di dalam syurga.

2 Oleh itu, apabila kamu akan memberikan sedekahmu janganlah membunyikan sangkakala di hadapanmu, seperti yang orang munafik akan lakukan di

saumaah-saumaah dan di jalanan, agar mereka boleh memperoleh kepujian manusia. Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, mereka mempunyai ganjaran mereka.

3 Tetapi apabila kamu memberikan sedekah janganlah biarkan tangan kirimu mengetahui apa yang tangan kananmu lakukan;

4 Agar sedekahmu adalah tersembunyi; dan Bapamu yang melihat apa yang tersembunyi, Dia sendiri akan memberi engkau ganjaran secara terbuka.

5 Dan apabila engkau berdoa janganlah engkau berdoa seperti orang munafik, kerana mereka suka berdoa, berdiri di dalam saumaah-saumaah dan di selekoh jalanan, agar mereka boleh dilihat oleh orang lain. Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, mereka mempunyai ganjaran mereka.

6 Tetapi engkau, apabila engkau berdoa, masuklah ke dalam bilikmu, dan apabila engkau telah menutup pintumu, berdoalah kepada Bapamu yang tersembunyi; dan Bapamu, yang melihat apa yang tersembunyi, akan memberi engkau ganjaran secara terbuka.

7 Tetapi apabila kamu berdoa, janganlah mengucapkan pengu-langan yang sia-sia, seperti orang kafir, kerana mereka berfikir bahawa mereka akan didengari kerana pengucapan mereka yang banyak.

8 Janganlah kamu menjadi seperti mereka, kerana Bapamu mengetahui hal-hal yang kamu

perluukan sebelum kamu meminta kepada-Nya.

9 Dengan cara inilah kamu harus berdoa: Bapa kami yang berada di dalam syurga, dikuduskanlah nama-Mu.

10 Terjadilah Kehendak-Mu di atas bumi seperti di dalam syurga.

11 Dan ampunilah dosa-dosa kami, seperti kami mengampuni yang berdosa kepada kami.

12 Dan janganlah menuntun kami ke dalam godaan, tetapi bebaskanlah kami daripada yang jahat.

13 Kerana milik-Mulah kerajaan, dan kuasa, dan kemuliaan, selamanya. Amin.

14 Kerana, jika kamu mengampuni pelanggaran orang lain Bapa syurgawimu juga akan mengampunimu;

15 Tetapi jika kamu tidak mengampuni pelanggaran orang lain Bapamu juga tidak akan mengampuni pelanggaranmu.

16 Tambahan pula, apabila kamu berpuasa janganlah seperti orang munafik, berwajah sedih, kerana mereka memuramkan muka agar mereka boleh dilihat sedang berpuasa oleh orang lain. Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, mereka mempunyai ganjaran mereka.

17 Tetapi engkau, apabila engkau berpuasa, urapilah kepalamu, dan basuhlah mukamu;

18 Agar engkau tidak kelihatan sedang berpuasa oleh orang lain, tetapi kepada Bapamu, yang tersembunyi; dan Bapamu yang melihat apa yang tersembunyi,

akan memberimu ganjaran secara terbuka.

19 Janganlah menyimpan bagi dirimu harta-harta di atas bumi, di mana rama-rama dan karat dapat merosakkan, dan pencuri dapat memecah masuk dan mencuri;

20 Tetapi simpanlah bagi dirimu harta-harta di dalam syurga, di mana tiada rama-rama dan karat dapat merosakkan, dan di mana pencuri tidak dapat memecah masuk dan juga mencuri.

21 Kerana di mana hartamu berada, di sanalah juga hatimu akan berada.

22 Cahaya tubuh adalah mata; jika, oleh itu, tumpuan matamu hanya satu, seluruh tubuhmu akan dipenuhi dengan cahaya.

23 Tetapi jika matamu adalah jahat, seluruh tubuhmu akan dipenuhi dengan kegelapan. Jika, oleh itu, cahaya yang ada di dalam dirimu menjadi kegelapan, betapa hebatnya kegelapan itu!

24 Tidak seorang pun dapat melayani dua orang tuan; kerana sama ada dia akan membenci yang satu dan mengasihi yang seorang lagi, atau dia akan berpegang kepada yang satu dan membenci yang seorang lagi. Kamu tidak dapat melayani Tuhan dan Mamon.

25 Dan sekarang, terjadilah bahawa apabila Yesus telah memfirmankan firman ini Dia memandang kepada dua belas orang yang telah Dia pilih, dan berfirman kepada mereka: Ingatlah firman yang telah Aku firmankan. Kerana lihatlah, kamulah mereka

yang telah Aku pilih untuk melayani bangsa ini. Oleh itu Aku berfirman kepadamu, janganlah khuatir tentang hidupmu, apa yang akan kamu makan, atau apa yang akan kamu minum; dan juga tentang tubuhmu, apa yang harus kamu pakai. Bukankah kehidupan itu lebih daripada makanan, dan tubuh daripada pakaian?

26 Lihatlah burung-burung di udara, mereka tidak menyemai benih, tidak juga menuai dan tidak juga mengumpulkan hasil ke dalam jelang; namun Bapa syurgawimu memberi makan kepada mereka. Tidakkah kamu jauh lebih baik daripada burung-burung itu?

27 Siapakah di antara kamu yang dengan berfikir dapat menambahkan satu hasta pada ketinggian?

28 Dan mengapakah kamu memikirkan tentang pakaian? Perhatikanlah bunga lili di padang bagaimana mereka tumbuh; mereka tidak membanting tulang, mereka juga tidak memintal;

29 Namun Aku berfirman kepadamu, bahawa bahkan Salomo, dalam segala kemuliaannya, tidak dihiasi seperti salah satu daripadanya.

30 Oleh itu, jika Tuhan menyelimuti rumput di padang, seperti hari ini, dan keesokannya dilemparkan ke dalam ketuhar, demikian jugalah Dia akan memakaikan pakaian kepadamu, jika kamu tidak beriman kecil.

31 Oleh itu janganlah bimbang,

mengatakan, Apakah yang akan kami makan? atau, Apakah yang akan kami minum? atau, Dengan apakah kami akan berpakaian?

32 Kerana Bapa syurgawimu tahu bahawa kamu memerlukan semua hal ini.

33 Tetapi carilah kamu kerajaan Tuhan dan kesolehan-Nya terlebih dahulu, dan semua hal ini akan ditambahkan kepadamu.

34 Oleh itu janganlah khuatir tentang hari esok, kerana hari esok akan mengkhawatirkan segala hal secara sendiri. Cukuplah kejahatan untuk sehari itu.

BAB 14

Yesus memerintahkan: Janganlah menghakimi; mintalah kepada Tuhan; berhati-hatilah terhadap para nabi palsu—Dia menjanjikan keselamatan kepada mereka yang melakukan kehendak Bapa—Bandingkan dengan Matius 7. Kira-kira 34 tahun M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa apabila Yesus telah memfirmankan firman ini Dia berpaling lagi kepada orang ramai, dan membuka mulut-Nya kepada mereka lagi, memfirmankan: Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Janganlah menghakimi, agar kamu tidak dihakimi.

2 Kerana dengan penghakiman yang kamu hakimi, kamu akan dihakimi; dan dengan apa pun ukuran yang kamu gunakan, ia akan diukurkan kepadamu kembali.

3 Dan mengapakah engkau melihat selumbar yang ada di dalam mata saudaramu, tetapi tidak sedar akan tiang yang ada di dalam matamu sendiri?

4 Atau bagaimanakah engkau akan berkata kepada saudaramu: Biarlah aku mengeluarkan selumbar dari matamu—dan lihatlah, sebatang tiang ada di dalam matamu sendiri?

5 Engkau orang yang munafik, buanglah terlebih dahulu kayu balak daripada matamu sendiri; dan kemudian engkau akan melihat dengan jelas untuk membuang selumbar daripada mata saudaramu.

6 Janganlah memberikan apa yang kudus kepada anjing, janganlah juga kamu membuang mutiaramu ke hadapan babi, agar jangan ia memijak-mijak di bawah kakinya, dan berpaling kembali dan menyerangmu.

7 Mintalah, dan akan diberikan kepadamu; carilah, dan kamu akan menemui; ketuklah, dan akan dibukakan kepadamu.

8 Kerana setiap orang yang meminta, menerima; dan dia yang mencari, menemui; dan kepada dia yang mengetuk, akan dibukakan.

9 Atau lelaki apakah di kalanganmu, yang, jika anak lelakinya meminta roti, akan memberinya batu?

10 Atau jika dia meminta ikan, adakah dia akan memberinya ular?

11 Maka jika kamu, yang jahat, tahu bagaimana memberi pemberian yang baik kepada anak-

anakmu, betapa lebih lagi Bapamu yang di syurga akan memberikan hal-hal yang baik kepada mereka yang meminta kepada-Nya?

12 Oleh itu, semua hal apa pun yang kamu mahu agar orang lain lakukan kepadamu, kamu lakukanlah sedemikian juga kepada mereka, kerana inilah hukum Taurat dan ajaran para nabi.

13 Masuklah kamu ke dalam pintu gerbang yang kecil; kerana lebarnya pintu gerbang, dan luas jalannya, yang menuju kepada kehancuran, dan terdapat ramai yang masuk ke sana;

14 Kerana kecilnya pintu gerbang, dan sempitnya jalan itu, yang menuju kepada kehidupan, dan terdapat sedikit orang yang menemuinya.

15 Berhati-hatilah terhadap para nabi palsu, yang datang kepadamu dengan menyamar sebagai domba, tetapi di dalamnya mereka ialah serigala yang rakus.

16 Kamu akan mengenali mereka dari buah-buah mereka. Adakah orang mengumpulkan buah anggur dari semak berduri, atau buah ara dari tumbuhan beronak?

17 Demikianlah setiap pokok yang baik menghasilkan buah yang baik; tetapi pokok yang tidak subur menghasilkan buah yang buruk.

18 Pokok yang baik tidak dapat menghasilkan buah yang buruk, dan tidak juga pokok yang tidak subur menghasilkan buah yang baik.

19 Setiap pokok yang tidak

menghasilkan buah yang baik ditebang, dan dilemparkan ke dalam api.

20 Oleh itu, dari buah hasil mereka kamu akan mengenali mereka.

21 Bukan setiap orang yang berkata kepada-Ku, Tuhan, Tuhan, akan masuk ke dalam kerajaan syurga; tetapi dia yang melakukan kehendak Bapa-Ku yang berada di dalam syurga.

22 Banyak yang akan berkata kepada-Ku pada hari itu: Tuhan, Tuhan, bukankah kami telah bernubuat dalam nama-Mu, dan dalam nama-Mu telah mengusir iblis, dan dalam nama-Mu melakukan banyak pekerjaan yang menakjubkan?

23 Dan pada waktu itu Aku akan mengakui kepada mereka: Aku tidak pernah mengenalmu; pergilah daripada-Ku, kamu yang mengerjakan kederhakaan.

24 Oleh itu, sesiapa yang mendengar firman daripada-Ku ini dan melakukannya, Aku akan menyamakan dia dengan lelaki yang bijaksana, yang membangunkan rumahnya di atas batu—

25 Dan hujan turun, dan air banjir datang, dan angin bertiup, dan melanda rumah itu; dan ia tidak roboh, kerana ia didirikan di atas batu.

26 Dan setiap orang yang mendengar firman daripada-Ku ini dan tidak melakukannya akan disamakan dengan orang yang bodoh, yang membangunkan rumahnya di atas pasir—

27 Dan hujan turun, dan air banjir datang, dan angin bertiup, dan melanda rumah itu; dan ia roboh, dan begitu hebatlah robohnya.

BAB 15

Yesus mengumumkan bahawa hukum Musa telah digenapi di dalam Dia—Bangsa Nefi adalah domba lain yang difirmankan oleh-Nya, tentang mereka, di Yerusalem—Disebabkan kederhakaan, umat Tuhan di Yerusalem tidak tahu tentang domba-domba Israel yang tercerai-berai. Kira-kira 34 tahun M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa setelah Yesus mengakhiri firman ini Dia mengarahkan mata-Nya ke sekeliling kepada orang ramai, dan berfirman kepada mereka: Lihatlah, kamu telah mendengar apa yang telah Aku ajarkan sebelum Aku naik kepada Bapa-Ku; oleh itu, sesiapa yang mengingati firman-Ku ini dan melakukannya, dialah yang akan Aku bangkitkan pada hari terakhir.

2 Dan terjadilah bahawa ketika Yesus telah memfirmankan firman ini Dia merasakan bahawa ada sebahagian daripada mereka yang takjub, dan tertanya-tanya tentang apa yang Dia kehendaki berkenaan hukum Musa; kerana mereka tidak memahami firman itu, bahawa hal yang lama telah berlalu, dan bahawa semua hal telah menjadi baru.

3 Dan Dia berfirman kepada mereka: Janganlah takjub bahawa

Aku berfirman kepadamu bahawa hal yang lama telah berlalu, dan bahawa semua hal telah menjadi baru.

4 Lihatlah, Aku berfirman kepadamu bahawa hukum yang telah diberikan kepada Musa itu telah digenapi.

5 Lihatlah, Akulah orang yang telah memberi hukum itu, dan Akulah orang yang membuat perjanjian dengan umat-Ku Israel; oleh itu, hukum itu di dalam Aku telah digenapi, kerana Aku telah datang untuk menggenapi hukum itu; oleh itu, ia sudah berakhir.

6 Lihatlah, Aku tidak menghancurkan para nabi, kerana seberapa banyak yang belum digenapi di dalam Aku, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, semuanya akan digenapi.

7 Dan kerana Aku telah berfirman kepadamu bahawa hal-hal yang lama telah berlalu, Aku tidak menghancurkan apa yang telah dikatakan tentang hal-hal yang akan datang.

8 Kerana lihatlah, perjanjian yang telah Aku buat dengan umat-Ku belumlah semuanya digenapi; tetapi hukum yang telah diberikan kepada Musa sudah berakhir di dalam Aku.

9 Lihatlah, Aku adalah hukum, dan cahaya. Pandanglah kepada-Ku, dan bertahanlah sampai akhir, dan kamu akan hidup; kerana kepada dia yang bertahan sampai akhir akan Aku berikan kehidupan abadi.

10 Lihatlah, Aku telah memberi

kepadamu perintah-perintah; oleh itu taatilah perintah-perintah-Ku. Dan inilah hukum Taurat dan ajaran para nabi, kerana mereka benar-benar bersaksi tentang Aku.

11 Dan sekarang, terjadilah bahawa apabila Yesus telah memfirmankan firman ini, Dia berfirman kepada dua belas orang yang telah dipilih oleh-Nya itu:

12 Kamulah para pengikut-Ku; dan kamu adalah cahaya kepada bangsa ini, yang merupakan sisa keturunan bani Yusuf.

13 Dan lihatlah, inilah tanah warisanmu; dan Bapa telah memberikannya kepadamu.

14 Dan tidak pernah pada bila-bila masa pun Bapa telah memberikan perintah kepada-Ku bahawa Aku harus memberitahunya kepada saudara-saudaramu di Yerusalem.

15 Tidak pernah juga pada bila-bila masa pun Bapa telah memberikan perintah kepada-Ku bahawa Aku seharusnya memberitahu kepada mereka tentang suku-suku bani Israel yang lain, yang telah Bapa tuntun keluar dari negeri itu.

16 Sebanyak inilah yang telah Bapa perintahkan kepada-Ku, bahawa Aku haruslah memberitahukan kepada mereka:

17 Bahawa domba-domba lain yang Aku miliki yang bukan dari kawanan ini; mereka juga mesti Aku bawa, dan mereka akan mendengar suara-Ku; dan akan ada satu kawanan, dan satu gembala.

18 Dan sekarang, kerana kedegilan dan ketidakpercayaan

mereka tidak memahami firman-Ku; oleh itu Aku diperintahkan oleh Bapa untuk tidak lagi berfirman tentang hal ini kepada mereka.

19 Tetapi, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu bahawa Bapa telah memerintahkan-Ku, dan Aku memberitahunya kepadamu, bahawa kamu telah dipisahkan dari kalangan mereka kerana kederhakaan mereka; oleh itu, kederhakaan merekalah yang menjadi sebab mereka tidak tahu tentang kamu.

20 Dan sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu lagi bahawa suku-suku lain telah Bapa pisahkan daripada mereka; dan kederhakaan merekalah yang menjadi sebab mereka tidak tahu tentang mereka.

21 Dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa kamulah mereka yang telah Aku firmankan: Domba-domba lain Aku miliki yang bukan dari kawanan ini; mereka juga mesti Aku bawa, dan mereka akan mendengar suara-Ku; dan akan ada satu kawanan, dan satu gembala.

22 Dan mereka tidak memahami-Ku, kerana mereka menyangka itu adalah bangsa bukan Israel; kerana mereka tidak memahami bahawa bangsa bukan Israel akan ditukarkan hati melalui pengkhotbahannya.

23 Dan mereka tidak memahami-Ku bahawa Aku berfirman bahawa mereka akan mendengar suara-Ku; dan mereka tidak

memahami-Ku bahawa bangsa bukan Israel tidak akan pada bila-bila masa pun mendengar suara-Ku—bahawa Aku tidak akan menyatakan diri-Ku kepada mereka kecuali melalui Roh Kudus.

24 Tetapi lihatlah, kamu telah mendengar suara-Ku, dan juga melihat-Ku; dan kamu adalah domba-domba-Ku, dan kamu dihitung di antara mereka yang telah Bapa berikan kepada-Ku.

BAB 16

Yesus akan mengunjungi domba-domba lain yang hilang dari Israel—Pada zaman akhir Injil akan pergi kepada bangsa bukan Israel dan kemudian kepada bani Israel—Umat Tuhan akan melihat dengan mata sendiri apabila Dia membawa Sion kembali. Kira-kira 34 tahun M.

DAN sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu bahawa Aku memiliki domba-domba lain, yang bukan dari negeri ini, bukan juga di negeri Yerusalem, bukan juga di dalam mana-mana bahagian lain di sekeliling negeri itu yang pernah Aku pergi untuk melayani.

2 Kerana mereka yang Aku sedang firmankan ini ialah mereka yang belum mendengar suara-Ku; Aku belum juga menyatakan diri-Ku kepada mereka pada bila-bila masa pun.

3 Tetapi Aku telah menerima satu perintah daripada Bapa bahawa Aku haruslah pergi kepada

mereka, dan agar mereka akan mendengar suara-Ku, dan akan dihitung di antara domba-domba-Ku, agar terdapatnya satu kawanan dan satu gembala; oleh itu Aku pergi untuk memperlihatkan diri-Ku kepada mereka.

4 Dan Aku memerintahkanmu agar kamu hendaknya menuliskan firman ini setelah Aku pergi, agar jika demikian halnya bahawa umat-Ku di Yerusalem, mereka yang telah melihat-Ku dan berada bersama-Ku dalam pelayanan-Ku, tidak meminta kepada Bapa dalam nama-Ku, agar mereka boleh menerima suatu pengetahuan tentang kamu melalui Roh Kudus, dan juga tentang suku-suku lain yang mereka tidak ketahui, agar firman ini yang akan kamu tuliskan akan disimpan dan akan dinyatakan kepada bangsa bukan Israel, agar melalui kegenapan bangsa bukan Israel, sisa keturunan mereka, yang akan dicerai-beraikan di atas muka bumi kerana ketidakpercayaan mereka, boleh dibawa masuk, atau boleh dibawa pada suatu pengetahuan tentang Aku, Penebus mereka.

5 Dan pada waktu itu Aku akan mengumpulkan mereka dari keempat-empat penjuru bumi; dan pada waktu itu Aku akan menggenapi perjanjian yang telah Bapa buat kepada semua orang daripada bani Israel.

6 Dan diberkatilah bangsa bukan Israel, kerana kepercayaan mereka kepada-Ku, di dalam dan daripada Roh Kudus, yang bersaksi kepada

mereka tentang Aku dan tentang Bapa.

7 Lihatlah, kerana kepercayaan mereka di dalam-Ku, Bapa berfirman, dan kerana ketidakpercayaan kamu, Wahai bani Israel, pada zaman akhir kebenaran akan datang kepada bangsa bukan Israel, sehingga kegenapan hal-hal ini akan diberitahukan kepada mereka.

8 Tetapi celakalah, Bapa berfirman, kepada bangsa bukan Israel yang tidak percaya—kerana walaupun mereka telah datang ke atas permukaan negeri ini, dan telah menceraikan umat-Ku yang merupakan bani Israel; dan umat-Ku yang merupakan dari bani Israel telah diusir dari kalangan mereka, dan telah dipijak-pijak di bawah kaki oleh mereka;

9 Dan kerana belas kasihan Bapa kepada bangsa bukan Israel, dan juga penghakiman Bapa ke atas umat-Ku yang merupakan dari bani Israel, sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa setelah semuanya ini, dan Aku telah menyuruh umat-Ku yang merupakan dari bani Israel untuk dihentam, dan untuk disengsarakan, dan untuk dibunuh, dan untuk diusir dari kalangan mereka, dan untuk dibenci oleh mereka, dan untuk menjadi sindiran dan ejekan di kalangan mereka—

10 Dan demikianlah perintah Bapa bahawa Aku harus berfirman kepadamu: Pada hari itu ketika bangsa bukan Israel akan berdosa

terhadap Injil-Ku, dan akan menolak kegenapan Injil-Ku, dan akan terangkat-angkat di dalam keangkuhan hati mereka melebihi semua bangsa, dan melebihi semua manusia di seluruh bumi, dan akan dipenuhi dengan segala macam dusta, dan penipuan, dan perbuatan jahat, dan segala macam kemunafikan, dan pembunuhan, dan penipuan imam, dan pelacuran, dan kekejian rahsia; dan jika mereka akan melakukan semua hal itu, dan akan menolak kegenapan Injil-Ku, lihatlah, Bapa berfirman, Aku akan membawa kegenapan Injil-Ku dari kalangan mereka.

11 Dan pada waktu itu Aku akan mengingati perjanjian-Ku yang telah Aku buat kepada umat-Ku, Wahai bani Israel, dan Aku akan membawa Injil-Ku kepada mereka.

12 Dan Aku akan memperlhatikan kepadamu, Wahai bani Israel, bahawa bangsa bukan Israel tidak akan memiliki kuasa ke atas dirimu; tetapi Aku akan mengingati perjanjian-Ku kepadamu, Wahai bani Israel, dan kamu akan sampai pada pengetahuan tentang kegenapan Injil-Ku.

13 Tetapi jika bangsa bukan Israel akan bertaubat dan kembali kepada-Ku, Bapa berfirman, lihatlah mereka akan dihitung di antara umat-Ku, Wahai bani Israel.

14 Dan Aku tidak akan membiarkan umat-Ku, yang merupakan dari bani Israel, untuk pergi ke antara mereka, dan memijak-mijak mereka, Bapa berfirman.

15 Tetapi jika mereka tidak akan berpaling kepada-Ku, dan mendengar suara-Ku, Aku akan membiarkan mereka, ya, Aku akan membiarkan umat-Ku, Wahai bani Israel, agar mereka akan pergi ke kalangan mereka, dan akan memijak-mijak mereka, dan mereka akan menjadi seperti garam yang telah kehilangan rasanya, yang tidak berguna lagi untuk apa pun selain dibuang, dan dipijak-pijak di bawah kaki umat-Ku, Wahai bani Israel.

16 Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, demikianlah Bapa telah memerintahkan-Ku—bahawa Aku harus memberi kepada bangsa ini negeri ini untuk warisan mereka.

17 Dan pada waktu itu perkataan Nabi Yesaya akan digenapi, yang berbunyi:

18 Para penjagamu akan mengangkat suara; dengan suara mereka akan menyanyi bersama, kerana mereka akan melihat dengan mata sendiri apabila Tuhan akan membawa Sion kembali.

19 Bersorak-sorailah dalam kebahagiaan, bernyanyilah bersama, kamu tempat-tempat tandus Yerusalem; kerana Tuhan telah menghiburkan umat-Nya, Dia telah menebus Yerusalem.

20 Tuhan telah menunjukkan lengan-Nya yang kudus pada mata semua bangsa; dan seluruh penghujung bumi akan melihat keselamatan daripada Tuhan.

BAB 17

Yesus mengarahkan orang ramai untuk merenungkan firman-firman-Nya dan berdoa untuk pemahaman—Dia menyembuhkan orang mereka yang sakit—Dia berdoa bagi bangsa itu, menggunakan bahasa yang tidak dapat dituliskan—Para malaikat melayani dan api mengelilingi anak-anak kecil mereka. Kira-kira 34 tahun M.

LIHATLAH, sekarang terjadilah bahawa apabila Yesus telah memfirmankan firman ini Dia memandang lagi ke sekeliling kepada orang ramai itu, dan Dia berfirman kepada mereka: Lihatlah, waktu-Ku di depan mata.

2 Aku merasakan bahawa kamu lemah, bahawa kamu tidak dapat memahami semua firman-Ku yang Aku telah diperintahkan oleh Bapa untuk memfirmankan kepadamu pada waktu ini.

3 Oleh itu, kembalilah kamu ke rumah-rumahmu, dan renungkanlah hal-hal yang telah Aku firmankan, dan mintalah kepada Bapa, dalam nama-Ku, agar kamu boleh memahami, dan sediakanlah minda-mindamu untuk keesokan hari, dan Aku datang kepadamu lagi.

4 Tetapi sekarang Aku pergi kepada Bapa, dan juga untuk memperlihatkan diri-Ku kepada suku-suku Israel yang hilang, kerana mereka tidak hilang bagi Bapa, kerana Dia tahu ke mana Dia telah membawa mereka.

5 Dan terjadilah bahawa ketika

Yesus telah berfirman sedemikian, Dia mengarahkan mata-Nya ke sekelilingnya lagi kepada orang ramai, dan melihat mereka sedang berlinangan air mata, dan memandang dengan tabah kepada-Nya seolah-olah mereka hendak meminta-Nya untuk tinggal lebih lama sedikit bersama mereka.

6 Dan Dia berfirman kepada mereka: Lihatlah, hati-Ku dipenuhi dengan rasa kasihan terhadapmu.

7 Adakah sesiapa yang sakit di kalanganmu? Bawalah mereka ke mari. Adakah kamu mempunyai sesiapa pun yang lumpuh, atau buta, atau tempang, atau lumpuh, atau berpenyakit kusta, atau yang mati rasa, atau yang tuli, atau yang sengsara dalam apa cara sekali pun? Bawalah mereka ke mari dan Aku akan menyembuhkan mereka, kerana Aku memiliki rasa kasihan kepadamu; hati-Ku dipenuhi dengan belas kasihan.

8 Kerana aku merasakan bahawa kamu berhasrat agar Aku harus memperlihatkan kepadamu apa yang telah Aku lakukan terhadap saudara-saudaramu di Yerusalem, kerana Aku melihat bahawa imanmu cukup sehingga Aku harus menyembuhkanmu.

9 Dan terjadilah bahawa apabila Dia telah berfirman sedemikian, seluruh orang ramai, dengan serentak, maju bersama orang mereka yang sakit dan yang sengsara, dan yang lumpuh, dan dengan orang buta mereka, dan dengan orang bisu mereka, dan dengan mereka semua yang sengsara

dalam apa cara sekali pun; dan Dia telah menyembuhkan setiap orang daripada mereka apabila mereka dibawa kepada-Nya.

10 Dan mereka semua, baik mereka yang telah disembuhkan mahupun mereka yang sihat, membongkokkan diri pada kaki-Nya, dan menyembah-Nya; dan seberapa banyak yang dapat datang, walaupun orang banyak, dapat mencium kaki-Nya, sedemikian rupa sehingga mereka memandikan kaki-Nya dengan air mata mereka.

11 Dan terjadilah bahawa Dia memerintahkan agar anak-anak kecil mereka harus dibawa.

12 Demikianlah mereka membawa anak-anak kecil mereka dan menempatkan mereka di atas tanah di sekeliling-Nya, dan Yesus berdiri di tengah-tengah; dan orang ramai memberi jalan sehinggalah mereka semua telah dibawa kepada-Nya.

13 Dan terjadilah bahawa apabila mereka semua telah dibawa, dan Yesus berdiri di tengah-tengah, Dia memerintahkan orang ramai agar mereka harus berlutut di atas tanah.

14 Dan terjadilah bahawa apabila mereka telah berlutut di atas tanah, Yesus merintah di dalam diri-Nya, dan berfirman: Bapa, Aku bersusah hati kerana kejahatan orang bani Israel.

15 Dan apabila Dia telah memfirmankan kata-kata ini, Dia sendiri juga berlutut di atas tanah; dan lihatlah Dia berdoa kepada Bapa,

dan apa yang Dia doakan tidak dapat dituliskan, dan orang ramai memberikan kesaksian yang mendengar-Nya.

16 Dan dengan cara inilah mereka memberikan kesaksian: Mata tidak pernah melihat, tidak juga telinga pernah mendengar, sebelum ini, hal-hal yang begitu besar dan menakjubkan seperti yang kami telah melihat dan mendengar Yesus bercakap kepada Bapa;

17 Dan tidak ada lidah yang dapat berkata, tidak juga ada yang dapat dituliskan oleh sesiapa pun, tidak juga hati manusia dapat memahami hal-hal yang begitu besar dan menakjubkan seperti yang kami lihat mahupun dengar Yesus ucapkan; dan tidak seorang pun dapat memahami kebahagiaan yang memenuhi jiwa kami pada waktu kami mendengar Dia berdoa bagi kami kepada Bapa.

18 Dan terjadilah bahawa ketika Yesus telah selesai berdoa kepada Bapa, Dia bangun; tetapi begitu besarnya kebahagiaan orang ramai itu sehingga mereka dikuasai.

19 Dan terjadilah bahawa Yesus berfirman kepada mereka, dan meminta mereka bangun.

20 Dan mereka bangun dari tanah, dan Dia berfirman kepada mereka: Diberkatilah kamu kerana imanmu. Dan sekarang, lihatlah, kebahagiaan-Ku penuh.

21 Dan ketika Dia telah memfirmankan firman ini, Dia menangis, dan orang ramai memberikan kesaksian tentangnya, dan Dia mengambil anak-anak kecil mereka,

satu demi satu, dan memberkati mereka, dan berdoa kepada Bapa untuk mereka.

22 Dan apabila Dia telah melakukan ini Dia menangis lagi;

23 Dan Dia berfirman kepada orang ramai, dan inilah firman-Nya kepada mereka: Lihatlah anak-anak kecilmu.

24 Dan sewaktu mereka memandang untuk melihat mereka mengarahkan mata mereka ke arah langit, dan mereka melihat langit terbuka, dan mereka melihat para malaikat turun dari syurga seakan-akan di tengah-tengah api; dan mereka turun dan mengelilingi anak-anak kecil itu, dan mereka dikelilingi oleh api; dan para malaikat melayani mereka.

25 Dan orang ramai itu melihat dan mendengar dan memberikan kesaksian; dan mereka tahu bahawa kesaksian mereka benar kerana mereka semua melihat dan mendengar, setiap orang bagi dirinya sendiri; dan mereka berjumlah kira-kira dua ribu lima ratus jiwa; dan mereka terdiri daripada para lelaki, wanita, dan anak-anak kecil.

BAB 18

Yesus memulakan sakramen di kalangan bangsa Nefi—Mereka diperintahkan untuk berdoa selalu dalam nama-Nya—Mereka yang memakan daging-Nya dan meminum darah-Nya dengan tidak layak akan dilaknati—Para pengikut diberikan kuasa untuk

menganugerahkan Roh Kudus. Kira-kira 34 tahun M.

DAN terjadilah bahawa Yesus telah memerintahkan para pengikut-Nya agar mereka harus membawa beberapa buku roti dan wain kepada-Nya.

2 Dan sementara mereka pergi mendapatkan roti dan wain, Dia memerintahkan orang ramai agar mereka harus duduk di atas tanah.

3 Dan apabila para pengikut telah datang dengan roti dan wain, Dia mengambil roti dan memecah-mecahkan dan memberkatinya; dan Dia memberikannya kepada para pengikut dan memerintahkan agar mereka harus makan.

4 Dan apabila mereka telah makan dan kenyang, Dia memerintahkan agar mereka harus memberikannya kepada orang ramai.

5 Dan apabila orang ramai telah makan dan kenyang, Dia berfirman kepada para pengikut tersebut: Lihatlah seseorang di kalanganmu akan ditahbiskan, dan kepadanya Aku akan berikan kuasa agar dia akan memecah-mecahkan roti dan memberkatinya dan memberikannya kepada umat gereja-Ku, kepada mereka semua yang akan percaya dan dibaptiskan dalam nama-Ku.

6 Dan kamu haruslah selalu berusaha untuk melakukan ini, bahkan seperti yang telah Aku lakukan, bahkan seperti Aku telah memecah-mecahkan roti dan

memberkatinya dan memberikannya kepadamu.

7 Dan ini akan kamu lakukan sebagai peringatan akan tubuh-Ku, yang telah Aku perlihatkan kepadamu. Dan ia akan menjadi kesaksian kepada Bapa bahawa kamu selalu mengingat-Ku. Dan jika kamu selalu mengingat-Ku kamu akan memiliki Roh-Ku untuk berada bersamamu.

8 Dan terjadilah bahawa ketika Dia memfirmankan firman ini, Dia memerintahkan para pengikut-Nya agar mereka harus mengambil wain dari cawan tersebut dan meminumnya, dan agar mereka juga harus memberikannya kepada orang ramai agar mereka boleh minum darinya.

9 Dan terjadilah bahawa mereka melakukan demikian, dan meminumnya dan kenyang; dan mereka memberikannya kepada orang ramai, dan mereka minum, dan mereka kenyang.

10 Dan apabila para pengikut telah melakukan ini, Yesus berfirman kepada mereka: Diberkatilah kamu kerana hal ini yang telah kamu lakukan, kerana ini menggenapi perintah-perintah-Ku, dan ini bersaksi kepada Bapa bahawa kamu bersedia melakukan apa yang telah Aku perintahkan kepadamu.

11 Dan ini akan selalu kamu lakukan terhadap mereka yang bertaubat dan dibaptis dalam nama-Ku; dan kamu akan melakukannya sebagai peringatan akan darah-Ku, yang telah Aku tumpahkan bagimu, agar kamu boleh bersaksi

kepada Bapa bahawa kamu selalu mengingat-Ku. Dan jika kamu selalu mengingat-Ku kamu akan memiliki Roh-Ku bersamamu.

12 Dan Aku memberi kepadamu sebuah perintah bahawa kamu haruslah melakukan hal-hal ini. Dan jika kamu akan selalu melakukan hal-hal ini diberkatilah kamu, kerana kamu dibangunkan di atas batu-Ku.

13 Tetapi sesiapa di antara kamu yang akan melakukan lebih atau kurang daripada ini tidaklah dibangunkan di atas batu-Ku, tetapi dibangunkan di atas landasan pasir; dan apabila hujan turun, dan banjir datang, dan angin bertiup, dan melanda mereka, mereka akan roboh, dan pintu-pintu gerbang neraka sedia terbuka untuk menerima mereka.

14 Oleh itu diberkatilah kamu jika kamu akan mentaati perintah-perintah-Ku, yang telah Bapa perintahkan kepada-Ku bahawa Aku harus memberikannya kepadamu.

15 Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, kamu mesti berjaga dan berdoa selalu, agar jangan kamu digoda oleh iblis, dan kamu dituntun tertawan olehnya.

16 Dan seperti Aku telah berdoa di antara kamu demikian juga kamu harus berdoa di dalam gereja-Ku, di kalangan umat-Ku yang bertaubat dan dibaptis dalam nama-Ku. Lihatlah Aku adalah cahaya; Aku telah menunjukkan satu teladan bagimu.

17 Dan terjadilah bahawa apabila Yesus sudah memfirmankan

firman ini kepada para pengikut-Nya, Dia berpaling kembali kepada orang ramai dan berfirman kepada mereka:

18 Lihatlah, sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, kamu mesti berjaga-jaga dan berdoa selalu agar jangan kamu masuk ke dalam godaan; kerana Setan berhasrat untuk memilikimu, agar dia boleh menampimu seperti gandum.

19 Oleh itu kamu mesti selalu berdoa kepada Bapa dalam nama-Ku;

20 Dan apa pun yang akan kamu minta daripada Bapa dalam nama-Ku, yang adalah benar, mempercayai bahawa kamu akan menerima, lihatlah ia akan diberikan kepadamu.

21 Berdoalah dalam keluargamu kepada Bapa, selalu dalam nama-Ku, agar isterimu dan anak-anakmu dapat diberkati.

22 Dan lihatlah, kamu haruslah selalu berhimpun bersama; dan janganlah kamu melarang sesiapa pun untuk datang kepadamu apabila kamu akan berhimpun bersama, tetapi biarkanlah mereka agar mereka boleh datang kepadamu dan janganlah melarang mereka;

23 Tetapi kamu haruslah berdoa bagi mereka, dan janganlah mengusir mereka; dan jika demikian halnya bahawa mereka sering datang kepadamu kamu haruslah berdoa bagi mereka kepada Bapa, dalam nama-Ku.

24 Oleh itu, angkatlah cahayamu agar ia dapat bersinar ke

dunia. Lihatlah Aku adalah cahaya yang harus kamu angkat—hal yang telah kamu lihat Aku lakukan. Lihatlah kamu melihat bahawa Aku telah berdoa kepada Bapa, dan kamu semua telah menyaksikannya.

25 Dan kamu melihat bahawa Aku telah memerintahkan agar tidak seorang pun daripada kamu harus pergi, tetapi sebaliknya telah memerintahkan bahawa kamu harus datang kepada-Ku, agar kamu boleh merasakan dan melihat; demikian jugalah kamu harus lakukan kepada dunia; dan sesiapa yang melanggar perintah ini membiarkan dirinya dituntun ke dalam godaan.

26 Dan sekarang, terjadilah bahawa apabila Yesus telah memfirmankan firman ini, Dia memalingkan matanya kembali kepada para pengikut yang telah Dia pilih, dan berfirman kepada mereka:

27 Lihatlah sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Aku memberikan kepadamu satu perintah yang lain, dan kemudian Aku mesti pergi kepada Bapa-Ku agar Aku boleh memenuhi perintah-perintah lain yang telah Dia berikan kepada-Ku.

28 Dan sekarang, lihatlah, inilah perintah yang Aku berikan kepadamu, bahawa janganlah kamu membiarkan sesiapa pun dengan sedar untuk mengambil daging dan darah-Ku dengan tidak layak, apabila kamu akan memberkatinya;

29 Kerana sesiapa yang makan dan minum, daging dan darah-Ku dengan tidak layak memakan dan meminum kelaknatan bagi jiwanya; oleh itu jika kamu tahu bahawa seseorang itu tidak layak untuk makan dan minum daging dan darah-Ku kamu haruslah melarangnya.

30 Walaupun demikian, janganlah kamu mengusirnya dari kalangan kamu, tetapi kamu haruslah melayaninya dan berdoa baginya kepada Bapa, dalam nama-Ku; dan jika demikian halnya bahawa dia bertaubat dan dibaptiskan dalam nama-Ku, maka haruslah kamu menerimanya, dan harus memberkati daging dan darah-Ku kepadanya.

31 Tetapi jika dia tidak bertaubat dia tidak akan dihitung di kalangan umat-Ku, agar dia tidak dapat menghancurkan umat-Ku, kerana lihatlah Aku mengenali domba-domba-Ku, dan mereka dihitung.

32 Walaupun demikian, janganlah kamu mengusirnya dari saumaah-saumaahmu, atau tempat-tempat penyembahanmu, kerana untuk yang demikianlah kamu harus terus melayani; kerana kamu tidak tahu adakah mereka akan kembali dan bertaubat, dan datang kepada-Ku dengan niat hati yang sepenuhnya, dan Aku akan menyembuhkan mereka; dan kamu akan menjadi sarana untuk membawa keselamatan bagi mereka.

33 Oleh itu, taatilah firman ini

yang telah Aku perintahkan kepadamu agar kamu tidak berada di bawah penghukuman; kerana celakalah dia yang dihukum oleh Bapa.

34 Dan Aku memberimu perintah-perintah ini kerana perselisihan yang sudah ada di kalanganmu. Dan diberkatilah kamu jika tidak ada perselisihan di kalanganmu.

35 Dan sekarang, Aku pergi kepada Bapa, kerana adalah perlu bahawa Aku harus pergi kepada Bapa demi kepentinganmu.

36 Dan terjadilah bahawa apabila Yesus telah mengakhiri firman ini, Dia menyentuh para pengikut yang telah Dia pilih dengan tangan-Nya, satu demi satu, bahkan sehingga Dia telah menyentuh mereka semua, dan berfirman kepada mereka sewaktu Dia menyentuh mereka.

37 Dan orang ramai tidak mendengar firman yang Dia firmankan, oleh itu mereka tidak memberikan kesaksian; tetapi para pengikut itu memberikan kesaksian bahawa Dia memberi mereka kuasa untuk memberikan Roh Kudus. Dan aku akan memperlihatkan kepadamu selepas ini bahawa kesaksian ini benar.

38 Dan terjadilah bahawa apabila Yesus telah menyentuh mereka semua, datanglah segumpal awan dan membayangi orang ramai sehingga mereka tidak dapat melihat Yesus.

39 Dan semasa mereka dibayangi Dia pergi daripada mereka, dan

naik ke syurga. Dan para pengikut melihat dan memberikan kesaksian bahawa Dia telah naik kembali ke syurga.

BAB 19

Kedua belas pengikut melayani orang itu dan berdoa untuk Roh Kudus—Para pengikut dibaptiskan dan menerima Roh Kudus dan pelayanan para malaikat—Yesus berdoa menggunakan perkataan yang tidak dapat dituliskan—Dia bersaksi tentang iman bangsa Nefi ini yang amat besar. Kira-kira 34 tahun M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa apabila Yesus telah naik ke syurga, orang ramai bersurai, dan setiap lelaki membawa isterinya dan anak-anaknya dan kembali ke rumahnya sendiri.

2 Dan telah diserukan ke merata tempat di kalangan orang itu dengan segera, sebelum hari gelap, bahawa orang ramai telah melihat Yesus, dan bahawa Dia telah melayani mereka, dan bahawa Dia juga akan memperlihatkan diri-Nya pada keesokan hari kepada orang ramai itu.

3 Ya, dan bahkan sepanjang malam telah dikhabarkan ke merata tempat tentang Yesus; dan telah menghantar mereka yang sudah melihat Yesus untuk mengkhabarkan kepada orang ramai, sehingga ada banyak orang, ya, jumlah yang amat besar, yang telah bekerja keras sepanjang malam itu, agar mereka boleh berada di

tempat di mana Yesus akan memperlihatkan diri-Nya kepada orang ramai pada keesokan harinya.

4 Dan terjadilah bahawa pada keesokan harinya, apabila orang ramai berkumpul bersama, lihatlah, Nefi dan saudaranya yang telah dia hidupkan kembali dari yang mati, yang bernama Timotius, dan juga anak lelakinya, yang bernama Yonas, dan juga Matoni, dan Matoniha, saudaranya, dan Kumen, dan Kumenonhi, dan Yeremia, dan Semnon, dan Yonas, dan Zedekia, dan Yesaya—sekarang, ini adalah nama-nama para pengikut yang telah Yesus pilih—dan terjadilah bahawa mereka maju dan berdiri di tengah-tengah orang ramai.

5 Dan lihatlah, orang ramai begitu banyak sehingga mereka menyuruh agar mereka harus dipisahkan ke dalam dua belas kumpulan.

6 Dan kedua belas pengikut itu mengajar orang ramai; dan lihatlah, mereka telah menyuruh agar orang ramai harus berlutut di atas permukaan tanah, dan harus berdoa kepada Bapa dalam nama Yesus.

7 Dan para pengikut itu juga berdoa kepada Bapa dalam nama Yesus. Dan terjadilah bahawa mereka bangun dan melayani orang ramai.

8 Dan apabila mereka telah mengajarkan firman yang sama yang telah Yesus firmankan—tidak sedikit pun berbeza daripada firman yang telah Yesus firmankan—lihatlah, mereka berlutut

kembali dan berdoa kepada Bapa dalam nama Yesus.

9 Dan mereka berdoa untuk perkara yang paling mereka inginkan; dan mereka menginginkan agar Roh Kudus harus diberikan kepada mereka.

10 Dan apabila mereka telah berdoa sedemikian mereka turun ke pinggir air, dan orang ramai mengikuti mereka.

11 Dan terjadilah bahawa Nefi turun ke dalam air dan dibaptiskan.

12 Dan dia keluar dari dalam air dan mulai membaptiskan. Dan dia membaptiskan mereka semua yang telah Yesus pilih.

13 Dan terjadilah apabila mereka semua telah dibaptiskan dan telah keluar dari dalam air, Roh Kudus turun ke atas diri mereka, dan mereka dipenuhi dengan Roh Kudus dan dengan api.

14 Dan lihatlah, mereka dikelilingi seolah-olah oleh api; dan ia turun dari langit, dan orang ramai telah menyaksikannya, dan memberikan kesaksian; dan para malaikat turun dari syurga dan melayani mereka.

15 Dan terjadilah bahawa semasa malaikat melayani para pengikut tersebut, lihatlah, Yesus datang dan berdiri di tengah-tengah dan melayani mereka.

16 Dan terjadilah bahawa Dia berfirman kepada orang ramai itu, dan memerintahkan mereka agar mereka harus berlutut kembali di atas tanah, dan agar para pengikut-Nya juga harus berlutut di atas tanah.

17 Dan terjadilah bahawa apabila mereka semua sudah berlutut di atas tanah, Dia memerintahkan para pengikut-Nya agar mereka harus berdoa.

18 Dan lihatlah, mereka mulai berdoa; dan mereka berdoa kepada Yesus, memanggil Dia Tuhan mereka dan Raja mereka.

19 Dan terjadilah bahawa Yesus pergi dari tengah-tengah mereka, dan pergi jauh sedikit daripada mereka dan membongkokkan dirinya ke atas tanah, dan Dia berkata:

20 Bapa, Aku berterima kasih kepada-Mu bahawa Engkau telah memberikan Roh Kudus kepada mereka yang telah Aku pilih ini; dan oleh kerana kepercayaan mereka kepada-Ku maka Aku telah memilih mereka dari dunia ini.

21 Bapa, Aku meminta kepada-Mu agar Engkau akan memberikan Roh Kudus kepada mereka semua yang akan percaya pada perkataan mereka.

22 Bapa, Engkau telah memberi mereka Roh Kudus kerana mereka percaya kepada-Ku; dan Engkau melihat bahawa mereka percaya kepada-Ku kerana Engkau mendengar mereka, dan mereka berdoa kepada-Ku; dan mereka berdoa kepada-Ku kerana Aku berada bersama mereka.

23 Dan sekarang Bapa, Aku berdoa kepada-Mu untuk mereka, dan juga untuk mereka semua yang akan percaya pada perkataan mereka, agar mereka boleh percaya kepada-Ku, agar Aku boleh berada di dalam diri mereka seperti

Engkau, Bapa, berada di dalam Aku, agar kami dapat menjadi satu.

24 Dan terjadilah bahawa apabila Yesus telah berdoa sedemikian kepada Bapa, Dia datang kepada para pengikut-Nya, dan lihatlah, mereka masih meneruskan, tanpa henti, berdoa kepada-Nya; dan mereka tidak mengulang-ulang banyak perkataan, kerana telah diberikan kepada mereka perkara yang harus mereka doakan, dan mereka dipenuhi dengan keinginan.

25 Dan terjadilah bahawa Yesus memberkati mereka sewaktu mereka berdoa kepada-Nya; dan wajah-Nya tersenyum kepada mereka, dan sinar wajah-Nya menyinari mereka, dan lihatlah mereka seputih wajah dan juga pakaian Yesus; dan lihatlah keputihannya melebihi segala keputihan, ya, bahkan tidak terdapat apa pun di atas bumi yang sebegitu putih seperti keputihan itu.

26 Dan Yesus berfirman kepada mereka: Teruslah berdoa; dan mereka tidak berhenti berdoa.

27 Dan Dia berpaling daripada mereka lagi, dan pergi jauh sedikit dan membongkokkan diri-Nya ke atas tanah; dan Dia berdoa lagi kepada Bapa, mengatakan:

28 Bapa, Aku berterima kasih kepada-Mu bahawa Engkau telah menyucikan mereka yang telah Aku pilih, kerana iman mereka, dan Aku berdoa untuk mereka, dan juga untuk mereka yang akan percaya pada perkataan mereka, agar mereka boleh disucikan di

dalam Aku, melalui iman pada perkataan mereka, bahkan seperti mereka disucikan di dalam Aku.

29 Bapa, Aku tidak berdoa untuk dunia, tetapi untuk mereka yang telah Engkau berikan kepada-Ku dari dunia ini, kerana iman mereka, agar mereka boleh disucikan di dalam Aku, agar Aku boleh berada di dalam diri mereka seperti Engkau, Bapa, berada di dalam Aku, agar kami boleh menjadi satu, agar Aku boleh dimuliakan di dalam diri mereka.

30 Dan apabila Yesus telah memfirmankan firman ini Dia datang kembali kepada para pengikut-Nya; dan lihatlah mereka berdoa dengan tabah, tanpa henti, kepada-Nya; dan Dia tersenyum kepada mereka lagi; dan lihatlah mereka putih, bahkan seperti Yesus.

31 Dan terjadilah bahawa Dia pergi jauh sedikit lagi dan berdoa kepada Bapa;

32 Dan lidah tidak dapat mengucapkan perkataan yang Dia doakan, tidak juga dapat dituliskan oleh manusia perkataan yang Dia doakan.

33 Dan orang ramai mendengar dan memberikan kesaksian; dan hati mereka terbuka dan mereka memahami di dalam hati mereka perkataan yang Dia doakan.

34 Walaupun demikian, begitu besar dan menakjubkan perkataan yang Dia doakan sehingga tidak dapat dituliskan, tidak juga dapat dituturkan oleh manusia.

35 Dan terjadilah bahawa apabila Yesus telah selesai berdoa

Dia datang kembali kepada para pengikut, dan berfirman kepada mereka: Iman yang sedemikian besar belum pernah Aku lihat di kalangan semua orang Yahudi; sebab itu Aku tidak dapat memperlihatkan kepada mereka mukjizat-mukjizat yang sedemikian besar, kerana ketidakpercayaan mereka.

36 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, tidak ada seorang pun daripada mereka yang telah melihat hal-hal yang sebegitu besar seperti yang telah kamu lihat; tidak juga mereka pernah mendengar hal-hal yang sebegitu besar seperti yang telah kamu dengari.

BAB 20

Yesus menyediakan roti dan wain secara ajaib dan memberkati sakramen lagi kepada orang ramai—Sisa bani Yakub akan datang kepada pengetahuan tentang Tuhan Raja mereka dan akan mewarisi benua-benua Amerika—Yesus ialah nabi seperti Musa, dan bangsa Nefi ialah anak-anak para nabi—Umat Tuhan yang lain akan dikumpulkan ke Yerusalem. Kira-kira 34 tahun M.

DAN terjadilah bahawa Dia memerintahkan orang ramai agar mereka haruslah berhenti berdoa, dan juga para pengikut-Nya. Dan Dia memerintahkan mereka agar mereka haruslah tidak berhenti berdoa di dalam hati mereka.

2 Dan Dia memerintahkan

mereka agar mereka harus bangkit dan berdiri dengan kaki mereka. Dan mereka pun bangun dan berdiri di atas kaki mereka.

3 Dan terjadilah bahawa Dia memecah-mecahkan roti dan memberkatinya lagi, dan memberikannya kepada para pengikutnya untuk dimakan.

4 Dan apabila mereka telah makan Dia memerintahkan mereka agar mereka haruslah memecah-mecahkan roti, dan memberikannya kepada orang ramai.

5 Dan apabila mereka telah memberikannya kepada orang ramai Dia juga memberi mereka wain untuk diminum, dan memerintahkan mereka agar mereka haruslah memberikannya kepada orang ramai.

6 Sekarang, tidak terdapatnya roti, mahupun wain, yang dibawa oleh para pengikut, dan juga oleh orang ramai;

7 Tetapi Dia benar-benar telah memberikan kepada mereka roti untuk dimakan, dan juga wain untuk diminum.

8 Dan Dia berfirman kepada mereka: Dia yang memakan roti ini memakan tubuh-Ku untuk jiwanya; dan dia yang meminum wain ini meminum darah-Ku untuk jiwanya; dan jiwanya tidak akan pernah lapar mahupun haus, tetapi akan kenyang.

9 Sekarang, apabila orang ramai telah makan dan minum semuanya, lihatlah, mereka dipenuhi dengan Roh; dan mereka berseru dengan satu suara, dan

memuliakan Yesus, yang telah mereka lihat dan juga dengar.

10 Dan terjadilah bahawa apabila mereka semua telah memuliakan Yesus, Dia berfirman kepada mereka: Lihatlah sekarang, Aku menyelesaikan perintah yang telah Bapa perintahkan kepada-Ku tentang orang ini, yang merupakan sisa keturunan bani Israel.

11 Kamu ingat bahawa Aku berfirman kepadamu, dan memfirmankan bahawa apabila perkataan Yesaya akan digenapi—lihatlah ia tertulis, kamu memilikinya di hadapanmu, oleh itu selidikilah ia—

12 Dan sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa apabila ia akan digenapi, pada waktu itulah digenapinya perjanjian yang telah Bapa buat kepada umat-Nya, Wahai bani Israel.

13 Dan pada waktu itu sisa-sisa keturunannya, yang akan tercerai-berai secara luas di atas permukaan bumi, akan dikumpulkan dari timur dan dari barat, dan dari selatan dan dari utara; dan mereka akan dibawa kepada pengetahuan tentang Tuhan Raja mereka, yang telah menebus mereka.

14 Dan Bapa telah memerintahkan-Ku agar Aku harus memberikan kepadamu negeri ini, untuk warisanmu.

15 Dan Aku berfirman kepadamu, bahawa jika bangsa bukan Israel tidak bertaubat setelah berkat yang mereka akan terima, selepas mereka menceraai-beraikan umat-Ku—

16 Pada waktu itu kamu, yang

merupakan sisa keturunan bani Yakub, akan pergi ke antara mereka; dan kamu akan berada di tengah-tengah mereka yang akan menjadi banyak; dan kamu akan berada di antara mereka bagaikan seekor singa di kalangan binatang-binatang hutan, dan bagaikan seekor singa muda di kalangan kawanan domba, yang, jika dia pergi ke kalangannya, akan memijak-mijak serta mencarik bercebis-cebis, dan tidak seorang pun yang dapat menyelamatkan.

17 Tanganmu akan diangkat ke atas lawan-lawanmu, dan semua musuhmu akan disingkirkan.

18 Dan Aku akan mengumpulkan umat-Ku bersama seperti seorang lelaki yang mengumpulkan berkas-berkas gandumnya di atas lantai.

19 Kerana Aku akan menjadikan umat-Ku, iaitu dengan merekalah Bapa telah membuat perjanjian, ya, Aku akan menjadikan tandukmu besi, dan Aku akan menjadikan kukumu tembaga. Dan engkau akan memukul banyak orang sehingga cebis-cebis; dan Aku akan membaktikan keuntungan mereka kepada Tuhan, dan harta kekayaan mereka kepada Tuhan seluruh bumi. Dan lihatlah, Akulah Dia yang melakukannya.

20 Dan akan terjadilah, Bapa berfirman, bahawa pedang keadilan-Ku akan mengancam mereka pada hari itu; dan kecuali mereka bertaubat ia akan jatuh ke atas diri mereka, firman Bapa, ya, bahkan ke atas semua bangsa bukan Israel.

21 Dan akan terjadilah bahawa Aku akan menegakkan umat-Ku, Wahai bani Israel.

22 Dan lihatlah, umat ini akan Aku tegakkan di negeri ini, untuk menggenapi perjanjian yang telah Aku buat dengan moyangmu Yakub; dan ia akan menjadi Yerusalem Baru. Dan kuasa-kuasa syurga akan berada di tengah-tengah umat ini; ya, bahkan Aku akan berada di tengah-tengahmu.

23 Lihatlah, Akulah Dia yang Musa bicarakan itu, mengatakan: Seorang nabi akan dibangkitkan oleh Tuhan Rajamu dari kalangan saudara-saudaramu, seperti aku; Dia akan kamu dengarkan dalam segala apa pun yang akan Dia firmankan kepadamu. Dan akan terjadilah bahawa setiap jiwa yang tidak mahu mendengar nabi itu akan disingkirkan daripada kalangan umat itu.

24 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, ya, dan semua nabi dari Samuel dan mereka yang datang selepasnya, seberapa banyak yang telah berbicara, telah bersaksi tentang Aku.

25 Dan lihatlah, kamulah anak-anak para nabi; dan kamu adalah dari bani Israel; dan kamu adalah dari perjanjian yang telah Bapa buat dengan nenek moyangmu, yang berfirman kepada Abraham: Dan dalam keturunanmulah semua kaum di bumi akan diberkati.

26 Bapa telah membangkitkan-Ku kepadamu terlebih dahulu, dan mengutus-Ku untuk memberkatimu dengan memalingkan

setiap orang daripadamu dari kederhakaannya; dan ini kerana kamulah anak-anak perjanjian—

27 Dan setelah kamu diberkati barulah digenapi oleh Bapa perjanjian yang telah Dia buat dengan Abraham, memfirmankan: Di dalam keturunanmulah semua kaum di bumi akan diberkati—sehingga mencurahkan Roh Kudus melalui Aku ke atas bangsa bukan Israel, iaitu berkat ke atas bangsa bukan Israel yang akan menjadikan mereka perkasa melebihi semuanya, sehingga menceraikan-beraikan umat-Ku, Wahai bani Israel.

28 Dan mereka akan menjadi cambuk kepada rakyat negeri ini. Walaupun demikian, apabila mereka akan menerima kegenapan Injil-Ku, dan jika pada waktu itu mereka akan mengeraskan hati mereka terhadap-Ku Aku akan mengembalikan kederhakaan mereka ke atas kepala mereka sendiri, firman Bapa.

29 Dan Aku akan mengingati perjanjian yang telah Aku buat dengan umat-Ku; dan Aku telah membuat perjanjian dengan mereka bahawa Aku akan mengumpulkan mereka bersama dalam waktu-Ku sendiri yang tepat, bahawa Aku akan memberi kembali kepada mereka negeri nenek moyang mereka untuk warisan mereka, iaitu negeri Yerusalem, yang merupakan negeri yang dijanjikan kepada mereka untuk selamanya, firman Bapa.

30 Dan akan terjadi bahawa waktunya tiba, apabila kegenapan

Injil-Ku akan dikhutbahkan kepada mereka;

31 Dan mereka akan percaya kepada-Ku, bahawa Akulah Yesus Kristus, Putera Tuhan, dan akan berdoa kepada Bapa dalam nama-Ku.

32 Pada waktu itu para penjaga mereka akan mengangkat suara mereka, dan dengan suara bersama mereka akan menyanyi; kerana mereka akan melihat dengan mata sendiri.

33 Pada waktu itu Bapa akan mengumpulkan mereka bersama lagi, dan memberikan kepada mereka Yerusalem untuk negeri warisan mereka.

34 Pada waktu itu mereka akan bersorak-sorai dalam kebahagiaan—Bernyanyilah bersama, kamu tempat-tempat tandus di Yerusalem; kerana Bapa telah menghiburkan umat-Nya, Dia telah menebus Yerusalem.

35 Bapa telah menunjukkan lengan kudus-Nya di mata segala bangsa; dan semua penghujung bumi akan melihat keselamatan daripada Bapa; dan Bapa dan Aku adalah satu.

36 Dan pada waktu itu apa yang tertulis akan digenapi: Bangunlah, bangunlah lagi, dan kenakanlah kekuatanmu, Wahai Sion; kenakanlah pakaianmu yang indah, Wahai Yerusalem, kota yang kudus, kerana mulai sekarang tidak akan ada lagi datang ke dalam dirimu yang tidak bersunat dan yang tidak bersih.

37 Kibaskanlah dirimu dari debu;

bangkitlah, duduklah, Wahai Yerusalem; lepaskanlah dirimu dari ikatan lehermu, Wahai puteri Sion yang tertawan.

38 Kerana demikianlah firman Tuhan: Kamu telah menjual dirimu untuk hal yang sia-sia, dan kamu akan ditebus tanpa wang.

39 Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, bahawa umat-Ku akan mengetahui nama-Ku; ya, pada hari itu mereka akan tahu bahawa Akulah Dia yang berfirman.

40 Dan pada waktu itu mereka akan berkata: Betapa indahnya di atas gunung-ganang kaki dia yang membawa khabar baik kepada mereka, yang memberitakan kedamaian; yang membawa khabar baik kepada mereka tentang kebaikan; yang memberitakan keselamatan; yang berkata kepada Sion: Tuhanmu memerintah!

41 Dan pada waktu itu suatu seruan akan keluar: Nyahlah kamu, nyahlah kamu, pergilah kamu dari sana, janganlah menyentuh apa yang tidak bersih; keluarlah kamu dari tengah-tengahnya; jadilah kamu bersih yang menyandang bejana-bejana Tuhan.

42 Kerana kamu tidak akan keluar dengan bergegas atau pergi dengan terburu-buru; kerana Tuhan akan pergi di hadapanmu, dan Tuhan Israel akan menjadi barisan belakangmu.

43 Lihatlah, hamba-Ku akan berurusan dengan bijaksana; dia akan dimuliakan dan disanjung dan menjadi sangat tinggi.

44 Seberapa banyak yang terpegun terhadapmu—riak mukanya begitu cacat, lebih daripada sesiapa pun, dan bentuknya lebih daripada anak-anak lelaki manusia—

45 Demikianlah Dia akan memercik banyak bangsa; para raja akan menutup mulut mereka terhadap-Nya, kerana apa yang belum diberitahukan kepada mereka akan mereka lihat; dan apa yang belum mereka dengar akan mereka fahami.

46 Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, segala hal ini sudah pasti akan datang, bahkan seperti yang telah Bapa perintahkan kepada-Ku. Pada waktu itu perjanjian ini yang telah Bapa janjikan dengan umat-Nya akan digenapi; dan pada waktu itu Yerusalem akan dihuni kembali oleh umat-Ku, dan akan menjadi negeri warisan mereka.

BAB 21

Israel akan dikumpulkan apabila Kitab Mormon diterbitkan—Bangsa bukan Israel akan ditegakkan sebagai sebuah bangsa yang bebas di Amerika—Mereka akan diselamatkan jika mereka percaya dan patuh; jika tidak, mereka akan disingkirkan dan dihancurkan—Israel akan membangunkan Yerusalem Baru, dan suku-suku yang hilang akan kembali. Kira-kira 34 tahun M.

DAN sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku memberi kepadamu satu tanda, agar kamu boleh mengetahui waktunya apabila

hal-hal ini hampir terjadi—bahawa Aku akan mengumpulkan, dari penceraiannya mereka yang panjang, umat-Ku, Wahai bani Israel, dan akan menubuhkan Sion-Ku lagi di kalangan mereka;

2 Dan lihatlah, inilah hal yang akan Aku berikan kepadamu sebagai satu tanda—kerana sesungguhnya Aku berfirman kepadamu bahawa apabila hal-hal ini yang Aku maklumkan kepadamu, dan yang akan Aku maklumkan kepadamu selepas ini tentang diri-Ku, dan melalui kuasa Roh Kudus yang akan diberikan kepadamu oleh Bapa, akan didedahkan kepada bangsa bukan Israel agar mereka boleh mengetahui tentang umat ini yang merupakan sisa keturunan bani Yakub, dan tentang umat-Ku ini yang akan diceraiberaikan oleh mereka;

3 Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, apabila hal-hal ini akan diberitahukan kepada mereka oleh Bapa, dan akan datang daripada Bapa, daripada mereka kepadamu;

4 Kerana adalah kebijaksanaan Bapa bahawa mereka akan ditegakkan di negeri ini, dan ditegakkan sebagai sebuah bangsa yang bebas oleh kuasa Bapa, agar hal-hal ini dapat datang daripada mereka kepada sisa keturunanmu, agar perjanjian Bapa dapat digenapi seperti yang telah Dia janjikan dengan umat-Nya, Wahai bani Israel;

5 Oleh itu, apabila pekerjaan ini dan pekerjaan-pekerjaan yang

akan dilakukan di kalangan kamu selepas ini akan datang daripada bangsa bukan Israel, kepada keturunanmu yang akan merosot dalam ketidakpercayaan kerana kederhakaan;

6 Kerana demikian adalah perlu menurut Bapa bahawa ia akan datang daripada bangsa bukan Israel, agar Dia boleh memperlihatkan kuasa-Nya kepada bangsa bukan Israel, untuk sebab ini bahawa bangsa bukan Israel, jika mereka tidak mengeraskan hati mereka, bahawa mereka boleh bertaubat dan datang kepada-Ku dan dibaptiskan dalam nama-Ku dan mengetahui tentang pokok-pokok ajaran-Ku yang benar, agar mereka boleh dihitung di kalangan umat-Ku, Wahai bani Israel;

7 Dan apabila hal-hal ini terjadi keturunanmu akan mulai mengetahui hal-hal ini—ini akan menjadi suatu tanda kepada mereka, agar mereka boleh mengetahui bahawa pekerjaan Bapa telah bermula untuk menggenapi perjanjian yang telah Dia buat dengan orang daripada bani Israel.

8 Dan apabila hari itu akan tiba, akan terjadilah bahawa para raja akan menutup mulut mereka; kerana apa yang belum diberitahukan kepada mereka akan mereka lihat; dan apa yang belum mereka dengarkan akan mereka fahami.

9 Kerana pada hari itu, demi kepentingan-Ku Bapa akan mengerjakan suatu pekerjaan, yang akan menjadi suatu pekerjaan yang besar dan menakjubkan di

kalangan mereka; dan akan ada di kalangan mereka, yang tidak akan mempercayainya, walaupun seseorang akan memaklumpkannya kepada mereka.

10 Tetapi lihatlah, kehidupan hamba-Ku akan berada dalam tangan-Ku; oleh itu mereka tidak akan menyakitinya, walaupun dia akan dicacati kerana mereka. Namun Aku akan menyembuhkannya, kerana Aku akan memperlihatkan kepada mereka bahawa kebijaksanaan-Ku lebih besar daripada kelicikan iblis.

11 Oleh itu akan terjadilah bahawa sesiapa yang tidak akan percaya pada firman-Ku, iaitu Yesus Kristus, yang akan Bapa suruh dia bawakan kepada bangsa bukan Israel, dan akan memberikan kepadanya kuasa agar dia akan membawakannya kepada bangsa bukan Israel, (ia akan terjadi bahkan seperti yang Musa katakan) mereka akan disingkirkan dari kalangan umat-Ku yang merupakan dari perjanjian itu.

12 Dan umat-Ku yang merupakan sisa keturunan bani Yakub akan berada di kalangan bangsa bukan Israel, ya, di tengah-tengah mereka bagaikan seekor singa di antara binatang-binatang hutan, bagaikan seekor singa muda di antara kawanan domba, yang, jika dia pergi ke kalangannya, akan memijak-mijak serta mencarik bercebis-cebis, dan tidak seorang pun dapat menyelamatkannya.

13 Tangan mereka akan diangkat ke atas lawan-lawan mereka,

dan semua musuh mereka akan disingkirkan.

14 Ya, celakalah bangsa bukan Israel kecuali mereka bertaubat; kerana akan terjadilah pada hari itu, firman Bapa, bahawa Aku akan menyingkirkan kuda-kudamu dari tengah-tengahmu, dan Aku akan menghancurkan kereta-kereta kudamu.

15 Dan Aku akan menyingkirkan kota-kota di negerimu, dan meruntuhkan semua kubu pertahananmu;

16 Dan Aku akan menyingkirkan ilmu sihir dari negerimu, dan engkau tidak akan memiliki ahli nujum lagi;

17 Patung-patung ukiranmu juga akan Aku singkirkan, dan patung-patungmu yang tertinggal dari tengah-tengahmu, dan engkau tidak akan lagi menyembah hasil kerja tanganmu;

18 Dan Aku akan mencabut hutan-hutan kecilmu dari tengah-tengahmu; demikian juga akan Aku hancurkan kota-kotamu.

19 Dan akan terjadilah bahawa segala dusta, dan penipuan, dan kecemburuan, dan persengketaan, dan penipuan imam, dan pelacuran, akan ditamatkan.

20 Kerana akan terjadilah, firman Bapa, bahawa pada masa itu sesiapa yang tidak akan bertaubat dan datang kepada Putera-Ku yang Dikasihi, merekalah yang akan Aku singkirkan dari kalangan umat-Ku, Wahai bani Israel;

21 Dan Aku akan melaksanakan pembalasan dan kemurkaan ke

atas diri mereka, bahkan seperti kepada atas orang kafir, seperti yang belum pernah mereka dengari.

22 Tetapi jika mereka akan bertaubat dan mendengar firman-Ku, dan tidak mengeraskan hati mereka, Aku akan menubuhkan gereja-Ku di kalangan mereka, dan mereka akan masuk ke dalam perjanjian dan dihitug di kalangan sisa keturunan Yakub ini, yang kepada mereka telah Aku berikan negeri ini untuk warisan mereka;

23 Dan mereka akan membantu umat-Ku, sisa keturunan bani Yakub, dan juga seberapa banyak dari bani Israel yang akan datang, agar mereka boleh membangunkan sebuah kota, yang akan disebut Yerusalem Baru.

24 Dan pada waktu itulah mereka akan membantu umat-Ku agar mereka boleh dikumpulkan, yang telah tercerai-berai di seluruh permukaan negeri ini, ke dalam Yerusalem Baru.

25 Dan pada waktu itulah kuasa dari syurga akan turun ke kalangan mereka; dan Aku juga akan berada di tengah-tengahnya.

26 Dan pada waktu itulah pekerjaan Bapa akan bermula pada hari itu, iaitu apabila Injil ini akan dihutbahkan di kalangan sisa keturunan bangsa ini. Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, pada hari itulah pekerjaan Bapa akan bermula di kalangan semua umat-Ku yang tercerai-berai, ya, bahkan suku-suku yang telah

hilang, yang telah dituntun oleh Bapa keluar dari Yerusalem.

27 Ya, pekerjaan itu akan dimulakan di kalangan semua umat-Ku yang tercerai-berai, dengan Bapa yang mempersiapkan jalan yang melaluinya mereka boleh datang kepada-Ku, agar mereka boleh memanggil Bapa dalam nama-Ku.

28 Ya, dan pada waktu itu pekerjaan itu akan bermula, dengan Bapa di kalangan semua bangsa untuk menyediakan jalan supaya umat-Nya boleh dikumpulkan kembali ke dalam negeri warisan mereka.

29 Dan mereka akan keluar daripada semua bangsa; dan mereka tidak akan bergegas keluar, tidak juga dengan terburu-buru, kerana aku akan pergi di hadapan mereka, Bapa berfirman, dan aku akan menjadi barisan belakang mereka.

BAB 22

Pada zaman terakhir, Sion dan pasak-pasaknya akan ditubuhkan, dan Israel akan dikumpulkan dengan belas kasihan dan kelembutan—Mereka akan menang—Bandingkan dengan Yesaya 54. Kira-kira 34 tahun M.

DAN pada waktu itulah apa yang tertulis akan terjadi: Bernyanyilah, Wahai si mandul, engkau yang tidak beranak; bersorak-sorailah dengan nyanyian, dan berserulah dengan kuat, engkau yang tidak menderita bersalin; kerana lebih banyaklah anak si mandul

daripada anak-anak si isteri yang sudah berkahwin, firman Tuhan.

2 Luaskanlah tempat khemahmu, dan biarlah mereka merentangkan tirai-tirai kediamanmu; janganlah menahan, panjangkanlah tali-talimu dan kuatkanlah pasak-pasakmu;

3 Kerana engkau akan menembus keluar ke kanan dan ke kiri, dan keturunanmu akan mewarisi bangsa bukan Israel dan menjadikan kota-kota yang terbiar untuk dihuni.

4 Janganlah takut, kerana engkau tidak akan malu; tidak juga engkau diaibkan, kerana engkau tidak akan dimalukan; kerana engkau akan melupakan rasa malu pada masa remajamu, dan tidak akan mengingati keaiban pada masa remajamu, dan tidak akan mengingati lagi keaiban pada masa jandamu.

5 Kerana penciptamu, suamimu, Tuhan Semesta Alam ialah nama-Nya; dan Penebusmu, Yang Kudus dari Israel—Dia akan dipanggil Tuhan seluruh bumi.

6 Kerana Tuhan telah memanggil engkau seperti wanita yang telah ditinggalkan dan berjiwa sedih, dan seorang isteri yang muda, ketika engkau ditolak, firman Tuhanmu.

7 Untuk seketika telah Aku meninggalkan engkau, tetapi dengan belas kasihan yang besar Aku akan mengumpulkan engkau.

8 Dalam sedikit kemurkaan Aku menyembunyikan muka-Ku daripada kamu untuk seketika, tetapi

dengan kebaikan hati yang kekal Aku akan berbelas kasihan kepadamu, firman Tuhan Penebusmu.

9 Kerana ini, air banjir Nuh bagi-Ku, kerana Aku telah bersumpah bahawa air banjir Nuh tidak akan menenggelami bumi lagi, demikianlah Aku telah bersumpah bahawa Aku tidak akan murka terhadap engkau.

10 Kerana gunung-ganang akan berganjak dan bukit-bukau dialihkan, tetapi kebaikan hati-Ku tidak akan berganjak daripadamu, tidak juga perjanjian damai-Ku akan disingkirkan, firman Tuhan yang berbelas kasihan kepadamu.

11 Wahai engkau yang sengsara, diumbang-ambingkan oleh angin ribut, dan tidak terhibur! Lihatlah, Aku akan meletakkan batu-batumu dengan warna-warna yang cerah, dan meletakkan landasanmu dengan batu nilam.

12 Dan Aku akan membuat jendela-jendelamu daripada batu baiduri, dan pintu-pintu gerbangmu daripada batu manikam, dan semua sempadanmu daripada batu permata.

13 Dan semua anakmu akan diajar oleh Tuhan; dan besarlah kedamaian anak-anakmu.

14 Dalam kebenaran engkau akan ditegakkan; engkau akan berada jauh dari penindasan kerana engkau tidak akan takut, dan dari ketakutan kerana ia tidak akan datang mendekati engkau.

15 Lihatlah, mereka pasti akan berkumpul bersama menentang engkau, bukan daripada-Ku;

sesiapa pun yang akan berkumpul bersama untuk menentang engkau akan jatuh demi kepentinganmu.

16 Lihatlah, Aku telah menciptakan tukang besi yang meniup arang di dalam api, dan yang menghasilkan alat untuk pekerjaannya; dan Aku telah menciptakan pemusnah untuk menghancurkan.

17 Tidak ada senjata yang telah dibentuk untuk menentang engkau yang akan berjaya; dan setiap lidah yang akan mencaci maki engkau dalam penghakiman akan engkau hukum. Inilah pusaka warisan hamba-hamba Tuhan, dan kesolehan mereka adalah daripada-Ku, firman Tuhan.

BAB 23

Yesus mengesahkan perkataan Yesaya—Dia memerintahkan orang ramai untuk menyelidiki tulisan para nabi—Perkataan Samuel si bangsa Laman tentang Kebangkitan ditambahkan pada catatan mereka. Kira-kira 34 tahun M.

DAN sekarang, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu seharusnya menyelidiki hal-hal ini. Ya, sebuah perintah Aku berikan kepadamu agar kamu menyelidiki hal-hal ini dengan tekun; kerana agunglah kata-kata Yesaya.

2 Kerana pastinya dia berbicara dengan menyentuh segala hal tentang umat-Ku yang merupakan dari bani Israel; oleh itu mestilah perlu bahawa dia mesti berbicara juga kepada bangsa bukan Israel.

3 Dan segala hal yang dia ucapkan telah dan akan terjadi, bahkan menurut perkataan yang dia ucapkan.

4 Oleh itu berilah perhatian kepada firman-Ku; tuliskanlah hal-hal yang telah Aku beritahukan kepadamu; dan menurut waktu dan kehendak Bapa ianya akan pergi kepada bangsa bukan Israel.

5 Dan sesiapa yang akan mendengar firman-Ku dan bertaubat dan dibaptiskan, merekalah yang akan diselamatkan. Selidikilah para nabi, kerana terdapat banyak yang bersaksi tentang hal-hal ini.

6 Dan sekarang, terjadilah bahawa ketika Yesus telah memfirmankan firman ini Dia berfirman kepada mereka lagi, setelah Dia menjelaskan segala tulisan suci kepada mereka yang telah diterima oleh mereka, Dia berfirman kepada mereka: Lihatlah, ada tulisan suci yang lain yang Aku kehendaki agar kamu harus tulis, yang kamu tidak punyai.

7 Dan terjadilah bahawa Dia berfirman kepada Nepi: Bawalah catatan yang telah kamu simpan.

8 Dan apabila Nepi telah membawa catatan-catatan itu, dan metakkannya di hadapan-Nya, Dia mengarahkan mata-Nya kepada mereka dan berfirman:

9 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, Aku memerintahkan hamba-Ku Samuel, si bangsa Laman, agar dia harus bersaksi kepada bangsa ini, bahawa pada hari itu apabila Bapa akan memuliakan nama-Nya di dalam Aku bahawa

terdapat banyak orang suci yang akan bangkit dari yang mati, dan akan menampakkan diri kepada banyak orang, dan akan melayani mereka. Dan Dia berfirman kepada mereka: Bukankah begitu?

10 Dan para pengikut-Nya menjawab Dia dan berkata: Ya, Tuhan, Samuel bernubuat menurut firman-Mu, dan semuanya telah digenapi.

11 Dan Yesus berfirman kepada mereka: Bagaimanakah mungkin kamu belum menuliskan hal ini, bahawa banyak orang suci bangkit dan menampakkan diri kepada banyak orang dan melayani mereka?

12 Dan terjadilah bahawa Nepi teringat bahawa hal ini belum dituliskan.

13 Dan terjadilah bahawa Yesus memerintahkan agar ia haruslah dituliskan; oleh itu, ia dituliskan seperti yang Dia perintahkan.

14 Dan sekarang, terjadilah bahawa apabila Yesus telah menjelaskan semua tulisan suci sekaligus, yang mereka telah tuliskan, Dia memerintahkan mereka agar mereka harus mengajarkan hal-hal yang telah Dia jelaskan kepada mereka.

BAB 24

Utusan Tuhan akan mempersiapkan jalan untuk Kedatangan Kedua—Kristus akan duduk dalam penghakiman—Israel diperintahkan untuk membayar persepuluhan dan persembahan—Sebuah kitab kenangan

disimpan—Bandingkan dengan Maleakhi 3. Kira-kira 34 tahun M.

DAN terjadilah bahawa Dia memerintahkan mereka agar mereka harus menuliskan firman yang telah Bapa berikan kepada Maleakhi, yang akan Dia beritahukan kepada mereka. Dan terjadilah bahawa setelah ianya dituliskan Dia menjelaskannya. Dan inilah firman yang Dia beritahukan kepada mereka, memfirmankan: Demikianlah firman Bapa kepada Maleakhi—Lihatlah, Aku akan mengutus utusan-Ku, dan dia akan mempersiapkan jalan di hadapan-Ku, dan Tuhan yang kamu cari akan datang dengan tiba-tiba ke bait suci-Nya, bahkan utusan perjanjian itu, yang kamu senangi; lihatlah, Dia akan datang, firman Tuhan Semesta Alam.

2 Tetapi siapa yang dapat bertahan menghadapi hari kedatangan-Nya, dan siapa yang akan berdiri apabila Dia menampakkan diri? Kerana Dia seperti api si penyempurna, dan seperti sabun tukang cuci.

3 Dan Dia akan duduk bagaikan seorang penyempurna dan penyuci perak; dan Dia akan memurnikan anak-anak lelaki Lewi, dan memurnikan mereka bagaikan emas dan perak, agar mereka boleh mempersembahkan kepada Tuhan sebuah persembahan dalam kesolehan.

4 Pada waktu itulah persembahan Yehuda dan Yerusalem akan menyenangkan Tuhan, seperti

pada zaman dahulu, dan seperti pada tahun-tahun terdahulu.

5 Dan Aku akan mendekatimu untuk menghakimi; dan Aku akan menjadi saksi dengan segera menentang tukang-tukang sihir, dan menentang para penzina, dan menentang penyumpah palsu, dan menentang mereka yang menindas orang upahan berkenaan upahnya, janda dan anak-anak yatim, dan mereka yang menolak orang asing, dan tidak takut kepada-Ku, firman Tuhan Semesta Alam.

6 Kerana Akulah Tuhan, Aku tidak berubah; oleh itu kamu anak-anak lelaki Yakub tidak akan dibinasakan.

7 Bahkan sejak masa nenek moyangmu kamu menjauhkan diri dari tatacara-tatacara-Ku, dan tidak mentaatinya. Kembalilah kepada-Ku dan Aku akan kembali kepadamu, firman Tuhan Semesta Alam. Tetapi kamu berkata: Dalam hal apakah kami harus kembali?

8 Adakah manusia akan merompak Tuhan? Namun kamu telah merompak-Ku. Tetapi kamu berkata: Dalam hal apakah kami telah merompak Engkau? Dalam persepuluhan dan persembahan.

9 Kamu dikutuk dengan sebuah kutukan, kerana kamu telah merompak-Ku, bahkan seluruh bangsa ini.

10 Bawalah kamu seluruh persepuluhan ke dalam gudang penyimpanan, agar terdapatnya makanan di dalam rumah-Ku; dan ujilah Aku sekarang dengan cara ini, firman Tuhan Semesta

Alam, jika Aku tidak akan membukakan bagimu jendela-jendela syurga, dan mencurahkan kepadamu suatu berkat sehingga tidak akan ada cukup ruang untuk menerimanya.

11 Dan Aku akan mengherdik si pelahap demi kepentinganmu, dan dia tidak akan menghancurkan hasil tanahmu; begitu juga pokok anggurmumu tidak akan menggugurkan buahnya sebelum waktunya di ladang, firman Tuhan Semesta Alam.

12 Dan semua bangsa akan menyebutmu diberkati, kerana kamu akan menjadi negeri yang menyenangkan, firman Tuhan Semesta Alam.

13 Perkataanmu sentiasa kuat menentang-Ku, firman Tuhan. Namun kamu berkata: Apakah yang telah kami ucapkan menentang-Mu?

14 Kamu telah berkata: Adalah sia-sia untuk melayani Tuhan, dan apakah keuntungannya setelah kita mentaati tatacara-tatacara-Nya dan kita telah berjalan dengan penuh kedukaan di hadapan Tuhan Semesta Alam?

15 Dan sekarang, kita memanggil yang angkuh bahagia; ya, mereka yang mengerjakan kejahatan telah ditegakkan; ya, mereka yang mencubai Tuhan juga telah dibebaskan.

16 Pada waktu itu mereka yang takut kepada Tuhan sering berbicara dengan satu sama lain, dan Tuhan memberi perhatian dan mendengar; dan sebuah kitab kenangan dituliskan di hadapan-Nya

untuk mereka yang takut kepada Tuhan, dan yang memikirkan nama-Nya.

17 Dan mereka akan menjadi milik-Ku, firman Tuhan Semesta Alam, pada hari itu apabila Aku menghimpunkan permata-permata-Ku; dan Aku akan membiarkan mereka hidup seperti seorang lelaki yang membiarkan anak lelakinya sendiri yang melayaninya untuk hidup.

18 Pada waktu itulah kamu akan kembali dan membezakan di antara yang soleh dan yang jahat, antara dia yang melayani Tuhan dan dia yang tidak melayani-Nya.

BAB 25

Pada Kedatangan Kedua, yang angkuh dan jahat akan dibakar bagaikan tunggul jerami—Elia akan kembali sebelum hari yang besar dan mengerikan itu—Bandingkan dengan Maleakhi 4. Kira-kira 34 tahun M.

KERANA lihatlah, harinya akan datang yang akan membakar bagaikan ketuhar; dan semua yang angkuh, ya, dan semua yang melakukan kejahatan, akan menjadi tunggul jerami; dan hari yang akan datang itu akan membakar mereka, firman Tuhan Semesta Alam, sehingga tidak akan meninggalkan bagi mereka baik akar mahupun dahan.

2 Tetapi kepada kamu yang takut pada nama-Ku, Putera Kebenaran akan bangkit dengan penyembuhan pada sayap-sayap-Nya; dan

kamu akan pergi dan membesar seperti anak-anak lembu di dalam kandang.

3 Dan kamu akan memijak-mijak yang jahat; kerana mereka akan menjadi abu di bawah telapak kakimu pada hari Aku akan melakukan ini, firman Tuhan Semesta Alam.

4 Ingatlah kamu hukum Musa, hamba-Ku, yang telah Aku perintahkan kepadanya di Horeb untuk seluruh Israel, dengan peraturan dan penghakiman.

5 Lihatlah, Aku akan mengutuskan nabi Elia kepadamu sebelum datangnya hari Tuhan yang besar dan mengerikan itu;

6 Dan dia akan memalingkan hati bapa-bapa kepada anak-anak, dan hati anak-anak kepada bapa-bapa mereka, agar jangan Aku datang dan menghentam bumi dengan suatu kutukan.

BAB 26

Yesus menghuraikan semua hal dari awal hingga akhir—Bayi dan anak-anak kecil menuturkan hal-hal yang menakutkan yang tidak dapat dituliskan—Mereka yang berada di dalam Gereja Kristus mempunyai segala benda merupakan kepunyaan mereka bersama. Kira-kira 34 tahun M.

DAN sekarang, terjadilah bahawa apabila Yesus telah memberitahunya kepada orang ramai; dan Dia menghuraikan semua hal kepada

mereka, baik yang besar mahupun yang kecil.

2 Dan Dia berfirman: Tulisan-tulisan suci ini, yang tidak kamu miliki bersamamu, Bapa telah perintahkan agar Aku harus memberikannya kepadamu; kerana adalah kebijaksanaan-Nya bahawa ianya harus diberikan kepada generasi-generasi yang akan datang.

3 Dan Dia menghuraikan semua hal, bahkan dari awal sehingga waktu Dia harus datang dalam kemuliaan-Nya—ya, bahkan semua hal yang harus datang ke atas permukaan bumi, bahkan sehingga unsur-unsur bumi akan mencair dengan haba yang tinggi, dan bumi akan tergulung bagaikan gulungan naskhah, dan langit dan bumi akan berakhir;

4 Dan bahkan sehingga hari yang besar dan terakhir, apabila semua bangsa, dan semua kaum, dan semua negara dan bahasa akan berdiri di hadapan Tuhan, untuk dihakimi di atas pekerjaan mereka, sama ada ianya baik ataupun jahat—

5 Jika mereka baik, pada kebangkitan kehidupan abadi; dan jika mereka jahat, pada kebangkitan kelaknatan; berada dalam suatu keselarian, yang satu pada sebelah tangan dan yang satu lagi pula pada sebelah tangan yang satu lagi, menurut belas kasihan, dan keadilan, dan kekudusan yang ada di dalam Kristus, yang sudah ada sebelum dunia bermula.

6 Dan sekarang, tidak dapat dituliskan dalam kitab ini bahkan

seperatus bahagian dari hal-hal yang Yesus benar-benar ajarkan kepada bangsa tersebut;

7 Tetapi lihatlah kepingan-kepingan Nefi mengandungi lebih banyak bahagian tentang hal-hal yang Dia telah ajarkan kepada bangsa itu.

8 Dan hal-hal ini telah aku tuliskan, yang merupakan sebahagian kecil dari hal-hal yang Dia telah ajarkan kepada bangsa itu; dan aku telah menuliskannya dengan tujuan agar ianya dapat dibawa kembali kepada bangsa ini, dari bangsa bukan Israel, menurut firman yang telah Yesus firmankan.

9 Dan apabila mereka akan menerima ini, yang amatlah perlu bahawa mereka harus memperolehnya terlebih dahulu, untuk menguji iman mereka, dan jika demikian halnya bahawa mereka akan mempercayai hal-hal ini maka hal yang lebih besar akan dinyatakan kepada mereka.

10 Dan jika demikian halnya bahawa mereka tidak mahu mempercayai hal-hal ini, maka hal-hal yang lebih besar akan ditahan daripada mereka, untuk penghukuman mereka.

11 Lihatlah, aku hampir menuliskannya, semua yang telah diukir di atas kepingan-kepingan Nefi, tetapi Tuhan melarangnya, memfirmankan: Aku akan menguji iman umat-Ku.

12 Oleh itu aku, Mormon, menuliskan hal-hal yang telah diperintahkan kepadaku oleh Tuhan. Dan sekarang aku, Mormon,

mengakhiri ucapanku, dan meneruskan dengan penulisan hal-hal yang telah diperintahkan kepadaku.

13 Oleh itu, aku menginginkan agar kamu harus melihat bahawa Tuhan benar-benar telah mengajar orang ramai itu, untuk tempoh tiga hari; dan setelah itu Dia sering memperlihatkan diri-Nya kepada mereka, dan sering memecah-mecahkan roti, dan memberkati-nya, dan memberikannya kepada mereka.

14 Dan terjadilah bahawa Dia mengajar dan melayani anak-anak orang ramai yang berkenaan mereka yang telah dibicarakan, dan Dia melembutkan lidah mereka, dan mereka berbicara kepada bapa mereka tentang hal-hal yang besar dan menakjubkan, bahkan yang lebih besar daripada yang telah Dia wahyukan kepada bangsa itu; dan Dia membebaskan lidah mereka sehingga mereka dapat bertutur.

15 Dan terjadilah bahawa setelah Dia naik ke syurga—selepas kali kedua Dia memperlihatkan diri-Nya kepada mereka, dan telah pergi kepada Bapa, setelah menyembuhkan semua orang sakit mereka, dan orang lumpuh mereka, dan mencelikkan mata orang buta mereka dan menyembuhkan telinga orang yang tuli, dan bahkan telah melakukan bermacam-macam penyembuhan di kalangan mereka, dan menghidupkan kembali seorang lelaki daripada yang mati, dan telah memperlihatkan

kuasa-Nya kepada mereka, dan telah naik kepada Bapa—

16 Lihatlah, terjadilah pada kesesakan harinya bahawa orang ramai berkumpul bersama, dan mereka melihat dan juga mendengar anak-anak ini; ya, bahkan bayi-bayi membuka mulut mereka dan menuturkan hal-hal yang menakjubkan; dan hal-hal yang mereka tuturkan adalah dilarang untuk dituliskan oleh sesiapa pun.

17 Dan terjadilah bahawa para pengikut yang telah dipilih oleh Yesus mulai sejak waktu itu membaptis dan mengajar seberapa banyak yang datang kepada mereka; dan seberapa banyak yang telah dibaptiskan dalam nama Yesus dipenuhi dengan Roh Kudus.

18 Dan ramai daripada mereka telah melihat dan mendengar hal-hal yang tak terucapkan, yang tidak dibenarkan untuk dituliskan.

19 Dan mereka mengajar, dan melayani satu sama lain; dan segala benda merupakan kepunyaan mereka bersama, setiap orang berurusan dengan adil, di antara satu sama lain.

20 Dan terjadilah bahawa mereka melakukan semua hal bahkan seperti yang Yesus perintahkan kepada mereka.

21 Dan mereka yang telah dibaptiskan dalam nama Yesus disebut gereja Kristus.

menamakan Gereja dengan nama-Nya—Injil-Nya terdiri daripada misi dan korban tebusan-Nya—Manusia diperintahkan untuk bertaubat dan dibaptiskan agar mereka boleh dikuduskan oleh Roh Kudus—Mereka akan menjadi bahkan seperti Yesus. Kira-kira 34–35 tahun M.

DAN terjadilah bahawa semasa para pengikut Yesus sedang melakukan perjalanan dan mengkhutbahkan hal-hal yang telah mereka dengari dan juga lihat, dan telah membaptis dalam nama Yesus, terjadilah bahawa para pengikut berkumpul bersama dan bersatu di dalam doa yang membara dan berpuasa.

2 Dan Yesus sekali lagi memperlihatkan diri-Nya kepada mereka, kerana mereka sedang berdoa kepada Bapa dalam nama-Nya; dan Yesus datang dan berdiri di tengah-tengah mereka, dan berfirman kepada mereka: Apakah yang kamu inginkan Aku berikan kepadamu?

3 Dan mereka berkata kepadanya: Tuhan, kami menginginkan agar Engkau akan memberitahu kami dengan nama apa kami harus memanggil gereja ini; kerana ada perselisihan di kalangan umat ini tentang perkara ini.

4 Dan Tuhan berfirman kepada mereka: Sesungguhnya-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, mengapakah umat ini harus merungut dan berselisih disebabkan hal ini?

5 Tidakkah mereka membaca tulisan suci, yang mengatakan kamu

BAB 27

Yesus memerintahkan mereka untuk

mesti mengambil ke atas dirimu nama Kristus, yang merupakan nama-Ku? Kerana dengan nama ini kamu akan dipanggil pada hari terakhir;

6 Dan sesiapa yang mengambil ke atas dirinya nama-Ku, dan bertahan sampai akhir, merekalah yang akan diselamatkan pada hari terakhir.

7 Oleh itu, apa pun yang akan kamu lakukan, kamu akan melakukannya dalam nama-Ku; oleh itu kamu akan memanggil gereja ini dengan nama-Ku; dan kamu akan meminta kepada Bapa dalam nama-Ku agar Dia akan memberkati gereja ini demi kepentingan-Ku.

8 Dan bagaimanakah ia menjadi gereja-Ku kecuali dipanggil dengan nama-Ku? Kerana jika sebuah gereja dipanggil dengan nama Musa maka ia menjadi gereja Musa; atau jika dipanggil dengan nama seseorang maka ia menjadi gereja orang itu; tetapi jika dipanggil dengan nama-Ku barulah ia menjadi gereja-Ku, jika mereka dibangunkan di atas Injil-Ku.

9 Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu dibangunkan di atas Injil-Ku; oleh itu kamu akan memanggil apa pun juga yang kamu namakan, dengan nama-Ku; oleh itu jika kamu meminta kepada Bapa, untuk gereja, jika ianya dalam nama-Ku Bapa akan mendengarmu;

10 Dan jika demikian halnya bahawa gereja itu dibangunkan di atas Injil-Ku maka Bapa akan

memperlihatkan pekerjaan-Nya sendiri di dalamnya.

11 Tetapi jika ia tidak dibangunkan di atas Injil-Ku, dan dibangunkan di atas pekerjaan manusia, atau di atas pekerjaan iblis, sesungguhnya Aku berfirman kepadamu mereka merasakan kebahagiaan dalam pekerjaan mereka untuk suatu musim, dan lama-kelamaan akhir itu akan tiba, dan mereka ditebang dan dilemparkan ke dalam api, di mana tidak ada jalan untuk kembali.

12 Kerana pekerjaan-pekerjaan mereka mengiringi mereka, disebabkan pekerjaan merekalah maka mereka ditebang; oleh itu ingatlah hal-hal yang telah Aku beritahukan kepadamu.

13 Lihatlah Aku telah memberikan kepadamu Injil-Ku, dan inilah Injil yang telah Aku berikan kepadamu—bahawa Aku datang ke dunia untuk melakukan kehendak Bapa-Ku, kerana Bapa-Ku telah mengutus-Ku.

14 Dan Bapa-Ku mengutus-Ku agar Aku boleh diangkat ke atas salib; dan setelah Aku diangkat ke atas salib, agar Aku boleh menarik semua orang kepada-Ku, agar seperti Aku telah diangkat oleh manusia maka demikian juga manusia akan diangkat oleh Bapa, untuk berdiri di hadapan-Ku, untuk dihakimi di atas pekerjaan mereka, sama ada baik ataupun jahat—

15 Dan untuk sebab ini Aku telah diangkat; oleh itu, menurut kuasa Bapa Aku akan menarik semua

orang kepada-Ku, agar mereka boleh dihakimi menurut pekerjaan mereka.

16 Dan akan terjadi, bahawa sesiapa yang bertaubat dan dibaptiskan dalam nama-Ku akan dipenuhi; dan jika dia bertahan sampai akhir, lihatlah, dia akan Aku tetapkan tidak bersalah di hadapan Bapa-Ku pada hari itu apabila Aku akan berdiri untuk menghakimi dunia.

17 Dan dia yang tidak bertahan sampai akhir, dialah juga yang ditebang dan dilemparkan ke dalam api, dari mana mereka tidak dapat kembali lagi, disebabkan keadilan Bapa.

18 Dan inilah firman yang telah Dia berikan kepada anak-anak manusia. Dan untuk sebab ini Dia menggenapi firman-firman yang telah Dia berikan, dan Dia tidak berdusta, tetapi menggenapi segala firman-Nya.

19 Dan tidak ada apa pun yang tidak bersih dapat masuk ke dalam kerajaan-Nya; oleh itu tidak ada apa pun yang masuk ke dalam peristirahatan-Nya kecuali mereka yang telah mencuci pakaian mereka dalam darah-Ku, kerana iman mereka, dan pertaubatan di atas segala dosa mereka, dan kesetiaan mereka sehingga akhir.

20 Sekarang inilah perintah itu: Bertaubatlah, kamu segenap hujung bumi, dan datanglah kepada-Ku dan dibaptiskanlah dalam nama-Ku, agar kamu boleh diduduskan melalui penerimaan Roh Kudus, agar kamu boleh berdiri

tanpa noda di hadapan-Ku pada hari terakhir.

21 Sesungguh-sungguhnya, Aku berfirman kepadamu, ini adalah Injil-Ku; dan kamu tahu hal yang mesti kamu lakukan di dalam gereja-Ku; kerana pekerjaan yang telah kamu lihat Aku lakukan itu akan kamu lakukan juga; kerana apa yang telah kamu lihat Aku lakukan bahkan itu jugalah yang akan kamu lakukan;

22 Oleh itu, jika kamu melakukan hal-hal ini diberkatilah kamu, kerana kamu akan diangkat pada hari terakhir.

23 Tuliskanlah apa yang telah kamu lihat dan dengar, kecuali hal-hal yang telah dilarang.

24 Tuliskanlah pekerjaan bangsa ini, yang akan terjadi, bahkan seperti yang telah dituliskan, tentang apa yang telah terjadi.

25 Kerana lihatlah, dari kitab-kitab yang telah dituliskan itu, dan yang akan dituliskan, bangsa ini akan dihakimi, kerana melaluinya pekerjaan mereka akan diberitahukan kepada manusia.

26 Dan lihatlah, semua hal telah dituliskan oleh Bapa; oleh itu dari kitab-kitab yang akan dituliskan dunia akan dihakimi.

27 Dan ketahuilah kamu bahawa kamu akan menjadi para hakim ke atas bangsa ini, menurut pertimbangan yang akan Aku berikan kepadamu, yang adalah adil. Oleh itu, kamu harus menjadi orang yang bagaimana? Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahkan seperti Aku.

28 Dan sekarang, Aku pergi kepada Bapa. Dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, apa pun juga yang akan kamu minta daripada Bapa dalam nama-Ku akan diberikan kepadamu.

29 Oleh itu, mintalah, dan kamu akan menerima; ketuklah, dan akan dibukakan bagimu; kerana dia yang meminta, menerima; dan kepada dia yang mengetuk, akan dibukakan.

30 Dan sekarang, lihatlah, kebahagiaan-Ku besar, bahkan sehingga penuh, disebabkan kamu, dan juga generasi ini; ya, dan bahkan Bapa bergembira, dan juga semua malaikat kudus, disebabkan kamu dan generasi ini; kerana tidak seorang pun daripada mereka yang hilang.

31 Lihatlah, Aku menginginkan agar kamu harus memahami; kerana Aku maksudkan mereka yang masih hidup sekarang daripada generasi ini; dan tidak seorang pun daripada mereka yang hilang; dan di dalam diri mereka Aku merasakan kegenapan kebahagiaan.

32 Tetapi lihatlah, ianya menyedihkan-Ku disebabkan oleh generasi yang keempat daripada generasi ini, kerana mereka dituntun tertawan oleh dia bahkan seperti putera neraka jahanam; kerana mereka akan menjual-Ku demi perak dan demi emas, dan demi harta benda yang dapat dirosakkan oleh rama-rama dan yang pencuri dapat memecah masuk dan mencuri. Dan pada masa itu Aku akan mengunjungi

mereka, bahkan untuk membalas pekerjaan mereka ke atas kepala mereka sendiri.

33 Dan terjadilah bahawa apabila Yesus telah mengakhiri firman ini Dia berfirman kepada para pengikut-Nya: Masuklah kamu ke dalam pintu gerbang yang kecil; kerana kecilah pintu gerbang itu, dan sempitlah jalan yang menuju kepada kehidupan, dan terdapat sedikit sahaja yang menemuinya; tetapi lebarlah pintu gerbang itu, dan luaslah jalan yang menuju kepada kematian, dan terdapat ramai yang berjalan ke dalamnya, sehingga malam tiba, di mana tidak seorang pun dapat bekerja.

BAB 28

Sembilan daripada Dua Belas itu menghasratkan dan telah dijanjikan sebuah tempat di dalam kerajaan Kristus apabila mereka mati—Tiga Bangsa Nefi itu menghasratkan dan diberikan kuasa untuk mengatasi kematian supaya tetap tinggal di atas bumi sehingga Yesus datang kembali—Mereka telah diubah dan melihat hal-hal yang tidak dibenarkan untuk diperkatakan, dan mereka sekarang melayani di kalangan manusia. Kira-kira 34–35 tahun M.

DAN terjadilah bahawa apabila Yesus telah memfirmankan firman ini, Dia berfirman kepada para pengikut-Nya, satu demi satu, memfirmankan kepada mereka: Apakah yang kamu hasratkan

daripada-Ku, setelah Aku pergi kepada Bapa?

2 Dan mereka semua berbicara, kecuali tiga orang, mengatakan: Kami berhasrat agar setelah kami hidup sehingga usia manusia, agar pelayanan kami, yang di dalamnya Engkau telah memanggil kami, akan berakhir, agar kami dapat segera datang kepada-Mu di dalam kerajaan-Mu.

3 Dan Dia berfirman kepada mereka: Diberkatilah kamu kerana kamu menghasratkan hal ini daripada-Ku; oleh itu, setelah kamu berumur tujuh puluh dua tahun kamu akan datang kepada-Ku di dalam kerajaan-Ku; dan bersama-Ku kamu akan beristirahat.

4 Dan apabila Dia telah berfirman kepada mereka, Dia memalingkan diri-Nya kepada yang tiga orang lagi, dan berfirman kepada mereka: Apakah yang kamu inginkan agar Aku harus lakukan kepadamu, apabila Aku telah pergi kepada Bapa?

5 Dan mereka bersedih di dalam hati mereka, kerana mereka tidak berani mengatakan kepada-Nya hal yang mereka hasratkan itu.

6 Dan Dia berfirman kepada mereka: Lihatlah, Aku mengetahui fikiranmu, dan kamu telah menginginkan hal yang Yohanes, yang Kukasihi, yang berada bersama-Ku dalam pelayanan-Ku, sebelum Aku diangkat oleh bangsa Yahudi, hasratkan daripada-Ku.

7 Oleh itu, lebih diberkatilah kamu, kerana kamu tidak akan pernah merasakan kematian; tetapi

kamu akan hidup untuk melihat segala perbuatan Bapa kepada anak-anak manusia, bahkan sehingga semua hal akan digenapi menurut kehendak Bapa, apabila Aku akan datang dalam kemuliaan-Ku dengan kuasa syurga.

8 Dan kamu tidak akan pernah menanggung rasa sakit kematian; tetapi apabila Aku akan datang dalam kemuliaan-Ku kamu akan diubah dalam sekelip mata dari kefanaan ke kebaqaan; dan kemudian kamu akan diberkati di dalam kerajaan Bapa-Ku.

9 Dan lagi, kamu tidak akan merasakan kesakitan semasa kamu akan tinggal di dalam daging, tidak juga kesedihan kecuali kerana dosa-dosa dunia; dan semua ini akan Aku lakukan kerana hal yang telah kamu hasratkan daripada-Ku, kerana kamu telah berhasrat agar kamu boleh membawa jiwa-jiwa manusia kepada-Ku, semasa dunia ini masih ada.

10 Dan kerana sebab ini kamu akan merasakan kegenapan kebahagiaan; dan kamu akan duduk di dalam kerajaan Bapa-Ku; ya, kebahagiaanmu akan penuh, bahkan seperti Bapa telah memberi-Ku kegenapan kebahagiaan; dan kamu akan menjadi bahkan seperti Aku, dan Aku bahkan seperti Bapa; dan Bapa dan Aku adalah satu;

11 Dan Roh Kudus memberikan kesaksian tentang Bapa dan Aku; dan Bapa memberikan Roh Kudus kepada anak-anak manusia, kerana Aku.

12 Dan terjadilah bahawa apabila

Yesus telah memfirmankan firman ini, Dia menyentuh setiap orang daripada mereka dengan jari-Nya kecuali ketiga orang yang akan tinggal, dan kemudian Dia pergi.

13 Dan lihatlah, langit terbuka, dan mereka diangkat ke dalam syurga, dan melihat dan mendengar hal-hal yang tak terucapkan.

14 Dan telah dilarang bagi mereka untuk mengatakannya; tidak juga mereka diberikan kuasa agar mereka dapat mengatakan hal-hal yang mereka telah lihat dan dengar;

15 Dan adakah mereka berada di dalam tubuh atau di luar tubuh, mereka tidak dapat mengatakannya; kerana kelihatannya bagi mereka seperti perubahan rupa ke atas diri mereka, bahawa mereka telah diubah dari tubuh daging ini kepada suatu keadaan baqa, sehingga mereka dapat melihat hal-hal Tuhan.

16 Tetapi terjadilah bahawa mereka telah kembali melayani di atas permukaan bumi; walaupun demikian mereka tidak mengajarkan apa yang telah mereka dengar dan lihat, kerana perintah yang telah diberikan kepada mereka di dalam syurga.

17 Dan sekarang, adakah mereka fana atau baqa, sejak dari hari perubahan rupa mereka, aku tidaklah tahu;

18 Tetapi sebanyak ini yang aku ketahui, menurut catatan yang telah diberikan—mereka telah pergi ke atas permukaan negeri, dan melayani semua orang,

menyatukan seberapa banyak orang kepada gereja yang mahu percaya kepada pengkhotbahannya mereka; membaptiskan mereka, dan seberapa banyak yang telah dibaptiskan telah menerima Roh Kudus.

19 Dan mereka dilemparkan ke dalam penjara oleh mereka yang tidak termasuk di dalam gereja. Dan penjara-penjara itu tidak dapat menahan mereka, kerana ianya terbelah menjadi dua.

20 Dan mereka dilemparkan ke dalam bumi; tetapi mereka menghentam bumi dengan firman Tuhan, sedemikian rupa sehingga melalui kuasa-Nya mereka dibebaskan keluar dari dasar bumi; dan oleh itu mereka tidak dapat menggali lubang yang dapat menahan mereka.

21 Dan tiga kali mereka telah dilemparkan ke dalam relau api dan tidak mengalami kecederaan.

22 Dan dua kali mereka dilemparkan ke dalam kandang binatang buas; dan lihatlah mereka bermain dengan binatang buas itu seperti seorang anak dengan anak domba yang menyusu, dan tidak mengalami kecederaan.

23 Dan terjadilah bahawa demikianlah mereka pergi ke kalangan semua bangsa Nefi, dan mengkhotbahkan Injil Kristus kepada semua orang di atas permukaan negeri; dan mereka berpaling kepada Tuhan, dan disatukan kepada Gereja Kristus, dan demikianlah orang daripada generasi itu diberkati, menurut firman Yesus.

24 Dan sekarang, aku, Mormon, mengakhiri pembicaraan tentang hal-hal ini buat seketika.

25 Lihatlah, aku sudah hendak menuliskan nama-nama mereka yang tidak akan pernah merasakan kematian itu, tetapi Tuhan melarang; oleh itu aku tidak menuliskannya, kerana mereka disembunyikan dari dunia.

26 Tetapi lihatlah, aku telah melihat mereka, dan mereka telah melayaniku.

27 Dan lihatlah mereka akan berada di antara bangsa bukan Israel, dan bangsa bukan Israel tidak akan mengenali mereka.

28 Mereka juga akan berada di antara bangsa Yahudi, dan bangsa Yahudi tidak akan mengenali mereka.

29 Dan akan terjadilah, apabila Tuhan menganggapnya patut menurut kebijaksanaan-Nya bahawa mereka akan melayani semua suku Israel yang telah bercerai-berai, dan semua bangsa, kaum, bahasa dan rakyat, dan akan membawa banyak jiwa daripada mereka kepada Yesus, agar keinginan mereka boleh dipenuhi, dan juga kerana kuasa Tuhan untuk meyakinkan yang ada di dalam diri mereka.

30 Dan mereka seperti para malaikat Tuhan, dan jika mereka akan berdoa kepada Bapa dalam nama Yesus mereka dapat memperlihatkan diri mereka kepada sesiapa pun yang nampaknya sesuai kepada mereka.

31 Oleh itu, pekerjaan yang besar dan menakjubkan akan dijalankan

oleh mereka, sebelum hari yang besar dan akan datang itu apabila semua orang mesti berdiri di hadapan kerusi penghakiman Kristus;

32 Ya bahkan juga di kalangan bangsa bukan Israel akan terdapat sebuah pekerjaan yang besar dan menakjubkan dijalankan oleh mereka, sebelum hari penghakiman itu.

33 Dan jika kamu memiliki semua tulisan suci yang memberikan laporan tentang semua pekerjaan Kristus yang menakjubkan, kamu akan, menurut firman Kristus, mengetahui bahawa hal-hal ini sudah pasti akan datang.

34 Dan celakalah dia yang tidak mahu mendengarkan firman Yesus, dan juga mereka yang telah Dia pilih dan telah diutus ke kalangan mereka; kerana sesiapa yang tidak menerima firman Yesus dan perkataan daripada mereka yang telah Dia utuskan tidak menerima-Nya; dan oleh itu Dia tidak akan menerima mereka pada hari terakhir;

35 Dan akan lebih baik bagi mereka jika mereka tidak pernah dilahirkan. Kerana adakah kamu menganggap bahawa kamu dapat meniadakan keadilan seorang Tuhan yang tersinggung, yang telah dipijak-pijak di bawah kaki manusia, agar dengan demikian keselamatan boleh datang?

36 Dan sekarang, lihatlah, sewaktu aku berbicara tentang mereka yang telah dipilih oleh Tuhan, ya, bahkan ketiga-tiga orang yang

telah diangkat ke syurga, bahawa aku tidak tahu adakah mereka dibersihkan dari kefanaan kepada kebaqaan—

37 Tetapi lihatlah, sejak aku menulis, aku telah bertanya kepada Tuhan, dan Dia telah menyatakannya kepadaku bahawa mestilah perlu ada perubahan yang dilakukan ke atas tubuh mereka, kalau tidak mereka mesti perlu merasai kematian;

38 Oleh itu, supaya mereka tidak merasai kematian terdapat perubahan yang dilakukan ke atas tubuh mereka, agar mereka tidak menderita kesakitan dan juga kesedihan kecuali kerana dosa-dosa dunia.

39 Sekarang, perubahan ini tidaklah sama dengan apa yang akan terjadi pada hari terakhir; tetapi ada perubahan yang dilakukan ke atas diri mereka, sedemikian rupa sehingga Setan tidak dapat memiliki kuasa ke atas diri mereka, sehingga dia tidak dapat menggoda mereka; dan mereka dikuduskan di dalam daging, agar mereka kudus, dan kuasa-kuasa di bumi tidak akan dapat menahan mereka.

40 Dan mereka akan tetap tinggal dalam keadaan ini sehinggalah hari penghakiman Kristus; dan pada hari itu mereka akan mengalami perubahan yang lebih besar, dan diterima ke dalam kerajaan Bapa untuk tidak keluar lagi, tetapi tinggal bersama Tuhan selamanya di dalam syurga.

BAB 29

Kedatangan Kitab Mormon merupakan suatu tanda bahawa Tuhan telah mula mengumpulkan Israel dan memenuhi perjanjian-Nya—Mereka yang menolak wahyu dan kurnia-kurnia zaman akhir-Nya akan dikutuk. Kira-kira 34–35 tahun M.

DAN sekarang, lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa apabila Tuhan akan menganggapnya patut, menurut kebijaksanaan-Nya, bahawa perkataan ini akan datang kepada bangsa bukan Israel menurut firman-Nya, pada waktu itu kamu akan mengetahui bahawa perjanjian yang telah Bapa buat dengan anak-anak Israel, tentang pemulihan mereka ke negeri warisan mereka, sedang mulai digenapi.

2 Dan kamu boleh mengetahui bahawa firman Tuhan, yang telah diucapkan oleh para nabi kudus, akan digenapi semuanya; dan kamu tidak perlu berkata bahawa Tuhan melengah-lengahkan kedatangan-Nya kepada anak-anak Israel.

3 Dan kamu tidak perlu membayangkan di dalam hatimu bahawa perkataan yang telah diucapkan adalah sia-sia, kerana lihatlah, Tuhan akan mengingati perjanjian-Nya yang telah Dia buat kepada umat-Nya dari bani Israel.

4 Dan apabila kamu akan melihat perkataan ini datang di kalangan kamu, pada waktu itu kamu tidak perlu lagi mencemuh

perbuatan-perbuatan Tuhan, kerana pedang keadilan-Nya berada di tangan kanan-Nya; dan lihatlah, pada masa itu, jika kamu mencemuh perbuatan-Nya Dia akan menyebabkan agar pedang-Nya dengan segera mendatangimu.

5 Celakalah dia yang mencemuh perbuatan Tuhan; ya, celakalah dia yang akan menyangkal Kristus dan pekerjaan-Nya!

6 Ya, celakalah dia yang akan menyangkal wahyu-wahyu Tuhan, dan yang akan berkata Tuhan tidak lagi bekerja melalui wahyu, atau melalui nubuat, atau melalui kurniaan, atau melalui bahasa, atau melalui penyembuhan, atau melalui kuasa Roh Kudus!

7 Ya, dan celakalah dia yang akan berkata pada hari itu, untuk memperoleh keuntungan, bahawa tidak dapat ada mukjizat yang dilakukan oleh Yesus Kristus; kerana dia yang melakukan ini akan menjadi seperti putera neraka jahanam, yang tidak ada belas kasihan untuknya, menurut firman Kristus!

8 Ya, dan kamu tidak perlu lagi menyindir, atau mencemuh, atau mempermainkan bangsa Yahudi, dan juga sesiapa pun daripada sisa bani Israel; kerana lihatlah, Tuhan mengingati perjanjian-Nya kepada mereka, dan Dia akan melakukan kepada mereka menurut apa yang telah Dia sumpahkan.

9 Oleh itu kamu tidak perlu menganggap bahawa kamu dapat mengubah tangan kanan Tuhan

ke kiri, agar Dia boleh tidak melaksanakan penghakiman dalam menggenapi perjanjian yang telah Dia buat kepada bani Israel.

BAB 30

Bangsa bukan Israel zaman akhir diperintahkan untuk bertaubat, datang kepada Kristus, dan dihitung di kalangan bani Israel. Kira-kira 34–35 tahun M.

DENGARLAH, Wahai kamu bangsa bukan Israel, dan dengarlah firman Yesus Kristus, Putera Tuhan yang hidup, yang telah Dia perintahkan kepadaku agar aku harus berbicara tentang kamu, kerana, lihatlah Dia memerintahkanku agar aku harus menulis, mengatakan:

2 Berpalinglah, kamu semua bangsa bukan Israel, dari jalan-jalan kejahatanmu; dan bertaubatlah di atas perbuatan jahatmu, dari dusta dan penipuanmu, dan dari pelacuranmu, dan dari kekejian rahsiamu, dan pemujaan berhalamu, dan dari pembunuhanmu, dan penipuan imammu, dan kedengkianmu, dan persengketaanmu, dan dari segala kejahatan dan kekejianmu, dan datanglah kepada-Ku, dan dibaptiskanlah dalam nama-Ku, agar kamu boleh menerima pengampunan akan dosa-dosamu, dan dipenuhi dengan Roh Kudus, agar kamu boleh dihitung di antara umat-Ku yang merupakan bani Israel.

EMPAT NEFI KITAB NEFI

YANG MERUPAKAN ANAK LELAKI NEFI—SALAH SEORANG PENGIKUT
YESUS KRISTUS

Sebuah laporan tentang bangsa Nefi, menurut catatannya.

Bangsa Nefi dan bangsa Laman semuanya berpaling kepada Tuhan—Segala benda mereka merupakan kepunyaan mereka bersama, mereka mengerjakan mukjizat, dan makmur di negeri itu—Setelah dua abad, perpecahan, kejahatan, gereja-gereja palsu, dan penganiayaan timbul—Setelah tiga ratus tahun, kedua-dua bangsa Nefi dan bangsa Laman menjadi jahat—Amaron menyembunyikan catatan-catatan kudus itu. Kira-kira 35–321 tahun M.

DAN terjadilah bahawa tahun ketiga puluh empat telah berlalu, dan juga ketiga puluh lima, dan lihatlah para pengikut Yesus telah membentuk gereja Kristus di seluruh negeri di sekitarnya. Dan seberapa banyak yang datang kepada mereka, dan benar-benar bertaubat dari dosa-dosa mereka, dibaptiskan dalam nama Yesus; dan mereka juga telah menerima Roh Kudus.

2 Dan terjadilah pada tahun ketiga puluh enam, semua orang itu telah berpaling kepada Tuhan, di seluruh permukaan negeri, baik bangsa Nefi dan juga bangsa Laman, dan tidak terdapat pertikaian dan perselisihan di antara

mereka, dan setiap orang berurusan dengan adil di antara satu sama lain.

3 Dan segala benda mereka merupakan kepunyaan mereka bersama; oleh itu tidak ada yang kaya dan miskin, yang terikat dan bebas, tetapi mereka semuanya dijadikan bebas, dan pengambil bahagian dari kurnia syurgawi.

4 Dan terjadilah bahawa tahun ketiga puluh tujuh juga berlalu, dan masih terdapat kedamaian yang berterusan di negeri itu.

5 Dan pekerjaan yang besar dan menakjubkan dilakukan oleh para pengikut Yesus, sedemikian rupa sehingga mereka menyembuhkan yang sakit, dan menghidupkan kembali yang mati, dan menyebabkan yang lumpuh berjalan, dan yang buta menerima penglihatan mereka, dan yang tuli mendengar; dan bermacam-macam mukjizat telah mereka jalankan di kalangan anak-anak manusia; dan mereka tidak melakukan mukjizat dalam apa pun kecuali di dalam nama Yesus.

6 Dan demikianlah tahun ketiga puluh lapan berlalu, dan juga ketiga puluh sembilan, dan keempat puluh dan satu, dan keempat

puluh dua, ya, bahkan sehingga empat puluh sembilan tahun telah berlalu, dan juga yang kelima puluh satu, dan yang kelima puluh dua; ya, dan bahkan sehingga lima puluh sembilan tahun telah berlalu.

7 Dan Tuhan memakmurkan mereka dengan besar di negeri itu; ya, sedemikian rupa sehingga mereka telah membina banyak kota lagi di kawasan-kawasan kota yang pernah terbakar.

8 Ya, bahkan juga kota Zarahemla yang besar itu telah mereka usahakan untuk dibina kembali.

9 Tetapi terdapat banyak kota yang telah tenggelam, dan air telah naik di tempatnya; oleh itu kota-kota ini tidak dapat diperbaharui.

10 Dan sekarang, lihatlah, terjadilah bahawa bangsa Nefi menjadi kuat, dan bertambah banyak dengan sangat cepat, dan menjadi orang yang amat rupawan dan menyenangkan.

11 Dan mereka berkahwin, dan dikahwinkan, dan diberkati menurut banyak perjanjian yang telah Tuhan buat kepada mereka.

12 Dan mereka tidak lagi berjalan mengikuti persembahan dan tatacara-tatacara hukum Musa; tetapi mereka berjalan menurut perintah-perintah yang telah mereka terima daripada Tuhan dan Raja mereka, terus berpuasa dan berdoa, dan sering berhimpun bersama baik untuk berdoa mahupun mendedengarkan firman Tuhan.

13 Dan terjadilah bahawa tidak ada pertikaian di antara semua

orang, di seluruh negeri itu; tetapi terdapat mukjizat-mukjizat besar yang dilakukan di kalangan para pengikut Yesus.

14 Dan terjadilah bahawa tahun ketujuh puluh satu berlalu, dan juga tahun ketujuh puluh dua, ya, dan kesimpulannya, sehingga tahun ketujuh puluh sembilan telah berlalu; ya, bahkan seratus tahun telah berlalu, dan para pengikut Yesus, yang telah Dia pilih, semuanya telah pergi ke firdaus Tuhan, kecuali tiga orang tersebut yang harus tinggal; dan ada pengikut-pengikut lain yang telah ditahbiskan sebagai pengganti mereka; dan juga ramai daripada generasi itu telah meninggal dunia.

15 Dan terjadilah bahawa tidak ada pertikaian di negeri itu, kerana kasih Tuhan yang berada di dalam hati bangsa itu.

16 Dan tidak ada kedengkian, dan juga pertikaian, dan juga pergaduhan, dan juga pelacuran, dan juga dusta, dan juga pembunuhan, dan juga pelbagai jenis kegasangan nafsu apa pun; dan sudah pastinya tidak terdapat orang yang lebih bahagia di kalangan semua orang yang telah diciptakan oleh tangan Tuhan.

17 Tidak ada perompak, atau pembunuh, tidak juga ada bangsa Laman, atau apa-apa nama bangsa pun; tetapi mereka dalam kesatuan, anak-anak Kristus, dan para pewaris kerajaan Tuhan.

18 Dan betapa diberkati mereka! Kerana Tuhan memberkati

mereka dalam segala perbuatan mereka; ya, bahkan mereka diberkati dan dimakmurkan sehingga seratus sepuluh tahun telah berlalu; dan generasi pertama sejak Kristus telah meninggal dunia, dan tidak ada pertikaian di atas seluruh negeri tersebut.

19 Dan terjadilah bahawa Nefi, dia yang menyimpan catatan yang terakhir ini, (dan dia menyimpannya di atas kepingan-kepingan Nefi) telah mati, dan anak lelakinya Amos menyimpannya sebagai penggantinya; dan dia menyimpannya di atas kepingan-kepingan Nefi juga.

20 Dan dia menyimpannya selama lapan puluh empat tahun, dan masih ada kedamaian di negeri itu, kecuali sebahagian kecil daripada umat itu yang telah memberontak dari gereja dan mengambil atas diri mereka nama bangsa Laman; oleh itu mulailah terdapatnya bangsa Laman lagi di negeri itu.

21 Dan terjadilah bahawa Amos juga telah mati, (dan merupakan seratus sembilan puluh empat tahun sejak kedatangan Kristus) dan anak lelakinya Amos menyimpan catatan itu sebagai penggantinya; dan dia juga menyimpannya di atas kepingan-kepingan Nefi; dan ianya juga dituliskan di dalam kitab Nefi, iaitu kitab ini.

22 Dan terjadilah bahawa dua ratus tahun telah berlalu; dan generasi kedua semuanya telah meninggal kecuali sedikit daripada mereka.

23 Dan sekarang, aku, Mormon, menginginkan agar kamu harus tahu bahawa orang itu telah bertambah banyak, sedemikian rupa sehingga mereka disebarikan ke atas seluruh permukaan negeri, dan bahawa mereka telah menjadi amat kaya, kerana kemakmuran mereka di dalam Kristus.

24 Dan sekarang, pada tahun kedua ratus satu ini mulailah terdapat di antara mereka, orang yang terangkat-angkat dalam keangkuhan, seperti memakai pakaian mahal, dan bermacam-macam mutiara yang indah, dan benda-benda yang cantik di dunia.

25 Dan sejak dari waktu itu harta benda mereka dan harta kekayaan mereka tidak lagi merupakan kepunyaan mereka bersama.

26 Dan mereka mulai terbahagi ke dalam golongan-golongan; dan mereka mulai membangunkan gereja-gereja bagi mereka sendiri untuk memperoleh keuntungan, dan mulai menyangkal gereja Kristus yang sejati.

27 Dan terjadilah bahawa apabila dua ratus sepuluh tahun telah berlalu terdapat banyak gereja di negeri itu; ya, terdapat banyak gereja yang mengakui mengenali Kristus, namun mereka menyangkal sebahagian besar daripada Injil-Nya, sedemikian rupa sehingga mereka menerima bermacam-macam kejahatan, dan mengerjakan hal yang kudus kepada dia yang telah dilarang disebabkan ketidaklayakan.

28 Dan gereja ini berkembang

sangat cepat kerana kederhakaan, dan kerana kuasa Setan yang telah menguasai hati mereka.

29 Dan lagi, terdapat sebuah gereja lain yang menyangkal Kristus; dan mereka menganiaya gereja Kristus yang sejati, kerana kerendahan hati mereka dan kepercayaan mereka kepada Kristus; dan mereka memandang rendah mereka kerana begitu banyak mukjizat yang dilakukan di kalangan mereka.

30 Oleh itu mereka menjalankan kuasa dan wewenang ke atas para pengikut Yesus yang tinggal bersama mereka, dan mereka melemparkan mereka ke dalam penjara; tetapi oleh kuasa firman Tuhan, yang ada di dalam diri mereka, penjara terbelah menjadi dua, dan mereka pergi melakukan mukjizat-mukjizat yang besar di kalangan mereka.

31 Walaupun demikian, dan meskipun terdapat semua mukjizat ini, bangsa itu telah mengeraskan hati mereka, dan berusaha untuk membunuh mereka, bahkan seperti bangsa Yahudi di Yerusalem yang berusaha untuk membunuh Yesus, menurut firman-Nya.

32 Dan mereka melemparkan mereka ke dalam relau-relau api, dan mereka keluar tanpa mengalami kecederaan.

33 Dan mereka juga melemparkan mereka ke dalam kandang binatang buas, dan mereka bermain dengan binatang buas bahkan seperti seorang anak kecil dengan anak domba; dan mereka keluar

dari semua itu, tanpa mengalami kecederaan.

34 Walaupun demikian, bangsa itu mengeraskan hati mereka, kerana mereka dipimpin oleh banyak imam dan nabi palsu untuk membangunkan banyak gereja, dan melakukan bermacam-macam kederhakaan. Dan mereka menghentam umat Yesus; tetapi umat Yesus tidak menghentam kembali. Dan demikianlah mereka merosot dalam ketidakpercayaan dan kejahatan, dari tahun ke tahun, bahkan sehingga dua ratus tiga puluh tahun telah berlalu.

35 Dan sekarang, terjadilah bahawa pada tahun ini, ya, pada tahun kedua ratus tiga puluh satu, terdapat perpecahan besar di kalangan bangsa itu.

36 Dan terjadilah bahawa pada tahun ini muncullah sebuah bangsa yang disebut bangsa Nefi, dan mereka ialah bangsa yang benar-benar percaya di dalam Kristus; dan di kalangan mereka terdapat mereka yang disebut oleh bangsa Laman—bangsa Yakub, dan bangsa Yusuf, dan bangsa Zoram;

37 Oleh itu orang yang benar-benar percaya di dalam Kristus, dan penyembah sejati Kristus, (di kalangan merekalah terdapat ketiga-tiga pengikut Yesus yang tinggal itu) dipanggil bangsa Nefi, dan bangsa Yakub, dan bangsa Yusuf, dan bangsa Zoram.

38 Dan terjadilah bahawa mereka yang menolak Injil itu dipanggil bangsa Laman, dan bangsa

Lemuel, dan bangsa Ismael; dan mereka tidak merosot dalam ketidakpercayaan, tetapi mereka dengan rela memberontak menentang Injil Kristus; dan mereka telah mengajarkan anak-anak mereka agar mereka haruslah tidak percaya, bahkan seperti nenek moyang mereka, sejak dari awal lagi, telah merosot.

39 Dan ini disebabkan kejahatan dan kekejian nenek moyang mereka, bahkan seperti sejak dari permulaan. Dan mereka telah diajarkan untuk membenci anak-anak Tuhan, bahkan seperti bangsa Laman yang telah diajarkan untuk membenci anak-anak Nefi sejak dari awal lagi.

40 Dan terjadilah bahawa dua ratus empat puluh empat tahun telah berlalu, dan demikianlah hal ehwal bangsa itu. Dan sebahagian besar yang lebih jahat daripada bangsa itu menjadi kuat, dan menjadi lebih banyak daripada umat Tuhan.

41 Dan mereka masih terus membangunkan gereja-gereja bagi mereka sendiri, dan menghiasinya dengan bermacam-macam benda berharga. Dan demikianlah dua ratus lima puluh tahun berlalu, dan juga dua ratus enam puluh tahun.

42 Dan terjadilah bahawa bahagian yang lebih jahat daripada bangsa itu mula menegakkan kembali sumpah dan komplot-komplot rahsia Gadianton.

43 Dan juga mereka yang dipanggil bangsa Nefi mulai menjadi

angkuh di dalam hati mereka, kerana kekayaan mereka yang banyak, dan menjadi sombong seperti saudara-saudara mereka, bangsa Laman.

44 Dan sejak waktu ini para pengikut mulai bersedih kerana dosa-dosa dunia.

45 Dan terjadilah bahawa apabila tiga ratus tahun telah berlalu, kedua-dua bangsa Nefi dan bangsa Laman telah menjadi sangat jahat seperti satu sama lain.

46 Dan terjadilah bahawa para perompak Gadianton telah tersebar ke seluruh permukaan negeri itu; dan tidak ada seorang pun yang soleh kecuali para pengikut Yesus. Dan emas dan perak mereka telah mereka simpankan dengan begitu banyak sekali, dan berdagang dalam pelbagai jenis perdagangan.

47 Dan terjadilah bahawa setelah tiga ratus lima tahun berlalu, (dan bangsa itu masih tetap berada dalam kejahatan) Amos mati; dan saudaranya, Amaron, menyimpan catatan itu sebagai penggantinya.

48 Dan terjadilah bahawa apabila tiga ratus dua puluh tahun telah berlalu, Amaron, telah didesak oleh Roh Kudus, untuk menyembunyikan catatan-catatan yang kudus itu—ya, bahkan semua catatan kudus yang telah diturunkan dari satu generasi ke satu generasi, yang adalah kudus—bahkan sehingga tahun ketiga ratus dua puluh sejak kedatangan Kristus.

49 Dan dia menyembunyikannya

kepada Tuhan, agar ianya dapat datang lagi kepada sisa keturunan bani Yakub, menurut

nubuat-nubuat dan perjanjian Tuhan. Dan demikianlah berakHIRnya catatan daripada Amaron.

KITAB MORMON

BAB 1

Amaron memberi arahan kepada Mormon tentang catatan-catatan kudus itu—Peperangan bermula di antara bangsa Nefi dan bangsa Laman—Ketiga-tiga Bangsa Nefi itu telah diambil pergi—Kejahatan, ketidakpercayaan, ilmu hitam, dan ilmu sihir berleluasa. Kira-kira 321–326 tahun M.

DAN sekarang, aku, Mormon, membuat sebuah catatan tentang hal-hal yang telah aku lihat dan dengar, dan memanggilnya Kitab Mormon.

2 Dan kira-kira pada waktu Amaron menyembunyikan catatan-catatan itu kepada Tuhan, dia datang kepadaku, (aku berusia kira-kira sepuluh tahun, dan aku mulai mempelajari sedikit tentang cara pembelajaran bangsaku) dan Amaron berkata kepadaku: Aku merasakan bahawa engkau adalah seorang budak yang bersungguh-sungguh, dan cepat mengamati;

3 Oleh itu, apabila kamu berumur kira-kira dua puluh empat tahun aku menginginkan agar kamu harus mengingati hal-hal yang telah kamu lihat tentang bangsa ini; dan apabila kamu sudah mencapai usia

itu pergilah ke negeri Antum, ke sebuah bukit yang akan dipanggil Sim; dan di sanalah aku telah menyimpan kepada Tuhan semua ukiran kudus tentang bangsa ini.

4 Dan lihatlah, kamu harus mengambil kepingan-kepingan Nefi itu kepada dirimu sendiri, dan yang selebihnya haruslah kamu tinggalkan di tempat di mana ianya berada; dan kamu harus mengukir di atas kepingan-kepingan Nefi semua hal yang telah kamu lihat tentang bangsa ini.

5 Dan aku, Mormon, yang merupakan keturunan Nefi, (dan nama ayahku adalah Mormon) aku mengingati hal-hal yang telah Amaron perintahkan kepadaku.

6 Dan terjadilah bahawa aku, yang berumur sebelas tahun, telah dibawa oleh ayahku ke negeri sebelah selatan, bahkan ke negeri Zarahemla.

7 Seluruh permukaan negeri itu telah ditutupi oleh bangunan-bangunan, dan penduduknya banyak, seakan-akan pasir di laut.

8 Dan terjadilah pada tahun ini telah bermula sebuah peperangan di antara bangsa Nefi, yang terdiri daripada bangsa Nefi dan bangsa Yakub dan bangsa Yusuf dan

bangsa Zoram; dan peperangan ini adalah di antara bangsa Nefi, dan bangsa Laman dan bangsa Lemuel dan bangsa Ismael.

9 Sekarang, bangsa Laman dan bangsa Lemuel dan bangsa Ismael disebut bangsa Laman, dan kedua-dua pihak itu adalah bangsa Nefi dan bangsa Laman.

10 Dan terjadilah bahawa peperangan itu mulai terjadi di antara mereka di sempadan Zarahemla, berdekatan Perairan Sidon.

11 Dan terjadilah bahawa bangsa Nefi telah mengumpulkan bersama sejumlah besar kaum lelaki, bahkan melebihi tiga puluh ribu. Dan terjadilah bahawa pada tahun yang sama ini mereka telah terlibat dalam beberapa pertempuran, yang mana di dalamnya bangsa Nefi telah mengalahkan bangsa Laman dan telah membunuh banyak daripada mereka.

12 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman telah menarik kembali rancangan mereka, dan kedamaian ditegakkan di negeri itu; dan kedamaian telah berterusan untuk tempoh waktu kira-kira empat tahun, bahawa tidak ada pertumpahan darah.

13 Tetapi kejahatan berleluasa di atas seluruh permukaan negeri itu, sedemikian rupa sehingga Tuhan mengambil para pengikut yang dikasihi-Nya itu pergi, dan pekerjaan-pekerjaan mukjizat dan penyembuhan telah terhenti kerana kederhakaan bangsa itu.

14 Dan tidak ada kurniaan daripada Tuhan, dan Roh Kudus

tidak datang ke atas diri sesiapa pun, disebabkan kejahatan dan ketidakpercayaan mereka.

15 Dan aku, yang sudah berusia lima belas tahun dan sudah memiliki fikiran yang bersungguh-sungguh, oleh itu aku dikunjungi oleh Tuhan, dan sudah merasakan dan mengetahui tentang kebaikan Yesus.

16 Dan aku berusaha untuk berkhotbah kepada bangsa ini, tetapi mulutku tertutup, dan aku dilarang untuk berkhotbah kepada mereka; kerana lihatlah mereka dengan relanya telah memberontak melawan Tuhan mereka; dan para pengikut yang dikasihi itu telah dibawa pergi dari negeri itu, disebabkan kederhakaan mereka.

17 Tetapi aku tetap tinggal di kalangan mereka, tetapi aku dilarang untuk berkhotbah kepada mereka, kerana kekerasan hati mereka; dan kerana kekerasan hati mereka negeri itu dikutuk disebabkan diri mereka sendiri.

18 Dan para perompak Gadianton ini, yang berada di kalangan bangsa Laman, telah meremuti negeri itu, sedemikian rupa sehingga para penduduknya mulai menyembunyikan harta benda mereka di dalam tanah; dan ia menjadi licin, kerana Tuhan telah mengutuk negeri itu, sehingga mereka tidak dapat memegangnya, atau mendapatkannya lagi.

19 Dan terjadilah bahawa terdapat ilmu hitam, dan ilmu sihir, dan ilmu ghaib; dan kuasa si jahat dijalankan di atas seluruh permukaan

negeri itu, bahkan sehingga menggenapi semua perkataan Abinadi, dan juga Samuel si bangsa Laman.

BAB 2

Mormon memimpin bala tentera bangsa Nefi—Darah dan pembunuhan beramai-ramai melanda negeri itu—Bangsa Nefi meratap dan berkabung dengan kesedihan mereka yang dilaknati—Masa kerahmatan mereka telah berlalu—Mormon mendapatkan kepingan-kepingan Nefi—Peperangan berlanjutan. Kira-kira 327–350 tahun M.

DAN terjadilah pada tahun yang sama itu bermulalah sebuah peperangan lagi di antara bangsa Nefi dan bangsa Laman. Dan walaupun aku masih muda, aku berperawakan besar; oleh itu bangsa Nefi telah melantikku agar aku harus menjadi pemimpin mereka, atau pemimpin bala tentera mereka.

2 Oleh itu terjadilah bahawa pada usiaku yang keenam belas aku telah mara sebagai ketua bala tentera bangsa Nefi, menentang bangsa Laman; oleh itu tiga ratus dua puluh enam tahun telah berlalu.

3 Dan terjadilah bahawa pada tahun ketiga ratus dua puluh tujuh bangsa Laman telah menyerang kami dengan kekuatan yang sangat kuat, sedemikian rupa sehingga mereka telah menakutkan bala tenteraku; oleh itu mereka tidak mahu melawan, dan mereka mulai berundur ke negeri-negeri utara.

4 Dan terjadilah bahawa kami

telah datang ke Kota Angola, dan kami telah menakluki kota itu, dan membuat persiapan untuk mempertahankan diri kami daripada bangsa Laman. Dan terjadilah bahawa kami mengubui kota itu dengan sedaya upaya kami; tetapi walau bagaimanapun dengan benteng pertahanan kami, bangsa Laman telah menyerang kami dan menghalau kami keluar dari kota itu.

5 Dan mereka juga menghalau kami keluar dari negeri Daud.

6 Dan kami berjalan maju dan tiba di negeri Yosua, yang berada di sempadan barat berdekatan dengan tepi laut.

7 Dan terjadilah bahawa kami mengumpulkan rakyat kami secepat mungkin, agar kami boleh mengumpulkan mereka bersama dalam satu kumpulan.

8 Tetapi lihatlah, negeri itu dipenuhi dengan para perompak dan dengan bangsa Laman; dan walau bagaimanapun kehancuran yang besar itu yang mengancam rakyatku, mereka tidak bertaubat daripada perbuatan jahat mereka; oleh itu terdapat darah dan pembunuhan beramai-ramai yang berleluasa di atas seluruh permukaan negeri itu, baik di pihak bangsa Nefi mahupun di pihak bangsa Laman; dan ia merupakan suatu perubahan besar yang penuh di atas seluruh permukaan negeri itu.

9 Dan sekarang, bangsa Laman mempunyai seorang raja, dan namanya ialah Harun; dan dia telah datang menentang kami

dengan sepasukan tentera sebanyak empat puluh empat ribu orang. Dan lihatlah, aku menentanginya dengan empat puluh dua ribu orang. Dan terjadilah bahawa aku mengalahkannya dengan bala tenteraku sehingga dia melarikan diri daripadaku. Dan lihatlah, semuanya ini telah terjadi, dan tiga ratus tiga puluh tahun telah berlalu.

10 Dan terjadilah bahawa bangsa Nefi mulai bertaubat dari kederhakaan mereka, dan mulai berseru bahkan seperti yang telah dinubuatkan oleh nabi Samuel; kerana lihatlah tidak seorang pun yang dapat menyimpan benda-benda yang adalah miliknya, disebabkan para pencuri, dan perompak, dan pembunuh, dan ilmu ghaib, dan ilmu sihir yang ada di negeri itu.

11 Dan demikian mulailah terdapat perkabungan dan ratapan di seluruh negeri itu disebabkan hal-hal ini, dan lebih-lebih lagi di kalangan bangsa Nefi.

12 Dan terjadilah bahawa apabila aku, Mormon, melihat ratapan mereka dan perkabungan mereka dan kesedihan mereka di hadapan Tuhan, hatiku mulai bergembira di dalam diriku, mengetahui belas kasihan dan panjang sabar Tuhan, oleh itu menganggap bahawa Dia akan penuh berbelas kasihan kepada mereka agar mereka akan kembali menjadi orang yang soleh.

13 Tetapi lihatlah kebahagiaanku ini sia-sia, kerana kesedihan mereka bukanlah untuk pertaubatan, kerana kebaikan Tuhan; tetapi

sebaliknya adalah kesedihan mereka yang dilaknati, kerana Tuhan tidak akan selalu membiarkan mereka mendapatkan kebahagiaan di dalam dosa.

14 Dan mereka tidak datang kepada Yesus dengan hati yang hancur dan roh yang menyesal, tetapi mereka mengutuk Tuhan, dan berhajat untuk mati. Walaupun demikian mereka akan berjuang dengan pedang demi nyawa mereka.

15 Dan terjadilah bahawa kesedihanku kembali kepadaku lagi, dan aku melihat bahawa hari kerahmatan telah berlalu bagi mereka, baik secara duniawi mahupun secara rohani; kerana aku melihat ribuan daripada mereka ditebas dalam pemberontakan terbuka menentang Tuhan mereka, dan ditimbunkan seperti najis haiwan di atas permukaan negeri. Dan demikianlah tiga ratus empat puluh empat tahun telah berlalu.

16 Dan terjadilah bahawa pada tahun ketiga ratus empat puluh lima bangsa Nefi mulai melarikan diri dari hadapan bangsa Laman; dan mereka telah dikejar sehingga mereka tiba bahkan di negeri Yason, sebelum mereka dapat dihentikan dalam pengunduran mereka itu.

17 Dan sekarang, Kota Yason berada di negeri tempat Amaron telah menyimpan catatan-catatan tersebut kepada Tuhan, agar ianya tidak dapat dihancurkan. Dan lihatlah aku telah pergi ke sana menurut perkataan Amaron, dan

mengambil kepingan-kepingan Nefi, dan membuat sebuah catatan menurut perkataan Amaron.

18 Dan di atas kepingan-kepingan Nefi itu aku telah membuat sebuah laporan lengkap tentang semua kejahatan dan kekejian; tetapi di atas kepingan-kepingan ini aku telah menahan diriku daripada membuat sebuah laporan yang lengkap tentang kejahatan dan kekejian mereka, kerana lihatlah, suatu pemandangan yang berterusan terhadap kejahatan dan kekejian telah berada di hadapan mataku sejak aku telah cukup matang untuk melihat jalan manusia.

19 Dan celakalah aku kerana kejahatan mereka; kerana hatiku telah dipenuhi dengan kesedihan disebabkan kejahatan mereka, sepanjang hidupku; walaupun demikian, aku tahu bahawa aku akan diangkat pada hari terakhir.

20 Dan terjadilah bahawa pada tahun ini bangsa Nefi kembali diburu dan diusir. Dan terjadilah bahawa kami telah diusir sehingga kami telah sampai di sebelah utara di negeri yang disebut Sem.

21 Dan terjadilah bahawa kami mengubui Kota Sem, dan kami telah mengumpulkan orang kami sebanyak yang mungkin, agar kami dapat menyelamatkan mereka dari kehancuran.

22 Dan terjadilah bahawa pada tahun ketiga ratus empat puluh enam mereka mulai menyerang kami lagi.

23 Dan terjadilah bahawa aku berbicara kepada bangsaku, dan

mendorong mereka dengan sepenuh tenaga, agar mereka mahu berdiri dengan berani di hadapan bangsa Laman dan berperang demi isteri mereka, dan anak-anak mereka, dan rumah mereka, dan rumah tangga mereka.

24 Dan perkataanku telah membangkitkan mereka untuk bersemangat sedikit, sedemikian rupa sehingga mereka tidak melarikan diri dari hadapan bangsa Laman, tetapi berdiri dengan berani untuk melawan mereka.

25 Dan terjadilah bahawa kami berjuang bersama tiga puluh ribu tentera melawan bala tentera sebanyak lima puluh ribu orang. Dan terjadilah bahawa kami berdiri di hadapan mereka dengan begitu teguh sehingga mereka melarikan diri daripada kami.

26 Dan terjadilah bahawa apabila mereka telah melarikan diri kami telah mengejar mereka dengan bala tentera kami, dan bertemu dengan mereka kembali, dan mengalahkan mereka; walaupun demikian kekuatan Tuhan tidak berada bersama kami; ya, kami ditinggalkan sendirian, bahawa Roh Tuhan tidak tinggal di dalam diri kami; oleh itu kami telah menjadi lemah seperti saudara-saudara kami.

27 Dan hatiku bersedih kerana kecelakaan hebat bangsaku ini, kerana kejahatan mereka dan kekejian mereka. Tetapi lihatlah, kami telah maju melawan bangsa Laman dan para perompak Gadianton, sehingga kami telah mengambil

kembali pemilikan ke atas negeri-negeri warisan kami.

28 Dan tahun ketiga ratus empat puluh sembilan telah berlalu. Dan dalam tahun ketiga ratus lima puluh kami telah membuat sebuah persetujuan dengan bangsa Laman dan para perompak Gadianton, yang mana di dalamnya kami telah membahagi-bahagikan negeri-negeri warisan kami.

29 Dan bangsa Laman telah memberikan kepada kami negeri sebelah utara, ya, bahkan sehingga ke laluan sempit yang menuju ke negeri sebelah selatan. Dan kami telah memberikan kepada bangsa Laman semua negeri di sebelah selatan.

BAB 3

Mormon menyerukan pertaubatan kepada bangsa Nefi—Mereka memperoleh kemenangan besar dan bermegah di dalam kekuatan mereka sendiri—Mormon enggan memimpin mereka, dan doa-doanya untuk mereka adalah tanpa iman—Kitab Mormon mengundang kedua belas suku Israel untuk mempercayai Injil. Kira-kira 360–362 tahun M.

DAN terjadilah bahawa bangsa Laman tidak datang untuk bertempur lagi sehingga lebih sepuluh tahun telah berlalu. Dan lihatlah, aku telah mengerahkan bangsaku, bangsa Nefi, untuk mempersiapkan negeri-negeri mereka dan senjata mereka untuk menghadapi waktu pertempuran.

2 Dan terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepadaku: Berserulah kepada bangsa ini—Bertaubatlah kamu, dan datanglah kepada-Ku, dan dibaptiskanlah kamu, dan bangunkanlah gereja-Ku kembali, dan kamu akan dibiarkan hidup.

3 Dan aku berseru kepada bangsa ini, tetapi sia-sia; dan mereka tidak menyedari bahawa Tuhanlah yang telah membiarkan mereka hidup, dan memberikan kepada mereka peluang untuk bertaubat. Dan lihatlah mereka mengeraskan hati mereka terhadap Tuhan Raja mereka.

4 Dan terjadilah bahawa setelah tahun kesepuluh ini telah berlalu, menjadikan, secara keseluruhan, tiga ratus enam puluh tahun sejak kedatangan Kristus, raja bangsa Laman telah mengirinkan sepucuk surat kepadaku, yang memberitahukan kepadaku bahawa mereka sedang bersedia untuk datang bertempur menentang kami lagi.

5 Dan terjadilah bahawa aku menyuruh bangsaku agar mereka harus berkumpul bersama di negeri Kemusnahan, ke sebuah kota yang berada di sempadan, yang berdekatan dengan laluan sempit yang menuju ke negeri sebelah selatan.

6 Dan di sana kami menempatkan bala tentera kami, agar kami dapat menghentikan bala tentera bangsa Laman, agar mereka tidak dapat memiliki mana-mana pun negeri kami; oleh itu kami mengubui

diri menentang mereka dengan seluruh tentera kami.

7 Dan terjadilah bahawa pada tahun ketiga ratus enam puluh satu bangsa Laman telah datang ke Kota Kemusnahan untuk bertempur menentang kami; dan terjadilah bahawa pada tahun itu kami telah mengalahkan mereka, sedemikian rupa sehingga mereka kembali lagi ke negeri mereka sendiri.

8 Dan pada tahun ketiga ratus enam puluh dua mereka telah datang lagi untuk bertempur. Dan kami mengalahkan mereka lagi, dan telah membunuh sejumlah besar daripada mereka, dan mayat-mayat mereka telah dilemparkan ke dalam laut.

9 Dan sekarang, disebabkan hal yang besar ini yang telah bangsaku, bangsa Nefi, lakukan, mereka mulai bermegah dengan kekuatan mereka sendiri, dan mulai bersumpah di hadapan syurga bahawa mereka sendiri akan membalas dendam darah saudara-saudara mereka yang telah dibunuh oleh musuh-musuh mereka.

10 Dan mereka bersumpah demi syurga, dan juga demi takhta Tuhan, bahawa mereka akan pergi bertempur melawan musuh-musuh mereka, dan akan menyingkirkan mereka dari permukaan negeri itu.

11 Dan terjadilah bahawa aku, Mormon, benar-benar enggan sejak dari waktu ini untuk menjadi ketua dan pemimpin bangsa ini,

kerana kejahatan dan kekejian mereka.

12 Lihatlah, aku telah memimpin mereka, walau bagaimanapun kejahatan mereka aku telah memimpin mereka berulang kali untuk bertempur, dan telah mengasihi mereka, menurut kasih Tuhan yang ada dalam diriku, dengan segenap hatiku; dan jiwaku telah dicurahkan dalam doa kepada Tuhanku sepanjang hari untuk mereka; walaupun demikian, ianya adalah tanpa iman, kerana kekerasan hati mereka.

13 Dan tiga kali telah aku bebaskan mereka daripada tangantangan musuh mereka, dan mereka tidak bertaubat dari dosa-dosa mereka.

14 Dan apabila mereka telah bersumpah demi segala yang telah dilarang oleh Tuhan dan Juruselamat kita Yesus Kristus, bahawa mereka akan pergi kepada musuh-musuh mereka untuk bertempur, dan membalas dendam sendiri darah saudara-saudara mereka, lihatlah suara Tuhan datang kepadaku, memfirmankan:

15 Pembalasan adalah milik-Ku, dan Aku akan menuntutnya; dan kerana bangsa ini tidak bertaubat setelah Aku membebaskan mereka, lihatlah, mereka akan disingkirkan dari muka bumi.

16 Dan terjadilah bahawa aku benar-benar enggan pergi menentang musuh-musuhku; dan aku melakukan bahkan seperti yang telah Tuhan perintahkan kepadaku; dan aku berdiri sebagai

saksi yang tidak terlibat untuk menyatakan kepada dunia hal-hal yang telah aku lihat dan dengar, menurut pernyataan Roh yang telah bersaksi tentang hal-hal yang akan datang.

17 Oleh itu aku menulis kepadamu, bangsa bukan Israel, dan juga kepadamu, bani Israel, apabila pekerjaan itu akan dimulai, agar kamu akan segera bersedia untuk kembali ke negeri warisanmu;

18 Ya, lihatlah, aku menulis kepada segenap hujung bumi; ya, kepadamu, dua belas suku Israel, yang akan dihakimi menurut pekerjaanmu oleh dua belas orang yang Yesus telah pilih untuk menjadi para pengikut-Nya di negeri Yerusalem.

19 Dan aku juga menulis kepada sisa keturunan bangsa ini, yang juga akan dihakimi oleh dua belas orang yang Yesus telah pilih di negeri ini; dan mereka akan dihakimi oleh kedua belas yang lain yang Yesus telah pilih di negeri Yerusalem.

20 Dan hal-hal ini Roh telah nyatakan kepadaku; oleh itu aku menulis kepada kamu semua. Dan untuk sebab ini aku menulis kepadamu, agar kamu boleh mengetahui bahawa kamu semua mesti berdiri di hadapan kerusi penghakiman Kristus, ya, setiap jiwa yang termasuk di dalam seluruh keluarga manusia Adam; dan kamu mesti berdiri untuk dihakimi di atas segala pekerjaanmu, sama ada ianya baik atau jahat;

21 Dan juga agar kamu dapat mempercayai Injil Yesus Kristus, yang akan kamu miliki di antara kamu; dan juga agar bangsa Yahudi, umat perjanjian Tuhan, akan memiliki saksi lain selain Dia yang telah mereka lihat dan dengar, bahawa Yesus, yang telah dibunuh oleh mereka, sebenarnya ialah Kristus dan Tuhan itu.

22 Dan aku menginginkan agar aku dapat mendorongmu segenap hujung bumi untuk bertaubat dan bersedia untuk berdiri di hadapan kerusi penghakiman Kristus.

BAB 4

*Peperangan dan pembunuhan bera-
mai-ramai berterusan—Yang jahat
menghukum yang jahat—Kejahatan
yang lebih besar semakin berleluasa
lebih daripada yang pernah terjadi di
seluruh Israel—Wanita dan anak-anak
dikorbankan kepada patung berhala—
Bangsa Laman mula menghapuskan
bangsa Nefi di hadapan mereka. Kir-
kira 363–375 tahun M.*

DAN sekarang, terjadilah bahawa pada tahun ketiga ratus enam puluh tiga bangsa Nefi telah pergi bersama bala tentera mereka untuk bertempur menentang bangsa Laman, keluar dari negeri Kemusnahan.

2 Dan terjadilah bahawa bala tentera bangsa Nefi telah dihalau kembali ke negeri Kemusnahan. Dan semasa mereka masih penat, bala tentera bangsa Laman yang segar menyerang mereka; dan

mereka mengalami pertempuran yang parah, sedemikian rupa sehingga bangsa Laman telah menakluki Kota Kemusnahan, dan telah membunuh banyak bangsa Nefi, dan telah mengambil ramai tahanan.

3 Dan yang selebihnya telah melarikan diri dan bergabung dengan para penduduk Kota Teankum. Sekarang, Kota Teankum terletak di sempadan berdekatan dengan tepi laut; dan ia juga berdekatan dengan Kota Kemusnahan.

4 Dan disebabkan bala tentera bangsa Nefi telah pergi kepada bangsa Lamanlah mereka mulai diserang; sekiranya bukan kerana itu, bangsa Laman tidak akan dapat berkuasa ke atas diri mereka.

5 Tetapi, lihatlah, penghakiman Tuhan akan mendatangi yang jahat; dan adalah melalui yang jahat maka orang yang jahat dihukum; kerana orang yang jahatlah yang menghasut hati anak-anak manusia pada pertumpahan darah.

6 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman telah membuat persiapan untuk menyerang Kota Teankum.

7 Dan terjadilah bahawa pada tahun ketiga ratus enam puluh empat bangsa Laman telah menyerang Kota Teankum, agar mereka dapat menakluki Kota Teankum juga.

8 Dan terjadilah bahawa mereka telah ditangkis dan diusir kembali oleh bangsa Nefi. Dan apabila bangsa Nefi melihat bahawa mereka telah mengusir bangsa Laman mereka sekali lagi

bermegah terhadap kekuatan mereka sendiri; dan mereka pergi dengan kekuatan mereka sendiri, dan menakluki kembali Kota Kemusnahan itu.

9 Dan sekarang semua hal ini telah dilakukan, dan terdapat beribu-ribu yang terbunuh dari kedua-dua belah pihak, baik bangsa Nefi mahupun bangsa Laman.

10 Dan terjadilah bahawa tahun ketiga ratus enam puluh enam telah berlalu, dan bangsa Laman datang lagi kepada bangsa Nefi untuk bertempur; namun bangsa Nefi tidak bertaubat di atas kejahatan yang telah mereka lakukan, tetapi tetap meneruskan kejahatan mereka.

11 Dan adalah mustahil bagi lidah untuk menghuraikan, atau bagi seseorang untuk menuliskan suatu huraian yang sempurna tentang keadaan ngeri pertumpahan darah dan pembunuhan beramai-ramai yang terjadi di kalangan bangsa itu, baik dari bangsa Nefi mahupun dari bangsa Laman; dan setiap hati telah dikeraskan, sehingga mereka seronok di dalam pertumpahan darah secara berterusan.

12 Dan tidak pernah ada kejahatan yang begitu besar di antara semua keturunan Lehi, bahkan tidak juga di antara seluruh bani Israel, menurut firman Tuhan, seperti yang terdapat di antara orang ini.

13 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman telah menakluki Kota Kemusnahan, dan ini adalah kerana jumlah mereka melebihi jumlah bangsa Nefi.

14 Dan mereka juga berjalan maju menuju Kota Teankum, dan telah mengusir para penduduknya keluar darinya, dan telah mengambil banyak tahanan baik wanita mahupun kanak-kanak, dan mempersembahkan mereka sebagai korban kepada tuhan-tuhan berhala mereka.

15 Dan terjadilah bahawa pada tahun ketiga ratus enam puluh tujuh, bangsa Nefi marah kerana bangsa Laman telah mengorbankan wanita dan anak-anak mereka, sehingga mereka pergi menentang bangsa Laman dengan kemarahan yang amat besar, sedemikian rupa sehingga mereka mengalahkan bangsa Laman lagi, dan mengusir mereka keluar dari negeri-negeri mereka.

16 Dan bangsa Laman tidak datang menentang bangsa Nefi lagi sehingga tahun ketiga ratus tujuh puluh lima.

17 Dan pada tahun ini mereka telah datang menentang bangsa Nefi dengan segala kekuatan mereka; dan mereka tidak ter-kira kerana jumlah mereka yang besar.

18 Dan mulai dari waktu ini bangsa Nefi tidak mempunyai kuasa ke atas bangsa Laman, tetapi mulai dihapuskan oleh mereka bahkan seperti embun di bawah matahari.

19 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman telah datang menyerang Kota Kemusnahan; dan terdapat suatu pertempuran yang amat parah berlaku di dalam negeri

Kemusnahan, di mana mereka telah mengalahkan bangsa Nefi.

20 Dan mereka melarikan diri lagi daripada mereka, dan mereka sampai di Kota Boas; dan di sana mereka berdiri menentang bangsa Laman dengan keberanian yang besar, sedemikian rupa sehingga bangsa Laman tidak mengalahkan mereka sehingga mereka datang kembali buat kedua kalinya.

21 Dan apabila mereka telah datang buat kedua kalinya, bangsa Nefi telah diusir dan dibunuh dengan pembunuhan yang amat hebat; para wanita mereka dan anak-anak mereka sekali lagi dikorbankan kepada patung-patung berhala.

22 Dan terjadilah bahawa bangsa Nefi sekali lagi melarikan diri daripada mereka, membawa semua penduduk bersama mereka, baik di kota mahupun di desa.

23 Dan sekarang, aku, Mormon, melihat bahawa bangsa Laman hampir menumbangkan negeri itu, oleh itu aku pergi ke Bukit Sim, dan telah mengambil semua catatan tersebut yang telah Amaron sembunyikan kepada Tuhan.

BAB 5

Mormon sekali lagi memimpin bala tentera bangsa Nefi dalam pertempuran berdarah dan pembunuhan beramai-ramai—Kitab Mormon akan datang untuk meyakinkan seluruh Israel bahawa Yesus ialah Kristus—Kerana ketidakpercayaan mereka,

bangsa Laman akan dicerai-beraikan, dan Roh akan berhenti berjuang bersama mereka—Mereka akan menerima Injil daripada bangsa bukan Israel pada zaman akhir. Kira-kira 375–384 tahun M.

DAN terjadilah bahawa aku telah pergi ke kalangan bangsa Nefi, dan telah bertaubat di atas sumpah yang telah aku buat bahawa aku tidak akan membantu mereka lagi; dan mereka memberikan kepadaku hak kepimpinan semula ke atas bala tentera mereka, kerana mereka memandangkanku seolah-olah aku dapat membebaskan mereka dari kesengsaraan mereka.

2 Tetapi lihatlah, aku tidak mempunyai harapan, kerana aku tahu penghakiman Tuhan yang akan datang kepada diri mereka; kerana mereka tidak bertaubat dari kederhakaan mereka, tetapi berjuang demi nyawa mereka tanpa meminta kepada Makhluk itu yang menciptakan mereka.

3 Dan terjadilah bahawa bangsa Laman telah datang menentang kami semasa kami melarikan diri ke Kota Yordan; tetapi lihatlah, mereka telah diusir kembali sehingga mereka tidak menakluki kota itu pada waktu itu.

4 Dan terjadilah bahawa mereka datang menentang kami lagi, dan kami telah mempertahankan kota. Dan terdapat juga kota-kota lain yang telah dipertahankan oleh bangsa Nefi, yang mana kubu-kubu pertahanannya itu menghalang mereka sehingga

mereka tidak dapat masuk ke negara yang terbentang di hadapan kami, untuk menghancurkan para penduduk negeri kami.

5 Tetapi terjadilah bahawa apa-apa negeri pun yang telah kami lalui, dan para penduduknya di sana tidak dikumpulkan, telah dihancurkan oleh bangsa Laman, dan pekan-pekan kecil, dan desa-desa, dan kota-kota mereka dibakar dengan api; dan demikianlah tiga ratus tujuh puluh sembilan tahun berlalu.

6 Dan terjadilah bahawa pada tahun ketiga ratus lapan puluh bangsa Laman datang menentang kami lagi untuk bertempur, dan kami berdiri melawan mereka dengan berani; tetapi semuanya sia-sia, kerana begitu besar jumlah mereka sehingga mereka memijak-mijak bangsa Nefi di bawah kaki mereka.

7 Dan terjadilah bahawa kami melarikan diri lagi, dan mereka yang berlari lebih cepat daripada bangsa Laman telah terlepas, dan mereka yang berlari tetapi tidak dapat mendahului bangsa Laman dilanda dan dihancurkan.

8 Dan sekarang, lihatlah, aku, Mormon, tidak berhasrat untuk menyiksa jiwa manusia dengan melemparkan di hadapan mereka suatu pemandangan berdarah dan pembunuhan beramai-ramai yang begitu mengerikan seperti yang terbentang di hadapan mataku; tetapi aku, mengetahui bahawa hal-hal ini mestilah diberitahukan, dan bahawa semua hal yang

tersembunyi mesti didedahkan di atas bumbung-bumbung rumah—

9 Dan juga bahawa suatu pengetahuan tentang hal-hal ini mesti datang kepada sisa keturunan bangsa ini, dan juga kepada bangsa bukan Israel, yang telah Tuhan firmankan akan menceraikan bangsa ini, dan bangsa ini harus dianggap tidak bererti di kalangan mereka—oleh itu aku menuliskan sebuah ringkasan, tidak berani untuk memberikan sebuah laporan yang lengkap tentang hal-hal yang telah aku lihat, kerana perintah yang telah aku terima, dan juga agar kamu tidak merasakan kesedihan yang terlalu besar disebabkan kejahatan bangsa ini.

10 Dan sekarang, lihatlah, aku katakan ini kepada keturunan mereka, dan juga kepada bangsa bukan Israel yang mengambil berat terhadap bani Israel, yang menyedari dan mengetahui dari mana berkat-berkat mereka datang.

11 Kerana aku tahu bahawa mereka yang sedemikian akan bersedih kerana kecelakaan bani Israel; ya, mereka akan bersedih kerana kehancuran bangsa ini; mereka akan bersedih bahawa bangsa ini tidak bertaubat agar mereka boleh didakapi dalam tangan Yesus.

12 Sekarang, hal-hal ini ditulis kepada sisa keturunan bani Yakub; dan ianya ditulis menurut cara ini, kerana Tuhan mengetahui bahawa kejahatan tidak akan membawanya kepada mereka; dan ianya disembunyikan kepada Tuhan

supaya ianya dapat datang tepat pada waktu-Nya sendiri.

13 Dan inilah perintah yang telah aku terima; dan lihatlah, ianya akan datang menurut perintah Tuhan, apabila Dia akan melihat kesesuaiannya, menurut kebijaksanaan-Nya.

14 Dan lihatlah, ianya akan pergi kepada bangsa Yahudi yang tidak percaya; dan untuk tujuan ini ianya akan pergi—agar mereka boleh diyakinkan bahawa Yesus ialah Kristus, Putera Tuhan yang hidup; supaya Bapa, boleh mendatangkan, melalui yang paling Dikasihi-Nya, tujuan-Nya yang besar dan abadi, dalam memulihkan bangsa Yahudi, atau seluruh bani Israel, ke negeri warisan mereka, yang telah Tuhan Raja mereka berikan kepada mereka, untuk menggenapi perjanjian-Nya;

15 Dan juga agar keturunan bangsa ini dapat lebih mempercayai injil-Nya dengan sepenuhnya, yang akan datang kepada mereka daripada bangsa bukan Israel; kerana bangsa ini akan diceraikan, dan akan menjadi suatu bangsa yang gelap, yang kotor, dan yang menjijikkan, melebihi gambaran tentang apa yang pernah terjadi di antara kami, ya, bahkan juga yang pernah terjadi di kalangan bangsa Laman, dan ini disebabkan ketidakpercayaan dan pemujaan berhala mereka.

16 Kerana lihatlah, Roh Tuhan telah berhenti berjuang bersama nenek moyang mereka; dan mereka berada tanpa Kristus dan

Tuhan di dunia ini; dan mereka diusir ke sana sini seperti sekam ditiup angin.

17 Mereka dahulunya merupakan sebuah bangsa yang menyenangkan, dan mereka mempunyai Kristus sebagai gembala mereka; ya, mereka dituntun bahkan oleh Tuhan Bapa.

18 Tetapi sekarang, lihatlah, mereka dituntun oleh Setan, bahkan bagaikan sekam yang ditiup angin, atau seperti kapal yang diombang-ambingkan di atas ombak, tanpa layar ataupun sauh, atau tanpa apa-apa pun untuk mengemudikannya; dan bahkan seperti kapal itu, begitu jugalah mereka.

19 Dan lihatlah, Tuhan telah menyimpan berkat-berkat mereka, yang mereka mungkin dapat peroleh di negeri ini, untuk bangsa bukan Israel yang akan memiliki negeri ini.

20 Tetapi lihatlah, akan terjadi bahawa mereka akan diusir dan dicerai-beraikan oleh bangsa bukan Israel; dan setelah mereka diusir dan dicerai-beraikan oleh bangsa bukan Israel, lihatlah, kemudian Tuhan akan mengingati perjanjian yang telah Dia buat kepada Abraham dan kepada seluruh bani Israel.

21 Dan Tuhan juga akan mengingati doa-doa daripada orang yang soleh, yang telah dipanjatkan kepada-Nya untuk mereka.

22 Maka, Wahai kamu bangsa bukan Israel, bagaimanakah kamu dapat bertahan di hadapan kuasa Tuhan, kecuali kamu akan

bertaubat dan berpaling dari jalanmu yang jahat?

23 Tidak tahukah kamu bahawa kamu berada di dalam tangan Tuhan? Tidak tahukah kamu bahawa Dia memiliki segala kuasa, dan pada perintah-Nya yang agung bumi akan tergulung bagaikan sebuah gulungan kitab?

24 Oleh itu, bertaubatlah kamu, dan rendahkanlah hatimu di hadapan-Nya, agar jangan Dia akan datang dalam keadilan untuk menentangmu—agar jangan sisa keturunan Yakub akan pergi ke kalangan kamu bagaikan seekor singa, dan mencarikmu bercebis-cebis, dan tidak seorang pun dapat menyelamatkanmu.

BAB 6

Bangsa Nefi berkumpul di negeri Kumora untuk pertempuran terakhir—Mormon menyembunyikan catatan-catatan kudus itu di Bukit Kumora—bangsa Laman menang, dan bangsa Nefi dihancurkan—Ratusan ribu terbunuh dengan pedang. Kirakira 385 tahun M.

DAN sekarang, aku menyelesaikan catatanku tentang kehancuran bangsaku, bangsa Nefi. Dan terjadilah bahawa kami telah berjalan maju di hadapan bangsa Laman.

2 Dan aku, Mormon, menulis sepucuk surat kepada raja bangsa Laman, dan menginginkan agar dia akan mengizinkan kami agar kami boleh mengumpulkan orang kami bersama ke negeri Kumora,

berdekatan dengan sebuah bukit yang dipanggil Kumora, dan di sana kami akan bertempur dengan mereka.

3 Dan terjadilah bahawa raja bangsa Laman telah mengabdikan kepadaku hal yang aku hasratkan itu.

4 Dan terjadilah bahawa kami berjalan maju ke negeri Kumora, dan kami telah memasang khemah-khemah kami di sekitar Bukit Kumora; dan ia berada di kawasan di mana terdapat banyak perairan, sungai, dan sumber mata air; dan di sini kami berharapan untuk memperoleh kelebihan ke atas bangsa Laman.

5 Dan apabila tiga ratus lapan puluh empat tahun telah berlalu, kami telah mengumpulkan semua orang kami yang masih tinggal ke negeri Kumora.

6 Dan terjadilah bahawa apabila kami telah mengumpulkan semua orang kami dalam satu kumpulan ke negeri Kumora, lihatlah aku, Mormon, mula menjadi tua; dan mengetahui bahawa itu adalah perjuangan terakhir bangsaku, dan setelah diperintahkan oleh Tuhan bahawa aku tidak harus membiarkan catatan-catatan yang telah diturunkan oleh nenek moyang kami, yang adalah kudus, jatuh ke dalam tangan bangsa Laman, (kerana bangsa Laman akan menghancurkannya) oleh itu aku membuat catatan ini dari kepingan-kepingan Nefi, dan menyembunyikannya di dalam Bukit Kumora semua catatan

yang telah dipercayakan kepadaku oleh tangan Tuhan, kecuali beberapa kepingan ini yang telah aku berikan kepada anak lelakiku Moroni.

7 Dan terjadilah bahawa bangsaku, bersama isteri mereka dan anak-anak mereka, sekarang melihat bala tentera bangsa Laman berjalan ke arah mereka; dan dengan rasa takut terhadap kematian yang memenuhi dada semua mereka yang jahat, mereka sedang menunggu untuk menyambut mereka.

8 Dan terjadilah bahawa mereka datang untuk bertempur menentang kami, dan setiap jiwa dipenuhi dengan ketakutan kerana jumlah mereka yang besar.

9 Dan terjadilah bahawa mereka telah menyerang bangsaku dengan pedang, dan dengan busur, dan dengan anak panah, dan dengan kapak, dan dengan bermacam-macam senjata peperangan.

10 Dan terjadilah bahawa orangku disembelih, ya, bahkan sepuluh ribu orangku yang berada bersamaku, dan aku jatuh tercedera di tengah-tengah; dan mereka lalu melepasku sehinggalah mereka tidak mengakhiri hidupku.

11 Dan apabila mereka telah berlalu pergi dan menyembelih semua orangku kecuali kami yang seramai dua puluh empat orang, (di antaranya ialah anak lelakiku Moroni) dan kami yang telah terselamat daripada orang kami yang mati, telah melihat

pada keesokan harinya, apabila bangsa Laman telah kembali ke khemah-khemah mereka, dari puncak Bukit Kumora, sepuluh ribu orangku yang telah disembelih, yang dipimpin olehku di barisan hadapan.

12 Dan kami juga melihat sepuluh ribu orangku yang telah dipimpin oleh anak lelakiku Moroni.

13 Dan lihatlah, sepuluh ribu orang Gidgidona telah tumpas, dan dia juga berada di antara mereka.

14 Dan Lama telah tumpas bersama sepuluh ribu orangnya; dan Gilgal telah tumpas bersama sepuluh ribu orangnya; dan Limha telah tumpas bersama sepuluh ribu orangnya; dan Yeneum telah tumpas bersama sepuluh ribu orangnya; dan Kumeniha, dan Moroniha, dan Antionum, dan Siblom, dan Sem, dan Yos, telah tumpas bersama sepuluh ribu orang mereka masing-masing.

15 Dan terjadilah bahawa ada sepuluh lagi yang telah ditumpaskan oleh pedang, bersama dengan sepuluh ribu orang mereka masing-masing; ya, bahkan semua orangku, kecuali dua puluh empat orang yang berada bersamaku, dan juga beberapa orang yang telah melepaskan diri ke negara-negara selatan, dan sedikit yang telah membelot kepada bangsa Laman, telah tumpas; dan daging, dan tulang, dan darah mereka bertaburan di atas permukaan negeri, yang ditinggalkan oleh tangan-tangan mereka yang telah

membunuh mereka untuk mereput di atas tanah, dan untuk diuraikan dan untuk kembali ke dalam tanah bumi.

16 Dan jiwaku dihiris dengan kepedihan, kerana pembunuhan bangsaku, dan aku berseru:

17 Wahai kamu yang rupawan, bagaimanakah kamu sanggup meninggalkan jalan Tuhan! Wahai kamu yang rupawan, bagaimanakah kamu sanggup menolak Yesus itu, yang berdiri dengan tangan-tangan yang terbuka untuk menerimamu!

18 Lihatlah, jika kamu tidak melakukan ini, kamu tidak akan tumpas. Tetapi lihatlah, kamu telah tumpas, dan aku berkabung di atas kehilanganmu.

19 Wahai kamu anak-anak lelaki dan perempuan yang rupawan, kamu para ayah dan ibu, kamu para suami dan isteri, kamu yang rupawan, bagaimanakah kamu dapat ditumpaskan!

20 Tetapi lihatlah, kamu telah pergi, dan kesedihanku tidak akan dapat mengembalikan kamu.

21 Dan hari itu akan segera tiba bahawa tubuh fanamu mesti men-capai kebaqaan, dan tubuh-tubuh ini yang sedang mereput dalam kebinasaan segera akan menjadi tubuh-tubuh yang tidak dapat dibinasakan; dan pada waktu itu kamu mesti berdiri di hadapan kerusi penghakiman Kristus, untuk dihakimi menurut pekerjaanmu; dan jika demikian halnya bahawa kamu adalah soleh, barulah kamu diberkati bersama nenek

moyangmu yang telah meninggal sebelum kamu.

22 Ah, sekiranya kamu telah bertaubat sebelum kehancuran yang besar ini datang atas dirimu. Tetapi lihatlah, kamu telah meninggal, dan Bapa, ya, Bapa Yang Abadi dari syurga, mengetahui keadaanmu; dan Dia akan melakukan terhadapmu menurut keadilan dan belas kasihan-Nya.

BAB 7

Mormon mengundang bangsa Laman dari zaman akhir untuk percaya kepada Kristus, menerima Injil-Nya, dan diselamatkan—Semua yang mempercayai Alkitab juga akan mempercayai Kitab Mormon. Kira-kira 385 tahun M.

DAN sekarang, lihatlah, aku mahu mengucapkan sedikit kepada sisa keturunan bangsa ini yang dibiarkan hidup, jika demikian halnya bahawa Tuhan akan memberikan kepada mereka perkataanku, agar mereka boleh mengetahui tentang hal-hal nenek moyang mereka; ya, aku berbicara kepadamu, kamu sisa keturunan bani Israel; dan inilah perkataan yang aku ucapkan:

2 Ketahuilah kamu bahawa kamu berasal dari bani Israel.

3 Ketahuilah kamu bahawa kamu mesti datang kepada pertaubatan, atau kamu tidak dapat diselamatkan.

4 Ketahuilah kamu bahawa kamu mesti meletakkan senjata peperanganmu, dan janganlah lagi

berseronok dengan pertumpahan darah, dan janganlah mengangkatnya lagi, kecuali Tuhan akan memerintahkanmu.

5 Ketahuilah kamu bahawa kamu mesti sampai pada pengetahuan tentang nenek moyangmu, dan bertaubat dari segala dosa dan kederhakaanmu, dan percaya kepada Yesus Kristus, bahawa Dia ialah Putera Tuhan, dan bahawa Dia telah dibunuh oleh bangsa Yahudi, dan dengan kuasa Bapa Dia telah bangkit kembali, yang dengannya Dia telah memperoleh kemenangan ke atas kuburan; dan juga di dalam Dia sengat kematian telah ditelani.

6 Dan Dia mendatangkan kebangkitan orang mati, yang dengannya manusia mesti dibangkitkan untuk berdiri di hadapan kerusi penghakiman-Nya.

7 Dan Dia telah mendatangkan penebusan dunia, yang dengannya dia yang didapati tidak bersalah di hadapan-Nya pada hari penghakiman akan dibenarkan kepadanya untuk tinggal di dalam hadirat Tuhan di dalam kerajaan-Nya, untuk menyanyikan puji-pujian tanpa henti dengan paduan suara di atas, kepada Bapa, dan kepada Putera, dan kepada Roh Kudus, yang merupakan satu Tuhan, di dalam keadaan bahagia yang tidak berakhir.

8 Oleh itu bertaubatlah, dan dibaptiskanlah di dalam nama Yesus, dan berpeganglah kepada Injil Kristus, yang akan dipersiapkan di hadapanmu, bukan sahaja di

dalam catatan ini tetapi juga di dalam catatan yang akan sampai kepada bangsa bukan Israel daripada bangsa Yahudi, iaitu catatan yang akan datang daripada bangsa bukan Israel kepadamu.

9 Kerana lihatlah, ini dituliskan untuk tujuan agar kamu boleh mempercayainya; dan jika kamu mempercayai itu kamu akan mempercayai ini juga; dan jika kamu mempercayai ini kamu akan tahu tentang nenek moyangmu, dan juga pekerjaan yang menakjubkan yang dilakukan melalui kuasa Tuhan di kalangan mereka.

10 Dan kamu juga akan mengetahui bahawa kamu ialah sisa keturunan Yakub; oleh itu kamu dihitung di kalangan umatnya dari perjanjian pertama; dan jika demikian halnya bahawa kamu percaya kepada Kristus, dan dibaptiskan, terlebih dahulu dengan air, kemudian dengan api dan dengan Roh Kudus, mengikuti teladan Juruselamat kita, menurut apa yang telah Dia perintahkan kepada kita, kamu akan selamat pada hari penghakiman. Amin.

BAB 8

Bangsa Laman mencari dan menghancurkan bangsa Nepi—Kitab Mormon akan datang melalui kuasa Tuhan—Kecelakaan dinyatakan ke atas diri mereka yang melafazkan kemurkaan dan persengketaan menentang pekerjaan Tuhan—Catatan bangsa Nepi akan datang pada masa kejahatan,

keruntuhan akhlak, dan kemurtadan. Kira-kira 400–421 tahun M.

LIHATLAH aku, Moroni, menghabiskan catatan ayahku, Mormon. Lihatlah, aku hanya mempunyai beberapa hal untuk dituliskan, iaitu hal-hal yang telah diperintahkan oleh ayahku kepadaku.

2 Dan sekarang, terjadilah bahawa setelah pertempuran yang besar dan hebat di Kumora, lihatlah, bangsa Nepi itu yang telah melarikan diri ke negara sebelah selatan itu telah diburu oleh bangsa Laman, sehinggalah mereka semua sudah dihancurkan.

3 Dan ayahku juga telah dibunuh oleh mereka, dan aku bahkan ditinggalkan seorang diri untuk menulis kisah sedih tentang kehancuran orangku. Tetapi lihatlah, mereka telah meninggal, dan aku memenuhi perintah ayahku. Dan adakah mereka akan membunuhku, aku tidak tahu.

4 Oleh itu aku akan menulis dan menyembunyikan catatan-catatan ini di dalam tanah; dan ke mana aku akan pergi tidaklah penting.

5 Lihatlah, ayahku telah membuat catatan ini, dan dia telah menuliskan tujuannya. Dan lihatlah, aku juga akan menulisnya jika terdapat ruang di atas kepingan-kepingan itu, tetapi tidak ada ruang; dan aku tidak mempunyai bijih logam, kerana aku seorang diri. Ayahku telah terbunuh di dalam pertempuran, dan semua sanak saudaraku, dan aku tidak mempunyai

teman ataupun tempat untuk ditujui; dan berapa lama Tuhan akan membiarkan aku hidup aku pun tidak mengetahuinya.

6 Lihatlah, empat ratus tahun telah berlalu sejak kedatangan Tuhan dan Juruselamat kita.

7 Dan lihatlah, bangsa Laman telah memburu bangsaku, bangsa Nefi, dari kota ke kota dan dari satu tempat ke satu tempat, bahkan sehingga mereka tidak ada lagi; dan besarlah kejatuhan mereka; ya, besar dan menakutkanlah kehancuran bangsaku, bangsa Nefi.

8 Dan lihatlah, tangan Tuhanlah yang telah melakukannya. Dan lihatlah juga, bangsa Laman berperang antara satu sama lain; dan seluruh permukaan negeri ini adalah satu kitaran pembunuhan dan pertumpahan darah yang berterusan; dan tidak seorang pun tahu penghujung peperangan itu.

9 Dan sekarang, lihatlah, aku tidak mengatakan apa-apa lagi tentang mereka, kerana tidak ada seorang pun kecuali bangsa Laman dan para perompak yang wujud di atas permukaan negeri itu.

10 Dan tidak ada seorang pun yang mengenali Tuhan yang sejati kecuali para pengikut Yesus, yang telah tinggal di negeri itu sehingga kejahatan bangsa itu begitu besar sehingga Tuhan tidak mahu membiarkan mereka tetap tinggal bersama bangsa itu; dan adakah mereka berada di atas permukaan negeri itu tidak seorang pun yang tahu.

11 Tetapi lihatlah, ayahku dan aku

telah melihat mereka, dan mereka telah melayani kami.

12 Dan sesiapa yang menerima catatan ini, dan tidak akan mengutuknya disebabkan oleh ketidaksempurnaan yang ada di dalamnya, merekalah yang akan mengetahui tentang hal-hal yang lebih besar daripada ini. Lihatlah, aku ialah Moroni; dan sekiranya boleh, aku akan memberitahukan semua hal kepadamu.

13 Lihatlah, aku mengakhiri percakapanku tentang bangsa ini. Aku ialah anak lelaki Mormon, dan ayahku ialah dari keturunan Nefi.

14 Dan akulah orangnya yang menyembunyikan catatan ini kepada Tuhan; kepingan-kepingannya tidaklah berharga, disebabkan perintah Tuhan itu. Kerana Dia benar-benar berfirman bahawa tidak seorang pun akan memilikinya untuk mendapatkan keuntungan; tetapi catatannya adalah amat berharga; dan sesiapa pun yang akan membawanya ke mata dunia, dialah yang akan diberkati Tuhan.

15 Kerana tidak seorang pun dapat memiliki kuasa untuk membawanya ke mata dunia kecuali dia dibenarkan oleh Tuhan; kerana Tuhan menghendakkan bahawa ia akan dilakukan dengan mata yang tertumpu satu-satunya pada kemuliaan-Nya, atau kesejahteraan umat perjanjian Tuhan zaman dahulu dan yang sudah lama tercerai-berai.

16 Dan diberkatalah dia yang akan membawakan ini ke mata dunia; kerana ia akan dibawa keluar dari

kegelapan kepada cahaya, menurut firman Tuhan; ya, ia akan dibawa keluar dari dalam bumi, dan akan bersinar di dalam kegelapan, dan sampai kepada pengetahuan tentang bangsa itu; dan ia akan dilakukan melalui kuasa Tuhan.

17 Dan jika terdapat kesalahan, itu adalah kesalahan daripada seorang manusia. Tetapi lihatlah, kami tidak mengetahui apa-apa kesalahan; walaupun demikian Tuhan mengetahui semua hal; oleh itu, dia yang mengutuk, biarlah dia sedar agar jangan dia berada dalam bahaya api neraka.

18 Dan dia yang berkata: Tunjukkanlah kepadaku, atau kamu akan dihentam—biarlah dia berhati-hati agar jangan dia memerintahkan hal yang dilarang oleh Tuhan.

19 Kerana lihatlah, mereka yang menghakimi dengan terburu-buru akan dihakimi dengan terburu-buru juga; kerana seperti pekerjaannya begitulah upahnya; oleh itu, dia yang menghentam akan dihentam kembali, oleh Tuhan.

20 Lihatlah apa yang tulisan suci katakan—manusia tidak harus menghentam, dan tidak juga dia harus menghakimi; kerana penghakiman adalah milik-Ku, firman Tuhan, dan pembalasan adalah milik-Ku juga, dan Aku akan menuntutnya.

21 Dan dia yang akan melafazkan kemurkaan dan persengketaan menentang pekerjaan Tuhan, dan menentang umat perjanjian Tuhan iaitu bani Israel, dan akan berkata: Kami akan menghancurkan

pekerjaan Tuhan, dan Tuhan tidak akan mengingati perjanjian-Nya yang telah Dia buat dengan bani Israel—merekalah yang berada dalam bahaya ditebang dan dilemparkan ke dalam api;

22 Kerana tujuan-tujuan abadi Tuhan akan berterusan, sehingga semua janji-Nya akan digenapi.

23 Selidikilah nubuat-nubuat Yesaya. Lihatlah, aku tidak boleh menuliskannya. Ya, lihatlah aku berkata kepadamu, bahawa para orang suci yang telah meninggal sebelum aku, yang pernah memiliki negeri ini, akan berseru, ya, bahkan dari debu mereka akan berseru kepada Tuhan; dan selagi Tuhan hidup Dia akan mengingati perjanjian yang telah Dia buat dengan mereka.

24 Dan Dia mengetahui doa-doa mereka, bahawa ianya adalah bagi pihak saudara-saudara mereka. Dan Dia tahu iman mereka, kerana di dalam nama-Nya mereka dapat memindahkan gunung; dan di dalam nama-Nya mereka dapat menyebabkan tanah bergegar; dan melalui kuasa firman-Nya mereka telah menyebabkan penjara-penjara roboh ke atas tanah; ya, bahkan relau berapi tidak dapat mencederakan mereka, begitu juga binatang buas dan juga ular beracun, kerana kuasa firman-Nya.

25 Dan lihatlah, doa-doa mereka adalah bagi pihak dia yang Tuhan akan biarkan untuk mendatangkan hal-hal ini.

26 Dan tidak seorang pun perlu berkata ia tidak akan datang,

kerana ia pasti akan datang, kerana Tuhan telah memfirmankannya; kerana dari dalam bumi ia akan keluar, melalui tangan Tuhan, dan tidak seorang pun dapat menahannya; dan ia akan datang pada suatu hari apabila akan dikatakan bahawa mukjizat-mukjizat telah berakhir; dan ia akan datang bahkan seolah-olah seseorang berbicara daripada yang sudah mati.

27 Dan ia akan datang pada suatu hari apabila darah para orang suci akan berseru kepada Tuhan, disebabkan komplot-komplot rahsia dan pekerjaan kegelapan.

28 Ya, ia akan datang pada suatu hari apabila kuasa Tuhan akan dinafikan, dan gereja-gereja menjadi tercemar dan terangkat-angkat dalam keangkuhan hati mereka; ya, bahkan pada suatu hari apabila para pemimpin gereja dan pengajar akan bangkit di dalam keangkuhan hati mereka, bahkan sehingga mendengkikan mereka yang termasuk dalam gereja-gereja mereka.

29 Ya, ia akan datang pada suatu hari apabila akan kedengaran tentang kebakaran, dan angin ribut, dan kabut-kabut asap di negeri-negeri asing;

30 Dan juga akan kedengaran tentang peperangan, desas-desus tentang peperangan, dan gempa bumi di pelbagai tempat.

31 Ya, ia akan datang pada suatu hari apabila akan terdapatnya pencemaran yang besar di atas muka bumi; akan terdapat pembunuhan, dan rompakan, dan dusta,

dan penipuan, dan pelacuran, dan bermacam-macam kekejian; apabila terdapat ramai yang akan berkata, Lakukanlah ini, atau lakukanlah itu, dan tidak ada masalah, kerana Tuhan akan menyokong yang demikian pada hari terakhir. Tetapi celakalah kepada yang sedemikian, kerana mereka berada di dalam hempedu kepahitan dan di dalam ikatan kederhakaan.

32 Ya, ia akan datang pada suatu hari apabila akan terdapatnya gereja-gereja yang dibangunkan yang akan berkata: Datanglah kepadaku, dan untuk wangmu kamu akan diampuni dari dosa-dosamu.

33 Wahai kamu bangsa yang jahat dan suka melawan dan berleher tegar, mengapakah kamu telah membangunkan gereja-gereja bagi dirimu untuk mendapatkan keuntungan? Mengapakah kamu telah mengubah firman Tuhan yang kudus, sehingga kamu boleh mendatangkan kelaknatan ke atas jiwamu? Lihatlah, pandanglah kamu kepada wahyu-wahyu Tuhan; kerana lihatlah, waktunya datang pada suatu hari itu apabila semua hal ini mesti digenapi.

34 Lihatlah, Tuhan telah memperlihatkan kepadaku hal-hal yang besar dan menakjubkan tentang apa yang mesti datang tidak lama lagi, pada hari itu apabila hal-hal ini akan datang di kalangan kamu.

35 Lihatlah, aku berbicara kepadamu seolah-olah kamu sudah ada, namun kamu belum ada lagi. Tetapi lihatlah, Yesus Kristus telah memperlihatkanmu

kepadaku, dan aku mengetahui perbuatanmu.

36 Dan aku tahu bahawa kamu berjalan di dalam keangkuhan hatimu; dan tidak ada seorang pun kecuali beberapa saja yang tidak mengangkat-angkat diri mereka dalam keangkuhan hati mereka, sehingga memakai pakaian yang sangat cantik, kepada kedengkian, dan persengketaan, dan niat jahat, dan penganiayaan, dan bermacam-macam kederhakaan; dan gereja-gerejamu, ya, bahkan setiap darinya, telah menjadi tercemar kerana keangkuhan hatimu.

37 Kerana lihatlah, kamu mencintai wang, dan harta kekayaanmu, dan pakaianmu yang cantik, dan hiasan gereja-gerejamu, lebih daripada kamu mengasihi yang miskin dan yang memerlukan, yang sakit dan yang sengsara.

38 Wahai kamu yang tercemar, kamu yang munafik, kamu para pengajar, yang menjual dirimu untuk perkara yang akan berkarat, mengapakah kamu telah mencemari gereja Tuhan yang kudus? Mengapakah kamu malu mengambil ke atas dirimu nama Kristus? Mengapakah kamu tidak berfikir bahawa lebih besarlah nilai kebahagiaan tanpa akhir daripada kegetiran yang tidak pernah mati—disebabkan oleh pujian dunia?

39 Mengapakah kamu menghias dirimu dengan benda yang tidak bernyawa, namun membiarkan mereka yang lapar, dan yang memerlukan, dan yang telanjang,

dan yang sakit dan yang sengsara melepasi, dan kamu tidak mempedulikan mereka?

40 Ya, mengapakah kamu membangunkan kekejian rahsiamu untuk mendapatkan keuntungan, dan menyebabkan agar janda-janda mesti berkabung di hadapan Tuhan, dan juga anak-anak yatim piatu berkabung di hadapan Tuhan, dan juga darah ayah mereka dan suami mereka berseru kepada Tuhan dari tanah, untuk pembalasan ke atas kepalamu?

41 Lihatlah, pedang pembalasan sedang mengancam dirimu; dan waktunya akan tiba tidak lama lagi apabila Dia membalas dendam darah para orang suci terhadapmu, kerana Dia tidak akan tahan dengan seruan mereka lagi.

BAB 9

Moroni menyeru mereka yang tidak percaya kepada Kristus untuk bertaubat—Dia mengisytiharkan tentang seorang Tuhan mukjizat, yang memberikan wahyu-wahyu dan mencurahkan kurniaan dan tanda kepada yang setia—Mukjizat terhenti disebabkan ketidakpercayaan—Tanda-tanda menyertai mereka yang percaya—Manusia didorong untuk menjadi bijak dan mentaati perintah-perintah. Kira-kira 401–421 tahun M.

DAN sekarang, aku juga berbicara tentang mereka yang tidak percaya kepada Kristus.

2 Lihatlah, adakah kamu akan percaya pada hari pengunjung-

anmu—lihatlah, apabila Tuhan akan datang, ya, bahkan hari yang besar itu apabila bumi akan digulung bagaikan gulungan kitab, dan unsur-unsur bumi akan mencair dengan haba yang kuat, ya, pada hari yang besar itu apabila kamu akan dibawa untuk berdiri di hadapan Anak Domba Tuhan—pada waktu itu adakah kamu akan berkata bahawa tidak ada Tuhan?

3 Pada waktu itu adakah kamu akan menafikan Kristus lebih lama lagi, atau dapatkah kamu melihat Anak Domba Tuhan? Adakah kamu menganggap bahawa kamu akan tinggal bersama-Nya di bawah kesedaran akan kesalahannya? Adakah kamu menganggap bahawa kamu dapat bahagia tinggal bersama Makhluk kudus itu, apabila jiwamu terseksa dengan kesedaran terhadap kesalahan bahawa kamu sentiasa melanggar hukum-hukum-Nya?

4 Lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa kamu akan lebih sengsara tinggal bersama Tuhan yang kudus dan adil, di bawah kesedaran akan kekotoranmu di hadapan-Nya, daripada kamu tinggal bersama jiwa-jiwa yang dilaknati di neraka.

5 Kerana lihatlah, apabila kamu akan dibawa untuk melihat ketelanjanganmu di hadapan Tuhan, dan juga kemuliaan Tuhan, dan kekudusan Yesus Kristus, ia akan menyalakan api yang tidak dapat dipadamkan ke atas dirimu.

6 Maka, Wahai kamu yang tidak

percaya, berpalinglah kamu kepada Tuhan; berserulah dengan kuat kepada Bapa dalam nama Yesus, semoga kamu boleh didapati tanpa noda, suci, rupawan, dan putih, telah dibersihkan melalui darah Anak Domba, pada hari yang besar dan terakhir itu.

7 Dan sekali lagi aku berbicara kepadamu yang menafikan wahyu-wahyu Tuhan, dan berkata bahawa ianya telah diakhiri, bahawa tidak ada wahyu, dan juga nubuat, dan juga kurniaan, dan juga penyembuhan, dan juga berbicara dengan bahasa-bahasa, dan penterjemahan bahasa-bahasa;

8 Lihatlah aku berkata kepadamu, dia yang menafikan hal-hal ini tidak mengetahui Injil Kristus; ya, dia belum membaca tulisan suci; jika demikian, dia tidak memahaminya.

9 Kerana bukankah kita membaca bahawa Tuhan ialah sama kelmarin, hari ini, dan selamanya, dan di dalam Dia tidak ada yang berubah-ubah dan juga tiada bayangan perubahan?

10 Dan sekarang, jika kamu telah membayangkan bagi dirimu sendiri seorang Tuhan yang berubah-ubah, dan di dalamnya ada bayangan perubahan, maka kamu telah membayangkan bagi dirimu seorang Tuhan yang bukanlah seorang Tuhan mukjizat.

11 Tetapi lihatlah, aku akan memperlihatkan kepadamu seorang Tuhan mukjizat, bahkan Tuhan Abraham, dan Tuhan Ishak, dan Tuhan Yakub; dan merupakan

Tuhan yang sama yang telah menciptakan langit dan bumi, dan segala sesuatu yang ada di dalamnya.

12 Lihatlah, Dia menciptakan Adam, dan melalui Adam datanglah kejatuhan manusia. Dan kerana kejatuhan manusia datanglah Yesus Kristus, bahkan Bapa dan Putera; dan disebabkan Yesus Kristus datanglah penebusan manusia.

13 Dan disebabkan penebusan manusia, yang datang melalui Yesus Kristus, mereka dibawa kembali ke hadirat Tuhan; ya, beginilah caranya semua orang ditebus, kerana kematian Kristus mendatangkan kebangkitan, yang mendatangkan penebusan dari tidur yang tiada akhirnya, dari tidur itu semua manusia akan dibangunkan melalui kuasa Tuhan apabila sangkakala akan berbunyi; dan mereka akan datang, baik kecil mahupun besar, dan semuanya akan berdiri di hadapan meja penghakiman-Nya, setelah ditebus dan dibebaskan dari ikatan kematian yang kekal ini, yang mana kematian itu adalah kematian duniawi.

14 Dan kemudian datanglah penghakiman daripada Yang Kudus ke atas diri mereka; dan kemudian tibalah waktunya bahawa dia yang kotor akan tetap kotor; dan dia yang soleh akan tetap soleh; dia yang bahagia akan tetap bahagia; dan dia yang tidak bahagia akan tetap tidak bahagia.

15 Dan sekarang, Wahai kamu

semua yang telah membayangkan bagi dirimu seorang Tuhan yang tidak dapat melakukan mukjizat, aku hendak bertanya kepadamu, adakah semua hal itu telah berlalu, seperti yang telah aku katakan? Sudahkah hari terakhir itu tiba? Lihatlah aku berkata kepadamu, Belum; dan Tuhan tidak berhenti menjadi seorang Tuhan mukjizat.

16 Lihatlah, bukankah hal-hal yang telah Tuhan lakukan menakutkan di mata kita? Ya, dan siapakah yang dapat memahami pekerjaan-pekerjaan Tuhan yang menakutkan?

17 Siapakah yang akan berkata bahawa bukanlah suatu mukjizat bahawa melalui firman-Nya langit dan bumi wujud; dan melalui kuasa firman-Nya manusia diciptakan dari debu bumi; dan melalui kuasa firman-Nya mukjizat-mukjizat telah dilakukan?

18 Dan siapakah yang akan berkata bahawa Yesus Kristus tidak melakukan banyak mukjizat hebat? Dan terdapat banyak mukjizat hebat yang dilakukan melalui tangan para rasul.

19 Dan jika terdapat mukjizat yang telah dilakukan pada masa itu, mengapakah Tuhan berhenti menjadi seorang Tuhan mukjizat sedangkan dia masih merupakan Makhluk yang tidak berubah? Dan lihatlah, aku berkata kepadamu Dia tidak berubah; jika demikian Dia akan berhenti menjadi Tuhan; dan Dia tidak berhenti menjadi Tuhan, dan merupakan seorang Tuhan mukjizat.

20 Dan sebab mengapa Dia berhenti melakukan mukjizat di kalangan anak-anak manusia adalah kerana mereka merosot dalam ketidakpercayaan, dan meninggalkan jalan yang benar, dan tidak mengenali Tuhan yang kepadanya mereka harus percaya.

21 Lihatlah, aku berkata kepadamu bahawa sesiapa yang percaya kepada Kristus, tanpa keraguan, apa pun yang akan dia minta kepada Bapa dalam nama Kristus akan diberikan kepadanya; dan janji ini adalah untuk semua, bahkan ke segenap hujung bumi.

22 Kerana lihatlah, demikianlah firman Yesus Kristus, Putera Tuhan, kepada para pengikut-Nya yang harus tinggal, ya, dan juga kepada semua pengikut-Nya, dalam pendengaran orang ramai itu: Pergilah kamu ke seluruh dunia, dan khutbahkanlah Injil kepada setiap makhluk;

23 Dan dia yang percaya dan dibaptiskan akan diselamatkan, tetapi dia yang tidak percaya akan dilaknat;

24 Dan tanda-tanda ini akan mengiringi mereka yang percaya—dalam nama-Ku mereka akan mengusir iblis; mereka akan berbicara dengan bahasa-bahasa baru; mereka akan mengangkat ular-ular; dan jika mereka minum apa pun yang membawa maut ia tidak akan menyakiti mereka; mereka akan meletakkan tangan ke atas orang yang sakit dan mereka akan pulih;

25 Dan sesiapa yang akan percaya

di dalam nama-Ku, tanpa keraguan, kepadanya Aku akan mengesahkan segala firman-Ku, bahkan kepada segenap hujung bumi.

26 Dan sekarang, lihatlah, siapakah yang dapat berdiri melawan pekerjaan Tuhan? Siapakah yang dapat menyangkal firman-Nya? Siapakah yang akan bangkit melawan kekuasaan Tuhan yang maha kuasa? Siapakah yang akan menghina pekerjaan Tuhan? Siapakah yang akan menghina anak-anak Kristus? Lihatlah, kamu semua yang menghina pekerjaan Tuhan, kerana kamu akan terpegun dan binasa.

27 Ya maka janganlah menghina, dan janganlah terpegun, tetapi dengarkanlah firman Tuhan, dan mintalah kepada Bapa dalam nama Yesus untuk apa pun hal yang akan kamu perlukan. Janganlah ragu, tetapi percayalah, dan mulailah seperti pada zaman dahulu, dan datanglah kepada Tuhan dengan sepenuh hatimu, dan kerjakanlah keselamatanmu sendiri dengan rasa takut dan gementar di hadapan-Nya.

28 Jadilah bijak dalam hari-hari pencubaanmu; lucutkanlah dirimu dari segala yang tidak bersih; janganlah meminta, agar kamu boleh memuaskannya ke atas hawa nafsumu, tetapi mintalah dengan keteguhan yang tak tergoyahkan, agar kamu tidak akan menyerah pada godaan, tetapi kamu akan melayani Tuhan yang benar dan hidup.

29 Pastikanlah bahawa kamu tidak dibaptiskan dengan tidak layak; pastikanlah bahawa kamu tidak mengambil sakramen Kristus dengan tidak layak; tetapi pastikanlah bahawa kamu melakukan segala sesuatu dalam kelayakan, dan melakukannya dalam nama Yesus Kristus, Putera Tuhan yang hidup; dan jika kamu melakukan ini, dan bertahan sampai akhir, kamu tidak akan sekali-kali disingkirkan.

30 Lihatlah, aku berbicara kepadamu seolah-olahnya aku berbicara dari yang telah meninggal; kerana aku tahu bahawa kamu akan memiliki perkataanku.

31 Janganlah mengutukku disebabkan ketidaksempurnaanku, begitu juga ayahku, kerana ketidaksempurnaannya, dan juga mereka yang telah menulis sebelum dia; tetapi sebaliknya berterima kasihlah kepada Tuhan bahawa Dia telah menyatakan kepadamu ketidaksempurnaan kami, agar kamu boleh belajar untuk menjadi lebih bijak daripada kami.

32 Dan sekarang, lihatlah, kami telah menulis catatan ini menurut pengetahuan kami, dalam tulisan-tulisan yang dipanggil di kalangan kami Bahasa Mesir yang diperbaharui, yang diturunkan dan telah diubah oleh kami, menurut cara percakapan kami.

33 Dan jika kepingan-kepingan

kami cukup besar kami akan menulis dalam bahasa Ibrani; tetapi bahasa Ibrani juga telah diubah oleh kami; dan jika kami dapat menulis dalam bahasa Ibrani, lihatlah, kamu tidak akan menemui ketidaksempurnaan dalam catatan kami.

34 Tetapi Tuhan mengetahui hal-hal yang telah kami tuliskan, dan juga bahawa tidak ada bangsa lain yang mengetahui bahasa kami; dan kerana tidak ada bangsa lain yang mengetahui bahasa kami, oleh itu Dia telah menyediakan cara untuk penterjemahannya.

35 Dan hal-hal ini ditulis agar kami boleh membersihkan pakaian kami dari darah saudara-saudara kami, yang telah merosot dalam ketidakpercayaan.

36 Dan lihatlah, hal-hal ini yang telah kami hasratkan tentang saudara-saudara kami, ya, bahkan pemulihan mereka pada pengetahuan tentang Kristus, adalah menurut doa-doa daripada semua orang suci yang pernah tinggal di negeri ini.

37 Dan semoga Tuhan Yesus Kristus mengabulkan agar doa-doa mereka dijawab menurut iman mereka; dan semoga Tuhan Bapa mengingati perjanjian yang telah Dia buat dengan bani Israel; dan semoga Dia memberkati mereka selamanya, melalui iman pada nama Yesus Kristus. Amin.

KITAB ETER

Catatan bangsa Yared, diambil dari dua puluh empat kepingan yang ditemui oleh rakyat Limhi pada zaman raja Mosia.

BAB 1

Moroni meringkaskan tulisan-tulisan Eter—Salasilah Eter dinyatakan—Bahasa bangsa Yared tidak dicelarukan di Menara Babel—Tuhan berjanji untuk menuntun mereka ke sebuah negeri pilihan dan menjadikan mereka sebuah bangsa yang besar.

DAN sekarang, aku, Moroni, meneruskan untuk memberikan sebuah laporan tentang para penduduk zaman dahulu itu yang telah dihancurkan oleh tangan Tuhan di atas permukaan negara utara ini.

2 Dan aku mengambil laporanku dari dua puluh empat kepingan yang telah ditemui oleh rakyat Limhi, yang disebut Kitab Eter.

3 Dan aku beranggapan bahawa bahagian pertama dari catatan ini, yang mengajar tentang penciptaan dunia, dan juga tentang Adam, dan sebuah laporan sejak dari waktu itu bahkan sehingga kepada menara yang besar itu, dan apa pun hal yang telah terjadi di kalangan anak-anak manusia sehingga pada waktu itu, ada di kalangan bangsa Yahudi—

4 Oleh itu aku tidak menuliskan hal-hal yang terjadi sejak zaman Adam sehingga waktu itu; tetapi semuanya ada di atas

kepingan-kepingan itu; dan sesiapa yang menemuinya, dialah yang akan memiliki kuasa sehingga dia boleh memperoleh laporan yang lengkap.

5 Tetapi lihatlah, aku tidak memberikan laporan yang lengkap, tetapi sebahagian daripada laporan itu aku berikan, bermula dari menara tersebut sehinggalah mereka dihancurkan.

6 Dan dengan cara ini aku memberikan laporannya. Dia yang telah menuliskan catatan ini ialah Eter, dan dia ialah keturunan Koriantor.

7 Koriantor ialah anak lelaki Moron.

8 Dan Moron ialah anak lelaki Etem.

9 Dan Etem ialah anak lelaki Aha.

10 Dan Aha ialah anak lelaki Set.

11 Dan Set ialah anak lelaki Siblon.

12 Dan Siblon ialah anak lelaki Kom.

13 Dan Kom ialah anak lelaki Koriantum.

14 Dan Koriantum ialah anak lelaki Amnigada.

15 Dan Amnigada ialah anak lelaki Harun.

16 Dan Harun ialah keturunan Het, yang adalah anak lelaki Heartom.

17 Dan Heartom ialah anak lelaki Lib.

18 Dan Lib ialah anak lelaki Kis.
 19 Dan Kis ialah anak lelaki Korom.
 20 Dan Korom ialah anak lelaki Lewi.
 21 Dan Lewi ialah anak lelaki Kim.
 22 Dan Kim ialah anak lelaki Morianton.
 23 Dan Morianton ialah keturunan Riplakis.
 24 Dan Riplakis ialah anak lelaki Sez.
 25 Dan Sez ialah anak lelaki Het.
 26 Dan Het ialah anak lelaki Kom.
 27 Dan Kom ialah anak lelaki Koriantum.
 28 Dan Koriantum ialah anak lelaki Emer.
 29 Dan Emer ialah anak lelaki Omer.
 30 Dan Omer ialah anak lelaki Sul.
 31 Dan Sul ialah anak lelaki Kib.
 32 Dan Kib ialah anak lelaki Oriha, yang merupakan anak lelaki Yared;
 33 Iaitu Yared yang datang dengan saudara lelakinya dan keluarga mereka, dengan beberapa yang lain dan keluarga mereka, dari menara besar itu, pada waktu Tuhan mencelarukan bahasa bangsa itu, dan bersumpah di dalam kemurkaan-Nya bahawa mereka akan dicerai-beraikan di atas seluruh muka bumi; dan menurut firman Tuhan bangsa itu telah dicerai-beraikan.
 34 Dan saudara lelaki Yared yang merupakan seorang lelaki yang besar dan perkasa, dan orang

yang sangat diperkenankan oleh Tuhan, Yared, saudara lelakinya, berkata kepadanya: Berserulah kepada Tuhan, agar Dia tidak akan mencelarukan kita sehingga kita tidak dapat memahami perkataan kita.

35 Dan terjadilah bahawa saudara lelaki Yared berseru kepada Tuhan, dan Tuhan berasa kasihan terhadap Yared; oleh itu Dia tidak mencelarukan bahasa Yared; dan Yared dan saudara lelakinya tidak dicelarukan.

36 Pada waktu itu Yared berkata kepada saudara lelakinya: Berserulah lagi kepada Tuhan, dan mungkin Dia akan memalingkan kemurkaan-Nya daripada mereka yang merupakan sahabat-sahabat kita, agar Dia tidak mencelarukan bahasa mereka.

37 Dan terjadilah bahawa saudara lelaki Yared berseru kepada Tuhan, dan Tuhan berasa kasihan terhadap sahabat-sahabat mereka dan keluarga mereka juga, lalu mereka tidak dicelarukan.

38 Dan terjadilah bahawa Yared berbicara lagi kepada saudara lelakinya, mengatakan: Pergi dan bertanyalah kepada Tuhan adakah Dia akan menghalau kita keluar dari negeri ini, dan jika Dia akan menghalau kita keluar dari negeri ini, berserulah kepada-Nya ke mana kita harus pergi. Dan siapa tahu bahawa mungkin Tuhan akan membawa kita ke sebuah negeri pilihan yang melebihi semuanya di bumi? Dan jika demikian halnya, marilah kita setia kepada Tuhan,

agar kita boleh menerimanya untuk warisan kita.

39 Dan terjadilah bahawa saudara lelaki Yared berseru kepada Tuhan seperti yang telah diucapkan oleh mulut Yared.

40 Dan terjadilah bahawa Tuhan mendengar saudara lelaki Yared, dan mempunyai rasa kasihan terhadapnya, dan berfirman kepadanya:

41 Pergi dan kumpulkanlah bersama kawanan ternakmu, baik yang jantan mahupun betina, dari setiap jenis; dan juga benih dari tanah dari setiap jenis; dan keluargamu; dan juga Yared saudara lelakimu dan keluarganya; dan juga sahabat-sahabatmu dan keluarga mereka, dan sahabat-sahabat Yared dan keluarga mereka.

42 Dan apabila engkau telah melakukan ini engkau haruslah pergi di hadapan mereka turun ke lembah yang berada di sebelah utara. Dan di sana Aku akan menemui engkau, dan Aku akan pergi di hadapanmu ke sebuah negeri pilihan yang melebihi semua negeri di bumi.

43 Dan di sana Aku akan memberkati engkau dan keturunanmu, dan membangkitkan bagi-Ku dari keturunanmu, dan dari keturunan saudara lelakimu, dan mereka yang akan pergi bersamamu, sebuah bangsa yang besar. Dan tidak akan ada yang lebih besar daripada bangsa yang akan Aku bangkitkan bagi-Ku dari keturunanmu, di atas seluruh muka bumi. Dan demikianlah Aku akan

lakukan kepadamu kerana sepanjang waktu yang lama ini kamu telah berseru kepada-Ku.

BAB 2

Bangsa Yared bersedia untuk perjalanan mereka ke negeri yang dijanjikan—lanya adalah negeri pilihan di mana manusia mesti melayani Kristus atau dihapuskan—Tuhan bercakap dengan saudara lelaki Yared selama tiga jam—Bangsa Yared membina kapal-kapal—Tuhan meminta saudara lelaki Yared untuk mencadangkan bagaimana kapal-kapal itu akan diterangi.

DAN terjadilah bahawa Yared dan saudara lelakinya, dan keluarga mereka, dan juga sahabat-sahabat Yared dan saudara lelakinya dan keluarga mereka, telah turun ke lembah yang berada di sebelah utara, (dan nama lembah itu adalah Nimrod, dipanggil sempena nama pemburu yang perkasa) bersama kawanan ternak mereka yang telah mereka kumpulkan bersama, jantan dan betina, dari setiap jenis.

2 Dan mereka juga memasang jerat dan menangkap burung-burung di udara; dan mereka juga menyediakan sebuah bekas, yang mana di dalamnya mereka membawa ikan dari perairan bersama mereka.

3 Dan mereka juga membawa bersama mereka deseret, iaitu, yang diterjemahkan, bermakna lebah madu; dan demikianlah

mereka membawa bersama mereka kawanan lebah, dan bermacam-macam lagi yang ada di atas permukaan negeri itu, benih-benih dari setiap jenis.

4 Dan terjadilah bahawa apabila mereka telah turun ke dalam Lembah Nimrod Tuhan turun dan bercakap dengan saudara lelaki Yared; dan Dia berada di dalam awan, dan saudara lelaki Yared tidak dapat melihat-Nya.

5 Dan terjadilah bahawa Tuhan memerintahkan mereka agar mereka harus pergi ke padang belantara, ya, ke bahagian yang belum pernah didatangi manusia. Dan terjadilah bahawa Tuhan bergerak di hadapan mereka, dan berbicara dengan mereka sambil Dia berdiri di dalam awan, dan memberikan arahan ke mana mereka harus melakukan perjalanan.

6 Dan terjadilah bahawa mereka melakukan perjalanan di dalam padang belantara, dan membina kapal-kapal tongkang, yang mana di dalamnya mereka telah menyeberangi banyak perairan, secara berterusan dibimbing oleh tangan Tuhan.

7 Dan Tuhan tidak akan membiarkan agar mereka harus berhenti di seberang laut di padang belantara, tetapi Dia menginginkan agar mereka harus maju bahkan sehingga ke negeri yang dijanjikan, yang terpilih melebihi dari semua negeri yang lain, yang telah Tuhan Raja peliharakan untuk orang yang soleh.

8 Dan Dia telah bersumpah dalam

kemurkaan-Nya kepada saudara lelaki Yared, bahawa sesiapa yang akan memiliki negeri yang dijanjikan ini, sejak dari waktu itu dan selamanya, haruslah melayani Dia, satu-satunya Tuhan yang benar, atau mereka akan dihapuskan apabila kegenapan kemurkaan-Nya akan datang kepada diri mereka.

9 Dan sekarang, kita dapat melihat perintah Tuhan tentang negeri ini, bahawa ia merupakan negeri yang telah dijanjikan; dan apa pun bangsa yang akan memilikinya harus melayani Tuhan, atau mereka akan dihapuskan apabila kegenapan kemurkaan-Nya akan datang kepada diri mereka. Dan kegenapan kemurkaan-Nya datang kepada diri mereka apabila mereka matang dalam kederhakaan.

10 Kerana lihatlah, ini adalah negeri pilihan melebihi semua negeri yang lain; oleh itu dia yang memilikinya akan melayani Tuhan atau akan dihapuskan; kerana hal itu adalah perintah Tuhan yang abadi. Dan pada waktu kederhakaan di kalangan anak-anak manusia di negeri itu penuh, barulah mereka dihapuskan.

11 Dan ini datang kepadamu, Wahai kamu bangsa bukan Israel, agar kamu boleh mengetahui perintah Tuhan—agar kamu boleh bertaubat, dan tidak berterusan di dalam kederhakaanmu sehingga kegenapan itu datang, agar kamu tidak mendatangkan kegenapan kemurkaan Tuhan ke atas dirimu seperti yang telah dilakukan oleh

para penduduk negeri itu sebelum ini.

12 Lihatlah, ini adalah negeri pilihan, dan apa pun bangsa yang akan memilikinya akan bebas dari perhambaan, dan dari penawanan, dan dari segala bangsa lain di bawah langit, jika mereka mahu melayani Tuhan negeri ini, iaitu Yesus Kristus, yang telah dinyatakan oleh hal-hal yang telah kami tuliskan.

13 Dan sekarang, aku meneruskan dengan catatanku; kerana lihatlah, terjadilah bahawa Tuhan telah membawa Yared dan saudara-saudaranya bahkan sehingga ke lautan luas yang memisahkan negeri-negeri itu. Dan sewaktu mereka tiba di laut itu mereka mendirikan khemah-khemah mereka; dan mereka memanggil nama tempat itu Moriankumer; dan mereka tinggal di dalam khemah, dan tinggal di dalam khemah di tepi laut itu selama empat tahun.

14 Dan terjadilah pada penghujung empat tahun itu Tuhan datang lagi kepada saudara lelaki Yared, dan berdiri di dalam awan dan berbicara dengannya. Dan selama tiga jam Tuhan bercakap dengan saudara lelaki Yared, dan menegurnya kerana dia tidak mengingati untuk memanggil nama Tuhan.

15 Dan saudara lelaki Yared ber-taubat di atas kejahatan yang telah dia lakukan, dan telah memanggil nama Tuhan untuk saudara-saudaranya yang berada bersamanya.

Dan Tuhan berfirman kepadanya: Aku akan mengampuni engkau dan saudara-saudaramu dari dosa-dosa mereka; tetapi janganlah engkau berdosa lagi, kerana kamu harus ingat bahawa Roh-Ku tidak akan selalu berusaha mempengaruhi manusia; oleh itu, jika kamu akan berdosa sehingga kamu matang sepenuhnya kamu akan disingkirkan daripada hadirat Tuhan. Dan ini adalah fikiran-Ku tentang negeri yang akan Aku berikan kepadamu untuk warisanmu; kerana ia akan menjadi negeri pilihan yang melebihi semua negeri yang lain.

16 Dan Tuhan berfirman: Pergilah bekerja dan binalah, seperti kapal-kapal tongkang yang telah kamu buat sebelum ini. Dan terjadilah bahawa saudara lelaki Yared pergi bekerja, dan juga saudara-saudaranya, dan membina kapal-kapal tongkang seperti yang telah mereka bina, menurut arahan Tuhan. Dan kapal-kapal tongkang itu kecil, dan ringan di atas air, bahkan seperti keringanan seekor burung di atas air.

17 Dan ianya dibina dengan suatu cara sehingga kapal-kapal itu sangat rapat, bahkan ianya akan dapat menakung air seperti sebuah bekas; dan bahagian bawahnya rapat seperti sebuah bekas; dan sisi-sisinya rapat seperti sebuah bekas; dan hujung-hujungnya runcing; dan bahagian atasnya rapat seperti sebuah bekas; dan panjangnya adalah sepanjang sebatang pokok; dan pintunya,

apabila ditutup, adalah rapat seperti sebuah bekas.

18 Dan terjadilah bahawa saudara lelaki Yared berseru kepada Tuhan, mengatakan: Ya Tuhan, aku telah melaksanakan pekerjaan yang telah Engkau perintahkan kepadaku, dan aku telah membuat kapal-kapal tongkang seperti yang telah Engkau arahkan kepadaku.

19 Dan lihatlah, Ya Tuhan, di dalamnya tidak ada cahaya; ke manakah kami harus mengemudi? Dan juga kami akan binasa, kerana di dalamnya kami tidak dapat bernafas, selain udara yang ada di dalamnya; oleh itu kami akan binasa.

20 Dan Tuhan berfirman kepada saudara lelaki Yared: Lihatlah, engkau haruslah membuat sebuah lubang pada bahagian atas, dan juga pada bahagian bawahnya; dan apabila engkau memerlukan udara engkau haruslah membuka lubang itu dan mengambil udara. Dan jika demikian halnya bahawa air masuk ke dalam kepadamu, lihatlah, engkau harus menutup lubang itu, agar engkau tidak binasa di dalam air.

21 Dan terjadilah bahawa saudara lelaki Yared melakukan sedemikian, seperti yang telah Tuhan perintahkan.

22 Dan dia berseru lagi kepada Tuhan mengatakan: Ya Tuhan, lihatlah aku telah melakukan bahkan seperti yang telah Engkau perintahkan kepadaku; dan aku telah menyediakan kapal untuk umatku,

dan lihatlah tidak ada cahaya di dalamnya. Lihatlah, Ya Tuhan, adakah Engkau akan membiarkan kami menyeberangi perairan luas ini di dalam kegelapan?

23 Dan Tuhan berfirman kepada saudara lelaki Yared: Apakah yang kamu inginkan agar Aku harus lakukan sehingga kamu boleh mempunyai cahaya di dalam kapal-kapalmu? Kerana lihatlah, kamu tidak boleh ada jendela, kerana ia akan dihancurkan berkeping-keping; kamu juga tidak boleh membawa api bersamamu, kerana kamu tidak boleh pergi dengan cahaya api.

24 Kerana lihatlah, kamu akan menjadi seperti seekor ikan paus di tengah-tengah laut; kerana ombak yang menggunung akan menghempas ke atasmu. Walaupun demikian, Aku akan membawamu keluar lagi dari kedalaman laut ke atas permukaan; kerana angin keluar dari mulut-Ku, dan juga hujan dan air bah telah Aku hantarkan.

25 Dan lihatlah, Aku menyediakanmu menghadapi hal-hal ini; kerana kamu tidak dapat menyeberangi perairan yang dalam ini kecuali Aku menyediakanmu menghadapi ombak laut, dan angin yang bertiup, dan air bah yang akan datang. Oleh itu apakah yang kamu inginkan agar Aku harus sediakan untukmu agar kamu boleh mempunyai cahaya apabila kamu ditelan ke dalam laut?

BAB 3

Saudara lelaki Yared melihat jari Tuhan sewaktu Dia menyentuh enam belas ketul batu—Kristus memperlihatkan tubuh roh-Nya kepada saudara lelaki Yared—Mereka yang memiliki pengetahuan sempurna tidak dapat ditutupi oleh tirai—Alat-alat tafsir telah disediakan untuk membawa catatan bangsa Yared ke mata dunia.

DAN terjadilah bahawa saudara lelaki Yared, (sekarang, jumlah kapal yang telah disiapkan adalah lapan) pergi ke gunung, yang mereka panggil Gunung Selem, kerana ketinggiannya yang tak terhingga, dan meleburkan dari batu-batan enam belas batu kecil; dan ianya putih dan jernih, bahkan seperti kaca yang lutsinar; dan dia telah membawanya di dalam tangan ke atas puncak gunung itu, dan berseru lagi kepada Tuhan, mengatakan:

2 Ya Tuhan, Engkau telah memfirmankan bahawa kami mesti dikelilingi sepenuhnya oleh air yang dalam. Sekarang lihatlah, Ya Tuhan, dan janganlah marah terhadap hamba-Mu kerana kelemahannya di hadapan-Mu; kerana kami tahu bahawa Engkau kudus dan tinggal di dalam syurga, dan bahawa kami tidak layak di hadapan-Mu; disebabkan kejatuhan sifat kami telah menjadi jahat secara berterusan; walaupun demikian, Ya Tuhan, Engkau telah memberikan kami sebuah perintah bahawa kami mesti memohon kepada-Mu,

agar daripada Engkau kami dapat menerima menurut keinginan-keinginan kami.

3 Lihatlah, Ya Tuhan, Engkau telah menghentam kami kerana kederhakaan kami, dan telah mengusir kami, dan selama bertahun-tahun ini kami telah berada di dalam padang belantara; walaupun demikian, Engkau telah penuh berbelas kasihan kepada kami. Ya Tuhan, pandanglah aku dengan rasa belas kasihan, dan palingkanlah kemurkaan-Mu dari umat-Mu ini, dan janganlah biarkan bahawa mereka akan pergi menyeberangi lautan yang bergelora ini di dalam kegelapan; tetapi lihatlah benda-benda yang telah aku leburkan dari batu-batan ini.

4 Dan aku tahu, Ya Tuhan, bahawa Engkau memiliki segala kuasa, dan dapat melakukan apa pun yang Engkau kehendaki demi manfaat manusia; oleh itu sentuhlah batu-batu ini, Ya Tuhan, dengan jari-Mu, dan persiapkanlah ia agar boleh bersinar di dalam kegelapan; dan ia akan menyinari kami di dalam kapal-kapal yang telah kami sediakan, agar kami boleh mempunyai cahaya semasa kami akan menyeberangi laut.

5 Lihatlah, Ya Tuhan, Engkau dapat melakukan ini. Kami tahu bahawa Engkau mampu memperlihatkan kuasa yang besar, yang kelihatan kecil bagi pemahaman manusia.

6 Dan terjadilah bahawa apabila saudara lelaki Yared telah mengatakan perkataan ini, lihatlah,

Tuhan menghulurkan tangan-Nya dan menyentuh batu-batu itu satu demi satu dengan jari-Nya. Dan tirai ditarik daripada mata saudara lelaki Yared, dan dia melihat jari Tuhan; dan ianya adalah seperti jari manusia, seperti daging dan darah; dan saudara lelaki Yared terjatuh di hadapan Tuhan, kerana dia dicengkam ketakutan.

7 Dan Tuhan melihat bahawa saudara lelaki Yared telah terjatuh ke bumi; dan Tuhan berfirman kepadanya: Bangkitlah, mengapakah engkau terjatuh?

8 Dan dia berkata kepada Tuhan: Aku melihat jari Tuhan, dan aku takut kalau-kalau Dia akan menghentamku; kerana aku tidak tahu bahawa Tuhan berdaging dan berdarah.

9 Dan Tuhan berfirman kepadanya: Kerana imanmu engkau telah melihat bahawa Aku akan mengambil ke atas diri-Ku daging dan darah; dan belum pernah manusia datang ke hadapan-Ku dengan iman yang sedemikian besar seperti yang engkau miliki; kerana sekiranya tidak demikian kamu tidaklah dapat melihat jari-Ku. Adakah engkau melihat lebih daripada ini?

10 Dan dia menjawab: Tidak; Tuhan, perlihatkanlah diri-Mu kepadaku.

11 Dan Tuhan berfirman kepadanya: Percayakah engkau firman yang akan Aku firmankan?

12 Dan dia menjawab: Ya, Tuhan, aku tahu bahawa Engkau memfirmankan kebenaran, kerana

Engkau adalah Tuhan kebenaran, dan tidak dapat berdusta.

13 Dan apabila dia telah mengatakan perkataan ini, lihatlah, Tuhan memperlihatkan diri-Nya kepadanya, dan berfirman: Kerana engkau mengetahui hal-hal ini kamu telah ditebus dari kejatuhan; oleh itu kamu dibawa kembali ke hadirat-Ku; oleh itu Aku memperlihatkan diri-Ku kepadamu.

14 Lihatlah, Akulah Dia yang telah dipersiapkan sejak pengasasan dunia untuk menebus umat-Ku. Lihatlah, Akulah Yesus Kristus. Akulah Bapa dan Putera. Di dalam Aku seluruh umat manusia akan memperoleh kehidupan, dan ianya abadi, bahkan mereka yang akan percaya pada nama-Ku; dan mereka akan menjadi anak-anak lelaki-Ku dan anak-anak perempuan-Ku.

15 Dan belum pernah Aku memperlihatkan diri-Ku kepada manusia yang telah Aku ciptakan, kerana belum pernah ada manusia yang percaya kepada-Ku seperti kamu. Lihatlah kamu bahawa kamu diciptakan menurut rupa-Ku sendiri? Ya, bahkan semua manusia diciptakan pada permulaannya menurut rupa-Ku sendiri.

16 Lihatlah, tubuh ini, yang sekarang kamu lihat, adalah tubuh roh-Ku; dan manusia telah Aku ciptakan seperti tubuh roh-Ku; dan bahkan seperti mana Aku muncul kepadamu di dalam roh begitulah Aku akan menampakkan diri kepada umat-Ku di dalam daging.

17 Dan sekarang, seperti yang aku, Moroni, katakan aku tidak dapat membuat laporan lengkap tentang hal-hal ini yang telah dituliskan, oleh itu cukuplah bagiku untuk mengatakan bahawa Yesus memperlihatkan diri-Nya kepada lelaki ini di dalam roh, bahkan menurut cara dan di dalam persamaan dengan tubuh yang sama bahkan seperti yang Dia telah perlihatkan diri-Nya kepada bangsa Nefi.

18 Dan Dia melayaninya bahkan seperti Dia melayani bangsa Nefi; dan semua ini, agar lelaki ini boleh mengetahui bahawa Dia ialah Tuhan, kerana banyaknya pekerjaan besar yang telah Tuhan tunjukkan kepadanya.

19 Dan disebabkan pengetahuan lelaki ini dia tidak dapat dihalang daripada melihat di sebalik tirai itu; dan dia telah melihat jari Yesus, yang mana, apabila dia telah melihat, dia terjatuh dengan ketakutan; kerana dia mengetahui bahawa ianya adalah jari Tuhan; dan dia tidak mempunyai iman lagi, kerana dia mengetahui, tanpa apa pun keraguan.

20 Oleh itu, mempunyai pengetahuan yang sempurna ini tentang Tuhan, dia tidak dapat dihalang dari sebalik tirai itu; oleh itu dia melihat Yesus; dan Dia melayaninya.

21 Dan terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepada saudara lelaki Yared: Lihatlah, janganlah engkau membiarkan apa yang telah engkau lihat dan dengar ini

tersebar luas ke dunia, sehinggalah tiba waktunya apabila Aku akan memuliakan nama-Ku dalam daging; oleh itu, kamu haruslah menyimpan baik-baik hal-hal yang telah kamu lihat dan dengar, dan janganlah menunjukkannya kepada seorang pun.

22 Dan lihatlah, apabila kamu akan datang kepada-Ku, kamu akan menuliskannya dan akan memeteraikannya, sehingga tidak seorang pun dapat menterjemahkannya; kerana kamu akan menuliskannya dalam sebuah bahasa yang tidak dapat dibaca.

23 Dan lihatlah, kedua-dua batu ini akan Aku berikan kepadamu, dan kamu akan memeteraikannya juga bersama dengan hal-hal yang akan kamu tulis.

24 Kerana lihatlah, bahasa yang akan kamu tuliskan telah Aku celarukan; oleh itu Aku akan menyebabkan dalam waktu-Ku sendiri bahawa batu-batu ini akan menjelaskan kepada mata manusia hal-hal yang akan kamu tuliskan ini.

25 Dan apabila Tuhan telah memfirmankan firman ini, Dia memperlihatkan kepada saudara lelaki Yared semua penduduk bumi yang telah ada, dan juga semua yang akan ada; dan Dia tidak menahan semua itu daripada penglihatannya, bahkan sehingga ke segenap hujung bumi.

26 Kerana Dia telah berfirman kepadanya pada waktu-waktu sebelumnya, bahawa jika dia akan percaya kepada-Nya bahawa Dia

dapat memperlihatkan kepadanya semua hal—ianya akan diperlihatkan kepadanya; oleh itu Tuhan tidak dapat menahan apa pun daripadanya, kerana dia tahu bahawa Tuhan dapat memperlihatkan kepadanya semua hal.

27 Dan Tuhan berfirman kepadanya: Tuliskanlah hal-hal ini dan meteraikanlah semuanya; dan Aku akan memperlihatkankannya dalam waktu-Ku sendiri kepada anak-anak manusia.

28 Dan terjadilah bahawa Tuhan memerintahkannya agar dia harus memeteraikan kedua-dua batu yang telah diterimanya, dan tidak akan menunjukkannya, sehingga Tuhan akan memperlihatkankannya kepada anak-anak manusia.

BAB 4

Moroni diperintahkan untuk memeteraikan tulisan saudara lelaki Yared—Ianya tidak akan didedahkan sehinggalah manusia mempunyai iman bahkan seperti saudara lelaki Yared—Kristus memerintahkan manusia untuk mempercayai firman-Nya dan perkataan para pengikut-Nya—Manusia diperintahkan untuk bertaubat, mempercayai Injil, dan diselamatkan.

DAN Tuhan memerintahkan saudara lelaki Yared untuk turun dari gunung daripada hadirat Tuhan, dan menuliskan apa yang telah dia lihat; dan ianya dilarang untuk pergi kepada anak-anak manusia sehinggalah Dia telah diangkat

ke atas salib; dan untuk sebab inilah raja Mosia menyimpannya, agar ia tidak harus keluar ke dunia sehinggalah setelah Kristus memperlihatkan diri-Nya kepada umat-Nya.

42 Dan setelah Kristus benar-benar memperlihatkan diri-Nya kepada umat-Nya Dia memerintahkan agar ianya haruslah dinyatakan.

3 Dan sekarang, selepas itu, mereka semua telah merosot dalam ketidakpercayaan; dan tidak ada seorang pun kecuali bangsa Laman, dan mereka telah menolak Injil Kristus; oleh itu aku diperintahkan agar aku harus menyembunyikannya di dalam bumi sekali lagi.

4 Lihatlah, aku telah menulis di atas kepingan-kepingan ini bahkan hal-hal yang saudara lelaki Yared lihat; dan tidak pernah ada hal-hal yang lebih besar dinyatakan daripada yang telah dinyatakan kepada saudara lelaki Yared.

5 Oleh itu Tuhan telah memerintahkanku untuk menuliskannya; dan aku telah menuliskannya. Dan Dia memerintahkanku agar aku harus memeteraikannya; dan Dia juga telah memerintahkan agar aku harus memeteraikan terjemahannya; oleh itu aku telah memeteraikan alat-alat tafsir itu, menurut perintah Tuhan.

6 Kerana Tuhan berfirman kepadaku: Ianya tidak akan tersebar luas kepada bangsa bukan Israel sehinggalah hari tersebut bahawa mereka akan bertaubat dari

kederhakaan mereka, dan menjadi bersih di hadapan Tuhan.

7 Dan pada masa itu apabila mereka akan menjalankan iman di dalam-Ku, firman Tuhan, bahkan seperti yang saudara lelaki Yared telah lakukan, agar mereka dapat dikuduskan di dalam Aku, kemudian Aku akan menyatakan kepada mereka hal-hal yang telah dilihat oleh saudara lelaki Yared, bahkan sehingga membenarkan kepada mereka semua wahyu-Ku, firman Yesus Kristus, Putera Tuhan, Bapa segala langit dan bumi, dan semua hal yang ada di dalamnya.

8 Dan dia yang akan menentang firman Tuhan, biarlah dia dikutuk; dan dia yang akan menyangkal hal-hal ini, biarlah dia dikutuk; kerana kepada mereka Aku tidak akan memperlihatkan hal-hal yang lebih besar, firman Yesus Kristus; kerana Akulah Dia yang berfirman.

9 Dan di atas perintah-Ku langit dibukakan dan ditutup; dan di atas firman-Ku bumi akan bergegar; dan di atas perintah-Ku para penduduknya akan meninggal, bahkan juga dengan api.

10 Dan dia yang tidak mempercayai firman-Ku tidak mempercayai para pengikut-Ku; dan jika demikian halnya bahawa Aku tidak berfirman, kamu pertimbangkanlah sendiri; kerana kamu akan tahu bahawa Akulah yang berfirman, pada hari terakhir.

11 Tetapi dia yang mempercayai hal-hal ini yang telah Aku

firman, dialah yang akan Aku kunjungi dengan pernyataan Roh-Ku, dan dia akan mengetahui dan memberikan kesaksian. Disebabkan oleh Roh-Ku dia akan tahu bahawa hal-hal ini adalah benar; kerana ia mendorong manusia untuk melakukan kebaikan.

12 Dan apa-apapun yang mendorong manusia untuk melakukan kebaikan adalah daripada-Ku; kerana kebaikan tidak datang daripada sesiapa pun kecuali daripada-Ku. Akulah orang yang sama yang menuntun manusia kepada segala kebaikan; dia yang tidak mahu mempercayai firman-Ku tidak akan mempercayai-Ku—bahawa Aku ada; dan dia yang tidak mahu mempercayai-Ku tidak akan mempercayai Bapa yang telah mengutus-Ku. Kerana lihatlah, Akulah Bapa, Akulah cahaya, dan kehidupan, dan kebenaran dunia.

13 Datanglah kepada-Ku, Wahai kamu bangsa bukan Israel, dan Aku akan memperlihatkan kepadamu hal-hal yang lebih besar, pengetahuan yang telah disembunyikan kerana ketidakpercayaan.

14 Datanglah kepadaKu, Wahai kamu bani Israel, dan akan dinyatakan kepadamu betapa besarnya hal-hal yang telah Bapa sediakan bagimu, sejak pengasasan dunia; dan ia belum datang kepadamu, disebabkan ketidakpercayaan.

15 Lihatlah, apabila kamu akan mengoyakkan tirai ketidakpercayaan itu yang menyebabkan kamu tetap tinggal di dalam keadaan kejahatanmu yang dahsyat, dan

kekerasan hati, dan kebutaan fikiran, maka hal-hal yang besar dan menakutkan yang telah disembunyikan daripadamu sejak pengasasan dunia—ya, apabila kamu akan menyeru kepada Bapa dalam nama-Ku, dengan hati yang hancur dan jiwa yang menyesal, maka kamu akan mengetahui bahawa Bapa mengingati perjanjian yang Dia telah buat kepada nenek moyangmu, Wahai bani Israel.

16 Dan kemudian wahyu-wahyu-Ku yang telah Aku arahkan untuk dituliskan oleh hamba-Ku Yohanes akan didedahkan kepada mata semua orang. Ingatlah, apabila kamu melihat hal-hal ini, kamu akan mengetahui bahawa waktunya di depan mata apabila ianya akan dinyatakan dalam dunia yang nyata.

17 Oleh itu, apabila kamu akan menerima catatan ini kamu dapat mengetahui bahawa pekerjaan Bapa telah bermula di atas seluruh permukaan negeri.

18 Oleh itu, bertaubatlah kamu hujung-hujung bumi, dan datanglah kepada-Ku, dan percayalah pada Injil-Ku, dan dibaptiskanlah dalam nama-Ku; kerana dia yang percaya dan dibaptiskan akan diselamatkan; tetapi dia yang tidak percaya akan dilaknati; dan tanda-tanda akan mengiringi mereka yang percaya pada nama-Ku.

19 Dan diberkatilah dia yang didapati setia pada nama-Ku pada hari terakhir, kerana dia akan diangkat untuk tinggal di dalam kerajaan yang disediakan

baginya sejak pengasasan dunia. Dan lihatlah Akulah yang telah memfirmankannya. Amin.

BAB 5

Tiga saksi dan kitab itu sendiri akan berdiri sebagai sebuah kesaksian tentang kebenaran Kitab Mormon.

DAN sekarang, aku, Moroni, telah menuliskan kata-kata yang telah diperintahkan kepadaku, menurut ingatanku; dan aku telah memberitahu kamu hal-hal yang telah aku meteraikan; oleh itu janganlah menyentuhnya supaya kamu boleh menterjemahkan; kerana hal itu dilarang bagimu, kecuali suatu saat nanti ianya akan menjadi kebijaksanaan di dalam Tuhan.

2 Dan lihatlah, kamu boleh diberi peluang agar kamu boleh menunjukkan kepingan-kepingan itu kepada mereka yang akan membantu mendatangkan pekerjaan ini;

3 Dan kepada tiga orang akan diperlihatkan melalui kuasa Tuhan; oleh itu mereka akan mengetahui dengan suatu kepastian bahawa hal-hal ini adalah benar.

4 Dan di dalam mulut tiga orang saksi hal-hal ini akan ditegakkan; dan kesaksian daripada tiga orang, dan pekerjaan ini, yang di dalamnya akan diperlihatkan kuasa Tuhan dan juga firman-Nya, yang mana Bapa, dan Putera, dan Roh Kudus memberikan kesaksian tentangnya—dan semua ini akan berdiri sebagai sebuah kesaksian terhadap dunia pada hari terakhir.

5 Dan jika demikian halnya bahawa mereka bertaubat dan datang kepada Bapa dalam nama Yesus, mereka akan diterima ke dalam kerajaan Tuhan.

6 Dan sekarang, jika aku tidak memiliki wewenang untuk hal-hal ini, kamu pertimbangkanlah sendiri; kerana kamu akan mengetahui bahawa aku memiliki wewenang apabila kamu akan melihatku, dan kita akan berdiri di hadapan Tuhan pada hari terakhir. Amin.

BAB 6

Kapal-kapal tongkang bangsa Yared dibawa oleh angin ke negeri yang dijanjikan—Bangsa itu memuji Tuhan kerana kebaikan-Nya—Oriha dilantik sebagai raja ke atas mereka—Yared dan saudara lelakinya meninggal.

DAN sekarang, aku, Moroni, meneruskan untuk memberikan catatan tentang Yared dan saudara lelakinya.

2 Kerana terjadilah setelah Tuhan menyediakan batu-batu yang telah dibawa oleh saudara lelaki Yared ke atas gunung, saudara lelaki Yared turun dari gunung, dan dia meletakkan batu-batu itu ke dalam kapal-kapal yang telah disiapkan, seketul pada setiap hujung kapal; dan lihatlah, ianya memberikan cahaya pada kapal-kapal itu.

3 Dan demikianlah Tuhan menyebabkan batu-batu itu bersinar dalam kegelapan, untuk menerangi para lelaki, wanita,

dan anak-anak, agar mereka tidak menyeberangi perairan luas itu di dalam kegelapan.

4 Dan terjadilah bahawa apabila mereka telah menyediakan pelbagai jenis makanan, agar dengan demikian mereka boleh meneruskan hidup di atas air, dan juga makanan untuk kawanan domba dan kawanan ternakan mereka, dan apa pun binatang atau haiwan atau burung yang harus mereka bawa bersama mereka—dan terjadilah bahawa apabila mereka telah melakukan semua hal ini mereka menaiki kapal atau kapal-kapal tongkang mereka, dan berlayar ke laut, menyerahkan diri mereka sepenuhnya kepada Tuhan Raja mereka.

5 Dan terjadilah bahawa Tuhan Raja menyebabkan terdapatnya angin yang kencang bertiup di atas permukaan perairan, menuju ke negeri yang dijanjikan; dan dengan demikianlah mereka diombang-ambingkan di atas ombak laut di hadapan angin.

6 Dan terjadilah bahawa banyak kali mereka ditenggelamkan ke dalam laut, kerana ombak-ombak yang menggungung yang telah menghempas ke atas diri mereka, dan juga angin ribut yang dahsyat dan menakutkan yang disebabkan oleh kekuatan angin.

7 Dan terjadilah bahawa apabila mereka tenggelam di dalam air tidak ada air yang dapat mencederakan mereka, kapal-kapal mereka rapat seperti sebuah bekas, dan juga ianya rapat seperti bahtera

Nuh; oleh itu apabila mereka dikelilingi sepenuhnya oleh air mereka telah berseru kepada Tuhan, dan Dia telah membawa mereka kembali ke atas permukaan perairan itu.

8 Dan terjadilah bahawa angin tersebut tidak pernah berhenti bertiup ke arah negeri yang dijanjikan semasa mereka berada di atas permukaan perairan itu; dan demikianlah mereka dibawa di hadapan angin.

9 Dan mereka menyanyikan puji-pujian kepada Tuhan; ya, saudara lelaki Yared menyanyikan puji-pujian kepada Tuhan, dan dia berterima kasih dan memuji Tuhan sepanjang hari; dan apabila malam tiba, mereka tidak berhenti untuk memuji Tuhan.

10 Dan demikianlah mereka dibawa; dan tidak ada raksasa laut yang dapat menghancurkan mereka, tidak juga ada ikan paus yang dapat menghancurkan mereka; dan mereka mempunyai cahaya yang berterusan, sama ada di atas air ataupun di bawah air.

11 Dan demikianlah mereka dibawa, tiga ratus empat puluh empat hari di atas air.

12 Dan mereka telah mendarat di atas pantai negeri yang dijanjikan. Dan apabila mereka menjejakkan kaki mereka di atas pantai negeri yang dijanjikan mereka membongkokkan diri di atas permukaan tanah, dan merendahkan hati mereka di hadapan Tuhan, dan mencururkan air mata kebagiaan di hadapan Tuhan, kerana

belas kasihan-Nya yang besar ke atas diri mereka.

13 Dan terjadilah bahawa mereka pergi ke atas permukaan negeri itu, dan mulai mengolah tanah.

14 Dan Yared mempunyai empat anak lelaki; dan mereka dinamakan Yakom, dan Gilga, dan Maha, dan Oriha.

15 Dan saudara lelaki Yared juga melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan.

16 Dan sahabat-sahabat Yared dan saudara lakinya berjumlah kira-kira dua puluh dua jiwa; dan mereka juga melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan sebelum mereka tiba di negeri yang dijanjikan; dan oleh itu mereka mulai menjadi banyak.

17 Dan mereka diajar untuk berjalan dengan kerendahan hati di hadapan Tuhan; dan mereka juga diajar dari syurga.

18 Dan terjadilah bahawa mereka mula tersebar di atas permukaan negeri itu, dan bertambah banyak dan mengolah tanah; dan mereka menjadi kuat di negeri itu.

19 Dan saudara lelaki Yared mulai menjadi tua, dan menyedari bahawa dia mesti segera masuk ke dalam kubur; oleh itu dia berkata kepada Yared: Marilah kita mengumpulkan bersama orang kita agar kita boleh menghitung mereka, agar kita boleh mengetahui daripada mereka apa yang mereka hasratkan daripada kita sebelum kita masuk ke dalam kubur kita.

20 Dan demikianlah bangsa itu berkumpul bersama. Sekarang,

jumlah anak-anak lelaki dan perempuan saudara lelaki Yared adalah dua puluh dua jiwa; dan jumlah anak-anak lelaki dan perempuan Yared adalah dua belas, dan dia mempunyai empat anak lelaki.

21 Dan terjadilah bahawa mereka mengira orang mereka; dan setelah mereka mengira jumlah mereka, mereka meminta daripada mereka hal-hal yang mereka mahu mereka lakukan sebelum mereka masuk ke dalam kubur mereka.

22 Dan terjadilah bahawa orang itu menghasratkan daripada mereka agar mereka harus menetapkan salah seorang anak lelaki mereka untuk menjadi raja ke atas mereka.

23 Dan sekarang, lihatlah, ini menyedihkan mereka. Dan saudara lelaki Yared berkata kepada mereka: Sudah pastilah hal ini menuju kepada penawanan.

24 Tetapi Yared berkata kepada saudara lelakinya: Biarkanlah mereka agar mereka boleh mempunyai seorang raja. Dan oleh itu dia berkata kepada mereka: Pilihlah kamu di antara anak-anak lelaki kami seorang raja, bahkan sesiapa pun yang kamu kehendaki.

25 Dan terjadilah bahawa mereka memilih bahkan anak sulung saudara lelaki Yared; dan namanya adalah Pagag. Dan terjadilah bahawa dia menolak dan tidak mahu menjadi raja mereka. Dan bangsa itu menginginkan agar ayahnya harus memaksanya, tetapi ayahnya tidak mahu; dan dia

memerintahkannya agar mereka tidak harus memaksa sesiapa pun untuk menjadi raja mereka.

26 Dan terjadilah bahawa mereka memilih semua adik lelaki Pagag, dan mereka tidak mahu.

27 Dan terjadilah bahawa anak-anak lelaki Yared juga tidak mahu, bahkan semuanya kecuali seorang; dan Oriha ditetapkan menjadi raja ke atas bangsa itu.

28 Dan dia mulai memerintah, dan bangsa itu mula makmur; dan mereka menjadi amat kaya.

29 Dan terjadilah bahawa Yared meninggal, dan saudara lelakinya juga.

30 Dan terjadilah bahawa Oriha berjalan dengan kerendahan hati di hadapan Tuhan, dan mengingati betapa besarnya hal-hal yang telah Tuhan lakukan untuk ayahnya, dan juga telah mengajar rakyatnya betapa besarnya hal-hal yang telah Tuhan lakukan untuk nenek moyang mereka.

BAB 7

Oriha memerintah dalam kesolehan—Di tengah-tengah perebutan kuasa dan persengketaan, persaingan kerajaan Sul dan Kohor berlaku—Para nabi mengutuk kejahatan dan pemujaan berhala bangsa itu, yang kemudiannya bertaubat.

DAN terjadilah bahawa Oriha menjalankan penghakiman atas negeri itu dalam kesolehan sepanjang hidupnya, yang mempunyai riwayat yang sangat panjang.

2 Dan dia melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan; ya, dia melahirkan tiga puluh satu orang, yang di antaranya dua puluh tiga orang anak lelaki.

3 Dan terjadilah bahawa dia juga melahirkan Kib pada usia tuanya. Dan terjadilah bahawa Kib memerintah sebagai penggantinya; dan Kib melahirkan Korihor.

4 Dan apabila Korihor berumur tiga puluh dua tahun dia memberontak terhadap ayahnya, dan pergi dan tinggal di dalam negeri Nehor; dan dia melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan, dan mereka menjadi sangat rupawan; oleh itu Korihor menarik banyak orang untuk mengikutinya.

5 Dan apabila dia telah mengumpulkan bersama sebuah bala tentera dia datang ke negeri Moron tempat raja tinggal, dan menawannya, yang menggenapi kata-kata saudara lelaki Yared bahawa mereka akan dibawa ke dalam penawanan.

6 Sekarang negeri Moron, tempat raja tinggal, terletak berdekatan dengan negeri yang dipanggil Kemusnahan oleh bangsa Nefi.

7 Dan terjadilah bahawa Kib tinggal di dalam penawanan, dan rakyatnya di bawah Korihor anak lakinya, sehinggalah dia menjadi sangat tua; walaupun demikian Kib melahirkan Sul pada usia tuanya, semasa dia masih berada di dalam penawanan.

8 Dan terjadilah bahawa Sul marah kepada abangnya; dan Sul menjadi kuat, dan menjadi perkasa

seperti kekuatan seorang manusia; dan dia juga hebat di dalam pertimbangannya.

9 Oleh itu, dia datang ke Bukit Efraim, dan dia meleburkan dari bukit itu, dan membuat pedang-pedang daripada besi untuk mereka yang telah dia bawa bersamanya; dan setelah dia mempersenjatai mereka dengan pedang dia kembali ke Kota Nehor, dan bertempur dengan abangnya Korihor, dengan cara itu dia mendapatkan kerajaan itu dan memulihkannya kepada ayahnya Kib.

10 Dan sekarang, kerana hal yang telah Sul lakukan, ayahnya telah menganugerahkan kepadanya kerajaan itu; oleh itu dia mulai memerintah sebagai pengganti ayahnya.

11 Dan terjadilah bahawa dia menjalankan penghakiman dalam kesolehan; dan dia memperluaskan kerajaannya di seluruh permukaan negeri itu, kerana bangsa itu telah menjadi sangat banyak.

12 Dan terjadilah bahawa Sul juga melahirkan ramai anak lelaki dan perempuan.

13 Dan Korihor bertaubat di atas banyak kejahatan yang telah dia lakukan; oleh itu Sul memberinya kuasa di dalam kerajaannya.

14 Dan terjadilah bahawa Korihor mempunyai ramai anak lelaki dan perempuan. Dan di antara anak-anak lelaki Korihor terdapat seorang yang namanya adalah Nuh.

15 Dan terjadilah bahawa Nuh memberontak terhadap Sul, si raja, dan juga ayahnya, Korihor,

dan membawa Kohor saudara lelakinya, dan juga semua saudaranya dan ramai daripada rakyat tersebut.

16 Dan dia bertempur melawan Sul, si raja, dan dengan itu dia telah mendapatkan negeri warisan pertama mereka, dan dia menjadi raja atas bahagian negeri itu.

17 Dan terjadilah bahawa dia bertempur sekali lagi dengan Sul, si raja; dan dia telah menangkap Sul, si raja, dan membawanya pergi dalam tawanan ke Moron.

18 Dan terjadilah bahawa sewaktu dia hampir menghukumnya mati, anak-anak lelaki Sul menyelip ke dalam rumah Nuh pada malam hari dan membunuhnya, dan memecahkan pintu penjara dan membawa ayah mereka keluar, dan menempatkan dia di atas takhtanya di dalam kerajaannya sendiri.

19 Oleh itu, anak lelaki Nuh telah membangunkan kerajaannya sebagai penggantinya; walaupun demikian mereka tidak lagi memperoleh kekuasaan ke atas diri raja Sul, dan rakyat yang berada di bawah pemerintahan raja Sul amat makmur dan menjadi kuat.

20 Dan negara itu telah dibahagikan; dan terdapat dua kerajaan, kerajaan Sul, dan kerajaan Kohor, anak lelaki Nuh.

21 Dan Kohor, anak lelaki Nuh, menyuruh agar rakyatnya harus bertempur dengan Sul, di mana Sul telah mengalahkan mereka dan membunuh Kohor.

22 Dan sekarang, Kohor memiliki

seorang anak lelaki yang dinamakan Nimrod; dan Nimrod menyerahkan kerajaan Kohor kepada Sul, dan dia disenangi di mata Sul; oleh itu Sul memberikan peluang-peluang yang besar kepadanya, dan dia melakukan apa pun di dalam kerajaan Sul menurut keinginannya.

23 Dan juga di dalam pemerintahan Sul datanglah para nabi di kalangan bangsa itu, yang telah diutuskan oleh Tuhan, yang ber-nubuat bahawa kejahatan dan pemujaan berhala bangsa itu sedang membawa kutukan pada negeri itu, dan mereka akan dihancurkan jika mereka tidak bertaubat.

24 Dan terjadilah bahawa bangsa itu mencaci maki para nabi, dan mengejek mereka. Dan terjadilah bahawa raja Sul menjalankan penghakiman terhadap mereka semua yang mencaci maki para nabi.

25 Dan dia telah menguatkuasakan sebuah hukum di seluruh negeri itu, yang telah memberi kuasa kepada para nabi bahawa mereka boleh pergi ke mana pun yang mereka kehendaki; dan disebabkan ini bangsa itu dibawa pada pertaubatan.

26 Dan kerana bangsa itu telah bertaubat di atas kederhakaan dan pemujaan berhala mereka Tuhan membiarkan mereka hidup, dan mereka mula makmur kembali di negeri itu. Dan terjadilah bahawa Sul melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan pada usia tuanya.

27 Dan tidak ada lagi peperangan dalam riwayat Sul; dan

dia mengingati hal-hal besar yang telah Tuhan lakukan untuk nenek moyangnya dalam membawa mereka menyeberangi lautan ke dalam negeri yang dijanjikan; oleh itu dia menjalankan penghakiman dalam kesolehan sepanjang hidupnya.

BAB 8

Terdapat persengketaan dan pertikaian ke atas kerajaan—Akis membentuk sebuah komplot rahsia yang terikat dengan sumpah untuk membunuh raja—Komplot-komplot rahsia berasal daripada iblis dan mengakibatkan kehancuran bangsa—Bangsa bukan Israel masa kini diberi amaran terhadap komplot rahsia yang akan berusaha untuk menjatuhkan kemerdekaan semua negeri, bangsa, dan negara.

DAN terjadilah bahawa dia melahirkan Omer, dan Omer memerintah sebagai penggantinya. Dan Omer melahirkan Yared; dan Yared melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan.

2 Dan Yared memberontak terhadap ayahnya, dan pergi dan tinggal di negeri Het. Dan terjadilah bahawa dia telah menghasut banyak orang, kerana perkataannya yang licik, sehingga dia mendapatkan setengah daripada kerajaan itu.

3 Dan apabila dia telah mendapat setengah daripada kerajaan tersebut dia bertempur dengan ayahnya, dan dia membawa ayahnya pergi ke dalam penawanan, dan

telah memaksanya melayani di dalam penawanan;

4 Dan sekarang, pada zaman pemerintahan Omer dia berada dalam penawanan separuh daripada riwayatnya. Dan terjadilah bahawa dia melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan, yang di antaranya ialah Esrom dan Koriantumr;

5 Dan mereka sangat marah kerana perbuatan Yared saudara lelaki mereka, sedemikian rupa sehingga mereka membentuk bala tentera dan bertempur melawan Yared. Dan terjadilah bahawa mereka telah bertempur melawannya pada malam hari.

6 Dan terjadilah bahawa apabila mereka telah membunuh bala tentera Yared mereka hampir membunuhnya juga; dan dia merayu kepada mereka agar mereka tidak akan membunuhnya, dan dia akan menyerahkan kerajaan itu kepada ayahnya. Dan terjadilah bahawa mereka membiarkannya hidup.

7 Dan sekarang, Yared menjadi amat sedih kerana kehilangan kerajaan itu, kerana dia telah menaruh hatinya pada kerajaan itu dan ke atas kemuliaan duniawi.

8 Sekarang, anak perempuan Yared seorang yang amat cerdas, dan melihatkan kesedihan ayahnya, telah berfikir untuk merancang sebuah rancangan supaya dia dapat menebus kerajaan tersebut untuk ayahnya.

9 Sekarang, anak perempuan Yared sangatlah cantik. Dan terjadilah bahawa dia telah berbicara dengan ayahnya, dan berkata

kepadanya: Apakah sebabnya ayahku mempunyai kesedihan yang besar? Belumkah dia membaca catatan yang telah dibawa oleh nenek moyang kita menyeberangi lautan dalam itu? Lihatlah, bukankah terdapat laporan tentang mereka pada zaman dahulu, bahawa melalui rancangan-rancangan rahsia mereka mendapatkan kerajaan dan kemuliaan yang besar?

10 Dan sekarang, oleh itu, biarlah ayahku memanggil Akis, anak lelaki Kimnor; dan lihatlah, aku seorang yang cantik, dan aku akan menari di hadapannya, dan aku akan menyenangkannya, sehingga dia akan menginginkanku untuk menjadi isteri; oleh itu jika dia akan menghasratkan daripadamu agar kamu akan memberikanku kepadanya untuk menjadi isteri, maka kamu harus berkata: Aku akan menyerahkan dia jika kamu akan membawakan kepadaku kepala ayahku, si raja.

11 Dan sekarang, Omer adalah sahabat Akis; oleh itu, setelah Yared memanggil Akis, anak perempuan Yared menari di hadapannya sehingga dia menyenangkannya, sedemikian rupa sehingga dia menghasratkannya untuk menjadi isteri. Dan terjadilah bahawa dia berkata kepada Yared: Berikanlah dia kepadaku menjadi isteri.

12 Dan Yared berkata kepadanya: Aku akan menyerahkan dia kepadamu, jika kamu akan membawa kepadaku kepala ayahku, si raja.

13 Dan terjadilah bahawa Akis

mengumpulkan di dalam rumah Yared seluruh sanak saudaranya, dan berkata kepada mereka: Mahukah kamu bersumpah kepadaku bahawa kamu akan setia kepadaku dalam hal yang akan aku hasratkan daripadamu?

14 Dan terjadilah bahawa mereka semua bersumpah kepadanya, demi Tuhan syurga, dan juga demi langit, dan juga demi bumi, dan demi kepala mereka, bahawa sesiapa akan menyimpang dari bantuan yang diinginkan oleh Akis akan kehilangan kepalanya; dan sesiapa yang akan membocorkan apa pun hal yang Akis beritahukan kepada mereka, merekalah yang akan kehilangan nyawanya.

15 Dan terjadilah bahawa demikianlah mereka bersetuju dengan Akis. Dan Akis menjalankan ke atas mereka sumpah-sumpah yang telah diberikan oleh mereka dari zaman dahulu yang juga mencari kekuasaan, yang telah diturunkan bahkan daripada Kain, yang merupakan seorang pembunuh sejak dari mula lagi.

16 Dan mereka dipelihara oleh kuasa iblis untuk melaksanakan sumpah ini terhadap bangsa itu, untuk menjaga mereka dalam kegelapan, untuk membantu mereka yang mencari kuasa untuk memperoleh kekuasaan, dan untuk membunuh, dan untuk menjarah, dan untuk berdusta, dan untuk melakukan bermacam-macam kejahatan dan pelacuran.

17 Dan anak perempuan Yaredlah yang telah menaruhkan ke dalam

hatinya untuk mencari semula hal-hal zaman dahulu ini; dan Yared menaruhkannya ke dalam hati Akis; oleh itu, Akis menjalankannya kepada sanak saudara dan sahabat-sahabatnya, menyesatkan mereka dengan janji-janji yang kosong untuk melakukan apa pun yang dia hasratkan.

18 Dan terjadilah bahawa mereka membentuk sebuah komplot rahsia, bahkan seperti mereka dahulu kala; yang mana komplot itu adalah paling keji dan jahat melebihi segalanya, di mata Tuhan;

19 Kerana Tuhan tidak bekerja dalam komplot-komplot rahsia, dan Dia juga tidak menghendaki agar manusia harus menumpahkan darah, tetapi telah melarangnya di dalam semua hal, sejak permulaan manusia.

20 Dan sekarang, aku, Moroni, tidak menuliskan cara bersumpah dan komplot-komplot mereka, kerana telah diberitahukan kepadaku bahawa ianya pernah berlaku di kalangan semua orang, dan ianya pernah berlaku di kalangan bangsa Laman.

21 Dan ia telah menyebabkan kehancuran bangsa ini iaitu mereka yang sedang aku bicarakan sekarang, dan juga kehancuran bangsa Nefi.

22 Dan apa pun bangsa yang akan menyokong komplot-komplot rahsia seperti ini, untuk memperolehi kekuasaan dan keuntungan, sehingga mereka akan tersebar ke serata bangsa itu, lihatlah, mereka akan dihancurkan; kerana Tuhan

tidak akan membiarkan bahawa darah para orang suci-Nya, yang akan ditumpahkan oleh mereka, akan selalu berseru kepada-Nya dari dalam tanah untuk pembalasan terhadap mereka namun dia tidak membalas dendam bagi mereka.

23 Oleh itu, Wahai kamu bangsa bukan Israel, adalah kebijaksanaan di dalam Tuhan bahawa hal-hal ini akan diperlihatkan kepadamu, agar dengan demikian kamu boleh bertaubat dari dosa-dosamu, dan tidak membiarkan bahawa komplot-komplot yang membunuh ini akan mengatasi dirimu, yang dibangunkan untuk mendapatkan kekuasaan dan keuntungan—dan pekerjaan itu, ya, bahkan pekerjaan kehancuran datang kepada dirimu, ya, bahkan pedang keadilan daripada Tuhan Yang Abadi akan jatuh ke atas dirimu, sehingga ketumbangan dan kehancuran dirimu jika kamu akan membiarkan hal-hal ini terjadi.

24 Oleh itu, Tuhan memerintahkanmu, apabila kamu akan melihat hal-hal ini datang di antara kamu agar kamu akan terbangun menyedari keadaanmu yang dahsyat, kerana komplot rahsia ini yang akan berada di antara kamu; atau, celakalah ia, disebabkan oleh darah mereka yang telah dibunuh; kerana mereka berseru dari dalam debu untuk pembalasan ke atas dirinya, dan juga ke atas diri mereka yang membangunkannya.

25 Kerana terjadilah bahawa sesiapa yang membangunkannya

berusaha untuk menjatuhkan kebebasan semua negeri, bangsa, dan negara; dan itu mendatangkan kehancuran semua orang, kerana dibangunkan oleh iblis, iaitu bapa segala kedustaan; bahkan pendusta yang sama itulah yang telah memperdayakan ibu bapa kita yang pertama, ya, bahkan pendusta yang sama itulah yang telah menyebabkan manusia melakukan pembunuhan sejak permulaan; yang telah mengeraskan hati manusia sehingga mereka telah membunuh para nabi, dan merejam mereka, dan mengusir mereka sejak dari permulaan.

26 Oleh itu, aku, Moroni, diperintahkan untuk menuliskan hal-hal ini agar kejahatan boleh diakhiri, dan agar waktunya akan tiba apabila Setan tidak mempunyai kuasa ke atas hati anak-anak manusia, tetapi agar mereka boleh didorong untuk melakukan kebaikan secara berterusan, agar mereka boleh datang kepada sumber air segala kesolehan dan diselamatkan.

BAB 9

Kerajaan diserahkan dari seorang kepada yang lain melalui keturunan, komplot jahat, dan pembunuhan—Emer telah melihat Putera Kesolehan—Banyak nabi yang menyerukan pertaubatan—Kebuluran dan ular beracun menimpa bangsa itu.

DAN sekarang, aku, Moroni, meneruskan catatanku. Oleh itu, lihatlah, terjadilah bahawa kerana

komplot rahsia Akis dan sahabat-sahabatnya, lihatlah, mereka menjatuhkan kerajaan Omer.

2 Walaupun demikian, Tuhan penuh belas kasihan kepada Omer, dan juga kepada anak-anak lelakinya dan perempuannya yang tidak berusaha untuk kehancurannya.

3 Dan Tuhan memberi amaran kepada Omer dalam sebuah mimpi bahawa dia haruslah meninggalkan negeri itu; oleh itu Omer meninggalkan negeri itu bersama keluarganya, dan melakukan perjalanan berhari-hari, dan tiba dan melewati Bukit Sim, dan tiba dekat tempat di mana bangsa Nefi dihancurkan, dan dari sana ke arah timur, dan tiba di sebuah tempat yang disebut Ablom, yang berdekatan tepi laut, dan di sanalah dia mendirikan khemahnya, dan juga anak-anak lelaki dan perempuannya, dan seluruh isi rumahnya, kecuali Yared dan keluarganya.

4 Dan terjadilah bahawa Yared telah ditetapkan sebagai raja ke atas rakyat itu, oleh tangan kejahatan; dan dia memberikan kepada Akis anak perempuannya untuk menjadi isteri.

5 Dan terjadilah bahawa Akis menginginkan nyawa ayah mertuanya; dan dia memohon kepada mereka yang telah bersumpah di atas sumpah zaman dahulu tersebut, dan mereka telah mendapatkan kepala ayah mertuanya, semasa dia duduk di atas takhtanya, untuk bertitah kepada rakyatnya.

6 Kerana begitu besarnya perkembangan kumpulan yang jahat

dan rahsia ini sehingga ia telah merosakkan hati semua orang; oleh itu Yared telah dibunuh di atas takhtanya, dan Akis memerintah sebagai penggantinya.

7 Dan terjadilah bahawa Akis mulai cemburu terhadap anak lelakinya, oleh itu dia mengurungnya di dalam penjara, dan memberinya makanan yang sedikit ataupun tidak sama sekali sehingga dia menderita kematian.

8 Dan sekarang, saudara lelaki kepada dia yang menderita kematian, (dan namanya adalah Nimra) marah terhadap ayahnya kerana apa yang telah ayahnya lakukan terhadap saudara lelakinya.

9 Dan terjadilah bahawa Nimra mengumpulkan bersama sejumlah kecil orang, dan melarikan diri dari negeri itu, dan pergi dan tinggal bersama Omer.

10 Dan terjadilah bahawa Akis melahirkan anak-anak lelaki yang lain, dan mereka memenangi hati rakyat, walaupun mereka telah bersumpah kepadanya untuk melakukan bermacam-macam kederhakaan seperti yang dihasratkannya.

11 Sekarang, rakyat Akis menginginkan keuntungan, bahkan seperti Akis menginginkan kekuasaan; oleh itu, anak-anak lelaki Akis telah menawarkan kepada mereka wang, dengan cara itu mereka menarik sebahagian besar daripada rakyat itu untuk mengikuti mereka.

12 Dan mulailah terdapat peperangan di antara anak-anak lelaki

Akis dan Akis, yang berlangsung selama tempoh bertahun-tahun, ya, sehinggalah kepada kehancuran hampir seluruh rakyat kerajaan itu, ya, bahkan semuanya, kecuali tiga puluh jiwa, dan inilah mereka yang telah melarikan diri bersama bani Omer.

13 Oleh itu, Omer dipulihkan kembali ke negeri warisannya.

14 Dan terjadilah bahawa Omer mulai menjadi tua; walaupun demikian, pada usia tuanya dia melahirkan Emer; dan dia mengurapi Emer untuk menjadi raja untuk memerintah sebagai penggantinya.

15 Dan setelah dia mengurapi Emer menjadi raja dia melihat kedamaian di negeri itu untuk tempoh waktu dua tahun, dan dia mati, setelah melihat begitu banyak hari, yang penuh dengan kesedihan. Dan terjadilah bahawa Emer memerintah sebagai penggantinya, dan mengikuti jejak langkah ayahnya.

16 Dan Tuhan mulai mengambil kembali kutukan dari negeri itu, dan bani Emer amat makmur di bawah pemerintahan Emer; dan dalam tempoh waktu enam puluh dua tahun mereka telah menjadi amat kuat, sedemikian rupa sehingga mereka menjadi amat kaya—

17 Memiliki bermacam-macam buah, dan bijian, dan sutera, dan kain tenunan yang halus, dan emas, dan perak, dan benda-benda berharga;

18 Dan juga bermacam-macam lembu, dan sapi, dan domba, dan

babi, dan kambing, dan juga banyak jenis haiwan yang lain yang berguna untuk makanan manusia.

19 Dan mereka juga memiliki kuda, dan keldai, dan ada gajah dan kurelom dan kumom; yang semuanya berguna bagi manusia, dan terutamanya gajah dan kurelom dan kumom.

20 Dan demikianlah Tuhan mencurahkan berkat-berkat-Nya pada negeri ini, yang adalah terpilih di atas semua negeri yang lain; dan Dia memerintahkan bahawa sesiapa yang akan memiliki negeri itu haruslah memilikinya kepada Tuhan, atau mereka akan dihancurkan apabila mereka menjadi matang di dalam kederhakaan; kerana kepada yang sedemikian, firman Tuhan: Aku akan mencurahkan kemurkaan-Ku yang penuh.

21 Dan Emer menjalankan penghakiman dalam kesolehan sepanjang hidupnya, dan dia melahirkan banyak anak lelaki dan perempuan; dan dia melahirkan Koriantum, dan dia mengurapi Koriantum untuk memerintah sebagai penggantinya.

22 Dan setelah dia mengurapi Koriantum untuk memerintah sebagai penggantinya dia hidup selama empat tahun, dan dia melihat kedamaian di negeri itu; ya, bahkan dia juga melihat Putera Kesolehan, dan bergembira dan berbangga di dalam hidupnya; dan dia mati dalam kedamaian.

23 Dan terjadilah bahawa Koriantum berjalan menurut jejak

langkah ayahnya, dan telah membina banyak kota yang besar, dan melaksanakan perkara yang baik kepada rakyatnya sepanjang hidupnya. Dan terjadilah bahawa dia tidak mempunyai anak sehingga dia menjadi sangat tua.

24 Dan terjadilah bahawa isterinya mati, semasa berumur seratus dua tahun. Dan terjadilah bahawa Koriantum mengambil sebagai isteri, pada usia tuanya, seorang gadis muda, dan melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan; oleh itu dia hidup sehingga dia berumur seratus empat puluh dua tahun.

25 Dan terjadilah bahawa dia melahirkan Kom, dan Kom memerintah sebagai penggantinya; dan dia memerintah selama empat puluh sembilan tahun, dan dia melahirkan Het; dan dia juga melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan yang lain.

26 Dan bangsa itu telah tersebar lagi ke atas seluruh permukaan negeri, dan mulailah terdapat lagi kejahatan yang amat besar di atas permukaan negeri, dan Het mulai memeluk rancangan-rancangan rahsia dari zaman dahulu itu lagi, untuk menghancurkan ayahnya.

27 Dan terjadilah bahawa dia menggulingkan ayahnya dari takhta, kerana dia membunuhnya dengan pedangnya sendiri; dan dia memerintah sebagai penggantinya.

28 Dan datanglah para nabi ke negeri itu sekali lagi, menyerukan pertaubatan kepada mereka—bahawa mereka mesti menyediakan

jalan Tuhan atau akan datang kutukan ke atas permukaan negeri itu; ya, bahkan akan ada kebuluran yang besar, yang mana di dalamnya mereka akan dihancurkan jika mereka tidak bertaubat.

29 Tetapi orang itu tidak mempercayai perkataan para nabi, tetapi mereka mengusir mereka; dan beberapa daripada mereka, mereka lemparkan ke dalam lubang-lubang dan mereka ditinggalkan untuk binasa. Dan terjadilah bahawa mereka melakukan semua hal ini menurut perintah raja, Het.

30 Dan terjadilah bahawa mulailah terdapatnya kekurangan yang hebat di negeri itu, dan para penduduknya mulai dihancurkan dengan sangat cepat disebabkan kekurangan itu, kerana tidak ada hujan di atas muka bumi.

31 Dan muncullah juga ular-ular beracun di atas permukaan negeri itu, dan meracuni banyak orang. Dan terjadilah bahawa kawanan ternak mereka mulai melarikan diri dari hadapan ular-ular beracun itu, menuju negeri sebelah selatan, yang disebut oleh bangsa Nefi Zarahemla.

32 Dan terjadilah bahawa terdapat ramai daripada mereka yang binasa dalam perjalanan; walaupun demikian, terdapat beberapa orang yang telah melarikan diri ke negeri sebelah selatan.

33 Dan terjadilah bahawa Tuhan menyebabkan ular-ular itu untuk tidak mengejar mereka lagi, tetapi ular-ular itu harus menghalang jalan sehingga orang itu tidak

dapat melaluinya, agar sesiapa yang akan berusaha untuk melaluinya akan dibunuh oleh ular-ular beracun itu.

34 Dan terjadilah bahawa orang itu mengikuti jejak binatang buas, dan memakan bangkai-bangkai binatang yang mati dalam perjalanan, sehingga mereka telah memakan semuanya. Sekarang, apabila orang itu menyedari bahawa mereka mesti binasa mereka mulai bertaubat di atas kedherhaan mereka dan berseru kepada Tuhan.

35 Dan terjadilah bahawa apabila mereka telah merendahkan hati mereka secukupnya di hadapan Tuhan Dia mengirinkan hujan ke atas muka bumi; dan bangsa itu mulai bertenaga kembali, dan mulailah terdapatnya buah-buahan di negara-negara utara, dan di dalam semua negara di sekitarnya. Dan Tuhan telah menunjukkan kuasanya kepada mereka dengan memelihara mereka dari kebuluran.

BAB 10

Seorang demi seorang raja silih berganti—Beberapa orang daripada raja-raja itu adalah soleh; yang lainnya adalah jahat—Apabila kesolehan menang, rakyat diberkati dan dimakmurkan oleh Tuhan.

DAN terjadilah bahawa Sez, yang merupakan keturunan Het—kerana Het telah dibinasakan oleh kebuluran, dan juga seluruh keluarganya, kecuali Sez—oleh itu,

Sez mulai membangunkan semula sebuah bangsa yang telah hancur.

2 Dan terjadilah bahawa Sez mengingati kehancuran nenek moyangnya, dan dia telah membangunkan sebuah kerajaan yang soleh; kerana dia mengingati apa yang Tuhan telah lakukan dalam membawa Yared dan saudara lelakinya menyeberangi lautan dalam; dan dia berjalan di atas jalan Tuhan; dan dia melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan.

3 Dan anak lelaki sulungnya, yang bernama Sez, telah membe-rontak terhadapnya; walaupun demikian, Sez telah dibunuh di tangan seorang perompak, kerana kekayaannya yang banyak, yang telah membawa kedamaian lagi kepada ayahnya.

4 Dan terjadilah bahawa ayahnya membina banyak kota di atas permukaan negeri itu, dan bangsa itu mula tersebar ke atas seluruh permukaan negeri itu lagi. Dan Sez hidup sehingga usia yang sangat tua; dan dia melahirkan Riplakis. Dan dia mati, dan Riplakis memerintah sebagai penggantinya.

5 Dan terjadilah bahawa Riplakis tidak melakukan perkara yang benar di mata Tuhan, kerana dia memiliki banyak isteri dan gundik, dan meletakkan beban yang berat ke atas bahu orang lain untuk ditanggung; ya, dia mengenakan cukai yang membebankan kepada mereka; dan dengan cukai itu dia telah membina banyak bangunan yang besar.

6 Dan dia telah mendirikan bagi

dirinya sebuah takhta yang amat indah; dan dia membina banyak penjara, dan sesiapa yang tidak mahu tunduk pada cukai-cukai tersebut dia lemparkan ke dalam penjara; dan sesiapa yang tidak mampu membayar cukai-cukai itu dia lemparkan ke dalam penjara; dan dia menyuruh agar mereka harus bekerja terus-menerus untuk menanggung tunjangan mereka; dan sesiapa yang enggan bekerja dia telah arahkan untuk dihukum mati.

7 Oleh itu dia telah mendapatkan semua hasil pekerjaannya yang indah, ya, bahkan emasnya yang baik telah dia arahkan untuk dimurnikan di dalam penjara; dan pelbagai jenis buatan tangan yang cantik telah diarahkannya untuk dibuat di dalam penjara. Dan terjadilah bahawa dia telah menyengsarakan rakyat dengan segala pelacuran dan kekejiannya.

8 Dan setelah dia memerintah untuk tempoh waktu empat puluh dua tahun rakyat telah bangkit dalam pemberontakan terhadapnya; dan mulailah terdapat peperangan lagi di negeri itu, sedemikian rupa sehingga Riplakis terbunuh, dan keturunannya telah dihalau keluar dari negeri itu.

9 Dan terjadilah setelah tempoh bertahun-tahun, Morianton, (dia merupakan keturunan Riplakis) telah mengumpulkan bersama sebuah bala tentera yang terdiri daripada orang yang terbuang, dan pergi dan bertempur dengan orang itu; dan dia mendapatkan

kekuasaan ke atas banyak kota; dan peperangan itu menjadi amat parah, dan telah berlangsung selama bertahun-tahun; dan dia telah mendapatkan kekuasaan ke atas seluruh negeri itu, dan menegakkan dirinya sebagai seorang raja ke atas seluruh negeri tersebut.

10 Dan setelah dia menegakkan dirinya sebagai raja dia telah meringankan beban rakyat, dan dengan itu dia mendapat tempat di mata rakyat, dan mereka mengurapinya untuk menjadi raja mereka.

11 Dan dia melaksanakan keadilan kepada rakyat itu, tetapi tidak kepada dirinya kerana pelacurannya yang banyak; oleh itu dia telah disingkirkan daripada hadirat Tuhan.

12 Dan terjadilah bahawa Morianton telah membina banyak kota, dan rakyat menjadi sangat kaya di bawah pemerintahannya, baik di dalam pembangunan, dan dalam emas dan perak, dan dalam pertanian biji-bijian, dan dalam penternakan kawanan domba, dan kawanan ternak, mahupun harta benda yang sama seperti itu telah dipulihkan kepada mereka.

13 Dan Morianton hidup sehingga usia yang sangat lanjut, dan pada waktu itu dia melahirkan Kim; dan Kim memerintah sebagai pengganti ayahnya; dan dia telah memerintah lapan tahun, dan ayahnya meninggal. Dan terjadilah bahawa Kim tidak memerintah di dalam kesolehan, oleh itu Tuhan tidak berkenan kepadanya .

14 Dan saudara lelakinya bangkit

dalam pemberontakan terhadap dirinya, dan dengan cara itu dia menawannya; dan dia telah tinggal di dalam penawanan sepanjang hidupnya; dan dia melahirkan anak-anak lelaki dan perempuannya di dalam penawanan, dan pada usianya yang sudah tua dia melahirkan Lewi; dan dia meninggal.

15 Dan terjadilah bahawa Lewi melayani di dalam penawanan setelah kematian ayahnya, selama empat puluh dua tahun. Dan dia berperang dengan raja negeri itu, dan dengan itu dia mendapatkan kerajaan itu untuk dirinya sendiri.

16 Dan setelah dia mendapatkan kerajaan itu untuk dirinya sendiri dia telah melakukan perkara yang benar di mata Tuhan; dan para rakyat makmur di negeri itu; dan dia telah hidup sehingga usianya yang baik, dan melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan; dan dia juga melahirkan Korom, yang diurapinya untuk menjadi raja sebagai penggantinya.

17 Dan terjadilah bahawa Korom melakukan perkara yang baik di mata Tuhan sepanjang hidupnya; dan dia melahirkan banyak anak lelaki dan perempuan; dan setelah dia melihat riwayat hidupnya yang panjang dia pun meninggal, bahkan seperti makhluk yang lain di bumi; dan Kis memerintah sebagai penggantinya.

18 Dan terjadilah bahawa Kis juga meninggal, dan Lib memerintah sebagai penggantinya.

19 Dan terjadilah bahawa Lib

juga melakukan perkara yang baik di mata Tuhan. Dan semasa riwayat hidup Lib ular-ular beracun tersebut telah dihancurkan. Oleh itu mereka pergi ke negeri sebelah selatan, untuk memburu makanan bagi orang di negeri itu, kerana negeri itu dipenuhi dengan haiwan-haiwan hutan. Dan Lib sendiri juga telah menjadi pemburu yang hebat.

20 Dan mereka telah membina sebuah kota yang besar berdekatan dengan laluan sempit di negeri itu, berdekatan dengan tempat di mana laut memisahkan daratan itu.

21 Dan mereka memelihara negeri sebelah selatan sebagai padang belantara, untuk mendapatkan buruan. Dan seluruh permukaan negeri di sebelah utara dipenuhi dengan penduduk.

22 Dan mereka sangat rajin, dan mereka membeli dan menjual dan berdagang antara satu sama lain, agar mereka boleh mendapat keuntungan.

23 Dan mereka bekerja dengan pelbagai jenis bijih logam, dan mereka membuat emas, dan perak, dan besi, dan loyang, dan segala jenis logam; dan mereka telah menggantinya dari dalam tanah; oleh itu, mereka menimbunkan timbunan tanah yang banyak untuk mendapatkan bijih logam, dari emas, dan perak, dan besi, dan tembaga. Dan mereka telah mengerjakan pelbagai hasil kerja yang cantik.

24 Dan mereka memiliki sutera,

dan kain tenunan yang terpin-tal halus; dan mereka telah mengerjakan pelbagai jenis kain, agar mereka boleh menyelimuti diri mereka dari ketelanjangan mereka.

25 Dan mereka membuat pelbagai jenis peralatan untuk mengolah tanah, baik untuk membajak mahupun untuk menabur, untuk menuai dan untuk mencangkul, dan juga untuk membanting.

26 Dan mereka membuat pelbagai jenis peralatan yang dengannya mereka mengerjakan binatang-binatang mereka.

27 Dan mereka membuat pelbagai jenis senjata peperangan. Dan mereka menghasilkan pelbagai jenis hasil kerja dari buatan tangan yang amat rumit.

28 Dan tidak pernah terdapat sebuah bangsa yang lebih diberkati daripada mereka, dan yang lebih dimakmurkan oleh tangan Tuhan. Dan mereka berada di dalam sebuah negeri pilihan yang melebihi semua negeri, kerana Tuhan telah memfirmankannya.

29 Dan terjadilah bahawa Lib telah hidup bertahun-tahun lamanya, dan melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan; dan dia juga melahirkan Heartom.

30 Dan terjadilah bahawa Heartom memerintah sebagai pengganti ayahnya. Dan apabila Heartom telah memerintah selama dua puluh dan empat tahun, lihatlah, kerajaan itu telah dirampas daripadanya. Dan dia melayani selama bertahun-tahun di dalam

penawanan, ya, bahkan sepanjang sisa hidupnya.

31 Dan dia melahirkan Het, dan Het hidup di dalam penawanan sepanjang hidupnya. Dan Het melahirkan Harun, dan Harun tinggal di dalam penawanan sepanjang hidupnya; dan dia melahirkan Amnigada, dan Amnigada juga tinggal dalam penawanan sepanjang hidupnya; dan dia melahirkan Koriantum, dan Koriantum tinggal dalam penawanan sepanjang hidupnya; dan dia melahirkan Kom.

32 Dan terjadilah bahawa Kom menarik separuh daripada kerajaan tersebut. Dan dia memerintah ke atas separuh daripada kerajaan itu selama empat puluh dua tahun; dan dia pergi bertempur menentang rajanya, Amgid, dan mereka berperang selama bertahun-tahun, pada masa itulah Kom mendapatkan kekuasaan ke atas Amgid, dan mendapatkan kekuasaan ke bahagian yang selebihnya daripada kerajaan itu.

33 Dan di dalam riwayat Kom mulailah terdapat perompak di dalam negeri itu; dan mereka telah menggunakan rancangan-rancangan zaman dahulu itu, dan melaksanakan sumpah menurut cara zaman dahulu, dan berusaha untuk menghancurkan kerajaan sekali lagi.

34 Sekarang, Kom banyak berperang menentang mereka; walaupun demikian, dia tidak berjaya menentang mereka.

BAB 11

Peperangan, pembelotan, dan kejahatan menguasai kehidupan bangsa Yared—Para nabi meramalkan kehancuran bangsa Yared yang sepenuhnya kecuali mereka bertaubat—Bangsa itu menolak perkataan para nabi.

DAN juga pada masa Kom datanglah ramai nabi, dan bernubuat tentang kehancuran bangsa yang besar itu kecuali mereka akan bertaubat, dan berpaling kepada Tuhan, dan meninggalkan pembunuhan dan kejahatan mereka.

2 Dan terjadilah bahawa para nabi itu telah ditolak oleh bangsa itu, dan mereka melarikan diri kepada Kom untuk perlindungan, kerana bangsa itu berusaha untuk menghancurkan mereka.

3 Dan mereka menubuatkan banyak hal kepada Kom; dan dia telah diberkati sepanjang sisa kehidupannya.

4 Dan dia hidup sehingga usia tuanya yang baik, dan melahirkan Siblom; dan Siblom memerintah sebagai penggantinya. Dan saudara lelaki Siblom memberontak terhadapnya, dan mulailah terdapat peperangan yang sangat besar di seluruh negeri itu.

5 Dan terjadilah bahawa saudara lelaki Siblom telah menyebabkan agar semua nabi yang bernubuat tentang kehancuran bangsa itu harus dihukum mati;

6 Dan terdapat kecelakaan yang besar di dalam seluruh negeri itu, kerana mereka telah bersaksi

bahawa kutukan yang besar akan datang pada negeri itu, dan juga kepada penduduknya, dan bahawa akan terdapat kehancuran yang besar di kalangan mereka, seperti yang belum pernah terjadi di atas muka bumi, dan tulang-tulang mereka akan menjadi seperti timbunan tanah di atas permukaan negeri itu kecuali mereka akan bertaubat di atas kejahatan mereka.

7 Dan mereka tidak mendengarkan firman Tuhan, kerana komplot-komplot jahat mereka; oleh itu, mulailah terdapat peperangan dan pertikaian di seluruh negeri itu, dan juga banyak kebuluran dan wabak penyakit, sedemikian rupa sehingga terdapatnya kehancuran yang hebat, seperti yang belum pernah diketahui di atas muka bumi ini; dan semua ini terjadi di dalam riwayat Siblom.

8 Dan bangsa itu mula bertaubat di atas kederhakaan mereka; dan selagi mereka melakukannya maka Tuhan berbelas kasihan kepada mereka.

9 Dan terjadilah bahawa Siblom telah dibunuh, dan Set telah ditawan, dan tinggal di dalam penawanan sepanjang hidupnya.

10 Dan terjadilah bahawa Aha, anak lelakinya, telah mendapatkan kerajaan tersebut; dan dia memerintah ke atas rakyat itu sepanjang hidupnya. Dan dia melakukan bermacam-macam kederhakaan pada masa kehidupannya, dan dengan itu dia telah menyebabkan pertumpahan darah yang banyak; dan singkatlah masa kehidupannya.

11 Dan Etem, yang merupakan keturunan Aha, mendapatkan kerajaan itu; dan dia juga melakukan perkara yang jahat pada masa kehidupannya.

12 Dan terjadilah bahawa pada masa Etem datangnya banyak nabi, dan bernubuat sekali lagi kepada bangsa itu; ya, mereka bernubuat bahawa Tuhan akan menghancurkan mereka sepenuhnya dari muka bumi kecuali mereka bertaubat di atas kederhakaan mereka.

13 Dan terjadilah bahawa bangsa itu telah mengeraskan hati mereka, dan tidak mahu mendengarkan perkataan mereka; dan para nabi berduka dan menarik diri dari kalangan bangsa itu.

14 Dan terjadilah bahawa Etem telah menjalankan penghakiman di dalam kejahatan sepanjang kehidupannya; dan dia melahirkan Moron. Dan terjadilah bahawa Moron memerintah sebagai penggantinya; dan Moron melakukan perkara yang jahat di hadapan Tuhan.

15 Dan terjadilah bahawa timbul suatu pemberontakan di kalangan rakyat, disebabkan oleh komplot rahsia yang dibangunkan untuk mendapatkan kekuasaan dan keuntungan itu; dan muncullah seorang lelaki perkasa di antara mereka dalam kederhakaan, dan bertempur dengan Moron, dan dengan itu dia telah menjatuhkan separuh daripada kerajaan tersebut; dan dia telah mempertahankan separuh daripada kerajaan itu selama bertahun-tahun.

16 Dan terjadilah bahawa Moron telah menjatuhkan dia, dan mendapatkan kerajaan itu kembali.

17 Dan terjadilah bahawa muncul seorang lagi lelaki perkasa; dan dia merupakan keturunan saudara lelaki Yared.

18 Dan terjadilah bahawa dia menjatuhkan Moron dan mendapatkan kerajaan tersebut; oleh itu, Moron tinggal di dalam penawanan sepanjang sisa kehidupannya; dan dia melahirkan Koriantor.

19 Dan terjadilah bahawa Koriantor tinggal di dalam penawanan sepanjang kehidupannya.

20 Dan dalam riwayat Koriantor datangnya juga banyak nabi, dan bernubuat tentang hal-hal yang besar dan menakjubkan, dan menyerukan pertaubatan kepada bangsa tersebut, dan kecuali mereka bertaubat Tuhan Raja akan menjalankan penghakiman terhadap mereka sehingga kehancuran mereka yang sepenuhnya;

21 Dan bahawa Tuhan Raja akan mengutuskan atau membawa bangsa yang lain untuk memiliki negeri itu, dengan kuasa-Nya, seperti cara Dia membawa nenek moyang mereka.

22 Dan mereka telah menolak semua perkataan para nabi, disebabkan oleh kumpulan rahsia mereka dan kekejian mereka yang jahat.

23 Dan terjadilah bahawa Koriantor melahirkan Eter, dan dia meninggal, setelah tinggal di dalam penawanan sepanjang hidupnya.

BAB 12

Nabi Eter mendorong bangsa itu untuk percaya kepada Tuhan—Moroni bercerita tentang keajaiban dan hal-hal menakjubkan yang dilakukan melalui iman—Iman membolehkan saudara lelaki Yared melihat Kristus—Tuhan memberi manusia kelemahan agar mereka boleh merendahkan hati—Saudara lelaki Yared memindahkan Gunung Zerin melalui iman—Iman, harapan, dan kasih ihsan adalah penting untuk keselamatan—Moroni melihat Yesus secara bersemuka.

DAN terjadilah bahawa masa hidup Eter adalah pada masa Koriantumr; dan Koriantumr ialah raja atas seluruh negeri itu.

2 Dan Eter merupakan seorang nabi Tuhan; oleh itu Eter datang pada masa Koriantumr, dan mulai bernubuat kepada bangsa itu, kerana dia tidak dapat dihalang kerana Roh Tuhan yang berada di dalam dirinya.

3 Kerana dia telah berseru sejak waktu pagi, bahkan sehingga matahari terbenam, mendorong bangsa itu untuk percaya kepada Tuhan kepada pertaubatan agar janganlah mereka dihancurkan, dan mengatakan kepada mereka bahawa melalui iman segala hal akan dikenapi—

4 Oleh itu, sesiapa yang percaya kepada Tuhan boleh dengan suatu kepastian berharap untuk dunia yang lebih baik, ya, bahkan sebuah tempat di sebelah tangan kanan Tuhan, iaitu harapan yang

dilahirkan oleh iman, menjadi sauh bagi jiwa manusia, yang akan menjadikan mereka yakin dan tabah, selalu berlimpah ruah dengan kerja-kerja baik, dituntun untuk memuliakan Tuhan.

5 Dan terjadilah bahawa Eter menubuatkan hal-hal yang besar dan menakjubkan kepada bangsa itu, yang mana mereka tidak memercayainya, kerana mereka tidak melihatnya.

6 Dan sekarang, aku, Moroni, hendak mengatakan sedikit tentang hal-hal ini; aku hendak memperlihatkan kepada dunia bahawa iman adalah hal-hal yang diharapkan dan bukan dilihat; oleh itu, janganlah berselisih kerana kamu tidak melihat, kerana kamu tidak menerima kesaksian sehinggalah setelah percubaan imanmu.

7 Kerana melalui imanlah Kristus memperlihatkan diri-Nya kepada nenek moyang kita, setelah Dia bangkit dari yang mati; dan Dia tidak memperlihatkan diri-Nya kepada mereka sehinggalah setelah mereka memiliki iman kepada-Nya; oleh itu, mestilah perlu bahawa beberapa orang memiliki iman kepada-Nya, kerana Dia tidak memperlihatkan diri-Nya kepada dunia.

8 Tetapi kerana iman manusia Dia telah memperlihatkan diri-Nya kepada dunia, dan memuliakan nama Bapa, dan menyediakan jalan agar dengan demikian orang lain dapat turut serta menikmati kurniaan syurgawi ini, agar mereka boleh mengharapkan hal-

hal yang belum pernah mereka lihat.

9 Oleh itu, kamu juga boleh memiliki harapan, dan turut serta menikmati kurniaan itu, jika kamu mahu beriman.

10 Lihatlah melalui imanlah mereka pada zaman dahulu telah dipanggil menurut tarekat kudus Tuhan.

11 Oleh itu, melalui imanlah hukum Musa telah diberikan. Tetapi di dalam kurniaan Putera-Nya Tuhan telah menyediakan jalan yang lebih baik; dan melalui imanlah ianya telah digenapi.

12 Kerana jika tidak ada iman di antara anak-anak manusia Tuhan tidak dapat melakukan mukjizat di antara mereka; oleh itu, Dia tidak memperlihatkan diri-Nya sehinggalah setelah iman mereka.

13 Lihatlah, iman Alma dan Amuleklah yang menyebabkan penjara runtuh ke atas tanah.

14 Lihatlah, iman Nefi dan Lehi-lah yang melakukan perubahan ke atas bangsa Laman, sehingga mereka telah dibaptiskan dengan api dan dengan Roh Kudus.

15 Lihatlah, iman Amon dan saudara-saudaranyalah yang mengerjakan mukjizat yang begitu besar di kalangan bangsa Laman.

16 Ya, dan bahkan mereka semua yang mengerjakan mukjizat mengerjakannya melalui iman, bahkan mereka yang ada sebelum Kristus dan juga mereka yang setelahnya.

17 Dan melalui imanlah maka

ketiga-tiga pengikut tersebut mendapatkan sebuah janji bahawa mereka tidak akan merasakan kematian; dan mereka tidak akan mendapatkan janji itu sehinggalah setelah iman mereka.

18 Dan tiada orang pada bila-bila masa pun yang mengerjakan mukjizat sehinggalah setelah iman mereka; oleh itu mereka terlebih dahulu percaya kepada Putera Tuhan.

19 Dan terdapat ramai yang mempunyai iman yang sangat kuat, bahkan sebelum Kristus datang, yang tidak dapat dihalang dari sebalik tirai itu, tetapi benar-benar telah melihat dengan mata mereka sendiri hal-hal yang mereka lihat dengan mata iman, dan mereka gembira.

20 Dan lihatlah, kita telah melihat di dalam catatan ini bahawa salah seorang daripada mereka ini ialah saudara lelaki Yared; kerana begitu besar imannya kepada Tuhan, sehingga apabila Tuhan menghulurkan jari-Nya Dia tidak dapat menyembunyikannya dari pandangan mata saudara lelaki Yared, kerana firman-Nya yang telah Dia firmankan kepadanya, yang mana firman itu telah dia dapatkan melalui iman.

21 Dan setelah saudara lelaki Yared melihat jari Tuhan, disebabkan janji yang telah saudara lelaki Yared dapatkan melalui iman, Tuhan tidak dapat menahan apa pun daripada pandangan matanya; oleh itu Dia memperlihatkan kepadanya semua hal, kerana dia

tidak dapat lagi dihalang di luar tirai tersebut.

22 Dan melalui imanlah maka nenek moyangku telah mendapatkan janji bahawa hal-hal ini akan datang kepada saudara-saudara mereka melalui bangsa bukan Israel; oleh itu Tuhan telah memerintahkanku, ya, bahkan Yesus Kristus.

23 Dan aku berkata kepadanya: Tuhan, bangsa bukan Israel akan mengejek hal-hal ini, kerana kelemahan kami dalam menulis; kerana Tuhan Engkau telah menjadikan kami hebat dalam perkataan melalui iman, tetapi Engkau tidak menjadikan kami hebat dalam menulis; kerana Engkau telah menjadikan semua orang ini agar mereka dapat berbicara dengan banyak, kerana Roh Kudus yang telah Engkau berikan kepada mereka;

24 Dan Engkau telah membuat kami agar kami dapat menulis hanya sedikit, kerana kejanggalan tangan kami. Lihatlah, Engkau tidak menjadikan kami hebat dalam menulis seperti saudara lelaki Yared, kerana Engkau telah menjadikan hal-hal yang dituliskannya berkuasa bahkan seperti Engkau, sehingga menguasai manusia untuk membacanya.

25 Engkau juga telah menjadikan perkataan kami sangat kuat dan hebat, bahkan sehingga kami tidak dapat menuliskannya; oleh itu, apabila kami menulis kami dapat melihat kelemahan kami, dan tersekat disebabkan penyusunan

kata-kata kami; dan aku takut kalau-kalau bangsa bukan Israel akan mengejek perkataan-perkataan kami.

26 Dan apabila aku telah mengatakan ini, Tuhan berfirman kepadaku, memfirmankan: Orang bodoh mengejek, tetapi mereka akan berduka; dan rahmat-Ku adalah cukup untuk mereka yang lembut hati, sehingga mereka tidak akan mengambil peluang ke atas kelemahanmu;

27 Dan jika manusia datang kepada-Ku Aku akan memperlihatkan kepada mereka kelemahan mereka. Aku memberikan kepada manusia kelemahan agar mereka boleh merendahkan hati; dan rahmat-Ku cukup untuk semua orang yang merendahkan hati mereka di hadapan-Ku; kerana jika mereka merendahkan hati mereka di hadapan-Ku, dan beriman kepada-Ku, maka Aku akan menjadikan hal-hal yang lemah menjadi kuat bagi mereka.

28 Lihatlah, Aku akan memperlihatkan kepada bangsa bukan Israel kelemahan mereka, dan Aku akan memperlihatkan kepada mereka bahawa iman, harapan dan kasih ihsan membawa kepada-Ku—sumber segala kesolehan.

29 Dan aku, Moroni, setelah mendengar perkataan ini, terhibur, dan berkata: Ya Tuhan, jadilah kehendak-Mu yang benar, kerana aku tahu bahawa Engkau bekerja dengan anak-anak manusia menurut iman mereka;

30 Kerana saudara lelaki Yared

berkata kepada Gunung Zerim, Pindahlah—dan ianya dipindahkan. Dan jika dia tidak memiliki iman ianya tidak akan dipindahkan; oleh itu Engkau bekerja setelah manusia memiliki iman.

31 Kerana demikianlah Engkau menyatakan diri-Mu kepada para pengikut-Mu; kerana setelah mereka memiliki iman, dan berbicara di dalam nama-Mu, Engkau telah memperlihatkan diri-Mu kepada mereka dalam kuasa yang besar.

32 Dan aku juga teringat bahawa Engkau telah berfirman bahawa Engkau telah menyediakan sebuah rumah bagi manusia, ya, bahkan di antara tempat-tempat tinggal Bapa-Mu, yang mana di dalamnya manusia boleh memperoleh harapan yang lebih baik; oleh itu manusia mesti berharap, atau dia tidak dapat menerima warisan di tempat yang telah Engkau sediakan.

33 Dan lagi, aku teringat bahawa Engkau telah berfirman bahawa Engkau telah mengasihi dunia, bahkan sehingga menyerahkan nyawa-Mu bagi dunia, agar Engkau boleh mengambilnya kembali untuk menyediakan sebuah tempat bagi anak-anak manusia.

34 Dan sekarang, aku tahu bahawa kasih ini yang Engkau miliki bagi anak-anak manusia adalah kasih ihsan; oleh itu, kecuali manusia akan memiliki kasih ihsan mereka tidak dapat mewarisi tempat itu yang telah Engkau sediakan di dalam tempat tinggal Bapa-Mu.

35 Oleh itu, aku tahu melalui

hal-hal yang telah Engkau firmankan ini, bahawa jika bangsa bukan Israel tidak memiliki kasih ihsan, disebabkan kelemahan kami, bahawa Engkau akan menguji mereka, dan mengambil kurniaan mereka, ya, bahkan apa pun yang telah mereka terima, dan memberikan kepada mereka yang akan mendapatkannya dengan melimpah ruah.

36 Dan terjadilah bahawa aku berdoa kepada Tuhan agar Dia akan memberikan kepada bangsa bukan Israel rahmat, agar mereka boleh memiliki kasih ihsan.

37 Dan terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepadaku: Jika mereka tidak memiliki kasih ihsan tidaklah masalah bagimu, engkau sentiasa setia; oleh itu, pakaianmu akan dijadikan bersih. Dan kerana engkau telah melihat kelemahanmu engkau akan dijadikan kuat, bahkan sehingga duduk di dalam tempat yang telah Aku sediakan di dalam tempat tinggal Bapa-Ku.

38 Dan sekarang, aku, Moroni, mengucapkan selamat tinggal kepada bangsa bukan Israel, ya, dan juga kepada saudara-saudaraku yang aku kasihi, sehingga kita akan bertemu di hadapan kerusi penghakiman Kristus, di mana semua orang akan mengetahui bahawa pakaianku tidak dikotori dengan darahmu.

39 Dan kemudian kamu akan mengetahui bahawa aku telah melihat Yesus, dan bahawa Dia telah bercakap denganku dari muka ke muka, dan bahawa Dia

telah memberitahu aku dalam ke-
rendahan hati yang jelas, bahkan seperti seorang manusia memberitahu kepada orang yang lain dalam bahasaku sendiri, tentang hal-hal ini;

40 Dan hanya sedikit yang telah aku tuliskan, kerana kelemahanku dalam menulis.

41 Dan sekarang, aku hendak mengajakmu untuk mencari Yesus ini yang telah ditulis oleh para nabi dan rasul tentangnya, agar rahmat Tuhan Bapa, dan juga Tuhan Yesus Kristus, dan Roh Kudus, yang memberikan kesaksian tentang Mereka, boleh berada dan tinggal di dalam dirimu selamanya. Amin.

BAB 13

Eter berbicara tentang sebuah Yerusalem Baru yang akan dibina di Amerika oleh keturunan Yusuf—Dia bernubuat, diusir, menuliskan sejarah bangsa Yared, dan meramalkan kehancuran bangsa Yared—Peperangan mengganas di seluruh negeri itu.

DAN sekarang, aku, Moroni, meneruskan untuk menghabiskan catatanku tentang kehancuran bangsa itu berkenaan mereka yang sedang aku tuliskan.

2 Kerana lihatlah, mereka menolak semua perkataan Eter; kerana dia benar-benar memberitahu mereka tentang semua hal, sejak dari permulaan manusia; dan bahawa setelah air surut dari permukaan negeri ini, ia telah menjadi negeri pilihan yang melebihi semua

negeri yang lain, negeri yang dipilih oleh Tuhan; oleh itu Tuhan menghendaki agar semua orang harus melayani-Nya yang tinggal di atas permukaannya;

3 Dan bahawa ia adalah tempat Yerusalem Baru, yang akan turun dari syurga, dan tempat kudus Tuhan.

4 Lihatlah, Eter melihat masa kehidupan Kristus, dan dia berbicara tentang sebuah Yerusalem Baru di atas negeri ini.

5 Dan dia juga berbicara tentang bani Israel, dan Yerusalem iaitu tempat dari mana Lehi datang—setelah ia dihancurkan ia akan dibina kembali, sebuah kota yang kudus bagi Tuhan; oleh itu, ia tidak dapat menjadi Yerusalem baru kerana ia telah lama wujud; tetapi ianya akan dibina kembali, dan akan menjadi sebuah kota Tuhan yang kudus; dan ia akan dibina bagi bani Israel—

6 Dan sebuah Yerusalem Baru akan dibina di atas negeri ini, bagi sisa keturunan Yusuf, kerana ada contoh bagi hal-hal ini.

7 Kerana seperti Yusuf membawa ayahnya turun ke dalam negeri Mesir, bahkan juga dia mati di sana; oleh itu, Tuhan membawa sisa keturunan Yusuf keluar dari negeri Yerusalem, agar Dia dapat berbelas kasihan kepada keturunan Yusuf supaya mereka tidak akan binasa, bahkan seperti Dia penuh berbelas kasihan kepada ayah Yusuf supaya dia tidak binasa.

8 Oleh itu, sisa bani Yusuf akan dibangunkan di atas negeri ini; dan

ia akan menjadi negeri warisan mereka; dan mereka akan membangunkan sebuah kota yang kudus bagi Tuhan, seperti Yerusalem zaman dahulu; dan mereka tidak akan lagi dicelarukan, sehinggalah hari terakhir itu tiba apabila bumi akan berakhir.

9 Dan akan terdapat langit yang baru dan sebuah bumi yang baru; dan ianya akan menjadi seperti yang lama kecuali yang lama telah berlalu, dan segala sesuatu telah menjadi baru.

10 Dan kemudian datanglah Yerusalem Baru; dan diberkatilah mereka yang tinggal di dalamnya, kerana pakaian mereka adalah putih melalui darah Anak Domba; dan merekalah yang dihitung di kalangan sisa keturunan Yusuf, yang merupakan dari bani Israel.

11 Dan pada waktu itu datanglah juga Yerusalem zaman dahulu; dan para penduduknya, diberkatilah mereka, kerana mereka telah dicuci di dalam darah Anak Domba; dan merekalah yang telah dicerai-beraikan dan dikumpulkan dari keempat-empat penjuru bumi, dan dari negeri-negeri utara, dan merupakan orang yang mengambil bahagian dalam penggenapan perjanjian yang Tuhan telah buat dengan bapa mereka, Abraham.

12 Dan apabila hal-hal ini tiba, mengabulkan tulisan suci yang berkata, terdapat mereka yang pertama, yang akan menjadi terakhir; dan terdapat mereka yang terakhir, yang akan menjadi pertama.

13 Dan aku hampir menulis

lebih banyak, tetapi aku dilarang; tetapi besar dan menakjubkanlah nubuat-nubuat Eter; tetapi mereka menganggap dia sia-sia, dan mengusirnya; dan dia menyembunyikan dirinya di dalam lubang sebuah batu pada siang hari, dan pada malam hari dia keluar melihat hal-hal yang akan datang kepada orang itu.

14 Dan semasa dia tinggal di dalam lubang batu dia telah membuat catatan ini yang selebihnya, melihat kehancuran yang datang kepada orang itu, pada malam hari.

15 Dan terjadilah bahawa di dalam tahun yang sama di mana dia telah diusir dari kalangan bangsa itu bermulalah sebuah peperangan yang besar di kalangan bangsa itu, kerana terdapat ramai yang bangkit, yang merupakan lelaki-lelaki perkasa, dan berusaha untuk menghancurkan Koriantumr melalui rancangan-rancangan rahsia mereka yang jahat, seperti yang telah dikatakan.

16 Dan sekarang, Koriantumr, setelah mempelajari, sendiri, semua kemahiran peperangan dan semua kelicikan duniawi, oleh itu dia bertempur dengan mereka yang berusaha untuk menghancurkannya.

17 Tetapi dia tidak bertaubat, begitu juga para anak lelakinya ataupun anak-anak perempuannya yang rupawan; begitu juga anak-anak lelaki dan perempuan Kohor yang rupawan; begitu juga dengan anak-anak lelaki dan perempuan Korihor yang rupawan;

dan kesimpulannya, tidak ada seorang pun daripada anak-anak lelaki dan perempuan yang rupawan di atas permukaan seluruh bumi tersebut yang bertaubat di atas dosa-dosa mereka.

18 Oleh itu, terjadilah bahawa pada tahun pertama Eter tinggal di dalam lubang batu, terdapat banyak orang yang telah dibunuh dengan pedang komplot-komplot rahsia itu, melawan menentang Koriantumr supaya mereka boleh mendapatkan kerajaan itu.

19 Dan terjadilah bahawa anak-anak lelaki Koriantumr telah banyak bertempur dan berdarah dengan banyak.

20 Dan pada tahun kedua firman Tuhan datang kepada Eter, agar dia harus pergi dan bernubuat kepada Koriantumr bahawa, jika dia akan bertaubat, dan juga seluruh isi rumahnya, Tuhan akan memberikan kepadanya kerajaannya dan membiarkan bangsa tersebut hidup—

21 Jika tidak, mereka akan dihancurkan, dan seluruh isi rumahnya kecuali dirinya sendiri. Dan dia hanya akan hidup untuk melihat penggenapan nubuat-nubuat yang telah diucapkan tentang sebuah bangsa lain yang akan menerima negeri itu sebagai warisan mereka; dan Koriantumr akan menerima sebuah pengebumian daripada mereka; dan setiap jiwa akan dihancurkan kecuali Koriantumr.

22 Dan terjadilah bahawa Koriantumr tidak bertaubat, tidak juga seisi rumahnya, tidak juga

bangsa itu; dan peperangan tidak berhenti; dan mereka berusaha untuk membunuh Eter, tetapi dia melarikan diri dari hadapan mereka dan bersembunyi kembali di dalam lubang batu itu.

23 Dan terjadilah bahawa Sared bangkit, dan dia juga bertempur dengan Koriantumr; dan dia mengalahkannya, sedemikian rupa sehingga pada tahun ketiga dia menawannya.

24 Dan anak-anak lelaki Koriantumr, dalam tahun keempat, telah mengalahkan Sared, dan telah mendapatkan kerajaan tersebut kembali untuk ayah mereka.

25 Sekarang mulailah terdapat sebuah peperangan di atas seluruh permukaan negeri itu, setiap lelaki bersama kumpulannya bertempur untuk perkara yang dia hasratkan.

26 Dan terdapat perompak-perompak, dan kesimpulannya, segala jenis kejahatan berada di atas seluruh permukaan negeri itu.

27 Dan terjadilah bahawa Koriantumr amat marah terhadap Sared, dan dia pergi melawannya bersama bala tenteranya untuk bertempur; dan mereka bertemu di dalam kemarahan yang besar, dan mereka bertemu di Lembah Gilgal; dan pertempuran itu menjadi amat parah.

28 Dan terjadilah bahawa Sared berperang melawannya selama tiga hari. Dan terjadilah bahawa Koriantumr mengalahkannya, dan mengejarnya sehingga dia tiba di padang rumput Heslon.

29 Dan terjadilah bahawa Sared

bertempur dengannya lagi di atas padang itu; dan lihatlah, dia mengalahkan Koriantumr, dan menghalaunya kembali ke Lembah Gilgal.

30 Dan Koriantumr bertempur dengan Sared lagi di dalam Lembah Gilgal, di mana dia telah mengalahkan Sared dan membunuhnya.

31 Dan Sared telah mencederakan Koriantumr di pahanya, sehingga dia tidak lagi pergi bertempur selama dua tahun, yang mana dalam waktu itu semua orang di atas permukaan negeri tersebut menumpahkan darah, dan tidak ada seorang pun yang dapat menghentikan mereka.

BAB 14

Kederhakaan bangsa itu mendatangkan kutukan ke atas negeri tersebut—Koriantumr terlibat di dalam peperangan menentang Gilead, kemudian Lib, dan kemudiannya Siz—Darah dan pembunuhan beramai-ramai menyelubungi negeri itu.

DAN sekarang, mulailah ada sebuah kutukan yang besar ke atas seluruh negeri tersebut disebabkan kederhakaan bangsa itu, di mana, jika seseorang akan meletakkan peralatannya atau pedangnya di atas rak, atau di tempat di mana dia akan menyimpannya, lihatlah, pada keesokan harinya, dia tidak akan dapat menemuinya, begitu besarnya kutukan atas negeri itu.

2 Oleh itu setiap orang berpegang

erat pada benda yang merupakan miliknya, dengan tangannya, dan tidak akan meminjam dan dia juga tidak memberi pinjam; dan setiap orang memegang hulu pedangnya di dalam tangan kanannya, mempertahankan harta miliknya dan nyawanya sendiri dan nyawa isteri dan anak-anaknya.

3 Dan sekarang, setelah tempoh waktu dua tahun, dan setelah kematian Sared, lihatlah, bangkitlah saudara lelaki Sared dan dia bertempur dengan Koriantumr, yang mana Koriantumr telah mengalahkannya dan mengejanya ke padang belantara Akis.

4 Dan terjadilah bahawa saudara lelaki Sared itu bertempur dengannya di padang belantara Akis; dan pertempuran itu menjadi amat parah, dan beribu-ribu jatuh dibunuh oleh pedang.

5 Dan terjadilah bahawa Koriantumr mengepung padang belantara tersebut; dan saudara lelaki Sared berjalan maju keluar dari padang belantara pada malam hari, dan membunuh sebahagian daripada bala tentera Koriantumr, semasa mereka sedang mabuk.

6 Dan dia pergi ke negeri Moron, dan menempatkan dirinya di atas takhta Koriantumr.

7 Dan terjadilah bahawa Koriantumr tinggal bersama bala tenteranya di dalam padang belantara untuk tempoh waktu dua tahun, di mana dia telah menerima kekuatan yang besar kepada bala tenteranya.

8 Sekarang, saudara lelaki Sared,

yang namanya adalah Gilead, juga telah menerima kekuatan yang besar kepada bala tenteranya, disebabkan oleh komplot-komplot rahsia.

9 Dan terjadilah bahawa imam tingginya telah membunuhnya semasa dia duduk di atas takhtanya.

10 Dan terjadilah bahawa salah seorang dari komplot-komplot rahsia itu telah membunuhnya di sebuah laluan rahsia, dan telah mendapatkan bagi dirinya sendiri kerajaan tersebut; dan namanya adalah Lib; dan Lib adalah seorang lelaki yang bertubuh besar, lebih daripada mana-mana lelaki lain pun di antara semua orang itu.

11 Dan terjadilah bahawa pada tahun pertama Lib, Koriantumr datang ke negeri Moron, dan bertempur dengan Lib.

12 Dan terjadilah bahawa dia bertempur dengan Lib, yang mana Lib telah menghentam lengannya sehingga dia tercedera; walaupun demikian, bala tentera Koriantumr maju ke hadapan ke arah Lib, sehingga dia melarikan diri ke sempadan di tepi laut.

13 Dan terjadilah bahawa Koriantumr mengejanya; dan Lib bertempur dengannya di tepi laut.

14 Dan terjadilah bahawa Lib menghentam bala tentera Koriantumr, sehingga mereka melarikan diri lagi ke padang belantara Akis.

15 Dan terjadilah bahawa Lib mengejanya sehingga dia tiba di padang rumput Agos. Dan Koriantumr membawa semua

orang yang bersamanya semasa dia melarikan diri daripada Lib di dalam bahagian negeri tersebut tempat dia melarikan diri.

16 Dan apabila dia telah tiba di padang rumput Agos dia bertempur dengan Lib, dan dia menghentamnya sehingga dia mati; walaupun demikian, saudara lelaki Lib datang melawan Koriantumr sebagai penggantinya, dan pertempuran itu menjadi amat parah, yang mana Koriantumr melarikan diri lagi daripada bala tentera saudara lelaki Lib.

17 Sekarang, nama saudara lelaki Lib disebut Siz. Dan terjadilah bahawa Siz mengejar Koriantumr, dan dia telah menjatuhkan banyak kota, dan dia telah membunuh kaum wanita dan kanak-kanak, dan dia telah membakar kota-kota tersebut.

18 Dan tersebarlah ketakutan kepada Siz di seluruh negeri itu; ya, suatu seruan telah tersebar ke seluruh negeri—Siapakah yang dapat bertahan di hadapan tentera Siz? Lihatlah, dia menghapuskan bumi di hadapannya!

19 Dan terjadilah bahawa orang ramai mula berkumpul bersama di dalam tentera-tentera, di atas seluruh permukaan negeri itu.

20 Dan mereka terbahagi; dan sebahagian daripada mereka melarikan diri kepada tentera Siz, dan sebahagian daripada mereka melarikan diri kepada tentera Koriantumr.

21 Dan begitu besar dan berlarutannya peperangan itu, dan sudah

begitu lama keadaan pertumpahan darah dan pembunuhan beramai-ramai, sehingga mayat-mayat orang mati bertaburan di atas seluruh permukaan negeri tersebut.

22 Dan begitu cepat dan panasnya peperangan itu sehingga tidak ada seorang pun yang tinggal untuk menguburkan mayat-mayat itu, tetapi mereka berjalan maju dari sebuah pertumpahan darah ke sebuah pertumpahan darah, meninggalkan mayat para lelaki, wanita, mahupun kanak-kanak bersepah di atas permukaan negeri itu, untuk menjadi mangsa kepada ulat-ulat daging.

23 Dan baunya tersebar di atas permukaan negeri, bahkan di atas seluruh permukaan negeri; oleh itu orang itu terganggu pada siang hari dan pada malam hari, disebabkan bau tersebut.

24 Walaupun demikian, Siz tidak berhenti mengejar Koriantumr; kerana dia telah bersumpah untuk membalas dendam kepada Koriantumr kerana darah saudara lelakinya, yang telah dibunuh, dan firman Tuhan yang datang kepada Eter bahawa Koriantumr tidak akan jatuh oleh pedang.

25 Dan demikianlah kita melihat bahawa Tuhan telah mengunjungi mereka di dalam kegenapan kemurkaan-Nya, dan kejahatan dan kekejian mereka telah menyediakan jalan untuk kehancuran abadi mereka.

26 Dan terjadilah bahawa Siz telah mengejar Koriantumr ke arah timur, bahkan sampai ke

sempadan di tepi laut, dan di sana dia bertempur dengan Siz untuk tempoh waktu tiga hari.

27 Dan begitu dashyatnya kehancuran di kalangan bala tentera Siz sehingga orang ramai mula ketakutan, dan mulai melarikan diri dari hadapan bala tentera Koriantumr; dan mereka melarikan diri ke negeri Korihor, dan menghapuskan para penduduknya di hadapan mereka, semua yang tidak mahu bergabung dengan mereka.

28 Dan mereka mendirikan khemah-khemah mereka di Lembah Korihor; dan Koriantumr mendirikan khemah-khemahnya di Lembah Sur. Sekarang Lembah Sur berada berdekatan dengan Bukit Komnor; oleh itu, Koriantumr mengumpulkan bersama bala tenteranya di atas Bukit Komnor, dan membunyikan trompet kepada pasukan Siz untuk mengajak mereka datang untuk bertempur.

29 Dan terjadilah bahawa mereka maju, tetapi dihalau kembali; dan mereka datang untuk kali kedua, dan mereka dihalau kembali untuk kali kedua. Dan terjadilah bahawa mereka datang lagi untuk kali ketiga, dan pertempuran itu menjadi amat parah.

30 Dan terjadilah bahawa Siz menghentam Koriantumr sehingga dia memberinya banyak kecederaan yang dalam; dan Koriantumr, kerana kehilangan darahnya, jatuh pengan, dan dibawa pergi seolah-olah dia telah mati.

31 Sekarang kematian lelaki,

wanita dan kanak-kanak di kedua-dua belah pihak adalah begitu banyak sehingga Siz memerintahkan rakyatnya agar mereka tidak mengejar bala tentera Koriantumr; oleh itu, mereka kembali ke tempat perkhemahan mereka.

BAB 15

Berjuta-juta bangsa Yared dibunuh di dalam pertempuran—Siz dan Koriantumr mengumpulkan semua orang untuk pertempuran maut—Roh Tuhan berhenti berjuang bersama mereka—Bangsa Yared dihancurkan sepenuhnya—Hanya Koriantumr yang tinggal.

DAN terjadilah apabila Koriantumr telah pulih dari kecederaannya, dia mulai teringatkan perkataan yang telah Eter ucapkan kepadanya.

2 Dia melihat bahawa sudah hampir dua juta daripada rakyatnya telah dibunuh oleh pedang, dan dia mulai bersedih di dalam hatinya; ya, sudah dua juta orang lelaki yang perkasa terbunuh, dan juga isteri mereka dan anak-anak mereka.

3 Dia mulai bertaubat di atas kejahatan yang telah dia lakukan; dia mulai mengingati perkataan yang telah diucapkan oleh mulut semua nabi, dan dia telah melihat bahawa semuanya telah digenapi setakat ini, setiap butir; dan jiwanya bersedih dan enggan dihiburkan.

4 Dan terjadilah bahawa dia menulis sepucuk surat kepada Siz, menginginkannya agar dia akan

membiarkan rakyatnya hidup, dan dia akan menyerahkan kerajaan tersebut demi kepentingan nyawa rakyatnya.

5 Dan terjadilah bahawa setelah Siz menerima suratnya dia menulis sepucuk surat kepada Koriantumr, bahawa jika dia akan menyerahkan dirinya, agar dia boleh membunuhnya dengan pedangnya sendiri, maka dia akan membiarkan rakyatnya hidup.

6 Dan terjadilah bahawa rakyatnya tidak bertaubat di atas kederhakaan mereka; dan rakyat Koriantumr telah dihasut menjadi marah terhadap rakyat Siz; dan rakyat Siz telah dihasut menjadi marah terhadap rakyat Koriantumr; oleh itu, rakyat Siz bertempur dengan rakyat Koriantumr.

7 Dan apabila Koriantumr melihat bahawa dia akan dibunuh tidak lama lagi dia melarikan diri lagi dari hadapan rakyat Siz.

8 Dan terjadilah bahawa dia tiba di Perairan Ripliankum, yang mana, diterjemahkan, bermakna luas, atau melebihi semuanya; oleh itu, apabila mereka tiba di perairan ini mereka mendirikan khemah-khemah mereka; dan Siz juga mendirikan khemah-khemahnya berdekatan dengan mereka; dan oleh itu pada keesokan harinya mereka datang untuk bertempur.

9 Dan terjadilah bahawa mereka berperang di dalam sebuah pertempuran yang amat parah, yang mana di dalamnya Koriantumr

tercedera lagi, dan dia jatuh pengsan kerana kehilangan darah.

10 Dan terjadilah bahawa pasukan Koriantumr telah menyerang bala tentera Siz dengan kuat sehingga mereka mengalahkan mereka, sehingga mereka menyebabkan mereka melarikan diri daripada hadapan mereka; dan mereka melarikan diri ke arah selatan, dan mendirikan khemah-khemah mereka di sebuah tempat yang disebut Ogat.

11 Dan terjadilah bahawa bala tentera Koriantumr mendirikan khemah-khemah mereka berdekatan Bukit Rama; dan bukit itu adalah tempat yang sama di mana ayahku Mormon menyembunyikan catatan-catatan tersebut kepada Tuhan, yang adalah kudus.

12 Dan terjadilah bahawa mereka mengumpulkan semua orang di atas permukaan negeri, yang tidak terbunuh bersama, kecuali Eter.

13 Dan terjadilah bahawa Eter melihat segala perbuatan bangsa tersebut; dan dia melihat bahawa orang yang berpihak kepada Koriantumr dikumpulkan kepada bala tentera Koriantumr; dan orang yang berpihak kepada Siz dikumpulkan kepada bala tentera Siz.

14 Oleh itu, untuk tempoh waktu empat tahun mereka mengumpulkan bersama bangsa itu, agar mereka boleh mendapatkan semua yang berada di atas permukaan negeri itu, dan agar mereka dapat mendapatkan semua kekuatan yang dapat mereka terima.

15 Dan terjadilah bahawa apabila mereka semuanya telah dikumpulkan bersama, setiap orang kepada bala tentera yang dia inginkan, bersama isteri mereka dan anak-anak mereka—baik lelaki, wanita mahupun kanak-kanak dilengkapi dengan senjata-senjata peperangan, memegang perisai, dan perisai dada, dan ketopong besi, dan berpakaian menurut cara peperangan—mereka berjalan maju terhadap satu sama lain untuk bertempur; dan mereka berperang sepanjang hari itu, dan tidak memenangi.

16 Dan terjadilah bahawa apabila hari sudah malam mereka penat, dan mengundurkan diri ke perkhemahan mereka; dan setelah mereka mengundurkan diri ke perkhemahan mereka, mereka meraung dan meratap kerana kehilangan orang mereka yang terbunuh; dan begitu kuat tangisan mereka, raungan dan ratapan mereka, sehingga memecahkan kesunyian.

17 Dan terjadilah bahawa pada keesokan harinya mereka pergi lagi untuk bertempur, dan dahsyat dan menakutkanlah hari tersebut; walaupun demikian, mereka tidak menang, dan apabila malam tiba lagi mereka memecahkan kesunyian dengan tangisan mereka, dan raungan mereka, dan perkabungan mereka, kerana kehilangan orang mereka yang telah terbunuh.

18 Dan terjadilah bahawa Koriantumr menulis sepucuk surat lagi kepada Siz, menghasratkan

agar dia tidak akan datang lagi untuk bertempur, tetapi agar dia mahu mengambil kerajaan itu, dan membiarkan bangsa tersebut hidup.

19 Tetapi lihatlah, Roh Tuhan telah berhenti berjuang bersama mereka, dan Setan memiliki kuasa yang penuh ke atas hati bangsa tersebut; kerana mereka telah menyerah kepada kekerasan hati mereka, dan kebutaan fikiran mereka supaya mereka boleh dihancurkan; oleh itu mereka pergi lagi untuk bertempur.

20 Dan terjadilah bahawa mereka berperang sepanjang hari itu, dan apabila malam tiba mereka tidur di atas pedang-pedang mereka.

21 Dan pada keesokan harinya mereka berperang bahkan sehingga malam tiba.

22 Dan apabila malam tiba mereka mabuk dengan kemarahan, bahkan seperti orang yang telah dimabukkan oleh wain; dan mereka sekali lagi tidur di atas pedang mereka.

23 Dan pada keesokan harinya mereka berperang kembali; dan apabila malam tiba mereka semua telah dibunuh oleh pedang kecuali lima puluh dua orang daripada orang Koriantumr, dan enam puluh sembilan orang daripada orang Siz.

24 Dan terjadilah bahawa mereka tidur di atas pedang mereka pada malam itu, dan pada keesokan harinya mereka berperang kembali, dan mereka berjuang dalam kekuatan mereka dengan pedang

mereka dan dengan perisai mereka, sepanjang hari itu.

25 Dan apabila malam tiba terdapat tiga puluh dua orang daripada orang Siz, dan dua puluh tujuh orang daripada orang Koriantumr.

26 Dan terjadilah bahawa mereka makan dan tidur, dan bersiap sedia untuk kematian pada keesokan harinya. Dan mereka ialah lelaki-lelaki yang besar dan perkasa menurut kekuatan manusia.

27 Dan terjadilah bahawa mereka berperang untuk tempoh waktu tiga jam, dan mereka jatuh pingsan kerana kehilangan darah.

28 Dan terjadilah apabila orang Koriantumr telah menerima cukup kekuatan sehingga mereka dapat berjalan, mereka hampir melarikan diri demi nyawa mereka; tetapi lihatlah, Siz bangkit, dan juga orangnya, dan dia bersumpah dalam kemurkaannya bahawa dia akan membunuh Koriantumr atau dia akan dibinasakan oleh pedang.

29 Oleh itu, dia mengejar mereka, dan pada keesokan harinya dia mendahului mereka; dan mereka berperang lagi dengan pedang. Dan terjadilah bahawa apabila mereka semuanya telah dibunuh oleh pedang, kecuali Koriantumr dan Siz, lihatlah Siz

telah jatuh pingsan kerana kehilangan darah.

30 Dan terjadilah bahawa setelah Koriantumr bersandar pada pedangnya, dia berehat sebentar, lalu dia memenggal kepala Siz.

31 Dan terjadilah bahawa setelah dia memenggal kepala Siz, Siz bangkit dengan tangannya dan jatuh; dan setelah dia tercungap-cungap menarik nafas, dia mati.

32 Dan terjadilah bahawa Koriantumr jatuh ke atas tanah, dan menjadi seolah-olah dia tidak bernyawa.

33 Dan Tuhan berfirman kepada Eter, dan berfirman kepadanya: Pergilah. Dan dia pergi, dan melihat bahawa semua firman Tuhan telah digenapi; dan dia menghabiskan catatannya; (dan satu peratus bahagian daripadanya tidak aku tuliskan) dan dia menyembunyikannya dengan sebuah cara sehingga rakyat Limhi telah menemuinya.

34 Sekarang, kata-kata terakhir yang ditulis oleh Eter adalah ini: Sama ada Tuhan menginginkan agar diriku diubah, atau bahawa aku menanggung kehendak Tuhan di dalam daging, itu tidaklah penting, jika aku akan diselamatkan di dalam kerajaan Tuhan. Amin.

KITAB MORONI

BAB 1

Moroni menulis untuk manfaat bangsa Laman—Bangsa Nefi yang tidak mahu menyangkal Kristus dihukum mati. Kira-kira 401–421 tahun M.

SEKARANG, aku, Moroni, setelah selesai meringkaskan laporan tentang bangsa Yared, aku menyangka tidak akan menulis lagi, tetapi aku belum lagi binasa; dan aku tidak akan menunjukkan diriku kepada bangsa Laman kerana takut kalau-kalau mereka akan menghancurkanku.

2 Kerana lihatlah, peperangan mereka amat ganas di antara mereka sendiri; dan disebabkan kebencian mereka, mereka menghukum mati setiap bangsa Nefi yang tidak mahu menyangkal Kristus.

3 Dan aku, Moroni, tidak akan menyangkal Kristus; oleh itu, aku pergi ke mana pun aku dapat pergi demi keselamatan nyawaku sendiri.

4 Oleh itu, aku menulis sedikit hal lagi, bertentangan dengan apa yang aku sangkakan; kerana aku menyangka tidak akan menulis lagi; tetapi aku menulis sedikit hal lagi, agar ianya mungkin bermanfaat bagi saudara-saudaraku, bangsa Laman, pada suatu hari di masa hadapan, menurut kehendak Tuhan.

BAB 2

Yesus memberi kedua belas pengikut bangsa Nefi kuasa untuk menganugerahkan kurniaan Roh Kudus. Kira-kira 401–421 tahun M.

FIRMAN Kristus, yang telah Dia ucapkan kepada para pengikut-Nya, dua belas orang tersebut yang telah dipilih-Nya, sambil Dia meletakkan tangan-Nya ke atas diri mereka—

2 Dan Dia memanggil mereka dengan nama, memfirmankan: Kamu akan meminta kepada Bapa dalam nama-Ku, dalam doa yang membara; dan setelah kamu melakukan ini kamu akan memiliki kuasa agar kepadanya yang kamu akan letakkan tangan-tanganmu, kamu akan memberikan Roh Kudus; dan di dalam nama-Ku kamu akan memberikannya, kerana begitulah yang dilakukan oleh para rasul-Ku.

3 Sekarang, Kristus memfirmankan firman ini kepada mereka pada waktu kemunculan diri-Nya yang pertama; dan orang ramai tersebut tidak mendengarnya, tetapi para pengikutnya telah mendengarnya; dan seberapa ramai yang ke atas diri mereka telah mereka letakkan tangan mereka, turunlah Roh Kudus kepada mereka.

 BAB 3

Penatua mentahbiskan para imam dan pengajar melalui perletakan tangan. Kira-kira 401–421 tahun M.

CARA para pengikut, yang disebut penatua gereja, mentahbiskan para imam dan pengajar—

2 Setelah mereka berdoa kepada Bapa dalam nama Kristus, mereka meletakkan tangan mereka ke atas mereka, dan berkata:

3 Di dalam nama Yesus Kristus aku mentahbiskanmu menjadi imam (atau jika dia seorang pengajar, aku mentahbiskanmu menjadi pengajar) untuk mengkhutbahkan pertaubatan dan pengampunan akan dosa-dosa melalui Yesus Kristus, melalui ketahanan iman kepada nama-Nya sampai akhir. Amin.

4 Dan menurut cara inilah mereka mentahbiskan para imam dan pengajar, menurut kurniaan dan panggilan Tuhan kepada manusia; dan mereka mentahbiskan mereka melalui kuasa Roh Kudus, yang berada di dalam diri mereka.

 BAB 4

Cara penatua dan imam memberkati roti sakramen dijelaskan. Kira-kira 401–421 tahun M.

CARA para penatua dan imam mereka memberkati daging dan darah Kristus kepada gereja; dan mereka memberkatinya menurut perintah Kristus; oleh itu kami

tahu cara itu adalah benar; dan para penatua atau imam telah memberkatinya—

2 Dan mereka berlutut bersama gereja, dan berdoa kepada Bapa dalam nama Kristus, mengatakan:

3 Ya Tuhan, Bapa Yang Abadi, kami mohon kepada-Mu dalam nama Putera-Mu, Yesus Kristus, untuk memberkati dan menguduskan roti ini bagi jiwa mereka semua yang mengambilnya, agar mereka boleh makan untuk peringatan akan tubuh Putera-Mu, dan bersaksi kepada-Mu, Ya Tuhan, Bapa Yang Abadi, bahawa mereka bersedia mengambil ke atas diri mereka nama Putera-Mu, dan selalu mengingati-Nya, dan menaati perintah-perintah-Nya yang telah Dia berikan kepada mereka, agar mereka boleh selalu memiliki Roh-Nya bersama mereka. Amin.

 BAB 5

Cara memberkati wain sakramen dinyatakan. Kira-kira 401–421 tahun M.

CARA memberkati wain—Lihatlah, mereka mengambil cawan, dan berkata:

2 Ya Tuhan, Bapa Yang Abadi, kami mohon kepada-Mu, dalam nama Putera-Mu, Yesus Kristus, untuk memberkati dan menguduskan wain ini bagi jiwa mereka semua yang meminumnya, agar mereka boleh melakukannya untuk peringatan darah Putera-Mu, yang ditumpahkan bagi mereka;

agar mereka boleh bersaksi kepada-Mu, Ya Tuhan, Bapa Yang Abadi, bahawa mereka selalu mengingati-Nya, agar mereka boleh memiliki Roh-Nya bersama mereka. Amin.

BAB 6

Orang yang bertaubat dibaptiskan dan disahabatkan—Anggota gereja yang bertaubat diampuni—Pertemuan-pertemuan dijalankan melalui kuasa Roh Kudus. Kira-kira 401–421 tahun M.

DAN sekarang, aku berbicara tentang pembaptisan. Lihatlah, para penatua, imam, dan pengajar telah dibaptiskan; dan mereka tidak dibaptiskan kecuali mereka menghasilkan buah hasil bahawa mereka layak untuk dibaptiskan.

2 Tidak juga mereka menerima sesiapa pun untuk pembaptisan kecuali mereka datang dengan hati yang hancur dan roh yang menyesal, dan bersaksi kepada gereja bahawa mereka benar-benar bertaubat di atas semua dosa mereka.

3 Dan tidak seorang pun diterima untuk pembaptisan kecuali mereka mengambil ke atas diri mereka nama Kristus, berazam untuk melayani-Nya sehingga akhir.

4 Dan setelah mereka diterima untuk pembaptisan, dan telah dipengaruhi dan dibersihkan oleh kuasa Roh Kudus, mereka dihitung di kalangan umat gereja Kristus; dan nama mereka telah dicatat, agar mereka boleh

diingati dan dipelihara oleh firman Tuhan yang baik, untuk memelihara mereka di dalam jalan yang benar, untuk menjaga mereka secara berterusan untuk berdoa, bergantung hanya pada jasa Kristus, yang merupakan pengarang dan penyempurna iman mereka.

5 Dan gereja sering bertemu bersama, untuk berpuasa dan berdoa, dan untuk berbicara antara satu sama lain tentang kesejahteraan jiwa mereka.

6 Dan mereka sering bertemu bersama untuk mengambil roti dan wain, sebagai peringatan akan Tuhan Yesus.

7 Dan mereka tegas untuk memastikan agar tidak harus terdapatnya kederhakaan di antara mereka; dan sesiapa yang didapati melakukan kederhakaan, dan tiga orang saksi dari gereja mendakwa mereka di hadapan para penatua, dan jika mereka tidak bertaubat, dan tidak mengaku, nama mereka dipadamkan, dan mereka tidak akan dihitung di antara umat Kristus.

8 Tetapi jika mereka selalu bertaubat dan mencari pengampunan, dengan niat yang bersungguh-sungguh, mereka akan diampuni.

9 Dan pertemuan-pertemuan mereka dijalankan oleh gereja menurut cara pekerjaan Roh, dan melalui kuasa Roh Kudus; kerana seperti kuasa Roh Kudus menuntun mereka sama ada untuk berkhutbah, atau untuk mendorong, atau untuk berdoa, atau untuk

memohon, atau untuk menyanyi, begitulah dilakukan.

BAB 7

Satu undangan diberikan untuk masuk ke dalam istirahat Tuhan—Berdoalah dengan niat yang sungguh-sungguh—Roh Kristus membolehkan manusia untuk mengetahui kebaikan daripada kejahatan—Setan memujuk manusia untuk menyangkal Kristus dan melakukan kejahatan—Para nabi menyatakan kedatangan Kristus—Melalui iman, mukjizat-mukjizat dijalankan dan para malaikat melayani—Manusia haruslah mengharapkan kehidupan abadi dan memeluk kasih ihsan. Kira-kira 401-421 tahun M.

DAN sekarang, aku, Moroni, menuliskan sedikit perkataan ayahku Mormon, yang dia ucapkan tentang iman, harapan, dan kasih ihsan; kerana dengan cara inilah dia telah berbicara kepada orang ramai, sewaktu dia mengajar mereka di dalam rumah ibadat yang telah mereka bangunkan untuk tempat penyembahan.

2 Dan sekarang, aku, Mormon, berbicara kepadamu, saudara-saudaraku yang dikasihi; dan melalui rahmat Tuhan Bapa, dan Tuhan kita Yesus Kristus, dan kehendak kudus-Nya, kerana kurnia pemanggilan-Nya kepadaku, maka aku diizinkan untuk berbicara kepadamu pada waktu ini.

3 Oleh itu, aku hendak berbicara kepadamu yang adalah dari gereja ini, yang merupakan para

pengikut Kristus yang damai, dan yang telah mendapatkan sebuah harapan yang mencukupi yang melaluinya kamu dapat masuk ke dalam istirahat Tuhan, sejak dari waktu ini sehinggalah kamu akan beristirahat bersama-Nya di dalam syurga.

4 Dan sekarang, saudara-saudaraku, aku menilai hal-hal ini tentang kamu kerana jalanmu yang damai bersama anak-anak manusia.

5 Kerana aku teringat firman Tuhan yang berfirman melalui pekerjaan mereka kamu akan mengenali mereka; kerana jika pekerjaan mereka baik, maka mereka ialah baik juga.

6 Kerana lihatlah, Tuhan telah berfirman seseorang yang jahat tidak dapat melakukan perkara yang baik; kerana jika dia mempersembahkan sesuatu pemberian, atau berdoa kepada Tuhan, kecuali dia akan melakukannya dengan niat yang bersungguh-sungguh ia tidak akan menguntungkan apa pun kepada dirinya.

7 Kerana lihatlah, ianya tidak di-kira sebagai kesolehan kepadanya.

8 Kerana lihatlah, jika orang yang jahat memberikan pemberian, dia melakukannya dengan berat hati; oleh itu ianya akan dianggap sama seperti dia telah menahan pemberian tersebut; oleh itu dia dianggap jahat di hadapan Tuhan.

9 Dan demikian juga seseorang itu dianggap jahat, jika dia akan berdoa tetapi tidak dengan niat hati yang bersungguh-sungguh; ya, dan itu tidak akan

menguntungkan apa pun terhadap dirinya, kerana Tuhan tidak menerima orang yang sedemikian.

10 Oleh itu, seseorang yang jahat tidak dapat melakukan apa yang baik; tidak juga akan dia memberikan pemberian yang baik.

11 Kerana lihatlah, sumber air yang pahit tidak dapat menghasilkan air yang baik; tidak juga sebuah sumber air yang baik dapat menghasilkan air yang pahit; oleh itu, seseorang yang menjadi hamba iblis tidak dapat mengikuti Kristus, dan jika dia mengikuti Kristus dia tidak boleh menjadi hamba iblis.

12 Oleh itu, segala sesuatu yang baik datang daripada Tuhan; dan perkara yang jahat datang daripada iblis; kerana iblis ialah musuh kepada Tuhan, dan menentang-Nya secara berterusan, dan mengajak dan memujuk untuk berdosa, dan untuk melakukan perkara yang jahat secara berterusan.

13 Tetapi lihatlah, apa pun daripada Tuhan mengajak dan memujuk untuk melakukan kebaikan secara berterusan; oleh itu, setiap hal yang mengajak dan memujuk untuk melakukan kebaikan, dan untuk mengasihi Tuhan, dan untuk melayani-Nya, diilhami oleh Tuhan.

14 Oleh itu, berhati-hatilah, saudara-saudaraku yang dikasihi, agar kamu tidak menilai apa pun yang jahat itu adalah daripada Tuhan, atau apa pun yang baik dan daripada Tuhan itu adalah daripada iblis.

15 Kerana lihatlah, saudara-

saudaraku, dibenarkan kepadamu untuk menilai, agar kamu boleh mengetahui kebaikan daripada kejahatan; dan cara untuk menilai adalah jelas, supaya kamu boleh mengetahui dengan sebuah pengetahuan yang sempurna, seperti cahaya siang daripada kegelapan malam.

16 Kerana lihatlah, Roh Kristus diberikan kepada setiap orang, agar dia boleh mengetahui kebaikan daripada kejahatan; oleh itu, aku menunjukkan kepadamu cara untuk menilai; kerana setiap hal yang mengajak untuk melakukan kebaikan, dan mendorong untuk percaya kepada Kristus, telah dihantar melalui kuasa dan kurnia Kristus; oleh itu kamu boleh mengetahui dengan suatu pengetahuan yang sempurna ianya adalah daripada Tuhan.

17 Tetapi apa pun yang mendorong manusia untuk melakukan kejahatan, dan tidak mempercayai Kristus, dan menyangkal-Nya, dan tidak melayani Tuhan, maka kamu boleh mengetahui dengan suatu pengetahuan yang sempurna ianya adalah daripada iblis; kerana dengan cara inilah iblis bekerja, kerana dia tidak mendorong sesiapa pun untuk melakukan kebaikan, tidak, tidak seorang pun; begitu juga para malaikatnya; begitu juga mereka yang mengabdikan diri mereka kepadanya.

18 Dan sekarang, saudara-saudaraku, perhatikan bahawa kamu mengenali cahaya yang melaluinya kamu dapat menilai, yang

cahaya itu adalah cahaya Kristus, pastikanlah agar kamu tidak menilai dengan salah; kerana dengan penilaian yang sama yang kamu hakimi itu kamu juga akan dihakimi.

19 Oleh itu, aku memohon kepadamu, saudara-saudara, agar kamu harus menyelidiki dengan tekun dalam cahaya Kristus agar kamu boleh mengetahui kebaikan daripada kejahatan; dan jika kamu akan berpegang pada setiap hal yang baik, dan tidak mengutuknya, pastinya kamu akan menjadi anak Kristus.

20 Dan sekarang, saudara-saudaraku, bagaimanakah kamu dapat berpegang pada setiap hal yang baik?

21 Dan sekarang, aku sampai pada iman itu, yang telah aku katakan aku akan berbicara tentangnya; dan aku akan memberitahu kamu cara kamu boleh berpegang pada setiap hal yang baik.

22 Kerana lihatlah, Tuhan mengetahui segala hal, kerana berada dari satu keabadian ke satu keabadian, lihatlah, Dia telah mengutuskan para malaikat untuk melayani anak-anak manusia, untuk menyatakan tentang kedatangan Kristus; dan di dalam Kristus setiap hal yang baik akan datang.

23 Dan Tuhan juga telah memaklumkan kepada para nabi, melalui mulut-Nya sendiri, bahawa Kristus akan datang.

24 Dan lihatlah, terdapat pelbagai cara yang dengannya telah Dia nyatakan sesuatu kepada

anak-anak manusia, yang adalah baik; dan segala hal yang baik datang daripada Kristus; jika tidak manusia terjatuh, dan tidak ada apa-apa yang baik dapat datang kepada mereka.

25 Oleh itu, melalui pelayanan para malaikat, dan melalui setiap firman yang keluar daripada mulut Tuhan, manusia mulai menjalinkan iman kepada Kristus; dan demikianlah melalui iman, mereka telah berpegang pada setiap hal yang baik; dan demikianlah begitu jadinya sehingga kedatangan Kristus.

26 Dan setelah Dia datang manusia juga diselamatkan melalui iman pada nama-Nya; dan melalui iman, mereka menjadi anak-anak lelaki Tuhan. Dan pastinya seperti Kristus hidup Dia memfirmankan firman ini kepada nenek moyang kita, memfirmankan: Apapun yang akan kamu minta kepada Bapa dalam nama-Ku, yang adalah baik, dalam iman mempercayai bahawa kamu akan menerima, lihatlah, ia akan dikabulkan kepadamu.

27 Oleh itu, saudara-saudaraku yang dikasihi, adakah mukjizat telah berhenti kerana Kristus telah naik ke syurga, dan telah duduk di sebelah tangan kanan Tuhan, untuk menuntut daripada Bapa hak-hak belas kasihan-Nya yang Dia miliki ke atas anak-anak manusia?

28 Kerana Dia telah memenuhi tujuan hukum tersebut, dan Dia menuntut mereka semua yang memiliki iman kepada-Nya; dan

mereka yang beriman kepada-Nya akan mendekatkan diri pada setiap hal yang baik; oleh itu Dia membela anak-anak manusia; dan Dia tinggal selama-lamanya di dalam syurga.

29 Dan kerana Dia telah melakukan ini, saudara-saudaraku yang dikasihi, adakah mukjizat-mukjizat telah berhenti? Lihatlah aku berkata kepadamu, Tidak; para malaikat juga tidak berhenti melayani anak-anak manusia.

30 Kerana lihatlah, mereka tunduk kepada-Nya, untuk melayani menurut perintah-Nya, memperlihatkan diri mereka kepada mereka yang beriman kuat dan berfikiran teguh dalam setiap bentuk kesolehan.

31 Dan jabatan pelayanan mereka adalah untuk memanggil manusia pada pertaubatan, dan untuk menggenapi dan melakukan pekerjaan perjanjian Bapa, yang telah Dia buat kepada anak-anak manusia, untuk menyediakan jalan di kalangan anak-anak manusia, dengan memaklumkan firman Kristus kepada bejana-bejana Tuhan yang terpilih, agar mereka boleh memberikan kesaksian tentang Dia.

32 Dan dengan melakukan sedemikian, Tuhan Raja menyediakan jalan agar manusia yang selebihnya boleh mempunyai iman kepada Kristus, agar Roh Kudus boleh memiliki tempat di dalam hati mereka, menurut kuasa daripada-Nya; dan dengan cara inilah Bapa mengabdikan, perjanjian

yang telah Dia buat kepada anak-anak manusia.

33 Dan Kristus telah berfirman: Jika kamu akan mempunyai iman kepada-Ku kamu akan memiliki kuasa untuk melakukan apa pun yang adalah sesuai bagi-Ku.

34 Dan Dia telah berfirman: Bertaubatlah kamu segenap hujung bumi, dan datanglah kepada-Ku, dan dibaptiskanlah dalam nama-Ku, dan berimanlah kepada-Ku, agar kamu boleh diselamatkan.

35 Dan sekarang, saudara-saudaraku yang dikasihi, jika inilah keadaannya bahawa hal-hal yang telah aku katakan kepadamu ini adalah benar, dan Tuhan akan memperlihatkan kepadamu, dengan kuasa dan kemuliaan yang besar pada hari terakhir, bahawa semua itu adalah benar, dan jika semua itu adalah benar adakah hari kemukjizatan telah berhenti?

36 Atau adakah para malaikat telah berhenti menampakkan diri kepada anak-anak manusia? Atau adakah Dia telah menahan kuasa Roh Kudus daripada mereka? Atau adakah Dia akan melakukan begitu, selama masa masih berjalan, atau bumi masih wujud, atau hanya akan ada seorang manusia di atas permukaan bumi untuk diselamatkan?

37 Lihatlah aku berkata kepadamu, Tidak; kerana melalui imanlah mukjizat dilakukan; dan melalui imanlah para malaikat memperlihatkan diri dan melayani manusia; oleh itu, jika hal-hal ini berhenti celakalah anak-anak

manusia, kerana itu disebabkan ketidakpercayaan, dan semuanya adalah sia-sia.

38 Kerana tidak seorang pun dapat diselamatkan, menurut firman Kristus, kecuali mereka akan beriman pada nama-Nya; oleh itu, jika hal-hal ini telah berhenti, maka iman juga telah berhenti; dan dashyatlah keadaan manusia, kerana mereka seolah-olah penebusan tidak pernah dilakukan.

39 Tetapi lihatlah, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku menilai hal-hal yang lebih baik tentang kamu, kerana aku menilai bahawa kamu beriman kepada Kristus kerana kelembutan hatimu; kerana jika kamu tidak beriman kepada-Nya maka kamu tidak layak untuk dihitung di kalangan umat gereja-Nya.

40 Dan lagi, saudara-saudaraku yang dikasihi, aku akan berbicara kepadamu tentang harapan. Bagaimanakah mungkin bahawa kamu dapat memperoleh iman, kecuali kamu berharapan?

41 Dan apakah yang harus kamu harapkan? Lihatlah aku berkata kepadamu bahawa kamu akan berharapan melalui korban tebusan Kristus dan kuasa kebangkitan-Nya, untuk dibangkitkan kepada kehidupan yang abadi, dan ini disebabkan imanmu kepada-Nya menurut perjanjian tersebut.

42 Oleh itu, jika seseorang beriman dia mestilah perlu berharapan; kerana tanpa iman tidak akan ada apa-apa harapan pun.

43 Dan lagi, lihatlah aku berkata

kepadamu bahawa dia tidak dapat beriman dan berharapan, kecuali dia akan melembutkan hati, dan rendah hati.

44 Jika demikian, iman dan harapannya adalah sia-sia, kerana tidak seorang pun dapat diterima di hadapan Tuhan, kecuali yang lembut hati dan rendah hati; dan jika seseorang manusia melembutkan hati dan rendah hati, dan mengakui melalui kuasa Roh Kudus bahawa Yesus adalah Kristus, dia mestilah perlu mempunyai kasih ihsan; kerana jika dia tidak memiliki kasih ihsan dia tidak bermakna langsung; oleh itu dia mestilah perlu mempunyai kasih ihsan.

45 Dan kasih ihsan itu kesabaran yang panjang, dan adalah baik hati, dan tidak dengki, dan tidak bongkak, tidak mementingkan dirinya sendiri, tidak mudah marah, tidak berfikiran jahat, dan tidak bergembira di dalam kederhakaan tetapi bergembira di dalam kebenaran, menanggung semua hal, mempercayai semua hal, mengharapakan semua hal, bertahan dalam segala hal.

46 Oleh itu, saudara-saudaraku yang dikasihi, jika kamu tidak memiliki kasih ihsan, kamu tidak bermakna langsung, kerana kasih ihsan tidak pernah gagal. Oleh itu, dekatkanlah diri pada kasih ihsan, iaitu yang terbaik daripada segalanya, kerana semua hal mestilah gagal—

47 Tetapi kasih ihsan adalah kasih suci Kristus, dan ia bertahan

untuk selamanya; dan sesiapa yang didapati memilikinya pada hari terakhir, maka akan baiklah kesudahannya.

48 Oleh itu, saudara-saudaraku yang dikasihi, berdoalah kepada Bapa dengan sekuat tenaga hati, agar kamu boleh dipenuhi dengan kasih ini, yang telah Dia berikan kepada semua yang merupakan pengikut sejati Putera-Nya, Yesus Kristus; agar kamu boleh menjadi anak-anak lelaki Tuhan; agar apabila Dia akan memperlihatkan diri-Nya kita akan kelihatan seperti Dia, kerana kita akan melihat-Nya sebagaimana Dia adanya; agar kita boleh memiliki harapan ini; agar kita boleh disucikan bahkan seperti Dia yang adalah suci. Amin.

BAB 8

Pembaptisan anak-anak kecil adalah suatu kekejian yang jahat—Anak-anak kecil hidup di dalam Kristus kerana Korban Tebusan—Iman, pertaubatan, kelembutan hati dan kerendahan hati, menerima Roh Kudus, dan bertahan sampai akhir menuntun pada keselamatan. Kira-kira 401–421 tahun M.

SEPUCUK surat daripada ayahku Mormon, yang dituliskan kepadaku, Moroni; dan ianya ditulis kepadaku tidak lama selepas pemanggilanku pada pelayanan ini. Dan dengan cara ini dia telah menuliskan kepadaku, mengatakan:

2 Anakku yang dikasihi, Moroni, Aku amat bergembira bahawa Tuhanmu Yesus Kristus sentiasa

mengingatimu sepenuhnya, dan telah memanggilmu pada pelayanan-Nya, dan pada pekerjaan kudus-Nya.

3 Aku selalu mengingatimu sepenuhnya di dalam doa-doaku, berterusan berdoa kepada Tuhan Bapa dalam nama Putera Kudus-Nya, Yesus, agar Dia, melalui kebaikan dan rahmat-Nya yang tak terbatas, akan melindungimu dengan iman yang berterusan pada nama-Nya sehingga akhir.

84 Dan sekarang, anakku, aku berbicara kepadamu tentang hal yang amat menyedihkanku; kerana menyedihkan bagiku bahawa perselisihan harus timbul di antara kamu.

5 Kerana, jika apa yang aku ketahui adalah benar, terdapat perselisihan di antara kamu tentang pembaptisan anak-anak kecilmu.

6 Dan sekarang, anakku, aku berhasrat agar kamu harus bekerja dengan tekun, agar kesilapan yang menjijikkan ini akan disingkirkan daripada kalangan kamu; kerana, untuk tujuan inilah aku telah menuliskan surat ini.

7 Kerana dengan segera setelah aku mendapat tahu tentang hal-hal ini daripadamu, aku bertanya kepada Tuhan tentang hal ini. Dan firman Tuhan datang kepadaku melalui kuasa Roh Kudus, memfirmankan:

8 Dengarkanlah firman Kristus, Penebusmu, Tuhanmu dan Rajamu. Lihatlah, Aku datang ke dunia bukan untuk memanggil yang soleh tetapi para pendosa

pada pertaubatan; orang yang sihat tidak memerlukan tabib, tetapi mereka yang sakit; oleh itu, anak-anak kecil adalah suci, kerana mereka tidak mampu berbuat dosa; oleh itu kutukan Adam diambil daripada mereka di dalam Aku, sehingga ia tidak berkuasa ke atas diri mereka; dan hukum sunat telah diakhiri di dalam Aku.

9 Dan dengan cara inilah Roh Kudus telah menyatakan firman Tuhan kepadaku; oleh itu, anakku yang dikasihi, aku tahu bahawa ini adalah suatu penghinaan yang serius di hadapan Tuhan, bahawa kamu harus membaptiskan anak-anak kecil.

10 Lihatlah aku berkata kepadamu bahawa inilah hal yang akan kamu ajarkan—pertaubatan dan pembaptisan bagi mereka yang bertanggungjawab dan mampu berbuat dosa; ya, ajarlah para ibu bapa bahawa mereka mesti bertaubat dan dibaptiskan, dan merendahkan hati mereka seperti anak-anak kecil mereka, dan mereka semua akan diselamatkan bersama anak-anak kecil mereka.

11 Dan anak-anak kecil mereka tidak memerlukan pertaubatan, dan juga pembaptisan. Lihatlah, pembaptisan adalah untuk pertaubatan untuk menggenapi perintah-perintah untuk pengampunan dosa.

12 Tetapi anak-anak kecil hidup di dalam Kristus, bahkan sejak dari pengasasan dunia lagi; jika tidak demikian, Tuhan adalah Tuhan yang berat sebelah, dan juga Tuhan

yang berubah-ubah, dan seorang yang pilih kasih; kerana begitu banyak anak-anak kecil telah meninggal tanpa pembaptisan!

13 Oleh itu, jika anak-anak kecil tidak dapat diselamatkan tanpa pembaptisan, mereka sudah semestinya pergi ke neraka yang tanpa akhir.

14 Lihatlah aku berkata kepadamu, bahawa dia yang menganggap bahawa anak-anak kecil memerlukan pembaptisan berada di dalam hempedu kepahitan dan di dalam belunggu kederhakaan; kerana dia tidak memiliki iman, harapan, dan juga kasih ihsan; oleh itu, seandainya dia disingkirkan pada saat dia memikirkan hal itu, dia mesti turun ke dalam neraka.

15 Kerana dahsyatlah kejahatan untuk menganggap bahawa Tuhan menyelamatkan seorang anak kecil kerana pembaptisan, dan yang lain-lain mesti binasa kerana dia tidak mempunyai pembaptisan.

16 Celakalah mereka yang akan menyimpangkan jalan-jalan Tuhan dengan cara ini, kerana mereka akan binasa kecuali mereka bertaubat. Lihatlah, aku berbicara dengan keberanian, memiliki wewenang daripada Tuhan; dan aku tidak takut terhadap apa yang dapat dilakukan oleh manusia; kerana kasih yang sempurna menyingkirkan segala ketakutan.

17 Dan aku dipenuhi dengan kasih ihsan, yang merupakan kasih abadi; oleh itu, semua anak-anak kecil adalah sama bagiku; oleh itu, aku mengasihi anak-anak kecil

dengan kasih yang sempurna; dan mereka semua serupa dan pengambil bahagian keselamatan.

18 Kerana aku tahu bahawa Tuhan bukanlah Tuhan yang berat sebelah, bukan juga seorang yang berubah-ubah; tetapi Dia tidak berubah dari segala keabadian ke segala keabadian.

19 Anak-anak kecil tidak dapat bertaubat; oleh itu, adalah suatu kejahatan yang dahsyat untuk menyangkal belas kasihan yang suci daripada Tuhan kepada mereka, kerana mereka semua hidup di dalam Dia disebabkan belas kasihan-Nya.

20 Dan dia yang berkata bahawa anak-anak kecil memerlukan pembaptisan menyangkal belas kasihan Kristus, dan merendahkan korban tebusan-Nya dan kuasa penebusan-Nya.

21 Celakalah kepada yang sedemikian, kerana mereka berada di dalam bahaya kematian, neraka, dan seksaan tanpa akhir. Aku mengatakannya dengan berani; Tuhan telah memerintahkanku. Dengarkanlah ia dan tumpukanlah perhatian, atau ianya akan berdiri menentangmu di kerusi penghakiman Kristus.

22 Kerana lihatlah bahawa semua anak-anak kecil hidup di dalam Kristus, dan juga mereka semua yang tidak mempunyai hukum. Kerana kuasa penebusan datang kepada mereka semua yang tidak mempunyai hukum; oleh itu, dia yang tidak dihukum, atau dia yang tidak berada di bawah

penghukuman, tidak dapat bertaubat; dan kepada mereka yang sedemikian pembaptisan tidak berguna untuk apa pun—

23 Tetapi ianya merupakan penghinaan di hadapan Tuhan, menyangkal belas kasihan Kristus, dan kuasa Roh Kudus-Nya, dan meletakkan kepercayaan dalam pekerjaan-pekerjaan yang mati.

24 Lihatlah, anakku, hal ini tidak seharusnya terjadi; kerana pertaubatan adalah bagi mereka yang berada di bawah penghukuman dan di bawah kutukan akibat hukum yang telah dilanggar.

25 Dan buah pertama dari pertaubatan adalah pembaptisan; dan pembaptisan datang melalui iman untuk menggenapi perintah-perintah tersebut; dan penggenapan perintah-perintah itu memdatangkan pengampunan dosa;

26 Dan pengampunan dosa membawakan kelembutan hati, dan kerendahan hati; dan kerana kelembutan hati dan kerendahan hati datangnya kunjungan Roh Kudus, iaitu Penolong yang dipenuhi dengan harapan dan kasih yang sempurna, yang kasih itu bertahan melalui ketekunan di dalam doa, sehingga akhir itu akan tiba, apabila semua orang suci akan tinggal bersama Tuhan.

27 Lihatlah, anakku, aku akan menulis kepadamu lagi jika aku tidak segera pergi untuk melawan bangsa Laman. Lihatlah, keangkuhan bangsa ini, atau bangsa Nefi, telah membuktikan

kehancuran mereka kecuali mereka akan bertaubat.

28 Berdoalah bagi mereka, anakku, agar pertaubatan dapat datang kepada mereka. Tetapi lihatlah, aku takut bahawa Roh telah berhenti berjuang bersama mereka; dan di bahagian negeri ini mereka juga berusaha untuk menumpaskan segala kuasa dan wewenang yang datang daripada Tuhan; dan mereka menyangkal Roh Kudus.

29 Dan setelah menolak pengetahuan yang sebegitu besar, anakku, mereka mesti binasa tidak lama lagi, untuk menggenapi nubuat-nubuat yang telah diucapkan oleh para nabi, dan juga firman Juruselamat kita sendiri.

30 Selamat tinggal, anakku, sehingga aku akan menulis kepadamu, atau akan menemuimu lagi. Amin.

Surat kedua Mormon kepada anak lelakinya Moroni.

Meliputi bab 9.

BAB 9

Kedua-dua bangsa Nefi dan bangsa Laman runtuh dan rosak akhlak—Mereka menyiksa dan membunuh antara satu sama lain—Mormon berdoa agar kerahmatan dan kebaikan dapat tinggal ke atas diri Moroni selamanya. Kira-kira 401–421 tahun M.

ANAKKU yang dikasihi, aku menu-

lis kepadamu lagi agar kamu boleh mengetahui bahawa aku masih hidup; tetapi aku menulis sedikit tentang hal yang menyedihkan.

2 Kerana lihatlah, aku telah mengalami sebuah pertempuran yang parah dengan bangsa Laman, yang di dalamnya kami tidak menang; dan Arkeantus telah dibunuh oleh pedang, dan juga Luram dan Emron; ya, dan kami telah kehilangan sejumlah besar lelaki pilihan kami.

3 Dan sekarang, lihatlah, anakku, aku takut kalau-kalau bangsa Laman akan menghancurkan bangsa ini; kerana mereka tidak bertaubat, dan Setan menghasut mereka secara berterusan untuk marah di antara satu sama lain.

4 Lihatlah, aku bekerja bersama mereka secara berterusan; dan apabila aku mengucapkan firman Tuhan dengan ketajaman mereka gementar dan marah kepadaku; dan apabila aku tidak menggunakan ketajaman, mereka mengeraskan hati mereka terhadapnya; oleh itu, aku takut kalau-kalau Roh Tuhan telah berhenti berjuang bersama mereka.

5 Kerana begitu besar kemarahan mereka sehingga kelihatannya bagiku bahawa mereka tidak takut akan kematian; dan mereka telah kehilangan kasih mereka, antara satu sama lain; dan mereka haus akan darah dan pembalasan dendam secara berterusan.

6 Dan sekarang, anakku yang dikasihi, walau bagaimanapun kekerasan mereka, marilah kita

bekerja dengan tekun; kerana jika kita berhenti bekerja, kita akan dibawa ke bawah penghukuman; kerana kita memiliki pekerjaan untuk dilaksanakan selagi berada di dalam tubuh yang fana ini, agar kita boleh mengalahkan musuh segala kebenaran itu, dan merehatkan jiwa-jiwa kita di dalam kerajaan Tuhan.

7 Dan sekarang aku menulis sedikit sebanyak tentang penderitaan bangsa ini. Kerana menurut pengetahuan yang telah aku terima dari Amoron, lihatlah, bangsa Laman mempunyai ramai tahanan, yang mereka ambil dari Menara Seriza; dan terdapat lelaki, wanita, dan kanak-kanak.

8 Dan para suami dan ayah kepada wanita dan kanak-kanak tersebut telah mereka bunuh; dan mereka memberi makan kepada para wanita tersebut dengan daging suami mereka sendiri, dan kepada kanak-kanak tersebut daging ayah mereka sendiri; dan tidak ada air, kecuali sedikit, yang mereka berikan kepada mereka.

9 Dan walau bagaimanapun besarnya kekejian bangsa Laman ini, tidaklah melampau seperti rakyat kita di Moriantum. Kerana lihatlah, banyak anak-anak perempuan bangsa Laman yang telah mereka tangkap sebagai tahanan; dan setelah merampas perkara yang paling suci dan berharga melebihi segalanya daripada mereka, iaitu kemurnian diri dan hemah—

10 Dan setelah mereka melakukan hal ini, mereka telah

membunuh mereka dengan cara yang paling kejam, menyeksa tubuh mereka bahkan sehingga mati; dan setelah mereka melakukan ini, mereka memakan daging mereka seperti binatang buas, kerana kekerasan hati mereka; dan mereka melakukannya sebagai lambang keberanian.

11 Wahai, anakku yang dikasihi, bagaimana sebuah bangsa menjadi seperti ini, yang tidak bertamadun—

12 (Dan hanya beberapa tahun telah berlalu, dan mereka dahulunya adalah sebuah bangsa yang bertamadun dan menyenangkan).

13 Tetapi Wahai anakku, bagaimana sebuah bangsa menjadi seperti ini, yang bersukacita di dalam begitu banyak kekejian—

14 Bagaimanakah kita dapat mengharapkan bahawa Tuhan akan menahan tangan-Nya dalam penghakiman terhadap kita?

15 Lihatlah, hatiku berseru: Celakalah bangsa ini. Keluarlah dalam penghakiman, Ya Tuhan, dan sembunyikanlah dosa-dosa, dan kejahatan, dan kekejian mereka dari hadapan muka-Mu!

16 Dan lagi, anakku, terdapat ramai janda dan anak perempuan mereka yang tetap tinggal di Seriza; dan sebahagian daripada bekalan makanan yang tidak dibawa pergi oleh bangsa Laman, lihatlah, bala tentera Zenefi telah membawanya pergi, dan meninggalkan mereka untuk pergi ke mana-mana pun untuk mendapatkan makanan; dan ramai wanita

tua yang jatuh pingsan di dalam perjalanan dan mati.

17 Dan bala tentera yang berada bersamaku adalah lemah; dan bala tentera bangsa Laman berada di antara Seriza dan aku; dan seberapa banyak yang telah melarikan diri kepada bala tentera Harun telah menjadi korban kekejaman mereka yang dahsyat.

18 Ah, keruntuhan akhlak bangsaku! Mereka tanpa tujuan dan tanpa belas kasihan. Lihatlah, aku hanyalah seorang manusia, dan aku hanya mempunyai kekuatan seorang manusia, dan aku tidak dapat lagi menguatkuasakan arahan-arahanku.

19 Dan mereka telah menjadi kuat di dalam penyimpangan mereka; dan mereka sama kejam, tidak membiarkan seorang pun hidup, baik yang tua mahupun yang muda; dan mereka bersukacita dalam semua hal kecuali perkara yang baik; dan penderitaan para wanita kami dan anak-anak kami di atas seluruh permukaan negeri ini melebihi segalanya; ya, lidah tidak dapat mengatakannya, tidak juga ianya dapat dituliskan.

20 Dan sekarang, anakku, aku tidak lagi banyak memperkatakan pemandangan yang mengerikan ini. Lihatlah, engkau mengetahui kejahatan bangsa ini; engkau tahu bahawa mereka adalah tanpa prinsip hidup, dan tidak berperasaan; dan kejahatan mereka melebihi daripada bangsa Laman.

21 Lihatlah, anakku, aku tidak dapat mencadangkan mereka

kepada Tuhan kalau-kalau Dia akan menghentamku.

22 Tetapi lihatlah, anakku, aku mencadangkan engkau kepada Tuhan, dan aku percaya kepada Kristus bahawa engkau akan diselamatkan; dan aku berdoa kepada Tuhan agar Dia akan membiarkan engkau hidup, untuk menyaksikan kepulangan umat-Nya kepada-Nya, atau kehancuran mereka sepenuhnya; kerana aku tahu bahawa mereka mesti binasa kecuali mereka bertaubat dan kembali kepada-Nya.

23 Dan jika mereka binasa ia akan menjadi seperti bangsa Yared, kerana kerelaan hati mereka, mencari darah dan pembalasan dendam.

24 Dan jika demikian halnya bahawa mereka binasa, kita tahu bahawa ramai daripada saudara kita telah membelot kepada bangsa Laman, dan lebih ramai juga yang akan membelot kepada mereka; oleh itu, tuliskanlah beberapa perkara, jika engkau dibiarkan hidup dan aku akan binasa dan tidak melihat engkau; tetapi aku percaya bahawa aku dapat menemui engkau tidak lama lagi, kerana aku memiliki catatan-catatan kudus yang akan aku serahkan kepadamu.

25 Anakku, setialah kepada Kristus; dan semoga apa yang telah aku tuliskan tidak menyedihkan engkau, membebani engkau sehingga kematian; tetapi semoga Kristus mengangkat engkau, dan semoga penderitaan dan kematian-Nya, dan penunjukan tubuh-Nya

kepada nenek moyang kita, dan belas kasihan dan panjang sabar-Nya, dan harapan akan kemuliaan-Nya dan kehidupan abadi, berada di dalam fikiranmu selamanya.

26 Dan semoga rahmat Tuhan Bapa, yang takhta-Nya berada tinggi di langit, dan Tuhan kita Yesus Kristus, yang duduk di sebelah tangan kanan kekuasaan-Nya, sehingga semua hal akan tunduk kepada-Nya, berada, dan tinggal bersamamu selamanya. Amin.

BAB 10

Sebuah kesaksian tentang Kitab Mormon datang melalui kuasa Roh Kudus—Kurnia-kurnia Roh diberikan kepada yang setia—Kurnia-kurnia rohani selalu menyertai iman—Kata-kata Moroni berbicara dari debu—Datanglah kepada Kristus, disempurnakanlah di dalam Dia, dan kuduskanlah jiwamu. Kira-kira 421 tahun M.

SEKARANG, aku, Moroni, menulis sedikit sebanyak yang bagiku adalah baik; dan aku menulis kepada saudara-saudaraku, bangsa Laman; dan aku menghendaki agar mereka harus mengetahui bahawa lebih dari empat ratus dua puluh tahun telah berlalu sejak tanda tersebut telah diberikan tentang kedatangan Kristus.

2 Dan aku memeteraikan catatan ini, setelah aku mengucapkan beberapa perkataan dengan cara dorongan kepadamu.

3 Lihatlah, aku hendak mendo-

rongmu agar apabila kamu akan membaca hal-hal ini, jika adalah kebijaksanaan menurut Tuhan bahawa kamu akan membacanya, bahawa kamu akan mengingati betapa Tuhan telah penuh berbelas kasihan kepada anak-anak manusia, sejak dari penciptaan Adam bahkan sehingga tiba masanya kamu akan menerima hal-hal ini, dan merenungkannya di dalam hatimu.

4 Dan apabila kamu akan menerima hal-hal ini, aku hendak mendorongmu agar kamu akan bertanya kepada Tuhan, Bapa Yang Abadi, dalam nama Kristus, jikalau hal-hal ini tidak benar; dan jika kamu akan bertanya dengan hati yang tulus, dengan niat yang bersungguh-sungguh, beriman kepada Kristus, Dia akan menyatakan kebenarannya kepadamu, melalui kuasa Roh Kudus.

5 Dan melalui kuasa Roh Kudus kamu dapat mengetahui kebenaran tentang semua hal.

6 Dan apa pun yang baik adalah adil dan benar; oleh itu, tidak ada apa pun yang baik menyangkal Kristus, tetapi mengakui bahawa Dia ada.

7 Dan kamu boleh mengetahui bahawa Dia ada, melalui kuasa Roh Kudus; oleh itu aku hendak mendorongmu agar kamu tidak menyangkal kuasa Tuhan; kerana Dia bekerja melalui kuasa, menurut iman anak-anak manusia, yang sama pada hari ini dan esok, dan selamanya.

8 Dan sekali lagi, aku mendo-

rongmu, saudara-saudaraku, agar kamu tidak menyangkal kurnia-kurnia Tuhan, kerana terdapat banyak; dan ianya datang daripada Tuhan yang sama. Dan terdapat cara-cara yang berbeza bagaimana kurnia-kurnia ini diberikan; tetapi Tuhan yang samalah yang mengerjakan segalanya dalam semuanya; dan ianya diberikan melalui pernyataan Roh Tuhan kepada manusia, untuk menguntungkan mereka.

9 Kerana lihatlah, kepada yang satu diberikan melalui Roh Tuhan, agar dia boleh mengajarkan kata kebijaksanaan;

10 Dan kepada yang lain, agar dia boleh mengajarkan kata pengetahuan melalui Roh yang sama;

11 Dan kepada yang lain, iman yang sangat besar; dan kepada yang lain, kurnia-kurnia penyembuhan melalui Roh yang sama;

12 Dan lagi, kepada yang lain, agar dia boleh mengerjakan mukjizat-mukjizat yang hebat;

13 Dan lagi, kepada yang lain, agar dia boleh bernubuat tentang semua hal;

14 Dan lagi, kepada yang lain, penglihatan para malaikat dan roh-roh yang melayani;

15 Dan lagi, kepada yang lain, semua jenis bahasa;

16 Dan lagi, kepada yang lain, penterjemahan bahasa-bahasa dan pelbagai jenis bahasa.

17 Dan semua kurnia-kurnia ini datang melalui Roh Kristus; dan semua itu datang kepada setiap

orang secara perseorangan, menurut kehendak-Nya.

18 Dan aku hendak mendo-rongmu, saudara-saudaraku yang dikasihi, agar kamu mengingati bahawa setiap kurniaan yang baik datang daripada Kristus.

19 Dan aku hendak mendo-rongmu, saudara-saudaraku yang dikasihi, agar kamu mengingati bahawa Dia ialah yang sama kelmarin, hari ini, dan selamanya, dan bahawa semua kurniaan ini yang telah aku katakan, yang adalah rohani, tidak akan pernah diakhiri, bahkan selama dunia masih wujud, kecuali disebabkan ketidakpercayaan anak-anak manusia.

20 Oleh itu, mestilah ada iman; dan jika mestilah ada iman mesti ada harapan juga; dan jika harapan mesti ada kasih ihsan juga mesti ada.

21 Dan kecuali kamu memiliki kasih ihsan kamu tidak akan sekali-kali dapat diselamatkan di dalam kerajaan Tuhan; tidak juga kamu dapat diselamatkan di dalam kerajaan Tuhan jika kamu tidak mempunyai iman; dan juga jika kamu tidak mempunyai harapan.

22 Dan jika kamu tidak berharapan kamu mestilah berada di dalam keputusan; dan keputusan datang kerana kederhakaan.

23 Dan Kristus benar-benar berfirman kepada nenek moyang kita: Jika kamu beriman kamu dapat melakukan segala hal yang adalah sesuai bagi-Ku.

24 Dan sekarang, aku berkata

kepada segenap hujung bumi—bahawa jika hari tersebut datang apabila kuasa dan kurnia-kurnia Tuhan akan diakhiri di kalangan kamu, ia akan terjadi disebabkan ketidakpercayaan.

25 Dan celakalah kepada anak-anak manusia jika beginilah keadaannya; kerana tidak akan ada seorang pun yang akan melakukan kebaikan di antara kamu, tidak seorang pun. Kerana jika terdapat seorang di antara kamu yang melakukan kebaikan, dia akan bekerja melalui kuasa dan kurnia-kurnia Tuhan.

26 Dan celakalah mereka yang akan melakukan hal-hal ini dan mati, kerana mereka mati di dalam dosa-dosa mereka, dan mereka tidak dapat diselamatkan di dalam kerajaan Tuhan; dan aku mengucapkannya menurut firman Kristus; dan aku tidak berdusta.

27 Dan aku mendorongmu untuk mengingati hal-hal ini; kerana waktunya segera tiba bahawa kamu akan mengetahui bahawa aku tidak berdusta, kerana kamu akan melihatku di meja penghakiman Tuhan; dan Tuhan Raja akan berfirman kepadamu: Tidakkah Aku memaklumkan firman-Ku kepadamu, yang ditulis oleh lelaki ini, seperti seseorang yang berseru dari yang mati, ya, bahkan seperti seseorang yang berbicara dari debu?

28 Aku memaklumkan hal-hal ini untuk menggenapi nubuat-nubuat tersebut. Dan lihatlah, ianya akan keluar dari mulut Tuhan

yang abadi; dan firman-Nya akan mendesis dari generasi ke generasi.

29 Dan Tuhan akan memperlihatkan kepadamu, bahawa apa yang telah aku tuliskan adalah benar.

30 Dan lagi aku hendak mendorongmu agar kamu akan datang kepada Kristus, dan berpegang pada setiap kurnia yang baik, dan janganlah menyentuh kurnia yang jahat, ataupun perkara yang tidak bersih.

31 Dan bangunlah, dan bangkitlah dari debu, Wahai Yerusalem; ya, dan pakailah pakaianmu yang cantik, Wahai anak perempuan Sion; dan kuatkanlah pasak-pasakmu dan luaskanlah sempadan-sempadanmu selamanya, agar engkau tidak lagi dapat dicelarukan, agar perjanjian Bapa Yang Abadi yang telah Dia buat kepadamu, Wahai bani Israel, dapat digenapi.

32 Ya, datanglah kepada Kristus, dan disempurnakanlah di dalam Dia, dan jauhilah dirimu daripada segala kejahatan; dan jika kamu akan menjauhi dirimu daripada segala kejahatan, dan mengasihi Tuhan dengan segala daya, fikiran dan kekuatanmu, maka rahmat-Nya adalah mencukupi bagimu, agar dengan rahmat-Nya kamu boleh menjadi sempurna di dalam Kristus; dan jika dengan rahmat Tuhan kamu adalah sempurna di dalam Kristus, kamu tidak sekali-kali dapat menyangkal kuasa Tuhan.

33 Dan lagi, jika kamu dengan rahmat Tuhan adalah sempurna

di dalam Kristus, dan tidak menyangkal kuasa-Nya, maka kamu dikuduskan di dalam Kristus dengan rahmat Tuhan, melalui penumpahan darah Kristus, yang ada di dalam perjanjian Bapa untuk pengampunan akan dosadosamu, sehingga kamu menjadi kudus, tanpa noda.

34 Dan sekarang, aku mengucapkan kepada semuanya, selamat

tinggal. Aku tidak lama lagi pergi untuk beristirahat di dalam firdaus Tuhan, sehingga roh dan tubuhku akan bersatu kembali, dan aku dibawa dalam kemenangan melalui udara, untuk menemuimu di hadapan meja penghakiman Yehova yang agung yang menyenangkan, Hakim yang Abadi ke atas yang hidup mahupun juga yang mati. Amin.

TAMAT

PANDUAN RUJUKAN KITAB MORMON

Kitab Mormon, terutamanya, memberikan kesaksian terhadap keilahian Yesus Kristus dan mengandungi ajaran-ajaran injil Yesus Kristus. Topik dan rujukan berikutnya menyediakan pemahaman yang mendalam terhadap orang, tempat, ajaran, dan peristiwa-peristiwa dari Kitab Mormon.

YESUS KRISTUS

Kemunculan dan Pelayanan kepada Para Penduduk Amerika:

3 Nefi 11–27. *Dia mengisytiharkan keilahian-Nya:* 9:1, 12–15; *mengajar Nefi tentang pembaptisan:* 11:18–30; *mengajar ajaran Kristus:* 11:31–41; *memberi wewenang kepada dua belas pengikut:* 12:1–2; *mengajar khutbah Ucapan Bahagia:* 12:3–12; *memberikan sebuah contoh doa:* 13:9–13; *memberi amaran terhadap nabi-nabi palsu:* 14:15–20; *mengajar tentang domba lain:* 15:11–24; *menyembuhkan yang sakit:* 17:5–10; *berdoa untuk bangsa itu:* 17:13–20; *memberkati anak-anak:* 17:10–12, 21–25; *memperkenalkan sakramen:* 18:1–14; *memberi kuasa kepada dua belas orang untuk menganugerahkan Roh Kudus:* 18:26–39; *berdoa kepada Bapa:* 19:16–34; *menguruskan sakramen:* 20:1–9; *mengajar tentang perkataan Yesaya:* 22:1–23:3; *mengajar tentang kepentingan tulisan suci:* 23:1–6, 14; *mengarahkan dua belas rasul tentang nama Gereja:* 27:1–12; *mengajar tentang misi dan korban tebusan-Nya:* 27:13–22.

Ajaran Kristus: 2 Nefi 31:10–32:6; 3 Nefi 11:31–41.

Domba Tuhan: 1 Nefi 13:40; Alma 7:14; Mormon 9:6.

Firman Tuhan: 1 Nefi 11:25; 15:23–25; 17:45–46; 2 Nefi 27:14; 31:20; Mosia 26:3; Alma 17:2; 31:5; 32:28–43.

Gereja: Mosia 25:18–22; 27:13; 3 Nefi 27:1–12; Moroni 6:4–9.

Juruselamat: 1 Nefi 10:4; 13:40; 2 Nefi 25:20; Mosia 3:17–20; 5:7–15; Helaman 14:15–17.

Kebangkitan: 2 Nefi 2:8; 9:6–13, 22; Mosia 15:21–26; Alma 11:41–45; 40:1–6, 11–24; 3 Nefi 23:9–11.

Kedatangan Kedua Kristus: 3 Nefi 24:1–2.

Kelahiran dan Kematian: Helaman 14:2–6, 20–27; 3 Nefi 1:15–21; 8:5–23.

Kesaksian akan Kristus: 2 Nefi 25:26; 26:12; Yakub 7:11, 19; Alma 6:8; Eter 12:41; Moroni 7:31.

K e s e m p u r n a a n : L i h a t AJARAN-AJARAN—Kesempurnaan.

Korban Tebusan: 1 Nefi 11:32–33; 2 Nefi 2:3–10, 25–27; 9:5–27; Yakub 4:11–12; Mosia 3:11–18; 4:6–8; 13:27–35; Alma 34:8–16; 42:11–30; 3 Nefi 11:14.

Mesias: 1 Nefi 10:4, 17; 2 Nefi 2:6, 26; 25:14.

Nubuat-nubuat tentang Kristus: 1 Nefi 10:4–11; 11:1–3, 12–33; 19:8–17; 2 Nefi 10:3; 25:19; Mosia 3:5–12; 13:33–35; Alma 7:9–13; Helaman 8:22; 14:1–8, 14–27; Eter 3:13–20.

Penciptaan: Mosia 3:8; Alma 30:43–44; 3 Nefi 9:15; Eter 3:15.

Penebus: 2 Nefi 2:6–7, 26; Mosia 15:6–27; Alma 9:26–27; 11:40–41; 42:13–26; Helaman 5:9–12; 14:12–17; 3 Nefi 9:17; Eter 3:13–14.

Pengantara: 2 Nefi 2:9, 27–28.

Penghakiman: 2 Nefi 2:10; Alma 5:15; 12:12–15; 33:22; 3 Nefi 27:14–16; Mormon 3:20; 7:6; Eter 12:38.

Penyaliban: 1 Nefi 11:32–33; 19:9–14; 2 Nefi 6:9; Mosia 15:1–7; 3 Nefi 27:14–15.

Tuhan: 1 Nefi 3:7; 17:13–15; Alma 29:11; Helaman 13:6.

Yehovah: Mosia 3:4–11; 15:1; 3 Nefi 15:1–5; Eter 3:13–15; Moroni 10:27–34.

Yesus Kristus: 1 Nefi 11:14–33; 22:24; 2 Nefi 9:5; 11:2–8; Mosia 3:5–13; 5:6–12;

Alma 5:50; 7:7–13; 46:15; Helaman 3:28; 14; 3 Nefi 1:12–21; 9; 11–26; 27:3–21, 27; Mormon 1:15; Eter 3:14–17; Moroni 7:48.

ORANG

Abinadi: Mosia 11–17.

Abraham: Yakub 4:5; Alma 13:15; Helaman 8:16–19.

Adam: 2 Nefi 2:14–29; Alma 12:21–26.

Alma, Anak lelaki Alma: Mosia 27:8–27; Alma 4:11–20; 36:6–27.

Alma yang Tua: Mosia 17–18; 25–26.

Amon, Anak lelaki Mosia: Mosia 27:8–28:8; Alma 17–20; 26–27.

Amulek: Alma 8:21–27; 10:1–32; 11:20–46; 14:9–29; 34.

Bangsa Nefi: 2 Nefi 5:5–17; Alma 50:23; Helaman 6:34–35; 3 Nefi 11–28; 4 Nefi 1:2–3, 15–16; Mormon 3:9–11; Moroni 1:2.

Bangsa Laman: 2 Nefi 5:14; Yakub 1:13–14; Mosia 10:11–17; Helaman 6:34–37.

Bangsa Yared: Eter 1:33–43; 2–3; 6:1–18; 14–15.

Benyamin: Mosia 2–6.

Enos: Enos 1.

Eter: Eter 12:1–5; 13:2–14.

Gideon: Mosia 19:4–8; 20:17–22; 22:3–9; Alma 1:8–10.

Hagot: Alma 63:5–8.

Hawa: 2 Nefi 2:15–20.

Helaman, Anak lelaki Alma: Alma 45:22–23; 53:19, 22; 57:19–27.

Helaman, Anak-anak (Wira-wira Muda): Alma 53:16–22; 56:10, 47, 52–56; 57:26.

Ismael: 1 Nefi 7:2–5; 16:7, 34.

Laban: 1 Nefi 3:1–27; 4:1–26.

Laman: 1 Nefi 2:5, 11–12; 3:9–31; 7:6; 8:34–38.

Lamoni: Alma 17–19.

Lehi, Bapa Nefi: 1 Nefi 2:1–4; 5:14; 8:2–38; 16–18; 2 Nefi 1–3; 4:1–12.

Lemuel: 1 Nefi 2:10; 3:28; Yakub 1:13–14.

Maria, Ibu Yesus: 1 Nefi 11:13–20; Mosia 3:8; Alma 7:10.

Mormon: Mormon 1:1–6; 2:1–2, 17–18; 3:8–12; 5:1–2; 6:5–6; 8:2–3.

Moroni, Panglima Utama: Alma 43:16–17, 47–50; 46:12–13; 48:11–18.

Moroni, Anak lelaki Mormon: Kata-kata Mormon 1:1; Mormon 8:1–3, 14; Eter 1:1–2; Moroni 1:1–4; 10:1–2.

Mosia, Anak lelaki Benyamin: Mosia 6:4–7; 28:17; 29.

Mosia, Anak-anak lelaki: Mosia 27:8–20, 34; 28:1–7; Alma 17–26.

Nefi, Anak lelaki Helaman: Helaman 3:37; 5:18–52; 7–9; 10:3–11; 11:3–18.

Nefi, Anak lelaki Lehi: 1 Nefi 1:1–4; 3–4; 7; 10:17–22; 15:21–36; 16:18–32; 17–18; 2 Nefi 33.

Nefi, Anak lelaki Nefi, Anak lelaki Helaman: 3 Nefi 1:2–3; 7:15–19; 19:4.

Orang Anti-Nefi-Lehi: Alma 23–24; 27:20–27; 53:16–19; 56–58.

Sam: 1 Nefi 2:5, 17; 2 Nefi 5:5–6; Alma 3:6.

Samuel si Bangsa Laman: Helaman 13–16.

Yakub, Anak lelaki Lehi: 2 Nefi 6–11; Yakub 1–7.

Yared: Eter 1:33–2:1; 2:13.

Yared, Saudara lelaki: Eter 1:34–43; 2–3; 4:4; 12:20–21, 24, 30.

Yesus Kristus: Lihat bahagian YESUS KRISTUS.

Zenok: 1 Nefi 19:10; Alma 33:15, 17; Helaman 8:20.

Zenos: 1 Nefi 19:10, 12, 16; Yakub 5; Alma 33:3–11; 34:7; Helaman 8:19; 3 Nefi 10:15–16.

 AJARAN-AJARAN

Ajaran: Lihat YESUS KRISTUS—Ajaran Kristus.

Alkitab: 1 Nefi 13:38–41; 2 Nefi 3:12; 29:3–14; Mormon 7:8–10.

Anak-anak: 2 Nefi 2:22–23; Mosia 4:14–15; 3 Nefi 17:21–24; Moroni 8:8–24.

Anak-anak Tuhan: Mosia 5:7; 27:25; 3 Nefi 9:17; Eter 3:14; Moroni 7:19.

Anti-Kristus: Yakub 7; Alma 1; 30.

Bapa: *Syurgawi:* Mosia 2:34; 3 Nefi 13:14, 26–33; Eter 12:8. *Fana:* 1 Nefi 1:1; Enos 1:1; Mosia 27:14; Alma 36–42; Helaman 5:5–12.

Belas Kasihan: Alma 32:22; 42:13–25; Moroni 8:19–20.

Berdusta: 2 Nefi 2:18; 9:34; 28:8–9; Alma 5:17; 12:3; Eter 3:12.

Berkat-berkat: 1 Nefi 15:18; 17:35; 2 Nefi 1:28; 4:9; Mosia 2:24; Helaman 12:1; 3 Nefi 12:1–12; 24:10.

Berpuasa: Mosia 27:22–23; Alma 5:46; 6:6; 17:3, 9; 45:1.

Bersaksi: 2 Nefi 33:1; Yakub 7:10–11; Alma 5:45–48.

Bertahan: 1 Nefi 22:31; 2 Nefi 31:16, 20; 3 Nefi 27:6.

Doa: 2 Nefi 32:8–9; Enos 1:4; Alma 5:45–46; 17:3; 26:22; 34:17–28; 37:37; 3 Nefi 18:16, 19–21; 19:31–34; 20:1; Moroni 7:6–9; 10:4.

Dosa: 2 Nefi 4:31; 9:38; Alma 13:12; 41:9–10; 45:16; Moroni 8:8.

Firdaus: Alma 40:11–12; 4 Nefi 1:14.

Gereja: 1 Nefi 14:8–17; Alma 6:1–6; Mormon 8:32–33; Moroni 6:5.

Godaan: 1 Nefi 15:24; 2 Nefi 2:11–16; Alma 13:28; 37:33; 3 Nefi 18:15, 18.

Hak Pilihan: 2 Nefi 2:15–16, 27; Helaman 14:30–31.

Harapan: 2 Nefi 31:20; Alma 7:24; 13:27–29; Eter 12:4; Moroni 7:1, 40–43.

Hari Sabat: Yarom 1:5; Mosia 13:16–19; 18:23–25.

Hati Nurani: Mosia 4:3; Alma 29:5; Moroni 7:16.

Hawa Nafsu: Alma 39:3–4, 9; 3 Nefi 12:28.

iblis: 2 Nefi 2:17–18, 27; 28:19–23; Omni 1:25; Alma 30:60; 34:39; Helaman 5:12; 3 Nefi 18:15, 18.

Ibu: Alma 56:47; 57:21.

Ibu bapa: 1 Nefi 1:1; 5:11; 8:37; Mosia 4:14–15; Moroni 8:10.

Ihsan: 2 Nefi 26:30; Alma 7:24; Eter 12:33–34; Moroni 7.

Imamat: Alma 6:1; 13:1–12; 17:3; 3 Nefi 11:21–22; Moroni 2:2.

Iman: 1 Nefi 3:7; 7:12; 2 Nefi 9:23; 26:13; Enos 1:3–8; Mosia 3:12; 5:7; Alma 14:26; 22:16; 32; 57:25–27; Helaman 8:15; 3 Nefi 17:8; Eter 12:6–31; Moroni 7:1, 20–48; 10:4.

Ingat: 1 Nefi 14:8; 17:45; Mosia 1:2–7; Helaman 12:3; 3 Nefi 18:7, 11; Mormon 5:21; Moroni 4:3; 5:2; 10:27.

Injil: 3 Nefi 27:13–22.

Israel: Pengumpulan: 1 Nefi 15:12–17; 22:3–12; 2 Nefi 10:3–9; Yakub 5–6; 3 Nefi 16:4; 17:4.

Pencerai-beraian: 1 Nefi 22:3–9; 2 Nefi 10:3–9; Yakub 5–6; 3 Nefi 21:26–29.

Sepuluh Suku Israel yang Hilang: 1 Nefi 22:3–4; 2 Nefi 29:12–14; 3 Nefi 17:4; 21:26–29.

Kasih: 1 Nefi 19:9; 2 Nefi 31:20; Mosia 4:15; Alma 5:26; 13:28; 38:12; Moroni 7:47–48; 8:16.

Keadilan: 1 Nefi 15:30; 2 Nefi 9:26; Alma 34:16; 42:13–25; 54:6.

Keampunan: 1 Nefi 7:21; Mosia 4:2; 26:29–31; Alma 39:6; 3 Nefi 13:11.

Kebahagiaan: 1 Nefi 8:12; 2 Nefi 2:22–25; 9:18; Alma 22:15; 36:20.

Kebangkitan Manusia: Alma 40.

Kebaqaan: 2 Nefi 9:13; Alma 11:45.

- Kebenaran:** 1 Nefi 16:2; 2 Nefi 9:40; Yakub 4:13; Moroni 10:5.
- Kebijaksanaan:** 2 Nefi 9:28; 27:26; Mosia 2:17; Alma 37:35.
- Kedamaian:** Mosia 4:3; Alma 38:8; 40:12.
- Kefanaan:** 2 Nefi 2:21, 25; Alma 12:24; 34:32; 42:10.
- Kehidupan Abadi:** 2 Nefi 2:27; 9:39; 31:17–20; 33:4; 3 Nefi 15:9.
- Kehidupan Prafana:** Alma 13:3; Eter 3:16.
- Kejahatan:** 2 Nefi 32:8; Omni 1:25; Mosia 2:32; Alma 19:33; Moroni 7:8–17.
- Kejatuhan Adam dan Hawa (Kejatuhan Manusia):** 1 Nefi 10:6; 2 Nefi 2; Alma 22:12–14; 34:9; 42:2–15.
- Kekayaan:** 2 Nefi 9:30, 50–51; 26:31; Yakub 2:18–19; Alma 1:30–31; 4:6–8; 3 Nefi 6:12.
- Kelahiran Semula:** Mosia 5:2–15; 27:23–30.
- Kelemahan:** 1 Nefi 19:6; Yakub 4:6–7; Eter 12:27–28, 37.
- Kelembutan Hati:** Mosia 3:19; 3 Nefi 12:5; Moroni 7:44; 8:26.
- Keluarga:** 1 Nefi 8:37; 2 Nefi 2:20; 25:26; Yakub 3:7; Mosia 4:14–15; 3 Nefi 18:21.
- Kemarahan:** 2 Nefi 4:28–29; 28:19–20, 28; 33:4–5; 3 Nefi 11:30; Moroni 9:3–4.
- Kematian:** Jasmani: 2 Nefi 2:22; 9:6, 11; Alma 12:24; 40:11. Rohani: 2 Nefi 2:27; 9:4–9; Yakub 3:11; Alma 13:30; 42:9; Helaman 14:16–19.
- Kemurnian:** 2 Nefi 9:36; Yakub 2:28; Alma 39:1–13; 3 Nefi 12:27–28; Moroni 9:9.
- Kemurtadan:** Gereja Kristian pada Awalnya: 1 Nefi 13:26; 2 Nefi 26:20. Peribadi: 1 Nefi 8:23, 28; 12:17; Alma 4:6–12; Helaman 3:33–34; 4:11–13; 5:2–3; 12:2; 13:38; 3 Nefi 2:1–3; Mormon 8:28–41.
- Kepatuhan:** 1 Nefi 3:7; 17:3; Mosia 2:37; Alma 3:26–27; 3 Nefi 14:21.
- Kepercayaan:** 2 Nefi 6:14; Mosia 4:10; Alma 11:40; Helaman 14:13; 3 Nefi 11:35.
- Kerendahan Hati:** 2 Nefi 9:42; Mosia 4:11; Alma 5:27–28; Helaman 3:33–35; 3 Nefi 12:2; Eter 12:27.
- Kesalahan:** 1 Nefi 16:2; 2 Nefi 9:14; Enos 1:6; Alma 42:18, 29.
- Kesakitan:** 2 Nefi 9:21; Yakub 3:11; Mosia 2:36–38; 3:5–8; 25:11; 27:28–29; Alma 7:10–11; 36:16–21.
- Kesaksian:** Mosia 18:9; Alma 4:19–20; 5:45–48; 30:41–44.
- Kesatuan Ketuhanan:** 2 Nefi 31:21; Mosia 15:1–4; 3 Nefi 11:3–7, 27, 36.
- Keselamatan:** 2 Nefi 2:3–6; Mosia 15:24–28; Moroni 8:8–24.
- Kesempurnaan:** Alma 42:15; 3 Nefi 12:48; Moroni 10:32.
- Kesolehan:** 1 Nefi 17:35; 2 Nefi 2:13; 9:18, 40; Alma 5:58; Helaman 13:38.
- Kesombongan:** 1 Nefi 11:36; Yakub 2:13, 16; Alma 5:28; Helaman 3:33–36; Moroni 8:27.
- Kesusahan:** 2 Nefi 2:11.
- Kesyukuran:** Mosia 2:19–21; Alma 34:38; 37:37.
- Ketekunan:** Yakub 1:19; Alma 17:2; 3 Nefi 6:14; Moroni 9:6.
- Ketidakpercayaan:** 1 Nefi 4:13; Mosia 26:1–5; 3 Nefi 19:35.
- Wewenang:** Helaman 5:18; 11:18; 3 Nefi 7:17; 12:1–2.
- Kitab Mormon:** 2 Nefi 3:12–21; Mormon 7:9; Eter 5:1–4; Moroni 10:4.
- Kurnia Roh Kudus:** 2 Nefi 31:17; Moroni 2.
- Kurniaan Roh:** 3 Nefi 29:6; Mormon 9:7; Moroni 10:8–18.
- Malaikat-malaikat:** Mosia 27:11–16; Alma 36:22; 3 Nefi 17:24; Moroni 7:25–32.
- Manusia:** 2 Nefi 2:25; Mosia 7:27; 3 Nefi 12:48; 27:27; Moroni 7:48.
- Manusia Alamiah:** Mosia 3:19; 16:5; Alma 26:19–22; 41:11; 42:7–24.
- Miskin:** 2 Nefi 9:30; Mosia 4:26; Alma 1:27; 34:28; 4 Nefi 1:3.

Mukah: Lihat Perzinaan.

Mukjizat-mukjizat: 2 Nefi 27:23; Alma 23:6; Mormon 9:10–20; Eter 12:12–21.

Nabi-nabi: 1 Nefi 3:17–18; 22:1–2; Yakub 7:11; Mosia 8:16; 3 Nefi 1:13.

Neraka: 1 Nefi 15:35; 2 Nefi 9:10–12; 28:21; Yakub 3:11; Mormon 9:4.

Nubuat: Yakub 4:6, 13; Mosia 5:3; Alma 12:7; 3 Nefi 29:6; Mormon 8:23.

Pekerjaan Mubaligh: Yakub 1:19; Alma 17–26; 29:8; Mormon 9:22.

Pelayanan: 2 Nefi 2:3; Mosia 2:17; Eter 2:8–12.

Pemakluman Soleh: 2 Nefi 2:5; Mosia 14:11.

Pembaptisan: 2 Nefi 9:23–24; Mosia 18:8–16; 21:33–35; Alma 7:14; 3 Nefi 11:19–40; 12:1–2; Moroni 8:4–25.

Pembaktian: 4 Nefi 1:3.

Pemulihan Injil: 1 Nefi 15:13–18; 2 Nefi 3:6–15; 27:6–26; 3 Nefi 16:7.

Penebusan: Lihat Rancangan Penebusan.

Pengetahuan: 2 Nefi 9:14; Alma 18:35; 32:34; Helaman 15:13; Moroni 7:15–17.

Penghakiman: 1 Nefi 12:9; 2 Nefi 9:15, 46; 28:23; Alma 41:3, 14; 3 Nefi 27:16, 23–26; Mormon 3:18–20.

Pengorbanan: 2 Nefi 2:6–7; Alma 34:8–14; 3 Nefi 9:19–20.

Pengudusan: Alma 13:10–12; Helaman 3:33–35; 3 Nefi 27:20.

Penukaran Hati: Mosia 5:2, 12–14; 27:33–35; Alma 22:15–18; Helaman 15:7; 3 Nefi 7:21.

Penyakit: Mosia 3:5; Alma 7:10–12; 3 Nefi 26:15.

Penyokongan Para Pemimpin Gereja: 3 Nefi 10:12–13; 12:1.

Perintah-perintah: 1 Nefi 2:10; 3:7; Yaron 1:9; Alma 37:35.

Perjanjian: 1 Nefi 15:18; 2 Nefi 31:13, 16; Mosia 5:5; 18:8–16; 3 Nefi 20:25–26; Moroni 7:31; 10:32–33.

Perkahwinan: 1 Nefi 7:1; 16:7; 4 Nefi 1:11.

Perletakkan Tangan: Alma 6:1; 3 Nefi 18:36–37; Moroni 2:2.

Persepuluhan: Alma 13:15; 3 Nefi 24:8–11.

Pertanggungjawaban: Alma 12:14; 41:3–7; Helaman 14:29–31; Moroni 8:10.

Pertaubatan: Mosia 5:2; 26:29; Alma 14:1; 34:33–36; 36; 42:16, 29; 3 Nefi 9:20–22; 27:20; Moroni 6:8.

Pertikaian: 2 Nefi 26:32; Mosia 4:14; 3 Nefi 11:29.

Perzinaan dan Mukah: Yakub 3:12; Alma 39:3–5; Helaman 8:26.

Pokok Kehidupan: 1 Nefi 8; 11:8–9, 21–22, 25; 15:36; Alma 5:34, 62; 32:40.

Rahmat: 2 Nefi 2:8; 10:24; 25:23; Yakub 4:7; Eter 12:26–27.

Rasa Kasihan: Mosia 15:9; 3 Nefi 17:6.

Rasul: 1 Nefi 1:10; 11:34; Mormon 3:18.

Rancangan Kebahagiaaan: Lihat Rancangan Penebusan.

Rancangan Penebusan: 2 Nefi 2; 9; Alma 12:25–34; 22:12–14; 34:8–16; 42:5–26, 31.

Roh Kudus: 1 Nefi 10:17–19; 2 Nefi 32:5; 3 Nefi 27:20; 28:11; Moroni 10:5.

Rumah: 3 Nefi 17:2–3; Mormon 2:23.

Sakramen: 3 Nefi 18:1–11, 28–29; Moroni 4–5.

Saksi-saksi Tuhan: Mosia 18:8–9; 3 Nefi 18:10–11; Moroni 4–5.

Sedekah, Pemberian Sedekah: Mosia 4:26; 18:27; 3 Nefi 13:1–4.

Sembah: 2 Nefi 25:29; Yakub 4:5; Alma 34:38; 3 Nefi 11:17.

Tahbis: Mosia 18:18; 3 Nefi 12:1; Moroni 3:1–4.

Tanda: Mosia 3:15; Alma 30:48–60; Helaman 14; 3 Nefi 1:13–16; Mormon 9:24; Eter 4:18.

Tanya: 1 Nefi 15:11; 2 Nefi 32:4; Mosia 4:10, 21; Moroni 10:4.

Tatacara-tatacara Injil: Mosia 13:30; Alma 30:3.

Tulisan-tulisan Suci: 1 Nefi 19:23; 2 Nefi 25:21–23; 29:10–14; 32:3; Yakub 7:23; Mosia 1:2–7; Alma 17:2; 37:1–19; Helaman 15:7–8; Mormon 7:8–9.

Wahyu: 2 Nefi 28:30; 30:17; 32:5; Yakub 4:8; Alma 5:46; 26:22; Mormon 9:7–8; Eter 12:6; Moroni 10:4–5.

Wanita: Yakub 2:28; Alma 32:23; 56:47–48.

Wang: Lihat Kekayaan.

Zaman Seribu Tahun: 1 Nefi 22:26; 2 Nefi 12:4; 30:18.

KEJADIAN DAN TEMPAT

Alat-alat Tafsir: Mosia 8:13–18.

Amoniha: Alma 8–14; 16:1–3, 9, 11; 49:1–4.

Kapal Nefi: 1 Nefi 17–18.

Kedamaian Berikutan Pelayanan Kristus: 4 Nefi 1:1–20.

Kehancuran Bangsa Nefi: Mormon 1–6.

Kepingan-kepingan Bangsa Yared: Mosia 8:9–12; 21:25–28; Eter 1:1–4; 15:33.

Kepingan-kepingan Loyang: 1 Nefi 3–4; 5:10–16; 19:21–24; Omni 1:14; Mosia 1:1–14; Alma 37:1–7; 3 Nefi 1:2.

Kepingan-kepingan Nefi: 1 Nefi 9; 19:1–6.

Kumora: Mormon 6:2, 6–11; 8:2; Eter 15:11.

Laluan Sempit: Alma 22:32; 63:5; Mormon 63:5; Mormon 2:29; 3:5; Eter 10:20.

Liahona, atau Kompas: 1 Nefi 16:10, 28–29; Alma 37:38, 43–45.

Misi Anak-anak lelaki Mosia: Alma 17–27.

Negeri Kelimpahan: Alma 22:29–33; 52:9; 63:5; 3 Nefi 11:1.

Negeri Kemusnahan: Alma 22:30–32; Mormon 3:5; Eter 7:6.

Negeri Nefi: 2 Nefi 5:6–9; Omni 1:12–13; Kata-kata Mormon 1:13; Mosia 28:1; Alma 22:32.

Negeri Perjanjian: 1 Nefi 2:20; 2 Nefi 1:5–9; Eter 2:9–12.

Negeri Sebelah Utara: Alma 22:30–33; 46:22; 50:11, 29–34; 63:4–10; Helaman 3:3, 8–11; Mormon 2:20, 29.

Negeri Yerson: Alma 27:22–23; 28:1; 30:19–21; 35:1–2, 13; 43:4.

Pelayanan Kristus di Amerika: Lihat YESUS KRISTUS—Kemunculan dan Pelayanan kepada Para Penduduk di Amerika.

Pengalaman-pengalaman Penukaran Hati: Mosia 17–18 (Alma yang Tua); Mosia 27, Alma 36 (Alma, Anak lelaki Alma); Mosia 27–28 (Anak-anak lelaki Mosia); Alma 8:18–32 (Amulek); Alma 17 (raja Lamoni); Alma 19:16–17 (Abis); Alma 22 (Bapa raja Lamoni); Alma 23–24 (Bangsa Amon).

Pengawasan Mormon dan Moroni terhadap Kepingan-kepingan itu: Kata-kata Mormon; Mormon 1:1–5; 2:17–18; 8:1–17.

Penglihatan Pokok Kehidupan: 1 Nefi 8; 11; 15.

Penglihatan Saudara Lelaki Yared: Eter 3.

Perairan Mormon: Mosia 18:7–8; 25:18; Alma 5:3.

Perjalanan Lehi ke Negeri Perjanjian: 1 Nefi 2–18.

Sungai Sidon: Alma 3:3; 22:29.

Tentera Helaman: Alma 53:10–23; 56–57.

Yerusalem: 1 Nefi 1:4, 13, 18; 3 Nefi 20:46; Eter 13:5.

Zarahemla: Omni 1:12–13; Mosia 1:18; Alma 5:2; Helaman 13:12; 3 Nefi 8:8, 24.

ISBN: 978-1-59297-678-2



4 02356 07348 4

MALAY

35607 348